JUZU' KE-4

SURAH AALI-'IMRAN

JUZU' YANG KEEMPAT



Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kata Penghantar)

Juzu' ini tersusun dari baki Surah Aali-'Imran dan awalan-awalan Surah an-Nisa' hingga kepada firman-Nya " وَٱلۡمُحۡصَنَٰتُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ ".

Baki Surah Aali-'Imran ini tersusun dari empat bahagian asasi yang menyempurnakan garis perjalanan surah yang telah kami huraikannya pada permulaan surah di dalam juzu' yang ketiga yang tidak payah lagi diulangkan di sini. Silalah rujukkan di sana.

Bahagian yang pertama menggambarkan sebahagian dari perlawanan perdebatan di antara Ahlil-Kitab dan kelompok Muslimin di Madinah dalam masa - yang telah kami tarjihkan bahawa surah ini memperkatakan peristiwa-peristiwanya yang berlaku di dalam kelompok Muslimin mulai selepas Peperangan Badar di dalam bulan Ramadhan tahun yang kedua Hijrah hingga selepas Peperangan Uhud di dalam bulan Syawal tahun yang ketiga. Perdebatan inilah yang telah memenuhi segala ayat-ayat yang telah silam dari surah ini, dan menjadi gelanggang untuk menjelaskan hakikat kefahaman keimanan, hakikat "agama", hakikat "Islam" dan hakikat sistem Ilahi yang dibawa oleh Islam dan oleh para rasul sebelum ini. Dan seterusnya menjadi gelanggang untuk mendedahkan hakikat Ahlil-Kitab yang berdebat dengan Nabi s.a.w. dan pengikut-pengikutnya, juga mendedahkan sejauh mana penyelewengan mereka dari agama Allah dan rancangan-rancangan jahat mereka terhadap kaum Muslimin di Madinah serta motif-motif mereka yang tersembunyi di sebalik rancangan-rancangan jahat itu. Kemudian menyampaikan amaran kepada kaum Muslimin terhadap semuanya ini setelah disorot, dibongkar dan ditunjukkan bahayanya kepada mereka andainya mereka terlalai dan terpengaruh kepada musuh-musuh mereka.

Bahagian yang kedua juga mengambil ruang yang besar dari surah ini. Ia merupakan satu perlawanan kepada satu perlawanan yang lain bukan perlawanan dengan lidah dan tipu helah sahaja, malah dengan mata pedang dan lembing juga, iaitu peralihan kepada "Peperangan Uhud" dan peristiwa-peristiwa serta ulasan-ulasan mengenainya, mengikut uslub Al-Qur'an yang unik. Ayat-ayat ini diturun selepas peperangan ini dan ayat-ayat ini menjadi gelanggang untuk menjelaskan berbagai-bagai aspek kefahaman keimanan di samping menjadi gelanggang untuk mendidik kelompok Muslimin berdasarkan peperangan itu dan berdasarkan kesilapan-kesilapan yang berlaku di dalam peperangan itu, iaitu kesilapan kefahaman, tindakan-tindakan yang kelam-kabut dan barisan yang kucar-kacir. (Ayat-ayat ini) juga merupakan peluang untuk membimbing kelompok Muslimin supaya meneruskan perjuangan mereka, memikul tanggungjawab-tanggungjawab mereka mempertingkatkan diri ke tahap kesetiaan menunaikan amanah yang agung yang telah diserahkan Allah kepada mereka dan menunaikan kesyukuran terhadap ni'mat Allah yang telah memilih mereka untuk memperjuangkan amanah yang besar ini.

Bahagian yang ketiga kembali memperkatakan tentang Ahlil-Kitab dan kemungkaran mereka terhadap perjanjian-perjanjian mereka dengan Nabi s.a.w., iaitu perjanjian-perjanjian yang telah diadakan beliau dengan mereka di awal kedatangannya ke Madinah, juga mengecam kesesatan kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman mereka dari dosa-dosa yang telah dilakukan mereka terhadap nabi-nabi mereka. Kemudian memberi amaran kepada kaum Muslimin supaya jangan mengikut jejak langkah mereka dan meneguhkan hati mereka supaya bersabar menghadapi ujian jiwa dan harta, menghadapi penindasan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin dan memperkecilkan kedudukan-kedudukan musuh-musuh mereka dalam segala keadaan.

Bahagian yang akhir melukiskan gambaran keadaan orang-orang Mu'min dengan Tuhan mereka. Ia menggambarkan bagaimana keimanan itu meniti di dalam hati mereka ketika mereka menyaksi bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana, dan bagaimana mereka bertawajjuh kepada Tuhan mereka dan Tuhan alam semesta ini dengan mengangkat do'a yang khusyu' dan gementar dan bagaimana Allah memperkenankan do'a mereka dengan keampunan dan pahala yang baik di samping memperkecilkan kedudukan orang-orang kafir dan kesenangan hidup mereka yang sekelumit yang telah dicapai mereka di dunia ini, kemudian mereka akan dimasukkan ke dalam Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman.

Kemudian surah ini diakhiri dengan seruan Allah yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman supaya mereka bersabar dan berjuang dengan gigih, mengawal kubu-kubu dan bertaqwa supaya mereka mendapat kejayaan.

* * * * * *

Inilah empat bahagian yang bertautan di dalam rangkaian ayat-ayat yang berikut. Ia menyempurnakan huraian sebelumnya di dalam surah ini (di dalam juzu' yang ketiga) dan mengikut garis-garis yang pokok yang telah kami perincikannya di sana dan kami akan membicarakannya dengan memberi satu perincian yang khusus apabila mentafsirkannya dalam rangkaian ayat nanti.

Adapun ayat-ayat surah yang kedua dari juzu' ini ialah ayat-ayat awalan dari Surah an-Nisa'. Dan kami

akan membicarakannya nanti - insya'Allah - apabila sampai di tempatnya.

(Kumpulan ayat-ayat 93 - 120)

Kemuncak Perdebatan Dengan Kaum Ahlil-Kitab

كُلُّ ٱلطَّعَامِ كَانَ حِلًّا لِّبَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ إِلَّا مَا
حَرَّمَ إِسْرَٰٓءِيلُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ مِن قَبْلِ أَن تُنَزَّلَ ٱلتَّوْرَىٰةُ
قُلْ فَأْتُوا۟ بِٱلتَّوْرَىٰةِ فَٱتْلُوهَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٩٣﴾
فَمَنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٩٤﴾
قُلْ صَدَقَ ٱللَّهُ فَٱتَّبِعُوا۟ مِلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ
مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٩٥﴾
إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِى بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى
لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٦﴾
فِيهِ ءَايَٰتٌۢ بَيِّنَٰتٌ مَّقَامُ إِبْرَٰهِيمَ وَمَن دَخَلَهُۥ كَانَ
ءَامِنًا وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا
وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٧﴾
قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَٱللَّهُ
شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٨﴾
قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ
مَنْ ءَامَنَ تَبْغُونَهَا عِوَجًا وَأَنتُمْ شُهَدَآءُ وَمَا ٱللَّهُ
بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٩﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن تُطِيعُوا۟ فَرِيقًا مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟
ٱلْكِتَٰبَ يَرُدُّوكُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ كَٰفِرِينَ ﴿١٠٠﴾
وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ
وَفِيكُمْ رَسُولُهُۥ وَمَن يَعْتَصِم بِٱللَّهِ فَقَدْ هُدِىَ
إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾
وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ وَٱذْكُرُوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ
قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ
شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ
ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾
وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾
وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ تَفَرَّقُوا۟ وَٱخْتَلَفُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ
ٱلْبَيِّنَٰتُ وَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾
يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱسْوَدَّتْ
وُجُوهُهُمْ أَكَفَرْتُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ
بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿١٠٦﴾
وَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱبْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ فَفِى رَحْمَةِ ٱللَّهِ
هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١٠٧﴾
تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِٱلْحَقِّ وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ
ظُلْمًا لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٨﴾
وَلِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ
ٱلْأُمُورُ ﴿١٠٩﴾
كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ

بِٱللَّهِۗ وَلَوۡ ءَامَنَ أَهۡلُ ٱلۡكِتَٰبِ لَكَانَ خَيۡرٗا لَّهُمۚ
مِّنۡهُمُ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَأَكۡثَرُهُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ﴿١١٠﴾
لَن يَضُرُّوكُمۡ إِلَّآ أَذٗىۖ وَإِن يُقَٰتِلُوكُمۡ يُوَلُّوكُمُ
ٱلۡأَدۡبَارَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١١١﴾
ضُرِبَتۡ عَلَيۡهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيۡنَ مَا ثُقِفُوٓاْ إِلَّا بِحَبۡلٖ
مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبۡلٖ مِّنَ ٱلنَّاسِ وَبَآءُو بِغَضَبٖ مِّنَ ٱللَّهِ
وَضُرِبَتۡ عَلَيۡهِمُ ٱلۡمَسۡكَنَةُۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ كَانُواْ
يَكۡفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقۡتُلُونَ ٱلۡأَنۢبِيَآءَ
بِغَيۡرِ حَقّٖۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَواْ وَّكَانُواْ يَعۡتَدُونَ ﴿١١٢﴾
لَيۡسُواْ سَوَآءٗۗ مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ أُمَّةٞ قَآئِمَةٞ
يَتۡلُونَ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ ءَانَآءَ ٱلَّيۡلِ وَهُمۡ يَسۡجُدُونَ ﴿١١٣﴾
يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَيَأۡمُرُونَ
بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَيُسَٰرِعُونَ
فِي ٱلۡخَيۡرَٰتِۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١١٤﴾
وَمَا يَفۡعَلُواْ مِنۡ خَيۡرٖ فَلَن يُكۡفَرُوهُۗ وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ
بِٱلۡمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَن تُغۡنِيَ عَنۡهُمۡ أَمۡوَٰلُهُمۡ وَلَآ
أَوۡلَٰدُهُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيۡـٔٗاۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ
فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١١٦﴾
مَثَلُ مَا يُنفِقُونَ فِي هَٰذِهِ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا كَمَثَلِ
رِيحٖ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتۡ حَرۡثَ قَوۡمٖ ظَلَمُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ
فَأَهۡلَكَتۡهُۚ وَمَا ظَلَمَهُمُ ٱللَّهُ وَلَٰكِنۡ أَنفُسَهُمۡ
يَظۡلِمُونَ ﴿١١٧﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ بِطَانَةٗ مِّن دُونِكُمۡ
لَا يَأۡلُونَكُمۡ خَبَالٗا وَدُّواْ مَا عَنِتُّمۡ قَدۡ بَدَتِ
ٱلۡبَغۡضَآءُ مِنۡ أَفۡوَٰهِهِمۡ وَمَا تُخۡفِي صُدُورُهُمۡ
أَكۡبَرُۚ قَدۡ بَيَّنَّا لَكُمُ ٱلۡأٓيَٰتِۖ إِن كُنتُمۡ تَعۡقِلُونَ ﴿١١٨﴾
هَٰٓأَنتُمۡ أُوْلَآءِ تُحِبُّونَهُمۡ وَلَا يُحِبُّونَكُمۡ وَتُؤۡمِنُونَ
بِٱلۡكِتَٰبِ كُلِّهِۦ وَإِذَا لَقُوكُمۡ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوۡاْ
عَضُّواْ عَلَيۡكُمُ ٱلۡأَنَامِلَ مِنَ ٱلۡغَيۡظِۚ قُلۡ مُوتُواْ
بِغَيۡظِكُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿١١٩﴾
إِن تَمۡسَسۡكُمۡ حَسَنَةٞ تَسُؤۡهُمۡ وَإِن تُصِبۡكُمۡ سَيِّئَةٞ
يَفۡرَحُواْ بِهَاۖ وَإِن تَصۡبِرُواْ وَتَتَّقُواْ لَا يَضُرُّكُمۡ كَيۡدُهُمۡ
شَيۡـًٔاۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعۡمَلُونَ مُحِيطٞ ﴿١٢٠﴾

"Semua makanan itu adalah halal bagi Bani Israel kecuali makanan yang telah diharamkan oleh Israel (Ya'kub) ke atas dirinya sendiri sebelum diturunkan kitab Taurat. Katakanlah: Bawalah kitab Taurat dan bacakannya jika kamu benar (93). Oleh itu sesiapa yang mengada-ngadakan dusta terhadap Allah selepas itu, maka merekalah orang-orang yang zalim (94). Katakanlah: Benarlah keterangan Allah. Oleh itu ikutilah agama Ibrahim yang berlandaskan Tauhid dan dia tidak sekali-kali termasuk dalam golongan kaum Musyrikin (95). Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangunkan untuk (tempat ibadat) manusia ialah Baitullah yang terletak di Makkah yang diberkati dan menjadi hidayat kepada sekalian manusia (96). Padanya terdapat tanda-tanda yang penting di antaranya ialah maqam Ibrahim. Sesiapa yang memasukinya (Baitullah) akan mendapat keamanan. Dan berkunjung ke Baitullah itu merupakan kewajipan manusia kepada Allah iaitu bagi orang yang berkuasa melakukan perjalanan kepadanya. Dan sesiapa yang ingkar, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam (97). Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah menyaksikan segala apa yang dilakukan kamu (98). Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu menghalangkan mereka yang beriman dari jalan Allah kerana kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok sedangkan kamu sekalian saksi-saksi yang mengetahui? Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu (99). Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikuti sekumpulan mereka yang dikurniakan kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang yang kafir selepas kamu beriman (100). Dan bagaimanakah kamu sanggup menjadi kafir, sedangkan kamu dibacakan ayat-ayat Allah kepada kamu dan Rasul-Nya berada di tengah-tengah kamu? Siapa yang berpegang teguh kepada Allah, maka bererti dia telah diberi hidayat

kepada jalan yang lurus (101). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwanya dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Muslim (102). Dan berpeganglah seluruh kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah, dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu ketika kamu dahulunya (hidup) bermusuh-musuhan kemudian Allah telah menjinakkan hati di antara kamu lalu jadilah kamu (hidup) bersaudara dengan ni'mat-Nya itu, dan kamu dahulunya telah berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kamu darinya. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat (103). Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan orang yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan merekalah orang-orang yang beruntung (104). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang telah berpecah-belah dan berselisih faham sesudah datang keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka. Dan merekalah orang-orang yang mendapat 'azab yang amat besar (105). (Ingatlah) hari di mana banyak wajah menjadi putih berseri-seri dan banyak pula wajah yang menjadi hitam muram. Adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi hitam muram (ditanyakan kepada mereka): Mengapakah kamu menjadi kafir setelah kamu beriman? Kerana itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan kufur yang telah dilakukan kamu itu (106). Dan adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi putih berseri-seri, maka mereka sekalian berada di dalam rahmat Allah (Syurga) dan mereka kekal abadi di dalamnya (107). Itulah ayat-ayat Allah, Kami bacakannya kepadamu dengan benar dan Allah tiada sekali-kali hendak menganiayakan para hamba-Nya (108). Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Dan kepada Allah dikembalikan segala urusan (109). Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia. Kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah. Dan andainya kaum Ahlil-Kitab itu beriman tentulah lebih baik kepada mereka. Di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah penyeleweng-penyeleweng (110). Mereka tidak sekali-kali akan dapat memudaratkan kamu selain dari gangguan kecil sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu, mereka akan berpusing lari kemudian mereka tidak diberi pertolongan (111). Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka di mana sahaja mereka berada kecuali (jika mereka berpegang) dengan tali (agama) Allah dan dengan tali (perjanjian) manusia. Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah dan kepapaan telah diterapkan ke atas mereka. Balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar. Balasan itu dengan sebab mereka telah menderhaka dan mereka telah melampaui batas (112). Mereka tidak sama. Di antara Ahlil-Kitab ada golongan yang ta'at dan lurus. Mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam dan mereka sujud (bersembahyang) (113). Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dan mereka menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan mereka bersegera mengerjakan kebaikan-kebaikan dan mereka adalah dari golongan orang-orang yang soleh (114). Dan apa sahaja kebaikan yang dilakukan mereka, maka mereka tidak akan dihapuskan pahalanya dan Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa (115). Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berguna kepada mereka harta mereka dan tidak pula anak-anak mereka sedikitpun untuk menolak 'azab Allah dan mereka adalah penghuni-penghuni Neraka, di mana mereka kekal di dalamnya (116). Bandingan harta yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini adalah laksana angin yang amat dingin yang telah menimpa tanaman satu kaum yang telah menganiayai diri mereka dan memusnahkannya. Allah tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayakan diri mereka sendiri (117). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang kepercayaan kamu di luar dari kalangan kamu sendiri, kerana mereka sentiasa berusaha untuk merosakkan kamu. Mereka suka kepada sesuatu yang menyusahkan kamu. Tanda-tanda kebencian telah pun jelas dari mulut mereka dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka adalah lebih besar lagi. Sesungguhnya kami telah menjelaskan ayat-ayat (Kami) kepada kamu, jika kamu mengerti (118). Ya, kamulah yang kasihkan mereka, sedangkan mereka tidak kasihkan kamu. Kamu beriman kepada semua kitab Allah dan apabila mereka bertemu dengan kamu mereka berkata: Kami telah beriman, dan apabila mereka berkumpul sesama sendiri mereka menggigit jari kerana terlalu marah terhadap kamu. Katakanlah: Matilah kamu dengan kemarahan kamu itu! Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala isi dada (119). Jika kamu memperoleh kebaikan, mereka bersedih hati! Dan jika kamu ditimpa bencana mereka gembira. Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa nescaya kamu tidak sedikit pun dapat dimudaratkan oleh tipudaya mereka. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(120)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di dalam pelajaran ini perlawanan tiba ke kemuncaknya, iaitu perlawanan perdebatan dan perbahasan dengan Ahlil-Kitab. Walaupun ayat-ayat ini tidak termasuk dalam lingkungan perdebatan dengan rombongan Najran sebagaimana diceritakan oleh riwayat-riwayat, tetapi ia sejalan dengannya dan menyempurnakannya. Kerana maudhu'nya sama walaupun ayat-ayat di dalam pelajaran ini menumpukan pembicaraannya kepada kaum Yahudi khususnya, di mana ia menghadapi tipudaya dan komplot mereka terhadap kelompok Muslimin di Madinah, kemudian ayat-ayat ini berakhir kepada satu keputusan yang tegas dan perpisahan yang sempurna (dari Ahlil-Kitab), di mana selepas satu pusingan yang pendek - ayat-ayat itu ditujukan pula kepada kelompok Muslimin dan berbicara dengan mereka sahaja, iaitu ia menerangkan hakikat kelompok Muslimin, cara hidup mereka dan tugas-tugas mereka sama seperti penjelasan ayat-ayat di dalam Surah al-Baqarah setelah selesai membicarakan tentang Bani Israel dan mengenai gejala ini kedua-dua surah ini kelihatan serupa.

Pelajaran ini dimulakan dengan penjelasan bahawa semua makanan itu adalah halal kepada Bani Israel - kecuali makanan yang diharamkan oleh Israel (Ya'kub) ke atas dirinya sendiri sebelum diturunkan Taurat - dan ternyata bahawa penjelasan ini merupakan jawapan kepada bangkangan Bani Israel terhadap Al-Qur'an yang telah menghalalkan setengah-setengah makanan haram di sisi kaum Yahudi, sedangkan makanan-makanan haram ini hanya diharamkan kepada mereka sebagai balasan terhadap setengah-setengah perbuatan derhaka mereka.

Kemudian pelajaran ini juga menjawab bantahan mereka terhadap peralihan kiblat - satu maudhu' yang telah mengambil ruang yang luas di dalam Surah al-Baqarah sebelum ini - dan menerangkan kepada

mereka bahawa Ka'bah itu adalah rumah ibadat yang dibina oleh Ibrahim. Itulah awal-awal rumah ibadat yang dibangunkan untuk manusia di bumi ini. Oleh itu perbuatan membantah (berkiblat kepadanya) adalah satu perbuatan yang tercela dari mereka yang mendakwa menjadi pewaris-pewaris agama Ibrahim.

Kenyataan ini diiringi pula dengan kecaman terhadap Ahlil-Kitab yang telah mengingkarkan ayat-ayat Allah dan menghalangkan orang ramai dari agama Allah, terhadap keengganan mereka dari bersikap jujur dan lurus, terhadap kecenderungan mereka kepada jalan yang bengkok dan keinginan mereka untuk memaksakan jalan yang bengkok itu ke atas kehidupan manusia sedangkan mereka mengetahui kebenaran.

Oleh sebab itu Al-Qur'an meninggal keseluruh Ahlil-Kitab dan terus menghadapi kelompok Muslimin dan memberi amaran kepada mereka supaya jangan mengikut Ahlil-Kitab kerana perbuatan itu adalah satu perbuatan yang kufur, di mana orang-orang Islam tidak layak melakukan perbuatan yang kufur sedangkan kitab Allah sentiasa dibacakan kepada mereka dan Rasulullah berada di tengah-tengah mereka dan sentiasa mengajar mereka. Ia menyeru mereka bertaqwa kepada Allah dan berpegang teguh dengan agama Islam sehingga diundang maut dan bertemu dengan Allah, ia mengingatkan mereka dengan ni'mat Allah yang telah menyatupadukan hati mereka dan barisan mereka di bawah panji-panji Islam setelah sekian lama mereka hidup berpecah-belah dan bermusuh-musuhan. Ketika itu mereka berada di tepi jurang Neraka lalu Allah selamatkan mereka darinya dengan agama Islam. Ia menyuruh mereka menjadi umat yang menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran sebagai usaha-usaha untuk menghakikatkan sistem hidup Ilahi di samping memberi amaran kepada mereka supaya jangan mendengar fitnah-fitnah Ahlil-Kitab terhadap mereka agar tidak menjadi mangsa kebinasaan kerana berpecah-belah sebagaimana kaum Ahlil-Kitab telah berpecah-belah dan binasa di dunia dan di Akhirat. Riwayat-riwayat telah menyebut bahawa amaran ini adalah diturunkan dalam satu peristiwa fitnah yang tertentu yang tercetus di antara Aus dan Khazraj yang didalangkan oleh orang-orang Yahudi.

Kemudian Allah memperkenalkan kepada umat Muslimin hakikat kedudukan mereka di muka bumi ini dan hakikat peranan mereka dalam kehidupan manusia:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia. Kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah."(110)

Dengan ayat ini Allah menunjukkan keutamaan peranan mereka dan sifat masyarakat mereka.

Selepas itu diiringi pula dengan kenyataan memperkecilkan musuh-musuh mereka, iaitu musuh-musuh itu tidak dapat memudaratkan mereka di dalam agama mereka, tidak dapat mengalahkan mereka secara tetap, cuma memberi gangguan-gangguan di dalam jihad dan perjuangan mereka. Kemudian mereka tetap memperolehi kemenangan selama mereka berdiri teguh mengikut agama mereka. Allah telah menerapkan kehinaan dan kepapaan di atas musuh-musuh itu dan mereka kembali dengan kemurkaan Allah dengan sebab mereka telah melakukan dosa-dosa, maksiat dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar, kecuali segolongan Ahlil-Kitab yang cenderung kepada kebenaran. Golongan inilah yang telah beriman dan mengikut cara hidup kaum Muslimin iaitu cara hidup yang menyuruh melakukan kema'rufan, melarang melakukan kemungkaran dan berusaha mengerjakan kebajikan-kebajikan.

وَأُو۟لَـٰٓئِكَ مِنَ ٱلصَّـٰلِحِينَ ﴿١١٤﴾

"Dan mereka adalah dari golongan orang-orang yang soleh."(114)

Kemudian Allah menjelaskan kesudahan orang-orang kafir. Mereka tidak pernah cenderung kepada Islam. Mereka akan di'azabkan dengan sebab kekafiran mereka dan ketika itu harta kekayaan yang dibelanjakan mereka tidak lagi berguna, begitu juga anak-anak mereka dan akibat yang akan diterima mereka ialah kebinasaan.

Pelajaran ini berakhir dengan satu amaran kepada orang-orang yang beriman supaya jangan memilih orang-orang kepercayaan dari orang yang di luar dari kalangan mereka, kerana orang-orang ini mengingini segala sesuatu yang menyulitkan mereka dan mulut mereka sentiasa meluahkan dendam kesumat dan perseteruan yang disembunyikan di dalam hati mereka adalah lebih besar lagi. Mereka menggigit jari-jari mereka kerana sakit hati dan bergembira apabila sesuatu bencana menimpa mereka, tetapi sebaliknya mereka bersedih apabila orang-orang Mu'min mendapat sesuatu kebaikan. Kemudian Allah menjanjikan orang-orang yang beriman bahawa Dia akan memelihara mereka dari tipu daya musuh-musuh mereka selama mereka bersabar dan bertaqwa.

إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿١٢٠﴾

"Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(120)

Arahan yang panjang lebar yang mengandungi berbagai-bagai saranan ini membayangkan kaum Muslimin di waktu itu sedang mengalami tipudaya

dan komplot kaum Ahlil-Kitab yang mahu merosakkan barisan mereka. Tipu daya itu telah menimbulkan keadaan kelam-kabut dan gelisah yang membayangkan bahawa kaum Muslimin memerlukan kepada satu arahan yang kuat supaya mereka mempunyai ciri-ciri yang memberi perbezaan yang sempurna dan perpisahan yang tegas (dari orang-orang yang tidak beriman), iaitu perpisahan yang memutuskan mereka dengan segala hubungan yang telah mengikat mereka dengan jahiliyah dan dengan sahabat-sahabat jahiliyah!

Kemudian arahan ini terus berfungsi di dalam semua generasi umat Muslimin dan setiap generasi adalah dituntut supaya berwaspada terhadap musuh-musuh Islam yang turun-temurun. Musuh-musuh itu tetap seperti sikap mereka yang biasa, cuma cara-cara mereka sahaja yang berlainan, tetapi sikap mereka tidak berubah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 93 - 94)

كُلُّ ٱلطَّعَامِ كَانَ حِلًّا لِّبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ إِلَّا مَا
حَرَّمَ إِسْرَٰٓءِيلُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ مِن قَبْلِ أَن تُنَزَّلَ ٱلتَّوْرَىٰةُ ۗ
قُلْ فَأْتُوا۟ بِٱلتَّوْرَىٰةِ فَٱتْلُوهَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٩٣﴾
فَمَنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٩٤﴾

"Semua makanan itu adalah halal bagi Bani Israel kecuali makanan yang diharamkan oleh Israel (Ya'kub) ke atas dirinya sendiri sebelum diturunkan kitab Taurat. Katakanlah: "Bawalah kitab Taurat dan bacakannya jika kamu benar (93). Oleh itu sesiapa yang mengada-ngadakan dusta terhadap Allah selepas itu, maka merekalah orang-orang yang zalim."(94)

Isu Makanan Halal

Kaum Yahudi sentiasa mencari segala alasan, segala kekeliruan dan segala tipu helah yang dapat digunakan mereka sebagai senjata untuk menikam kesahihan kerasulan Muhammad dan untuk menimbulkan keraguan dan kesangsian di dalam akal fikiran dan hati orang ramai. Apabila Al-Qur'an mengatakan bahawa ia membenarkan apa yang tersebut di dalam Taurat mereka terus tampil berkata: Mengapa Al-Qur'an menghalalkan makanan-makanan yang telah diharamkan kepada Bani Israel? Mengikut riwayat-riwayat, mereka secara khusus menyebut daging unta dan susunya yang diharamkan kepada Bani Israel dan di sana ada lagi makanan-makanan haram di sisi mereka telah dihalalkan Allah kepada orang-orang Islam.

Di sini Al-Qur'an memulangkan mereka kepada hakikat sejarah yang mereka berpura-pura tidak tahu untuk menimbulkan keraguan terhadap kesahihan keterangan Al-Qur'an bahawa ia membenarkan kitab Taurat sedangkan ia menghalalkan kepada orang-orang Islam setengah-setengah makanan yang diharamkan kepada Bani Israel. Sebenarnya semua makanan itu adalah halal kepada Bani Israel kecuali makanan yang diharamkan oleh Israel ke atas dirinya sendiri sebelum diturunkan kitab Taurat. Israel ialah Nabi Ya'kub a.s. Menurut riwayat-riwayat, beliau telah mengidap sakit berat lalu beliau bernazar kepada Allah jika Allah sembuhkan sakitnya beliau secara sukarela akan menahankan dirinya dari memakan daging unta dan meminum susunya, iaitu makanan yang amat disukai olehnya. Allah telah menerima nazarnya kemudian Bani Israel telah mengikut adat bapa mereka mengharamkan makanan-makanan yang telah diharamkan olehnya. Begitu juga Allah telah mengharamkan ke atas Bani Israel beberapa makanan yang lain sebagai balasan terhadap maksiat-maksiat yang telah dilakukan mereka. Makanan yang diharam ini telah disebut di dalam ayat Surah al-An'am.

وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا كُلَّ ذِى ظُفُرٍ ۖ
ٱلْبَقَرِ وَٱلْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَآ إِلَّا
مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَآ أَوِ ٱلْحَوَايَآ أَوْ مَا ٱخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ۚ
ذَٰلِكَ جَزَيْنَٰهُم بِبَغْيِهِمْ ۖ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿١٤٦﴾

"Dan Kami haramkan ke atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku (dari jari kaki yang berjeringkik) dan dari lembu dan kambing pula Kami haramkan kepada mereka lemak-lemaknya kecuali lemak-lemak yang melekat di belakang keduanya atau yang menyelaputi perut besar dan usus-usus atau yang bercampur dengan tulang. Demikianlah Kami hukumkan mereka dengan sebab kederhakaan mereka dan sesungguhnya Kamilah yang benar."

(Surah al-An'am: 146)

Makanan-makanan ini sebelum diturunkan pengharaman adalah halal kepada Bani Israel.

Allah S.W.T. memulangkan mereka kepada hakikat ini untuk menjelaskan bahawa asal makanan-makanan ini adalah halal kemudian diharamkan kepada mereka atas sebab-sebab yang tertentu. Oleh itu apabila Allah menghalalkan makanan-makanan ini kepada orang-orang Islam, maka itulah hukumnya yang asal yang tidak wajar dibantah dan ditimbulkan keraguan terhadap kesahihan Al-Qur'an dan syari'at Allah yang terakhir ini.

Kemudian Allah mencabar mereka supaya mereka kembali kepada Taurat dan membawanya serta membacanya dan di sana mereka akan dapati bahawa sebab-sebab pengharaman itu adalah khusus kepada mereka bukannya umum.

قُلْ فَأْتُوا۟ بِٱلتَّوْرَىٰةِ فَٱتْلُوهَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٩٣﴾

"Katakanlah: Bawalah kitab Taurat dan bacakannya jika kamu benar."(93)

Kemudian Allah mengancam orang-orang yang mengada-ngadakan pembohongan terhadap Allah sebagai orang-orang yang zalim yang tidak menginsafi hakikat yang sebenar dan tidak berlaku adil terhadap diri sendiri dan terhadap manusia umumnya. Dan balasan orang yang zalim itu memang diketahui umum. Cukuplah mereka dicapkan dengan sifat zalim untuk menentukan jenis 'azab yang menunggu mereka. Mereka telah mengadakan pembohongan-pembohongan terhadap Allah dan mereka tetap kembali kepada Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 95 - 97)

Sebab Berlaku Perubahan Kiblat Dari Baitul-Maqdis Ke Ka'bah

Kaum Yahudi juga telah mula dan mengulangi persoalan peralihan kiblat kepada Ka'bah setelah Rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan berkiblat kepada Baitul-Maqdis sehingga bulan yang keenam belas atau yang ketujuh belas Hijrah walaupun maudhu' itu telah dibicarakan dengan sempurnanya di dalam Surah al-Baqarah sebelum ini dan telah pun ternyata bahawa pengambilan Ka'bah sebagai kiblat kaum Muslimin itulah kedudukan yang asal dan yang awal dan pengambilan Baitul-Maqdis sebagai kiblat mereka dalam masa tempoh ini adalah kerana sesuatu hikmat yang tertentu yang telah diterangkan Allah pada masa itu...... Walaupun demikian orang-orang Yahudi masih terus membangkit dan mengulangi persoalan ini dengan tujuan untuk menimbulkan keraguan, kesangsian dan kekeliruan terhadap persoalan yang benar dan jelas sama seperti yang dilakukan oleh musuh-musuh Islam terhadap setiap pembicaraan agama ini. Di sini Allah membalas tipu daya mereka dengan sebuah kenyataan yang baru:

قُلْ صَدَقَ ٱللَّهُ ۗ فَٱتَّبِعُوا۟ مِلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ
مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٩٥﴾
إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِى بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى
لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٦﴾
فِيهِ ءَايَٰتٌۢ بَيِّنَٰتٌ مَّقَامُ إِبْرَٰهِيمَ ۖ وَمَن دَخَلَهُۥ كَانَ
ءَامِنًا ۗ وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ
وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٧﴾

"Katakanlah Benarlah keterangan Allah. Oleh itu ikutilah agama Ibrahim yang berlandaskan Tauhid dan dia tidak sekali-kali termasuk dalam golongan kaum Musyrikin (95). Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangunkan untuk (tempat ibadat) manusia ialah Baitullah yang terletak di Makkah yang diberkati dan menjadi hidayat kepada sekalian manusia (96). Padanya terdapat tanda-tanda yang penting di antaranya ialah maqam Ibrahim. Sesiapa yang memasukinya (Baitullah) akan mendapat keamanan. Dan berkunjung ke Baitullah itu merupakan kewajipan manusia kepada Allah iaitu bagi orang yang berkuasa melakukan perjalanan kepadanya. Dan sesiapa yang ingkar, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam."(97)

Baitullah Pusat Perhimpunan Manusia

Mungkin isyarat di dalam firman-Nya "Benarlah keterangan Allah" itu ditujukan kepada keterangan yang telah dikemukakan mengenai perkara ini, iaitu bangunan Baitullah itu adalah dibina oleh Ibrahim dan Ismail supaya menjadi pusat perhimpunan manusia dan tempat yang aman, juga supaya menjadi kiblat dan tempat sembahyang kepada orang-orang yang beriman. Oleh sebab itulah diiringi dengan perintah supaya mengikut agama Ibrahim, iaitu agama tauhid yang tulen, yang bersih dari segala bentuk syirik:

فَٱتَّبِعُوا۟ مِلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٩٥﴾

"Oleh itu ikutilah agama Ibrahim yang berlandaskan Tauhid dan dia tidak sekali-kali termasuk dalam golongan kaum Musyrikin."(95)

Hakikat Agama Ibrahim

Kaum Yahudi menyangka bahawa merekalah pewaris agama Ibrahim. Sekarang lihatlah Al-Qur'an sendiri telah menunjukkan kepada mereka hakikat agama Ibrahim, iaitu agama yang menjauhi segala bentuk syirik. Hakikat ini ditegaskan sebanyak dua kali. Kali pertama Ibrahim adalah seorang yang mengikut agama tauhid dan kali yang kedua beliau bukanlah dari golongan kaum Musyrikin. Oleh itu mengapa mereka menjadi golongan Musyrikin?

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan bahawa mengadap atau berkiblat kepada Ka'bah itulah yang asal, kerana Ka'bah merupakan awal-awal rumah ibadat di bumi ini yang dibangunkan untuk manusia. Yakni ia dikhususkan untuk ibadat. Sejak Allah memerintah Ibrahim supaya membina tapak-tapak asasnya dan mengkhususkan rumah itu untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beri'tiqaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk dan sujud dan Allah jadikan rumah itu sebuah rumah yang diberkati di samping menjadikannya sumber hidayat bagi sekalian manusia, di sana mereka menemui hidayat kepada agama Allah yang menjadi agama Ibrahim. Di sana juga terdapat tanda-tanda yang jelas yang menunjukkan maqam Ibrahim (dikatakan bahawa yang dimaksudkan dengan maqam Ibrahim itu ialah batu kesan tempat Ibrahim a.s. berdiri ketika membina Ka'bah. Dahulu batu itu bersambung dengan Ka'bah lalu Khalifah Umar r.a. mengundurkannya dari Ka'bah supaya orang-orang yang tawaf tidak mengganggu orang-orang yang

mendirikan solat di maqam itu. Kaum Muslimin telah diperintah menjadikan maqam itu tempat sembahyang dengan firman Allah Ta'ala:

وَٱتَّخِذُواْ مِن مَّقَامِ إِبْرَٰهِـۧمَ مُصَلًّى

"Dan jadikanlah maqam Ibrahim itu tempat sembahyang."

(Surah al-Baqarah: 125)

Baitullah Merupakan Tempat Aman, Sejak Zaman Nabi Ibrahim a.s. Lagi

Di antara kelebihan-kelebihan Baitullah yang disebut oleh Al-Qur'an ialah sesiapa yang memasuki kawasannya adalah diamankan. Oleh itu Baitullah merupakan tempat yang aman bagi setiap yang takut. Kedudukan yang seperti ini tidak dipunyai oleh suatu tempat yang lain di muka bumi ini. Ia kekal sejak dibina oleh Ibrahim dan Ismail sehingga di zaman jahiliyah Arab, di mana mereka telah menyeleweng dari agama Ibrahim dan dari Tauhid yang tulen yang dilambangkan oleh agama ini. Sehingga ke masa ini kehormatan Baitullah dihormati sebagaimana diceriterakan oleh al-Hasan al-Basri dan lain-lainnya: "Ada orang yang membunuh kemudian ia meletakkan bulu biri-biri di atas lehernya dan masuk ke dalam kawasan tanah haram lalu bertemu dengan anak orang yang dibunuhnya, tetapi ia tidak membangkitkan kemarahannya sehingga ia keluar dari kawasan itu". Ini adalah salah satu dari kemuliaan yang dikurniakan Allah kepada rumah-Nya, walaupun manusia yang hidup di sekelilingnya berada dalam keadaan jahiliyah. Allah S.W.T. telah berfirman menyatakan ni'mat yang dianugerahkannya kepada orang-orang Arab:

أَوَلَمْ يَرَوْاْ أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا ءَامِنًا وَيُتَخَطَّفُ ٱلنَّاسُ مِنْ حَوْلِهِمْ

"Apakah tidak mereka melihat bahawa Kami telah menjadikannya (negeri Makkah) tanah suci yang aman, sedangkan manusia di sekelilingnya rampas merampas?"

(Surah al-Ankabut: 67)

dan termasuk dalam langkah menjadikan kawasan Ka'bah sebagai kawasan tanah suci ialah pengharaman memburu buruan-buruannya dan mengganggunya dari sarang-sarangnya dan pengharaman memotong pokok-pokoknya. Tersebut di dalam hadith al-Bukhari dan Muslim - lafaz hadith ini bagi Muslim - dari Ibn Abbas r.a 'anhuma katanya: Sabda Rasulullah s.a.w. pada hari penaklukan negeri Makkah:

إن هذا البلد حرمه الله يوم خلق السماوات والأرض، فهو حرام بحرمة الله إلى يوم القيامة، وإنه لم يحل القتال فيه لأحد قبلي، ولم يحل لي إلا في ساعة من نهار. فهو حرام بحرمة الله إلى يوم القيامة، لا يعضد شوكه، ولا ينفر صيده، ولا تلتقط لقطته إلا من عرفها ولا يختلى خلاه. . . الخ.

"Sesungguhnya negeri ini telah diharamkan oleh Allah pada hari Dia ciptakan langit dan bumi. Ia adalah tanah haram dengan pengharaman dari Allah sehingga hari Qiamat. Ia tidak pernah dihalalkan berperang di dalam kawasannya kepada sesiapa pun sebelumku dan tidak juga dihalalkan kepadaku melainkan hanya dalam satu waktu sahaja di siang hari. Oleh itu ia adalah tanah haram dengan pengharaman dari Allah sehingga hari Qiamat. Di mana tidak boleh dipotong duri pokok-pokoknya, tidak boleh diganggu binatang-binatang buruannya, tidak boleh dipungut barang-barang yang ketinggalan melainkan oleh orang yang mengenalinya (pemiliknya) dan tidak boleh dipotong tumbuh-tumbuhannya...... hingga akhir"

Inilah rumah yang telah dipilih Allah sebagai kiblat umat Muslimin dan inilah Baitullah yang telah dijadikan Allah kemuliaan ini kepadanya. Inilah rumah pertama yang dibina di muka bumi sebagai pusat ibadat dan inilah rumah moyang mereka Ibrahim a.s. dan di sana terdapat tanda-tanda yang membuktikan bahawa beliaulah yang telah membinanya. Islam ialah agama Ibrahim oleh sebab itu rumah Ibrahim lebih utama dijadikan kiblat yang dihadapi oleh umat Muslimin. Ia merupakan satu kawasan aman di muka bumi ini dan di sanalah terdapat sumber hidayat bagi umat manusia di samping, menjadi tempat perhimpunan umum agama ini.

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah memfardhukan manusia berkunjung ke Baitullah selama mereka mendapat kemudahan untuk berbuat demikian. Jika tidak, maka itulah kekufuran yang tidak memberi apa-apa mudarat kepada Allah:

وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٧﴾

"Dan berkunjung ke Baitullah itu merupakan kewajipan manusia kepada Allah iaitu bagi orang yang berkuasa melakukan perjalanan kepada-Nya. Dan sesiapa yang ingkar maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam."(97)

Kefardhuan Ibadat Haji

Yang menarik pandangan dalam ungkapan ini ialah kenyataannya yang menyeluruh tentang kefardhuan ibadat haji iaitu dengan kata-kata "merupakan kewajipan manusia"(على الناس) . Pertama, ungkapan ini menyarankan bahawa ibadat haji juga diwajibkan ke atas orang-orang Yahudi yang mempertikaikan orang-orang Islam mengadap ke arah Ka'bah di dalam solat mereka, sedangkan mereka sendiri dituntut oleh Allah mengerjakan ibadat haji di Baitullah dan mengadap kepadanya dengan sifatnya selaku rumah yang dibangunkan oleh moyang mereka Ibrahim dan selaku awal-awal rumah ibadat yang dibangunkan untuk manusia, namun begitu mereka tetap menyeleweng, cuai dan menderhaka. Kedua, ungkapan ini menyarankan bahawa seluruh manusia adalah dituntut mengakui agama ini, menunaikan

fardhu-fardhunya dan syi'ar-syi'ar ibadatnya, mengadap dan berkunjung ke Baitullah yang dihadapi oleh seluruh umat Muslimin. Inilah yang wajib dilakukan, jika tidak maka itulah kekufuran walaupun mereka mendakwa beragama dan Allah itu Maha Kaya dari sekalian manusia. Allah S.W.T. tidak memerlukan kepada keimanan dan ibadat haji mereka, malah keimanan dan ibadat itu adalah untuk kepentingan dan keuntungan mereka.

Kewajipan Haji Syarat-syarat Dan Hikmatnya

Haji itu hanya fardhu sekali seumur hidup, iaitu ketika mula-mula mendapat kemampuan mengerjakannya, iaitu seperti kesihatan yang mengizinkan, kemungkinan melakukan persafiran dan keamanan jalan. Para ulama' berselisih tentang masa difardhukan haji itu. Kepada orang-orang yang berpegang kepada satu riwayat bahawa ayat-ayat ini diturunkan pada tahun rombongan-rombongan iaitu pada tahun yang kesembilan mereka berpendapat bahawa haji adalah difardhukan pada tahun ini. Mereka landaskan pendapat ini dengan alasan bahawa haji Rasulullah s.a.w: hanya dilakukan selepas tarikh ini. Kami telah menjelaskan ketika memperkatakan persoalan peralihan kiblat dalam juzu' yang kedua dalam tafsir Fi Zilal ini bahawa haji Rasulullah s.a.w. itu tidak boleh dijadikan dalil di atas kelewatan difardhukan ibadat haji, mungkin kelewatan kerana sebab-sebab yang tertentu di antaranya kerana orang Musyrikin yang mengerjakan tawaf dengan berbogel itu masih terus begitu walaupun selepas ditakluk negeri Makkah. Oleh sebab itu Rasulullah s.a.w. tidak suka bercampur-gaul dengan mereka sehingga turun Surah Bara'ah pada tahun yang kesembilan, di mana diharamkan kaum Musyrikin bertawaf di Baitullah, kemudian barulah Rasulullah s.a.w. mengerjakan ibadat hajinya pada tahun yang berikutnya. Oleh sebab itu ibadat haji mungkin telah difardhukan sebelum tarikh itu lagi dan ayat ini diturunkan dalam tempoh pertama hijrah, iaitu selepas Peperangan Uhud atau di sekitarnya.

Walau bagaimanapun fardhu haji itu telahpun ditetapkan dengan nas yang tegas ini, di mana Allah S.W.T. telah menjadikan amalan berkunjung ke Baitullah suatu kewajipan yang diwajibkan ke atas manusia, iaitu kepada siapa yang berkuasa mengadakan perjalanan kepadanya.

Ibadat Haji Muktamar Agung Umat Muslimin

Ibadat haji itu merupakan muktamar tahunan agung umat Muslimin, di mana mereka berkumpul di perkarangan Baitullah yang menjadi sumber lahirnya da'wah kepada mereka dan menjadi titik tolak agama tauhid dari tangan moyang mereka Ibrahim a.s. itulah rumah yang telah dijadikan Allah sebagai rumah yang pertama di muka bumi ini untuk semata-mata beribadat kepada Allah. Haji itu adalah suatu perhimpunan yang mempunyai tujuannya dan mempunyai kenangan-kenangannya yang seluruhnya berlegar di sekitar konsep yang mulia yang menghubungkan manusia dengan Khaliqnya Yang Maha Agung, iaitu konsep agama atau konsep sahutan roh kepada seruan Allah, kerana dari tiupan roh dari Allah insan menjadi insan. Inilah konsep yang layak dengan manusia berhimpun kerananya dan datang beramai-ramai setiap tahun ke tanah suci, di mana tercetusnya seruan supaya berhimpun dan bersatu-padu di atas konsep yang mulia ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 98 - 99)

Selepas penjelasan ini Allah mengajar Rasulullah s.a.w. supaya bersemuka dengan Ahlil-Kitab dan mengecam pendirian mereka terhadap kebenaran yang diketahui mereka, kemudian mereka menghalangi orang ramai darinya dan mengingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan mereka menyaksikan kesahihannya dan yakinkan kebenarannya:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَٱللَّهُ
شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٨﴾
قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ
مَنْ ءَامَنَ تَبْغُونَهَا عِوَجًا وَأَنتُمْ شُهَدَآءُ ۗ وَمَا ٱللَّهُ
بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٩﴾

"Katakanlah Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah menyaksikan segala apa yang dilakukan kamu (98). Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu menghalangkan mereka yang beriman dari jalan Allah kerana kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok sedangkan kamu sekalian saksi-saksi yang mengetahui? Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu."(99)

Pendedahan Hakikat Pendirian Ahlil-Kitab

Kecaman yang seperti ini berulang-ulang kali disebut di dalam surah ini dan banyak lagi di dalam surah-surah yang lain. Kesan pertama yang ditinggalkan oleh kecaman ini ialah ia menghadapi Ahlil-Kitab dengan mengemukakan hakikat pendirian mereka dan menyifatkan mereka dengan sifat-sifat mereka yang sebenar, yang selama ini mereka berpura-pura melindungkannya dengan gambaran beriman dan beragama, sedangkan yang sebenarnya mereka kafir. Mereka ingkarkan ayat-ayat Allah di dalam Al-Qur'an dan sesiapa yang ingkarkan sesuatu dari kitab Allah bererti telah ingkarkan semua kitab Allah. Andainya mereka benar-benar beriman dengan kitab suci yang ada di tangan mereka tentulah mereka beriman kepada setiap rasul yang datang dari sisi Allah selepas rasul mereka, kerana hakikat agama Allah ini adalah satu sahaja, sesiapa yang telah mengetahuinya nescaya ia mengetahui pula bahawa segala apa yang dibawa oleh para rasul selepas itu adalah benar belaka dan nescaya ia mewajibkan

dirinya mengislamkan dirinya kepada Allah di tangan rasul-rasul itu. Inilah hakikat yang seharusnya menggetar dan menakutkan kaum Ahlil-Kitab terhadap akibat sikap dan kedudukan mereka.

Orang-orang Islam yang tertipu terhadap mereka selaku Ahlil-Kitab, telah dihapuskan penipuan itu dari mereka apabila mereka melihat Allah S.W.T. mengumumkan hakikat Ahlil-Kitab dan mengecapkan mereka sebagai orang-orang yang menunjukkan kekafiran mereka dengan terus-terang hingga tidak meninggalkan sebarang keraguan kepada sesiapa pun lagi. Dan di samping itu Allah S.W.T. mengancam mereka dengan ancaman yang menggoncangkan hati:

وَٱللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا تَعۡمَلُونَ ﴿٩٨﴾

"Sedangkan Allah menyaksikan segala apa yang dilakukan kamu." (98)

وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعۡمَلُونَ ﴿٩٩﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu."(99)

Itulah satu ancaman yang amat menakutkan apabila seseorang itu sedar bahawa Allah sedang menyaksi perbuatannya dan tidak pernah lalai darinya, sedangkan perbuatan mereka ialah kekafiran, penipuan, kerosakan dan penyesatan.

Allah S.W.T. merakamkan bahawa mereka memang mengetahui kebenaran yang diingkarkan mereka dan merakamkan tindakan mereka menghalangkan orang ramai dari kebenaran itu:

وَأَنتُمۡ شُهَدَآءُ

"Sedangkan kamu sekalian saksi-saksi yang mengetahui."

Ini menunjukkan bahawa mereka yakin terhadap kebenaran apa yang didustakan mereka dan terhadap kebaikan apa yang dihalangkan mereka dari orang ramai. Ini adalah satu perbuatan yang keji yang mana pembuatnya tidak wajar diberi kepercayaan dan persahabatan, malah hanya layak menerima penghinaan dan kecaman.

Kita perlu berhenti sebentar di depan pemberian Allah kepada kaum Ahlil-Kitab ini dalam firman-Nya yang berbunyi:

لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ مَنۡ ءَامَنَ تَبۡغُونَهَا عِوَجًا

"Mengapakah kamu menghalangkan mereka yang beriman dari jalan Allah kerana kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok."(99)

Itulah satu tarikan perhatian yang mempunyai satu tujuan yang besar, iaitu jalan Allah atau agama Allah itu ialah jalan yang lurus dan selain dari jalan Allah adalah jalan yang tidak lurus belaka. Oleh itu apabila manusia dihalangkan dari jalan Allah, apabila para Mu'minin disekat dari agama Allah, maka segala urusan akan hilang kelurusannya dan segala neraca tidak selamat lagi dan tidak wujud lagi di bumi ini melainkan sesuatu yang bengkok dan tidak lurus.

Meninggal Agama Allah Punca Segala Kerosakan

Itulah kerosakan fitrah dengan sebab kesesatannya dan kerosakan hidup dengan sebab bengkoknya. Kerosakan ini adalah hasil dari tindakan menyekat dan menghalang manusia dari jalan Allah dan menyekat para Mu'minin dari agama Allah. Itulah kerosakan dalam pandangan dan kefahaman, kerosakan di dalam hati nurani, kerosakan akhlak dan perilaku, kerosakan di dalam perhubungan-perhubungan, kerosakan di dalam mu'amalat-mu'amalat dan kerosakan dalam pertalian di antara sesama manusia, kerosakan dalam hubungan di antara manusia dengan alam buana. Oleh itu apabila manusia berdiri teguh atau berjalan lurus di atas agama Allah, maka itulah kelurusan hidup, kebaikan dan kebajikan, sebaliknya apabila mereka menyeleweng dari agama Allah pada mana jalan yang lain, maka itulah hidup yang bengkok, dan itulah kerosakan dan kejahatan. Inilah dua keadaan yang bersilih ganti di dalam hidup manusia. Berdiri teguh dan berjalan lurus di atas agama Allah itulah kebajikan dan kebaikan. Menyeleweng dari agama Allah itulah kejahatan dan kerosakan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 100 - 101)

وَكَيۡفَ تَكۡفُرُونَ وَأَنتُمۡ تُتۡلَىٰ عَلَيۡكُمۡ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ
وَفِيكُمۡ رَسُولُهُۥۗ وَمَن يَعۡتَصِم بِٱللَّهِ فَقَدۡ هُدِيَ
إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ﴿١٠١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikuti sekumpulan mereka yang dikurniakan kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang yang kafir selepas kamu beriman (100). Dan bagaimanakah kamu sanggup menjadi kafir, sedangkan kamu dibacakan ayat-ayat Allah kepada kamu dan Rasul-Nya berada di tengah-tengah kamu? Siapa yang berpegang teguh kepada Allah, maka bererti dia telah diberi hidayat kepada jalan yang lurus."(101)

Peranan Agung Umat Muslimin

Tujuan kedatangan umat Muslimin ialah untuk menegakkan cara hidup mereka di atas agama Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu satu cara hidup yang berbeza dan unik. Kewujudan umat Muslimin adalah dari awal lagi lahir dari agama Allah untuk menunaikan peranan istimewa mereka dalam kehidupan umat manusia, iaitu peranan yang tidak dapat ditunaikan oleh golongan yang lain dari mereka. Umat Muslimin diwujudkan untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di bumi ini dan merealisasikannya dalam bentuknya yang amali yang mempunyai garis sifat-sifat yang boleh dilihat, di

mana nas-nas diterjemahkan kepada harakat-harakat, tindakan-tindakan, perasaan-perasaan, akhlak-akhlak, undang-undang dan peraturan-peraturan, perhubungan-perhubungan dan pertalian-pertalian.

Umat Muslimin tidak dapat memenuhi matlamat kewujudan mereka, tidak dapat berjalan lurus dan tidak dapat mewujudkan di bumi ini gambaran realiti hidup yang istimewa, gemilang dan unik ini melainkan apabila mereka menerima (undang-undang dan peraturan) dari Allah Yang Maha Esa, melainkan apabila mereka memimpin umat manusia dengan (undang-undang dan peraturan) yang diterima dari Allah Yang Maha Esa, bukannya menerima dari mana-mana tokoh manusia atau dari pengikut-pengikut mana-mana tokoh manusia dan bukannya ta'at kepada mana-mana tokoh manusia. Sama ada mereka menerima dari Allah atau melakukan kekufuran, kesesatan dan penyelewengan.

Inilah pendirian yang ditegaskan oleh Al-Qur'an dan diulangkan berkali-kali di dalam berbagai-bagai kesempatan. Inilah sikap yang mahu ditegakkan di atasnya perasaan kaum Muslimin, pandangan mereka dan akhlak mereka setiap kali terluang. Tempat ini merupakan salah satu dari tempat-tempat yang disebutkan pendirian itu. Titik pertaliannya ialah perdebatan dengan Ahlil-Kitab dan tindakan menghadapi tipu daya dan komplot-komplot mereka terhadap kaum Muslimin di Madinah. Tetapi ia bukannya terbatas dengan titik-titik pertalian ini sahaja, malah ia merupakan arahan yang berterusan kepada umat Muslimin di dalam setiap generasi kerana ia merupakan dasar hidup mereka dan asas kewujudan mereka.

Umat Muslimin telah diwujudkan untuk memimpin umat manusia. Oleh itu bagaimana mereka mungkin bertemu dengan jahiliyah, sedangkan tujuan kedatangan mereka ialah untuk mengubahkan jahiliyah dan menghubungkan umat manusia dengan Allah? Apabila umat Muslimin meninggalkan tugas kepimpinan ini, maka apakah erti kewujudan mereka? Bukankah dalam keadaan ini kewujudan mereka tidak mempunyai apa-apa matlamat lagi?

Umat Muslimin Dilahirkan Untuk Memegang Teraju Kepimpinan

Umat Muslimin telah dilahir untuk memegang teraju kepimpinan, iaitu kepimpinan ke arah kefahaman dan pandangan yang betul, kepercayaan dan perasaan yang betul, ke arah akhlak dan peraturan yang betul dan ke arah penyusunan masyarakat yang betul. Di bawah bayangan kedudukan-kedudukan yang betul ini dapatlah akal itu berkembang subur, dapat berkenalan dengan alam buana, dapat mengetahui rahsia-rahsianya dan menggunakan kekuatan-kekuatan dan tenaga-tenaganya yang tersimpan itu, tetapi kepimpinan asasi yang membenar dan menguasai semua kekuatan dan tenaga ini, yang mengarah penggunaan kekuatan dan tenaga alam ini untuk kebajikan manusia bukan untuk mengancam mereka dengan kemusnahan dan kebinasaan dan bukan untuk digunakannya bagi memenuhi keinginan-keinginan nafsu kepimpinan, seharusnya itu untuk menegakkan keimanan dan di atas kepimpinan inilah seharusnya kelompok Muslimin itu berdiri teguh dengan berpedomankan kepada arahan Allah bukannya arahan mana-mana hamba Allah yang lain.

Di dalam pelajaran ini Al-Qur'an memberi amaran kepada umat Muslimin supaya jangan mengikut orang lain di samping menerangkan jalan-jalan untuk mewujudkan kedudukan-kedudukan yang betul dan memeliharakannya. Mula-mula ia melarang mereka mengikut Ahlil-Kitab kerana mereka tidak syak lagi akan membimbing mereka ke arah kekufuran:

Umat Muslimin Ditegah Menjadi Pak Turut Kaum Ahlil-Kitab

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن تُطِيعُوا۟ فَرِيقًا مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟
ٱلْكِتَٰبَ يَرُدُّوكُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ كَٰفِرِينَ ﴿١٠٠﴾
وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ
وَفِيكُمْ رَسُولُهُۥ ۗ وَمَن يَعْتَصِم بِٱللَّهِ فَقَدْ هُدِىَ
إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikuti sekumpulan mereka yang dikurniakan kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang yang kafir selepas kamu beriman (100). Dan bagaimanakah kamu sanggup menjadi kafir, sedangkan kamu dibacakan ayat-ayat Allah kepada kamu dan Rasul-Nya berada di tengah-tengah kamu? Siapa yang berpegang teguh kepada Allah, maka bererti dia telah diberi hidayat kepada jalan yang lurus."(101)

Perbuatan mengikut Ahlil-Kitab dan menerima arahan dari mereka, perbuatan mengambil dan memetik peraturan-peraturan dan undang-undang kehidupan mereka dari awal-awal lagi membawa erti kekalahan batin dan meninggalkan peranan kepimpinan yang kerananya diwujudkan umat Muslimin di samping membawa erti keraguan terhadap keupayaan agama dan peraturan Allah untuk memimpin dan mengaturkan kehidupan manusia serta mempertingkatkannya ke jalan kesuburan dan kemajuan. Keraguan ini sendiri merupakan benih kekufuran yang merangkak di dalam hati tanpa disedari olehnya dan tanpa melihat bahayanya yang dekat.

'Aqidah Merupakan Benteng Umat Muslimin Yang Paling Kuat

Ini dari sudut kaum Muslimin dan dari sudut kaum yang lain, maka kaum Ahlil-Kitab tidak ada cita-cita yang lebih besar kepada mereka dari menyesatkan kaum Muslimin dari 'aqidah mereka, kerana 'aqidah inilah yang menjadi kubu keselamatan, garis

pertahanan dan sumber kekuatan umat Muslimin. Musuh-musuh mereka cukup mengetahui hakikat ini. Mereka mengetahuinya dahulu dan sekarang dan mereka mengorbankan segala usaha, tipudaya, kekuatan dan kelengkapan untuk memesongkan umat Muslimin dari 'aqidah mereka. Apabila mereka gagal memerangi 'aqidah ini secara terbuka, mereka memeranginya secara sulit dan apabila mereka gagal memeranginya dengan bersendirian, mereka menggunakan barisan Munafiqin yang berpura-pura Islam atau menggunakan orang-orang yang mempunyai hubungan palsu dengan Islam untuk bekerja melemahkan 'aqidah ini dari dalam dan menghalangkan manusia darinya dan seterusnya untuk memperdayakan umat Muslimin dengan kecantikan sistem-sistem hidup yang lain dari sistem hidup agama mereka, keindahan undang-undang dan peraturan-peraturan yang lain dari undang-undang dan peraturan-peraturan agama mereka dan kebagusan kepimpinan yang lain dari kepimpinan agama mereka.

Apabila kaum Ahlil-Kitab dapati setengah-setengah orang Islam menyambut baik dan mengikut anjuran-anjuran mereka, maka tidak syak lagi mereka akan menggunakan semua cara ini untuk mencapai matlamat yang menyebabkan mereka tidak dapat tidur dan mereka akan terus berusaha memimpin orang-orang Islam itu dan seluruh kaum Muslimin di belakang mereka kepada kekafiran dan kesesatan.

Oleh sebab itulah Allah menyampaikan amaran yang tegas dan menakutkan ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تُطِيعُواْ فَرِيقًا مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلْكِتَٰبَ يَرُدُّوكُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ كَٰفِرِينَ ﴿١٠٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikuti sekumpulan mereka yang dikurniakan kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang yang kafir selepas kamu beriman."(100)

Di waktu itu tiada yang menakutkan seorang Muslim selain ia melihat dirinya terbalik menjadi kafir setelah ia beriman dan peluang ke Neraka setelah ia selamat darinya untuk menuju ke Syurga. Inilah sifat seorang Muslim sejati di setiap zaman. Oleh sebab itulah amaran yang keras ini merupakan cemeti yang memukul dan menyedarkan hati nurani supaya sentiasa mengingati amaran itu. Walaupun begitu ayat yang berikut terus menyambung lagi amaran dan peringatan itu dengan menyatakan betapa kejinya jika orang-orang yang beriman itu terbalik menjadi kafir, sedangkan ayat-ayat Allah sentiasa dibaca kepada mereka, Rasulullah s.a.w. sentiasa berada di tengah-tengah mereka, motif-motif beriman sentiasa wujud, da'wah kepada beriman sentiasa diseru dan perbezaan jalan di antara kekufuran dan keimanan sentiasa disuluh dengan cahaya Al-Qur'an.

وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُۥ

"Dan bagaimanakah kamu sanggup menjadi kafir, sedangkan kamu dibacakan ayat-ayat Allah kepada kamu dan Rasul-Nya berada di tengah-tengah kamu?

Ya, amatlah berat bagi seseorang Mu'min terbalik menjadi kafir di dalam suasana-suasana yang amat membantu ke arah keimanan dan apabila Rasulullah s.a.w. telah wafat dan memilih ar-Rafiq al-A'la, maka ayat Allah (Al-Qur'an) masih kekal dan sunnah Rasulullah s.a.w. masih kekal. Kita umat Muslimin pada hari ini tetap dititahkan Allah dengan Al-Qur'an ini sebagaimana dititahkan orang-orang yang dahulu dengannya. Jalan berpegang teguh kepada Allah amat jelas dan panji-panji berpegang teguh kepada Allah tetap dikibar tinggi:

وَمَن يَعْتَصِم بِٱللَّهِ فَقَدْ هُدِىَ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Siapa yang berpegang teguh kepada Allah, maka bererti dia telah diberi hidayat kepada jalan yang lurus."(101)

Ya, hanya berpegang teguh kepada Allah sahaja yang boleh menyelamatkan, kerana Allah S.W.T. itu Maha Kekal, Maha Hidup dan Maha Pentadbir.

Perkara-perkara Yang Boleh Diambil Dari Kaum Ahlil-Kitab Dan Sebagainya

Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan sikap yang keras terhadap sahabat-sahabatnya Ridhwanullahu 'alaihim dalam perkara menerima sesuatu yang bersangkutan dengan 'aqidah dan undang-undang dan peraturan (dari sumber yang lain), tetapi beliau memberi kelapangan kepada mereka dalam menerima fikiran dan ujian dalam urusan-urusan kehidupan amali yang tulen, yang diserahkan kepada ujian dan ilmu pengetahuan seperti urusan-urusan pertanian, perancangan-perancangan perang dan sebagainya dari persoalan-persoalan amali tulen yang tidak ada hubungan dengan kefahaman kepercayaan, peraturan masyarakat dan pertalian-pertalian yang berhubung kait dengan menyusun dan mengatur kehidupan manusia. Perbezaan di antara kedua-duanya amat jelas, kerana sistem hidup itu satu perkara dan ilmu-ilmu tulen, ujian-ujian dan aplikasi kaedah-kaedah ilmu itu adalah satu perkara yang lain pula. Agama Islam yang datang untuk memimpin kehidupan manusia dengan undang-undang dan peraturan Allah itulah agama Islam yang memimpin akal manusia mencari ilmu pengetahuan dan mengambil faedah dari segala kemajuan kebendaan dalam lingkungan sistem hidupnya.

Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abdur Raziq, kami telah diberitakan oleh Suffian dari Jabir dari asy-Sya'bi dari Abdullah ibn Thabit katanya: Umar telah datang menemui Nabi s.a.w. lalu berkata: "Wahai Rasulullah! Saya telah menyuruh seorang saudara Yahudi dari suku Bani Quraydzah lalu dia menulis untuk saya koleksi-koleksi kitab Taurat. Sukakah anda saya kemukakan koleksi-koleksi itu kepada anda?" Kata (Abdullah bin Thabit): Lalu

berubahlah muka Rasulullah s.a.w. - Kata Abdullah bin Thabit: Aku pun membisik kepada Umar: "Tidakkah anda lihat muka Rasulullah s.a.w. berubah?" Umar pun terus berkata: "Saya redha menerima Allah sebagai Tuhan, menerima Islam sebagai agama dan menerima Muhammad sebagai rasul. Kata (Abdullah ibn Thabit): Nabi s.a.w. kelihatan sukacita dan bersabda:

والذى نفسي بيده لو أصبح فيكم موسى – عليه السلام – ثم اتبعتموه وتركتموني لضللتم ، إنكم حظى من الأمم وأنا حظكم من النبيين.

"Demi Allah yang nyawaku berada di dalam genggaman tangan-Nya, andainya Musa a.s. ada di dalam kalangan kamu dan kamu mengikutnya dan kamu meninggalkan aku nescaya kamu sesat. Sesungguhnya kamu merupakan bahagian untukku dari antara umat-umat manusia dan aku merupakan bahagian untuk kamu dari antara para anbia'."

Dan ujar al-Hafiz Abu Ya'la: Kami telah diceritakan oleh Hammad dari Asy-Sya'bi dari Jabir katanya sabda Rasulullah s.a.w.:

لا تسألوا أهل الكتاب عن شيء. فإنهم لن يهدوكم وقد ضلوا. وإنكم إما أن تصدقوا بباطل، وإما أن تكذبوا بحق. وإنه والله لو كان مو سى حياً بين أظهركم ما حل له إلا أن يتبعني.

"Janganlah kamu bertanya Ahlil-Kitab mengenai sesuatu, kerana mereka tidak akan menunjukkan perkara yang benar kepada kamu kerana mereka telah sesat. Sesungguhnya kamu (jika kamu bertanya mereka) sama ada kamu membenarkan sesuatu yang batil atau membohongkan sesuatu yang benar. Sesungguhnya demi Allah, andainya Musa hidup dalam kalangan kamu nescaya tidak halal bagi beliau melainkan hanya mengikut aku."

Dan dalam setengah-setengah hadith yang lain tersebut:

لو كان موسى وعيسى حيين لما وسعهما إلا اتباعي.

"Andainya Musa dan 'Isa itu hidup, nescaya kedua-duanya tidak dapat berbuat apa-apa kecuali mengikut aku."

Mereka ialah kaum Ahlil-Kitab dan inilah petunjuk Rasulullah s.a.w. mengenai hukum menerima pendapat-pendapat Ahlil-Kitab dalam mana-mana perkara yang berkaitan dengan 'aqidah dan kefahaman atau berkaitan dengan syari'at atau peraturan-peraturan kehidupan. Dan tidak mengapa - mengikut roh Islam dan bimbingannya mengambil faedah dari hasil usaha dan tenaga seluruh umat manusia dalam bidang-bidang yang lain dari ini seperti dalam bidang ilmu-ilmu tulen baik dari segi kajian dan gunaan serta mengaitkannya dengan sistem keimanan, iaitu dari segi perasaan kita terhadap ilmu-ilmu itu dan bahawa ia dijadikan Allah untuk faedah manusia, dan dari segi membimbing dan menggunakan ilmu itu untuk kebajikan umat manusia, untuk menyempurnakan keamanan dan kemakmuran kepada mereka dan bersyukur kepada Allah terhadap ni'mat ilmu pengetahuan dan ni'mat pemberian kekuatan-kekuatan dan tenaga-tenaga alam, iaitu bersyukur kepada-Nya dengan mengerjakan amal ibadat dan menggunakan ilmu pengetahuan dan tenaga-tenaga alam untuk kebaikan manusia.

Tetapi menerima pendapat-pendapat dari kaum Ahlil-Kitab mengenai kefahaman dan kepercayaan keimanan, mengenai pentafsiran alam al-wujud, mengenai matlamat kewujudan manusia, mengenai sistem hidup, peraturan-peraturan dan undang-undangnya, mengenai sistem akhlak dan perilaku, maka penerimaan yang seperti inilah yang telah menyebabkan wajah Rasulullah s.a.w. berubah apabila disebut sesuatu yang paling mudah darinya, dan inilah yang telah menyebabkan Allah S.W.T. memberi amaran kepada umat Muslimin terhadap akibatnya yang buruk, iaitu kekufuran yang terus-terang.

Inilah perintah Allah S.W.T. dan inilah petunjuk Rasulullah s.a.w., tetapi kita yang mendakwa diri kita sebagai orang-orang Islam kita dapati diri kita - dalam usaha memahami Al-Qur'an dan hadith Nabi kita s.a.w. mengambil pendapat-pendapat dari para orientalis dan dari murid-murid orientalis. Kita dapati diri kita mengambil pendapat-pendapat falsafah kita dan kefahaman-kefahaman kita terhadap kewujudan dan kehidupan dari kedua-dua golongan itu, juga dari para ahli falsafah dan ahli fikir Greek, Roman, Eropah dan Amerika. Kita dapati diri kita mengambil peraturan-peraturan hidup kita dan undang-undang kita dari sumber-sumber yang asing itu. Kita dapati diri kita mengambil peraturan-peraturan perilaku kita, peradaban kita dan akhlak kita dari paya yang busuk itu, yang telah dicapai oleh tamadun kebendaan yang kosong dari roh agama..... Kemudian kita mendakwa - demi Allah - kita adalah orang-orang Islam yang sebenar, iaitu satu dakwaan yang dosanya adalah lebih berat dari dosa kekufuran yang berterus-terang. Dengan perbuatan ini bererti kita mengaku menggagal dan memesongkan Islam, iaitu satu pengakuan yang tidak dibuat oleh orang yang berdosa dari mereka yang tidak mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam seperti yang dilakukan oleh kita.

Islam adalah sebuah sistem hidup, iaitu satu sistem yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza dari segi kefahaman kepercayaan dan dari segi peraturan dan undang-undang yang mengatur seluruh perhubungan di dalam kehidupan manusia, juga dari segi peraturan-peraturan akhlak yang menjadi tapak landasan yang tetap bagi perhubungan-perhubungan itu sama ada hubungan-hubungan politik atau ekonomi atau sosial. Islam adalah sebuah sistem yang datang untuk memimpin umat manusia seluruhnya. Oleh itu di sana pasti wujud segolongan manusia yang mempeluangkan sistem ini untuk memimpin umat manusia. Dan di antara perkara yang

bertentangan dengan tabi'at kepimpinan ini ialah apabila golongan ini mengambil bimbingan-bimbingan dari sumber-sumber yang bukan dari sistemnya sendiri.

Untuk kebajikan umat manusia datangnya sistem ini, dan untuk kebajikan umat manusia para penda'wah menyeru supaya menegakkan sistem ini pada hari ini dan pada hari esok, malah hari ini ia lebih perlu lagi kerana umat manusia pada keseluruhannya sedang menderita dari sistem-sistem hidup yang telah membawa mereka kepada penderitaan-penderitaan yang dialami mereka sekarang dan di sana tidak ada sistem yang dapat menyelamatkan mereka melainkan sistem Ilahi ini sahaja, iaitu sistem yang wajib dipelihara dan dijaga segala ciri-cirinya supaya ia dapat menunaikan peranannya kepada umat manusia dan menyelamatkan mereka sekali lagi.

Apakah Kesan Kemajuan Manusia?

Umat manusia telah mencapai berbagai-bagai kemenangan dan kemajuan dalam usaha mereka menggunakan kuasa-kuasa alam. Mereka telah merealisasikan kejayaan-kejayaan yang menakjubkan dalam dunia perindustrian dan perubatan jika dibandingkan dengan masa yang silam. Dan mereka masih dalam perjalanan mencapai kejayaan-kejayaan yang baru, tetapi apakah kesan semuanya ini di dalam kehidupan mereka? Apakah kesannya dalam kehidupan kejiwaan mereka? Adakah mereka meni'mati kebahagiaan? Adakah mereka menemui ketenteraman? Adakah mereka memperolehi keamanan dan kedamaian? Tidak! Sekali-kali tidak! Mereka telah menemui kecelakaan, kegelisahan dan ketakutan, mereka mengidap penyakit-penyakit saraf dan penyakit-penyakit jiwa, mereka mengalami kelakuan-kelakuan yang abnormal dan melakukan jenayah-jenayah dalam lingkungan yang seluas-luasnya. Mereka juga tidak mencapai kemajuan dalam memahami matlamat kewujudan insan dan matlamatmatlamat hidup insan. Apabila matlamat kewujudan insan dan matlamat-matlamat hidup insan yang tersemat di dalam fikiran seseorang yang bertamadun di zaman ini dibandingkan dengan kefahaman dan pemikiran Islam dalam aspek ini nescaya tamadun (moden) ini kelihatan begitu kerdil, malah ia kelihatan merupakan suatu kutukan yang merendahkan pandangan manusia terhadap dirinya sendiri dan terhadap kedudukannya di alam buana ini, dan suatu kutukan yang menjatuhkan manusia dan mengecilkan minat, cita-cita dan keinginan-keinginan mereka. Kekosongan sedang memamah hati umat manusia yang malang dan kebingungan sedang menggoncang jiwa mereka yang penat. Itulah jiwa yang tidak menemui Allah, kerana keadaan-keadaan hidup mereka yang malang telah menjauhkan mereka dari Allah.

Sains Gagal Mendekatkan Manusia Kepada Allah

Sains yang sepatutnya - andainya ia berjalan di bawah undang-undang dan peraturan Allah - dapat menjadikan setiap kejayaan manusia di bidang ini sebagai satu langkah yang mendekatkan mereka kepada Allah, tiba-tiba ia sendiri yang menjauhkan manusia dengan kejayaan itu dari Allah dengan sebab kejatuhan dan kepadaman roh mereka. Umat manusia tidak menemui cahaya yang menerangi matlamat kewujudan mereka yang sebenar, yang membolehkan mereka menuju kepadanya dengan pertolongan ilmu pengetahuan ini yang dikurniakan Allah kepada mereka. Mereka juga tidak menemui satu sistem hidup yang dapat menyelaraskan di antara harakatnya dengan harakat alam buana, di antara fitrahnya dengan fitrah alam buana, di antara undang-undangnya dengan undang-undang alam buana. Mereka tidak menemui satu sistem yang dapat menyelaraskan di antara tenaga-tenaganya dengan kekuatannya, di antara akhiratnya dengan dunianya, di antara individu-individunya dengan kelompok-kelompoknya, di antara kewajipan-kewajipan dengan hak-haknya dengan satu penyelarasan yang tabi'i, sempurna dan selesa.

Di antara umat manusia ini ada segolongan dari mereka yang berusaha mengharamkan mereka dari sistem hidup Allah yang memberi hidayat kepada mereka. Golongan inilah yang menamakan cita-cita kepada sistem ini sebagai cita-cita yang kolot atau mundur ke belakang. Mereka mengira cita-cita ini sebagai satu keinginan kepada satu masa yang telah berlalu di dalam sejarah. Dengan sebab kejahilan golongan ini atau dengan sebab niat mereka yang buruk, mereka telah mengharamkan umat manusia dari bercita-cita ke arah satu-satunya sistem hidup yang memimpin langkah-langkah mereka menuju kedamaian dan ketenteraman di samping memimpin mereka menuju kepada kesuburan dan kemajuan. Kita umat Muslimin yang beriman kepada sistem hidup ini adalah mengetahui ke manakah kita berda'wah. Kita memang melihat realiti umat manusia yang malang dan menghidu bau busuk dari paya yang kotor itu, di mana mereka bergelimang di dalam lumpurnya, dan di samping itu kita melihat di sana di kemuncak yang tinggi panji-panji keselamatan sedang dikibar kepada manusia-manusia yang menderita di Padang Sahara yang panas membakar, di sana terdapat tangga yang cemerlang dan bersih sedang melambai insan-insan yang sedang tenggelam di dalam paya itu. Dan seterusnya kita melihat bahawa kepimpinan umat manusia jika tidak dikembalikan kepada sistem ini maka kepimpinan ini akan terus membawa setiap sejarah manusia dan setiap konsep manusia kepada kejatuhan yang buruk.

Langkah pertama di jalan perjuangan ialah memelihara ciri keunikan dan perbezaan sistem hidup Ilahi ini. Para pejuangnya janganlah sekali-kali mengambil arahan dan bimbingan dari jahiliyah yang wujud di sekeliling mereka supaya sistem ini kekal bersih dan sihat sehingga Allah mengizinkan sistem ini memimpin umat manusia sekali lagi. Dan Allah Maha Pengasih terhadap para hamba-Nya tidak membiarkan mereka menjadi mangsa kepada musuh-musuh manusia yang menyeru kepada jahiliyah di sana sini.

Inilah hakikat yang mahu diajarkan oleh Allah S.W.T. kepada angkatan Muslimin pertama dahulu di dalam kitab suci-Nya yang mulia dan inilah hakikat yang mahu ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam pengajaran-pengajarannya kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 102 - 107)

Allah Memerintah Kelompok Muslimin Memelihara Dua Asas Pokok Untuk Dilaksanakan

Selepas memberi amaran supaya jangan menerima bimbingan dari Ahlil-Kitab dan jangan mengikut mereka, Allah menyeru kelompok Muslimin dan memerintah mereka memelihara dua asas pokok yang menjadi tapak landasan hidup mereka dan sistem hidup mereka, iaitu dua asas yang perlu bagi mereka untuk memikul tugas agung yang diserahkan Allah kepada mereka, iaitu tugas agung yang kerananya mereka dilahirkan ke alam al-wujud ini. Dua asas yang berkembar ini ialah keimanan dan persaudaraan, iaitu beriman dan bertaqwa kepada Allah dan bermuraqabah dengan-Nya pada setiap detik hidup, dan persaudaraan kerana Allah, iaitu persaudaraan yang menjadikan kelompok Muslimin satu binaan yang hidup, kuat, tahan dan berupaya menunaikan peranannya yang besar di dalam kehidupan manusia dan sejarah manusia, iaitu peranan menyuruh membuat kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan menegakkan kehidupan manusia di atas asas kema'rufan dan membersihkannya dari kekotoran kemungkaran:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾
وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ
قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ
شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ
ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾
وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾
وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ تَفَرَّقُوا۟ وَٱخْتَلَفُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ
ٱلْبَيِّنَٰتُ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾
يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ ۚ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱسْوَدَّتْ
وُجُوهُهُمْ أَكَفَرْتُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ
بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿١٠٦﴾
وَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱبْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ فَفِى رَحْمَةِ ٱللَّهِ ۖ
هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١٠٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwanya dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Muslim (102). Dan berpeganglah seluruh kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah, dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu ketika kamu dahulunya (hidup) bermusuh-musuhan kemudian Allah telah menjinakkan hati di antara kamu lalu jadilah kamu (hidup) bersaudara dengan ni'mat-Nya itu, dan kamu dahulunya telah berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kamu darinya. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat (103). Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan orang yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan merekalah orang-orang yang beruntung (104). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang telah berpecah-belah dan berselisih faham sesudah datang keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka. Dan merekalah orang-orang yang mendapat 'azab yang amat besar (105). (Ingatkanlah) hari, di mana banyak wajah menjadi putih berseri-seri dan banyak pula wajah yang menjadi hitam muram. Adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi hitam muram (ditanyakan kepada mereka): Mengapakah kamu menjadi kafir setelah kamu beriman? Kerana itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan kufur yang telah dilakukan kamu itu (106). Dan adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi putih berseri-seri, maka mereka sekalian berada di dalam rahmat Allah (Syurga) dan mereka kekal abadi di dalamnya."(107)

Kedua-duanya merupakan tiang seri dan di atas tiang-tiang inilah ditegakkan kelompok Muslimin dan dengan tiang-tiang inilah membolehkan kelompok Muslimin melaksanakan peranannya yang sukar dan besar itu. Apabila salah satu dari dua tiang itu tumbang, nescaya tidak wujud lagi kelompok Muslimin dan tiada lagi peranan untuk dilaksanakan mereka.

Tiang yang pertama ialah tiang iman dan taqwa, iaitu taqwa yang menyempurnakan hak Allah yang mulia, taqwa yang sentiasa sedar, yang tak pernah lalai dan tak pernah lemah walau sedetik pun dari detik-detik usia hidup sehingga seseorang itu sampai ajalnya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwanya."

Mendaki Tangga Maqam Taqwa Hingga Setinggi-tingginya

Yakni bertaqwalah kepada Allah mengikut yang sewajar baginya. Ia diungkapkan dengan bentuk umum begini tanpa digariskan batasan agar hati manusia berusaha mencapai tahap kemuncaknya mengikut yang difikir olehnya dan terupaya dilakukannya. Semakin jauh hati memasuki jalan ini semakin tinggi ia melihat kemuncak-kemuncak ke hadapannya dan semakin bertambah keinginannya. Semakin dekat seseorang itu mendekati Allah dengan taqwanya, semakin kuat keinginannya untuk mencapai maqam dan martabat yang lebih tinggi dari apa yang telah dicapaikannya dan ia terus bercita-cita untuk sampai ke maqam yang membuat hatinya sentiasa jaga dan tidak tidur.

وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

"Dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Muslim."(102)

Islam Dalam Ertikatanya Yang Luas

Kematian adalah suatu perkara ghaib yang tidak diketahui oleh seseorang manusia bilakah ia akan mati, oleh itu sesiapa yang tidak mahu mati melainkan dalam keadaan sebagai seorang Muslim maka jalannya hendaklah mulai dari sekarang ia hidup sebagai seorang Muslim dan terus hidup sebagai seorang Muslim pada setiap masa. Al-Qur'an menyebut Islam selepas menyebut taqwa di dalam ayat ini membayangkan bahawa Islam itu mempunyai pengertian yang luas, iaitu penyerahan diri kepada Allah, keta'atan dan kepatuhan kepada Allah, mengikut sistem hidup yang diatur oleh Allah dan berhakimkan kepada kitab suci Allah. Inilah pengertian yang dijelaskan oleh surah ini dalam setiap tempat sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.

Inilah tiang seri pertama dan di atas tiang inilah ditegakkan kelompok Muslimin untuk menjelmakan kewujudan mereka dan melaksanakan peranan mereka. Tanpa tiang seri ini semua masyarakat dianggap masyarakat jahiliyah belaka dan di sana tidak akan wujud sistem Allah, di mana seluruh umat hidup berpadu di atasnya, malah yang wujud ialah sistem-sistem jahiliyah, dan di sana tidak ada kepimpinan yang membawa manusia kepada hidayat di bumi ini, malah kepimpinan yang ada ialah kepimpinan jahiliyah.

Tiang seri yang kedua ialah tiang seri persaudaraan, iaitu persaudaraan kerana Allah, persaudaraan di atas sistem hidup Allah dan persaudaraan untuk menghakikatkan sistem hidup Allah:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَاذْكُرُوا
نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ
قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ
شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ
اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

"Dan berpeganglah seluruh kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah, dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu ketika kamu dahulunya (hidup) bermusuh-musuhan kemudian Allah telah menjinakkan hati di antara kamu lalu jadilah kamu (hidup) bersaudara dengan ni'mat-Nya itu, dan kamu dahulunya telah berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kamu darinya. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat."(103)

Asas Persaudaraan Islam

Di sini jelaslah bahawa persaudaraan itu adalah persaudaraan yang lahir dari taqwa dan Islam yang menjadi tiang seri yang pertama, iaitu persaudaraan yang berasaskan pegangan yang kukuh dengan tali Allah yakni dengan perjanjian-Nya, sistem-Nya dan agama-Nya dan bukannya persaudaraan yang lahir dari semata-mata bermasyarakat yang berlandaskan sesuatu fahaman yang lain atau kerana sesuatu matlamat yang lain atau persaudaraan yang berasaskan pegangan pada sesuatu tali yang lain dari tali-tali jahiliyah yang banyak.

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ

"Dan berpeganglah seluruh kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah"

Persaudaraan yang berpegang teguh dengan tali Allah ini merupakan satu ni'mat yang dibangkit-bangkitkan Allah kepada angkatan jama'ah Muslimin yang pertama, iaitu satu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada para hamba yang sentiasa disayangi. Dan di sini Allah mengingatkan ni'mat ini kepada mereka. Dan mengingatkan bagaimana mereka di zaman jahiliyah dahulu hidup bermusuh-musuhan satu sama lain seperti permusuhan yang paling tajam yang wujud di antara suku Aus dan Khazraj (di Madinah) iaitu dua suku Arab yang tinggal di Yathrib dan mereka berjiran dengan kaum Yahudi yang berusaha mengapi-apikan permusuhan ini sehingga api permusuhan itu membakar segala perhubungan di antara dua suku kaum itu. Di sinilah kaum Yahudi mendapat gelanggang yang sesuai dengan usaha kerja dan cara hidup mereka. Kemudian Allah menjinakkan hati dua suku kaum ini dengan perantaraan agama Islam. Hanya Islam sahaja yang dapat memadukan hati yang berjauhan ini. Hanya tali Allah sahaja yang dapat memberi pegangan kepada semua orang dan dengan ni'mat itu mereka dapat hidup sebagai saudara. Tiada yang dapat menyatukan hati melainkan persaudaraan kerana Allah, iaitu persaudaraan yang membuat segala dendam kesumat yang turun temurun dalam sejarah, segala pembalasan dendam sukuan, segala tamak haloba peribadi dan segala panji-panji kaum itu kelihatan

begitu kecil di samping persaudaraan ini dapat menyatupadu mereka dalam satu barisan di bawah panji-panji Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi:

وَٱذۡكُرُواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ إِذۡ كُنتُمۡ أَعۡدَآءٗ فَأَلَّفَ
بَيۡنَ قُلُوبِكُمۡ فَأَصۡبَحۡتُم بِنِعۡمَتِهِۦٓ إِخۡوَٰنٗا

"Dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu ketika kamu dahulunya (hidup) bermusuh-musuhan kemudian Allah telah menjinakkan hati di antara kamu lalu jadilah kamu (hidup) bersaudara dengan ni'matnya itu."

Mengenangkan Ni'mat Allah

Begitu juga Allah telah mengingatkan mereka terhadap ni'mat-Nya yang telah menyelamatkan mereka dari Neraka yang hampir-hampir mereka terhumban ke dalamnya. Allah telah menyelamatkan mereka dari Neraka dengan memberi hidayat kepada mereka agar berpegang teguh dengan tali Allah selaku tiang seri pertama dan menyatukan hati mereka, lalu mereka hidup bersaudara dengan agama Allah selaku tiang seri yang kedua.

وَكُنتُمۡ عَلَىٰ شَفَا حُفۡرَةٖ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنۡهَاۗ

"Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kamu darinya."

Nas Al-Qur'an sengaja menyebut "hati" selaku tempat menyembunyikan perasaan-perasaan dan hubungan. Ia tidak terus mengungkap dengan perkataan "kemudian Allah telah menjinakkan di antara kamu", malah ia menyelinap dalam tempat simpanan hati yang tersembunyi dan berkata "kemudian Allah telah menjinakkan di antara hati kamu" di sini ia menggambarkan hati seolah-olah seberkas kayu yang bersatu-padu dengan tangan qudrat Allah dan dengan perjanjian-Nya. Begitu juga nas ini menggambarkan keadaan mereka sebelum ini dalam bentuk satu pemandangan yang hidup dan bergerak dan detik-detik pergerakannya diikuti oleh hati. "Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka" ketika gerak jatuh ke dalam lubang Neraka itu sedang ditunggu-tunggu tiba-tiba hati melihat tangan qudrat menyelamatkan mereka. Dan melihat tali Allah dihulurkan kepada mereka dan mereka diselamatkan. Seterusnya nas ini menggambarkan pemandangan keselamatan dari bahaya, selepas menduga akan dilanda bahaya iaitu satu pemandangan yang hidup dan bergerak yang diikuti oleh hati-hati dengan perasaan takut-takut dan berdebar takut dan membuat mata melihat sepenuhnya walaupun setelah dilalui generasi-generasi.

Cubaan Yahudi Untuk Memutuskan Persaudaraan Islam

Muhammad bin Ishaq telah menyebut di dalam as-Sirah dan lainnya bahawa ayat ini telah diturunkan mengenai Aus dan Khazraj. Ceritanya begini: Ada seorang lelaki Yahudi melintasi sekumpulan orang-orang Aus dan Khazraj. Dia merasa sakit hati apabila melihat mereka berpakat dan berbaik-baik satu sama lain lalu dia menghantar seorang lelaki yang ada bersamanya supaya duduk di kalangan mereka dan mengingatkan mereka tentang peristiwa-peristiwa pertempuran di dalam Peperangan Bu'aath dan lain-lain peperangan. Lalu lelaki itu pun berbuat begitu dan terus mengapi-apikannya sehingga hati mereka menjadi panas dan marah terhadap satu sama lain dan masing-masing hendak bangkit menuntut bela. Kemudian mereka meneriakkan lambang masing-masing dan meminta senjata mereka dan mengajak berperang di "al-Harrah". Berita ini sampai kepada Nabi s.a.w. lalu beliau datang menemui mereka dan menenangkan mereka sambil bersabda: "Apakah kamu mengajak dengan seruan jahiliyah, sedangkan aku masih ada di dalam kalangan kamu?" Kemudian beliau membaca ayat ini kepada mereka, lalu mereka pun menyesal dan kembali berdamai. Mereka berpeluk-peluk satu sama lain dan membuang senjata-senjata mereka.

Demikianlah Allah menjelaskan kepada mereka lalu mereka menerima hidayat Allah dan tepatlah firman Allah S.W.T. selaku ulasan dalam ayat yang berikut:

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمۡ تَهۡتَدُونَ ١٠٣

"Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat."(103)

Inilah satu gambaran dari usaha kaum Yahudi untuk memutuskan tali Allah di antara para penganut Islam yang berkasih sayang kerana Allah, yang berdiri teguh di atas sistem hidup Allah untuk memimpin umat manusia ke jalan Allah. Inilah satu gambaran dari tipudaya yang terus menerus dilakukan oleh kaum Yahudi terhadap kelompok Muslimin apabila mereka bersatu-padu di atas sistem hidup Allah dan berpegang teguh pada tali Allah. Inilah salah satu hasil dan akibat dari mengikut Ahlil-Kitab yang hampir-hampir berjaya mengembalikan angkatan Muslimin yang pertama terbalik menjadi kafir semula dan berbunuh-bunuhan sesama sendiri dan memutuskan tali Allah yang kukuh yang menjadi penghubung di antara mereka, di mana mereka hidup sebagai saudara yang bersatu-padu. Inilah hubungan ayat ini dengan ayat-ayat sebelum.

Tetapi maksud ayat ini lebih jauh lagi dari peristiwa ini. Ia membayangkan bersama-sama ayat sebelum dan selepasnya - bahawa di sana ada gerakan yang berterusan dari kaum Yahudi untuk memecah-belahkan barisan kaum Muslimin di Madinah dan menimbulkan fitnah dan keadaan perpecahan dengan segala cara. Amaran-amaran Al-Qur'an yang berturut-turut yang melarang mengikut kaum Ahlil-Kitab dan mendengar tipu daya dan komplot mereka, juga melarang dari berpecah-belah seperti mereka. Amaran-amaran ini membayangkan dengan kuat betapa hebatnya tipudaya kaum Yahudi yang telah di

alami oleh kelompok Muslimin di Madinah, dan betapa hebatnya mereka menaburkan bibit-bibit persengketaan, keraguan dan keadaan kelam-kabut. Inilah amalan biasa kaum Yahudi di dalam setiap zaman. Dan inilah juga kegiatan mereka pada hari ini dan besok di dalam barisan kaum Muslimin di setiap tempat.

Tugas Kelompok Muslimin

Adapun tugas kelompok Muslimin yang ditegakkan di atas dua tiang ini ialah tugas yang perlu untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di bumi ini, dan untuk memenangkan kebenaran di atas kebatilan, kema'rufan di atas kemungkaran, kebaikan di atas kejahatan. Kerana tugas inilah kelompok Muslimin telah diwujudkan dengan qudrat Allah. Mereka dilahirkan di bawah perhatian Allah dan mengikut cara yang dikehendaki Allah. Tugas inilah yang dijelaskan di dalam ayat yang berikut:

وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan orang yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan merekalah orang-orang yang beruntung."(104)

Kepastian Wujudnya Kelompok Muslimin Yang Berkuasa

Oleh itu pastilah wujud satu kumpulan yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh membuat kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran. Pastilah ada satu kuasa di bumi ini yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh membuat kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran. Yang menjelaskan kepastian adanya satu kuasa yang seperti itu ialah maksud nas Al-Qur'an itu sendiri. Di sana pasti diadakan "seruan"(دعوة) kepada kebaikan, dan di sana juga pasti diwujudkan "perintah"(تأمر) menyuruh orang membuat kema'rufan dan diadakan "larangan"(وتنهى) dari melakukan kemungkaran. Jika kerja da'wah itu boleh dilakukan oleh orang-orang yang tidak mempunyai kuasa, maka kerja-kerja menyuruh dan melarang tidak boleh dilakukan kecuali orang yang mempunyai kuasa.

Inilah kefahaman dan pandangan Islam terhadap masalah ini, iaitu di sana pasti wujud satu kuasa yang menyuruh dan melarang, satu kuasa yang menjalankan da'wah ke arah kebaikan dan melarang kemungkaran, satu kuasa yang semua unitnya terikat dengan tali Allah dan dengan tali persaudaraan kerana Allah, satu kuasa yang ditegakkan di atas dua tiang yang berpadu ini untuk mewujudkan sistem hidup Allah di dalam kehidupan manusia. Pengwujudan sistem ini memerlukan kepada da'wah kepada kebaikan dan dari da'wah inilah orang ramai dapat memahami hakikat sistem ini. Ia memerlukan kuasa yang menyuruh berbuat kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan perintahnya dita'ati. Firman Allah:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذۡنِ ٱللَّهِۚ

"Tiada seorang rasul pun yang kami utuskan melainkan supaya ia dita'ati dengan keizinan Allah."

(Surah an-Nisa': 64)

Agama Allah Bukan Hanya Nasihat

Oleh itu agama Allah di bumi ini bukanlah semata-mata berupa nasihat, tunjuk ajar dan penerangan sahaja. Ini adalah sebahagian darinya dan sebahagian yang lain pula ialah menjalankan kuasa menyuruh dan melarang untuk menegakkan kema'rufan, menolak kemungkaran dari kehidupan manusia, memelihara tradisi kelompok terpilih (Jama'ah Mu'minin) dari dipermain-mainkan oleh orang-orang yang bernafsu keinginan dan bernafsu kepentingan dan seterusnya memelihara tradisi-tradisi yang baik ini dari membenarkan setiap orang boleh memberi fikiran dan pandangan masing-masing terhadapnya dengan anggapan inilah kebaikan, kema'rufan dan sesuatu yang betul.

Oleh sebab itulah da'wah kepada kebaikan dan menyuruh kepada kema'rufan dan melarang kemungkaran itu merupakan tugas yang bukan senang dan mudah apabila kita melihat kepada tabi'atnya dan kepada pertentangannya dengan nafsu-nafsu keinginan manusia dan dengan kepentingan-kepentingan setengah-setengah mereka dan dengan keangkuhan setengah-setengah yang lain. Di antara mereka terdapat orang-orang yang zalim, terdapat pemerintah yang sewenang-wenang, terdapat manusia yang berbudi rendah dan tidak suka naik, terdapat manusia yang berpendirian goyah dan tidak suka berpendirian keras dan tegas, terdapat manusia yang berperibadi larut tidak suka bersikap serius, terdapat manusia yang zalim yang tidak sukakan keadilan, terdapat manusia yang menyeleweng yang tidak sukakan kelurusan dan kejujuran, dan lain-lain lagi dari orang-orang yang menentang kema'rufan dan sukakan kemungkaran. Sesuatu umat dan umat manusia tidak akan beruntung melainkan apabila kebaikan itu mendapat tempat yang dominan, melainkan apabila kema'rufan tetap dengan kema'rufan dan kemungkaran tetap dengan kemungkaran. Inilah apa yang dikehendaki oleh kuasa kebaikan dan kema'rufan. Ia menyuruh dan melarang dan perintahnya dita'ati.

Oleh sebab itulah perlunya wujud satu kelompok yang bertemu di atas dua asas ini, iaitu beriman kepada Allah dan persaudaraan kerana Allah untuk melaksanakan tugas yang sukar ini dengan kekuatan iman dan taqwa dan dengan kekuatan kasih mesra persaudaraan. Kedua-dua kekuatan ini merupakan kekuatan-kekuatan yang diperlukan oleh peranan ini

yang telah diserahkan Allah kepada kelompok Muslimin selaku tugas yang diwajibkan ke atas mereka dan pelaksanaan tugas ini juga telah dijadikan syarat untuk mencapai keberuntungan dan kejayaan dan inilah keterangan Allah mengenai mereka yang menjalankan tugas itu:

وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٠٤

"Dan merekalah orang-orang yang beruntung."(104)

Kelompok Muslimin Merupakan Persekitaran Yang Baik

Wujudnya kelompok ini merupakan salah satu dari keperluan-keperluan sistem Ilahi itu sendiri, kerana kelompok ini merupakan persekitaran di mana sistem ini dapat bernafas dan menjelmakan dirinya dalam bentuknya yang wujud di alam realiti. Ia merupakan suatu persekitaran yang baik, sepadu dan bekerjasama menyeru kepada kebaikan. Yang terkenal dalam persekitaran ini ialah kebaikan, budi pekerti yang mulia, kebenaran dan keadilan dan yang tidak dikenali di sini ialah kejahatan, budi pekerti yang hina, kebatilan dan kezaliman. Melakukan kebaikan di sini lebih mudah dari melakukan kejahatan. Budi pekerti yang mulia di sini lebih ringan bebannya dari budi pekerti yang hina. Kebenaran di sini lebih kuat dari kebatilan. Keadilan di sini lebih berguna dari kezaliman. Orang yang melakukan kebaikan di sini mendapat penyokong-penyokong yang ramai dan orang yang melakukan kejahatan di sini mendapat tentangan dan menemui kekecewaan. Di sinilah letaknya nilai masyarakat ini. Ia merupakan persekitaran di mana kebaikan dan kebenaran dapat subur tanpa memerlukan usaha yang besar, kerana segala sesuatu dan sekalian mereka yang ada di sekelilingnya membantu pertumbuhan dan kesuburannya. Sebaliknya ia juga merupakan suatu persekitaran di mana kejahatan dan kebatilan tidak dapat subur melainkan dengan kesusahan dan kepayahan kerana segala sesuatu yang ada di sekelilingnya menentang pertumbuhan dan kesuburan.

Kefahaman dan pandangan Islam terhadap kewujudan dan kehidupan, terhadap nilai-nilai dan amalan-amalan, terhadap peristiwa-peristiwa, terhadap benda-benda dan orang-orang adalah berlainan sama sekali dari kefahaman-kefahaman dan pandangan-pandangan jahiliyah, iaitu suatu kelainan yang asasi dan sejati. Oleh sebab itulah kefahaman dan pandangan ini memerlukan kepada satu persekitaran khusus supaya ia dapat hidup dengan segala nilai istimewanya. Ia memerlukan kepada satu persekitaran yang berlainan dari persekitaran jahiliyah. Dan ia memerlukan kepada satu masyarakat yang berlainan dari masyarakat jahiliyah.

Persekitaran khusus ini, adalah hidup dengan kefahaman Islam dan kerana kefahaman Islam. Oleh itu dalam persekitaran inilah kefahaman Islam dapat hidup dan bernafas dengan nafas-nafas biasa dengan bebas dan selesa, dan dapat subur tanpa gangguan-gangguan dari dalam yang boleh melambat atau menghalangkan kesuburannya dan apabila terdapat gangguan-gangguan ini, maka ia akan ditentang oleh da'wah yang mengajak kepada kebaikan, menyuruh kepada kema'rufan dan melarang kemungkaran, dan apabila terdapat kekuatan yang zalim yang menghalangkan manusia dari jalan Allah, maka di sana terdapat pula pembela-pembela yang mempertahankan agama Allah di dalam kehidupan manusia.

Persekitaran ini adalah dilambangkan oleh kelompok Muslimin yang berdiri teguh di atas asas keimanan dan persaudaraan, iaitu keimanan kepada Allah supaya mereka mempunyai kefahaman dan pandangan yang sama terhadap kewujudan dan kehidupan, terhadap nilai-nilai dan amalan-amalan, terhadap peristiwa-peristiwa, terhadap benda-benda dan orang-orang, dan supaya mereka kembali kepada neraca yang sama untuk menilaikan segala apa yang berlaku kepada mereka dalam kehidupan, dan supaya mereka berhakimkan kepada undang-undang yang sama yang diturun dari sisi Allah dan seterusnya supaya mereka membulatkan seluruh kesetiaan mereka kepada kepimpinan yang berjuang untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di bumi ini....... dan persaudaraan kerana Allah supaya mereka dapat menegakkan kewujudan mereka di atas asas kasih sayang dan tolong-menolong yang menghapuskan perasaan-perasaan mementingkan diri sendiri dan menambahkan perasaan mengutamakan kepentingan-kepentingan orang lain yang terbit dengan hati yang senang, dengan semangat yang berkobar-kobar dan dengan keyakinan yang penuh tenteram dan gembira.

Ciri Kelompok Muslimin Yang Pertama Di Madinah

Beginilah caranya kelompok pertama Muslimin terbentuk di Madinah di atas asas keimanan dan persaudaraan kerana Allah, iaitu keimanan yang terbit dari ma'rifat Allah dan sifat-sifat-Nya yang tergambar di dalam hati, keimanan yang terbit dari taqwa dan bermuraqabah dengan Allah dan keimanan yang terbit dari kesedaran dan kepekaan hingga ke batas yang luar biasa kecuali dalam keadaan-keadaan yang jarang .... Dan persaudaraan yang ditegakkan di atas kasih sayang yang melimpah-ruah, kasih mesra yang manis dan indah, dan ditegakkan di atas semangat tolong-menolong yang sungguh-sungguh dan mendalam. Kelompok Muslimin yang pertama itu telah mencapai satu tahap, andainya ia tidak berlaku, tentulah kisah mereka dikira sebagai kisah impian orang-orang yang bermimpi. Cerita persaudaraan di antara kaum Muhajirin dan kaum Ansar adalah sebuah cerita dari alam hakikat, tetapi dari segi sifatnya ia lebih hampir kepada sebuah cerita impian. Ia sebuah cerita yang telah berlaku di dunia ini tetapi dari segi sifatnya ia adalah sebuah cerita dari alam Syurga yang kekal.

Di atas landasan keimanan dan persaudaraan yang seperti inilah tegaknya sistem hidup Ilahi di muka bumi di setiap zaman.

Oleh sebab itulah ayat yang berikut kembali mengingatkan kelompok Muslimin supaya jangan berpecah-belah dan bertelagah sesama sendiri, dan seterusnya memberi amaran dari menerima akibat yang telah menimpa kaum Ahlil-Kitab yang telah memikul amanah agama Allah sebelum mereka kemudian mereka berpecah-belah dan bertelagah sesama sendiri, lalu Allah merampas panji-panji amanah dari tangan mereka dan menyerahkannya kepada kelompok Muslimin yang hidup bersaudara. Di samping itu mereka ditunggu pula oleh 'azab keseksaan pada hari Qiamat, di mana banyak muka kelihatan putih berseri-seri dan banyak pula muka yang kelihatan hitam muram:

وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ تَفَرَّقُوا۟ وَٱخْتَلَفُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ
ٱلْبَيِّنَٰتُ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾
يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ ۚ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱسْوَدَّتْ
وُجُوهُهُمْ أَكَفَرْتُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ
بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿١٠٦﴾
وَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱبْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ فَفِى رَحْمَةِ ٱللَّهِ ۖ
هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١٠٧﴾

"Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang telah berpecah-belah dan berselisih faham sesudah datang keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka. Dan merekalah orang-orang yang mendapat 'azab yang amat besar (105). (Ingatlah) hari, di mana banyak wajah menjadi putih berseri-seri dan banyak pula wajah yang menjadi hitam muram, Adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi hitam muram (ditanyakan kepada mereka): Mengapakah kamu menjadi kafir setelah kamu beriman? Kerana itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan kufur yang telah dilakukan kamu itu (106) Dan adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi putih berseri-seri, maka mereka sekalian berada di dalam rahmat Allah (Syurga) dan mereka kekal abadi di dalamnya."(107)

Di sini ayat ini melukiskan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Al-Qur'an yang hidup dan penuh harakat. Kita sedang berdepan dengan sebuah pemandangan yang menakutkan, iaitu satu pemandangan dahsyat yang tidak digambarkan dengan kata-kata atau dengan sifat-sifat, tetapi digambarkan dengan muka-muka manusia yang hidup, iaitu muka-muka yang berseri-seri dengan nur dan limpah dengan kegembiraan menyebabkan ia kelihatan putih berseri-seri dan tersenyum manis, sedangkan muka-muka ini pula muram kerana sedih dan dukacita dan ia kelihatan hitam suram kerana terlalu duka nestapa. Namun demikian mereka tidak pula dibiarkan begitu sahaja, malah mereka terus dibidas dan dikecam:

أَكَفَرْتُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ
تَكْفُرُونَ ﴿١٠٦﴾

"Mengapakah kamu menjadi kafir setelah kamu beriman? Kerana itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan kufur yang dilakukan kamu itu."(106)

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱبْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ فَفِى رَحْمَةِ ٱللَّهِ ۖ هُمْ
فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١٠٧﴾

"Dan adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi putih berseri-seri, maka mereka sekalian berada di dalam rahmat Allah (Syurga) dan mereka kekal abadi di dalamnya."(107)

Demikianlah pemandangan ini berdenyut-denyut hidup, bergerak dan berdialog mengikut cara Al-Qur'an.

Demikianlah erti amaran dari berpecah-belah dan bertelagah sesama sendiri itu terpacak kukuh di dalam hati kelompok Muslimin, demikianlah juga erti ni'mat Ilahi yang luhur yang mengurniakan ni'mat keimanan dan persaudaraan yang padu.

Demikianlah kelompok Muslimin melihat nasib kesudahan kaum Ahlil-Kitab dan mereka telah diberi amaran supaya jangan mengikut kaum Ahlil-Kitab agar mereka tidak berkongsi dengan mereka menerima nasib kesudahan yang amat pedih di dalam 'azab yang amat besar pada hari Qiamat kelak, di mana banyak muka kelihatan putih berseri dan ramai pula muka yang kelihatan hitam suram.

(Pentafsiran ayat-ayat 108 - 109)

Kemudian kenyataan yang menjelaskan nasib kesudahan kedua-dua kumpulan diiringi pula dengan satu kenyataan kesimpulan Al-Qur'an yang sesuai dengan garis-garis besar surah ini, iaitu kenyataan yang mengandungi penjelasan yang membuktikan kebenaran wahyu dan risalah, kesungguhan balasan dan hisab pada hari Qiamat, keadilan hukuman Allah yang mutlak di dunia dan Akhirat, hak kepunyaan Allah Yang Tunggal yang memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan perkembalian segala urusan kepada Allah dalam segala keadaan:

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِٱلْحَقِّ ۗ وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ
ظُلْمًا لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٨﴾
وَلِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ
ٱلْأُمُورُ ﴿١٠٩﴾

"Itulah ayat-ayat Allah, Kami bacakannya kepadamu dengan benar dan Allah tiada sekali-kali hendak menganiayakan para hamba-Nya (108). Allah memiliki segala isi langit dan

segala isi bumi. Dan kepada Allah dikembalikan segala urusan."(109)

Itulah gambaran-gambaran, itulah hakikat-hakikat, itulah kesudahan manusia. Semuanya itu adalah ayat-ayat Allah dan keterangan-keterangannya kepada para hamba-Nya. Itulah ayat-ayat yang kami bacakannya kepadamu dengan benar. Yakni ayat-ayat itu adalah benar dalam segala apa yang diterangkannya mengenai dasar-dasar dan nilai-nilai. Ia adalah benar dalam segala apa yang ditayangkannya mengenai kesudahan-kesudahan dan balasan-balasan. Ia adalah diturun membawa kebenaran dari Allah yang berkuasa menurunkannya dan berhak menetapkan nilai-nilai dan kesudahan-kesudahan manusia serta mengenakan balasan-balasan ke atas mereka. Allah tidak sekali-kali bertujuan menimpakan apa-apa kezaliman ke atas para hamba-Nya, kerana Allah Hakim Yang Maha Adil dan Dialah yang memegang teraju urusan pentadbiran langit dan bumi dan urusan setiap makhluk yang ada di langit dan di bumi dan kepada-Nya dikembalikan segala urusan. Tujuan Allah mengaturkan balasan di atas amalan itu ialah untuk menegakkan kebenaran dan menjalankan keadilan dan supaya segala urusan berlangsung dengan kesungguhan yang layak dengan kebesaran Allah bukan seperti yang didakwakan oleh kaum Ahlil-Kitab bahawa mereka tidak akan disentuh api Neraka kecuali untuk beberapa hari sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 110 - 117)

Kedudukan Nilai Dan Hakikat Kaum Muslimin

Selepas itu Al-Qur'an mensifatkan umat Muslimin kepada diri mereka sendiri untuk memperkenalkan kepada mereka kedudukan mereka, nilai mereka dan hakikat mereka. Kemudian ia mensifatkan kaum Ahlil-Kitab tanpa mengurangi martabat mereka, malah ia menjelaskan hakikat mereka dan menggalakkan mereka mengejar pahala keimanan dan kebaikannya. Di samping menenangkan kaum Muslimin terhadap musuh mereka kaum Ahlil-Kitab, kerana mereka tidak akan dapat membahayakan kaum Muslimin dengan tipudaya dan peperangan-peperangan yang dilancarkan terhadap mereka, begitu juga mereka tidak akan diberi pertolongan mengalahkan kaum Muslimin. Dan bagi orang-orang yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab adalah disediakan untuk mereka 'azab Neraka di Akhirat dan tidak berguna kepada mereka segala apa yang diinfaqkan mereka dalam kehidupan dunia ini tanpa iman dan taqwa:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِٱللَّهِ ۗ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُم ۚ
مِّنْهُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ١١٠
لَن يَضُرُّوكُمْ إِلَّآ أَذًى ۖ وَإِن يُقَٰتِلُوكُمْ يُوَلُّوكُمُ
ٱلْأَدْبَارَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ١١١
ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ
مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ وَبَآءُو بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ
وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْمَسْكَنَةُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا۟
يَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقْتُلُونَ ٱلْأَنۢبِيَآءَ
بِغَيْرِ حَقٍّ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ١١٢
لَيْسُوا۟ سَوَآءً ۗ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ أُمَّةٌ قَآئِمَةٌ
يَتْلُونَ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ١١٣
يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَيَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُسَٰرِعُونَ
فِى ٱلْخَيْرَٰتِ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ١١٤
وَمَا يَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَلَن يُكْفَرُوهُ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ
بِٱلْمُتَّقِينَ ١١٥
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَن تُغْنِىَ عَنْهُمْ أَمْوَٰلُهُمْ وَلَآ
أَوْلَٰدُهُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۚ هُمْ
فِيهَا خَٰلِدُونَ ١١٦
مَثَلُ مَا يُنفِقُونَ فِى هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا كَمَثَلِ
رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ حَرْثَ قَوْمٍ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ
فَأَهْلَكَتْهُ ۚ وَمَا ظَلَمَهُمُ ٱللَّهُ وَلَٰكِنْ أَنفُسَهُمْ
يَظْلِمُونَ ١١٧

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia. Kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah. Dan andainya kaum Ahlil-Kitab itu beriman tentulah lebih baik kepada mereka. Di antara

mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah penyeleweng-penyeleweng (110). Mereka tidak sekali-kali akan dapat memudaratkan kamu sekalian dari gangguan kecil sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu, mereka akan berpusing lari kemudian mereka tidak diberi pertolongan (111). Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka di mana sahaja mereka berada kecuali (Jika mereka berpegang) dengan tali (agama) Allah dan dengan tali (perjanjian) manusia. Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah dan kepapaan telah diterapkan ke atas mereka. Balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar. Balasan itu dengan sebab mereka telah menderhaka dan mereka telah melampaui batas (112). Mereka tidak sama. Di antara Ahlil-Kitab adalah golongan yang ta'at dan lurus. Mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam dan mereka sujud (bersembahyang) (113). Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dan mereka menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan mereka bersegera mengerjakan kebaikan-kebaikan dan mereka adalah dari golongan orang-orang yang soleh (114). Dan apa sahaja kebaikan yang dilakukan mereka maka mereka tidak akan dihapuskan pahalanya dan Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa (115). Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berguna kepada mereka harta mereka dan tidak pula anak-anak mereka sedikit pun untuk menolak 'azab Allah dan mereka adalah penghuni-penghuni Neraka dan mereka kekal di dalamnya (116). Bandingan harta yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini adalah laksana angin yang amat dingin yang telah menimpa tanaman satu kaum yang telah menganaiyai diri mereka dan memusnahkannya. Allah tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayakan diri mereka sendiri."(117)

Bahagian pertama dari kumpulan ayat-ayat ini telah meletakkan satu kewajipan yang amat berat di atas bahu kelompok Muslimin di bumi ini di samping memuliakan mereka dan mengangkatkan kedudukan mereka kepada satu kedudukan yang unik dan istimewa yang tidak dapat dicapai oleh mana-mana kelompok manusia yang lain:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah."(110)

Pengungkapan dengan kata-kata "أخرجت" (dilahirkan), iaitu dengan kata-kata bina majhul adalah satu pengungkapan yang menarik perhatian. Ia membayangkan tangan pentadbir yang lemah-lembut yang melahirkan umat ini dengan penuh hebat dan menolakkannya keluar ke alam kenyataan dari kegelapan alam ghaib dan dari sebalik tabir sarmadi azali yang tidak diketahui di mana batasnya melainkan Allah. Itulah satu kata-kata yang menggambarkan harakat yang tersembunyi yang bertindak, harakat yang lemah lembut yang perlahan-lahan bergerak, harakat yang melahirkan satu umat di atas pentas alam al-wujud, iaitu satu umat yang mempunyai peranan istimewa, kedudukan istimewa dan perhitungan yang istimewa:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia."

Umat Muslimin Dilahirkan Untuk Menjadi Pemimpin Umat Manusia

Inilah hakikat yang harus difahami oleh umat Muslimin supaya mereka mengenal hakikat diri mereka dan nilai mereka dan menyedari bahawa mereka adalah dilahirkan Allah untuk menjadi angkatan barisan hadapan yang memegang teraju kepimpinan (umat manusia) dengan sebab mereka merupakan sebaik-baik umat, sedangkan Allah pula mahu kepimpinan di bumi ini dipegang oleh kebaikan bukannya kejahatan. Oleh sebab itulah umat Muslimin tidak seharusnya menerima kepimpinan dari umat-umat jahiliyah yang lain, malah yang seharusnya bagi mereka buat selama-lamanya ialah memberi kepada umat-umat ini sumbangan-sumbangan yang ada pada mereka dan seharusnya mereka sentiasa mempunyai sumbangan-sumbangan untuk diberikan kepada umat-umat itu dalam bentuk kepercayaan yang betul, kefahaman yang betul, sistem hidup yang betul, akhlak yang betul, pengetahuan yang betul dan sains yang betul. Inilah kewajipan umat Muslimin yang diwajibkan oleh kedudukan dan matlamat kewujudan mereka. Kewajipan mereka ialah berada selama-lamanya di barisan hadapan dan selama-lamanya memegang teraju kepimpinan. Kedudukan ini mempunyai tanggungjawab-tanggungjawabnya. Oleh itu kedudukan ini tidak diambil dengan semata-mata dakwaan, ia tidak diserahkan kepada mereka melainkan kerana mereka layak memikulnya. Dengan kefahaman kepercayaan mereka dan dengan sistem kemasyarakatan mereka, mereka adalah layak memikul tugas kepimpinan itu. Dan yang masih tinggal dan harus diusahakan mereka ialah supaya mereka juga layak memikul tugas kepimpinan itu dengan kemajuan mereka di bidang keilmuan dan pembangunan-pembangunan di bumi sebagai menyempurnakan tugas khilafah mereka. Dari sini nyatalah bahawa sistem hidup umat Muslimin ini menuntut mereka melaksanakan banyak perkara dan mendorong mereka supaya mendahului (umat-umat yang lain) di dalam segala bidang jika mereka benar-benar mengikut dan mematuhi sistem hidup Ilahi itu dan memahami kehendak-kehendak dan tugas-tugasnya.

Keperluan pertama dari keperluan-keperluan kedudukan kepimpinan ini ialah mereka harus memelihara kehidupan manusia dari kejahatan dan kerosakan dan mereka harus mempunyai kekuatan yang membolehkan mereka menyuruh manusia melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran, kerana merekalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin umat manusia. Mereka dipilih Allah bukan kerana mengambil hati

atau pilih kasih, dan bukan pula secara kebetulan atau sembarangan Maha Suci Allah dari segala perbuatan ini dan bukan kerana tujuan mengagih-agihkan ikhtisas dan penghormatan sebagaimana pernah didakwa oleh Ahlil-Kitab:

نَحْنُ أَبْنَٰٓؤُاْ ٱللَّهِ وَأَحِبَّٰٓؤُهُۥ

"Kami adalah anak-anak Allah dan para kekasih-Nya."

(Surah al-Ma'idah: 18)

Tidak! Sekali-kali tidak! Malah mereka dipilih untuk melaksanakan tindakan-tindakan positif bagi memelihara kehidupan manusia dari kemungkaran dan menegakkannya di atas dasar kema'rufan serta keimanan yang menggariskan kema'rufan dan kemungkaran itu:

تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ

"Kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah."

Itulah pelaksanaan tugas-tugas umat yang terpilih dengan segala pengorbanan dan kesulitan yang wujud di sebaliknya dan dengan segala duri-duri yang terpacak di jalannya. Itulah gerak kerja menentang kejahatan, menggalakkan kebaikan dan memelihara masyarakat dari faktor-faktor kerosakan. Semuanya ini adalah kerja-kerja yang penat dan sulit, tetapi perlu untuk menegakkan masyarakat yang baik dan memeliharakannya, ia adalah kerja-kerja yang perlu untuk mewujudkan gambaran kehidupan manusia yang diredhai Allah.

Kekuatan Dan Pengaruh Keimanan

Keimanan kepada Allah merupakan suatu kepastian untuk meletakkan neraca yang betul bagi semua nilai dan untuk memberi ta'rif yang betul kepada kema'rufan dan kemungkaran, kerana istilah yang ditetapkan kelompok manusia sahaja tidak cukup. Kadang-kadang kerosakan itu menular ke seluruh sektor (masyarakat) menyebabkan neraca-neraca menjadi tidak betul dan mungkir belaka. Oleh sebab itulah ia pasti dirujukkan kepada satu kefahaman yang tetap bagi istilah-istilah kebaikan dan kejahatan, sifat yang mulia dan sifat yang hina, kema'rufan dan kemungkaran yang diasaskan di atas satu dasar yang lain dari istilah manusia di dalam mana-mana generasi mereka.

Inilah yang dapat direalisasikan oleh keimanan dengan menegakkan kefahaman dan pandangan yang betul terhadap alam al-wujud dan hubungannya dengan Allah Penciptanya, juga terhadap manusia, matlamat kewujudannya dan kedudukannya yang haqiqi di alam buana ini. Dan dari kefahaman dari pandangan yang semesta inilah lahirnya dasar-dasar akhlak. Dan dari motif keinginan mencari keredhaan Allah dan menjauhi kemurkaan-Nya, manusia berusaha untuk merealisasikan dasar-dasar ini. Dan dari kuasa Allah yang dirasakan di dalam hati nurani dan dari kuasa syari'atnya di dalam masyarakat terlaksanalah pula kawalan terhadap dasar-dasar akhlak ini.

Keimanan kepada Allah juga merupakan suatu kepastian supaya orang-orang yang menyuruh melakukan kebaikan dan orang-orang yang melarang melakukan kemungkaran itu mendapat kekuatan meneruskan perjuangan dan memikulkan tugas-tugas mereka yang berat di jalan yang sukar ini, kerana mereka akan menghadapi kuasa-kuasa jahat dan kuasa-kuasa nafsu yang ganas dan kejam, mereka akan menghadapi keruntuhan jiwa, kelemahan semangat dan kekuatan tekanan tamak haloba. Oleh itu satu-satunya bekalan dan kelengkapan mereka untuk menghadapi keadaan-keadaan yang seperti ini ialah keimanan dan satu-satunya sandaran mereka ialah Allah. Dan segala bekalan yang lain dari bekalan keimanan akan terdedah kepada kehabisan dan segala kelengkapan yang lain dari kelengkapan keimanan akan terdedah kepada kerosakan dan segala sandaran yang lain dari sandaran Allah akan runtuh belaka.

Di dalam rangkaian ayat yang telah silam telah dikemukakan perintah yang mewajibkan kelompok Muslimin supaya mereka mengadakan sekumpulan dari mereka yang bertugas menjalankan da'wah kepada kebaikan, menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran, tetapi di dalam ayat ini Allah S.W.T. sifatkan mereka dengan sifat ini untuk membuktikan kepada mereka bahawa mereka tidak wujud dengan kewujudan yang sebenar melainkan apabila sifat yang asasi itu terdapat pada mereka dengan sempurnanya. Dan dengan sifat inilah mereka dikenali di dalam masyarakat manusia. Jika mereka melaksanakan tugas berda'wah kepada kebaikan dan menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran serta beriman kepada Allah, maka bererti merupakan satu kumpulan yang wujud dan bersifat Muslimin. Sebaliknya jika mereka tidak melaksanakan tugas ini, bererti mereka tidak wujud dan tidak terbukti pada mereka sifat Islam.

Di dalam Al-Qur'an terdapat berbagai-bagai ayat yang menjelaskan hakikat ini dan kami tinggalkannya sehingga tiba pada tempatnya masing-masing. Di dalam as-Sunnah terdapat sekumpulan hadith-hadith yang cemerlang yang mengandungi perintah-perintah dan arahan-arahan Rasulullah s.a.w. yang kami petikan sebahagian darinya:

Hadith-hadith Mengenai Pembasmian Kemungkaran

Daripada Abi Sa'id al-Khudri r.a. katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

من رأى منكم منكراً فليغيره بيده، فإن لم يستطع فبلسانه، فإن لم يستطع فبقلبه وذلك أضعف الإيمان - اخرجه مسلم

"Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia ubahkannya dengan tangannya (kuasanya), jika ia tidak berupaya, maka hendaklah ia ubahkannya dengan lidah, dan jika ia tidak berupaya, maka hendaklah ia ingkarkannya dengan hatinya dan itulah selemah-lemah iman."

Daripada ibn Mas'ud r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

لما وقعت بنو إسرائيل فى المعاصي نهتهم علماؤهم، فلم ينتهوا، فجالسوهم وواكلوهم وشاربوهم، فضرب الله تعالى قلوب بعضهم ببعض، ولعنهم على لسان داود ولسليمان وعيسى بن مريم... ثم جلس- وكان متكئاً - فقال : لا والذى نفسي بيده حتى تأطروهم على الحق أطرا - اخرجه أبو داود والترمذي

"Apabila Bani Israel melakukan maksiat-maksiat, maka mereka telah dilarang oleh ulama'-ulama' mereka, tetapi mereka tidak juga berhenti kemudian ulama'-ulama' itu bersekedudukan dan semakan-seminum dengan mereka lalu Allah Ta'ala menjadikan hati mereka bertentangan terhadap satu sama lain dan melaknatkan mereka di atas lidah Daud, Sulaiman dan 'Isa anak Maryam" .... kemudian beliau duduk dan bersandar lalu bersabda lagi: "Tidak (tidak boleh dibiarkan orang-orang yang melakukan maksiat itu) demi Allah yang nyawaku berada dalam genggaman kuasa-Nya sehingga kamu melunturkan mereka supaya kembali kepada kebenaran."

Dari Huzayfah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

والذين نفسي بيده لتأمرن بالمعروف ولتنهون عن المنكر، أو ليوشكن الله ان يبعث عليكم عقاباً منه: ثم تدعونه فلا يستجيب لكم.

"Demi Allah yang nyawaku berada dalam genggaman kekuasaan-Nya, hendaklah kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran atau lambat-laun Allah akan menimpa balasan ke atas kamu, kemudian kamu berdo'a kepada-Nya dan Dia tidak lagi memperkenankan do'a kamu."

Dari 'Aras ibn Umayrah al-Yindi r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إذا عملت الخطيئة في الأرض كان من شهدها فأنكرها كمن غاب عنها، ومن غاب عنها فرضيها كمن شهدها. - اخرجه أبو داود.

"Apabila sesuatu kejahatan telah dilakukan di bumi ini, maka sesiapa yang melihatnya dan mengingkarkannya maka ia adalah sama dengan orang yang tidak melihatnya, dan sesiapa yang tidak melihatnya tetapi ia meredhakannya maka ia adalah sama dengan orang yang melihatnya."

Daripada Abi Sa'id al-Khudri r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن من أعظم الجهاد كلمة عدل عند سلطان جائر- اخرجه ابو دأود والترمذي

"Sesungguhnya jihad yang paling besar itu ialah mengeluarkan perkataan yang adil di hadapan pemerintah yang zalim."

Daripada Jabir bin Abdullah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

سيد الشهداء حمزة. ورجل قام إلى سلطان جائر، فأمره ونهاه، فقتله - رواه الحاكم والضياء

"Yang menjadi penghulu para syuhada ialah Hamzah dan lelaki yang pergi menemui pemerintah yang zalim lalu ia menyuruh dan melarangnya kemudian pemerintah itu membunuhnya."

Lain dari hadith-hadith ini terdapat banyak lagi hadith-hadith yang semuanya menjelaskan ketulenan sifat ini pada masyarakat Islam, juga keperluan sifat ini kepada masyarakat Islam. Hadith-hadith itu mengandungi bahan bimbingan dan cara pendidikan yang besar. Ia merupakan suatu bekalan yang amat penting di samping nas-nas Al-Qur'an, iaitu bekalan yang kita sekalian lupakan nilai dan hakikatnya.[1]

Kemudian marilah kita kembali pula kepada bahagian yang lain dari ayat yang pertama rangkaian ini.

وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُم مِّنْهُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿١١٠﴾

"Dan andainya kaum Ahlil-Kitab itu beriman tentulah lebih baik bagi mereka. Di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah penyeleweng-penyeleweng."(110)

Kaum Ahlil-Kitab Diseru Kembali Kepangkuan Iman

Ini adalah suatu galakan supaya Ahlil-Kitab - itu turut beriman. Ini adalah lebih baik bagi mereka di dunia ini agar dengan keimanan itu mereka terhindar dari perpecahan dan kekacauan di dalam 'aqidah-'aqidah kepercayaan mereka, iaitu perpecahan dan kekacauan i'tiqad, kepercayaan yang masih terus mengharamkan mereka dari mendapatkan satu syakhsiyah yang padu, kerana kepercayaan-kepercayaan yang seperti itu tidak dapat dijadikan landasan sistem kemasyarakatan untuk mengatur kehidupan mereka. Ia menyebabkan peraturan-peraturan kemasyarakatan mereka ditegakkan di atas asas yang tidak betul atau tergantung-gantung di atas udara. Seperti mana-mana sistem kemasyarakatan yang lain yang tidak dilandaskan di atas asas i'tiqad yang semesta atau syumul dan di atas suatu pentafsiran yang lengkap terhadap alam al-wujud, terhadap matlamat kewujudan insan dan terhadap

---

[1] *Lihat huraian yang luas dalam buku "قبسات من الرسول" oleh Muhammad Qutb bab "قبل ان تدعوا فلا أجيب"*

kedudukan insan di alam buana. Seterusnya keimanan itu lebih baik bagi mereka di Akhirat kelak agar dengan keimanan mereka terselamat dari akibat kesudahan yang buruk yang menuggu-nunggu orang-orang yang tidak beriman.

Kemudian dijelaskan pula keadaan mereka, di mana hak-hak orang-orang yang soleh dari golongan mereka tidak pernah dikurangi:

مِّنْهُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ١١٠

"Di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah penyeleweng-penyeleweng."(110)

Sekumpulan Ahlil-Kitab telah pun beriman dan menunjukkan keislaman mereka yang baik di antara mereka ialah: Abdullah ibn Salam, Asad ibn 'Ubayd, Tha'labah ibn Syua'bah dan Ka'b ibn Malik. Merekalah yang diisyaratkan oleh ayat ini secara umum dan dalam satu ayat selanjutnya mereka diisyaratkan dengan terperinci. Tetapi golongan yang terbesar dari mereka adalah menyeleweng dari agama Allah kerana mereka tidak memenuhi perjanjian Allah dengan para anbia', iaitu setiap nabi diwajibkan beriman kepada saudaranya yang dibangkitkan selepasnya dan memberi sokongan kepadanya. Mereka telah menyeleweng dari agama Allah kerana mereka enggan mengikut kehendak iradat Allah yang telah mengutuskan rasul-Nya yang terakhir yang bukan dari kalangan Bani Israel. Mereka enggan mengikut dan mematuhi rasul ini dan enggan berhakimkan kepada syari'at terakhir yang diturunkan dari Allah untuk seluruh manusia itu.

Oleh sebab setengah-setengah orang Islam masih mempunyai berbagai-bagai bentuk hubungan dengan orang-orang Yahudi di Madinah dan oleh sebab orang-orang Yahudi di waktu itu masih merupakan satu kekuatan yang ketara baik dari segi kekuatan ketenteraan atau kekuatan ekonomi yang sangat diperhitungkan oleh setengah-setengah orang Islam, maka Al-Qur'an sendiri mengambil daya usaha memperkecilkan kedudukan kaum Yahudi yang fasiq itu di dalam hati kaum Muslimin dan menonjolkan hakikat mereka yang lemah dengan sebab kekafiran, dosa-dosa dan penderhakaan-penderhakaan mereka, juga dengan sebab perpecahan mereka kepada berbagai-bagai puak dan golongan dan dengan sebab kehinaan dan kepapaan yang diterapkan Allah ke atas mereka.

لَن يَضُرُّوكُمْ إِلَّآ أَذًى ۖ وَإِن يُقَٰتِلُوكُمْ يُوَلُّوكُمُ
ٱلْأَدْبَارَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ١١١

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ
مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ وَبَآءُو بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ
وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْمَسْكَنَةُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا۟
يَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقْتُلُونَ ٱلْأَنۢبِيَآءَ
بِغَيْرِ حَقٍّ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ١١٢

"Mereka tidak sekali-kali akan dapat memudaratkan kamu sekalian dari gangguan kecil sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu, mereka akan berpusing lari kemudian mereka tidak diberi pertolongan (111). Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka di mana sahaja mereka berada kecuali (jika mereka berpegang) dengan tali (agama) Allah dan dengan tali (perjanjian) manusia. Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah dan kepapaan telah diterapkan ke atas mereka. Balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar itu. Balasan itu dengan sebab mereka telah menderhaka dan mereka telah melampaui batas."(112)

Dengan penjelasan ini Allah menjamin kemenangan dan keselamatan secara terus-terang kepada orang-orang Mu'min apabila mereka bertembung dengan musuh-musuh mereka apabila mereka berpegang teguh dengan agama mereka dan yakin kepada Tuhan mereka:

لَن يَضُرُّوكُمْ إِلَّآ أَذًى ۖ وَإِن يُقَٰتِلُوكُمْ يُوَلُّوكُمُ
ٱلْأَدْبَارَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ١١١

"Mereka tidak sekali-kali akan dapat memudaratkan kamu sekalian dari gangguan kecil sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu, mereka akan berpusing lari kemudian mereka tidak diberi pertolongan."(111)

Kaum Ahlil-Kitab Tidak Dapat Menghancurkan Kaum Muslimin

Yakni mereka tidak akan dapat melakukan suatu kemudaratan yang mendalam dan serius yang menjejaskan dasar da'wah dan tidak akan menjejaskan kewujudan kelompok Muslimin dan mereka tidak akan dapat mengusirkan mereka dari muka bumi ini, malah apa yang dapat dilakukan mereka ialah memberi gangguan yang sementara di dalam perjuangan dan penderitaan yang akan beransur hilang bersama zaman. Tetapi apabila mereka bertempur dengan kaum Muslimin dalam mana-mana peperangan, maka kekalahan tetap tertulis di atas mereka pada akhir perjuangan itu. Mereka tidak akan selama-lamanya mendapat kemenangan mengalahkan orang-orang Mu'min dan ketika itu tiada siapa yang dapat membantu dan melindung mereka dari perjuangan orang-orang Mu'min. Ini ialah kerana:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ

"Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka."

dan nasib kesudahan mereka telah ditetapkan. Mereka dipandang hina di setiap negeri dan tiada

yang dapat melindungi keselamatan mereka melainkan jaminan dari Allah dan jaminan dari kaum Muslimin apabila mereka masuk di bawah jaminan mereka, di mana darah dan harta mereka terpelihara kecuali dengan haknya yang benar dan mereka diberi keamanan dan kesentosaan. Sejak masa itu kaum Yahudi tidak mengenal keamanan melainkan di bawah jaminan kaum Muslimin, tetapi malangnya tidak ada permusuhan kaum Yahudi terhadap sesuatu kaum di bumi ini lebih hebat dari permusuhan mereka terhadap kaum Muslimin!

وَبَآءُو بِغَضَبٖ مِّنَ ٱللَّهِ

"Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah."

Seolah-olah mereka kembali dari perjalanan mereka membawa kemurkaan ini.

وَضُرِبَتۡ عَلَيۡهِمُ ٱلۡمَسۡكَنَةُۚ

"Dan kepapaan telah diterapkan ke atas mereka."

Rasa kepapaan itu hidup di dalam hati nurani mereka dan tersembunyi di dalam perasaan mereka.

Semuanya ini telah berlaku selepas turunnya ayat ini dan tidak ada pertempuran yang telah berlaku di antara kaum Muslimin dan kaum Ahlil-Kitab melainkan Allah catatkan kemenangan di pihak kaum Muslimin - selama mereka memelihara agama mereka dan berpegang teguh kepada 'aqidah mereka dan menegakkan undang-undang dan peraturan Allah dalam kehidupan mereka - dan Allah telah menerapkan kehinaan ke atas musuh-musuh mereka kecuali mereka berlindung di bawah jaminan kaum Muslimin atau kaum Muslimin meninggalkan agama mereka.

Al-Qur'an telah mendedahkan sebab suratan taqdir yang ditulis ke atas kaum Yahudi itu, iaitu satu sebab yang umum yang boleh berlaku kesan-kesannya di atas setiap kaum, iaitu perbuatan maksiat dan pencerobohan biarpun bagaimana mereka mendakwa pendirian mereka di dalam agama:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ كَانُواْ يَكۡفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقۡتُلُونَ
ٱلۡأَنۢبِيَآءَ بِغَيۡرِ حَقّٖۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَواْ وَّكَانُواْ
يَعۡتَدُونَ ١١٢

"Balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar. Balasan itu dengan sebab mereka telah menderhaka dan mereka telah melampaui batas."(112)

Keingkaran terhadap ayat-ayat Allah - sama ada dengan cara mengingkarkannya sama sekali atau dengan cara tidak berhakimkan kepadanya atau tidak melaksanakannya dalam realiti kehidupan - dan membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh berlaku adil terhadap manusia sebagaimana diterangkan di dalam ayat yang lain dari surah ini, perbuatan menderhaka dan menceroboh. Semuanya ini merupakan sijil-sijil kelayakan bagi menerima kemurkaan Allah, kekalahan, kehinaan dan kepapaan. Ia juga merupakan sijil-sijil kelayakan yang terdapat pada saki-baki keturunan kaum Muslimin yang bergelandangan di muka bumi ini. Mereka menamakan diri mereka tanpa bukti yang sebenar - sebagai kaum Muslimin. Inilah sijil-sijil kelayakan yang mereka kemukakan kepada Allah pada hari ini. Dan kerana itu mereka mencapai kekalahan, kehinaan dan kepapaan yang telah diterapkan Allah ke atas kaum Yahudi. Apabila ada di antara mereka yang berkata: Mengapa kita kalah di bumi, sedangkan kita orang-orang Islam? Maka hendaklah orang ini berfikir sebelum ia berkata begitu apakah Islam itu? Dan siapakah sebenarnya orang-orang Islam itu? Kemudian barulah dia boleh bercakap.

Kedudukan Golongan Ahlil-Kitab Yang Beriman

Untuk menunjukkan sikap yang adil terhadap segelintir Ahlil-Kitab yang baik terpilih, maka ayat yang berikut kembali membuat pengecualian dengan menjelaskan bahawa kaum Ahlil-Kitab itu tidak semuanya sama, kerana di antara mereka ada kumpulan yang beriman. Al-Qur'an menggambarkan hubungan mereka dengan Allah yang sama dengan hubungan orang-orang Mu'min yang sejati dan menerangkan balasan yang diterima mereka di sisi Allah, iaitu balasan yang diterima oleh para solehin.

لَيۡسُواْ سَوَآءٗۗ مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ أُمَّةٞ قَآئِمَةٞ
يَتۡلُونَ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ ءَانَآءَ ٱلَّيۡلِ وَهُمۡ يَسۡجُدُونَ ١١٣
يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَيَأۡمُرُونَ
بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَيُسَٰرِعُونَ
فِي ٱلۡخَيۡرَٰتِۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ١١٤
وَمَا يَفۡعَلُواْ مِنۡ خَيۡرٖ فَلَن يُكۡفَرُوهُۗ وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ
بِٱلۡمُتَّقِينَ ١١٥

"Mereka tidak sama. Di antara Ahlil-Kitab ada golongan yang ta'at dan lurus. Mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam dan mereka sujud (bersembahyang).(113) Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dan mereka menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan mereka bersegera mengerjakan kebaikan-kebaikan dan mereka adalah dari golongan orang-orang yang soleh.(114) Dan apa sahaja kebaikan yang dilakukan mereka maka mereka tidak akan dihapuskan pahalanya dan Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa."(115)

Inilah gambaran yang gemilang bagi para Mu'minin dari kaum Ahlil-Kitab. Mereka telah beriman dengan keimanan yang benar, mendalam dan sempurna dan mereka telah bergabung dalam barisan kaum

Muslimin dan turut berjuang menjaga agama ini. Mereka telah beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Mereka telah melaksanakan tugas-tugas keimanan dan merealisasikan sifat umat Muslimin yang disertai mereka - iaitu sifat sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia - iaitu mereka menyuruh berbuat kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran. Hati mereka gemarkan keseluruhan kebaikan dan mereka jadikan kebaikan itu sebagai matlamat perlumbaan mereka. Kerana itu mereka telah berlumba-lumba mengerjakan kebaikan dan oleh sebab itulah mereka mendapat pengakuan Allah bahawa mereka adalah dari golongan para solehin. Ayat ini memberi janji yang benar bahawa hak mereka tidak akan dikurangi sedikit pun dan tidak akan dihapuskan mana-mana pahala amalan mereka di samping memberi isyarat bahawa Allah S.W.T. mengetahui bahawa mereka adalah dari golongan para Muttaqin.

Itulah gambaran yang ditayangkan di hadapan orang-orang yang ingin mendapat pengakuan dan janji yang seperti ini agar gambaran ini direalisasikan pada diri masing-masing oleh setiap orang yang rindukan cahayanya yang gemilang di kemuncaknya yang cemerlang.

Mengapa Amalan Kebajikan Orang-orang KafirSia-sia Di Akhirat

Ini di tebing sebelah sini dan di tebing sebelah sana pula terdapat orang-orang kafir yang tidak akan berguna kepada mereka harta kekayaan dan anak pinak mereka. Dan segala perbelanjaan kebajikan yang dibelanjakan mereka di dunia ini tidak akan memberi apa-apa faedah kepada mereka dan mereka tidak akan mendapat apa-apa pahala di Akhirat kerana perbelanjaan itu tidak mempunyai hubungan dengan garis kebaikan yang tetap dan lurus, iaitu kebajikan yang terbit dari keimanan kepada Allah mengikut kefahaman yang terang, matlamat yang teguh dan jalan yang berhubung dengan Allah. Jika tidak demikian, maka kebajikan itu hanya merupakan suatu keinginan yang mendadak yang tidak mempunyai kemantapan, suatu kecenderungan yang dikendalikan oleh hawa nafsu bukannya dirujukkan kepada satu dasar yang terang, jelas dimengerti dan difahami dan bukannya dirujukkan kepada satu sistem hidup yang sempurna, syumul dan lurus.

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَن تُغْنِيَ عَنْهُمْ أَمْوَٰلُهُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُهُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۚ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١١٦﴾

مَثَلُ مَا يُنفِقُونَ فِى هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا كَمَثَلِ رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ حَرْثَ قَوْمٍ ظَلَمُوٓاْ أَنفُسَهُمْ فَأَهْلَكَتْهُ ۚ وَمَا ظَلَمَهُمُ ٱللَّهُ وَلَٰكِنْ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١١٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berguna kepada mereka harta mereka dan tidak pula anak-anak mereka sedikit pun untuk menolak 'azab Allah dan mereka adalah penghuni-penghuni Neraka dan mereka kekal di dalamnya (116). Bandingan harta yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini adalah laksana angin yang amat dingin yang telah menimpa tanaman satu kaum yang telah menganiayai diri mereka dan memusnahkannya. Allah tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayakan diri mereka sendiri."(117)

Demikianlah hakikat ini terlukis dalam satu pemandangan yang berdenyut dengan harakat dan penuh dengan hayat mengikut cara pengungkapan Al-Qur'an yang indah.

Harta kekayaan dan anak-anak mereka tidak dapat mempertahankan mereka dari 'azab Allah, tidak dapat dijadikan tebusan bagi mereka dari keseksaan dan tidak dapat menyelamatkan mereka dari Neraka. Mereka tetap menjadi penghuni Neraka dan segala harta yang dibelanjakan mereka adalah hilang dan musnah belaka walaupun mereka belanjakannya - mengikut hemat mereka - untuk kebajikan, kerana tidak ada kebajikan kecuali ia mempunyai hubungan dengan iman dan tercetus dari iman, tetapi Al-Qur'an tidak mengungkapkan begini sebagaimana yang diungkapkan oleh kita, malah (sebagai gantinya) ia melukiskan suatu pemandangan yang hidup.

Kita melihat pemandangan itu, dan kita dapati kita berada di hadapan sebuah ladang yang subur dengan tanaman-tanaman kemudian tiba-tiba ia dilanda ribut kencang yang amat dingin yang membinasakan tanaman itu kerana terlalu dingin. Kata-kata "Sirr" itu sendiri seolah-olah sebutir peluru yang ditembak dengan kuat dan nadanya yang keras itu menggambarkan pengertiannya yang dahsyat, iaitu seluruh ladang itu tiba-tiba binasa dan musnah.

Dalam sekelip mata sahaja segala sesuatu telah berlaku. Kemusnahan dan kebinasaan menjadi kenyataan dan seluruh tanaman musnah belaka. Itulah bandingan perbelanjaan orang-orang kafir di dunia ini walaupun pada lahirnya perbelanjaan itu adalah untuk kebajikan dan kebaktian. Dan itulah bandingan anak-anak dan harta kekayaan yang dimiliki oleh mereka. Semuanya musnah dan binasa tanpa memberi sesuatu keni'matan yang haqiqi dan tanpa mendapat apa-apa balasan.

وَمَا ظَلَمَهُمُ ٱللَّهُ وَلَٰكِنْ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١١٧﴾

"Allah tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayakan diri mereka sendiri."

Merekalah yang menyimpang dari sistem hidup yang mengumpulkan segala jenis kebajikan dan kebaikan, iaitu sistem hidup yang menjadikan seluruh

kebajikan dan kebaikan itu satu garis yang lurus, tetap, teguh dan bersambung dengan iman, mempunyai matlamat yang terpeta, motif yang dimengerti dan jalan yang dikenali. Sistem hidup ini tidak memberi tempat kepada keinginan-keinginan yang mendadak, gambaran-gambaran yang sulit tidak dimengerti dan keganjilan yang tidak dirujukkan kepada peraturan yang tetap dan lurus.

Merekalah yang memilih gelandangan, kesesatan dan keterlucutan dari tali agama Allah dan menyebabkan seluruh amalan mereka menjadi sia-sia sehingga perbelanjaan yang mereka belanjakannya - pada lahirnya - untuk kebajikan, dan menyebabkan seluruh tanaman mereka ditimpa kemusnahan dan seluruh harta kekayaan dan anak-anak mereka tidak berguna. Ini bukannya penganiayaan dari Allah terhadap mereka, malah itulah penganiayaan mereka terhadap diri mereka sendiri dengan sebab mereka memilih kesesatan dan gelandangan.

Demikianlah ditetapkan bahawa tidak ada balasan bagi sesuatu perbelanjaan dan pengorbanan dan tidak ada nilai bagi sesuatu amalan kecuali ia mempunyai hubungan dengan keimanan dan kecuali motifnya ialah keimanan. Inilah yang difirmankan Allah dan ditetapkannya dan selepas ketetapan ini pendapat manusia tidak ada tempat lagi. Dan tiada siapa yang sanggup membantah ketetapan ini melainkan orang-orang yang berani menyangkal ayat-ayat Allah tanpa berpandukan ilmu pengetahuan, tanpa berpandukan petunjuk dan kitab yang jelas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 118 - 120)

Di akhir pelajaran yang dimulakan dengan penerangan tentang tindak-tanduk Ahlil-Kitab yang menyeleweng dan cara perdebatan mereka yang lihai, juga pendedahan tentang niat jahat mereka terhadap orang-orang Islam dan seterusnya memberi arahan kepada kelompok Muslimin supaya melaksanakan tugas-tugas mereka tanpa menghiraukan kepada gangguan-gangguan para penentang yang sesat dan menyeleweng itu ... Di akhir pelajaran ini dan di akhir bahagian yang panjang dari surah ini disampaikan amaran kepada kelompok Muslimin supaya mereka jangan menjadikan musuh-musuh tabi'i mereka sebagai orang-orang kepercayaan tempat mereka menyimpan rahsia-rahsia dan kepentingan-kepentingan mereka, sedangkan orang-orang ini tetap menjadi seteru mereka. Amaran ini di sampaikan dalam satu gambaran yang syumul dan abadi yang kita masih dapat melihat kebenarannya pada setiap waktu dan setiap negeri. Itulah gambaran yang dilukiskan oleh Al-Qur'an tetapi telah diabaikan oleh pemegang-pemegang Al-Qur'an. Akibat dari kelalaian dan kecuaian ini, mereka telah ditimpa dan masih terus ditimpa bencana, penindasan dan kehinaan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ بِطَانَةٗ مِّن دُونِكُمۡ

لَا يَأۡلُونَكُمۡ خَبَالٗا وَدُّواْ مَا عَنِتُّمۡ قَدۡ بَدَتِ
ٱلۡبَغۡضَآءُ مِنۡ أَفۡوَٰهِهِمۡ وَمَا تُخۡفِي صُدُورُهُمۡ
أَكۡبَرُۚ قَدۡ بَيَّنَّا لَكُمُ ٱلۡأٓيَٰتِۖ إِن كُنتُمۡ تَعۡقِلُونَ ١١٨
هَٰٓأَنتُمۡ أُوْلَآءِ تُحِبُّونَهُمۡ وَلَا يُحِبُّونَكُمۡ وَتُؤۡمِنُونَ
بِٱلۡكِتَٰبِ كُلِّهِۦ وَإِذَا لَقُوكُمۡ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوۡاْ
عَضُّواْ عَلَيۡكُمُ ٱلۡأَنَامِلَ مِنَ ٱلۡغَيۡظِۚ قُلۡ مُوتُواْ
بِغَيۡظِكُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ١١٩
إِن تَمۡسَسۡكُمۡ حَسَنَةٞ تَسُؤۡهُمۡ وَإِن تُصِبۡكُمۡ سَيِّئَةٞ
يَفۡرَحُواْ بِهَاۖ وَإِن تَصۡبِرُواْ وَتَتَّقُواْ لَا يَضُرُّكُمۡ كَيۡدُهُمۡ
شَيۡـًٔاۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعۡمَلُونَ مُحِيطٞ ١٢٠

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang kepercayaan kamu di luar dari kalangan kamu sendiri, kerana mereka sentiasa berusaha untuk merosakkan kamu. Mereka suka kepada sesuatu yang menyusahkan kamu. Tanda-tanda kebencian telah pun jelas dari mulut mereka dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka adalah lebih besar lagi. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan ayat-ayat (Kami) kepada kamu, jika kamu mengerti (118). Ya, kamulah yang kasihkan mereka, sedangkan mereka tidak kasihkan kamu. Kamu beriman kepada semua kitab Allah dan apabila mereka bertemu dengan kamu mereka berkata: Kami telah beriman, dan apabila mereka berkumpul sesama sendiri mereka menggigit jari kerana terlalu marah terhadap kamu. Katakanlah: Matilah kamu dengan kemarahan kamu itu! Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala isi dada (119). Jika kamu memperoleh kebaikan, mereka bersedih hati! Dan jika kamu ditimpa bencana mereka gembira. Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa nescaya kamu tidak sedikit pun dapat dimudaratkan oleh tipu daya mereka. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(120)

Kaum Muslimin Disarankan Supaya Berwaspada Terhadap Kaum Ahlil-Kitab Yang Tidak Beriman

Itulah satu gambaran yang menjelaskan sifat-sifatnya dengan sempurna, mendedahkan rahsia-rahsia hati dan bukti-bukti peribadi. Ia merakamkan perasaan-perasaan batin, emosi-emosi yang lahir dan harakat yang pergi dan datang. Dengan seluruh gambaran ini ia merakamkan satu contoh manusia yang berulang-ulang dalam setiap zaman dan tempat. Kita dapat melihat gambaran ini pada hari ini dan pada hari esok di kalangan musuh-musuh yang berada di sekeliling kaum Muslimin. Mereka berpura-pura menunjukkan rasa mesra kepada kaum Muslimin di sa'at-sa'at kaum Muslimin berada dalam kedudukan yang kuat dan dapat mengalahkan mereka, sedangkan setiap gerak-geri mereka

mendustakan mereka, tetapi orang-orang Islam tertipu kepada mereka lalu membalas dengan memberi kemesraan dan kepercayaan kepada mereka, sedangkan satu-satunya tujuan mereka terhadap kaum Muslimin ialah menimbulkan kekacauan dan berusaha merosakkan mereka. Mereka bekerja keras untuk menyulitkan kaum Muslimin dan menaburkan duri-duri di jalan yang dilalui mereka, mereka merancangkan tipu daya yang jahat terhadap mereka siang dan malam bila terluang.

* * * * * *

Tidak syak lagi bahawa gambaran yang amat menarik yang dilukiskan oleh Al-Qur'an ini adalah dari awal-awal lagi tepat dengan sifat-sifat Ahlil-Kitab yang hidup berjiran dengan kaum Muslimin di Madinah. Ia melukiskan gambaran dendam kesumat yang dipendamkan mereka terhadap Islam dan kaum Muslimin, juga melukiskan rancangan-rancangan jahat dan niat-niat buruk yang berkecamuk di dalam dada mereka, sedangkan di waktu itu setengah-setengah orang Islam masih terus tertipu kepada musuh-musuh Allah itu, mereka masih menunjukkan sikap yang mesra terhadap mereka, masih menyimpan rahsia-rahsia kelompok Muslimin pada mereka dan masih menjadikan mereka selaku orang-orang kepercayaan, sahabat-sahabat akrab dan setia tanpa menaruh apa-apa kebimbangan terhadap akibat membisikkan rahsia-rahsia sulit kepada mereka. Oleh kerana itu Al-Qur'an menyampaikan amaran dan peringatan ini untuk membuka mata kelompok Muslimin supaya melihat hakikat yang sebenar dan untuk menyedarkan mereka terhadap tipudaya musuh tradisional mereka yang selama-lamanya tidak pernah bersikap ikhlas terhadap mereka. Hasad dengki dan dendam kesumat mereka tidak dapat dihapuskan oleh kasih mesra dan persahabatan yang ditunjukkan orang-orang Islam. Amaran dan peringatan ini adalah tidak terbatas kepada sesuatu tempoh yang tertentu di dalam sejarah sahaja, malah ia merupakan satu hakikat yang berterusan yang sentiasa menjadi realiti sebagaimana kita dapat melihat bukti kebenarannya yang terpampang di hadapan kita pada masa ini.

Orang-orang Islam telah mengabaikan perintah Allah yang telah melarang mereka mengambil orang-orang luar dari mereka sebagai orang-orang kepercayaan mereka, iaitu orang-orang luar yang berlainan dari mereka dari segi hakikat, cara hidup dan saranan. Mereka dilarang mengambil orang-orang ini sebagai orang-orang yang diletakkan kepercayaan, dipertaruhkan rahsia-rahsia dan dicari nasihat dan rundingan.

Orang-orang Islam yang telah mengabaikan perintah Allah ini telah mengambil orang-orang yang seperti itu sebagai pakar rujuk mereka dalam segala perkara, segala urusan, segala undang-undang, peraturan, segala kefahaman, segala pendekatan dan segala cara.

Orang-orang Islam yang mengabaikan amaran dan peringatan Allah kepada mereka masih mengadakan hubungan mesra dengan mereka yang menentang Allah dan rasul-Nya. Mereka membuka dada dan hati mereka kepada musuh-musuh Allah itu, sedangkan Allah mengingatkan kelompok Muslimin yang pertama sama seperti dia mengingatkan kelompok Muslimin yang lain di dalam mana-mana generasi dengan firman-Nya:

وَدُّوا مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ
وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ

"Mereka suka kepada sesuatu yang menyusahkan kamu. Tanda-tanda kebencian telah pun jelas dari mulut mereka dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka adalah lebih besar lagi."(118)

Allah S.W.T. berfirman:

هَا أَنتُمْ أُولَاءِ تُحِبُّونَهُمْ وَلَا يُحِبُّونَكُمْ وَتُؤْمِنُونَ
بِالْكِتَابِ كُلِّهِ وَإِذَا لَقُوكُمْ قَالُوا آمَنَّا وَإِذَا خَلَوْا
عَضُّوا عَلَيْكُمُ الْأَنَامِلَ مِنَ الْغَيْظِ

"Ya, kamulah yang kasihkan mereka, sedangkan mereka tidak kasihkan kamu. Kamu beriman kepada semua kitab Allah dan apabila mereka bertemu dengan kamu mereka berkata: Kami telah beriman, dan apabila mereka berkumpul sesama sendiri mereka menggigit jari kerana terlalu marah terhadap kamu."(119)

Allah S.W.T. berfirman lagi:

إِن تَمْسَسْكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِن تُصِبْكُمْ سَيِّئَةٌ
يَفْرَحُوا بِهَا

"Jika kamu memperolehi kebaikan, mereka bersedih hati! Dan jika kamu ditimpa bencana mereka bergembira."(120)

Pengalaman-pengalaman pahit telah menampar kita sekali demi sekali, tetapi kita masih tidak sedar. Dan sekali demi sekali pula kita mengetahui tipudaya dan komplot jahat mereka yang memakai bermacam-macam baju, tetapi kita tidak juga mengambil i'tibar, malah sekali demi sekali ketelanjuran lidah mereka memperlihatkan dendam kesumat mereka yang tidak dapat dihapuskan oleh kemesraan yang ditunjukkan oleh kaum Muslimin kepada mereka dan tidak dapat dibasuhkan oleh toleransi yang diajar oleh agama kita kepada mereka, namun demikian kita masih lagi kembali membuka hati kita kepada mereka dan mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat dalam hidup dan dalam perjalanan kita. Cara kita beradab sopan dengan mereka atau kekalahan jiwa kita terhadap mereka telah sampai ke tahap, di mana kita sanggup beradab sopan dengan mereka dengan memperkecilkan agama kita, iaitu mengelak menyebut agama kita kepada mereka atau

memperkecilkan cara hidup kita, iaitu kita tidak tegakkannya di atas lunas-lunas Islam atau memalsukan sejarah kita dan menghapuskan peristiwa-peristiwa yang menjadi kemegahan Islam untuk mengelak dari menyebut mana-mana peperangan yang telah berlaku di antara datuk nenek kita dengan musuh-musuh kita yang sentiasa menunggu-nunggu peluang itu. Oleh sebab itulah kita ditimpa balasan orang-orang yang derhakakan perintah Allah dan dari sinilah kita menjadi umat yang rendah dan lemah dan dari sinilah kita menerima kesulitan yang dicita-citakan oleh musuh-musuh kita dan menerima kekacauan dan kerosakan yang dimasukkan mereka di dalam barisan kita.

Lihatlah Al-Qur'an kitab suci Allah sendiri mengajar kita - sebagaimana ia mengajar angkatan Muslimin pertama - bagaimana kita hendak menghindarkan diri kita dari tipu-daya musuh-musuh kita, menolak gangguan-gangguan mereka menyelamatkan diri dari kejahatan yang terpendam di dalam hati mereka, yang mana bunga-bunga apinya terlepas dari lidah-lidah mereka:

وَإِن تَصْبِرُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْـًٔا ۗ إِنَّ ٱللَّهَ
بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ۝١٢٠

"Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa nescaya kamu tidak sedikit pun dapat dimudaratkan oleh tipudaya mereka. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(120)

Yakni (jalan menentang mereka) ialah kesabaran, keazaman yang kukuh, kegigihan melawan kekuatan mereka jika mereka kuat. Kesabaran menghadapi tipudaya mereka jika mereka menggunakan cara-cara tipudaya. Kesabaran dan kegigihan bukannya keruntuhan dan kelemahan semangat, bukannya tanazul dari seluruh 'aqidah atau dari separuh 'aqidah untuk menghindarkan kejahatan mereka yang diduga atau untuk mendapat kemesraan mereka yang palsu........Kemudian bertaqwa kepada Allah Yang Maha Esa dan bermuraqabah dengan-Nya, kerana taqwalah yang menghubungkan hati dengan Allah. Oleh itu hati yang bertaqwa tidak bertemu dengan seseorang melainkan di dalam agama Allah dan ia tidak berpegang melainkan dengan tali Allah. Dan apabila hati telah berhubung dengan Allah maka ia akan memandang kecil kepada seluruh kekuatan yang lain dari kekuatan Allah dan hubungan ini akan memperkuatkan lagi keazamannya. Oleh sebab itu dia tidak mudah menyerah kalah dan dia tidak membuat hubungan yang mesra dengan mereka yang menentang Allah dan rasul-Nya untuk mencari keselamatan dan untuk mendapat kemuliaan.

Inilah jalan (menentang mereka), iaitu kesabaran dan taqwa, bersatu padu dan berpegang teguh dengan tali Allah. Apabila umat Muslimin di dalam sejarah mereka berpegang teguh dengan tali Allah yang tunggal dan menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam seluruh kehidupan mereka, maka mereka telah berjaya mencapai kemuliaan dan kemenangan dan Allah telah melindungi mereka dari tipu daya musuh-musuh mereka dan muncullah kalimat mereka sebagai kalimat yang tertinggi. Dan sebaliknya apabila kaum Muslimin di dalam sejarah mereka membuat hubungan yang teguh dengan musuh-musuh yang tradisional mereka yang memerangi 'aqidah dan cara hidup mereka siang dan malam dan mendengar nasihat-nasihat mereka dan menjadikan mereka sebagai orang-orang kepercayaan, sahabat-sahabat setia, pembantu-pembantu, pakar-pakar dan penasihat-penasihat dan para perunding mereka maka Allah menetapkan kekalahan ke atas mereka dan menyerahkan mereka diperkudakan oleh musuh-musuh mereka, meletakkan mereka dalam keadaan yang hina dan ditimpa akibat buruk dari perbuatan mereka sendiri. Dan seluruh sejarah menyaksi bahawa kalimat Allah tetap kekal abadi dan Sunnatullah tetap berkuatkuasa. Oleh itu sesiapa yang buta dari melihat sunnatullah yang terpampang di hadapan mata di bumi, maka kedua matanya tidak akan dapat melihat kecuali tanda-tanda kehinaan dan kekalahan.

* * * * * *

Dengan ini tamatlah pelajaran ini dan berakhirlah juga bahagian pertama surah ini, yang mana penjelasan di mana huraiannya sampai ke kemuncak perjuangan dan kemuncak perpisahan yang sempurna (di antara Muslimin dan musuh-musuh mereka).

Dasar Toleransi Islam

Sebelum kita menutup pelajaran ini eloklah kita jelaskan satu hakikat yang lain pula, iaitu hakikat toleransi Islam dalam menghadapi permusuhan ini. Walaupun Islam menyuruh kaum Muslimin supaya jangan mengambil mereka yang menentang Islam itu sebagai orang-orang kepercayaan, tetapi Islam tidak menggalakkan mereka membalas dendam kesumat, hasad dengki, kebencian dan tipudaya mereka, malah ia hanya menggalakkan mereka mengambil langkah berwaspada untuk menjaga keselamatan kelompok Muslimin, barisan Muslimin dan kewujudan kaum Muslimin... iaitu semata-mata berwaspada, berjaga-jaga dan beringat-ingat terhadap bahaya-bahaya yang diadakan oleh orang-orang lain di sekeliling mereka. Seseorang Muslim harus berinteraksi dengan seluruh manusia yang lain dengan semangat toleransi Islam dan syumul dengan kebersihan Islam. Ia harus menemui mereka dengan semangat cintakan kebaikan yang syumul. Ia harus menjaga diri dari tipu daya, tetapi ia tidak harus melakukan tipu daya. Dia harus berwaspada terhadap dendam kesumat, tetapi ia tidak menaruh dendam kesumat kecuali ia diperangi kerana agamanya dan ditindas kerana 'aqidahnya, dan kecuali ia dihalangi dari agama Allah dan dari sistem hidup Ilahi.

Dituntut Mencegah Penindasan Walau Dengan Bangkit Berperang

Maka di waktu ini ia dituntut bangkit berperang dan mencegah penindasan itu dan menghapuskan halangan-halangan yang menyekat orang ramai dari

agama Allah dan dari merealisasikan sistem hidup Ilahi dalam kehidupan. Ia bangkit berperang kerana jihad fi Sabilillah bukan kerana membalas dendam untuk dirinya. Ia bangkit berperang kerana cintakan kebaikan kepada umat manusia bukan kerana membalas dendam terhadap orang-orang yang telah menindasnya. Ia berperang kerana merobohkan pagar-pagar yang menghalangi sampainya kebaikan ini kepada umat manusia bukan kerana ingin mendapat kemenangan, kedudukan, keunggulan dan bukan juga kerana eksploitasi. Ia berjuang untuk menegakkan sistem yang lurus yang membolehkan seluruh manusia meni'mati keadilan dan kedamaian di bawah naungannya bukan untuk menegakkan panji-panji perkauman dan bukan untuk membangunkan sebuah empayar.

Inilah hakikat yang dijelaskan oleh nas-nas Al-Qur'an dan as-Sunnah yang banyak dan diterjemahkan oleh sejarah angkatan Muslimin yang pertama apabila mereka bertindak di bumi mengikut nas-nas ini.

Sistem hidup Ilahi ini adalah suatu kebaikan dan tiada yang tergamak menghalangkan kebaikan dari manusia melainkan musuh-musuh manusia yang paling besar, iaitu musuh-musuh yang seharusnya diusir oleh manusia dari teraju kepimpinan supaya mereka tidak lagi memimpin mereka. Inilah tugas yang telah diambil oleh kelompok Muslimin dan mereka telah berjaya melaksanakannya sekali dengan sebaik-baiknya. Mereka sentiasa diseru melaksanakan tugas ini dan jihad tetap berterusan sehingga hari Qiamat di bawah panji-panji agama ini.

(Kumpulan ayat-ayat 121 - 179)

وَإِذْ غَدَوْتَ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّئُ الْمُؤْمِنِينَ مَقَاعِدَ لِلْقِتَالِ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾
إِذْ هَمَّت طَّائِفَتَانِ مِنكُمْ أَن تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيُّهُمَا
وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾
وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢٣﴾
إِذْ تَقُولُ لِلْمُؤْمِنِينَ أَلَن يَكْفِيَكُمْ أَن يُمِدَّكُمْ رَبُّكُم
بِثَلَاثَةِ آلَافٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُنزَلِينَ ﴿١٢٤﴾
بَلَىٰ إِن تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا وَيَأْتُوكُم مِّن فَوْرِهِمْ
هَٰذَا يُمْدِدْكُمْ رَبُّكُم بِخَمْسَةِ آلَافٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ
مُسَوِّمِينَ ﴿١٢٥﴾
وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ لَكُمْ وَلِتَطْمَئِنَّ قُلُوبُكُم
بِهِ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِندِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١٢٦﴾
لِيَقْطَعَ طَرَفًا مِّنَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَوْ يَكْبِتَهُمْ
فَيَنقَلِبُوا خَائِبِينَ ﴿١٢٧﴾
لَيْسَ لَكَ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ أَوْ يُعَذِّبَهُمْ
فَإِنَّهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٢٨﴾
وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ يَغْفِرُ لِمَن
يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٩﴾
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا
مُّضَاعَفَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾
وَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿١٣١﴾
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾
وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ
عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾
الَّذِينَ يُنفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ
الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾
وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ
الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ
يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾
أُولَٰئِكَ جَزَاؤُهُم مَّغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ

تَجْرِي مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ وَنِعْمَ أَجْرُ
ٱلْعَٰمِلِينَ ﴿١٣٦﴾
قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾
هَٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾
وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾
إِن يَمْسَسْكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ ٱلْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُۥۚ
وَتِلْكَ ٱلْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ ٱلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ ٱللَّهُ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَيَتَّخِذَ مِنكُمْ شُهَدَآءَۗ وَٱللَّهُ
لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٠﴾
وَلِيُمَحِّصَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَيَمْحَقَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٤١﴾
أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ
جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ وَيَعْلَمَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٢﴾
وَلَقَدْ كُنتُمْ تَمَنَّوْنَ ٱلْمَوْتَ مِن قَبْلِ أَن تَلْقَوْهُ فَقَدْ
رَأَيْتُمُوهُ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ﴿١٤٣﴾
وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُۚ
أَفَإِي۟ن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْۚ وَمَن
يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔاۗ وَسَيَجْزِى
ٱللَّهُ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾
وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَن تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ
كِتَٰبًا مُّؤَجَّلًاۗ وَمَن يُرِدْ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا نُؤْتِهِۦ مِنْهَا
وَمَن يُرِدْ ثَوَابَ ٱلْءَاخِرَةِ نُؤْتِهِۦ مِنْهَاۚ وَسَنَجْزِى
ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٥﴾
وَكَأَيِّن مِّن نَّبِىٍّ قَٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا۟
لِمَآ أَصَابَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا۟ وَمَا ٱسْتَكَانُوا۟ۗ
وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾
وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا
وَإِسْرَافَنَا فِىٓ أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى
ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٤٧﴾
فَـَٔاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ ٱلْءَاخِرَةِۗ
وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن تُطِيعُوا۟ ٱلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ يَرُدُّوكُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ
فَتَنقَلِبُوا۟ خَٰسِرِينَ ﴿١٤٩﴾
بَلِ ٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلنَّٰصِرِينَ ﴿١٥٠﴾
سَنُلْقِى فِى قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلرُّعْبَ بِمَآ
أَشْرَكُوا۟ بِٱللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ سُلْطَٰنًاۖ
وَمَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُۚ وَبِئْسَ مَثْوَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٥١﴾
وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥٓ إِذْ تَحُسُّونَهُم
بِإِذْنِهِۦۖ حَتَّىٰٓ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَٰزَعْتُمْ فِى
ٱلْأَمْرِ وَعَصَيْتُم مِّنۢ بَعْدِ مَآ أَرَىٰكُم مَّا
تُحِبُّونَۚ مِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلدُّنْيَا وَمِنكُم
مَّن يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَۚ ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ
لِيَبْتَلِيَكُمْۖ وَلَقَدْ عَفَا عَنكُمْۗ وَٱللَّهُ
ذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥٢﴾
إِذْ تُصْعِدُونَ وَلَا تَلْوُۥنَ عَلَىٰٓ أَحَدٍ
وَٱلرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِىٓ أُخْرَىٰكُمْ
فَأَثَٰبَكُمْ غَمًّۢا بِغَمٍّ لِّكَيْلَا تَحْزَنُوا۟ عَلَىٰ

مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصَابَكُمْ ۗ وَاللَّهُ خَبِيرٌ
بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٥٣﴾
ثُمَّ أَنزَلَ عَلَيْكُم مِّنۢ بَعْدِ الْغَمِّ أَمَنَةً نُّعَاسًا يَغْشَىٰ
طَآئِفَةً مِّنكُمْ ۖ وَطَآئِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ
يَظُنُّونَ بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَٰهِلِيَّةِ ۖ يَقُولُونَ
هَل لَّنَا مِنَ الْأَمْرِ مِن شَيْءٍ ۗ قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُۥ لِلَّهِ ۗ
يُخْفُونَ فِىٓ أَنفُسِهِم مَّا لَا يُبْدُونَ لَكَ ۖ يَقُولُونَ لَوْ كَانَ
لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَّا قُتِلْنَا هَٰهُنَا ۗ قُل لَّوْ كُنتُمْ فِى
بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ إِلَىٰ
مَضَاجِعِهِمْ ۖ وَلِيَبْتَلِىَ اللَّهُ مَا فِى صُدُورِكُمْ
وَلِيُمَحِّصَ مَا فِى قُلُوبِكُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ
الصُّدُورِ ﴿١٥٤﴾
إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا۟ مِنكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ
إِنَّمَا اسْتَزَلَّهُمُ الشَّيْطَٰنُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا۟ ۖ
وَلَقَدْ عَفَا اللَّهُ عَنْهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٥٥﴾
يَٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَكُونُوا۟ كَالَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَقَالُوا۟
لِإِخْوَٰنِهِمْ إِذَا ضَرَبُوا۟ فِى الْأَرْضِ أَوْ كَانُوا۟ غُزًّى لَّوْ
كَانُوا۟ عِندَنَا مَا مَاتُوا۟ وَمَا قُتِلُوا۟ لِيَجْعَلَ اللَّهُ
ذَٰلِكَ حَسْرَةً فِى قُلُوبِهِمْ ۗ وَاللَّهُ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۗ وَاللَّهُ
بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١٥٦﴾
وَلَئِن قُتِلْتُمْ فِى سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ مُتُّمْ لَمَغْفِرَةٌ مِّنَ
اللَّهِ وَرَحْمَةٌ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿١٥٧﴾
وَلَئِن مُّتُّمْ أَوْ قُتِلْتُمْ لَإِلَى اللَّهِ تُحْشَرُونَ ﴿١٥٨﴾

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ
الْقَلْبِ لَانفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ ۖ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى الْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ
عَلَى اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾
إِن يَنصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ ۖ وَإِن يَخْذُلْكُمْ
فَمَن ذَا الَّذِى يَنصُرُكُم مِّنۢ بَعْدِهِۦ ۗ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦٠﴾
وَمَا كَانَ لِنَبِىٍّ أَن يَغُلَّ ۚ وَمَن يَغْلُلْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ
يَوْمَ الْقِيَٰمَةِ ۚ ثُمَّ تُوَفَّىٰ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾
أَفَمَنِ اتَّبَعَ رِضْوَٰنَ اللَّهِ كَمَنۢ بَآءَ بِسَخَطٍ مِّنَ اللَّهِ
وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۚ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٦٢﴾
هُمْ دَرَجَٰتٌ عِندَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿١٦٣﴾
لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا
مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَٰبَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا۟ مِن
قَبْلُ لَفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾
أَوَلَمَّآ أَصَٰبَتْكُم مُّصِيبَةٌ قَدْ أَصَبْتُم مِّثْلَيْهَا
قُلْتُمْ أَنَّىٰ هَٰذَا ۖ قُلْ هُوَ مِنْ عِندِ أَنفُسِكُمْ ۗ إِنَّ
اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٦٥﴾
وَمَآ أَصَٰبَكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ فَبِإِذْنِ اللَّهِ وَلِيَعْلَمَ
الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٦٦﴾
وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ نَافَقُوا۟ ۚ وَقِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ قَٰتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ

ٱللَّهِ أَوِ ٱدْفَعُوا۟ ۖ قَالُوا۟ لَوْ نَعْلَمُ قِتَالًا لَّٱتَّبَعْنَـٰكُمْ ۗ هُمْ
لِلْكُفْرِ يَوْمَئِذٍ أَقْرَبُ مِنْهُمْ لِلْإِيمَـٰنِ ۚ يَقُولُونَ
بِأَفْوَٰهِهِم مَّا لَيْسَ فِى قُلُوبِهِمْ ۗ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا
يَكْتُمُونَ ﴿١٦٧﴾
ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ لِإِخْوَٰنِهِمْ وَقَعَدُوا۟ لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا۟ ۗ قُلْ
فَٱدْرَءُوا۟ عَنْ أَنفُسِكُمُ ٱلْمَوْتَ إِن كُنتُمْ
صَـٰدِقِينَ ﴿١٦٨﴾
وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ قُتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أَمْوَٰتًۢا ۚ بَلْ أَحْيَآءٌ
عِندَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾
فَرِحِينَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ وَيَسْتَبْشِرُونَ
بِٱلَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا۟ بِهِم مِّنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾
يَسْتَبْشِرُونَ بِنِعْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَضْلٍ وَأَنَّ
ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٧١﴾
ٱلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ مِنۢ بَعْدِ مَآ أَصَابَهُمُ ٱلْقَرْحُ ۚ
لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ مِنْهُمْ وَٱتَّقَوْا۟ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٢﴾
ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُوا۟ لَكُمْ
فَٱخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَـٰنًا وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ
وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾
فَٱنقَلَبُوا۟ بِنِعْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَضْلٍ لَّمْ يَمْسَسْهُمْ سُوٓءٌ
وَٱتَّبَعُوا۟ رِضْوَٰنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ ﴿١٧٤﴾
إِنَّمَا ذَٰلِكُمُ ٱلشَّيْطَـٰنُ يُخَوِّفُ أَوْلِيَآءَهُۥ فَلَا تَخَافُوهُمْ
وَخَافُونِ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٥﴾
وَلَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَـٰرِعُونَ فِى ٱلْكُفْرِ ۚ إِنَّهُمْ لَن
يَضُرُّوا۟ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ يُرِيدُ ٱللَّهُ أَلَّا يَجْعَلَ لَهُمْ حَظًّا فِى
ٱلْـَٔاخِرَةِ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلْكُفْرَ بِٱلْإِيمَـٰنِ لَن يَضُرُّوا۟ ٱللَّهَ
شَيْـًٔا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٧﴾
وَلَا يَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَنَّمَا نُمْلِى لَهُمْ خَيْرٌ
لِّأَنفُسِهِمْ ۚ إِنَّمَا نُمْلِى لَهُمْ لِيَزْدَادُوٓا۟ إِثْمًا ۚ وَلَهُمْ عَذَابٌ
مُّهِينٌ ﴿١٧٨﴾
مَّا كَانَ ٱللَّهُ لِيَذَرَ ٱلْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَآ أَنتُمْ عَلَيْهِ حَتَّىٰ
يَمِيزَ ٱلْخَبِيثَ مِنَ ٱلطَّيِّبِ ۗ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُطْلِعَكُمْ
عَلَى ٱلْغَيْبِ وَلَـٰكِنَّ ٱللَّهَ يَجْتَبِى مِن رُّسُلِهِۦ مَن يَشَآءُ ۖ
فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ ۚ وَإِن تُؤْمِنُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَلَكُمْ أَجْرٌ
عَظِيمٌ ﴿١٧٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika engkau keluar di pagi hari dari (rumah) keluarga engkau untuk menempatkan para Mu'min di tempat-tempat pertempuran dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui (121). (Kenangilah) ketika dua kumpulan dari kamu ingin berundur kerana takut, dan Allahlah pelindung kedua mereka dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'min itu bertawakkal (122). Sesungguhnya Allah telah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar, sedangkan kamu berada dalam kelemahan. Oleh itu bertaqwalah kepada Allah supaya kamu bersyukur (123). (Kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang-orang Mu'min: Apakah tidak cukup Tuhan kamu membantu kamu dengan tiga ribu malaikat yang diturunkan (dari langit) (124). Ya sebenarnya cukup! Jika kamu bersabar dan bertaqwa dan tiba-tiba mereka menyerang kamu di masa mereka ini juga nescaya Tuhan kamu membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang memakai tanda (125). Dan Allah tidak menjadikan bantuan itu melainkan sebagai berita gembira kepada kamu dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya dan tiada kemenangan melainkan dari Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana (126). (Allah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar) untuk membinasakan segolongan dari orang-orang yang kafir atau untuk menghinakan mereka supaya mereka kembali hampa (127). Engkau tidak mempunyai suatu apa pun dalam urusan ini (hanya Allah sahaja yang berkuasa sama ada Dia) menerima taubat mereka atau mengazabkan mereka kerana sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang zalim (128). Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Ia memberi keampunan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih (129). Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu memakan riba berlipat ganda dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu

beruntung (130). Dan peliharalah diri kamu dari Neraka yang telah disediakan untuk orang-orang kafir (131). Dan ta'atilah Allah dan Rasul supaya kamu dikurniakan rahmat (132). Dan berlumba-lumbalah kamu kepada mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang luasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan untuk para Muttaqin (133). Iaitu orang-orang yang sentiasa menginfaqkan harta mereka di masa kesenangan dan kesusahan dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain terhadap mereka dan Allah memang kasihkan para Muhsinin (134). Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan atau menganiayai diri sendiri, mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang mengampunkan dosa-dosa selain dari Allah, serta mereka tidak terus berdegil melakukan kejahatan mereka, sedangkan mereka mengetahui (135). Mereka itu balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka dan Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka kekal abadi di dalamnya dan itulah sebaik-baik ganjaran para 'amilin(136). Sesungguhnya undang-undang Allah telah pun berlaku sebelum kamu, kerana itu jelajahilah di bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat para pendusta (137). (Al-Qur'an) ini adalah penerangan bagi seluruh manusia, hidayat dan pengajaran bagi para Muttaqin (138). Dan janganlah kamu bersikap lemah dan jangan pula kamu bersedih kerana kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya) jika kamu orang-orang yang beriman (139). Jika kamu mendapat kecederaan maka kaum kafir juga telah mendapat kecederaan yang serupa dan hari-hari kalah menang itu kami gilirkannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang diketahui Allah (dalam realiti) tentang orang-orang yang beriman dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai syuhada dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (140). Dan supaya Allah menguji orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang kafir (141). Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk Syurga, sedangkan Allah belum mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang berjihad dari kalangan kamu dan belum lagi mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang sabar (142). Dan sesungguhnya kamu telah bercita-cita mati sebelum kamu menemuinya (di medan perang) dan (sekarang) kamu telah menyaksikannya dan kamu sedang melihatnya (dengan mata kepala kamu) (143). Dan Muhammad itu tidak lain melainkan hanya seorang Rasul yang telah berlalu sebelumnya Rasul-rasul (yang sama). Oleh itu jika ia mati atau dibunuh apakah kamu wajar berpatah balik ke belakang kamu (murtad)? Dan barang siapa berpatah balik ke belakangnya, maka ia tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur (144) Dan setiap yang bernyawa - tidak akan mati kecuali dengan izin Allah mengikut suratan ajal yang telah ditetapkan Allah. Dan sesiapa yang mahukan ganjaran dunia, kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan sesiapa yang mahukan ganjaran Akhirat, kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang bersyukur (145). Dan berapa banyak nabi-nabi yang telah berperang bersama-sama dengan sebilangan ramai orang-orang yang ta'at kepada Allah, tetapi mereka tidak merasa lemah semangat kerana kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka demi Sabilullah, dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula tunduk (kepada musuh) dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar (146). Tiada ucapan mereka selain dari mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mengatasi kaum yang kafir (147). Lalu Allah mengurniakan kepada mereka ganjaran dunia dan ganjaran Akhirat yang baik dan Allah kasihkan para Muhsinin (148). Wahai orang-orang yang beriman jika kamu ta'at kepada orang-orang yang kafir nescaya mereka akan mengembalikan kamu ke belakang (kembali murtad) lalu jadilah kamu orang-orang yang rugi (149). Malah sebenarnya Allah itulah Pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik penolong (150). Kami akan campakkan perasaan takut di dalam hati orang-orang yang kafir dengan sebab mereka telah mempersekutukan Allah dengan sekutu-sekutu yang Dia sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Dan tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman orang-orang yang zalim (151). Dan sesungguhnya Allah telah menepati janji-Nya ketika kamu (berjaya) membunuh mereka dengan keizinan-Nya sehingga apabila kamu lemah dan berbalah dalam urusan perang dan kamu melanggar perintah Rasul sesudah Allah memperlihatkan kepada kamu kemenangan yang disukai kamu. Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat kemudian Allah memalingkan kamu dari (berjuang) menewaskan mereka untuk menguji kamu. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu dan Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak kepada para Mu'minin (152). (Kenangilah) ketika kamu mendaki bukit melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa, sedangkan Rasul menyeru kamu dalam kumpulan yang tinggal di belakang kamu, kerana itu Allah menimpakan ke atas kamu kesedihan (kerana kalah) dengan sebab kesedihan (yang dialami Rasulullah kerana kederhakaan kamu) agar kamu tidak berdukacita terhadap sesuatu yang telah terluput dari kamu dan tidak pula berdukacita terhadap segala sesuatu yang telah menimpa kamu. Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (153). Kemudian selepas kesedihan itu Allah menurunkan ke atas kamu keadaan aman, iaitu keadaan mengantuk yang menyelubungi segolongan dari kamu, sedangkan segolongan lagi mementingkan keselamatan diri mereka sahaja. Mereka menaruh sangkaan yang tidak benar terhadap Allah, iaitu sangkaan jahiliyah. Mereka berkata: Adakah kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini? Katakanlah: Seluruh urusan ini di tangan Allah. Mereka menyembunyikan di dalam hati mereka apa yang tidak dizahirkan kepadamu. Mereka berkata: Andainya kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini. Katakanlah: Jika kamu berada di rumah kamu sekalipun, nescaya orang-orang yang telah disurati taqdir mati terbunuh akan keluar juga ke tempat-tempat pembaringan mereka. Dan Allah (berbuat demikian) untuk menguji apa yang tersemat di dalam dada kamu dan untuk memeriksa apa yang terselit di dalam hati kamu. Dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada (154). Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyabar (155). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang kafir yang berkata kepada saudara-saudara mereka apabila mereka merantau di bumi atau menjadi pejuang yang berperang. Andainya mereka berada di sini bersama kami tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh, akibat perkataan demikian Allah jadikan suatu penyesalan di dalam hati mereka. Dan sebenarnya Allahlah yang menghidup dan yang mematikan dan Allah Maha Melihat segala apa yang

dilakukan kamu (156). Dan jika kamu dibunuh kerana jalan Allah atau mati maka keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik dari segala ni'mat hidup yang dikumpul oleh mereka (157). Dan jika kamu mati atau dibunuh maka kepada Allah kamu sekalian akan dikumpulkan (158). Maka dengan berkat rahmat Allah engkau telah bersikap lemah lembut terhadap mereka dan andainya engkau bersikap kasar dan keras hati tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu, kerana itu maafkanlah mereka, pohonlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan. Dan apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertawakkal (159). Jika Allah menolong kamu, maka tiada siapa yang dapat mengalahkan kamu dan jika Dia mengecewakan kamu, maka siapakah lagi yang dapat menolong kamu selain dari Allah. Oleh itu hendaklah para Mu'minin bertawakkal kepada Allah (160). Tidak mungkin bagi seseorang nabi menggelapkan harta rampasan perang dan barang siapa yang menggelapkan harta rampasan perang nescaya ia akan membawa bersamanya pada hari Qiamat segala sesuatu yang digelapkannya. Kemudian setiap orang dibalas dengan sempurna terhadap apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiayai (161). Apakah orang yang mengikut keredhaan-Nya sama dengan orang yang kelak kembali dengan kemurkaan dari Allah dan tempat kediamannya ialah Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (162). Mereka mempunyai darjah-darjah yang tinggi di sisi Allah dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka (163). Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat ke atas para Mu'minin ketika Dia mengutuskan kepada mereka seorang Rasul dari diri mereka sendiri yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan mereka dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat dan walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata (164). Apakah patut ketika kamu ditimpa kekalahan (dalam Peperangan Uhud) sedangkan kamu telah menimpakan dua kali ganda kekalahan (ke atas musuh kamu dalam peperangan Badar) kamu berkata: Mengapa dan dari mana kekalahan ini? Katakanlah: Kekalahan itu adalah dari diri kamu sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu (165). Dan segala apa yang telah menimpa kamu pada hari pertembungan dua angkatan tentera itu maka semuanya adalah dengan izin Allah dan supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang beriman (166). Dan (juga) supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang Munafiq. Dan kepada mereka telah dikatakan: Marilah kamu berperang kerana Sabilullah atau (marilah) kamu pertahankan (kami). Jawab mereka: Jika kami mengetahui di sana ada satu peperangan (yang akan berlaku) tentulah kami mengikut kamu. Sebenarnya mereka pada hari itu lebih dekat kepada kekufuran daripada kepada keimanan. Mereka berkata dengan mulut mereka apa yang tidak tersemat di dalam hati mereka dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka (167). (Merekalah) orang-orang yang berkata kepada saudara-saudara mereka sedangkan mereka sendiri tidak ikut berperang: Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati dibunuh. Katakanlah: Tolakkanlah kematian itu dari diri kamu sendiri jika kamu orang-orang yang benar (168). Dan janganlah sekali-kali kamu menyangka orang-orang yang terbunuh fi Sabilillah itu mati, malah sebenarnya mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan dikurniakan rezeki (yang mewah) (169). Mereka bergembira dengan ni'mat-ni'mat kelebihan yang dikurniakan kepada mereka dan mereka merasa sukacita terhadap orang-orang yang masih tinggal di belakang mereka dan belum berkumpul dengan mereka, iaitu tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka berdukacita (170). Mereka merasa sukacita terhadap ni'mat dan kelebihan yang dikurnia dari Allah dan sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan ganjaran para Mu'minin (171). Iaitu orang-orang yang menyambut seruan Allah dan Rasul selepas mereka mendapat kecederaan (dalam Peperangan Uhud). Bagi orang-orang yang melakukan kebaikan dari golongan mereka dan bertaqwa kepada Allah (disediakan) balasan yang amat besar (172). Iaitu mereka yang pernah diberitahu kepada mereka bahawa orang-orang (kafir) telah mengumpulkan (tentera) untuk menyerang kamu. Oleh itu hendaklah kamu takut kepada mereka lalu (ancaman itu) menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka terus berkata: Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung (173). Maka (akhirnya) mereka kembali dengan mendapat ni'mat dan limpah kurnia dari Allah tanpa disentuh oleh sebarang bencana dan mereka mengikut keredhaan Allah dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar (174). Sesungguhnya itulah syaitan yang menakut-nakutkan kamu dengan pengikut-pengikut setianya oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah takutlah kepada-Ku jika kamu benar orang-orang yang beriman (175). Dan Janganlah sekali-kali engkau disedihkan oleh orang-orang yang berkejaran ke dalam kekafiran. Sesungguhnya mereka tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun. Allah berkehendak tidak akan memberi sesuatu bahagian (keni'matan) kepada mereka di hari Akhirat dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar (176). Sesungguhnya orang-orang yang membeli kekafiran dengan keimanan tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih (177). Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa penangguhan yang Kami berikan kepada mereka itu suatu kebaikan kepada mereka, malah Kami berikan penangguhan itu hanya supaya dosa mereka bertambah banyak dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan (178). Allah sekali-kali tidak akan meninggalkan orang-orang Mu'min dalam keadaan kamu (yang bercampur aduk) sekarang ini sehingga dia membezakan yang buruk (Munafiq) dari yang baik (Mu'min) dan Allah sekali-kali tidak akan memperlihatkan perkara yang ghaib kepada kamu, tetapi Allah memilih dari para rasul-Nya siapa yang dikehendaki oleh-Nya. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan jika kamu beriman dan bertaqwa maka kamu akan memperolehi pahala yang amat besar."(179)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Dari perjuangan, perdebatan, perbahasan, penjelasan, penerangan, bimbingan dan amaran di dalam ayat-ayat yang silam dari surah ini - rangkaian ayat-ayat yang berikut beralih pula kepada perjuangan di medan pertempuran Uhud.

Peperangan Uhud bukanlah perjuangan di medan perang sahaja, malah perjuangan di gelanggang hati nurani. Ia merupakan satu perjuangan yang mempunyai medannya yang paling luas sedangkan medan perang hanya merupakan sebahagian dari medannya yang amat besar, di mana berlakunya perjuangan yang sengit, iaitu perjuangan di medan jiwa manusia, kefahaman-kefahamannya, perasaan-perasaannya, tamak halobanya, keinginan-keinginan nafsunya, motif-motifnya dan pengawal-pengawalnya secara umum. Di sanalah Al-Qur'an merawat jiwa manusia dengan cara dan senjata yang paling halus, paling dalam, paling ampuh, paling syumul yang

digunakan oleh perajurit-perajurit dalam menentang lawan-lawan setara mereka di dalam peperangan.

Kali yang pertama mendapat kemenangan dan kali yang kedua menerima kekalahan dan kejayaan besar selepas kemenangan dan kekalahan itu ialah kejayaan mendapat pengetahuan yang jelas dan wawasan yang terang terhadap hakikat-hakikat yang telah dikemukakan oleh Al-Qur'an, juga kejayaan mendapat kemantapan perasaan yang penuh yakin terhadap hakikat-hakikat itu, juga kejayaan memeriksa jiwa para anggota kelompok dan membezakan barisan-barisan mereka, kejayaan kelompok Muslimin membebaskan diri mereka dari berbagai-bagai kekeliruan kefahaman, ketidak-mantapan nilai-nilai dan keterumbang-ambingan perasaan di dalam barisan Muslimin. Semuanya itu telah dicapai apabila kaum Munafiqin dapat dibezakan sebahagian besarnya di dalam barisan Muslimin dan apabila sifat-sifat nifaq dan sifat-sifat benar dapat dibezakan dengan jelas di dalam tutur kata dan perbuatan, di dalam perasaan dan perlakuan. Juga apabila wujudnya kejelasan tugas-tugas keimanan dan tugas-tugas da'wah kepada keimanan dan harakat memperjuangkan keimanan dengan segala keperluan-keperluan iaitu persediaan dengan ilmu pengetahuan, persediaan dengan keikhlasan dan dedikasi, persediaan dengan usaha-usaha menyusun masyarakat kemudian bersikap patuh, ta'at dan mengikut perintah, bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa dalam setiap langkah di jalan perjuangan, memulangkan segala urusan kepada Allah Yang Maha Esa sama ada di dalam kemenangan atau di dalam kekalahan, mati atau hidup dan dalam segala perkara dan tujuan.

Hasil-hasil kejayaan yang amat besar yang dicapai oleh kelompok Muslimin di sebalik peristiwa-peristiwa itu dan di sebalik bimbingan-bimbingan Al-Qur'an selepas peristiwa-peristiwa itu, adalah hasil-hasil kejayaan yang lebih besar dan lebih bermakna yang tidak dapat dibandingkan dengan hasil mendapat kemenangan dan harta rampasan perang andainya orang-orang Islam pulang dari medan perang membawa kemenangan dan harta rampasan perang. Kelompok Muslimin di waktu itu amat memerlukan kepada hasil-hasil kejayaan yang amat besar ini. Mereka memerlukannya seribu kali lebih besar dari memerlukan kepada kemenangan dan harta rampasan perang. Tabung simpanan baki dari hasil-hasil kejayaan yang besar ini juga lebih penting dan lebih kekal kepada umat Muslimin dalam setiap generasi mereka dari hasil kemenangan dan harta rampasan perang. Perancangan Allah Yang Maha Tinggi di sebalik satu peperangan yang pada lahirnya nampak jelas tanda-tanda kepincangan, kelemahan, kegoyangan dan kekeliruan di dalam barisan kaum Muslimin, juga di sebalik kekalahan yang berlaku akibat kelemahan-kelemahan itu..... perancangan Allah Yang Maha Tinggi di sebalik kejadian-kejadian yang berlaku mengikut undang-undang-Nya yang biasa dan sebab-sebabnya yang tabi'i itu adalah suatu perancangan untuk kebaikan kelompok Muslimin di waktu itu supaya mereka dapat mencapai hasil-hasil kejayaan yang amat besar itu, iaitu pengajaran, pendidikan, kesedaran, kematangan, pembersihan, pembezaan identiti, penyelarasan dan penyusunan masyarakat juga supaya tabung pengalaman-pengalaman ini dapat diwarisi oleh umat Muslimin dalam generasi-generasi mereka yang bersilih ganti, iaitu satu tabung pengalaman-pengalaman, hakikat-hakikat dan bimbingan-bimbingan yang tidak ternilai harganya walaupun dinilaikan dengan kemenangan dan harta rampasan.

Setelah perjuangan tamat di medan bumi, maka Al-Qur'an memulakan perjuangan di medannya yang lebih besar pula, iaitu di medan jiwa dan di medan hidup yang merangkumi kelompok Muslimin. Kelompok Muslimin ini telah dibentuk dengan qudrat Allah mengikut ilmu dan hikmat-Nya Yang Maha Arif dan mendalam dan terbentuklah kelompok itu menurut sebagaimana yang dikehendaki Allah. Mereka telah mendapat kebaikan dan kebajikan yang besar di sebalik malapetaka, kesusahan, penderitaan dan ujian-ujian yang sulit dan pahit itu.

Penerangan Dua Jurusan Serentak

Barangkali di antara perkara yang menarik perhatian di dalam ulasan Al-Qur'an mengenai peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud itu ialah ciri perpasangan* yang menarik di antara tayangan pemandangan-pemandangan peperangan, kejadian-kejadiannya dan arahan-arahan secara langsung terhadap pemandangan-pemandangan dan kejadian-kejadian ini dengan bimbingan-bimbingan yang lain yang berhubung dengan pembersihan jiwa dari kefahaman yang keliru dan membebaskannya dari belenggu keinginan-keinginan nafsu, tekanan tamak haloba, kegelapan dendam kesumat, kegelitaan dosa, kelemahan sikap haloba, bakhil dan desakan-desakan keinginan-keinginan yang terpendam.

Barangkali di antara perkara yang menarik perhatian yang lebih besar ialah pembicaraan Al-Qur'an - yang sedang mengulas hal peperangan - mengenai riba dan larangan terhadapnya, juga pembicaraan Al-Qur'an mengenai dasar bermesyuarat dan pengalaman dasar ini walaupun dasar ini pada lahirnya telah membawa kepada akibat-akibat yang buruk di dalam peperangan Uhud itu.

Kemudian yang menarik perhatian lagi ialah keluasan bidang, di mana pendekatan Al-Qur'an bertindak di dalam jiwa manusia dan dalam kehidupan insaniyah, dan banyaknya titik-titik harakat dalam jiwa dan kehidupan itu serta pertautan dan kesepaduannya yang menarik.

---

* *Penjelasan yang merangkumi dua jurusan serentak iaitu jurusan lahir dan jurusan batin (penterjemah).*

Tetapi orang-orang yang memahami tabi'at sistem hidup Rabbani ini tidak merasa aneh dengan ciri-ciri perpasangan, keluasan, pertautan dan kesepaduan itu, kerana perjuangan peperangan di dalam harakat Islamiyah bukanlah perjuangan alat-alat senjata, kuda-kuda, perajurit-perajurit, kelengkapan-kelengkapan perang, peluru-peluru dan penyusunan strategi-strategi perang sahaja. Kerana semuanya ini hanya merupakan sebahagian kecil dari perjuangan sahaja. Ia tidak terasing dari perjuangan besar di alam hati nurani dan di dalam penyusunan masyarakat bagi kelompok Muslimin. Ia mempunyai hubungan yang rapat dengan kebersihan dan kejernihan hati nurani, dengan keikhlasan dan dedikasinya dengan kebebasannya dari tali-tali dan ikatan-ikatan yang menghapuskan kejernihannya dan menghalangkannya dari berkejar kepada Allah. Ia juga mempunyai hubungan yang rapat dengan kedudukan penyusunan masyarakat untuk ditegakkan kehidupan kelompok Muslimin mengikut sistem hidup Rabbani yang lurus, iaitu satu sistem hidup yang ditegakkan di atas dasar bermesyuarat di dalam seluruh urusan kehidupan bukan sahaja dalam urusan peraturan pemerintahan dan di atas sistem ta'awun/ kerjasama bukannya di atas sistem riba kerana ta'awun dan riba itu tidak mungkin bertemu dalam satu sistem.

Al-Qur'an merawat kelompok Muslimin selepas meletusnya satu perjuangan yang kami telah katakan - bukannya satu perjuangan di medan perang sahaja, malah satu perjuangan di medan yang lebih besar lagi, iaitu perjuangan di medan jiwa manusia, perjuangan di medan kehidupan di alam realiti. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menyentuh tentang riba dan melarang makan riba. Ia menyentuh tentang infaq di dalam masa kelapangan dan kesempitan dan menggalakkannya. Ia menyentuh tentang keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya dan menjadikan keta'atan itu sebagai asas untuk mendapat rahmat Allah. Ia menyentuh tentang mengawal kemarahan dan memberi kemaafan kepada orang lain. Ia menyentuh tentang ihsan dan tentang usaha membersihkan diri dari dosa dengan memohon keampunan. Ia menyentuh tentang taubat dan tentang sikap yang tidak terus berdegil melakukan maksiat dan menjadikan taubat itu sebagai asas untuk mencapai keredhaan Allah. Ia menyentuh tentang rahmat Allah yang dapat dilihat pada sifat lemah lembut hati Rasulullah s.a.w. terhadap orang ramai. Ia menyentuh dasar bermesyuarat dan menetapkannya dalam waktu-waktu yang paling gawat. Ia menyentuh tentang amanah yang menghalangkan pengkhianatan dan seterusnya ia menyentuh pengorbanan dan melarang bersifat bakhil di akhir ayat-ayat ulasan mengenai Peperangan Uhud itu.

Al-Qur'an menyentuh perkara-perkara ini kerana semuanya merupakan bahan-bahan bagi menyedia dan melengkapkan kelompok Muslimin untuk menghadapi perjuangan dalam bidangnya yang luas termasuk perjuangan di medan perang. Itulah perjuangan pengemblengan atau kerahan kekuatan yang lengkap untuk mencapai kejayaan yang besar, iaitu kejayaan menguasai jiwa, keinginan, tamak haloba dan hasad dengki dan kejayaan menegakkan nilai-nilai dan peraturan-peraturan yang sihat bagi kehidupan kelompok yang sempurna.

Al-Qur'an menyentuh semua perkara ini untuk menunjukkan ciri kesepaduan 'aqidah ini di dalam menghadapi kewujudan manusia dan seluruh kegiatannya dan mengembalikan seluruh kegiatan itu kepada satu paksi, iaitu paksi ibadat dan 'Ubudiyah kepada Allah serta bertawajjuh kepada-Nya dengan penuh kepekaan dan taqwa, juga menunjukkan ciri kesepaduan sistem hidup Ilahi dalam menguasai seluruh kewujudan manusia dalam segala keadaannya dan ciri wujudnya pertalian di antara keadaan-keadaan ini di bawah naungan sistem ini. Dan seterusnya menunjukkan ciri kesepaduan natijah-natijah yang terakhir bagi seluruh kegiatan manusia dan kesan bagi setiap harakat jiwa dan setiap butir-butir susunan di dalam natijah-natijah terakhir ini.

Kini jelaslah bahawa bimbingan-bimbingan yang lengkap ini tidaklah terpisah dari perjuangan, kerana jiwa tidak mungkin mencapai kemenangan di medan perang kecuali ia mendapat kemenangan dalam perjuangan-perjuangan di medan perasaan, akhlak dan peraturan. Orang-orang yang mengundurkan diri pada hari pertembungan dua angkatan tentera di dalam Peperangan Uhud itu adalah sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka. Dan orang-orang yang telah berjaya mendapat kemenangan di dalam perjuangan-perjuangan 'aqidah di belakang nabi-nabi mereka adalah sebenarnya telah memulakan perjuangan mereka dengan memohon keampunan kepada Allah terhadap dosa-dosa mereka. Mereka mencapai perlindungan pada Allah dan bersandar pada tiang Allah yang kukuh. Kini jelaslah bahawa usaha membersihkan diri dari dosa, bergantung pada Allah dan berlindung di bawah naungan-Nya merupakan alat-alat untuk mencapai kemenangan dan ia bukannya terpisah dari medan perang. Usaha membuang sistem riba dan mengambil sistem ta'awun adalah salah satu dari alat-alat untuk mencapai kemenangan, kerana masyarakat ta'awun lebih dekat dapat mencapai kemenangan dari masyarakat riba. Latihan mengawal kemarahan dan memaafkan kesalahan-kesalahan orang lain adalah salah satu dari alat-alat kemenangan, kerana kebolehan mengawal diri merupakan salah satu kekuatan perjuangan, dan kehidupan yang saling tolong-menolong dan saling mesra dalam sebuah masyarakat yang toleran merupakan satu kekuatan yang amat besar pengaruhnya.

Hakikat taqdir atau perencanaan Allah juga merupakan salah satu dari hakikat-hakikat yang ditekankan oleh rangkaian ayat-ayat ini dari awal hingga akhir, iaitu hakikat memulangkan segala urusan kepada perencanaan Allah dan membetulkan kefahaman mengenai persoalan ini dengan pembetulan yang jelas dengan tegas, dan dalam waktu yang sama menjelaskan Sunnatullah/undang-

undang Allah dalam mengaturkan akibat-akibat yang menimpa manusia mengikut usaha dan kegiatan mereka, mengikut salah betul mereka, mengikut keta'atan dan kederhakaan mereka, mengikut keteguhan pegangan dan kecuaian mereka terhadap agama Allah. Dan seterusnya menganggapkan mereka sebagai tabir bagi qudrat Ilahi atau alat-alat bagi masyi'ah-Nya atau sebagai salah satu dari perencanaan-perencanaan Allah untuk merealisasikan sesuatu yang dikehendaki-Nya.

Kemudian pada akhir penjelasannya ia memberitahu kelompok Muslimin bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa hak dalam urusan kemenangan, kerana kemenangan itu hanya urusan tadbir Allah semata-mata untuk melaksanakan perencanaan-perencanaan-Nya menerusi jihad mereka dan ganjaran mereka disanggupi oleh-Nya. Dan mereka tidak memperolehi dari hasil-hasil kemenangan itu sesuatu apa pun dari benda-benda bumi ini. Dan apabila Allah berkehendak memberi kemenangan kepada mereka, maka kemenangan itu bukan kerana kepentingan peribadi mereka, malah kerana kepentingan matlamat-matlamat yang tinggi yang dikehendaki oleh Allah. Demikianlah juga dengan kekalahan. Apabila kekalahan berlaku mengikut peraturan sunnatullah dan mengikut kecuaian dan keabaian yang telah dilakukan oleh kelompok Muslimin, maka kekalahan itu adalah berlaku untuk merealisasikan matlamat-matlamat yang telah ditentukan Allah dengan hikmat kebijaksanaan dan ilmu-Nya Yang Maha Mendalam, iaitu untuk memeriksa jiwa anggota kelompok dan mengenal pasti di antara barisan-barisan (Mu'minin dan Munafiqin), mendedahkan hakikat-hakikat yang sebenar, menegakkan nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan dan menjelaskan peraturan-peraturan kepada orang-orang yang berfikir.

Kemenangan ketenteraan atau kemenangan politik atau ekonomi tidak mempunyai apa-apa nilai dalam pandangan Islam selama seluruh kemenangan itu tidak ditegakkan di atas asas sistem hidup Rabbani, iaitu kemenangan mengawal diri dan keinginan hawa nafsu dan kemenangan menegakkan kebenaran yang dikehendaki Allah dalam kehidupan manusia supaya setiap kemenangan itu benar-benar merupakan kemenangan kerana Allah dan kerana agama Allah dan supaya setiap perjuangan itu benar-benar perjuangan kerana Sabilullah dan kerana sistem hidup Rabbani; jika tidak, maka kemenangan itu merupakan satu kemenangan jahiliyah yang berjaya mengalahkan satu jahiliyah yang lain dan ia tidak memberi apa-apa kebaikan kepada kehidupan dan kepada umat manusia. Satu-satunya kemenangan yang membawa kebaikan dan kebajikan ialah kemenangan yang mengibarkan panji-panji kebenaran semata-mata kerana kebenaran. Dan kebenaran itu hanya tunggal tidak berbilang. Itulah sistem hidup Rabbani yang tunggal. Tiada sistem yang benar selain darinya di alam buana ini. Dan kemenangan sistem ini tidak terlaksana sehingga ia terlaksana mula-mulanya di dalam jiwa manusia dan di dalam peraturan kehidupan yang berlaku seharian, iaitu ketika jiwa mereka bersih dari kepentingan-kepentingan diri, dari tamak haloba dan keinginan-keinginan nafsu yang buas, dari kecemaran-kecemaran jiwa dan hasad dengkinya, dari ikatan-ikatan dan belenggu-belenggunya dan ketika jiwa manusia dapat berkejar kepada Allah dalam keadaan yang bebas lepas dari segala belenggu-belenggu dan ketika ia dapat mencabutkan dirinya dari kekuatannya, dari wasilah-wasilah dan sebab-sebabnya untuk menyerahkan segala urusannya kepada Allah setelah menyempurnakan kewajipannya berusaha dan bertindak, dan setelah berhakimkan kepada undang-undang dan peraturan Allah dalam segala urusan dan menganggapkan penghakiman kepada-Nya sebagai matlamat perjuangan dan kemenangannya. Apabila semuanya ini terlaksana barulah kemenangan di dalam peperangan atau perjuangan politik atau ekonomi itu dianggapkan suatu kemenangan yang sebenar di dalam neraca Allah, dan jika tidak, maka ia merupakan satu kemenangan jahiliyah yang berjaya mengalahkan satu jahiliyah yang lain yang tidak mempunyai apa-apa nilai di sisi Allah.

Itulah hikmat perpasangan dan kesyumulan dalam ulasan mengenai perjuangan yang berlaku di dalam Peperangan Uhud, iaitu satu medan perjuangan yang luas yang merupakan medan perang yang dianggap sebagai satu sudut dari sudut-sudut perjuangannya yang banyak.

* * * * * *

Ringkasan Peperangan Uhud

Sebelum kami mula membincangkan ulasan Al-Qur'an tentang kejadian-kejadian dalam pertempuran Uhud itu eloklah kami kemukakan intisari peristiwa-peristiwanya sebagaimana yang diceritakan di dalam riwayat-riwayat sejarah supaya kita dapat memahami dengan pemahaman yang sebenar tempat-tempat yang menjadi titik-titik ulasan dan bimbingan itu dan supaya kita dapat perhatikan cara didikan Ilahi melalui Al-Qur'an yang mengolahkan kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa itu.

Kaum Muslimin telah mencapai kemenangan di dalam Peperangan Badar, iaitu satu kemenangan yang sempurna dan nampak jelas berbau mu'jizat - dilihat dari suasana-suasana berlakunya peperangan itu - dan di dalam peperangan itu Allah telah membunuh melalui tangan mereka ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kekafiran dari kaum Quraisy. Selepas kehilangan pembesar-pembesar mereka itu di dalam Peperangan Badar, Abu Suffian bin Harb tampil mengetuai kaum Quraisy dan menggembleng mereka untuk menentang kaum Muslimin sebagai membalas dendam. Angkatan unta-unta yang membawa barang-barang dagangan Quraisy telah terselamat dan tidak terjatuh ke dalam tangan orang-orang

Islam. Oleh itu kaum Musyrikin telah mengadakan pakatan menggunakan harta-harta yang terselamat itu untuk memerangi kaum Muslimin.

Abu Suffian telah berjaya mengumpul hampir-hampir tiga ribu orang-orang Quraisy dan suku-suku sekutu mereka termasuk orang-orang Badwi Ahbasy.[2] Dia keluar memimpin mereka di dalam bulan Syawal tahun yang ketiga Hijrah. Mereka membawa perempuan-perempuan mereka bersama-sama mereka supaya mereka bersungguh-sungguh mempertahankan mereka dan tidak lari. Dia membawa mereka menuju ke Madinah. Kemudian berhenti berhampiran bukit Uhud.

Rasulullah s.a.w. telah mengadakan mesyuarat dengan para sahabatnya apakah mereka patut keluar menentang mereka atau tinggal bertahan di Madinah? Mengikut pendapat beliau mereka jangan keluar dari Madinah dan tetap bertahan di sini. Dan jika mereka menyerang Madinah, maka hendaklah kaum Muslimin menentang mereka di muka-muka lorong sementara kaum perempuan melawan mereka dari atas rumah.[3] Pendapat ini telah disetujui oleh Abdullah ibn Ubay (kepala Munafiqin), tetapi sebilangan ramai dari para sahabat dan kebanyakannya terdiri dari pemuda-pemuda yang terlepas peluang menyertai Peperangan Badar dengan segera mencadangkan kepada beliau supaya mereka keluar dari Madinah dan mendesak beliau supaya berbuat begitu sehingga pendapat ini kelihatan seolah-olah satu pendapat majoriti dalam kelompok Muslimin. Lalu Nabi s.a.w. pun bangkit dan terus masuk ke dalam rumahnya - rumah Aisyah r.a. - dan memakai baju besinya kemudian beliau keluar mendapatkan mereka. Tiba-tiba keazaman mereka patah dan berkata: "Kita telah memaksa Rasulullah s.a.w. keluar!" Lalu mereka berkata kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Jika anda suka tinggal bertahan di Madinah silalah buat!" Rasulullah s.a.w. terus menjawab: "Tidak wajar bagi seseorang Nabi yang telah memakai baju besinya menanggalkannya semula sehingga Allah menentukan keputusan-Nya di antara dia dengan musuhnya." Inilah satu pelajaran nabawi yang tinggi yang telah diberikan beliau kepada mereka, iaitu mesyuarat itu ada waktunya dan apabila selesai tibalah pula waktu membulatkan keazaman, melaksanakan keputusan dan bertawakkal kepada Allah, dan di sana tidak ada tempat lagi untuk ragu-ragu atau untuk bermesyuarat semula dan terumbang-ambing di antara pendapat-pendapat. Biarlah segala urusan itu menuju kepada titik-titik penghabisannya dan serahkanlah sahaja kepada Allah bertindak selepas itu mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya.

Rasulullah s.a.w. telah bermimpi melihat suatu serpihan pada mata pedang beliau dan melihat seekor lembu jantan (kepunyaannya) di sembelih dan beliau telah memasukkan tangannya dalam baju besinya yang kukuh. Beliau telah menta'birkan serpihan pada pedangnya itu dengan adanya seseorang lelaki dari keluarganya yang akan mendapat kemalangan. Dan menta'birkan lembu jantan dengan adanya beberapa orang sahabatnya yang akan terbunuh dan seterusnya menta'birkan baju besi dengan kota Madinah. Di sini jelaslah bahawa beliau telah diperlihatkan tentang akibat perjuangan itu. Tetapi sekaligus itu juga beliau melaksanakan sistem bermesyuarat dan peraturan bertindak selepas bermesyuarat. Beliau sedang mendidik umat Muslimin dan umat-umat itu memanglah dididik dengan peristiwa-peristiwa dan dengan modal pengalaman-pengalaman yang didapati dari peristiwa-peristiwa yang ditempuh mereka. Sebenarnya beliau sedang melaksanakan perencanaan atau taqdir Allah yang telah ditekadkan oleh perasaan-perasaan dan hatinya dan beliau bertindak mengikut kehendak-kehendak taqdir itu sebagaimana yang dirasainya di dalam hatinya yang berhubung rapat dengan Allah.

Rasulullah s.a.w. telah keluar dari Madinah dengan seribu orang para sahabatnya dan beliau telah melantikkan Ibn Ummi Maktum sebagai ganti beliau jadi imam sembahyang bagi mereka yang tinggal di Madinah. Apabila beliau berada di tempat di antara Madinah dan Uhud, Abdullah ibn Ubay kepala Munafiqin telah berpisah dari angkatan beliau bersama dengan satu pertiga tentera dan berkata: "Dia (Muhammad) menentang cakap saya dan mendengar cakap anak-anak muda" lalu Abdullah ibn 'Amr ibn Hizam - bapa Jabir ibn Abdullah r.a. mengikut mereka dan mencela tindakan mereka dan mendesak mereka supaya pulang semula (ke medan perang). Ia berkata kepada mereka: "Marilah berjuang di jalan Allah atau mempertahankan agama Allah". Lalu mereka menjawab, jika kami yakin kamu akan berperang tentulah kami tidak balik." Lalu Abdullah ibn 'Amr pun balik meninggalkan mereka dan mencela mereka.

Kaum Ansar telah memohon keizinan beliau supaya mereka meminta pertolongan kaum Yahudi yang menjadi sekutu-sekutu mereka. Tetapi Rasulullah s.a.w. tidak bersetuju kerana perjuangan itu ialah perjuangan di antara keimanan dan kekafiran, sedangkan kaum Yahudi tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan perjuangan ini, di samping itu kemenangan adalah dari sisi Allah apabila tawakkal benar-benar dibulatkan kepada-Nya dan apabila hati benar-benar ikhlas kepada-Nya, lalu beliau bersabda: "Siapakah yang dapat membawa kita keluar berdekatan dengan kaum (Musyrikin) itu?" Lalu beberapa orang Ansar membawa beliau keluar dan berhenti di jalan Bukit Uhud di tepi Wadi. Beliau membelakangkan Bukit Uhud dan melarang sahabat-sahabatnya berperang sehingga beliau mengeluarkan perintah.

---

2 *Mereka dinamakan demikian kerana mereka mengadakan pakatan setia berhampiran dengan suatu tempat yang bernama Al-Abbasy.*

3 *Dalam menentukan pendapat ini sebagai pendapat Nabi sa.w. kami berpegang kepada keterangan yang dibuat oleh al-Imam Ibn Qayim al-Jauziyah di dalam kitabnya:* زاد المعاد

Setiba waktu pagi beliau menyusun angkatan perangnya yang berjumlah tujuh ratus orang itu. Di antara mereka ialah lima puluh orang pasukan pemanah. Beliau telah melantik Abdullah ibn Jubair sebagai ketua pasukan ini dan memerintahkan Abdullah dan kawan-kawannya supaya tetap di tempat mereka masing-masing dan jangan sekali-kali meninggalkannya walaupun mereka melihat burung-burung menyambar askar-askar. Pasukan ini ditempatkan di belakang tentera-tentera Muslimin dan menyuruh mereka menghujani askar-askar Musyrikin dengan anak-anak panah supaya mereka tidak dapat menyerang tentera Muslimin dari sebelah belakang.

Rasulullah s.a.w. memakai baju besi dua lapis dan menyerahkan panji-panji kepada Mus'ab ibn'Umayr. Beliau telah melantik az-Zubayr ibn al-'Awam dan al-Munzir ibn 'Amr sebagai kepala sayap kanan dan sayap kiri. Kemudian beliau memeriksa kumpulan pemuda yang ada pada hari ini. Di antara mereka ada yang ditolak dari menyertai peperangan itu kerana usia mereka terlalu muda. Dalam golongan ini termasuk Abdullah ibn 'Amr, Usamah bin Zayd, Usayd bin Zhuhayr, al-Barra' ibn 'Azib, Zayd ibn Arqam, Zayd ibn Thabit, Arabah ibn Aus dan 'Amr ibn Hizam. Dan beliau membenarkan pemuda-pemuda yang dikira mampu mengangkat senjata. Di antara mereka ialah Samurah bin Jundub dan Rafi' ibn Khadij dan kedua-duanya masing-masing berusia lima belas tahun.

Kaum Quraisy juga telah mengadakan kerahan untuk pertempuran itu. Angkatan mereka terdiri dari tiga ribu orang termasuk dua ratus orang pasukan berkuda, mereka telah melantik Khalid ibn al-Walid mengepalai sayap kanan dan 'Ikrimah ibn Abi Jhal mengepalai sayap kiri.

Rasulullah s.a.w. menyerah pedangnya kepada Abu Dujanah iaitu Simak ibn Kharasyah seorang pahlawan yang gagah berani yang berjalan dengan lagak yang sombong ketika berlaku pertempuran.

Orang-orang yang mula-mula keluar untuk berperang dari kaum Musyrikin ialah Abu 'Amir al-Fasiq. Dahulu dia dinamakan ar-Rahib lalu Rasulullah s.a.w. tukarkan nama itu kepada al-Fasiq. Di zaman jahiliyah dia menjadi ketua suku Aus dan apabila datang agama Islam dia tidak dapat menerimanya dan secara terus-terang ia melahirkan perseteruannya terhadap Rasulullah s.a.w. dan dia telah keluar dari Madinah dan pergi menemui kaum Quraisy untuk menyatukan mereka menentang Rasulullah s.a.w. dan menghasut mereka memerangi beliau. Dia telah berjanji dengan mereka bahawa kaumnya akan ta'at dan mengikutnya apabila mereka melihatnya. Dialah yang mula-mula tampil berdepan dengan angkatan kaum Muslimin. Dia menyeru kaumnya dan mengenali mereka lalu kaumnya menjawab: "Allah tidak akan menjadikan matamu dapat memandang sesuatu yang menyenangkan hatimu lagi, wahai orang yang fasiq!" Dia pun menjawab: Kaumku akan ditimpa bala bencana selepas peninggalanku." Kemudian dia terus memerangi orang-orang Islam dengan perjuangan yang bermati-matian.

Apabila pertempuran meletus Abu Dujanah al-Ansari telah memperlihatkan kepahlawanan dan keberaniannya yang amat tinggi bersama-sama Talhah ibn 'Ubaydillah, Hamzah ibn Abdul Mutalib, Ali ibn Abi Talib, an-Nadhr bin Anas dan Sa'ad ibn ar-Rabi'.

Dalam pertempuran di pagi itu angkatan Muslimin telah berjaya mengalahkan orang-orang kafir. Mereka telah berjaya membunuh tujuh puluh orang ketua-ketua kafir yang berani dan musuh-musuh Allah itu telah tewas dan lari mengundurkan diri hingga ke tempat perkhemahan perempuan-perempuan mereka dan menyebabkan perempuan-perempuan itu menyingsing kain dari betis-betis mereka turut melarikan diri.

Apabila pasukan pemanah kaum Muslimin melihat kekalahan kaum Musyrikin dan terdedahnya barisan mereka, mereka pun terus meninggal tempat pertahanan mereka yang diperintah oleh Rasulullah supaya mereka jangan sekali-kali meninggalkannya, lalu mereka berteriak: "Wahai kaumku! Harta rampasan perang! Harta rampasan perang!" Ketua mereka tampil memperingatkan perintah dan perjanjian mereka dengan Rasulullah s.a.w., tetapi mereka tidak menghiraukannya. Mereka beranggapan bahawa tentera-tentera Musyrikin (yang lari mengundurkan diri itu) tidak akan kembali lagi lalu mereka pun pergi mencari harta rampasan perang dan meninggalkan jalan-jalan yang menjadi pintu-pintu masuk di Uhud.

Di waktu inilah Khalid ibn al-Walid mengambil kesempatan dan kembali semula untuk menyerang dengan pasukan berkuda kaum Musyrikin. Mereka dapati jalan masuk ke Uhud kosong (dari tentera-tentera pengawal) dan terus mendudukinya dari belakang tentera kaum Muslimin. Kemudian kaum Musyrikin yang telah tewas itu kembali semula apabila mereka melihat Khalid dan pasukan berkuda mereka telah dapat mengalah dan mengepung kaum Muslimin.

Akibat pertempuran telah menjadi terbalik. Kaum Muslimin telah menerima kekalahan. Barisan perjuangan mereka menjadi kucar-kacir dan diselubungi suasana kelam kabut dan kebimbangan-kebimbangan kerana tekanan keadaan-keadaan yang mendadak yang tidak diduga oleh sesiapa pun. Ramai dari mereka terbunuh dan gugur syahid. Orang-orang Musyrikin telah menyerbu ke arah Rasulullah s.a.w. yang tinggal terpencil bersama-sama beberapa orang tentera Islam yang boleh dibilang dengan jari. Mereka berjuang mempertahankan beliau sehingga mereka gugur syahid. Wajah Rasulullah s.a.w. telah mendapat luka-luka dan sebatang gigi bahagian depan di sebelah bawah patah dan tudung besi di atas kepala

beliau hancur. Beliau juga telah dilontar dengan batu oleh orang-orang Musyrikin dan terkena dilambungnya dan beliau terjatuh di dalam lubang perangkap yang digali oleh Abu 'Amir al-Fasiq kemudian lubang itu ditudung untuk memerangkap orang-orang Islam dan dua cincin dari cincin-cincin baju besi yang dipakai di bawah kopiah telah terbenam di dalam pipinya.

Di tengah-tengah suasana kelam-kabut yang menyelubungi tentera-tentera Muslimin itu tiba-tiba kedengaran seorang berteriak: "Muhammad telah terbunuh!" Kata-kata ini merupakan satu malapetaka yang menggegarkan saki-baki kekuatan yang ada pada mereka. Mereka terus berundur membawa satu kekalahan teruk yang membuat mereka tidak mahu melawan lagi kerana putus asa dan patah semangat.

Walaupun tentera-tentera Muslimin kalah tetapi Anas ibn an-Nadhr r.a. tidak mengaku kalah, dia pergi kepada 'Umar ibn al-Khattab dan Talhah ibn 'Ubaydillah yang berada bersama-sama sekumpulan orang-orang Ansar dan Muhajirin yang kelihatan termangu-mangu, lalu dia berkata: "Mengapa kamu duduk begini?" Jawab mereka: "Rasulullah s.a.w. telah dibunuh!" Lalu dia berkata: "Apakah kamu hendak buat dengan hidup ini selepas beliau mati? Ayuh bangkitlah sekarang dan berjuanglah sampai mati demi mempertahankan agama yang kerananya Rasulullah s.a.w. sanggup mati!" Kemudian dia terus menghadapi tentera-tentera Musyrikin dan di sana dia bertemu dengan Sa'ad ibn Mu'az lalu berkata: "Wahai Sa'ad aku tercium bau Syurga di depan bukit Uhud". Kemudian dia terus berperang hingga gugur syahid dan di badannya terdapat lebih dari tujuh puluh bekas tetakan pedang dan tiada siapa yang mengenali mayatnya melainkan saudara perempuannya yang mengecam anak-anak jarinya.

Kemudian Rasulullah s.a.w. menuju ke arah tentera-tentera Muslimin dan orang yang mula-mula mengenal beliau dengan tudung kepala besinya itu ialah Ka'ab ibn Malik lalu dia berteriak dengan sekuat-kuat suaranya: "Wahai sekalian kaum Muslimin! Bergembiralah ini dia Rasulullah s.a.w.!" Tetapi beliau memberi isyarat dengan tangannya kepada Ka'ab supaya diam. Kemudian beliau dikerumuni tentera-tentera Muslimin dan mereka berangkat menuju ke jalan bukit. Di antara mereka Abu Bakar, Umar, al-Harith ibn as-Simmah al-Ansari dan lain-lain. Apabila mereka naik ke atas bukit Rasulullah s.a.w. bertembung dengan Ubay ibn Khalaf sedang menunggang kudanya yang bernama al-'Ud. Dahulu dia sendiri memberi makan kepada kuda ini di Makkah dan pernah berkata: "Di atas kuda inilah aku akan membunuh Muhammad" apabila Rasulullah s.a.w. mendengar kata-kata itu beliau pun menjawab: "Insya Allah akulah yang akan membunuhnya di atas kuda itu". Oleh itu apabila beliau bertembung dengannya, beliau pun mengambil lembing dari al-Harith dan terus menikam musuh Allah itu tepat pada tulang lehernya menyebabkan mendengkur seperti lembu dan dia yakin bahawa dia tentu mati seperti yang telah dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. Dan sebenarnya dia telah mati dalam perjalanan pulangnya.

Abu Suffian naik meninjau di atas bukit dan berseru: Adakah Muhammad dalam kumpulan kamu? Rasulullah s.a.w. dengan segera berkata (kepada sahabat-sahabatnya): "Jangan jawab pertanyaannya". Abu Suffian bertanya lagi: "Adakah anak Abu Quhafah (Abu Bakar) dalam kumpulan kamu?" Mereka diam tidak menjawab. Dia bertanya lagi: "Adakah Umar ibn al-Khattab dalam kumpulan kamu?" Mereka diam tidak menjawab. Hanya tiga orang ini sahaja yang ditanya oleh Abu Suffian, kemudian dia berkata kepada kaumnya: "Ketiga-tiga mereka semuanya telah mati" (di sini) Umar r.a. tidak dapat menahan dirinya dan terus berteriak: 'Wahai musuh Allah! Orang-orang yang engkau sebut tadi semuanya masih hidup. Allah telah mengekalkan untuk engkau sesuatu yang akan mendukacitakan engkau." Lalu dia menjawab: "Ada perbuatan mencederakan mayat-mayat yang telah mati, tetapi aku tidak menyuruh mereka melakukannya dan perbuatan itu tidak mendukacitakan aku!" (Dia tujukan penjelasan itu kepada perbuatan yang telah dilakukan oleh isterinya Hindun terhadap mayat Hamzah r.a. setelah dibunuh oleh Wahsyi. Hindun telah membedah perut Hamzah dan mengeluarkan hatinya lalu memamahnya kemudian meluahnya kembali).

Kemudian Abu Suffian berkata: "Tinggilah tuhan Hubal!" Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada (sahabat-sahabatnya): "Mengapa kamu tidak menjawab perkataannya?" Jawab mereka: "Bagaimana kita harus menjawab perkataannya?" Sabda beliau: "Katakanlah Allah lebih tinggi dan lebih mulia." Abu Suffian berkata pula: "Kami ada berhala 'Uzza dan kamu tidak ada 'Uzza. Sabda Rasulullah s.a.w.: "Mengapa kamu tidak menjawab perkataannya?" Kata mereka: "Bagaimana kita harus menjawab perkataannya?" Jawab beliau: "Katakanlah: Allahlah Pelindung kami dan tiada pelindung bagi kamu." Abu Suffian berkata lagi: "Hari ini (adalah tebusan bagi kekalahan kami) pada hari Perang Badar. Peperangan di antara kita sekali kalah sekali menang." Lalu Umar r.a. menjawab "Di antara kita tidak sama kerana orang-orang yang terbunuh dari kami berada di dalam Syurga, sedangkan orang-orang yang terbunuh dari kamu berada dalam Neraka."

Apabila peperangan selesai, kaum Musyrikin berundur dari situ lalu orang-orang Islam menyangka bahawa mereka menuju ke Madinah untuk menawan anak-anak pinak mereka dan merampas harta benda mereka. Ini menyebabkan orang-orang Islam berada dalam keadaan yang sulit lalu Nabi s.a.w. menyuruh Ali r.a.: "Keluarlah ikuti kaum Musyrikin itu, kemudian perhatikan apa yang mereka buat dan apa yang mereka kehendaki. Jika mereka menjauhi kuda-kuda dan menaiki unta, maka itu bermakna mereka hendak menuju ke Makkah dan sebaliknya jika mereka menunggang kuda dan menarik unta, maka itu

bererti mereka hendak menuju ke Madinah. Demi Allah yang nyawaku berada di dalam genggaman tangan-Nya! Jika mereka menuju ke Madinah aku akan pergi mendapatkan mereka kemudian aku akan melawan mereka di Madinah".

Ujar Ali: "Aku pun keluar mengikut jejak-jejak mereka untuk melihat apa yang dilakukan mereka. Aku nampak mereka menjauhi kuda-kuda dan mengenderai unta-unta dan menuju ke arah Makkah".

Apabila mereka sampai di tengah jalan mereka menggeritik satu sama lain. Setengahnya berkata: "Kamu tidak buat apa-apa. Kamu hanya telah hancurkan kekuatan mereka (kaum Muslimin) sahaja kemudian kamu tinggal mereka, sedangkan mereka masih lagi mempunyai ketua yang dapat menyatupadukan mereka untuk menentang kamu. Oleh sebab itu marilah kita kembali semula untuk menghapuskan mereka semua........ Kemudian berita itu sampai kepada Rasulullah s.a.w. lalu beliau pun menyeru kaum Muslimin dan memberangsangkan mereka keluar menentang musuh mereka dan bersabda: "Jangan ikut kami keluar melainkan orang-orang yang telah ikut berperang sahaja." Lalu Abdullah ibn Ubay berkata: "Bolehkah saya ikut keluar bersama engkau?" Jawab beliau: "Tidak". Seruan beliau itu telah disambut oleh kaum Muslimin walaupun di antara mereka ada yang luka parah dan dalam kebimbangan. Mereka serentak berkata: "Kami ta'at dan patuh." Kemudian Jabir ibn Abdullah datang meminta izin dari beliau katanya: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya saya sentiasa ingin bersama-sama anda dalam mana-mana peperangan yang disertai anda. Pada hari peperangan yang lepas bapa saya telah menyuruh saya menjadi penggantinya untuk menjaga anak-anak perempuannya. Oleh itu izinkanlah saya keluar bersama anda." Lalu beliau memberi keizinan kepadanya. Kemudian Rasulullah s.a.w. keluar bersama-sama angkatan Muslimin sehingga mereka sampai di Hamra'ul-Asad dan di sini Ma'bad ibn Abi Ma'bad al-Khuza'i datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu beliau menyuruhnya menemui Abu Suffian untuk melemahkan semangatnya dari berperang. Ma'bad telah menemui Abu Suffian di ar-Rauha' dan dia tidak mengetahui bahawa Ma'bad telah menganut Islam lalu dia pun berkata: "Ada apa-apa berita Ma'bad?" Jawab Ma'bad: "Muhammad dan sahabat-sahabatnya telah berazam dengan penuh kemarahan untuk memerangi kamu. Mereka telah keluar dalam satu kumpulan tentera yang ramai yang belum pernah mereka keluar seramai itu, kerana sahabat-sahabatnya yang tidak ikut berperang dahulu telah merasa menyesal. Lalu Abu Suffian berkata: "Apa fikiran awak?" Jawab Ma'bad: "Saya fikir anda jangan lagi berangkat balik sehingga tentera-tentera ini naik dan melintasi tanah-tanah tinggi ini." Kata Abu Suffian: "Demi Allah kami telah bersebulat kata untuk menyerang mereka (kaum Muslimin) dan menghapuskan mereka semua sekali." Jawab Ma'bad "Jangan! Jangan buat begitu, saya nasihat kepada anda dengan ikhlas." Lalu mereka pun berpatah balik pulang ke Makkah.

Abu Suffian telah menemui beberapa orang Musyrikin yang hendak pergi ke Madinah lalu dia berkata (kepada salah seorang dari mereka): "Bolehkah awak sampaikan satu perutusan kepada Muhammad. Aku akan berikan hadiah kepadamu seekor unta Zabib jika engkau balik ke Makkah nanti?" Jawab orang itu: "Boleh." Kata Abu Suffian: "Sampaikan kepada Muhammad kami telah bersebulat kata untuk menyerang dan menghapuskannya, juga menghapuskan semua sahabat-sahabatnya." Apabila orang ini menyampaikan perutusan Abu Suffian kepada kaum Muslimin mereka berkata: "حسبنا الله ونعم الوكيل" (Cukuplah Allah menjadi Pelindung kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung). Berita itu tidak melemahkan semangat mereka dan mereka keluar bersiap-sedia menunggu kedatangan mereka selama tiga hari dan akhirnya mereka mengetahui bahawa kaum Musyrikin telah jauh berjalan balik menuju ke Makkah, lalu mereka pun pulang ke Madinah.

* * * * * *

Peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud Yang Penuh Saranan

Sebenarnya ringkasan peristiwa-peristiwa Perang Uhud ini tidak menggambarkan segala sudutnya dan tidak pula merakamkan segala kejadian yang berlaku di dalamnya yang menjadi contoh teladan dan pengajaran. Oleh sebab itulah kami sebutkan pula di bawah ini beberapa peristiwa yang menarik untuk menyempurnakan gambaran peristiwa perang itu dan menjadikannya suatu peristiwa yang benar-benar hidup.

'Amr ibn Qami'ah adalah di antara tentera-tentera Musyrikin yang menyerbu ke arah Rasulullah s.a.w. ketika beliau berada dalam keadaan terpencil semasa berlakunya suasana kelam-kabut dan kucar-kacir akibat pasukan pemanah kaum Muslimin meninggal tempat-tempat mereka dan akibat tentera-tentera Muslimin dikepung oleh tentera-tentera kafir, juga akibat teriakan yang mengatakan Muhammad sudah mati dibunuh dan kesan-kesannya yang menggegarkan barisan kaum Muslimin dan melemahkan semangat mereka.

Dalam keadaan kekacauan yang membuat orang yang sabar hilang kesabarannya itu Ummu 'Umarah Nasibah binti Ka'ab al-Maziniyah berjuang bermati-matian mempertahankan Rasulullah s.a.w. Dia telah menikam 'Amr ibn Qami'ah beberapa kali dengan pedangnya, tetapi di waktu itu 'Amr memakai baju besi dua lapis dan dia telah membalas tikaman itu dan menyebabkan Ummu 'Umarah cedera parah di lehernya.

Abu Dujanah melindungkan Rasulullah s.a.w. dengan belakangnya dan anak-anak panah musuh gugur di atasnya, tetapi dia tidak bergerak dan tidak pula mendedahkan Rasulullah s.a.w.

Talhah ibn 'Ubaydillah dengan segera pulang kepada Rasulullah s.a.w. dan berdiri menjaganya seorang diri sehingga ia jatuh rebah. Tersebut di dalam Sahih ibn Hibban daripada Aisyah katanya: Kata Abu Bakar, "Pada hari Peperangan Uhud semua orang meninggal Nabi s.a.w. dan akulah orang yang pertama pulang mendapatkan Nabi s.a.w. lalu aku ternampak seorang lelaki sedang berjuang mempertahan dan melindungi beliau lalu aku berkata: Semoga dia itu Talhah! Ayahku dan ibuku adalah tebusan untukmu! Semoga dia itu Talhah! Ayahku dan ibuku adalah tebusan untukmu! Sebentar kemudian Abu 'Ubaydah ibn al-Jarrah datang lalu dia meluru seolah-olah seekor burung sehingga ia mendapatkan aku lalu kami terus berkejar kepada Rasulullah s.a.w. dan di sana kami dapati Talhah gugur di hadapan beliau lalu beliau bersabda: 'Tolonglah saudaramu dia telah melakukan sesuatu yang telah mewajibkannya masuk Syurga, ketika itu Nabi s.a.w. telah terkena panah di pipinya. Sehingga menyebabkan satu cincin dari cincin baju besi terbenam dalam pipinya lalu aku pergi untuk mencabutnya dari pipi Nabi s.a.w., lantas Abu 'Ubaydah pun berkata: 'Saya pinta dengan nama Allah tinggalkan kepada saya mencabutnya."' Ujar Abu Bakar: "Lalu Abu 'Ubaydah menggigit anak panah itu dengan mulutnya dan menariknya dengan begitu hati-hati supaya tidak menyakitkan Rasulullah s.a.w. Kemudian ia mencabut anak panah itu dengan mulutnya lalu gugurlah sebatang gigi tengah Abu 'Ubaydah." Ujar Abu Bakar: "Kemudian aku pergi untuk mencabut sebatang anak panah yang satu lagi, lalu Abu 'Ubaydah berkata kepadaku: 'Saya pinta dengan nama Allah biarlah saya sahaja yang mencabutnya, wahai Abu Bakar!... Ujar Abu Bakar: "Abu 'Ubaydah pun mencabutnya dengan hati-hati sehingga anak panah itu terkeluar dan patah pula sebatang lagi gigi depannya. Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Lihatlah saudara kamu (Talhah) dia telah melakukan sesuatu yang mewajibkannya masuk Syurga". Lalu kami pun pergi mendapat Talhah untuk merawatkannya. Dia telah mendapat lebih dari sepuluh tikaman musuh."

Kemudian Ali Karramallahu'wajhah membawa air untuk membasuh luka Rasulullah s.a.w. Dia menuang air ke atas luka-luka itu dan Fatimah r.a. mencucikannya. Dan apabila Fatimah melihat darah tidak berhenti-henti mengalir dia pun mengambil sekeping tikar lalu membakarkannya kemudian menampalkan abunya pada luka itu dan aliran darah pun terus berhenti.

Malik bapa kepada Abu Sa'id al-Khudri telah menghisap luka Rasulullah s.a.w. sehingga bersih lalu beliau bersabda kepadanya: "Luahkan darah yang engkau hisapkan itu!" Jawab Malik: "Demi Allah, saya tidak akan luahkannya sekali-kali!" Lalu Nabi s.a.w. pun bersabda: "Siapa yang ingin melihat seorang dari ahli Syurga, maka lihatlah kepada orang ini".

Tersebut di dalam Sahih Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. telah terpencil pada hari Peperangan Uhud bersama-sama tujuh orang Ansar dan dua orang Quraisy. Apabila mereka (musuh) mara mendekati beliau, beliau pun bersabda: "Siapa yang dapat menghalang mereka dari aku akan memperolehi Syurga". Lalu seorang Ansar tampil melawan mereka hingga ia gugur syahid. Kemudian musuh terus mara mendekati beliau dan beliau bersabda pula: "Siapa yang dapat menghalang mereka dari aku akan memperolehi Syurga dan dialah yang akan menjadi temanku di dalam Syurga", dan demikianlah mereka berjuang sehingga tujuh orang Ansar itu gugur syahid belaka. Lalu beliau bersabda: (kepada dua orang Quraisy sahabatnya yang masih ada bersamanya): "Kita tidak berlaku adil terhadap sahabat-sahabat kita (kerana membiarkan mereka)." Kemudian Talhah melawan musuh sehingga ia dapat menjauhkan mereka dari beliau sementara Abu Dujanah pula melindungi beliau dengan belakangnya sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini sehingga keadaan yang buruk itu hilang. Rasulullah s.a.w. kelihatan begitu letih lesu ketika beliau hendak mendaki sebuah batu besar hingga beliau tidak berupaya mendakinya lalu Talhah duduk di bawahnya untuk membolehkan beliau naik di atasnya. Kemudian waktu solat pun tiba dan beliau menjadi imam mereka dengan keadaan duduk.

Di antara peristiwa-peristiwa pada hari Perang Uhud itu lagi ialah:

(Seorang sahabat) yang bernama Hanzhalah al-Ansari (yang digelar dengan gelaran Hanzhalah yang dimandikan malaikat) telah menyerang Abu Suffian dan apabila dia berjaya mengalahkan Abu Suffian, tiba-tiba datang Syadad ibn al-Aswad membunuhnya. Ketika itu Hanzalah sedang berada dalam keadaan junub. Dia sedang tidur dengan isterinya sewaktu mendengar seruan perang dan dia telah bangkit dengan segera keluar berjihad. Rasulullah s.a.w. telah menceritakan kepada sahabat-sahabatnya bahawa para malaikat telah memandikan Hanzhalah kemudian beliau bersabda (kepada sahabat-sahabatnya): Tanyakanlah isterinya apakah ceritanya yang sebenar?" Lalu mereka pun bertanya isterinya dan dia pun menceritakan apa yang sebenar berlaku.

Ujar Zayd ibn Thabit pula: "Rasulullah s.a.w. telah menghantar aku pada hari Peperangan Uhud untuk mencari Sa'ad ibn ar-Rabi'. Kata Zayd: "Aku pun berpusing-pusing di antara mayat-mayat yang terbunuh, kemudian aku menemui Sa'ad sedang dalam hembusan-hembusan nafasnya yang akhir. Ada tujuh puluh luka-luka di badannya, iaitu di antaranya luka-luka kerana tikaman lembing, luka-luka kerana tetakan pedang dan luka-luka kerana terkena anak panah lalu aku berkata: Wahai Sa'ad! Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. menyampaikan salam kepadamu dan

berpesan beritahulah kepadaku bagaimana engkau dapati diri engkau?' Dia menjawab: 'Salam kepada Rasulullah s.a.w. dan katakan kepadanya: 'Wahai Rasulullah! Aku dapati bau Syurga dan katakanlah kepada kaumku Ansar: Tiada maaf bagi kamu di sisi Allah jika ada orang dapat menyerang Rasulullah, sedangkan di kalangan kamu masih ada mata yang berkelip' setelah itu dia pun menghembuskan nafasnya yang terakhir."

Ada seorang lelaki Muhajirin bertemu dengan seorang Ansar yang sedang berlumuran darah lalu dia berkata: "Adakah awak tahu bahawa Muhammad telah mati dibunuh?"Jawab orang Ansar: "Jika Muhammad mati dibunuh beliau telah pun menyampaikan risalahnya. Oleh itu hendaklah kamu berperang mempertahankan agama kamu."

Abdullah ibn 'Amr ibn Haram pula bercerita: "Sebelum berlaku Peperangan Uhud aku bermimpi bertemu dengan Mubasysyir ibn Abdul Munzir. Dia berkata kepadaku: 'Tidak beberapa hari lagi engkau akan datang kepada kami'. Lalu aku bertanya: 'Engkau di mana sekarang?' Jawabnya: 'Di dalam Syurga, di sini kami berpergian ke mana sahaja kami suka'. Aku bertanya lagi: 'Bukankah engkau telah dibunuh pada hari Peperangan Badar?'Jawabnya: 'Ya! Kemudian aku dihidupkan'. Lalu aku ceritakan mimpi ini kepada Rasulullah s.a.w., beliau pun bersabda: Inilah kelebihan mati syahid! wahai Abu Jabir'.

Ujar Khaythamah - anaknya telah gugur syahid di dalam Peperangan Badar bersama Rasulullah s.a.w.: "Saya tidak dapat ikut serta di dalam Peperangan Badar. Demi Allah saya memang sangat berhasrat untuk mengikutinya sehingga saya dan anak saya terpaksa membuang undi untuk menentukan siapakah yang berhak keluar berperang. Lalu undinya keluar dan dia telah dikurniakan kehormatan mati syahid. Semalam saya bermimpi melihat anakku dengan rupanya yang amat comel sedang meni'mati buah-buahan Syurga dan sungai-sungainya dengan sesukahatinya. Dia berkata kepadaku: 'Marilah ayahanda hidup bersama kami di dalam Syurga. Anakanda dapati bahawa segala apa yang dijanjikan Allah kepada anakanda itu adalah benar'. Demi Allah wahai Rasulullah! Saya sungguh rindu hidup bersamanya di dalam Syurga. Usia saya telah tua dan tulang-temalang saya telah lemah dan saya ingin bertemu dengan Allah. Oleh itu do'alah kepada Allah, wahai Rasulullah! Agar mengurniakan kepada saya ni'mat mati syahid dan hidup bersama Sa'ad di dalam Syurga. Lalu Rasulullah s.a.w. mendo'akan hajatnya itu kepada Allah, kemudian ia gugur syahid di dalam Peperangan Uhud.

Abdullah ibn Jahsy telah berdo'a pada hari Peperangan Uhud itu: 'Ya Allah ya Tuhanku! Aku bersumpah dengan nama Mu bahawa aku akan menentang musuh besok. Biarlah mereka membunuhku kemudian membelah perutku dan memotong hidungku dan telingaku, kemudian Engkau bertanya aku untuk apa semuanya itu? Aku akan jawab: 'Untuk Mu'.

'Amr ibn al-Jamuh seorang yang sangat tempang. Dia mempunyai empat anak lelaki yang muda belia. Mereka ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. apabila beliau berperang. Ketika beliau hendak bertolak ke Uhud, maka 'Amr pun mahu ikut bersama beliau, lalu anak-anaknya berkata kepadanya: "Allah telah memberi kemudahan kepada bapa. Bapa boleh duduk di rumah sahaja, biarlah kami mengganti bapa kerana Allah tidak mewajibkan jihad ke atas bapa." Lalu 'Amr ibn al-Jamuh datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Anak-anak saya itu menghalang saya keluar berperang bersama anda. Demi Allah, saya sangat berharap hendak mati syahid agar saya dapat berjalan dengan kaki tempang saya ini di dalam Syurga.' Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Adapun engkau maka Allah tidaklah mewajibkan jihad ke atas engkau." Kemudian beliau bersabda pula kepada anaknya: "Apakah salahnya kamu berdo'a kepadanya semoga Allah Azzawajalla mengurniakan kepadanya ni'mat mati syahid? Kemudian 'Amr keluar bersama Rasulullah s.a.w. lalu ia gugur syahid pada hari Peperangan Uhud.

Di dalam keadaan kacau-bilau pertempuran itu Huzayfah ibn al-Yaman ternampak bapanya hendak dibunuh oleh orang-orang Islam kerana mereka tidak mengenalinya dan menyangkakannya dari orang-orang Musyrikin lalu Huzayfah berkeriau: "Wahai hamba-hamba Allah! Dia itu bapaku!" Tetapi mereka tidak sempat memahami perkataan Huzayfah melainkan sesudah mereka membunuhnya. Lalu dia berkata: "Semoga Allah memberi keampunan kepada kamu". Rasulullah s.a.w. hendak membayar diyatnya, tetapi Huzayfah menjawab: "Saya sedekah diyatnya kepada orang-orang Islam." Sikap Huzayfah itu telah menambahkan martabatnya di sisi Rasulullah.

Ujar Wahsyi hamba Jubayr ibn Mut'am menceritakan kematian Hamzah penghulu para Syuhada' di dalam Peperangan Uhud ini: "Jubayr berkata kepada aku: "Jika awak dapat membunuh Hamzah bapa saudara Muhammad, awak akan dibebaskan (dari perhambaan)." Kata Wahsyi: "Lalu aku pun keluar (berperang) bersama orang ramai (Musyrikin), aku adalah seorang Habsyi yang pandai melontar lembing mengikut cara orang-orang Habsyi dan lontaran aku itu jarang sekali tersilap dari sasarannya. Apabila pertempuran berlalu aku keluar melihat dan memerhati Hamzah. Aku lihat dia seolah-olah unta kelabu. Dia menumbang dan membunuh musuhnya dengan pedangnya dengan begitu gagah, tiada suatu pun yang dapat melawannya. Demi Allah, aku pun bersedia untuk menyerangnya. Aku berlindung darinya di sebalik pokok atau batu supaya dia berada dekat dariku. Tiba-tiba Siba' ibn Abdul 'Uzza mendahuluiku tampil hendak melawannya, apabila Hamzah melihat Siba' dia terus menghayun satu tetakan yang seolah-olah ia menyambar

kepalanya, di waktu inilah aku mengacah-acahkan lembingku sehingga apabila aku cukup puas hati dengan sasarannya aku pun melontarkannya dan lontaran itu tepat terkena di bawah perutnya sehingga lembing itu terkeluar di antara dua kakinya. Dia cuba bangkit menerkam ke arahku tetapi ia terjatuh. Aku biarkannya dengan lembing itu sehingga dia mati kemudian aku datang mengambil lembingku dan pulang ke khemah dan duduk berehat di sana kerana aku tidak mempunyai apa-apa keperluan yang lain dari Hamzah. Aku hanya membunuh untuk mendapat kebebasan sahaja".

Kemudian Hindun binti 'Utbah isteri Abu Suffian datang lalu membelah perut Hamzah dan mengeluarkan hatinya dan cuba memamahnya tetapi tidak dapat dan terus mencampakkannya.

Apabila Rasulullah s.a.w. - selepas pertempuran - berdiri di hadapan mayat Hamzah r.a., beliau kelihatan amat terharu. Beliau bersabda: "Aku sekali-kali tidak pernah ditimpa kesedihan seperti ini dan tidak pernah menghadapi satu perbuatan yang lebih menimbulkan kemarahanku dari perbuatan ini." Kemudian Rasulullah s.a.w. bertanya: "Adakah dia (Hindun) makan sesuatu (dari hati Hamzah)?" Jawab mereka: "Tidak." Sabda beliau: "Allah tidak sekali-kali memasukkan sesuatu dari anggota Hamzah ke dalam api Neraka."

Kemudian Rasulullah memerintah supaya para Syuhada' Uhud itu ditanam di tempat gugur mereka dan melarang memindahkan mereka ke tanah-tanah perkuburan di Madinah. Setengah-setengah sahabat telah memindahkan mayat-mayat keluarga mereka lalu juruhebah Rasulullah s.a.w. menyeru mereka supaya memulangkan mayat-mayat itu ke tempat-tempat gugur mereka lalu mereka memindahkannya kembali. Rasulullah s.a.w. menanam mereka dua atau tiga orang dalam satu kubur dan sebelum itu beliau bertanya siapakah di antara mereka yang paling banyak menghafal Al-Qur'an? Apabila mereka menunjukkan kepada seorang yang tertentu, beliau dahulukannya dalam lahad. Beliau telah mengkebumikan Abdullah ibn 'Amr ibn Haram dan 'Amr ibn al Jamuh dalam satu kubur kerana mereka berdua mempunyai perhubungan persahabatan yang mesra. Sabda beliau: "Kebumikanlah kedua-dua orang yang bersahabat mesra di dunia ini dalam satu kubur."

* * * * * *

Inilah beberapa petikan peristiwa di dalam Peperangan Uhud, di mana kemenangan dan kekalahan berdamping begitu dekat. Ia hanya dipisahkan oleh satu lintasan waktu yang pendek, satu pelanggaran perintah, satu tindakan hawa nafsu dan satu tarikan keinginan sahaja. Ia adalah satu peperangan di mana nilai-nilai yang tinggi dan nilai-nilai yang rendah berdamping begitu dekat. Ia memperlihatkan contoh-contoh yang unik di dalam sejarah keimanan dan kepahlawanan dan di dalam sejarah nifaq dan kekalahan.

Itulah sekumpulan peristiwa-peristiwa yang mendedahkan keadaan yang tidak seimbang yang wujud dalam barisan kaum Muslimin di masa itu di samping mendedahkan keadaan-keadaan yang keliru di dalam pemikiran-pemikiran setengah-setengah orang Islam. Kedua-dua keadaan ini - mengikut sunnatullah dan taqdir-Nya - telah menghasilkan natijah-natijah yang telah dialami oleh kaum Muslimin dan mengakibatkan pengorbanan-pengorbanan mereka yang besar, dan kemuncak dari pengorbanan itu ialah kecederaan-kecederaan yang telah menimpa Rasulullah s.a.w. dan tidak syak lagi para sahabat di waktu itu merasa peristiwa itu begitu mendalam dan berat. Mereka merasakan lebih pedih dari kesakitan yang telah dialami mereka sendiri. Mereka telah membayar harga yang amat tinggi untuk menerima pelajaran yang amat tinggi dari Allah untuk membersihkan hati mereka dan membezakan barisan-barisan (Mu'minin dan Munafiqin) dan untuk menyediakan kelompok Muslimin bagi memikul tugas agung yang diserahkan kepada mereka, iaitu tugas kepimpinan yang betul bagi umat manusia dan tugas menegakkan sistem hidup Ilahi di bumi dalam bentuknya yang mithali dan realistik.

Sekarang marilah kita lihat bagaimana Al-Qur'anul-Karim menghadapi masalah ini mengikut kaedah dan caranya yang tersendiri.

* * * * * *

Cara Pembentangan Al-Qur'an Terhadap Peristiwa-peristiwa Perang Uhud

Nas Al-Qur'an tidak mengikut peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud itu dari segi penceritaan dan pembentangan, tetapi ia mengikuti fikiran-fikiran dan perasaan-perasaan yang berkecamuk di dalam jiwa dan hati manusia (di dalam peperangan itu). Ia menggunakan peristiwa-peristiwa itu sebagai bahan peringatan, panduan dan bimbingan.

Nas Al-Qur'an tidak membentangkan peristiwa-peristiwa itu secara pembentangan ala sejarah yang disusun mengikut kejadian-kejadian yang teratur dengan tujuan rakaman, malah ia membentangkan peristiwa-peristiwa itu untuk tujuan mengambil i'tibar, memberi didikan, mencungkil nilai-nilai yang tersembunyi di sebalik peristiwa-peristiwa itu, menggambarkan ciri jiwa manusia dan perasaan-perasaan hati mereka, juga menggambarkan suasana-suasana yang menyelubunginya di samping menjelaskan undang-undang alam yang mengendalikannya dan dasar-dasar yang kekal abadi yang menegakkannya. Dengan demikian sesuatu peristiwa itu berubah menjadi satu paksi atau titik asas, di mana terkumpulnya kekayaan gambaran perasaan-perasaan dan ciri-ciri jiwa manusia dan kekayaan sumber natijah-natijah dan dalil-dalil. Dari titik asas inilah rangkaian ayat Al-Qur'an itu memulakan pembicaraannya, kemudian ia membuat selingan di sekelilingnya, kemudian balik semula kepadanya, kemudian menjelajah di dalam pendalaman hati dan kehidupan manusia. Hal ini

diulangi sekali demi sekali sehingga ia mengakhiri cerita peristiwa itu dan mengumpulkan di bawah dua sayapnya satu himpunan dari berbagai-bagai konsep, berbagai-bagai dalil, nilai-nilai dan dasar-dasar (Cerita) peristiwa itu hanya merupakan semata-mata wasilah untuk mendapatkan himpunan itu dan merupakan titik asas, di mana terkumpulnya himpunan itu. Dan apabila Al-Qur'an telah mengolahkan segala hubungan peristiwa dan penyakit-penyakit di dalam hati kemudian ia menjelas, membersih dan meletakkannya pada tempat-tempatnya yang wajar, maka jiwa manusia tidak lagi mengalami kebingungan dan kegelisahan, tidak lagi merasa keliru dan kesamaran.

Apabila seseorang itu melihat medan pertempuran yang luas dengan segala kejadian yang berlaku di dalamnya kemudian ia melihat pula medan ulasan Al-Qur'an yang mencakup berbagai-bagai aspek, maka ia akan dapati bahawa medan ini adalah lebih luas dari medan pertempuran dan lebih kekal menghadapi zaman, lebih kuat tersemat di dalam hati, lebih dalam bertunjang di dalam jiwa dan lebih mampu untuk memenuhi keperluan-keperluan jiwa manusia dan keperluan-keperluan kelompok Muslimin dalam setiap keadaan yang dihadapi mereka di sepanjang zaman dalam persoalan-persoalan yang seperti ini, kerana medan ulasan Al-Qur'an mengandungi hakikat-hakikat yang kekal abadi di sebalik peristiwa-peristiwa yang hilang berlalu. Ia mengandungi dasar-dasar yang mutlak di sebalik kejadian-kejadian yang tertentu dan nilai-nilai yang tulen di sebalik gejala-gejala yang baru mendatang. Ia merupakan tabung simpanan yang baik untuk dijadikan bekalan tanpa mengira masa dan tempat.

Inilah hasil yang kekal abadi yang disimpankan oleh nas-nas Al-Qur'an kepada setiap hati yang membuka pintunya kepada keimanan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sekalipun. Dan kami akan bentangkannya - insya Allah - secara terkumpul setelah membentangkan secara berasing-asingan di dalam nas-nas itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 121 - 122)

وَإِذْ غَدَوْتَ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّئُ الْمُؤْمِنِينَ مَقَاعِدَ لِلْقِتَالِ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾

إِذْ هَمَّت طَّائِفَتَانِ مِنكُمْ أَن تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيُّهُمَا ۗ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

"Dan (kenangilah) ketika engkau keluar di pagi hari dari (rumah) keluarga engkau untuk menempatkan para Mu'minin di tempat-tempat pertempuran dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui (121). (Kenangilah) ketika dua kumpulan dari kamu ingin berundur kerana takut, dan Allahlah Pelindung kedua mereka dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'min itu bertawakkal."(122)

Demikianlah ayat ini memulakan tayangan semula pemandangan pertama dari Peperangan Uhud. Pemandangan ini masih baru kepada orang-orang Islam yang mula-mula diturunkan Al-Qur'an ini kepada mereka, juga masih baru dalam kenangan-kenangan mereka. Tetapi memulakan cerita dengan cara yang seperti ini dan menghadirkan semula pemandangan pertama itu dengan nas yang seperti ini dapat mengembalikan semula pemandangan itu dengan segala ciri-cirinya yang hangat dan dinamik dan dapat menambahkan lagi kepadanya dengan hakikat-hakikat yang lain yang tidak terdapat di dalam pemandangan yang dapat dilihat itu, iaitu hakikat-hakikat yang wujud di sebalik pemandangan yang dapat dilihat dan diketahui mereka. Hakikat yang pertama ialah hakikat kehadiran Allah bersama mereka dan bagaimana Allah mendengar dan mengetahui segala apa yang berlaku di antara mereka. Inilah hakikat yang sangat diambil berat oleh Tarbiyah Qur'aniyah. Hakikat inilah yang selalu dihadir, ditegas, ditekan dan diperdalamkannya di dalam kefahaman dan pandangan Islam. Inilah hakikat asasi yang besar dan di atas hakikat inilah Islam tegakkan sistem pendidikannya. Tidak ada hati nurani yang betul mematuhi sistem hidup Islam dengan segala tugas dan kewajipannya kecuali hakikat ini tertanam di dalam lubuk hatinya dengan kuat dan dinamik.

وَإِذْ غَدَوْتَ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّئُ الْمُؤْمِنِينَ مَقَاعِدَ لِلْقِتَالِ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾

"Dan (kenangilah) ketika engkau keluar di pagi hari dari (rumah) keluarga engkau untuk menempatkan para Mu'min di tempat-tempat pertempuran dan Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui."(121)

Yang dimaksudkan di sini ialah keluarnya Nabi s.a.w. di pagi hari dari rumah Aisyah r.a. setelah memakai baju besinya selepas mengadakan mesyuarat dengan para sahabatnya dan mencapai kata sepakat untuk keluar berperang menentang kaum Musyrikin di luar Madinah. Berikutan dengan itu Rasulullah s.a.w. telah mengatur barisan-barisan perangnya dan menyuruh pasukan pemanah mengambil tempatnya di atas Bukit Uhud. Ini adalah satu pemandangan yang memang diketahui dan diingati mereka, tetapi di sini ada satu hakikat yang baru iaitu:

وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾

"Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(121)

Ini adalah satu pemandangan dan satu suasana yang sungguh hebat, di mana Allah hadir dan melihat, satu suasana, di mana perasaan gerun dan terharu menyelubunginya dan merangkumi segala

perbincangan dan permesyuaratan yang telah berlaku di sana. Seluruh hati terdedah kepada Allah. Dia mendengar segala kata-kata yang diucapkan oleh lisan dan mengetahui segala bisikan hati mereka.

Perkara yang kedua yang disentuh di dalam pemandangan yang pertama ini ialah pergerakan lemah hati dan pengecut yang menggoda dua kumpulan Muslimin yang berlaku selepas pergerakan khianat yang dilakukan oleh kepala Munafiqin Abdullah ibn Ubay ibn Salul apabila dia berpisah dari barisan Muslimin dengan membawa balik satu pertiga tentera kerana marah kepada Rasulullah s.a.w. yang tidak mahu mendengar pendapatnya dan sebaliknya mendengar pendapat anak-anak muda penduduk Madinah dan dia telah berkata: "Jika kami yakin kamu akan berperang tentulah kami ikut kamu" dengan kata-kata ini terbuktilah bahawa hatinya belum lagi ikhlas kepada 'aqidah Islam dan persoalan kepentingan dirinya masih lagi memenuhi hatinya dan mengatasi kepentingan 'aqidah, sedangkan 'aqidah tidak dapat menerima sebarang perkongsian di dalam hati penganutnya dan ia tidak sanggup menerima sekutu di dalam hatinya. (Pilihannya salah satu dari dua): Sama ada ia membulatkan hati kepada 'aqidah sahaja atau 'aqidah menolaknya dan meninggalkannya.

إِذْ هَمَّت طَّآئِفَتَانِ مِنكُمْ أَن تَفْشَلَا وَٱللَّهُ وَلِيُّهُمَا ۗ
وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

"(Kenangilah) ketika dua kumpulan dari kamu ingin berundur kerana takut, dan Allahlah Pelindung kedua mereka dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'min itu bertawakkal."(122)

Kedua-dua kumpulan ini sebagaimana yang diterangkan di dalam as-Sahih - dari hadith Suffian ibn 'Uyainah - ialah kumpulan Bani Harithah dan Bani Salamah. Kedua-dua kumpulan ini telah dipengaruhi oleh tindakan Abdullah ibn Ubay yang telah menimbulkan satu kegemparan di dalam barisan Islam dalam langkah pertama perjuangan. Kedua-dua kumpulan ini hampir-hampir mengundurkan diri dan menjadi lemah semangat jika tidak diselamatkan oleh perlindungan dan pertolongan Allah sebagaimana diceritakan oleh nas Al-Qur'an ini:

وَٱللَّهُ وَلِيُّهُمَا ۗ

"Dan Allahlah pelindung kedua mereka."

Ujar Umar r.a. aku dengar Jabir ibn Abdullah berkata mengenai ayat:

إِذْ هَمَّت طَّآئِفَتَانِ مِنكُمْ أَن تَفْشَلَا

"(Kenangilah) ketika dua kumpulan dari kamu ingin berundur kerana takut."

Katanya: Kamilah yang dimaksudkan dengan "dua kumpulan" itu, iaitu Bani Harithah dan Bani Salamah... Tiadalah kami suka (atau tiadalah menyukakanku) jika ayat ini tidak diturunkan kerana adanya kenyataan Allah yang berikut:

وَٱللَّهُ وَلِيُّهُمَا ۗ

"Dan Allahlah pelindung kedua mereka."

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Demikianlah Allah mendedahkan rahsia hati mereka yang tersembunyi, iaitu rahsia-rahsia sulit yang tidak diketahui melainkan oleh tuannya, iaitu ketika keinginan mengundurkan diri itu telah berkecamuk sejenak di dalam hati mereka. Kemudian Allah menyelamatkan mereka darinya dan memalingkan mereka dari kumpulan ibn Ubay serta menolong mereka dengan perlindungan-Nya. Lalu mereka terus berada dalam barisan Muslimin. Allah mendedahkan rahsia ini untuk mengenang semula peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud dan untuk menghidupkan kembali kejadian-kejadian dan menayangkan semula pemandangan-pemandangannya, juga untuk menggambarkan perasaan-perasaan hati mereka dan menyedarkan mereka bahawa Allah hadir bersama mereka dan mengetahui segala isi hati mereka. Sebagaimana Allah menjelaskan kepada mereka bahawa Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui untuk menekan dan memperdalamkan hakikat ini di dalam hati mereka, juga untuk memberitahu kepada mereka bagaimana hendak mendapat keselamatan dan menyedarkan mereka bahawa Allah sentiasa menolong, memelihara dan melindung mereka apabila mereka dilanda perasaan lemah dan patah semangat supaya mereka benar-benar tahu ke mana mereka harus bertawajjuh dan mencari perlindungan apabila mereka mengalami keadaan yang seperti ini. Oleh sebab itulah Allah membimbing mereka ke arah ini, kerana tiada arah yang lain darinya bagi orang-orang yang beriman:

وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

"Dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'min bertawakkal."(122)

Perintah bertawakkal ini dibuat dengan ungkapan yang memberi penentuan dan pemusatan yakni orang-orang yang beriman hendaklah bertawakkal kepada Allah sahaja, kerana mereka tidak mempunyai sandaran yang lain dari sandaran yang teguh ini jika mereka beriman.

Demikianlah kita dapati di dalam dua ayat yang pertama yang menghadirkan semula pemandangan Peperangan Uhud dan suasananya dua bimbingan besar yang asasi dalam pandangan dan kefahaman Islam dan di dalam tarbiyah Islamiyah iaitu:

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾

"Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(121)

وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

"Dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'min bertawakkal."(122)

Kita dapati kedua-dua bimbingan ini tepat pada waktunya yang wajar dan tepat dengan suasananya yang sesuai. Di sini kedua-dua bimbingan itu dapat menyampaikan seluruh nada dan saranannya pada masa yang munasabah, iaitu ketika semua hati bersedia untuk menerima dan menyambut arahan dan bimbingan. Dari dua ayat pendahuluan ini ternyatalah kepada kita bagaimana cara Al-Qur'an bertindak menghidupkan hati, membimbing dan mendidikkannya melalui ulasan-ulasan terhadap kejadian-kejadian yang masih panas. Di sini ternyatalah perbezaan di antara cara penceritaan Al-Qur'an mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku dan cara ia membimbing peristiwa-peristiwa itu dengan cara penceritaan sumber-sumber yang lain yang kadang-kadang memerikan kejadian-kejadian yang berlaku dengan huraian-huraian yang lebih panjang, tetapi tidak menyentuh hati manusia dan kehidupan mereka dengan bimbingan-bimbingan yang menghidup dan merangsangkan hati mereka dan dengan didikan dan arahan seperti yang dilakukan oleh Al-Qur'an dengan caranya yang lurus itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 123 - 129)

Contoh-contoh Dari Peperangan Badar

Demikianlah Al-Qur'an memulakan cerita Peperangan Uhud, di mana kaum Muslimin menerima kekalahan, sedangkan mereka hampir-hampir mendapat kemenangan. Perjuangan dalam peperangan ini bermula dengan sikap mengutamakan kepentingan diri di atas kepentingan agama yang telah ditunjukkan oleh Abdullah ibn Ubay dan tindakannya diikuti pula oleh pengikut-pengikutnya yang turut mengutamakan kepentingan diri di atas kepentingan agama mereka. Ia juga bermula dengan kelemahan semangat yang hampir-hampir mempengaruhi dua kumpulan Muslimin yang baik kemudian perjuangan itu berakhir dengan tindakan melanggar peraturan-peraturan ketenteraan kerana tamakkan harta rampasan perang. Contoh-contoh semangat perjuangan yang tinggi yang ditunjuk di dalam peperangan itu tidak dapat menghalang dari menerima nasib kekalahan kerana adanya kelemahan disiplin di dalam barisan tentera Muslimin dan wujudnya kekeliruan dalam pandangan dan kefahaman mereka.

Sebelum Al-Qur'an meneruskan tayangan peperangan itu dan membuat ulasan-ulasan terhadap peristiwa-peristiwa peperangan yang membawa kepada kekalahan itu, ia mengingatkan mereka dengan Peperangan Badar yang telah membawa kemenangan kepada mereka supaya peperangan ini diletakkan di hadapan Peperangan Uhud untuk dijadikan bidang perbandingan dan penelitian untuk mengkaji sebab-sebab dan akibat-akibat, iaitu untuk mengetahui titik-titik kelemahan dan kekuatan, sebab-sebab kemenangan dan kekalahan agar selepas itu tercapai keyakinan bahawa kemenangan dan kekalahan itu adalah suatu taqdir dari taqdir-taqdir Allah kerana sesuatu hikmat yang wujud di sebalik kemenangan itu, juga wujud di sebalik kekalahan itu. Dan segala urusan itu pada akhirnya terpulang kepada Allah sama ada di dalam keadaan kalah atau menang atau di dalam seluruh keadaan yang lain:

وَلَقَدۡ نَصَرَكُمُ ٱللَّهُ بِبَدۡرٖ وَأَنتُمۡ أَذِلَّةٞۖ فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ
لَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ ١٢٣
إِذۡ تَقُولُ لِلۡمُؤۡمِنِينَ أَلَن يَكۡفِيَكُمۡ أَن يُمِدَّكُمۡ رَبُّكُم
بِثَلَٰثَةِ ءَالَٰفٖ مِّنَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ مُنزَلِينَ ١٢٤
بَلَىٰٓۚ إِن تَصۡبِرُواْ وَتَتَّقُواْ وَيَأۡتُوكُم مِّن فَوۡرِهِمۡ
هَٰذَا يُمۡدِدۡكُمۡ رَبُّكُم بِخَمۡسَةِ ءَالَٰفٖ مِّنَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ
مُسَوِّمِينَ ١٢٥
وَمَا جَعَلَهُ ٱللَّهُ إِلَّا بُشۡرَىٰ لَكُمۡ وَلِتَطۡمَئِنَّ قُلُوبُكُم
بِهِۦۗ وَمَا ٱلنَّصۡرُ إِلَّا مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَكِيمِ ١٢٦
لِيَقۡطَعَ طَرَفٗا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَوۡ يَكۡبِتَهُمۡ
فَيَنقَلِبُواْ خَآئِبِينَ ١٢٧
لَيۡسَ لَكَ مِنَ ٱلۡأَمۡرِ شَيۡءٌ أَوۡ يَتُوبَ عَلَيۡهِمۡ أَوۡ يُعَذِّبَهُمۡ
فَإِنَّهُمۡ ظَٰلِمُونَ ١٢٨
وَلِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ يَغۡفِرُ لِمَن
يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ١٢٩

"Sesungguhnya Allah telah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar, sedangkan kamu berada dalam kelemahan. Oleh itu bertaqwalah kepada Allah supaya kamu bersyukur (123). (Kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang-orang Mu'min: Apakah tidak cukup Tuhan kamu membantu kamu dengan tiga ribu malaikat yang diturunkan (dari langit) (124). Ya sebenarnya cukup! Jika kamu bersabar dan bertaqwa dan tiba-tiba mereka menyerang kamu di masa mereka ini juga nescaya Tuhan kamu membantu kamu dengan lima ribu Malaikat yang memakai tanda (125). Dan Allah tidak menjadikan bantuan itu melainkan sebagai berita gembira kepada kamu dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya dan tiada kemenangan melainkan dari Allah Yang Maha Perkasa lagi

Maha Bijaksana (126). (Allah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar) untuk membinasakan segolongan dari orang-orang yang kafir atau untuk menghinakan mereka supaya mereka kembali hampa (127). Engkau tidak mempunyai sesuatu apa dalam urusan ini (hanya Allah sahaja yang berkuasa sama ada Dia) atau menerima taubat mereka atau mengazabkan mereka kerana sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang zalim (128). Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Ia memberi keampunan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(129)

Kemenangan di dalam Peperangan Badar terdapat bau mu'jizat - sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini. Kemenangan itu telah dicapai tanpa alat-alat kelengkapan kebendaan yang biasa diguna untuk mendapat kemenangan. Imbangan neraca kekuatan di antara kaum Muslimin dan kaum Musyrikin di dalam peperangan itu tidaklah seimbang atau hampir-hampir seimbang. Jumlah kaum Musyrikin kira-kira seribu orang. Mereka keluar untuk berjuang menyahut seruan Abu Suffian yang meminta pertolongan untuk melindungi kafilah perniagaan yang ada bersamanya. Mereka (keluar) lengkap dengan alat-alat senjata dan dengan penuh semangat untuk mempertahankan harta kekayaan mereka dan perasaan fanatik untuk mempertahankan maruah dan kehormatan mereka. Sementara jumlah kaum Muslimin pula terdiri dari kira-kira tiga ratus orang sahaja. Mereka keluar bukanlah untuk memerangi kumpulan Musyrikin yang kuat ini, malah mereka keluar kerana satu tujuan yang mudah sahaja, iaitu untuk menghadapi dan menyekat kafilah perdagangan Quraisy yang tidak bersenjata itu. Di samping jumlah mereka yang kecil, mereka juga mempunyai persiapan senjata yang sedikit. (Selain dari itu) di belakang mereka di Kota Madinah terdapat kaum Musyrikin yang masih mempunyai kekuatan dan kaum Munafiqin yang mempunyai kedudukan yang kuat dan kaum Yahudi yang sentiasa menunggu-nunggu peluang untuk menghancurkan mereka. Kaum Muslimin di waktu ini merupakan satu golongan kecil di tengah-tengah lautan manusia kafir dan musyrik di Semenanjung Tanah Arab. Ketika itu sifat mereka sebagai orang-orang Muhajirin yang terusir dari Makkah dan sebagai orang-orang Ansar yang melindungi para Muhajirin itu masih belum hilang lagi dari mereka dan namun demikian mereka masih merupakan tumbuhan-tumbuhan yang belum lagi mantap di dalam masyarakat itu.

Allah S.W.T. mengingatkan semua keadaan ini kepada mereka dan mengembalikan kemenangan di dalam Peperangan Badar itu kepada puncanya yang pertama di tengah-tengah keadaan ini:

وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ ٱللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنتُمْ أَذِلَّةٌ ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢٣﴾

"Sesungguhnya Allah telah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar, sedangkan kamu berada dalam kelemahan. Oleh itu bertaqwalah kepada Allah supaya kamu bersyukur."(123)

Yakni Allah yang telah memberi kemenangan kepada mereka. Dia memberi kemenangan kepada mereka kerana suatu hikmat yang dijelaskan di dalam kumpulan ayat-ayat ini. Tiada siapa yang dapat menolong mereka sama ada dari kalangan diri mereka atau kalangan yang lain dari mereka (melainkan Allah). Oleh kerana itu apabila mereka merasa bimbang dan takut, maka hendaklah mereka bertaqwa dan takut kepada Allah yang memiliki kemenangan dan kekalahan. Dialah sahaja yang memiliki kekuatan dan kekuasaan. Semoga taqwa itu dapat membawa mereka kepada kesyukuran, iaitu kesyukuran yang sempurna dan layak dengan ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka dalam setiap keadaan.

Inilah sentuhan pertama ketika mereka diperingatkan dengan kemenangan di dalam Peperangan Badar, kemudian ayat yang berikut menayangkan pemandangan peperangan itu dan menghidupkan gambarannya di dalam perasaan mereka seolah-olah mereka berada di dalam peperangan itu di sa'at ini:

إِذْ تَقُولُ لِلْمُؤْمِنِينَ أَلَن يَكْفِيَكُمْ أَن يُمِدَّكُمْ رَبُّكُم
بِثَلَٰثَةِ ءَالَٰفٍ مِّنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ مُنزَلِينَ ﴿١٢٤﴾
بَلَىٰٓ ۚ إِن تَصْبِرُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ وَيَأْتُوكُم مِّن فَوْرِهِمْ
هَٰذَا يُمْدِدْكُمْ رَبُّكُم بِخَمْسَةِ ءَالَٰفٍ مِّنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ
مُسَوِّمِينَ ﴿١٢٥﴾

"(Kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang-orang Mu'min: Apakah tidak cukup Tuhan kamu membantu kamu dengan tiga ribu malaikat yang diturunkan (dari langit) (124). Ya sebenarnya cukup! Jika kamu bersabar dan bertaqwa dan tiba-tiba mereka menyerang kamu di masa mereka ini juga nescaya Tuhan kamu membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang memakai tanda."(125)

Inilah kata-kata Rasulullah s.a.w. pada hari Peperangan Badar kepada sekumpulan kecil kaum Muslimin yang keluar bersama beliau. Mereka telah melihat angkatan perang kaum Musyrikin yang ramai, sedangkan tujuan mereka keluar ialah untuk menghadapi kumpulan unta yang membawa dagangan-dagangan bukan untuk menghadapi kumpulan angkatan perang yang lengkap dengan alat-alat senjata. Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan kepada mereka apa yang disampaikan Allah kepadanya pada hari itu untuk menguat dan memberanikan hati mereka kerana mereka adalah manusia yang memerlukan kepada pertolongan dalam bentuk yang dekat kepada perasaan, pandangan dan kebiasaan mereka. Beliau juga telah menyampaikan kepada mereka syarat pertolongan itu, iaitu sabar dan taqwa, bersabar menerima kejutan

serangan dan menaruh perasaan taqwa yang menambatkan hati mereka dengan Allah dalam kemenangan dan kekalahan:

بَلَىٰٓۚ إِن تَصۡبِرُواْ وَتَتَّقُواْ وَيَأۡتُوكُم مِّن فَوۡرِهِمۡ
هَٰذَا يُمۡدِدۡكُمۡ رَبُّكُم بِخَمۡسَةِ ءَالَٰفٖ مِّنَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ
مُسَوِّمِينَ ١٢٥

"Ya sebenarnya cukup! jika kamu bersabar dan bertaqwa dan tiba-tiba mereka menyerang kamu di masa mereka ini juga nescaya Tuhan kamu membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang memakai tanda."(125)

Oleh itu sekarang Allah mengajar mereka bahawa segala urusan itu terpulang kepada Allah dan segala punca kuasa bertindak itu adalah dari Allah S.W.T. belaka dan turunnya para Malaikat itu tidak lain melainkan semata-mata untuk menjadi berita gembira kepada hati mereka agar merasa senang dan tenteram. Adapun kemenangan, maka ia adalah secara langsung dari urusan Allah Ta'ala, ia bergantung kepada taqdir dan iradat Allah tanpa wasitah, tanpa sebab dan tanpa wasilah:

وَمَا جَعَلَهُ ٱللَّهُ إِلَّا بُشۡرَىٰ لَكُمۡ وَلِتَطۡمَئِنَّ قُلُوبُكُم
بِهِۦۗ وَمَا ٱلنَّصۡرُ إِلَّا مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَكِيمِ ١٢٦

"Dan Allah tidak menjadikan bantuan itu melainkan sebagai berita gembira kepada kamu dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya dan tiada kemenangan melainkan dari Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(126)

Demikianlah ayat Al-Qur'an ini memberi perhatian yang berat mengembalikan segala urusan kepada Allah supaya tidak terlekat dalam kefahaman seseorang Muslim sesuatu tanggapan yang boleh menodai dasar yang bersih ini, iaitu dasar mengembalikan segala urusan kepada kehendak masyi'ah Allah yang mutlak dan kepada iradat-Nya yang berkuatkuasa dan kepada taqdir-Nya yang langsung di samping menepikan sebab-sebab dan wasilah-wasilah sebagai punca kuasa yang bertindak dan mencipta, malah sebab-sebab dan wasilah-wasilah itu hanya merupakan alat yang digerakkan oleh kehendak masyi'ah Allah atau sebagai alat untuk mewujudkan sesuatu yang dikehendaki oleh-Nya.

وَمَا ٱلنَّصۡرُ إِلَّا مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَكِيمِ ١٢٦

"Dan tiada kemenangan melainkan dari Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(126)

Al-Qur'anul-Karim memberi perhatian yang berat menjelaskan dasar ini dalam pandangan dan kefahaman Islam di samping membersihkannya dari segala noda dan menepikan sebab-sebab yang lahir, wasilah-wasilah dan alat-alat sebagai punca kuasa yang bertindak supaya hubungan secara langsung di antara hamba dengan Allah kekal tidak terjejas, juga supaya hubungan terus di antara hati Mu'min dengan taqdir Allah berlangsung tanpa dinding-dinding, tanpa sekatan-sekatan dan tanpa wasilah-wasilah dan wasitah-wasitah sebagaimana keadaannya yang wujud di alam hakikat.

Dengan bimbingan-bimbingan yang berulang-ulang ini di dalam Al-Qur'an, yang ditegaskan dengan berbagai-bagai uslub penegasan, maka tertanamlah hakikat ini di dalam hati kaum Muslimin dalam bentuk yang indah, tenang, mendalam dan jelas.

Mereka mengetahui bahawa Allahlah satu-satunya kuasa yang bertindak dan mencipta, dan di samping itu mereka juga mengetahui bahawa mereka diperintah oleh Allah supaya menggunakan wasilah-wasilah dan sebab-sebab, menjalankan usaha-usaha dan menunaikan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan. Kerana itu mereka yakin kepada hakikat dan mematuhi perintah itu dalam satu imbangan perasaan dan pergerakan yang menarik.

Hakikat ini hanya datang bersama-sama masa, bersama peristiwa-peristiwa, bersama didikan melalui peristiwa-peristiwa dan didikan melalui ulasan-ulasan terhadap peristiwa-peristiwa seperti ulasan ini dan ulasan-ulasan yang seumpamanya yang banyak terdapat dalam surah ini.

Di dalam ayat-ayat ini ditayangkan kembali pemandangan Peperangan Badar dan bagaimana Rasulullah s.a.w. menjanjikan dengan bantuan para malaikat dari Allah jika mereka berpegang teguh dengan kesabaran, ketaqwaan dan kegigihan di dalam perjuangan apabila kaum Musyrikin datang menyerang mereka dari arah ini. Kemudian Al-Qur'an menceritakan kepada mereka hakikat sumber yang bertindak menurunkan para malaikat itu, iaitu Allah S.W.T., di mana seluruh urusan bergantung kepada iradat-Nya dan kemenangan terlaksana dengan tindakan dan keizinan-Nya.

مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَكِيمِ ١٢٦

"Dari Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(126)

Yakni Allah bersifat "Maha Perkasa", iaitu Maha Kuat dan mempunyai kuasa yang berkuasa merealisasikan kemenangan. Dan Allah bersifat "Maha Bijaksana". Dia menjalankan segala taqdir dan perancanaan-Nya mengikut hikmat kebijaksanaan-Nya dan mengikut kemenangan ini untuk merealisasikan sesuatu hikmat di sebaliknya. Kemudian Al-Qur'an menjelaskan hikmat kemenangan ini - dan mana-mana kemenangan yang lain dan matlamat-matlamatnya yang tidak ada seorang manusia pun mempunyai hak di dalamnya:

لِيَقۡطَعَ طَرَفٗا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَوۡ يَكۡبِتَهُمۡ
فَيَنقَلِبُواْ خَآئِبِينَ ١٢٧

لَيْسَ لَكَ مِنَ ٱلْأَمْرِ شَيْءٌ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ أَوْ يُعَذِّبَهُمْ فَإِنَّهُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿١٢٨﴾

"(Allah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar) untuk membinasakan segolongan dari orang-orang yang kafir atau untuk menghinakan mereka supaya mereka kembali hampa (127). Engkau tidak mempunyai sesuatu apa pun, dalam urusan ini (hanya Allah sahaja yang berkuasa sama ada Dia) menerima taubat mereka atau mengazabkan mereka kerana sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang zalim."(128)

Yakni kemenangan itu adalah dari Allah untuk merealisasikan perencanaan-perencanaan Allah, sedangkan Rasulullah s.a.w. dan para Mujahidin yang berjuang bersama beliau tidak mempunyai sebarang tujuan peribadi atau habuan diri di dalam kemenangan itu, begitu juga beliau dan para Mujahidin ini tidak mempunyai sebarang campurtangan dalam merealisasikan kemenangan itu. Mereka tidak lebih dari tabir qudrat Ilahi yang mana segala yang dikehendaki-Nya melalui mereka. Oleh itu mereka bukannya merupakan sebab-sebab dan pencipta-pencipta bagi kemenangan itu dan bukan pula sebagai pemilik-pemilik dan pengambil-pengambil faedah dari kemenangan ini, malah kemenangan itu merupakan perencanaan Allah yang terlaksana dengan gerakan para pahlawan-Nya dan dengan sokongan dari-Nya untuk merealisasikan sesuatu hikmat Allah di sebalik kemenangan itu dan di sebalik tujuan-tujuannya:

لِيَقْطَعَ طَرَفًا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟

"Untuk membinasakan segolongan dari orang-orang yang kafir."

Yakni mengurangkan bilangan mereka dengan kematian mereka dalam peperangan atau mengurangkan kawasan bumi yang dimiliki mereka dengan menaklukkan atau mengurangkan kuasa mereka dengan mengalahkan mereka atau mengurangkan harta kekayaan mereka dengan rampasan perang atau mengurangkan pengaruh kekuatan mereka di bumi dengan kekalahan:

أَوْ يَكْبِتَهُمْ فَيَنقَلِبُوا۟ خَآئِبِينَ ﴿١٢٧﴾

"Atau untuk menghinakan mereka supaya mereka kembali hampa."(127)

Yakni ia menjadikan mereka hina dan oleh sebab itu mereka pulang dengan keadaan kecewa dan hina.

أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ

"Atau menerima taubat mereka."

Kerana kemenangan kaum Muslimin kadang-kadang menjadi suatu pengajaran dan i'tibar kepada orang-orang kafir dan kadang-kadang pula membawa mereka kepada keimanan dan penyerahan diri kepada Allah lalu Allah menerima taubat dari kekafiran mereka dan menamatkan hidup mereka dengan menganut Islam dan menerima hidayat.

أَوْ يُعَذِّبَهُمْ فَإِنَّهُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿١٢٨﴾

"Atau mengazabkan mereka kerana sungguhnya mereka adalah orang-orang yang zalim."(128)

Yakni mengazab mereka dengan kemenangan orang-orang Islam yang mengalahkan mereka atau menawan mereka atau dengan kematian mereka di dalam kekafiran yang membawa mereka kepada 'azab Neraka. Itulah balasan terhadap kezaliman mereka yang bersikap kafir terhadap Allah, kezaliman mereka menindas orang-orang Islam dan melakukan kerosakan di bumi, kezaliman mereka menentang kebaikan yang dilambangkan oleh sistem hidup Islam, undang-undang dan peraturannya. Dan segala macam kezaliman yang tersembunyi di sebalik kekafiran dan tindakan menghalang orang lain dari agama Allah.

Walau bagaimanapun itulah hikmat Allah tanpa campurtangan manusia sedikit pun sehingga Rasulullah s.a.w. sendiri pun dikeluarkan oleh ayat ini dari hak campurtangan dalam bidang urusan ini supaya seluruhnya terpusat kepada Allah S.W.T. sahaja kerana urusan itu adalah urusan Allah Yang Tunggal tanpa sebarang sekutu.

Dengan demikian kaum Muslimin mencabut atau memutuskan diri mereka dari kemenangan ini dan dari sebab-sebab dan hasil-hasil kemenangan itu, dan dengan demikian mereka tidak merasa angkuh dan sombong dengan kemenangan itu yang biasa dialami oleh orang-orang yang mendapat kemenangan dan dengan demikian mereka merasa bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa habuan campurtangan dalam urusan kemenangan itu, malah seluruh urusan itu dari awal sampai akhir adalah terpulang kepada Allah.

Dengan demikian pula Al-Qur'an mengembalikan urusan manusia - sama ada yang ta'at atau yang derhaka - kepada Allah semata-mata, kerana urusan ini adalah urusan Allah Yang Maha Esa sahaja, begitu juga urusan da'wah dan sikap manusia terhadapnya sama ada menerima atau menolak. Kewajipan Nabi s.a.w. dan kewajipan kaum Mu'minin yang berjuang di sampingnya ialah menyempurnakan peranan mereka masing-masing, kemudian menyerahkan natijahnya (kepada Allah). Dan mereka akan mendapat ganjaran dari Allah kerana mereka telah menyempurnakan peranan mereka, kesetiaan mereka dan kewajipan-kewajipan mereka.

Di sana ada satu lagi hubungan di dalam rangkaian ayat-ayat ini yang memerlukan kepada ayat yang memberi penegasan itu:

لَيْسَ لَكَ مِنَ ٱلْأَمْرِ شَيْءٌ

"Engkau tiada mempunyai suatu apa pun dalam urusan ini,"

iaitu dalam rangkaian ayat-ayat ini kelak akan dijelaskan nanti perkataan setengah-setengah orang Islam yang berbunyi:

هَل لَّنَا مِنَ ٱلْأَمْرِ مِن شَىْءٍ ۗ

"Adakah kita mempunyai sesuatu apa dalam urusan ini?"(154)

لَوْ كَانَ لَنَا مِنَ ٱلْأَمْرِ شَىْءٌ مَّا قُتِلْنَا هَٰهُنَا ۗ

"Andainya kita mempunyai sesuatu apa data urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini."(154)

Maka dengan ayat tadi dapatlah dijawabkan kepada mereka: Bahawa tiada siapa pun mempunyai sesuatu apa pun dalam urusan ini sama ada menang atau kalah. Kewajipan yang dituntut dari manusia ialah keta'atan dan kepatuhan menyempurnakan tugas dan kewajipan dan segala urusan selepas itu adalah terpulang kepada Allah. Tiada siapa pun yang mempunyai sesuatu apa walaupun Rasulullah sendiri, inilah hakikat yang tulen di dalam pandangan dan kefahaman Islam. Usaha menanamkan hakikat ini di dalam hati adalah lebih besar dari individu-individu, lebih besar dari peristiwa-peristiwa dan lebih besar dari berbagai-bagai pertimbangan.

Al-Qur'an menamatkan peringatan Peperangan Badar dan penjelasan hakikat-hakikat yang tulen dalam pandangan dan kefahaman Islam dengan mengemukakan satu hakikat yang syumul dan kepada hakikat inilah kembalinya hakikat bahawa kalah menang itu adalah terpulang kepada hikmat dan perencanaan Allah. Al-Qur'an menamatkan kenyataan-kenyataan ini dengan mengemukakan satu kenyataan yang pokok, iaitu seluruh urusan alam buana ini adalah terpulang kepada Allah. Oleh sebab itulah Allah memberi keampunan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan siapa yang dikehendaki-Nya mengikut apa yang dikehendaki-Nya:

وَلِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ يَغْفِرُ لِمَن
يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٩﴾

"Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Ia memberi keampunan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."(129)

Itulah kehendak masyi'ah Allah yang mutlak yang berasaskan milik yang mutlak. Itulah kuasa pengurusan dan pengendalian yang mutlak dalam urusan para hamba berdasarkan pemilikan-Nya yang meliputi segala isi langit dan segala isi bumi. Di sana tidak ada penganiayaan dan pilih kasih terhadap para hamba sama ada di dalam pengampunan atau peng'azaban. Malah segala perkara dalam urusan ini diputuskan dengan hikmat, keadilan, rahmat dan keampunan-Nya. Urusan Allah S.W.T. ialah memberi rahmat dan keampunan:

وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٩﴾

"Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."(129)

Pintu sentiasa terbuka di hadapan para hamba untuk membolehkan mereka mendapat keampunan dan rahmat-Nya dengan bertindak kembali kepada-Nya dan memulangkan segala urusan kepada-Nya di samping menunaikan kewajipan-kewajipan yang difardhukan ke atas mereka dan menyerahkan selepas itu kepada hikmat Allah, kepada perencanaan dan kehendak masyi'ah-Nya yang mutlak di sebalik wasilah-wasilah dan sebab-sebab.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 130 - 136)

Arahan-arahan Yang Mendasari Peperangan Uhud

Sebelum penjelasan ayat ini memasuki terus ke dalam tayangan Peperangan Uhud dan ulasan-ulasan terhadap kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwanya, lebih dahulu dikemukakan bimbingan-bimbingan yang ada kaitan dengan perjuangan yang besar itu yang telah kami singgungkan di dalam muqaddimah ceritanya, iaitu perjuangan di dalam hati dan masyarakat hidup. Ayat-ayat ini mengemukakan pembicaraan mengenai riba dan mu'amalat-mu'amalat yang berunsur riba, juga pembicaraan mengenai taqwa kepada Allah, keta'atan kepada-Nya dan kepada Rasul-Nya, pembicaraan mengenai infaq dalam masa keluasan dan kesempitan, mengenai peraturan tolong-menolong yang baik sebagai ganti sistem riba yang terkutuk, pembicaraan mengenai mengawal kemarahan, memaafkan kesalahan orang lain dan menaburkan kebaikan dan kebajikan di dalam kelompok Muslimin dan seterusnya pembicaraan mengenai memohon keampunan dari dosa dan bertawajjuh kepada Allah dan tidak terus berdegil melakukan dosa:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوا۟ ٱلرِّبَوٰٓا۟ أَضْعَٰفًا
مُّضَٰعَفَةً ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾
وَٱتَّقُوا۟ ٱلنَّارَ ٱلَّتِىٓ أُعِدَّتْ لِلْكَٰفِرِينَ ﴿١٣١﴾
وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾
وَسَارِعُوٓا۟ إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ
عَرْضُهَا ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾
ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ فِى ٱلسَّرَّآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَٱلْكَٰظِمِينَ
ٱلْغَيْظَ وَٱلْعَافِينَ عَنِ ٱلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ

ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾
وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا۟ فَٰحِشَةً أَوْ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ
ذَكَرُوا۟ ٱللَّهَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ
ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا۟ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا۟ وَهُمْ
يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ جَزَآؤُهُم مَّغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّٰتٌ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَنِعْمَ أَجْرُ
ٱلْعَٰمِلِينَ ﴿١٣٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu memakan riba berlipat ganda dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung (130). Dan peliharalah diri kamu dari Neraka yang telah disediakan untuk orang-orang kafir (131). Dan ta'atilah Allah dan Rasul supaya kamu dikurniakan rahmat (132). Dan berlumba-lumbalah kamu kepada mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang luasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan untuk para Muttaqin (133). Iaitu orang-orang yang sentiasa menginfaqkan harta mereka di masa kesenangan dan kesusahan dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain terhadap mereka dan Allah memang kasihkan para Muhsinin (134). Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan atau menganiayai diri sendiri, mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang mengampunkan dosa-dosa selain dari Allah serta mereka tidak terus berdegil melakukan kejahatan mereka, sedangkan mereka mengetahui (135). Mereka itu balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka dan Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka kekal abadi di dalamnya dan itulah sebaik-baik ganjaran para 'amilin."(136)

Ciri Kesepaduan Dan Kesyumulan Sistem Hidup Islam

Semua bimbingan ini dikemukakan sebelum memasuki di dalam rangkaian ayat perjuangan di medan Peperangan Uhud untuk menunjukkan salah satu ciri dari ciri-ciri 'aqidah Islam, iaitu ciri kesepaduan dan kesyumulan 'aqidah ini dalam menghadapi kewujudan manusia dan seluruh kegiatannya dan mengembalikan seluruh kegiatan itu kepada satu paksi, iaitu paksi ibadat dan 'Ubudiyah kepada Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dalam segala urusan, juga ciri kesepaduan dan kesyumulan di dalam sistem hidup Ilahi yang menguasai kewujudan manusia di dalam segala keadaan, segala urusan dan segala aspek-aspek kegiatan mereka. Kemudian bimbingan-bimbingan itu dengan kesepaduan ini menunjukkan pula kepada pertalian yang wujud di antara segala macam kegiatan manusia dan kesan pertalian ini di dalam natijah-natijah akhir dari seluruh usaha mereka sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.

Sistem hidup Islam mengawal jiwa manusia dari segenap sudutnya dan mengatur kehidupan kelompok secara menyeluruh bukan secara berasing-asingan. Oleh sebab itulah di sini dikumpulkan di antara bimbingan-bimbingan membuat persediaan untuk menghadapi perjuangan di medan peperangan dengan bimbingan-bimbingan membersihkan hati dan mengawal keinginan hawa nafsu, menyebarkan kasih mesra dan semangat toleransi di dalam kelompok dan semuanya itu amat mudah difahami. Apabila kita memperincikan setiap ciri dan setiap bimbingan ini ternyatalah kepada kita betapa rapat pertaliannya dengan kehidupan kelompok Muslimin dan dengan tahap-tahap keupayaan mereka di dalam medan pertempuran dan segala medan perjuangan hidup yang lain:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوا۟ ٱلرِّبَوٰٓا۟ أَضْعَٰفًا
مُّضَٰعَفَةً ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾
وَٱتَّقُوا۟ ٱلنَّارَ ٱلَّتِىٓ أُعِدَّتْ لِلْكَٰفِرِينَ ﴿١٣١﴾
وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu memakan riba berlipat ganda dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung (130). Dan peliharalah diri kamu dari Neraka yang telah disediakan untuk orang-orang kafir (131). Dan ta'atilah Allah dan Rasul supaya kamu dikurniakan rahmat." (132)

Maksud Larangan Memakan Riba Berlipat Ganda

Pembicaraan riba telah dihuraikan dengan terperinci di dalam juzu' yang ketiga Tafsir Fi Zilal ini. Oleh sebab itu pembicaraan mengenainya tidak lagi diulangi di sini. Tetapi kami ingin berhenti sejenak pada keterangan nas "memakan riba berlipat ganda", kerana ada sekumpulan orang yang ingin berlindung di sebalik nas ini di zaman sekarang. Mereka cuba menyelewengkan nas ini dengan mengatakan bahawa riba yang diharamkan itu ialah riba yang berlipat ganda. Adapun riba sekadar empat atau lima peratus atau tujuh dan sembilan peratus, maka itu bukannya riba yang berlipat ganda dan tidak termasuk di dalam lingkungan riba yang diharamkan Allah.

Kami mulai pembicaraan ini dengan menegaskan bahawa keterangan "berlipat ganda" itu adalah suatu keterangan untuk menggambarkan keadaan riba yang berlaku (di masa itu) bukan keterangan yang merupakan syarat yang bergantung dengan hukum haram kerana nas yang tersebut di dalam Surah al-Baqarah adalah tegas mengharamkan asal riba tanpa sebarang batasan dan syarat:

وَذَرُوا۟ مَا بَقِىَ مِنَ ٱلرِّبَوٰٓا۟

"Dan tinggalah saki baki riba"

(Surah al-Baqarah : 278)

yakni tinggalkan apa sahaja saki-baki riba yang ada itu.

Setelah selesai kami menjelaskan dasar pengharaman ini, kami mahu memperkatakan pula tentang keterangan "berlipat ganda" itu. Sebenarnya keterangan ini bukan sahaja merupakan suatu sifat sejarah perjalanan riba yang berlaku di Semenanjung Tanah Arab yang menjadi sasaran larangan Al-Qur'an di sini, malah ia merupakan suatu keterangan yang menggambarkan sifat yang tidak bercerai tanggal dengan sistem riba yang keji itu biarpun bagaimana kadar faedahnya.

Erti sistem riba ialah menjalankan pusingan harta mengikut kaedah riba. Ini bererti bahawa proses pengambilan riba itu bukanlah proses-proses yang menunggal dan asas/ringkas, malah ia merupakan proses-proses yang berulang-ulang dari satu aspek dan bertindih-tindih dari satu aspek yang lain pula. Tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa proses inilah yang menghasilkan riba yang berlipat ganda melalui masa, ulangan dan pertindihan.

Tabi'at sistem riba selama-lamanya merealisasikan sifat faedah riba yang berlipat ganda itu. Sifat ini bukan hanya terbatas dalam proses-proses riba yang diikuti di Semenanjung Tanah Arab, malah ia adalah suatu sifat yang tidak bercerai tanggal dengan sistem riba di setiap zaman.

Kesan sistem riba merosakkan kehidupan kejiwaan dan akhlak manusia sebagaimana telah kami jelaskan di dalam juzu' yang ketiga. Begitu juga kesannya merosakkan kehidupan ekonomi dan politik - ini juga telah kami jelaskan - dan dari sini jelaslah bahawa riba ini mempunyai hubungan dengan kehidupan umat dan mempengaruhi seluruh nasib kesudahan mereka.

Islam yang sedang membentuk umat Muslimin mahukan umat ini mempunyai kebersihan di dalam kehidupan kejiwaan dan akhlak dan di samping kesejahteraan di dalam kehidupan ekonomi dari politik, kerana kesan-kesannya dalam natijah-natijah perjuangan yang diharungi oleh umat Muslim adalah jelas diketahui. Oleh kerana itu larangan memakan riba dalam ayat yang mengulas perjuangan di medan pertempuran merupakan suatu perkara yang dapat dimengerti di dalam sistem hidup Islam yang syumul dan jauh pandangan ini.

Adapun ulasan terhadap larangan ini dengan seruan supaya bertaqwa kepada Allah untuk mengharapkan keberuntungan dan dengan seruan supaya memelihara diri dari api Neraka yang telah disediakan kepada orang-orang kafir itu, maka ulasan itu juga dapat dimengertikan dan itulah ulasan yang paling sesuai, kerana seseorang yang benar-benar bertaqwa kepada Allah dan takut kepada api Neraka yang disediakan kepada orang-orang yang kafir itu tidak akan makan riba. Seseorang yang benar-benar beriman kepada Allah dan memisahkan dirinya dari barisan orang-orang kafir tidak akan makan riba. Keimanan itu bukannya sebuah kata-kata yang dilafazkan dengan lisan, malah keimanan itu ialah mengikut sistem hidup yang telah dijadikan Allah sebagai satu terjemahan amali bagi keimanan, sedangkan keimanan dijadikan Allah sebagai muqaddimah untuk mewujudkannya dalam realiti kehidupan dan untuk menyesuaikan kehidupan masyarakat mengikut kehendak-kehendak-Nya.

Keimanan Tidak Bertemu Dengan Sistem Riba

Adalah satu perkara yang mustahil keimanan dapat berkumpul dengan sistem riba di dalam satu tempat. Oleh itu di mana tegaknya sistem riba di sana keluarnya agama ini secara keseluruhan dan di sanalah wujudnya Neraka yang disediakan untuk orang-orang yang kafir. Pertikaian dalam persoalan ini hanya menghasilkan pertikaian sahaja. Pengumpulan di dalam ayat-ayat ini di antara larangan memakan riba dengan seruan bertaqwa kepada Allah dan takut kepada api Neraka yang disediakan kepada orang-orang yang kafir itu bukanlah pengumpulan yang tidak bertujuan atau pengumpulan secara kebetulan sahaja, malah pengumpulan itu adalah bertujuan untuk menjelaskan hakikat ini dan memperdalamkannya dalam kefahaman dan pandangan kaum Muslimin.

Begitu juga harapan mencapai keberuntungan dengan meninggalkan amalan riba dan dengan bertaqwa kepada Allah, kerana keberuntungan adalah hasil yang tabi'i dari taqwa dan dari perlaksanaan undang-undang dan peraturan Allah di dalam kehidupan manusia. Di dalam juzu' yang ketiga telah dihuraikan tentang kesan-kesan sistem riba kepada masyarakat-masyarakat manusia. Ia menimbulkan malapetaka-malapetaka yang buruk di dalam kehidupan insaniyah. Oleh itu marilah kita semak semula huraian ini di sana supaya kita dapat memahami makna keberuntungan di sini yang boleh dicapai apabila ditinggalkan sistem riba yang keji itu.

Kemudian dikemukakan penegasan yang akhir:

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾

"Dan ta'atilah Allah dan Rasul supaya kamu dikurniakan rahmat."(132)

Ini adalah suatu perintah am supaya ta'at kepada Allah dan Rasul dan menghubungkan rahmat Allah dengan keta'atan yang am itu. Tetapi menggunakan ayat ini sebagai ulasan terhadap larangan memakan riba mempunyai makna yang khusus, iaitu tidak ada keta'atan kepada Allah dan Rasul dalam masyarakat yang ditegakkan di atas sistem riba, dan tidak ada keta'atan kepada Allah dan Rasul dalam hati yang makan riba dalam apa bentuk sekalipun. Demikianlah ulasan ini menguatkan lagi ulasan yang telah lepas.

Itu adalah selain dari hubungan khusus di antara peristiwa-peristiwa Peperangan Badar di mana perintah Rasulullah s.a.w. telah dilanggarkan dengan perintah menta'ati Allah dan Rasul sebagai wasilah untuk mencapai keberuntungan dan sebagai tempat pengharapan.

Di dalam Surah al-Baqarah juzu' yang ketiga kami telah mengatakan bahawa penjelasan ayat di sana mengumpulkan di antara pembicaraan tentang riba dan pembicaraan tentang sedekah dengan sifat kedua-duanya sebagai dua bentuk perhubungan kemasyarakatan yang bertentangan di dalam sistem ekonomi dan dengan sifat kedua-duanya sebagai dua ciri bagi dua jenis sistem yang berlawanan, iaitu sistem riba dan sistem ta'awun/tolong-menolong, dan di sini juga kami dapati Al-Qur'an mengumpulkan di antara pembicaraan tentang riba dan pembicaraan tentang infaq dalam masa kelapangan dan kesempitan.

Selepas mengemukakan larangan memakan riba dan mengancamkan mereka dengan api Neraka yang disediakan kepada orang-orang kafir serta menyeru mereka kepada bertaqwa dengan harapan mendapat rahmat dan keberuntungan, maka ia mengemukakan pula perintah supaya segera mendapatkan keampunan dari Allah dan mendapatkan Syurga yang luasnya ialah selebar langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa dan selepas itu ia menerangkan sifat pertama orang-orang yang bertaqwa iaitu orang-orang yang menginfaqkan harta mereka dalam masa kelapangan dan kesempitan. Merekalah kumpulan tandingan bagi kumpulan orang-orang yang makan riba dengan faedah yang berlipat ganda, kemudian ia menjelaskan pula sifat-sifat mereka yang lain:

وَسَارِعُوٓاْ إِلَىٰ مَغۡفِرَةٖ مِّن رَّبِّكُمۡ وَجَنَّةٍ
عَرۡضُهَا ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلۡأَرۡضُ أُعِدَّتۡ لِلۡمُتَّقِينَ ١٣٣
ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ فِي ٱلسَّرَّآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَٱلۡكَٰظِمِينَ
ٱلۡغَيۡظَ وَٱلۡعَافِينَ عَنِ ٱلنَّاسِۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ
ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٣٤
وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُواْ فَٰحِشَةً أَوۡ ظَلَمُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ
ذَكَرُواْ ٱللَّهَ فَٱسۡتَغۡفَرُواْ لِذُنُوبِهِمۡ وَمَن يَغۡفِرُ
ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ وَلَمۡ يُصِرُّواْ عَلَىٰ مَا فَعَلُواْ وَهُمۡ
يَعۡلَمُونَ ١٣٥

"Dan berlumba-lumbalah kamu kepada mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang luasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan untuk Para Muttaqin (133). Iaitu orang-orang yang sentiasa menginfaqkan harta mereka di masa kesenangan dan kesusahan dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain terhadap mereka dan Allah memang kasihkan Para Muhsinin (134). Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan atau menganiayai diri sendiri, mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang mengampunkan dosa-dosa selain dari Allah serta mereka tidak terus berdegil melakukan kejahatan mereka, sedangkan mereka mengetahui."(135)

Pengungkapan di sini menggambarkan penunaian keta'atan-keta'atan ini dalam bentuk fizikal yang bergerak. Ia menggambarkan satu perlumbaan kepada satu matlamat dan hadiah yang boleh dimenangi:

وَسَارِعُوٓاْ إِلَىٰ مَغۡفِرَةٖ مِّن رَّبِّكُمۡ وَجَنَّةٍ
عَرۡضُهَا ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلۡأَرۡضُ أُعِدَّتۡ لِلۡمُتَّقِينَ ١٣٣

"Dan berlumba-lumbalah kamu kepada mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang luasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan untuk Para Muttaqin."(133)

Yakni berlumbalah! Di sana terdapat keampunan dan Syurga yang disediakan kepada orang-orang yang bertaqwa.

Kemudian ia menerangkan sifat-sifat orang-orang yang bertaqwa:

ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ فِي ٱلسَّرَّآءِ وَٱلضَّرَّآءِ

"Iaitu orang-orang yang sentiasa menginfaqkan harta mereka di masa kesenangan dan kesusahan."

Kelebihan Infaq

Yakni mereka tetap mengorbankan harta mereka dan meneruskan amalan ini sama ada di masa kesenangan atau kesusahan. Keluasan hidup tidak menyebabkan mereka menjadi angkuh dan lalai dan kesempitan hidup tidak menyebabkan mereka menjadi bosan dan lupa. Yang selalu dirasa mereka dalam segala keadaan ialah kesedaran terhadap kewajipan dan perasaan bebas dari kekikiran dan kebakhilan, iaitu kesedaran bermuraqabah dengan Allah dan bertaqwa kepada-Nya. Tiada yang dapat mendorong jiwa yang bertabi'at bakhil dan cintakan harta kepada infaq dalam segala keadaan melainkan satu dorongan yang lebih kuat dari nafsu harta, lebih kuat dari belenggu tamak dan tekanan kebakhilan. Itulah dorongan taqwa, itulah satu kesedaran yang amat halus dan amat mendalam yang menjernih dan membersihkan jiwa dan membebaskannya dari segala ikatan dan belenggu.

Mungkin juga sebutan sifat ini mempunyai hubungan yang tertentu dengan suasana peperangan ini, kerana di dalam suasana peperangan ini kita melihat infaq dibicarakan berulang kali begitu juga kecaman terhadap orang-orang yang enggan dan

menahan infaq disebut berulang kali sebagaimana akan diterangkan oleh rangkaian ayat yang akan datang. Ini semuanya menunjukkan adanya hubungan-hubungan yang tertentu dengan suasana peperangan itu dan dengan sikap setengah-setengah kumpulan terhadap seruan mengeluarkan infaq fi Sabilillah.

وَٱلۡكَٰظِمِينَ ٱلۡغَيۡظَ وَٱلۡعَافِينَ عَنِ ٱلنَّاسِۗ

"Dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain terhadap mereka."(134)

Membersih Jiwa Dari Dendam Kesumat

Demikianlah pengaruh taqwa di bidang ini. Ia bekerja dengan dorongan-dorongan dan rangsangan-rangsangan yang sama. Kemarahan adalah emosi semulajadi manusia. Ia disertai atau diikuti oleh didihan darah. Ia merupakan salah satu dari ledakan-ledakan semulajadi manusia dan salah satu dari keperluan-keperluannya. Dan emosi ini tidak boleh dikawal oleh seseorang melainkan dengan rasa kesedaran yang halus yang dipancarkan oleh taqwa dan melainkan dengan kekuatan rohaniyah yang terbit dari pandangan yang melihat kepada ufuk yang lebih tinggi dan lebih luas dari ufuk-ufuk kepentingan diri dan keperluan-keperluan peribadi.

Mengawal dan menahan kemarahan hanya merupakan satu tangga pertama dan kebolehan mengawalnya sahaja tidak cukup, kerana kadang-kadang seseorang itu menahan kemarahannya untuk menaruh dendam. Ini bererti kemarahan yang berkobar-kobar itu berubah kepada dendam yang terpendam dan kejengkelan yang lahir itu berubah kepada kesumat yang terbenam. Sebenarnya kemarahan dan kejengkelan itu lebih bersih dari dendam dan kesumat. Oleh sebab itulah ayat ini menjelaskan bahawa titik pembebasan kemarahan yang terpendam di dalam hati orang-orang yang bertaqwa itu, ialah memberi kemaafan, bersikap toleran dan lapang dada dan bebas dari (kemarahan dan dendam).

Kemarahan dan kejengkelan itu merupakan satu bebanan yang berat kepada hati apabila dipendamkannya. Ia merupakan pucuk-pucuk api yang menjilat hati dan merupakan asap-asap yang menyelubungi dhamir. Tetapi apabila hati memberi kemaafan, maka itulah titik kebebasan dari bebanan itu. Itulah penerbangan ke ufuk-ufuk nur. Itulah tiupan hawa dingin di dalam hati dan kedamaian di dalam dhamir.

وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

"Dan Allah memang kasihkan para Muhsinin."(134)

Makna Kasih Allah

Orang-orang yang bermurah hati mengorbankan harta mereka dalam masa keluasan dan kesempitan adalah para Muhsinin. Dan orang-orang yang bermurah hati memberi kemaafan dan menunjukkan sikap berlapang dada dan toleran selepas mengalami kemarahan adalah para Muhsinin. Kata-kata "kasih" di sini suatu pengungkapan yang membayangkan kemesraan dan sifat yang gemilang yang selaras dengan suasana yang halus, cemerlang dan mulia itu.

Dari kasih Allah kepada amalan ihsan dan para Muhsinin tercetuslah kasih kepada amalan ihsan ini di dalam hati para kekasih Allah dan terbentanglah keinginan yang kuat ke arah itu di dalam hati mereka. Oleh itu kata-kata kasih di dalam ayat ini bukanlah semata-mata suatu pengungkapan yang menarik, tetapi itulah juga hakikatnya di sebalik pengungkapan itu.

Kelompok yang dikasihi Allah dan kasihkan Allah, yang bersikap lapang dada, toleran, mudah, bebas dari dendam kesumat ialah kelompok yang bersatu padu, kelompok yang bersaudara dan kelompok yang kuat. Di sinilah terletak hubungaan di antara bimbingan ini dengan perjuangan di medan peperangan dan perjuangan di medan kehidupan.

Kemudian kita berpindah pula kepada satu sifat yang lain dari sifat-sifat orang-orang yang bertaqwa:

وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُواْ فَٰحِشَةً أَوۡ ظَلَمُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ ذَكَرُواْ ٱللَّهَ فَٱسۡتَغۡفَرُواْ لِذُنُوبِهِمۡ وَمَن يَغۡفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ وَلَمۡ يُصِرُّواْ عَلَىٰ مَا فَعَلُواْ وَهُمۡ يَعۡلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

"Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan atau menganiayai diri sendiri, mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang mengampunkan dosa-dosa selain dari Allah serta mereka tidak terus berdegil melakukan kejahatan mereka, sedangkan mereka mengetahui."(135)

Sikap Toleransi Islam

Alangkah tolerannya agama ini. Sebenarnya Allah tidak menyeru manusia kepada sikap toleran di antara sesama mereka sehingga Allah memperlihatkan kepada mereka sebahagian dari samahah atau toleransinya terhadap mereka sendiri supaya mereka dapat mengecapi, mempelajari dan mengambil contoh teladan dari toleransi Allah.

Para Muttaqin itu berada di kemuncak martabat orang-orang yang beriman, tetapi toleransi agama ini dan sifat kasihan belasnya terhadap umat manusia telah memasukkan golongan manusia "yang melakukan sesuatu perbuatan yang curang atau menganiayai diri sendiri lalu mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka" ke dalam golongan para Muttaqin, sedangkan perbuatan yang curang itu merupakan

perbuatan dosa yang paling keji dan besar, tetapi toleransi agama ini tidak sekali-kali menolak orang-orang yang melakukan kejahatan itu dari rahmat Allah, ia sekali-kali tidak meletakkan mereka di barisan akhir angkatan Mu'minin, malah ia menjulangkan mereka ke martabat yang paling tinggi, iaitu martabat para Muttaqin dengan mengenakan satu syarat sahaja, iaitu syarat yang mencerminkan tabi'at dan arah tujuan agama ini, iaitu mereka hendaklah mengingati Allah dan memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan jangan sekali-kali mereka berdegil di atas perbuatan mereka yang salah, sedangkan mereka mengetahui dan seterusnya janganlah sekali-kali mereka melakukan maksiat itu dengan sikap yang angkuh tanpa silu malu dan segan. Atau dengan ungkapan yang lain hendaklah mereka meletakkan diri mereka dalam lingkungan 'Ubudiyah kepada Allah dan menyerah diri kepada-Nya pada akhirnya dan dengan demikian mereka sentiasa berada di bawah pemeliharaan Allah dan di dalam naungan keampunan, rahmat dan limpah kurnia-Nya.

Islam Memahami Titik Kelemahan Manusia

Agama ini amat memahami tentang kelemahan makhluk insan yang kadang-kadang nafsu jasadnya boleh menjatuhkannya ke dalam kancah perbuatan yang curang. Kadang-kadang keinginan daging darahnya menjadikannya galak dan gasang seperti nafsu syahwat binatang, kadang-kadang kecenderungan, keinginan, ketamakan dan kegemaran mendorongkan mereka melanggar perintah Allah dalam sa'at-sa'at keterburu-buruan. Ia memahami kelemahan ini oleh sebab itulah ia tidak bertindak kasar dan keras terhadap manusia dan tidak segera mengusirkannya dari rahmat Allah apabila ia menzalimi dirinya dan melakukan perbuatan yang curang, kerana kebasahan iman di dalam hatinya belum lagi kering dan hubungannya dengan Allah masih hidup dan belum lagi layu dan ia sedar bahawa ia seorang hamba yang bersalah dan mempunyai Tuhan yang bersedia mengampun. Kini jelaslah bahawa makhluk yang daif, bersalah dan berdosa ini masih lagi baik dan masih mengikut jalan yang benar dan masih berpegang dengan tali agama yang kukuh. Biarlah diri tergelincir sebanyak mana yang dikehendaki oleh kelemahannya, namun pada akhirnya dia akan sampai juga ke penghujung jalan selama obor ada bersamanya dan tali ada di tangannya, selama dia masih mengingati Allah dan tidak melupakan-Nya, selama ia masih memohon keampunan dan mengakui kehambaan kepada-Nya dan tidak bermegah-megah dengan maksiatnya.

Islam Tidak Menutup Pintu Taubat

Agama ini tidak menutup pintu taubat di hadapan makhluk insan yang lemah dan sesat itu. Ia tidak membuangnya sesat di padang gurun dan tidak pula membiarkannya terusir dalam keadaan takut dari kesudahan hidupnya, malah ia menggalakkannya supaya mencari keampunan Allah dan menunjukkan kepadanya jalan yang betul. Ia memegang dan memimpin tangannya yang terketar-ketar itu dan membetulkan langkah-langkahnya yang terhoyong hayang. Ia menerangi jalan yang dilaluinya supaya ia dapat menuju ke tempat perlindungan yang aman dan pulang ke tempat perteduhan yang selamat.

Hanya satu sahaja yang dituntut oleh agama ini, iaitu janganlah seseorang yang bersalah itu membiarkan hatinya kering dari keimanan dan membiarkan rohnya menjadi gelap hingga lupakan Allah. Selama ia masih mengingati Allah, selama di dalam rohnya masih ada obor yang menyala, selama di dalam hati nuraninya masih ada suara iman yang memanggil dan selama di dalam hatinya masih ada kebasahan iman yang lembut, maka lambat laun nur iman akan memancar semula di dalam rohnya dan dia akan pulang semula ke tempat perlindungan yang selamat dan benih iman yang terbantut itu akan tumbuh semula.

Jika anak anda yang bersalah mengetahui bahawa yang menunggunya di rumah hanya rotan sahaja, maka ia akan terus lari dan tidak akan pulang ke rumah buat selama-lamanya, tetapi andainya dia mengetahui bahawa di samping rotan ada tangan yang kasih mesra yang bersimpati di atas kelemahannya apabila dia benar-benar meminta maaf di atas kesalahannya dan bersedia pula menerima permintaan maafnya apabila dia memohon keampunan darinya, maka dia akan pulang semula ke rumah.

Beginilah caranya Islam melayani makhluk insan di dalam sa'at-sa'at kelemahannya, kerana Islam mengetahui bahawa di samping kelemahan itu manusia mempunyai kekuatan dan di samping keberatan ia mempunyai daya terbang dan di samping keinginan haiwaniyah ia mempunyai kerinduan-kerinduan rabbaniyah. Islam bersimpati dengan manusia di sa'at ia dilanda kelemahan untuk memimpinnya supaya ia dapat mendekati martabat-martabat yang tinggi. Ia menepuk-nepuk bahunya di sa'at ia jatuh untuk membawanya semula ke kemuncak selama ia masih mengingati Allah dan tidak melupai-Nya, dan tidak pula berdegil melakukan kesalahan, sedangkan ia benar-benar mengetahui kesalahan itu. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

ما أصر من استغفر، وإن عاد في اليوم سبعين مرة.

"Bukanlah seseorang itu berdegil (di atas kesalahan) apabila dia memohon keampunan walaupun dia mengulangi tujuh puluh kali sehari."[4]

Namun demikian Islam bukanlah menyerukan kepada kelonggaran membuat kesalahan dan bukan pula memuliakan orang yang gelincir dan jatuh dan

---

[4] *Diriwayatkan oleh Abu Daud, at-Tirmizi dan al-Bazzar di dalam musnadnya dari Hadith 'Uthman ibn Waqid dan di dalam sanadnya ada seorang sahabat yang tidak dikenali, tetapi Ibn Kathir di dalam tafsirnya telah mengesahkannya dan mengatakan Hadith ini Hadith Hasan.*

seterusnya bukan juga menyarankan keindahan paya yang kotor kepadanya sebagaimana yang dilakukan oleh aliran "realisme"(الواقعية) malah Islam mema'afkan kegelinciran orang yang lemah untuk merangsangkan harapan di dalam hati manusia di samping memberangsangkan perasaan malu. Keampunan itu adalah dari Allah dan tiada yang dapat mengampunkan dosa melainkan Allah. Hakikat ini membangkitkan perasaan malu bukannya menggalakkan kepada kejahatan dan ia merangsangkan keinginan untuk memohon keampunan bukannya merangsangkan keinginan untuk terus bersewenang-wenang, kerana orang-orang yang melakukan kejahatan dengan sewenang-wenang dan degil itu adalah berada di luar pagar, di mana segala tembok ditutup di hadapan mereka.

Demikianlah Islam mengumpulkan di antara mengajak manusia menuju kepada ufuk yang tinggi dengan timbang-rasanya terhadap mereka kerana ia mengetahui batas keupayaan mereka. Ia selama-lamanya membuka pintu harapan di hadapan mereka dan memimpin mereka ke kemuncak keupayaan mereka.

Merekalah orang-orang yang bertaqwa dan apakah yang akan diperolehi mereka?

أُولَٰٓئِكَ جَزَآؤُهُم مَّغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَنِعْمَ أَجْرُ ٱلْعَٰمِلِينَ ﴿١٣٦﴾

"Mereka itu balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka dan Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka kekal abadi di dalamnya dan itulah sebaik-baik ganjaran para 'amilin."(136)

Mereka bukannya bersifat negatif dengan hanya bertindak memohon keampunan dari dosa-dosa maksiat begitu juga mereka bukannya bersifat negatif dengan hanya bertindak menginfaq dalam masa keluasan dan kesempitan dan mengawal kemarahan serta memaafkan terhadap kesalahan-kesalahan orang lain, malah mereka adalah para 'amilin atau orang-orang yang sentiasa bekerja untuk kebaikan "ونعم أجر العاملين" sebaik-baik ganjaran para 'amilin. Iaitu keampunan dari Allah dan Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai selepas mendapat keampunan dan kasih dari Allah itu. Di sana ada gerak kerja di dalam hati dan ada gerak kerja dalam kegiatan hidup yang lahir dan kedua-duanya merupakan amalan dan gerakan dan kedua-duanya merupakan kesuburan dan kemajuan.

Di sana ada hubungan di antara sifat-sifat ini dengan perjuangan di medan peperangan yang diikuti oleh penjelasan ayat-ayat ini. Begitu juga sistem riba atau sistem tolong-menolong mempunyai kesannya di dalam kehidupan masyarakat Muslimin dan mempunyai hubungannya dengan perjuangan di medan peperangan. Sifat-sifat kejiwaan dan kemasyarakatan ini juga mempunyai kesan-kesannya sebagaimana telah kami sebutkan di permulaan pembicaraan. Kebolehan mengawal tabi'at kikir dan perasaan marah dan kebolehan mengawal perbuatan yang berdosa dan pulang kepada Allah serta memohon keampunan dan keredhaan-Nya semuanya merupakan kebolehan-kebolehan yang perlu untuk mencapai kemenangan terhadap musuh di medan peperangan. Mereka menjadi musuh kerana merekalah yang melambangkan tabi'at kikir, nafsu keinginan, dosa dan sifat angkuh, mereka menjadi musuh kerana mereka tidak menundukkan diri mereka, keinginan-keinginan mereka, peraturan hidup mereka kepada agama dan syari'at Allah. Di sinilah terjadinya perseteruan, di sinilah tercetusnya peperangan dan di sinilah berlakunya jihad. Di sana tidak ada sebab-sebab yang lain yang mendorong seseorang Muslim bermusuh, berperang dan berjihad. Dia hanya berseteru kerana Allah, berperang kerana Allah dan berjihad kerana Allah. Oleh sebab itulah hubungan amat rapat di antara seluruh bimbingan ini dengan tayangan peperangan di dalam rangkaian ayat ini sebagaimana wujudnya hubungan yang rapat di antara bimbingan-bimbingan ini dengan kejadian-kejadian tertentu yang menemani peperangan ini seperti melanggar perintah Rasulullah s.a.w., tamak kepada harta rampasan perang yang menjadi punca melanggar perintah, mengutamakan kepentingan diri dan hawa nafsu yang mendorong Abdullah ibn Ubay dan pengikut-pengikutnya ponteng dari berperang, juga kelemahan jiwa dengan sebab dosa yang mendorong mereka yang lari dari peperangan sebagaimana akan diterangkan dalam penjelasan ayat ini nanti dan kekeliruan dalam kefahaman yang mengakibatkan segala urusan tidak dikembalikan kepada Allah dan pertanyaan setengah-setengah mereka yang berbunyi:

هَل لَّنَا مِنَ ٱلْأَمْرِ مِن شَىْءٍ ۗ

"Adakah kita mempunyai sesuatu apa di dalam urusan ini?" (154)

Dan perkataan setengah mereka:

لَوْ كَانَ لَنَا مِنَ ٱلْأَمْرِ شَىْءٌ مَّا قُتِلْنَا هَٰهُنَا ۗ

"Andainya kita mempunyai sesuatu apa dalam urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini."(154)

* * * * * *

Al-Qur'an membicarakan semua kejadian-kejadian ini satu demi satu dengan jelas dan menerangkan hakikat-hakikat yang terdapat di dalamnya dan mencubit hati manusia dengan sentuhan-sentuhan yang menarik yang menyedar dan menghidupkannya dengan cara yang unik yang kita dapat lihat beberapa contoh darinya di dalam penjelasan ayat ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 137 - 143)

Tindakan Sunatullah

Selepas itu rangkaian ayat ini dalam ceraian yang ketiga mula menayangkan peristiwa-peristiwa peperangan itu sendiri, tetapi ia masih lagi berusaha menjelaskan hakikat-hakikat asasi yang tulen di dalam pandangan dan kefahaman Islam dan menjadikan peristiwa-peristiwa itu sebagai semata-mata paksi yang dipusatkan hakikat-hakikat ini menjadi landasan kepadanya.

Di dalam ceraian yang mula-mula disebutkan ialah Sunnatullah yang berlaku ke atas para pendusta untuk menegaskan kepada kaum Muslimin bahawa kemenangan kaum Musyrikin di dalam peperangan ini bukanlah suatu undang-undang yang tetap, malah ia hanya suatu kejadian yang berlalu sementara sahaja dan di sebaliknya terdapat suatu hikmat yang tertentu. Kemudian ia menyeru mereka supaya bersabar dan mengunggulkan diri dengan keimanan. Jika mereka telah mendapat kecederaan dan kesakitan, maka orang-orang Musyrikin juga telah mendapat kecederaan dan kesakitan di dalam peperangan yang sama. Sebenarnya di sana ada satu hikmat di sebalik ini yang telah berlaku kepada mereka yang mahu didedahkan kepada mereka, iaitu hikmat untuk membezakan barisan (Mu'minin dari barisan Munafiqin), hikmat menguji hati dan melahirkan para Syuhada' yang sanggup mati kerana mempertahankan 'aqidah mereka dan meletakkan kaum Muslimin berhadapan dengan maut yang pernah dicita-cita oleh mereka supaya mereka menimbangkan janji-janji dan cita-cita mereka dengan neraca realiti. Kemudian hikmat yang terakhirnya ialah untuk menghapuskan orang-orang kafir dengan menyediakan kelompok Muslimin dengan penyediaan yang sekukuh itu. Kini jelaslah bahawa itulah hikmat yang tertinggi di sebalik peristiwa-peristiwa itu sama ada menang atau kalah.

قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾
هَٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾
وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾
إِن يَمْسَسْكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ ٱلْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُۥ
وَتِلْكَ ٱلْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ ٱلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ ٱللَّهُ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَيَتَّخِذَ مِنكُمْ شُهَدَآءَ ۗ وَٱللَّهُ
لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٠﴾
وَلِيُمَحِّصَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَيَمْحَقَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٤١﴾
أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ
جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ وَيَعْلَمَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٢﴾
وَلَقَدْ كُنتُمْ تَمَنَّوْنَ ٱلْمَوْتَ مِن قَبْلِ أَن تَلْقَوْهُ فَقَدْ
رَأَيْتُمُوهُ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ﴿١٤٣﴾

"Sesungguhnya undang-undang Allah telahpun berlaku sebelum kamu, kerana itu jelajahilah di bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat para pendusta (137). (Al-Qur'an) ini adalah penerangan bagi seluruh manusia, hidayat dan pengajaran bagi para Muttaqin (138). Dan janganlah kamu bersikap lemah dan jangan pula kamu bersedih kerana kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya) jika kamu orang-orang yang beriman (139). Jika kamu mendapat kecederaan, maka kaum kafir juga telah mendapat kecederaan yang serupa dan hari-hari kalah menang itu kami gilirkannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang diketahui Allah (dalam realiti) tentang orang-orang yang beriman dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai Syuhada' dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (140). Dan supaya Allah menguji orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang kafir (141). Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk Syurga, sedangkan Allah belum mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang berjihad dari kalangan kamu dan belum lagi mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang sabar (142). Dan sesungguhnya kamu telah bercita-cita mati sebelum kamu menemuinya (di medan perang) dan (sekarang) kamu telah menyaksikannya dan kamu sedang melihatnya (dengan mata kepala kamu)."(143)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Orang-orang Islam telah mendapat kecederaan di dalam peperangan ini. Ramai dari mereka terbunuh dan mereka menderita kekalahan. Mereka kehilangan banyak jiwa dan badan mereka dimimpi berbagai-bagai kecederaan. Tujuh puluh orang sahabat dari kalangan mereka telah gugur syahid, gigi hadapan Rasulullah s.a.w. patah dan wajahnya luka. Beliau telah diserang teruk oleh tentera Musyrikin dan sahabat-sahabat yang mengelilingi beliau mendapat luka-luka yang parah. Akibat dari semua peristiwa itu telah menggoncangkan hati kaum Muslimin dan merupakan satu kejutan yang sama sekali tidak diduga mereka selepas mendapat kemenangan yang menakjubkan di dalam Peperangan Badar sehingga ada orang-orang Islam yang merungut apabila mereka ditimpa kemalangan-kemalangan itu: "Bagaimana boleh jadi begini? Bagaimana perkara-perkara ini boleh berlaku kepada kita, sedangkan kita orang-orang Islam?"

Di sini Al-Qur'an mengembalikan kaum Muslimin mengingati undang-undang Allah di muka bumi. Ia mengembalikan mereka kepada dasar-dasar, yang mana mengikut dasar-dasar ini berlakunya segala perkara (di alam ini). Oleh itu mereka bukannya

sesuatu yang baru di dalam hayat ini dan undang-undang yang mengendalikan hayat ini tetap berjalan tanpa mungkir dan segala perkara tidak pernah berlaku secara serampangan, malah ia berlaku mengikut undang-undang ini. Oleh itu apabila mereka mengkaji undang-undang ini dan memahami tujuan-tujuannya nescaya terbukalah kepada mereka hikmat tertentu di sebalik peristiwa-peristiwa itu dan ternyatalah kepada mereka matlamat-matlamat yang jelas di sebalik kejadian-kejadian itu dan seterusnya yakinlah mereka kepada kemantapan undang-undang yang diikuti oleh peristiwa-pelistiwa itu dan kepada wujudnya hikmat yang tersembunyi di sebalik undang-undang ini dan dapatlah mereka melihat garisan perjalanan di hadapan berdasarkan garisan perjalanan yang telah silam dan mereka tidak lagi semata-mata berpegang dengan sifat mereka sebagai orang-orang Islam untuk mencapai kemenangan dan mendapat kedudukan yang teguh tanpa menggunakan sebab-sebab yang membawa kepada kemenangan dan di antara sebab yang paling utama ialah ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul.

Undang-undang yang diisyaratkan dalam ayat di sini dan ditarikkan perhatian mereka kepadanya ialah akibat yang menimpa para pendusta di sepanjang sejarah, pergiliran kalah menang di antara manusia, ujian untuk menduga hati dan menduga kekuatan ketabahan dalam menghadapi kesusahan dan kewajaran orang-orang yang sabar mendapat kemenangan dan kewajaran para pendusta mendapat kebinasaan.

Di tengah-tengah penayangan undang-undang itu ayat-ayat itu juga menekankan galakan supaya tabah dan sabar dan menghiburkan mereka dalam menghadapi penderitaan dan menanggung kecederaan-kecederaan yang bukan sahaja dialami oleh mereka malah oleh musuh-musuh mereka juga, sedangkan mereka lebih tinggi dari musuh-musuh mereka dari segi 'aqidah dan matlamat dan lebih lurus dan betul dari mereka dari segi cara dan peraturan hidup dan akibat yang baik tetap akan diperolehi mereka dan kebinasaan tetap akan menimpa orang-orang yang kafir.

Umat Arab Sebelum Islam

قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ
فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾
هَٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾

"Sesungguhnya undang-undang Allah telah pun berlaku sebelum kamu, kerana itu jelajahilah di bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat para pendusta.(137) (Al-Qur'an) ini adalah penerangan bagi seluruh manusia, hidayat dan pengajaran bagi para Muttaqin."(138)

Sesungguhnya Al-Qur'an menghubungkan masa silam umat manusia dengan masa kininya dan masa kininya dengan masa silamnya dan dicelah-celah kedua masa itu ia menunjukkan pula kepada masa depannya. Orang-orang Arab yang pertama kali ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka tidak pernah mempunyai bentuk kehidupan, ilmu pengetahuan dan pengalaman-pengalaman - sebelum Islam - yang membolehkan mereka mendapat pandangan-pandangan yang sempurna ini jika tidak kerana jasa agama Islam dan kitab sucinya Al-Qur'an yang telah memberi satu kewujudan yang baru kepada mereka dan menjadikan mereka satu umat yang boleh memimpin dunia.

Sistem hidup secara qabilah atau kesukuan yang dihayati mereka itu tidak dapat membawa pemikiran mereka ke arah menghubungkan di antara penduduk-penduduk Semenanjung Tanah Arab dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan mereka lebih-lebih lagi ke arah menghubungkan di antara penduduk dunia ini dengan peristiwa-peristiwanya dan lebih-lebih lagi ke arah menghubungkan di antara peristiwa-peristiwa alam sejagat dengan undang-undang alam buana, di mana seluruh hayat berlangsung mengikut peraturannya. Kebolehan ini merupakan suatu perubahan dan perpindahan yang amat jauh yang bukan terbit dari alam sekitar itu dan bukan pula lahir dari hasil dari keperluan-keperluan hidup di zaman itu, malah perubahan ini adalah dibawa oleh 'aqidah Islam kepada mereka. 'Aqidah inilah yang telah membawa mereka kepada perubahan ini dan meningkatkan mereka ke tahapnya dalam masa suku abad sahaja, sedangkan umat yang lain yang sezaman dengan mereka tidak dapat meningkat ke tahap pemikiran yang setinggi itu melainkan setelah dilalui berabad-abad lamanya. Dan tidak dapat menemui hakikat kemantapan undang-undang alam buana melainkan setelah berganti generasi demi generasi dan apabila mereka menemui hakikat kemantapan undang-undang alam buana mereka lupa pula bahawa undang-undang itu tidak terpisah dari kehendak masyi'ah Allah yang bebas dan bahawa segala urusan alam adalah terpulang kepada kehendak Allah. Tetapi bagi umat Muslimin yang terpilih ini mereka yakin segala-galanya. Mereka mempunyai pandangan dan kefahaman yang luas terhadapnya dan di dalam hati mereka tersemat konsep keseimbangan di antara kemantapan undang-undang alam buana dengan kebebasan kehendak masyi'ah Allah. Oleh sebab itu hidup mereka tetap lurus berinteraksi dengan undang-undang alam buana yang mantap di samping menaruh keyakinan kepada kebebasan kehendak masyi'ah Allah.

قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ

"Sesungguhnya undang-undang Allah telah pun berlaku sebelum kamu."

Undang-undang inilah yang mengendalikan kehidupan manusia dan undang-undang inilah yang telah ditentukan oleh kehendak masyi'ah Allah yang

bebas. Oleh itu segala apa yang telah berlaku di masa yang bukan dalam zaman kamu akan berlaku sama sepertinya di zaman kamu dengan kehendak Allah dan segala undang-undang yang padan dengan keadaan yang seperti keadaan kamu akan padan dengan keadaan kamu.

فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ

"Kerana itu jelajahilah di bumi ini."

Seluruh bumi ini merupakan satu kesatuan. Ia merupakan pentas hidup umat manusia. Bumi dan hidup di bumi merupakan sebuah kitab terbuka yang dapat dini'mati sepenuhnya oleh mata indera dan mata hati.

فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾

"Dan lihatlah bagaimana akibat para pendusta."(137)

Itulah akibat yang disaksikan oleh kesan-kesannya di bumi ini di samping disaksikan oleh sejarah mereka yang diceriterakan oleh generasi-generasi mereka yang kemudian. Al-Qur'anul-Karim telah menyebut banyak dari sejarah-sejarah dan kesan-kesan ini di berbagai-bagai tempat yang berasingan. Setengah-setengahnya ditentukan tempatnya, zamannya dan orang-orangnya dan setengahnya pula disebutkannya tanpa penentuan dan perincian dan di sini Al-Qur'an hanya menyebut akibat itu secara umum sahaja untuk membuat satu kesimpulan secara umum, iaitu segala apa yang berlaku kepada para pendusta pada hari kelmarin akan berlaku pula kepada para pendusta pada hari ini dan pada hari esok, tujuannya supaya hati kelompok Muslimin yakin kepada akibat itu dari satu segi dan mengingatkan mereka supaya jangan turut tergelincir bersama para pendusta dari satu segi yang lain pula. Di sana memang terdapat faktor-faktor yang memerlukan kepada keyakinan di samping adanya faktor-faktor yang memerlukan kepada amaran dan peringatan. Di dalam rangkaian ayat-ayat ini akan disebut sebahagian dari faktor-faktor itu.

Selepas menerangkan undang-undang ini bergema pula seruan supaya mengambil pengajaran dan i'tibar dari kenyataan ini:

هَٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾

"(Al-Qur'an) ini adalah penerangan bagi seluruh manusia, hidayat dan pengajaran bagi para Muttaqin."(138)

Golongan Manusia Yang Mendapat Faedah Dari Penerangan Al-Qur'an

Yakni Al-Qur'an ini adalah penerangan untuk seluruh manusia. Ia adalah satu perpindahan atau lompatan umat manusia yang amat jauh yang tidak dapat dicapai oleh mereka tanpa penerangan yang jelas dan penuh hidayat ini, tetapi hanya segolongan manusia yang tertentu sahaja yang memperolehi hidayat dan pengajaran dari penerangan ini. Golongan inilah sahaja yang dapat mengambil manfa'at darinya dan dapat mengambil hidayatnya. Mereka ialah golongan orang-orang yang bertaqwa.

Kalimat-kalimat yang memberi hidayat itu tidak dapat ditangkap melainkan oleh hati yang beriman dan terbuka kepada hidayat, dan pengajaran yang baik ini tidak dapat dimanfa'atkannya melainkan oleh hati yang bertaqwa, peka dan terharu kepadanya. Manusia itu jarang yang kurang mengetahui kebenaran dan kepalsuan, hidayat dan kesesatan, kerana tabi'at kebenaran itu amat terang dan jelas hingga ia tidak memerlukan kepada penerangan yang panjang lebar, malah manusia sebenarnya kurang gemar kepada kebenaran dan kurang daya qudrat memilih jalan kebenaran, kerana kegemaran kepada kebenaran dan daya qudrat untuk memilih jalan kebenaran itu hanya diwujudkan oleh keimanan dan dipeliharakan oleh taqwa. Oleh sebab itulah kenyataan-kenyataan yang seperti ini berulang-ulang kali disebut di dalam Al-Qur'an, di mana ia menyatakan bahawa segala isi kandungan kitab Al-Qur'an yang memuat kebenaran, hidayat, nur, pengajaran dan contoh teladan adalah diperuntukkan kepada para Mu'min dan muttaqin, kerana iman dan taqwa itulah yang membuka hati manusia kepada hidayat dan nur dan kepada mengambil pengajaran dan i'tibar. Kedua-duanya menggalakkan hati manusia ke arah memilih hidayat dan nur dan ke arah mengambil manfa'at dari pengajaran dan contoh teladan dan ke arah kesanggupan menanggung kesulitan-kesulitan dalam perjalanan perjuangan. Inilah perkara dan inti persoalan yang sebenar bukannya semata-mata mendapat ilmu pengetahuan sahaja, kerana ramai yang mengetahui tetapi mereka masih bergelimang di dalam lumpur kebatilan sama ada kerana tunduk kepada tekanan hawa nafsu, sedangkan ilmu pengetahuan sahaja tidak berguna untuk mengawalnya atau kerana takut kepada penindasan yang menunggu pejuang-pejuang kebenaran dan pejuang-pejuang da'wah.

Selepas penerangan yang panjang lebar ini Al-Qur'an menghalakan pembicaraannya pula kepada kaum Muslimin untuk memberi kekuatan semangat dan menghiburkan hati mereka:

وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

"Dan janganlah kamu bersikap lemah dan janganlah pula kamu bersedih kerana kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya) jika kamu orang-orang yang beriman."(139)

Umat Muslimin Diletakkan Pada Kedudukan Yang Tinggi

Yakni janganlah kamu merasa lemah dan berdukacita terhadap segala apa yang telah menimpa kamu atau terluput dari kamu kerana kamu adalah golongan insan yang paling tinggi, iaitu 'aqidah kamu adalah 'aqidah yang paling tinggi, kerana kamu hanya sujud kepada Allah Yang Maha Esa sahaja sedangkan

mereka sujud kepada sesuatu atau kepada beberapa makhluk-Nya. Peraturan hidup kamu adalah peraturan hidup yang paling tinggi, kerana kamu mengikuti peraturan-peraturan hidup yang diciptakan Allah, sedangkan mereka mengikuti peraturan-peraturan hidup dari ciptaan makhluk-makhluk Allah. Peranan kamu adalah peranan yang paling tinggi, kerana kamu adalah penjaga dan penunjuk seluruh umat manusia, sedangkan mereka menyimpang dan sesat dari jalan Allah. Kamu mempunyai kedudukan yang paling tinggi di bumi ini kerana kamulah yang berhak mewarisi bumi ini yang dijanjikan Allah kepada kamu, sedangkan nasib kesudahan mereka menuju kepada kehancuran, kehilangan dan kelupaan. Oleh itu jika kamu benar-benar beriman, maka kamulah golongan insan yang paling tinggi dan andainya kamu benar-benar beriman, maka janganlah kamu bersikap lemah dan berdukacita, kerana sememangnya telah menjadi Sunnatullah bahawa kamu akan ditimpa kecederaan (di dalam peperangan) atau menimpa kecederaan, sedangkan akhirnya kamulah yang akan mendapat akibat yang baik setelah berjuang dengan gigih dan melalui ujian dan dugaan:

إِن يَمْسَسْكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ ٱلْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُۥ ۚ
وَتِلْكَ ٱلْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ ٱلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ ٱللَّهُ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَيَتَّخِذَ مِنكُمْ شُهَدَآءَ ۗ وَٱللَّهُ
لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٠﴾
وَلِيُمَحِّصَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَيَمْحَقَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٤١﴾

"Jika kamu mendapat kecederaan, maka kaum kafir juga telah mendapat kecederaan yang serupa dan hari-hari kalah menang itu kami gilirkannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang diketahui Allah (dalam realiti) tentang orang-orang yang beriman dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai Syuhada' dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (140). Dan supaya Allah menguji orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang kafir."(141)

Undang-undang Kalah Menang

Sebutan Al-Qur'an tentang kecederaan-kecederaan yang telah menimpa mereka dan kecederaan-kecederaan yang sama yang telah menimpa golongan pendusta itu mungkin diisyaratkan kepada Peperangan Badar, di mana kaum Musyrikin telah mendapat kecederaan-kecederaan, sedangkan kaum Muslimin terselamat dan mungkin pula diisyaratkan kepada Peperangan Uhud, di mana kaum Muslimin pada permulaan pertempuran telah mencapai kemenangan dan kaum Musyrikin menderita kekalahan dan tujuh puluh orang dari tentera mereka telah terbunuh. Mereka telah dikejar dan diserang dari belakang oleh tentera Muslimin sehingga panji-panji perang kaum Musyrikin jatuh di tengah-tengah pertempuran itu dan tiada siapa pun dari mereka yang berani tampil mengambilnya dan akhirnya ia diangkat oleh seorang perempuan, ketika itu barulah mereka datang mengerumuni dan berkumpul di sekelilingnya. Kemudian kaum Musyrikin memperolehi kemenangan apabila pasukan pemanah kaum Muslimin melanggar perintah Rasulullah s.a.w. dan berselisih sesama mereka, kaum Muslimin telah menderita kekalahan dan kerugian di akhir pertempuran itu sebagai satu balasan yang setimpal terhadap perselisihan dan ketidakta'atan mereka, juga sebagai hasil tindakan undang-undang Allah yang tidak pernah mungkir kerana perselisihan pasukan pemanah dan pelanggaran perintah yang dilakukan mereka adalah terbit dari perasaan tamak kepada harta rampasan, sedangkan Allah telah menetapkan kemenangan di dalam perjuangan-perjuangan jihad kepada mereka yang berjihad semata-mata kerana agama-Nya tanpa memandang kepada sebarang harta benda dunia yang sedikit, juga untuk melaksanakan satu lagi undang-undang Allah iaitu pergiliran kalah menang di antara manusia mengikut niat dan tindakan-tindakan mereka yang zahir, sehari kumpulan ini menang dan pada hari yang lain kumpulan itu pula yang menang dan dari sinilah dapat dipastikan siapakah yang sebenar orang-orang yang Mu'min dan siapakah orang-orang yang munafiq di samping dapat diketahui kesalahan-kesalahan, kesilapan-kesilapan dan kekeliruan-kekeliruan yang telah berlaku.

إِن يَمْسَسْكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ ٱلْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُۥ ۚ
وَتِلْكَ ٱلْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ ٱلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ ٱللَّهُ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Jika kamu mendapat kecederaan, maka kaum kafir juga telah mendapat kecederaan yang serupa dan hari-hari kalah menang itu kami gilirkannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang diketahui Allah (dalam realiti) tentang orang-orang yang beriman".

Kesusahan Dan Kesenangan Mendedahkan Mutu Manusia

Kesusahan selepas kesenangan dan kesenangan selepas kesusahan kedua-duanya dapat mendedahkan mutu jiwa manusia, tabi'at hati mereka, darjat kekeruhan dan kejernihan, darjah kegelisahan dan kesabarannya, darjat keyakinannya kepada Allah dan keputusan harapannya dan darjat penyerahan dirinya kepada taqdir-taqdir Allah dan kebosanan terhadapnya.

Di waktu inilah barisan dapat mengenali orang-orangnya, siapakah di antara mereka yang benar dari golongan yang beriman dan siapakah dari golongan Munafiqin. Hakikat kedua-dua golongan ini terdedah dengan jelas dan terang. Isi hati mereka terbuka kepada dunia manusia dan barisan akan menjadi

bersih dari unsur-unsur asing dan perosak perpaduan, kerana kerosakan perpaduan berlaku akibat kekurangan keselarasan di antara para anggota dan individu-individunya, sedangkan mereka bercampur-baur tanpa dapat dibezakan.

Allah S.W.T. memang mengetahui golongan Mu'minin dan golongan Munafiqin. Dia mengetahui segala isi hati mereka, tetapi peristiwa-peristiwa dan pertukaran-pertukaran hari di antara manusia mendedahkan rahsia-rahsia yang tersembunyi itu dan menjadikannya satu realiti yang berlaku di dalam kehidupan manusia. Ia mengubahkan keimanan kepada tindakan yang lahir dan mengubahkan sikap nifaq juga kepada tindakan yang lahir dan dengan tindakan yang lahir inilah bergantungnya hisab dan balasan Allah, kerana Allah S.W.T. tidak menghisabkan manusia mengikut apa yang diketahuinya tentang keadaan-keadaan mereka, tetapi ia menghisabkan mereka mengikut amalan-amalan yang berlaku dari mereka.

Pertukaran hari dan perubahan kesusahan dan kesenangan merupakan batu uji yang tidak pernah salah dan merupakan neraca yang tidak pernah mungkir. Dalam hubungan ini kesenangan juga sama dengan kesusahan. Berapa banyak hati yang sanggup sabar dan tabah menghadapi kesusahan, tetapi menjadi lemah dan terhurai apabila menghadapi kesenangan. Hati yang Mu'min ialah hati yang sabar menghadapi kesusahan dan tidak hilang pertimbangan apabila menghadapi kesenangan. Ia tetap bertawajjuh kepada Allah di dalam kedua-dua suasana itu dan selama-lamanya yakin bahawa segala kebaikan dan keburukan yang menimpanya adalah dengan izin Allah.

Cara Allah Mendidik Kelompok Muslimin

Allah mendidik kelompok Muslimin ini di permulaan langkah-langkah mereka untuk memimpin umat manusia. Allah mendidik mereka dengan kesusahan setelah diuji dengan kesenangan. Allah menguji mereka dengan kekalahan yang pahit setelah menguji mereka dengan kemenangan yang menakjubkan walaupun kedua-duanya telah berlaku mengikut sebab-sebabnya dan mengikut undang-undang Allah yang berlaku dalam peraturan kemenangan dan kekalahan supaya kelompok Muslimin ini dapat mempelajari sebab-sebab kemenangan dan kekalahan, supaya mereka bertambah patuh kepada Allah, bertawakkal dan berpegang teguh kepada-Nya dan supaya mereka mengetahui dengan penuh keyakinan sifat agama ini dan tugas-tugasnya.

Ayat ini terus mendedahkan kepada umat Muslimin aspek-aspek yang lain dari hikmat Allah di sebalik peristiwa-peristiwa peperangan yang telah berlaku itu dan di sebalik pertukaran hari-hari kalah menang di antara manusia itu, juga di sebalik kebolehan mereka dapat membezakan barisan-barisan selepas itu dan di sebalik ilmu Allah yang mengetahui hakikat orang-orang yang beriman:

وَيَتَّخِذَ مِنكُمْ شُهَدَآءَ ۗ

"Dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai Syuhada'."

Para Syuhada' Merupakan Para Saksi Yang Membuktikan Kebenaran Agama Allah

Ini adalah satu pengungkapan yang amat menarik untuk menyatakan satu konsep yang mendalam bahawa Syuhada' itu adalah wira-wira pilihan. Mereka telah dipilih oleh Allah di antara para Mujahidin. Allah memilih mereka untuk diri-Nya. Kini jelaslah bahawa bukannya satu kehinaan dan tidak pula suatu kerugian apabila seseorang itu gugur syahid kerana agama Allah, malah itulah pilihan dan penghormatan istimewa dari Allah, kerana para Syuhada' itulah orang-orang yang dikurniakan kehormatan mati syahid untuk memperdekatkan kedudukan mereka kepada Allah.

Merekalah para Syuhada' yang dipilih oleh Allah. Allah melantik mereka sebagai saksi yang menyaksikan agama yang benar yang diutuskan kepada manusia. Allah melantikkan mereka menjadi saksi dan mereka telah menunaikan kesaksian itu dengan penuh kejujuran, tanpa sebarang cacat cela dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Mereka menunaikan kesaksian itu dengan jihad mereka sehingga mati untuk membuktikan kebenaran agama yang benar dan menegakkannya di dunia mereka. Allah S.W.T. menuntut dari mereka menunaikan kesaksian bahawa segala pengajaran yang dibawa dari sisi-Nya adalah benar belaka dan mereka telah beriman kepadanya dan menunjukkan sepenuh keikhlasan kepadanya. Mereka memuliakannya dan sanggup berkorban segala sesuatu kerananya. Mereka yakin bahawa kehidupan manusia tidak boleh menjadi baik dan betul melainkan dengan agama yang benar ini. Mereka benar-benar yakin kepada hakikat ini dan oleh sebab itu mereka tidak pernah berhenti berjuang untuk menentang kepalsuan dan menyingkirkannya dari kehidupan manusia dan menegakkan agama yang benar ini di alam kehidupan mereka dan melaksanakan undang-undang dan peraturan Allah dalam mengendali dan memerintah manusia. Allah melantikkan mereka sebagai saksi-saksi yang menyaksikan semuanya ini dan mereka telah menunaikan kesaksian itu dalam bentuk jihad sehingga gugur syahid itulah kesaksian yang tulen yang tidak dapat dipertikaikan lagi.

Kehendak Dua Kalimat Syahadat

Setiap mereka yang melafazkan dua kalimat syahadat: لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله belum lagi boleh dikatakan ia telah memberi kesaksian yang benar kecuali ia memenuhi kehendak syahadat itu, iaitu ia tidak menyembah Tuhan yang lain dari Allah dan tidak menerima syari'at melainkan syari'at dari Allah, kerana sifat Uluhiyah yang paling utama ialah sifat mengatur syari'at kepada para hamba-Nya dan sifat 'Ubudiyah yang paling utama ialah sifat menerima

syari'at dari Allah. Kehendak dari syahadat itu juga ialah ia tidak menerima syari'at dari Allah melainkan menerusi Nabi Muhammad s.a.w. kerana beliau adalah Rasulullah dan dia tidak berpegang dengan mana-mana sumber yang lain kecuali sumber ini sahaja.

Kehendak syahadat ini mahukan seseorang itu berjuang supaya Uluhiyah di bumi ini hanya dikhususkan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. supaya undang-undang dan peraturan yang dikehendaki Allah untuk mengatur manusia yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu menjadi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa yang dipatuhi dan mengendalikan seluruh bidang hidup manusia tanpa kecuali.

Dan andainya keadaan memerlukan ia mati kerana agama Allah, maka ia dianggap syahid, iaitu seorang saksi yang dituntut oleh Allah supaya menunaikan kesaksian ini lalu ia menunaikannya dan Allah memilihnya gugur sebagai seorang syahid yang dikurniakan maqam Syuhada'.

Inilah pengertian ungkapan yang amat menarik ini:

وَيَتَّخِذَ مِنكُمْ شُهَدَآءَ

"Dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai Syuhada'."

Dan itulah pengertian dan kehendak syahadat: bukannya pengertian syahadat yang murah, remeh dan hilang begitu sahaja.

Pengertian "Zalim" Dalam Ayat Al-Qur'an

وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٠﴾

"Dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim."(140)

Kezaliman seringkali disebut di dalam Al-Qur'an dan yang dimaksudkan dengannya ialah perbuatan syirik yang disifatkan sebagai perbuatan yang paling zalim dan paling keji. Tersebut di dalam Al-Qur'an:

إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya syirik itu suatu kezaliman yang amat besar."

(Surah Luqman: 13)

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim dari Ibn Mas'ud katanya: Aku telah bertanya: Wahai Rasulullah! "Apakah dosa yang paling besar?" Jawab beliau:

أن تجعل لله ندا وهو خلقك...

"Engkau jadikan tandingan bagi Allah, sedangkan Dialah yang telah menciptakan engkau..."

Sebelum ini rangkaian ayat ini telah menyebut tentang Sunnatullah terhadap para pendusta dan sekarang ia menjelaskan pula bahawa Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim. Oleh itu penjelasan ini merupakan satu penjelasan untuk menguatkan lagi dalam bentuk yang layak dengan hakikat 'azab yang menunggu para pendusta yang zalim yang tidak disukai Allah. Pengungkapan dengan kata-kata bahawa Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim itu merangsangkan di dalam hati Mu'min perasaan benci terhadap kezaliman dan orang-orang yang zalim. Dan rangsangan ini yang ditimbulkan dalam pembicaraan jihad dan mati syahid di sini memang mempunyai hubungannya yang sesuai, kerana orang Mu'min itu bersedia mengorbankan dirinya untuk menghapuskan sesuatu dan sesiapa yang tidak disukai oleh Allah. Dan inilah maqam berjuang untuk mati syahid dan di bidang inilah wujudnya kematian syahid dan dari merekalah Allah memilih para Syuhada'.

Manusia Diuji Dengan Peristiwa-peristiwa Dalam Dunia Realiti

Kemudian rangkaian ayat ini mendedahkan pula hikmat yang tersembunyi di sebalik peristiwa-peristiwa itu untuk mendidik umat Muslimin, menguji barisan mereka dan menyediakan mereka untuk memegang peranan mereka yang tertinggi supaya mereka menjadi salah satu dari alat-alat taqdir-Nya dalam penghapusan orang-orang kafir dan menjadi tabir qudrat-Nya dalam kebinasaan para pendusta:

وَلِيُمَحِّصَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَيَمْحَقَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٤١﴾

"Dan supaya Allah menguji orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang kafir."(141)

Ujian merupakan satu tahap mengenal pasti selepas diasingkan dan dibezakan sesuatu. Ia merupakan proses mengenal pasti yang dilakukan di dalam jiwa dan di dalam isi hati. Ia merupakan proses mengenal pasti isi peribadi seseorang dan menyuluhkannya dengan cahaya untuk mengeluarkan unsur-unsur asing dan kekotoran-kekotoran yang merosakkannya supaya ia tinggal bersih, jelas dan teguh di atas kebenaran tanpa diselubungi sebarang kekaburan dan kekabusan.

Ramai manusia yang tidak mengenal dirinya, tidak mengetahui lubuk-lubuk jiwanya yang tersembunyi, liku-liku dan lurah-lurahnya dan ramai pula yang tidak mengetahui hakikat kelemahan dan kekuatan jiwanya dan hakikat keladak-keladak yang terpendam di dalamnya. Semuanya ini tidak lahir melainkan dengan wujudnya sesuatu yang merangsang dan mencabar.

Di dalam ujian yang dilakukan Allah S.W.T. melalui pertukaran kalah menang di dalam kalangan manusia dan perubahan di antara kesusahan dan kesenangan, orang-orang Mu'min dapat mengetahui dari diri mereka beberapa hakikat yang selama ini tidak diketahui mereka sebelum adanya batu uji yang pahit ini, iaitu batu uji peristiwa-peristiwa, pengalaman-pengalaman dan suasana-suasana amali dalam dunia kenyataan.

Kadang-kadang seseorang itu menganggapkan dirinya mempunyai kebolehan, keberanian, keikhlasan

dan kebebasan dari sifat tamak dan haloba, kemudian tiba-tiba ia dapati ketika menghadapi ujian amali atau menghadapi peristiwa-peristiwa di dalam dunia kenyataan bahawa dalam dirinya masih ada saki-baki penyakit yang belum diuji dan bahawa dirinya belum lagi mempunyai kesediaan untuk menghadapi tekanan yang seperti itu. Oleh itu adalah lebih baik baginya mengetahui hal ini dari dirinya supaya dia dapat berusaha semula menuangkan dirinya di dalam acuan yang baru sesuai dengan tahap tekanan yang diperlukan oleh tabi'at da'wah ini dan sesuai dengan tahap tugas-tugas yang dikehendaki oleh 'aqidah ini.

Allah S.W.T. mendidik kelompok yang terpilih ini untuk memimpin umat manusia. Allah mahu mereka melakukan sesuatu di bumi ini dan oleh sebab itulah dia menguji mereka dengan ujian ini, iaitu melalui peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud supaya mereka dapat meningkat ke tahap peranan yang telah disediakan kepada mereka dan supaya terlaksana di tangan mereka kehendak taqdir Allah yang telah diletakkan pada mereka iaitu:

وَيَمْحَقَ ٱلْكَٰفِرِينَ ١٤١

"Dan membinasakan orang-orang yang kafir"(141)

Untuk menghakikatkan Sunnatullah yang menghapuskan kepalsuan dengan kebenaran apabila kebenaran itu dizahirkan dan bersih dari segala kekotoran melalui ujian.

Jalan Ke Syurga Penuh Dengan Cabaran

Dengan menggunakan satu pertanyaan yang mengandungi kecaman ayat Al-Qur'an yang berikut membetulkan kefahaman dan pemikiran kaum Muslimin terhadap Sunnatullah dalam urusan da'wah, urusan kemenangan dan kekalahan dan urusan amalan dan balasan dan menerangkan kepada mereka bahawa jalan ke Syurga itu adalah penuh dengan cabaran-cabaran yang tidak disukai dan bekalan utamanya ialah kesabaran menghadapi kesulitan-kesulitan perjalanan, bukannya cita-cita dan angan-angan yang melambung-lambung tinggi yang tidak sanggup menghadapi kesusahan dan ujian.

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ
جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ وَيَعْلَمَ ٱلصَّٰبِرِينَ ١٤٢
وَلَقَدْ كُنتُمْ تَمَنَّوْنَ ٱلْمَوْتَ مِن قَبْلِ أَن تَلْقَوْهُ فَقَدْ
رَأَيْتُمُوهُ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ١٤٣

"Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk Syurga, sedangkan Allah belum mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang berjihad dari kalangan kamu dan belum lagi mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang sabar (142). Dan sesungguhnya kamu telah bercita-cita mati sebelum kamu menemuinya (di medan perang) dan (sekarang) kamu telah menyaksikannya dan kamu sedang melihatnya (dengan mata kepala kamu)."(143)

Bentuk pertanyaan secara kecaman itu dituju untuk memberi peringatan yang keras terhadap kesalahan kefahaman ini, iaitu kefahaman yang percaya bahawa cukup bagi seorang itu melafazkan dengan lidahnya: "Aku menyerah diri kepada Allah dan aku bersedia untuk mati" yakni cukup dengan kata-kata ini untuk ia sampai kepada tahap menunaikan tugas-tugas keimanannya dan berhak sampai ke Syurga dan mencapai keredhaan Allah.

Malah yang menyampaikan kepada Syurga itu ialah ujian dalam alam kenyataan dan dugaan amali. Malah yang menyampaikan kepada Syurga itu ialah jihad dan menghadapi kesusahan kemudian kesabaran menanggung beban-beban perjuangan dan menghadapi kesusahan.

Di dalam ayat ini terdapat satu lagi perkara yang menarik perhatian dan mempunyai tujuan yang tersendiri:

وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ وَيَعْلَمَ
ٱلصَّٰبِرِينَ ١٤٢

"Sedangkan Allah belum mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang berjihad dari kalangan kamu dan belum lagi mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang sabar."(142)

Oleh itu orang-orang Mu'min tidak cukup dengan hanya berjuang, malah pastilah juga mempunyai kesabaran menanggung tugas-tugas da'wah ini, iaitu tugas-tugas yang berterusan, yang berbagai-bagai rupa yang tidak terhenti setakat berjihad di medan pertempuran sahaja. Kadang-kadang berjihad di medan pertempuran itu lebih ringan dari tugas-tugas da'wah ini yang memerlukan kepada kesabaran yang menjadi batu uji keimanan. Di sana terdapat kesusahan-kesusahan harian yang tidak pernah habis, iaitu kesusahan berdiri teguh dan jujur di kemuncak keimanan, kesusahan berdiri teguh mengikut kehendak-kehendak keimanan sama ada dalam bidang perasaan atau perilaku, kesusahan bersabar menghadapi kelemahan manusia di waktu itu sama ada pada diri sendiri atau pada diri orang lain yang berurusan dengannya dalam kehidupan sehariannya, kesusahan bersabar melalui masa-masa tertentu di mana kebatilan mendapat tempat yang tinggi dan berlagak angkuh, dan kelihatan seolah menang, kesusahan bersabar di sepanjang jalan dan di sejauh jarak perjalanan dan bersabar menghadapi berbagai-bagai halangan dan rintangan, bersabar menghadapi godaan keinginan hati kepada kesenangan dan kerehatan di tengah-tengah tekanan kepenatan, penderitaan dan perjuangan, bersabar menghadapi berbagai-bagai ujian yang banyak - yang mana jihad di medan pertempuran hanya merupakan salah satu darinya sahaja dan bersabar di sepanjang jalan yang penuh dengan cabaran-cabaran yang tidak diingini, iaitu jalan menuju ke Syurga yang tidak boleh dicapai dengan angan-angan dan ucapan-ucapan lisan.

وَلَقَدْ كُنتُمْ تَمَنَّوْنَ ٱلْمَوْتَ مِن قَبْلِ أَن تَلْقَوْهُ فَقَدْ



"Dan sesungguhnya kamu telah bercita-cita mati sebelum kamu menemuinya (di medan perang) dan (sekarang) kamu telah menyaksikannya dan kamu sedang melihatnya (dengan mata kepala kamu)."(143)

Pertimbangan Di Antara Berat Pengucapan Lidah Dengan Berat Hakikat Di Alam Realiti

Demikianlah ayat ini meletakkan mereka berdepan sekali lagi dengan maut yang telah dihadapi mereka di medan pertempuran. Sebelum ini mereka telah bercita-cita untuk bertemu dengan maut supaya mereka menimbangkan di dalam hati mereka di antara berat kalimat yang diucapkan oleh lidah mereka dengan berat hakikat yang disaksikan oleh mata mereka. Dengan ayat ini Allah mengajar mereka supaya membuat perhitungan yang hemat terhadap setiap perkataan yang diucapkan oleh lidah mereka dan menimbangkan hakikat nilainya yang sebenar di dalam hati mereka berdasarkan hakikat yang telah dihadapi mereka ketika hakikat ini menghadapi mereka. Dengan cara ini dapatlah mereka menilai harga perkataan, harga angan-angan dan harga perjanjian dalam sorotan cahaya realiti yang berat. Kemudian Allah mengajar mereka bahawa bukannya perkataan-perkataan yang melambung-lambung tinggi dan bukan pula angan-angan yang terbang mengawan yang dapat menyampaikan mereka ke Syurga, malah yang menyampaikan mereka ke Syurga ialah usaha menghakikatkan perkataan itu, melaksanakan angan-angan itu dan melakukan jihad yang haqiqi dan sabar menanggung kesusahan sehingga Allah mengetahui bahawa semuanya itu terbit dari mereka dan berlaku di dalam dunia manusia.

Allah S.W.T. memang berkuasa mengurniakan kemenangan kepada nabi-Nya, kepada da'wah-Nya, kepada agama-Nya dan kepada undang-undang dan peraturan-Nya sejak detik pertama lagi tanpa melalui penat lelah perjuangan orang-orang Mu'min. Allah memang berkuasa menurunkan malaikat berperang bersama mereka atau tanpa mereka untuk menghancurkan kaum Musyrikin sebagaimana para malaikat pernah menghancurkan kaum 'Ad, Thamud dan kaum Lut.

Tetapi persoalan di sini bukanlah persoalan kemenangan, malah ialah persoalan mendidik kelompok Muslimin yang disediakan untuk menerima teraju kepimpinan umat manusia dengan segala kelemahan dan kekurangan mereka, dengan segala keinginan dan kecenderungan mereka, dengan segala kejahilan dan penyelewengan mereka. Kepimpinan mereka adalah suatu kepimpinan yang membawa hidayat yang memerlukan satu persediaan yang tinggi dari para pemimpin. Dan persediaan pertama yang diperlukan ialah keutuhan akhlak, keteguhan pendirian di atas kebenaran, kesabaran menghadapi kesusahan, mengetahui titik-titik kelemahan dan kekuatan di dalam jiwa manusia, mengetahui tempat-tempat gelincir dan sebab-sebab yang membawa mereka kepada penyelewengan, mengetahui cara pengubatan dan rawatan kemudian kesabaran dalam menghadapi godaan kesenangan sama seperti kesabaran dalam menghadapi tekanan kesusahan dan seterusnya sabar menghadapi kesusahan setelah meni'mati kesenangan, di mana rasanya di waktu itu amat pedih dan pahit.

Inilah didikan yang dilakukan Allah ke atas jama'ah Muslimin - setelah Dia izin menyerahkan kepada mereka teraju kepimpinan untuk menyediakan mereka dengan didikan ini supaya mereka dapat memainkan peranan mereka yang agung dan sukar itu. Itulah peranan besar yang diserahkan kepada mereka di bumi ini. Allah S.W.T. telah menghendaki menjadikan peranan ini sebagai habuan tugas makhluk "insan" yang telah dilantikkannya sebagai Khalifah dalam kerajaan bumi yang amat luas ini.

Kelompok Muslimin Dididik Dengan Cara Dan Peristiwa

Taqdir dan perencanaan Allah dalam menyediakan kelompok Muslimin untuk memegang teraju kepimpinan itu telah berlangsung dengan berbagai-bagai sebab, berbagai-bagai cara, berbagai-bagai kejadian dan peristiwa. Kadang-kadang berlangsung melalui jalan kemenangan yang tegas bagi kelompok Muslimin menyebabkan hati mereka bergembira dan kepercayaan terhadap diri mereka meningkat tinggi kerana berada di bawah naungan pertolongan Ilahi dan mengecapi kelazatan citarasa kemenangan. Mereka bersabar menghadapi godaan mabuk kemenangan dan berdaya menguji kebolehan mereka mengawal perasaan angkuh dan sombong, juga kebolehan mereka mengekalkan sifat tawadhu' dan bersyukur kepada Allah. Dan kadang-kadang berlangsung melalui jalan kekalahan, penderitaan dan kesusahan. Di sini mereka tetap mencari perlindungan pada Allah, mereka dapat mengenal hakikat kekuatan diri mereka dan mengetahui hakikat kelemahannya sebaik sahaja mereka menyeleweng sedikit dari undang-undang dan peraturan Allah, mereka dapat mengecapi kepahitan kekalahan, namun demikian mereka tetap tidak mahu tunduk kepada kebatilan kerana mereka mendokong kebenaran yang tulen, mereka dapat mengetahui titik-titik kekurangan dan kelemahan mereka, dapat mengenal pintu-pintu keinginan nafsu dan tempat yang menggelincirkan kaki mereka. Oleh sebab itu mereka berusaha untuk membetulkan semuanya itu dalam pusingan yang akan datang. Kini mereka keluar dari kemenangan dan kekalahan itu dengan membawa bekalan dan modal pengalaman. Demikianlah berlangsungnya taqdir dan perencanaan Allah mengikut undang-undangnya yang tetap tanpa mungkir dan menyimpang.

Semuanya ini merupakan sebahagian dari modal pengalaman Peperangan Uhud yang dikumpulkan

oleh Al-Qur'an untuk kelompok Muslimin sebagaimana yang dapat kita lihat di dalam ayat-ayat ini. Dan semuanya itu merupakan modal pengalaman yang disimpan untuk setiap kelompok Muslimin dan untuk setiap generasi umat Muslimin.

* * * * * *

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan hakikat-hakikat kefahaman dan kepercayaan yang penting dan menerangkan tentang kelompok Muslimin yang dididik dengan hakikat-hakikat ini mengikut cara Al-Qur'an yang unik:

(Pentafsiran ayat-ayat 144 - 148)

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ ۚ
أَفَإِي۟ن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ ۚ وَمَن
يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ وَسَيَجْزِى
ٱللَّهُ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَن تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ
كِتَٰبًا مُّؤَجَّلًا ۗ وَمَن يُرِدْ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا نُؤْتِهِۦ مِنْهَا
وَمَن يُرِدْ ثَوَابَ ٱلْءَاخِرَةِ نُؤْتِهِۦ مِنْهَا ۚ وَسَنَجْزِى
ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٥﴾

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِىٍّ قَٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا۟
لِمَآ أَصَابَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا۟ وَمَا ٱسْتَكَانُوا۟ ۗ
وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾

وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا
وَإِسْرَافَنَا فِىٓ أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى
ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٤٧﴾

فَـَٔاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ ٱلْءَاخِرَةِ ۗ
وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

"Dan Muhammad itu tidak lain melainkan hanya seorang Rasul yang telah berlalu sebelumnya Rasul-rasul (yang sama). Oleh itu jika ia mati atau dibunuh apakah kamu wajar berpatah balik ke belakang kamu (murtad)? Dan barang siapa berpatah balik ke belakangnya, maka ia tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur (144). Dan setiap yang bernyawa tidak akan mati kecuali dengan izin Allah mengikut suratan ajal yang telah ditetapkan Allah. Dan sesiapa yang mahukan ganjaran dunia, Kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan sesiapa yang mahukan ganjaran Akhirat, Kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang bersyukur (145). Dan berapa banyak dari nabi-nabi yang telah berperang bersama-sama dengan sebilangan ramai orang-orang yang ta'at kepada Allah, tetapi mereka tidak merasa lemah semangat kerana kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka demi Sabilullah, dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula tunduk (kepada musuh) dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar (146). Tiada ucapan mereka selain dari mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mengatasi kaum yang kafir (147). Lalu Allah mengurniakan kepada mereka ganjaran dunia dan ganjaran Akhirat yang baik dan Allah kasihkan para Muhsinin."(148)

Detik-detik Perjuangan Yang Paling Gawat Yang Menyebabkan Tentera Muslimin Lupa Hakikat Asasi

Ayat yang pertama di dalam ceraian ini memberi isyarat kepada satu peristiwa yang tertentu yang telah berlaku di medan pertempuran Uhud, iaitu ketika barisan pertahanan belakang kaum Muslimin terdedah kepada serangan kaum Musyrikin setelah pasukan pemanah meninggalkan tempat-tempat mereka di bukit itu. Tentera-tentera Musyrikin telah menaiki bukit itu dan menyerang tentera-tentera Muslimin dan dalam serangan itu gigi hadapan Rasulullah s.a.w. patah dan wajah beliau cedera dan berdarah. Dalam detik-detik kelam-kabut dan dalam suasana tentera-tentera Islam yang bercerai-berai yang membuat seseorang itu tidak mengetahui di mana tempat temannya itulah tiba-tiba terdengar suara orang yang berteriak bahawa Muhammad telah terbunuh. Seruan ini memberi kesan yang amat buruk kepada kaum Muslimin. Ramai di antara mereka terus pulang ke Madinah dan mendaki bukit dengan semangat yang kalah dan meninggalkan medan pertempuran dengan harapan yang putus. Mujurlah Rasulullah s.a.w. bersama beberapa sahabatnya berjuang dengan gigih dan menyeru orang-orang Islam yang sedang balik itu sehingga mereka berpatah balik mendapatkan beliau dan meneguhkan hati mereka dan Allah menurunkan ke atas mereka suasana mengantuk, iaitu suasana keamanan dan ketenteraman dari limpah kurnia Allah sebagaimana akan diterangkan nanti.

Peristiwa yang membuat kaum Muslimin terpinga-pinga itu telah digunakan oleh Al-Qur'an sebagai bahan untuk memberi bimbingan dan sebagai sebab untuk menjelaskan hakikat-hakikat pandangan dan kefahaman Islam dan Al-Qur'an menjadikan hakikat-hakikat ini selaku paksi bagi isyarat-isyarat yang menarik mengenai hakikat mati dan hakikat hidup dan mengenai sejarah keimanan dan angkatan-angkatan para Mu'minin.

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ ۚ
أَفَإِي۟ن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ ۚ وَمَن

يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ وَسَيَجْزِى
ٱللَّهُ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

"Dan Muhammad itu tidak lain melainkan hanya seorang Rasul yang telah berlalu sebelumnya Rasul-rasul (yang sama). Oleh itu jika ia mati atau dibunuh apakah kamu wajar berpatah balik ke belakang kamu (murtad)? Dan barang siapa berpatah balik ke belakangnya, maka ia tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur."(144)

Yakni Muhammad itu tiada lain melainkan seorang rasul yang telah didahului oleh rasul-rasul yang lain sebelumnya dan sekalian rasul itu telah wafat dan Muhammad juga akan wafat seperti rasul-rasul sebelumnya. Ini adalah satu hakikat asasi yang mudah mengapa kamu telah melupakannya ketika kamu menghadapi hakikat ini di medan pertempuran Uhud?

Muhammad itu utusan dari sisi Allah. Ia datang untuk menyampaikan perutusan Allah dan Allah itu tetap kekal tidak mati dan perutusan-Nya juga tetap kekal tidak mati. Tidak seharusnya bagi para Mu'minin berpaling mengubahkan haluannya apabila nabi yang datang membawa perutusan Allah itu wafat atau terbunuh. Ini juga satu hakikat asasi yang mudah yang telah dilupai mereka dalam detik-detik kelam-kabut kedahsyatan perang, sedangkan para Mu'minin tidak seharusnya melupakan hakikat asasi yang mudah ini.

Seluruh manusia berakhir dengan kefanaan, tetapi 'aqidah tetap kekal. Sistem hidup Ilahi itu berasingan dari para pendokong dan penyampainya yang terdiri dari para rasul dan para penda'wahnya di sepanjang sejarah. Setiap Muslim menyintai Rasulullah s.a.w. dan para sahabat beliau menyintainya dengan kecintaan yang tidak diketahui tolak bandingnya oleh hati manusia di sepanjang sejarah. Cinta kasih mereka kepada beliau membuat mereka sanggup menebus dengan nyawa mereka dari beliau dilukai oleh sebatang duri, dan kita telah melihat bagaimana Abu Dujanah melindungi beliau dengan belakangnya, sedangkan anak-anak panah musuh menghujani belakangnya dan dia tidak bergerak, dan kita juga telah melihat bagaimana sembilan perajurit Islam mempertahankan keselamatan beliau dan gugur syahid satu demi satu. Malah di setiap zaman dan setiap tempat masih ramai para Mu'minin yang menyintai beliau dengan kecintaan yang menakjubkan itu, Iaitu mereka menyintai beliau dengan seluruh jiwa dan perasaan mereka sehingga mereka tercuit rindu dengan semata-mata disebut Rasulullah s.a.w. tetapi setiap Muslim yang menyintai Muhammad dengan kecintaan yang seperti itu adalah dituntut supaya membezakan di antara tubuh Muhammad s.a.w. dengan 'aqidah yang disampaikan oleh beliau dan ditinggalkannya kepada manusia selepasnya, iaitu 'aqidah yang dibawa oleh beliau adalah tetap berlanjutan dan bersambung terus dengan Allah yang kekal tidak mati, kerana da'wah itu lebih lama dari penda'wah:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ ۚ

"Dan Muhammad itu tidak lain melainkan hanya seorang Rasul yang telah berlalu sebelumnya Rasul-rasul (yang sama)."

Yakni sebelum Nabi Muhammad telah ada Rasul-rasul yang berlalu mendahuluinya membawa da'wah Islam yang amat tua dan bermula dengan sejarah umat manusia, iaitu da'wah yang membawa hidayat dan kesejahteraan kepada mereka dari permulaan jalan lagi.

Da'wah ini lebih tua dan lebih kekal dari penda'wah, kerana penda'wah-penda'wahnya datang dan pergi, sedangkan da'wah kekal di sepanjang generasi dan di sepanjang abad dan para pengikutnya juga kekal bersambung dengan sumbernya yang pertama, iaitu Allah S.W.T. yang telah mengirim para rasul yang bersifat Maha Kekal dan kepada-Nya bertawajjuh seluruh Mu'minin. Oleh itu tidaklah seharusnya bagi seseorang dari mereka mengubahkan haluannya dan berpaling dari hidayat Allah, sedangkan Allah tetap hidup tidak mati.

Dari sinilah datangnya kecaman, ancaman dan penjelasan berikut:

Amaran Terhadap Gerakan Mengubah Haluan Selepas Tersiar Berita Kewafatan Rasulullah

أَفَإِي۟ن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ ۚ وَمَن
يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ وَسَيَجْزِى
ٱللَّهُ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

"Oleh itu jika ia mati atau dibunuh apakah kamu wajar berpatah balik ke belakang kamu (murtad)? Dan barang siapa yang berpatah balik ke belakangnya, maka ia tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur."(144)

Ungkapan:

أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ ۚ وَمَن يَنقَلِبْ عَلَىٰ
عَقِبَيْهِ

"Oleh itu jika ia mati atau dibunuh apakah kamu wajar berpatah balik ke belakang kamu (murtad)? Dan barang siapa yang berpatah balik ke belakangnya"

memberi satu gambaran yang hidup bagi gerakan mengubahkan haluan. Inilah gerakan fizikal mengubah haluan yang menggambarkan makna berpatah balik dari 'aqidah Islam seolah-olah dapat dilihat dengan mata kepala. Yang dimaksudkan pada asalnya bukannya gerakan berpatah balik ke belakang dari segi fizikal, kerana kekalahan dalam perjuangan

tetapi gerakan berpatah balik ke belakang dari segi kejiwaan yang dialami oleh mereka ketika mendengar teriakan: Muhammad telah terbunuh! Ketika itu setengah-setengah orang Islam merasa tidak berguna lagi berjuang memerangi kaum Musyrikin kerana dengan kematian Nabi Muhammad urusan agama ini telah berakhir dan urusan jihad menentang kaum Musyrikin juga turut berakhir. Inilah harakat kejiwaan yang hendak digambarkan oleh ungkapan ini, iaitu ia menggambarkannya dengan gerakan berpatah balik ke belakang sebagaimana mereka bergerak berpatah balik ke belakang di medan pertempuran. Inilah yang diperingatkan oleh an-Nadhr ibn Anas r.a. apabila dia berkata kepada mereka - ketika dia dapati mereka berlepas tangan dan berkata kepadanya: "Muhammad telah mati" - "Apakah kamu hendak buat dengan hidup ini selepas beliau mati? Ayuh! Bangkitlah sekarang dan berjuanglah hingga mati demi mempertahankan agama yang kerananya Rasulullah s.a.w. sanggup mati".

وَمَن يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ

"Dan barang siapa yang berpatah balik ke belakangnya, maka ia tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun."

Sebenarnya dialah yang menanggung kerugian dan menyakiti dirinya sendiri kerana menyeleweng dari jalan yang benar. Tindakannya yang mengubahkan haluannya tidak akan mendatangkan apa kemudharatan kepada Allah, kerana Allah terkaya dari manusia dan dari keimanan mereka, tetapi semata-mata kerana limpah rahmat-Nya terhadap manusia, Allah mensyari'atkan agama ini untuk kebahagiaan dan kebajikan mereka. Dan sesiapa yang menyeleweng darinya, maka ia akan menemui balasannya, iaitu menderita kecelakaan dan kebingungan di dalam jiwanya sendiri dan di kalangan mereka yang berada di sekelilingnya. Peraturan, kehidupan dan akhlak mereka turut menjadi rosak dan segala urusan mereka menjadi tidak lurus dan manusia akan merasa bala dari perbuatan mereka sendiri kerana mereka menyimpang dari sistem hidup Ilahi yang tunggal yang memimpin kehidupan dan jiwa manusia berjalan di atas garisan yang lurus di bawah naungannya dan memimpin fitrah manusia supaya menemui kedamaian dengan dirinya dan dengan alam buana tempat hidupnya.

وَسَيَجْزِى ٱللَّهُ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

"Dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur." (144)

Iaitu orang-orang yang mengenal nilai ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada para hamba-hamba-Nya iaitu pengurniaan ni'mat sistem hidup Ilahi ini. Mereka mensyukuri ni'mat ini dengan mematuhi sistemnya dengan mengucapkan sanjungan dan kepujian terhadap Allah. Oleh sebab itulah mereka merasa berbahagia dengan sistem itu dan kebahagiaan ini merupakan ganjaran yang baik di atas kesyukuran mereka, kemudian mereka akan merasa bahagia dengan balasan Allah di Akhirat pula, iaitu satu balasan yang lebih besar dan lebih kekal.

Seolah-olah dengan peristiwa ini dan dengan ayat ini Allah S.W.T. hendak memisahkan kaum Muslimin dari kasih sayang mereka yang amat mendalam kepada peribadi Nabi s.a.w. yang sedang hidup di kalangan mereka dan menghubungkan mereka secara langsung dengan mata air yang belum lagi dialirkan oleh Muhammad s.a.w. kerana beliau datang hanya untuk menunjukkan kepada sumber itu dan untuk menyeru manusia kepada mata air yang kuat sebagaimana para rasul sebelum beliau telah menunjukkan kepada mata air itu dan menyeru angkatan manusia supaya meminum darinya dengan sepuas-puasnya.

Seolah-olah Allah S.W.T. menghendaki memimpin mereka dan menghubungkan mereka secara langsung dengan ikatan tali Ilahi yang kuat, iaitu tali Ilahi yang belum lagi disimpulkan oleh Muhammad s.a.w., kerana tujuan kedatangan beliau ialah untuk mengikatkan tangan manusia dengan tali itu dan meninggalkan mereka dengan keadaan itu sehingga beliau berlalu, sedangkan mereka tetap terus berpegang teguh dengan tali itu.

Seolah-olah Allah S.W.T. hendak menjadikan pertalian kaum Muslimin dengan Islam itu suatu pertalian secara langsung dan menjadikan perjanjian mereka dengan Allah suatu perjanjian secara langsung dan seterusnya menjadikan tanggungjawab mereka terhadap perjanjian itu di hadapan Allah sendiri tanpa sebarang orang tengah supaya mereka merasa tanggungjawab mereka secara langsung, iaitu tanggungjawab yang tidak terlepas dari mereka dengan kematian Rasulullah s.a.w. atau dengan terbunuhnya beliau. Mereka sebenarnya mengikat perjanjian dengan Allah dan mereka bertanggungjawab di hadapan Allah.

Seolah-olah Allah S.W.T. hendak menyediakan kelompok Muslimin untuk menerima pukulan yang amat besar ini apabila ia berlaku dan Allah memang tahu bahawa kesan kejadian ini hampir melewati paras keupayaan mereka, Allah mahu melatih mereka dengan latihan yang berat ini dan menghubungkan mereka dengan-Nya dan dengan da'wah-Nya yang kekal sebelum mereka diselubungi keadaan terpinga-pinga dan tercengang bingung.

Sebenarnya mereka telah ditimpa keadaan terpinga-pinga dan tercengang bingung apabila peristiwa kewafatan itu telah berlaku sehingga Umar r.a. berdiri menghunuskan pedangnya sambil mengancam siapa sahaja yang mengatakan: Muhammad telah mati.

Hanya Abu Bakr sahaja yang berdiri teguh dan tenang kerana hati beliau bersambung dengan hati sahabatnya Rasulullah s.a.w. dan mempunyai hubungan yang amat rapat dengan beliau secara langsung dengan taqdir dan perencanaan Allah. Dan ayat ini apabila disebut oleh Abu Bakar untuk mengingatkan para sahabat yang sedang terpinga-

pinga kebingungan itu - telah menjadi satu seruan Ilahi yang didengar oleh mereka dan menyebabkan mereka sedar dan kembali semula ke jalan yang benar.

Kemudian ayat yang berikut menyentuh punca ketakutan kepada mati yang tersembunyi di dalam hati manusia. Ia menyentuh dengan sentuhan yang menarik untuk menyingkirkan ketakutan itu dengan jalan memberi penjelasan mengenai hakikat mati dan hidup, juga hakikat di sebalik hidup dan mati, iaitu hikmat dan tadbir Allah, ujian-Nya terhadap manusia dan balasan-Nya:

Perasaan Takut Mati

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ
كِتَٰبًا مُّؤَجَّلًا ۗ وَمَن يُرِدْ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا نُؤْتِهِۦ مِنْهَا
وَمَن يُرِدْ ثَوَابَ ٱلْءَاخِرَةِ نُؤْتِهِۦ مِنْهَا ۚ وَسَنَجْزِى
ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٥﴾

"Dan setiap yang bernyawa tidak akan mati kecuali dengan izin Allah mengikut suratan ajal yang telah ditetapkan Allah. Dan sesiapa yang mahukan ganjaran dunia, kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan sesiapa yang mahukan ganjaran Akhirat, kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan Kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang bersyukur."(145)

Yakni setiap jiwa itu telah dituliskan dengan ajal yang tertentu dan ia tidak akan mati sebelum sampai ajalnya. Oleh kerana itu takut dan cemas, tamak hidup dan ponteng dari berperang tidak dapat memanjangkan ajal. Begitu juga keberanian, kegigihan dan kesetiaan tidak dapat memendekkan umur. Sikap pengecut juga tidak berguna apa-apa walaupun mata si pengecut itu tidak pernah tidur, kerana ajal yang tertulis itu tidak akan kurang dan lebih walau sehari pun.

Dengan penjelasan ini tersematlah hakikat ajal di dalam hati dan ini membuat hati tidak lagi sibuk memperhitungkan perkara mati ketika memikirkan tugas menyempurnakan tanggungjawab-tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan keimanan. Dengan penjelasan ini bebaslah hati dari belenggu kebakhilan dan ketamakan dan terlepaslah dari tekanan ketakutan dan kebimbangan dan seterusnya dapatlah hati berjalan di atas jalan yang lurus memikul segala tugas dan tanggungjawabnya dengan sabar, tenteram dan tawakkal kepada Allah yang menguasai seluruh ajal.

Setiap Insan Harus Menentukan Haluan Hidupnya

Kemudian Al-Qur'an membawa hati manusia selangkah ke belakang persoalan yang baru tadi telah diputuskan olehnya, iaitu jika umur telah ditulis dan ajal telah ditetapkan, maka hendaklah setiap orang meneliti bekalan yang telah disediakan untuk hari esok dan memikirkan apakah yang dikehendaki olehnya adakah dia mahu mengabaikan tugas-tugas keimanan dan menumpukan seluruh perhatiannya kepada urusan bumi ini sahaja? Adakah dia mahu hidup untuk dunia ini sahaja? Atau dia mahu meningkat ke tahap hidup yang lebih tinggi atau memberi perhatian kepada minat dan cita-cita yang lebih luhur dan kepada kehidupan yang lebih besar dari kehidupan dunia ini? Sedangkan kehendak ke arah itu dan ke arah ini adalah sama dari segi umur dan hidup.

وَمَن يُرِدْ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا نُؤْتِهِۦ مِنْهَا وَمَن يُرِدْ ثَوَابَ
ٱلْءَاخِرَةِ نُؤْتِهِۦ مِنْهَا ۚ

"Dan sesiapa yang mahukan ganjaran dunia, kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan sesiapa yang mahukan ganjaran Akhirat, Kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu."

Amatlah jauh perbezaan di antara hidup dunia dan hidup Akhirat dan di antara minat dan cita-cita dunia dengan minat dan cita-cita Akhirat walaupun hasilnya sama dari segi umur dan ajal. Orang yang hidup untuk di bumi ini sahaja dan mahukan ganjaran dunia ini sahaja adalah hidup laksana hidup ulat-ulat, binatang-binatang dan ternakan-ternakan kemudian dia mati mengikut ajalnya yang tertulis dan orang yang hidup berusaha untuk mencapai kemuncak alam Akhirat adalah hidup dengan kehidupan insan yang dimuliakan Allah, insan yang dilantikkan Allah sebagai Khalifah di bumi dan insan yang dikurniakan kedudukan yang unik ini, kemudian dia mati mengikut ajalnya yang tertulis juga.

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ
كِتَٰبًا مُّؤَجَّلًا ۗ

"Dan setiap yang bernyawa tidak akan mati kecuali dengan izin Allah mengikut suratan ajal yang telah ditetapkan Allah."

وَسَنَجْزِى ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٥﴾

"Dan Kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang bersyukur."

Iaitu orang-orang yang menyedari ni'mat penghormatan Ilahi kepada manusia dan terangkat tinggi dari taraf haiwan. Mereka bersyukur kepada Allah atas keni'matan ini dan kerana itu mereka memikul tanggungjawab-tanggungjawab keimanan.

Demikianlah Al-Qur'an menjelaskan hakikat mati dan hidup dan hakikat matlamat di mana berakhirnya setiap yang hidup mengikut apa yang mereka kehendaki untuk diri mereka iaitu sama ada berminat dan bercita-cita mencapai matlamat yang dekat seperti minat dan cita-cita ulat atau berminat dan bercita-cita mencapai matlamat yang jauh seperti minat dan cita-cita insan. Dengan penjelasan itu Al-Qur'an memindahkan hati seseorang dari kesibukan

merasa takut kepada mati dan takut kepada tugas-tugas - kerana ia tidak memiliki suatu apa dalam urusan mati dan hidup - kepada kesibukan melakukan perkara-perkara yang lebih berguna kepada dirinya dalam bidang yang dikuasainya dan boleh dipilih olehnya iaitu sama ada dia memilih dunia atau memilih Akhirat dan mencapai balasan Allah mengikut apa yang dipilih olehnya.

Kemudian Allah mengemukakan satu contoh perbandingan dari saudara-saudara mereka para Mu'minin sebelum mereka dari angkatan iman yang berarak di sepanjang jalan di zaman purba, iaitu dari orang-orang yang mempunyai keimanan yang tulen dan turut berperang bersama nabi-nabi mereka yang tidak gentar menghadapi ujian. Mereka menunjukkan adab sopan yang tinggi ketika menghadapi maut, iaitu menunjukkan adab sopan keimanan di maqam jihad. Mereka tidak berkata lebih dari memohon keampunan dari Allah dan membesar-besarkan kesalahan mereka dan memandangnya sebagai perbuatan yang keterlaluan dari mereka. Mereka memohon pendirian yang teguh dan kemenangan terhadap orang-orang kafir. Dengan perbuatan-perbuatan itu mereka telah mencapai ganjaran dunia dan Akhirat sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang baik di dalam adab sopan berdo'a dan sikap mereka yang baik dalam jihad. Mereka menjadi contoh teladan yang dikemukakan Allah kepada para Muslimin:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِيٍّ قَٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا۟
لِمَآ أَصَابَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا۟ وَمَا ٱسْتَكَانُوا۟ ۗ
وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾

وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا
وَإِسْرَافَنَا فِىٓ أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى
ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٤٧﴾

فَـَٔاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ ٱلْءَاخِرَةِ ۗ
وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

"Dan berapa banyak dari nabi-nabi yang telah berperang bersama-sama dengan sebilangan ramai orang-orang yang ta'at kepada Allah, tetapi mereka tidak merasa lemah semangat kerana kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka demi Sabilullah, dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula tunduk (kepada musuh) dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar (146). Tiada ucapan mereka selain dari mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mengatasi kaum yang kafir (147). Lalu Allah mengurniakan kepada mereka ganjaran dunia dan ganjaran Akhirat yang baik dan Allah kasihkan para Muhsinin."(148)

Kaum Muslimin Terpesona Dengan Kemenangan Di Badar

Kekalahan di dalam Peperangan Uhud merupakan kekalahan pertama yang memeranjatkan kaum Muslimin yang telah dikurniakan Allah kemenangan di dalam Peperangan Badar, sedangkan mereka di waktu itu lemah dan sedikit jumlahnya. Seolah-olah telah tersemat di dalam hati mereka bahawa kemenangan mereka di dalam setiap peperangan itu merupakan undang-undang alam. Oleh itu apabila mereka ditimpa kekalahan di dalam Peperangan Uhud, maka tiba-tiba mereka dihadapi dengan suatu ujian yang tidak diduga oleh mereka.

Mungkin kerana inilah dipanjangkan pembicaraan di sekitar peperangan ini di dalam Al-Qur'anul-Karim. Kadang-kadang Al-Qur'an menghibur kaum Muslimin, kadang-kadang mengecam, kadang-kadang memberi penjelasan dan kadang-kadang memberi perbandingan dan contoh teladan untuk mendidik hati mereka dan membetulkan pemikiran mereka serta membuat persediaan untuk mereka, kerana jalan perjuangan di hadapan mereka masih panjang dan ujian-ujian di hadapan amat sulit, tugas-tugas yang dipikul mereka amat berat dan urusan amanah yang diserahkan kepada mereka amat besar.

Contoh perbandingan yang dikemukakan Al-Qur'an kepada mereka di sini adalah suatu contoh perbandingan yang umum. Al-Qur'an tidak menentukan mana-mana nabi dan mana-mana kaum, malah ia menghubungkan mereka dengan angkatan iman dan mengajar mereka adab sopan orang-orang yang beriman. Al-Qur'an menggambarkan ujian kepada mereka seolah-olah ujian itu suatu perkara yang lazim dalam setiap da'wah dan dalam setiap agama dan menghubungkan mereka dengan orang-orang yang terdahulu dari mereka, iaitu pengikut-pengikut para anbia' untuk menyematkan di dalam hati mereka hubungan kerabat di antara para Mu'minin dengan para Mu'minin dan menanamkan dalam sanubari mereka bahawa seluruh agama Ilahi itu sama sahaja dan bahawa mereka adalah satu ketumbukan tentera di dalam angkatan tentera keimanan yang besar:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِيٍّ قَٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا
وَهَنُوا۟ لِمَآ أَصَابَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا۟ وَمَا
ٱسْتَكَانُوا۟ ۗ

"Dan berapa banyak dari nabi-nabi yang telah berperang bersama-sama dengan sebilangan ramai orang-orang yang ta'at kepada Allah, tetapi mereka tidak merasa lemah semangat kerana kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka demi Sabilullah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula tunduk (kepada musuh)."(146)

Yakni berapa banyak nabi yang telah berjuang bersama dengannya para pengikut yang ramai. Hati mereka tidak sekali-kali lemah apabila ditimpa kesusahan, penderitaan, kesulitan dan kecederaan dan kekuatan semangat mereka juga tidak sekali-kali patah untuk meneruskan perjuangan itu. Mereka tidak pernah menyerah kepada ketakutan dan kepada musuh-musuh. Itulah sikap para Mu'minin yang mempertahankan 'aqidah dan agama.

وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾

"Dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar."(146)

Iaitu orang-orang yang tidak lemah semangat dan kekuatan mereka, tidak goyang keazaman dan tekad mereka, tidak tunduk atau menyerah kalah. Ungkapan "Allah kasihkan orang-orang yang sabar" mempunyai kesan dan saranannya yang bermakna. Itulah kasih yang mengubati luka dan mengusap anggota-anggota yang cedera. Kasih yang memberi pampasan, mengatasi kesulitan, kecederaan dan perjuangan yang pahit.

Adab Sopan Pejuang-pejuang Islam

Sampai di sini Al-Qur'an melukiskan gambaran yang lahir para Mu'minin yang sedang menghadapi kesusahan dan ujian dan selepas itu Al-Qur'an meneruskan pandangannya untuk melukiskan gambaran jiwa dan perasaan mereka, iaitu gambaran adab sopan mereka terhadap Allah ketika mereka menghadapi keadaan yang dahsyat yang membuat manusia terpinga-pinga dan terikat dengan bahaya dan tidak terhindar darinya, tetapi keadaan yang dahsyat itu tidak dapat membuat hati para Mu'minin terpinga-pinga dari bertawajjuh kepada Allah. Mereka bertawajjuh kepada Allah pertama-tamanya bukannya untuk memohon kemenangan - seperti yang biasa terlintas di dalam hati - tetapi untuk menuntut kemaafan dan keampunan dan untuk membuat pengakuan berdosa dan bersalah sebelum memohon pendirian yang teguh dan kemenangan terhadap musuh:

وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِىٓ أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٤٧﴾

"Tiada ucapan mereka selain dari mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mengatasi kaum yang kafir."(147)

Yakni mereka tidak memohon ni'mat dan tidak pula memohon kekayaan, malah mereka tidak meminta ganjaran dan balasan. Mereka tidak menuntut pahala dunia dan tidak pula pahala Akhirat, kerana mereka amat bersopan santun terhadap Allah S.W.T. Mereka bertawajjuh kepada Allah ketika mereka sedang berperang kerana mempertahankan agamanya, tetapi mereka tidak meminta suatu dari Allah S.W.T. kecuali keampunan dari dosa dan keteguhan pendirian dan kemenangan terhadap orang-orang kafir. Hatta kemenangan pun mereka tidak memintanya untuk kepentingan diri mereka, malah mereka menuntutnya untuk menumpaskan kekafiran dan menghukumkan orang-orang kafir. Itulah adab sopan yang layak dengan para Mu'minin terhadap Allah Yang Maha Mulia.

Walaupun mereka tidak memohon sesuatu untuk diri mereka, namun Allah mengurniakan kepada mereka segala sesuatu dari sisi-Nya. Dia mengurniakan kepada mereka segala sesuatu yang diangan-angankan oleh pencinta-pencinta dunia, begitu juga Allah mengurniakan kepada mereka segala sesuatu yang dicita-citakan oleh pencinta-pencinta Akhirat:

فَـَٔاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ ٱلْـَٔاخِرَةِ

"Lalu Allah mengurniakan kepada mereka ganjaran dunia dan ganjaran Akhirat yang baik."

Allah S.W.T. mengakui perbuatan mereka yang baik. Mereka telah menunjukkan adab sopan yang sebaik-baiknya dan jihad yang sebaik-baiknya dan Allah telah mengumumkan kasih-Nya terhadap mereka. Inilah ni'mat dan ganjaran yang paling besar:

وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

"Dan Allah kasihkan para Muhsinin."(148)

Demikianlah berakhirnya penerangan dan tayangan ceraian ini. Ia mengandungi hakikat-hakikat penting dalam pandangan dan kefahaman Islam. Ia telah menyempurnakan peranan ini dalam mendidik kelompok Muslimin dan ia telah mengumpul modal ini untuk umat Muslimin dari setiap generasi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 149 - 158)

Kemudian Al-Qur'an melangkah selangkah lagi untuk menayangkan peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud dan menggunakannya sebagai paksi ulasan dan kesimpulan yang bertujuan untuk membetulkan kefahaman dan pemikiran (kaum Muslimin), untuk mendidik hati nurani mereka dan memberi amaran supaya mereka menjauhi tempat-tempat gelincir di dalam perjalanan, juga memberi peringatan kepada mereka terhadap tipu daya yang sedang mengepung kelompok Muslimin dan pakatan-pakatan jahat yang sedang dirancangkan oleh musuh-musuh mereka yang sentiasa menunggu kesempatan.

Komplot-komplot Munafiqin, Musyrikin Dan Kaum Yahudi Di Madinah Terhadap Islam Dan Kaum Muslimin

Kekalahan di Uhud menjadi ruang pakatan-pakatan jahat orang-orang kafir, kaum Munafiqin dan orang-orang Yahudi di Madinah, kerana kota Madinah di waktu itu belum lagi benar-benar bersih kepada Islam, malah orang-orang Islam di sana pada umumnya masih lagi merupakan tumbuhan atau golongan asing, yang dilingkungi oleh peristiwa Peperangan Badar dengan pagar-pagar yang menggerunkan orang kafir, kerana kaum Muslimin telah mendapat kemenangan yang cemerlang di dalam peperangan itu. Oleh itu apabila kekalahan berlaku di dalam Peperangan Uhud, maka keadaan ini telah berubah begitu besar dan peluang telah terbuka semula kepada pihak musuh untuk melahirkan hasad dengki dan dendam kesumat mereka dan meluahkan racun-racun yang bisa. Mereka memperolehi di dalam suasana-suasana kesedihan yang memasuki setiap rumah kaum Muslimin terutama rumah-rumah para Syuhada' yang gugur dalam pertempuran dan para Mujahidin yang menderita kecederaan-kecederaan yang parah, peluang-peluang yang boleh menolong mereka menyebarkan tipu daya dan fitnah untuk mengacau fikiran dan barisan kaum Muslimin.

Di dalam rangkaian ayat-ayat Al-Qur'an yang berikut yang menayangkan pemandangan-pemandangan yang pokok dari peperangan itu kita mendengar Allah S.W.T. menyeru orang-orang yang beriman untuk mengingatkan mereka supaya jangan tunduk kepada orang-orang yang kafir, juga mendengar Allah menjanjikan kemenangan kepada mereka terhadap musuh mereka dan mencampakkan perasaan gentar di dalam hati musuh mereka di samping mengingatkan mereka dengan kemenangan yang telah dikurniakan kepada mereka di permulaan perjuangan sebagaimana yang dijanjikan kepada mereka, tetapi mereka telah menghilangkan kemenangan itu dengan sebab kelemahan, pertelingkahan dan pelanggaran mereka terhadap perintah Rasulullah s.a.w. Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan peperangan itu dengan gambaran yang penuh aktif dan cergas, juga menggambarkan pemandangan selepas kekalahan dan kekejutan itu, iaitu pemandangan turunnya rasa ketenangan dan ketenteraman di dalam hati para Mu'minin dari golongan mereka, sementara perasaan resah gelisah, perasaan serba salah dan menyesal memamah hati orang-orang Munafiq yang menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah S.W.T. Al-Qur'an selanjutnya menjelaskan sebahagian dari hikmat-Nya yang halus dan tadbir-Nya yang seni di dalam perjalanan peristiwa-peristiwa itu di samping menjelaskan hakikat taqdir Allah terhadap ajal-ajal manusia, dan pada akhir ceraian ini ia mengingatkan mereka tentang pandangan-pandangan dan kefahaman-kefahaman yang sesat yang digembar-gemburkan oleh orang-orang kafir dalam persoalan mati dan mati syahid dan mengembalikan mereka kepada hakikat kebangkitan yang menjadi titik berakhirnya manusia sama ada mereka mati atau terbunuh, juga kepada hakikat bahawa seluruh mereka dalam keadaan apa pun akan kembali kepada Allah.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تُطِيعُواْ ٱلَّذِينَ
كَفَرُواْ يَرُدُّوكُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ
فَتَنقَلِبُواْ خَٰسِرِينَ ﴿١٤٩﴾
بَلِ ٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلنَّٰصِرِينَ ﴿١٥٠﴾
سَنُلْقِى فِى قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ ٱلرُّعْبَ بِمَآ
أَشْرَكُواْ بِٱللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ سُلْطَٰنًاۖ
وَمَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُۚ وَبِئْسَ مَثْوَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٥١﴾
وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥٓ إِذْ تَحُسُّونَهُم
بِإِذْنِهِۦۖ حَتَّىٰٓ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَٰزَعْتُمْ فِى
ٱلْأَمْرِ وَعَصَيْتُم مِّنۢ بَعْدِ مَآ أَرَىٰكُم مَّا
تُحِبُّونَۚ مِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلدُّنْيَا وَمِنكُم
مَّن يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَۚ ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ
لِيَبْتَلِيَكُمْۖ وَلَقَدْ عَفَا عَنكُمْۗ وَٱللَّهُ
ذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥٢﴾
إِذْ تُصْعِدُونَ وَلَا تَلْوُۥنَ عَلَىٰٓ أَحَدٍ
وَٱلرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِىٓ أُخْرَىٰكُمْ
فَأَثَٰبَكُمْ غَمًّۢا بِغَمٍّ لِّكَيْلَا تَحْزَنُواْ عَلَىٰ
مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَآ أَصَٰبَكُمْۗ وَٱللَّهُ خَبِيرٌۢ
بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٥٣﴾
ثُمَّ أَنزَلَ عَلَيْكُم مِّنۢ بَعْدِ ٱلْغَمِّ أَمَنَةً نُّعَاسًا يَغْشَىٰ
طَآئِفَةً مِّنكُمْۖ وَطَآئِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ
يَظُنُّونَ بِٱللَّهِ غَيْرَ ٱلْحَقِّ ظَنَّ ٱلْجَٰهِلِيَّةِۖ يَقُولُونَ

هَل لَّنَا مِنَ ٱلۡأَمۡرِ مِن شَيۡءٖۗ قُلۡ إِنَّ ٱلۡأَمۡرَ كُلَّهُۥ لِلَّهِۗ
يُخۡفُونَ فِيٓ أَنفُسِهِم مَّا لَا يُبۡدُونَ لَكَۖ يَقُولُونَ لَوۡ كَانَ
لَنَا مِنَ ٱلۡأَمۡرِ شَيۡءٞ مَّا قُتِلۡنَا هَٰهُنَاۗ قُل لَّوۡ كُنتُمۡ فِي
بُيُوتِكُمۡ لَبَرَزَ ٱلَّذِينَ كُتِبَ عَلَيۡهِمُ ٱلۡقَتۡلُ إِلَىٰ
مَضَاجِعِهِمۡۖ وَلِيَبۡتَلِيَ ٱللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمۡ
وَلِيُمَحِّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمۡۚ وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ بِذَاتِ
ٱلصُّدُورِ ١٥٤

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَلَّوۡاْ مِنكُمۡ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِ
إِنَّمَا ٱسۡتَزَلَّهُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ بِبَعۡضِ مَا كَسَبُواْۖ
وَلَقَدۡ عَفَا ٱللَّهُ عَنۡهُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٞ ١٥٥

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَكُونُواْ كَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَقَالُواْ
لِإِخۡوَٰنِهِمۡ إِذَا ضَرَبُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ أَوۡ كَانُواْ غُزّٗى
لَّوۡ كَانُواْ عِندَنَا مَا مَاتُواْ وَمَا قُتِلُواْ لِيَجۡعَلَ ٱللَّهُ
ذَٰلِكَ حَسۡرَةٗ فِي قُلُوبِهِمۡۗ وَٱللَّهُ يُحۡيِۦ وَيُمِيتُۗ وَٱللَّهُ
بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ١٥٦

وَلَئِن قُتِلۡتُمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ أَوۡ مُتُّمۡ لَمَغۡفِرَةٞ مِّنَ
ٱللَّهِ وَرَحۡمَةٌ خَيۡرٞ مِّمَّا يَجۡمَعُونَ ١٥٧

وَلَئِن مُّتُّمۡ أَوۡ قُتِلۡتُمۡ لَإِلَى ٱللَّهِ تُحۡشَرُونَ ١٥٨

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu ta'at kepada orang-orang yang kafir nescaya mereka akan mengembalikan kamu ke belakang (kembali murtad) lalu jadilah kamu orang-orang yang rugi (149). Malah sebenarnya Allah itulah Pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik Penolong (150). Kami akan campakkan perasaan takut di dalam hati orang-orang yang kafir dengan sebab mereka telah mempersekutukan Allah dengan sekutu-sekutu yang Dia sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman orang-orang yang zalim (151). Dan sesungguhnya Allah telah menepati janji-Nya ketika kamu (berjaya) membunuh mereka dengan keizinan-Nya sehingga apabila kamu lemah dan berbalah dalam urusan perang dan kamu melanggar perintah Rasul sesudah Allah memperlihatkan kepada kamu kemenangan yang disukai kamu. Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat, kemudian Allah memalingkan kamu dari (berjuang) menewaskan mereka untuk menguji kamu. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu dan Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak kepada para Mu'minin (152). (Kenangilah) ketika kamu mendaki bukit melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa, sedangkan Rasul menyeru kamu dalam kumpulan yang tinggal di belakang kamu, kerana itu Allah menimpakan ke atas kamu kesedihan (kerana kalah) dengan sebab kesedihan (yang di alami Rasulullah kerana kederhakaan kamu) agar kamu tidak berdukacita terhadap sesuatu yang telah terluput dari kamu dan tidak pula berdukacita terhadap segala sesuatu yang telah menimpa kamu. Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (153). Kemudian selepas kesedihan itu Allah menurunkan ke atas kamu keadaan aman, iaitu keadaan mengantuk yang menyelubungi segolongan dari kamu, sedangkan segolongan lagi mementingkan keselamatan diri mereka sahaja. Mereka menaruh sangkaan yang tidak benar terhadap Allah, iaitu sangkaan jahiliyah. Mereka berkata: Adakah kita mempunyai sesuatu apa dalam urusan ini? Katakanlah: Seluruh urusan ini di tangan Allah. Mereka menyembunyikan di dalam hati mereka apa yang tidak dizahirkan kepadamu. Mereka berkata: Andainya kita mempunyai sesuatu hak dalam urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini. Katakanlah: Jika kamu berada di rumah kamu sekalipun, nescaya orang-orang yang telah disurati taqdir mati terbunuh akan keluar juga ke tempat-tempat pembaringan mereka. Dan Allah (berbuat demikian) untuk menguji apa yang tersemat di dalam dada kamu dan untuk memeriksa apa yang terselit di dalam hati kamu. Dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada (154). "Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyabar (155). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang kafir yang berkata kepada saudara-saudara mereka apabila mereka merantau di bumi atau menjadi pejuang yang berperang: Andainya mereka berada di sini bersama kami tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh, akibat perkataan demikian Allah jadikan suatu penyesalan di dalam hati mereka. Dan sebenarnya Allahlah yang menghidup dan yang mematikan dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu (156). Dan jika kamu dibunuh kerana jalan Allah atau mati, maka keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik dari segala ni'mat hidup yang dikumpul oleh mereka (157). Dan Jika kamu mati atau dibunuh, maka kepada Allah kamu sekalian akan dikumpulkan."(158)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Apabila kita memperhatikan kumpulan ayat-ayat ini dengan pandangan yang teliti, kita dapatinya mengandungi berbagai-bagai pemandangan yang aktif di samping mengandungi hakikat-hakikat yang penting dan tulen mengenai pandangan dan kefahaman Islam, mengenai kehidupan insaniyah dan undang-undang alam buana, kita dapati ia menggambarkan seluruh perjuangan Uhud itu dengan keterangan-keterangan sekilas, hidup, aktif

dan mendalam. Tiada suatu sudut perjuangan melainkan semuanya dirakamkan dengan rakaman yang mengharukan perasaan dan fikiran. Gambaran itu tidak syak lagi merupakan gambaran yang lebih hidup dan lebih tepat merangkumi suasana-suasana dan peristiwa-peristiwa perjuangan itu dan merangkumi segala getaran jiwa dan harakat perasaan yang menemaninya dari segala gambaran yang lain yang diceritakan di dalam riwayat-riwayat sejarah yang panjang lebar itu. Kemudian kita dapati ayat-ayat ini juga merangkul berbagai-bagai hakikat dalam bentuknya yang hidup dan mempengaruhi jiwa dan membina kefahaman yang betul.

Tidak syak lagi bahawa pengumpulan seluruh pemandangan dan hakikat ini dalam ungkapan kata-kata yang sedikit, tetapi hidup, aktif dan memberi saranan yang sekuat ini merupakan suatu perkara yang luar biasa dalam pengungkapan manusia. Hal ini dapat difaham oleh orang-orang yang arif tentang uslub-uslub pengungkapan dan daya-daya penyampaian terutama mereka yang bekerja menyusun pengungkapan-pengungkapan dan mengalami rahsia-rahsia penyampaian.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تُطِيعُواْ ٱلَّذِينَ
كَفَرُواْ يَرُدُّوكُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ
فَتَنقَلِبُواْ خَٰسِرِينَ ﴿١٤٩﴾
بَلِ ٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلنَّٰصِرِينَ ﴿١٥٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman jika kamu ta'at kepada orang-orang yang kafir nescaya mereka mengembalikan kamu ke belakang (kembali murtad) lalu jadilah kamu orang-orang yang rugi.(149) Malah sebenarnya Allah itulah pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik penolong."(150)

Orang-orang kafir, kaum Munafiqin dan kaum Yahudi yang berada di Madinah telah mengambil peluang dari kekalahan, kematian dan kecederaan yang telah menimpa tentera Islam untuk melemah dan mematahkan tekad mereka. Mereka menakut-nakutkan orang-orang Islam dari akibat mengikut Muhammad dan menggambarkan kepada mereka peperangan-peperangan yang ngeri dan akibat-akibat pertempuran dengan kaum Musyrikin Arab dan sekutu-sekutu mereka dan kebetulan suasana kekalahan itu merupakan sebaik-baik suasana untuk mengacau hati dan barisan kaum Muslimin dan untuk menaburkan perasaan tidak percaya kepada kepimpinan dan menimbulkan keraguan tentang faedah berdegil berperang dengan puak yang kuat dan menggalakkan mereka supaya mengundurkan diri dari perjuangan dan berdamai dengan pihak yang menang di samping menimbulkan kesedihan-kesedihan dan penderitaan-penderitaan peribadi dan mengubahkan semuanya untuk meruntuhkan kewujudan kelompok Muslimin kemudian meruntuh 'aqidah dan akhirnya menyerah diri kepada pihak musuh yang kuat yang mendapat kemenangan.

Oleh sebab itulah Allah memberi amaran kepada orang-orang yang beriman supaya jangan tunduk kepada orang-orang yang kafir, kerana perbuatan tunduk kepada mereka mengakibatkan kerugian yang pasti. Ia tidak memberi apa-apa keuntungan dan apa-apa faedah. Ia membawa seorang mengubah haluan kepada kekafiran. Pilihan seorang Mu'min ialah sama ada ia terus berjuang menentang kekafiran dan orang-orang kafir dan melawan kebatilan dan pejuang-pejuang kebatilan atau ia kembali balik menjadi kafir - semoga dilindungi Allah - dan adalah mustahil baginya berdiri dengan sikap yang fasiq di antara kekafiran dan keimanan untuk menjaga pendiriannya dan memelihara agamanya. Mungkin terlintas di dalam daya khayalnya selepas menerima kekalahan dan dalam sa'at-sa'at ditekan oleh kesakitan luka-luka dan cedera bahawa dia boleh mengundurkan dirinya dari pertempuran dengan musuh-musuh yang kuat yang telah mendapat kemenangan dan berdamai dengan mereka serta tunduk kepada mereka dan walaupun begitu dia masih dapat memelihara agama dan 'aqidahnya, keimanan dan keperibadiannya. Ini adalah satu anggapan yang salah besar, kerana orang yang tidak berani tampil ke hadapan di bidang ini pastilah mengundurkan dirinya ke belakang dan orang yang tidak menentang kekafiran, kejahatan, kesesatan, kebatilan dan kezaliman pastilah mengundurkan diri ke belakang dan kembali semula kepada kekafiran, kejahatan, kesesatan, kebatilan dan kezaliman. Seseorang yang tidak dapat dipelihara oleh 'aqidah dan keimanannya dari tunduk kepada orang-orang kafir, dari mendengar dan percaya kepada mereka sebenarnya telah meninggalkan 'aqidah dan keimanannya sejak detik masa yang pertama lagi. Itulah kekalahan jiwa, di mana pendokong 'aqidah tunduk kepada musuh-musuh 'aqidahnya, mendengar bisikan mereka dan mematuhi arahan-arahan mereka. Itulah kekalahan dari awal mula lagi, oleh sebab itulah tiada siapa yang dapat melindunginya dari kekalahan pada akhir perjuangannya dan dari kembali balik kepada kekafiran walaupun ia tidak merasa dalam langkah-langkahnya yang pertama bahawa dia sedang dalam perjalanan menuju ke arah kesudahan yang malang itu. Seorang Mu'min sejati mendapat keperluannya yang cukup dalam 'aqidahnya dan dalam kepimpinannya dan kerana itu ia tidak memerlukan lagi kepada bermesyuarat dengan musuh-musuh agamanya dan musuh-musuh kepimpinannya. Dan andainya ia mendengar sekali kepada nasihat mereka bererti ia telah berjalan menuju ke jalan kembali semula kepada kekafiran. Inilah hakikat semula jadi dan hakikat yang sebenar berlaku yang diperingati Allah kepada kaum Muslimin. Allah memberi amaran kepada mereka dengan menyeru mereka dengan nama orang yang beriman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تُطِيعُواْ ٱلَّذِينَ

كَفَرُوا۟ يَرُدُّوكُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ فَتَنقَلِبُوا۟ خَٰسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu ta'at kepada orang-orang yang kafir nescaya mereka mengembalikan kamu ke belakang (kembali murtad) lalu jadilah kamu orang-orang yang rugi."(149)

Tidak ada kerugian yang lebih besar dari kerugian berbalik semula dari keimanan kepada kekafiran, dan tidak ada apa-apa keuntungan lagi jika telah mengalami kerugian iman.

Sumber Pertolongan Yang Sebenar

Jika yang membangkitkan keinginan tunduk kepada orang-orang kafir itu ialah harapan untuk mendapat perlindungan dan pertolongan, maka itu adalah satu anggapan yang salah dan ditolak oleh ayat yang berikut yang mengingatkan mereka terhadap hakikat punca pertolongan dan perlindungan:

بَلِ ٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلنَّٰصِرِينَ ﴿١٥٠﴾

"Malah sebenarnya Allah itulah Pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik Penolong."(150)

Inilah punca yang sebenar tempat para Mu'minin memohon perlindungan dan pertolongan. Sesiapa yang menjadikan Allah sebagai Pelindungnya, maka apakah lagi perlindungan yang diperlukannya dari mana-mana makhluk-Nya? Dan sesiapa yang menjadikan Allah sebagai Penolongnya, maka apakah lagi pertolongan yang diperlukannya dari mana-mana hamba-Nya?

Kemudian ayat yang berikut meneguhkan hati kaum Muslimin dan menyampaikan berita gembira kepada mereka bahawa Allah akan mencampakkan perasaan takut dan gentar di dalam hati musuh-musuh mereka dengan sebab mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak diturunkan dari-Nya dan tidak diberikan sebarang keterangan kekuatan dan qudrat kepadanya dan selain dari itu mereka akan menerima 'azab Akhirat yang disediakan kepada orang-orang yang zalim:

سَنُلْقِى فِى قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلرُّعْبَ بِمَآ أَشْرَكُوا۟ بِٱللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ سُلْطَٰنًا ۖ وَمَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ ۚ وَبِئْسَ مَثْوَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٥١﴾

"Kami akan campakkan perasaan takut di dalam hati orang-orang yang kafir dengan sebab mereka telah mempersekutukan Allah dengan sekutu-sekutu yang Dia sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman orang-orang yang zalim."(151)

Janji Kemenangan Dari Allah

Perjanjian dari Allah Yang Maha Mulia dan Maha Kuasa untuk mencampakkan perasaan takut dan gentar di dalam hati orang-orang itu adalah cukup untuk menamatkan peperangan dan menjamin kekalahan musuh-musuhnya dan kemenangan para kekasih-Nya.

Itu adalah satu perjanjian yang tetap kekal dalam setiap perjuangan apabila berlakunya pertembungan di antara kekafiran dan keimanan. Orang-orang kafir akan merasa gentar sebaik sahaja mereka bertembung dengan pejuang yang beriman. Perasaan takut yang dicampakkan Allah itu akan berkecamuk di dalam hati mereka. Tetapi yang penting di sini ialah wujudnya hakikat keimanan yang sebenar di dalam hati para Mu'minin, iaitu hakikat kesedaran terhadap perlindungan Allah Yang Maha Esa dan kepercayaan yang mutlak terhadap perlindungan itu dan kebersihan dari segala keraguan bahawa tentera Allah tetap akan mendapat kemenangan dan Allah tetap menguasai urusan-Nya dan orang-orang kafir tidak akan dapat melemahkan Allah dan mendahului Allah di bumi ini. Demikianlah cara berpegang dengan perjanjian Allah walaupun keadaan-keadaan yang zahir bertentangan dengannya, kerana perjanjian Allah itu lebih benar dari apa yang dilihat oleh mata dan dinilaikan oleh akal.

Mereka merasa takut dan gentar kerana hati mereka kosong dari sandaran yang betul dan kerana mereka tidak bersandar kepada satu kekuatan atau kepada sesuatu yang mempunyai kekuatan. Mereka telah mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang tidak punya kuasa kerana Allah tidak memberi sebarang kuasa kepadanya.

Ungkapan " مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ سُلْطَٰنًا "

"Dia sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya."

adalah suatu ungkapan yang mempunyai makna yang amat mendalam. Ungkapan ini seringkali menemui kita di dalam Al-Qur'an. Kadang-kadang ia digunakan untuk menyifatkan tuhan-tuhan palsu dan kadang-kadang digunakan untuk menyifatkan kepercayaan-kepercayaan yang karut. Ungkapan ini menunjukkan kepada satu hakikat asasi yang amat mendalam.

Ciri-ciri Kepercayaan Syirik

Mana-mana gagasan atau 'aqidah atau tokoh atau pertubuhan adalah hidup, berfungsi dan memberi kesan mengikut kadar kekuatannya yang tersembunyi dan mengikut kuasa yang kuat yang dibawa olehnya. Dan kekuatan ini pula bergantung kepada kadar kebenaran yang didokong olehnya yakni mengikut kadar persesuaiannya dengan asas yang menjadi tapak tegak alam buana yang didirikan Allah di atasnya, juga persesuaiannya dengan undang-undang Allah yang bertindak di alam buana ini. Di waktu inilah sahaja baru Allah mengurniakan kepadanya

kekuatan dan kuasa yang haqiqi, positif dan berkesan di alam al-wujud ini. Jika tidak, maka ia akan menjadi satu kuasa palsu yang batil dan lemah walaupun pada lahirnya kelihatan kuat, berseri dan kembang.

Kaum Musyrikin mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain di dalam berbagai-bagai bentuk rupa. Perbuatan syirik itu mula-mula dilakukan dengan memberikan kepada yang lain dari Allah ciri-ciri Uluhiyah dan sifat-sifatnya yang zahir. Di antara ciri-ciri utama dari sifat-sifat ini ialah hak mengaturkan undang-undang dan peraturan kepada manusia dalam seluruh urusan hidup mereka dan hak meletakkan nilai-nilai untuk dirujukkan oleh manusia di dalam perilaku dan masyarakat-masyarakat mereka, dan seterusnya hak memerintah manusia dan mewajibkan mereka ta'at kepada undang-undang dan peraturan itu dan memandang hormat kepada nilai-nilai itu. Kemudian datang pula masalah upacara-upacara ibadat dalam perbuatan memberi ciri-ciri ini kepada yang lain dari Allah S.W.T. atau salah satu darinya.

Apakah kebenaran yang dibawa oleh tuhan-tuhan palsu itu, iaitu kebenaran yang menjadi tapak asas alam buana yang ditegakkan Allah di atasnya? Allah Yang Maha Esa telah menciptakan alam buana ini supaya ia menghubungkan dirinya kepada Allah Pencipta Yang Maha Esa dan Allah telah menjadikan sekalian manusia supaya mereka mengakui 'Ubudiyah mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu dan supaya mereka menerima syari'at dan nilai-nilai dari-Nya tanpa sebarang tandingan dan supaya mereka beribadat kepada Allah Yang Maha Esa dengan ibadat yang sebenar tanpa berbilang tuhan. Oleh sebab itu segala sesuatu yang keluar dari asas tauhid dalam ertinya yang sempurna itu adalah palsu belaka dan bertentangan dengan kebenaran yang tersembunyi di dalam binaan alam buana. Kerana itulah sesuatu yang keluar dari asas tauhid itu lemah dan kerdil tidak mempunyai kekuatan dan kuasa dan tidak mempunyai daya untuk mempengaruhi aliran kehidupan, malah ia tidak mempunyai unsur-unsur hayat dan tidak pula mempunyai hak untuk hidup!

Selama kaum Musyrikin itu mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak diberikan kuasa, iaitu dalam bentuk tuhan-tuhan palsu, 'aqidah-'aqidah dan kepercayaan-kepercayaan yang karut, maka selama itulah mereka bergantung kepada sesuatu yang lemah dan kosong dan mereka selamanya lemah dan selama-lamanya berada dalam ketakutan apabila mereka bertembung dengan tentera-tentera Mu'minin yang berpegang kepada Allah yang benar dan berkuasa penuh.

Kita tetap melihat kebenaran janji Ilahi ini setiap kali kebenaran bertempur menentang kebatilan. Seringkali kebatilan berdiri dengan senjata yang terhunus di hadapan kebenaran yang tidak bersenjata, namun demikian kebatilan berkumpul dengan penuh ketakutan. Mereka menggigil setiap kali melihat harakat atau mendengar bunyi (tentera kebenaran) walaupun mereka dari perkumpulan yang lengkap bersenjata. Dan apabila kebenaran mara ke depan dan menyerang, maka berlakulah ketakutan kecemasan dan keadaan gelabah dan kelam-kabut di dalam barisan kebatilan walaupun bilangan pejuangnya ramai dan bilangan pembela kebenaran sedikit sahaja. Itulah kebenaran janji Allah yang tepat:

سَنُلْقِي فِي قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ ٱلرُّعْبَ بِمَآ
أَشْرَكُواْ بِٱللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ سُلْطَٰنًاۖ

"Kami akan campakkan perasaan takut di dalam hati orang-orang yang kafir dengan sebab mereka telah mempersekutukan Allah dengan sekutu-sekutu yang Dia sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya."

Ini ialah balasan di dunia, sedangkan balasan di Akhirat sana pula ialah nasib kesudahan yang amat menyedihkan dan amat malang yang sesuai dengan orang-orang yang zalim:

وَمَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُۚ وَبِئْسَ مَثْوَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٥١﴾

"Dan tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat orang-orang yang zalim."(151)

Di sini Al-Qur'an membawa mereka kembali kepada kebenaran janji Allah ini di hari Peperangan Uhud itu sendiri. Mereka telah berjaya mendapat kemenangan yang menghancurkan musuh pada permulaan pertempuran. Tentera Musyrikin telah terbunuh begitu ramai sehingga mereka terpaksa melarikan diri meninggalkan harta-harta rampasan di belakang mereka. Panji-panji perjuangan mereka telah jatuh dan tiada seorang pun yang datang mengangkatkannya hingga ia diangkatkan oleh seorang perempuan. Kemenangan tidak berubah menjadi kekalahan kepada kaum Muslimin melainkan setelah hati pasukan tentera pemanah mereka tunduk dan lemah di hadapan godaan harta rampasan perang sehingga mereka berselisih sesama mereka dan sanggup melanggar perintah Rasulullah s.a.w. yang menjadi nabi mereka dan pemimpin mereka. Di sini ayat-ayat yang berikut membawa mereka kembali kepada medan pertempuran Uhud, pemandangan-pemandangannya, kedudukan-kedudukannya, peristiwa-peristiwanya dan suasana-suasananya dalam satu gambaran yang hidup dan menarik:

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥٓ إِذْ تَحُسُّونَهُم
بِإِذْنِهِۦۖ حَتَّىٰٓ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَٰزَعْتُمْ فِي
ٱلْأَمْرِ وَعَصَيْتُم مِّنۢ بَعْدِ مَآ أَرَىٰكُم مَّا
تُحِبُّونَۚ مِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلدُّنْيَا وَمِنكُم
مَّن يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَۚ ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ

لِيَبْتَلِيَكُمْ ۖ وَلَقَدْ عَفَا عَنكُمْ ۗ وَاللَّهُ
ذُو فَضْلٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥٢﴾
إِذْ تُصْعِدُونَ وَلَا تَلْوُونَ عَلَىٰ أَحَدٍ
وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِي أُخْرَاكُمْ
فَأَثَابَكُمْ غَمًّا بِغَمٍّ لِّكَيْلَا تَحْزَنُوا عَلَىٰ
مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصَابَكُمْ ۗ وَاللَّهُ خَبِيرٌ
بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٥٣﴾
ثُمَّ أَنزَلَ عَلَيْكُم مِّن بَعْدِ الْغَمِّ أَمَنَةً نُّعَاسًا يَغْشَىٰ
طَائِفَةً مِّنكُمْ ۖ وَطَائِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ
يَظُنُّونَ بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ ۖ يَقُولُونَ
هَل لَّنَا مِنَ الْأَمْرِ مِن شَيْءٍ ۗ قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ ۗ
يُخْفُونَ فِي أَنفُسِهِم مَّا لَا يُبْدُونَ لَكَ ۖ يَقُولُونَ لَوْ كَانَ
لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَّا قُتِلْنَا هَاهُنَا ۗ قُل لَّوْ كُنتُمْ فِي
بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ إِلَىٰ
مَضَاجِعِهِمْ ۖ وَلِيَبْتَلِيَ اللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمْ
وَلِيُمَحِّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ
الصُّدُورِ ﴿١٥٤﴾
إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ
إِنَّمَا اسْتَزَلَّهُمُ الشَّيْطَانُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا ۖ
وَلَقَدْ عَفَا اللَّهُ عَنْهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٥٥﴾

"Dan sesungguhnya Allah telah menepati janji-Nya ketika kamu (berjaya) membunuh mereka dengan keizinan-Nya sehingga apabila kamu lemah dan berbalah dalam urusan perang dan kamu melanggar perintah Rasul sesudah Allah memperlihatkan kepada kamu kemenangan yang disukai kamu. Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat kemudian Allah memalingkan kamu dari (berjuang) menewaskan mereka untuk menguji kamu. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu dan Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak kepada para Mu'minin (152). (Kenangilah) ketika kamu mendaki bukit melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa, sedangkan Rasul menyeru kamu dalam kumpulan yang tinggal di belakang kamu, kerana itu Allah menimpakan ke atas kamu kesedihan (kerana kalah) dengan sebab kesedihan (yang dialami Rasulullah kerana kederhakaan kamu) agar kamu tidak berdukacita terhadap sesuatu yang telah terluput dari kamu dan tidak pula berdukacita terhadap segala sesuatu yang telah menimpa kamu. Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (153). Kemudian selepas kesedihan itu Allah menurunkan ke atas kamu keadaan aman, iaitu keadaan mengantuk yang menyelubungi segolongan dari kamu, sedangkan segolongan lagi mementingkan keselamatan diri mereka sahaja. Mereka menaruh sangkaan yang tidak benar terhadap Allah, iaitu sangkaan jahiliyah. Mereka berkata: Adakah kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini? Katakanlah: Seluruh urusan ini di tangan Allah. Mereka menyembunyikan di dalam hati mereka apa yang tidak dizahirkan kepadamu. Mereka berkata: Andainya kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini. Katakanlah: Jika kamu berada di rumah kamu sekalipun, nescaya orang-orang yang telah disurati taqdir mati terbunuh akan keluar juga ke tempat-tempat pembaringan mereka. Dan Allah (berbuat demikian) untuk menguji apa yang tersemat di dalam dada kamu dan untuk memeriksa apa yang terselit di dalam hati kamu. Dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada (154). Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyabar."(155)

Gambaran Pertempuran Peperangan Uhud Yang Menarik

Pengungkapan Al-Qur'an di sini melukiskan satu pemandangan yang lengkap menggambarkan medan pertempuran Uhud dan pertukaran kemenangan dan kekalahan yang berlaku dalam pertempuran itu, satu pemandangan yang merakamkan segala-galanya tanpa meninggalkan satu harakat pun yang bergerak di medan, atau satu fikiran pun yang terlintas dalam jiwa, atau air muka yang terbayang di wajah atau satu perasaan yang berkecamuk di lubuk hati. Seolah-olah susunan-susunan kata-katanya merupakan sebuah filem yang ditayang di hadapan mata. Setiap putarannya membawa gambaran-gambaran baru yang hidup terutama ketika ia menggambarkan gerakan mendaki bukit dan lari dengan penuh ketakutan dan kecemasan dan bagaimana Rasulullah s.a.w. menyeru mereka yang lari dari perjuangan dan mereka yang mendaki bukit kerana melepaskan diri itu. Dan semuanya itu disertai pula dengan harakat hati mereka yang sedang berkecamuk dengan berbagai-bagai fikiran, perasaan, emosi dan keinginan-keinginan. Dan di samping berbagai-bagai gambaran yang hidup ini terdapat pula bimbingan-bimbingan dan penjelasan-penjelasan yang menjadi

ciri-ciri istimewa uslub Al-Qur'an dan kaedah tarbiyah Al-Qur'an yang menarik:

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥٓ إِذْ تَحُسُّونَهُم بِإِذْنِهِۦ

"Dan sesungguhnya Allah telah menepati janji-Nya ketika kamu (berjaya) membunuh mereka dengan keizinan-Nya."

Ini adalah berlaku di permulaan peperangan apabila tentera Muslimin mulai berjaya membunuh tentera-tentera Musyrikin sebelum mereka digoda oleh perasaan tamak kepada harta rampasan perang. Rasulullah s.a.w. telahpun bersabda kepada mereka: "Kamu tetap mendapat kemenangan selama kamu sabar" lalu Allah menepati janji-Nya yang dibuat di atas lidah nabi-Nya itu.

حَتَّىٰٓ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَٰزَعْتُمْ فِى ٱلْأَمْرِ وَعَصَيْتُم مِّنۢ بَعْدِ مَآ أَرَىٰكُم مَّا تُحِبُّونَ ۚ مِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلدُّنْيَا وَمِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَ ۚ

"Sehingga apabila kamu lemah dan berbalah di dalam urusan perang dan kamu melanggar perintah Rasul sesudah Allah memperlihatkan kepada kamu kemenangan yang disukai kamu. Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat."

Inilah penjelasan tentang sikap pasukan tentera pemanah. Segolongan dari mereka telah lemah di hadapan godaan harta rampasan perang dan perbalahan telah tercetus di antara mereka dengan golongan yang melihat kepastian menjunjung keta'atan yang mutlak terhadap perintah Rasulullah s.a.w. Dan perbalahan itu berakhir dengan pelanggaran terhadap perintah Rasul setelah mereka melihat dengan mata kepala mereka permulaan-permulaan kemenangan yang dicita-cita oleh mereka. Mereka berpecah kepada dua golongan: Satu golongan mahukan harta kekayaan dunia dan satu golongan lagi mahukan pahala Akhirat. Hati mereka telah berbelah bagi dan tidak lagi berpadu dalam satu barisan dan tidak lagi mempunyai matlamat yang satu. Perasaan tamak haloba telah mencemari kebersihan keikhlasan dan dedikasi yang perlu di dalam perjuangan 'aqidah, kerana perjuangan 'aqidah bukan seperti perjuangan-perjuangan yang lain. Ia adalah perjuangan di medan pertempuran dan perjuangan di medan hati. Dan kemenangan tidak dapat dicapai di medan pertempuran sebelum ia dicapai di dalam perjuangan di medan hati. Ia adalah perjuangan kerana Allah dan Allah tidak memberi pertolongan di dalam perjuangan itu melainkan kepada pejuang-pejuang yang benar-benar ikhlas kepada-Nya. Selama mereka mengangkat panji-panji Allah dan menghubungkan diri mereka kepada-Nya, maka Allah tidak memberi kemenangan kepada mereka melainkan setelah Dia menguji mereka dan menguji keikhlasan mereka kepada panji-panji yang dikibarkan mereka supaya di sana tidak ada sesuatu kepalsuan dan penipuan dengan panji-panji itu. Kadang-kadang pejuang kebatilan yang terang-terang mengibarkan panji-panji kebatilan dalam setengah-setengah perjuangan telah mendapat kemenangan kerana sesuatu hikmat yang diketahui Allah, tetapi pejuang-pejuang yang mengangkat panji-panji 'aqidah berjuang tanpa ikhlas kepada-Nya tidak akan dikurniakan Allah pertolongan kemenangan buat selama-lamanya sehingga mereka diuji dan lulus dalam ujian itu. Inilah maksud yang mahu dijelaskan oleh Al-Qur'an kepada kaum Muslimin melalui ayat yang menyebut keadaan mereka dalam Peperangan Uhud itu. Inilah pengajaran yang mahu diajarkan oleh Allah kepada kaum Muslimin ketika mereka menerima kekalahan yang pahit dan kecederaan yang pedih sebagai akibat dari pendirian mereka yang terumbang-ambing itu!

مِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلدُّنْيَا وَمِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَ ۚ

"Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat."

Al-Qur'an menyorotkan lampu-lampu ke atas rahsia-rahsia hati yang tersembunyi, iaitu rahsia-rahsia yang tidak diketahui oleh orang-orang Islam sendiri bahawa ianya wujud di dalam hati mereka. Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. katanya: Dahulu aku tidak pernah fikir adanya seorang dari para sahabat Rasulullah s.a.w. yang berkehendakkan dunia sehingga turun kepada kami pada hari Peperangan Uhud ayat "Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat."[5] Dengan penjelasan ini Al-Qur'an meletakkan hati mereka yang terdedah segala isi kandungannya di hadapan mereka dan menerangkan kepada mereka dari mana punca kekalahan mereka supaya dapat dihindari oleh mereka.

Dalam waktu yang sama Al-Qur'an menerangkan kepada mereka sebahagian dari hikmat dan ta'bir Allah, di sebalik kepedihan-kepedihan yang dialami mereka dan di sebalik peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dengan sebab-sebabnya yang zahir itu:

ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ لِيَبْتَلِيَكُمْ ۖ

"Kemudian Allah memalingkan kamu dari (berjuang) menewaskan mereka untuk menguji kamu."

Di sana wujudnya taqdir-taqdir dan perencanaan-perencanaan Allah di sebalik tindakan-tindakan

---

[5] *Diriwayatkan oleh Ibn Kathir dalam tafsirnya dan berkata: Ia diriwayatkan bukan dari satu saluran sahaja dari Ibn Mas'ud dan Ibn Mardawayah turut meriwayatkannya dalam tafsirnya.*

manusia. Oleh itu apabila mereka lemah dan berbalah dan melanggar perintah Rasulullah s.a.w., maka Allah memalingkan kekuatan dan perhatian mereka dari kaum Musyrikin dan memalingkan pasukan tentera pemanah dari mengawal jalan bukit dan seterusnya memalingkan pejuang-pejuang dari medan pertempuran lalu mereka lari mengundurkan diri. Semuanya berlaku mengikut hasil perbuatan yang terbit dari mereka tetapi ia dita'birkan oleh Allah untuk menguji mereka dengan kesusahan, ketakutan, kekalahan, kematian di medan perang dan kecederaan. Dan segala hasil yang terbit darinya adalah hasil dari pendedahan isi kandungan hati dan hasil dari ujian jiwa dan pengenalan pasti barisan mereka sebagaimana akan diterangkan nanti.

Demikianlah peristiwa-peristiwa itu berlaku mengikut sebab-sebabnya dan dalam waktu yang sama dita'birkan oleh hikmat Allah dan di antara keduanya tidak ada pertentangan, kerana tiap-tiap kejadian itu ada sebabnya dan di sebalik tiap-tiap sebab itu ada ta'bir dari Allah Yang Maha Halus dan Maha Mengetahui.

وَلَقَدْ عَفَا عَنكُمْ

"Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu."

Sebab-sebab Mereka Diberi Kemaafan

Yakni Allah telah memaafkan kelemahan, perselisihan dan pelanggaran perintah yang berlaku dari kamu, juga memaafkan perbuatan kamu melari dan mengundurkan diri dari medan pertempuran. Kemaafan ini diberikan kepada kamu sebagai limpah kurnia darinya dan sebagai keampunan terhadap kelemahan kamu sebagai manusia kerana ia tidak disertai dengan niat yang jahat dan dengan azam untuk terus melakukan kesalahan. Allah memaafkan kamu kerana kamu melakukan kesilapan dan dilanda kelemahan dalam lingkungan keimanan dan penyerahan diri kepada Allah, juga dalam lingkungan penyerahan kepimpinan kamu kepada kehendak masyi'ah-Nya:

وَٱللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥٢﴾

"Dan Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak kepada para Mu'minin."(152)

Dan di antara limpah kurnia Allah kepada mereka ialah dia memberi kemaafan kepada mereka selama mereka mengikut agamanya dan mengakui 'Ubudiyah mereka kepada-Nya dan mereka tidak mendakwa mempunyai sesuatu dari sifat-sifat Uluhiyah yang khusus bagi Allah dan tidak menerima undang-undang, peruturan-peraturan, nilai-nilai dan ukuran-ukuran melainkan dari Allah. Dan apabila berlaku sesuatu kesilapan dari mereka, maka ia berlaku kerana kelemahan dan dorongan nafsu yang terburu-buru. Oleh itu mereka akan menerima keampunan dari Allah selepas mereka menjalani ujian dan berjaya dalam ujian itu.

Ayat yang berikut membawa gambaran kekalahan itu dalam bentuk yang sungguh hidup:

إِذْ تُصْعِدُونَ وَلَا تَلْوُۥنَ عَلَىٰٓ أَحَدٍ وَٱلرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِىٓ أُخْرَىٰكُمْ

"(Kenangilah) ketika kamu mendaki bukit melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa, sedangkan Rasul menyeru kamu dalam kumpulan yang tinggal di belakang kamu."

Untuk memperdalamkan kesan pemandangan itu di dalam hati mereka dan menimbulkan perasaan malu terhadap kekalahan itu juga terhadap kelemahan, perbalahan dan pelanggaran perintah yang menjadi muqaddimah-muqaddimahnya, susunan kata-kata ayat ini melukiskan gambaran harakat fizikal dan harakat kejiwaan mereka dalam kata-kata yang pendek sahaja, iaitu mereka lari memanjat bukit dengan perasaan gelabah, takut, cemas dan terpinga-pinga. Tiada seorang pun yang menoleh kepada seorang yang lain dan tiada siapa pun yang menyahut seruan seorang yang lain, sedangkan Rasulullah s.a.w. menyeru mereka untuk menenangkan hati mereka bahawa beliau masih hidup setelah adanya orang yang berpekik: Muhammad sudah mati! Dan seruan ini benar-benar telah menggoncangkan hati dan tapak kaki mereka. Itulah satu pemandangan yang lengkap dalam kata-kata yang sedikit.

Akhirnya Allah membalas mereka kerana perbuatan mereka yang telah meninggalkan perasaan dukacita di dalam hati Rasulullah s.a.w., iaitu akibat tindakan mereka melarikan diri dari medan pertempuran itu. Allah membalas mereka dengan kedukacitaan yang memenuhi hati mereka kerana perbuatan mereka melarikan diri dan kerana tindakan mereka membiarkan Rasul mereka yang dikasihi mendapat luka-luka dalam perjuangan itu, sedangkan beliau tetap berjuang dengan gagah berani walaupun mereka melarikan diri. Tujuan balasan itu supaya mereka jangan menghiraukan sesuatu yang telah terlepas dari mereka dan sesuatu kesusahan yang telah menimpa mereka. Kerana ujian yang telah dialami mereka dan kecederaan yang telah menimpa nabi mereka inilah perkara yang dirasa mereka lebih berat dari penderitaan yang ditimpa ke atas mereka dan rasa kesal yang berkecamuk di dalam hati mereka dan perasaan dukacita yang menyelubungi mereka. Semuanya akan memperkecilkan dalam hati mereka segala keni'matan dunia yang terluput dari mereka dan segala kesusahan yang menimpa mereka:

فَأَثَٰبَكُمْ غَمًّۢا بِغَمٍّ لِّكَيْلَا تَحْزَنُوا۟ عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَآ أَصَٰبَكُمْ

"Kerana itu Allah menimpakan ke atas kamu kesedihan (kerana kalah) dengan sebab kesedihan (yang dialami Rasulullah kerana kederhakaan kamu) agar kamu tidak berdukacita terhadap sesuatu yang telah terluput dari kamu

tidak pula berdukacita terhadap segala sesuatu yang telah menimpa kamu."

Allah yang mengetahui segala rahsia yang tersembunyi itu mengetahui hakikat segala perbuatan kamu dan segala motif pergerakan kamu:

وَٱللَّهُ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعۡمَلُونَ ١٥٣

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu." (153)

Kedahsyatan kekalahan dan kejadian-kejadiannya yang mencemas dan kelam-kabut itu telah diiringi oleh suasana sepi dan tenang yang menakjubkan, iaitu kesepian dan ketenangan yang menyelubungi jiwa para Mu'minin yang bertawajjuh kepada Allah dan kembali kepada Rasulullah s.a.w. sehingga mereka dikuasai rasa mengantuk yang amat halus dan mereka terus terlelap aman dan tenteram.

Pengungkapan yang menggambarkan gejala mengantuk yang menarik ini begitu halus dan lembut sehingga bunyi kata-kata dan bayang-bayangnya semuanya turut menggambarkan suasananya yang tenang dan lembut gemulai itu:

ثُمَّ أَنزَلَ عَلَيۡكُم مِّنۢ بَعۡدِ ٱلۡغَمِّ أَمَنَةً نُّعَاسًا يَغۡشَىٰ طَآئِفَةً مِّنكُمۡۖ

"Kemudian selepas kesedihan itu Allah menurunkan ke atas kamu keadaan aman, iaitu keadaan mengantuk yang menyelubungi segolongan dari kamu."

Kesan Mengantuk Dan Terlelap

Itulah satu gejala yang amat menakjubkan yang membayangkan limpah rahmat Allah yang melingkungi para hamba-Nya yang Mu'min. Apabila rasa mengantuk menyelubungi orang-orang yang sedang letih lesu dan cemas walaupun sesa'at, maka ia akan memberi kesan seakan-akan kesan sihir pada diri mereka. Ia boleh mengubahkan mereka menjadi seorang yang berjiwa baru. Ia mencurahkan rasa ketenteraman di dalam hati mereka di samping mencurahkan kerehatan kepada diri mereka dengan suatu cara yang tidak dapat diketahui hakikat dan caranya. Saya berkata demikian kerana saya sendiri telah mengalaminya di sa'at-sa'at kesusahan dan penderitaan dan saya merasa dalam detik-detik mengantuk itu rahmat Allah yang amat lembut dan mendalam yang disampaikan dalam bentuk yang tidak dapat digambarkan oleh ungkapan-ungkapan manusia yang tidak sempurna.

Mengikut riwayat at-Tirmizi, an-Nasa'i dan al-Hakim dari hadith Hammad ibn Salamah dari Thabit dari Anas dari Abu Talhah katanya: "Aku angkat kepalaku pada hari Peperangan Uhud lalu aku melihat dan aku dapati tiada seorang pun dari mereka (tentera Muslimin) melainkan semuanya terkulai di bawah perisainya kerana terlalu mengantuk."

Dalam satu riwayat yang lain dari Abu Talhah katanya: "Kami diselubungi mengantuk ketika kami berada di dalam barisan-barisan kami pada hari Peperangan Uhud sehingga pedangku terjatuh dari tanganku lalu aku mengambilnya kemudian terjatuh pula dan aku kembali mengambilnya."

Ada satu puak Muslimin yang lain, iaitu puak yang mempunyai keimanan yang tidak kuat. Mereka hanya sibuk dengan kepentingan diri mereka sahaja. Mereka belum lagi bebas dari fikiran dan kefahaman jahiliyah dan belum lagi menyerahkan seluruh diri mereka dengan tulus ikhlas kepada Allah dan kepada taqdir-Nya. Hati mereka belum lagi yakin bahawa segala apa yang telah menimpa mereka itu adalah suatu dugaan untuk menguji mereka bukannya suatu pengabaian dari Allah yang menyerahkan para kekasih-Nya kepada musuh-musuh-Nya. Dan bukannya pula suatu keputusan dari Allah S.W.T. memberi kemenangan terakhir dan sempurna kepada kekafiran, kejahatan dan kebatilan:

وَطَآئِفَةٞ قَدۡ أَهَمَّتۡهُمۡ أَنفُسُهُمۡ يَظُنُّونَ بِٱللَّهِ غَيۡرَ ٱلۡحَقِّ ظَنَّ ٱلۡجَٰهِلِيَّةِۖ يَقُولُونَ هَل لَّنَا مِنَ ٱلۡأَمۡرِ مِن شَيۡءٖۗ

"Sedangkan segolongan lagi mementingkan keselamatan diri mereka sahaja. Mereka menaruh sangkaan yang tidak benar terhadap Allah, iaitu sangkaan jahiliyah. Mereka berkata: Adakah kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini?"

Diri Insan Mu'min Adalah Untuk Allah

'Aqidah Islam mengajar para penganutnya bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa kepentingan terhadap diri mereka, kerana seluruh diri mereka adalah untuk Allah. Apabila mereka keluar berjihad kerana agama Allah, maka bererti mereka keluar kerana Allah, mereka bergerak kerana Allah dan berperang kerana Allah dan mereka tidak mempunyai matlamat yang lain untuk diri mereka di dalam jihad itu. Mereka menyerah diri mereka kepada taqdir Allah dan bersedia menerima apa sahaja yang dibawa oleh taqdir itu dengan penuh kerelaan dan penyerahan diri biar bagaimanapun taqdir itu.

Adapun orang-orang yang memikirkan kepentingan diri mereka dan menjadikan kepentingan itu sebagai pusat pemikiran dan penilaian mereka dan sebagai pusat perhatian dan kesibukan, maka orang-orang ini belum lagi matang hakikat keimanan di dalam hati mereka. Termasuk dalam kumpulan ini ialah satu golongan yang diceritakan oleh Al-Qur'an di tempat ini, iaitu satu golongan yang mementingkan keselamatan diri mereka. Mereka berada dalam keadaan keluh-kesah dan serba-salah. Mereka merasa bahawa mereka sedang dipersia-siakan dalam satu perjuangan yang tidak jelas di dalam kefahaman mereka. Mereka melihat diri mereka ditolak ke dalam satu perjuangan secara paksa dan di luar kemahuan mereka dan mereka terpaksa menderita kesusahan yang amat pahit dan membayar harga yang mahal dalam bentuk mati terbunuh, mendapat kecederaan

dan kesakitan. Orang-orang ini belum lagi mengenal hakikat Allah yang sebenar. Mereka menaruh sangkaan-sangkaan yang tidak benar terhadap Allah sama seperti sangkaan-sangkaan jahiliyah dan di antara sangkaan yang tidak benar terhadap Allah ialah sangkaan mereka bahawa Allah telah mensia-siakan mereka di dalam perjuangan ini, iaitu satu perjuangan yang mereka tidak mempunyai apa-apa hak campurtangan sesuatu apa dalam urusannya, malah mereka hanya ditolak secara paksa ke dalam perjuangan supaya mereka mati dan mendapat luka-luka, sedangkan Allah tidak menolong mereka dan tidak pula menyelamatkan mereka, malah membiarkan mereka menjadi mangsa kepada musuh-musuh mereka. Mereka tertanya-tanya:

هَل لَّنَا مِنَ ٱلْأَمْرِ مِن شَيْءٍ

"Adakah kita mempunyai sesuatu dari urusan ini?"

Perkataan mereka ini mengandungi bantahan terhadap strategi kepimpinan dan peperangan. Mungkin mereka dari golongan orang-orang yang berpendapat tidak patut keluar dari kota Madinah walaupun mereka tidak pulang bersama-sama Abdullah ibn Ubay, tetapi hati mereka masih belum tenang dan tenteram.

Sebelum ayat ini menyempurnakan pembicaraannya tentang sangkaan-sangkaan mereka yang buruk, ia lebih dahulu membetulkan perkara ini dan menjelaskan hakikat yang sebenar yang menjadi tanda tanya mereka, ia menjawab pertanyaan mereka: "Adakah kita mempunyai sesuatu di dalam urusan ini?"

قُلْ إِنَّ ٱلْأَمْرَ كُلَّهُۥ لِلَّهِ

"Katakanlah: Seluruh urusan itu di tangan Allah."

Yakni urusan ini bukan di tangan sesiapa, bukan di tangan mereka dan bukan pula di tangan yang lain dari mereka. Sebelum ini Allah telah berfirman kepada nabi-Nya s.a.w. sendiri:

لَيْسَ لَكَ مِنَ ٱلْأَمْرِ شَيْءٌ

"Engkau tidak mempunyai sesuatu apa dari urusan ini."(128)

Oleh itu urusan agama ini, urusan jihad untuk menegakkan agama ini dan urusan melaksanakan sistemnya di bumi ini dan urusan menunjukkan hati manusia kepada agama ini adalah semuanya dari urusan Allah dan manusia tidak mempunyai sesuatu apa selain dari berusaha menunaikan kewajipan mereka dan menyempurnakan bay'ah mereka kemudian berlakulah apa yang dikehendaki Allah mengikut bagaimana kehendak-Nya.

Ayat yang berikut mendedahkan rahsia hati mereka yang tersembunyi sebelum menyempurnakan pembicaraannya tentang sangkaan-sangkaan mereka yang buruk:

يُخْفُونَ فِيٓ أَنفُسِهِم مَّا لَا يُبْدُونَ لَكَ

"Mereka menyembunyikan di dalam hati mereka apa yang tidak dizahirkan kepadamu."

Hati mereka penuh dengan fikiran-fikiran yang buruk, ragu-ragu dan gelisah dan penuh dengan bantahan-bantahan dan kritik-kritik. Pertanyaan mereka "Adakah kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini?", sebenarnya mereka mahu menyembunyikan perasaan mereka bahawa mereka telah ditolak kepada nasib kesudahan yang tidak pernah dipilih oleh mereka dan bahawa mereka telah menjadi korban kepimpinan yang salah dan andainya mereka berkuasa mengaturkan peperangan itu tentulah mereka tidak menerima nasib yang seperti ini.

يَقُولُونَ لَوْ كَانَ لَنَا مِنَ ٱلْأَمْرِ شَيْءٌ مَّا قُتِلْنَا هَٰهُنَا

"Mereka berkata: Andainya kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini."

Itulah fikiran yang buruk yang berkecamuk di dalam hati orang-orang yang tidak ikhlas kepada 'aqidah apabila mereka mendapat kekalahan dalam satu peperangan dan ketika mereka mengalami kepedihan kekalahan, ketika mereka dapati harga perjuangan itu lebih berat dari apa yang disangkakan mereka dan hasilnya lebih pahit dari apa yang diharap-harapkan, ketika mereka memeriksa di dalam hati mereka dan dapati perjuangan itu masih tidak terang dan mantap dan ketika mereka khayalkan bahawa cara pengendalian kepimpinanlah yang telah mencampakkan mereka ke dalam kebinasaan dan mereka sudah tentu selamat jika teraju kepimpinan itu berada di tangan mereka. Dengan pemikiran yang keliru ini mereka tidak dapat melihat tangan qudrat Ilahi yang bertindak di sebalik peristiwa-peristiwa dan tidak pula dapat melihat hikmat kebijaksanaan Ilahi dalam ujian itu. Pada hemat mereka seluruh persoalan ini adalah persoalan rugi dan sia-sia semata-mata.

Di sini datanglah pembetulan yang mendalam terhadap persoalan ini semua, iaitu persoalan hidup dan mati dan persoalan hikmat yang tersembunyi di sebalik ujian ini:

قُل لَّوْ كُنتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ ٱلَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ
ٱلْقَتْلُ إِلَىٰ مَضَاجِعِهِمْ وَلِيَبْتَلِيَ ٱللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمْ
وَلِيُمَحِّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمْ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ
ٱلصُّدُورِ ﴿١٥٤﴾

"Katakanlah: Jika kamu berada di rumah kamu sekalipun, nescaya orang-orang yang telah disurati taqdir mati terbunuh akan keluar juga ke tempat-tempat pembaringan mereka. Dan Allah (berbuat demikian) untuk menguji apa yang tersemat di dalam dada kamu dan untuk memeriksa

apa yang terselit di dalam hati kamu. Dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(154)

Yakni katakanlah jika kamu berada di rumah kamu dan kamu tidak keluar berperang untuk menyambut seruan kepimpinan dan seluruh urusan kamu terserah kepada pertimbangan kamu, nescaya orang-orang yang telah ditulis mati terbunuh akan keluar juga ke tempat-tempat pembaringan mereka, kerana di sana ada suratan ajal yang telah ditentukan, ia tidak boleh didahulu dan tidak pula boleh ditundakan. Di sana ada ke tempat-tempat pembaringan yang telah ditentukan dan setiap tuannya pasti datang untuk berbaring di situ. Oleh sebab itu apabila ajal telah tiba, maka tuannya akan berjalan menuju ke tempat pembaringannya dengan dua kakinya sendiri, tiada siapa pun yang membawa seseorang itu kepada ajalnya dan tiada siapa pun yang ditolak secara paksa ke tempat pembaringannya yang telah ditentukan baginya.

Ungkapan:

إِلَىٰ مَضَاجِعِهِمۡۖ

"Ke tempat-tempat pembaringan mereka"

adalah suatu ungkapan yang amat menarik. Pembaringan ialah kubur tempat beristirehatnya lambung-lambung manusia, tempat berhentinya langkah-langkah mereka dan tempat berakhirnya pengembara-pengembara di bumi. Mereka datang ke tempat pembaringan ini dengan suatu daya dorongan yang sulit yang tidak disedari mereka dan tidak dapat dikuasai mereka, hanya dorongan sulit inilah yang mendapatkan mereka dan menguasai mereka dan bertindak terhadap mereka dengan penuh kebebasan. Berserah kepada-Nya adalah lebih merehat dan menenangkan hati.

Itulah taqdir Allah dan di sebaliknya terdapat hikmatnya:

وَلِيَبۡتَلِيَ ٱللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمۡ وَلِيُمَحِّصَ مَا
فِي قُلُوبِكُمۡۚ

"Dan Allah (berbuat demikian) untuk menguji apa yang tersemat di dalam dada kamu dan untuk memeriksa apa yang terselit di dalam hati kamu."

Tidak ada batu uji yang sebaik kesusahan untuk mendedahkan segala isi dada dan meleburkan segala isi hati supaya kepalsuan dan ria' dapat dihapuskan darinya. Ia dapat mendedahkan hakikat hati yang sebenar tanpa sebarang saduran cat yang palsu.

Itulah ujian terhadap isi dada agar terserlah dengan hakikatnya yang sebenar dan itulah proses pembersihan hati supaya terhapus segala keburukan dan kepalsuan dan itulah proses pembetulan dan penjelasan terhadap pandangan dan kefahaman supaya tidak ada lagi sebarang kekeliruan dan kecacatan:

وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿١٥٤﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(154)

Manusia Tidak Mengetahui Rahsia-rahsia Hatinya

Yang dimaksudkan dengan isi dada ialah rahsia-rahsia yang sulit yang tersemat dan tersembunyi di dalam dada. Rahsia-rahsia itu sentiasa menemani dada dan tidak pernah berpisah darinya dan tidak pernah terdedah kepada cahaya. Allah memang mengetahui segala kandungan isi dada ini, tetapi Allah mahu mendedahkannya kepada manusia dan kepada tuan-tuannya sendiri, kerana kadang-kadang manusia sendiri tidak mengetahui rahsia-rahsia itu dari diri mereka sehingga ia didedah dan dizahirkan oleh peristiwa-peristiwa kepada mereka.

Allah telah mengetahui isi hati mereka yang kalah dan lari pada hari pertempuran Uhud. Mereka telah lemah semangat dan berundur dengan sebab maksiat yang telah dilakukan mereka. Oleh sebab itu hati mereka terus bergoyang dengan sebab maksiat itu dan dari pintu inilah mereka dimasuki syaitan yang datang mempengaruhi mereka sehingga mereka tergelincir dan gugur dalam maksiat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَلَّوۡاْ مِنكُمۡ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِ
إِنَّمَا ٱسۡتَزَلَّهُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ بِبَعۡضِ مَا كَسَبُواْۖ
وَلَقَدۡ عَفَا ٱللَّهُ عَنۡهُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٞ ﴿١٥٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyabar."(155)

Orang-orang yang diisyaratkan di dalam ayat ini mungkin dikhususkan kepada pasukan pemanah yang timbul di dalam hati mereka perasaan tamak kepada harta rampasan perang dan sangkaan bahawa Rasulullah akan mengharamkan bahagian-bahagian mereka. Inilah perasaan yang diperolehi mereka dan dengan perasaan inilah mereka telah digelincirkan oleh syaitan.

Tetapi isyarat ini secara umumnya menggambarkan jiwa manusia apabila ia melaku sesuatu kesalahan. Ketika itu kekuatan imannya hilang, hubungannya dengan Allah menjadi lemah, kesepaduan diri dan imbangannya menjadi terumbang-ambing dan dia terdedah kepada berbagai-bagai fikiran yang buruk, ragu-ragu dan gelisah dengan sebab rosak hubungannya dengan Allah dan kepercayaannya terhadap keredhaan Allah. Di waktu inilah syaitan menemui jalannya memasuki ke dalam hatinya dan dapat memimpinnya melakukan kesalahan demi

kesalahan, sedangkan ia terpencil jauh dari perlindungan Ilahi yang aman dan teguh.

Pengaruh Istighfar

Dari sinilah istighfar dari dosa itu merupakan langkah pertama yang dilakukan oleh orang-orang yang ta'at kepada Allah yang turut berperang bersama para Anbia' dalam menghadapi musuh-musuh da'wah, kerana istighfar inilah yang mengembalikan mereka kepada Allah dan menguatkan hubungan mereka dengan-Nya dan membebaskan hati mereka dari terumbang-ambing. Istighfarlah yang dapat menghapuskan perasaan-perasaan yang buruk, ragu-ragu dan gelisah dari hati mereka. Ia dapat menutup lubang yang dimasuki syaitan, iaitu lubang menjauhi diri dari Allah dan dari perlindungan-Nya. Inilah lubang yang dimasuki syaitan lalu ia menjatuhkan manusia ke dalam maksiat sekali demi sekali sehingga mereka tinggal terpencil di padang gurun dan jauh dari kawasan selamat yang tidak menerima mereka.

Allah menceritakan kepada mereka bahawa rahmat-Nya tetap mendapatkan mereka. Oleh itu Allah tidak membiarkan syaitan memencilkan mereka dan kerana itu Allah memaafkan mereka. Dan seterusnya Allah memperdekatkan diri-Nya kepada mereka bahawa Dia bersifat Maha Pengampun dan Maha Sabar, Allah tidak mengusir orang-orang yang bersalah dan tidak pula bertindak segera mengenakan balasan ke atas mereka apabila Dia mengetahui hati mereka masih meletakkan harapan kepada-Nya dan masih berhubung dengan-Nya dan tidak mengetahui adanya dalam dirinya keinginan memberontak dan melarikan diri dari-Nya.

Ayat yang berikut menjelaskan hakikat taqdir Allah dalam persoalan mati dan hidup dan menyalahkan kefahaman-kefahaman orang-orang kafir dan golongan Munafiqin mengenai persoalan ini. Ia menyeru orang-orang yang beriman dan memberi peringatan kepada mereka supaya pandangan dan kefahaman mereka tidak seperti pandangan dan kefahaman orang-orang kafir dan Munafiqin itu dan pada akhirnya ia mengembalikan mereka kepada nilai-nilai dan pertimbangan-pertimbangan yang lain yang mengatasi penderitaan-penderitaan dan pengorbanan-pengorbanan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَكُونُواْ كَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَقَالُواْ
لِإِخۡوَٰنِهِمۡ إِذَا ضَرَبُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ أَوۡ كَانُواْ غُزّٗى
لَّوۡ كَانُواْ عِندَنَا مَا مَاتُواْ وَمَا قُتِلُواْ لِيَجۡعَلَ ٱللَّهُ
ذَٰلِكَ حَسۡرَةٗ فِي قُلُوبِهِمۡۗ وَٱللَّهُ يُحۡيِۦ وَيُمِيتُۗ وَٱللَّهُ
بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ١٥٦
وَلَئِن قُتِلۡتُمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ أَوۡ مُتُّمۡ لَمَغۡفِرَةٞ مِّنَ ٱللَّهِ
وَرَحۡمَةٌ خَيۡرٞ مِّمَّا يَجۡمَعُونَ ١٥٧
وَلَئِن مُّتُّمۡ أَوۡ قُتِلۡتُمۡ لَإِلَى ٱللَّهِ تُحۡشَرُونَ ١٥٨

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang kafir yang berkata kepada saudara-saudara mereka apabila mereka merantau di bumi atau menjadi pejuang yang berperang. Andainya mereka berada di sini bersama kami tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh, akibat perkataan demikian Allah jadikan suatu penyesalan di dalam hati mereka. Dan sebenarnya Allahlah yang menghidup dan yang mematikan dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu (156). Dan jika kamu dibunuh kerana jalan Allah atau mati, maka keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik dari segala ni'mat hidup yang dikumpul oleh mereka (157). Dan jika kamu mati atau dibunuh, maka kepada Allah kamu sekalian akan dikumpulkan."(158)

Yang nampak jelas dari hubungan ayat-ayat ini dalam cerita Peperangan Uhud ialah perkataan-perkataan ini ialah perkataan-perkataan yang dikeluarkan oleh orang-orang Munafiqin yang telah pulang ke Madinah sebelum berlakunya peperangan itu, juga perkataan-perkataan yang dikeluarkan oleh kaum Musyrikin yang belum lagi memeluk Islam, tetapi masih mempunyai hubungan dan pertalian kerabat di antara mereka dengan kaum Muslimin. Mereka telah menggunakan keguguran para Syuhada' di Uhud itu sebagai bahan untuk menimbulkan penyesalan di dalam hati kaum keluarga mereka dan merangsangkan perasaan sedih dan dukacita atas kehilangan mereka di medan pertempuran itu dengan sebab mereka keluar berperang. Tidak syak lagi fitnah dan kesedihan-kesedihan seperti ini melukakan hati dan meninggalkan kesan-kesan yang menggugatkan barisan Muslimin. Oleh sebab itulah diturunkan penjelasan ini untuk membetulkan nilai-nilai, pemikiran-pemikiran dan kefahaman-kefahaman dan memulangkan tipudaya ini ke leher perancang-perancangnya.

Perkataan orang-orang kafir yang mengatakan:

لَّوۡ كَانُواْ عِندَنَا مَا مَاتُواْ وَمَا قُتِلُواْ

"Andainya mereka berada di sini bersama kami tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh."

Hakikat Hidup, Mati Dan Taqdir Allah

Perkataan ini mendedahkan adanya perbezaan yang asasi di antara pandangan dan kefahaman penganut 'aqidah dengan pandangan dan kefahaman orang yang tidak menganut 'aqidah terhadap undang-undang hayat dan segala peristiwanya yang berlaku sama ada peristiwa-peristiwa senang atau peristiwa-peristiwa susah.....Orang yang menganut 'aqidah memahami undang-undang Allah dan mengenali kehendak masyi'ah Allah. Ia yakin kepada taqdir

Allah, iaitu ia yakin tiada suatu yang akan menimpanya kecuali sesuatu yang telah ditulis oleh Allah dan sesuatu yang menimpanya tidak akan terhindar darinya dan sesuatu yang terhindar darinya tidak akan menimpanya. Oleh sebab itulah ia tidak menerima kesusahan yang menimpanya dengan penuh kecemasan dan tidak menerima kesenangan dengan perasaan penuh bangga dan sombong. Ia tidak menghubungkan kesialan dirinya kepada itu dan ini dan dia tidak merasa kesal kerana dia tidak bertindak begini supaya terhindar dari begini atau supaya ia mendapat begini-begini selepas berlakunya perkara itu, kerana bidang perencanaan, perancangan, berfikir dan berunding adalah dilakukan sebelum ia tampil bertindak mengerjakan sesuatu. Tetapi apabila ia telah bertindak setelah merencana dan merancang - mengikut batas ilmu pengetahuannya dan batas perintah-perintah Allah dan larangan-larangan-Nya maka segala natijah yang berlaku, diterimanya dengan tenang, redha dan berserah kepada Allah kerana dia yakin bahawa natijah itu adalah berlaku mengikut taqdir dan tadbir Allah serta hikmat-Nya. Ia pasti berlaku seperti yang telah berlaku walaupun dialah yang telah melakukan sebab-sebabnya dengan perbuatannya. Itulah keseimbangan di antara tindakan dan berserah kepada Allah, di antara sikap positif dan sikap bertawakkal. Di atas keseimbangan inilah langkah-langkah menjadi teguh dan hati nurani menjadi tenang. Tetapi bagi orang yang mempunyai hati yang kosong dari 'aqidah yang betul terhadap Allah, maka dia selama-lamanya dihantui oleh perasaan sial, selama-lamanya merasa keluh-kesah dan cemas, selama-lamanya berkata kesal: "Oh kalau aku....", "Jika tidak kerana" "Amboi kalau...........", " Alangkah sedihnya".

Allah S.W.T. - dalam rangka mendidik kelompok Muslimin dan di bawah bayangan Peperangan Uhud dan kekalahan yang telah menimpa kaum Muslimin - mengingatkan kaum Muslimin supaya jangan jadi seperti orang-orang kafir yang ditimpa duka nestapa apabila ada kerabat mereka mati dalam pengembaraan mencari rezeki atau mati terbunuh di medan pertempuran ketika ia berjihad:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَقَالُوا۟ لِإِخْوَٰنِهِمْ إِذَا ضَرَبُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ أَوْ كَانُوا۟ غُزًّى لَّوْ كَانُوا۟ عِندَنَا مَا مَاتُوا۟ وَمَا قُتِلُوا۟

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang kafir yang berkata kepada saudara-saudara mereka apabila mereka merantau di bumi atau menjadi pejuang yang berperang: Andainya mereka berada di sini bersama kami tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh."

Mereka berkata begitu kerana pandangan dan kefahaman mereka yang tidak betul terhadap hakikat yang berlaku di alam buana dan terhadap hakikat yang berkuasa dan bertindak dalam segala apa yang berlaku. Mereka hanya melihat sebab-sebab yang lahir dan keadaan-keadaan permukaan sahaja dengan sebab mereka terputus dari Allah dan dari taqdir-Nya yang berlangsung di dalam hidup ini.

لِيَجْعَلَ ٱللَّهُ ذَٰلِكَ حَسْرَةً فِى قُلُوبِهِمْ ۗ

"Akibat perkataan demikian Allah jadikan suatu penyesalan di dalam hati mereka."(156)

Mereka merasa bahawa keluarnya saudara-saudara mereka untuk menjelajah mencari rezeki itulah yang menyebabkan mereka mati atau keluar mereka untuk berperang itulah yang menyebabkan mereka mati terbunuh, mereka merasa bahawa tindakan keluar inilah yang menjadi sebab kematian atau punca mati terbunuh dan inilah yang menimbulkan rasa kesal di hati mereka kerana mereka tidak menghalangi mereka keluar. Andainya mereka mengetahui sebab yang haqiqi iaitu kesampaian ajal dan seruan tempat pembaringan atau tanah kubur, suratan taqdir Allah dan undang-undangnya mengenai mati dan hidup tentulah mereka tidak merasa kesal dan tentulah mereka menerima ujian itu dengan sabar dan kembali kepada Allah dengan penuh kerelaan:

وَٱللَّهُ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۗ

"Dan sebenarnya Allahlah yang menghidup dan yang mematikan."

Di tangan qudrat Allah datangnya pengurniaan hayat dan dengan tangan qudrat-Nya juga diambil kembali pengurniaan itu dalam masa dan tempoh yang telah ditetapkan sama ada manusia sedang berada di rumah mereka bersama-sama keluarga mereka atau berada di medan perjuangan kerana mencari rezeki dan kerana mempertahankan 'aqidah .... Dan di sisi Allahlah disediakan balasan dan pampasan yang dilakukan mengikut ilmu-Nya yang mendalam dan tepat:

وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١٥٦﴾

"Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(156)

Tetapi perkara ini tidak hanya berakhir dengan maut atau dengan mati terbunuh kerana ini bukannya penghabisan perjalanan manusia. Begitu juga hidup di dunia bukanlah merupakan sebaik-baik pemberian yang dikurniakan Allah kepada manusia, malah di sana ada nilai-nilai yang lain dan pertimbangan-pertimbangan yang lebih tinggi di dalam neraca Allah:

وَلَئِن قُتِلْتُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أَوْ مُتُّمْ لَمَغْفِرَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَحْمَةٌ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿١٥٧﴾ وَلَئِن مُّتُّمْ أَوْ قُتِلْتُمْ لَإِلَى ٱللَّهِ تُحْشَرُونَ ﴿١٥٨﴾

"Dan jika kamu dibunuh kerana jalan Allah atau mati maka keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik dari segala ni'mat hidup yang dikumpul oleh mereka (157). Dan

jika kamu mati atau dibunuh maka kepada Allah kamu sekalian akan dikumpulkan."(158)

Oleh itu maut atau mati terkorban kerana agama Allah mengikut syarat dan pertimbangan ini adalah lebih baik dari ni'mat-ni'mat hidup yang kecil yang dikumpulkan oleh manusia di dalam kehidupan mereka, iaitu ni'mat-ni'mat harta kekayaan, pangkat kebesaran, kuasa dan kehidupan yang senang lenang. Mati yang seperti itu adalah lebih baik kerana ia diiringi oleh keampunan dan rahmat dari Allah, sedangkan keampunan dan rahmat itu adalah lebih baik dari ni'mat-ni'mat hidup yang dikumpulkan mereka dalam pertimbangan neraca hakikat. Kepada keampunan dan rahmat inilah Allah kembalikan para Mu'minin dan Allah tidak kembalikan mereka - di maqam ini - kepada keagungan peribadi dan tidak pula kepada perhitungan-perhitungan manusia, malah ia mengembalikan mereka kepada balasan yang disediakan di sisi-Nya dan mengikatkan hati mereka dengan rahmat Allah. Dan rahmat itu adalah lebih baik dari segala apa yang dikumpulkan oleh manusia dan lebih baik dari segala ni'mat dunia yang dicita-cita oleh hati manusia.

Dan seluruh mereka dikembalikan kepada Allah dan dikumpulkan kepada-Nya dalam segala keadaan sama ada mereka mati di atas tilam di rumah mereka atau mati ketika mengembara di bumi atau mati terkorban di medan perjuangan apabila mereka berjihad. Mereka tidak mempunyai tempat kembali yang lain dari Allah. Di sini jelaslah bahawa perbezaan itu hanya wujud pada amalan dan niat dan wujud pada tujuan dan minat masing-masing, sedangkan kesudahan adalah sama sahaja, iaitu mati atau terbunuh pada masanya yang telah ditetapkan atau mengikut tempoh ajalnya yang telah ditentukan, kemudian pulang kepada Allah dan berkumpul di Mahsyar pada hari Qiamat, kemudian mendapat keampunan dan rahmat dari Allah atau menerima kemurkaan dan 'azab dari-Nya. Oleh itu orang yang paling tolol ialah mereka yang memilih kesudahan yang malang bagi diri mereka, sedangkan mereka tetap mati di dalam segala keadaan.

Dengan huraian ini tersematlah di dalam hati hakikat mati dan hidup dan hakikat taqdir Allah dan dengan huraian ini yakinlah hati kepada ujian taqdir Allah dan kepada hikmat yang wujud di sebalik taqdir dan kepada balasan di sebalik ujian itu. Dan dengan huraian itu tamatlah pusingan ini dari jantung peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud itu dan segala suasana yang menemaninya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 159 - 164)

Kemudian ayat-ayat yang berikut meneruskan huraiannya dalam satu pusingan yang baru yang berpaksikan peribadi Rasulullah s.a.w. dan hakikat nubuwwahnya yang mulia, juga nilai hakikat yang agung ini di dalam kehidupan umat Muslimin dan sejauh mana mereka diselubungi rahmat Allah. Di sekitar paksi ini terdapat berbagai-bagai tali sistem hidup Islam yang mengatur kehidupan masyarakat Muslimin dan asas penyusunan ini, juga tali-tali dari kefahaman dan pemikiran Islam dan hakikat-hakikat yang menjadi tapak tegaknya, juga nilai kefahaman, pemikiran dan sistem itu di dalam kehidupan manusia secara umumnya:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ
ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ
وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ
عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾
إِن يَنصُرْكُمُ ٱللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ ۖ وَإِن يَخْذُلْكُمْ
فَمَن ذَا ٱلَّذِى يَنصُرُكُم مِّنۢ بَعْدِهِۦ ۗ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦٠﴾
وَمَا كَانَ لِنَبِىٍّ أَن يَغُلَّ ۚ وَمَن يَغْلُلْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ
يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۚ ثُمَّ تُوَفَّىٰ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾
أَفَمَنِ ٱتَّبَعَ رِضْوَٰنَ ٱللَّهِ كَمَنۢ بَآءَ بِسَخَطٍ مِّنَ ٱللَّهِ
وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۚ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦٢﴾
هُمْ دَرَجَـٰتٌ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿١٦٣﴾
لَقَدْ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا
مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا۟ مِن
قَبْلُ لَفِى ضَلَـٰلٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾

"Maka dengan berkat rahmat Allah engkau telah bersikap lemah lembut terhadap mereka dan andainya engkau bersikap kasar dan keras hati tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maaflah mereka, pohonlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan. Dan apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkal kepada Allah. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertawakkal (159). Jika Allah menolong kamu, maka tiada siapa yang

dapat mengalahkan kamu dan jika Dia mengecewakan kamu, maka siapakah lagi yang dapat menolong kamu selain dari Allah. Oleh itu hendaklah para Mu'minin bertawakkal kepada Allah (160). Tidak mungkin bagi seseorang nabi menggelapkan harta rampasan perang dan barang siapa yang menggelapkan harta rampasan perang nescaya ia akan membawa bersamanya pada hari Qiamat segala sesuatu yang digelapkannya. Kemudian setiap orang dibalas dengan sempurna terhadap apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiayai (161). Apakah orang yang mengikut keredhaan-Nya sama dengan orang yang kelak kembali dengan kemurkaan dari Allah dan tempat kediamannya ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (162). Mereka mempunyai darjah-darjah yang tinggi di sisi Allah dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka (163). Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat ke atas para Mu'minin ketika Dia mengutuskan kepada mereka seorang Rasul dari diri mereka sendiri yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan mereka dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat dan walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata."(164)

Kita dapat memperhatikan dalam ceraian ayat ini dan dalam berbagai-bagai hakikat pokok yang diikat pada paksinya - iaitu hakikat nubuwwah yang mulia - juga kita dapati dasar-dasar penting yang lain yang terkandung di dalam susunan-susunan kata yang pendek..... Kita dapati hakikat rahmat Ilahiyah yang tergambar di dalam akhlak Nabi s.a.w. dan di dalam tingkahlakunya yang baik, bertimbangrasa dan lemah lembut, iaitu tingkahlaku yang disediakan untuk membolehkan hati orang ramai bersatu-padu dan bermesra di sekeliling beliau..... Seterusnya kita dapati dalam ayat-ayat ini dasar syura yang menjadi asas peraturan kehidupan masyarakat secara Islam, dasar ini diperintahkan pada tempat yang pada lahirnya melahirkan natijah-natijah yang pahit, di samping dasar syura juga kita dapati dasar tegas dan dasar meneruskan keazaman dengan penuh tekad selepas mengadakan syura. Dan di samping dasar syura dan dasar meneruskan keazaman, kita dapati hakikat tawakkal kepada Allah dan dengan demikian sempurnalah asas-asas berfikir, bertindak dan mengatur kehidupan masyarakat. Seterusnya kita dapat hakikat taqdir Allah dan kembalinya segala urusan kepada-Nya. Kita dapati tindakan qudrat Allah bukannya tindakan qudrat yang lain darinya yang bertindak mengendalikan peristiwa-peristiwa dan natijah-natijah yang berlaku. Kita dapati dalam ayat-ayat ini amaran Allah terhadap perbuatan khianat, perbuatan menggelap harta rampasan perang dan perasaan tamak kepada harta rampasan. Kita dapati Al-Qur'an mengemukakan perbezaan yang tegas di antara mereka yang mengikut keredhaan Allah dengan mereka yang kembali dengan kemurkaan dari Allah, dan perbezaan ini menonjolkan hakikat nilai-nilai, pertimbangan-pertimbangan, keuntungan dan kerugian. Ceraian ayat ini di akhiri dengan menyanjung tinggi kurnia Ilahi yang besar dalam bentuk pengiriman Nabi s.a.w. kepada umat manusia, iaitu suatu kurnia yang menjadikan harta rampasan perang itu kelihatan sangat kecil di sampingnya begitu juga ia membuat penderitaan-penderitaan dan kesusahan-kesusahan yang telah dialami mereka kelihatan kecil di sampingnya.

Semua maudhu'-maudhu' ini dibicarakan di dalam ayat-ayat yang pendek sahaja.

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ
ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ
وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ
عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

"Maka dengan berkat rahmat Allah engkau telah bersikap lemah lembut terhadap mereka dan andainya engkau bersikap kasar dan keras hati tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, pohonlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan. Dan apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertawakkal."(159)

Ayat-ayat ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. ketika beliau merasa di dalam hatinya sedikit perasaan terkilan terhadap kaum Muslimin. Mereka mula-mula begitu ghairah dan bersemangat untuk keluar berperang kemudian barisan mereka berpecah dan satu pertiga dari angkatan tentera yang keluar untuk berperang tiba-tiba berpatah balik sebelum berlaku peperangan. Kemudian mereka melanggar perintah beliau apabila mereka lemah di hadapan godaan harta rampasan perang. Kemudian mereka patah semangat apabila mendengar khabar angin bahawa beliau mati terbunuh dan mereka terus mengundurkan diri menderita kekalahan. Mereka meninggalkan Rasulullah s.a.w. terpencil dalam sekumpulan yang kecil dan membiarkan beliau mendapat kecederaan diserang musuh, sedangkan beliau berjuang dengan tabah dan menyeru mereka di belakang mereka yang sedang melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapapun. Ayat-ayat ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan hatinya juga ditujukan kepada kaum Muslimin untuk menyedarkan mereka terhadap ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka. Ayat-ayat ini mengingatkan beliau juga mengingatkan mereka terhadap rahmat Allah yang wujud pada akhlak beliau yang mulia dan penuh timbangrasa dan dapat memadukan hati Muslimin di sekelilingnya. Tujuan peringatan ini untuk menggerakkan perasaan kasih sayang dan timbangrasa yang tersembunyi di dalam lubuk hatinya agar mengatasi perasaan terkilan yang dialaminya akibat tindak-tanduk yang telah dilakukan mereka, juga agar mereka benar-benar merasa hakikat ni'mat Ilahi yang mengurniakan nabi yang pengasih dan bertimbangrasa ini kepada mereka. Kemudian ayat ini menyeru beliau supaya memaafkan mereka dan memohon keampunan kepada mereka serta menyuruh beliau terus bermesyuarat dengan mereka seperti biasa dalam segala urusan mereka

tanpa terpengaruh kepada natijah-natijah yang buruk yang diterima di dalam peperangan itu dan tanpa terdorong kepada membatalkan dasar syura yang asasi dalam kehidupan Islamiyah itu.

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ ۖ

"Maka dengan berkat rahmat Allah engkau telah bersikap lemah-lembut terhadap mereka dan andainya engkau bersikap kasar dan keras hati tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu."

Ciri-ciri Peribadi Rasulullah

Itulah rahmat Allah yang telah merangkumi beliau dan merangkumi mereka. Rahmat inilah yang telah menjadikan Rasulullah s.a.w. seorang yang amat bertimbangrasa dan lemah-lembut terhadap mereka. Andainya beliau seorang yang bengis dan berhati keras tentulah orang ramai Islam tidak dapat bermesra dan berpadu perasaan di sekeliling beliau. Mereka memerlukan kepada naungan yang penuh kasih sayang, ri'ayah yang baik, senyum manis yang melapangkan dada, kemesraan yang dapat merangkumi mereka dan kesabaran yang dapat memaafkan kejahilan dan kelemahan mereka. Mereka memerlukan kepada sebuah hati yang besar yang sentiasa memberi kepada mereka dan tidak berkehendak apa-apa pemberian dari mereka, hati yang besar yang sanggup memikul masalah-masalah yang menyusahkan mereka, sedangkan segala yang menyusahkannya tidak pula menyusahkan mereka. Mereka sentiasa memperolehi darinya perhatian yang berat, ri'ayah, simpati, toleransi, kasih sayang dan kerelaan. Demikianlah sifat hati Rasulullah s.a.w. dan demikianlah cara hidup beliau dengan orang ramai. Beliau tidak pernah marah kerana kepentingan dirinya, tidak pernah merasa bosan dengan kelemahan-kelemahan manusia, tidak pernah menyimpan untuk dirinya sesuatu dari harta benda kehidupan dunia, malah segala apa yang dimiliki diberikan kepada mereka dengan penuh kemurahan hati, kesabaran, kebaikan, timbangrasa dan kasih sayangnya sentiasa merangkumi mereka. Tiada siapa yang bergaul dengannya atau melihatnya, melainkan hatinya dipenuhi kasih sayang kerana terpengaruh dengan kelimpahan jiwa beliau yang besar yang dicurahkan beliau ke atasnya.

Semuanya ini adalah rahmat dari Allah terhadap beliau dan umatnya. Al-Qur'an mengingatkan rahmat ini kepada mereka dalam suasana peperangan ini untuk menerangkan peraturan yang dikehendaki Allah S.W.T. untuk umat Muslimin:

فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى ٱلْأَمْرِ ۖ

"Kerana itu maafkanlah mereka, pohonkanlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan."

Dasar Syura Dalam Islam

Dengan ungkapan yang tegas "Bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan" ini, Islam menetapkan dasar ini di dalam sistem pemerintahan walaupun Nabi Muhammad s.a.w. sendiri yang mengendalikan teraju pemerintahan itu. Ini adalah satu nas yang tegas yang tidak memberi sebarang keraguan kepada umat Muslimin bahawa syura itu merupakan dasar asasi (pemerintahan Islam). Ia tidak boleh ditegakkan di atas dasar yang lain darinya. Adapun bentuk syura dan cara-cara untuk melaksanakannya, maka itu adalah perkara-perkara yang boleh diubahsuaikan mengikut kedudukan umat Muslimin dan keadaan-keadaan hidup mereka. Segala bentuk dan segala cara yang boleh menegakkan hakikat syura - bukan bentuknya yang lahir - adalah dari Islam.

Nas ini datang selepas berlakunya hasil-hasil syura yang pada lahirnya kelihatan amat berat dan pahit, kerana pada lahirnya ia mengakibatkan berlakunya perpecahan di dalam barisan Muslimin, iaitu berlakunya perbezaan pendapat, satu kumpulan berpendapat supaya kaum Muslimin tidak keluar meninggalkan Madinah dan berkubu di sana sahaja sehingga apabila mereka diserang musuh, barulah mereka keluar memerangi mereka di muka-muka lorong, sementara satu kumpulan pula dengan penuh semangat berpendapat supaya mereka keluar menentang kedatangan kaum Musyrikin itu. Akibat perbezaan pendapat ini berlakulah perpecahan dalam barisan kaum Muslimin. Abdullah ibn Ubay ibn Salul telah membawa balik ke Madinah satu pertiga dari tentera Muslimin, sedangkan musuh di waktu itu telah berada di muka pintu. Ini adalah satu perkembangan yang amat berat dan satu perpecahan yang menakutkan. Begitu juga ternyata bahawa strategi perang yang dilaksanakan itu pada lahirnya bukanlah merupakan satu strategi yang paling selamat dari segi ketenteraan, kerana strategi itu bertentangan dengan cara-cara yang terdahulu di dalam mempertahankan Madinah sebagaimana telah dikatakan oleh Abdullah ibn Ubay dan orang-orang Islam telah menggunakan cara yang sebaliknya di dalam Peperangan Ahzab yang berlaku selepas itu, iaitu mereka tetap bertahan di Madinah dan menggali parit. Mereka tidak keluar menentang musuh setelah mengambil pengajaran yang diterima mereka di dalam Peperangan Uhud.

Rasulullah s.a.w. bukanlah tidak mengetahui langsung tentang akibat-akibat yang berat yang akan menimpa barisan kaum Muslimin kerana tindakan mereka keluar berperang di luar Madinah itu. Beliau telah mendapat pertanda-pertanda dari mimpinya yang benar yang telah dilihat olehnya, iaitu mimpi yang beliau tahu sejauh mana benarnya. Beliau telah menta'birkan mimpinya itu dengan kematian seorang keluarganya dan kematian sekumpulan sahabatnya dan menta'birkan Madinah sebagai perisai yang teguh. Rasulullah s.a.w. memang berhak

membatalkan keputusan syura itu, tetapi beliau teruskan juga keputusan itu walaupun beliau mengetahui wujudnya penderitaan-penderitaan, kerugian-kerugian dan pengorbanan-pengorbanan di sebaliknya, kerana menegakkan dasar syura dan mengajar jama'ah Muslimin dan mendidik umat Muslimin adalah lebih penting dari kerugian-kerugian yang bersifat sementara.

Kepimpinan Nabawiyah memang berhak membuang seluruh dasar syura selepas peperangan itu, iaitu setelah berlakunya perpecahan barisan Muslimin dalam suasana yang paling genting dan setelah berlakunya akibat-akibat yang pahit setamatnya peperangan itu, tetapi Islam adalah berfungsi untuk mewujud dan mendidik umat Muslimin dan menyediakannya untuk memimpin umat manusia, dan Allah mengetahui bahawa sebaik-baik cara mendidik umat dan menyediakan mereka untuk memegang teraju kepimpinan yang betul ialah mendidik mereka dengan syura dan dengan latihan memikul tanggungjawab dan meluangkan mereka membuat kesilapan walaupun kesilapan itu besar dan membawa akibat-akibat yang pahit supaya mereka mengetahui bagaimana hendak membetulkan kesilapan mereka dan bagaimana memikul tanggungjawab dari pendapat dan tindak-tanduk mereka. Mereka tidak dapat mempelajari sesuatu yang betul melainkan apabila mereka telah melakukan kesilapan-kesilapan. Kerugian-kerugian itu tidak penting jika hasilnya boleh melahirkan satu umat yang terlatih, faham dan bertanggungjawab. Mengelakkan kesilapan-kesilapan, kegelinciran-kegelinciran dan kerugian-kerugian dalam kehidupan sesuatu umat itu tidak memberi apa-apa keuntungan kepada mereka, jika hasil dari pengelakan itu terus menjadikan umat itu lemah seperti kanak-kanak kecil di bawah jagaan. Di dalam keadaan ini mereka berjaya menghindarkan diri dari kerugian-kerugian kebendaan dan berjaya mencapai keuntungan-keuntungan kebendaan, tetapi mereka kerugian diri sendiri, kerugian dari segi kewujudan dan didikan diri mereka dan kerugian dari segi latihan menghadapi realiti kehidupan. Mereka sama seperti kanak-kanak yang dilarang berjalan - umpamanya - untuk menghindari kegelinciran, jatuh rebah dan berjalan tidak tentu arah atau untuk mengelak dari memakai kasut.

Kewujudan Kepimpinan Yang Matang Tidak Boleh Menggantikan Sistem Syura

Islam berusaha untuk mewujud dan mendidik umat Muslimin dan menyediakan mereka untuk memegang teraju kepimpinan yang betul. Oleh sebab itu kematangan akal fikiran umat ini pastilah disempurnakan. Jagaan dan kawalan terhadap pergerakan mereka di dalam realiti kehidupan amali mereka pastilah dihapuskan supaya mereka terlatih dengan cara hidup yang seperti ini semasa hayat Rasulullah s.a.w. dan di bawah penyeliaan beliau. Andainya kewujudan kepimpinan yang betul itu boleh menghalangkan dasar syura dan boleh menghalangkan umat itu dari dilatihkan dengan dasar ini secara amali dalam urusan yang paling penting - seperti Peperangan Uhud yang mungkin menentukan nasib terakhir umat Muslimin, sedangkan mereka satu umat yang kecil yang dilingkungi permusuhan-permusuhan dan bahaya-bahaya dari segenap sudut - dan menghalalkan pihak kepimpinan mengendalikan urusan yang penting itu secara persendirian sahaja - andainya kewujudan kepimpinan yang matang dalam kalangan umat Muslimin itu sudah mencukupi dan boleh menggantikan tempat syura dalam urusan-urusan yang paling penting tentulah kewujudan Muhammad s.a.w. di samping wahyu dari Allah S.W.T. yang ada bersama beliau sudah cukup untuk meniadakan hak syura bagi kaum Muslimin pada hari itu terutama memandangkan kepada akibat-akibat yang pahit yang telah dialami mereka di dalam suasana-suasana peperangan yang merbahaya kepada pertumbuhan umat Muslimin, tetapi kewujudan Muhammad s.a.w. di samping wahyu Allah yang ada bersama beliau dan di samping berlakunya peristiwa-peristiwa perpecahan dan wujudnya suasana-suasana perang yang merbahaya itu sama sekali tidak dapat menghapuskan hak syura itu, kerana Allah S.W.T. mengetahui bahawa dasar syura itu pastilah diamalkan dalam urusan-urusan yang amat penting biar apapun akibat-akibatnya, biar apa pun kerugian yang dihasilkannya, biar pun ia memecahkan barisan, biar bagaimana pahit sekalipun pengorbanan-pengorbanannya dan biar bagaimana besar kemerbahayaan yang disebabkan olehnya, kerana semuanya ini merupakan persoalan-persoalan kecil yang tidak menjadi batu penghalang di hadapan pertumbuhan satu umat yang matang, terlatih dalam kehidupan dan memahami tanggungjawab fikiran dan tindakan, satu umat yang sedar terhadap akibat-akibat fikiran dan tindakan. Dari sinilah datang perintah Ilahi yang berikut serentak dalam waktu yang sama:

فَٱعۡفُ عَنۡهُمۡ وَٱسۡتَغۡفِرۡ لَهُمۡ وَشَاوِرۡهُمۡ فِي ٱلۡأَمۡرِۖ

"Kerana itu maafkanlah mereka, pohonlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan"

untuk menegakkan dasar syura dalam menghadapi keadaan yang paling bahaya yang timbul akibat menggunakan dasar itu dan untuk menegakkan di dalam kehidupan umat Muslimin walau bagaimana sekalipun bahaya yang berlaku semasa mengamalkannya dan seterusnya untuk menggugurkan alasan yang lemah yang ditimbulkan dengan tujuan kerana hendak menghapuskan dasar syura dalam kehidupan umat Muslimin sebaik sahaja berlaku akibat-akibat yang buruk dari pelaksanaan dasar itu walaupun dalam bentuk perpecahan dalam barisan Muslimin sebagaimana yang telah berlaku di dalam Peperangan Uhud ketika musuh sedang berada di pintu, kerana kewujudan umat yang matang adalah bergantung kepada dasar ini dan kewujudan umat yang matang itu adalah lebih penting dari segala kerugian yang lain yang berlaku di tengah jalan.

Tetapi gambaran haqiqi sistem Islam belum lagi sempurna sehingga kita terus ikuti baki ayat yang berikut, di mana kita dapati bahawa syura itu sama sekali tidak berakhir dengan keadaan terumbang-ambing dan terhalang dan syura juga tidak terkaya dari tawakkal kepada Allah pada akhir perjalanan:

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

"Dan apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertawakkal."(159)

Garis Panduan Mengamalkan Dasar Syura

Tugas syura ialah memeriksa pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan dan memilih salah satu dari pandangan-pandangan yang dikemukakan itu. Apabila sampai ke tahap ini, maka berakhirlah peranan syura dan tiba pula peranan pelaksanaan, iaitu melaksanakan keputusan syura dengan tegas dan penuh azam serta bertawakkal kepada Allah. Di sini ia menghubungkan urusan itu dengan taqdir Allah dan menyerahkan kepada kehendak Allah mengaturkan akibat-akibatnya mengikut bagaimana yang dikehendaki oleh-Nya.

Sebagaimana Nabi s.a.w. telah menyampaikan pelajaran nabawi rabbaninya yang pertama ketika beliau mengajar dasar syura dan cara mengemukakan pandangan dan pendapat kepada umat Muslimin, juga mengajar kesanggupan memikul tanggungjawab melaksanakan dasar syura dalam urusan-urusan yang amat penting dan besar, begitu juga beliau telah menyampaikan pelajarannya yang kedua, iaitu pelajaran melaksanakan keputusan syura dan bertawakkal kepada Allah dan menyerahkan diri kepada taqdir-Nya. Kerana itu beliau terus bertindak melaksanakan keputusan keluar berperang di luar Madinah itu dan masuk ke dalam rumahnya memakai baju besinya dan ketika itu beliau benar-benar tahu ke mana beliau akan pergi dan apakah penderitaan-penderitaan dan pengorbanan-pengorbanan yang menunggu beliau dan para sahabatnya.... Dan sehingga ketika terbuka peluang yang lain, di mana para sahabatnya yang ghairah mahu keluar itu tiba-tiba merasa ragu-ragu dan bimbang bahawa mereka telah memaksa beliau dengan keputusan yang tidak disukainya lalu mereka menyerahkan perkara ini kepada beliau kembali sama ada beliau hendak keluar atau tinggal bertahan di Madinah....Sehingga ketika terbuka peluang ini beliau tidak juga mengambil kesempatan untuk berpatah balik, kerana beliau mahu mengajar satu pelajaran yang lengkap kepada mereka, iaitu pelajaran syura kemudian keazaman melaksanakan keputusan syura dengan bertawakkal kepada Allah dan menyerah diri kepada taqdir-Nya. Beliau mahu mengajar mereka bahawa syura itu ada waktunya dan selepas syura tidak ada lagi waktu untuk ragu-ragu, untuk bersikap terumbang-ambing dan kembali semula menimbang pendapat-pendapat dan fikiran-fikiran yang telah dipertimbangkan itu kerana perbuatan ini akan membawa kepada kelumpuhan, keadaan negatif dan keterumbang-ambingan yang tidak habis-habis. Malah prosesnya yang betul ialah mula-mula cadangan kemudian syura kemudian keputusan kemudian pelaksanaan keputusan dengan penuh tekad dan keazaman dan bertawakkal kepada Allah inilah sikap yang dikasihi Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

"Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertawakkal."(159)

Sifat yang dikasihi Allah itulah sifat yang seharusnya diberi perhatian yang berat oleh orang-orang yang beriman, malah itulah sifat yang membezakan orang-orang yang beriman. Sikap bertawakkal kepada Allah dan memulangkan segala urusan pada akhirnya kepada Allah merupakan garis imbangan terakhir dalam pandangan dan kefahaman Islam dan di dalam kehidupan Islam. Inilah cara berinteraksi dengan hakikat yang agung, bahawa segala urusan itu kembali kepada Allah dan Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Inilah salah satu pelajaran yang besar dari Peperangan Uhud dan pelajaran ini menjadi modal umat Muslimin bagi seluruh generasinya, bukannya modal bagi satu generasi dalam sesuatu zaman yang tertentu sahaja.

Hakikat Tawakkal Kepada Allah

Untuk menjelaskan hakikat tawakkal kepada Allah dan menegakkannya di atas asas-asasnya yang teguh, maka ayat yang berikut menjelaskan bahawa kekuatan yang bertindak dalam kemenangan dan kekalahan itu ialah kekuatan Allah. Oleh itu dari kekuatan Allahlah dicari kemenangan dan perlindungan dari kekalahan dan kepada kekuatan inilah kita bertawajjuh dan di atas kekuatan inilah kita bertawakkal selepas menyediakan segala peralatan dan mencuci tangan dari akibat-akibat serta menggantungkan akibat-akibat itu kepada taqdir-taqdir Allah:

إِن يَنصُرْكُمُ ٱللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ ۖ وَإِن يَخْذُلْكُمْ فَمَن ذَا ٱلَّذِى يَنصُرُكُم مِّنۢ بَعْدِهِۦ ۗ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦٠﴾

"Jika Allah menolong kamu, maka tiada siapa yang dapat mengalahkan kamu dan jika Dia mengecewakan kamu, maka siapakah lagi yang dapat menolong kamu selain dari Allah. Oleh itu hendaklah para Mu'minin bertawakkal kepada Allah."(160)

Kefahaman dan pandangan Islam mempunyai sifat imbangan yang sempurna di antara penentuan kuasa penciptaan mutlak kepada taqdir Allah S.W.T. dengan pelaksanaan taqdir Allah di dalam kehidupan manusia

melalui kegiatan, ciptaan dan kerja-kerja mereka. Sunnatullah itu berlangsung dengan mengaturkan natijah-natijah mengikut sebab-sebabnya, tetapi sebab-sebab itu sendiri bukanlah yang berkuasa melahirkan natijah-natijah itu, kerana pencipta yang berkuasa ialah Allah. Allah mengaturkan natijah-natijah mengikut sebab-sebab dengan perencanaan dan taqdir-Nya, dengan kehendak dan masyi'ah-Nya. Oleh sebab itu Allah menuntut manusia menunaikan kewajipannya, berusaha sedaya-upayanya dan menyempurnakan tanggungjawab-tanggungjawab, dan sejauh mana ia menunaikan semuanya itu, maka sejauh itulah Allah mengatur dan melahirkan natijah-natijahnya. Demikianlah natijah-natijah dan akibat-akibat itu tetap bergantung dengan masyi'ah dan taqdir Allah dan Dialah sahaja yang berkuasa membenarkan natijah-natijah dan akibat-akibat itu muncul ke alam al-wujud apabila dikehendaki-Nya dan mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya. Demikianlah wujudnya imbangan di antara kefahaman seorang Muslim dengan tindakannya; Ia bertindak, bekerja dan berusaha sedaya upaya, tetapi ia bergantung kepada taqdir dan masyi'ah Allah dalam hasil kerja dan usahanya. Tidak ada kepastian di antara natijah-natijah dan sebab-sebab di dalam kefahamannya. Dia tidak memastikan sesuatu ke atas Allah.

Di sini di dalam persoalan kemenangan dan kekalahan - sebagai natijah peperangan - Al-Qur'an mengembalikan kaum Muslimin kepada taqdir dan masyi'ah Allah dan menggantungkan mereka dengan iradat dan qudrat Allah, iaitu jika Allah menolong mereka, maka tiada siapa yang berkuasa mengalahkan mereka dan jika Allah menggagalkan mereka, maka tiada siapa yang sanggup menolong mereka. Itulah hakikat yang semesta/kulli yang mutlak di alam al-wujud ini. Di sana tiada kekuatan yang haqiqi melainkan kekuatan Allah, tiada qudrat yang haqiqi melainkan qudrat Allah dan tiada masyi'ah yang haqiqi melainkan masyi'ah Allah dan dari masyi'ah ini lahirnya segala benda dan segala peristiwa, tetapi hakikat semesta yang mutlak ini tidak membebaskan orang-orang Islam dari mengikut peraturan agama Allah, dari menta'ati perintah-perintah dan arahan-arahan Allah, dari memikul tugas-tugas tanggungjawab, dari berusaha sedaya upaya dan dari bertawakkal kepada Allah selepas melakukan kewajipan-kewajipan itu:

وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦٠﴾

"Oleh itu hendaklah para Mu'minin bertawakkal kepada Allah."(160)

Dengan tawakkal ini bersihlah kefahaman seorang Muslim dari fikiran hendak mencari sesuatu pada yang lain dari Allah dan berhubunglah hatinya secara langsung dengan kekuatan pencipta yang sebenar yang bertindak di alam al-wujud. Dan dengan ini dapatlah ia membebaskan dirinya dari segala bayangan palsu dan sebab-sebab yang karut yang kononnya berkuasa memberi pertolongan dan perlindungan. Dia tetap bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja yang berkuasa melahirkan natijah-natijah, menentukan nasib kesudahan, mengaturkan segala urusan dengan hikmat kebijaksanaan-Nya dan dia tetap menerima apa sahaja yang dibawa oleh taqdir Allah dengan tenang dan tenteram.

Itulah satu imbangan yang amat menarik, yang tidak pernah dikenali hati manusia melainkan di dalam Islam.

Kemudian Al-Qur'an kembali berbicara tentang nubuwwah dan ciri-ciri akhlaknya supaya dari paksi ini dapat ditarik tali-tali bimbingan supaya bersifat amanah dan tidak menggelapkan harta rampasan perang dan peringatan terhadap hisab Allah dan balasan yang sempurna tanpa sebarang penganiayaan:

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَن يَغُلَّ ۚ وَمَن يَغْلُلْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ
يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۚ ثُمَّ تُوَفَّىٰ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

"Tidak mungkin bagi seorang nabi menggelapkan harta rampasan perang dan barang siapa yang menggelapkan harta rampasan perang nescaya ia akan membawa bersamanya pada hari Qiamat segala sesuatu yang digelapkannya. Kemudian setiap orang dibalas dengan sempurna terhadap apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiayai."(161)

Isu Pecah Amanah

Di antara sebab-sebab yang membuat pasukan pemanah meninggalkan tempat pertahanan mereka di atas bukit ialah kebimbangan mereka bahawa Rasulullah s.a.w. tidak akan membahagikan harta rampasan perang kepada mereka, kebetulan setengah-setengah orang Munafiqin membuat desas-desus bahawa setengah-setengah harta rampasan Perang Badar telah hilang dan mereka tidak segan-segan membisikkan nama Rasulullah s.a.w. dalam perkara ini.

Di sini Al-Qur'an mengemukakan satu penerangan yang am untuk menegaskan bahawa para Anbia' itu tidak mungkin sekali-kali menggelapkan harta rampasan perang, iaitu mengambil sesuatu dari harta rampasan perang atau membahagi-bahagikannya kepada setengah-setengah pejuang sahaja dan tidak membahagikannya kepada pejuang-pejuang yang lain atau melakukan sesuatu pengkhianatan pada harta rampasan perang:

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَن يَغُلَّ

"Tidak mungkin bagi seorang nabi menggelapkan harta rampasan perang."

Tidak mungkin ia berbuat begitu, kerana perbuatan ini sama sekali bukan dari kelakuan dan akhlak nabi. Penafian di sini ialah penafian terhadap kemungkinan

berlakunya perbuatan yang curang itu bukannya penafian terhadap kehalalan atau keharusannya, kerana tabi'at nabi yang amanah, adil dan jujur tidak mungkin sama sekali berlaku perbuatan menggelapkan harta rampasan perang itu. Dalam satu bacaan yang lain ia dibaca "يُغَلَّ" dengan bina majhul dengan makna tidak harus dikhianati dan tidak pula harus disembunyikan sesuatu darinya oleh para pengikutnya. Jadi mengikut bacaan ini tujuan ini ialah melarang mengkhianati nabi dalam apa perkara sahaja, dan pengertian ini sesuai dengan bahagian yang kedua ayat ini. Inilah bacaan al-Hassan al-Basri.

Kemudian Al-Qur'an mengancam orang-orang yang menggelap dan menyembunyikan harta awam atau harta rampasan perang dengan ancaman yang menakutkan:

وَمَن يَغْلُلْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّىٰ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

"Dan barang siapa yang menggelapkan harta rampasan perang, nescaya dia akan membawa bersamanya pada hari Qiamat segala sesuatu yang digelapkannya. Kemudian setiap orang akan dibalas dengan sempurna terhadap apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiayai."(161)

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan katanya: Kami telah diceritakan oleh Suffian dari az-Zuhri bahawa dia mendengar 'Urwah berkata: Kami telah diceritakan Abu Humayd as-Sa'di katanya: Rasulullah s.a.w. telah melantik seorang lelaki dari suku al-Azd yang dipanggil Ibnul-Latibah sebagai 'amil sedekah (zakat) lalu dia datang dan berkata: "Yang ini untuk kamu dan yang ini hadiah orang untuk saya." Lalu Rasulullah s.a.w. berdiri di atas mimbar dan berucap:

ما بال العامل نبعثه على عمل فيقول: هذا لكم وهذا أهدي إلي. أفلا جلس في بيت أبيه وأمه فينظر أيهدى اليه أم لا؟ والذية نفس محمد بيده، لا يأتي أحدكم منها بشيء إلا جاء به يوم القيامة على رقبته، وإن بعيراً له رغاء، أوبقرة لها خوار، او شاة تيعر.

"Mengapa ada 'amil yang kami hantar untuk menguruskan kerja (memungut zakat) kemudian dia berkata: 'Yang ini untuk kamu dan yang ini hadiah orang untuk saya'. Mengapa dia tidak duduk di rumah bapanya dan ibunya supaya ia dapat melihat adakah orang datang memberi hadiah kepadanya atau tidak? Demi Allah yang nyawa Muhammad berada di tangan-Nya, tiada seseorang dari kamu yang mengambil sesuatu dari hadiah yang tidak sebenar itu melainkan dia akan memikulkannya di atas tengkuknya pada hari Qiamat dan jika yang diambilnya itu unta, maka ia akan menguak, atau yang diambilnya itu lembu, maka ia akan bertebuh atau yang diambilnya itu biri-biri maka ia akan membebek."

Kemudian beliau mengangkat kedua tangannya sehingga kami nampak putih dua ketiaknya kemudian beliau berdo'a:

اللّهم هل بلغت؟ – ثلاثا– واخرجه الشيخان

"Ya Allah! Adakah aku telah menyampaikan?" tiga kali.

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan isnadnya dari Abu Hurayrah katanya: Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. telah berdiri dalam kalangan kami lalu menyebut tentang perbuatan menggelapkan harta rampasan perang. Beliau membesar-besar dan memandang berat kepada perbuatan itu kemudian beliau bersabda:

لا الفين أحدكم يجيء يوم القيامة على رقبته بغير له رغاء، فيقول: يا رسول الله أغثني. فأقول: لا أملك لك من الله شيئاً قد بلغتك. لا ألفين أحدكم يجيء يوم القيامة على رقبته فرس لها حمحمة، فيقول: يا رسول الله أغثني. فأقول: لا أملك لك من الله شيئاً قد بلغتك. لا ألفين أحدكم يجيء يوم القيامة على رقبته صامت. فيقول: يا رسول الله اغثني. فأقول: لا أملك لك من الله شيئاً قد بلغتك – واخرجه الشيخان من حديث أبي حيان.

"Sesungguhnya aku tidak mahu menemui seorang dari kamu datang pada hari Qiamat memikul di atas tengkuknya seekor unta yang menguak-nguak lalu dia berkata kepadaku: Wahai Rasulullah! Tolonglah saya! Aku jawab: Aku tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menolong engkau dan aku telah pun menyampaikan perkara ini kepada engkau. Sesungguhnya aku tidak mahu menemui lagi seorang dari kamu datang pada hari Qiamat memikul di atas tengkuknya seekor kuda yang menjerit-jerit lalu dia berkata kepadaku: Wahai Rasulullah! Tolonglah saya! Aku jawab: Aku tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menolong engkau dan aku telah pun menyampaikan perkara ini kepada engkau. Sesungguhnya aku tidak mahu menemui lagi seorang dari kamu datang pada hari Qiamat memikul di atas tengkuknya emas dan perak yang bungkam lalu dia berkata kepadaku: Wahai Rasulullah! Tolonglah saya! Aku jawab: Aku tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menolong engkau dan aku telah pun menyampaikan perkara ini kepada engkau."

Al-Imam Ahmad meriwayatkan pula dengan isnadnya dari Adi ibn 'Umayrah al-Kindi katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

يا ايها الناس من عمل لنا منكم عملاً. فكتمنا منه مخيطا فما فوقه فهو، غل يأتي به يوم القيامة.

"Wahai manusia! Sesiapa dari kamu yang dilantik menguruskan sesuatu kerja untuk kami lalu dia menyembunyikan kepada kami sebatang jarum darinya atau lebih kecil lagi, maka itulah barang gelap (curi) yang akan dibawanya pada hari Qiamat."

Ujar 'Adi lalu seorang lelaki hitam dari orang-orang Ansar bangkit berdiri – Kata Mujahid: Itulah Sa'd ibn 'Ubadah seolah-olah saya masih ternampak-nampaknya – lalu berkata: "Wahai Rasulullah: Terimalah kembali dariku kerja engkau." Jawab

beliau: "Mengapa?" Katanya: "Kerana aku dengar engkau berkata begini begini." Jawab beliau:

وأنا أقول ذلك الآن، من استعملناه على عمل فليجيء
بقليله وكثيره. فما أوتي منه أخذه، وما نهي عنه انتهى.

"Dan sekarang juga aku berkata begitu, iaitu sesiapa yang kami lantikkannya menguruskan sesuatu kerja, maka hendaklah bawakannya sama ada yang sedikit atau yang banyak dan sesuatu yang diberi kepadanya boleh dia ambil dan sesuatu yang ditegahkan darinya hendaklah dia tahankan dirinya."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud dari beberapa saluran dari Ismail ibn Abi Rafi).

Ayat Al-Qur'an yang mulia ini dan hadith-hadith nabi telah membawa sebaik-baik kesan dalam mendidik kelompok Muslimin itu dan mendatangkan hasil yang amat menarik. Ia telah berjaya melahirkan satu kelompok manusia yang bersifat amanah, jujur dan segan melakukan segala bentuk perbuatan menggelap dan menyembunyikan harta rampasan perang yang tidak pernah berlaku di dalam kelompok manusia yang lain. Pernah seseorang dari mereka mendapat harta rampasan perang yang amat berharga tanpa dilihat oleh sesiapa pun, namun ia tetap membawa harta rampasan itu kepada ketua pasukannya tanpa berangan-angan untuk mengambil sesuatu darinya kerana takut termasuk di bawah ancaman Al-Qur'an itu dan takut menemui nabinya dengan keadaan yang amat memalu pada hari Qiamat kelak sebagaimana yang telah diperingati beliau. Inilah hakikat yang dihayati oleh seorang Muslim. Ia melihat Akhirat di dalam hatinya dan melihat dirinya di hadapan nabinya dan di hadapan Tuhannya. Oleh sebab itulah ia memelihara dirinya dan bimbang berada dalam keadaan yang memalukan itu. Inilah rahsia taqwanya dan ketakutannya kepada Allah dan rahsia keengganannya (melakukan perbuatan-perbuatan yang salah). Dia memandang Akhirat sebagai hakikat yang dihayatinya bukannya sebagai suatu janji yang jauh. Dia yakin dan tidak pernah ragu-ragu bahawa setiap orang akan mendapat balasan yang sempurna dari segala perbuatan yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiayai.

Ibn Jarir at-Tabari telah menceritakan di dalam sejarahnya, katanya: Apabila tentera-tentera Muslimin berhenti di al-Mada'in dan mengumpul harta-harta rampasan yang belum dibahagi tiba-tiba datang seorang tentera membawa suatu harta rampasan bersamanya dan menyerahkannya kepada penjaga harta rampasan lalu penjaga dan orang yang bersama dengannya berkata: "Kami tidak pernah melihat harta yang berharga seperti ini. Segala harta rampasan yang ada pada kami tidak senilai dengannya dan tidak pula hampir senilai dengannya". Kemudian mereka berkata lagi: "Adakah awak mengambil sesuatu darinya?" jawab tentera itu: "Demi Allah, jika tidak kerana Allah aku tidak menyerahkannya kepada kamu." Kini mereka sedar bahawa tentera ini adalah seorang yang mempunyai sifat yang tinggi lalu mereka bertanya, "Awak siapa?" Dia menjawab: "Tidak, demi Allah, saya tidak akan menceritakan nama saya kepada kamu supaya kamu memuji saya dan tidak pula kepada orang-orang lain dari kamu supaya mereka memberi sanjungan yang tinggi kepada saya, tetapi saya bersyukur kepada Allah dan berpuas hati dengan pahala dan balasan-Nya. Kemudian mereka menghantarkan seorang lelaki yang lain mengikutinya hingga sampai kepada sahabat-sahabatnya lalu ia bertanya mereka, tentang lelaki itu dan dapat mengetahui bahawa lelaki itu ialah 'Amir bin Abd Qays.[6]

Selepas penaklukan bandar al-Qadisiyah, harta-harta rampasan perang telah dibawa kepada Umar r.a. termasuk mahkota Kisra dan balairongnya yang tidak ternilai harganya. Umar r.a. melihat apa yang dibawa oleh tentera itu dengan penuh gembira dan berkata: "Tentera-tentera yang membawa harta-harta ini kepada pemerintah mereka adalah bersifat jujur dan amanah belaka".

Demikianlah Islam telah mendidik kaum Muslimin dengan didikan yang mengkagumkan, yang mana cerita-ceritanya hampir-hampir dikira sebagai dongeng.

Kemudian Al-Qur'an - ketika memperkatakan tentang harta rampasan perang dan perbuatan menggelapkannya - menimbangkan di antara nilai-nilai harta rampasan perang dan nilai-nilai yang haqiqi yang layak diberi perhatian dan difikirkan oleh hati yang Mu'min.

أَفَمَنِ ٱتَّبَعَ رِضْوَٰنَ ٱللَّهِ كَمَنۢ بَآءَ بِسَخَطٍ مِّنَ ٱللَّهِ
وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۚ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦٢﴾

هُمْ دَرَجَٰتٌ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿١٦٣﴾

"Apakah orang yang mengikut keredhaan-Nya sama dengan orang yang kelak kembali dengan kemurkaan dari Allah dan tempat kediamannya ialah Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.(162) Mereka mempunyai darjah-darjah yang tinggi di sisi Allah dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka."(163)

Itulah perpindahan yang membuat harta-harta rampasan perang itu kelihatan begitu kecil di samping membuat usaha memikirkan harta benda dunia itu juga kelihatan sangat kecil dan remeh. Ia merupakan satu sentuhan dari sentuhan-sentuhan cara Al-Qur'an yang menarik di dalam mendidik hati manusia dan mempertingkatkan minat dan cita-cita mereka serta meluaskan untuk pandangan mereka dan mendorong mereka kepada perlumbaan yang sebenar di medan yang tulen.

أَفَمَنِ ٱتَّبَعَ رِضْوَٰنَ ٱللَّهِ كَمَنۢ بَآءَ بِسَخَطٍ مِّنَ ٱللَّهِ

---

[6] *Tarikh at-Tabari, Juzu' 4, m.s. 16*

وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۚ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦٢﴾

"Apakah orang yang mengikut keredhaan-Nya sama dengan orang yang kelak kembali dengan kemurkaan dari Allah dan tempat kediamannya ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(162)

Inilah nilai-nilai, inilah bidang-bidang ketamakan dan pilihan. Inilah medan keuntungan dan kerugian. Dan amatlah jauh perbezaan di antara mereka yang mengikut keredhaan Allah dan mencapaikannya dengan mereka yang pulang dengan kemurkaan Allah menuju ke Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kembali.

Perbezaan di antara dua darjah adalah amat jauh.

هُمْ دَرَجَٰتٌ عِندَ ٱللَّهِ ۗ

"Mereka mempunyai darjah-darjah yang tinggi di sisi Allah."

Dan setiap orang masing-masing mendapat darjatnya mengikut kewajaran yang terhak kepadanya. Di sana tidak ada sebarang penganiayaan, tidak ada pilih kasih dan tiada pembalasan yang diberi secara sembarangan.

وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿١٦٣﴾

"Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka."(163)

Kemudian ceraian ini diakhiri dengan merujukkan semula kepada paksi asalnya iaitu peribadi Rasulullah s.a.w. dan risalahnya dan kebesaran ni'mat ini kepada para Mu'minin:

لَقَدْ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا
مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا۟ مِن
قَبْلُ لَفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat ke atas para Mu'minin ketika Dia mengutuskan kepada mereka seorang Rasul dari diri mereka sendiri yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan mereka dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat dan walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata."(164)

Hakikat Kerasulan Yang Agung

Pengakhiran ceraian ini dengan menyebut hakikat yang agung ini, iaitu hakikat Rasulullah s.a.w. dan nilainya yang tersendiri. Ia merupakan ni'mat Ilahi yang amat besar yang disempurnakan Allah dengannya. Ia mempunyai peranan (yang amat besar) dalam membentuk umat Muslimin, dalam mengajar, mendidik dan memimpin mereka dan seterusnya dalam memindahkan mereka dari kesesatan yang terang-terang kepada ilmu pengetahuan, hikmat dan kebersihan. Pengakhiran ini mengandungi berbagai-bagai sentuhan Al-Qur'an yang mendalam.

Mula-mula hakikat ini disebut sebagai ekoran dari persoalan harta rampasan dan perbuatan menggelap atau menyorokkannya sebelum dibahagi dan sikap mereka yang memberi perhatian yang berat kepada persoalan yang kecil ini, dan sikap inilah yang menjadi sebab secara langsung yang mengubahkan keadaan di dalam peperangan itu. Ia menukarkan kemenangan dengan kekalahan dan menyebabkan tentera Muslimin menderita kerugian jiwa dan mengalami kecederaan-kecederaan yang teruk. Oleh itu dengan menyebut hakikat kerasulan yang agung ini dan ni'mat yang amat besar yang terkandung dalam kerasulan itu merupakan satu sentuhan yang amat mendalam dari sentuhan-sentuhan tarbiyah Al-Qur'an yang unik. Dengan sentuhan ini seluruh harta rampasan di bumi dan harta benda dunia kelihatan kecil dan remeh-temeh belaka, tidak layak disebut dan tidak mempunyai nilai. Semuanya menjadi sesuatu yang segan dan malu disebut oleh orang yang beriman, malah malu difikirkan olehnya apatah lagi hendak diberi perhatian yang berat.

Kemudian hakikat ini disebut sekali lagi ketika berbicara tentang kekalahan, kecederaan-kecederaan, kesakitan dan kerugian-kerugian yang telah menimpa tentera-tentera Muslimin di dalam peperangan itu. Menyebut hakikat yang agung itu di sini merupakan satu sentuhan yang amat mendalam dari sentuhan tarbiyah Al-Qur'an yang amat menarik. Dengan sentuhan itu segala kesakitan dan kerugian, segala kecederaan dan pengorbanan dipandang kecil belaka, sedangkan ni'mat kerasulan dipandang begitu besar dan ternampaklah bahawa limpah kurnia kerasulan itu mengatasi segala-galanya dalam kehidupan umat manusia.

Kemudian kesan-kesan ni'mat (atau hakikat yang agung ini) di dalam kehidupan umat Muslimin disebut dalam ayat yang berikut:

يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ
ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا۟ مِن قَبْلُ لَفِى
ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾

"Yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan mereka dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat dan walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata."(164)

Ayat ini membayangkan perpindahan dan perubahan dari satu keadaan kepada satu keadaan, dari satu kedudukan kepada satu kedudukan, dari satu zaman ke satu zaman dan ia membuat umat Muslimin sedar bahawa di sebalik perpindahan dan perubahan itu adanya perencanaan-perencanaan dan taqdir Allah yang mahukan umat ini melaksanakan

sesuatu yang amat besar dalam sejarah bumi dan dalam kehidupan umat manusia. Dialah yang menyediakan mereka untuk memikul tugasnya yang agung ini dengan mengutuskan Rasulullah s.a.w. Oleh itu tidaklah seharusnya bagi satu umat yang mempunyai kedudukan yang setinggi ini memikirkan persoalan harta rampasan perang yang sangat kecil apabila dilihat kepada matlamat yang agung ini, juga tidak seharusnya merasa begitu cemas dan terharu terhadap pengorbanan-pengorbanan jiwa dan kecederaan-kecederaan yang sangat sedikit jika dilihat kepada tujuan yang agung ini.

Inilah beberapa sentuhan yang dapat diambil dari sebutan "ni'mat kebangkitan Rasul" yang dibangkitkan dalam rangkaian ayat ini. Kami jelaskannya secara ringkas dan umum untuk menghadapi nas Al-Qur'an sendiri yang penuh dengan berbagai-bagai saranan dan bayangan:

لَقَدْ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat ke atas para Mu'minin ketika Dia mengutuskan kepada mereka seorang Rasul dari diri mereka sendiri."

Ni'mat Kebangkitan Rasul

Adalah suatu ni'mat yang agung apabila Allah mengutuskan seorang Rasul kepada mereka dan Rasul itu pula dipilih dari golongan mereka sendiri. 'Inayah Allah Yang Maha Pemurah yang mengutuskan seorang Rasul dari sisi-Nya kepada setengah-setengah makhluk-Nya merupakan satu kurnia yang hanya terbit dari limpah kemurahan Ilahi semata-mata, iaitu satu kurnia yang tulus yang tidak dibalas sesuatu pun dari pihak manusia. Jika tidak kerana limpah kurnia ini siapakah gerangan makhluk manusia ini sehingga Allah mengingati mereka setinggi ini dan memberi 'inayah yang seberat ini kepada mereka? Siapakah mereka sehingga Allah memuliakan mereka dengan mengutuskan Rasul kepada mereka untuk membaca kepada mereka ayat-ayat-Nya dan kalimat-kalimat-Nya jika tidak kerana kurnia-Nya yang melimpah ruah tanpa hisab, tanpa sebab dan tanpa balasan.

Kurnia itu menjadi bertambah besar lagi apabila Rasul itu dipilih dari diri mereka sendiri "من انفسهم" Al-Qur'an tidak berkata: "منهم" yang bererti "dari mereka" kerana pengungkapan Al-Qur'an dengan "من انفسهم" (dari diri mereka) membawa pengertian dan saranan yang amat mendalam, kerana hubungan di antara para Mu'minin dengan Rasul ialah hubungan di antara diri dengan diri atau jiwa dengan jiwa bukan hubungan di antara individu dengan bangsa, kerana persoalan di sini bukannya persoalan Rasul itu seseorang dari mereka dan cukup begitu sahaja, malah ia lebih mendalam dan lebih tinggi dari itu lagi. Di samping itu para Mu'minin itu dapat mencapai perhubungan jiwa ke jiwa dengan Rasul itu melalui keimanan mereka. Mereka sampai ke kemuncak kemuliaan itu sebagai suatu kurnia dari Allah kepada para Mu'minin. Jelaslah bahawa kurnia Ilahi itu berlipat ganda dalam bentuk pengiriman Rasul dan perhubungan jiwa mereka dengan jiwa Rasul dengan hubungan yang mesra ini.

Kemudian limpah kurnia Ilahi itu dapat dilihat dengan jelas dalam kesan-kesannya yang amali, iaitu di dalam jiwa mereka, kehidupan mereka dan sejarah insaniyah mereka:

يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ

"Yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan mereka dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat."

Ni'mat ini dapat dilihat dalam bidangnya yang paling besar, iaitu manusia dimuliakan Allah dengan pengiriman Rasul untuk membaca kepada mereka kalam Allah yang Maha Mulia.

يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِهِۦ

"Yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah."

Andainya seseorang manusia memikirkan ni'mat ini sahaja tentulah ia akan kagum dan terharu sehingga ia tidak berupaya berdiri di hadapan Allah walaupun untuk menyatakan kesyukurannya dan mendirikan solat.

Andainya ia berfikir bahawa Allah Yang Maha Agung telah melimpahkan kurnia kepadanya iaitu dengan berbicara dengannya mengenai zat dan sifat-sifat-Nya yang mulia, mengenalkan kepadanya hakikat Uluhiyah dan ciri-cirinya, juga berbicara dengannya mengenai dirinya sendiri sebagai manusia, iaitu hamba yang sangat kecil dan kerdil, seterusnya mengenai hidupnya, fikiran dan perasaannya, dan mengenai gerak diamnya. Allah berbicara dengannya untuk mengajak kepada agama yang dapat menghidupkan jiwanya, membetulkan hati dan keadaannya dan kepada Syurga yang seluas langit dan bumi.

Tidakkah semuanya merupakan semata-mata limpah kurnia yang terbit dari ni'mat dan pemberian dari pengiriman Rasul?

Allah Yang Maha Agung itu adalah terkaya dan tidak berkehendak kepada semesta alam, sedangkan makhluk insan yang kerdil itulah yang sangat miskin dan berkehendak kepada limpah kurnia Allah, tetapi di sini Allahlah yang mengambil berat terhadap makhluk yang kerdil ini dan memberi sepenuh 'inayah kepadanya. Dia mengikuti insan dengan da'wah-Nya. Di sini yang kaya berbicara dengan yang miskin. Dia menyerunya dan berulang-ulang kali menyerunya.

Alangkah besar kemurahan Allah. Alangkah besar limpah kurnia-Nya yang tidak dapat dibalas dengan kesyukuran.

وَيُزَكِّيهِمْ

"Membersihkan mereka."

Yakni membersihkan hati, pemikiran dan perasaan mereka, membersihkan rumahtangga, maruah dan hubungan-hubungan mereka, membersihkan kehidupan masyarakat dan peraturan-peraturan hidup mereka, membersihkan mereka dari najis-najis syirik, kepercayaan keberhalaan, kepercayaan tahyul dan dongeng-dongeng dan kesan yang dilahirkannya di dalam kehidupan manusia dari upacara-upacara, adat-adat resam dam tradisi-tradisi yang rendah yang menjatuhkan manusia dan insaniyahnya dan seterusnya membersihkan mereka dari noda-noda kehidupan jahiliyah yang mengotorkan perasaan, adat resam, tradisi-tradisi, nilai-nilai dan kefahaman-kefahaman.

Sesungguhnya setiap jahiliyah yang ada di sekeliling mereka mempunyai kekotoran-kekotorannya, dan bangsa Arab sendiri juga mempunyai jahiliyah yang penuh dengan kekotoran.

Di antara kekotoran jahiliyah Arab ialah apa yang diceritakan oleh Ja'afar ibn Abi Talib ketika beliau mengadap Najasyi Seri Maharaja Habsyah semasa bersemuka dengan dua orang utusan Quraisy yang diutus kepada baginda supaya baginda menyerahkan kepada mereka para Muhajirin Islam yang mendapat perlindungan baginda itu. Ujar Ja'afar:

"Wahai Seri Maharaja! Kami adalah kaum jahiliyah, kami menyembah berhala, kami makan bangkai, kami melakukan perbuatan-perbuatan zina, kami memutuskan hubungan rahim, kami mengganggu jiran, yang kuat dari kami memakan yang lemah, demikianlah keadaan hidup kami sehingga Allah bangkitkan kepada kami seorang Rasul dari golongan kami sendiri, yang kami kenal keturunannya, kebenaran tutur katanya, amanahnya, kejujurannya dan kebersihan hatinya. Dia menyeru kami supaya beriman dan menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan membuang segala sembahan yang lain yang kami dan datuk nenek kami sembah sebelum ini dari batu-batu dan berhala-berhala. Dia menyuruh kami bercakap benar, menunaikan amanah, menghubungkan silaturrahim, membuat hubungan kejiranan yang baik, menahankan diri dari melakukan perkara-perkara yang diharamkan dan dari menumpahkan darah. Dia melarang kami melakukan perbuatan-perbuatan zina, bercakap bohong, makan harta anak yatim dan melemparkan tuduhan zina kepada perempuan-perempuan yang baik dan muhsanah. Dia menyuruh kami menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya dengan suatu apa. Dia menyuruh kami mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan berpuasa."

Di antara kekotoran jahiliyah Arab lagi ialah apa yang diceritakan oleh Aisyah r.a. apabila beliau menerangkan jenis-jenis perhubungan di antara lelaki dan perempuan di zaman jahiliyah. Sebagaimana tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dengan gambaran haiwaniyah yang rendah dan hina ini:

"Perkahwinan di dalam jahiliyah berlaku mengikut empat cara. Satu cara perkahwinan di antaranya ialah perkahwinan biasa orang ramai hari ini iaitu: Si lelaki meminang kepada wali anak perempuan di bawah jagaannya atau anak perempuannya sendiri kemudian dia membayar mas kahwinnya dan berkahwin dengannya. Satu cara perkahwinan lagi ialah si suami berkata kepada isterinya: 'Pergilah awak kepada lelaki itu dan mintalah bersetubuh dengannya', selepas itu si suami menjauhkan diri dan sama sekali tidak bersetubuh dengan isterinya itu sehingga ternyata ia benar-benar hamil dari lelaki yang diminta bersetubuh dengannya itu. Apabila ternyata ia hamil barulah suaminya bersetubuh dengannya jika ia suka. Si suami berbuat demikian kerana ingin mewarisi kecerdasan lelaki itu. Perkahwinan ini dipanggil perkahwinan 'Minta bersetubuh'. Satu jenis perkahwinan lagi ialah sekumpulan lelaki kurang dari sepuluh orang mendatangi seorang perempuan dan semuanya bersetubuh dengannya. Apabila perempuan itu hamil dan melahirkan anak, dia akan menjemput semua lelaki itu selepas beberapa malam ia melahirkan anak itu. Tiada seorang pun dari mereka yang boleh mengelak dari hadir. Apabila mereka sekalian berkumpul, si perempuan itu akan berkata kepada mereka 'Kamu sekalian tentulah mengetahui apa yang telah dilakukan kamu, dan sekarang saya telah melahirkan anak dan anak ini ialah anak awak, wahai si anu!' Perempuan ini boleh menamakan lelaki mana sahaja yang disukai olehnya dan anak itu akan dibinkan kepada lelaki itu dan dia tidak boleh menolak. Cara perkahwinan yang keempat ialah sekumpulan lelaki yang banyak mendatangi seorang perempuan yang tidak menolak siapa sahaja yang inginkannya. Mereka ialah perempuan-perempuan pelacur. Mereka menandakan rumah-rumah mereka dengan bendera-bendera. Sesiapa yang inginkan mereka ia boleh masuk ke rumah mereka dan apabila salah seorang dari mereka mengandung dan melahirkan anak, maka lelaki-lelaki itu akan berkumpul dan memanggil pakar-pakar yang pandai mengesan keturunan dan merekalah yang akan menghubungkan si anak itu kepada mana-mana lelaki yang difikir oleh mereka sebagai bapanya dan akan dibinkan kepadanya dan dia tidak boleh menolak."

Maksud gambaran ini menunjukkan betapa rendahnya pemikiran manusia dan sifat kebinatangannya tidak lagi memerlukan apa-apa ulasan. Cukuplah difikirkan bagaimana seseorang suami tergamak menghantar isterinya kepada si anu untuk mendapat anak yang cerdik sama seperti ia menghantar unta betinanya atau kudanya atau binatang-binatang betina yang lain kepada binatang jantan yang tertentu untuk mendapat baka yang baik.

Cukuplah difikirkan bagaimana sekumpulan lelaki kurang dari sepuluh orang mendatangi serentak

seorang perempuan kemudian semuanya bergilir-gilir bersetubuh dengannya kemudian dia memilih salah seorang dari mereka untuk menjadi bapa kepada anak yang dilahirkannya.

Dalam gambaran perkahwinan yang keempat pula kita dapati gambaran pelacuran, di mana anak yang dilahirkan oleh pelacur itu akan dibinkan kepada mana-mana lelaki yang pernah berzina dengannya, sedangkan lelaki itu tidak memandangnya sebagai suatu keaiban dan tidak pula mengelak darinya.

Itulah lumpur jahiliyah yang telah dibersihkan orang-orang Arab darinya oleh Islam dan andainya tidak kerana Islam mereka akan terus tenggelam di dalam lumpur itu hingga ke paras dagu mereka.

Kekotoran dalam hubungan-hubungan kelamin itu hanya merupakan sebahagian dari pandangan yang rendah terhadap kaum wanita di zaman jahiliyah. Ujar al-Ustaz Abu al-Hassan an-Nadawi di dalam bukunya yang bernilai ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين (Apakah Kerugian Dunia Dengan Sebab Kejatuhan Umat Muslimin):

Kedudukan Kaum Wanita Di Zaman Jahiliyah

"Kaum wanita di dalam masyarakat jahiliyah terdedah kepada kezaliman dan penindasan. Hak-haknya dimakan dan harta kekayaannya diperas. Ia dihalang dari mewarisi pusakanya. Ia dipersulitkan dari berkahwin dengan lelaki yang disukainya selepas ia dicerai atau selepas kematian suaminya.[7] Ia menjadi bahan-bahan warisan yang dipusakai seperti barang-barang dan binatang-binatang. [8] Dari Ibn Abbas katanya: 'Seorang lelaki apabila mati bapanya atau bapa mertuanya, maka dia lebih berhak memiliki isterinya, jika dia suka dia boleh memegangnya atau menahannya sehingga si isteri itu membayar tebusan dengan maskahwinnya atau si isteri itu mati dan dia dapat membolot hartanya'. Ujar 'Ata' ibn Rabah: 'Mengikut adat kaum jahiliyah apabila mati seorang lelaki dan meninggal isteri, maka keluarga si mati akan menahan perempuan itu untuk dikahwinkan dengan kanak-kanak mereka jika mereka besar kelak kerana tamakkan hartanya)'. Ujar as-Suddi pula: Seorang lelaki di zaman jahiliyah apabila bapanya mati atau saudaranya atau anaknya dan si mati meninggal isteri, maka dilihat; jika waris si mati itu lebih dahulu mencampakkan bajunya ke atas balu itu, maka dialah yang lebih berhak mengahwininya atau mengahwinkannya dengan orang lain dan mengambil maskahwinnya, dan jika si balu itu lebih dahulu balik kepada keluarganya, maka dia lebih berhak dengan dirinya.' Perempuan di zaman jahiliyah diberi layanan yang tidak adil. Kaum lelaki dapat meni'mati hak-hak mereka sepenuhnya sedangkan kaum perempuan tidak dapat meni'mati hak-hak mereka. Maskahwin yang diberikan kepadanya diambil dan dia dipegang (dirujuk) untuk dilakukan kesusahan, penganiayaan ke atasnya. [9] Ia tidak dihiraukan oleh suaminya dan kadang-kadang ia ditinggal tergantung-gantung.[10] Di sana terdapat makanan-makanan yang dikhususkan kepada orang-orang lelaki sahaja dan diharamkan kepada kaum perempuan [11] dan kaum lelaki diharuskan berkahwin seramai mana yang dikehendaki tanpa batas.[12]

"Kebencian terhadap anak-anak perempuan sampai ke tahap membunuh mereka dengan menanam hidup-hidup. Al-Haytham ibn 'Adi telah menyebut cerita dari al-Midani: Bahawa pembunuhan anak perempuan dengan penanaman hidup-hidup itu dilakukan pada semua qabilah Arab. Kadang satu yang melakukannya dan sepuluh yang lain meninggalkannya sehingga datang Islam. Sebab-sebab yang mendorong orang-orang Arab menanamkan anak-anak mereka itu adalah berbeza-beza. Di antara mereka ada yang membunuh anak-anak perempuan kerana cemburu dan takut mendapat malu kerana mereka. Ada yang membunuh anak perempuan yang biru atau hitam atau putih seperti penyakit sopak atau tempang kerana sifat-sifat itu menimbulkan anggapan sial pada mereka. Di antara mereka pula ada yang membunuh anak-anak perempuan kerana takut kepada perbelanjaan dan takut kepada kemiskinan.

"Mereka membunuh anak-anak perempuan dan menanamkan mereka hidup-hidup kadang-kadang dengan cara yang amat kejam. Kadang-kadang penanaman itu ditunda kerana si bapa berada di dalam persafiran atau sedang dalam kesibukan. Oleh sebab itu si anak yang malang itu tidak ditanam melainkan sesudah ia besar dan berakal. Mereka sendiri telah menceritakan kisah-kisah sedih penanaman itu yang telah dilakukan mereka. Setengah-setengah mereka membunuh anak perempuan mereka dengan mencampakkannya dari tempat yang tinggi".[13]

Di antara kekotoran jahiliyah - iaitu kekotoran yang menjadi pokok pangkal segala kekotoran - ialah kepercayaan syirik dan kepercayaan menyembah berhala yang rendah dan dungu sebagaimana dijelaskan oleh al-Ustaz Abu al-Hassan an-Nadawi di dalam bukunya:

Adat Menyembah Berhala

"Umat Arab telah terbenam dalam kepercayaan keberhalaan dan menyembah berhala-berhala dalam bentuk-bentuk yang amat buruk. Setiap qabilah atau setiap kawasan atau setiap bandar mempunyai berhala masing-masing, malah setiap rumah mempunyai berhala khusus untuknya. Ujar al-Kalbi:

---

7 *Surah al-Baqarah (232).*

8 *Surah an-Nisa' (19).*

9 *Surah al-Baqarah (231)*

10 *Surah an-Nisa' (129).*

11 *Surah al-An'am (139).*

12 *Surah an-Nisa' (3).*

13 بلوغ الأدب فى أحوال العرب

'Penghuni setiap rumah di Makkah mempunyai berhala yang diletakkan di rumah untuk disembah mereka. Apabila seseorang dari mereka hendak keluar musafir, maka perbuatan akhir yang dilakukan mereka ialah mengusap-ngusap patung itu dan apabila mereka pulang dari persafiran maka tugas pertama yang dilakukan mereka ialah mengusap-ngusap patung itu juga'. [14] Orang-orang Arab menyembah berhala dengan kepatuhan yang membabi buta. Di antara mereka ada yang membuat rumah berhala dan ada pula yang membuat berhala. Bagi mereka yang tidak berupaya mengadakan rumah berhala dan membuat berhala, mereka mendirikan sebiji batu di hadapan Baitil-Haram atau di hadapan tempat yang lain yang difikir elok olehnya kemudian dia akan bertawaf di sekeliling batu itu sebagaimana ia bertawaf di sekeliling Ka'bah. Batu-batu itulah yang dinamakan mereka sebagai Ansab atau batu-batu sembahan[15] di dalam bangunan Ka'bah itu sendiri - iaitu rumah ibadat yang dibangunkan untuk beribadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja - dan di pekarangannya terdapat tiga ratus enam puluh berhala. [16] Mereka menurun beransur-ansur dari menyembah berhala-berhala dan patung-patung kepada menyembah batu-batu. Al-Bukhari meriwayatkan dari Abu Raja' al-'Ataridi katanya: Kami menyembah batu dan jika kami temui batu yang lebih baik dari batu yang ada kami campakkannya dan mengambil batu yang baru dan jika kami tidak boleh mendapat batu kami longgokkan tanah kemudian kami membawa biri-biri dan memerahkan susunya ke atas longgokan tanah itu kemudian kami bertawaf mengelilingnya'. [17] Ujar al-Kalbi: 'Apabila seorang lelaki keluar musafir dan berhenti di suatu tempat, maka ia akan mengambil empat biji batu lalu memilih yang tercantik di antaranya kemudian ia jadikannya tuhan dan tiga batu yang baki lagi itu dijadikannya tungku periuknya dan apabila dia meninggalkan tempat itu maka batu itu pun ditinggalkannya.'[18]

"Orang-orang Arab - seperti semua umat Musyrikin yang lain di setiap zaman dan tempat - mempunyai berbagai-bagai tuhan dari malaikat-malaikat, jin dan bintang-bintang. Mereka mempercayai bahawa malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah oleh kerana itu mereka mengambil malaikat sebagai penolong-penolong mereka di sisi Allah. Mereka menyembah Malaikat dan bertawassul dengan mereka di sisi Allah. Begitu juga mereka jadikan jin sebagai sekutu-sekutu Allah. Mereka percaya kepada kuasa dan kekuatan jin dan mereka menyembah jin.[19] Ujar al-Kalbi: 'Bani Mulayh dari suku Khuza'ah menyembah jin. [20] Kata Sa'id: 'Suku Himyar menyembah matahari, suku Kinanah menyembah bulan, suku Tamim menyembah Dabaran suku Lakhm dan Juzam menyembah bintang Musytari atau Jupiter, suku Tay menyembah bintang Suhayla atau Canopus, suku Qays menyembah bintang asy-Syi'ra atau bintang anjing dan suku Asad menyembah 'Utarid".[21]

Cukuplah bagi seseorang memerhatikan gambaran kepercayaan menyembah berhala yang primitif dan kasar itu untuk mengetahui sejauh mana kekotoran yang ditimbulkannya di dalam hati, dalam kefahaman-kefahaman dan kehidupan mereka, juga untuk menyedari sejauh mana perubahan besar yang telah dilakukan oleh Islam terhadap mereka dan sejauh mana kebersihan yang telah disempurnakan Islam di dalam kefahaman-kefahaman dan kehidupan mereka. Turut terkumpul di dalam kekotoran-kekotoran ini ialah penyakit-penyakit akhlak dan penyakit-penyakit sosial yang dalam masa yang sama menjadi bahan-bahan kebanggaan yang disebut-sebut di dalam sajak-sajak mereka dan diumumkan di pasar-pasar mereka seperti minum arak, berjudi, tindakan-tindakan menuntut bela dari suku-suku yang kecil. Inilah perkara-perkara yang sentiasa menjadi sasaran perhatian mereka. Oleh sebab itu minat dan perhatian mereka tidak terangkat dari tahap kefahaman-kefahaman tempatan yang terbatas itu.

Peperangan Suku-suku Kaum Di Zaman Jahiliyah

"Peperangan dan penumpahan darah menjadi begitu mudah di sisi mereka. Mereka melakukannya dengan sebab-sebab yang kecil. Misalnya peperangan telah berlaku di antara suku Bakr dan Taghlib kedua-duanya anak Wa'el. Dan ia berlarut-larut selama empat puluh tahun, di mana darah ditumpahkan begitu banyak. Peperangan itu berpunca kerana Kulayb ketua suku Ma'ad memanah labu susu unta al-Basus binti Munqiz menyebabkan darah unta itu bercampur dengan susunya lalu Jassas ibn Murrah membunuh Kulayb dan tercetuslah peperangan di antara Bakr dan Taghlib. Peperangan ini seperti kata al-Muhalhil saudara Kulayb: 'Menyebabkan banyak nyawa terkorban, ramai ibu yang kehilangan anak dan ramai kanak-kanak menjadi yatim, air mata tak kunjung kering dan banyak mayat yang tidak tertanam.

"Begitu juga Peperangan Dahis dan al-Ghabra'. Ia hanya berpunca kerana Dahis, kuda Qays ibn Zuhayr telah menang dalam pertaruhan di antara Qays ibn Zuhayr dengan Huzayfah ibn Badar lalu kuda itu dihalang oleh Asda atas suruhan Huzayfah. Ia menampar kuda itu dan mengganggu kuda itu menyebabkan kuda itu hilang peluang kemenangannya. Kejadian ini telah diiringi dengan peristiwa pembunuhan kemudian berlakulah tindak

---

14 كتاب الأصنام

15 *Sumber yang sama.*

16 الجامع الصحيح للبخاري

17 *Sumber yang sama.*

18 كتاب الأصنام

19 كتاب الأصنام

20 *Sumber yang sama.*

21 *Sumber yang sama.*

balas menuntut bela. Di sinilah bangkit suku-suku membantu anak buah mereka, ramai di antara mereka yang ditawan. Banyak qabilah yang berpindah randah dan ribuan jiwa yang terbunuh".[22]

Semuanya ini merupakan pertanda kekosongan hidup mereka dari cita-cita dan minat-minat yang tinggi yang dapat memenuhi masa mereka dari membuangkan tenaga mereka dalam perkara-perkara titik bengik seperti itu. Mereka tidak mempunyai sesuatu risalah yang tertentu dalam hidup mereka. Tidak mempunyai sesuatu gagasan yang tertentu untuk dikemukakan kepada manusia dan tidak mempunyai sesuatu peranan yang tertentu untuk ditunaikan kepada umat manusia supaya dapat memenuhi masa mereka dan tidak lagi terjebak dalam persoalan-persoalan remeh-temeh ini. Di sana juga tidak ada 'aqidah yang dapat membersihkan mereka dari kekotoran-kekotoran sosial yang keji ini. Apakah yang akan berlaku kepada manusia tanpa 'aqidah Ilahiyah? Apakah yang akan berlaku kepada minat-minat dan cita-cita mereka? Apakah yang akan berlaku kepada pemikiran-pemikiran dan kefahaman-kefahaman mereka? Dan apakah yang akan berlaku kepada akhlak-akhlak mereka?

Jahiliyah itu tetap jahiliyah dan setiap jahiliyah mempunyai kekotoran dan kecemarannya biarpun ketika mana dan di tempat mana ia berada. Apabila hati manusia sunyi dari 'aqidah Ilahiyah yang dapat mengawal pemikiran-pemikiran mereka dan sunyi dari syari'at yang terbit dari 'aqidah yang mengawal kehidupan mereka, maka segala yang lahir dari mereka itulah jahiliyah dalam salah satu bentuknya yang banyak. Jahiliyah yang menodakan umat manusia di dalam lumpurnya tidak berbeza sifatnya dari sifat jahiliyah Arab atau jahiliyah-jahiliyah yang lain yang semasa dengan jahiliyah Arab yang wujud di merata dunia di masa itu sehingga mereka diselamatkan oleh Islam dan dibersihkannya dari mereka.

Umat Manusia Kini Hidup Di Dalam Rumah Maksiat

Umat manusia pada hari ini hidup dalam rumah maksiat yang amat besar. Sekilas pandang kepada surat-surat khabar, filem-filem, rumah-rumah fesyen, pertandingan-pertandingan ratu cantik, kabaret, kedai-kedai arak dan siaran-siaran radio (dan T.V.) mereka, sekilas pandang kepada kegilaan mereka kepada tubuh-tubuh yang bogel, pos-pos yang memberahi dan saranan-saranan yang tidak sihat di dalam sastera, seni, dan seluruh media massa mereka, di samping sistem riba dalam kehidupan ekonomi mereka yang membayangkan kegilaan kepada harta dan cara-cara yang keji untuk mengumpul dan melaburkannya, termasuk cara-cara penipuan dan penggelapan harta orang lain dengan memakai baju undang-undang.[23] Di samping wujudnya keruntuhan akhlak dan keruntuhan sosial yang telah mengancam setiap jiwa, setiap rumahtangga, setiap sistem hidup dan setiap masyarakat insan..... Sekilas pandang sahaja sudah cukup untuk menentukan nasib kesudahan yang malang yang perlahan-lahan dituju oleh manusia yang berada di bawah naungan jahiliyah ini.

Umat manusia sedang mengalami kereputan dan kelarutan sifat-sifat insaniyahnya kerana terlalu penat mengejar kepuasan nafsu haiwaniyah dan dorongan-dorongan kebinatangan untuk bersama-sama haiwan di alamnya yang rendah, sedangkan haiwan lebih bersih, lebih mulia dan lebih suci dari mereka, kerana haiwan hidup dengan panduan fitrahnya yang tegas tidak bergoyang dan tidak pula busuk seperti busuknya nafsu-nafsu keinginan manusia apabila ia terlepas dari ikatan dan peraturan 'aqidah dan balik semula kepada jahiliyah yang telah Allah selamatkannya darinya, malah Allah telah membangkitkan ni'matnya kepada kaum Muslimin kerana ia telah membersihkan mereka dari kekotoran jahiliyah di dalam ayat yang mulia tadi.

وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحِكۡمَةَ

"Dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat."

Revolusi Al-Qur'an

Orang-orang yang ditujukan ayat ini ialah orang-orang yang buta huruf dan jahil, iaitu buta pena dan buta akal. Mereka tidak mempunyai sesuatu ilmu pengetahuan yang bernilai. Mengikut ukuran pengetahuan antarabangsa dalam apa-apa bidang sekalipun. Tiba-tiba agama Islam mengubahkan mereka menjadi guru-guru dan pendeta-pendeta dunia, menjadi pendokong-pendokong sistem 'aqidah, sistem pemikiran, sistem kemasyarakatan dan sistem penyusunan masyarakat yang dapat menyelamatkan seluruh umat manusia dari jahiliyah mereka di zaman itu. Dan sistem ini juga sedang menunggu peranannya dalam pusingan yang akan datang - dengan izin Allah - untuk menyelamatkan umat manusia sekali lagi dari jahiliyah mereka di zaman moden, di mana terdapat segala ciri-ciri jahiliyah zaman lama dari segi budaya-budaya akhlak, budaya kemasyarakatan, pemahaman terhadap matlamat-matlamat hidup insaniyah dan tujuan-tujuannya walaupun ia menempa kejayaan-kejayaan dalam bidang-bidang sains kebendaan, pengeluaran perusahaan dan kemewahan tamadun.

وَإِن كَانُواْ مِن قَبۡلُ لَفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ١٦٤

"Walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata."(164)

Iaitu kesesatan dalam kefahaman dan kepercayaan, kesesatan di dalam konsep-konsep hidup, kesesatan dalam tujuan hidup, kesesatan dalam adat kebiasaan dan tingkahlaku, kesesatan di dalam peraturan dan undang-undang, kesesatan di dalam masyarakat dan akhlak.

---

[22] *Buku:* ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين

[23] *Lihat pembicaraan riba' dalam juzu' yang ketiga.*

Jasa Islam Kepada Umat Arab

Umat Arab yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka tidak syak lagi masih ingat kepada zaman silam kehidupan dan kedudukan mereka. Mereka tentulah insaf betapa jauhnya Islam memindahkan mereka (dari kehidupan asal mereka) dan perpindahan yang seperti ini tentulah tidak dapat dicapai oleh mereka tanpa Islam. Itulah suatu perpindahan dan perubahan yang luar biasa di dalam sejarah manusia.

Mereka tentulah insaf bahawa Islam - dan hanya Islam sahaja - yang telah berjaya memindahkan mereka dari tahap hidup kesukuan, tahap cita-cita kesukuan dan pembalasan-pembalasan dendam kesukuan kepada suatu tahap bukan sahaja mereka menjadi satu umat biasa, malah - secara mendadak dan tanpa persediaan yang memerlukan masa - menjadi satu umat yang dapat memimpin umat manusia dan menggariskan matlamat-matlamat, sistem-sistem dan peraturan-peraturan hidup mereka dalam satu bentuk yang belum pernah diketahui di dalam sejarah umat manusia yang panjang itu.

Mereka tentu sedar bahawa Islam - dan hanya Islam sahaja - yang telah memberi kewujudan kepada mereka dari segi bangsa, kewujudan dari segi politik dan kewujudan dari segi antarabangsa, dan yang lebih utama dari segala-galanya ialah kewujudan insaniyah mereka, iaitu kewujudan yang meningkatkan insaniyah mereka, memuliakan kemanusiaan mereka dan menegakkan sistem hidup mereka di atas penghormatan Ilahi ini, iaitu satu penghormatan yang dikurnia dan dihadiahkan oleh Allah Yang Maha Mulia kepada mereka, dan selepas itu mereka telah memanjangkan pula limpah kurnia itu kepada seluruh umat manusia dan mengajar mereka bagaimana menghormati dan memuliakan "Manusia" sebagaimana dimuliakan Allah. Tidak ada umat lain yang mendahului mereka di dalam kelebihan ini sama ada di Semenanjung Tanah Arab atau di tempat-tempat yang lain. Di dalam ayat yang lepas telah disebut tentang dasar "Syura". Ini adalah sebahagian dari sistem hidup Ilahi itu dan tentulah mereka sedar bahawa dasar ini merupakan satu limpah kurnia Allah yang besar kepada mereka.

Mereka tentu sedar bahawa Islam - dan hanya Islam sahaja - yang memberikan kepada mereka suatu risalah untuk dikemukakan mereka kepada dunia dan suatu teori dan aliran pemikiran yang istimewa untuk kehidupan insaniyah manusia. Satu umat itu tidak mempunyai kewujudan dalam bendang kemanusiaan yang besar kecuali ia mempunyai suatu risalah, suatu teori dan suatu aliran pemikiran yang dapat dikemukakannya kepada umat manusia untuk menolak mereka maju ke depan.

Islam dengan pandangannya terhadap alam al-wujud, dengan fikirannya terhadap hidup, dengan syari'atnya untuk mengawal masyarakat manusia, dengan cara penyusunannya untuk mengatur kehidupan manusia, dengan sistem hidupnya yang mithali, realistik dan positif untuk menegakkan satu peraturan yang membahagiakan manusia......... Islam dengan seluruh ciri-cirinya inilah yang merupakan kad pengenalan yang telah dikemukakan oleh umat Arab kepada dunia dan dengan kad pengenalan inilah mereka telah dikenali dan dihormati dan diserahkan teraju kepimpinan kepada mereka.

Hanya kad pengenalan inilah sahaja yang dapat dibawa oleh umat Arab pada hari ini dan esok, kerana mereka tidak mempunyai suatu risalah yang lain untuk mereka memperkenalkan diri kepada dunia. Oleh itu sama ada mereka membawa kad ini yang akan menjadikan mereka dikenali dan dihormati oleh umat-umat di dunia atau mereka membuang kad ini yang akan mengakibatkan mereka kembali menjadi umat yang tidak dikenali dan tidak diakui umum.

Apakah yang dapat dikemukakan oleh umat Arab kepada umat manusia andainya ia tidak mengemukakan risalah ini kepada mereka?

Apakah mereka hendak kemukakan kepada umat manusia hasil-hasil kebijakan mereka di dalam bidang-bidang kesusasteraan, kesenian dan ilmu-ilmu pengetahuan? Sedangkan umat-umat yang lain telah pun mendahului mereka di dalam bidang-bidang ini. Umat-umat yang lain begitu ramai mempunyai tokoh-tokoh yang bijak di dalam bidang-bidang hidup yang kecil ini. Mereka tidak lagi memerlu dan tidak lagi menunggu-nunggukan hasil-hasil kebijakan dari Arab di bidang-bidang hidup yang kecil seperti ini.

Apakah mereka ingin mengemukakan kepada umat manusia hasil-hasil kebijakan mereka dalam pengeluaran perindustrian yang tinggi yang menundukkan bangsa-bangsa yang lain dan menenggelamkan pasaran-pasaran dunia hingga menutupkan pengeluaran-pengeluarannya? Sedangkan umat-umat yang lain telah mendahului mereka di dalam bidang ini, malah umat-umat inilah yang memegang kemudi pimpinan di bidang ini.

Apakah mereka mahu mengemukakan kepada umat manusia satu falsafah kemasyarakatan, dan sistem-sistem ekonomi dan pengurusan dari ciptaan mereka sendiri dan dari hasil pemikiran mereka sendiri? Sedangkan dunia ini telah pun tepu dengan anekaragam falsafah, isme-isme dan sistem-sistem duniawi yang menyebabkan dunia celaka dan menderita semuanya.

Jadi apakah sebenarnya sumbangan yang mahu dikemukakan oleh umat Arab kepada umat-umat manusia yang lain supaya mereka dapat dikenali dengan sumbangan itu dan dapat diakui sebagai umat yang lebih maju, tinggi dan istimewa.

Tidak ada suatu sumbangan yang lain melainkan agama yang agung dan sistem hidup Ilahi yang unik inilah sahaja. Tiada suatu yang lain lagi kecuali ni'mat

Islam yang telah dipilih Allah untuk mereka. Dengan ni'mat inilah Allah muliakan mereka dan Allah selamatkan dengannya seluruh umat manusia di tangan mereka di suatu masa yang lampau. Dan umat manusia pada-hari ini amat memerlukan kepada agama ini kerana mereka sedang jatuh di dalam gaung kecelakaan, kebingungan kegelisahan dan kebankrapan.

Hanya agama yang agung ini sahaja yang telah menjadi kad pengenalan yang dikemukakan mereka kepada umat manusia di zaman lampau dan membuat umat-umat itu tunduk kepada mereka. Dan hanya agama yang agung inilah juga yang dapat mereka kemukakan kepada umat manusia pada hari ini untuk menyelamatkan mereka.

Setiap umat dari umat-umat yang besar mempunyai suatu risalah yang diperjuangkannya dan umat yang paling besar memperjuangkan risalah yang paling besar dan mengemukakan sistem yang paling besar. Merekalah satu-satunya umat yang memperjuangkan setinggi-tinggi gagasan untuk membangun kehidupan manusia.

Umat Arab memang mempunyai risalah yang agung ini. Merekalah pendokong-pendokong yang asal, sedangkan bangsa-bangsa yang lain merupakan sekutu-sekutu dalam perjuangan ini. Amboi! Syaitan manakah yang memalingkan umat Arab dari modal yang amat besar ini? Syaitan mana?

Limpah kurnia Ilahi kepada umat Arab dengan kebangkitan Rasulullah s.a.w. dan dengan agama Islam ini adalah suatu limpah kurnia yang amat besar dan tiada siapa yang sanggup memalingkan umat Arab dari limpah kurnia ini melainkan syaitan, dan mereka adalah diperintah oleh Allah Tuhan mereka supaya mengusirkan syaitan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 165 - 168)

Kemudian Al-Qur'an maju selangkah lagi menayangkan peristiwa-peristiwa peperangan Uhud dan membuat kesimpulannya. Di sini ia membentangkan kehairanan tentera-tentera Islam terhadap apa yang telah berlaku kepada mereka, sedangkan mereka orang Islam belaka. Ini menunjukkan bagaimana bersahajanya cara mereka berfikir pada hari itu sebelum mereka dikisar oleh batu kisar ujian dan menjadi realistik dengan ujian itu, di mana mereka menghadapi realiti perjuangan, berdepan dengan tabi'at undang-undang dan dengan keseriusan realiti yang tidak memihak kepada orang yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan dan tidak berdiri teguh bersama kesungguhan yang tegas di dalam tabi'at alam buana, dalam hayat dan dalam 'aqidah. Oleh sebab itu Allah memerintah mereka berdiri di atas tanah yang keras dan terdedah sambil menerangkan kepada mereka bahawa segala kemalangan yang telah menimpa mereka adalah hasil dari perbuatan mereka sendiri atau hasil yang tabi'i dari tindak-tanduk mereka. Namun begitu Allah tidak meninggal mereka pada noktah ini walaupun ia merupakan satu hakikat, tetapi ia bukanlah penghabisan hakikat, malah ia menghubungkan mereka dengan taqdir-Nya di sebalik sebab-sebab dan natijah-natijah dan dengan masyi'ah-Nya yang mutlak di sebalik peraturan dan undang-undang. Di sini Allah mendedahkan kepada mereka hikmat di sebalik segala apa yang telah berlaku, juga menerangkan pentadbiran-Nya di sebalik apa yang telah berlaku itu untuk mewujudkan kebaikan kepada mereka dan kepada da'wah yang sedang diperjuangkan mereka, juga untuk melengkapkan diri mereka dengan ujian itu bagi membolehkan mereka menghadapi masa depan mereka, seterusnya untuk membersihkan hati mereka juga membersihkan barisan mereka dari anasir-anasir Munafiqin yang telah terbuka tembelang mereka di dalam peristiwa-peristiwa perang itu. Oleh itu segala urusan peperangan itu pada akhirnya adalah terpulang kepada taqdir dan tadbir Allah. Dengan penjelasan itu sempurnalah gambaran hakikat dalam kefahaman dan perasaan mereka di sebalik kenyataan Al-Qur'an yang halus dan mendalam ini.

أَوَلَمَّآ أَصَٰبَتۡكُم مُّصِيبَةٞ قَدۡ أَصَبۡتُم مِّثۡلَيۡهَا
قُلۡتُمۡ أَنَّىٰ هَٰذَاۖ قُلۡ هُوَ مِنۡ عِندِ أَنفُسِكُمۡۗ إِنَّ
ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٦٥
وَمَآ أَصَٰبَكُمۡ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِ فَبِإِذۡنِ ٱللَّهِ وَلِيَعۡلَمَ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١٦٦
وَلِيَعۡلَمَ ٱلَّذِينَ نَافَقُواْۚ وَقِيلَ لَهُمۡ تَعَالَوۡاْ قَٰتِلُواْ فِي سَبِيلِ
ٱللَّهِ أَوِ ٱدۡفَعُواْۖ قَالُواْ لَوۡ نَعۡلَمُ قِتَالٗا لَّٱتَّبَعۡنَٰكُمۡۗ هُمۡ
لِلۡكُفۡرِ يَوۡمَئِذٍ أَقۡرَبُ مِنۡهُمۡ لِلۡإِيمَٰنِۚ يَقُولُونَ
بِأَفۡوَٰهِهِم مَّا لَيۡسَ فِي قُلُوبِهِمۡۚ وَٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا
يَكۡتُمُونَ ١٦٧
ٱلَّذِينَ قَالُواْ لِإِخۡوَٰنِهِمۡ وَقَعَدُواْ لَوۡ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُواْۗ قُلۡ
فَٱدۡرَءُواْ عَنۡ أَنفُسِكُمُ ٱلۡمَوۡتَ إِن كُنتُمۡ
صَٰدِقِينَ ١٦٨

"Apakah patut ketika kamu ditimpa kekalahan (dalam Peperangan Uhud) sedangkan kamu telah menimpakan dua kali ganda kekalahan (ke atas musuh kamu dalam Peperangan Badar) kamu berkata: Mengapa dan dari mana kekalahan ini? Katakanlah: Kekalahan itu adalah dari diri

kamu sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu (165). Dan segala apa yang telah menimpa kamu pada hari pertembungan dua angkatan tentera itu, maka semuanya adalah dengan izin Allah dan supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang beriman (166). Dan (juga) supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang Munafiq. Dan kepada mereka telah dikatakan: Marilah kamu berperang kerana Sabilullah atau (marilah) kamu pertahankan (kami). Jawab mereka: Jika kami mengetahui di sana ada satu peperangan (yang akan berlaku) tentulah kami mengikut kamu. Sebenarnya mereka pada hari itu lebih dekat kepada kekufuran daripada keimanan. Mereka berkata dengan mulut mereka apa yang tidak tersemat di dalam hati mereka dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka (167). (Merekalah) orang-orang yang berkata kepada saudara-saudara mereka - sedangkan mereka sendiri tidak ikut berperang -: Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati dibunuh. Katakanlah: Tolakkanlah kematian itu dari diri kamu jika kamu orang-orang yang benar."(168)

Sunnatullah Tidak Memilih Kasih

Allah telah memberi kesanggupan untuk menolong para hamba kesayangan-Nya (orang-orang Mu'min) yang menjadi pembawa panji-panji agama-Nya dan penganut-penganut 'aqidah-Nya, tetapi Allah mensyaratkan kemenangan ini dengan wujudnya kesempurnaan hakikat iman di dalam hati mereka, juga dengan kesempurnaan kehendak-kehendak keimanan di dalam kerja-kerja mengatur masyarakat dan dalam tingkahlaku mereka. Dan seterusnya dengan kesempurnaan kelengkapan perang yang disediakan sedaya upaya mereka dan dengan usaha pengorbanan yang dilakukan sekuasa mereka. Inilah Sunnatullah dan Sunnatullah tidak memilih kasih. Andainya mereka cuai dalam salah satu dari syarat-syarat itu, maka mereka harus bersedia menerima akibat dari kecuaian itu. Sifat mereka sebagai orang-orang Islam tidak bererti Sunnatullah itu pasti dibatalkan kerana mereka. Malah orang-orang Islam yang sebenar ialah mereka yang menyesuaikan seluruh hidup mereka dengan Sunnatullah dan berdamai dengannya dengan seluruh fitrah mereka.

Namun demikian sifat mereka sebagai orang-orang Islam tidak hilang percuma dan sia-sia begitu sahaja, kerana sifat mereka yang berserah kepada Allah, memikul panji-panji agama-Nya, bertekad untuk menta'ati-Nya dan menjunjung sistem hidup yang diatur oleh-Nya pada akhirnya dapat mengubahkan kesilapan-kesilapan dan kecuaian mereka menjadi kebaikan dan keberkatan setelah menjalani akibat-akibatnya, iaitu pengorbanan jiwa, penderitaan dan kecederaan dan dapat menjadikan kesilapan-kesilapan dan akibat-akibatnya sebagai pelajaran-pelajaran dan pengalaman-pengalaman yang menambahkan kesucian 'aqidah, kebersihan hati dan barisan di samping melayakkan mereka untuk mencapai kemenangan yang dijanjikan Allah dan mengakhiri perjuangan mereka dengan kebaikan dan keberkatan. Kesilapan-kesilapan itu tidaklah mengusir orang-orang Islam dari naungan Allah, pemeliharaan dan pemerhatian-Nya, malah memberi bekalan perjuangan kepada mereka biar bagaimanapun mereka menderita kesusahan, kesakitan dan kesulitan di tengah jalan perjuangan itu.

Dengan kejelasan dan ketegasan inilah Allah menghukum kelompok Muslimin dan menjawab kemusykilan dan kehairanan mereka terhadap apa yang telah berlaku, iaitu Allah mendedahkan sebab yang dekat dari tindakan-tindakan mereka dan hikmat yang jauh dari taqdir-Nya di samping menghadapi orang-orang Munafiqin dengan hikmat mati yang tidak dapat dihindari dengan tindakan berwaspada dan duduk di rumah (tidak keluar berperang):

أَوَلَمَّآ أَصَٰبَتۡكُم مُّصِيبَةٞ قَدۡ أَصَبۡتُم مِّثۡلَيۡهَا قُلۡتُمۡ أَنَّىٰ هَٰذَاۖ قُلۡ هُوَ مِنۡ عِندِ أَنفُسِكُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ﴿١٦٥﴾

"Apakah patut ketika kamu ditimpa kekalahan (dalam Peperangan Uhud) sedangkan kamu telah menimpakan dua kali ganda kekalahan atas musuh kamu dari Peperangan Badar) kamu berkata: Mengapa dan dari mana kekalahan ini? Katakanlah: Kekalahan itu adalah dari diri kamu sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(165)

Yakni orang-orang Islam yang telah mengalami berbagai-bagai kesusahan di dalam Peperangan Uhud, iaitu gugurnya tujuh puluh orang para Syuhada' mereka di samping ramai yang mendapat kecederaan dan menderita kesakitan pada hari peperangan yang pahit itu..... Yakni orang-orang Islam yang terkilan kerana mengalami kemalangan-kemalangan itu, sedangkan mereka orang-orang Islam yang berjuang kerana agama Allah dan musuh-musuh mereka ialah kaum Musyrikin yang menjadi musuh Allah..... Orang-orang Islam yang terkilan itu sebenarnya sebelum ini telah berjaya menimpakan kemalangan yang seperti itu sebanyak dua kali ke atas orang-orang Musyrikin. Sekali di dalam Peperangan Badar, di mana mereka telah berjaya membunuh tujuh puluh orang pahlawan-pahlawan Quraisy dan mereka telah membunuh sebanyak itu juga di permulaan Peperangan Uhud ketika mereka mematuhi perintah Allah dan Rasul-Nya s.a.w. dengan jujur dan sebelum semangat perjuangan mereka lemah di hadapan godaan harta rampasan perang dan sebelum terlintas di dalam hati mereka fikiran-fikiran yang buruk yang tidak seharusnya terdetik di dalam hati orang-orang yang beriman.

Di sini Allah mengingatkan mereka dan menjawab kemusykilan mereka dengan mengembalikan segala kemalangan yang telah menimpa mereka itu kepada sebabnya yang dekat dan langsung:

قُلۡ هُوَ مِنۡ عِندِ أَنفُسِكُمۡۗ

"Katakanlah: Kekalahan itu adalah dari diri kamu sendiri."

Yakni berpunca dari diri kamu yang lemah dan berpecah-belah, diri kamu yang telah melanggar syarat Allah dan syarat Rasul-Nya s.a.w, diri kamu yang telah dirasuk perasaan tamak dan fikiran yang buruk dan diri kamu yang tidak mematuhi perintah Rasulullah dan strategi perang yang telah diatur olehnya. Apa yang kamu musykilkan berlaku kepada kamu dan merungut: Bagaimana hal ini boleh berlaku? Adalah sebenarnya berpunca dari kekalahan diri kamu sendiri. Itulah tindakan Sunnatullah ke atas kamu apabila kamu mendedahkan diri kamu kepadanya, kerana seseorang yang mendedahkan dirinya kepada Sunnatullah, maka pasti ia akan menerima tindakannya sama ada dia itu seorang Muslim atau seorang kafir dan Sunnatullah itu tetap tidak berubah kerana pilih kasih. Oleh sebab itu di antara ciri kesempurnaan keislaman seseorang ialah ia harus menyesuaikan dirinya dengan kehendak-kehendak Sunnatullah dari awal-awal lagi.

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٦٥﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(165)

Taqdir Allah Berada Di Sebalik Seluruh Kejadian

Dan di antara kehendak-kehendak kekuasaan Allah ialah undang-undang dan peraturan-Nya tetap lulus dan berkuatkuasa dan segala urusan alam tetap berlaku mengikut keputusan dan iradat-Nya dan segala undang-undang dan peraturan yang menjadi asas perjalanan alam buana, perjalanan hayat dan kejadian peristiwa-peristiwa tetap tidak terhalang.

Di samping itu taqdir Allah tetap berada di sebalik seluruh kejadian itu kerana sesuatu hikmat yang dilihat oleh kebijaksanaan-Nya. Taqdir Allah selama-lamanya berada di sebalik setiap perkara yang berlaku, di sebalik setiap gerak dan diam dan setiap cetusan yang berlaku di seluruh alam buana ini.

وَمَآ أَصَٰبَكُمْ يَوْمَ ٱلْتَقَى ٱلْجَمْعَانِ فَبِإِذْنِ ٱللَّهِ

"Dan segala apa yang telah menimpa kamu pada hari pertembungan dua angkatan tentera itu, maka semuanya adalah dengan izin Allah."

Yakni ia tidak berlaku secara kebetulan dan tidak pula secara serampangan. Ia tidak berlaku sia-sia dan cuma-cuma, kerana setiap harakat itu dikira di dalam pelan induk alam buana ini, iaitu sebab-sebab dan natijahnya telahpun ditentukan, dan kumpulan harakat-harakat itu adalah bergerak mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang tetap yang tidak pernah terubah, terhalang dan memilih kasih. Ia bergerak untuk melahirkan hikmat yang tersembunyi di sebaliknya dan untuk menyempurnakan pelan induk alam buana.

Pandangan dan kefahaman Islam dalam persoalan ini telah sampai ke tahap kesyumulan dan keseimbangan yang tidak tercapai oleh mana-mana pandangan dan kefahaman yang lain di dalam sejarah manusia.

Di Sebalik Undang-undang Yang Tetap Terdapat Masyi'ah Allah Yang Bebas

Di sana terdapat undang-undang dan peraturan-peraturan yang tetap dan pasti dan di sebalik undang-undang dan peraturan-peraturan yang tetap dan pasti itu terdapat iradat yang berdaya cipta dan masyi'ah yang bebas dan di sebalik undang-undang, peraturan-peraturan iradat dan masyi'ah itu terdapat pula hikmat yang direncanakan dengan rapi dan segala sesuatu adalah berlegar di dalam lingkungannya. Undang-undang dan peraturan-peraturan itu berkuatkuasa dan berlaku di atas segala sesuatu termasuk insan. Oleh itu seseorang yang mendedahkan dirinya kepada undang-undang dan peraturan-peraturan ini dengan harakat-harakatnya yang spontan akan mendapat tindakan undang-undang itu yang memberi kesan kepadanya, tetapi semuanya itu adalah berlaku sesuai dengan taqdir dan masyi'ah Allah dan dalam waktu yang sama juga melahirkan hikmat dan perencanaan Allah. Iradat insan, pemikirannya, harakatnya dan daya ciptanya adalah sebahagian dari peraturan-peraturan dan undang-undang Allah. Dengannya Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya dan dengannya Allah melaksanakan apa yang hendak dilaksanakan-Nya dalam batas taqdir dan tadbir-Nya. Tiada suatu pun dari iradat manusia yang terkeluar dari peraturan-peraturan dan undang-undang Allah itu. Iradat manusia sekali-kali tidak menjadi tandingan kepada peraturan dan undang-undang itu dan tidak pula mampu menentang kuasa-kuasanya sebagaimana yang pernah difikirkan oleh orang-orang yang meletakkan iradat dan taqdir Allah dalam satu daun neraca dan meletakkan iradat manusia dan daya ciptanya dalam satu daun neraca yang sebelah lagi. Tidak! Persoalan itu tidak begini di dalam pandangan dan kefahaman Islam. Manusia bukannya tandingan Allah dan bukan pula musuh-Nya, malah sewaktu Allah S.W.T. mengurniakan kepada manusia keperibadiannya, fikirannya, iradatnya, daya perencanaannya, daya pentadbirannya dan daya ciptanya di bumi, Dia tidak jadikan sesuatu pun dari pemberian-pemberian-Nya itu bertentangan dengan undang-undang dan masyi'ah-Nya atau terkeluar dari hikmat terakhir yang wujud di sebalik taqdir dan perencanaan-Nya pada alam buana yang amat besar ini, tetapi dari undang-undang dan taqdir-Nya Allah jadikan manusia mempunyai kebolehan merencana dan mentadbir, bertindak dan memberi kesan, mendedahkan dirinya kepada Sunnatullah lalu mendapat tindakannya dan akhirnya balasan sepenuhnya dari pendedahan itu sama ada balasan keni'matan atau keseksaan, kerehatan atau kepenatan, kebahagiaan atau kecelakaan, dan terlaksanalah di sebalik pendedahan dan natijah-natijah dari pendedahan itu taqdir Allah yang meliputi segala sesuatu dalam bentuk yang selaras dan seimbang.

Apa yang telah berlaku di dalam Peperangan Uhud ini merupakan contoh kepada penjelasan kami mengenai pandangan dan kefahaman Islam yang

syamil dan sempurna. Allah telah memberitahu kepada orang-orang Islam tentang undang-undang dan peraturan-Nya dan syarat-syarat-Nya mengenai kemenangan dan kekalahan kemudian mereka telah melanggar undang-undang dan syarat-syarat-Nya menyebabkan mereka menderita kesakitan dan kecederaan, tetapi perkara itu tidak tamat setakat ini sahaja, malah di sebalik pelanggaran undang-undang dan penderitaan kesakitan itu terdapat pelaksanaan taqdir Allah iaitu membolehkan mereka membezakan orang-orang Mu'min yang sebenar dari orang-orang Munafiqin dalam barisan mereka, juga membersihkan hati mereka dan menghapuskan segala kekeliruan, dan kelemahan di dalam pandangan dan kefahaman.

Inilah suatu kebaikan yang akhirnya diterima oleh orang-orang Islam di sebalik kesakitan dan kesusahan itu. Mereka telah mencapai kebaikan ini mengikut undang-undang dan peraturan Allah juga. Di antara undang-undang dan peraturan-Nya ialah orang-orang Islam yang menerima agama Allah dan mematuhinya secara umum itu akan diberi Allah pertolongan dan perlindungan dan Allah akan menjadikan kesilapan-kesilapan mereka sebagai wasilah untuk mencapai kebaikan yang akhir walaupun mereka terpaksa memikul akibatnya dengan menderita kesakitan, kerana kesakitan merupakan salah satu sarana pembersihan, didikan dan penyediaan.

Dengan pendirian yang teguh dan terbuka, inilah tapak kaki orang-orang Islam dapat berdiri rehat dan hati mereka tenang tenteram tanpa terumbang-ambing, tanpa keluh-kesah dan tanpa gugup dan bingung ketika menghadapi taqdir-taqdir Allah dan ketika berurusan dengan undang-undang dan peraturan-Nya di dalam kehidupan, iaitu mereka sedar bahawa Allah bertindak melalui mereka terhadap diri mereka sendiri dan terhadap orang-orang yang di sekeliling mereka mengikut apa yang dikehendaki-Nya, dan mereka adalah alat taqdir Allah yang digunakan Allah mengikut apa yang dikehendaki-Nya. Mereka juga sedar bahawa salah betul mereka - dan segala akibat salah betul yang diterima mereka - adalah selaras dengan taqdir Allah dan hikmat kebijaksanaan-Nya dan semuanya akan membawa mereka kepada kebaikan selama mereka tetap berjalan di jalan Allah:

وَمَآ أَصَٰبَكُمۡ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِ فَبِإِذۡنِ ٱللَّهِ وَلِيَعۡلَمَ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١٦٦﴾

"Dan segala apa yang telah menimpa kamu pada hari pertembungan dua angkatan tentera itu, maka semuanya adalah dengan izin Allah dan supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang beriman (166)."

Tembelang Kaum Munafiqin Telah Didedahkan Allah

وَلِيَعۡلَمَ ٱلَّذِينَ نَافَقُواْۚ وَقِيلَ لَهُمۡ تَعَالَوۡاْ قَٰتِلُواْ فِي سَبِيلِ
ٱللَّهِ أَوِ ٱدۡفَعُواْۖ قَالُواْ لَوۡ نَعۡلَمُ قِتَالٗا لَّٱتَّبَعۡنَٰكُمۡۗ هُمۡ
لِلۡكُفۡرِ يَوۡمَئِذٍ أَقۡرَبُ مِنۡهُمۡ لِلۡإِيمَٰنِۚ يَقُولُونَ
بِأَفۡوَٰهِهِم مَّا لَيۡسَ فِي قُلُوبِهِمۡۚ وَٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا
يَكۡتُمُونَ ﴿١٦٧﴾

"Dan (juga) supaya Allah mengetahui (dalam reatiti) orang-orang yang Munafiq. Dan kepada mereka telah dikatakan: Marilah kamu berperang kerana Sabilullah atau (marilah) kamu pertahankan (kami). Jawab mereka: Jika kami mengetahui di sana ada satu peperangan (yang akan berlaku) tentulah kami mengikut kamu. Sebenarnya mereka pada hari itu lebih dekat kepada kekufuran daripada keimanan. Mereka berkata dengan mulut mereka apa yang tidak tersemat di dalam hati mereka dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka."(167)

Dalam ayat ini Allah menunjukkan sikap Abdullah ibn Ubay ibn Salul dan pengikutnya dan menamakan mereka sebagai:

ٱلَّذِينَ نَافَقُواْۚ

"Orang-orang yang Munafiq."

Allah telah membuka tembelang mereka di dalam peperangan ini dan membersihkan barisan Islam dari mereka. Allah menjelaskan hakikat pendirian mereka pada hari itu (dengan firman-Nya):

هُمۡ لِلۡكُفۡرِ يَوۡمَئِذٍ أَقۡرَبُ مِنۡهُمۡ لِلۡإِيمَٰنِۚ

"Sebenarnya mereka pada hari itu lebih dekat kepada kekufuran daripada keimanan."

Mereka mengeluarkan alasan yang tidak benar apabila mereka mengatakan bahawa mereka pulang kerana mereka tidak mengetahui bahawa di sana ada peperangan yang akan berlaku di antara orang-orang Islam dengan kaum Musyrikin. Ini bukannya sebab yang sebenar, malah mereka hanya:

يَقُولُونَ بِأَفۡوَٰهِهِم مَّا لَيۡسَ فِي قُلُوبِهِمۡۚ

"Mereka berkata dengan mulut mereka apa yang tidak tersemat di dalam hati mereka."

kerana apa yang sebenar yang tersemat di dalam hati mereka ialah nifaq atau pendirian talam muka dua. Inilah pendirian yang membuat hati mereka tidak ikhlas kepada 'aqidah, malah mereka meletakkan diri mereka dan kepentingan-kepentingan diri mereka mengatasi 'aqidah dan kepentingan-kepentingan 'aqidah. Sebab yang sebenar yang ada di dalam kepala pemimpin golongan Munafiqin - Abdullah ibn Ubay - itu ialah kerana Rasulullah s.a.w. tidak mengambil fikiran dan cadangannya pada hari Peperangan Uhud itu, dan sebab yang sebenar yang ada di dalam kepalanya sebelum ini ialah kedatangan Rasulullah s.a.w. ke Madinah membawa agama Allah itu telah menyebabkannya kehilangan peluang untuk

menyandang jawatan Raja kaumnya yang telah mereka sediakan untuknya, sebaliknya kedatangan beliau telah menjadikan kedudukan kepimpinan yang tertinggi itu dipegang oleh agama Allah dan Rasul yang membawanya: Inilah dendam yang tersemat di dalam hati mereka dan dendam inilah yang mendorong mereka pulang semula ke Madinah pada hari Peperangan Uhud, sedangkan angkatan kaum Musyrikin sedang berada di muka pintu. Dendam inilah yang membuat mereka enggan menyambut seruan seorang Muslim yang tulen, iaitu Abdullah ibn 'Amr ibn Haram yang mengajak mereka:

تَعَالَوْا قَٰتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أَوِ ٱدْفَعُوا۟ ۖ

"Marilah kamu berperang kerana Sabilullah atau (marilah) kamu mempertahankan (kami)."(167)

Mereka menolak seruan ini dengan alasan mereka tidak tahu di sana ada satu peperangan yang akan berlaku:

قَالُوا۟ لَوْ نَعْلَمُ قِتَالًا لَّٱتَّبَعْنَٰكُمْ ۗ

"Jawab mereka: Jika kami mengetahui di sana ada satu peperangan (yang akan berlaku) tentulah kami mengikut kamu."(167)

Pembohongan mereka inilah yang didedahkan Allah di dalam ayat ini:

وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يَكْتُمُونَ ﴿١٦٧﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka."(167)

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan saki-baki pendirian mereka dalam usaha mereka untuk melemahkan barisan dan semangat perjuangan (para Mu'minin):

ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ لِإِخْوَٰنِهِمْ وَقَعَدُوا۟ لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا۟ ۗ قُلْ فَٱدْرَءُوا۟ عَنْ أَنفُسِكُمُ ٱلْمَوْتَ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٦٨﴾

"(Merekalah) orang-orang yang berkata kepada saudara-saudara mereka - sedangkan mereka sendiri tidak ikut berperang - : Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati dibunuh. Katakanlah: Tolakkanlah kematian itu dari diri kamu jika kamu orang-orang yang benar."(168)

ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ لِإِخْوَٰنِهِمْ وَقَعَدُوا۟ لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا۟ ۗ

"Merekalah orang-orang yang berkata kepada saudara-saudara mereka sedangkan mereka sendiri tidak ikut berperang - : Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati dibunuh."

Mereka tidak cukup dengan ponteng dari berperang walaupun peperangan itu telah tiba di muka pintu, mereka tidak cukup dengan tindakan ponteng mereka yang telah menimbulkan kegemparan di dalam barisan Muslimin dan menggoncangkan hati mereka, terutama Abdullah ibn Ubay masih lagi menjadi ketua kaumnya dan belum lagi didedahkan sifat nifaqnya dan belum lagi dicap Allah dengan sifat munafiq yang boleh menjatuhkan kedudukannya di mata kaum Muslimin. Mereka tidak cukup dengan tindakan ponteng itu sahaja, malah mereka berusaha pula menimbulkan perasaan goyang, menyesal dan hampa di dalam hati keluarga para Syuhada' dan sahabat-sahabat mereka selepas tamat peperangan itu dengan kata-kata:

لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا۟ ۗ

"Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati dibunuh."

Mereka mahu jadikan tindakan ponteng mereka sebagai suatu tindakan yang mempunyai hikmat dan muslihat kebaikan dan mahu jadikan perbuatan menta'ati Rasulullah s.a.w. dan pengikut-pengikutnya sebagai suatu perbuatan yang mendatangkan kerugian dan kesusahan dan lebih jauh dari itu mereka mahu merosakkan kepercayaan dan kefahaman Islam yang bersih terhadap taqdir Allah dan terhadap kepastian ajal, terhadap hakikat mati dan hidup dan hubungan keduanya dengan taqdir Allah Yang Maha Esa. Oleh sebab itu Allah dengan segera memberi jawapan yang tegas dan jelas kepada mereka, iaitu jawapan yang menolak tipu daya mereka dari satu segi dan membetulkan kefahaman Islam serta membersihkannya dari segala kekeliruan dari satu segi yang lain pula:

قُلْ فَٱدْرَءُوا۟ عَنْ أَنفُسِكُمُ ٱلْمَوْتَ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٦٨﴾

"Katakanlah: Tolakkanlah kematian itu dari diri kamu jika kamu orang-orang yang benar."(168)

Kerana kematian itu menimpa semua orang, ia menimpa pejuang di medan perang dan menimpa orang yang tidak ikut berperang, ia menimpa pahlawan yang gagah dan menimpa si pengecut. Maut tidak dapat ditolak dengan usaha yang sungguh-sungguh dan langkah-langkah berwaspada. Ia tidak dapat ditunda dengan sikap pengecut dan tidak pula dengan duduk diam di rumah tanpa keluar berperang. Apa yang berlaku dalam kenyataan itulah bukti yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Dan kenyataan inilah yang dikemukakan oleh Al-Qur'anul-Karim kepada mereka untuk menolak tipudaya mereka yang licin dan meletakkan kebenaran di tempatnya yang sebenar, juga untuk meneguhkan hati para Muslimin dan mencurahkan rasa ketenteraman, ketenangan dan keyakinan ke dalam jiwa mereka.

Mengapa Pembicaraan Mengenai Perilaku Abdullah ibn Ubay Ditunda?

Di antara perkara yang menarik perhatian dalam cara Al-Qur'an membentangkan peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud itu ialah ia tindakan penceritaan peristiwa Abdullah ibn Ubay dan pengikut-

pengikutnya yang ponteng dari menyertai Peperangan Uhud sehingga ke tempat ini, sedangkan peristiwa itu merupakan peristiwa pertama dari peristiwa-peristiwa peperangan itu kerana ia berlaku sebelum peperangan itu mula meletus.

Penundaan ini merupakan salah satu dari ciri-ciri pendidikan Al-Qur'an. Ia ditundakan sehingga Al-Qur'an selesai menjelaskan beberapa dasar-dasar asasi bagi pandangan dan kefahaman Islam dan sehingga ia selesai menyematkan di dalam hati para Muslimin beberapa perasaan yang betul dan sehingga ia selesai meletakkan neraca-neraca yang benar untuk menimbangkan nilai-nilai itu. Kemudian barulah ia menyebut tentang orang-orang Munafiqin dan tindak-tanduk mereka yang jahat, kerana ketika hati para Muslimin telah bersedia untuk memahami hakikat sikap nifaq dan tindak-tanduknya yang menyeleweng dari kefahaman yang betul dan menyimpang dari nilai-nilai yang betul mengikut pertimbangan neraca yang betul. Beginilah cara yang seharusnya dilakukan untuk melahirkan kefahaman-kefahaman dan nilai-nilai keimanan di dalam hati para Muslimin dan mengadakan untuk mereka neraca-neraca yang betul yang dapat dirujukkan mereka ketika menguji fikiran-fikiran dan nilai-nilai dan menilaikan amalan-amalan dan peribadi-peribadi. Di atas neraca-neraca inilah diletakkan amalan-amalan dan peribadi itu kemudian diputus dengan keputusan yang jelas dan betul berasaskan rasa kesedaran keimanan yang betul.

Barangkali di sana ada lagi satu perkara yang menarik perhatian dari sistem pendidikan Al-Qur'an yang unik ini, iaitu Abdullah ibn Ubay hingga ke masa itu masih lagi menjadi pembesar kaumnya sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Dia telah tersinggung dan marah kerana Nabi s.a.w tidak mengambil fikiran dan cadangannya. Ini berdasarkan kehendak syura yang mengambil fikiran lain yang mendapat sokongan yang terbanyak dalam kelompok Muslimin. Tindakan ponteng yang telah dilakukan oleh si Munafiq yang besar ini telah menimbulkan kekecohan di dalam barisan Muslimin dan mengacau ketenteraman fikiran mereka, begitu juga kata-kata beliau (yang melemahkan semangat) selepas itu mengenai orang-orang yang terkorban di dalam peperangan itu menimbulkan perasaan kesal, sedih dan kecewa di dalam hati mereka di samping mengacau fikiran mereka. Oleh itu adalah suatu langkah yang bijaksana bagi sistem pendidikan Al-Qur'an melahirkan sikap yang jijik terhadapnya dan terhadap perbuatan dan perkataannya yang jahat itu, dan tidak memulakan cerita Peperangan Uhud itu dengan peristiwa Abdullah ibn Ubay yang berlaku pada awalnya dan menundakan ceritanya itu di tempat yang akhir di dalam rangkaian ayat-ayat itu. Serta menyifatkan kumpulan yang melakukan perbuatan itu dengan sifatnya yang tepat iaitu:

ٱلَّذِينَ نَافَقُوا۟ۚ

"Orang-orang yang Munafiq"(167)

serta melahirkan kehairanan dengan menggunakan ungkapan yang umum:

وَلِيَعۡلَمَ ٱلَّذِينَ نَافَقُوا۟ۚ

"Dan (juga) supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang Munafiq."(167)

tanpa menyebut nama ketua mereka atau tubuhnya supaya ia kekal tidak dikenali di dalam kata-kata "Orang-orang yang Munafiq" sebagaimana wajarnya sifat ini mencakup kepada siapa sahaja yang melakukan perbuatan yang sama dengan perbuatannya dan sebagaimana hakikatnya sama dalam neraca keimanan yang ditegakkan Allah sebelum ini di dalam ayat-ayat yang lepas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 169 - 175)

Setelah hati tenang dan memahami hakikat peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa di alam buana, memahami hakikat taqdir Allah dalam segala perkara, memahami hakikat hikmat Allah di sebalik taqdir dan tadbir dan seterusnya memahami hakikat ajal dan maut yang tetap, yang tidak dapat ditunda oleh tindakan duduk di rumah (tidak keluar berperang) dan tidak pula dapat dipercepatkan oleh tindakan keluar berperang, tidak dapat ditolak oleh usaha yang bersungguh-sungguh, langkah-langkah berwaspada dan tadbir-tadbir manusia..... Setelah memahami semuanya itu, Al-Qur'an terus maju lagi mengemukakan satu hakikat yang lain pula, iaitu satu hakikat yang amat besar dari segi hakikat itu sendiri dan dari segi kesan-kesannya. Hakikat itu ialah orang-orang yang mati terbunuh kerana Sabilullah sebenarnya bukanlah mati, malah mereka adalah hidup di sisi Allah dengan mendapat rezeki yang sempurna. Mereka tidak terpisah dari kehidupan kelompok Muslimin selepas mereka dan tidak pula terpisah dari peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada kelompok itu. Mereka mendapat kesan-kesan dari mereka dan memberi kesan-kesan kepada mereka. Kebolehan memberi dan menerima kesan-kesan itu merupakan salah satu ciri hidup yang paling penting.

Al-Qur'an mengikat di antara hidupnya para Syuhada' di dalam Peperangan Uhud dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas keguguran mereka dengan satu ikatan yang kukuh. Kemudian ia beralih pula kepada penggambaran keadaan sekumpulan orang-orang Mu'min yang menyahut seruan Allah dan Rasul-Nya setelah menderita kecederaan dan terus keluar mengikut jejak orang-orang Quraisy selepas mereka pergi dari situ kerana bimbang orang-orang Quraisy itu kembali melakukan serangan sekali lagi ke atas Madinah. Mereka tidak menghiraukan ugutan setengah-setengah orang yang menakut-nakutkan mereka dengan bilangan orang-

orang Quraisy yang ramai itu. Mereka bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa dan dengan pendirian ini mereka telah membuktikan erti keimanan dan hakikatnya:

وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ قُتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أَمْوَٰتًۢا ۚ بَلْ أَحْيَآءٌ
عِندَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾
فَرِحِينَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ وَيَسْتَبْشِرُونَ
بِٱلَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا۟ بِهِم مِّنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾
يَسْتَبْشِرُونَ بِنِعْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَضْلٍ وَأَنَّ
ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٧١﴾
ٱلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ مِنۢ بَعْدِ مَآ أَصَابَهُمُ ٱلْقَرْحُ ۚ
لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ مِنْهُمْ وَٱتَّقَوْا۟ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٢﴾
ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُوا۟ لَكُمْ
فَٱخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَٰنًا وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ
وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾
فَٱنقَلَبُوا۟ بِنِعْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَضْلٍ لَّمْ يَمْسَسْهُمْ سُوٓءٌ
وَٱتَّبَعُوا۟ رِضْوَٰنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ ﴿١٧٤﴾
إِنَّمَا ذَٰلِكُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ يُخَوِّفُ أَوْلِيَآءَهُۥ فَلَا تَخَافُوهُمْ
وَخَافُونِ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٥﴾

"Dan janganlah sekali-kali kamu menyangka orang-orang yang terbunuh fi Sabilillah itu mati, malah sebenarnya mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan dikurniakan rezeki (yang mewah) (169). Mereka bergembira dengan ni'mat-ni'mat kelebihan yang dikurniakan kepada mereka dan mereka merasa sukacita terhadap orang-orang yang masih tinggal di belakang mereka dan belum berkumpul dengan mereka, iaitu tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka berdukacita (170). Mereka merasa sukacita terhadap ni'mat dan kelebihan yang dikurniakan dari Allah dan sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan ganjaran para Mu'minin (171). Iaitu orang-orang yang menyambut seruan Allah dan Rasul selepas mereka mendapat kecederaan (dalam Peperangan Uhud). Bagi orang-orang yang melakukan kebaikan dari golongan mereka dan bertaqwa kepada Allah (disediakan) balasan yang amat besar (172). Iaitu mereka yang pernah diberitahu kepada mereka bahawa orang-orang (kafir) telah mengumpulkan (tentera) untuk menyerang kamu. Oleh itu hendaklah kamu takut kepada mereka lalu (ancaman itu) menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka terus berkata: Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung (173). Maka (akhirnya) mereka kembali dengan mendapat ni'mat dan limpah kurnia dari Allah tanpa disentuh oleh sebarang bencana dan mereka mengikut keredhaan Allah dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar (174). Sesungguhnya itulah syaitan yang menakut-nakutkan kamu dengan pengikut-pengikut setianya oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah takutlah kepada-Ku jika kamu benar orang-orang yang beriman."(175)

Setelah menjelaskan di dalam hati para Mu'minin hakikat taqdir dan ajal dan setelah mencabar perbuatan orang-orang Munafiqin yang telah menimbulkan keraguan-keraguan, kegoncangan, penyesalan dan kehampaan dengan kata-kata mereka:

لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا۟ ۗ

"Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati terbunuh"(168)

dan Dia menjawab perkataan ini dengan firman-Nya:

قُلْ فَٱدْرَءُوا۟ عَنْ أَنفُسِكُمُ ٱلْمَوْتَ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ﴿١٦٨﴾

"Katakanlah: Tolakkanlah kematian itu dari kamu jika kamu orang-orang yang benar"(168)

Para Syuhada' Tidak Mati

maka Allah telah menghendaki pula selepas meletakkan hati para Mu'minin di atas dada hakikat yang tetap ini - menerangkan kepada mereka nasib kesudahan para Syuhada' yang gugur dalam pertempuran kerana Sabilullah untuk menambahkan ketenteraman hati mereka dan di sana tidak ada Syuhada' kecuali orang-orang yang gugur kerana Sabilullah dengan hati yang ikhlas semata-mata kerana tujuan ini dan bersih dari segala kaitan yang lain. Sebenarnya para Syuhada' itu hidup dan mempunyai segala ciri makhluk yang hidup. Mereka dikurniakan rezeki yang mewah di sisi Allah. Mereka bergembira dengan ni'mat-ni'mat kelebihan yang dikurniakan Allah kepada mereka dan mereka merasa sukacita terhadap nasib kesudahan para Mu'minin selepas mereka dan mereka mengambil berat terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada saudara-saudara mereka selepas mereka. Ini adalah ciri-ciri makhluk-makhluk yang hidup yang mempunyai kebolehan merasa keni'matan, mengalami perasaan gembira - memberi perhatian, menerima dan memberi kesan. Oleh sebab itu apakah ertinya menyesal dan bersedih kerana berpisah dengan mereka? Bukankah mereka masih hidup, masih berhubung dengan orang-orang yang hidup dan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada mereka. Lebih-lebih lagi mereka telah mendapat ni'mat-ni'mat kelebihan dari Allah, mendapat rezeki yang mewah dan kedudukan yang tinggi di sisi Allah? Apakah ertinya pagar-pagar yang

didirikan manusia di dalam pandangan dan kefahaman mereka untuk memisahkan di antara pahlawan syahid yang hidup (di dalam Syurga) dengan saudara-saudara mereka yang masih hidup di dunia? Apakah ertinya pagar-pagar yang mereka dirikan untuk memisahkan di antara alam hidup dunia dengan alam hidup selepas alam dunia? Bukankah tidak ada lagi pagar-pagar dan dinding-dinding bagi para Mu'minin yang berhubung dengan Allah di alam ini dan di alam sana?

Kejelasan hakikat yang agung ini mempunyai nilai yang amat besar dalam memahami segala perkara, malah hakikat inilah yang membetul dan membentukkan kefahaman seorang Muslim terhadap harakat alam buana yang melahirkan berbagai-bagai bentuk dan keadaan hidup yang terus bersambung-sambung tidak putus-putus: Oleh kerana itu maut bukannya penghabisan persoalanan, malah bukan pula merupakan pagar yang memisahkan di antara yang dahulu dengan yang kemudiannya.

Itulah satu pandangan baru terhadap kematian yang mempunyai kesan yang besar di dalam perasaan para Mu'minin dan sikap mereka menghadapi hidup dan mati dan terhadap pemikiran mereka mengenai perkara-perkara yang wujud di sini dan perkara-perkara yang wujud di sana.

وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ قُتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أَمْوَٰتًۢا ۚ بَلْ أَحْيَآءٌ عِندَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

"Dan janganlah sekali-kali kamu menyangka orang-orang yang terbunuh fi Sabilillah itu mati, malah sebenarnya mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan dikurniakan rezeki (yang mewah)."(169)

Ayat ini merupakan nas yang terang yang melarang menganggapkan orang-orang yang terbunuh kerana Sabilullah dan berpisah dengan alam dunia ini dan jauh dari mata manusia itu sebagai orang-orang yang mati. Dan ayat ini juga menjadi nas yang terang yang menegaskan bahawa mereka itu adalah hidup di sisi Allah. Kemudian larangan dan penegasan itu diiringi pula dengan keterangan bahawa mereka mempunyai ciri hidup iaitu mereka diberi rezeki yang mewah.

Meskipun kita di dunia yang fana ini tidak mengetahui jenis hidup yang dihayati oleh para Syuhada' itu, namun keterangan-keterangan dari hadith yang sahih yang sampai kepada kita dan keterangan nas yang jelas dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya itu sudah cukup untuk mengubahkan kefahaman kita terhadap kematian dan hayat dan terhadap perpisahan dan percantuman yang wujud di antara keduanya dan sudah cukup untuk mengajar kita bahawa hakikat segala perkara itu bukanlah seperti yang kita faham dari gambaran lahirnya. Ia mengajar kita apabila kita cuba membentuk kefahaman-kefahaman kita terhadap hakikat-hakikat yang mutlak dengan berasaskan gambaran lahir yang dapat difahami oleh kita, maka kita tidak akan mencapai kefahaman yang sebenar terhadap hakikat itu, ia mengajar kita bahawa adalah lebih baik bagi kita - dalam usaha memahami hakikat yang seperti ini - menunggu penerangan dari Allah S.W.T. sendiri yang berkuasa menerangkan hakikat yang sebenar.

Ciri-ciri Hidup Para Syuhada'

Mereka adalah sekumpulan manusia dari kita. Mereka telah berpisah dari hayat yang kita mengetahui gambaran lahirnya, iaitu gambaran lahirnya yang nampak jelas kepada kita, tetapi oleh sebab mereka "Mati terbunuh kerana Sabilullah", iaitu semata-mata ikhlas kepada agama Allah dan bersih dari segala keinginan kepada mata benda dunia dan dari segala tujuan-tujuan yang remeh, dan oleh sebab jiwa mereka berhubung rapat dengan Allah hingga mereka sanggup mengorbankan nyawanya kerana agama-Nya.... Oleh sebab mereka mati terbunuh dengan sebab-sebab yang seperti itu, maka Allah S.W.T. telah menerangkan kepada kita di dalam berita Al-Qur'an yang benar bahawa mereka tidak mati dan melarang kita menganggap mereka mati dan menegaskan kepada kita bahawa mereka sebenarnya hidup dan mendapat rezeki yang mewah di sisi Allah. Mereka menerima rezeki mereka sama seperti orang-orang yang hidup menerima rezekinya. Di samping itu Allah juga menceritakan kepada kita bahawa mereka mempunyai ciri-ciri hidup di antaranya:

فَرِحِينَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ

"Mereka bergembira dengan ni'mat-ni'mat kelebihan yang dikurniakan kepada mereka."(170)

Yakni mereka menyambut rezeki yang dikurniakan kepada mereka dengan penuh gembira, kerana mereka sedar bahawa itulah limpah kurnia Allah yang besar kepada mereka. Itulah petanda keredhaan Allah terhadap keguguran mereka kerana Sabilillah. Apakah sesuatu yang lebih mengembirakan mereka dari pengurniaan rezeki yang melambangkan keredhaan Allah?

Kemudian mereka sibuk mengambil berat tentang saudara-saudara mereka yang ditinggal di belakang mereka. Mereka merasa senang terhadap saudara-saudara mereka kerana mereka tahu bahawa Allah telah memberi keredhaan-Nya kepada para Mu'minin yang berjihad kerana Sabilillah:

وَيَسْتَبْشِرُونَ بِٱلَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا۟ بِهِم مِّنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾

"Dan mereka merasa sukacita terhadap orang-orang yang masih tinggal di belakang mereka dan belum berkumpul dengan mereka, iaitu tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka berdukacita."(170)

يَسْتَبْشِرُونَ بِنِعْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ وَأَنَّ اللَّهَ
لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٧١﴾

"Mereka merasa sukacita terhadap ni'mat dan kelebihan yang dikurniakan dari Allah dan sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan ganjaran para Mu'minin."(171)

Yakni mereka tidak terpisah dari saudara-saudara mereka yang masih tinggal di belakang mereka dan belum lagi berkumpul dengan mereka. Hubungan dengan saudara-saudara mereka tidak terputus kerana mereka sebenarnya tetap hidup bersama mereka dan merasa sukacita dengan ni'mat-ni'mat balasan yang baik yang akan diperolehi saudara-saudara mereka di dunia dan di Akhirat dan yang menjadi punca kesukacitaan mereka terhadap saudara-saudara mereka ialah.:

أَلَّا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾

"Tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka berdukacita."(170)

Mereka telah mengetahui hakikat ini dan yakin terhadap hidupnya mereka di sisi Allah dan terhadap pemberian ni'mat dan kelebihan yang dikurniakan Allah kepada mereka, juga yakin bahawa inilah layanan Allah terhadap para Mu'minin yang benar dan bahawa Allah tidak mensia-siakan ganjaran para Mu'minin.

Apakah lagi ciri-ciri hidup yang tidak wujud pada para Syuhada' yang gugur di dalam perjuangan fi Sabililllah? Apakah lagi yang memisahkan mereka dari saudara-saudara mereka yang masih tinggal di belakang mereka dan belum berkumpul dengan mereka? Apakah perpindahan ini wajar menjadi punca kesedihan, kehilangan dan kesepian di dalam hati saudara-saudara mereka yang tinggal di belakang mereka, sedangkan perpindahan itu lebih wajar menjadi punca kegembiraan, keredhaan dan kemesraan kerana ia merupakan satu perjalanan ke sisi Allah di samping ia masih mempunyai hubungan yang rapat dengan orang-orang yang hidup dan dengan hayat.

Itulah satu perubahan yang menyeluruh bagi konsep kematian apabila ia berlaku kerana Sabilullah, juga satu perubahan yang menyeluruh bagi perasaan-perasaan yang menemani kematian di dalam hati para Mujahidin itu sendiri dan di dalam hati saudara-saudara mereka yang ditinggal di belakang mereka. Itulah peluasan bidang hidup, perasaan-perasaan terhadapnya dan gambaran-gambaran yang melampaui perbatasan hidup dunia ini di samping melampaui bentuk-bentuk hidup yang fana itu, ia meluas ke ruang yang amat lebar yang tidak dibatasi oleh pagar-pagar yang wujud di dalam benak dan kefahaman kita mengenai perpindahan hidup para Syuhada' yang beralih dari satu bentuk ke satu bentuk yang lain dan dari satu hidup ke satu hidup yang lain.

Sesuai dengan konsep kematian yang baru yang ditanamkan oleh ayat-ayat ini dan ayat-ayat yang seumpamanya dari Al-Qur'anul-Karim di dalam hati para Muslimin, maka para Mujahidin yang budiman telah menghayunkan langkah-langkah mereka mencari kematian syahid dan di antaranya ialah contoh-contoh yang telah kami sebutkan sebahagian darinya dalam pendahuluan pembicaraan mengenai peperangan ini, sila rujukkan ke sana.

Selepas menjelaskan hakikat yang agung ini Al-Qur'an memperkatakan pula tentang "para Mu'minin" yang membuat para Syuhada' yang gugur di dalam peperangan itu merasa sukacita dan gembira terhadap mereka kerana balasan-balasan besar yang disediakan kepada mereka dan di sini ia menentukan mereka, iaitu menentukan sifat-sifat dan kisah mereka dengan Allah:

الَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِلَّهِ وَالرَّسُولِ مِنۢ بَعْدِ مَا أَصَابَهُمُ الْقَرْحُ ۚ
لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا مِنْهُمْ وَاتَّقَوْا أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٢﴾
الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ
فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ
وَنِعْمَ الْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾
فَانقَلَبُوا بِنِعْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ لَّمْ يَمْسَسْهُمْ سُوءٌ
وَاتَّبَعُوا رِضْوَانَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ ﴿١٧٤﴾

"Iaitu orang-orang yang menyambut seruan Allah dan Rasul selepas mereka mendapat kecederaan (dalam Peperangan Uhud) bagi orang-orang yang melakukan kebaikan dari golongan mereka dan bertaqwa kepada Allah (disediakan) balasan yang amat besar (172). Iaitu mereka yang pernah diberitahu kepada mereka bahawa orang-orang (kafir) telah mengumpulkan (tentera) untuk menyerang kamu. Oleh itu hendaklah kamu takut kepada mereka lalu (ancaman itu) menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka terus berkata: Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung (173). Maka (akhirnya) mereka kembali dengan mendapat ni'mat dan limpah kurnia dari Allah tanpa disentuh oleh sebarang bencana dan mereka mengikut keredhaan Allah dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar."(174)

Siapakah Yang Menyambut Seruan Allah Dan Rasul-Nya?

Yakni mereka ialah orang-orang yang telah diseru oleh Rasulullah s.a.w. supaya keluar bersama beliau untuk berjuang semula di limun pagi keesokan dalam peperangan yang pahit itu, sedangkan mereka sedang menderita luka-luka yang teruk dan baru kelmarin terselamat dari maut di dalam peperangan itu dan menempuh berbagai-bagai kesulitan. Mereka masih lagi belum lupa kedahsyatan peperangan itu, kepahitan menderita kekalahan dan kesusahan. Mereka telah kehilangan ramai orang-orang yang

disayangi mereka menyebabkan bilangan mereka menjadi kecil di samping menderita luka-luka yang teruk pula.

Tetapi Rasulullah s.a.w. hanya menyeru mereka sahaja dan sama sekali tidak membenarkan sesiapa yang telah ponteng dari peperangan itu keluar bersama mereka - untuk menguatkan mereka atau untuk meramaikan bilangan mereka sebagaimana yang boleh dikatakan orang - dan mereka telah menyambut seruan Rasulullah s.a.w. dan itulah seruan Allah sebagaimana yang dijelaskan oleh ayat ini atau sebagaimana menurut hakikatnya yang difaham oleh mereka. Mereka telah menyambut seruan ini kerana Allah dan Rasul-Nya walaupun mereka telah mendapat kecederaan dan menderita luka-luka yang teruk.

Rasulullah s.a.w. hanya menyeru mereka sahaja. Seruan beliau ini dan sambutan yang diberikan oleh mereka adalah mengandungi berbagai-bagai saranan dan mengisyaratkan kepada beberapa hakikat yang besar di antaranya:

Mungkin tujuan Rasulullah s.a.w. ialah supaya perasaan kalah dan rasa kepedihan luka-luka itu tidak menjadi perasaan terakhir yang mengongkong hati dan perasaan mereka. Oleh sebab itulah beliau menyeru mereka keluar untuk mengejar orang-orang Quraisy supaya tersemat di dalam hati mereka bahawa segala apa yang telah berlaku kepada mereka itu adalah ujian dan dugaan sahaja dan bukannya penghabisan perjuangan dan mereka sebenarnya selepas itu boleh menjadi kuat kembali dan musuh-musuh mereka yang menang itu sebenarnya lemah. Kekalahan itu hanya sekali dan ia sedang berlalu dan mereka masih berpeluang mengalahkan mereka pula jika mereka membuang sifat-sifat yang lemah dari diri mereka dan menyambut seruan Allah dan Rasul-Nya.

Mungkin tujuan Rasulullah s.a.w. dalam satu aspek yang lain supaya orang-orang Quraisy tidak berundur dari situ dengan hanya membawa kenangan-kenangan kemenangan dan rasa-rasa kebanggaannya di dalam hati dan perasaan mereka. Oleh sebab itulah beliau mengejar orang-orang Quraisy dengan saki-baki orang-orang Islam yang turut berperang di dalam pertempuran kelmarin supaya orang-orang Quraisy merasa bahawa mereka tidak dapat mematahkan kekuatan kaum Muslimin dan mereka masih lagi mempunyai saki-baki kekuatan mengejar dan menyerang mereka.

Kedua-dua tujuan telah tercapai belaka mengikut riwayat-riwayat sejarah.

'Aqidah Merupakan Segala Sesuatu Bagi Para Mu'min

Mungkin tujuan Rasulullah s.a.w. ialah untuk menimbulkan kesedaran kepada kaum Muslimin dan kepada seluruh dunia selepas mereka terhadap kemunculan satu hakikat yang baru yang diwujudkan di bumi ini, iaitu hakikat bahawa 'aqidah itulah yang merupakan segala sesuatu bagi para penganutnya; mereka tidak mempunyai tujuan yang lain di dunia ini selain dari 'aqidah dan mereka tidak mempunyai matlamat yang lain di dalam hidup mereka selain dari 'aqidah. Mereka hanya hidup kerana 'aqidah ini sahaja dan tidak mempunyai apa-apa cita-cita yang lain di dalam hati mereka selain dari 'aqidah. Mereka mengorbankan segala apa yang ada pada mereka untuk 'aqidah tanpa meninggalkan baki.

Ini adalah suatu perkara yang baru di bumi ini pada masa itu dan pastilah seluruh dunia turut sedar setelah para Mu'minin semuanya sedar terhadap kemunculan perkara yang baru ini dan kewujudan hakikat yang besar ini.

Dan tidak ada pengungkapan yang lebih kuat untuk menyatakan kelahiran hakikat yang baru ini dari tindakan keluarnya mereka yang menyahut seruan Allah dan Rasul walaupun mereka sedang menderita luka-luka dan cedera, tidak ada pengungkapan yang lebih kuat dari keluarnya mereka dalam satu gambaran yang gemilang dan hebat, iaitu gambaran yang menunjukkan sikap tawakkal yang tinggi terhadap Allah Yang Maha Esa tanpa menghiraukan kata-kata dan ugutan-ugutan dari pihak-pihak yang pernah menakut-nakutkan mereka dengan bilangan orang-orang Quraisy yang ramai sebagaimana yang disampaikan oleh utusan-utusan Abu Sufyan dan sebagaimana yang dibesar-besarkan oleh orang-orang Munafiqin terhadap kekuatan orang-orang Quraisy iaitu perkara yang sememangnya pasti dibuat oleh mereka.

ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُوا۟ لَكُمْ
فَٱخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَٰنًا وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ
وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

"Iaitu mereka yang pernah diberitahu kepada mereka bahawa orang-orang (kafir) telah mengumpulkan (tentera) untuk menyerang kamu. Oleh itu hendaklah kamu takut kepada mereka lalu (ancaman itu) menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka terus berkata: Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung."(173)

Gambaran yang gemilang dan hebat ini merupakan suatu perisytiharan yang kuat yang mengumumkan kelahiran hakikat yang besar ini. Inilah beberapa perkara yang telah ditunjukkan oleh bimbingan nabawiyah yang bijak itu.

Beberapa riwayat menceritakan kepada kita tentang gambaran-gambaran kecederaan dan luka-luka (yang dialami para pahlawan Uhud) dan gambaran mereka menyambut seruan keluar (untuk mengejar musuh):

Ujar Muhammad ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Abdullah ibn Kharijah ibn Zayd ibn Thabit dari Abu as-Sa'eb Maula 'Aisyah binti 'Uthman: Ada

seorang lelaki dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. dari Bani 'Abdil-Asyhal yang telah ikut di dalam Peperangan Uhud katanya: "Kami hadir di dalam peperangan bersama Rasulullah s.a.w., iaitu saya dan saudara saya. Kami pulang dari peperangan itu dengan mendapat luka-luka dan apabila juruhebah Rasulullah s.a.w. memberitahu supaya keluar mengejar musuh, saya berkata kepada saudara saya - atau dia berkata kepada saya: 'Adakah kita sanggup hilang peluang berperang bersama Rasulullah s.a.w.?' Demi Allah kami tidak mempunyai kenderaan untuk ditunggangi dan kedua-dua kami menderita luka-luka yang berat. Lalu kami keluar bersama Rasulullah s.a.w. Luka saya lebih ringan dari luka saudara saya. Oleh itu apabila dia tidak berdaya (berjalan) saya angkatkannya menunggang secara bergilir-gilir sehingga kami sampai ke tempat orang-orang Islam itu."

Contoh Kepahlawanan Yang Unggul

Ujar Muhammad ibn Ishaq: Peperangan Uhud itu berlaku pada hari Sabtu 15 Syawal dan pada keesokan harinya, iaitu hari Ahad 16 Syawal, juruhebah Rasulullah s.a.w. memberitahu orang ramai supaya keluar mengejar musuh. Juruhebah Rasulullah itu mengumumkan: "Tidak dibenar sesiapa pun keluar bersama kami kecuali mereka yang turut berperang pada hari kelmarin." Lalu Jabir ibn Abdullah ibn 'Amr ibn Haram bercakap dengan Rasulullah s.a.w. dan berkata kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Bapa saya telah meletakkan saya menjadi penjaga tujuh beradik saudara perempuan saya dan dia berkata: "Wahai anakku! Tidak seharusnya kepadaku dan tidak pula kepada engkau meninggalkan perempuan-perempuan itu tanpa seorang lelaki yang menjaganya dan aku pula tidak mahu mengutamakan engkau di atas diriku untuk berjihad bersama Rasulullah s.a.w. Oleh itu biarlah engkau sahaja yang tinggal menjaga saudara-saudara perempuan engkau.' Oleh itu aku tidak dapat ikut keluar kerana menjaga mereka. Dan Rasulullah s.a.w. membenarkan bapaku keluar bersamanya."

Demikianlah terdapat banyak gambaran-gambaran yang tinggi yang mengumumkan kelahiran hakikat yang besar itu di dalam hati-hati yang besar, iaitu hati-hati yang hanya bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, hati-hati yang hanya redha dan merasa cukup dengan perlindungan Allah, hati-hati yang semakin kukuh beriman kepada Allah di sa'at-sa'at kesusahan dan hati-hati yang akan berkata ketika menghadapi ugutan manusia yang menakut-nakutkan mereka dengan kekuatan manusia:

حَسۡبُنَا ٱللَّهُ وَنِعۡمَ ٱلۡوَكِيلُ ١٧٣

"Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung." (173)

Kemudian berlakulah akibat seperti yang diduga dari perjanjian Allah kepada orang bertawakkal kepada-Nya dan berpada dengan pertolongan-Nya dan tulus ikhlas, kepada-Nya:

فَٱنقَلَبُواْ بِنِعۡمَةٖ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَضۡلٖ لَّمۡ يَمۡسَسۡهُمۡ سُوٓءٞ وَٱتَّبَعُواْ رِضۡوَٰنَ ٱللَّهِۗ

"Maka (akhirnya) mereka kembali dengan mendapat ni'mat dan limpah kurnia dari Allah tanpa disentuh oleh sebarang bencana dan mereka mengikut keredhaan Allah."

Yakni mereka mendapat keselamatan - tidak disentuh kesusahan - dan mencapai keredhaan Allah dan pulang dengan selamat dan dengan penuh kepuasan hati.

بِنِعۡمَةٖ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَضۡلٖ

"Dengan mendapat ni'mat dan limpah kurnia dari Allah."

Di sini Al-Qur'an mengembalikan mereka kepada punca pertama pemberian, iaitu ni'mat dan limpah kurnia Allah yang diberikan kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Di samping memuji pendirian mereka yang gemilang Al-Qur'an mengembalikan perkara itu kepada ni'mat dan limpah kurnia Allah, kerana inilah pokok pangkalnya yang besar dan kepadanya dikembalikan segala limpah kurnia dan pendirian mereka yang gemilang itu tiada lain melainkan sebahagian dari limpah kurnia Allah yang amat banyak itu.

وَٱللَّهُ ذُو فَضۡلٍ عَظِيمٍ ١٧٤

"Dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar."(174)

Dengan ini Allah merakamkan di dalam kitab suci-Nya yang kekal dan di dalam kalam-Nya yang bergema di merata pelosok alam buana gambaran dan pendirian mereka yang gemilang ini, iaitu satu gambaran yang amat tinggi dan satu pendirian yang amat mulia.

Kematangan Syakhsiyah

Dan seseorang yang merenungi gambaran ini dan pendirian ini dia akan merasa seolah-olah seluruh syakhsiyah kelompok Muslimin di waktu itu telah berubah sehari semalam. Mereka telah menjadi matang, imbang dan kepada bumi tempat mereka berpijak, segala kekaburan dan kesamaran hilang dari kefahaman mereka dan mereka telah mengambil segala urusan itu dengan serius belaka dan mereka terselamat dari keadaan terumbang-ambing dan keluh-kesah yang telah berlaku sebelum itu di dalam kefahaman dan barisan mereka. Hanya masa sehari semalam sahaja telah membawa perbezaan di antara sikap kelompok Muslimin hari ini dengan sikap mereka kelmarin dan perbezaan itu amat besar dan jaraknya amat jauh. Pengalaman yang pahit itu telah mendatangkan kesannya yang besar di dalam jiwa mereka. Peristiwa itu telah menggoncangkan hati mereka dengan sekuat-kuatnya hingga menghilangkan segala kekeliruan (di dalam pemikiran mereka), menyedarkan hati mereka, meneguhkan tapak kaki mereka dan mengisikan jiwa mereka dengan keazaman dan tekad yang kuat.

Ya, memang benar bahawa limpah kurnia Allah itu amat besar dalam ujian yang pahit itu.

Syaitan Menjadi Dalang Di Belakang Peristiwa-peristiwa

Pada akhirnya ceraian ini diakhiri dengan penerangan yang mendedahkan punca ketakutan, kebimbangan dan kecemasan itu. Puncanya ialah syaitan yang berusaha menjadikan orang-orang (kafir) yang dinaunginya sebagai sumber ketakutan dan kebimbangan dan menyalutkan mereka dengan sifat-sifat kuat dan hebat. Oleh sebab itulah para Mu'minin harus sedar kepada tipudaya syaitan dan berusaha menggagalkan percubaannya dan jangan sekali-kali takut kepada orang-orang naungannya, malah hendaklah mereka takut kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana Dialah sahaja Yang Maha Kuat, Gagah dan Berkuasa yang wajar ditakuti:

إِنَّمَا ذَٰلِكُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ يُخَوِّفُ أَوْلِيَآءَهُۥ فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُونِ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٥﴾

"Sesungguhnya mereka tidak lain itulah syaitan yang menakut-nakutkan kamu dengan pengikut-pengikut setianya oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah takutlah kepada-Ku jika kamu benar orang-orang yang beriman."(175)

Yakni syaitanlah yang membesar-besarkan kekuatan orang-orang kafir yang dinaunginya. Dialah yang menyalutkan mereka dengan pakaian kekuatan dan kehandalan dan menimbulkan di dalam hati bahawa mereka betul-betul mempunyai kekuatan dan keupayaan dan berkuasa memberi manfa'at dan mudharat. Syaitan menggunakan mereka untuk melaksanakan tujuan-tujuannya, iaitu menimbulkan kejahatan dan kerosakan di bumi dan supaya semua orang tunduk kepada hamba-hamba naungannya dan tiada satu suara pun yang menentang mereka dan tiada siapa pun yang berfikir untuk melawan mereka dan menolak mereka dari kejahatan dan kerosakan itu.

Syaitan itulah pihak yang mempunyai kepentingan agar yang batil dan yang jahat itu mengembang dan membesar dan kelihatan kuat, berkuasa, gagah, ganas dan sewenang-wenang tidak dapat dilawan, tidak berdaya ditentang dan tiada penentang yang sanggup mengalahkannya. Syaitanlah pihak yang berkepentingan supaya perkara ini kelihatan begitu. Tabir-tabir ketakutan dan kebimbangan di buka dan di bawah bayangan ketakutan dan keganasan itulah hamba-hamba naungan syaitan bertindak sesuka hati di muka bumi ini. Mereka menukarkan ma'ruf menjadi mungkar dan menukarkan mungkar menjadi ma'ruf. Mereka menyebar kerosakan, kebatilan dan kesesatan, mereka mencekik suara kebenaran, hidayat dan keadilan. Mereka melantikkan diri mereka sebagai tuhan-tuhan di bumi yang melindungi kejahatan dan membunuh kebaikan dan tiada siapa pun yang berani melawan dan menentang mereka atau mengusir mereka dari maqam kepimpinan dan seterusnya tiada seorang pun yang berani mendustakan kebatilan yang disebarkan mereka dan menerangkan kebenaran yang telah dipadamkan oleh mereka.

Syaitan itu penipu yang licik dan pengkhianat. Ia berselindung di sebalik hamba-hamba naungannya. Dari merekalah ia menaburkan ketakutan di dalam hati orang-orang yang tidak berhati-hati terhadap bisikan-bisikan jahatnya. Di sini Allah mendedahkannya dan memaksakannya berdiri bogel tanpa dilindungi oleh baju tipu dayanya. Allah memperkenalkan hakikat syaitan ini kepada para Mu'minin, iaitu hakikat tipudaya dan bisikan jahatnya supaya mereka berhati-hati dan waspada terhadapnya. Oleh itu janganlah mereka takut kepada hamba-hamba naungan syaitan, kerana mereka terlalu lemah untuk ditakuti oleh orang yang beriman yang berserah kepada Allah dan bergantung kepada kekuatan-Nya. Sesungguhnya kekuatan yang tunggal yang wajar ditakuti ialah kekuatan yang berkuasa memberi manfa'at dan mudharat, iaitu kekuatan Allah. Inilah kekuatan yang ditakuti oleh orang-orang yang beriman kepada Allah dan apabila mereka takut kepada kekuatan Allah Yang Maha Esa sahaja, maka mereka akan menjadi orang-orang yang paling kuat yang tidak dapat ditentang oleh mana-mana kekuatan di bumi sama ada kekuatan syaitan atau kekuatan hamba-hamba naungan syaitan:

فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُونِ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٥﴾

"Oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah takutlah kepada-Ku jika kamu benar orang-orang yang beriman."(175)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 176 - 179)

Manusia Di Bawah Naungan Syaitan Berlumba-lumba Menuju Kepada Kekufuran

Sebagai mengakhiri cerita dan ulasan-ulasannya, maka rangkaian ayat-ayat yang berikut ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan hatinya yang sedih dan dukacita kerana orang-orang kafir berkejar-kejaran, berlumba-lumba menuju kepada kekafiran dan bergiat di dalamnya seolah-olah mereka berada dalam satu perlumbaan menuju kepada satu matlamat! Perbuatan ini tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun, malah itulah ujian Allah terhadap mereka dan itulah taqdir Allah melalui mereka. Allah memang telah mengetahui keadaan dan kekafiran mereka yang melayakkan mereka untuk mendapat kehampaan di alam Akhirat, iaitu Allah membiarkan mereka berkejar-kejaran menuju kepada kekafiran sehingga akhirnya walaupun hidayat telah ditawarkan kepada mereka, namun mereka tetap mengutamakan kekafiran dari hidayat lalu Allah membiarkan mereka terus berkejar-kejaran menuju kepada kekafiran. Allah melanjutkan tempoh mereka supaya dosa

mereka bertambah banyak bersama kelanjutan masa hidup mereka dan kelanjutan masa kemewahan mereka. Penangguhan dan pelanjutan masa itu sebenarnya merupakan suatu bala kepada mereka. Cerita perang itu diakhiri dengan pendedahan hikmat dan tadbir Allah di sebalik seluruh peristiwa perang itu, iaitu di sebalik ujian yang dilakukan ke atas orang-orang yang beriman dan di sebalik pelanjutan tempoh 'azab yang diberikan kepada orang-orang kafir. Hikmat itu ialah membezakan di antara yang buruk dan yang baik melalui ujian dan dugaan. Oleh kerana urusan hati manusia merupakan suatu urusan ghaib yang hanya diketahui oleh Allah dan tidak diketahui oleh manusia, maka Allah S.W.T. menghendaki mendedahkan urusan yang ghaib dalam bentuk yang sesuai dengan manusia dan dengan perantaraan yang dapat difaham oleh mereka, maka kerana itulah diadakan ujian ke atas orang-orang yang beriman dan diberikan penangguhan tempoh 'azab kepada orang-orang yang kafir agar segala rahsia yang tersembunyi di dalam hati itu terdedah di dalam kenyataan dan agar yang buruk dapat dibezakan dari yang baik, iaitu agar orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya itu dapat dipastikan dengan jelas dan yakin:

وَلَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْكُفْرِ ۚ إِنَّهُمْ لَن
يَضُرُّوا۟ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ يُرِيدُ ٱللَّهُ أَلَّا يَجْعَلَ لَهُمْ حَظًّا فِى
ٱلْـَٔاخِرَةِ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلْكُفْرَ بِٱلْإِيمَٰنِ لَن يَضُرُّوا۟ ٱللَّهَ
شَيْـًٔا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٧﴾
وَلَا يَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَنَّمَا نُمْلِى لَهُمْ خَيْرٌ
لِّأَنفُسِهِمْ ۚ إِنَّمَا نُمْلِى لَهُمْ لِيَزْدَادُوٓا۟ إِثْمًا ۚ وَلَهُمْ عَذَابٌ
مُّهِينٌ ﴿١٧٨﴾
مَّا كَانَ ٱللَّهُ لِيَذَرَ ٱلْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَآ أَنتُمْ عَلَيْهِ حَتَّىٰ
يَمِيزَ ٱلْخَبِيثَ مِنَ ٱلطَّيِّبِ ۗ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُطْلِعَكُمْ
عَلَى ٱلْغَيْبِ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَجْتَبِى مِن رُّسُلِهِۦ مَن يَشَآءُ ۖ
فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ ۚ وَإِن تُؤْمِنُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَلَكُمْ أَجْرٌ
عَظِيمٌ ﴿١٧٩﴾

"Dan janganlah sekali-kali engkau disedihkan oleh orang-orang yang berkejaran ke dalam kekafiran. Sesungguhnya mereka tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun. Allah berkehendak tidak akan memberi sesuatu bahagian (keni'matan) kepada mereka di hari Akhirat dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar (176). Sesungguhnya orang-orang yang membeli kekafiran dengan keimanan tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih (177). Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa penangguhan yang kami berikan kepada mereka itu suatu kebaikan kepada mereka, malah kami berikan penangguhan itu hanya supaya dosa mereka bertambah banyak dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan (178). Allah sekali-kali tidak akan meninggalkan orang-orang Mu'min dalam keadaan kamu (yang bercampur aduk) sekarang ini sehingga dia membezakan yang buruk (Munafiq) dari yang baik (Mu'minin) dan Allah sekali-kali tidak akan memperlihatkan perkara yang ghaib kepada kamu, tetapi Allah memilih daripada rasul-Nya siapa yang dikehendaki oleh-Nya. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan jika kamu beriman dan bertaqwa, maka kamu akan memperolehi pahala yang amat besar."(179)

Mengapa Kebenaran Kalah Dan Kebatilan Menang?

Inilah pengakhiran yang amat sesuai dengan pembentangan peristiwa Peperangan Uhud, di mana orang-orang Islam menderita kekalahan dan kemalangan jiwa dan kecederaan dan kaum Musyrikin pulang membawa kemenangan. Di sana selama-lamanya terdapat kekeliruan yang berkecamuk di dalam hati atau terdapat cita-cita yang terkilan yang membisik di dalam setengah-setengah hati ketika menghadapi perjuangan-perjuangan di antara kebenaran dan kebatilan kemudian kebenaran kembali dengan menderita kekalahan dan kebatilan kembali dengan mendapat kemenangan.

Di sana selama-lamanya terdapat kekeliruan yang palsu atau cita-cita yang terkilan mengapa jadi begini, ya Allah? Mengapa kebenaran kalah dan kebatilan menang? Mengapa pejuang-pejuang kebenaran menderita, sedangkan pejuang-pejuang kebatilan selamat? Mengapa kebenaran tidak mendapat kemenangan dalam setiap perjuangan dengan kebatilan, mengapa ia tidak pulang membawa kemenangan dan harta rampasan? Bukankah kebenaran yang seharusnya mendapat kemenangan? Mengapa kebatilan mempunyai kekuatan seperti ini? Mengapa dalam pertempurannya dengan kebenaran ia pulang dengan kemenangan yang mempesona dan menggoncangkan hati?

Memang telah berlaku di dalam Peperangan Uhud, di mana orang-orang Islam merungut hairan dan takjub: "Bagaimana ini boleh berlaku?".

Dalam bahagian akhir ini dikemukakan jawapan dan penjelasan yang akhir kerana Allah mahu merehatkan hati para Muslimin yang penat dan membersihkan segala fikiran yang salah yang menyelinap ke dalam hati dari sudut ini di samping menerangkan undang-undang dan peraturan-Nya, taqdir dan tadbir-Nya dalam segala urusan semalam, hari ini dan besok dan pada bila-bila masa sahaja berlakunya pertempuran di antara kebenaran dan kebatilan dan berakhir dengan kekalahan kebenaran.

Kejayaan kebatilan yang terselamat dalam mana-mana perjuangan dan kejayaannya mempertahankan kewujudannya yang angkuh dalam beberapa waktu bukanlah bererti bahawa Allah telah membiarkannya atau bererti kebatilan telah mempunyai kekuatan yang tidak dapat dikalahkan lagi atau bererti ia dapat menindas kebenaran buat selama-lamanya. Demikian juga kekalahan kebenaran di dalam mana-mana perjuangan dan kelemahannya di dalam beberapa waktu bukanlah bererti bahawa Allah telah menyingkirkan atau melupakannya atau bererti Allah sengaja membiarkannya dibunuh dan dibinasakan oleh kebatilan.

Tidak sekali-kali begitu! Malah itulah suatu hikmat dan suatu perencanaan tadbir Ilahi. Ia sengaja membiarkan kebatilan itu berjalan hingga ke akhir jalan iaitu supaya ia

melakukan perbuatan-perbuatan yang amat keji, memikul dosa-dosa yang amat berat dan menerima balasan 'azab yang amat teruk dengan penuh kewajaran. Ia sengaja menguji kebenaran untuk membezakan yang buruk dari yang baik dan untuk memberi ganjaran yang besar kepada mereka yang mengadap ujian itu dengan tabah. Itulah keuntungan kepada kebenaran dan kerugian kepada kebatilan yang berlipat ganda di sana sini.

وَلَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْكُفْرِ ۚ إِنَّهُمْ لَن يَضُرُّوا۟ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ يُرِيدُ ٱللَّهُ أَلَّا يَجْعَلَ لَهُمْ حَظًّا فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٦﴾

"Dan janganlah sekali-kali engkau disedihkan oleh orang-orang yang berkejaran ke dalam kekafiran. Sesungguhnya mereka tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun. Allah berkehendak tidak akan memberi sesuatu bahagian (keni'matan) kepada mereka di hari Akhirat dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar."(176)

Allah menghibur Nabi s.a.w. dan menolakkan darinya rasa sedih dan dukacita yang sedang mengharukan hati beliau kerana melihat pelampau-pelampau yang berkejaran menuju kepada kekafiran seolah-olah di sana ada suatu matlamat yang dituju oleh mereka.

Itulah satu pengungkapan yang menggambar keadaan jiwa yang sebenar, kerana setengah-setengah orang kelihatan begitu bersungguh-sungguh berjalan di jalan kekafiran, kebatilan, kejahatan dan maksiat seolah mereka bersungguh-sungguh untuk mencapai kemenangan dalam perlumbaan. Mereka berlari kencang, terburu-buru dan penuh semangat seolah-olah mereka dikejar dari belakang atau diseru dari hadapan untuk merebut sesuatu hadiah.

Rasa sedih dan dukacita mengharukan hati Rasulullah s.a.w. kerana melihat golongan manusia yang berusaha bersungguh-sungguh menuju ke Neraka, sedangkan beliau tidak mampu menahan mereka dan mereka pula tidak mahu mendengar amaran beliau. Rasa sedih dan dukacita juga mengharukan hati beliau kerana mereka yang bersungguh-sungguh ke Neraka dan berlumba-lumba kepada kekafiran itu telah melakukan tindakan-tindakan jahat dan gangguan yang menggugat orang-orang Islam dan menggugat da'wah Allah dan perkembangannya di kalangan orang ramai yang menunggu hasil-hasil perjuangan beliau dengan kaum Quraisy untuk memilih barisan yang dipilih oleh Quraisy pada akhir perjuangan itu. Apabila kaum Quraisy memeluk Islam dan menyerah kalah, maka orang ramai pun berduyun-duyun masuk ke dalam agama Islam ...... Tidak syak lagi bahawa perhitungan-perhitungan yang seperti ini mempunyai kesannya di dalam hati Rasul yang mulia itu, kerana itu Allah menghiburkan hati Rasulullah s.a.w. dan menghapuskan rasa sedih dan dukacita yang mengharui hati beliau.

وَلَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْكُفْرِ ۚ إِنَّهُمْ لَن يَضُرُّوا۟ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ

"Dan janganlah sekali-kali engkau disedihkan oleh orang-orang yang berkejaran ke dalam kekafiran. Sesungguhnya mereka tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun."

Yakni manusia-manusia yang lemah itu tidak mungkin memudharatkan Allah sedikitpun. Hal ini tidak perlu kepada penerangan. Maksud Allah di sini ialah Dia mahu menjadikan persoalan 'aqidah itu sebagai persoalan-Nya dan perjuangan dengan kaum Musyrikin itu sebagai perjuangan-Nya. Dia mahu mengangkatkan beban 'aqidah dan beban perjuangan itu dari pundak Rasulullah s.a.w. dan pundak kaum Muslimin seluruhnya, kerana orang-orang yang berkejaran ke dalam kekafiran adalah orang-orang yang memerangi Allah dan mereka adalah terlalu daif untuk memudharatkan Allah. Kini jelaslah bahawa mereka tidak akan dapat memudharatkan da'wah-Nya dan tidak akan dapat memudharatkan para pejuang da'wah ini biar bagaimana cepat mereka berkejaran kepada kekafiran dan biar bagaimana dahsyat mereka menindas para hamba kesayangan Allah.

Jadi, mengapa Allah membiarkan mereka selamat dan mencapai kemenangan, sedangkan merekalah musuh-musuh-Nya yang langsung?

Jawabnya kerana Allah mengaturkan untuk mereka balasan yang amat menghampakan mereka:

يُرِيدُ ٱللَّهُ أَلَّا يَجْعَلَ لَهُمْ حَظًّا فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ ۖ

"Allah berkehendak tidak akan memberi sesuatu bahagian (keni'matan) kepada mereka di hari Akhirat."

Yakni Allah mahu supaya mereka kehabisan seluruh modal mereka dan supaya mereka memikul semua

dosa-dosa itu dan menerima balasan 'azab dengan penuh kewajaran. Allah mahu mereka terus berkejaran kepada kekafiran hingga ke penghabisan jalan.

وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٦﴾

"Dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar."(176)

Mengapa Allah mahu mereka mendapat kesudahan yang amat dahsyat ini? Mereka sebenarnya wajar menerima kesudahan itu dengan sebab mereka membeli kekafiran dengan keimanan:

إِنَّ الَّذِينَ اشْتَرَوُا الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ لَن يَضُرُّوا اللَّهَ شَيْئًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membeli kekafiran dengan keimanan tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(177)

Keimanan Ditawarkan Kepada Semua Manusia Dan Bukti Keimanan Berada Di Mana-mana

Mereka memang berupaya untuk mencapai keimanan itu, kerana dalil-dalilnya tersebar di merata pelosok alam buana dan di dalam pendalaman-pendalaman fitrah mereka sendiri. Bukti-bukti keimanan itu wujud dalam reka bentuk alam al-wujud yang menarik ini dan wujud dalam susunan-susunannya yang seimbang dan sepadu yang mengkagumkan. Ia juga wujud di dalam rupa bentuk fitrah yang secara langsung dan hubungannya yang mesra dengan alam buana ini dan kesedarannya terhadap tangan qudrat Ilahi yang mencipta dan dengan ciri ciptaan Ilahi yang indah. Di samping itu da'wah kepada keimanan itu juga wujud di atas lidahpara rasul dan wujud dalam tabi'at da'wah yang memenuhi kehendak fitrah dan mengandungi keindahan kesepaduan, keselarasan dan kebaikan untuk kehidupan dan untuk manusia.

Ya, keimanan memang telah ditawarkan kepada mereka, tetapi sayang mereka telah menukarkannya dengan kekafiran. Mereka berbuat begitu dengan pengetahuan dan maklumat yang cukup, oleh sebab itulah mereka wajar ditinggalkan berkejar-kejaran menuju kepada kekafiran supaya tabung modal mereka kehabisan semua sekali dan tidak mendapat apa-apa habuan pahala Akhirat. Di sinilah juga letaknya sebab mereka menjadi begitu lemah dan tidak mungkin memudharatkan Allah sedikitpun. Mereka berada di dalam kesesatan yang total dan tidak mempunyai kebenaran barang sedikitpun dan Allah tidak sekali-kali menurunkan sebarang kuasa dan sebarang kekuatan kepada kesesatan dan kebatilan, kerana itu orang-orang yang sesat itu terlalu lemah untuk memudharatkan hamba-hamba kesayangan Allah dan menggugatkan da'wah-Nya dengan kekuatan yang lemah dan kerdil biarpun bagaimana ia kelihatan berlagak angkuh dan takbur dan biarpun bagaimana ia menimpakan gangguan-gangguan sementara kepada orang-orang Mu'min untuk satu jangka waktu.

وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٧﴾

"Dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(177)

Iaitu jauh lebih sakit dari 'azab keseksaan yang mereka timpakan ke atas orang-orang yang beriman.

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمْلِي لَهُمْ خَيْرٌ لِّأَنفُسِهِمْ إِنَّمَا نُمْلِي لَهُمْ لِيَزْدَادُوا إِثْمًا وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿١٧٨﴾

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa penangguhan yang Kami berikan kepada mereka itu suatu kebaikan kepada mereka, malah Kami berikan penangguhan itu hanya supaya dosa mereka bertambah banyak dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan."(178)

Sangkaan-sangkaan Yang Liar Terhadap Allah Apabila Kebatilan Menang

Di dalam ayat ini tibalah kepada kompleks kekeliruan dan rasa terkilan yang mengharukan setengah-setengah hati orang-orang yang beriman apabila mereka melihat musuh-musuh Allah dan musuh-musuh kebenaran ditinggal tanpa dikenakan 'azab dan mereka kelihatan pada lahirnya meni'mati kekuatan, kuasa, kekayaan dan kedudukan yang mempesonakan hati mereka dan hati orang-orang yang berada di sekeliling mereka. Inilah yang membuat setengah-setengah orang yang lemah iman menaruh sangkaan yang tidak benar, iaitu sangkaan jahiliyah terhadap Allah. Mereka menyangka bahawa Allah redha terhadap kebatilan, kejahatan, kekufuran dan kezaliman - Subhanallah - dan kerana itu Allah membiarkannya! Atau mereka menyangka bahawa Allah tidak ikut campurtangan dalam perjuangan di antara kebenaran dan kebatilan - Subhanallah - dan kerana itu Allah membiarkan sahaja kebatilan itu menghancurkan kebenaran dan tidak campurtangan menolaknya! Atau mereka menyangka bahawa kebatilan ini adalah kebenaran jika tidak mengapa Allah membiarkannya subur, membesar dan menang? Atau menyangka bahawa kebatilan itu selalunya menang di muka bumi dan nasib kebenaran itu selalunya kalah, kemudian Allah membiarkan pejuang-pejuang kebatilan yang zalim dan perosak itu terus hanyut dalam kezaliman mereka dan terus berkejaran menuju kepada kekafiran. Mereka selanjutnya menyangka bahawa pejuang-pejuang kebatilan itu mempunyai kedudukan yang begitu kukuh hingga di sana tidak ada kekuatan yang sanggup berdiri menentang mereka!

Semuanya ini adalah sangkaan-sangkaan yang karut dan sangkaan yang tidak benar terhadap Allah. Hakikat yang sebenar bukannya begitu. Lihatlah di dalam ayat ini bagaimana Allah memberi amaran

kepada orang-orang kafir supaya jangan menaruh sangkaan yang seperti itu. Sebenarnya jika Allah tidak menimpakan 'azab ke atas mereka kerana kekafiran yang dikejar-kejarkan mereka dan jika Allah memberikan kepada mereka sebahagian ni'mat dunia yang dini'mati mereka dan membuat mereka dapat bersenang-senang dengannya, jika Allah menghukum mereka dengan dugaan ini, maka itulah ujian yang mempesonakan dan itulah perangkap yang sangat halus dan itulah istidraj yang amat jauh:

وَلَا يَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَنَّمَا نُمْلِى لَهُمْ خَيْرٌ
لِّأَنفُسِهِمْ ۚ إِنَّمَا نُمْلِى لَهُمْ لِيَزْدَادُوٓا۟ إِثْمًا ۚ

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa penangguhan yang Kami berikan kepada mereka itu suatu kebaikan kepada mereka, malah Kami berikan penangguhan itu hanya supaya dosa mereka bertambah banyak."

Andainya mereka wajar dikeluarkan Allah dari kelalaian dalam keni'matan itu dengan ujian yang menyedarkan mereka tentulah Allah menguji mereka, tetapi Allah tidak mahu mereka mendapat kebaikan kerana mereka telah membeli kekafiran dengan keimanan dan kerana mereka berkejar-kejaran dan bersungguh-sungguh menuju kepada kekafiran. Oleh sebab itu mereka tidak lagi wajar digerakkan Allah dari kelalaian dalam keni'matan dan kuasa itu dengan ujian!

وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿١٧٨﴾

"Dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan." (178)

Penghinaan itulah balasan yang setimpal dengan kedudukan mereka yang tinggi dan mewah.

Beginilah ternyata bahawa ujian (dengan kesusahan) dari Allah itu merupakan satu ni'mat yang tidak menimpa melainkan ke atas siapa yang Allah kehendaki memberi kebaikan kepada-Nya. Oleh itu apabila ujian itu menimpa hamba-hamba kesayangan-Nya, maka ia menimpa mereka kerana sesuatu kebaikan yang Allah hendak kurniakan kepada mereka - walaupun ujian itu berlaku sebagai akibat dari tindak-tanduk mereka sendiri - di sana terselit hikmat Ilahi yang tersembunyi, tadbir Ilahi yang halus dan limpah kurnia Ilahi yang besar ke atas para hamba kesayangan-Nya (di sebalik ujian itu).

Demikianlah hati (para Mu'minin) menjadi tenang dan tenteram dan demikianlah hakikat-hakikat yang tulen dan mudah di dalam pemikiran dan kefahaman secara Islam yang jelas dan lurus itu dapat bertapak dengan teguh.

Hikmat Allah dan kebaikan-Nya ke atas orang-orang yang beriman telah menghendaki membezakan mereka dari orang-orang Munafiqin yang menyusup di dalam barisan mereka kerana terpengaruh kepada berbagai-bagai perhitungan yang sama sekali tidak terbit dari kasih kepada Islam. Lalu Allah uji mereka dengan penderitaan-penderitaan Peperangan Uhud dengan sebab tindak-tanduk dan tanggapan-tanggapan mereka yang salah untuk membezakan yang buruk dari yang baik:

مَّا كَانَ ٱللَّهُ لِيَذَرَ ٱلْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَآ أَنتُمْ عَلَيْهِ حَتَّىٰ
يَمِيزَ ٱلْخَبِيثَ مِنَ ٱلطَّيِّبِ ۗ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُطْلِعَكُمْ
عَلَى ٱلْغَيْبِ وَلَـٰكِنَّ ٱللَّهَ يَجْتَبِى مِن رُّسُلِهِۦ مَن يَشَآءُ ۖ
فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ ۚ وَإِن تُؤْمِنُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَلَكُمْ أَجْرٌ
عَظِيمٌ ﴿١٧٩﴾

"Allah sekali-kali tidak akan meninggalkan orang-orang Mu'min dalam keadaan kamu (yang bercampur aduk) sekarang ini sehingga Dia membezakan yang buruk (Munafiq) dari yang baik (Mu'min) dan Allah sekali-kali tidak akan memperlihatkan perkara yang ghaib kepada kamu, tetapi Allah memilih daripara rasul-Nya siapa yang dikehendaki oleh-Nya. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan jika kamu beriman dan bertaqwa, maka kamu akan memperolehi pahala yang amat besar."(179)

Ujian Merupakan Proses Yang Perlu Untuk Kebaikan Manusia

Ayat ini dengan tegas menjelaskan bahawa bukannya dari sifat Allah S.W.T. dan bukannya dari kehendak Uluhiyah-Nya dan bukan pula dari tindakan undang-undang dan peraturan-Nya membiarkan barisan Muslimin bercampur aduk dengan orang-orang Munafiqin yang bersembunyi di bawah tabir dakwaan beriman dan berpura-pura Islam hingga tidak dapat dibezakan, sedangkan hati mereka kosong dari inti keimanan dan semangat keislaman, Allah telah mewujudkan umat Muslimin supaya mereka melaksanakan satu tugas yang universal yang amat besar, supaya mendokong agama Ilahi yang agung dan supaya melahirkan satu realiti yang unik dan satu sistem hidup yang baru dan sudah tentu tugas yang besar ini memerlukan keikhlasan, ketulusan, kebersihan, identiti tersendiri dari yang lain dan perpaduan yang kukuh. Ia memerlukan agar barisannya tidak diresapi oleh unsur-unsur yang merosakkannya dan agar binaannya tidak bercampur dengan bahan-bahan yang melemahkannya.... Atau dengan ungkapan ringkas yang lain ia memerlukan agar tabi'at umat Muslimin ini berada di suatu tahap yang agung yang sama dengan keagungan tugas yang telah diserahkan Allah kepada mereka di bumi ini atau sama dengan kedudukan mereka yang telah disediakan Allah di Akhirat.

Semuanya ini memerlukan barisan Muslimin itu dileburkan untuk dikeluarkan kekotoran-kekotorannya. Barisan itu perlu ditekankan supaya

keping-keping bata yang reput itu jatuh semuanya. Ia perlu disuluh dengan lampu-lampu yang terang untuk mengetahui rahsia-rahsia yang tersimpan di dalam hati. Demikianlah sifat Allah S.W.T. bertindak membezakan yang buruk dari yang baik dan bukanlah sekali-kali dari sifat-Nya membiarkan orang-orang yang beriman terus berada dalam keadaan campur aduk yang wujud sebelum berlakunya peristiwa besar peperangan yang menggemparkan itu.

Manusia Tidak Dikurniakan Pengetahuan Ghaib Melainkan Sekadar Sahaja

Begitu juga bukannya dari urusan Allah S.W.T. memperlihatkan rahsia-rahsia ghaib kepada manusia, iaitu rahsia-rahsia yang menjadi ikhtisas Allah sahaja, kerana manusia dari segi tabi'at kejadiannya tidak disediakan untuk mengetahui rahsia-rahsia yang ghaib. Peralatan-peralatan yang dikurniakan Allah kepada mereka tidak dipelankan di atas asas untuk membolehkannya menerima rahsia-rahsia ghaib ini melainkan sekadarnya sahaja dan andainya peralatan-peralatan manusia itu dibuka kepada rahsia-rahsia ghaib nescaya ia akan hancur, kerana ia memang tidak disediakan untuk menerima rahsia-rahsia ghaib melainkan sekadar yang dapat dihubungkan oleh rohnya dengan Allah dan dihubungkan oleh kewujudannya dengan kewujudan alam buana. Sekurang-kurang yang akan berlaku kepada manusia apabila mereka mengetahui segala rahsia nasib kesudahannya (yang berada di alam ghaib itu) ialah ia tidak mahu menggerakkan kaki tangannya untuk memaju dan membangunkan bumi ini atau dia terus akan berada di dalam keadaan gelisah dan cemas mengenangkan nasib kesudahannya itu sehingga dia tidak mempunyai waktu lagi untuk memaju dan membangunkan bumi.

Oleh sebab itulah bukan dari urusan Allah S.W.T. dan bukan dari kehendak hikmat dan undang-undang dan peraturan-Nya meluangkan manusia mengetahui rahsia-rahsia ghaib.

Jika begitu bagaimana Allah hendak membezakan yang buruk dari yang baik? Dan bagaimana Allah melaksanakan urusan-Nya dan menjalankan peraturan-Nya dalam membersihkan barisan kaum Muslimin dari kekeliruan dan nifaq dan menyediakan mereka untuk memikul tugas universal yang agung, yang kerananya mereka diwujudkan?

وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَجْتَبِى مِن رُّسُلِهِۦ مَن يَشَآءُ

"Tetapi Allah memilih daripada rasul-Nya sesiapa yang dikehendaki oleh-Nya."(179)

Yakni melalui kerasulan dan melalui kepercayaan atau kekafiran terhadap kerasulan, melalui perjuangan para rasul untuk menegakkan agama Allah dan melalui ujian Allah terhadap sahabat-sahabat para rasul di jalan perjuangan, melalui jalan-jalan inilah terlaksananya urusan Allah dan undang-undang-Nya. Melalui jalan-jalan inilah Allah membezakan yang buruk dari yang baik dan membersihkan hati dan jiwa. Dan di sini terlaksanalah taqdir Allah mengikut sebagaimana yang diatur.

Demikianlah tirai diangkat untuk menunjukkan sebahagian dari hikmat Allah yang menjadi kenyataan di dalam kehidupan manusia, dan demikianlah hakikat ini terpacak teguh di bumi yang keras yang terdedah kepada semua pandangan dengan begitu jelas.

Dan di hadapan pemandangan hakikat yang jelas dan mudah ini Al-Qur'an menujukan pembicaraannya kepada orang-orang yang beriman supaya mereka menegakkan di dalam diri mereka sendiri pengertian dan kehendak-kehendak keimanan itu. Sambil menunjukkan limpah kurnia Allah yang besar kepada mereka, iaitu limpah kurnia yang menunggu orang-orang yang beriman.

فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ ۚ وَإِن تُؤْمِنُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَلَكُمْ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٩﴾

"Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan jika kamu beriman dan bertaqwa, maka kamu akan memperolehi pahala yang amat besar."(179)

Arahan dan galakan yang diberikan selepas penjelasan dan keyakinan itu merupakan sebaik-baik penamat kata bagi pembentangan peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud dan ulasan-ulasan mengenainya.

* * * * * *

Hakikat Agung Peperangan Uhud

Peperangan Uhud dan ulasan-ulasan Al-Qur'an mengenainya telah melahirkan berbagai-bagai hakikat yang besar yang sukar dikira dan diulaskan dalam tafsir Fi Zilal ini. Oleh itu cukuplah kami sebutkan di sini hakikat-hakikat yang paling syumul dan menonjol sahaja supaya dapat dijadikan asas untuk diukur dan dinilai segala apa yang terkandung di dalam peperangan itu sebagaimana yang telah dibentangkannya oleh Al-Qur'anul-Karim tempat-tempat yang boleh dijadikan contoh teladan dan punca istidlal:

1) Peperangan Uhud dan ulasannya telah melahirkan satu hakikat asasi yang besar mengenai tabi'at agama ini selaku sistem hidup yang diatur oleh Allah untuk manusia, juga mengenai cara agama ini bertindak di dalam kehidupan manusia. Hakikat ini adalah satu hakikat asasi yang mudah, tetapi seringkali dilupai atau tidak difahami dari awal-awal lagi dan akibat dari melupakan hakikat ini atau dari tidak memahaminya berlakulah kesilapan yang besar dalam pandangan seseorang terhadap agama ini, iaitu terhadap hakikatnya, terhadap realiti sejarahnya di dalam kehidupan manusia dan di dalam peranannya di masa silam, masa kini dan masa depan.

Salah Harapan Dan Pengertian Terhadap Agama Allah

Setengah-setengah kita mengharapkan dari agama ini - kerana ia sistem hidup yang diatur oleh Allah

untuk manusia - bertindak di dalam kehidupan manusia secara sihir yang mencarikkan adat tanpa mengambil kira tabi'at manusia, tenaga fitrah mereka dan realiti kebendaan mereka dalam mana-mana peringkat perkembangan mereka dan dalam mana-mana persekitaran mereka.

Dan apabila mereka melihat bahawa agama ini tidak bertindak dengan cara itu, malah ia hanya bertindak dalam batas tenaga kemampuan manusia sahaja dan dalam batas realiti kebendaan mereka sahaja, dan melihat bahawa tenaga kemampuan dan realiti itu saling bertindak bersama agama ini lalu kedua-duanya terpengaruh dengannya dengan begitu jelas pada masa-masa yang tertentu atau kedua-duanya mempengaruhi tahap sambutan orang ramai terhadapnya, dan kadang-kadang pada masa-masa yang lain pula kedua-duanya memberi kesan yang anti agama ini menyebabkan orang ramai dikongkong oleh tabi'at tanah mereka yang berat dan dorongan nafsu keinginan mereka hingga mereka tawar hati dari menyambut seruan agama ini atau berjalan seiringan dengannya di jalannya dengan hati yang bulat apabila mereka melihat gejala-gejala ini, mereka terus merasa hampa dan kecewa yang sama sekali tidak diduga oleh mereka memandangkan agama ini adalah dari Allah - atau kepercayaan mereka terus bergoncang terhadap kesungguhan dan realiti sistem hidup agama ini atau mereka terus dilanda keraguan terhadap agama seluruhnya.

Untaian dari kesilapan-kesilapan ini adalah semuanya berpunca dari satu kesilapan sahaja, iaitu kesilapan kerana tidak memahami tabi'at dan cara agama ini atau kerana melupakan hakikat asasi yang mudah ini.

Sebenarnya agama ini adalah satu sistem hidup untuk manusia yang dapat ditegakkan di dalam kehidupan manusia dengan usaha manusia dan dalam batas tenaga kemampuan manusia. Agama ini memulakan tindakannya dari titik di mana manusia berada di dalam realiti kebendaan mereka dan di sinilah ia membawa mereka hingga ke akhir perjalanan dalam batas usaha dan tenaga kemampuan mereka sebagai manusia dan ia menyampaikan mereka ke tahap yang setinggi-tinggi yang dapat dicapai oleh usaha dan daya tenaga kemampuan mereka.

Ciri asasi agama ini ialah ia tidak lupa sedetik pun - dalam mana-mana perancangan dan langkah - terhadap tabi'at fitrah manusia, batas-batas tenaga kemampuannya dan realiti kebendaannya, dan dalam waktu yang sama juga agama ini dapat menyampaikan manusia - sebagaimana yang telah terlaksana pada beberapa masa yang silam dan masih tetap boleh dilaksanakan jika diusahakan dengan sungguh-sungguh - ke tahap yang tidak dapat disampaikan oleh mana-mana sistem yang lain yang diciptakan oleh manusia.

Pertanyaan Biadab Yang Tidak Diajukan Oleh Seseorang Mu'min Yang Serius

Tetapi seluruh kesilapan itu - sebagaimana telah dijelaskan - adalah berpunca dari kesilapan tidak memahami tabi'at agama ini atau melupakannya, iaitu berpunca dari menunggu mu'jizat-mu'jizat yang tidak berlandaskan realiti manusia atau mu'jizat-mu'jizat yang menukarkan fitrah manusia dan mengubahkannya kepada satu kejadian yang baru yang tidak ada hubungan dengan fitrah mereka, kecenderungan-kecenderungan mereka, bakat-bakat kesediaan dan tenaga-tenaga kemampuan mereka dan dengan seluruh realiti kebendaan mereka.

Bukankah agama ini dari Allah? Bukankah agama ini suatu agama yang datang dari sumber kekuatan Yang Maha Berkuasa yang tiada suatu pun yang dapat melemahkannya? Oleh itu mengapakah agama ini hanya bertindak dalam batas kemampuan manusia sahaja? Mengapakah ia memerlukan kepada usaha manusia untuk bertindak? Mengapa ia tidak selalu menang? Mengapa pejuang-pejuangnya tidak selalunya mendapat kemenangan? Mengapa agama ini kadang-kadang dikalahkan oleh tekanan nafsu keinginan manusia dan realiti kebendaan mereka? Mengapa para pejuang kebatilan kadang-kadang berjaya mengalahkan para pejuang kebenaran?

Semuanya - sebagaimana yang kita dapat lihat - merupakan pertanyaan-pertanyaan dan kekeliruan-kekeliruan yang berpunca dari kesilapan tidak memahami hakikat asasi tabi'at dan cara agama ini atau kerana lupakan hakikat ini.

Memang benar Allah berkuasa mengubahkan fitrah manusia - melalui agama ini atau tanpa melaluinya - dan Allah juga berkuasa menjadikan manusia dari awal lagi dengan fitrah yang lain, tetapi Allah telah menghendaki menjadikan manusia dengan fitrah ini, juga telah menghendaki menjadikan manusia ini mempunyai kemahuan dan kebolehan menyambut dan menerima. Allah telah menghendaki menjadikan hidayat itu sebagai hasil usaha manusia yang menyambut dan menerima, juga telah menghendaki agar fitrah manusia dapat bertindak selama-lamanya tanpa dihapus, ditukar dan dihentikan fungsinya. Allah telah menghendaki agar sistem hidup manusia yang diatur oleh-Nya itu ditegakkan dalam kehidupan manusia melalui usaha manusia sendiri dan dalam batas tenaga kemampuan manusia, juga telah menghendaki agar manusia mencapai semuanya itu mengikut usaha-usahanya yang dicurahkan dalam batas realiti yang menjadi latar belakang hidupnya.

Tiada siapa dari makhluk-Nya yang berhak menyoal-Nya mengapa Dia menghendaki begitu? Selama ianya bukan tuhan dan selama ia tidak mempunyai ilmu tentang peraturan semesta bagi alam buana dan tentang kehendak-kehendak peraturan-peraturan ini pada tabi'at setiap makhluk di alam al-wujud ini dan tentang hikmat yang tersembunyi di sebalik

penciptaan setiap makhluk yang diciptakan dengan reka bentuknya yang khusus itu.

Pertanyaan "mengapa?" di tempat ini adalah satu pertanyaan yang tidak sanggup diajukan oleh seorang Mu'min yang serius, juga tidak disanggup diajukan oleh seorang mulhid yang serius. Seorang Mu'min tidak sanggup bertanya begitu kerana dia amat beradab sopan terhadap Allah - yang dikenali hakikat dan sifat-sifat-Nya dengan hatinya - dan kerana dia mengetahui bahawa daya kefahaman dan pemikiran manusia tidak disediakan untuk berfikir di lapangan ini .... dan seorang yang mulhid pula tidak sanggup bertanya begitu kerana dari awal lagi dia tidak mengakui kewujudan Allah, dan andainya ia mengakui Uluhiyah Allah tentulah dia akui bahawa apa yang telah dikehendaki Allah itu memang dari urusan-Nya dan dari kehendak Uluhiyah-Nya.

Tetapi pertanyaan itu hanya mungkin diajukan oleh seorang yang bergurau senda dan berpendirian goyah sahaja bukan oleh seorang Mu'min yang serius dan bukan oleh seorang mulhid yang serius dan oleh sebab itu pertanyaan ini tidak wajar dilayani dan diambil dengan bersungguh-sungguh.

Mungkin pertanyaan ini diajukan oleh seorang yang jahil tentang hakikat Uluhiyah oleh itu cara menjawab pertanyaan orang yang jahil bukanlah dengan memberi jawapan secara langsung, malah dengan memperkenalkan hakikat Uluhiyah kepadanya sehingga ia mengetahui dan mengakuinya dan menjadi seorang Mu'min atau dia menolak dan mengingkarkannya dan menjadi seorang mulhid. Dengan cara ini perdebatan itu dapat ditamatkan kecuali dia seorang yang degil.

Tiada siapa pun dari makhluk Allah yang berhak menyoal-Nya mengapa Dia mahu menjadikan makhluk insan dengan fitrah ini? Mengapa Dia mahu fitrah ini dapat ber-

tindak selama-lamanya, tanpa dihapus, ditukar dan dihentikan fungsinya? Mengapa Dia mahu menjadikan sistem hidup Ilahi ini terlaksana di dalam kehidupan manusia melalui usaha manusia sendiri dan dalam batas tenaga kemampuan manusia?

Tetapi setiap manusia harus memahami hakikat ini dan harus melihat bagaimana hakikat ini bertindak di dalam realiti hidup manusia, dan seterusnya di atas landasan hakikat inilah ia harus mentafsirkan sejarah manusia agar dia dapat memahami garisan perjalanan sejarah dari satu segi dan dapat mengarahkan garisan itu dari satu segi yang lain pula.

Sistem hidup Ilahi yang dilambangkan oleh Islam - sebagaimana yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. - tidak tertegak di bumi di dalam alam manusia dengan semata-mata kerana ia diturunkan dari Allah dan dengan semata-mata ia disampai dan dijelaskan kepada manusia. Sistem itu tidak ditegakkan di bumi ini dengan paksaan Ilahi sebagaimana Allah memperlakukan undang-undang-Nya ke atas perjalanan bintang-bintang dan peredaran planet-planet dan mengaturkan natijah-natijah mengikut sebab-sebabnya yang tabi'i, malah sistem itu hanya dapat ditegakkan apabila ia didokong dan diperjuangkan oleh kumpulan manusia yang benar-benar beriman dengannya dan berdiri teguh dan jujur mengamalkannya dengan segala daya kemampuan mereka, juga apabila ia dijadikan tugas hidup mereka dan matlamat cita-cita mereka dan apabila mereka berusaha menegakkannya di dalam hati orang-orang yang lain dan di dalam kehidupan amali mereka. Ia dapat ditegakkan apabila mereka berjuang bersungguh-sungguh ke arah matlamat ini dengan mengorbankan segala usaha dan tenaga, iaitu berjuang menghadapi kelemahan manusia, hawa nafsu manusia dan kejahilan manusia terhadap diri sendiri dan orang lain, berjuang menentang manusia-manusia yang menentang sistem hidup Ilahi ini kerana didorong oleh kelemahan, hawa nafsu dan kejahilan. Dan selepas itu semua mereka akan sampai selepas berjaya menegakkan sistem Ilahi ini ke tahap yang disanggupi oleh fitrah manusia. Tetapi mereka harus mulakan manusia itu dari titik di mana sebenarnya mereka berada kerana mereka tidak boleh mengabaikan kenyataan hidup manusia dan kehendak-kehendak kenyataan itu di dalam persoalanan tahap-tahap sistem ini. Kemudian kumpulan yang memperjuangkan sistem Ilahi ini kadang-kadang menang di dalam perjuangan dengan diri mereka sendiri dan dengan orang-orang lain dan kadang-kadang pula kalah mengikut sejauh mana usaha yang dicurahkan mereka dan mengikut cara-cara amali yang digunakan mereka, juga mengikut sejauh mana kejayaan mereka di dalam memilih cara-cara itu. Tetapi sebelum segala sesuatu, iaitu sebelum segala usaha dan segala cara, di sana ada satu unsur yang amat penting, iaitu sejauh mana keikhlasan kumpulan ini kepada matlamat perjuangan ini dan sejauh mana mereka mencerminkan hakikat sistem Ilahi itu pada tindak-tanduk diri mereka sendiri dan sejauh mana hubungan mereka dengan Allah tuan punya sistem hidup ini, sejauh mana mereka yakin kepada-Nya dan sejauh mana mereka bertawakkal kepada-Nya.

Inilah hakikat agama ini dan inilah jalannya. Inilah pelan harakat agama ini dan wasilahnya.

Inilah hakikat yang dikehendaki Allah supaya diketahui oleh kelompok Muslimin apabila dia mendidik mereka dengan peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud dan dengan ulasan-ulasan di atas peristiwa-peristiwa ini.

Apabila mereka cuai mencerminkan hakikat agama ini pada tindak-tanduk ciri mereka dalam setengah-setengah keadaan peperangan itu dan cuai menggunakan wasilah-wasilah yang amali dalam setengah-setengah keadaannya... apabila mereka abaikan hakikat yang asasi ini atau melupakannya dan memahami bahawa oleh kerana mereka orang-orang Islam, mereka pasti mendapat kemenangan tanpa mengajar kefahaman dan tindak-tanduk mereka yang salah, maka di waktu itu Allah membiar mereka

mengalami kekalahan dan menderita kepedihan-kepedihannya yang amat pahit. Kemudian Al-Qur'an iringi dengan sebuah ulasan untuk mengembalikan mereka kepada hakikat itu:

أَوَلَمَّآ أَصَٰبَتۡكُم مُّصِيبَةٞ قَدۡ أَصَبۡتُم مِّثۡلَيۡهَا
قُلۡتُمۡ أَنَّىٰ هَٰذَاۖ قُلۡ هُوَ مِنۡ عِندِ أَنفُسِكُمۡۗ إِنَّ
ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٦٥

"Apakah patut ketika kamu ditimpa kekalahan (dalam Peperangan Uhud) sedangkan kamu telah menimpakan dua kali ganda kekalahan (ke atas musuh kamu dalam Peperangan Badar) kamu berkata: Mengapa dan dari mana kekalahan ini? Katakanlah: Kekalahan itu adalah dari diri kamu sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(165)

Tetapi Allah - sebagaimana telah kami huraikan ketika mentafsirkan ayat-ayat tidak meninggalkan orang-orang Islam pada titik ini, malah dia menghubungkan mereka dengan taqdir-taqdir Allah di sebalik sebab-sebab dan natijah-natijah itu dan menerangkan kepada mereka bahawa dia menghendaki kebaikan untuk mereka di sebalik ujian itu, iaitu ujian yang telah berlaku dengan sebab-sebabnya yang jelas dari tindakan-tindakan yang telah dilakukan mereka.

Peranan Perjuangan Manusia Dalam Menegakkan Agama Allah

Membiarkan sistem hidup Ilahi itu bertindak dan terlaksana menjadi kenyataan menerusi usaha perjuangan manusia atau membiarkannya terpengaruh dengan tindak-tanduk manusia terhadapnya pada umumnya adalah amat baik, kerana ia boleh membetulkan kehidupan manusia bukannya merosak atau melumpuhkannya; ia boleh membetulkan fitrah manusia, menyedarkannya dan mengembalikannya ke jalan yang betul .... ini ialah kerana hakikat keimanan itu tidak berkembang dengan sempurna di dalam hati seseorang sehingga ia berjuang menghadapi manusia mengenai urusan keimanan ini, iaitu berjuang dengan lidah untuk menyampaikan da'wah dan penerangan kepada mereka dan berjuang dengan tangan untuk menentang dan menghapuskan mereka dari jalan da'wah apabila mereka menghalanginya dengan menggunakan kekuatan yang zalim.... Dan sehingga di dalam perjuangan ini mereka terpaksa menghadapi ujian dan kesabaran menanggung kesusahan dan penindasan, kesabaran menerima kekalahan, juga kesabaran mencapai kemenangan, kerana kesabaran mencapai kemenangan lebih sukar dari kesabaran menerima kekalahan .... dan sehingga hati para Muslimin itu bersih, barisan mereka juga bersih dari unsur Munafiqin dan perjalanan mereka tegak dan jujur di atas jalan yang lurus dan dapat meneruskan perjalanan itu dengan betul dan meningkat maju serta bertawakkal kepada Allah.

Hakikat keimanan itu tidak dapat direalisasikan dengan sempurnanya di dalam hati seseorang sehingga ia berjuang menghadapi manusia mengenai urusan keimanan ini; iaitu mula-mula dia harus berjuang menghadapi dirinya sendiri semasa ia berjuang menghadapi manusia. Dalam perjuangan itu keimanan akan membuka kepadanya ufuk-ufuk yang baru yang tidak pernah terbuka sebelum ini ketika ia duduk aman damai, keimanan akan membuka kepadanya berbagai-bagai hakikat mengenai manusia dan kehidupan yang tidak pernah terbuka kepadanya dengan wasilah-wasilah yang lain. Keimanan tidak akan menyampaikan dirinya, perasaannya, fikirannya, kefahamannya, adat kebiasaannya, emosinya dan reaksi-reaksinya ke tahap yang tidak pernah ia sampai sebelum ini tanpa melalui ujian yang sulit dan amat pahit ini.

Hakikat keimanan itu tidak dapat direalisasikan dengan sempurnanya dalam satu kelompok manusia sehingga mereka menghadapi ujian dan dugaan dan sehingga setiap individu dari mereka mengenal hakikat tenaga kemampuan masing-masing dan mengenal hakikat matlamatnya di samping mengenal setiap keping bata atau anggota yang membentuk kelompok itu dan sejauh mana ketahanannya dan seterusnya mengenal sejauh mana kekuatan batu-batu bata itu di sa'at pertempuran.

Inilah perkara-perkara yang dikehendaki Allah S.W.T. supaya diketahui oleh kelompok Muslimin ketika dia mendidik mereka dengan peristiwa-peristiwa di dalam Peperangan Uhud dan dengan ulasan-ulasan terhadap peristiwa-peristiwa itu di dalam surah ini. Allah berfirman kepada mereka selepas Dia menyatakan sebab yang zahir bagi kekalahan yang telah menimpa mereka:

وَمَآ أَصَٰبَكُمۡ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِ فَبِإِذۡنِ ٱللَّهِ وَلِيَعۡلَمَ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١٦٦

"Dan segala apa yang telah menimpa kamu pada hari pertembungan dua angkatan tentera itu, maka semuanya adalah dengan izin Allah dan supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang beriman."(166)

وَلِيَعۡلَمَ ٱلَّذِينَ نَافَقُواْۚ

"Dan (juga) supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang Munafiq."(167)

Dan firman-Nya lagi:

مَّا كَانَ ٱللَّهُ لِيَذَرَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ عَلَىٰ مَآ أَنتُمۡ عَلَيۡهِ حَتَّىٰ
يَمِيزَ ٱلۡخَبِيثَ مِنَ ٱلطَّيِّبِۗ

"Allah sekali-kali tidak akan meninggalkan orang-orang Mu'min dalam keadaan kamu (yang bercampur aduk) sekarang ini sehingga Dia membezakan yang buruk (Munafiq) dari yang baik (Mu'min)."(179)

Kemudian ia mengembalikan mereka kepada taqdir dan hikmat Allah di sebalik sebab-sebab dan kejadian-kejadian itu semua, iaitu ia mengembalikan mereka kepada hakikat keimanan yang agung di mana keimanan seseorang tidak sempurna melainkan apabila hakikat ini tersematnya di dalam hati yang Mu'min:

إِن يَمْسَسْكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُ ۚ
وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ
الَّذِينَ آمَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنكُمْ شُهَدَاءَ ۗ وَاللَّهُ
لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٠﴾
وَلِيُمَحِّصَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَيَمْحَقَ الْكَافِرِينَ ﴿١٤١﴾

"Jika kamu mendapat kecederaan, maka kaum kafir juga telah mendapat kecederaan yang serupa dan hari-hari kalah menang itu kami gilirkannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang beriman dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai Syuhada' dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (140). Dan supaya Allah menguji orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang kafir."(141)

Kini jelaslah bahawa itulah - pada penghabisannya - taqdir, tadbir dan hikmat Allah di sebalik sebab-sebab, peristiwa-peristiwa, orang-orang dan harakat-harakat itu. Itulah kepercayaan Islam yang syumul dan sempurna yang tersemat di dalam hati yang Mu'min di sebalik peristiwa-peristiwa itu dan ulasan-ulasannya.

2) Peperangan Uhud dan ulasannya telah melahirkan satu hakikat asasi yang agung mengenai jiwa manusia, tabi'at fitrahnya dan tabi'at usahanya dan sejauh mana ia dapat menyampaikannya untuk menegakkan sistem Ilahi di dalam kenyataan:

Jiwa manusia di dalam realitinya tidak sempurna tetapi ia boleh berkembang subur dan maju sehingga sampai ke tahap kesempurnaan yang setinggi-tingginya yang telah ditentukan kepadanya di bumi.

Kini kita melihat sekelompok manusia dari berbagai-bagai golongan manusia, iaitu sekelompok manusia yang melambangkan kemuncak umat manusia yang disifatkan oleh Allah:

Golongan-golongan Mu'min Di Zaman Rasulullah

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

"Kamulah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia."(110)

Mereka ialah para sahabat Muhammad s.a.w. yang menjadi contoh jiwa manusia yang sempurna. Apakah yang kita lihat? Kita lihat sekelompok manusia, di mana terdapat orang-orang yang lemah dan orang-orang yang kurang, juga terdapat orang-orang yang disifatkan oleh Allah:

إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ إِنَّمَا
اسْتَزَلَّهُمُ الشَّيْطَانُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا ۖ وَلَقَدْ
عَفَا اللَّهُ عَنْهُمْ ۗ

"Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka,"(155)

dan ada pula orang-orang yang disifatkan Allah:

حَتَّىٰ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَازَعْتُمْ فِي الْأَمْرِ
وَعَصَيْتُم مِّن بَعْدِ مَا أَرَاكُم مَّا تُحِبُّونَ ۚ
مِنكُم مَّن يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنكُم مَّن يُرِيدُ
الْآخِرَةَ ۚ ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ لِيَبْتَلِيَكُمْ ۖ
وَلَقَدْ عَفَا عَنكُمْ ۗ

"Sehingga apabila kamu lemah dan berbalah di dalam urusan perang dan kamu melanggar perintah (Rasul) sesudah Allah memperlihatkan kepada kamu kemenangan yang disukai kamu. Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat kemudian Allah memalingkan kamu dari (berjuang) menewaskan mereka untuk menguji kamu dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu,"(152)

dan ada orang-orang yang disifatkan Allah

إِذْ هَمَّت طَّائِفَتَانِ مِنكُمْ أَن تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيُّهُمَا ۗ
وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

"(Kenangilah) ketika dua kumpulan dari kamu ingin berundur kerana takut, dan Allahlah Pelindung kedua mereka dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'minin itu bertawakkal," (122)

dan ada pula orang-orang yang mempunyai semangat yang kalah hingga sampai ke tahap yang disifatkan Allah:

إِذْ تُصْعِدُونَ وَلَا تَلْوُونَ عَلَىٰ أَحَدٍ
وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِي أُخْرَاكُمْ
فَأَثَابَكُمْ غَمًّا بِغَمٍّ لِّكَيْلَا تَحْزَنُوا عَلَىٰ
مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصَابَكُمْ ۗ

"(Kenangilah) ketika kamu mendaki bukit melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa, sedangkan Rasul menyeru kamu dalam kumpulan yang tinggal di belakang kamu, kerana itu Allah menimpakan ke atas kamu kesedihan (kerana kalah) dengan sebab kesedihan (yang dialami Rasulullah kerana kederhakaan kamu) agar kamu tidak berdukacita terhadap sesuatu yang telah terluput dari kamu dan tidak pula berdukacita terhadap segala sesuatu yang telah menimpa kamu."(153)

Bagaimana Kelompok Muslimin Di Zaman Rasulullah Mendaki Dari Bawah Ke Puncak Yang Gemilang

Semua orang-orang ini adalah Mu'min dan Muslim belaka, tetapi mereka berada di permulaan jalan. Mereka masih dalam proses pendidikan dan pembentukan, tetapi mereka serius berpegang dengan agama ini dan menyerahkan urusan mereka kepada Allah. Mereka redha dengan kepimpinan Allah dan menjunjung sistem hidup-Nya. Oleh kerana itu Allah tidak mengusir mereka dari naungan dan perlindungan-Nya, malah memberi limpah rahmat-Nya kepada mereka dan mengampunkan kesilapan-kesilapan mereka dan memerintah Nabi-Nya s.a.w. supaya memaafkan mereka. Dan memohon keampunan untuk mereka dan seterusnya menyuruh beliau mengadakan syura dengan mereka dalam segala urusan walaupun selepas berlakunya ketelanjuran-ketelanjuran mereka dan akibat-akibat yang buruk dari hasil keputusan syura itu. Ya, Allah S.W.T. membiarkan mereka merasa akibat tindak-tanduk mereka dan menguji mereka dengan ujian yang sukar dan pahit itu, tetapi Allah tidak mengusir mereka keluar dari barisan Muslimin dan tidak pernah berkata kepada mereka: Kamu tidak layak sedikitpun untuk agama ini setelah kamu memperlihatkan kekurangan dan kelemahan di dalam ujian itu, malah Allah telah menerima kelemahan dan kekurangan mereka dan mendidikkan mereka dengan ujian dan dengan ulasan-ulasan terhadap ujian itu, juga membimbing mereka agar memikirkan contoh teladan dan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalam ujian itu. Ia membimbing mereka ke arah itu dengan penuh kasih sayang, kemaafan dan toleransi sama seperti orang-orang dewasa yang memberangsangkan kanak-kanak yang kecil yang terkena api agar mereka mengerti, memahami dan matang. Allah telah mendedahkan kelemahan dan rahsia-rahsia hati mereka bukan dengan tujuan untuk memalu dan menghinakan mereka dan bukan pula dengan tujuan untuk membuat dan membebankan mereka dengan bebanan yang tidak mampu dipikul mereka, tetapi dengan tujuan untuk membimbing mereka dan menyarankan kepada mereka agar percaya kepada diri sendiri dan jangan memperkecilkannya, juga supaya jangan berputus asa selama mereka berpegang dengan tali Allah yang kukuh.

Pada akhirnya mereka berjaya sampai kepada matlamat. Contoh-contoh yang baik yang didapati sedikit di permulaan perjuangan Uhud itu kini telah wujud dengan banyaknya di dalam kalangan mereka dan kerana itu pada hari yang berikut selepas kekalahan itu mereka keluar bersama Rasulullah s.a.w. dengan penuh keberanian, tanpa teragak-agak dan takut-takut kepada ugutan setengah-setengah orang (yang menakut-nakutkan mereka dengan kekuatan musuh mereka) sehingga mereka wajar mendapat sanjungan dari Allah:

ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُوا۟ لَكُمْ فَٱخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَـٰنًا وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

"Iaitu mereka yang pernah diberitahu kepada mereka bahawa orang-orang (kafir) telah mengumpulkan (tentera) untuk menyerang kamu. Oleh itu hendaklah kamu takut kepada mereka lalu (ancaman itu) menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka terus berkata: Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung."(173)

Selepas itu apabila kanak-kanak yang kecil itu semakin bertambah besar, maka layanan terhadap mereka pun berubah dan mereka mula dilayan sebagai orang-orang dewasa setelah mereka ditepuk-tepuk dan diberangsangkan di sini seperti kanak-kanak. Sesiapa yang mengkaji Peperangan Tabuk dalam Surah Bara'ah dan bagaimana Allah dan Rasul-Nya bertindak menghukumkan beberapa orang sahabatnya yang ponteng dari peperangan itu dengan pemulauan yang berat, tentulah dia dapati betapa jelasnya perbezaan layanan itu, iaitu perbezaan dalam peringkat-peringkat pendidikan Ilahiyah yang amat menarik. Di samping perbezaan di antara kaum Muslimin pada masa Peperangan Uhud dengan kaum Muslimin pada masa Peperangan Tabuk. Mereka adalah kaum Muslimin yang sama, tetapi mereka telah mendapat didikan Ilahiyah hingga ke tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun mereka tetap manusia yang masih ada orang-orang yang lemah dan orang-orang yang kurang dan orang-orang yang berbuat kesilapan di dalam kalangan mereka, begitu juga masih ada di dalam kalangan mereka orang-orang beristighfar, bertaubat dan kembali kepada Allah.

Itulah tabi'at manusia yang dipelihara oleh sistem hidup Ilahi ini tanpa menukarkannya atau menghentikan operasinya dan tanpa membebankannya dengan bebanan yang tidak tertanggung olehnya walaupun manusia mencapai puncak kesempurnaan yang telah ditentukan kepada mereka di bumi ini.

Hakikat ini mempunyai nilai yang amat besar yang memberi harapan yang berterusan kepada umat manusia supaya terus berusaha dan berjuang untuk sampai ke puncaknya di bawah naungan sistem hidup yang unik ini, kerana kemuncak yang telah dicapai oleh kelompok Muslimin itu adalah didaki mereka mulai dari kaki bukit yang paling bawah, di mana mereka dipungut. Langkah-langkah yang jatuh rebah

di jalan yang sukar itu telah dilakukan oleh kelompok manusia yang mundur dalam segala bidang di zaman jahiliyah sebagaimana yang telah kami bentangkan contoh- contohnya di dalam pelajaran ini. Dan semuanya itu memberi harapan yang besar kepada umat manusia bahawa mereka boleh mencapai kemuncak yang tinggi itu walaupun mereka berada di kaki bukit yang paling rendah. Kelompok Muslimin yang telah berjaya mencapai kemuncak itu tidak boleh diasing dan dijadikan sebagai hasil mu'jizat yang mencarikkan adat yang tidak akan berulang, kerana kejayaan mereka bukannya hasil mu'jizat yang telah berlalu, malah hasil dari sistem hidup Ilahi yang dapat ditegakkan di alam kenyataan dengan usaha perjuangan manusia dalam batas daya kemampuan manusia, sedangkan daya kemampuan manusia sebagaimana yang kita lihat adalah dapat melakukan banyak perkara.

Sistem hidup Ilahi ini memulakan pimpinan setiap kelompok manusia dari titik hidup dan titik realiti kebendaan di mana mereka berada dan dari sinilah ia membawa mereka maju ke atas sebagaimana ia telah memulakan pimpinan kelompok manusia Arab, iaitu dari jahiliyah Arab yang bersahaja yakni dari tahap yang paling bawah kemudian di dalam jangka waktu yang pendek tidak sampai seperempat abad mereka telah berjaya mencapai kemuncak yang tinggi itu.

Hanya satu syarat sahaja yang pasti wujud, iaitu kelompok-kelompok manusia itu pastilah menyerahkan kepimpinannya kepada sistem ini. Mereka pasti beriman dan berserah kepada sistem ini. Mereka pasti jadikan sistem ini sebagai asas kehidupan mereka, sebagai lambang harakat mereka dan sebagai penggerak langkah-langkah mereka di jalan perjuangan yang sulit dan panjang.

Faktor-faktor Asasi Kekalahan Dan Kemenangan Dalam Sesuatu Perjuangan

3) Hakikat yang ketiga yang dilahirkan oleh Peperangan Uhud dan ulasan-ulasannya ialah hakikat pertalian yang teguh di dalam peraturan Allah di antara realiti jiwa yang beriman dan kelompok yang beriman dengan setiap perjuangan dan pertempuran yang ditempuhi mereka dengan musuh-musuh mereka di mana-mana medan, atau pertalian di antara 'aqidah kefahaman, pemikiran, akhlak, perilaku, pentadbiran politik, ekonomi dan kemasyarakatan dengan kemenangan atau kekalahan dalam setiap perjuangan. Semuanya ini merupakan faktor-faktor asasi yang menentukan kemenangan atau kekalahan kepada kelompok Muslimin yang berjuang itu.

Oleh sebab itu sistem hidup Ilahi bekerja dalam satu kawasan yang amat luas di dalam jiwa manusia dan di dalam kehidupan manusia, iaitu satu kawasan, di mana ruang-ruang, titik-titik, garis-garis dan tali temali yang berkait-kaitan tetapi sekaligus itu juga sepadu dan syumul. Sesuatu rencana itu akan rosak dan gagal apabila perhubungan dan kesepaduan di antara ruang-ruang, titik-titik, garis-garis dan tali temali itu rosak. Inilah ciri istimewa sistem Ilahi yang semesta dan syumul itu, iaitu ia mengambil kehidupan manusia secara keseluruhan bukan secara cebisan-cebisan dan koyakan-koyakan yang berasingan. Ia merangkul jiwa dan kehidupan manusia dari seluruh sudutnya dan mengumpulkan segala tali-temalinya yang berkait-kaitan dan berjauh-jauhan itu di dalam genggamannya hingga ia dapat menggerakkannya dengan satu gerakan yang sepadu yang tidak mengakibatkan jiwa manusia pecah dan kehidupan mereka terkoyak dan terbelah.

Di antara contoh-contoh pengumpulan dan perhubungan yang berkait-kaitan ini ialah penjelasan Al-Qur'an tentang dosa dan kesannya kepada kemenangan dan kekalahan. Ia menjelaskan bahawa kekalahan itu ada hubungan dengan syaitan yang telah menggunakan kelemahan orang-orang yang telah melarikan diri dari medan peperangan dengan sebab kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan mereka:

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَلَّوْا۟ مِنكُمْ يَوْمَ ٱلْتَقَى ٱلْجَمْعَانِ إِنَّمَا
ٱسْتَزَلَّهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا۟ ۖ

"Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka"(155)

sebagaimana ia menjelaskan bahawa orang-orang yang berjuang bersama nabi-nabi dengan penuh kesetiaan - mereka adalah contoh yang dituntut kepada para Mu'minin supaya mencontohinya - adalah memulakan langkah perjuangan mereka dengan memohon keampunan dari dosa-dosa:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِىٍّ قَٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا
وَهَنُوا۟ لِمَآ أَصَابَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا۟ وَمَا
ٱسْتَكَانُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾
وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا
وَإِسْرَافَنَا فِىٓ أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى
ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٤٧﴾
فَـَٔاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ ٱلْـَٔاخِرَةِ ۗ
وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

"Dan berapa banyak dari nabi-nabi yang telah berperang bersama-sama dengan sebilangan ramai orang-orang yang ta'at kepada Allah, tetapi mereka tidak merasa lemah semangat kerana kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka demi Sabilullah dan mereka juga tidak lemah tenaga

dan tidak pula tunduk (kepada musuh) dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar (146). Tiada ucapan mereka selain dari mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mengatasi kaum yang kafir (147). Lalu Allah mengurniakan kepada mereka ganjaran dunia dan ganjaran Akhirat yang baik dan Allah kasihkan para Muhsinin."(148)

Di dalam arahan-arahannya yang lain kepada kelompok Muslimin, Al-Qur'an mendahulukan arahan supaya membersihkan diri dan beristighfar sebelum melarang mereka bersikap lemah dan bersedih dalam perjuangan:

وَسَارِعُوٓا۟ إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ
عَرْضُهَا ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾
ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ فِى ٱلسَّرَّآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَٱلْكَٰظِمِينَ
ٱلْغَيْظَ وَٱلْعَافِينَ عَنِ ٱلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ
ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾
وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا۟ فَٰحِشَةً أَوْ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ
ذَكَرُوا۟ ٱللَّهَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ
ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا۟ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا۟ وَهُمْ
يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

"Dan berlumba-lumbalah kamu kepada keampunan dari Tuhan kamu dan kepada Syurga yang seluasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan untuk para Muttaqin (133). Iaitu orang-orang yang menginfaqkan harta mereka di masa kesenangan dan kesusahan dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain terhadap mereka dan Allah memang kasihkan para Muhsinin (134). Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan atau menganiayai diri sendiri, mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang mengampunkan dosa-dosa selain dari Allah dan mereka tidak terus berdegil melakukan perbuatan kejinya, sedangkan mereka mengetahui."(135)

Sebelum ini Al-Qur'an menyebut punca yang membawa kehinaan kepada kaum Ahlil-Kitab iaitu perangai mereka yang suka menceroboh dan melakukan maksiat.

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ
مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ وَبَآءُو بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ
وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْمَسْكَنَةُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا۟
يَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقْتُلُونَ ٱلْأَنۢبِيَآءَ
بِغَيْرِ حَقٍّ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾

"Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka di mana sahaja mereka berada kecuali (jika mereka berpegang) dengan tali (agama) Allah dan dengan tali (perjanjian) manusia. Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah dan kepapaan telah diterapkan ke atas mereka. Balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar itu. Balasan itu dengan sebab mereka telah menderhaka dan mereka telah melampaui batas."(112)

Begitulah kita dapati pembicaraan tentang dosa dan taubat itu diselingi dalam ulasan peristiwa-peristiwa peperangan sebagaimana pembicaraan tentang taqwa dan gambaran keadaan-keadaan para Muttaqin diselingi dengan banyaknya di dalam penerangan seluruh rangkaian ayat-ayat surah ini. Ia menghubungkan di antara suasana seluruh surah yang berbagai-bagai maudhu' itu dengan suasana peperangan. Begitu juga kita dapati ia diselingi dengan da'wah supaya meninggalkan amalan riba, da'wah supaya ta'at kepada Allah dan Rasul, da'wah kepada memberi kemaafan kepada manusia, da'wah kepada mengawal kemarahan dan da'wah kepada berbuat ihsan. Semuanya itu merupakan tindakan-tindakan untuk membersihkan jiwa, kehidupan dan kedudukan- kedudukan sosial. Seluruh surah itu merupakan satu unit yang sepadu untuk membimbing para Muslimin ke arah matlamat asasi yang amat penting ini.

Kelompok Muslimin Dididik Dengan Peristiwa-peristiwa

4) Hakikat yang keempat yang dilahirkan oleh Peperangan Uhud dan ulasannya ialah hakikat tentang tabi'at sistem pendidikan Islam, iaitu ia mendidik kelompok Muslimin dengan peristiwa-peristiwa dan kesan-kesan perasaan, emosi dan reaksi yang ditimbulkan oleh peristiwa-peristiwa ini di dalam hati mereka, kemudian ia mengulas peristiwa-peristiwa itu sebagaimana yang dicontohkan oleh Al-Qur'an ketika mengulas Peperangan Uhud dan di dalam ulasan itu ia menyentuh segala aspek jiwa manusia yang terpengaruh dengan kejadian itu untuk membetulkan tanggapan-tanggapan dan menanamkan hakikat yang mahu ditanamkannya. Ia tidak meninggal suatu aspek, suatu tanggapan, suatu kefahaman dan suatu reaksi pun melainkan ia tarikkan perhatian kepadanya, ia suluhkan cahaya kepadanya, ia dedahkan segala liku-liku yang tersembunyi yang begitu banyak di dalam jiwa manusia, ia membuat jiwa manusia itu berdiri bogel agar dengan demikian dapat membersihkan batinnya di bawah suluhan cahaya yang terang, iaitu membetulkan perasaan-perasaan, tanggapan-tanggapan, kefahaman-kefahaman dan nilai-nilai dan menegakkan dasar-dasar yang mahu ditegakkan

kefahaman dan kehidupan Islamiyah yang kukuh di atasnya. Semuanya ini menyarankan bahawa segala peristiwa yang berlaku kepada kelompok Muslimin di setiap tempat pastilah dijadikan wasilah untuk memberi ilmu pengetahuan dan tarbiyah dengan seluas-luasnya kepada mereka.

Apabila kita mengkaji ulasan Al-Qur'an terhadap peristiwa Peperangan Uhud nescaya kita dapati ulasan itu begitu halus, mendalam dan syumul. Ia merangkumi segala kedudukan, segala harakat, segala fikiran dan perasaan. Ia menyusup ke pendalaman-pendalaman jiwa dan perasaan-perasaannya yang terpendam. Ia meliputi segala aspek jiwa dan peristiwa. Kita dapati ulasan itu membuat analisa yang halus, mendalam dan syumul terhadap sebab-sebab dan natijah-natijah, terhadap faktor-faktor yang bertindak dan menggerakkan peristiwa itu di samping kita mendapati ciri dinamik dalam penggambaran, nada dan saranan, yang membuat perasaan bergelombang dengan hebat dan mendalam mengikut pengungkapan dan penggambaran itu. Perasaan-perasaan itu tidak dapat berdiri beku di hadapan penggambaran dan ulasan itu. Ia adalah satu penggambaran yang hidup yang menayangkan pemandangan-pemandangan itu seolah-olah bergerak dan menimbulkan di sekitarnya aktiviti yang berkesan, sorotan yang kuat dan saranan yang menarik.

5) Hakikat yang kelima yang dilahirkan oleh Peperangan Uhud dan ulasannya ialah kerealistikkan sistem hidup Ilahi. Di antara cara-cara sistem ini menegakkan kesan-kesannya di alam kenyataan ialah melaksanakan sistem itu di alam kenyataan. Ia tidak hanya mengemukakan dasar-dasar dalam bentuk teori-teori atau dalam bentuk bimbingan- bimbingan semata-mata, malah ia melaksanakan dan mengamalkan teori-teori dan bimbingan-bimbingan. Contoh yang paling jelas yang membuktikan kerealistikkan sistem ini di dalam Peperangan Uhud ini ialah sikapnya yang tegas terhadap dasar syura.

Memang dalam daya kemampuan Rasulullah s.a.w. untuk menghindarkan kaum Muslimin dari pengalaman yang amat pahit yang telah ditempuhi mereka, sedangkan di waktu itu masyarakat mereka masih amat muda dan sedang dikepung musuh dari segenap sudut, malah musuh-musuh itu sedang menunggu-nunggu peluang dari dalam kota Madinah itu sendiri. Kami kata memang dalam daya kemampuan Rasulullah s.a.w. untuk berbuat begitu andainya beliau membuat keputusannya sendiri dalam strategi peperangan itu berdasarkan mimpi-mimpinya yang benar, di mana Madinah digambarkan dalam mimpinya sebagai baju besi yang kukuh, iaitu andainya beliau tidak bermesyuarat dengan para sahabatnya atau tidak mengambil pendapat majoriti yang dicapai di dalam mesyuarat itu atau andainya beliau menyemakkan semula pendapat itu ketika terdapat peluang berbuat demikian, iaitu ketika beliau keluar dari rumahnya dan melihat pencadang-pencadang pendapat itu kelihatan menyesal kerana telah memaksa beliau dengan sesuatu keputusan yang tidak disukainya.

Tetapi beliau - yang telah menilai segala hasil natijah peperangan itu - telah melaksanakan keputusan syura agar kaum Muslimin sanggup menghadapi hasil natijah tanggungjawab secara kelompok, agar mereka belajar bagaimana memikul tanggungjawab pendapat dan tanggungjawab tindakan, kerana ini - dalam pertimbangan beliau s.a.w. dan pertimbangan sistem hidup Islam yang hendak ditegakkan itu - adalah lebih penting dari menghindari kerugian-kerugian yang besar dan dari menghindarkan kelompok Muslimin dari pengalaman yang pahit itu, sebab perbuatan menjauhkan kelompok Muslimin dari pengalaman yang pahit itu bererti menafikan mereka dari pengalaman, dari ilmu pengetahuan dan dari tarbiyah.

Kemudian turun perintah Ilahi menyuruh mereka bermesyuarat - selepas peperangan itu - untuk menguatkan dasar syura dalam menghadapi hasil natijahnya yang pahit. Cara ini adalah lebih kuat dan lebih mendalam untuk menegakkan dasar ini dari satu segi dan untuk menjelaskan dasar-dasar sistem ini dari satu segi yang lain pula.

Islam tidak menangguhkan pelaksanaan dasar sehingga umat Muslimin mempunyai kesediaan untuk melaksanakannya, kerana ia mengetahui bahawa mereka tidak akan bersedia melaksanakannya buat selama-lamanya sehingga ia melaksanakannya di dalam kenyataan dan perbuatan menafikan mereka dari pelaksanaan dasar hidup mereka yang asasi - seperti dasar syura - adalah lebih buruk dari akibat-akibat yang pahit yang dialami mereka pada permulaan menggunakan dasar itu dan kesilapan-kesilapan dalam pelaksanaannya - biarpun bagaimana besar - tidak boleh dijadikan alasan untuk menghapuskan dasar syura itu atau menghentikannya untuk beberapa waktu kerana perbuatan itu bererti menghapus atau menghentikan perkembangan diri mereka, juga perkembangan pengalaman mereka terhadap hidup dan tugas-tugasnya, malah bererti menghapuskan kewujudan mereka sebagai satu umat.

Inilah saranan yang didapati dari firman Allah Ta'ala setelah dasar syura itu melahirkan akibat-akibat yang pahit dalam peperangan itu:

فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى ٱلْأَمْرِ ۖ

"Kerana itu maafkanlah mereka, pohonlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan." (159)

Pelaksanaan amali terhadap dasar-dasar teoritikal dapat dilihat dengan jelas pada tindakan Rasulullah s.a.w. apabila beliau enggan kembali bermesyuarat semula setelah mengambil keputusan di atas suatu cadangan yang tertentu dan menganggapkan mesyuarat semula itu sebagai satu pendirian yang goyah dan terumbang-ambing. Ini ialah untuk

memelihara dasar syura itu sendiri dari menjadi alat yang boleh menimbulkan sikap yang terus goyah dan teragak-agak dan mengakibatkan kelumpuhan bertindak. Beliau telah mengucapkan sabdanya:

ما كان لنبي أن يضع لأمته حتى يحكم الله له.

"Tidak seharusnya seorang Nabi menanggalkan baju besinya sehingga Allah memberi keputusan kepadanya."

Kemudian turun pula perintah Ilahi yang terakhir:

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ

"Dan apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah."(159)

Di sinilah terletaknya keselarasan di antara arahan dan pelaksanaan di dalam sistem hidup Ilahi.

6) Di sana ada lagi satu hakikat yang akhir yang kita pelajari dari ulasan Al-Qur'an terhadap pendirian-pendirian kelompok Muslimin yang menyertai Rasulullah s.a.w., iaitu satu kelompok yang melambangkan sebagai golongan pahlawan-pahlawan umat Muslimin yang amat mulia di sisi Allah. Ini adalah satu hakikat yang berguna kepada kita dalam perjalanan kita untuk memulakan hayat Islamiyah dengan pertolongan Allah.

Sistem hidup Ilahi itu adalah satu sistem yang tetap, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangannya juga tetap. Manusia mungkin jauh atau dekat dengan sistem itu, mereka mungkin salah dan mungkin betul di dalam asas-asas berfikir dan asas-asas bertingkahlaku, tetapi segala kesalahan-kesalahan mereka tidak sedikitpun boleh dimasukkan ke dalam kira-kira sistem itu dan tidak sedikitpun boleh mengubahkan nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangannya yang tetap.

Apabila manusia melakukan kesalahan dalam pemikiran, kefahaman atau di dalam tingkah laku, maka Al-Qur'an menjelaskan bahawa mereka melakukan kesalahan, dan apabila mereka menyeleweng, maka Al-Qur'an menjelaskan bahawa mereka melakukan penyelewengan. Ia tidak menutup mata terhadap kesalahan-kesalahan dan penyelewengan-penyelewengan mereka - biarpun bagaimana tinggi darjat dan pangkat mereka - dan ia tidak turut menyeleweng bersama mereka.

Kesalahan Tokoh-tokoh Islam Tidak Boleh Dikira Sebagai Sebahagian Dari Sejarah Islam

Dari sini kita mempelajari bahawa perbuatan menyalahkan orang-orang yang salah itu tidak bererti menyalahkan sistem itu sendiri dan adalah lebih baik bagi umat Muslimin mengekalkan dasar-dasar sistem hidup mereka selamat tidak tercacat, jelas dan tegas dan menyifatkan orang-orang yang bersalah dan menyeleweng dari dasar-dasar itu dengan sifat-sifat yang wajar dengan mereka biarpun siapa mereka. Dan janganlah sekali-kali mereka menjustifikasikan kesalahan-kesalahan dan penyelewengan mereka dengan meminda sistem itu dan mengubahkan nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangannya. Pindaan dan pengubahan itu lebih merbahaya kepada Islam dari menyifatkan tokoh-tokoh besar Islam dengan sifat-sifat salah dan menyeleweng, sebab sistem itu lebih besar dan lebih kekal dari tokoh-tokoh. Sejarah Islam yang sebenarnya bukannya setiap perbuatan dan setiap kedudukan yang dibuat oleh orang-orang Islam di dalam sejarah mereka, malah sejarah Islam yang sebenar ialah setiap perbuatan dan setiap kedudukan yang dibuat oleh mereka yang benar-benar bersesuaian dengan sistem Islam, dengan dasar-dasar dan nilai-nilainya yang tetap. Jika tidak, maka perbuatan itu dikira perbuatan yang salah atau menyeleweng yang tidak boleh dimasukkan di dalam kira-kira Islam dan di dalam kira-kira sejarah Islam; malah perbuatan-perbuatan itu hanya dimasukkan ke dalam kira-kira tokoh-tokoh yang melakukan perbuatan itu sahaja dan mereka bolehlah disifat dengan sifat-sifat yang wajar dengan perbuatan mereka sama ada salah atau menyeleweng atau terkeluar dari Islam Sejarah "Islam bukannya sejarah "orang-orang Islam" walaupun mereka bernama atau mengaku dengan lisan sebagai orang-orang Islam. Malah sejarah "Islam" ialah sejarah pelaksanaan Islam yang haqiqi dalam kefahaman manusia dan perilaku mereka, dalam peraturan hidup mereka dan sistem masyarakat mereka. Islam pastilah merupakan satu paksi tetap, di mana berlegar di sekelilingnya seluruh kehidupan manusia dalam satu bingkai yang tetap. Dan andainya mereka keluar dari bingkai ini atau meninggalkan terus paksi ini, maka apakah lagi hubungan mereka dengan Islam di waktu itu? Bagaimana mungkin tindak-tanduk mereka dan amalan-amalan mereka boleh dimasukkan ke dalam kira-kira Islam atau dapat digunakan untuk mentafsirkan Islam? Malah bagaimana mungkin mereka boleh disifatkan sebagai orang-orang Islam yang sebenar jika mereka menyeleweng dari sistem Islam atau enggan melaksanakan Islam di dalam kehidupan mereka? Mereka dianggap menjadi orang-orang Islam kerana mereka melaksanakan sistem ini di dalam kehidupan mereka bukannya kerana nama mereka nama orang-orang Islam dan bukan pula kerana mereka mengaku dengan mulut bahawa mereka orang-orang Islam.

Inilah apa yang hendak diajar oleh Allah S.W.T. kepada umat Muslimin apabila dia mendedahkan kesalahan-kesalahan kelompok Muslimin dan merakamkan kekurangan dan kelemahan mereka, kemudian Allah memberi rahmat-Nya kepada mereka dan mengampunkan mereka dari kesilapan-kesilapan yang terbit dari kekurangan dan kelemahan itu; walaupun Allah membiarkan mereka merasa akibat yang berpunca dari kesalahan, kelemahan dan kekurangan itu di medan ujian.

(Kumpulan ayat-ayat 180 - 189)

وَلَا يَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن
فَضْلِهِۦ هُوَ خَيْرًا لَّهُم ۖ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ ۖ سَيُطَوَّقُونَ
مَا بَخِلُوا۟ بِهِۦ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ وَلِلَّهِ مِيرَٰثُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ١٨٠
لَّقَدْ سَمِعَ ٱللَّهُ قَوْلَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ
أَغْنِيَآءُ ۘ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا۟ وَقَتْلَهُمُ ٱلْأَنۢبِيَآءَ
بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ١٨١
ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ
بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ١٨٢
ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ عَهِدَ إِلَيْنَآ أَلَّا نُؤْمِنَ
لِرَسُولٍ حَتَّىٰ يَأْتِيَنَا بِقُرْبَانٍ تَأْكُلُهُ ٱلنَّارُ ۗ
قُلْ قَدْ جَآءَكُمْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِى بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَبِٱلَّذِى
قُلْتُمْ فَلِمَ قَتَلْتُمُوهُمْ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ١٨٣
فَإِن كَذَّبُوكَ فَقَدْ كُذِّبَ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ
جَآءُو بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلزُّبُرِ وَٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُنِيرِ ١٨٤
كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ
أُجُورَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۖ فَمَن زُحْزِحَ عَنِ ٱلنَّارِ
وَأُدْخِلَ ٱلْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۗ وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ
إِلَّا مَتَٰعُ ٱلْغُرُورِ ١٨٥
لَتُبْلَوُنَّ فِىٓ أَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعُنَّ
مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكُمْ وَمِنَ
ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ أَذًى كَثِيرًا ۚ وَإِن تَصْبِرُوا۟ وَتَتَّقُوا۟
فَإِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ ٱلْأُمُورِ ١٨٦

وَإِذْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ لَتُبَيِّنُنَّهُۥ
لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُۥ فَنَبَذُوهُ وَرَآءَ ظُهُورِهِمْ
وَٱشْتَرَوْا۟ بِهِۦ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَبِئْسَ مَا يَشْتَرُونَ ١٨٧
لَا تَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَآ أَتَوا۟ وَّيُحِبُّونَ أَن يُحْمَدُوا۟
بِمَا لَمْ يَفْعَلُوا۟ فَلَا تَحْسَبَنَّهُم بِمَفَازَةٍ مِّنَ
ٱلْعَذَابِ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ١٨٨
وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ قَدِيرٌ ١٨٩

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta kekayaan yang diberikan Allah kepada mereka dari limpah kurnia-Nya itu mengira bahawa kebakhilan itu suatu kebaikan kepada mereka, malah ia adalah suatu bencana kepada mereka. Harta yang dibakhilkan mereka itu akan dikalungkan di leher mereka pada hari Qiamat dan hanya Allah yang memiliki warisan langit dan bumi dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (180). Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya" Kami akan mencatatkan segala apa yang telah dikatakan mereka juga perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar dan Kami akan berkata kepada mereka: "Rasakanlah 'azab bakaran Neraka! (181). Balasan itu disebabkan dosa yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayakan para hamba-Nya (182). Iaitu orang-orang yang berkata: "Sesungguhnya Allah telah memerintah kami supaya kami jangan beriman kepada mana-mana Rasul sehingga ia membawa kepada kami korban yang dimakan api", katakanlah: "Sesungguhnya sebelumku telah datang kepada kamu Rasul-rasul yang membawa keterangan-keterangan yang jelas dan membawa korban yang telah kamu sebutkan tadi, oleh itu mengapa kamu telah membunuh mereka jika kamu benar (183). Jika mereka telah mendustakan engkau, maka sesungguhnya Rasul-rasul sebelum engkau juga telah didustakan. Mereka membawa keterangan- keterangan yang jelas, kitab-kitab nasihat dan kitab syari'at yang terang nyata (184). Setiap yang bernyawa akan merasa kematian dan sesungguhnya segala ganjaran kamu itu hanya disempurnakan pada hari Qiamat. Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya suatu keni'matan yang palsu sahaja (185). Sesungguhnya kamu akan diuji mengenai harta kekayaan dan diri kamu dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang Ahlil-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutui Allah berbagai-bagai gangguan yang menyakiti, dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya sikap itu adalah dari perkara-perkara yang memerlukan tekad yang kuat (186). Dan (kenangilah) ketika Allah mengikat perjanjian dengan kaum Ahlil-Kitab iaitu: "Hendaklah kamu menjelaskan kandungan kitab itu kepada manusia dan janganlah kamu menyembunyikannya" lalu

mereka melemparkan perjanjian itu di belakang mereka dan mereka menukarkannya dengan harga yang sedikit. Alangkah kejinya tukaran yang dibuat oleh mereka (187). Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka bahawa orang-orang yang bergembira dengan perbuatan (jahat) yang telah dilakukan mereka dan suka dipuji dengan perbuatan-perbuatan (baik) yang tidak pernah dilakukan mereka - oleh itu janganlah sekali-kali engkau menyangka mereka - terselamat dari 'azab. Mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih (188). Dan Allahlah yang memiliki kerajaan langit dan bumi dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu.(189)

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Walaupun Peperangan Uhud[24] telah selesai ditayangkan oleh Al-Qur'an, tetapi perjuangan yang berterusan yang berlangsung di antara kelompok Muslimin dengan musuh-musuh mereka yang berada di sekeliling mereka di Madinah terutama kaum Yahudi belum lagi berakhir, iaitu perjuangan berdebat, bertikam lidah, menabur keraguan dan kekeliruan, menimbulkan keadaan-keadaan kelam-kabut, merancang tipudaya dan komplot-komplot jahat. Perjuangan inilah yang mengambil bahagian yang terbesar dari surah ini.

Rasulullah s.a.w. telah bertindak - selepas Peperangan Badar - mengusir keluar Bani Qaynuqa' dari Madinah setelah mereka menunjukkan dendam kesumat, tipudaya, melakukan perbuatan yang membangkitkan kemarahan orang-orang Islam, membatalkan perjanjian-perjanjian yang telah dimaterai oleh Nabi s.a.w. dengan mereka di permulaan kedatangan beliau ke Madinah. Kerajaan Islam yang tegak di waktu itu di bawah kepimpinan beliau adalah bersandar kepada kekuatan orang-orang Islam yang terdiri dari suku Aus dan Khazraj, tetapi yang masih tinggal di sekeliling Madinah ialah kaum Yahudi Bani an-Nadhir, Bani Qurayzah dan lain-lain dari orang-orang Yahudi Khaibar dan sebagainya di Semenanjung Tanah Arab. Seluruh mereka terus berutus-utusan satu sama lain dan berkumpul. Mereka membuat hubungan dengan orang-orang Munafiqin di Madinah dan dengan kaum Musyrikin di Makkah dan di sekitar Madinah. Mereka merancang berbagai-bagai tipudaya dan komplot-komplot yang tidak putus-putus.

Di dalam ayat-ayat awalan Surah Aali 'Imran ini Allah memberi amaran kepada orang-orang Yahudi bahawa mereka akan menerima padah yang buruk di tangan orang-orang Islam sebagaimana yang telah diterima oleh kaum Musyrikin:

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوا سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ
إِلَىٰ جَهَنَّمَ ۚ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٢﴾
قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِئَتَيْنِ الْتَقَتَا ۖ فِئَةٌ
تُقَاتِلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُخْرَىٰ كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُم
مِّثْلَيْهِمْ رَأْيَ الْعَيْنِ ۚ وَاللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصْرِهِ مَن
يَشَاءُ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي
الْأَبْصَارِ ﴿١٣﴾

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan ke dalam Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman (12). Sesungguhnya bagi kamu satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang; satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat (pejuang-pejuang fi Sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka dan Allah menguatkan dengan pertolongan-Nya siapa yang dikehendaki-Nya Sesungguhnya di dalam peristiwa itu satu pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai mata hati." (13)

Tetapi apabila amaran ini disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada mereka - sebagai jawapan terhadap tindak-tanduk mereka yang jahat yang telah memperlihatkan dendam kesumat dan tipudaya mereka selepas Peperangan Badar - mereka telah menyambut beliau dengan cara yang biadab dan berkata: "Wahai Muhammad! Janganlah awak tertipu dengan kekuatan awak apabila awak telah berjaya membunuh sekumpulan orang-orang Quraisy yang tidak berpengalaman dan - tidak tahu berperang. Demi Allah, jika awak berperang dengan kami nescaya awak akan tahu bahawa kamilah orang-orang yang sebenar (yang tahu berperang) dan awak tidak akan menemui orang-orang yang seperti kami", kemudian mereka terus mengadakan berbagai-bagai komplot dan tipu muslihat mereka yang jahat, yang mana sebahagiannya telah diceritakan oleh surah ini sehingga akhirnya mereka bertindak memansuhkan perjanjian yang dimeterikan di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w., lalu Nabi s.a.w. mengepung perkampungan mereka sehingga mereka bersetuju menerima hukuman beliau dan mereka pun diusir dari Madinah ke Azri'aat (di Syam) dan kini tinggal lagi dua kaum Yahudi yang berada di Madinah iaitu Bani Qurayzah dan Bani an-Nadhir yang masih menghormati perjanjian mereka pada zahirnya, sedangkan pada batinnya, mereka terus merancangkan berbagai-bagai komplot dan tipu helah dan berbagai-bagai tindakan yang bertujuan menimbulkan kekeliruan, fitnah dan keadaan-keadaan yang kelam-kabut dan sebagainya dari segala kerja-kerja jahat, di mana mereka terkenal pintar di sepanjang sejarah mereka dan telah

---

[24] *Di sana ada riwayat yang mengatakan bahawa ayat yang pertama di dalam pelajaran ini iaitu penamat enam puluh ayat yang diturun mengenai Peperangan Uhud. Tetapi kami berpendapat bahawa ayat itu lebih berkait rapat dengan pelajaran ini, maka oleh sebab itu kami cantumkan ayat itu dengannya.*

dirakamkan oleh kitab Allah Al-Qur'an dan seluruh penduduk dunia mengenali bangsa yang terkutuk itu.

Di dalam pelajaran ini dibentangkan beberapa tindak-tanduk dan perkataan-perkataan kaum Yahudi yang terang-terang biadab terhadap Allah S.W.T. setelah mereka menunjukkan perbuatan-perbuatan yang biadab terhadap orang-orang Islam. Mereka menunjukkan sikap yang bakhil - dalam menunaikan bayaran-bayaran yang dipersetujui mereka mengikut perjanjian-perjanjian mereka dengan Rasulullah s.a.w. kemudian mereka menambah-nambahkan dan berkata:

إِنَّ ٱللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَآءُ

"Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya."(181)

Di sini nampak jelas betapa lemahnya dalihan yang digunakan mereka untuk menolak da'wah Islam yang dikemukakan kepada mereka dan betapa bohongnya dalihan itu dan betapa besar pertentangannya dengan realiti sejarah mereka yang terkenal, iaitu realiti yang menunjukkan bagaimana mereka melanggar perjanjian mereka dengan Allah dan bagaimana mereka menyembunyikan kebenaran yang diperintahkan Allah supaya mereka menjelaskannya kepada orang ramai, bagaimana mereka mencampakkan kebenaran itu di belakang mereka dan menukarkannya dengan harga yang sedikit, bagaimana mereka membunuh nabi-nabi mereka tanpa sebab-sebab yang benar, sedangkan nabi-nabi itu membawa mu'jizat-mu'jizat yang dikehendaki mereka dan membawa bukti-bukti yang jelas tetapi semuanya itu telah ditolak oleh mereka.

Pendedahan perbuatan-perbuatan jahat kaum Yahudi terhadap para nabi mereka yang memalukan ini dan pendedahan perkataan-perkataan mereka yang biadab terhadap Allah itulah yang menjadi punca yang membuat mereka bersikap jahat terhadap kaum Muslimin dan menyebabkan mereka - bertindak bersama-sama kaum Musyrikin melakukan berbagai-bagai tipu muslihat dan gangguan-gangguan terhadap kaum Muslimin, di samping itu pendedahan ini juga diperlukan oleh rancangan tarbiyah Allah yang mahu mendidik kelompok Muslimin itu dengan didikan yang memberi penuh kesedaran kepada mereka, iaitu menyedarkan mereka dengan segala persoalan dan manusia yang ada di sekeliling mereka, memperkenalkan keadaan negeri di mana mereka berjuang, memperkenalkan bentuk-bentuk halangan dan perangkap-perangkap yang dipasang untuk mengenakan mereka dan memperkenalkan bentuk-bentuk penderitaan dan pengorbanan yang menunggu mereka di jalan perjuangan. Tipudaya dan komplot kaum Yahudi terhadap kaum Muslimin di Madinah lebih kejam dan lebih merbahaya dari permusuhan kaum Musyrikin terhadap mereka di Makkah dan mungkin mereka masih merupakan bahaya yang paling besar kepada kelompok Muslimin di semua tempat di sepanjang sejarah.

Oleh sebab itulah kita dapati bimbingan-bimbingan Rabbaniyah berturut-turut dikemukakan kepada kaum Muslimin di celah-celah cerita-cerita Peperangan Uhud yang menarik itu. Ia membimbing mereka kepada hakikat nilai-nilai yang kekal dan nilai-nilai yang fana, iaitu hidup di dunia ini adalah terbatas dengan ajal yang pendek dan setiap yang bernyawa tetap akan merasakan kematian. Balasannya yang sebenar dalam bentuk untung dan rugi adalah berada di alam Akhirat.

فَمَن زُحْزِحَ عَنِ ٱلنَّارِ وَأُدْخِلَ ٱلْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۗ
وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَٰعُ ٱلْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾

"Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya suatu keni'matan yang palsu sahaja."(185)

Yakni mereka akan terus diuji pada harta dan jiwa raga mereka dan akan terus digugat dan ditindas oleh musuh-musuh mereka dari kaum Musyrikin dan kaum Ahlil-Kitab. Tiada yang dapat melindungi mereka melainkan kesabaran dan taqwa dan berjuang terus menegakkan sistem hidup Ilahi yang dapat menjauhkan mereka dari Neraka.

Bimbingan dan arahan Rabbaniyah kepada kelompok Muslimin di Madinah ini masih tetap seperti itu, masih berterusan hingga hari ini dan hingga hari esok. Ia membuka mata setiap kelompok Muslimin yang berazam hendak meneruskan perjuangan untuk mengembalikan kelahiran Islam dan memulakan semula hayat Islamiyah di bawah naungan Allah. Ia membuka mata mereka terhadap tabi'at musuh-musuh mereka dari kaum Musyrikin, kaum Atheis/Mulhidin dan kaum Ahlil-Kitab, iaitu gerakan Zionis Antarabangsa, gerakan Salib Antarabangsa dan gerakan Komunis. Ia membuka mata mereka terhadap bentuk-bentuk halangan dan perangkap-perangkap yang dipasang untuk mengenakan mereka di dalam perjuangan mereka, juga terhadap bentuk-bentuk penderitaan, pengorbanan, kegugatan, penindasan dan ujian. Ia menggantungkan hati dan pandangan mereka kepada balasan-balasan di sisi Allah di Akhirat. Ia memperkecilkan kepada mereka persoalan kegugatan, penindasan, kematian dan ujian terhadap jiwa raga dan harta benda. Ia menyeru mereka sama seperti seruan-seruan yang diucapkan kepada angkatan pertama kelompok Muslimin:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ
أُجُورَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۖ فَمَن زُحْزِحَ عَنِ ٱلنَّارِ
وَأُدْخِلَ ٱلْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۗ وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ

إِلَّا مَتَٰعُ ٱلْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾
لَتُبْلَوُنَّ فِىٓ أَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعُنَّ
مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكُمْ وَمِنَ
ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ أَذًى كَثِيرًا ۚ وَإِن تَصْبِرُوا۟ وَتَتَّقُوا۟
فَإِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ ٱلْأُمُورِ ﴿١٨٦﴾

"Setiap yang bernyawa akan merasa kematian dan sesungguhnya segala ganjaran kamu itu hanya disempurnakan pada hari Qiamat. Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya suatu keni'matan yang palsu sahaja (185). Sesungguhnya kamu akan diuji mengenai harta kekayaan dan diri kamu dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang Ahlil-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutui Allah berbagai-bagai gangguan yang menyakiti, dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya sikap itu adalah dari perkara-perkara yang memerlukan tekad yang kuat (186).

Al-Qur'an tetap Al-Qur'an. Ia tetap menjadi kitab suci yang kekal kepada umat Muslimin, ia tetap menjadi perlembagaan yang lengkap kepada mereka, ia tetap menjadi pendorong dan pemimpin yang jujur kepada mereka. Dan musuh-musuh mereka tetap menjadi musuh dan jalan perjuangan tetap jalan perjuangan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 180-184)

وَلَا يَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن
فَضْلِهِۦ هُوَ خَيْرًا لَّهُم ۖ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ ۖ سَيُطَوَّقُونَ
مَا بَخِلُوا۟ بِهِۦ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ وَلِلَّهِ مِيرَٰثُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٨٠﴾
لَّقَدْ سَمِعَ ٱللَّهُ قَوْلَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ
أَغْنِيَآءُ ۘ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا۟ وَقَتْلَهُمُ ٱلْأَنۢبِيَآءَ
بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿١٨١﴾
ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ
بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿١٨٢﴾
ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ عَهِدَ إِلَيْنَآ أَلَّا نُؤْمِنَ
لِرَسُولٍ حَتَّىٰ يَأْتِيَنَا بِقُرْبَانٍ تَأْكُلُهُ ٱلنَّارُ ۗ
قُلْ قَدْ جَآءَكُمْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِى بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَبِٱلَّذِى
قُلْتُمْ فَلِمَ قَتَلْتُمُوهُمْ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٨٣﴾
فَإِن كَذَّبُوكَ فَقَدْ كُذِّبَ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ
جَآءُو بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلزُّبُرِ وَٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُنِيرِ ﴿١٨٤﴾

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta kekayaan yang diberikan Allah kepada mereka dari limpah kurnia-Nya itu mengira bahawa kebakhilan itu suatu kebaikan kepada mereka, malah ia adalah suatu bencana kepada mereka. Harta yang dibakhilkan mereka itu akan dikalungkan di leher mereka pada hari Qiamat dan hanya Allah yang memiliki warisan langit dan bumi dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (180). Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya" Kami akan mencatatkan segala apa yang telah dikatakan mereka juga perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar dan Kami akan berkata kepada mereka: "Rasakanlah 'azab bakaran Neraka! (181). Balasan itu disebabkan dosa yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayakan para hamba-Nya (182). Iaitu orang-orang yang berkata: 'Sesungguhnya Allah telah memerintah kami supaya kami jangan beriman kepada mana-mana Rasul sehingga ia membawa kepada kami korban yang dimakan api', katakanlah: 'Sesungguhnya sebelumku telah datang kepada kamu Rasul-rasul yang membawa keterangan-keterangan yang jelas dan membawa korban yang telah kamu sebutkan tadi, oleh itu mengapa kamu telah membunuh mereka jika kamu benar' (183). Jika mereka telah mendustakan engkau, maka sesungguhnya Rasul-rasul sebelum engkau juga telah didustakan. Mereka membawa keterangan- keterangan yang jelas, kitab-kitab nasihat dan kitab syari'at yang terang nyata."(184)

Mengenai ayat pertama dari kumpulan ayat-ayat ini tidak terdapat riwayat yang menegaskan siapakah yang dimaksudkan olehnya dengan orang-orang yang diberi amaran dengan akibat kebakhilan dan hari Qiamat itu, tetapi oleh sebab ia disebut di dalam rangkaian penerangan ini, maka ia ditarjihkan mempunyai hubungan dengan ayat-ayat yang kemudiannya yang membicarakan tentang orang-orang Yahudi yang telah berkata:

إِنَّ ٱللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَآءُ

"Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya", (181)

dan merekalah juga berkata:

إِنَّ ٱللَّهَ عَهِدَ إِلَيْنَآ أَلَّا نُؤْمِنَ لِرَسُولٍ حَتَّىٰ

يَأْتِيَنَا بِقُرْبَانٍ تَأْكُلُهُ ٱلنَّارُ ۚ

"Sesungguhnya Allah telah memerintah kami supaya kami jangan beriman kepada mana-mana Rasul sehingga ia membawa kepada kami korban yang dimakan api."(183)

Kesayangan Terhadap Harta Dengan Perhitungan Yang Salah

Yang nampak jelas ialah ayat-ayat ini pada umumnya diturunkan sehubungan dengan tuntutan yang dikemukakan kepada kaum Yahudi supaya menunaikan bayaran-bayaran yang tertanggung ke atas mereka sebagai hasil dari kehendak-kehendak perjanjian mereka dengan Rasulullah s.a.w., juga sehubungan dengan da'wah yang ditujukan kepada mereka supaya beriman kepada Rasulullah s.a.w. dan menginfaqkan ke jalan Allah.

Amaran yang mengandungi ancaman ini telah diturun bersama dengan pendedahan terhadap dalihan-dalihan kaum Yahudi yang tidak mahu beriman kepada Muhammad s.a.w. sebagai jawapan terhadap kebiadaban mereka kepada Allah dan terhadap dalihan-dalihan mereka yang dusta dan sekaligus itu juga diturunkan ayat yang menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang telah didustakan mereka dengan menjelaskan bahawa kejadian-kejadian yang seperti itu telah berlaku kepada para anbia' sebelum beliau dengan kaum mereka masing-masing. Di antara mereka ialah para anbia' Bani Israel itu sendiri yang telah dibunuh mereka setelah nabi-nabi itu membawa bukti-bukti yang jelas dan mu'jizat-mu'jizat kepada mereka sebagaimana diketahui umum di dalam sejarah Bani Israel:

وَلَا يَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ هُوَ خَيْرًا لَّهُم ۖ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ ۖ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخِلُوا۟ بِهِۦ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ وَلِلَّهِ مِيرَٰثُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٨٠﴾

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta kekayaan yang diberikan Allah kepada mereka dari limpah kurnia-Nya itu mengira bahawa kebakhilan itu suatu kebaikan kepada mereka, malah ia adalah suatu bencana kepada mereka. Harta yang dibakhilkan mereka itu akan dikalungkan di leher mereka pada hari Qiamat dan hanya Allah yang memiliki warisan langit dan bumi dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(180)

Pengertian ayat ini adalah umum. Ia merangkumi orang-orang Yahudi yang kedekut menunaikan tanggungan-tanggungan kewangan yang dijanjikan mereka di samping merangkumi orang-orang lain yang bakhil dengan harta kekayaan yang di kurniakan Allah kepada mereka dan mengira bahawa kebakhilan itu lebih baik bagi mereka kerana ia dapat memelihara harta kekayaan mereka dan tidak akan hilang dengan infaq.

Ayat ini melarang mereka dari membuat tanggapan dan kiraan yang dusta itu dan menjelaskan bahawa segala harta kekayaan yang disimpan mereka (tanpa infaq ke jalan Allah itu) akan dijadikan belenggu api Neraka di leher mereka pada hari Qiamat. Ini adalah satu ancaman yang amat menakutkan. Pengungkapan ayat ini menambahkan lagi keburukan sifat bakhil itu apabila ia mengatakan bahawa mereka:

يَبْخَلُونَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ

"Orang-orang yang bakhil dengan harta kekayaan yang diberikan Allah kepada mereka dari limpah kurnia-Nya."

Jadi mereka bukannya bakhil dengan harta kekayaan yang dimiliki mereka dari semulajadi lagi, kerana mereka datang ke dunia ini tanpa memiliki sesuatu apa walaupun kulit tubuh mereka, lalu Allahlah yang memberi kepada mereka harta dari limpah kurnia-Nya hingga mereka menjadi kaya-raya, tetapi apabila mereka dipinta menginfaqkan sebahagian dari limpah kurnia Allah yang diberikan kepada mereka, mereka tidak teringat langsung kepada limpah kurnia Allah kepada mereka. Mereka bakhil mengeluarkan sedikit harta mereka dan mengira bahawa menyimpan harta itu adalah lebih baik kepada mereka, sedangkan yang sebenarnya ia mendatangkan akibat yang amat buruk kepada mereka. Di samping itu mereka semua akan pergi (mati) dan meninggalkan harta kekayaan itu di belakang mereka dan Allahlah yang akan mewarisinya:

وَلِلَّهِ مِيرَٰثُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ

"Dan hanya Allah yang memiliki warisan langit dan bumi.

Harta kekayaan yang disimpan itu hanya untuk satu jangka waktu yang pendek sahaja kemudian semuanya akan pulang kepada Allah dan tiada yang tinggal bagi mereka melainkan kadar harta yang diinfaqkan mereka untuk mencari keredhaan Allah. Inilah satu-satunya harta kekayaan yang disimpan untuk mereka di sisi Allah sebagai ganti dari dijadikan belenggu api Neraka yang akan dipasang di leher mereka pada hari Qiamat.

Kemudian Al-Qur'an mengecam orang-orang yang memiliki harta kekayaan yang diberikan Allah dari limpah kurnia-Nya kemudian mereka menganggapkan diri mereka terkaya dari Allah dan tidak lagi memerlukan kepada ganjaran dan balasan-Nya yang berlipat ganda yang dijanjikan Allah kepada orang-orang yang menginfaqkan harta mereka ke jalan Allah, yang mana dengan limpah kurnia-Nya Allah namakan infaq fi Sabilillah itu sebagai amalan memberi pinjaman kepada Allah, tetapi orang-orang Yahudi itu berkata dengan penuh biadab: "Mengapa Allah meminta kita supaya kita meminjamkan wang kita kepada-Nya dan menjanjikan kita dengan balasan yang berlipat ganda, sedangkan Allah melarang kita mengamalkan riba dengan faedahnya yang berlipat

ganda?" Itulah permainan dengan kata-kata yang menunjukkan kebiadaban mereka terhadap Allah:

لَّقَدْ سَمِعَ ٱللَّهُ قَوْلَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ
أَغْنِيَآءُ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا۟ وَقَتْلَهُمُ ٱلْأَنۢبِيَآءَ
بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿١٨١﴾
ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ
بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿١٨٢﴾

"Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya" Kami akan mencatatkan segala apa yang telah dikatakan mereka juga perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar dan Kami akan berkata kepada mereka: "Rasakanlah 'azab bakaran Neraka! (181). Balasan itu disebabkan dosa yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayakan para hamba-Nya."(182)

Keburukan kefahaman dan kepercayaan kaum Yahudi terhadap hakikat ketuhanan memang lumrah di dalam kitab-kitab suci mereka yang telah dipesongkan itu, tetapi kata- kata mereka di sini telah sampai ke tahap keburukan kefahaman dan kebiadaban yang amat besar kedua-dua sekali. Oleh sebab itulah mereka wajar menerima ancaman Allah yang berturut-turut:

سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا۟

"Kami akan mencatatkan segala apa yang telah dikatakan mereka,"

Tabi'at Umat Yahudi

untuk Kami hisabkan mereka dengannya. Segala kata-kata mereka tidak akan ditinggal, dilupa dan diabaikan begitu sahaja dan di samping itu dicatatkan juga segala dosa-dosa mereka yang telah lalu, iaitu dosa-dosa bangsa mereka dan generasi-generasi mereka yang bersatu-padu mengerjakan dosa itu. Mereka mempunyai tabi'at yang sama suka membuat maksiat dan dosa:

وَقَتْلَهُمُ ٱلْأَنۢبِيَآءَ بِغَيْرِ حَقٍّ

"Juga perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar."

Sejarah Bani Israel telah mencatatkan siri jenayah membunuh para nabi-nabi, dan sejarah yang terakhir ialah percubaan mereka hendak membunuh Nabi 'Isa al-Masih a.s. Mereka menyangka mereka telah membunuh beliau dan mereka berbangga-bangga dengan jenayah yang besar itu:

وَنَقُولُ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿١٨١﴾

"Dan Kami akan berkata kepada mereka: Rasakanlah 'azab bakaran Neraka." (181)

Kata-kata "al-Hariq" (bakaran) dalam ayat ini memang dimaksudkan untuk menambahkan gambaran keburukan dan keseksaan 'azab Neraka, juga membesarkan pemandangan-pemandangan 'azab kedahsyatan Neraka dengan apinya yang marak dan menjulang-julang sebagai balasan atas perbuatan-perbuatan mereka yang keji, iaitu perbuatan membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar dan perbuatan mengeluarkan kata-kata yang biadab:

إِنَّ ٱللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَآءُ

"Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya."

ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيكُمْ

"Balasan itu disebabkan dosa yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri."

Yakni itulah balasan yang setimpal, tiada zalim dan tiada kejam sedikitpun:

وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿١٨٢﴾

"Dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayakan para hamba-Nya."(182)

Pengungkapan dengan kata-kata "'Abid" (para hamba) di sini adalah untuk menonjolkan hakikat mereka yang sebenar dibandingkan kepada Allah. Yakni mereka hanya sebahagian dari para hamba Allah sahaja. Ini menambahkan lagi gambaran keburukan jenayah dan kebiadaban mereka terhadap Allah, iaitu jenayah dan kebiadaban yang ternyata dalam kata-kata mereka yang mengatakan Allah miskin dan merekalah orang-orang yang kaya dan ternyata di dalam perbuatan mereka yang tergamak membunuh nabi-nabi mereka.

Kaum Yahudi yang mengatakan Allah itu miskin dan merekalah orang-orang yang kaya dan yang telah bertindak membunuh nabi-nabi, mereka inilah juga yang mendakwa bahawa sebab mereka tidak beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. ialah kononnya kerana Allah telah memerintah mereka supaya jangan beriman kepada mana-mana Rasul sehingga ia membawa korban, di mana satu mu'jizat akan berlaku, iaitu turunnya api memakan korban itu sebagaimana yang telah berlaku kepada setengah-setengah nabi Bani Israel. Oleh itu, selama Muhammad tidak dapat menunjukkan mu'jizat itu, maka mereka tetap berpegang dengan perintah Allah.

Di sini Al-Qur'an mencabar mereka dengan kenyataan-kenyataan sejarah mereka iaitu mereka telah membunuh nabi-nabi yang telah membawa mu'jizat-mu'jizat yang telah dituntut oleh mereka, juga membawa keterangan-keterangan dan bukti yang jelas dari Allah kepada mereka:

ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ عَهِدَ إِلَيْنَآ أَلَّا نُؤْمِنَ لِرَسُولٍ حَتَّىٰ يَأْتِيَنَا بِقُرْبَانٍ تَأْكُلُهُ ٱلنَّارُ ۗ قُلْ قَدْ جَآءَكُمْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِى بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَبِٱلَّذِى قُلْتُمْ فَلِمَ قَتَلْتُمُوهُمْ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٨٣﴾

"Iaitu orang-orang yang berkata: 'Sesungguhnya Allah telah memerintah kami supaya kami jangan beriman kepada mana-mana Rasul sehingga ia membawa kepada kami korban yang dimakan api', katakanlah: 'Sesungguhnya sebelumku telah datang kepada kamu Rasul-rasul yang membawa keterangan-keterangan yang jelas dan membawa korban yang telah kamu sebutkan tadi, oleh itu mengapa kamu telah membunuh mereka jika kamu benar."(183)

Itulah satu cabaran yang kuat yang mendedahkan pendustaan, penyelewengan, kedegilan mereka di atas kekafiran, juga mendedahkan keangkuhan dan pembohongan mereka terhadap Allah.

Di sini Al-Qur'an berpaling kepada Rasulullah s.a.w. untuk memberi hiburan dan meringankan penderitaan beliau akibat tindak-tanduk mereka dengan menjelaskan bahawa apa yang dialami beliau adalah sama dengan apa yang dialami oleh saudara-saudara beliau para anbia yang lain di sepanjang zaman:

فَإِن كَذَّبُوكَ فَقَدْ كُذِّبَ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ جَآءُو بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلزُّبُرِ وَٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُنِيرِ ﴿١٨٤﴾

"Jika mereka telah mendustakan engkau, maka sesungguhnya Rasul-rasul sebelum engkau juga telah didustakannya. Mereka membawa keterangan. keterangan yang jelas, kitab-kitab nasihat dan kitab syari'at yang terang nyata."(184)

Oleh itu beliau bukanlah Rasul pertama yang menerima pendustaan, malah generasi-generasi manusia yang bersilih ganti terutama Bani Israel telah menyambut Rasul-rasul itu dengan pendustaan walaupun mereka membawa keterangan-keterangan dan bukti-bukti yang jelas di samping mu'jizat - mu'jizat. Mereka membawa kepada Bani Israel lambaran-lambaran suci yang mengandungi bimbingan-bimbingan Ilahiyah yang disebut sebagai Zabur dan membawa kitab-kitab suci yang jelas seperti Taurat dan Injil. Inilah jalan yang dilalui para rasul dan risalah-risalah, iaitu sebatang jalan yang penuh dengan kepenatan dan kesulitan dan inilah sahaja satu-satunya jalan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 185-186)

Selepas itu rangkaian ayat-ayat yang berikut ditujukan kepada kelompok Muslimin. Ia menjelaskan kepada mereka tentang nilai-nilai yang seharusnya dipelihara dengan sungguh-sungguh dan dicurahkan pengorbanan untuknya. Ia menjelaskan tentang duri-duri, kepenatan-kepenatan dan penderitaan-penderitaan di jalan perjuangan dan menyeru mereka supaya bersabar, bertaqwa, bertekad gigih dan tabah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۖ فَمَن زُحْزِحَ عَنِ ٱلنَّارِ وَأُدْخِلَ ٱلْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۗ وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَٰعُ ٱلْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾

لَتُبْلَوُنَّ فِىٓ أَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعُنَّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكُمْ وَمِنَ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ أَذًى كَثِيرًا ۚ وَإِن تَصْبِرُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ ٱلْأُمُورِ ﴿١٨٦﴾

"Setiap yang bernyawa akan merasa kematian dan sesungguhnya segala ganjaran kamu itu hanya disempurnakan pada hari Qiamat. Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya suatu keni'matan yang palsu sahaja (185). Sesungguhnya kamu akan diuji mengenai harta kekayaan dan diri kamu dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang Ahlil-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutui Allah berbagai-bagai gangguan yang menyakiti, dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya sikap itu adalah dari perkara-perkara yang memerlukan tekad yang kuat."(186)

Hakikat Maut Yang Harus Ditanamkan Di Dalam Hati

Hakikat ini pasti tertanam kukuh di dalam hati, iaitu hakikat bahawa hidup di bumi ini adalah sementara dan terbatas dengan ajal yang tertentu sahaja kemudian penghabisannya tetap datang mengakhirinya. Semua orang mati. Orang yang soleh mati dan orang yang jahat juga mati. Para Mujahidin mati dan orang-orang yang tidak berjihad juga mati. Orang-orang yang berjuang untuk meninggikan 'aqidah juga mati dan orang-orang yang hidup menindas manusia juga mati. Orang-orang yang berani yang enggan menerima kezaliman mati dan orang-orang yang pengecut yang sangat lobakan hayat dan sanggup membayar seberapa banyak harganya juga mati. Orang-orang yang bercita-cita besar dan bermatlamat hidup yang tinggi mati dan orang-orang yang bercita-cita kecil dan hidup untuk menghirup keni'matan-keni'matan yang murah juga mati. Semuanya mati:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ

"Setiap yang bernyawa akan merasa kematian."

Yakni setiap yang hidup akan meneguk air maut dan akan berpisah dengan hayat. Tiada sebarang perbezaan di antara seorang dengan seorang yang lain dalam kepastian meneguk gelas maut yang diedarkan kepada semua orang, malah yang berbeza hanya dalam satu segi yang lain, iaitu perbezaan dari segi nilai dan nasib kesudahan yang akhir:

وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۖ فَمَن زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۗ

"Dan sesungguhnya segala ganjaran kamu itu hanya disempurnakan pada hari Qiamat. Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan."(185)

Inilah nilai dan nasib kesudahan yang membezakan seseorang dari seseorang yang lain. Inilah nilai abadi yang wajar diperjuangkan dengan sungguh-sungguh dan inilah nasib kesudahan yang ngeri yang harus diperhitungkan seribu kali:

فَمَن زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۗ

"Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan."(185)

Kata-kata "زحزح" (dijauhkan) itu sendiri menggambarkan pengertiannya melalui bunyinya. Ia melukiskan gambaran pengertiannya dengan bayangan-bayangannya seolah-olah Neraka itu mempunyai daya tarikan yang menarik sesiapa sahaja yang mendekatinya atau memasuki ruang tarikannya dan seseorang yang berada di situ memerlukan adanya orang lain yang dapat menolong menjauhkannya dari ruang tarikan itu sedikit demi sedikit untuk menyelamatkannya dari terus ditarik ke dalam Neraka. Oleh itu sesiapa yang dapat dijauhkan dari ruang tarikannya dan diselamatkan dari daya tarikannya dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia adalah seorang yang berjaya.

Ini adalah satu gambaran yang kuat dan satu pemandangan yang hidup di mana berlakunya harakat, heret dan tarik. Memang begitulah hakikat dan tabi'at di sana, kerana Neraka itu mempunyai daya tarikan! Sebab bukankah maksiat itu mempunyai daya tarikannya? Bukankah seseorang itu memerlukan kepada pertolongan orang lain yang dapat menolong menjauhkannya dari daya tarikan maksiat? Ya, memang benar begitu! Inilah ertinya menjauhkan dia dari Neraka! Bukankah seseorang itu - walaupun dia berusaha dan sentiasa berwaspada - tetap selama-lamanya taksir di dalam amalan-amalannya kecuali ia diselamatkan oleh limpah kurnia Allah? Ya, memang benar begitu! Inilah ertinya menjauhkan dari Neraka. Apabila seseorang itu diselamatkan oleh limpah kurnia Allah maka dia akan menjauhkannya dari Neraka!

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾

"Dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya suatu keni'matan yang palsu sahaja."(185)

Yakni kehidupan dunia itu suatu keni'matan, tetapi ia bukannya suatu keni'matan yang haqiqi dan bukanlah pula suatu keni'matan yang membawa kepada kesedaran, malah Ia hanya suatu keni'matan yang mempesonakan manusia atau keni'matan yang membawa kepalsuan dan penipuan. Adapun keni'matan yang haqiqi ialah keni'matan yang wajar dicapai dengan segala usaha yang sungguh-sungguh, iaitu keni'matan mendapat Syurga setelah berjaya dijauhkan dari Neraka.

Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati, apabila hati mengeluarkan dari perhitungannya cerita keinginan yang lobakan hayat - kerana setiap yang bernyawa akan merasa kematian - dan mengeluarkan dari perhitungannya cerita keni'matan yang membawa kepalsuan dan kepesonaan yang fana, maka di waktu inilah Allah menjelaskan kepada orang-orang Mu'min ujian-ujian yang akan dihadapi mereka terhadap harta dan jiwa raga mereka kerana hati mereka kini telah bersedia untuk menerima ujian itu:

لَتُبْلَوُنَّ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعُنَّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيرًا ۚ وَإِن تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٨٦﴾

"Sesungguhnya kamu akan diuji mengenai harta kekayaan dan diri kamu dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang Ahlil-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutui Allah berbagai-bagai gangguan yang menyakiti, dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya sikap itu adalah dari perkara-perkara yang memerlukan tekad yang kuat."(186)

Ujian Melahirkan Pejuang-pejuang Da'wah Yang Tulen

Itulah undang-undang 'aqidah dan da'wah, Setiap orang pasti menghadapi ujian terhadap harta dan jiwa raga, pasti diuji kesabaran, ketahanan dan kegigihannya.

Itulah jalan menuju ke Syurga dan Syurga adalah dikelilingi dengan amalan-amalan yang tidak disukai manusia, sedangkan Neraka dikelilingi dengan nafsu-nafsu keinginan yang di sukai manusia.

Itulah satu-satunya jalan untuk mewujudkan kelompok pejuang yang sanggup mendokong da'wah ini dan memikulkan tugas-tugasnya. Itulah jalan mendidik kelompok ini dan mengeluarkan bakat-bakat kebaikan, kekuatan dan ketahanan yang ada pada mereka, dan itulah jalan melaksanakan taklif-

taklif secara amali dan mengenal hakikat manusia dan hakikat hidup di alam kenyataan.

Ujian itu membuktikan bahawa hanya pejuang-pejuang da'wah yang paling kuat sahaja yang sanggup berdiri teguh di atas da'wah itu. Merekalah sahaja yang layak mendokong da'wah dan memperjuangkannya dengan sabar. Merekalah orang-orang yang layak diserahkan amanah da'wah.

Ujian itu menjadikan da'wah ini semakin tinggi dan luhur di hati mereka, iaitu mengikut seberat mana ujian dan kesulitan yang ditempuh mereka dan mengikut sebanyak mana pengorbanan yang dicurahkan mereka kepadanya dan selepas itu mereka tidak akan bersikap cuai lagi terhadap da'wah walau bagaimanapun keadaan yang dihadapi mereka.

Ujian itu bertujuan untuk menguatkan da'wah dan para penda'wah, kerana tentangan dan cabaran itulah yang merangsangkan kekuatan-kekuatan yang tersembunyi. Ia menyubur, mengembleng dan mengarahkan kekuatan-kekuatan itu. Da'wah yang baru memerlukan kepada usaha-usaha menggerak dan merangsangkan kekuatan-kekuatan ini supaya akar tunjangnya meresap kuat dan mendalam serta bersambung dengan tanah subur yang kaya di pendalaman fitrah manusia.

Ujian itu bertujuan untuk membolehkan para penda'wah mengenal hakikat diri mereka sendiri apabila mereka menjalani hayat dan melaksanakan jihad secara amali dan dalam alam kenyataan, juga untuk membolehkan mereka mengenal hakikat jiwa manusia dan rahsia-rahsianya yang tersembunyi, hakikat kelompok-kelompok dan hakikat masyarakat-masyarakat. Di sana mereka dapat melihat bagaimana dasar-dasar da'wah itu bertarung dengan nafsu-nafsu keinginan mereka sendiri dan nafsu-nafsu keinginan orang lain. Di sana juga mereka dapat mengetahui pintu-pintu jiwa yang dimasuki syaitan, tempat-tempat gelincir dan lorong-lorong sesat di jalan perjuangan.

Kemudian ujian itu juga bertujuan supaya penentang-penentang da'wah itu pada akhirnya menyedari bahawa da'wah itu pasti mempunyai kebaikan dan pasti mempunyai rahsia sulit yang membuat para pejuangnya sanggup menanggung segala penderitaan dengan penuh gigih dan sabar. Di waktu ini para penentang da'wah mungkin akhirnya terbalik beramai-ramai menjadi pengikut-pengikut da'wah.

Itulah undang-undang da'wah. Tiada yang sanggup sabar menghadapi kesusahan dan kesulitan dalam perjuangan da'wah dan tiada yang sanggup memelihara dasar taqwa kepada Allah di tengah-tengah perjuangan yang pahit itu - di mana ia tidak bertindak melampau ketika membalas pencerobohan dan tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah ketika menghadapi kesusahan -melainkan orang-orang yang mempunyai keazaman yang kukuh dan kemahuan yang kuat:

وَإِن تَصْبِرُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ ٱلْأُمُورِ ﴿١٨٦﴾

"Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya sikap itu adalah dari perkara-perkara yang memerlukan tekad yang kuat."(186)

Demikianlah kelompok Muslimin di Madinah telah mengetahui pengorbanan-pengorbanan dan penderitaan-penderitaan yang akan dihadapi mereka dan mengetahui gangguan-gangguan dan ujian-ujian yang akan ditempuh dan diterima mereka mengenai harta benda dan jiwa raga mereka dari kaum Ahlil-Kitab yang berada di sekeliling Madinah dan musuh-musuh mereka kaum Musyrikin. Tetapi mereka tetap terus menjalani jalan Islam tidak pernah lemah, tidak pernah mundur dan tidak pernah berputar ke belakang, kerana mereka yakin bahawa setiap yang hidup itu pasti mati dan bahawa balasan yang sempurna akan diterima pada hari Qiamat. Seterusnya mereka yakin bahawa sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga maka dialah orang yang sebenar berjaya dan bahawa kehidupan dunia itu adalah suatu keni'matan yang palsu sahaja. Mereka berpijak di atas bumi yang keras dan terbuka dan mereka melangkah di atas jalan yang lurus yang menyampaikannya kepada Allah, dan bumi yang keras dan terbuka ini tetap wujud bagi pejuang-pejuang da'wah di setiap zaman dan jalan yang lurus yang menyampaikan kepada Allah itu tetap terbuka dan dapat dilihat oleh setiap manusia. Musuh-musuh da'wah tetap akan menjadi musuh-musuhnya di sepanjang abad dan generasi dan mereka tetap meneruskan rancangan-rancangan jahat mereka untuk menggugatkan da'wah di sepanjang abad dan generasi, dan Al-Qur'an tetap Al-Qur'an.

Cara-cara ujian dan dugaan itu berbeza-beza mengikut perbezaan zaman dan cara kempen menentang kelompok Muslimin juga berbeza-beza. Mereka menggunakan berbagai-bagai cara untuk memburuk-burukkan nama baik kelompok Muslimin, memburuk-burukkan dasar-dasar dan strategi-strateginya dan memburuk-burukkan matlamat dan tujuan-tujuannya. (Kelompok Muslimin menghadapi berbagai-bagai cara penentangan) namun dasar yang ditetapkan Allah hanya satu iaitu ujian:

لَتُبْلَوُنَّ فِىٓ أَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعُنَّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ مِن قَبْلِكُمْ وَمِنَ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ أَذًى كَثِيرًا

"Sesungguhnya kamu akan diuji mengenai harta kekayaan dan diri kamu dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang Ahlil-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutui Allah berbagai-bagai gangguan yang menyakiti."(186)

Surah ini memuatkan pelbagai gambaran tipu daya kaum Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin, juga memuat berbagai-bagai bentuk kempen mereka untuk menimbulkan keadaan keterumbang-ambingan dan menaburkan keraguan. Kadang-kadang kempen-kempen itu dituju untuk menggugatkan dasar-dasar dan hakikat da'wah, dan kadang- kadang dituju untuk menggugatkan pejuang-pejuang da'wah dan kepimpinannya. Bentuk-bentuk tipu daya dan kempen ini berubah-ubah mengikut zaman dan keragaman cara-caranya juga bertambah banyak dengan wujudnya cara-cara kempen yang moden dan semuanya dituju untuk menggugatkan dasar-dasar 'aqidah Islam dan menggugatkan kelompok Muslimin dan kepimpinan Islamiyah dan semuanya itu tidak terkeluar dari dasar yang telah dijelaskan Allah kepada kelompok Muslimin yang pertama ketika menerangkan hakikat jalan da'wah dan musuh-musuh da'wah yang menunggu mereka di jalan itu.

Bimbingan Al-Qur'an ini tetap menjadi tabung modal kepada kelompok Muslimin apabila mereka mahu bergerak memperjuangkan 'aqidah ini dan berusaha untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di muka bumi ini, kerana di waktu inilah segala wasilah tipudaya, segala sarana penindasan dan segala cara kempen-kempen yang moden akan digemblengkan untuk memburuk-burukkan matlamat-matlamat 'aqidah Islam dan mencaing-caingkan identitinya yang sempurna. Bimbingan Al-Qur'an ini akan tetap hadir (di hadapan kelompok Muslimin) untuk menerangkan di hadapan mata mereka hakikat da'wah Islam dan jalan perjuangannya, untuk menerangkan sifat musuh-musuh da'wah yang menunggu mereka di jalan perjuangan dan untuk menimbulkan rasa ketenangan dan keyakinan di dalam hati mereka ketika menghadapi ujian yang telah dijanjikan Allah, iaitu supaya mereka mengetahui ketika mereka dicakar oleh serigala-serigala, ketika mereka disalak di sekeliling mereka oleh kempen-kempen dan ketika mereka ditimpa ujian dan dugaan bahawa mereka berjalan di jalan yang betul dan benar-benar melihat batu-batu tanda jalan itu.

Oleh sebab itulah mereka menerima dengan senang hati segala ujian, penindasan, fitnah-fitnah dan dakwaan-dakwaan yang palsu yang dilemparkan ke atas mereka, iaitu dakwaan-dakwaan yang tidak disukai dan menyakiti hati mereka. Mereka menerima semuanya itu dengan senang hati kerana mereka yakin bahawa mereka sedang menjalani jalan yang betul yang telah diterangkan Allah kepada mereka sebelum ini. Mereka yakin bahawa sabar dan taqwa itulah bekalan di jalan perjuangan da'wah. Mereka tidak dapat digugat oleh tipu daya dan keadaan kelam-kabut. Mereka memandang kecil kepada gangguan-gangguan dan ujian-ujian yang ditempuh mereka. Mereka terus berjalan di jalan yang dijanjikan Allah menuju cita-cita impian dengan penuh kesabaran dan taqwa dan dengan azam yang kukuh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 187)

Kemudian Al-Qur'an terus mendedahkan keadaan Ahlil-Kitab yang telah melanggar perjanjian mereka dengan Allah pada masa mereka dikurniakan kitab suci Taurat. Mereka telah membuang perjanjian itu dan menyembunyikan sebahagian dari kandungannya yang diamanahkan kepada mereka dari orang ramai apabila mereka ditanya mengenainya:

وَإِذْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ لَتُبَيِّنُنَّهُۥ
لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُۥ فَنَبَذُوهُ وَرَآءَ ظُهُورِهِمْ
وَٱشْتَرَوْا۟ بِهِۦ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَبِئْسَ مَا يَشْتَرُونَ ﴿١٨٧﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah mengikat perjanjian dengan kaum Ahlil-Kitab iaitu: 'Hendaklah kamu menjelaskan kandungan kitab itu kepada manusia dan janganlah kamu menyembunyikannya' lalu mereka melemparkan perjanjian itu di belakang mereka dan mereka menukarkannya dengan harga yang sedikit alangkah kejinya tukaran yang dibuat oleh mereka."(187)

Perbuatan Menyembunyikan Kalimatullah

Hubungan ayat-ayat surah ini banyak memperkatakan tentang perbuatan-perbuatan dan perkataan-perkataan kaum Ahlil-Kitab terutama kaum Yahudi. Perbuatan-perbuatan dan perkataan mereka yang paling banyak ditonjolkan ialah perbuatan mereka menyembunyikan kebenaran yang diketahui mereka, juga perbuatan mereka mencampuradukkan kebenaran dengan kepalsuan dengan tujuan menimbulkan keraguan dan kekacauan terhadap konsep agama, terhadap kesahihan Islam, terhadap konsep persamaan asas dan dasar di antara agama Islam dengan agama-agama Samawi sebelumnya dan terhadap hakikat bahawa Islam membenarkan agama-agama Samawi sebelumnya dan agama Samawi sebelumnya membenarkan agama Islam. Dari kitab suci Taurat yang ada di tangan mereka, mereka mengetahui bahawa segala apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah benar dan ia adalah datang dari sumber yang sama yang menurunkan Taurat itu.

Kini pendirian yang ditunjukkan oleh mereka kelihatan amat buruk apabila ternyata di sini bahawa Allah S.W.T. telah mengikat perjanjian dengan mereka ketika mengurniakan kitab Taurat kepada mereka supaya mereka menerang dan menyampaikannya kepada orang ramai dan jangan sekali-kali menyembunyikannya, tetapi mereka telah mencampakkan perjanjian itu. Al-Qur'an mengungkapkan kecuaian dan pelanggaran perjanjian itu dengan gambaran harakat fizikal:

فَنَبَذُوهُ وَرَآءَ ظُهُورِهِمْ

"Lalu mereka melemparkan perjanjian itu di belakang mereka."

Dan mereka melakukan perbuatan yang keji ini dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang sedikit:

وَٱشۡتَرَوۡاْ بِهِۦ ثَمَنٗا قَلِيلٗاۖ

"Dan mereka menukarkannya dengan harga yang sedikit."

Keuntungan yang sedikit itu berupa salah satu dari keni'matan kebendaan dunia atau berupa kepentingan peribadi bagi ahli-ahli agama Yahudi atau kepentingan kaum Yahudi. Semuanya merupakan harga yang sedikit belaka walaupun dapat menguasai bumi di sepanjang zaman! Alangkah sedikitnya harga ini dibandingkan dengan harga perjanjian Allah! Alangkah sedikitnya keni'matan itu dibandingkan dengan keni'matan yang tersimpan di sisi Allah:

فَبِئۡسَ مَا يَشۡتَرُونَ ١٨٧

"Alangkah kejinya tukaran yang dibuat oleh mereka!"(187)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 188)

Contoh-contoh Menyembunyikan Kebenaran

Tersebut di dalam riwayat al-Bukhari dengan isnadnya dari Ibn Abbas r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bertanya orang Yahudi mengenai suatu perkara lalu mereka menyembunyikannya dan menerangkan kepada beliau sesuatu yang lain. Kemudian mereka keluar dan pura-pura memperlihatkan kepada beliau bahawa mereka telah memberitahu kepada beliau apa yang ditanyakannya dan mereka meminta dipuji oleh beliau dan mereka bergembira kerana dapat menyembunyikan apa yang telah ditanyakan beliau kepada mereka. Kerana peristiwa inilah ayat yang berikut diturunkan:

لَا تَحۡسَبَنَّ ٱلَّذِينَ يَفۡرَحُونَ بِمَآ أَتَواْ وَّيُحِبُّونَ أَن يُحۡمَدُواْ بِمَا لَمۡ يَفۡعَلُواْ فَلَا تَحۡسَبَنَّهُم بِمَفَازَةٖ مِّنَ ٱلۡعَذَابِۖ وَلَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ١٨٨

"Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka bahawa orang-orang yang bergembira dengan perbuatan (jahat) yang telah dilakukan mereka dan suka dipuji dengan perbuatan-perbuatan (baik) yang tidak pernah dilakukan mereka - oleh itu janganlah sekali-kali engkau menyangka mereka - terselamat dari 'azab. Mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(188)

Tersebut dalam satu riwayat yang lain dari al-Bukhari dengan isnadnya dari Abu Sa'id al-Khudri bahawa ada beberapa orang Munafiqin di zaman Rasulullah s.a.w. yang ponteng dari berperang apabila Rasulullah s.a.w. keluar berperang. Mereka bergembira kerana tidak ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. Oleh itu apabila Rasulullah s.a.w. pulang dari medan peperangan mereka meminta maaf dan menyatakan keuzuran mereka kepada beliau dan mereka bersumpah dan mereka suka dipuji dengan kerja- kerja yang tidak dilakukan mereka lalu turunlah ayat ini:

لَا تَحۡسَبَنَّ ٱلَّذِينَ يَفۡرَحُونَ بِمَآ أَتَواْ وَّيُحِبُّونَ أَن يُحۡمَدُواْ بِمَا لَمۡ يَفۡعَلُواْ فَلَا تَحۡسَبَنَّهُم بِمَفَازَةٖ مِّنَ ٱلۡعَذَابِۖ وَلَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ١٨٨

Persoalan turunnya sesuatu ayat yang tertentu mengenai suatu perkara yang tertentu itu bukanlah persoalan yang qat'i. Seringkali sesuatu ayat yang tertentu itu dijadikan alasan bagi sesuatu peristiwa yang tertentu lalu diriwayatkan bahawa ayat itu diturunkan kerana peristiwa ini atau ayat itu didapati sesuai dengan peristiwa ini lalu dikatakan ayat itu diturunkan kerana peristiwa ini. Oleh sebab itu kami tidak memutuskan mengenai dua riwayat ini dengan satu pendapat.

Apabila dipakai riwayat yang pertama di sana terdapat kesesuaian dalam penerangan rangkaian ayat itu mengenai kaum Ahlil-Kitab yang telah menyembunyikan sebahagian kandungan kitab suci yang diamanahkan kepada mereka supaya menerangkannya kepada orang ramai dan supaya mereka jangan sekali-kali menyembunyikannya, tetapi mereka telah menyembunyikannya dan menerangkan sesuatu yang tidak benar. Mereka terus berbohong dan menipu hingga mereka meminta dipuji di atas keterangan dan jawapan mereka yang dusta itu.

Dan apabila dipakai riwayat yang kedua, maka di dalam rangkaian ayat-ayat surah ini terdapat pembicaraan mengenai orang-orang Munafiqin yang boleh dihubungkan ayat ini dengannya. Ia menggambarkan satu contoh golongan yang terdapat di zaman Rasulullah s.a.w., malah terdapat di dalam setiap kelompok manusia (di mana-mana sahaja), iaitu contoh golongan manusia yang tidak berupaya memikul tanggungjawab terhadap pendapat dan tugas-tugas 'aqidah. Mereka ponteng dari perjuangan dan andainya para pejuang itu kalah dan tewas mereka mengangkat kepala mereka dan berlagak angkuh. Mereka memuji diri mereka bijak berfikir dan hati-hati, tetapi jika pejuang-pejuang itu menang dan mendapat harta rampasan perang, mereka terus berlagak sebagai penyokong-penyokong para pejuang itu dan mendakwa turut memberi saham dalam kemenangan itu dan mereka gemar dipuji terhadap kerja-kerja dan jasa-jasa yang tidak pernah disumbangkan oleh mereka.

Itulah satu contoh dan contoh-contoh manusia yang pengecut dan suka membuat dakwaan-dakwaan palsu. Satu contoh yang dilukiskan oleh ungkapan Al-Qur'an dengan satu dua coretan yang dapat melahirkan garis-garis perwatakan mereka yang jelas dan sifat-sifat mereka yang kekal di sepanjang zaman. Itulah cara Al-Qur'an.

Allah menjelaskan kepada Rasulullah s.a.w. bahawa manusia yang seperti itu tidak akan selamat dari 'azab. Mereka tetap ditunggu oleh 'azab yang amat pedih yang tidak dapat dihindari mereka dan tiada siapa yang dapat menolong mereka:

فَلَا تَحۡسَبَنَّهُم بِمَفَازَةٖ مِّنَ ٱلۡعَذَابِۖ وَلَهُمۡ
عَذَابٌ أَلِيمٞ ١٨٨

"Oleh itu janganlah sekali-kali engkau menyangka mereka terselamat dari 'azab. Mereka akan menperolehi 'azab yang amat pedih."(188)

Yang mengancam mereka dengan janji 'azab ini ialah Allah, Tuhan yang menguasai langit dan bumi dan Maha Berkuasa di atas segala sesuatu. Manakah tempat yang dapat menyelamatkan mereka? Dan bagaimana mereka hendak menyelamatkan diri mereka?

وَلِلَّهِ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ
شَيۡءٖ قَدِيرٌ ١٨٩

"Dan Allahlah yang memiliki kerajaan langit dan bumi dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(189)

* * * * * *

(Kumpulan ayat 190 - 200)

إِنَّ فِي خَلۡقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَٱخۡتِلَٰفِ ٱلَّيۡلِ
وَٱلنَّهَارِ لَأٓيَٰتٖ لِّأُوْلِي ٱلۡأَلۡبَٰبِ ١٩٠
ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمٗا وَقُعُودٗا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلۡقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ رَبَّنَا
مَا خَلَقۡتَ هَٰذَا بَٰطِلٗا سُبۡحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ١٩١
رَبَّنَآ إِنَّكَ مَن تُدۡخِلِ ٱلنَّارَ فَقَدۡ أَخۡزَيۡتَهُۥۖ وَمَا
لِلظَّٰلِمِينَ مِنۡ أَنصَارٖ ١٩٢
رَّبَّنَآ إِنَّنَا سَمِعۡنَا مُنَادِيٗا يُنَادِي لِلۡإِيمَٰنِ أَنۡ
ءَامِنُواْ بِرَبِّكُمۡ فَـَٔامَنَّاۚ رَبَّنَا فَٱغۡفِرۡ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرۡ
عَنَّا سَيِّـَٔاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ ٱلۡأَبۡرَارِ ١٩٣
رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدتَّنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخۡزِنَا يَوۡمَ
ٱلۡقِيَٰمَةِۖ إِنَّكَ لَا تُخۡلِفُ ٱلۡمِيعَادَ ١٩٤
فَٱسۡتَجَابَ لَهُمۡ رَبُّهُمۡ أَنِّي لَآ أُضِيعُ عَمَلَ عَٰمِلٖ
مِّنكُم مِّن ذَكَرٍ أَوۡ أُنثَىٰۖ بَعۡضُكُم مِّنۢ بَعۡضٖۖ فَٱلَّذِينَ
هَاجَرُواْ وَأُخۡرِجُواْ مِن دِيَٰرِهِمۡ وَأُوذُواْ فِي سَبِيلِي
وَقَٰتَلُواْ وَقُتِلُواْ لَأُكَفِّرَنَّ عَنۡهُمۡ سَيِّـَٔاتِهِمۡ
وَلَأُدۡخِلَنَّهُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ
ثَوَابٗا مِّنۡ عِندِ ٱللَّهِۚ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسۡنُ ٱلثَّوَابِ ١٩٥
لَا يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فِي ٱلۡبِلَٰدِ ١٩٦
مَتَٰعٞ قَلِيلٞ ثُمَّ مَأۡوَىٰهُمۡ جَهَنَّمُۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمِهَادُ ١٩٧
لَٰكِنِ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْ رَبَّهُمۡ لَهُمۡ جَنَّٰتٞ تَجۡرِي مِن
تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا نُزُلٗا مِّنۡ عِندِ ٱللَّهِۗ
وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيۡرٞ لِّلۡأَبۡرَارِ ١٩٨
وَإِنَّ مِنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ لَمَن يُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَمَآ
أُنزِلَ إِلَيۡكُمۡ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِمۡ خَٰشِعِينَ لِلَّهِ لَا
يَشۡتَرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنٗا قَلِيلًاۗ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ
أَجۡرُهُمۡ عِندَ رَبِّهِمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ
ٱلۡحِسَابِ ١٩٩
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱصۡبِرُواْ وَصَابِرُواْ
وَرَابِطُواْ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٢٠٠

"Sesungguhnya di dalam penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang terdapat bukti-bukti (kekuasaan Ilahi) bagi orang-orang yang berakal (190). Iaitu orang-orang yang sentiasa mengingati Allah dalam keadaan mereka berdiri, duduk dan berbaring di atas lambung mereka dan mereka sentiasa memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi. (Dan berkata:) Wahai Tuhan kami: Tiadalah Engkau ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja. Maha Sucilah Engkau! Oleh itu lindungilah kami dari 'azab Neraka (191). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa sahaja yang Engkau masukkannya ke dalam Neraka maka sebenarnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim tidak akan memperolehi penolong-penolong (192). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru yang menyeru kepada keimanan iaitu: "Berimanlah

kepada Tuhan kamu" lalu kami pun beriman. Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan matikan kami di dalam golongan para abrar (193). Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami segala apa yang Engkau telah janjikan kepada kami dengan perantaraan para rasul-Mu dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari Qiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji (194). Maka Tuhan mereka telah memperkenankan permohonan mereka: Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan sesuatu amalan yang diamalkan oleh seseorang dari kamu sama ada lelaki atau perempuan. Kamu (lelaki dan perempuan) adalah keturunan dari satu sama lain. Oleh itu semua orang yang berhijrah, yang diusir dari kampung halaman mereka yang ditindas kerana agama-Ku, yang berperang dan yang dibunuh akan Ku hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan akan Ku masukkan mereka ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai sebagai pahala balasan dari Allah dan di sisi Allah tetap tersimpan pahala balasan yang baik (195). Janganlah engkau terpesona dengan perubahan kehidupan orang-orang kafir di dalam negeri (196). Itu hanya suatu keni'matan yang sedikit kemudian tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahanam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kediaman (197). Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tinggal kekal di sana sebagai sambutan penghormatan tetamu dari sisi Allah dan segala balasan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik bagi para abrar (198). Dan di antara kaum Ahlil-Kitab itu terdapat orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada kitab yang diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka dengan merendah diri kepada Allah. Mereka tidak menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit. Mereka memperolehi ganjaran mereka di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya (199). Wahai orang-orang yang beriman! Sabarlah, dan tabahlah (menghadapi musuh) dan berkawallah (mengawasi musuh - di perbatasan-perbatasan negeri kamu) dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung."(200)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah pelajaran terakhir di dalam surah yang memuat kandungan isi yang besar yang telah kami huraikannya sebelum ini, iaitu isi kandungan yang memperkatakan tentang teras-teras pandangan dan kefahaman Islam. Di sana teras-teras pandangan dan kefahaman ini telah dijelas dan dibersihkan dari segala kekeliruan di dalam perdebatan dengan kaum Ahlil-Kitab dan kemudian di dalam perdebatan dengan kaum Munafiqin dan kaum Musyrikin. Di sana juga diterangkan tabi'at sistem hidup Ilahi dan tugas-tugasnya terhadap jiwa raga dan harta kekayaan, juga dibentangkan pengajaran kepada kelompok Muslimin bagaimana cara melaksanakan tugas-tugas itu, bagaimana menghadapi ujian kesenangan dan kesusahan dan bagaimana membulatkan sikap yang ikhlas terhadap 'aqidah ini dan tugas-tugas yang besar yang mencakup jiwa raga dan harta kekayaan dan sebagainya dari isi kandungan yang dibicarakan oleh surah ini dan telah kami huraikannya di dalam dua juzu' iaitu yang ketiga dan yang keempat dari tafsir Fi Zilal ini.

Kini tibalah nada-nada yang terakhir di dalam surah ini, yang mana maudhu' dan uslubnya selaras dengan nada-nada yang terdahulu dari segi maudhu' dan uslub penyampaian.

Di Sebalik Kitab Alam Buana Yang Terbuka Terdapat Hakikat-hakikat Yang Agung

Ia tiba membawa satu hakikat yang amat mendalam, iaitu alam buana ini sendiri adalah sebuah kitab yang terbuka yang membawa bukti-bukti dan petanda-petanda keimanan dan membayangkan bahawa di sebaliknya wujud tangan qudrat Ilahi yang mengatur perjalanannya dengan rapi dan bijaksana, juga membayangkan bahawa di sebalik hidup dunia ini ada alam Akhirat, hisab dan balasan, tetapi orang-orang yang dapat memahami bukti-bukti ini, dapat membaca petanda-petanda ini, dapat melihat kebijaksanaan ini dan dapat mendengar saranan-saranan ini hanya orang-orang yang berakal sahaja "Ulul-albab" iaitu orang-orang yang tidak melalui kitab terbuka ini dan petanda-petanda yang gemilang ini dengan mata yang tertutup dan dengan hati yang lalai.

Hakikat ini merupakan salah satu dari teras-teras pandangan dan kefahaman Islam terhadap alam buana dan terhadap hubungan yang rapat yang wujud di antara alam buana dengan fitrah manusia, juga persefahaman dalaman yang kukuh yang wujud di antara fitrah alam buana dengan fitrah manusia, iaitu kewujudan alam buana itu sendiri membuktikan kewujudan Penciptanya dari satu segi dan membuktikan kewujudan undang-undang yang mengatur dan mengendalinya, juga kewujudan tujuan, hikmat dan kehendak di sebaliknya dari satu segi yang lain pula. Hakikat ini amat penting dalam menentukan sikap manusia terhadap alam buana dan terhadap Allah S.W.T. selaku Pencipta alam buana. Hakikat ini merupakan salah satu dari asas-asas pandangan dan kefahaman Islam terhadap alam al-wujud.

Sehubungan dengan pelajaran ini, hakikat ini diiringi oleh penerimaan Allah terhadap permohonan orang-orang yang berakal "Ulul-albab" apabila mereka bertawajjuh kepada-Nya dengan sebuah do'a yang khusyu', iaitu setelah mereka meneliti dan mengkaji kitab alam buana yang terbuka dan memikirkan petanda-petanda dan tujuan-tujuan yang disaran dan diilhamkan oleh kitab itu. Penerimaan Allah terhadap permohonan mereka adalah suatu penerimaan yang memberi bimbingan ke arah beramal, berjihad, berkorban, bersabar dan memikul tugas-tugas keimanan yang merupakan hasil penelitian yang dibawa pulang oleh mereka dari penjelajahan mereka yang khusyu' di dalam kitab alam buana yang terbuka. Penerimaan itu disertakan pula dengan pandangan yang menghina dan memperkecilkan kedudukan orang-orang kafir dan kemewahan dan kesenangan hidup, yang dini'mati mereka di dunia ini serta menonjolkan nilai-nilai yang kekal yang wujud di dalam balasan-balasan di negeri Akhirat yang seharusnya mendapat perhatian serius dari para Mu'minin yang abrar.

Untuk kembali semula kepada pembicaraan mengenai kaum Ahlil-Kitab dan sikap mereka terhadap para Mu'minin yang telah dihuraikan dengan panjang lebar di dalam surah ini, maka di dalam bahagian yang terakhir ini disebut golongan Ahlil-Kitab yang Mu'min dan balasan yang wajar yang diperolehi oleh mereka, juga ditonjolkan sifat khusyu' di antara sifat-sifat mereka yang lain, iaitu satu sifat yang sesuai dengan pemandangan orang-orang yang berakal "Ulul-'albab" yang sedang meneliti kitab alam buana yang terbuka dan sesuai dengan do'a mereka yang penuh khusyu' dan seterusnya ditonjolkan sifat malu mereka kepada Allah dari bertindak menukarkan ayat-ayat Allah dengan keuntungan yang sedikit sebagaimana yang telah dilakukan oleh golongan Ahlil-Kitab yang kafir yang telah diterangkan sebelum ini.

Kemudian tibalah ayat penamat menyaripatikan bimbingan-bimbingan Ilahiyah terhadap kelompok Muslimin dan menggambarkan ciri-ciri mereka yang sangat dituntut di samping menerangkan tugas-tugasnya yang tertentu yang menjamin tercapainya keberuntungan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱصۡبِرُواْ وَصَابِرُواْ
وَرَابِطُواْ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٢٠٠

"Wahai orang-orang yang beriman sabarlah, dan tabahlah (menghadapi musuh) dan berkawallah (di perbatasan-perbatasan negeri kamu) dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung."(200)

Inilah kata penamat yang sesuai dengan paksi surah ini dan sesuai dengan maudhu'-maudhu' utamanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 190 - 194)

إِنَّ فِي خَلۡقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَٱخۡتِلَٰفِ ٱلَّيۡلِ
وَٱلنَّهَارِ لَأٓيَٰتٖ لِّأُوْلِي ٱلۡأَلۡبَٰبِ ١٩٠
ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمٗا وَقُعُودٗا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلۡقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ رَبَّنَا
مَا خَلَقۡتَ هَٰذَا بَٰطِلٗا سُبۡحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ١٩١
رَبَّنَآ إِنَّكَ مَن تُدۡخِلِ ٱلنَّارَ فَقَدۡ أَخۡزَيۡتَهُۥۖ وَمَا
لِلظَّٰلِمِينَ مِنۡ أَنصَارٖ ١٩٢
رَّبَّنَآ إِنَّنَا سَمِعۡنَا مُنَادِيٗا يُنَادِي لِلۡإِيمَٰنِ أَنۡ
ءَامِنُواْ بِرَبِّكُمۡ فَـَٔامَنَّاۚ رَبَّنَا فَٱغۡفِرۡ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرۡ
عَنَّا سَيِّـَٔاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ ٱلۡأَبۡرَارِ ١٩٣
رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدتَّنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخۡزِنَا يَوۡمَ
ٱلۡقِيَٰمَةِۗ إِنَّكَ لَا تُخۡلِفُ ٱلۡمِيعَادَ ١٩٤

"Sesungguhnya di dalam penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang terdapat bukti-bukti (kekuasaan Ilahi) bagi orang-orang yang berakal (190). Iaitu orang-orang yang sentiasa mengingati Allah dalam keadaan mereka berdiri, duduk dan berbaring di atas lambung mereka dan mereka sentiasa memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi. (Dan berkata:) Wahai Tuhan kami: Tiadalah Engkau ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja. Maha Sucilah Engkau! Oleh itu lindungilah kami dari 'azab Neraka (191). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa sahaja yang Engkau masukkannya ke dalam Neraka maka sebenarnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim tidak akan memperolehi penolong-penolong (192). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru yang menyeru kepada keimanan iaitu: 'Berimanlah kepada Tuhan kamu lalu kami pun beriman. Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan matikan kami di dalam golongan para abrar (193). Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami segala apa yang Engkau telah janjikan kepada kami dengan perantaraanpara rasul-Mu dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari Qiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."(194)

Apakah bukti-bukti yang wujud di dalam penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang? Apakah bukti-bukti yang dilihat oleh para yang berakal ketika mereka merenungi dan meneliti kejadian langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang dan apakah yang membawa mereka sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan; berdiri, duduk dan baring? Apakah hubungan berfikir tentang bukti-bukti ini dengan peringatan mereka kepada Allah dalam setiap keadaan; berdiri, duduk dan baring? Bagaimanakah hasil pemikiran mereka pada akhirnya telah membawa mereka kepada sebuah do'a yang khusyu' yang terharu ini:

رَبَّنَا مَا خَلَقۡتَ هَٰذَا بَٰطِلٗا سُبۡحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ
ٱلنَّارِ ١٩١

"Wahai Tuhan kami: Tiadalah Engkau ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja, Maha Sucilah Engkau! Oleh itu lindungilah kami dari 'azab Neraka."(191)

Sehingga kepada akhir do'a.

Ungkapan do'a ini melukiskan satu gambaran yang hidup dari penerimaan yang sihat terhadap saranan-saranan kejadian alam buana yang berkesan di dalam pemahaman yang sihat, dan satu gambaran yang hidup dari sambutan yang sihat terhadap saranan-saranan kejadian-kejadian alam yang terdedah kepada semua pandangan dan fikiran di tengah alam siang dan malam.

Kitab Alam Buana Yang Kaya Dengan Bukti-bukti Ketuhanan

Al-Qur'an menarik hati dan pandangan manusia berulang-ulang kali supaya menatap kitab alam buana yang terbuka itu, iaitu sebuah kitab apabila dibalik-balikkan lembarannya, maka setiap lembarannya memperlihatkan bukti yang banyak memberi saranan yang membangkitkan di dalam fitrah manusia yang sihat kesedaran terhadap kebenaran yang terdapat di lembaran-lembaran kitab ini dan di dalam reka bentuk bangunan alam buana ini, di samping membangkitkan keinginan menyambut dan menjunjung Pencipta yang menciptakan alam buana ini dan menyimpan kebenaran ini serta menaruh perasaan kasih dan takut terhadapnya serentak dalam waktu yang sama! Orang-orang yang berakal dan orang-orang yang mempunyai kefahaman yang betul tetap membuka mata hati mereka untuk menerima bukti-bukti ketuhanan yang terdapat pada kejadian alam buana. Mereka tidak membangunkan pagar-pagar penghalang dan tidak bertindak menutup jendela-jendela di antara mereka dengan bukti-bukti ketuhanan itu. Mereka bertawajjuh kepada Allah dengan hati mereka dalam segala keadaan; berdiri, duduk dan baring dan ini membuat mata hati dan fikiran mereka semakin terbuka dan jernih dan dapat berhubung dengan hakikat alam buana yang disimpankan Allah padanya dan seterusnya dapat memahami tujuan kewujudannya, punca penciptaannya dan asas fitrah-Nya. Ia dapat memahami semuanya itu dengan ilham yang menghubungkan di antara hati manusia dengan undang-undang alam al-wujud ini.

Andainya kita membuka mata kita, hati kita dan fikiran kita kepada pemandangan langit dan bumi dan kepada pemandangan pertukaran malam dan siang dan andainya kita menerima pemandangan-pemandangan ini sebagai satu pemandangan yang baru dilihat oleh kita bagi pertama kalinya tentulah kita dapat menyelamatkan perasaan kita dari kehambaran kerana terlalu biasa dan dari kebosanan kerana terlalu kerap berulang-ulang....... Tentulah perasaan kita terharu olehnya dan tentulah kira merasa bahawa di sebalik perjalanannya yang teratur rapi itu ada tangan qudrat yang mengaturkannya dan di sebalik peraturannya yang halus itu ada akal yang merancang dan ada undang-undang yang kukuh yang tidak pernah mungkir. Semuanya ini tidak mungkin merupakan suatu penipuan, tidak mungkin merupakan suatu yang serampangan dan tidak mungkin merupakan suatu kepalsuan.

Rasa keterharuan kita terhadap pemandangan alam buana yang indah itu tidak berkurangan dengan sebab kita mengetahui bahawa siang dan malam itu adalah dua gejala yang berlaku kerana bumi itu berpusing di sekeliling dirinya di hadapan matahari dan tidak pula dengan sebab kita mengetahui bahawa keselarasan perjalanan langit dan bumi itu bergantung kepada daya graviti atau bergantung kepada sesuatu yang bukan daya tarikan graviti kerana semuanya hanya merupakan andaian-andaian sahaja yang mungkin betul dan mungkin tidak betul. Kedua-dua andaian itu tidak memberi apa-apa - kesan dalam penerimaan kita terhadap keajaiban-keajaiban alam buana dan terhadap undang-undang alam yang agung dan halus yang mengendali dan memeliharanya. Undang-undang ini - biar apa pun sahaja namanya di sisi para pengkaji dari bangsa manusia -adalah suatu bukti qudrat Ilahi dan suatu bukti kebenaran dalam penciptaan langit dan bumi dan dalam pertukaran siang dan malam.

Penerangan Al-Qur'an di sini menggambarkan langkah-langkah pergerakan jiwa yang dicetuskan oleh penerimaan pemandangan langit dan bumi dan pemandangan pertukaran siang dan malam di dalam perasaan orang-orang yang berakal dengan satu gambaran yang sangat halus dan dalam waktu yang sama merupakan satu gambaran yang memberi saranan yang menarik hati ke jalan yang betul dalam membuat hubungan dan berbicara dengan alam buana dengan perantaraan bahasanya; juga dalam usaha bersefaham dengan fitrah dan hakikat alam buana dan menerima isyarat-isyarat dan saranan-saranannya. Gambaran itu menjadikan kitab alam buana yang terbuka ini sebuah kitab ma'rifat bagi manusia yang beriman yang berhubung dengan Allah dan ciptaan-ciptaan-Nya.

Ilmu-ilmu Sains Yang Sepatutnya Menjadi Gelanggang Ibadat Dan Solat Telah Bertukar Menjadi Laknat Apabila Ditangani Akal Yang Kafir

Al-Qur'an dari awal lagi menggandingkan di antara tawajjuh dan ibadat kepada Allah - dalam semua keadaan; berdiri, duduk dan baring - dengan kegiatan berfikir pada kejadian langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang. Al-Qur'an memasukkan kegiatan berfikir itu di dalam kegiatan beribadat dan ia jadikan kegiatan berfikir itu sebahagian dari pemandangan berzikir atau mengingati Allah. Pergandingan atau pemaduan di antara dua kegiatan ini menyarankan dua hakikat yang penting:

Hakikat yang pertama: Kegiatan berfikir pada kejadian Allah, meneliti kitab alam buana yang terbuka, mengesani tangan qudrat Ilahi yang Maha Pencipta ketika ia menggerakkan alam buana ini dan membalik-balikkan lembaran kitab alam buana ini merupakan jantung ibadat kepada Allah dan zikir kepada-Nya. Andainya - ilmu-ilmu sains yang mengkaji tentang susunan bentuk alam buana, undang-undang dan peraturannya, kekuatan-kekuatan dan perbendaharaan-perbendaharaannya, rahsia-rahsia dan tenaga-tenaganya mempunyai hubungan dengan mengingati Pencipta alam buana ini dan mempunyai hubungan dengan kesedaran terhadap kebesaran dan limpah kurnia-Nya nescaya ilmu-ilmu sains itu akan terus berubah kepada kegiatan beribadat dan mendirikan solat kepada Allah Pencipta alam buana ini dan nescaya kehidupan manusia menjadi betul dengan ilmu-ilmu itu dan bertawajjuh kepada Allah, tetapi malangnya arah tujuan kebendaan ilmu-ilmu sains yang kafir telah

memutuskan hubungan di antara sains alam buana dengan Penciptanya dan memutuskan hubungan di antara sains alam buana dengan hakikat azaliyah dan abadiyah; dan dari sinilah ilmu-ilmu sains yang merupakan seelok-elok pengurniaan Allah kepada manusia itu telah berubah menjadi suatu laknat yang memburu manusia dan menukarkan hidup mereka kepada Neraka yang dahysat, kepada hidup yang gelisah dan terancam dan kepada kekosongan rohani yang memburu manusia seperti raksasa yang ganas.

Iman Yang Bertaqwa Sahaja Yang Dapat Mengambil Rahsia-rahsia Abadi Dari Kitab Alam Buana

Hakikat yang kedua: Ayat-ayat atau bukti-bukti Ilahiyah yang terdapat di alam buana ini tidak terserlah hakikatnya yang banyak memberi ilham itu melainkan kepada hati-hati yang mengingati dan beribadat kepada Allah. Mereka yang sentiasa mengingati dan menyebut Allah dalam segala keadaan; berdiri, duduk dan berbaring di samping memikirkan kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang, maka kepada hati merekalah terserlah hakikat-hakikat yang agung yang terkandung dalam kejadian langit dan bumi dan di dalam pertukaran malam dan siang, merekalah yang dapat berhubung di sebalik hakikat-hakikat itu dengan sistem hidup Ilahi yang membawa mereka kepada keselamatan, kebajikan dan kebaikan. Adapun orang-orang yang hanya berpada dengan kulit luar kehidupan dunia dan berpada dengan mengetahui rahsia-rahsia setengah-setengah kuasa dan tenaga alam tanpa berhubung dengan sistem hidup Ilahi ini, maka akibatnya mereka menghancurkan kehidupan dan memusnahkan diri mereka sendiri dengan rahsia-rahsia kuasa-kuasa dan tenaga-tenaga alam ini, mereka mengubahkan hidup mereka menjadi Neraka dan menjadikan hidup mereka bertukar kepada hidup yang tercekik dengan keresahan dan kegelisahan, kemudian akhirnya mereka mendapat kemurkaan dan 'azab Allah di penghabisan perjalanan (hidup mereka).

Kedua-dua hakikat ini merupakan dua perkara yang berkait rapat yang dilukis dan dibentangkan oleh Al-Qur'an kepada orang-orang yang berakal "Ulul-'albab" di sa'at menyambut, menerima dan berhubung (dengan bukti-bukti Ilahiyah yang terdapat di alam buana).

Itulah sa'at yang menggambarkan kejernihan hati, kebeningan jiwa, keterbukaan fikiran dan kesediaannya untuk menyambut dan menerima di samping menggambarkan penerimaan, rasa keterharuan dan rasa terpengaruh kepada kesan-kesannya.

Itulah sa'at ibadat dan dengan sifat ini sa'at itu merupakan sa'at perhubungan dengan Allah dan sa'at penerimaan dari Allah. Oleh itu tidaklah hairan bahawa kesediaan di sa'at ini untuk memahami bukti-bukti Ilahiyah di dalam kejadian-kejadian alam buana itu adalah lebih besar (dari sa'at-sa'at yang lain), juga tidak hairan bahawa semata-mata usaha berfikir pada kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang mengilhamkan hakikat yang tersembunyi di dalam kejadian-kejadian itu, juga mengilhamkan kefahaman bahawa kejadian-kejadian itu bukanlah diciptakan sia-sia dan palsu dan ini merupakan hasil secara langsung dari sa'at perhubungan yang menyampaikan kepada Allah:

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَٰذَا بَٰطِلًا سُبْحَٰنَكَ

"Wahai Tuhan kami! Tiadalah Engkau ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja, Maha sucilah Engkau!."

Alam Suatu Hakikat Bukannya Suatu Kepalsuan

Yakni Engkau tidak menciptakan alam ini supaya ia menjadi sesuatu yang palsu, tetapi supaya menjadi sesuatu yang benar, di mana kebenaran menjadi teras dan asasnya, menjadi undang-undangnya dan menjadi unsurnya yang tulen. Alam buana ini mempunyai hakikat ia bukannya " 'adam" (ketiadaan wujud) sebagaimana yang didakwakan oleh setengah-setengah falsafah. Ia berjalan mengikut satu undang-undang dan bukannya dibiarkan berjalan tanpa peraturan. Ia berjalan menuju kepada satu matlamat yang tertentu bukannya dibiarkan kepada kebetulan. Kewujudan alam, harakatnya dan matlamatnya telah ditetapkan dengan kebenaran yang tidak bercampur aduk dengan kepalsuan.

Inilah sentuhan pertama yang menyentuh hati para Ulil-'albab yang berfikir pada kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang. Ia menyentuh mereka dengan kesedaran beribadat, berzikir dan berhubung dengan Allah. Inilah sentuhan yang menerapkan ke dalam hati mereka kebenaran yang tulen yang wujud pada susun bentuk alam buana ini lalu terkeluarlah dari lidah mereka ucapan tasbih yang membersihkan Allah dari menciptakan alam ini dengan palsu.

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَٰذَا بَٰطِلًا سُبْحَٰنَكَ

"Wahai Tuhan kami! Tiadalah Engkau ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja! Maha Sucilah Engkau!"

Kemudian harakat jiwa berturut-turut menyatakan perasaannya terhadap sentuhan-sentuhan alam buana dan saranan-saranannya:

فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٩١﴾

"Oleh itu lindungilah kami dari 'azab Neraka."(191)

رَبَّنَآ إِنَّكَ مَن تُدْخِلِ ٱلنَّارَ فَقَدْ أَخْزَيْتَهُۥ ۖ وَمَا
لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿١٩٢﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa sahaja yang Engkau masukkannya ke dalam Neraka maka sebenarnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim tidak akan memperolehi penolong- penolong."(192)

Apakah hubungan perasaan di antara kebenaran yang wujud didalam kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang dengan rasa keterharuan yang mengucapkan do'a yang takut kepada api Neraka?

Memahami kebenaran yang wujud dalam susun bentuk alam buana ini dan di dalam ciri-ciri rupanya yang lahir itu membawa erti - di sisi para Ulul-albab - bahawa di sana ada taqdir dan tadbir Ilahi, ada hikmat dan matlamat ada kebenaran dan keadilan di sebalik kehidupan manusia di planet bumi ini, dan di sana juga pasti ada hisab dan balasan terhadap segala perbuatan yang telah dilakukan oleh manusia, malah jelaslah di sana pasti ada sebuah alam yang lain dari alam dunia ini, di mana dapat ditegakkan kebenaran dan keadilan dalam pembalasan.

Itulah satu untaian logik pemikiran fitrah yang spontan yang bersambung-sambung begitu cepat di dalam hati mereka. Oleh sebab itulah tiba-tiba terlompat dalam khayalan mereka gambaran Neraka lalu mereka berdo'a kepada Allah agar melindungkan mereka darinya. Itulah lintasan fikiran yang pertama yang menemani pemahaman terhadap kebenaran yang tersembunyi di dalam alam al-wujud ini. Itulah satu tarikan perhatian yang menunjukkan perasaan-perasaan yang sambut menyambut di dalam hati Ulul-'albab kemudian lidah mereka melafazkan do'a yang panjang, khusyu', menggeletar, dan bertaubat, iaitu do'a yang mengandungi irama yang manis, nada yang harmoni dan kehangatan yang begitu ketara di dalam bahagian-bahagian susunan kata-kata dan irama.

Kita harus berhenti sejenak di hadapan rasa ketakutan mereka yang pertama ketika mereka berdo'a kepada Allah supaya menyelamatkan mereka dari 'azab Neraka....... Kita harus berhenti sejenak di hadapan perkataan mereka:

رَبَّنَآ إِنَّكَ مَن تُدْخِلِ ٱلنَّارَ فَقَدْ أَخْزَيْتَهُۥ ۖ وَمَا
لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿١٩٢﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa sahaja yang Engkau masukkannya ke dalam Neraka maka sebenarnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim tidak akan memperolehi penolong-penolong."(192)

Perkataan ini membayangkan bahawa ketakutan mereka kepada Neraka pada asasnya ialah ketakutan kepada kehinaan yang menimpa ahli Neraka, iaitu ketakutan malu mendapat kehinaan yang menimpa ahli Neraka. Itulah ketakutan yang motifnya yang paling besar ialah malu kepada Allah. Mereka lebih peka kepada ketakutan ini dari ketakutan dijilat api Neraka. Di samping itu perkataan itu juga membayangkan kesedaran mereka yang kuat bahawa tiada siapa yang dapat menolong dari 'azab Allah dan bahawa orang-orang yang zalim itu tidak akan ditolong oleh sesiapa.

Kemudian marilah kita ikuti do'a yang panjang dan penuh khusyu' ini:

رَّبَّنَآ إِنَّنَا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِى لِلْإِيمَٰنِ أَنْ
ءَامِنُوا۟ بِرَبِّكُمْ فَـَٔامَنَّا ۚ رَبَّنَا فَٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ
عَنَّا سَيِّـَٔاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ ٱلْأَبْرَارِ ﴿١٩٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru yang menyeru kepada keimanan iaitu: 'Berimanlah kepada Tuhan kamu' lalu kami pun beriman. Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan matikan kami di dalam golongan para abrar."(193)

Itulah hati-hati yang terbuka dan sebaik sahaja hati-hati ini menerima saranan, ia terus menyambut dan rasa pekanya yang tajam terus membongkas dan perkara yang mula-mula diperiksa dan diselidiki olehnya ialah kecuaiannya, dosa-dosa dan maksiatnya dan lantas ia bertawajjuh kepada Allah memohon keampunan dosa, penghapusan kesalahan-kesalahan dan mati dalam golongan para abrar.

Bayangan dari bahagian do'a ini selaras dengan seluruh bayangan surah ini yang semuanya menuju ke arah mencari keampunan dan pembersihan dari dosa-dosa dan maksiat dan menuju ke arah perjuangan yang total dengan nafsu keinginan, dosa dan kesalahan, iaitu satu perjuangan yang menjadi asas segala kemenangan di medan-medan perjuangan menentang musuh-musuh Allah dan musuh-musuh keimanan. Seluruh surah ini merupakan satu unit yang sepadu dan selaras segala nada dan bayangannya.

Kemudian do'a itu di akhiri dengan tawajjuh, harapan, penyerahan, dan memohon keyakinan semoga Allah menyempurnakan segala janji-Nya:

رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدتَّنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿١٩٤﴾

"Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami segala apa yang Engkau telah janjikan kepada kami dengan perantaraan para rasul-Mu dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari Qiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."(194)

Itulah permohonan supaya mengotakan janji-janji Allah yang telah disampaikan oleh para rasul, itulah keyakinan terhadap janji Allah yang tidak pernah memungkiri perjanjian dan itulah harapan agar mereka diselamatkan dari kehinaan pada hari Qiamat, iaitu harapan yang mempunyai hubungan dengan rasa ketakutan mereka yang pertama yang dinyatakan di dalam do'a itu, harapan yang menunjukkan betapa takutnya mereka kepada kehinaan itu dan betapa kuatnya ingatan mereka terhadap ketakutan itu pada permulaan do'a dan pada akhirnya. Ini membayangkan betapa pekanya hati mereka, betapa halus dan jernihnya taqwa dan malu mereka kepada Allah.

Keseluruhan do'a itu menggambarkan sambutan yang benar dan mendalam terhadap saranan alam buana dan terhadap nada kebenaran yang tersembunyi di dalamnya ke dalam hati-hati yang sihat dan terbuka.

Di sini kita harus berhenti sejenak di hadapan do'a ini untuk memperhatikan segi keindahan seni dan keselarasan penyampaiannya.

Peranan Qafiah Dalam Keindahan Pengungkapan

Setiap surah Al-Qur'an mempunyai bunyi akhir kata (qafiah) yang tertentu pada kebanyakan ayat-ayatnya, tetapi qafiah di dalam Al-Qur'an berlainan dari qafiah-qafiah di dalam sajak, kerana qafiah di dalam Al-Qur'an bukannya dalam bentuk huruf yang sama, malah hanya dalam bentuk nada dan irama yang serupa. Seperti (1) "Basir, Hakim, Mubin, Murib," (2) "al-Albab, al-Absar, an-Nar, Qarar" (3) "Khafiyan, Syaqiyan, Syaian, Syarqiyan" dan sebagainya.

Qafiah yang pertama ghalibnya terdapat pada ayat-ayat yang membuat penjelasan-penjelasan, dan qafiah yang kedua ghalibnya terdapat pada ayat-ayat yang memuat do'a-do'a dan qafiah yang ketiga ghalibnya terdapat pada ayat-ayat yang memuat cerita.

Qafiah yang ghalib terdapat di dalam Surah Aali 'Imran ialah qafiah yang pertama kecuali pada dua tempat, iaitu pertama pada ayat-ayat awalan surah yang memuat do'a dan yang kedua di tempat ini iaitu pada ayat yang memuat do'a yang baru ini.

Itulah di antara unsur keindahan keselarasan seni di dalam pengungkapan Al-Qur'an. Nada dan irama qafiah yang memanjang itu memberikan bunyi yang lembut dan merdu kepada pengucapan do'a itu, iaitu sejenis bunyi yang sesuai dengan suasana berdo'a, bertawajjuh dan mengangkatkan permohonan.

Di sana ada lagi satu gejala seni yang lain iaitu penayangan pemandangan berfikir dan merenungi kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang adalah sesuai dengan irama do'a yang khusyu' yang diucapkan dengan tartil, dengan nada yang panjang, lanjut dan mendalam dan ini membuat tayangan pemandangan-pemandangan itu dengan segala saranan-saranan dan kesan-kesannya menjadi panjang kepada perasaan, pendengaran dan khayalan (para pembacanya) dan memberi kesan yang mendalam kepada hati mereka kerana pengucapan do'a itu mengandungi sikap yang khusyu', bunyi yang sayu, tawajjuh yang ikhlas dan perasaan yang menggeletar. Di sini pemandangan-pemandangan itu menjadi panjang dengan ungkapan-ungkapannya yang lanjut-lanjut dan dengan irama dan nada-nadanya yang memanjang dan dengan ini tercapailah salah satu dari tujuan pengungkapan Al-Qur'an yang tulen dan terlaksanalah salah satu dari ciri-ciri seninya yang tulen, kemudian pemandangan itu bertambah panjang lagi dengan jawapan dan penerimaan do'a itu dari Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 195 -198)

فَٱسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّى لَآ أُضِيعُ عَمَلَ عَٰمِلٍ
مِّنكُم مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ ۖ بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ ۖ فَٱلَّذِينَ
هَاجَرُوا۟ وَأُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَأُوذُوا۟ فِى سَبِيلِى
وَقَٰتَلُوا۟ وَقُتِلُوا۟ لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ
وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ
ثَوَابًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾
لَا يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿١٩٦﴾
مَتَٰعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۚ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾
لَٰكِنِ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن
تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا نُزُلًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۗ
وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ لِّلْأَبْرَارِ ﴿١٩٨﴾

"Maka Tuhan mereka telah memperkenankan permohonan mereka: Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan sesuatu amalan yang diamalkan oleh seseorang dari kamu sama ada lelaki atau perempuan. Kamu (lelaki dan perempuan) adalah keturunan dari satu samalain. Oleh itu semua orang yang berhijrah, yang diusir dari kampung halaman mereka yang ditindas kerana agamaKu, yang berperang dan yang dibunuh akan Ku hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan akan Ku masukkan mereka ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai sebagai pahala balasan dari Allah dan di sisi Allah tetap tersimpan pahala balasan yang baik (195). Janganlah engkau terpesona dengan perubahan kehidupan orang-orang kafir di dalam negeri (196). Itu hanya suatu keni'matan yang sedikit kemudian tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kediaman (197). Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tinggal kekal di sana sebagai penghormatan sambutan tetamu dari sisi Allah dan segala balasan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik bagi para abrar."(198)

Itulah penerimaan dan pengabulan do'a yang dijelaskan dengan terperinci dan penerangan yang panjang lebar yang selaras dengan ciri seni pengungkapan Al-Qur'an, iaitu sesuai dengan kehendak-kehendak keadaan dan suasana dari segi jiwa dan perasaan.

Kemudian marilah kita tumpukan pembicaraan kita di sekitar isi kandungan penerimaan Ilahi terhadap do'a itu dan di sekitar maksud dan ertinya yang

mencerminkan tabi'at sistem hidup Ilahi dan nilai-nilainya, juga mencerminkan tabi'at kaedah cara didikan Islamiyah dan ciri-cirinya.

Para Ulul-albab yang berfikir dan merenungi kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang, kemudian menerima ilham-ilham dari kitab alam buana yang terbuka itu, di mana fitrah mereka menyambut saranan kebenaran yang tersembunyi di dalam kejadian-kejadian alam buana itu lalu mereka bertawajjuh kepada Allah mengangkatkan do'a yang khusyu', menggeletar, panjang dan mendalam kemudian menerima sambutan dari Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih yang telah memperkenankan do'a mereka yang ikhlas dan mesra itu.... Apakah hakikat penerimaan itu?

Penerimaan itu merupakan pengabulan do'a dan bimbingan ke arah nilai-nilai sistem hidup Ilahi dan tugas-tugasnya:

فَٱسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَآ أُضِيعُ عَمَلَ عَٰمِلٍ مِّنكُم مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ ۖ بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ ۖ

"Maka Tuhan mereka telah memperkenankan permohonan mereka: Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan sesuatu amalan yang diamalkan oleh seseorang dari kamu sama ada lelaki atau perempuan. Kamu (lelaki dan perempuan) adalah keturunan dari satu sama lain."(195)

Proses Berfikir Dan Berdo'a Harus Diiringi Dengan Proses Bertindak Dan Berjuang

Yakni ia bukannya semata-mata kegiatan berfikir dan merenungi, bukannya semata-mata perasaan khusyu' dan menggeletar dan bukannya semata-mata berdo'a kepada Allah memohon penghapusan dosa dan meminta keselamatan dari kehinaan dan 'azab Neraka, malah pastilah disertai dengan amalan yang positif yang terbit dari hasil kesedaran setelah menerima saranan-saranan dari kejadian alam buana dan hasil dari rasa kepekaan yang tergambar di dalam perasaan keterharuan yang menggeletar itu, iaitu amalan yang dikira oleh Islam sebagai ibadat seperti ibadat berfikir, berzikir, beristighfar, takut kepada Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dengan mengangkatkan harapan, malah itulah amalan yang dikira oleh Islam sebagai hasil yang sebenar yang diharapkan dari ibadat itu dan itulah amalan yang diterima dari semua manusia baik lelaki mahupun perempuan tanpa sebarang perbezaan kerana kelainan jenis, seluruh mereka adalah sama dari segi insaniyah kerana lelaki dan perempuan adalah keturunan dari satu sama lain, seluruh mereka adalah sama di dalam neraca Allah.

Kemudian dikemukakan pula perincian amalan dan dari perincian ini diperolehi keterangan yang jelas tentang tugas-tugas 'aqidah ini pada jiwa raga dan harta kekayaan, juga tentang tabi'at sistem Ilahi ini dan tabi'at bumi tempat ia berpijak dan seterusnya tentang tabi'at jalan perjuangan yang dilalui 'aqidah ini, iaitu ia harus menempuh berbagai-bagai halangan dan duri-duri, harus sanggup mengatasi halangan-halangan itu dan menghancurkan duri-duri itu di samping berusaha menyiapkan tanah yang lembut untuk menanam pokok 'aqidah yang subur dan untuk membolehkannya tegak bertunjang di bumi itu walau dengan apa jua pengorbanan dan menempuh apa sahaja halangan sekalipun:

فَٱلَّذِينَ هَاجَرُوا۟ وَأُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَأُوذُوا۟ فِي سَبِيلِي وَقَٰتَلُوا۟ وَقُتِلُوا۟ لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ثَوَابًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾

"Oleh itu semua orang yang berhijrah, yang diusir dari kampung halaman mereka yang ditindas kerana agama-Ku, yang berperang dan yang dibunuh akan Ku hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan akan Ku masukkan mereka ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai sebagai pahala balasan dari Allah dan di sisi Allah tetap tersimpan pahala balasan yang baik."(195)

Contoh Perjuangan Muslimin Pertama

Dahulu inilah gambaran para penda'wah yang ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka bagi pertama kalinya, iaitu mereka yang berhijrah dari Makkah, mereka yang diusir dari kampung halaman mereka kerana 'aqidah, mereka yang ditindas kerana agama Allah dan bukannya kerana sesuatu sebab yang lain dan mereka yang berperang dan gugur di dalam peperangan. Tetapi sebenarnya itulah gambaran para pejuang da'wah di mana-mana bumi dan di mana-mana zaman. Itulah gambaran 'aqidah yang tumbuh di dalam jahiliyah - apa sahaja bentuk jahiliyah - yang tumbuh di bumi yang menentangnya - di mana-mana sahaja bumi itu - yang tumbuh di tengah-tengah kaum yang berseteru dengannya - mana-mana kaum sahaja - lalu mereka merasa tidak senang dan bosan terhadapnya, kerana tamak haloba dan nafsu keinginan mereka tergugat akibat 'aqidah itu dan dari sinilah 'aqidah mulai ditindas dan diburu, sedangkan para pejuangnya pada permulaan perkembangannya itu hanya merupakan satu kumpulan yang lemah. Kemudian pokok 'aqidah yang subur itu terus berkembang walaupun ditindas dan diburuk, kemudian ia mendapat kekuatan untuk melawan dan mempertahankan diri lalu terjadilah peperangan dan berlakulah pembunuhan di medan perang...... dan kerana perjuangan yang gigih dan pahit inilah dihapuskan dosa dan dikurniakan balasan dan pahala.

Inilah jalan yang ditempuh oleh sistem hidup Rabbani yang telah diputuskan Allah agar ia ditegakkan dalam realiti hidup manusia dengan usaha perjuangan manusia sendiri; iaitu ia harus ditegakkan melalui usaha perjuangan dan pengorbanan yang

dicurahkan oleh para pejuang fi Sabilillah demi mencari keredhaan Allah.

Inilah tabi'at sistem hidup Ilahi, nilai-nilainya dan tugas-tugasnya, kemudian inilah juga methodologi didikan dan bimbingannya untuk beralih dari peringkat keinsafan setelah memikirkan kejadian-kejadian Allah kepada peringkat tindakan yang positif untuk melaksanakan sistem yang telah dikehendaki Allah itu.[25]

Kaum Muslimin Yang Terpersona Dengan Kemewahan Hidup Orang Kafir

Kemudian Al-Qur'an menarik perhatian kepada fitnah kesenangan hidup yang dini'mati oleh orang-orang kafir dan para penentang agama Allah untuk diberikan bimbingan dan nilainya yang sebenar supaya ia tidak mempesonakan mereka, juga supaya ia tidak mempesonakan orang-orang Mu'min yang menderita penindasan, pengusiran dari kampung halaman, menempuh peperangan dan gugur di medan perang:

لَا يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿١٩٦﴾

مَتَٰعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۚ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾

لَٰكِنِ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا نُزُلًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۗ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ لِّلْأَبْرَارِ ﴿١٩٨﴾

"Janganlah engkau terpesona dengan perubahan kehidupan orang-orang kafir di dalam negeri (196). Itu hanya suatu keni'matan yang sedikit kemudian tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kediaman (197). Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tinggal kekal di sana sebagai penghormatan sambutan tetamu dari sisi Allah dan segala balasan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik bagi para abrar."(198)

Perubahan hidup orang-orang kafir di negeri-negeri itu merupakan salah satu gejala dari gejala-gejala kesenangan dan kekayaan, kedudukan dan kekuasaan. Ia merupakan gejala hidup yang tidak syak lagi menimbulkan sesuatu godaan di dalam hati orang-orang yang beriman yang menderita kesusahan dan penafian, penindasan dan letih lesu, dan menempuh perjuangan atau jihad, kerana semuanya merupakan kesulitan-kesulitan dan kesengsaraan-kesengsaraan hidup, sedangkan pejuang-pejuang kebatilan berada di dalam kehidupan yang senang-lenang. Gejala kesenangan hidup itu mencubit hati orang ramai yang jahil apabila mereka melihat agama yang benar dan para pendokongnya menderita kesusahan, sedangkan agama yang batil dan para pendokongnya hidup selamat dan mewah makmur. Ia mempesonakan hati orang-orang yang sesat yang memperjuangkan kebatilan itu sendiri dan membuat mereka bertambah sesat, angkuh dan degil di dalam kejahatan dan kebejatan.

Di sini Al-Qur'an mengemukakan sentuhan ini:

لَا يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿١٩٦﴾

مَتَٰعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۚ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾

"Janganlah engkau terpesona dengan perubahan kehidupan orang-orang kafir di dalam negeri (196). Itu hanya suatu keni'matan yang sedikit kemudian tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kediaman."(197)

Yakni kesenangan hidup mereka adalah suatu keni'matan yang sedikit yang akan berakhir dan hilang, sedangkan tempat kediaman mereka yang kekal abadi kelak ialah Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman.

Dan tandingan bagi keni'matan yang sedikit dan hilang itu ialah ni'mat Syurga, ni'mat hidup yang abadi dan ni'mat penghormatan yang tinggi dari Allah:

لَٰكِنِ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا نُزُلًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۗ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ لِّلْأَبْرَارِ ﴿١٩٨﴾

"Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tinggal kekal di sana sebagai sambutan penghormatan tetamu dari sisi Allah dan segala balasan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik bagi para abrar."(198)

Seorang yang meletak keni'matan dunia dalam satu daun neraca dan meletak keni'matan di sisi Allah pada daun neraca yang sebelah lagi tentulah ia tidak ragu-ragu bahawa keni'matan di sisi Allah itulah yang lebih baik kepada para abrar dan di dalam hatinya tidak terdapat sebarang kekeliruan lagi bahawa daun neraca orang-orang yang bertaqwa itu adalah lebih berat dari daun neraca orang-orang yang kafir. Dan setiap yang berakal tidak ragu-ragu memilih keni'matan yang dipilih oleh para abrar itu.

Di Peringkat Pendidikan Para Penda'wah Hanya Dijanjikan Balasan Di Sisi Allah Sahaja

Ketika mendidik dan menjelaskan nilai-nilai asasi dalam kefahaman dan pandangan Islam, maka di sini, Allah S,W.T. tidak menjanjikan kepada orang-orang yang beriman kemenangan dan kekalahan musuh-

---

[25] *Lihat huraian panjang dalam buku "منهج التربية الإسلامية" Oleh: Muhammad Qutb Bab تربية العقل, m.s 96 - 97.*

musuh mereka dan tidak pula menjanjikan kepada mereka kedudukan yang kuat. Allah tidak menjanjikan di sini kepada mereka sesuatu apa pun di dalam kehidupan dunia ini seperti yang dijanjikannya di tempat-tempat yang lain dan seperti pertolongan-pertolongan yang ditetapkannya kepada para hamba kesayangan-Nya yang berjuang dengan musuh-musuh mereka tetapi yang dijanjikan Allah kepada mereka di sini hanya satu sahaja, iaitu "balasan di sisi Allah". Inilah pokok pangkal dalam da'wah ini. Inilah titik tolak di dalam 'aqidah ini, iaitu kebersihan yang mutlak dari segala matlamat dan tujuan dan dari segala keinginan dan hasrat yang lain - walaupun keinginan untuk melihat kemenangan 'aqidahnya dan kemenangan kalimat Allah dan kekalahan musuh-musuh Allah kerana Allah mahukan para Mu'minin membersihkan hati mereka dari keinginan-keinginan seperti ini dan menyerahkan sahaja urusan itu kepada Allah walaupun hal itu tidak membabitkan diri mereka sahaja.

'Aqidah ini ialah pemberian, kesetiaan, keta'atan dan penunaian tugas tanpa balasan dengan kesenangan-kesenangan hidup dunia dan tanpa balasan dengan kemenangan, kedudukan yang kuat dan tinggi kemudian menunggu segala balasan di Akhirat sana.

Andainya kemenangan tercapai, kedudukan yang kuat dan tinggi tercapai, maka ini tidak termasuk dalam perjanjian dan tidak pula merupakan balasan dari perjanjian, kerana tidak ada di dalam perjanjian ini sesuatu balasan di dunia ini. Tidak ada di dalam perjanjian ini melainkan penunaian tugas, kesetiaan, pemberian dan menghadapi ujian.

Di atas syarat-syarat inilah perjanjian itu diadakan ketika harakat da'wah ditindas di Makkah. Di atas syarat-syarat inilah diadakan 'aqad jual beli itu dan Allah tidak mengurniakan kepada kaum Muslimin kemenangan, kedudukan yang kuat dan tinggi ketika itu, iaitu Allah tidak menyerahkan teraju pemerintahan bumi dan teraju kepimpinan umat manusia melainkan setelah mereka membersihkan diri mereka dari segala-galanya dan menyempurnakan kesetiaan dan keta'atan mereka.

Ujar Muhammad ibn Ka'ab al-Qurazi dan lainnya: Kata Abdullah ibn Rawahah r.a. kepada Rasulullah s.a.w. - iaitu pada malam perjanjian 'Aqabah (di mana ketua-ketua suku Aus dan Khazraj mengikat perjanjian dengan beliau supaya berhijrah kepada mereka):

"Silalah anda kemukakan syarat-syarat yang anda suka untuk Tuhan anda dan diri anda." Jawab beliau "Aku syaratkan untuk Tuhanku ialah hendaklah kamu menyembahkan-Nya dan jangan kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apapun dan untuk diriku aku syaratkan supaya kamu mempertahankan diriku sebagaimana kamu mempertahankan diri kamu dan harta benda kamu". Abdullah ibn Rawahah bertanya: "Apakah ganjaran untuk kami jika kami berbuat begitu?" Jawab beliau: "Syurga." Lalu mereka pun berkata: "Beruntunglah jual beli ini. Kami tidak akan membatalkannya dan tidak akan menuntut dibatalkannya".

Hanya "Syurga" sahaja. Beliau tidak menjanjikan kepada mereka kemenangan, kemuliaan dan perpaduan. Tetapi kekuatan, kedudukan yang kuat, kepimpinan, kekayaan dan kemewahan yang telah dikurnia Allah dan diperlakukan Allah ke atas mereka selepas itu, adalah tidak termasuk di dalam perjanjian itu.

Demikian 'aqad jual beli yang tidak akan dibatalkan mereka itu telah mendapat keuntungan. Mereka telah mengambilnya sebagai satu perjanjian yang kukuh dan di sana tidak ada lagi sebarang tawar-menawar.

Demikianlah Allah telah mendidik kelompok Muslimin yang telah direncanakannya untuk meletakkan di tangan mereka teraju pemerintahan bumi dan teraju kepimpinan umat manusia dan menyerahkan kepada mereka amanah agung setelah mereka membersihkan diri mereka dari segala hasrat dan keinginan walaupun hasrat yang ada hubungan dengan da'wah yang didokong mereka, walaupun hasrat yang ada hubungan dengan sistem hidup Ilahi yang hendak ditegakkan mereka dan walaupun hasrat yang ada hubungan dengan 'aqidah yang diperjuangkan mereka dengan bermati-matian, kerana amanah agung ini tidak layak dipikul oleh mereka yang menyimpan tujuan-tujuan peribadi di dalam hati mereka atau masih menyimpan di dalam hati mereka saki-baki cita-cita yang belum lagi masuk ke dalam Islam seluruhnya.[26]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 199)

Sebelum surah ini berakhir Al-Qur'an kembali membicarakan tentang kaum Ahlil-Kitab dan di sini ia menjelaskan bahawa di sana ada segolongan dari mereka yang beriman sama seperti keimanan orang-orang Islam. Mereka telah bergabung dalam angkatan Muslimin dan mengikuti jejak mereka dan golongan ini juga akan memperolehi balasan mereka.

وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَمَن يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَمَآ
أُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِمْ خَٰشِعِينَ لِلَّهِ لَا
يَشْتَرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ
أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ
ٱلْحِسَابِ ١٩٩

"Dan di antara kaum Ahlil-Kitab itu terdapat orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada kitab yang

---

[26] *Lihat juzu' yang kedua mengenai tafsiran ayat:*
يا أيها الذين آمنوا ادخلوا فى السلام كافة

diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka dengan merendah diri kepada Allah. Mereka tidak menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit. Mereka memperolehi ganjaran mereka di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya."(199)

Golongan Ahlil-Kitab Yang Beriman

Itulah kira-kira terakhir dengan kaum Ahlil-Kitab. Sebelum ini Al-Qur'an telah menyebut berbagai-bagai puak dari mereka dan berbagai sikap mereka di dalam berbagai-bagai surah. Dan di sini, iaitu ketika pembicaraan keimanan dan ketika menayangkan pemandangan do'a dan penerimaan Allah terhadapnya, Al-Qur'an menyebut juga bahawa di antara kaum Ahlil-Kitab terdapat segolongan dari mereka yang mengikuti jalan keimanan hingga akhirnya. Mereka beriman dengan semua kitab suci. Mereka tidak membezakan di antara Allah danpara rasul-Nya dan tidak pula membeza-bezakan sesiapa di antarapara rasulnya. Mereka beriman dengan kitab yang diturunkan kepada mereka dan beriman dengan kitab yang diturunkan kepada orang-orang Islam. Inilah ciri 'aqidah samawiyah. Ia memandang kepada angkatan iman dengan pandangan hubungan yang rapat dan kasih mesra dan memandang garis 'aqidah itu bersambung dengan Allah. Ia memandang kepada agama Allah pada ciri persamaannya dan ciri kesemestaannya yang syumul. Al-Qur'an juga menonjolkan sifat-sifat golongan yang beriman dari kaum Ahlil-Kitab, iaitu sifat khusyu' mereka kepada Allah dan sikap mereka yang tidak sanggup menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit dengan tujuan untuk membezakan mereka dari barisan-barisan Ahlil-Kitab yang lain yang terkenal dengan sifat-sifat angkuh dan kurang sopan terhadap Allah, juga sifat memalsu dan menyembunyikan ayat-ayat Allah kerana tamakkan ni'mat-ni'mat dunia yang murah.

Al-Qur'an menjanjikan mereka dengan balasan para Mu'minin di sisi Allah yang tidak pernah melengahkan pemberian ganjaran kepada mereka yang berinteraksi dengannya. Maha Suci Allah!

إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿١٩٩﴾

"Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya."(199)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 200)

Kemudian tibalah kenyataan yang terakhir memuat seruan Allah kepada orang-orang yang beriman dan menyaripatikan beban-beban dan syarat-syarat perjuangan di jalan menegakkan sistem hidup Ilahi:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱصْبِرُوا۟ وَصَابِرُوا۟ وَرَابِطُوا۟ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sabarlah, dan tabahlah (menghadapi musuh) dan berkawallah (mengawasi musuh) dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung."(200)

Itulah seruan Ilahi Yang Maha Tinggi kepada orang-orang yang beriman. Ia menyeru mereka dengan sifat keimanan yang mengikat mereka dengan sumber seruan itu, iaitu sifat keimanan yang kerananya mereka diserahkan beban-beban ini. Itulah sifat yang melayakkan mereka untuk menerima seruan Ilahi dan untuk menerima beban-beban itu dan itulah sifat yang membuat mereka dimuliakan di bumi dan dimuliakan di langit:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟

"Wahai orang-orang yang beriman."

Seruan ini dikemukakan kepada mereka supaya mereka bersabar dan tabah menghadapi musuh dan supaya mereka berkawal dan bertaqwa.

Penerangan surah ini penuh dengan pembicaraan sabar dan taqwa. Kadang-kadang kedua-duanya dibicarakan secara berasingan dan kadang-kadang secara berkumpul, juga penuh dengan seruan supaya berjuang dengan tabah dan gigih, seruan supaya menepiskan tipudaya musuh dan jangan mendengar kempen-kempen musuh yang bertujuan mengalahkan mereka dan menimbulkan keadaan-keadaan yang kecoh dan kelam-kabut. Oleh sebab itulah surah ini diakhiri dengan seruan supaya bersabar dan bersikap tabah, supaya sentiasa berkawal dan bertaqwa, dan dengan ini ia menjadi suatu kata penamat yang paling sesuai.

Konsep Kesabaran Dalam Erti Katanya Yang Luas

Kesabaran merupakan bekalan di jalan perjuangan da'wah. Ia adalah satu jalan perjuangan yang panjang, sulit dan penuh dengan halangan-halangan dan duri-duri, satu jalan yang disiram dengan darah dan ditabur dengan kecaian-kecaian badan dan satu jalan yang penuh dengan penindasan dan ujian. Kesabaran menghadapi berbagai cabaran, iaitu kesabaran menghadapi cabaran-cabaran nafsu keinginan, tamak haloba dan cita-citanya yang tinggi, kelemahan dan kekurangannya, kegopohan dan kebosanannya, juga kesa-baran menghadapi nafsu keinginan manusia, kekurangan dan kelemahan mereka, kejahilan dan keburukan kefahaman mereka, penyelewengan tabi'at mereka, pementingan diri dan keangkuhan mereka, kesabaran menghadapi akhlak mereka yang bengkok, kesabaran menghadapi sifat mereka yang terburu-buru meminta hasil. Kesabaran menghadapi keangkuhan kebatilan dan kekejaman kezaliman, kesabaran menghadapi kejahatan-kejahatan dan kemenangan nafsu keinginan, kesabaran menghadapi lagak-lagak sombong dan takbur, kesabaran menghadapi masalah kekurangan dan kelemahan para pembantu, kesabaran menghadapi perjalanan yang jauh, kesabaran menghadapi godaan-godaan syaitan di sa'at-sa'at kesusahan dan kesempitan, kesabaran menghadapi

perjuangan yang pahit terhadap semuanya itu, iaitu perjuangan yang menimbulkan berbagai-bagai perasaan dan emosi sedih, marah, dendam, bosan, kadang-kadang kurang yakin kepada kebaikan, kadang-kadang kurang menaruh harapan kepada fitrah manusia, kadang-kadang merasa jemu dan bosan dan kadang-kadang merasa putus asa. Dan selepas ini semua ialah kesabaran mengawal diri sendiri di sa'at berkuasa dan menang, kesabaran menerima kemewahan dan kesenangan dengan tawaduk dan bersyukur, tanpa takbur, tanpa terburu-buru membalas dendam dan tanpa melampaui batas balasan yang setimpal (apabila membalas dendam), kesabaran tetap berhubung dengan Allah samaada di dalam kesusahan atau kesenangan, kesabaran berserah kepada taqdir Allah dan kesabaran memulangkan segala perkara kepada Allah dengan penuh ketenangan, keyakinan dan perasaan khusyu'.

Kesabaran menghadapi segala perkara ini dan perkara-perkara yang seumpamanya yang dihadapi oleh seseorang pejuang da'wah di jalan perjuangan yang panjang ini tidak dapat digambarkan oleh hakikat kata-kata, kerana kata-kata itu tidak dapat memindahkan pengertian yang haqiqi dari pengalaman ini, malah yang dapat memahami pengertiannya yang haqiqi ialah orang yang mengalami kesulitan-kesulitan jalan perjuangan itu sendiri, iaitu mengecapinya dalam bentuk perasaan-perasaan, pengalaman-pengalaman dan kepahitan-kepahitan.

Orang-orang yang beriman telah mengecapi berbagai-bagai aspek dari pengertian yang haqiqi ini. Oleh sebab itu merekalah yang lebih memahami tentang kecapan seruan ini. Merekalah orang-orang yang faham tentang erti kesabaran yang dituntut Allah kepada mereka supaya mengamalkannya.

Kata-kata "صابروا" bererti tabah menghadapi seluruh perasaan ini dan tabah menghadapi musuh-musuh yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi kesabaran orang-orang yang beriman. Oleh itu kesabaran orang-orang yang beriman tidak hilang walaupun mereka menghadapi masa perjuangan yang panjang, malah mereka tetap lebih sabar, lebih kuat dan tabah dari musuh-musuh mereka; iaitu musuh-musuh dari dalam diri mereka sendiri atau musuh-musuh dari manusia-manusia yang jahat. Mereka seolah-olah berada di dalam pertandingan dan perlumbaan dengan musuh-musuh mereka, di mana mereka bertanding sabar, berlawan tolak, bertanding usaha dan berlawan gigih dan degil kemudian diakhir pertandingan itu terbukti bahawa merekalah yang lebih tabah dan lebih sabar dari musuh-musuh mereka. Dan andainya kebatilan sanggup berdegil, bersabar dan berjuang terus, maka tentulah kebenaran lebih wajar lagi menunjukkan kesabaran dan ketabahan yang lebih tinggi untuk meneruskan perjuangannya.

Tugas Berkawal Mengawasi Musuh

Berkawal ialah mengadakan kawalan berjaga-jaga di tempat-tempat jihad dan di kubu-kubu yang terdedah kepada serangan musuh. Dahulu mata angkatan kelompok Muslimin tidak pernah lalai dan tidur nyenyak, kerana musuh-musuh mereka tidak pernah mengambil sikap damai terhadap mereka sejak mereka dipanggil untuk memikul tugas da'wah dan mengemukakannya kepada manusia. Musuh-musuh mereka tidak pernah menunjukkan sikap damai terhadap mereka di mana-mana waktu dan tempat. Oleh kerana itu langkah berjaga dan berkawal tetap diperlukan oleh jihad sehingga akhir zaman.

Da'wah ini mengemukakan kepada manusia satu sistem hidup yang realistik, satu sistem yang mengawal hati mereka dan mengatur urusan harta benda mereka di samping mengendalikan peraturan hidup dan kehidupan mereka. Ia adalah satu sistem yang baik, adil dan lurus, tetapi kejahatan tidak senang dengan sistem yang baik, adil dan lurus. Kebatilan tidak sukakan kebaikan, keadilan dan kelurusan, dan kezaliman tidak mahu menyerah kepada keadilan, persamaan dan kehormatan. Oleh sebab itulah da'wah ini ditentang oleh musuh-musuhnya yang terdiri dari pendokong-pendokong kejahatan, kebatilan dan kezaliman. Ia ditentang dan diperangi oleh petualang-petualang dan pengambil-pengambil kesempatan dan keuntungan yang tidak mahu berhenti dari kerja- kerja memerah dan melakukan eksploitasi. Ia ditentang dan diperangi oleh pemerintah-pemerintah yang zalim dan angkuh yang tidak mahu berhenti dari perbuatan-perbuatan yang zalim dan sikap-sikap yang angkuh. Ia ditentang dan diperangi oleh kelompok- kelompok yang bebas lepas dan runtuh akhlak yang tidak mahu berpisah dari keruntuhan akhlak dan kebebasan hawa nafsu. Oleh kerana itu seluruh golongan ini pasti dilawan dan dihadapi dengan penuh kesabaran dan ketabahan. Kawalan-kawalan dan keadaan berjaga-jaga pastilah diadakan agar umat Muslimin tidak diserang secara mengejut oleh musuh-musuh tabi'i mereka yang tetap wujud di setiap bumi dan generasi.

Inilah tabi'at da'wah ini dan inilah jalan perjuangannya. Tujuannya bukannya menceroboh tetapi untuk menegakkan sistem hidupnya yang baik dan sihat di bumi ini. Ia selama-lamanya akan menemui golongan manusia yang bencikan sistem hidup ini. Oleh sebab itulah da'wah pasti menghadapi perjuangan itu dengan segala bebannya dan ia pasti berkawal dan berjaga-jaga dan tidak lalai sedetik pun dan tidak tidur.

Bertaqwa ialah berdamping dengan taqwa dalam segala perjuangan itu, kerana taqwa merupakan pengawal yang hemat di dalam hati nurani.Ia menjaganya dari kelalaian dan kelemahan. Ia mengawalnya dari menceroboh dan menyeleweng di sana sini.

Keperluan kepada pengawal yang hemat ini hanya disedari oleh mereka yang menghadapi kesulitan-kesulitan di jalan perjuangan ini, iaitu mereka yang menghayati perasaan-perasaan yang bertentangan yang semakin bertambah banyak di dalam berbagai-bagai keadaan dan waktu.

Itu nada terakhir dari surah ini yang mengandungi berbagai-bagai kumpulan nada dan nada inilah yang merupakan saripati dari seluruh nada-nada itu, juga merupakan saripati tugas yang diperintahkan oleh da'wah ini pada umumnya. Oleh sebab itulah Allah menghubungkan tugas-tugas ini dengan akibat perjalanan yang panjang dan dengan hasil kejayaan di bidang ini:

لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

"Supaya kamu beruntung."(200)

صدق الله العظيم

Juzu' ke-4

Surah An-Nisa

SURAH KE **4**

سُورَةُ النِّسَاءِ

SURAH AN-NISA'

Surah Wanita

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT **176**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Surah ini diturunkan di Madinah dan ia merupakan surah yang kedua paling panjang di antara surah-surah Al-Qur'an selepas Surah al-Baqarah. Tertib nuzulnya ialah selepas Surah al-Mumtahanah yang dikatakan oleh riwayat-riwayat bahawa sebahagiannya adalah diturunkan semasa Peperangan al-Fath pada tahun yang kedelapan Hijrah dan sebahagiannya yang lain diturunkan semasa Peperangan al-Hudaybiyah pada tahun yang keenam sebelumnya.

Tetapi perkara tertib surah-surah mengikut nuzul itu sebagaimana telah kami jelaskan di pendahuluan Surah al-Baqarah dalam juzu' yang pertama - bukanlah suatu perkara yang qat'i. Begitu juga sesuatu surah itu tidak semuanya diturunkan sekaligus dalam satu waktu, malah kadang-kadang diselangi oleh ayat-ayat yang lain dari surah-surah yang lain kemudian Nabi s.a.w. menyuruh (pencatat-pencatat wahyu) meletakkan setiap ayat itu pada tempatnya yang wajar pada mana-mana surah yang tertentu. Berdasarkan hakikat ini, sesuatu surah itu kekal "terbuka" untuk beberapa waktu sama ada panjang atau pendek dan kadang-kadang berpanjangan hingga beberapa tahun. Di dalam Surah al-Baqarah terdapat ayat-ayat yang tergolong dalam ayat-ayat awalan yang diturunkan di Madinah dan terdapat pula ayat yang tergolong dalam ayat-ayat akhiran yang diturunkan dari Al-Qur'an.

Begitulah juga keadaannya yang berlaku kepada surah ini. Di antara ayat-ayatnya ada yang diturunkan selepas Surah al-Mumtahanah di dalam tahun yang keenam juga dalam tahun yang kedelapan, tetapi sebahagian yang terbesarnya turun di permulaan masa Hijrah. Dan walau bagaimana pun adalah diduga bahawa turunnya ayat-ayat surah ini telah berlanjutan selepas Peperangan Uhud pada tahun yang ketiga Hijrah hingga keselepas tahun yang kedelapan, di mana diturunkan permulaan Surah al-Mumtahanah.

Sebagai contoh kami sebutkan satu ayat dalam surah ini yang membicarakan tentang hukum perempuan-perempuan yang berzina:

وَٱلَّٰتِي يَأْتِينَ ٱلْفَٰحِشَةَ مِن نِّسَآئِكُمْ فَٱسْتَشْهِدُوا۟
عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِّنكُمْ ۖ فَإِن شَهِدُوا۟ فَأَمْسِكُوهُنَّ
فِى ٱلْبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّىٰهُنَّ ٱلْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ
ٱللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا ﴿١٥﴾

"Dan orang-orang yang melakukan perbuatan yang keji (zina) di kalangan perempuan-perempuan kamu, maka adakanlah empat orang saksi lelaki dari kalangan kamu yang menyaksikan perbuatan mereka. Kemudian jika mereka telah memberi kesaksian mereka, maka penjarakanlah mereka di rumah sehingga mereka menemui maut atau sehingga Allah memberi jalan yang lain kepada mereka."(15)

Di antara perkara yang dipastikan ialah ayat ini adalah diturunkan sebelum ayat Surah an-Nur yang menerangkan hukum hudud mengenai jenayah zina:

ٱلزَّانِيَةُ وَٱلزَّانِى فَٱجْلِدُوا۟ كُلَّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا مِا۟ئَةَ جَلْدَةٍ ۖ وَلَا
تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِى دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ
ٱلْءَاخِرِ ۖ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebatkan setiap orang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi rasa kasihan belas terhadap keduanya kerana menegakkan hukum agama Allah jika kamu beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan pelaksanaan seksa di atas kedua-duanya itu hendaklah disaksikan oleh sekumpulan orang yang beriman."

(Surah Nur: 2)

Ayat yang terakhir ini diturunkan lepas peristiwa fitnah terhadap Siti 'Aisyah pada tahun kelima (atau pada tahun yang keempat menurut satu riwayat yang lain). Apabila ayat ini diturunkan Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

"خذوا عني. خذوا عنى. قد جعل الله لهن سبيلا"...إلخ

"Ambillah penjelasan dariku, ambillah penjelasan dariku. Allah telah memberi satu jalan yang lain kepada mereka (perempuan-perempuan yang berzina)" [1]*... hingga akhir.*

Jalan yang lain yang diterangkan beliau itu ialah hukum sebat yang terkandung dalam Surah an-Nur itu.

---

[1] *Diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dalam musnadnya dan Imam Muslim dalam Sahihnya, juga Ibn Majah.*

Di dalam surah ini terdapat berbagai-bagai contoh seperti contoh ini yang membuktikan sejarah turunnya secara lebih kurang sebagaimana telah kami huraikan di pendahuluan Surah al-Baqarah.

* * * * * *

Pembinaan Masyarakat Islam

Surah ini menggambarkan sebahagian dari usaha yang dicurahkan oleh Islam dalam membina kelompok Muslimin dan membentuk masyarakat Islam, juga dalam langkah-langkah melindungi dan memelihara keselamatan kelompok dan masyarakat itu. Ia membentangkan satu contoh dari kesan tindakan Al-Qur'an dalam masyarakat yang baru yang lahir di celah-celah nasnya dan tumbuh dari celah-celah sistem hidup Rabbani itu dan dengan penjelasan-penjelasan itu ia menggambarkan tabi'at sistem hidup Rabbani ini dalam melayani makhluk insan di samping menggambarkan tabi'at makhluk insan itu sendiri dan bagaimana ia berinteraksi dengan sistem hidup Rabbani ketika sistem itu memimpinnya melangkah ke atas dari kaki bukit yang rendah ke kemuncaknya yang tinggi. Ia memimpin insan selangkah demi selangkah, seperingkat demi seperingkat di tengah-tengah gelombang tamak haloba, keinginan-keinginan hawa nafsu, ketakutan-ketakutan dan kehendak-kehendak kegemaran, tengah-tengah duri-duri di jalan perjuangan yang tidak pernah sunyi walau selangkah pun dan di tengah-tengah musuh yang sedang menunggu-nunggu peluang untuk menyerang mereka di sepanjang jalan yang berduri itu.

Sebagaimana kita telah lihat sebelum ini - di dalam Surah al-Baqarah dan Surah Aali-'Imran cara Al-Qur'an menghadapi setiap keadaan yang melingkungi pertumbuhan kelompok Muslimin di Madinah, iaitu dengan menjelaskan tabi'at sistem hidup Rabbani yang menjadi tapak tegak kelompok Muslimin dan menjelaskan hakikat-hakikat asasi yang menjadi asas kefahaman dan pandangan Islam, juga menjelaskan nilai-nilai dan neraca-neraca ukuran yang terbit dari kefahaman dan pandangan itu dan seterusnya menonjolkan tugas-tugas yang diperlukan oleh usaha memikul amanah agama ini di muka bumi ini di samping menggambarkan tabi'at musuh-musuh sistem hidup Rabbani dan musuh-musuh kelompok Muslimin yang berdiri di atas sistem itu di bumi ini serta mengingatkan mereka terhadap cara-cara tipu daya yang jahat yang diatur oleh musuh-musuh itu dan terhadap 'aqidah-'aqidah mereka yang palsu dan menyeleweng dan cara-cara hidup mereka yang hina dan bengkok, maka begitu juga kita melihat Al-Qur'an di dalam surah ini menghadapi sejumlah besar dari keadaan-keadaan dan hakikat-hakikat yang seperti itu.

Tetapi setiap surah Al-Qur'an itu mempunyai syakhsiyahnya masing-masing, mempunyai sifat-sifat istimewanya masing-masing dan mempunyai paksi di mana seluruh maudhu'nya diikatkan kepadanya. Dan di antara kehendak-kehendak syakhsiyah masing-masing itu ialah segala pokok pembicaraan dalam setiap surah itu berkumpul dan bersepadu di sekitar paksi surah itu dalam satu susunan yang khusus dengannya, di mana ditonjolkan segala sifat-sifat dan dibezakan syakhsiyahnya masing-masing sama seperti makhluk hidup yang mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri masing-masing, namun demikian pada umumnya ia tetap merupakan salah satu dari jenis-jenis makhluk yang hidup itu.

Di dalam surah ini kita melihat dan hampir-hampir kita merasa - bahawa surah ini adalah satu makhluk hidup yang bermatlamat yang tertentu dan berusaha untuk mencapaikannya dengan berbagai-bagai cara dan sarana. Ceraian-ceraian ayat, kata-kata yang terdapat dalam surah ini merupakan saranan-saranan yang digunakan untuk mencapai matlamat yang dikehendakinya. Oleh sebab itulah kita merasa di hadapannya - sebagaimana kita merasa di hadapan setiap surah Al-Qur'an - perasaan kemesraan terhadap makhluk yang hidup yang mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri yang khusus, mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu, makhluk hidup yang benar-benar hidup bergerak dan berperasaan.

Surah ini bekerja keras untuk membasmikan ciri-ciri masyarakat jahiliyah kerana dari masyarakat inilah kelompok Muslimin itu dipungut oleh Islam. Ia bekerja keras untuk membuang segala keladak-keladak jahiliyah iaitu dengan membentuk ciri-ciri masyarakat Muslim dan membersihkannya dari keladak-keladak jahiliyah dan menimbulkan syakhsiyahnya yang tersendiri, dan di samping itu ia juga bekerja keras merangsangkan masyarakat Muslimin supaya mempertahankan kewujudannya yang istimewa itu, iaitu dengan menjelaskan tabi'at sistem hidup Rabbani yang melahirkan kewujudannya yang istimewa itu dan memperkenalkan musuhnya yang sentiasa menunggu-nunggu peluang di sekelilingnya untuk menyerangnya - iaitu musuh-musuh yang terdiri dari kaum Musyrikin, kaum Ahlil-Kitab terutama kaum Yahudi dan musuh-musuh yang berbulu ayam yang hidup di kalangannya yang terdiri dari orang-orang yang lemah iman dan orang-orang Munafiqin - serta mendedahkan cara-cara tipu daya, langkah-langkah dan helah-helah mereka yang jahat, juga mendedahkan kekarutan dan kerosakan, kefahaman-kefahaman, pandangan-pandangan, peraturan-peraturan dan cara-cara hidup mereka di samping menggariskan peraturan-peraturan dan undang-undang yang menyusun dan mengaturkan segala-galanya itu serta meletakkannya ke dalam acuan pelaksanaan yang betul.

Dalam waktu yang sama juga kita melihat keladak-keladak jahiliyah itu bertarung dengan sistem hidup yang baru, nilai-nilai yang baru dan pertimbangan-pertimbangan yang baru, kita melihat ciri-ciri jahiliyah cuba menghapuskan ciri-ciri baru yang indah gemilang, kita melihat perjuangan yang ditempuh

oleh sistem Rabbani di medan ini dengan bersenjatakan Al-Qur'an. Ia adalah satu perjuangan yang lebih hebat, mendalam dan luas dari perjuangan yang ditempuhnya di medan yang lain, iaitu perjuangan menentang musuh-musuh yang sedang menunggu-nunggu peluang untuk menyerangnya dan menentang musuh-musuh yang berbulu ayam yang hidup dalam masyarakat Islam.

Apabila kita mempelajari secara halus keladak-keladak jahiliyah yang dibawa oleh masyarakat Islam dari masyarakat jahiliyah, iaitu keladak-keladak yang dibicarakan setengah-setengah aspeknya oleh surah ini - sebagaimana dibicarakan di dalam surah-surah yang lain - maka kita mungkin terkaget melihat betapa mendalamnya keladak-keladak ini bertunjang hingga ia terus dapat bertahan di sepanjang masa itu, iaitu masa - mengikut tarjih kami - turunnya ayat-ayat surah ini. Dan yang menganehkan lagi ialah keladak-keladak itu terus keras dan kukuh hingga kepada masa kebelakangan itu. Kemudian kita juga terkaget melihat betapa jauh dan betapa tingginya sistem hidup Rabbani ini telah berjaya memindahkan kelompok Muslimin yang dipungut dari kaki bukit yang rendah yang menjadi tapak keladak-keladak jahiliyah dan dari sini ia membawa mereka mendaki ke kemuncak yang amat tinggi, iaitu kemuncak yang tidak pernah dicapai oleh umat manusia kecuali dengan bimbingan sistem hidup Rabbani yang unik dan menakjubkan itu. Sistem inilah sahaja satu-satunya sistem yang berupaya memungut umat manusia dari kaki bukit yang rendah itu dan membawanya ke puncak perlahan-lahan, dengan lemah-lembut, dengan sabar dan gigih dan dengan langkah-langkah yang teratur dan sepadu.

Ciri-ciri Sistem Hidup Rabbani

Kepada orang yang mempelajari secara halus gejala yang unik ini di dalam sejarah manusia akan ternyata kepadanya aspek hikmat Allah yang telah memilih umat Arab yang ummi di Semenanjung Tanah Arab di zaman itu untuk memikul risalah agung ini. Merekalah umat yang melambangkan kaki bukit jahiliyah yang tulen yang merangkumi segala nilai-nilainya, kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahamannya, aqliyah dan cara berfikirnya, akhlak dan kemasyarakatannya, ekonomi dan politiknya supaya dapat diketahui menerusi keadaan hidup mereka kesan sistem hidup Rabbani yang telah membawa perubahan yang amat menakjubkan kepada kehidupan mereka, iaitu satu perubahan yang tidak dapat dilakukan oleh mana-mana sistem hidup yang lain di antara seluruh sistem hidup yang dikenali di dunia ini, juga supaya terlukis pada mereka garis-garis perkembangan sistem hidup Rabbani ini dari segala peringkatnya - yang bermula dari kaki bukit yang rendah - dan merangkumi segala gejala dan segala pengalamannya. Dan seterusnya supaya umat manusia melihat - dalam seluruh usia mereka - di manakah mereka dapati sistem hidup Rabbani itu mengambil tangan mereka dan membimbing mereka ke puncak yang tinggi itu tanpa mengira di mana sahaja mereka berada di anak tangga yang mengangkatkan mereka sama ada mereka sedang berada di mana-mana anak tangga yang tertentu atau masih di kaki bukit yang rendah, di mana umat Arab yang ummi itu dipungut dan diselamatkan.

Sistem hidup Rabbani ini adalah suatu sistem yang teguh dan mantap dari segi dasar-dasar dan nilai-nilainya kerana sistem ini bermu'amalah dengan makhluk insan yang mempunyai tabi'at yang teguh dan mantap. Ia tidak berubah-ubah kepada satu tabi'at yang lain. Segala perubahan dan perkembangan yang berlaku di dalam kehidupannya tidak mengubahkan tabi'atnya dan tidak pula menukarkannya menjadi satu makhluk yang lain. Perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan itu tidak lebih dari perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan kulit luar atau suthi sahaja. Ia seperti alunan-alunan ombak di lautan yang besar, di mana ombak-ombak itu tidak mengubahkan tabi'at air lautnya dan tidak pula memberi kesan kepada arus-arus bawahannya yang berterusan dan tunduk kepada faktor-faktor tabi'i yang tetap.

Oleh sebab itu nas-nas Al-Qur'an yang tetap itu dihadapkan kepada tabi'at manusia yang tetap, kerana nas-nas itu dari sumber yang telah menciptakan manusia. Nas-nas itu menghadapi hidup manusia dengan segala keadaan dan suasananya yang berubah-ubah dan peringkat-peringkat perkembangannya yang sentiasa membaharu. Ia menghadapi semuanya ini dengan kelembutan dan kelunakan yang sama yang diperlakukan manusia dalam menghadapi keadaan-keadaan dan suasana-suasana hidupnya yang berubah-ubah dan peringkat-peringkat perkembangannya yang sentiasa membaharu dalam usahanya untuk memelihara nilai-nilai asasinya, iaitu nilai-nilai insan.

Kesediaan dan kelunakan yang seperti ini memang terdapat pada manusia jika tidak tentulah dia tidak dapat menghadapi keadaan-keadaan dan perkembangan-perkembangan hidupnya yang memang berubah-ubah dan tidak tetap di sekelilingnya itu, dan ciri-ciri kelunakan yang seperti itu juga terdapat di dalam sistem hidup Rabbani kerana ia lahir dari sumber yang sama yang menciptakan manusia dan kerana ia disediakan untuk bekerjasama dengan manusia sehingga akhir zaman.

Demikianlah sistem Rabbani dan nas-nas Al-Qur'an itu dapat memungut seseorang insan atau kelompok insan dari mana-mana tahap dan dari mana-mana darjat anak-anak tangga ke atas untuk membimbing mereka ke puncak yang tinggi. Ia selama-lamanya tidak akan membawa mereka ke belakang atau membawa mereka turun ke bawah. Ia selama-lamanya tidak merasa bosan dan jemu terhadap mereka dan tidak merasa lemah untuk mengangkatkan mereka walaupun mereka berada di tahap yang paling bawah.

Masyarakat primitif yang mundur seperti masyarakat Arab di zaman jahiliyah lama dan masyarakat industri yang maju seperti masyarakat-masyarakat Eropah dan Amerika di zaman jahiliyah moden kedua-duanya sama-sama mendapat tempat dalam sistem hidup Rabbani dan di dalam nas-nas Al-Qur'an itu. Kedua-duanya mendapat penyelamat yang memegang tangan mereka dari tempat yang rendah itu dan menaikkan mereka ke atas anak-anak tangga yang membawa mereka ke atas hingga ke puncaknya yang tinggi yang telah dicapaikan Islam dalam satu zaman yang dinamis dalam sejarah manusia.

Jahiliyah Merupakan Sistem Hidup Bukannya Satu Zaman Dalam Sejarah

Jahiliyah itu bukanlah sesuatu zaman yang telah berlalu di dalam sejarah, malah jahiliyah adalah suatu cara hidup, di mana manusia memperhambakan manusia dan ciri yang seperti ini dapat dilihat dengan jelas di dalam segala sistem hidup yang dianuti oleh manusia pada hari ini, kita dapati manusia mengambil dari manusia yang sama seperti mereka kefahaman-kefahaman, dasar-dasar, neraca-neraca ukuran, nilai-nilai, peraturan-peraturan undang-undang, kedudukan-kedudukan dan tradisi-tradisi. Itulah jahiliyah dengan segala teras dan asas-asas nilainya. Itulah cara hidup jahiliyah di mana manusia memperhambakan manusia dan menyembah satu sama lain yang lain dari Allah.

Islam adalah satu sistem hidup yang tunggal, di mana manusia bebas dari perhambaan kepada sesama manusia, kerana mereka menerima kefahaman-kefahaman, pandangan-pandangan, dasar-dasar, neraca-neraca ukuran, nilai-nilai, peraturan-peraturan, undang-undang, kedudukan-kedudukan dan tradisi-tradisi dari Allah S.W.T. sahaja. Jika mereka tundukkan kepala mereka, maka bererti mereka hanya tunduk kepada Allah sahaja. Apabila mereka mematuhi undang-undang, maka bererti mereka hanya mematuhi Allah sahaja dan apabila mereka ta'at kepada peraturan, maka bererti mereka hanya ta'at kerana Allah sahaja. Oleh sebab itulah mereka benar-benar bebas dari perhambaan kepada sesama manusia apabila seluruh mereka menjadi hamba kepada Allah tanpa sebarang sekutu.

Inilah persimpangan jalan di antara jahiliyah - dalam segala rupa bentuknya - dengan Islam dan surah ini mengambil tugas menggariskan persimpangan jalan itu dengan halus dan jelas supaya tidak ada lagi apa-apa keraguan bagi sesiapa pun.

* * * * * *

Kaedah Memahami Nas-nas Al-Qur'an

Memang difaham bahawa setiap perintah atau larangan atau arahan yang disebutkan di dalam Al-Qur'anul-Karim adalah menghadapi satu keadaan yang berlaku di dalam masyarakat jahiliyah dan ia adalah bertujuan sama ada untuk mewujudkan sesuatu keadaan yang belum wujud atau untuk menghapuskan keadaan yang sedang wujud. Ia berbuat begitu tanpa merosakkan kaedah am iaitu "yang diambil kira ialah keumuman lafaz bukannya kekhususan sebab" (العبرة بعموم اللفظ لابخصوص السبب) atau yang menjadi asas pertimbangan terhadap sesuatu nas itu ialah pernyataan dari kata-katanya yang umum bukan sebab turunnya yang khusus, dengan pengertian bahawa nas-nas Al-Qur'an itu adalah diturunkan untuk dipraktikkan dalam semua generasi dan dalam setiap masyarakat sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini. Di sinilah terletaknya mu'jizat Al-Qur'an. Oleh itu nas-nas Al-Qur'an yang pada mulanya diturunkan untuk menghadapi keadaan-keadaan yang tertentu, maka nas-nas itulah juga yang menghadapi kelompok-kelompok manusia di dalam mana-mana peringkat perkembangannya. Dan sistem hidup yang telah memungut dan menyelamatkan kelompok Muslimin dari kaki bukit jahiliyah, maka sistem itulah juga yang sanggup memungut dan menyelamatkan mana-mana kelompok manusia di mana-mana darjah anak tangga yang rendah dan membimbing mereka naik hingga ke puncaknya yang tinggi, di mana ia telah pernah membawa kelompok Muslimin pertama ketika ia memungut mereka dari kaki bukit jahiliyah yang amat rendah itu.

Ciri-ciri Jahiliyah Di Sebalik Nas-nas Al-Qur'an

Oleh sebab itulah apabila kita membaca Al-Qur'an kita dapat melihat ciri-ciri masyarakat jahiliyah dari celah perintah-perintahnya, larangan-larangannya dan bimbingan-bimbingannya di samping dapat melihat ciri-ciri baru yang mahu dibentuk dan ditegakkannya di dalam masyarakat yang baru.

Oleh itu apakah ciri-ciri masyarakat jahiliyah yang kita dapat lihat di dalam surah ini, iaitu ciri-ciri yang masih lagi mendap di dalam kelompok Muslimin sejak mereka dipungut dan diselamatkan oleh sistem hidup Rabbani dari kaki bukit jahiliyah itu? Dan apakah pula ciri-ciri baru yang mahu dibentuk dan ditegakkan olehnya di dalam masyarakat Islam yang baru itu?

Di sana kita dapati satu masyarakat jahiliyah di mana hak-hak anak-anak yatim dimakan terutama anak-anak yatim perempuan yang berada di pangkuan keluarga, para wali dan para penjaga. Mereka menukarkan harta anak-anak yatim yang baik dengan yang buruk dan mereka mengendalikannya dengan pengurusan yang boros dan tamak kerana bimbangkan anak-anak yatim itu besar dan mengambil balik harta mereka. Di dalam masyarakat ini anak-anak yatim yang kecil yang mempunyai harta yang banyak akan ditahan oleh para walinya dengan tujuan untuk memperisterikan mereka kerana tamakkan harta kekayaan mereka bukan kerana sukakan mereka atau para wali itu akan mengahwinkan anak-anak yatim itu dengan anak-anak lelaki mereka sendiri dengan tujuan yang sama.

Di sana kita dapati satu masyarakat, di mana hak-hak kanak-kanak yang kecil, orang-orang yang lemah dan kaum wanita dizalimi. Habuan mereka yang sebenar dari harta pusaka tidak diserahkan kepada mereka. Sebahagian yang terbesar dari harta pusaka itu dibolot oleh lelaki-lelaki yang kuat yang berdaya mengangkat senjata, sedangkan orang-orang yang lemah hanya mendapat cebisan-cebisan sahaja, sementara cebisan-cebisan harta pusaka yang diperolehi oleh anak-anak yatim yang masih kecil atau perempuan-perempuan yang dewasa itulah yang menjadi sebab anak-anak yatim dan perempuan-perempuan itu ditahan oleh para wali untuk dikahwinkan dengan anak-anak lelaki mereka atau dikahwinkan dengan mereka sendiri supaya harta kekayaan itu tidak keluar jauh dari mereka dan tidak hilang dalam kalangan orang-orang asing.

Di sana kita dapati satu masyarakat, di mana kaum wanita diletakkan dalam satu kedudukan yang hina. Mereka dilayani dengan cara yang zalim di dalam segala peringkat hidup mereka. Mereka diharamkan dari mendapat habuan pusaka atau ditahan kerana habuan pusaka yang diperolehinya. Mereka dijadikan harta pusaka kepada lelaki sama seperti barang-barang dan harta benda yang lain. Apabila suaminya meninggal dunia, walinya akan datang mencampakkan bajunya ke atasnya untuk memberitahu bahawa dirinya adalah ditahan untuknya. Jika dia mahu dia boleh bernikah dengannya tanpa maskahwin dan jika dia tidak mahu dia boleh kahwinkannya dengan orang lain dan mengambil maskahwinnya. Apabila dia dicerai, maka suaminya akan melakukan berbagai-bagai kesulitan yang menyusahkannya. Dia akan ditinggalkan tergantung-gantung bukan sebagai isteri biasa dan bukan pula sebagai isteri yang telah dicerai yang dapat membebaskan diri darinya.

Di sana kita dapati satu masyarakat di mana asas-asas kekeluargaan menjadi kacau-bilau dengan sebab kejatuhan taraf kaum wanita di samping kekacauan peraturan anak angkat dan peraturan wala' (hak mempusakai harta hamba yang dibebas selepas matinya) yang bertentangan dengan dasar-dasar kekeluargaan dan keturunan. Selain dari itu di sana pula terdapat kekacauan di dalam hubungan di antara lelaki dan perempuan dan hubungan kekeluargaan, di mana lumrahnya berlaku perhubungan-perhubungan sumbang dan perbuatan-perbuatan zina.

Di sana kita dapati satu masyarakat, di mana harta dimakan dengan cara yang tidak sebenar, iaitu melalui mu'amalah-mu'amalah ribawiyah. Di sana juga hak-hak dirampas dan amanah-amanah dikhianati, harta benda dan jiwa raga selalu diserang dan dicerobohi, ke'adilan sangat sedikit ditegakkan dan ia hanya dapat dinimati oleh orang-orang yang kuat sahaja, di samping itu harta hanya dibelanjakan untuk tujuan ria' dan mencari kemegahan, sedangkan orang-orang yang miskin dan lemah yang benar-benar memerlukan kepada wang yang dibelanjakan mereka itu tidak mendapat sebanyak yang didapati oleh orang-orang kuat dan kaya.

Ini hanya sebahagian dari ciri-ciri jahiliyah yang disentuh oleh surah ini dan digambarkan oleh surah-surah yang lain di samping ciri-ciri yang terkandung dalam cerita-cerita jahiliyah di kalangan umat Arab dan umat-umat yang lain yang ada di sekeliling mereka.

Islam Telah Menyelamatkan Ciri-ciri Yang Baik Masyarakat Jahiliyah

Masyarakat di zaman itu - secara pasti - bukanlah sebuah masyarakat buruk semata-mata tanpa ciri-ciri yang baik, malah ia mempunyai ciri-ciri yang baik yang dapat dijadikan asas persediaan yang baik untuk menerima risalah yang agung ini, tetapi ciri-ciri yang baik ini hanya telah diselamatkan oleh Islam dengan sempurnanya dan telah dibimbing ke arah kegiatan yang membina. Andainya tidak kerana Islam, maka ciri-ciri ini akan hilang di bawah timbunan ciri-ciri yang buruk, akan berselerak tidak terkumpul dan akan sesat tidak terpimpin. Umat Arab tidak akan dapat membawa sesuatu yang bernilai kepada umat manusia andainya mereka tidak diselamatkan oleh sistem hidup Ilahi, iaitu satu sistem yang telah berjaya menghapuskan ciri-ciri jahiliyah yang buruk itu dan berjaya membentuk dan menegakkan ciri-ciri Islam yang gemilang. Ia telah berjaya menyelamatkan ciri-ciri yang baik umat Arab yang tidak terkenal, yang hidup berselerak dan berpecah-belah. Keadaan mereka sama dengan seluruh umat jahiliyah yang lain yang sezaman dengan mereka dan seluruh umat-umat itu telah terhapus belaka kerana mereka tidak diselamatkan oleh agama Allah dan tidak dibentuk oleh 'aqidah yang betul.

Dari lembah jahiliyah inilah Islam memungut satu kelompok manusia yang telah dikurniakan Allah ni'mat kebaikan dan yang telah dipilih Allah untuk diserah teraju kepimpinan umat manusia. Dari kelompok ini Allah jadikannya satu kelompok Muslimin dan dengan kelompok ini Dia membentuk masyarakat Muslimin; satu masyarakat yang telah berjaya sampai ke puncak kemuliaan yang tidak pernah dicapai oleh umat manusia, dan kemuncak ini masih tetap menjadi harapan dan impian yang boleh diperjuangkan oleh manusia apabila mereka mempunyai azam yang kukuh untuk mengikut jalan itu.

Di dalam surah ini kita dapat melihat setengah-setengah ciri yang mahu dibentuk dan ditegakkan oleh sistem hidup Islam di dalam masyarakat Islam setelah ia dibersihkan dari keladak-keladak jahiliyah di samping mengadakan peraturan-peraturan dan undang-undang pelaksanaan sistem itu yang dapat memelihara, melindungi dan menegakkan ciri-ciri yang baik itu dalam realiti masyarakat.

Kita dapat melihat permulaan surah ini menjelaskan tentang hakikat Rububiyah dan ciri Wahdaniyah atau keesaannya, juga menjelaskan mengenai hakikat

insaniyah dan keesaan asal-usul mereka yang diciptakan Allah dan bagaimana hakikat insaniyah ini harus ditegakkan di atas asas kekeluargaan dan bagaimana ia berhubung rapat dengan hubungan rahim. Di samping itu surah ini menggerakkan hubungan-hubungan itu di dalam hati nurani manusia dan menggunakannya sebagai asas untuk mengatur masyarakat Islam dan melindungi anggota-anggotanya yang lemah melalui usaha-usaha kerjasama dan takaful di antara anggota-anggota sesebuah keluarga yang beriman kepada Allah yang tunggal dan seterusnya untuk melindungi masyarakat Islam ini dari kejahatan-kejahatan, kezaliman dan penindasan, iaitu dengan mengatur keluarga Islam, masyarakat Islam dan masyarakat insan seluruhnya di atas asas keesaan Rububiyah dan keesaan insaniyah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِي خَلَقَكُم مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ
وَخَلَقَ مِنۡهَا زَوۡجَهَا وَبَثَّ مِنۡهُمَا رِجَالٗا كَثِيرٗا وَنِسَآءٗۚ وَٱتَّقُواْ
ٱللَّهَ ٱلَّذِي تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلۡأَرۡحَامَۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيۡكُمۡ
رَقِيبٗا ١

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari jiwa yang satu (Adam) dan darinya Allah ciptakan isterinya dan dari keduanya Allah membiakkan zuriat (mereka) lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ramai dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang kamu saling meminta di antara sesama kamu dengan menyebut nama-Nya dan bertaqwalah memelihara hubungan rahim. Sesungguhnya Allah sentiasa mengawasi kamu."(1)

Hakikat agung yang terkandung dalam ayat pembukaan surah ini merupakan satu asas semulajadi pandangan dan kefahaman Islam dan di atas asas inilah ditegakkan kehidupan kelompok Muslimin. Kami harap dapat menjelaskan hakikat ini dengan terperinci di tempat pembicaraannya di dalam surah ini.

Dan kita dapati bahawa undang-undang dan peraturan-peraturan yang amali untuk ditegakkan struktur takaful bagi kelompok Muslimin itu adalah dilandaskan di atas asas tersebut.

Melindungi Anak-anak Yatim

Untuk melindungi hak-hak anak yatim kita dapati Al-Qur'an memberi bimbingan yang menarik, peringatan yang menakutkan dan undang-undang yang mempunyai garis-garis dasarnya yang jelas:

وَءَاتُواْ ٱلۡيَتَٰمَىٰٓ أَمۡوَٰلَهُمۡۖ وَلَا تَتَبَدَّلُواْ ٱلۡخَبِيثَ بِٱلطَّيِّبِۖ
وَلَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَهُمۡ إِلَىٰٓ أَمۡوَٰلِكُمۡۚ إِنَّهُۥ كَانَ حُوبٗا كَبِيرٗا ٢

"Dan serahkanlah kepada anak-anak yatim (yang baligh) harta kepunyaan mereka dan janganlah kamu tukarkan yang baik dengan yang buruk dan janganlah kamu makan harta mereka dengan mencampuradukkan dengan harta kamu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah suatu dosa yang besar."(2)

وَٱبۡتَلُواْ ٱلۡيَتَٰمَىٰ حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغُواْ ٱلنِّكَاحَ فَإِنۡ ءَانَسۡتُم مِّنۡهُمۡ
رُشۡدٗا فَٱدۡفَعُوٓاْ إِلَيۡهِمۡ أَمۡوَٰلَهُمۡۖ وَلَا تَأۡكُلُوهَآ إِسۡرَافٗا وَبِدَارًا
أَن يَكۡبَرُواْۚ وَمَن كَانَ غَنِيّٗا فَلۡيَسۡتَعۡفِفۡۖ وَمَن كَانَ فَقِيرٗا
فَلۡيَأۡكُلۡ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ فَإِذَا دَفَعۡتُمۡ إِلَيۡهِمۡ أَمۡوَٰلَهُمۡ
فَأَشۡهِدُواْ عَلَيۡهِمۡۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبٗا ٦

"Dan ujilah anak-anak yatim itu sehingga mereka telah sampai usia baligh kemudian jika kamu melihat mereka telah mempunyai kematangan fikiran maka serahkanlah kepada mereka harta kepunyaan mereka dan janganlah kamu makan harta mereka secara melampaui batas dan secara tergesa-gesa (kerana merebut peluang sebelum mereka besar). Dan sesiapa (di antara para penjaga harta itu) yang kaya maka hendaklah ia tahankan dirinya (dari memakannya) dan sesiapa yang miskin, maka bolehlah ia memakannya secara yang wajar. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka harta kepunyaan mereka maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (penerimaan) yang menyaksikan mereka dan cukuplah Allah menjadi Pengira Yang Maha Halus."(6)

وَلۡيَخۡشَ ٱلَّذِينَ لَوۡ تَرَكُواْ مِنۡ خَلۡفِهِمۡ ذُرِّيَّةٗ
ضِعَٰفًا خَافُواْ عَلَيۡهِمۡ فَلۡيَتَّقُواْ ٱللَّهَ وَلۡيَقُولُواْ قَوۡلٗا
سَدِيدًا ٩

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَأۡكُلُونَ أَمۡوَٰلَ ٱلۡيَتَٰمَىٰ ظُلۡمًا إِنَّمَا
يَأۡكُلُونَ فِي بُطُونِهِمۡ نَارٗاۖ وَسَيَصۡلَوۡنَ سَعِيرٗا ١٠

"Hendaklah orang-orang (yang menjaga anak-anak yatim itu) menaruh kebimbangan andainya mereka sendiri kelak meninggalkan anak-anak (yatim) yang lemah di belakang mereka tentulah mereka berasa bimbang terhadap mereka. Oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucap perkataan yang betul (9). Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim itu adalah sebenarnya menelan api Neraka ke dalam perut mereka dan mereka akan masuk ke dalam api Neraka yang bernyala-nyala."(10)

Melindungi Kaum Wanita

Untuk melindungi kaum wanita khususnya, iaitu anak-anak yatim perempuan yang masih kecil dan perempuan-perempuan yang lemah dan menjaga hak-hak mereka sekalian dalam harta pusaka dan pencarian, juga memelihara hak-hak mereka terhadap tubuh mereka sendiri dan menyelamatkan mereka dari kezaliman jahiliyah dan adat tradisi yang penuh aniaya dan menghina, kita dapati Al-Qur'an

mengemukakan berbagai-bagai bimbingan dan perundangan dan sebagai contohnya ialah:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا۟ فِى ٱلْيَتَٰمَىٰ فَٱنكِحُوا۟ مَا طَابَ
لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ مَثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا۟
فَوَٰحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَلَّا تَعُولُوا۟ ﴿٣﴾
وَءَاتُوا۟ ٱلنِّسَآءَ صَدُقَٰتِهِنَّ نِحْلَةً ۚ فَإِن طِبْنَ لَكُمْ عَن شَىْءٍ
مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيٓـًٔا مَّرِيٓـًٔا ﴿٤﴾

"Dan jika kamu takut tidak berlaku 'adil terhadap hak-hak perempuan-perempuan yang yatim (jika kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan mana-mana perempuan yang lain yang disenangi kamu dua, tiga dan empat. Dan jika kamu takut tidak berlaku 'adil terhadap (banyak isteri) maka kahwinlah seorang sahaja itulah (langkah) yang lebih dekat untuk kamu tidak berlaku zalim (3). Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan (yang kamu kahwini itu) maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib dan andainya mereka dengan suka hati memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwin itu, maka makanlah pemberian itu dengan seenak-enaknya."(4)

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ ٱلْوَٰلِدَانِ وَٱلْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَآءِ
نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ ٱلْوَٰلِدَانِ وَٱلْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ
أَوْ كَثُرَ ۚ نَصِيبًا مَّفْرُوضًا ﴿٧﴾

"Orang-orang lelaki mempunyai bahagian pusaka dari harta peninggalan dua ibu bapa dan kerabat-kerabat dan orang-orang perempuan juga mempunyai bahagian pusaka dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabat-kerabat sama ada sedikit atau banyak sebagai bahagian yang telah ditentukan Allah."(7)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَن تَرِثُوا۟
ٱلنِّسَآءَ كَرْهًا ۖ وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا۟ بِبَعْضِ مَآ
ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّآ أَن يَأْتِينَ بِفَٰحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ ۚ
وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ فَإِن كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ
أَن تَكْرَهُوا۟ شَيْـًٔا وَيَجْعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيْرًا
كَثِيرًا ﴿١٩﴾
وَإِنْ أَرَدتُّمُ ٱسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَانَ زَوْجٍ
وَءَاتَيْتُمْ إِحْدَىٰهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا۟ مِنْهُ
شَيْـًٔا ۚ أَتَأْخُذُونَهُۥ بُهْتَٰنًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٢٠﴾
وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُۥ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ
بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنكُم مِّيثَٰقًا غَلِيظًا ﴿٢١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan secara paksa dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk mendapatkan sebahagian dari (maskahwin) yang kamu telah berikan kepada mereka kecuali mereka melakukan perbuatan keji secara terbuka dan bergaullah dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan pergaulan yang baik kemudian jika kamu bencikan mereka (maka sabarlah kerana) boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedangkan Allah akan jadikan padanya kebajikan yang banyak (19). Dan jika kamu ingin menggantikan mana-mana isteri dengan isteri yang baru, sedangkan kamu telah memberi kepada seseorang dari mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambilnya kembali sesuatu apapun darinya. Apakah patut kamu mengambilnya dengan cara yang keji dan melakukan dosa yang nyata (20). Bagaimana kamu tergamak mengambilnya kembali. Sedangkan kamu telah berhubung mesra satu sama lain dan mereka (isteri-isteri kamu) telah mengambil perjanjian yang kukuh dari kamu."(21)

Mengatur Keluarga

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِى ٱلنِّسَآءِ ۖ قُلِ ٱللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ
وَمَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فِى ٱلْكِتَٰبِ فِى يَتَٰمَى ٱلنِّسَآءِ
ٱلَّٰتِى لَا تُؤْتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَتَرْغَبُونَ أَن
تَنكِحُوهُنَّ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلْوِلْدَٰنِ وَأَن تَقُومُوا۟
لِلْيَتَٰمَىٰ بِٱلْقِسْطِ ۚ وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ بِهِۦ عَلِيمًا ﴿١٢٧﴾

"Dan mereka meminta fatwa dari engkau (Muhammad) mengenai (hak dan kewajipan perempuan) katakanlah: Allah akan memberi fatwa kepada kamu mengenai mereka, juga mengenai hukum yang dibacakan kepada kamu di dalam kitab Al-Qur'an tentang perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi maskahwin yang ditetapkan kepada mereka, sedangkan kamu ingin berkahwin dengan mereka. Dan juga mengenai anak-anak yatim yang lemah (yang masih kecil lagi) dan (kamu juga diwajibkan) supaya menguruskan (hak dan keperluan) anak-anak yatim dengan 'adil. Dan (ingatlah) apa jua kebahagiaan yang kamu lalukan (kepada mereka): Maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui."(127)

Untuk mengatur keluarga dan menegakkannya di atas asas yang kukuh yang disarankan oleh fitrah dan untuk mengadakan langkah-langkah melindungkan kesejahteraan keluarga dari kesan-kesan keadaan yang menggugat suasana hidup suami isteri dan suasana masyarakat, maka Al-Qur'an mengemukakan bimbingan-bimbingan dan peraturan-peraturan berikut di samping keterangan-keterangan yang diselitkan di tengah-tengah pembicaraan mengenai perempuan-perempuan yang yatim dan perempuan-perempuan yang dicerai:

وَلَا تَنكِحُواْ مَا نَكَحَ ءَابَآؤُكُم مِّنَ
ٱلنِّسَآءِ إِلَّا مَا قَدۡ سَلَفَۚ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةٗ
وَمَقۡتٗا وَسَآءَ سَبِيلًا ﴿٢٢﴾
حُرِّمَتۡ عَلَيۡكُمۡ أُمَّهَٰتُكُمۡ وَبَنَاتُكُمۡ
وَأَخَوَٰتُكُمۡ وَعَمَّٰتُكُمۡ وَخَٰلَٰتُكُمۡ
وَبَنَاتُ ٱلۡأَخِ وَبَنَاتُ ٱلۡأُخۡتِ وَأُمَّهَٰتُكُمُ
ٱلَّٰتِيٓ أَرۡضَعۡنَكُمۡ وَأَخَوَٰتُكُم مِّنَ ٱلرَّضَٰعَةِ
وَأُمَّهَٰتُ نِسَآئِكُمۡ وَرَبَٰٓئِبُكُمُ ٱلَّٰتِي فِي
حُجُورِكُم مِّن نِّسَآئِكُمُ ٱلَّٰتِي دَخَلۡتُم بِهِنَّ
فَإِن لَّمۡ تَكُونُواْ دَخَلۡتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيۡكُمۡ وَحَلَٰٓئِلُ أَبۡنَآئِكُمُ ٱلَّذِينَ مِنۡ
أَصۡلَٰبِكُمۡ وَأَن تَجۡمَعُواْ بَيۡنَ ٱلۡأُخۡتَيۡنِ
إِلَّا مَا قَدۡ سَلَفَۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورٗا
رَّحِيمٗا ﴿٢٣﴾
وَٱلۡمُحۡصَنَٰتُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ إِلَّا مَا مَلَكَتۡ
أَيۡمَٰنُكُمۡۖ كِتَٰبَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡۚ وَأُحِلَّ لَكُم مَّا وَرَآءَ
ذَٰلِكُمۡ أَن تَبۡتَغُواْ بِأَمۡوَٰلِكُم مُّحۡصِنِينَ غَيۡرَ
مُسَٰفِحِينَۚ فَمَا ٱسۡتَمۡتَعۡتُم بِهِۦ مِنۡهُنَّ فَـَٔاتُوهُنَّ
أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةٗۚ وَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ فِيمَا تَرَٰضَيۡتُم
بِهِۦ مِنۢ بَعۡدِ ٱلۡفَرِيضَةِۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا
حَكِيمٗا ﴿٢٤﴾

"Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang telah diperisterikan oleh bapa-bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perbuatan yang keji, dimurkai Allah dan seburuk-buruk jalan (perkahwinan) (22). Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan ibu-ibu kamu, anak-anak perempuan kamu, saudara-saudara perempuan kamu, emak-emak saudara kamu di sebelah bapa, emak-emak saudara kamu di sebelah ibu, anak-anak perempuan saudara lelaki dan anak-anak perempuan saudara perempuan, ibu-ibu kamu yang telah menyusu kamu dan saudara-saudara susu kamu dan ibu-ibu isteri kamu dan anak-anak tiri di bawah pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah setubuhi mereka, tetapi jika kamu belum lagi setubuhi mereka (dan kamu telah menceraikan mereka) maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu (berkahwin dengan mereka) (juga diharamkan kamu berkahwin dengan) bekas-bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari salbi kamu dan (diharamkan kamu) menghimpunkan sekaligus dua beradik (untuk menjadi isteri kamu) kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (23). (Juga diharamkan kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan yang bersuami kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki kamu. (Inilah) ketetapan Allah ke atas kamu dan dihalalkan kepada kamu perempuan-perempuan yang lain dari mereka yang tersebut supaya kamu dapat mencari isteri dengan harta kamu secara bernikah bukan secara berzina. Kemudian mana-mana perempuan yang kamu ni'mati hubungan kelamin dengannya (setelah berkahwin dengan kamu) maka berikanlah kepada mereka maskahwin mereka sebagai bayaran yang diwajibkan (ke atas kamu) dan tidak menjadi apa-apa kesalahan ke atas kamu mengenai sesuatu persetujuan di antara kamu (suami dan isteri) tentang kadar bayaran maskahwin itu setelah ia ditetapkan. Sesungguhnya Allah Maha Mengampun dan Maha Bijaksana."(24)

ٱلرِّجَالُ قَوَّٰمُونَ عَلَى ٱلنِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ ٱللَّهُ
بَعۡضَهُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٖ وَبِمَآ أَنفَقُواْ مِنۡ أَمۡوَٰلِهِمۡۚ
فَٱلصَّٰلِحَٰتُ قَٰنِتَٰتٌ حَٰفِظَٰتٞ لِّلۡغَيۡبِ بِمَا
حَفِظَ ٱللَّهُۚ وَٱلَّٰتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ
فَعِظُوهُنَّ وَٱهۡجُرُوهُنَّ فِي ٱلۡمَضَاجِعِ
وَٱضۡرِبُوهُنَّۖ فَإِنۡ أَطَعۡنَكُمۡ فَلَا تَبۡغُواْ عَلَيۡهِنَّ
سَبِيلًاۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيّٗا كَبِيرٗا ﴿٣٤﴾
وَإِنۡ خِفۡتُمۡ شِقَاقَ بَيۡنِهِمَا فَٱبۡعَثُواْ حَكَمٗا مِّنۡ
أَهۡلِهِۦ وَحَكَمٗا مِّنۡ أَهۡلِهَآ إِن يُرِيدَآ إِصۡلَٰحٗا
يُوَفِّقِ ٱللَّهُ بَيۡنَهُمَآۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرٗا ﴿٣٥﴾

"Kaum lelaki itu pegawal dan pemimpin kaum wanita kerana kelebihan yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian dari mereka (lelaki) melebihi sebahagian yang lain (wanita), juga kerana kaum lelaki membelanjakan harta mereka (untuk nafkah). Para isteri yang soleh ialah para isteri yang ta'at, menjaga kehormatan diri ketika ketiadaan suami dengan mematuhi peraturan Allah yang memelihara mereka dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang menunjukkan sikap kedegilan (nusyuz) hendaklah kamu nasihati mereka dan (jika masih degil) pulaulah mereka di

tempat tidur dan (jika masih degil) maka pukullah mereka. Kemudian jika mereka ta'at kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyulitkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar (34). Dan jika kamu bimbang perpecahan di antara kedua (suami isteri) maka lantikkanlah pendamai, iaitu seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua pendamai itu inginkan perdamaian nescaya Allah menserasikan hubungan di antara suami isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Amat Mendalam ilmu-Nya."(35)

وَإِنِ ٱمۡرَأَةٌ خَافَتۡ مِنۢ بَعۡلِهَا نُشُوزًا أَوۡ إِعۡرَاضًا فَلَا
جُنَاحَ عَلَيۡهِمَآ أَن يُصۡلِحَا بَيۡنَهُمَا صُلۡحًاۚ
وَٱلصُّلۡحُ خَيۡرٌۗ وَأُحۡضِرَتِ ٱلۡأَنفُسُ ٱلشُّحَّۚ وَإِن
تُحۡسِنُواْ وَتَتَّقُواْ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعۡمَلُونَ
خَبِيرًا ١٢٨
وَلَن تَسۡتَطِيعُوٓاْ أَن تَعۡدِلُواْ بَيۡنَ ٱلنِّسَآءِ وَلَوۡ حَرَصۡتُمۡۖ
فَلَا تَمِيلُواْ كُلَّ ٱلۡمَيۡلِ فَتَذَرُوهَا كَٱلۡمُعَلَّقَةِۚ
وَإِن تُصۡلِحُواْ وَتَتَّقُواْ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا
رَّحِيمًا ١٢٩
وَإِن يَتَفَرَّقَا يُغۡنِ ٱللَّهُ كُلّٗا مِّن سَعَتِهِۦۚ وَكَانَ ٱللَّهُ
وَٰسِعًا حَكِيمًا ١٣٠

"Dan jika seorang perempuan (isteri) bimbangkan layanan yang buruk (nusyuz) dari suami atau bimbangkan ketidak peduliannya maka tidaklah menjadi apa kesalahan kepada keduanya membuat (syarat-syarat) perdamaian di antara mereka berdua kerana perdamaian itu lebih baik, dan sememangnya tabi'at tamak dan kedekut itu telah diwujudkan di dalam jiwa manusia. Dan jika kamu berbuat baik dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah Amat Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (128). Dan kamu tidak akan berupaya berlaku 'adil di antara isteri-isteri kamu walaupun kamu bersungguh-sungguh hendak berbuat begitu. Oleh itu janganlah kamu cenderung kepada (isteri kesayangan) dengan sepenuh kecenderungan kamu hingga kamu membiarkan isteri yang lain dalam keadaan tergantung-gantung dan jika kamu memperbaiki keadaan itu dan bertaqwa kepada Allah, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (129). Dan Jika kedua-duanya bercerai, maka Allah akan cukupkan keperluan masing-masing dengan limpah kurnia-Nya yang luas dan Allah itu Maha Luas Limpah Kurnia-Nya dan Maha Bijaksana."(130)

Mengatur Pengagihan Pusaka

Dan di dalam urusan mengaturkan hubungan-hubungan pusaka dan dasar takaful di antara anak buah sesuatu keluarga dan di antara maula dan wali-wali yang telah mengadakan perjanjian sebelum turunnya peraturan-peraturan keturunan dan pemansukhan sistem anak angkat, maka Allah telah menurunkan dasar-dasar am dan peraturan-peraturan yang tetap dalam ayat-ayat yang berikut yang mempunyai matlamat-matlamat yang jauh:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٞ مِّمَّا تَرَكَ ٱلۡوَٰلِدَانِ وَٱلۡأَقۡرَبُونَ وَلِلنِّسَآءِ
نَصِيبٞ مِّمَّا تَرَكَ ٱلۡوَٰلِدَانِ وَٱلۡأَقۡرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنۡهُ
أَوۡ كَثُرَۚ نَصِيبٗا مَّفۡرُوضٗا ٧

"Orang-orang lelaki mempunyai bahagian pusaka dari harta peninggalan dua ibu bapa dan kerabat-kerabat dan orang-orang perempuan juga mempunyai bahagian pusaka dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabat-kerabat sama ada sedikit atau banyak sebagai bahagian yang telah ditentukan Allah."(7)

يُوصِيكُمُ ٱللَّهُ فِيٓ أَوۡلَٰدِكُمۡۖ لِلذَّكَرِ مِثۡلُ حَظِّ
ٱلۡأُنثَيَيۡنِۚ فَإِن كُنَّ نِسَآءٗ فَوۡقَ ٱثۡنَتَيۡنِ فَلَهُنَّ
ثُلُثَا مَا تَرَكَۖ وَإِن كَانَتۡ وَٰحِدَةٗ فَلَهَا ٱلنِّصۡفُۚ
وَلِأَبَوَيۡهِ لِكُلِّ وَٰحِدٖ مِّنۡهُمَا ٱلسُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن
كَانَ لَهُۥ وَلَدٞۚ فَإِن لَّمۡ يَكُن لَّهُۥ وَلَدٞ وَوَرِثَهُۥٓ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ
ٱلثُّلُثُۚ فَإِن كَانَ لَهُۥٓ إِخۡوَةٞ فَلِأُمِّهِ ٱلسُّدُسُۚ مِنۢ
بَعۡدِ وَصِيَّةٖ يُوصِي بِهَآ أَوۡ دَيۡنٍۗ ءَابَآؤُكُمۡ وَأَبۡنَآؤُكُمۡ
لَا تَدۡرُونَ أَيُّهُمۡ أَقۡرَبُ لَكُمۡ نَفۡعٗاۚ فَرِيضَةٗ مِّنَ
ٱللَّهِۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمٗا ١١
وَلَكُمۡ نِصۡفُ مَا تَرَكَ أَزۡوَٰجُكُمۡ إِن لَّمۡ
يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٞۚ فَإِن كَانَ لَهُنَّ وَلَدٞ فَلَكُمُ
ٱلرُّبُعُ مِمَّا تَرَكۡنَۚ مِنۢ بَعۡدِ وَصِيَّةٖ يُوصِينَ
بِهَآ أَوۡ دَيۡنٖۚ وَلَهُنَّ ٱلرُّبُعُ مِمَّا تَرَكۡتُمۡ إِن
لَّمۡ يَكُن لَّكُمۡ وَلَدٞۚ فَإِن كَانَ لَكُمۡ
وَلَدٞ فَلَهُنَّ ٱلثُّمُنُ مِمَّا تَرَكۡتُمۚ مِّنۢ بَعۡدِ وَصِيَّةٖ
تُوصُونَ بِهَآ أَوۡ دَيۡنٖۗ وَإِن كَانَ رَجُلٞ يُورَثُ
كَلَٰلَةً أَوِ ٱمۡرَأَةٞ وَلَهُۥٓ أَخٌ أَوۡ أُخۡتٞ فَلِكُلِّ وَٰحِدٖ

مِّنْهُمَا ٱلسُّدُسُ ۚ فَإِن كَانُوٓا۟ أَكْثَرَ مِن ذَٰلِكَ
فَهُمْ شُرَكَآءُ فِى ٱلثُّلُثِ ۚ مِنۢ بَعْدِ وَصِيَّةٍ
يُوصَىٰ بِهَآ أَوْ دَيْنٍ غَيْرَ مُضَآرٍّ ۚ وَصِيَّةً
مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٢﴾

"Allah memerintah kamu (dalam pembahagian pusaka) kepada anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki kamu menyamai bahagian dua orang anak perempuan, dan jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah separuh harta itu dan bagi ibu bapa si mati ialah tiap-tiap seorang dari keduanya mendapat seperenam dari harta peninggalan si mati jika si mati mempunyai anak, tetapi jika si mati itu tidak mempunyai anak dan yang mewarisinya hanya dua ibu bapanya sahaja, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Jika si mati itu mempunyai beberapa orang adik-beradik, maka bahagian ibunya ialah satu perenam setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan olehnya dan setelah dibayar hutang-hutangnya. Mengenai bapa-bapa kamu dan anak-anak kamu, maka sebenarnya kamu tidak mengetahui siapakah di antara mereka yang lebih dekat manfa'atnya kepada kamu. (Itulah) ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (11). Dan bagi kamu separuh dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak, tetapi jika mereka mempunyai anak, maka kamu mendapat satu perempat dari harta yang ditinggalkan mereka setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan mereka atau sesudah dibayar hutang-hutang mereka. Dan bagi mereka (isteri-isteri kamu) satu perempat dari harta yang ditinggalkan kamu jika kamu tidak mempunyai anak, tetapi jika kamu mempunyai anak, maka mereka mendapat satu perlapan dari harta yang ditinggalkan kamu setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh kamu atau sesudah dibayarkan hutang-hutang kamu dan jika si mati lelaki atau si mati perempuan yang diwarisi itu seorang kalalah (tidak meninggalkan anak atau bapa) tetapi mempunyai saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu), maka setiap orang dari keduanya mendapat satu perenam, tetapi jika mereka lebih dari seorang, maka mereka berkongsi pada satu pertiga setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati atau setelah dibayar hutang-hutangnya dan hendaklah wasiat itu tidak mendatangkan mudharat (kepada para waris). (Itulah) ketetapan dari Allah dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Sabar."(12)

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ ٱللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِى ٱلْكَلَٰلَةِ ۚ إِنِ ٱمْرُؤٌا۟
هَلَكَ لَيْسَ لَهُۥ وَلَدٌ وَلَهُۥٓ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ ۚ
وَهُوَ يَرِثُهَآ إِن لَّمْ يَكُن لَّهَا وَلَدٌ ۚ فَإِن كَانَتَا ٱثْنَتَيْنِ
فَلَهُمَا ٱلثُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ ۚ وَإِن كَانُوٓا۟ إِخْوَةً رِّجَالًا
وَنِسَآءً فَلِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ ٱلْأُنثَيَيْنِ ۗ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ
لَكُمْ أَن تَضِلُّوا۟ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌۢ ﴿١٧٦﴾

"Mereka meminta fatwa darimu katakanlah: Allah memberi fatwa kepada kamu tentang kalalah, iaitu jika seseorang mati tidak meninggalkan anak dan ia mempunyai saudara perempuan (seibu sebapa), maka ia mendapat separuh dari harta yang ditinggalkan oleh si mati dan dia (saudara lelaki) pula mewarisi semua harta saudara perempuannya jika saudara perempuannya itu tidak mempunyai anak. Dan jika saudara perempuan itu dua orang maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati dan jika saudara perempuan itu ramai lelaki dan perempuan, maka bahagian setiap lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat dan Allah Maha Mengetahui terhadap segala sesuatu."(176)

وَلِكُلٍّ جَعَلْنَا مَوَٰلِىَ مِمَّا تَرَكَ ٱلْوَٰلِدَانِ
وَٱلْأَقْرَبُونَ ۚ وَٱلَّذِينَ عَقَدَتْ أَيْمَٰنُكُمْ
فَـَٔاتُوهُمْ نَصِيبَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ شَهِيدًا ﴿٣٣﴾

"Dan bagi setiap (si mati) Kami telah tetapkan orang-orang yang berhak mewarisi harta peninggalanya, iaitu ibu bapa dan kerabat yang dekat. Dan orang-orang yang kamu telah berikat setia dengan mereka, maka berikanlah kepada mereka bahagian mereka. Sesungguhnya Allah amat menyaksi terhadap segala sesuatu."(33)

Untuk melindungi masyarakat dari perbuatan zina yang keji dan untuk mewujudkan punca-punca pemeliharaan dan penjagaan kesucian diri, kita dapati Al-Qur'an mengemukakan peraturan-peraturan berikut:

Melindungi Masyarakat Dari Kejahatan Seksual

وَٱلَّٰتِى يَأْتِينَ ٱلْفَٰحِشَةَ مِن نِّسَآئِكُمْ فَٱسْتَشْهِدُوا۟
عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِّنكُمْ ۖ فَإِن شَهِدُوا۟ فَأَمْسِكُوهُنَّ
فِى ٱلْبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّىٰهُنَّ ٱلْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ
ٱللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا ﴿١٥﴾
وَٱلَّذَانِ يَأْتِيَٰنِهَا مِنكُمْ فَـَٔاذُوهُمَا ۖ فَإِن تَابَا
وَأَصْلَحَا فَأَعْرِضُوا۟ عَنْهُمَآ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
تَوَّابًا رَّحِيمًا ﴿١٦﴾

"Dan sesiapa yang melakukan perbuatan yang keji (zina) di antara perempuan-perempuan kamu, maka adakanlah empat orang saksi lelaki dari kalangan kamu yang menyaksikan perbuatan mereka. Kemudian jika mereka memberi kesaksian mereka, maka penjarakanlah mereka di

rumah sehingga mereka menemui maut atau sehingga Allah memberi jalan yang lain kepada mereka (15). Dan mana-mana pasangan dari kamu yang melakukan perbuatan yang keji itu, maka hukumkanlah kedua-duanya. Kemudian jika kedua-duanya bertaubat dan membetulkan diri mereka, maka biarkanlah mereka. Sesungguhnya Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih."(16)

وَمَن لَّمْ يَسْتَطِعْ مِنكُمْ طَوْلًا أَن يَنكِحَ
ٱلْمُحْصَنَٰتِ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ فَمِن مَّا مَلَكَتْ
أَيْمَٰنُكُم مِّن فَتَيَٰتِكُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ ۚ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ
بِإِيمَٰنِكُم ۚ بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ ۚ فَٱنكِحُوهُنَّ
بِإِذْنِ أَهْلِهِنَّ وَءَاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ
مُحْصَنَٰتٍ غَيْرَ مُسَٰفِحَٰتٍ وَلَا مُتَّخِذَٰتِ أَخْدَانٍ ۚ
فَإِذَآ أُحْصِنَّ فَإِنْ أَتَيْنَ بِفَٰحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ نِصْفُ
مَا عَلَى ٱلْمُحْصَنَٰتِ مِنَ ٱلْعَذَابِ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِىَ
ٱلْعَنَتَ مِنكُمْ ۚ وَأَن تَصْبِرُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۗ وَٱللَّهُ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٥﴾
يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُبَيِّنَ لَكُمْ وَيَهْدِيَكُمْ سُنَنَ
ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ وَيَتُوبَ عَلَيْكُمْ ۗ وَٱللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٢٦﴾

"Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan yang merdeka, maka bolehlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan hamba yang beriman yang dimiliki kamu dan Allah amat mengetahui tentang keimanan kamu. Sebahagian kamu adalah berasal-usul dari sebahagian yang lain (yang merdeka dan yang hamba adalah sama sahaja dari segi keturunan dan keimanan). Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin keluarga mereka (wali) dan berikanlah kepada mereka maskahwin mereka mengikut kadar yang wajar. Mereka hendaklah dari perempuan-perempuan yang baik bukannya penzina-penzina dan bukannya perempuan-perempuan yang menyimpan teman lelaki. Kemudian apabila mereka telah dikahwinkan lalu melakukan perbuatan yang keji (zina) maka hendaklah dikenakan ke atas mereka separuh hukuman seksa yang dikenakan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka. Hukum perkahwinan dengan hamba itu adalah untuk mereka yang bimbang menghadapi kesulitan di antara kamu. Dan kemampuan kamu bersabar (dari berkahwin dengan hamba) adalah lebih baik kepada kamu dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (25). Allah mahu menjelaskan hukuman-hukuman-Nya kepada kamu dan menunjukkan kepada kamu peraturan-peraturan yang baik yang diikuti oleh orang-orang Mu'min sebelum kamu serta menerima taubat kamu dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(26)

Meletakkan Dasar Takaful

Untuk mengatur hubungan-hubungan di antara seluruh individu masyarakat Islam dan menegakkannya di atas dasar takaful, saling bersimpati, saling bersikap jujur, amanah, 'adil, toleransi, kasih mesra dan saling berbakti, maka Al-Qur'an mengemukakan berbagai-bagai bimbingan dan peraturan di samping bimbingan-bimbingan dan peraturan-peraturan yang telah dijelaskan sebelum ini. Sebagai contoh kami hanya sebutkan beberapa bimbingan dan peraturan itu sahaja tanpa memperincikannya kerana semuanya akan dibicarakan dengan panjang lebar pada tempat masing-masing di dalam surah ini:

وَلَا تُؤْتُوا۟ ٱلسُّفَهَآءَ أَمْوَٰلَكُمُ ٱلَّتِى جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ قِيَٰمًا
وَٱرْزُقُوهُمْ فِيهَا وَٱكْسُوهُمْ وَقُولُوا۟ لَهُمْ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٥﴾

"Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akal harta-harta mereka yang di bawah jagaan kamu, yang Allah telah jadikannya sebagai asas kehidupan kamu dan berikanlah kepada mereka perbelanjaan dan pakaian dari hasil pendapatan harta itu dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik."(5)

وَإِذَا حَضَرَ ٱلْقِسْمَةَ أُو۟لُوا۟ ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ
وَٱلْمَسَٰكِينُ فَٱرْزُقُوهُم مِّنْهُ وَقُولُوا۟ لَهُمْ قَوْلًا
مَّعْرُوفًا ﴿٨﴾

"Dan apabila pembahagian pusaka itu dihadiri oleh kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), anak-anak yatim dan orang-orang miskin, maka berikanlah kepada mereka sedikit dari harta itu dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik."(8)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم
بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٍ
مِّنكُمْ ۚ وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾
وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ عُدْوَٰنًا وَظُلْمًا فَسَوْفَ نُصْلِيهِ نَارًا ۚ
وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu makan harta kamu di antara sesama kamu dengan jalan yang salah kecuali dengan perantaraan perniagaan yang dilakukan dengan cara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih terhadap kamu (29). Dan sesiapa yang melakukan perbuatan itu secara menceroboh dan zalim, maka akan dimasukkannya ke dalam Neraka dan balasan itu amat mudah kepada Allah."(30)

وَلَا تَتَمَنَّوْا۟ مَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بِهِۦ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ
لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا ٱكْتَسَبُوا۟ ۖ وَلِلنِّسَآءِ نَصِيبٌ
مِّمَّا ٱكْتَسَبْنَ ۚ وَسْـَٔلُوا۟ ٱللَّهَ مِن فَضْلِهِۦٓ ۗ إِنَّ
ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾

"Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu melebihi kurnia-Nya kepada sebahagian yang lain. Kaum lelaki mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka dan kaum perempuan juga mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka. Dan pohonkanlah kepada Allah limpah kurnia-Nya dan sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(32)

وَٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا ۖ
وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا وَبِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ
وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْجَارِ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْجَارِ ٱلْجُنُبِ
وَٱلصَّاحِبِ بِٱلْجَنۢبِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ
أَيْمَٰنُكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾
ٱلَّذِينَ يَبْخَلُونَ وَيَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبُخْلِ
وَيَكْتُمُونَ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ
وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿٣٧﴾
وَٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ رِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَلَا
يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۗ وَمَن يَكُنِ ٱلشَّيْطَٰنُ
لَهُۥ قَرِينًا فَسَآءَ قَرِينًا ﴿٣٨﴾

"Dan hendaklah kamu sembahkan Allah dan janganlah kamu mempersekutui-Nya dengan sesuatu apa pun dan hendaklah kamu berbuat baik kepada dua ibubapa, kaum kerabat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, perantau yang terlantar dan hamba abdi yang dimiliki kamu. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri (36). Iaitu orang-orang yang bakhil dan menyuruh orang-orang lain supaya bakhil serta menyembunyikan limpah kurnia yang diberikan Allah kepada mereka dan Kami telah sediakan kepada orang-orang kafir azab yang amat menghinakan (37). Juga orang-orang yang menginfaqkan harta mereka dengan tujuan menunjuk-nunjuk kepada manusia, sedangkan mereka tidak beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan sesiapa yang mengambil syaitan sebagai kawan, maka itulah sejahat-jahat kawan."(38)

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ ٱلْأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا
حَكَمْتُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah (dan tanggungjawab) kepada orang-orang yang berhak menerimanya dan apabila kamu meng'adili di antara orang ramai, maka hendaklah kamu meng'adili mereka dengan 'adil. Sesungguhnya itulah sebaik-baik pengajaran yang diberikan kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(58)

مَّن يَشْفَعْ شَفَٰعَةً حَسَنَةً يَكُن لَّهُۥ نَصِيبٌ
مِّنْهَا ۖ وَمَن يَشْفَعْ شَفَٰعَةً سَيِّئَةً يَكُن لَّهُۥ كِفْلٌ مِّنْهَا ۗ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ مُّقِيتًا ﴿٨٥﴾
وَإِذَا حُيِّيتُم بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا۟ بِأَحْسَنَ مِنْهَآ أَوْ رُدُّوهَآ ۗ
إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

"Dan sesiapa yang memberi bantuan yang baik nescaya ia akan memperolehi habuan pahala dari-Nya dan sesiapa yang memberi bantuan yang jahat nescaya ia akan memperolehi habuan balasan dari-Nya dan Allah itu Maha Pemelihara segala sesuatu.(85) Dan apabila kamu diberi ucapan assalamualaikum, maka balaskanlah dengan ucapan yang lebih baik daripadanya atau balaskanlah dengan ucapan yang sama dengannya dan sesungguhnya Allah amat mengira terhadap segala sesuatu."(86)

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَن يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَـًٔا ۚ
وَمَن قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَـًٔا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ
وَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦٓ إِلَّآ أَن يَصَّدَّقُوا۟ ۚ
فَإِن كَانَ مِن قَوْمٍ عَدُوٍّ لَّكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ ۖ وَإِن كَانَ مِن قَوْمٍۭ
بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌ فَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَىٰٓ
أَهْلِهِۦ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ ۖ فَمَن لَّمْ يَجِدْ
فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِّنَ
ٱللَّهِ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٩٢﴾

وَمَن يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَآؤُهُۥ جَهَنَّمُ
خَٰلِدًا فِيهَا وَغَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُۥ
وَأَعَدَّ لَهُۥ عَذَابًا عَظِيمًا ﴿٩٣﴾

"Dan tidak harus seorang Mu'min membunuh seorang Mu'min yang lain kecuali tanpa sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang Mu'min yang lain tanpa sengaja, maka wajiblah ia membebaskan seorang hamba yang Mu'min serta membayar diyat (pampasan nyawa) kepada keluarganya kecuali jika mereka mensedekahkannya (memaafkannya) dan jika dia (si mati) itu dari kaum kafir yang menjadi musuh kamu, sedangkan dia sendiri seorang yang Mu'min, maka wajiblah kamu membebaskan seorang hamba yang Mu'min dan jika dia (si mati) itu dari kaum kafir yang ada ikatan perjanjian di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah kamu membayar diyat kepada keluarganya serta membebaskan seorang hamba yang Mu'min. Kemudian sesiapa yang tidak boleh mendapat hamba, maka hendaklah dia berpuasa selama dua bulan berturut-turut. Itulah penerimaan taubat dari Allah dan Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (92). Dan sesiapa yang membunuh seorang Mu'min yang lain dengan sengaja, maka balasannya ialah Neraka Jahannam yang ia akan hidup kekal abadi di dalamnya, dan Allah tetap murka dan melaknatkannya serta menyediakan azab keseksaan yang amat besar."(93)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ
لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ ٱلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ
غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَٱللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلْهَوَىٰٓ
أَن تَعْدِلُوا۟ ۚ وَإِن تَلْوُۥٓا۟ أَوْ تُعْرِضُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٣٥﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi para penegak ke'adilan dan para saksi yang benar kerana Allah walaupun terhadap diri kamu sendiri atau terhadap dua ibu bapa dan kaum kerabat. Jika yang terdakwa itu kaya atau miskin, maka Allah lebih mengetahui hal keduanya. Oleh itu janganlah kamu mengikut hawa nafsu untuk tidak berlaku 'adil. Jika kamu memutarbelitkan keterangan atau enggan (memberi keterangan yang benar) maka sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(135)

لَّا يُحِبُّ ٱللَّهُ ٱلْجَهْرَ بِٱلسُّوٓءِ مِنَ ٱلْقَوْلِ إِلَّا مَن ظُلِمَ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿١٤٨﴾

إِن تُبْدُوا۟ خَيْرًا أَوْ تُخْفُوهُ أَوْ تَعْفُوا۟ عَن سُوٓءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ عَفُوًّا قَدِيرًا ﴿١٤٩﴾

"Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan terang-terang kecuali oleh orang yang dianiayai dan Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (148). Jika kamu melahirkan sesuatu kebaikan atau menyembunyikannya atau kamu memaafkan sesuatu kesalahan, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Kuasa."(149)

* * * * * *

Penentuan Makna Agama, Definisi Keimanan Dan Syarat Keislaman Merupakan Satu Matlamat Penting

Di samping matlamat agung dalam usaha untuk mengaturkan masyarakat Islam di atas asas-asas takaful, saling bersimpati, saling tegur-menegur, saling bertolak-ansur, amanah, kejujuran, ke'adilan, kemesraan dan kebersihan hati, iaitu dengan menghapuskan keladak-keladak jahiliyah yang masih ada saki-bakinya serta mewujud dan menegakkan sifat-sifat yang baru dan gemilang......... di sana kita dapati satu matlamat yang lain yang tidak kurang penting dan mendalam kesannya di dalam kehidupan masyarakat Islam jika ia tidak dikira sebagai landasan matlamat yang pertama - iaitu penentuan makna agama, definasi keimanan, syarat keislaman dan mengikatkan seluruh peraturan dan undang-undang yang menguasai kehidupan individu dan kehidupan masyarakat dengan makna agama, ta'rif keimanan dan keislaman yang telah ditentukan itu.

Agama ialah peraturan yang telah ditetapkan Allah bagi kehidupan manusia seluruhnya. Agama ialah sistem yang mengatur seluruh kegiatan hidup dan hanya Allah sahaja yang berhak mengadakan peraturan dan sistem ini tanpa disekutui sesiapa pun. Agama ialah kepatuhan dan keta'atan kepada kepimpinan Rabbani, iaitu satu-satunya kepimpinan yang berhak dipatuhi dan dita'ati, dan satu-satunya sumber untuk menerima perintah dan arahan dan satu-satunya kepimpinan untuk diserahkan diri. Oleh itu masyarakat Islam ialah masyarakat yang mempunyai kepimpinan yang khusus di samping mempunyai 'aqidah dan tanggapan yang khusus, iaitu kepimpinan Rabbani yang dilambangkan oleh kepimpinan Rasulullah s.a.w. dan segala peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah disampaikan oleh beliau dan kekal selepas kewafatannya. Kepatuhan masyarakat Islam kepada kepimpinan Rabbani inilah yang memberikan sifat Islam kepadanya dan melayakkannya untuk digelarkan "Masyarakat Islam". Tanpa kepatuhan yang mutlak ini ia tidak mungkin menjadi masyarkat Islam yang sebenar, kerana syarat kepatuhan itu ialah kesanggupan berhakimkan kepada Allah dan Rasul, memulangkan segala urusan kepada Allah dan redha terhadap keputusan dan pelaksanaan Rasul-Nya dan menerimanya dengan penyerahan yang bulat kepada-Nya.

Untuk menjelaskan hakikat dan dasar utama ini ayat-ayat surah ini telah mengemukakan penerangan-penerangan yang amat tegas yang tidak boleh dipertikai, dikeliru, disadur dan dipalsukan lagi, kerana penerangan-penerangan itu begitu kuat, jelas dan tegas dan sama sekali tidak memberi ruang untuk menerima sebarang pertikaian.

Penjelasan dasar asasi ini telah dibuat melalui berbagai-bagai ayat yang terang di dalam surah ini dan akan dihuraikan secara terperinci di tempatnya masing-masing dan di sini cukuplah kita menyebutnya secara umum sahaja.

Ia dijelaskan secara umum di dalam ayat pembukaan surah ini.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari jiwa yang satu (Adam)."(1)

Dan dalam ayat-ayat seperti ini:

وَٱعْبُدُواْ ٱللَّهَ وَلَا تُشْرِكُواْ بِهِۦ شَيْـًٔا

"Dan hendaklah kamu sembah Allah dan janganlah kamu mempersekutui-Nya dengan sesuatu apa pun."(36)

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa mensyirikkan-Nya, dan Dia bersedia mengampunkan dosa yang lain dari itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya"(48)

Ia dijelas secara khusus dan tegas dalam firman-Nya yang seperti ayat yang berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ فَإِن تَنَٰزَعْتُمْ فِى شَىْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ ءَامَنُواْ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَن يَتَحَاكَمُوٓاْ إِلَى ٱلطَّٰغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوٓاْ أَن يَكْفُرُواْ بِهِۦ وَيُرِيدُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُضِلَّهُمْ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿٦٠﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْاْ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ رَأَيْتَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يَصُدُّونَ عَنكَ صُدُودًا ﴿٦١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atlah kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul dan pemerintah-pemerintah kamu, kemudian jika kamu bertentangan pendapat mengenai sesuatu perkara maka rujukkannya kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (sunnahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Tindakan itu adalah lebih baik untuk kamu dan lebih elok akibatnya (59). Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada apa yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada apa yang telah diturunkannya sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan Taghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya. Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh (60). Apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu mematuhi apa yang telah diturunkan Allah dan apa yang telah diputuskan Rasul nescaya engkau dapati orang-orang Munafiqin menghalangi orang lain dengan sekuatnya dari mengikuti engkau."(61)

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ

"Dan Kami tidak utuskan seseorang Rasul melainkan supaya dita'ati dengan izin Allah."(64)

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُواْ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

"Oleh itu demi Tuhanmu, mereka tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka, kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerima dengan sepenuh kerelaan."(65)

مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ ٱللَّهَ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿٨٠﴾

"Sesiapa yang menta'ati Rasul, maka sesungguhnya bererti ia telah menta'ati Allah dan sesiapa yang berpaling (dari keta'atan), maka bukanlah tujuan Kami mengutuskan engkau supaya menjadi pengawas ke atas mereka."(80)

وَمَن يُشَاقِقِ ٱلرَّسُولَ مِنۢ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ ٱلْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ ٱلْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِۦ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصْلِهِۦ جَهَنَّمَ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾

"Dan sesiapa yang menentang Rasul setelah jelas petunjuk Allah kepadanya dan ia mengikuti jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, nescaya Kami biarkannya menguasai kesesatan yang dipilih olehnya dan Kami akan masukkannya ke dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(115)

Demikianlah digariskan dengan jelas makna agama, ta'rif keimanan, syarat keislaman, peraturan masyarakat Islam dan sistem hidupnya. Demikianlah keimanan itu tidak lagi berupa semata-mata

perasaan-perasaan dan kefahaman-kefahaman dan keislaman itu tidak lagi berupa semata-mata kata-kata dan lambang-lambang dan tidak pula berupa semata-mata upacara-upacara ibadat dan sembahyang-sembahyang, malah di samping ini dan sebelum semuanya ini ia adalah sebuah peraturan yang memerintah dan sebuah sistem yang mengawal dan mengendalikan kehidupan manusia. Ia adalah satu kepimpinan yang pasti dita'ati dan satu kedudukan yang berlandaskan peraturan-peraturan yang tertentu. Ia adalah sebuah sistem hidup yang khusus dan satu kepimpinan yang tertentu. Tanpa semuanya ini di sana tidak ada keimanan yang sebenar, tidak ada keislaman yang sebenar dan tidak ada masyarakat yang berhak menamakan dirinya sebagai masyarakat Islam.

* * * * * *

Pengakuan terhadap dasar asasi ini melahirkan berbagai-bagai arahan di dalam surah ini dan semua arahan itu merupakan cabangan-cabangan dari dasar yang agung itu:

Seluruh Peraturan Sosial Pasti Diselaraskan Dengan Kehendak Keimanan

1) Hasil dari pengakuan itu ialah semua peraturan sosial di dalam masyarakat - sama dengan syi'ar-syi'ar ibadat - adalah berlandaskan kepada dasar yang agung itu belaka, iaitu berlandaskan kepada makna agama, kepada ta'rif keimanan, kepada syarat keislaman mengikut sebagaimana contoh-contoh yang telah Kami jelaskan sebelum ini. Oleh itu peraturan-peraturan sosial itu bukanlah hanya semata-mata bersifat peraturan-peraturan dan undang-undang sahaja, malah pastilah sekali dengan kehendak keimanan kepada Allah, sekali dengan kehendak pengi'tirafan terhadap Uluhiyah-Nya Yang Maha Esa dan sekali dengan kehendak kepastian menerima segala perintah dan arahan dan kepimpinan yang telah ditetapkan oleh Al-Qur'an. Oleh sebab itulah kita melihat segala undang-undang dan peraturan yang telah kita sebutkan itu adalah bergantung kepada sumber kepimpinan ini, di mana Al-Qur'an menggariskan nas yang amat jelas terhadap hakikat ini di akhir-akhir penerangannya.

Ayat pembukaan yang menjelaskan persamaan dan kesatuan umat manusia dan menyeru manusia supaya memelihara hubungan rahim dan menyediakan tapak permulaan bagi semua peraturan-peraturan yang dijelaskan kemudiannya di dalam surah ini adalah memulakan seruannya ke arah bertaqwa kepada Allah yang telah menciptakan mereka dari jiwa yang satu (Adam):

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِي خَلَقَكُم مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari jiwa yang satu (Adam)"(1)

dan mengakhiri seruan-Nya ke arah bertaqwa kepada-Nya juga di samping mengingatkan mereka kehadiran pengawasan Allah terhadap segala gerak-geri mereka:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيۡكُمۡ رَقِيبٗا ﴿١﴾

"Sesungguhnya Allah sentiasa mengawasi kamu."(1)

Ayat-ayat yang menggalakkan ke arah menjaga harta anak-anak yatim dan menjelaskan cara-cara mengendali dan menguruskan harta mereka diakhiri dengan peringatan terhadap Allah dan hisab-Nya:

وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبٗا ﴿٦﴾

"Dan cukuplah Allah menjadi Pengira Yang Maha Halus."(6)

Pengagihan bahagian-bahagian pusaka di kalangan keluarga dijelaskan sebagai perintah dari Allah:

يُوصِيكُمُ ٱللَّهُ فِيٓ أَوۡلَٰدِكُمۡۖ

"Allah memerintah kamu (dalam pembahagian pusaka) kepada anak-anak kamu."(11)

فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ

"(Itulah) ketetapan dari Allah."(11)

dan penyusunan undang-undang pusaka diakhiri dengan ulasan ini:

تِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِۚ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ يُدۡخِلۡهُ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ وَذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴿١٣﴾
وَمَن يَعۡصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُۥ يُدۡخِلۡهُ نَارًا خَٰلِدٗا فِيهَا وَلَهُۥ عَذَابٞ مُّهِينٞ ﴿١٤﴾

"Itulah batas-batas hukum Allah dan sesiapa yang menta'ati Allah dan Rasul-Nya nescaya Allah masukkannya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka hidup kekal abadi di dalamnya dan itulah kejayaan yang amat besar (13). Dan sesiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya dan melanggar batas-batas hukum-Nya yang telah ditentukan-Nya nescaya Allah masukkannya ke dalam Neraka dan kekal hidup abadi di dalamnya, dan ia mendapat azab yang amat menghinakan"(14)

Dalam undang-undang keluarga, peraturan maskahwin, talak dan sebagainya diiringi dengan ulasan-ulasan yang seperti berikut:

وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ فَإِن كَرِهۡتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَيَجۡعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيۡرٗا كَثِيرٗا ﴿١٩﴾

"Dan bergaullah dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan pergaulan yang baik. Kemudian jika kamu bencikan mereka (maka sabarlah kerana) boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedangkan Allah akan jadikan padanya kebajikan yang banyak."(19)

وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ

"Juga diharamkan kepada kamu - berkahwin dengan - perempuan-perempuan isteri orang lain kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki kamu (inilah) ketetapan Allah ke atas kamu."(24)

يُرِيدُ اللَّهُ لِيُبَيِّنَ لَكُمْ وَيَهْدِيَكُمْ سُنَنَ الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ وَيَتُوبَ عَلَيْكُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٢٦﴾

"Allah mahu menjelaskan hukuman-hukuman-Nya kepada kamu dan menunjukkan kepada kamu peraturan-peraturan yang baik yang diikuti oleh orang-orang Mu'min sebelum kamu serta menerima taubat kamu dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(26)

فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

"Kemudian jika mereka ta'at kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyulitkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar."(34)

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا

"Dan hendaklah kamu sembahkan Allah dan janganlah kamu mempersekutui-Nya dengan sesuatu apa pun."(36)

Perintah ini mendahului perintah yang menyuruh berbuat baik kepada dua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin hingga akhirnya.

Demikianlah seluruh peraturan dan undang-undang itu dihubungkan kepada Allah dan diambil dari syari'at-Nya dan seluruh urusan dirujukkan kepada pucuk pimpinan Ilahi yang wajib dita'ati dan dipatuhi.

Seluruh Kesetiaan Dan Keta'atan Hendaklah Ditumpukan Kepada Pucuk Pimpinan

2) Hasil dari pengakuan terhadap dasar yang agung itu ialah kesetiaan dan keta'atan para Mu'minin hendaklah dicurahkan kepada pucuk pimpinan mereka dan kepada para ahli kelompok Mu'min. Mereka tidak boleh mengadakan hubungan setiakawan dengan sesiapa sahaja yang tidak beriman seperti mereka, tidak mengikut sistem hidup mereka, tidak tunduk kepada peraturan-peraturan mereka dan tidak menerima arahan dan bimbingan dari pucuk pimpinan mereka biar bagaimana rapat hubungan mereka dengan orang itu sama ada hubungan dari segi kerabat atau dari segi bangsa atau negeri-negeri atau dari segi kepentingan. Jika mereka berbuat demikian, maka itulah perbuatan yang membawa kepada syirik atau nifaq dan itulah perbuatan keluar dari barisan Muslimin:

وَمَن يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِن بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ ۖ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَاءُ ۚ وَمَن يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١١٦﴾

"Dan sesiapa yang menentang Rasul setelah jelas petunjuk Allah kepadanya dan ia mengikuti jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, nescaya Kami biarkannya menguasai kesesatan yang dipilih olehnya dan Kami akan masukkannya ke dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (115). Sesungguhnya Allah tidak mengampunkan kesalahan mempersekutukan-Nya dan Dia bersedia mengampunkan kesalahan yang lain dari itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekutui Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat dalam kesesatan yang amat jauh."(116)

بَشِّرِ الْمُنَافِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣٨﴾

الَّذِينَ يَتَّخِذُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ الْمُؤْمِنِينَ ۚ أَيَبْتَغُونَ عِندَهُمُ الْعِزَّةَ فَإِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا ﴿١٣٩﴾

"Sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang Munafiqin bahawa mereka akan memperolehi azab yang amat pedih (138). Iaitu orang-orang yang memilih orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia mereka bukannya memilih orang-orang yang beriman. Apakah mereka mahu mencari kekuatan pada orang-orang kafir? Kerana sesungguhnya kekuatan itu adalah semuanya milik Allah belaka."(139)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ الْمُؤْمِنِينَ ۚ أَتُرِيدُونَ أَن تَجْعَلُوا لِلَّهِ عَلَيْكُمْ سُلْطَانًا مُّبِينًا ﴿١٤٤﴾

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرْكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ وَلَن تَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا ﴿١٤٥﴾

إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ وَأَصْلَحُوا۟ وَٱعْتَصَمُوا۟ بِٱللَّهِ
وَأَخْلَصُوا۟ دِينَهُمْ لِلَّهِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَعَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ
وَسَوْفَ يُؤْتِ ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٤٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memilih orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia selain dari orang-orang yang beriman. Apakah kamu ingin memberi kepada Allah suatu alasan yang amat terang terhadap kesalahan kamu? (144) Sesungguhnya orang-orang Munafiqin itu ditempatkan pada tingkatan Neraka yang paling bawah dan engkau tidak akan mendapat seorang penolong pun bagi mereka (145). Kecuali mereka yang bertaubat, membaiki diri, berpegang teguh kepada Allah dan mengikhlaskan keta'atan mereka kepada Allah. Merekalah orang-orang yang bersama-sama dengan orang-orang yang beriman dan Allah akan mengurniakan kepada orang-orang yang beriman pahala yang amat besar."(146)

Kewajipan Berhijrah Dari Negeri Harbi

3) Hasil dari pengakuan itu ialah orang-orang yang beriman wajib berhijrah dari negeri Harbi (Darul-Harb), iaitu setiap negeri yang tidak ditegakkan syari'at Islam dan tidak tunduk kepada kepimpinan Islam supaya mereka dapat bergabung dengan masyarakat Muslimin setelah ia ditegakkan di bumi ini dan mempunyai kepimpinan dan kuasa dan supaya mereka dapat berteduh di bawah panji-panji kepimpinan Islam dan tidak tunduk kepada panji-panji kekufuran, iaitu setiap panji-panji yang lain dari panji-panji Islam. Andainya mereka tidak bertindak begitu, maka itulah satu perbuatan nifaq atau kufur, iaitu perbuatan keluar dari barisan Muslimin:

فَمَا لَكُمْ فِى ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِئَتَيْنِ وَٱللَّهُ أَرْكَسَهُم بِمَا
كَسَبُوٓا۟ ۚ أَتُرِيدُونَ أَن تَهْدُوا۟ مَنْ أَضَلَّ ٱللَّهُ ۖ وَمَن
يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿٨٨﴾

وَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ كَمَا كَفَرُوا۟ فَتَكُونُونَ سَوَآءً ۖ فَلَا تَتَّخِذُوا۟
مِنْهُمْ أَوْلِيَآءَ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن
تَوَلَّوْا۟ فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ ۖ وَلَا
تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٨٩﴾

"Mengapa kamu berpecah kepada dua golongan dalam menghadapi orang-orang Munafiqin, sedangkan Allah telah menjatuhkan mereka ke dalam kekafiran dengan sebab perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka? Apakah kamu mahu memberi petunjuk kepada mereka yang telah disesatkan Allah dan sesiapa yang telah disesatkan Allah, nescaya engkau tidak akan mendapat sebarang jalan untuk menunjukkannya (88). Dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir sebagaimana mereka telah menjadi kafir agar kamu sama dengan mereka. Oleh itu janganlah kamu memilih sahabat-sahabat setia dari golongan mereka sehingga mereka berhijrah di jalan Allah. Kemudian jika mereka berpaling maka tangkaplah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka dan jangan sekali-kali memilih sahabat setia dan penolong dari golongan mereka walau seorang pun."(89)

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِىٓ أَنفُسِهِمْ قَالُوا۟ فِيمَ
كُنتُمْ ۖ قَالُوا۟ كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ قَالُوٓا۟ أَلَمْ تَكُنْ
أَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةً فَتُهَاجِرُوا۟ فِيهَا ۚ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ
وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾

إِلَّا ٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ
لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا ﴿٩٨﴾

فَأُو۟لَٰٓئِكَ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَعْفُوَ عَنْهُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٩٩﴾

وَمَن يُهَاجِرْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ يَجِدْ فِى ٱلْأَرْضِ مُرَٰغَمًا كَثِيرًا
وَسَعَةً ۚ وَمَن يَخْرُجْ مِنۢ بَيْتِهِۦ مُهَاجِرًا إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ
ثُمَّ يُدْرِكْهُ ٱلْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُۥ عَلَى ٱللَّهِ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿١٠٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang diwafatkan oleh malaikat dalam keadaan menganiayai diri sendiri telah ditanya oleh malaikat-malaikat itu: Bagaimana keadaan kamu? Jawab mereka: Kami adalah golongan yang tertindas di negeri ini (Makkah). Ujar malaikat: Bukankah bumi Allah itu begitu luas hingga membolehkan kamu berhijrah ke sana? Orang-orang yang seperti itu tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kembali (97). Kecuali orang-orang yang benar-benar tertindas dari kaum lelaki, perempuan-perempuan dan kanak-kanak yang tidak mempunyai daya upaya dan tidak mengetahui jalan untuk berhijrah (98). Maka orang-orang yang seperti itu adalah diharap semoga Allah memaafkan mereka dan Allah Maha Pemaaf dan Maha Pengampun (99). Dan sesiapa yang berhijrah kerana jalan Allah akan dapati di bumi ini banyak tempat-tempat yang mewah dan makmur dan sesiapa yang keluar dari rumahnya kerana berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya kemudian ia disambar maut, maka pahala balasannya telah disanggupi Allah dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(100)

Kewajipan Menyelamatkan Kaum Muslimin Yang Tertindas

4) Hasil dari pengakuan itu ialah orang-orang Islam harus berjuang untuk menyelamatkan saudara-saudara mereka dari kaum Muslimin yang lemah dan tertindas, yang tidak berupaya untuk berhijrah dari negeri Harbi (Darul-Harb) dan melarikan diri dari panji-panji kekufuran untuk bergabung dengan kelompok Muslimin di negeri-negeri Islam supaya mereka tidak lagi ditindas kerana agama mereka dan tidak lagi

berteduh di bawah mana-mana panji yang bukan panji-panji Islam dan tunduk kepada satu sistem hidup yang bukan dari sistem hidup Islam dan seterusnya supaya mereka dapat meni'mati sistem hidup Islam yang luhur dan dapat hidup dalam masyarakat Islam yang bersih dan itulah hak setiap orang Islam. Larangan-halangan dari hak ini merupakan larangan-halangan dari sebesar-besar ni'mat Allah di muka bumi ini dan dari sebaik-baik ni'mat kehidupan:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ
ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ
هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا
وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

"Dan mengapakah kamu tidak mahu berperang untuk Sabilullah dan untuk membela orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan-perempuan dan kanak-kanak yang sentiasa berdo'a: Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri yang zalim penduduknya ini dan berikanlah kepada kami pelindung dari sisi-Mu dan kurniakanlah kepada kami penolong dari sisi-Mu."(75)

* * * * * *

Berjihad Dengan Jiwa Raga Dan Harta

Perintah ini diikuti pula oleh seruan besar-besaran ke arah menggalakkan jihad dengan jiwa raga dan harta benda dan mengecam para penghalang-penghalang, pelambat-pelambat dan orang-orang yang tidak ikut berjihad. Seruan ini memakan ruang yang besar dari surah ini dan di sinilah meningginya dengusan nafas surah yang tenang ini, melantangnya bunyi nada-nadanya dan panasnya kata-kata cubitannya yang diguna ketika mengarah dan mengecam.

Di sini kita tidak dapat menghuraikan kumpulan ayat-ayat ini di ruangan ini mengikut tertibnya, kerana tertib ini mempunyai kepentingannya yang istimewa dan mengandungi saranannya yang tertentu, oleh itu eloklah kita tinggalkan huraian mengikut tertib ini pada tempatnya yang wajar dan cukuplah bagi kita sekadar mengambil petikan-petikannya sahaja.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ خُذُوا۟ حِذْرَكُمْ فَٱنفِرُوا۟
ثُبَاتٍ أَوِ ٱنفِرُوا۟ جَمِيعًا ﴿٧١﴾
وَإِنَّ مِنكُمْ لَمَن لَّيُبَطِّئَنَّ فَإِنْ أَصَٰبَتْكُم مُّصِيبَةٌ
قَالَ قَدْ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَىَّ إِذْ لَمْ أَكُن مَّعَهُمْ شَهِيدًا ﴿٧٢﴾
وَلَئِنْ أَصَٰبَكُمْ فَضْلٌ مِّنَ ٱللَّهِ لَيَقُولَنَّ كَأَن لَّمْ تَكُنۢ
بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُۥ مَوَدَّةٌ يَٰلَيْتَنِى كُنتُ مَعَهُمْ
فَأَفُوزَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧٣﴾
فَلْيُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يَشْرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ
ٱلدُّنْيَا بِٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَمَن يُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ
فَيُقْتَلْ أَوْ يَغْلِبْ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٧٤﴾
وَمَا لَكُمْ لَا تُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ
ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ
هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا
وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُقَٰتِلُونَ
فِى سَبِيلِ ٱلطَّٰغُوتِ فَقَٰتِلُوٓا۟ أَوْلِيَآءَ ٱلشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّ كَيْدَ
ٱلشَّيْطَٰنِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah kewaspadaan kamu dan maralah (ke medan pertempuran) sepuak demi sepuak atau maralah serentak bersama-sama (71). Dan sesungguhnya ada di antara kamu orang yang sengaja melambat-lambatkan (turun ke medan pertempuran) jika kamu ditimpa kemalangan nescaya dia berkata: Allah telah mengurniakan ni'mat kepadaku kerana aku tidak ikut berperang bersama mereka (72). Dan andainya kamu mendapat limpah kurnia (kemenangan) dari Allah nescaya Dia berkata - seolah-olah hubungan mesra belum pernah wujud di antara kamu dan dia alangkah bertuahnya aku jika aku ikut bersama mereka tentulah aku mendapat kejayaan yang besar (73). Oleh itu hendaklah orang yang menukarkan hidup dunia dengan Akhirat itu berperang untuk Sabilullah dan sesiapa yang berperang untuk Sabilullah lalu ia mati dibunuh atau mendapat kemenangan, maka Kami akan mengurniakan kepadanya pahala yang amat besar (74). Dan mengapakah kamu tidak mahu berperang untuk Sabilullah dan untuk membela orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan-perempuan dan kanak-kanak yang sentiasa berdo'a: Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri yang zalim penduduk-penduduknya ini (Makkah) dan berikanlah kepada kami pelindung dari sisi-Mu dan kurniakanlah kepada kami penolong dari sisi-Mu (75). Orang-orang yang beriman berperang untuk Sabilullah, sedangkan orang-orang kafir berperang untuk jalan Taghut. Oleh itu perangilah teman-teman setia syaitan itu. Sesungguhnya tipu daya syaitan itu lemah."(76)

فَقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ لَا تُكَلَّفُ إِلَّا نَفْسَكَ ۚ وَحَرِّضِ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَكُفَّ بَأْسَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ

وَٱللَّهُ أَشَدُّ بَأْسًا وَأَشَدُّ تَنكِيلًا ﴿٨٤﴾

"Oleh itu berperanglah untuk Sabilullah, engkau tidak ditugaskan kecuali kewajipan dirimu dan galakkan orang-orang yang beriman (supaya berjihad) semoga Allah menghalangkan kekuatan orang-orang kafir dan Allah Maha Kuat dan amat berat azab keseksaan-Nya."(84)

لَّا يَسْتَوِي ٱلْقَٰعِدُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُو۟لِى ٱلضَّرَرِ
وَٱلْمُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ ۚ فَضَّلَ
ٱللَّهُ ٱلْمُجَٰهِدِينَ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ عَلَى ٱلْقَٰعِدِينَ دَرَجَةً ۚ
وَكُلًّا وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ وَفَضَّلَ ٱللَّهُ ٱلْمُجَٰهِدِينَ عَلَى
ٱلْقَٰعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

دَرَجَٰتٍ مِّنْهُ وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿٩٦﴾

"Tidaklah sama darjat orang-orang Mu'min yang tidak ikut berjihad kecuali orang-orang yang uzur - dengan darjat orang-orang yang berjihad untuk Sabilullah dengan harta benda dan jiwa raga mereka. Allah telah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka ke atas orang-orang yang tidak ikut berjihad dengan kelebihan satu darjat. Dan Allah telah menjanjikan setiap golongan itu dengan balasan yang paling baik (Syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad ke atas orang-orang yang tidak ikut berjihad dengan pahala yang amat besar (95). Itulah darjat-darjat kelebihan, keampunan dan limpah rahmat dari Allah. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(96)

وَلَا تَهِنُوا۟ فِى ٱبْتِغَآءِ ٱلْقَوْمِ ۖ إِن تَكُونُوا۟ تَأْلَمُونَ
فَإِنَّهُمْ يَأْلَمُونَ كَمَا تَأْلَمُونَ ۖ وَتَرْجُونَ مِنَ
ٱللَّهِ مَا لَا يَرْجُونَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٠٤﴾

"Janganlah kamu lemah dalam musuh-musuh (kamu) jika kamu menderita kesakitan, maka mereka juga menderita kesakitan seperti kamu, tetapi kamu mengharapkan dari Allah apa yang tidak diharapkan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(104)

Di tengah-tengah seruan jihad ini ditegakkan beberapa dasar mu'amalah antarabangsa di antara negara Islam (Darul-Islam) dengan berbagai-bagai khemah musuh, di mana berlakunya mu'amalah-mu'amalah dan pertikaian-pertikaian itu.

Ketika mengulas perpecahan orang-orang Islam - kepada dua golongan dan dua pendapat dalam menghadapi kaum Munafiqin yang memasuki kota Madinah untuk tujuan perniagaan dan mencari-cari faedah-faedah yang tertentu dan mengadakan hubungan dengan penduduk-penduduknya dan apabila mereka keluar semula dari Madinah, mereka kembali mengadakan hubungan setiakawan dengan khemah-khemah musuh - Al-Qur'an menyarankan

فَلَا تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ أَوْلِيَآءَ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ فِى
سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ
وَجَدتُّمُوهُمْ ۖ وَلَا تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٨٩﴾

إِلَّا ٱلَّذِينَ يَصِلُونَ إِلَىٰ قَوْمٍۭ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌ أَوْ جَآءُ
وكُمْ حَصِرَتْ صُدُورُهُمْ أَن يُقَٰتِلُوكُمْ أَوْ يُقَٰتِلُوا۟
قَوْمَهُمْ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَسَلَّطَهُمْ عَلَيْكُمْ فَلَقَٰتَلُوكُمْ ۚ
فَإِنِ ٱعْتَزَلُوكُمْ فَلَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ وَأَلْقَوْا۟ إِلَيْكُمُ ٱلسَّلَمَ
فَمَا جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ عَلَيْهِمْ سَبِيلًا ﴿٩٠﴾

سَتَجِدُونَ ءَاخَرِينَ يُرِيدُونَ أَن يَأْمَنُوكُمْ وَيَأْمَنُوا۟
قَوْمَهُمْ كُلَّ مَا رُدُّوٓا۟ إِلَى ٱلْفِتْنَةِ أُرْكِسُوا۟ فِيهَا ۚ فَإِن لَّمْ
يَعْتَزِلُوكُمْ وَيُلْقُوٓا۟ إِلَيْكُمُ ٱلسَّلَمَ وَيَكُفُّوٓا۟ أَيْدِيَهُمْ
فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكُمْ
جَعَلْنَا لَكُمْ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿٩١﴾

"Oleh itu janganlah kamu memilih sahabat-sahabat setia dari golongan mereka sehingga mereka berhijrah di jalan Allah. Kemudian jika mereka berpaling, maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka dan jangan sekali-kali kamu memilih seorang pun sahabat setia dan penolong dari golongan mereka (89). Kecuali orang-orang yang meminta perlindungan pada suatu kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka atau orang-orang yang datang kepada kamu. Sedangkan hati mereka amat berat untuk memerangi kamu atau memerangi kaum mereka. Dan andainya Allah kehendaki, tentulah Dia menjadikan mereka berkuasa melawan kamu kemudian tentulah mereka memerangi kamu. Oleh itu jika mereka membiarkan kamu bebas dan tidak memerangi kamu serta menghulurkan perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak sekali-kali memberi jalan kepada kamu untuk memerangi mereka (90). Kamu akan dapati satu golongan yang mahu mendapat keamanan dari kamu dan keamanan dari kaum mereka. Setiap kali mereka dipulangkan kepada fitnah (syirik) mereka terus ceburkan diri mereka di dalamnya. Oleh itu jika mereka tidak membiarkan kamu bebas dan tidak menghulurkan perdamaian kepada kamu dan tidak menahankan tangan mereka (dari mengganggu kamu) maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka. Merekalah orang-orang yang Kami berikan balasan yang nyata kepada kamu untuk memerangi mereka."(91)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا ضَرَبْتُمْ فِى سَبِيلِ
ٱللَّهِ فَتَبَيَّنُوا۟ وَلَا تَقُولُوا۟ لِمَنْ أَلْقَىٰٓ إِلَيْكُمُ
ٱلسَّلَـٰمَ لَسْتَ مُؤْمِنًا تَبْتَغُونَ عَرَضَ
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا فَعِندَ ٱللَّهِ مَغَانِمُ كَثِيرَةٌ ۚ
كَذَٰلِكَ كُنتُم مِّن قَبْلُ فَمَنَّ ٱللَّهُ
عَلَيْكُمْ فَتَبَيَّنُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا
تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٩٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu keluar berjihad untuk Sabilullah, maka hendaklah kamu selidik dengan jelas dan janganlah kamu berkata kepada mereka yang menghulurkan perdamaian kepada kamu: "Engkau bukan orang yang beriman" dengan tujuan untuk mendapat matabenda kehidupan dunia kerana di sisi Allah disediakan ni'mat-ni'mat kemewahan yang banyak. Demikianlah juga keadaan kamu sebelum ini kemudian Allah kurniakan limpah kurnia-Nya ke atas kamu. Oleh itu hendaklah kamu selidik dengan jelas. Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(94)

Solat Di Medan Perang

Begitu juga di tengah-tengah pembicaraan tentang jihad dikemukakan setengah-setengah hukum yang berkaitan dengan solat dalam masa ketakutan dan dalam masa keamanan di samping menyampaikan perintah-perintah Allah dan peringatan-Nya terhadap musuh-musuh mereka yang sentiasa menunggu-nunggu peluang untuk menyerang mereka.

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِى ٱلْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَقْصُرُوا۟
مِنَ ٱلصَّلَوٰةِ إِنْ خِفْتُمْ أَن يَفْتِنَكُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ ۚ إِنَّ
ٱلْكَـٰفِرِينَ كَانُوا۟ لَكُمْ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿١٠١﴾
وَإِذَا كُنتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَلْتَقُمْ
طَآئِفَةٌ مِّنْهُم مَّعَكَ وَلْيَأْخُذُوٓا۟ أَسْلِحَتَهُمْ ۖ فَإِذَا
سَجَدُوا۟ فَلْيَكُونُوا۟ مِن وَرَآئِكُمْ وَلْتَأْتِ طَآئِفَةٌ
أُخْرَىٰ لَمْ يُصَلُّوا۟ فَلْيُصَلُّوا۟ مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا۟
حِذْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ ۗ وَدَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْ
تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ
عَلَيْكُم مَّيْلَةً وَٰحِدَةً ۚ وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن كَانَ
بِكُمْ أَذًى مِّن مَّطَرٍ أَوْ كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَن تَضَعُوٓا۟
أَسْلِحَتَكُمْ ۖ وَخُذُوا۟ حِذْرَكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ أَعَدَّ
لِلْكَـٰفِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٠٢﴾
فَإِذَا قَضَيْتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ قِيَـٰمًا وَقُعُودًا
وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ ۚ فَإِذَا ٱطْمَأْنَنتُمْ فَأَقِيمُوا۟
ٱلصَّلَوٰةَ ۚ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتْ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ كِتَـٰبًا
مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

"Dan apabila kamu keluar merantau di bumi, maka tiadalah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu memendekkan solat, jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu musuh yang amat nyata terhadap kamu (101). Dan apabila engkau (Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang) lalu engkau hendak mengimamkan solat mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri mengerjakan solat bersama engkau dan hendaklah mereka menyandang senjata masing-masing. Kemudian apabila mereka selesai sujud, maka hendaklah mereka pergi ke belakang engkau dan hendaklah satu puak yang lain yang belum sembahyang datang dan hendaklah mereka sembahyang bersama engkau - hendaklah mereka berwaspada dan menyandang senjata masing-masing. Orang-orang kafir memang bercita-cita agar kamu terlalai dari senjata-senjata kamu dan harta benda kamu dan dengan demikian dapatlah mereka menyerang kamu dengan satu serangan mengejut dan tiada apa-apa kesalahan kepada kamu meletakkan senjata-senjata kamu jika kamu mendapat sesuatu gangguan yang menyusahkan kamu kerana ditimpa hujan atau kerana kamu menderita sakit dan hendaklah kamu menjaga kewaspadaan kamu. Sesungguhnya Allah telah menyediakan azab yang amat menghinakan kepada orang-orang yang kafir (102). Kemudian apabila kamu selesai menunaikan solat, maka hendaklah kamu mengingati dan menyebut Allah semasa berdiri, duduk dan berbaring. Kemudian apabila kamu mendapat ketenangan, maka dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu telah difardhukan ke atas orang-orang yang beriman mengikut waktu-waktu yang telah ditentukan."(103)

Tindak-tanduk Kaum Munafiqin Yang Kotor

Ayat-ayat ini membuktikan kedudukan solat di dalam hayat Islamiyah hingga ia wajib didirikan walaupun di tempat yang dilingkungi ketakutan dan di sini ayat-ayat ini menghuraikan kaifiat mendirikan solat di tempat itu, malah ayat-ayat ini juga menunjukkan ciri kesepaduan sistem Ilahi ini dalam menghadapi kehidupan insan dalam segala keadaan dan bagaimana sistem itu mengikuti individu dan kelompok Muslimin dalam setiap waktu dan keadaan.

Perintah berjihad itu diikuti dengan serangan besar-besaran terhadap golongan Munafiqin dan tindakan mereka mengadakan hubungan setiakawan dengan kaum Yahudi di Madinah di samping tindakan-tindakan mereka melakukan berbagai-bagai tipu daya yang amat jahat terhadap agama Allah, terhadap kelompok Muslimin dan terhadap pucuk pimpinan Islam, juga serangan besar-besaran terhadap permainan-permainan mereka yang mahu mengacau barisan Muslimin dan merosakkan nilai-nilai dan peraturan-peraturannya. Di dalam ayat-ayat yang telah kami petikkan dari kumpulan ayat-ayat jihad terdapat sebahagian dari serangan dan kecaman terhadap golongan kaum Munafiqin itu dan di sini kami tokokkan lagi dengan ayat-ayat yang berikut yang menggambarkan keadaan dan sifat-sifat mereka dan mendedahkan tabi'at mereka dan cara-cara yang digunakan mereka:

وَيَقُولُونَ طَاعَةٌ فَإِذَا بَرَزُوا۟ مِنْ عِندِكَ بَيَّتَ طَآئِفَةٌ
مِّنْهُمْ غَيْرَ ٱلَّذِى تَقُولُ ۖ وَٱللَّهُ يَكْتُبُ مَا يُبَيِّتُونَ ۖ
فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
وَكِيلًا ﴿٨١﴾
أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ ٱلْقُرْءَانَ ۚ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِندِ غَيْرِ
ٱللَّهِ لَوَجَدُوا۟ فِيهِ ٱخْتِلَٰفًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾
وَإِذَا جَآءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ ٱلْأَمْنِ أَوِ ٱلْخَوْفِ أَذَاعُوا۟ بِهِۦ ۖ وَلَوْ
رَدُّوهُ إِلَى ٱلرَّسُولِ وَإِلَىٰٓ أُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ ٱلَّذِينَ
يَسْتَنۢبِطُونَهُۥ مِنْهُمْ ۗ وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ
وَرَحْمَتُهُۥ لَٱتَّبَعْتُمُ ٱلشَّيْطَٰنَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٣﴾

"Dan mereka (Munafiqin) berkata: "Kami ta'at" kemudian apabila mereka keluar dari sisi-Mu, segolongan dari mereka merancangkan di malam hari sesuatu yang lain dari pengakuan yang dikatakan mereka, sedangkan Allah mencatatkan segala apa yang dirancangkan mereka. Oleh itu janganlah engkau hiraukan mereka dan bertawakkallah kepada Allah dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penaung(81). Mengapakah mereka tidak memikirkan isi kandungan Al-Qur'an? Andainya Al-Qur'an itu datang dari (sumber) yang lain dari Allah tentulah mereka dapati di dalamnya berbagai-bagai pandangan yang bertentangan (82). Dan apabila sampai kepada mereka sesuatu perkara yang menyentuh keamanan dalam negeri atau kebimbangan, mereka terus mengheboh-hebohkannya, sedangkan jika mereka rujukkan perkara itu kepada Rasulullah dan kepada para pemimpin di kalangan mereka tentulah ia dapat diketahui oleh orang-orang yang berkebolehan mengkajikannya dari kalangan mereka. Jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya kamu mengikut syaitan kecuali sedikit sahaja."(83)

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ثُمَّ كَفَرُوا۟ ثُمَّ ءَامَنُوا۟ ثُمَّ كَفَرُوا۟
ثُمَّ ٱزْدَادُوا۟ كُفْرًا لَّمْ يَكُنِ ٱللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ
سَبِيلًۢا ﴿١٣٧﴾
بَشِّرِ ٱلْمُنَٰفِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣٨﴾
ٱلَّذِينَ يَتَّخِذُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ أَيَبْتَغُونَ عِندَهُمُ ٱلْعِزَّةَ فَإِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ
جَمِيعًا ﴿١٣٩﴾
وَقَدْ نَزَّلَ عَلَيْكُمْ فِى ٱلْكِتَٰبِ أَنْ إِذَا سَمِعْتُمْ ءَايَٰتِ
ٱللَّهِ يُكْفَرُ بِهَا وَيُسْتَهْزَأُ بِهَا فَلَا تَقْعُدُوا۟ مَعَهُمْ حَتَّىٰ
يَخُوضُوا۟ فِى حَدِيثٍ غَيْرِهِۦٓ ۚ إِنَّكُمْ إِذًا مِّثْلُهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ
جَامِعُ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْكَٰفِرِينَ فِى جَهَنَّمَ جَمِيعًا ﴿١٤٠﴾
ٱلَّذِينَ يَتَرَبَّصُونَ بِكُمْ فَإِن كَانَ لَكُمْ فَتْحٌ مِّنَ
ٱللَّهِ قَالُوٓا۟ أَلَمْ نَكُن مَّعَكُمْ وَإِن كَانَ لِلْكَٰفِرِينَ
نَصِيبٌ قَالُوٓا۟ أَلَمْ نَسْتَحْوِذْ عَلَيْكُمْ وَنَمْنَعْكُم مِّنَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ فَٱللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ وَلَن
يَجْعَلَ ٱللَّهُ لِلْكَٰفِرِينَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾
إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَهُوَ خَٰدِعُهُمْ وَإِذَا
قَامُوٓا۟ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ قَامُوا۟ كُسَالَىٰ يُرَآءُونَ ٱلنَّاسَ
وَلَا يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾
مُّذَبْذَبِينَ بَيْنَ ذَٰلِكَ لَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ وَلَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ ۚ
وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿١٤٣﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ
مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ أَتُرِيدُونَ أَن تَجْعَلُوا۟ لِلَّهِ
عَلَيْكُمْ سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿١٤٤﴾

إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِى ٱلدَّرْكِ ٱلْأَسْفَلِ مِنَ ٱلنَّارِ وَلَن تَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا ﴿١٤٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang telah beriman kemudian kembali kafir kemudian beriman lagi kemudian kembali kafir kemudian mereka bertambah kafir, maka Allah tidak sekali-kali akan mengampunkan mereka dan tidak akan menunjukkan sebarang jalan hidayat kepada mereka (137). Sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang munafiqin bahawa mereka akan memperolehi azab yang amat pedih (138). Iaitu orang-orang yang memilih orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia mereka bukannya memilih orang-orang yang beriman. Apakah mereka mahu mencari kekuatan pada orang-orang kafir? Kerana sesungguhnya kekuatan itu adalah semuanya milik Allah belaka (139). Dan sesungguhnya Allah telah menurunkan kepada kamu perintah di dalam kitab Al-Qur'an, iaitu jika kamu mendengar ayat-ayat Allah diingkar dan diejek-ejekkan orang, maka janganlah kamu duduk bersama mereka sehingga mereka masuk berbicara di dalam percakapan yang lain jika tidak) maka jelaslah bahawa kamu adalah sama seperti mereka. Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan sekalian orang Munafiqin dan orang-orang yang kafir di dalam Neraka Jahannam (140). (Merekalah) yang sentiasa menunggu-nunggu peristiwa yang berlaku" kepada kamu. Oleh itu jika kamu mendapat kemenangan dari Allah, nescaya mereka berkata: "Bukankah kami (telah berjuang) bersama kamu?" Dan jika orang-orang kafir pula mendapat habuan kemenangan, nescaya mereka berkata: 'Bukankah kami turut membantu kamu mendapat kemenangan dan mempertahankan kamu dari orang-orang yang beriman?' yang akan mengadili di antara kamu pada hari Qiamat dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang yang beriman (141). Sesungguhnya orang-orang Munafiqin itu (cuba) menipu Allah dan Allah akan membalas penipuan mereka dan jika mereka bangkit mendirikan solat mereka bangkit dengan keadaan yang malas. Mereka bermaksud menunjuk-nunjuk kepada orang ramai dan mereka sebenarnya tidak menyebut Allah kecuali sedikit sahaja (142). Mereka terumbang-ambing di antara keimanan dan kekafiran. Mereka tidak memasuki golongan yang Mu'min dan tidak pula memasuki golongan yang kafir dan sesiapa yang telah disesatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sebarang jalan (untuk memberi hidayat kepadanya) (143). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memilih orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia selain dari orang-orang yang beriman. Apakah kamu ingin memberi kepada Allah suatu alasan yang amat terang terhadap kesalahan kamu?(144) Sesungguhnya orang-orang Munafiqin itu ditempatkan pada tingkatan Neraka yang paling bawah dan engkau tidak akan mendapat seorang penolong pun bagi mereka.(145)

* * * * * *

Jihad Menentang Kaum Ahlil-Kitab

Dalam kumpulan ayat-ayat jihad dan kumpulan ayat yang lain di dalam surah ini kita bersua dengan peperangan-peperangan yang sengit terhadap kelompok Muslimin, 'aqidah Islam dan kepimpinan Islam yang dilancarkan oleh kaum Ahlil-Kitab terutama kaum Yahudi dan sekutu-sekutu mereka dari golongan Munafiqin di Kota Madinah dan golongan Musyrikin di negeri Makkah dan di perkampungan-perkampungan di sekitar keduanya. Itulah peperangan yang kita telah temui di dalam Surah al-Baqarah dan Surah Aali 'Imran sebelum ini...... Dan di sini juga kita bertemu dengan cara pendidikan Rabbani yang membimbing kelompok Muslimin di celah-celah duri yang bisa dan tipu daya-tipu daya yang jahat. Ia memimpin mereka, mengeluarkan arahan-arahan dan amaran-amaran kepada mereka, mendedahkan tabi'at-tabi'at musuh mereka, tabi'at perjuangan yang sedang dihadapi mereka dan tabi'at negeri-negeri di mana berlakunya perjuangan itu dengan segala sudut dan segi likunya yang jahat.

Di antara petanda-petanda mu'jizat yang terdapat di dalam Al-Qur'an ini ialah nas-nas yang turun untuk menghadapi perjuangan yang tertentu itu masih tetap menggambarkan tabi'at pejuangan yang berterusan dan berulang-ulang di antara kelompok Muslimin di setiap tempat dan di sepanjang generasi manusia dengan musuh-musuh tradisional mereka yang masih sama seperti dahulu dan motif penentangan mereka juga tetap sama seperti asal walaupun berubah dari segi bentuk dan sebab-sebabnya yang dekat. Tabi'at matlamat mereka sama sahaja walaupun berubah dari segi alat dan wasilah. Tindakan-tindakan mereka untuk menggoncangkan 'aqidah Islam, memecah-belahkan barisan Muslimin menaburkan keraguan terhadap kepimpinan Rabbani masih tetap menjadi matlamat-matlamat mereka. Inilah matlamat-matlamat yang menjadi sasaran serangan-serangan mereka yang jahat, yang mereka harap di sebaliknya untuk menguasai teraju pergerakan kelompok Muslimin dan mengendalikan nasib mereka, serta mengeksploitasikan kekayaan bumi mereka, tenaga mereka, hasil mahsul mereka, kekuatan mereka dan tenaga-tenaga mereka sebagaimana kaum Yahudi mengeksploitasikan suku-suku Aus dan Khazraj di Madinah sebelum suku-suku ini dimuliakan Allah dan disatu-padukan dengan tali persaudaraan Islam dan dengan kepimpinan Islam dan dengan sistem hidup Rabbani.

Surah ini sama dengan surah-surah al-Baqarah dan Aali 'Imran penuh dengan pembicaraan tentang pakatan-pakatan dan komplot-komplot kaum Yahudi yang tidak putus-putus dilakukan mereka terhadap kelompok Muslimin dengan kerjasama kaum Munafiqin dan kaum Musyrikin. Nas-nas pembicaraan ini akan dihuraikan di tempatnya masing-masing. Di sini kita hanya berpada dengan menyebut sebahagian dari serangan-serangan mereka yang sengit:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ يَشْتَرُونَ ٱلضَّلَٰلَةَ وَيُرِيدُونَ أَن تَضِلُّوا۟ ٱلسَّبِيلَ ﴿٤٤﴾

وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِأَعْدَآئِكُمْ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَلِيًّا وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ

نَصِيرًا ﴿٤٥﴾
مِّنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِۦ
وَيَقُولُونَ سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَٱسْمَعْ غَيْرَ مُسْمَعٍ
وَرَٰعِنَا لَيًّۢا بِأَلْسِنَتِهِمْ وَطَعْنًا فِى ٱلدِّينِ ۚ وَلَوْ أَنَّهُمْ قَالُوا۟
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَٱسْمَعْ وَٱنظُرْنَا لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ وَأَقْوَمَ
وَلَٰكِن لَّعَنَهُمُ ٱللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٤٦﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ ءَامِنُوا۟ بِمَا نَزَّلْنَا
مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُم مِّن قَبْلِ أَن نَّطْمِسَ وُجُوهًا
فَنَرُدَّهَا عَلَىٰٓ أَدْبَارِهَآ أَوْ نَلْعَنَهُمْ كَمَا لَعَنَّآ أَصْحَٰبَ
ٱلسَّبْتِ ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٤٧﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ
لِمَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفْتَرَىٰٓ إِثْمًا
عَظِيمًا ﴿٤٨﴾
أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يُزَكُّونَ أَنفُسَهُم ۚ بَلِ ٱللَّهُ يُزَكِّى مَن
يَشَآءُ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٤٩﴾
ٱنظُرْ كَيْفَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ ۖ وَكَفَىٰ بِهِۦٓ
إِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٠﴾
أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ
يُؤْمِنُونَ بِٱلْجِبْتِ وَٱلطَّٰغُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ هَٰٓؤُلَآءِ أَهْدَىٰ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ سَبِيلًا ﴿٥١﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَمَن يَلْعَنِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ
نَصِيرًا ﴿٥٢﴾
أَمْ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّنَ ٱلْمُلْكِ فَإِذًا لَّا يُؤْتُونَ ٱلنَّاسَ
نَقِيرًا ﴿٥٣﴾
أَمْ يَحْسُدُونَ ٱلنَّاسَ عَلَىٰ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۖ
فَقَدْ ءَاتَيْنَآ ءَالَ إِبْرَٰهِيمَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ
وَءَاتَيْنَٰهُم مُّلْكًا عَظِيمًا ﴿٥٤﴾
فَمِنْهُم مَّنْ ءَامَنَ بِهِۦ وَمِنْهُم مَّن صَدَّ عَنْهُ ۚ وَكَفَىٰ بِجَهَنَّمَ
سَعِيرًا ﴿٥٥﴾

"Apakah engkau tidak melihat orang-orang yang telah dikurniakan sebahagian dari kitab suci? Mereka membeli kesesatan dan mahukan kamu juga sesat dari jalan yang benar (44). Dan Allah amat mengetahui musuh-musuh kamu dan cukuplah Allah sendiri menjadi Pelindung dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penolong (45). Di antara orang-orang Yahudi terdapat mereka yang mengubahkan kalam Allah dari maksud-maksudnya yang sebenar dan mereka berkata: 'Kami dengar dan kami tidak mahu mematuhinya' dan 'Dengarlah tanpa dipatuhi' dan kata-kata 'راعنا'[2] dengan tujuan memutarbelitkan percakapan mereka dan mencela agama Allah dan andainya mereka berkata: 'Kami dengar dan kami patuhi' dan 'Dengarlah dan berilah perhatian yang baik kepada kami' tentulah lebih baik dan lebih betul bagi mereka. Akan tetapi Allah telah melaknatkan mereka dengan sebab kekafiran mereka. Oleh itu mereka tidak beriman melainkan sebilangan yang sedikit sahaja (46) Wahai orang-orang yang telah dikurniakan kitab suci! Hendaklah kamu beriman kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan oleh Kami, yang mengesahkan kitab-kitab suci yang ada pada kamu sebelum Kami hapuskan bentuk Muka kamu, iaitu Kami memutarkannya ke belakang atau sebelum Kami melaknatkan mereka sebagai Kami telah melaknatkan orang-orang (Yahudi) yang melanggar liburan hari Sabtu dan perintah Allah tetap terlaksana (47). Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa mensyirikkan-Nya dan Dia bersedia mengampunkan dosa yang lain dari itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan sesiapa yang mensyirikkan Allah, maka sesungguhnya ia telah melakukan satu dosa yang amat besar (48). Apakah tidak engkau melihat orang-orang yang memuji-memuji diri sendiri, tetapi Allah memuji sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mereka tidak dianiayai walau sedikitpun (49). Lihatlah (Muhammad) bagaimana mereka melakukan pembohongan terhadap Allah? Dan cukuplah dengan perbuatan itu menjadi satu dosa yang amat nyata (50). Apakah tidak engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan sebahagian dari kitab suci? Mereka mempercayai sembahan-sembahan palsu dan Taghut dan mereka berkata kepada orang-orang yang kafir: Jalan mereka adalah lebih betul dari jalan orang-orang yang beriman (51). Merekalah orang-orang yang telah dilaknatkan Allah dan sesiapa yang telah dilaknatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sesiapa pun yang sanggup menjadi penolongnya (52). Atau adakah mereka mempunyai sebahagian dari kuasa kerajaan alam? Jika ada, tentulah jelas mereka tidak akan memberi sedikitpun kepada

---

[2] *Pengertiannya yang asal bermakna "Berilah perhatian yang baik kepada kami" tetapi kata-kata ini boleh membawa kepada pengertian yang buruk apabila disebut dengan pelat bahasa Yahudi dan pengertian inilah yang dimaksudkan mereka apabila mereka mengatakannya kepada Rasulullah s. a. w.*

manusia (53). Atau apakah mereka dengkikan orang-orang lain kerana Allah telah menganugerahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka. Sesungguhnya Kami telah menganugerahkan kepada keluarga Ibrahim kitab suci dan hikmat dan Kami anugerahkan kepada mereka kerajaan yang amat besar (54). Maka di antara mereka ada yang beriman kepada orang yang dianugerahkan pengurniaan itu dan ada pula di dalam golongan mereka orang-orang yang menentangnya dan cukuplah Neraka Jahannam itu membakar (mereka)."(55)

أُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ حَقًّا ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٥١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir terhadap Allah dan rasul-rasul-Nya dan mahu membeza-bezakan di antara Allah dan rasul-rasul-Nya dan berkata: Kami beriman kepada setengah-setengah rasul dan kami ingkar setengah-setengah Rasul yang lain dan mereka mahu memilih jalan di antara keduanya (150). Merekalah orang-orang kafir yang sebenar dan Kami telahpun menyediakan untuk orang-orang yang kafir itu azab yang amat menghinakan."(151)

يَسْأَلُكَ أَهْلُ الْكِتَابِ أَن تُنَزِّلَ عَلَيْهِمْ كِتَابًا مِّنَ السَّمَاءِ ۚ فَقَدْ سَأَلُوا مُوسَىٰ أَكْبَرَ مِن ذَٰلِكَ فَقَالُوا أَرِنَا اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْهُمُ الصَّاعِقَةُ بِظُلْمِهِمْ ۚ ثُمَّ اتَّخَذُوا الْعِجْلَ مِن بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمُ الْبَيِّنَاتُ فَعَفَوْنَا عَن ذَٰلِكَ ۚ وَآتَيْنَا مُوسَىٰ سُلْطَانًا مُّبِينًا ﴿١٥٣﴾

وَرَفَعْنَا فَوْقَهُمُ الطُّورَ بِمِيثَاقِهِمْ وَقُلْنَا لَهُمُ ادْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُلْنَا لَهُمْ لَا تَعْدُوا فِي السَّبْتِ وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَاقًا غَلِيظًا ﴿١٥٤﴾

فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَاقَهُمْ وَكُفْرِهِم بِآيَاتِ اللَّهِ وَقَتْلِهِمُ الْأَنبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَقَوْلِهِمْ قُلُوبُنَا غُلْفٌ ۚ بَلْ طَبَعَ اللَّهُ عَلَيْهَا بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥٥﴾

"Orang-orang Ahlil-Kitab meminta kepada engkau supaya engkau turunkan kepada mereka sebuah kitab dari langit. Sesungguhnya (sebelum ini) mereka pernah meminta kepada Musa sesuatu yang lebih besar dari itu lagi, iaitu mereka telah berkata (kepada Musa): Perlihatkanlah Allah kepada kami secara terang-terangan, lalu mereka disambar petir dengan sebab kezaliman mereka kemudian mereka menyembah patung anak lembu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas kemudian Kami maafkan perbuatan itu dan Kami telah kurniakan kepada Musa syari'at yang nyata (153). Dan Kami telah mengangkatkan Bukit Tursina ke atas mereka sewaktu mengikat perjanjian dengan mereka dan Kami berkata kepada mereka: Masuklah pintu (negeri itu) dengan keadaan sujud, dan Kami berkata lagi kepada mereka: Janganlah kamu cerobohi liburan hari Sabtu, dan Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh (154). (Kami telah melaknatkan mereka) dengan sebab pencabulan mereka terhadap perjanjian mereka, keingkaran mereka terhadap ayat-ayat Allah, perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa suatu alasan yang benar dan perkataan mereka: 'Hati kami telah tertutup', malah sebenarnya hati mereka telah dimaterikan Allah dengan sebab kekafiran mereka. Oleh itu mereka tidak beriman melainkan sebilangan yang sedikit sahaja."(155)

فَبِظُلْمٍ مِّنَ الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَاتٍ أُحِلَّتْ لَهُمْ وَبِصَدِّهِمْ عَن سَبِيلِ اللَّهِ كَثِيرًا ﴿١٦٠﴾

وَأَخْذِهِمُ الرِّبَا وَقَدْ نُهُوا عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦١﴾

"Dengan sebab kezaliman dari orang-orang Yahudi Kami telah haramkan kepada mereka makanan-makanan yang baik yang dahulunya telah dihalalkan kepada mereka, juga dengan sebab perbuatan mereka banyak menghalangkan orang ramai dari jalan Allah (160). Dan dengan sebab mereka mengambil riba sedangkan mereka dilarang darinya dan mereka makan harta orang lain dengan cara yang salah. Dan Kami sediakan untuk orang-orang kafir dari golongan mereka azab yang amat pedih."(161)

Dari petikan-petikan ini dapat dilihat dengan jelas setengah-setengah tindak-tanduk kaum Yahudi yang ditentang oleh Al-Qur'an dengan mendedahkan sifat-sifat mereka, mengecam perbuatan mereka, mendusta dan menyangkal dakwaan-dakwaan mereka. Serangan Al-Qur'an yang telah menamakan orang-orang Yahudi sebagai orang-orang kafir dan menyifatkan mereka sebagai Musuh membuktikan dengan jelas bagaimana buruknya akibat-akibat yang telah dialami oleh kelompok Muslimin dari tindak-tanduk mereka, juga membuktikan dengan jelas betapa perlunya tindak-tanduk mereka yang jahat itu didedahkan kepada umum dengan sangkakala dan pendustaan serta membuka rahsia tujuan-tujuan mereka yang jahat dan motif-motif yang keji di sebalik tindak-tanduk mereka. Tujuan-tujuan dan motif-motif yang jahat itu adalah terbit dari tabi'at kaum Yahudi yang buruk yang tidak pernah tunduk kepada hidayat di sepanjang sejarah mereka dan tidak pernah berdiri teguh dan jujur di atas jalan hidayat ketika mereka menyeleweng dan membunuh nabi-nabi mereka tanpa suatu alasan yang benar. Itulah tabi'at yang mendorong kaum Yahudi menaruh perasaan hasad dan dendam terhadap Nabi s.a.w. kerana beliau telah dikurniakan Allah kehormatan membawa risalah, sedangkan beliau bukan dari bangsa mereka, juga menaruh perasaan hasad dengki dan dendam kesumat terhadap kaum Muslimin kerana Allah telah

mengumpulkan mereka di jalan hidayat. Oleh sebab itulah mereka melakukan tipudaya-tipudaya yang tidak putus-putus terhadap kaum Muslimin sejak Islam memasuki kota Madinah sehingga hari ini dan tipudaya-tipudaya itu akan terus menggugat setiap perkumpulan Islam dan setiap kebangkitan Islam di sepanjang abad.

Menimbulkan keraguan terhadap kenabian dan kerasulan Muhammad s.a.w. merupakan matlamat utama kempen-kempen kaum Yahudi. Matlamat ini dapat dicapai dengan mudah apabila mereka berjaya memalingkan kaum Muslimin dari kepimpinan mereka yang lurus dan jujur setelah dipesongkan mereka dari 'aqidah mereka yang betul. Dengan demikian mudahlah kepada mereka menghancurkan barisan kaum Muslimin dan menggugatkan perpaduan mereka, tetapi kekuatan perpaduan kaum Muslimin di sekitar 'aqidah yang betul dan kepimpinan yang jujur itulah yang telah memenatkan kaum Yahudi dan musuh-musuh kaum Muslimin di setiap zaman dan itulah yang telah membuat mereka terpaksa menghadapi kesulitan dan kesukaran. Oleh sebab inilah mereka tumpukan usaha mereka ke arah menghancurkan perpaduan kaum Muslimin dan menyerahkan semula teraju kepimpinan mereka kepada hawa nafsu dan jahiliyah.

Oleh kerana itu di dalam surah ini dijelaskan satu hakikat yang mudah mengenai kerasulan Nabi s.a.w., iaitu kerasulan beliau bukanlah suatu kerasulan yang pertama kali dan suatu peristiwa ganjil yang tidak pernah berlaku di bumi ini dan tidak pernah berlaku di dalam kalangan Bani Israel itu sendiri. Malah kerasulannya merupakan salah satu dari rangkaian hujjah yang telah diambil Allah untuk menghukum para hamba-Nya sebelum dihisab. Allah telah menurunkan wahyu kepada beliau sebagaimana Dia telah menurunkan wahyu kepada para rasul sebelumnya. Allah telah menganugerahkan kepada beliau ni'mat kenabian dan kuasa pemerintahan sebagaimana Dia telah menganugerahkan kepada para Anbiya' Bani Israel. Oleh itu tiada suatu keganjilan di dalam kerasulan beliau, tiada suatu keanehan dalam kepimpinannya dan tiada suatu kepelikan di dalam hakimiyahnya. Semuanya merupakan perkara biasa di alam kerasulan-kerasulan. Segala dalih dan helah Bani Israel dalam persoalan ini adalah bohong belaka. Segala kekeliruan yang telah ditimbulkan mereka adalah karut semata-mata, malah mereka telah menunjukkan sikap yang sama terhadap nabi besar mereka Musa a.s. dan terhadap para nabi mereka yang lain selepas beliau terutama terhadap Nabi 'Isa a.s. Oleh sebab itulah setiap muslim tidak seharusnya memberi perhatian kepada apa yang ditimbulkan mereka.

Di dalam surah ini terdapat banyak ayat-ayat yang bertugas menjelaskan hakikat ini dan di sini dalam huraian secara ringkas kami petikkan sebahagian dari ayat-ayat itu dan akan dihuraikan semuanya pada tempat masing-masing:

إِنَّآ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ كَمَآ أَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰ نُوحٖ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ مِنۢ
بَعۡدِهِۦۚ وَأَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰٓ إِبۡرَٰهِيمَ وَإِسۡمَٰعِيلَ وَإِسۡحَٰقَ
وَيَعۡقُوبَ وَٱلۡأَسۡبَاطِ وَعِيسَىٰ وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ
وَهَٰرُونَ وَسُلَيۡمَٰنَۚ وَءَاتَيۡنَا دَاوُۥدَ زَبُورٗا ١٦٣
وَرُسُلٗا قَدۡ قَصَصۡنَٰهُمۡ عَلَيۡكَ مِن قَبۡلُ وَرُسُلٗا
لَّمۡ نَقۡصُصۡهُمۡ عَلَيۡكَۚ وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ
تَكۡلِيمٗا ١٦٤
رُّسُلٗا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ
عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةُۢ بَعۡدَ ٱلرُّسُلِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا
حَكِيمٗا ١٦٥
لَّٰكِنِ ٱللَّهُ يَشۡهَدُ بِمَآ أَنزَلَ إِلَيۡكَۖ أَنزَلَهُۥ بِعِلۡمِهِۦۖ
وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ يَشۡهَدُونَۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًا ١٦٦

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan wahyu kepada engkau sebagaimana Kami telah menurunkan wahyu kepada Nuh dan para nabi selepasnya dan Kami telah menurunkan wahyu kepada Ibrahim, Ismail, Ishak, Ya'kub dan anak cucunya, juga kepada 'Isa, Ayub, Yunus, Harun dan Sulaiman dan Kami telah mengurniakan Zabur kepada Daud (163). Dan (Kami telah utuskan) para rasul yang telah Kami ceritakan kisah mereka kepada engkau dan para rasul yang Kami belum pernah ceritakan kisah mereka kepada engkau dan Allah telah berbicara dengan Musa dengan pembicaraan (secara langsung) (164). Selaku rasul-rasul yang menyampaikan berita gembira dan memberi amaran supaya manusia tidak mempunyai apa-apa alasan lagi terhadap Allah setelah diutuskan rasul-rasul itu, Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (165). Tetapi Allah tetap menyaksikan Al-Qur'an yang diturunkan kepada engkau, iaitu Dia telah menurunkannya dengan ilmu-Nya dan para malaikat juga turut menyaksikannya dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi."(166)

يَسۡـَٔلُكَ أَهۡلُ ٱلۡكِتَٰبِ أَن تُنَزِّلَ عَلَيۡهِمۡ كِتَٰبٗا مِّنَ
ٱلسَّمَآءِۚ فَقَدۡ سَأَلُواْ مُوسَىٰٓ أَكۡبَرَ مِن ذَٰلِكَ فَقَالُوٓاْ
أَرِنَا ٱللَّهَ جَهۡرَةٗ

"Orang-orang Ahlil-Kitab meminta kepada engkau supaya engkau turunkan kepada mereka sebuah kitab dari langit. Sesungguhnya (sebelum ini) mereka pernah meminta kepada Musa sesuatu yang lebih besar dari itu lagi, iaitu mereka telah berkata (kepada Musa): Perlihatkanlah Allah kepada kami secara terang-terangan.(153) "

فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَٰقَهُمْ وَكُفْرِهِم بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَقَتْلِهِمُ
ٱلْأَنۢبِيَآءَ بِغَيْرِ حَقٍّ

"(Kami telah melaknatkan mereka) dengan sebab pencabulan mereka terhadap perjanjian mereka, keingkaran mereka terhadap ayat-ayat Allah, perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa suatu alasan yang benar.(155)

وَبِكُفْرِهِمْ وَقَوْلِهِمْ عَلَىٰ مَرْيَمَ بُهْتَٰنًا عَظِيمًا ﴿١٥٦﴾

"Juga dengan sebab kekafiran mereka dan perkataan mereka membuat tuduhan yang amat besar terhadap Maryam."(156)

وَقَوْلِهِمْ إِنَّا قَتَلْنَا ٱلْمَسِيحَ عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ ٱللَّهِ
وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَٰكِن شُبِّهَ لَهُمْ

"Dan dengan sebab perkataan mereka "Sesungguhnya Kami telah membunuh al-Masih 'Isa putera Maryam utusan Allah" sedangkan yang sebenarnya mereka tidak membunuhnya dan tidak pula mensalibkannya, tetapi mereka hanya telah dikeliru mereka begitu."(157)

أَمْ يَحْسُدُونَ ٱلنَّاسَ عَلَىٰ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ
فَقَدْ ءَاتَيْنَآ ءَالَ إِبْرَٰهِيمَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ
وَءَاتَيْنَٰهُم مُّلْكًا عَظِيمًا ﴿٥٤﴾

"Atau apakah mereka dengkikan orang-orang lain kerana Allah telah menganugerahkan limpah kurnia kepada mereka. Sesungguhnya Kami telah menganugerahkan limpah kurnia kepada keluarga Ibrahim kitab suci dan hikmat dan Kami anugerahkan kepada mereka kerajaan yang amat besar."(54)

فَمِنْهُم مَّنْ ءَامَنَ بِهِۦ وَمِنْهُم مَّن صَدَّ عَنْهُ

"Maka di antara mereka ada yang beriman kepadanya dan ada pula yang menentangnya."

* * * * * *

Membersihkan Masyarakat Islam Dari Keladak-keladak Jahiliyah

Begitu juga surah ini mengambil bahagian dalam rangka usaha mengaturkan masyarakat Islam dan membersihkannya dari keladak-keladak jahiliyah, iaitu dengan menjelaskan makna agama, definasi keimanan dan syarat keislaman. Ekoran dari penjelasan ini lahirlah kehendak-kehendak keperluannya dalam bentuk dasar-dasar dan arahan-arahan yang telah kita terangkan secara umum sebelum ini. Surah ini juga bertugas menolak pengeliruan-pengeliruan dan tipudaya-tipudaya kaum Yahudi terutama dalam perkara yang berhubung kait dengan kerasulan yang benar di samping menjelaskan setengah-setengah dasar kefahaman dan pandangan Islam yang asasi dan menghapuskan kekeliruan yang menyelubunginya. Ia juga menjelas ciri-ciri keterlaluan yang wujud di dalam 'aqidah kaum Ahlil-Kitab dari kumpulan kaum Kristian setelah menolak tuduhan-tuduhan kaum Yahudi yang didusta terhadap 'Isa a.s. dan bondanya yang suci. Ia juga menjelaskan dasar keesaan Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah, menjelaskan hakikat takdir Allah, dan hubungan-Nya dengan para makhluk-Nya, menjelaskan hakikat ajal dan hubungannya dengan takdir Allah, menjelaskan batas dosa-dosa yang diampunkan Allah dan batas-batas taubat dan hakikatnya, menjelaskan dasar-dasar amalan dan balasan dan lain-lain asas kepercayaan yang asasi sebagaimana yang dibicarakan oleh ayat-ayat yang berikut:

إِنَّمَا ٱلتَّوْبَةُ عَلَى ٱللَّهِ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلسُّوٓءَ
بِجَهَٰلَةٍ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِن قَرِيبٍ فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَتُوبُ
ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٧﴾
وَلَيْسَتِ ٱلتَّوْبَةُ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ
حَتَّىٰٓ إِذَا حَضَرَ أَحَدَهُمُ ٱلْمَوْتُ قَالَ إِنِّى تُبْتُ
ٱلْـَٰٔنَ وَلَا ٱلَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمْ كُفَّارٌ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ
أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya taubat itu hanya disanggupi Allah untuk orang-orang yang melakukan kejahatan kerana kejahilan kemudian mereka bertaubat dengan segera. Merekalah orang-orang yang diterima Allah taubat mereka dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (17). Dan taubat itu bukannya untuk orang-orang yang terus mengerjakan kejahatan sehingga apabila seseorang dari mereka didatangi maut ia pun berkata: "Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini" dan tidak pula untuk orang-orang yang mati dalam keadaan kafir. Untuk mereka Kami telah pun menyediakan azab yang amat pedih."(18)

يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُبَيِّنَ لَكُمْ وَيَهْدِيَكُمْ سُنَنَ
ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ وَيَتُوبَ عَلَيْكُمْ ۗ وَٱللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٢٦﴾
وَٱللَّهُ يُرِيدُ أَن يَتُوبَ عَلَيْكُمْ وَيُرِيدُ ٱلَّذِينَ
يَتَّبِعُونَ ٱلشَّهَوَٰتِ أَن تَمِيلُوا۟ مَيْلًا عَظِيمًا ﴿٢٧﴾
يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمْ ۚ وَخُلِقَ ٱلْإِنسَٰنُ
ضَعِيفًا ﴿٢٨﴾

"Allah mahu menjelaskan hukum-hukumnya kepada kamu dan menunjukkan kepada kamu peraturan-peraturan yang baik yang diikuti oleh orang-orang Mu'minin sebelum kamu serta menerima taubat kamu. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (26). Dan Allah mahu menerima taubat kamu, sedangkan orang-orang yang mengikut hawa nafsu mahu kamu sesat di dalam kesesatan yang amat besar (27). Allah mahu memberi keringanan kepada kamu kerana manusia itu diciptakan dengan sifat yang lemah."(28)

إِن تَجۡتَنِبُواْ كَبَآئِرَ مَا تُنۡهَوۡنَ عَنۡهُ نُكَفِّرۡ
عَنكُمۡ سَيِّـَٔاتِكُمۡ وَنُدۡخِلۡكُم مُّدۡخَلٗا
كَرِيمٗا ﴿٣١﴾

"Jika kamu menjauhkan dosa-dosa yang besar yang dilarangkan kamu melakukannya nescaya Kami hapuskan kesalahan-kesalahan kamu (dosa-dosa kecil) dan Kami masukkan kamu di tempat yang mulia (Syurga)."(31)

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظۡلِمُ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖۖ وَإِن تَكُ حَسَنَةٗ
يُضَٰعِفۡهَا وَيُؤۡتِ مِن لَّدُنۡهُ أَجۡرًا عَظِيمٗا ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya Allah tidak menganiayai seseorang walaupun sebesar zarah dan jika ada kebajikan sebesar zarah (yang dilakukannya) nescaya Allah gandakan balasan-Nya dan mengurniakan dari sisi-Nya pahala yang amat besar."(40)

أَلَمۡ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمۡ كُفُّوٓاْ أَيۡدِيَكُمۡ وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ
وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيۡهِمُ ٱلۡقِتَالُ إِذَا فَرِيقٞ مِّنۡهُمۡ
يَخۡشَوۡنَ ٱلنَّاسَ كَخَشۡيَةِ ٱللَّهِ أَوۡ أَشَدَّ خَشۡيَةٗۚ وَقَالُواْ رَبَّنَا
لِمَ كَتَبۡتَ عَلَيۡنَا ٱلۡقِتَالَ لَوۡلَآ أَخَّرۡتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٖ قَرِيبٖۗ قُلۡ
مَتَٰعُ ٱلدُّنۡيَا قَلِيلٞ وَٱلۡأٓخِرَةُ خَيۡرٞ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ وَلَا
تُظۡلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٧﴾

أَيۡنَمَا تَكُونُواْ يُدۡرِككُّمُ ٱلۡمَوۡتُ وَلَوۡ كُنتُمۡ فِي بُرُوجٖ
مُّشَيَّدَةٖۗ وَإِن تُصِبۡهُمۡ حَسَنَةٞ يَقُولُواْ هَٰذِهِۦ مِنۡ عِندِ ٱللَّهِۖ
وَإِن تُصِبۡهُمۡ سَيِّئَةٞ يَقُولُواْ هَٰذِهِۦ مِنۡ عِندِكَۚ قُلۡ كُلّٞ
مِّنۡ عِندِ ٱللَّهِۖ فَمَالِ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلۡقَوۡمِ لَا يَكَادُونَ يَفۡقَهُونَ
حَدِيثٗا ﴿٧٨﴾

مَّآ أَصَابَكَ مِنۡ حَسَنَةٖ فَمِنَ ٱللَّهِۖ وَمَآ أَصَابَكَ مِن سَيِّئَةٖ
فَمِن نَّفۡسِكَۚ وَأَرۡسَلۡنَٰكَ لِلنَّاسِ رَسُولٗاۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
شَهِيدٗا ﴿٧٩﴾

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang dikatakan kepada mereka: Tahanlah tangan kamu dari berperang dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat. Kemudian setelah mereka diwajibkan berperang tiba-tiba segolongan dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih takut lagi, mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapa Engkau wajibkan kami berperang? Mengapa tidak Engkau tangguhkan kami berperang hingga ke satu masa yang hampir? Katakanlah: Keni'matan dunia itu hanya sedikit sahaja dan Akhirat itu lebih baik untuk orang yang bertaqwa dan di sana kamu tidak akan dianiayai sedikitpun (77). Di mana sahaja kamu berada maut tetap mendapatkan kamu walaupun kamu didalam kubu yang tinggi. Dan jika kamu memperolehi kebaikan nescaya mereka berkata: Ini adalah anugerah dari sisi Allah, dan jika mereka ditimpa keburukan nescaya mereka berkata: Ini adalah dari perbuatan engkau (Muhammad), katakanlah: Semua adalah dari Allah belaka. Mengapa orang-orang ini hampir-hampir tidak dapat memahami sesuatu percakapan (78). Apa sahaja kebaikan yang telah diperolehi engkau adalah dari anugerah Allah dan apa sahaja keburukan yang telah menimpa engkau adalah dari kesalahan diri engkau sendiri."(79)

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ
ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ ضَلَّ
ضَلَٰلَۢا بَعِيدًا ﴿١١٦﴾

"Sesungguhnya Allah tidak mengampunkan kesalahan mempersekutukannya dan Dia bersedia mengampunkan kesalahan yang lain dari itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan sesiapa yang mensyirikkan Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat di dalam kesesatan yang amat jauh."(116)

لَّيۡسَ بِأَمَانِيِّكُمۡ وَلَآ أَمَانِيِّ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِۗ مَن
يَعۡمَلۡ سُوٓءٗا يُجۡزَ بِهِۦ وَلَا يَجِدۡ لَهُۥ مِن دُونِ
ٱللَّهِ وَلِيّٗا وَلَا نَصِيرٗا ﴿١٢٣﴾
وَمَن يَعۡمَلۡ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن ذَكَرٍ أَوۡ أُنثَىٰ
وَهُوَ مُؤۡمِنٞ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَدۡخُلُونَ ٱلۡجَنَّةَ وَلَا
يُظۡلَمُونَ نَقِيرٗا ﴿١٢٤﴾

"(Pahala yang dijanjikan Allah itu) bukanlah mengikut angan-angan kamu dan tidak pula mengikut angan-angan Ahlil-Kitab. Sesiapa yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan kejahatan dan dia tidak akan menemui seseorang pun yang sanggup menjadi pelindung dan penolong (123). Dan sesiapa yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh baik lelaki atau perempuan, sedangkan ia seorang yang beriman, maka mereka akan memasuki Syurga dan mereka tidak dianiayai sedikitpun."(124)

مَّا يَفۡعَلُ ٱللَّهُ بِعَذَابِكُمۡ إِن شَكَرۡتُمۡ وَءَامَنتُمۡۚ

وَكَانَ ٱللَّهُ شَاكِرًا عَلِيمًا ﴿١٤٧﴾

"Tidaklah Allah bertindak mengazabkan kamu jika kamu bersyukur dan beriman dan Allah Maha Bersyukur dan Maha Mengetahui".(147)

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَيُرِيدُونَ أَن
يُفَرِّقُوا۟ بَيْنَ ٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَيَقُولُونَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ
وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَن يَتَّخِذُوا۟ بَيْنَ
ذَٰلِكَ سَبِيلًا ﴿١٥٠﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ حَقًّا ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ
عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٥١﴾
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَلَمْ يُفَرِّقُوا۟ بَيْنَ
أَحَدٍ مِّنْهُمْ أُو۟لَٰٓئِكَ سَوْفَ يُؤْتِيهِمْ أُجُورَهُمْ ۗ
وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٥٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir terhadap Allah dan rasul-rasul-Nya dan mahu membeza-bezakan di antara Allah dan rasul-rasul-Nya dan berkata: Kami beriman kepada setengah-setengah Rasul dan kami ingkar setengah-setengah Rasul yang lain dan mereka mahu memilih jalan di antara keduanya (150) Merekalah orang-orang kafir yang sebenar dan Kami telahpun menyediakan untuk orang-orang yang kafir itu azab yang amat menghinakan (151). Dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan tidak membeza-bezakan seseorang pun dari mereka, maka Allah akan mengurniakan pahala kepada mereka dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(152)

يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَا تَغْلُوا۟ فِى دِينِكُمْ وَلَا
تَقُولُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْحَقَّ ۚ إِنَّمَا ٱلْمَسِيحُ عِيسَى
ٱبْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ ٱللَّهِ وَكَلِمَتُهُۥٓ أَلْقَىٰهَآ إِلَىٰ
مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ ۖ فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ ۖ وَلَا
تَقُولُوا۟ ثَلَٰثَةٌ ۚ ٱنتَهُوا۟ خَيْرًا لَّكُمْ ۚ إِنَّمَا ٱللَّهُ إِلَٰهٌ
وَٰحِدٌ ۖ سُبْحَٰنَهُۥٓ أَن يَكُونَ لَهُۥ وَلَدٌ ۘ لَّهُۥ مَا فِى
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿١٧١﴾
لَّن يَسْتَنكِفَ ٱلْمَسِيحُ أَن يَكُونَ عَبْدًا لِّلَّهِ وَلَا
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ٱلْمُقَرَّبُونَ ۚ وَمَن يَسْتَنكِفْ عَنْ
عِبَادَتِهِۦ وَيَسْتَكْبِرْ فَسَيَحْشُرُهُمْ إِلَيْهِ جَمِيعًا ﴿١٧٢﴾
فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَيُوَفِّيهِمْ
أُجُورَهُمْ وَيَزِيدُهُم مِّن فَضْلِهِۦ ۖ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ
ٱسْتَنكَفُوا۟ وَٱسْتَكْبَرُوا۟ فَيُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا
أَلِيمًا وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا
نَصِيرًا ﴿١٧٣﴾

"Wahai Ahlil-Kitab! Janganlah kamu bersikap keterlaluan dalam agama kamu dan janganlah kamu mengatakan sesuatu mengenai Allah melainkan perkara yang benar. Sesungguhnya al-Masih 'Isa putera Maryam itu hanya utusan Allah dan kalimat-Nya yang telah dicampakkannya kepada Maryam dan tiupan roh dari-Nya. Oleh itu hendaklah kamu beriman kepada Allah dari rasul-rasul-Nya dan janganlah kamu mengatakan Tuhan itu tiga. Berhentilah (dari berbuat begitu)! Itu lebih baik kepada kamu. Sesungguhnya Allah itu Tuhan Yang Maha Esa. Maha Sucilah Allah dari mempunyai anak. Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan cukupkan Allah sendiri menjadi penjaga (171). Al-Masih sekali-kali tidak pernah enggan untuk menjadi hamba Allah dan para malaikat yang hampir kepada Allah juga tidak pernah enggan. Sesiapa yang enggan mengabdikan dirinya kepada Allah dan bersikap takbur nescaya Allah akan mengumpulkan mereka semua di hadapan-Nya (172). Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka Allah akan menyempurna-kan balasan pahala mereka dan menambah-kan limpah kurnia-Nya kepada mereka. Dan adapun orang-orang yang enggan mengabdikan dirinya kepada Allah dan bersikap takbur, maka Allah akan menyeksakan mereka dengan azab yang amat pedih dan mereka tidak akan menemui seorang pun yang sanggup menjadi pelindung dan penolong kepada mereka."(173)

* * * * * *

Menegakkan Asas-asas Akhlak Yang Luhur

Mengenai teras-teras akhlak yang luhur yang menjadi tapak tegak binaan masyarakat Islam, maka surah ini mengemukakan sebahagian darinya sebagaimana telah diterangkan setengah-setengahnya sebelum ini. Unsur akhlak merupakan unsur semulajadi yang amat mendalam di dalam tabi'at kefahaman dan pandangan Islam dan di dalam tabi'at masyarakat Islam, di mana tiada satu sudut pun dari seluruh sudut-sudut kehidupan dan aktivitinya yang sunyi dari unsur akhlak. Di sini memadalah kami terangkan secara sepintas lalu dan ringkas setengah-setengah asas yang diambil dari unsur akhlak yang semulajadi dalam kehidupan kelompok Muslimin itu sebagai tambahan kepada huraian-huraian yang telah kami paparkan mengenai isi kandungan surah ini.

Masyarakat Islam adalah sebuah masyarakat yang ditegakkan di atas asas 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa. Di sini jelaslah bahawa masyarakat Islam

adalah sebuah masyarakat yang bebas dari segala bentuk perhambaan kepada sesama manusia sebagaimana yang terdapat di dalam semua sistem hidup di muka bumi ini. Hanya sistem Islam sahaja yang terkecuali dan dalam sistem Islam ciri Uluhiyah atau ketuhanan itu hanya untuk Allah Yang Maha Esa semata-mata. Ia tidak memberi sebarang ciri Uluhiyah kepada seseorang manusia pun dan tidak memaksa manusia agar ta'at secara mutlak kepada mana-mana tokoh. Dari kebebasan inilah lahirnya dan bertolaknya seluruh akhlak yang mulia kerana semuanya datang dari sumber keinginan mencari keredhaan Allah dan matlamatnya yang tinggi ialah menuju kepada usaha-usaha untuk menghiaskan diri dengan akhlak-akhlak Allah. Di sini jelaslah bahawa akhlak Islam adalah akhlak bersih dari nifaq dan ria' dan bersih dari maksud-maksud yang bukan kerana Allah. Inilah asas yang agung di dalam akhlak Islam dan dalam keluhuran pekerti masyarakat Islam.

Kemudian dikemukakan setengah-setengah butiran unsur akhlak itu di dalam surah ini di samping asasnya yang agung itu, iaitu masyarakat Islam ialah masyarakat yang ditegakkan di atas prinsip-prinsip amanah, keadilan, tidak makan harta orang lain dengan cara yang tidak benar, tidak mengadakan perbincangan-perbincangan rahsia dan pakatan-pakatan sulit kecuali untuk maksud-maksud yang baik dan tidak mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji secara terbuka kecuali oleh orang-orang yang dizalimi, memberi pertolongan yang baik, memberi ucapan salam yang baik, mencegah segala perbuatan-perbuatan yang sumbang, mengharamkan zina dan menyimpan teman-teman kekasih, menjauhi sikap sombong dan takbur, menjauhi ria' dan tabi'at bakhil, hasad dengki dan dendam kesumat. Di samping itu masyarakat Islam juga ditegakkan di atas dasar-dasar takaful, tolong-menolong, tegur-menegur, bertolak-ansur, menjaga maruah diri, berani dan patuh kepada kepimpinan yang wajar dita'ati dan sebagainya.

Kebanyakan ayat yang membicarakan prinsip-prinsip dan dasar-dasar ini telahpun disebut sebelum ini dan akan dihuraikan dengan terperinci pada tempatnya masing-masing, di sini memadailah kita menyebut peristiwa tunggal yang menuding kepada akhlak yang tinggi yang menjadi impian manusia, iaitu impian yang selama-lamanya tidak tercapai - malah tidak pernah dicapai oleh mereka kecuali di bawah naungan sistem hidup Islam yang unik dan mengkagumkan ini.

Ketika kaum Yahudi sibuk melakukan berbagai-bagai tipu daya yang jahat untuk menggugatkan Islam, menjatuhkan Nabinya s.a.w. dan memecah-belahkan barisan Muslimin dan kepimpinan mereka, Al-Qur'an sibuk membangunkan umat Muslimin di bawah pengamatan mata Ilahi dan meningkatkan mereka ke kemuncak yang tinggi dengan kefahaman-kefahaman, akhlak-akhlak dan sistem hidup mereka (yang unik). Di sini Al-Qur'an membicarakan satu peristiwa tunggal yang ada kaitan dengan seseorang Yahudi dengan pembicaraan yang terperinci yang kami akan ulaskan nanti.

Allah memerintah umat Muslimin supaya melaksanakan amanah yang mutlak dan mengamalkan keadilan yang mutlak di antara seluruh individu manusia yang berbagai-bagai bangsa dan agama, berbagai-bagai kaum dan negara. Allah berfirman kepada mereka:

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ ٱلْأَمَـٰنَـٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا
حَكَمْتُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah (dan tanggungjawab) kepada orang-orang yang berhak menerimanya dan apabila kamu mengadili di antara orang ramai, maka hendaklah kamu mengadili mereka dengan adil. Sesungguhnya itulah sebaik-baik pengajaran yang diberikannya kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat.(58)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ
لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ ٱلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ
غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَٱللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلْهَوَىٰٓ
أَن تَعْدِلُوا۟ ۚ وَإِن تَلْوُۥٓا۟ أَوْ تُعْرِضُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٣٥﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi para penegak keadilan dan para saksi yang benar kerana Allah walaupun terhadap diri kamu sendiri atau terhadap dua ibubapa dan kaum kerabat. Jika yang terdakwa itu kaya atau miskin, maka Allah lebih mengetahui hal keduanya. Oleh itu janganlah kamu mengikut hawa nafsu untuk tidak berlaku adil. Jika kamu memutarbelitkan keterangan atau enggan (memberi keterangan yang benar) maka sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(135)

Kemudian di sini dikemukakan beberapa ayat Al-Qur'an yang diturun untuk memberi keadilan kepada seorang Yahudi yang terlibat dalam satu tuduhan yang zalim yang diharapkan oleh sekumpulan orang-orang Islam dari kaum Ansar yang belum lagi tertanam di dalam hati mereka dasar-dasar akhlak Islam yang tinggi dan belum lagi jiwa mereka bersih dengan sejilah-jilahnya dari keladak-keladak jahiliyah. Mereka telah didorong oleh semangat kefanatikan darah keturunan dan kekeluargaan lalu berpakat membersihkan salah seorang dari mereka dari kesalahan dan melemparkan tuduhan itu kepada seorang Yahudi. Mereka bersama-sama menuduh Yahudi itu dan menjadi saksi menentangnya dalam satu kes pencurian baju besi. Mereka berbuat demikian di hadapan Nabi s.a.w. sehingga beliau hampir-hampir menghukumkan Yahudi itu dengan

hukum hudud dan membebaskan pencuri yang sebenar.

Ayat-ayat yang diturunkan ini mengandungi kecaman yang berat terhadap Nabi s.a.w. dan menudingkan kesalahan pencurian baju besi itu kepada sekumpulan Ansar (penduduk Madinah) yang telah memberi perlindungan, sokongan dan pertolongan kepada Nabi s.a.w. untuk memberi keadilan kepada seorang Yahudi yang tidak bersalah dari tuduhan palsu yang dilakukan oleh kumpulan itu. Mereka telah melakukan satu perbuatan yang menyakiti Nabi s.a.w. dan menggugatkan da'wahnya. Mereka telah melaku satu tipu muslihat yang amat buruk terhadap beliau dan kaum Muslimin. Ayat-ayat itu juga memberi amaran kepada mereka yang melakukan sesuatu kesalahan atau sesuatu dosa kemudian melemparkannya kepada orang yang tidak bersalah. Oleh sebab itu di dalam ayat-ayat ini terdapat gambaran perpindahan yang menarik ke puncak akhlak yang tinggi dan gambaran yang gemilang yang menggambarkan usaha mendaki tangga yang tinggi.

Semua ayat-ayat yang berikut ini diturunkan kerana satu peristiwa seorang Yahudi:

إِنَّآ أَنزَلۡنَآ إِلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ بِٱلۡحَقِّ لِتَحۡكُمَ بَيۡنَ ٱلنَّاسِ
بِمَآ أَرَىٰكَ ٱللَّهُۚ وَلَا تَكُن لِّلۡخَآئِنِينَ خَصِيمٗا ١٠٥
وَٱسۡتَغۡفِرِ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ١٠٦
وَلَا تُجَٰدِلۡ عَنِ ٱلَّذِينَ يَخۡتَانُونَ أَنفُسَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُحِبُّ مَن كَانَ خَوَّانًا أَثِيمٗا ١٠٧
يَسۡتَخۡفُونَ مِنَ ٱلنَّاسِ وَلَا يَسۡتَخۡفُونَ مِنَ ٱللَّهِ
وَهُوَ مَعَهُمۡ إِذۡ يُبَيِّتُونَ مَا لَا يَرۡضَىٰ مِنَ ٱلۡقَوۡلِۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا يَعۡمَلُونَ مُحِيطًا ١٠٨
هَٰٓأَنتُمۡ هَٰٓؤُلَآءِ جَٰدَلۡتُمۡ عَنۡهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا
فَمَن يُجَٰدِلُ ٱللَّهَ عَنۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ أَم مَّن يَكُونُ
عَلَيۡهِمۡ وَكِيلٗا ١٠٩
وَمَن يَعۡمَلۡ سُوٓءًا أَوۡ يَظۡلِمۡ نَفۡسَهُۥ ثُمَّ يَسۡتَغۡفِرِ ٱللَّهَ
يَجِدِ ٱللَّهَ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ١١٠
وَمَن يَكۡسِبۡ إِثۡمٗا فَإِنَّمَا يَكۡسِبُهُۥ عَلَىٰ نَفۡسِهِۦۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا ١١١
وَمَن يَكۡسِبۡ خَطِيٓـَٔةً أَوۡ إِثۡمٗا ثُمَّ يَرۡمِ بِهِۦ بَرِيٓـٔٗا
فَقَدِ ٱحۡتَمَلَ بُهۡتَٰنٗا وَإِثۡمٗا مُّبِينٗا ١١٢
وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكَ وَرَحۡمَتُهُۥ لَهَمَّت طَّآئِفَةٞ
مِّنۡهُمۡ أَن يُضِلُّوكَ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمۡۖ وَمَا
يَضُرُّونَكَ مِن شَيۡءٖۚ وَأَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ
وَٱلۡحِكۡمَةَ وَعَلَّمَكَ مَا لَمۡ تَكُن تَعۡلَمُۚ وَكَانَ فَضۡلُ
ٱللَّهِ عَلَيۡكَ عَظِيمٗا ١١٣
لَّا خَيۡرَ فِي كَثِيرٖ مِّن نَّجۡوَىٰهُمۡ إِلَّا مَنۡ أَمَرَ
بِصَدَقَةٍ أَوۡ مَعۡرُوفٍ أَوۡ إِصۡلَٰحِۭ بَيۡنَ ٱلنَّاسِۚ
وَمَن يَفۡعَلۡ ذَٰلِكَ ٱبۡتِغَآءَ مَرۡضَاتِ ٱللَّهِ فَسَوۡفَ
نُؤۡتِيهِ أَجۡرًا عَظِيمٗا ١١٤
وَمَن يُشَاقِقِ ٱلرَّسُولَ مِنۢ بَعۡدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ ٱلۡهُدَىٰ
وَيَتَّبِعۡ غَيۡرَ سَبِيلِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ نُوَلِّهِۦ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصۡلِهِۦ
جَهَنَّمَۖ وَسَآءَتۡ مَصِيرًا ١١٥
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ
ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ ضَلَّ
ضَلَٰلَۢا بَعِيدًا ١١٦

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada engkau kitab Al-Qur'an yang membawa kebenaran supaya engkau mengadili di antara orang ramai dengan hukum yang telah ditunjukkan Allah kepada engkau dan janganlah engkau jadi pembela kepada orang-orang yang khianat (105). Dan pohonlah keampunan kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (106). Dan janganlah engkau berdebat untuk membela orang-orang yang mengkhianati diri mereka sendiri. Sesungguhnya Allah tidak sukakan mereka yang khianat dan bergelumang dengan dosa (107). Mereka menyembunyikan (kejahatan mereka) dari manusia, tetapi mereka tidak dapat menyembunyikannya dari Allah, dan Allah bersama mereka ketika mereka merancangkan di waktu malam (dan mengeluarkan) perkataan-perkataan yang tidak diredhai Allah dan ilmu Allah meliputi segala apa yang dilakukan

mereka (108). Ya! Kamulah orang-orang yang telah berhujjah membela mereka di dalam kehidupan dunia, tetapi siapakah pula yang sanggup berhujjah dengan Allah untuk membela mereka pada hari Qiamat atau siapakah pula yang sanggup menjadi pelindung mereka? (109) Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiayai diri sendiri kemudian ia memohon ampun kepada Allah, nescaya ia dapati Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (110). Dan barang siapa yang mengerjakan sesuatu dosa, maka sesungguhnya ia mengerjakannya untuk memusnahkan dirinya sendiri dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (111). Dan barang siapa yang mengerjakan sesuatu kesalahan atau sesuatu dosa kemudian ia menuduhkannya kepada orang yang tidak bersalah, maka sesungguhnya dia telah memikul kesalahan berbuat dusta dan dosa yang amat nyata (112). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada engkau (Muhammad) nescaya segolongan dari mereka telah melaksanakan keazaman mereka untuk menyesatkan engkau, tetapi mereka tidak akan dapat menyesatkan engkau dan tiada yang dapat disesatkan mereka melainkan hanya diri mereka sendiri supaya mereka tidak dapat memudharatkan engkau sedikit pun. Dan Allah telah menurunkan kepada engkau kitab Al-Qur'an dan hikmat dan mengajar engkau apa yang engkau tidak ketahui. Dan limpah kurnia Allah kepada engkau adalah amat besar (113). Tiada suatu kebajikan dalam perbincangan rahsia mereka kecuali perbincangan mereka yang bertujuan menyuruh memberi sedekah atau membuat kebajikan atau mendamaikan perbalahan di antara orang ramai dan sesiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah, maka Allah akan mengurniakan kepadanya pahala yang amat besar (114). Dan sesiapa yang menentang Rasul setelah jelas petunjuk Allah kepadanya dan ia mengikuti jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman nescaya Kami biarkannya menguasai kesesatan yang dipilih olehnya dan Kami akan masukkannya ke dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (115). Sesungguhnya Allah tidak mengampunkan kesalahan mempersekutukan-Nya dan Dia bersedia mengampunkan kesalahan yang lain dari itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan sesiapa yang mensyirikkan Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat dalam kesesatan yang amat jauh."(116)

Apakah yang dapat disifatkan oleh seseorang terhadap sistem hidup Islam ini? Tiada lain melainkan itulah sistem hidup yang unik. Itulah satu-satunya sistem yang dapat memungut manusia dari kaki bukit kemunduran dan meningkatkannya hingga ke puncak kemuliaan dalam jangka masa yang sependek ini.

* * * * * *

Kini memadalah kepada kita dengan pendahuluan ini untuk memperkenalkan surah ini, maudhu'-maudhu' pembicaraannya dan garis pengolahannya dan bagi maksud ini kami telah mengemukakan berbagai-bagai hakikat kefahaman-kefahaman, bimbingan-bimbingan, undang-undang dan peraturan-peraturan secara umum dan ringkas dan kami harap dapat menghuraikannya semula dengan terperinci apabila dibicarakan pada tempatnya masing-masing.

Semoga Allah mengurniakan taufik.

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 14)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِي خَلَقَكُم مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ
وَخَلَقَ مِنۡهَا زَوۡجَهَا وَبَثَّ مِنۡهُمَا رِجَالٗا كَثِيرٗا وَنِسَآءٗۚ وَٱتَّقُواْ
ٱللَّهَ ٱلَّذِي تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلۡأَرۡحَامَۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيۡكُمۡ
رَقِيبٗا ١
وَءَاتُواْ ٱلۡيَتَٰمَىٰٓ أَمۡوَٰلَهُمۡۖ وَلَا تَتَبَدَّلُواْ ٱلۡخَبِيثَ بِٱلطَّيِّبِۖ
وَلَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَهُمۡ إِلَىٰٓ أَمۡوَٰلِكُمۡۚ إِنَّهُۥ كَانَ حُوبٗا كَبِيرٗا ٢
وَإِنۡ خِفۡتُمۡ أَلَّا تُقۡسِطُواْ فِي ٱلۡيَتَٰمَىٰ فَٱنكِحُواْ مَا طَابَ
لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ مَثۡنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَۖ فَإِنۡ خِفۡتُمۡ أَلَّا تَعۡدِلُواْ
فَوَٰحِدَةً أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُكُمۡۚ ذَٰلِكَ أَدۡنَىٰٓ أَلَّا تَعُولُواْ ٣
وَءَاتُواْ ٱلنِّسَآءَ صَدُقَٰتِهِنَّ نِحۡلَةٗۚ فَإِن طِبۡنَ لَكُمۡ عَن شَيۡءٖ
مِّنۡهُ نَفۡسٗا فَكُلُوهُ هَنِيٓـٔٗا مَّرِيٓـٔٗا ٤
وَلَا تُؤۡتُواْ ٱلسُّفَهَآءَ أَمۡوَٰلَكُمُ ٱلَّتِي جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمۡ قِيَٰمٗا
وَٱرۡزُقُوهُمۡ فِيهَا وَٱكۡسُوهُمۡ وَقُولُواْ لَهُمۡ قَوۡلٗا مَّعۡرُوفٗا ٥
وَٱبۡتَلُواْ ٱلۡيَتَٰمَىٰ حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغُواْ ٱلنِّكَاحَ فَإِنۡ ءَانَسۡتُم مِّنۡهُمۡ
رُشۡدٗا فَٱدۡفَعُوٓاْ إِلَيۡهِمۡ أَمۡوَٰلَهُمۡۖ وَلَا تَأۡكُلُوهَآ إِسۡرَافٗا وَبِدَارًا
أَن يَكۡبَرُواْۚ وَمَن كَانَ غَنِيّٗا فَلۡيَسۡتَعۡفِفۡۖ وَمَن كَانَ فَقِيرٗا
فَلۡيَأۡكُلۡ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ فَإِذَا دَفَعۡتُمۡ إِلَيۡهِمۡ أَمۡوَٰلَهُمۡ
فَأَشۡهِدُواْ عَلَيۡهِمۡۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبٗا ٦
لِّلرِّجَالِ نَصِيبٞ مِّمَّا تَرَكَ ٱلۡوَٰلِدَانِ وَٱلۡأَقۡرَبُونَ وَلِلنِّسَآءِ
نَصِيبٞ مِّمَّا تَرَكَ ٱلۡوَٰلِدَانِ وَٱلۡأَقۡرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنۡهُ
أَوۡ كَثُرَۚ نَصِيبٗا مَّفۡرُوضٗا ٧
وَإِذَا حَضَرَ ٱلۡقِسۡمَةَ أُوْلُواْ ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡيَتَٰمَىٰ
وَٱلۡمَسَٰكِينُ فَٱرۡزُقُوهُم مِّنۡهُ وَقُولُواْ لَهُمۡ قَوۡلٗا
مَّعۡرُوفٗا ٨

وَلۡيَخۡشَ ٱلَّذِينَ لَوۡ تَرَكُواْ مِنۡ خَلۡفِهِمۡ ذُرِّيَّةٗ
ضِعَٰفًا خَافُواْ عَلَيۡهِمۡ فَلۡيَتَّقُواْ ٱللَّهَ وَلۡيَقُولُواْ قَوۡلٗا
سَدِيدًا ٩
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَأۡكُلُونَ أَمۡوَٰلَ ٱلۡيَتَٰمَىٰ ظُلۡمًا إِنَّمَا
يَأۡكُلُونَ فِي بُطُونِهِمۡ نَارٗاۖ وَسَيَصۡلَوۡنَ سَعِيرٗا ١٠
يُوصِيكُمُ ٱللَّهُ فِيٓ أَوۡلَٰدِكُمۡۖ لِلذَّكَرِ مِثۡلُ حَظِّ
ٱلۡأُنثَيَيۡنِۚ فَإِن كُنَّ نِسَآءٗ فَوۡقَ ٱثۡنَتَيۡنِ فَلَهُنَّ
ثُلُثَا مَا تَرَكَۖ وَإِن كَانَتۡ وَٰحِدَةٗ فَلَهَا ٱلنِّصۡفُۚ
وَلِأَبَوَيۡهِ لِكُلِّ وَٰحِدٖ مِّنۡهُمَا ٱلسُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن
كَانَ لَهُۥ وَلَدٞۚ فَإِن لَّمۡ يَكُن لَّهُۥ وَلَدٞ وَوَرِثَهُۥٓ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ
ٱلثُّلُثُۚ فَإِن كَانَ لَهُۥٓ إِخۡوَةٞ فَلِأُمِّهِ ٱلسُّدُسُۚ مِنۢ
بَعۡدِ وَصِيَّةٖ يُوصِي بِهَآ أَوۡ دَيۡنٍۗ ءَابَآؤُكُمۡ وَأَبۡنَآؤُكُمۡ
لَا تَدۡرُونَ أَيُّهُمۡ أَقۡرَبُ لَكُمۡ نَفۡعٗاۚ فَرِيضَةٗ مِّنَ
ٱللَّهِۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمٗا ١١
وَلَكُمۡ نِصۡفُ مَا تَرَكَ أَزۡوَٰجُكُمۡ إِن لَّمۡ
يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٞۚ فَإِن كَانَ لَهُنَّ وَلَدٞ فَلَكُمُ
ٱلرُّبُعُ مِمَّا تَرَكۡنَۚ مِنۢ بَعۡدِ وَصِيَّةٖ يُوصِينَ
بِهَآ أَوۡ دَيۡنٖۚ وَلَهُنَّ ٱلرُّبُعُ مِمَّا تَرَكۡتُمۡ إِن
لَّمۡ يَكُن لَّكُمۡ وَلَدٞۚ فَإِن كَانَ لَكُمۡ
وَلَدٞ فَلَهُنَّ ٱلثُّمُنُ مِمَّا تَرَكۡتُمۚ مِّنۢ بَعۡدِ وَصِيَّةٖ
تُوصُونَ بِهَآ أَوۡ دَيۡنٖۗ وَإِن كَانَ رَجُلٞ يُورَثُ
كَلَٰلَةً أَوِ ٱمۡرَأَةٞ وَلَهُۥٓ أَخٌ أَوۡ أُخۡتٞ فَلِكُلِّ وَٰحِدٖ
مِّنۡهُمَا ٱلسُّدُسُۚ فَإِن كَانُوٓاْ أَكۡثَرَ مِن ذَٰلِكَ
فَهُمۡ شُرَكَآءُ فِي ٱلثُّلُثِۚ مِنۢ بَعۡدِ وَصِيَّةٖ
يُوصَىٰ بِهَآ أَوۡ دَيۡنٍ غَيۡرَ مُضَآرّٖۚ وَصِيَّةٗ
مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٞ ١٢
تِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِۚ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
يُدۡخِلۡهُ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا
ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ وَذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ
ٱلۡعَظِيمُ ١٣
وَمَن يَعۡصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَتَعَدَّ
حُدُودَهُۥ يُدۡخِلۡهُ نَارًا خَٰلِدٗا فِيهَا وَلَهُۥ
عَذَابٞ مُّهِينٞ ١٤

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam) dan darinya Allah ciptakan isterinya dan dari keduanya Allah membiakkan zuriat (mereka) lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ramai dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang kamu saling meminta di antara sesama kamu dengan menyebut nama-Nya dan bertaqwalah memelihara hubungan rahim. Sesungguhnya Allah sentiasa mengawasi kamu (1). Dan serahkanlah kepada anak-anak yatim (yang baligh) harta kepunyaan mereka dan janganlah kamu tukarkan yang baik dengan yang buruk dan janganlah kamu makan harta mereka dengan mencampur adukkan dengan harta kamu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah suatu dosa yang besar (2). Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan-perempuan yang yatim (jika kamu berkahwin dengan mereka), maka kahwinlah dengan mana-mana perempuan yang lain yang disenangi kamu; dua, tiga dan empat. Dan jika kamu takut tidak berlaku adil (terhadap isteri-isteri yang lebih dari satu) maka kahwinlah seorang sahaja atau cukuplah dengan hamba-hamba perempuan yang dimiliki kamu. Itulah langkah yang lebih dekat untuk kamu tidak berlaku zalim (3). Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan (yang kamu kahwini itu) maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib dan andainya mereka dengan suka hati memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwin itu, maka makanlah pemberian itu dengan seenak-enaknya (4). Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akal harta-harta mereka yang di bawah jagaan kamu, yang Allah telah jadikannya sebagai asas kehidupan kamu. Dan berikanlah kepada mereka perbelanjaan dan pakaian dari hasil pendapatan harta itu dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik (5). Dan ujilah anak-anak yatim itu sehingga mereka cukup umur kemudian jika kamu melihat mereka telah mempunyai akal fikiran yang cerdik, maka serahkanlah kepada mereka harta kepunyaan mereka dan janganlah kamu makan harta mereka secara melampaui batas dan secara tergesa-gesa kerana takut mereka besar. Dan sesiapa (di antara para penjaga harta itu) yang kaya, maka hendaklah ia tahankan dirinya (dari memakannya) dan sesiapa yang miskin, maka bolehlah ia memakannya secara yang wajar. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada

mereka harta kepunyaan mereka, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi di atas (penerimaan) mereka dan cukuplah Allah Menjadi Pengira Yang Maha Halus (6). Orang-orang lelaki mempunyai bahagian pusaka dari harta peninggalan dua ibu bapa dan kerabat-kerabat dan orang-orang perempuan juga mempunyai bahagian pusaka dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabat-kerabat sama ada sedikit atau banyak sebagai bahagian yang telah ditentukan Allah (7). Dan apabila pembahagian pusaka itu dihadiri oleh kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), anak-anak yatim dan orang-orang miskin, maka berikanlah kepada mereka sedikit dari harta itu dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik (8). Hendaklah orang-orang (yang menjaga anak yatim itu) menaruh kebimbangan andainya mereka sendiri kelak meninggalkan anak-anak (yatim) yang lemah di belakang mereka tentulah mereka berasa bimbang terhadap mereka. Oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucap perkataan yang betul (9). Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim itu adalah sebenarnya menelan api Neraka ke dalam perut mereka dan mereka akan masuk ke dalam api Neraka yang bernyala-nyala (10). Allah memerintah kamu (dalam pembahagian pusaka) kepada anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan dan jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah separuh harta itu, dan bagi ibu bapa si mati ialah tiap-tiap seorang dari keduanya mendapat satu perenam dari harta peninggalan si mati jika si mati itu mempunyai anak, tetapi jika si mati itu tidak mempunyai anak dan yang mewarisinya hanya dua ibu bapanya sahaja, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Jika si mati itu mempunyai beberapa orang adik-beradik maka bahagian ibunya ialah satu perenam setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan olehnya dan setelah dibayarkan hutang-hutangnya. Mengenai bapa-bapa kamu dan anak-anak kamu, maka sebenarnya kamu tidak mengetahui siapakah di antara mereka yang lebih dekat manfa'atnya kepada kamu. (Itulah) ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (11). Dan bagi kamu separuh dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak, tetapi jika mereka mempunyai anak, maka kamu mendapat satu perempat dari harta yang ditinggalkan mereka setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan mereka atau sesudah dibayarkan hutang-hutang mereka. Dan bagi mereka (isteri-isteri kamu) satu perempat dari harta yang ditinggalkan kamu jika kamu tidak mempunyai anak, tetapi jika kamu mempunyai anak, maka mereka mendapat satu perlapan dari harta yang ditinggalkan kamu setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh kamu atau sesudah dibayarkan hutang-hutang kamu. Dan jika si mati lelaki atau si mati perempuan yang diwarisi itu seorang yang kalalah (tidak meninggalkan anak atau bapa) tetapi mempunyai saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu), maka setiap orang dari keduanya mendapat satu perenam, tetapi jika mereka lebih dari seorang, maka mereka berkongsi pada satu pertiga setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati atau setelah dibayarkan hutang-hutangnya dan hendaklah wasiat itu tidak mendatangkan mudharat (kepada para warisnya). (Itulah) perintah dari Allah dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Sabar (12). Itulah batas-batas hukum Allah dan sesiapa yang menta'ati Allah dan Rasul-Nya nescaya Allah masukkannya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka hidup kekal abadi di dalamnya dan itulah kejayaan yang amat besar (13). Dan sesiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya dan melanggar batas-batas hukumnya yang telah ditentukannya nescaya Allah memasukkannya ke dalam Neraka dan kekal hidup abadi didalamnya, dan ia mendapat azab yang amat menghinakan".(14)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pusingan pertama surah ini dimulai dengan ayat pembukaan yang mengembalikan "manusia" kepada Tuhan Yang Esa dan Pencipta Yang Tunggal, di samping mengembalikan mereka kepada asal-usul yang satu dan keluarga yang satu. Ia menjadikan kesatuan umat manusia dari kesatuan "diri" (النفس) dan kesatuan masyarakat dari kesatuan keluarga. Ia meransangkan di dalam hati kita perasaan taqwa kepada Allah dan perasaan kemesraan untuk memelihara hubungan rahim agar di atas dasar yang agung ini ditegakkan segala tugas-tugas hidup yang saling bertakaful dan saling mesra di dalam keluarga yang satu dan kemudian di dalam insaniyah yang satu dan seterusnya kepada dasar yang agung inilah juga dikembalikan segala peraturan dan undang-undang yang dibicarakan oleh surah ini.

Pusingan ini membicarakan tugas-tugas, undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan golongan anak-anak yatim yang lemah di dalam keluarga dan dalam kalangan umat manusia. Ia mengatur cara-cara menjaga mereka dan harta benda mereka di samping mengaturkan cara pemindahan harta pesaka di antara anggota-anggota di dalam satu keluarga, juga menentukan bahagian-bahagian bagi kerabat-kerabat yang berbagai-bagai kelas dan pihak di dalam berbagai-bagai kes. Ia memulangkan segala-galanya kepada dasar yang agung yang dibicarakan oleh ayat pembukaan itu di samping mengingatkan dasar ini di permulaan setengah-setengah ayat atau di tengah-tengahnya atau di akhirnya untuk menguatkan hubungan di antara peraturan-peraturan dan undang-undang ini dengan sumber yang melahirkannya, iaitu Rububiyah Allah yang berhak mengaturkan undang-undang dan peraturan. Inilah satu-satunya hak yang melahirkan segala undang-undang dan segala peraturan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَآءً ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari jiwa yang satu (Adam) dan darinya Allah ciptakan isterinya (Hawa) dan dari keduanya Allah membiakkan zuriat lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang kamu saling meminta di antara sesama

kamu dengan menyebut nama-Nya dan bertaqwalah pemeliharaan hubungan rahim. Sesungguhnya Allah sentiasa mengawasi kamu."(1)

Hakikat Kesatuan Keturunan Insan Memberi Saranan-saranan Yang Amat Besar

Seruan ini ditujukan kepada "manusia" dengan sifat mereka sebagai manusia untuk mengembalikan seluruh mereka kepada Tuhan yang telah menciptakan mereka dari jiwa yang satu (Adam) dan dari Adam Dia ciptakan isterinya dan dari keduanya Dia biakkan zuriat mereka lelaki dan perempuan yang ramai.

Hakikat-hakikat semulajadi yang mudah ini sebenarnya adalah hakikat-hakikat yang amat besar, amat mendalam dan amat berat. Andainya manusia memberi telinga dan hati mereka kepada hakikat-hakikat ini nescaya cukup untuk melahirkan perubahan-perubahan yang besar di dalam kehidupan mereka dan untuk memindahkan mereka dari jahiliyah atau dari berbagai-bagai jahiliyah kepada keimanan, petunjuk dan hidayat dan kepada tamadun yang sebenar yang layak dengan manusia dan dengan jiwa (النفس) yang layak dengan kejadian yang diciptakan Allah selaku Tuhannya dan Khaliknya.

Hakikat ini membentangkan bidang yang luas kepada hati dan mata manusia untuk berbagai-bagai penelitian dan perhatian:

1) Hakikat ini dari awal-awal lagi mengingatkan manusia terhadap sumber, dari mana mereka dilahirkan. Ia mengembalikan mereka kepada Pencipta mereka yang telah mewujudkan mereka di muka bumi ini. Inilah hakikat yang dilupai manusia dan menyebabkan mereka lupa segala-galanya dan segala urusan mereka selepas itu tidak lagi pernah betul.

Manusia Dilahir Dan Ditadbir Oleh Satu Iradat

Manusia datang ke alam ini setelah mereka tidak pernah wujud di sini. Siapakah yang membawa mereka ke sini? Mereka datang ke alam ini bukan dengan kemahuan mereka, kerana sebelum mereka datang ke sini mereka merupakan 'adam yang tidak mempunyai sebarang iradat. Mereka tidak mempunyai iradat yang memutuskan untuk datang atau tidak datang. Kini jelaslah bahawa iradat yang lain dan bukannya iradat mereka yang membawa mereka ke sini iradat yang lain dan bukannya iradat mereka yang memutuskan untuk mewujudkan mereka iradat yang lain dan bukannya iradat mereka yang menggariskan jalan hidup dan iradat mereka inilah yang telah memilih garis hidup untuk mereka iradat yang lain dan bukannya iradat yang mengurniakan kewujudan dan ciri-ciri kewujudan kepada mereka, mengurniakan bakat-bakat kesediaan dan kebolehan kepada mereka dan mengurniakan daya kebolehan untuk berinteraksi dengan alam buana, di mana mereka dibawa ke sini tanpa disedari oleh mereka dan tanpa apa-apa persediaan selain dari persediaan yang dikurniakan oleh iradat Ilahi yang berkuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya.

Andainya manusia mengingati hakikat yang mudah ini yang telah dilupai mereka selama ini tentulah mereka kembali kepada hidayat di awal jalan lagi.

Iradat yang telah membawa mereka ke alam ini dan menggariskan jalan hidup untuk mereka di sini serta mengurniakan daya-daya kebolehan untuk berinteraksi dengan alam itulah satu-satunya iradat yang memberi segala sesuatu kepada mereka, satu-satunya iradat yang mengetahui segala sesuatu mengenai mereka, satu-satunya iradat yang mentadbirkan urusan mereka dengan sebaik-baik tadbir dan satunya iradat yang berhak mengatur sumber kehidupan mereka, menetapkan peraturan-peraturan dan undang-undang kepada mereka dan meletakkan nilai-nilai dan neraca-neraca ukuran mereka, dan itulah satu-satunya iradat yang harus dirujukkan kepadanya dan kepada peraturan-peraturan dan undang-undangnya dan kepada nilai-nilai dan neraca-neraca ukurannya ketika berlaku perselisihan dan pertikaian di dalam mana-mana urusan ini. Ini bererti manusia harus merujukkan kepada satu sistem yang dikehendaki Allah Tuhan semesta alam.

2) Hakikat ini juga menyarankan bahawa umat manusia yang lahir dari satu iradat itu adalah berhubung rapat dalam satu rahim dan bertemu pada satu ikatan pertalian dan muncul dari asal-usul yang sama dan nenek moyang yang sama:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِي خَلَقَكُم مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ
وَخَلَقَ مِنۡهَا زَوۡجَهَا وَبَثَّ مِنۡهُمَا رِجَالٗا كَثِيرٗا وَنِسَآءٗۚ

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari jiwa yang satu (Adam) dan darinya Allah ciptakan isterinya (Hawa) dan dari keduanya Allah membiakkan zuriat lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ramai."

Manusia Diikat Oleh Kesatuan Asal-usul

Andainya manusia mengingati hakikat ini tentulah akan pudar dalam hati mereka segala titik-titik perbezaan yang baru yang telah wujud di dalam hidup mereka yang kebelakangan ini, iaitu titik-titik perbezaan yang telah memecah-belahkan anak-anak keturunan Adam yang satu dan memutuskan hubungan-hubungan rahim yang satu. Semuanya itu merupakan keadaan-keadaan yang baru muncul yang tidak seharusnya memusnahkan hubungan rahim yang mesra dan hak hubungan rahim yang perlu dijaga dan tidak seharusnya memusnahkan hubungan jiwa dan hak hubungan jiwa yang perlu dipupuk dengan kasih sayang dan tidak seharusnya memusnahkan hubungan Rububiyah dan hak hubungan Rububiyah yang perlu diperlihara.

Kemantapan hakikat ini cukup untuk menghindarkan pertarungan kaum dan pertelagahan bangsa yang pahit yang telah dialami oleh umat manusia dan masih terus ditelan oleh mereka sehingga ke detik-detik waktu ini di dalam jahiliyah moden yang telah membeza-bezakan di antara warna-warna kulit dan kaum-kaum. Di atas dasar perbezaan inilah jahiliyah moden tegakkan kewujudannya. Jahiliyah mengingati hubungan keturunan bangsa dan kaum, tetapi ia lupakan hubungan insaniyah yang sama dan Rububiyah yang sama.

Kemantapan hakikat ini cukup menghindarkan perhambaan dan penindasan kelas dalam masyarakat paganis India dan menghindarkan pertarungan kelas yang telah menumpahkan darah dan mengalir menjadi sungai di negara-negara komunis, pertarungan kelas ini masih dianggap oleh jahiliyah moden sebagai asas falsafah alirannya dan titik tolaknya untuk menghancurkan seluruh kelas dalam masyarakat dengan tujuan untuk menaikkan satu kelas pekerja yang lupakan jiwa Adam yang tunggal yang melahirkan seluruh manusia dan lupakan Rububiyah yang sama, di mana seluruh manusia dikembalikan kepadanya.

Tanggapan Yang Salah Terhadap Kaum Wanita

3) Hakikat yang menyebut bahawa manusia itu diciptakan dari jiwa yang satu (Adam) dan dari jiwa yang satu ini diciptakan pula isterinya adalah cukup - andainya diinsafi manusia - untuk mengelakkan dari terjerumus di dalam, tanggapan-tanggapan salah yang amat menyedihkan terhadap kaum "wanita", di mana mereka membuat berbagai-bagai tanggapan yang karut terhadap kaum wanita. Mereka menganggapkan wanita sebagai sumber segala kekotoran dan sebagai punca segala kejahatan dan malapetaka, sedangkan wanita adalah dicipta dari jiwa yang pertama (Adam) dan ia adalah sama dengan Adam dari segi fitrahnya dan tabi'at semulajadi. Wanita telah diciptakan Allah untuk menjadi isteri kepada Adam dan untuk membiakkan dengan perantaraan keduanya zuriat keturunan mereka yang melahirkan lelaki dan perempuan yang ramai. Oleh itu tiada sebarang perbezaan di antara keduanya dari segi fitrah dan tabi'at semulajadi, malah yang berbeza hanya dari segi persediaan dan tugas sahaja.

Umat manusia telah meraba-raba dalam tanggapan-tanggapan yang karut ini dalam jangka waktu yang amat lama. Mereka telah menanggalkan dari kaum wanita segala ciri insaniyah dan hak-haknya selama beberapa waktu kerana terpengaruh kepada tanggapan yang karut yang tidak berasas, tetapi apabila mereka cuba memperbetulkan kesalahan yang buruk ini, mereka telah melencong ke tebing yang lain pula, di mana mereka telah memberi kebebasan yang penuh kepada kaum wanita. Mereka lupa wanita itu insan yang diciptakan untuk satu insan yang lain dan satu jiwa yang diwujudkan untuk satu jiwa yang lain dan satu belahan badan yang diadakan untuk menyempurnakan satu belahan badan yang lain. Keduanya bukannya dua individu yang setanding malah kedua-duanya adalah pasangan suami isteri yang sepadu.

Sistem hidup Rabbani yang lurus mengembalikan umat manusia kepada hakikat yang mudah ini setelah mereka tersesat begitu jauh.

4) Ayat ini juga menyarankan bahawa tapak kehidupan manusia ialah keluarga. Allah telah menghendaki bahawa pertumbuhan manusia di bumi ini bermula dengan satu keluarga. Mula-mula Allah cipta jiwa yang satu (Adam) dan darinya Allah ciptakan isterinya untuk membentuk satu keluarga yang terdiri dari suami dan isteri kemudian:

وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

"Dan dari keduanya Allah membiakkan zuriat (mereka) lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ramai".

Andainya Allah kehendaki nescaya Dia ciptakan dari awal lagi lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ramai yang membentuk berbagai-bagai keluarga di permulaan jalan lagi, yang tidak mempunyai hubungan rahim di antara mereka dari awal lagi dan tidak mempunyai apa-apa hubungan yang mengikat mereka kecuali hubungan kelahiran mereka dari iradat Pencipta yang sama. Inilah hubungan yang pertama, tetapi Allah S.W.T. berkehendak - kerana sesuatu perkara dan hikmat yang dikehendaki-Nya - untuk memperbanyakkan hubungan-hubungan itu. Dia mulakan dengan hubungan yang pertama iaitu hubungan Rububiyah, kemudian yang kedua Dia iringi dengan hubungan rahim dan di sini terbentuklah keluarga pertama yang terdiri dari lelaki dan perempuan yang diciptakan dari satu jiwa yang sama, tabi'at yang sama dan fitrah yang sama, dan dari keluarga yang pertama ini berkembangnya zuriat lelaki-laki dan perempuan-perempuan yang ramai dan seluruh mereka dikembalikan dari awal lagi kepada hubungan Rububiyah kemudian dikembalikan kepada hubungan keluarga yang menjadi tapak tegak sistem masyarakat manusia setelah ditegakkan di atas asas 'aqidah.

Dari sinilah timbulnya keperluan menjaga dan memelihara keluarga di dalam sistem hidup Islam, iaitu dengan memperkukuhkan hubungannya dan meneguhkan binaannya serta melindunginya dari segala pengaruh yang boleh melemahkan binaan ini. Di antara pengaruh utama yang boleh merosakkan binaan keluarga ialah tindakan-tindakan yang menentang fitrah manusia dan tindakan melupakan bakat-bakat kesediaan kaum lelaki dan bakat-bakat kesediaan kaum wanita serta kesepaduan bakat-bakat itu di antara satu sama lain untuk membangunkan keluarga yang terdiri dari lelaki dan perempuan.

Di dalam surah ini dan surah-surah yang lain terdapat berbagai-bagai gejala prihatin terhadap keluarga di dalam sistem Islam. Keluarga tidak dapat ditegakkan di atas satu binaan yang kukuh jika kaum

wanita masih menerima layanan yang tidak adil dan pandangan yang rendah sebagaimana yang diterima mereka dalam masyarakat jahiliyah - segala bentuk jahiliyah oleh sebab itulah Islam mengambil berat menolak layanan yang tidak adil itu dan menghapuskan pandangan yang rendah itu.[3]

Keragaman Rupa, Tabi'at, Perangai, Perwatakan, Bakat, Dan Ciri-ciri Keperibadian Pada Manusia

5) Pada akhirnya pandangan dan renungan kepada keragaman dan kepelbagaian yang terdapat pada ciri-ciri individu-individu dan bakat-bakat kesediaan mereka masing-masing setelah mereka dibiakkan dari satu diri dan satu keluarga, di mana keragaman itu berlaku begitu luas hingga tidak pernah ditemui dua individu yang benar-benar serupa di sepanjang zaman dan di dalam kalangan individu-individunya yang tidak terhingga banyak di seluruh generasi, iaitu keragaman dan kepelbagaian dalam bentuk-bentuk rupa paras sifat-sifat dan perwatakan-perwatakan, keragaman di dalam tabi'at-tabi'at, tingkahlaku-tingkahlaku, perangai-perangai, akhlak dan perasaan-perasaan, keragaman di dalam bakat-bakat kesediaan, minat-minat dan tugas-tugas...... Pandangan dan renungan kepada keragaman-keragaman dan kepelbagaian yang terbit dari kumpulan individu-individu manusia yang amat ramai itu membuktikan kudrat kreatif yang tidak ada tolok bandingnya dan kudrat yang mengatur dengan penuh ilmu dan hikmat. Pandangan dan renungan itu akan melepaskan hati dan mata mengembara dalam muzium alam insan yang hidup dan mengkagumkan itu, di mana kedua-duanya dapat melihat dengan sepenuh keni'matan aneka contoh yang tidak habis-habis dan sentiasa membaharui yang tiada siapa dapat menciptakannya melainkan Allah dan tiada siapa yang berani menghubungkannya kepada yang lain dari Allah. Kini nyatalah bahawa iradat yang tiada batas bagi segala apa yang dikehendakinya itulah satu-satunya iradat yang berkuasa mewujudkan keragaman dan kepelbagaian yang tidak berakhir dari satu asal kejadian yang tunggal.

Memandang dan merenung kejadian "manusia" di atas asas keragaman dan kepelbagian ini cukup untuk membekalkan hati dengan bekalan perasaan kasih mesra dan ni'mat di samping bekalan iman dan taqwa. Ia merupakan keuntungan di atas keuntungan dan peningkatan di atas peningkatan.

Pada akhir ayat pembukaan yang memberi berbagai-bagai saranan ini Al-Qur'an mengembalikan manusia kepada ketaqwaan kepada Allah yang mereka menyebut nama-Nya ketika mereka saling meminta satu sama lain dan kepada ketaqwaan di dalam hubungan rahim, di mana seluruh mereka dikembalikan kepada-Nya.

وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلۡأَرۡحَامَۚ

"Dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang kamu saling meminta di antara satu sama lain dengan menyebut nama-Nya dan bertaqwalah memelihara hubungan rahim."

Yakni hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah yang kamu selalu menyebut nama-Nya ketika mengadakan perjanjian dan melaksanakan 'aqad di antara satu sama lain, juga ketika kamu meminta satu sama lain supaya setia kepada janji dan sumpah dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dalam memelihara hubungan rahim, hubungan keluarga dan hubungan mu'amalah-mu'amalah.

Ketaqwaan kepada Allah mudah dimengerti dan selalu di dengar ia kerap diulang-ulangkan di dalam Al-Qur'an, tetapi ketaqwaan di dalam memelihara hubungan rahim merupakan satu ungkapan yang amat menarik. Ia menyorot bayangan-bayangan kesedaran di dalam hati manusia, di mana seseorang itu lambat-laun mendapat saranan yang menjelaskan bayangan-bayangan itu, iaitu hendaklah kamu bertaqwa dalam menjaga hubungan rahim, hendaklah kamu peka terhadap segala hubungan dan pertalian rahim dan peka terhadap hak-haknya agar hubungan dan pertahan itu tidak dicabul dan dizalimi dan hendaklah kamu mempunyai perasaan malu dan segan dari melakukan tindakan-tindakan yang boleh merosak dan memusnahkan hubungan-hubungan dan pertalian itu. Hendaklah kamu berwaspada dari menyakiti, melukai hubungan-hubungan rahim dan menimbulkan kemarahannya. Jagalah kepekaan dan penghormatan kamu kepadanya dan tumpukan kerinduan kamu kepada seruan dan saranannya.

Kemudian ayat yang menarik ini diakhiri dengan kenyataan tentang pengawasan Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيۡكُمۡ رَقِيبٗا ١

"Sesungguhnya Allah sentiasa mengawasi kamu."

Itulah satu pengawasan yang amat hebat kerana Allah sendiri yang menjadi pengawas. Tuhan Yang Maha Pencipta yang mengetahui makhluk yang telah diciptakan-Nya, Tuhan yang mempunyai ilmu yang amat mendalam dan tiada suatu pun yang tersembunyi kepada-Nya sama ada tindakan-tindakan manusia yang lahir mahupun aktiviti-aktiviti hatinya yang tersembunyi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 14)

Dari ayat pembukaan yang kuat dan berkesan ini dan dari hakikat-hakikat semulajadi yang mudah ini dan dari dasar asasi yang agung ini Al-Qur'an menegakkan asas-asas untuk dibangunkan sistem masyarakat dan kehidupannya, iaitu asas-asas takaful dalam keluarga dan di kalangan muslimin, asas menjaga hak-hak orang-orang yang lemah dalam

---

[3] *Lihat bahasan yang luas dalam bab " سلام البيت " dalam buku "السلام العالمي والاسلام", terbitan Dar as-Syuruk.*

keluarga dan masyarakat, asas memelihara hak-hak kaum wanita dan kehormatan mereka dan asas menjaga harta benda kaum muslimin umumnya dan asas pengagihan harta pesaka kepada para waris dengan menggunakan satu peraturan yang menjamin keadilan dan kebaikan di dalam masyarakat.

Mula-mula Al-Qur'an menyuruh para penjaga anak-anak yatim supaya memulangkan harta mereka dengan sempurna apabila mereka meningkat umur dewasa dan menyuruh mereka supaya jangan mengahwini anak-anak yatim yang belum baligh yang berada di bawah jagaan mereka kerana tamakkan harta mereka. Adapun anak-anak yatim yang belum sempurna akan fikiran yang dibimbangkan merosakkan harta mereka apabila diserahkannya kepada mereka, maka mereka dilarang dari diserahkan harta kepada mereka, kerana harta itu pada hakikatnya ialah harta orang ramai Islam, kerana mereka dapat membangun dengan harta itu dan mempunyai kepentingan di dalam harta itu. Oleh sebab itu ia tidak boleh diserahkan kepada orang-orang yang merosakkannya. Mereka disuruh supaya menjaga keadilan dan kebaikan dalam layanan dan pergaulan mereka dengan kaum wanita umumnya.

وَءَاتُوا۟ ٱلْيَتَٰمَىٰٓ أَمْوَٰلَهُمْ ۖ وَلَا تَتَبَدَّلُوا۟ ٱلْخَبِيثَ بِٱلطَّيِّبِ ۖ
وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَهُمْ إِلَىٰٓ أَمْوَٰلِكُمْ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا ﴿٢﴾
وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا۟ فِى ٱلْيَتَٰمَىٰ فَٱنكِحُوا۟ مَا طَابَ
لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ مَثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا۟
فَوَٰحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَلَّا تَعُولُوا۟ ﴿٣﴾
وَءَاتُوا۟ ٱلنِّسَآءَ صَدُقَٰتِهِنَّ نِحْلَةً ۚ فَإِن طِبْنَ لَكُمْ عَن شَىْءٍ
مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيٓـًٔا مَّرِيٓـًٔا ﴿٤﴾
وَلَا تُؤْتُوا۟ ٱلسُّفَهَآءَ أَمْوَٰلَكُمُ ٱلَّتِى جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ قِيَٰمًا
وَٱرْزُقُوهُمْ فِيهَا وَٱكْسُوهُمْ وَقُولُوا۟ لَهُمْ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٥﴾
وَٱبْتَلُوا۟ ٱلْيَتَٰمَىٰ حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغُوا۟ ٱلنِّكَاحَ فَإِنْ ءَانَسْتُم مِّنْهُمْ
رُشْدًا فَٱدْفَعُوٓا۟ إِلَيْهِمْ أَمْوَٰلَهُمْ ۖ وَلَا تَأْكُلُوهَآ إِسْرَافًا وَبِدَارًا
أَن يَكْبَرُوا۟ ۚ وَمَن كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ ۖ وَمَن كَانَ فَقِيرًا
فَلْيَأْكُلْ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَٰلَهُمْ
فَأَشْهِدُوا۟ عَلَيْهِمْ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٦﴾

"Dan serahkanlah kepada anak-anak yang yatim (yang baligh) harta kepunyaan mereka dan janganlah kamu tukarkan yang baik dengan yang buruk dan janganlah kamu makan harta mereka dengan mencampuradukkan dengan harta kamu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah suatu dosa yang besar (2). Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan-perempuan yang yatim (jika kamu berkahwin dengan mereka) maka kahwinlah dengan mana-mana perempuan yang lain yang disenangi kamu; dua, tiga dan empat dan jika kamu takut tidak berlaku adil (terhadap isteri-isteri yang lebih dari satu) maka kahwinlah seorang sahaja atau cukuplah dengan hamba-hamba perempuan yang dimiliki kamu. Itulah langkah yang lebih dekat untuk kamu tidak berlaku zalim (3). Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan (yang kamu kahwini itu) maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib dan andainya mereka dengan suka hati memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwin itu, maka makanlah pemberian itu dengan seenak-enaknya (4). Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akal harta mereka yang di bawah jagaan kamu, yang Allah telah jadikannya sebagai asas kehidupan kamu. Dan berikanlah kepada mereka perbelanjaan dan pakaian dari hasil pendapatan harta itu dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik (5). Dan ujilah anak-anak yatim itu sehingga mereka telah sampai usia baligh kemudian jika kamu melihat mereka mempunyai kematangan fikiran, maka serahkanlah kepada mereka harta kepunyaan mereka dan janganlah kamu makan harta mereka secara melampaui batas dan secara tergesa-gesa (kerana merebut peluang sebelum) mereka besar. Dan sesiapa (di antara para penjaga harta itu) yang kaya, maka hendaklah ia tahankan dirinya (dari memakannya) dan sesiapa yang miskin, maka bolehlah ia memakannya secara yang wajar. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka harta kepunyaan mereka, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi yang menyaksikan penerimaan mereka dan cukuplah Allah menjadi pengira Yang Maha Halus."(6)

Perintah-perintah yang tegas dan keras ini membayangkan - sebagaimana telah kami katakan sebelum ini - keadaan-keadaan yang benar-benar berlaku di zaman jahiliyah orang Arab, di mana hak-hak orang-orang yang lemah umumnya dan hak-hak anak-anak yatim dan kaum wanita khususnya dianiayai dan dipersia-siakan. Ia membayangkan saki-baki atau keladak-keladak dari keadaan-keadaan itu yang masih wujud di dalam masyarakat Islam di waktu itu yang pada asalnya diambil dari masyarakat jahiliyah sebelumnya - kemudian datang Al-Qur'an menghancur dan menghapuskannya dan membentuk di dalam masyarakat Islam kefahaman-kefahaman yang baru, perasaan-perasaan yang baru, tradisi-tradisi yang baru dan perawakan-perawakan rupa bentuk yang baru.

وَءَاتُوا۟ ٱلْيَتَٰمَىٰٓ أَمْوَٰلَهُمْ ۖ وَلَا تَتَبَدَّلُوا۟ ٱلْخَبِيثَ بِٱلطَّيِّبِ ۖ
وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَهُمْ إِلَىٰٓ أَمْوَٰلِكُمْ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا ﴿٢﴾

"Dan serahkanlah kepada anak-anak yang yatim (yang baligh) harta kepunyaan mereka dan janganlah kamu tukarkan yang baik dengan yang buruk dan janganlah kamu makan harta mereka dengan mencampur adukkannya dengan harta kamu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu dosa yang besar."(2)

Kewajipan-kewajipan Penjaga Harta Anak-anak Yatim

Yakni serahkanlah kepada anak-anak yatim itu harta mereka yang diletakkan di bawah jagaan kamu dan jangan kamu tukarkan harta mereka yang baik dengan yang buruk seperti kamu ambil tanah mereka yang baik dan tukarkannya dengan tanah kamu yang tidak baik atau ternakan-ternakan mereka atau harta-harta bahagian mereka atau wang emas dan perak mereka yang baik yang mempunyai nilai yang tinggi dengan yang tidak baik yang mempunyai nilai yang rendah atau mana-mana jenis harta yang mengandungi yang baik dan yang tidak baik. Begitu juga kamu diharamkan makan harta mereka dengan mencampuradukkan dengan harta kamu semuanya atau sebahagiannya kerana perbuatan itu adalah suatu dosa yang besar dan Allah memberi amaran kepada kamu dari melakukan dosa yang besar ini.

Kini jelaslah bahawa segala keadaan yang disebut di dalam ayat itu adalah berlaku dalam masyarakat, di mana ayat ini diturunkan bagi pertama kalinya. Ayat ini membayangkan keadaan-keadaan yang berlaku di kalangan mereka yang ditujukan ayat itu kepada mereka. Keadaan-keadaan itu merupakan kesan dari peninggalan-peninggalan zaman jahiliyah. Perkara yang seperti ini memang berlaku dalam setiap jahiliyah. Kita juga dapat melihat contoh-contohnya dalam jahiliyah kita sekarang di bandar-bandar dan kampung-kampung, di mana harta anak-anak yatim masih dimakan dengan berbagai-bagai jalan dan helah oleh kebanyakan para penjaga mereka. Walaupun diadakan berbagai-bagai kawalan undang-undang dan diwujudkan pengawasan dari badan-badan kerajaan yang ditugas menyelia harta benda orang-orang yang tidak sempurna akal fikiran itu namun undang-undang dan kawalan luaran itu tidak berjaya mengatasi persoalan ini. Hanya satu sahaja kawalan yang dapat mengatasi persoalan ini ialah taqwa. Hanya kesedaran taqwa satu-satunya kawalan yang dapat mengawal hati nurani dari dalam dan dengan kawalannya barulah undang-undang itu mempunyai nilai dan kesannya sebagaimana yang telah berlaku selepas turunnya ayat ini, di mana kesedaran para penjaga anak-anak yatim telah sampai ke tahap bertindak mengasingkan harta anak yatim dari harta mereka dan mengasingkan perbelanjaan makanannya dari makanan mereka untuk mengelak dari terjerumus dalam dosa yang besar yang diperingatkan Allah itu:

إِنَّهُۥ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا ۝٢

"Sesungguhnya perbuatan itu suatu dosa yang amat besar."(2)

Undang-undang Ilahi Dikawal Oleh Taqwa

Bumi ini tidak boleh menjadi baik dan betul dengan semata-mata mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan tanpa kawalan dari kesedaran taqwa di dalam hati nurani untuk menegakkan undang-undang dan peraturan-peraturan itu. Dan rasa taqwa tidak timbul terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan kecuali undang-undang dan peraturan itu terbit dari pihak yang mengetahui segala rahsia dan mengawasi segala hati nurani dan di waktu ini seseorang yang mahu mencabul kehormatan undang-undang dan peraturan-peraturan itu merasa dirinya mengkhianati Allah, melanggar perintah-Nya dan menentang iradat-Nya. Apabila dia sedar bahawa Allah mengetahui niatnya dan melihat perbuatan khianatnya, maka ketika itu kaki dan segala tulang sendinya menggigil dan rasa taqwanya terus membongkas dan mengocakkan hatinya.

Allah lebih mengetahui tentang para hamba-Nya, lebih arif tentang tabi'at semulajadi mereka dan tentang bentuk jiwa dan saraf mereka kerana Dialah yang telah menciptakan mereka. Dan oleh sebab itu Allah jadikan undang-undang, peraturan dan sistem hidup bagi manusia dari ciptaan-Nya sendiri supaya undang-undang, peraturan dan sistem itu mempunyai timbangan dan kesan-kesannya di dalam hati mereka dan supaya ia dipandang hebat dan takut oleh mereka. Allah S.W.T. mengetahui bahawa undang-undang dan peraturan yang tidak terbit dari pihak yang ditakuti dan diharap-harapkan oleh hati manusia itu tidak akan dita'ati dan dipatuhi selama-lamanya. Walau bagaimana patuhnya manusia kepada undang-undang manusia kerana ditekan, diugut dan dikenakan kawalan luaran yang tidak mengetahui pergerakan hati mereka, maka lambat laun mereka akan melanggar undang-undang dan peraturan itu ketika aman dari kawalan dan mendapat kesempatan melakukan tipu helah, kerana mereka sentiasa merasa ditekan dan ditindas dan sentiasa bersedia untuk memberontak.

* * * * * *

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا۟ فِى ٱلْيَتَٰمَىٰ فَٱنكِحُوا۟ مَا طَابَ
لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ مَثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا۟
فَوَٰحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَلَّا تَعُولُوا۟ ۝٣

"Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan-perempuan yang yatim (jika kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan mana-mana perempuan yang lain yang disenangi kamu; dua, tiga dan empat. Dan jika kamu takut tidak berlaku adil (terhadap isteri-isteri yang lebih dari satu) maka kahwinlah seorang sahaja atau cukuplah dengan hamba-hamba perempuan yang di miliki kamu. Itulah langkah yang lebih dekat untuk kamu tidak berlaku zalim."(3)

Daripada 'Urwah bin az-Zubayr r.a., dia bertanya Aisyah r.a. tentang maksud firman Allah Ta'ala:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا۟ فِى ٱلْيَتَٰمَىٰ

maka dia telah menjawab: "Wahai anak saudaraku! Anak yatim (yang dimaksudkan dalam ayat ini) ialah

anak yatim yang berada di bawah jagaan walinya dan dia (anak yatim ini) mengongsikan walinya itu pada harta bendanya. Si wali ini tertarik kepada harta bendanya dan kepada kecantikannya dan kerana itu si wali ini mahu mengahwininya tanpa memberi maskahwin yang adil kepadanya, iaitu memberi maskahwin yang sama dengan maskahwin yang diberi kepada wanita yang lain. Lalu wali-wali yang seperti itu dilarang mengahwini anak-anak yatim itu kecuali mereka memberi maskahwin yang adil kepada mereka, iaitu memberi maskahwin yang setinggi-tingginya mengikut kelaziman perempuan yang seperti mereka dan mereka disuruh mengahwini perempuan-perempuan yang lain dari mereka" kata 'Urwah: ujar Aisyah r..a.: Orang ramai meminta fatwa dari Rasulullah s.a.w. selepas turunnya ayat ini, lalu Allah turunkan ayat:

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي ٱلنِّسَآءِ قُلِ ٱللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ وَمَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فِي ٱلْكِتَٰبِ فِي يَتَٰمَى ٱلنِّسَآءِ ٱلَّٰتِي لَا تُؤْتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَتَرْغَبُونَ أَن تَنكِحُوهُنَّ

"Dan mereka meminta fatwa engkau (Muhammad) mengenai (hak dan kewajipan perempuan) katakanlah: Allah akan memberi fatwa kepada kamu mengenai mereka, juga mengenai hukum yang dibacakan kepada kamu di dalam kitab Al-Qur'an tentang perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi maskahwin yang ditetapkan kepada mereka, sedangkan kamu ingin berkahwin dengan mereka."(127)

Ujar Aisyah: Dan firman Allah di dalam ayat yang lain "sedangkan kamu ingin berkahwin dengan mereka" sebagaimana seseorang dari kamu tidak ingin berkahwin dengan anak yatim di bawah jagaannya jika ia mempunyai harta yang sedikit atau tidak begitu cantik. Oleh itu mereka dilarang berkahwin dengan perempuan yang diingini mereka kerana hartanya dan kerana kecantikannya kecuali dengan memberi kepada mereka maskahwin yang adil kerana mereka sebenarnya tidak inginkan mereka jika mereka mempunyai harta yang sedikit atau tidak begitu cantik".[4]

Hadith Aisyah r.a. menggambarkan sebahagian dari kefahaman-kefahaman, dan tradisi-tradisi yang lumrah di dalam zaman jahiliyah kemudian saki-bakinya terus kekal di dalam masyarakat Islam sehingga datang Al-Qur'an melarang dan menghapuskannya dengan arahan-arahan dan bimbingan-bimbingan yang luhur ini dan menyerahkan perkara ini kepada pertimbangan hati nurani dengan firman-Nya.

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا۟ فِي ٱلْيَتَٰمَىٰ

[4] Dikeluarkan oleh al-Bukhari.

Dasar Ke'adilan Dalam Perkahwinan Dengan Anak-anak Yatim

Jadi persoalan ini adalah persoalan menghindarkan diri dari dosa, persoalan taqwa dan takut kepada Allah apabila penjaga anak-anak yatim itu merasa tidak dapat berlaku adil terhadap perempuan yatim yang ada di bawah jagaannya jika dia berkahwin dengannya). Keterangan ayat ini adalah umum. Ia tidak menentukan tempat-tempat keadilan itu. Oleh itu dalam kes yang seperti ini maka yang dimaksudkan dengan keadilan di sini ialah keadilan dalam segala apa sahaja bentuk dan pengertiannya sama ada keadilan yang menyentuh persoalan maskahwin atau menyentuh pertimbangan-pertimbangan yang lain seperti ia mengahwini perempuan yatim itu semata-mata dengan tujuan meni'mati harta kekayaannya dan bukannya kerana dia menyimpan di dalam hatinya perasaan kasih terhadap perempuan itu dan bukan pula kerana semata-mata keinginan hatinya untuk hidup bersama dengannya atau dia mengahwini perempuan yatim itu walaupun di sana terdapat perbezaan umur yang sangat jauh dan tidak memungkinkan pasangan itu dapat hidup dengan baik. Namun demikian ia mengahwininya juga tanpa menghiraukan minat dan kegemaran perempuan itu sendiri terhadap perkahwinan itu. Perempuan itu mungkin tidak mahu menyatakan perasaan hatinya yang sebenar kerana malu atau kerana takut kehilangan harta kekayaannya apabila ia menentang kehendak penjaga itu dan sebagainya dari keadaan-keadaan, di mana seseorang penjaga itu bimbang tidak dapat berlaku adil. Di sini Al-Qur'an melantikkan hati sebagai pengawal dan taqwa sebagai pengawas. Di dalam ayat (pertama) yang silam yang telah melahirkan semua arahan ini telah mengemukakan firman-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

"Sesungguhnya Allah sentiasa mengawasi kamu."(1)

Apabila para penjaga berada dalam keadaan tidak yakin kepada kebolehan mereka untuk berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim yang ada di dalam jagaan mereka, maka di sana terdapat perempuan-perempuan yang lain dari mereka dan di sana masih ada ruang yang luas untuk menjauhi kemungkinan-kemungkinan yang tidak baik itu.

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا۟ فِي ٱلْيَتَٰمَىٰ فَٱنكِحُوا۟ مَا طَابَ لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ مَثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ فَوَٰحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَلَّا تَعُولُوا۟ ﴿٣﴾

"Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan-perempuan yang yatim (jika kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan mana-mana perempuan yang lain yang disenangi kamu; dua, tiga dan empat. Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap (isteri-isteri yang lebih dari satu) maka kahwinlah seorang sahaja atau cukuplah dengan hamba-hamba perempuan

yang dimiliki kamu. Itulah langkah yang lebih dekat untuk kamu tidak berlaku zalim."(3)

Inilah kebenaran berkahwin lebih dari satu yang disertakan dengan peringatan supaya berhati-hati menggunakan kebenaran ini ketika dibimbangkan lemah untuk berlaku adil. Dan dalam keadaan yang seperti ini memadalah dengan berkahwin seorang sahaja atau dengan hamba-hamba perempuan yang dimiliki oleh seseorang.

Kebenaran Berkahwin Lebih Dari Seorang Isteri Dan Latar Belakangnya

Kebenaran yang disertakan dengan peringatan supaya berhati-hati menggunakan ini eloklah diterangkan hikmat dan kebaikannya di zaman ini, di mana manusia mendakwa lebih tahu dari Allah yang telah menciptakan mereka dan mendakwa mempunyai pandangan yang lebih mendalam mengenai hidup manusia, fitrahnya dan kepentingan-kepentingannya dari pandangan Allah yang mewujudkan mereka. Mereka telah memperkatakan persoalan kebenaran berkahwin lebih dari satu ini mengikut hawa nafsu mereka dan membicarakannya dengan penuh kejahilan dan membuta tuli, seolah-olah keadaan-keadaan dan suasana-suasana dharurat telah berbangkit semula pada hari ini, iaitu keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang difahami oleh mereka yang tidak pernah wujud dalam perhitungan Allah S.W.T. pada hari Dia menetapkan undang-undang ini bagi manusia.

Di samping dakwaan itu mencerminkan kejahilan dan pemikiran yang membuta tuli, ia juga mencerminkan keangkuhan dan kebiadaban, kekufuran dan kesesatan. Dakwaan-dakwaan itu diluahkan dengan berleluasa hingga anda dapati seolah-olah tiada orang yang sanggup menjawab dakwaan-dakwaan pendakwa yang jahil, buta, biadab, angkuh, kafir dan sesat itu. Mereka berlagak angkuh terhadap Allah dan syari'at-Nya. Mereka menunjukkan kesombongan terhadap Allah dan kemuliaan-Nya. Mereka memperlihatkan sikap biadab mereka terhadap Allah dan agama-Nya dengan aman, selamat dan meraih keuntungan dan upah dari pihak-pihak yang berhasrat untuk menggugatkan agama ini.

Persoalan ini - persoalan perkahwinan lebih dari seorang dengan peringatan supaya berhati-hati menggunakannya yang telah dibenarkan oleh Islam itu - eloklah diambil dengan cara yang mudah, jelas dan tegas dan eloklah diketahui segala keadaan dan latar belakang yang sebenar yang menyelubungi persoalan ini.

Al-Bukhari telah meriwayatkan dengan isnadnya bahawa Ghaylan ibn Salamah Ath-Thaqafi telah memeluk Islam, sedangkan dia mempunyai sepuluh orang isteri lalu Nabi s.a.w. bersabda kepadanya:

إختر منهن أربعاً

"Pilihlah empat orang dari mereka."

Abu Daud pula telah meriwayatkan dengan isnadnya bahawa 'Umayrah al-Asadi telah berkata: "Aku memeluk agama Islam sedangkan aku di waktu itu mempunyai lapan orang isteri lalu aku sebutkan perkara itu kepada Nabi s.a.w. dan beliau pun bersabda:

إختر منهن أربعاً

"Pilihlah empat orang dari mereka."

Ujar asy-Syafi'i di dalam musnadnya: "Aku telah dikhabarkan oleh orang yang mendengar Ibn Abiz-Ziad berkata: "Aku telah dikhabarkan oleh Abdul Majid dari Ibn Sahl ibn Abdul Rahman dari Naufal ibn Muawiyah ad-Daylami katanya: Aku memeluk agama Islam sedangkan aku di waktu itu mempunyai lima orang isteri lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadaku:

إختر أربعا أيتهن شئت وفارق الأخرى

"Pilihlah empat orang mana-mana yang engkau suka dari mereka dan ceraikanlah yang lain."

Di sini jelaslah bahawa sewaktu Islam datang kaum lelaki mempunyai sepuluh orang isteri atau lebih atau kurang, yakni mereka beristeri tanpa batas dan syarat, jadi kedatangan Islam ialah untuk mengatakan kepada kaum lelaki bahawa di sana ada batas bilangan isteri yang tidak boleh dilampaui oleh seorang Muslim, iaitu sebanyak empat orang sahaja dan begitu juga di sana ada syarat beristeri lebih dari seorang, iaitu kebolehan berlaku adil terhadap para isteri. Jika tidak, maka hendaklah berkahwin seorang sahaja atau pakailah hamba-hamba perempuan yang dimilikinya.

Islam datang bukannya untuk memberi kebebasan beristeri lebih dari seorang, malah untuk membataskan bilangannya. Ia datang bukan untuk membiarkan perkara ini kepada kehendak hawa nafsu kaum lelaki, malah untuk meletakkan keadilan sebagai syarat perkahwinan lebih dari satu. Jika tidak, maka kebenaran yang diberikan itu akan tertahan.

Tetapi mengapa Islam mengharuskan perkahwinan lebih dari seorang?

Islam adalah sistem hidup untuk manusia. Ia adalah suatu sistem yang waqi' realistik dan positif, sesuai dengan fitrah dan kejadian manusia, sesuai dengan realiti dan keperluan-keperluan hidupnya dan sesuai dengan latar belakang hidupnya yang berubah-ubah di berbagai-bagai tempat dan zaman dan di berbagai-bagai keadaan.

Islam Menggariskan Cara Menghadapi Gejala Kelebihan Bilangan Kaum Wanita Dalam Masyarakat

Islam adalah satu sistem yang waqi'i dan positif. Ia memungut seseorang manusia dari alam realiti di mana dia berada dari tempat di mana dia berdiri untuk memimpinnya mendaki ke puncak yang tinggi tanpa membelakangi fitrahnya dan tanpa melupakan

realitinya dan tanpa menolaknya dengan keras dan sewenang-wenang.

Islam adalah satu sistem yang bukan ditegakkan di atas omong-omong kosong, ia bukan ditegakkan di atas pura-pura tunjuk bijak yang terumbang-ambing dan dia bukan ditegakkan di atas idealisme/mithaliyah yang kosong dan angan-angan di alam impian yang bertentangan dengan fitrah manusia, dengan realitinya dan dengan latar belakang hidupnya kemudian hilang menjadi wap.

Islam adalah satu sistem yang mengawal akhlak manusia dan kebersihan masyarakat. Oleh sebab itu Islam tidak membenarkan pengwujudan satu realiti kebendaan yang boleh menyebabkan keruntuhan akhlak dan kecemaran masyarakat di bawah tekanan dharurat yang bertentangan dengan realiti itu, malah Islam selama-lamanya berikhtiar untuk mewujudkan satu realiti yang boleh membantu pengawalan akhlak dan kebersihan masyarakat dengan daya usaha yang amat mudah yang boleh diberikan oleh individu dan masyarakat.

Apabila kita ambil ciri-ciri asasi ini di dalam sistem Islam bersama kita ketika kita membicarakan persoalan perkahwinan lebih dari satu itu, maka apakah yang kita dapati?

Mula-mula kita dapati beberapa kes yang berlaku di berbagai-bagai masyarakat sama ada dahulu atau sekarang, di mana bilangan kaum perempuan yang layak berkahwin melebihi bilangan kaum lelaki yang layak berkahwin. Nisbah yang maksima dari keadaan yang tidak seimbang ini yang dialami oleh setengah-setengah masyarakat belum lagi diketahui - dari segi sejarah - melebihi nisbah empat perempuan kepada satu lelaki. Nisbah yang tidak seimbang itu selama-lamanya berlangsung mengikut batas-batasnya yang tertentu.

Bagaimana kita harus hadapi keadaan realiti yang tidak seimbang ini yang kerap berlaku dengan berbagai-bagai nisbah itu dan tentulah tidak ada gunanya realiti ini ditolakkan begitu sahaja?

Apakah kita harus hadapi realiti yang tidak seimbang itu dengan menggoncang-goncangkan bahu sahaja? Atau apakah kita harus biarkannya supaya ia membetulkan dirinya sendiri sahaja mengikut kehendak keadaan-keadaan dan kebetulan-kebetulan?

Perbuatan menggoncangkan bahu tidak menghuraikan masalah. Begitu juga fikiran membiarkan masyarakat menghadapi realiti ini mengikut apa sahaja kehendak keadaan adalah suatu fikiran yang tidak dikatakan oleh seseorang insan yang serius, yang menghormati dirinya dan menghormati bangsa manusia.

Yang jelas di sana pasti ada suatu peraturan dan suatu tindakan.

Di sini kita dapati diri kita berdepan dengan tiga kemungkinan:

Yang pertama: Setiap lelaki yang layak berumahtangga harus berkahwin dengan seorang perempuan yang layak berumahtangga kemudian seorang perempuan atau lebih yang tidak mendapat pasangan - mengikut nisbah ketidak seimbangan yang berlaku - dibiarkan tinggal membujang tanpa kahwin, di mana mereka menghabiskan hidup mereka tanpa mengenali lelaki.

Yang kedua: Setiap lelaki yang layak berumahtangga harus beristeri seorang sahaja mengikut perkahwinan yang sah dan bersih kemudian ia dibenarkan menyimpan teman wanita atau berzina dengan seorang perempuan yang lain atau lebih dari perempuan-perempuan yang tidak mendapat pasangan lelaki di dalam masyarakat dan dengan cara demikian dapatlah perempuan itu mengenal lelaki sebagai suami yang sah atau sebagai teman lelaki secara haram di dalam gelap.

Yang ketiga: Semua atau setengah lelaki yang layak berumahtangga harus beristeri lebih dari seorang agar perempuan yang lain dapat mengenal lelaki sebagai isterinya yang sah di sisi syara' di tengah terang bukan sebagai pasangan atau teman lelaki secara haram di dalam gelap.

Kemungkinan yang pertama bertentangan dengan fitrah dan kemampuan perempuan yang tidak mengenal lelaki di dalam hidupnya. Hakikat ini tidak dapat diselesaikan dengan omong-omong kosong bahawa perempuan boleh cukup dan memerlukan lelaki apabila ia bekerja dan berusaha, kerana persoalan ini adalah jauh lebih mendalam dari apa yang disangkakan oleh pemikir-pemikir yang dangkal, berlagak pandai dan bijak tetapi jahil terhadap fitrah manusia. Seribu pekerjaan dan seribu usaha sekalipun tidak dapat menutup keperluan perempuan yang semulajadi kepada hidup yang tabi'i sama ada di dalam tuntutan jasad dan naluri atau tuntutan-tuntutan roh dan akal, iaitu tuntutan kepada ketenteraman, kemesraan dan teman hidup dengan suami. Lelaki juga mendapat pekerjaan dan hasil pendapatan, tetapi ini sahaja tidak cukup, malah dia berusaha mendapatkan isteri sebagai teman hidupnya. Oleh itu perempuan juga sama dengan lelaki di dalam aspek ini kerana keduanya diciptakan dari jiwa yang satu.

Kemungkinan yang kedua bertentangan dengan matlamat hidup Islam yang bersih, dan bertentangan dengan dasar masyarakat Islam yang suci, juga bertentangan dengan kehormatan insaniyah kaum wanita. Orang-orang yang tidak memperdulikan perkembangan perbuatan-perbuatan sumbang atau kejahatan-kejahatan seks di dalam masyarakat merekalah orang-orang yang berlagak lebih mengetahui dari Allah dan berlagak angkuh terhadap syari'at-Nya. Mereka bertindak demikian kerana mereka tidak bersua dengan orang-orang yang sanggup menghalangkan sikap mereka yang angkuh dan sombong itu, malah mereka sentiasa mendapat sokongan dan galakan dari musuh-musuh agama ini.

Kemungkinan yang ketiga itulah yang dipilih oleh Islam, tetapi ia dipilih sebagai suatu kebenaran yang bersyarat untuk menghadapi kenyataan hidup yang tidak dapat diselesaikan dengan hanya menggoncang-goncangkan bahu sahaja atau dengan omong-omong dan dakwaan-dakwaan kosong. Ia dipilih sesuai dengan sifat realisme/waqi'iyah Islam yang positif dalam menghadapi manusia, iaitu menghadapi tuntutan-tuntutan fitrahnya dan keadaan-keadaan hidupnya di samping memelihara akhlak yang suci dan masyarakat yang bersih, dan sesuai dengan cara tarbiyahnya yang memungut manusia dari kaki bukit yang rendah dan beransur-ansur meningkatkannya menerusi anak-anak tangga yang menyampaikan ke puncak yang tinggi. Semuanya dilakukan dengan mudah, lemah-lembut dan berdasarkan kenyataan.

Kemudian yang kedua kita dapati di dalam masyarakat-masyarakat manusia dahulu dan sekarang, kelmarin, hari ini dan esok hingga akhir zaman satu realiti dalam kehidupan manusia yang tidak dapat diingkar dan diabaikan begitu sahaja, iaitu kita dapati masa kesuburan (masa boleh melahirkan zuriat) memanjang sehingga ke usia tujuh puluh tahun atau lebih, sedangkan masa ini terhenti pada perempuan dalam usia lima puluh tahun atau sekitarnya. Jadi di sana terdapat purata dua puluh tahun usia kesuburan (boleh melahirkan zuriat) dalam hidup lelaki yang tidak ada tandingannya di dalam hidup perempuan. Tidak syak lagi bahawa di antara matlamat-matlamat kelainan jenis lelaki dan perempuan dan perkahwinan keduanya ialah untuk kesinambungan hayat dengan melahirkan anak-pinak dan untuk mengimarahkan bumi dengan perkembangan bilangan umat manusia dan pertebaran mereka di merata pelosoknya. Oleh itu adalah tidak sesuai dengan peraturan semulajadi yang umum ini kita menghalangkan hayat insan dari mengambil manfa'at dengan masa kesuburan yang berlebihan yang ada pada kaum lelaki, tetapi amatlah sesuai dengan realiti semulajadi ini diadakan undang-undang membenarkan perkahwinan lebih dari seorang bagi seluruh masyarakat di seluruh zaman dan keadaan dan kebenaran ini bukanlah sebagai paksaan ke atas setiap individu, tetapi sebagai mengadakan jalan keluar yang umum yang dapat memenuhi kehendak realiti yang semulajadi ini dan ini meluangkan hayat insan mengambil manfa'at dengannya ketika diperlukannya. Persesuaian di antara realiti fitrah dengan matlamat perundangan itulah persesuaian yang sentiasa diperhatikan di dalam syari'at Ilahi dan persesuain ini biasanya tidak didapati di dalam undang-undang ciptaan manusia, kerana perhatian dan pandangan manusia yang cetek tidak dapat menyedarinya dan tidak dapat memahami segala latar belakang yang dekat dan yang jauh. Perhatian dan pandangan manusia tidak melihat dari segala sudut dan tidak memperhitungkan segala kemungkinan.

Di antara kes-kes yang berlaku yang berhubung kait dengan hakikat yang lepas ialah kes-kes yang kita temui di mana si suami masih ingin melakukan tugas hubungan kelamin yang semulajadi, tetapi si isteri bencikan hubungan kelamin kerana dihalangi oleh usianya atau kerana sakit, sedangkan kedua-dua suami isteri itu inginkan hubungan mereka kekal dan tidak mahu berpisah. Bagaimana kita harus menghadapi keadaan yang seperti ini?

Apakah kita harus hadapinya dengan hanya menggoncang-goncangkan bahu dan membiarkan suami isteri itu menghentakkan kepala mereka di dinding? Atau apakah kita harus hadapinya dengan omong-omong kosong dan dakwaan yang berpura-pura pandai dan bijak yang kosong?

Perbuatan menggoncang-goncangkan bahu - sebagaimana telah kami terangkan tidak dapat menyelesaikan masalah. Omong kosong dan dakwaan menunjuk pandai dan bijak tidak sesuai dengan keadaan hidup yang serius yang dihadapi oleh manusia dan dengan permasalahan-permasalahan mereka yang sebenar.

Ketika inilah kita dapati diri kita sekali lagi berdepan dengan salah satu kemungkinan dari tiga kemungkinan yang lepas iaitu:

<u>Yang pertama</u>: Kita menekan dan menghalangkan si lelaki dari melakukan aktiviti hubungan kelamin yang semulajadi (melalui poligami) dengan kekuatan undang-undang dan kuasa kerajaan dan kita berkata kepadanya: "Perbuatan ini amat memalukan, perbuatan ini tidak patut dilakukan dan tidak sesuai dengan hak isteri awak dan dengan kehormatannya."

<u>Yang kedua</u>: Kita bebaskan si lelaki ini menyimpan teman wanita dan berzina dengan mana-mana perempuan yang disukainya.

<u>Yang ketiga</u>: Kita membenarkan si lelaki berkahwin lebih dari seorang mengikut keperluan keadaan dan kita mencegahkannya dari menceraikan isterinya yang pertama.

Kemungkinan yang pertama bertentangan dengan fitrah dan di luar tenaga kesanggupan lelaki dan bertentangan dengan daya ketahanan kesarafan dan kejiwaannya. Akibatnya yang dekat - jika kita paksakannya dengan kekuatan undang-undang dan kuasa pemerintah - ialah dia akan bencikan kehidupan suami isteri kerana menyebabkannya mengalami kesulitan dan terpaksa menderita dalam Neraka hidup berumahtangga. Inilah akibat yang tidak disukai Islam yang telah menjadikan rumah sebagai tempat mencari ketenteraman dan isteri sebagai teman tempat mencari kemesraan dan kasih sayang.

Kemungkinan yang kedua bertentangan dengan matlamat akhlak Islam dan bertentangan dengan sistem pendidikan Islam yang mahu memajukan kehidupan manusia, meninggi dan membersihkannya

supaya layak dengan martabat insan yang telah dijadikan Allah lebih mulia dari haiwan.

Kemungkinan yang ketiga merupakan satu-satunya pilihan yang dapat memenuhi keperluan-keperluan fitrah manusia dan memenuhi kehendak-kehendak sistem pendidikan akhlak Islam. Ia dapat mengekalkan naungan dan perlindungan pernikahan kepada isteri yang pertama dan dapat memenuhi keinginan suami isteri untuk kekal hidup bersama dalam kenangan-kenangan yang manis. Ia memudahkan manusia melangkah ke atas dengan selesa, perlahan-lahan dan dengan cara yang realistik/waqi'i.

Keadaan yang seperti ini juga berlaku dalam kes isteri tidak dapat melahirkan anak kerana mandul, sedangkan suami - dengan keinginan semulajadi mahukan anak pinak. Di sini dia harus menempuh dua jalan sahaja dan tidak ada jalan yang ketiga untuknya iaitu:

Yang pertama, menceraikan isterinya yang mandul dan mencari isteri yang lain yang dapat memenuhi hasrat semulajadinya untuk mendapat anak.

Yang kedua, berkahwin seorang lagi dan mengekalkan pernikahan dan hubungan suami isteri dengan isteri yang pertama.

Mungkin tukang-tukang bicara dan kaki-kaki cakap yang pintar sama ada dari kaum lelaki atau perempuan memilih jalan yang pertama, tetapi sembilan puluh sembilan isteri - sekurang-kurangnya - dari setiap seratus orang akan melontarkan kutukan kepada mereka yang memberi nasihat kepada suami supaya memilih jalan yang pertama kerana jalan itu menghancurkan rumahtangga mereka tanpa apa-apa pampasan yang boleh dilihat. Jarang sekali didapati seorang perempuan yang mandul dan telah ternyata mandulnya ingin berkahwin lagi dan seringkali pula si isteri yang mandul dapat meni'mati kesukaan dan kemesraan dari anak-anak kecil yang dilahirkan oleh isteri suaminya yang lain. Rumah itu menjadi gegak dan riuh rendah dengan pergerakan mereka yang memberi kesukaan kepada semua penghuninya biarpun bagaimana ia bersedih kerana tidak mendapat anak.

$Demikianlah di mana sahaja kita pergi dan memperhatikan kehidupan sebenar yang sedang berlaku dengan segala latar belakangnya yang amali yang tidak mendengar kepada cakap-cakap yang berdegar-degar dan tidak terpengaruh kepada omong-omong kosong, pendapat-pendapat yang karut dan sikap terumbang-ambing di tempat-tempat yang serius itu nescaya kita bersua dengan berbagai gejala hikmat yang tinggi yang terdapat dalam undang-undang yang membenarkan perkahwinan lebih dari seorang dengan syarat yang tertentu (di dalam ayat ini):

فَٱنكِحُواْ مَا طَابَ لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ مَثۡنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَۖ
فَإِنۡ خِفۡتُمۡ أَلَّا تَعۡدِلُواْ فَوَٰحِدَةً

"Maka berkahwinlah dengan mana-mana perempuan yang lain yang disenangi kamu; dua, tiga dan empat dan jika kamu takut tidak berlaku adil (terhadap isteri-isteri yang lebih dari satu) maka kahwinilah seorang sahaja."(3)

Syarat Keadilan Dalam Perkahwinan Lebih Dari Seorang

Kebenaran berkahwin lebih dari seorang itu bertujuan untuk memenuhi realiti fitrah dan realiti hidup manusia dan melindungi masyarakat dari terjerumus ke dalam keruntuhan akhlak dan kebosanan dan syarat keadilan yang dikemukakan oleh ayat ini adalah bertujuan untuk melindungi kehidupan suami isteri dari keadaan kucar-kacir, dan melindungi si isteri dari kezaliman dan penganiayaan dan seterusnya untuk melindungi kehormatan kaum wanita dari terdedah kepada penghinaan tanpa keperluan yang mendesak dan tanpa persediaan dengan langkah-langkah keselamatan yang cukup. Ia menjamin keadilan yang membolehkan wanita menghadapi keadaan dharurat dan kehendak-kehendaknya yang pahit.

Konsep Sayap Harim Bukan Dari Islam

Seorang yang memahami roh Islam dan matlamatnya tidak akan mengatakan bahawa berkahwin lebih dari seorang itu sendiri memang dituntut dan ia memang digalakkan tanpa sesuatu alasan yang lain sama ada berupa keperluan fitrah atau keperluan sosial dan tanpa suatu motif yang lain dari motif meni'mati kelazatan haiwaniyah dan keni'matan berpindah-pindah dari satu isteri kepada satu isteri yang lain sebagaimana perpindahan yang dilakukan oleh seorang teman lelaki di antara teman-teman wanitanya. Sebenarnya kebenaran berkahwin lebih dari seorang itu adalah kerana suatu keperluan untuk menghadapi suatu keadaan dharurat dan ia merupakan satu penyelesaian untuk menghadapi satu permasalahan. Ia bukannya dibebaskan sesuka hati lelaki tanpa syarat dan batas di dalam sistem hidup Islam yang sanggup menghadapi segala realiti hidup manusia.

Apabila satu generasi dari generasi-generasi Islam menyalahgunakan kebenaran ini, di mana kaum lelaki menggunakan kebenaran ini sebagai kesempatan untuk mengubahkan kehidupan suami isteri menjadi gelanggang untuk meni'mati kelazatan haiwaniyah, di mana mereka hidup berpindah-pindah di antara para isteri mereka sama seperti seorang teman peria berpindah-pindah di antara teman-teman wanitanya. Mereka mengadakan sayap Harim (di istana-istana raja-raja, di mana ditempatkan para isteri raja, gundik-gundik dan pelayan-pelayan wanita) dengan cara yang meragukan, maka amalan itu bukanlah dari anjuran Islam dan mereka bukanlah melambangkan Islam. Mereka telah terjerumus ke tahap yang amat rendah ini kerana mereka jauh dari Islam dan tidak memahami rohnya yang bersih dan mulia. Ini disebabkan kerana mereka hidup dalam masyarakat yang tidak dikuasai Islam dan syari'atnya. Mereka hidup dalam masyarakat yang tidak bertapak di atas kekuasaan Islam yang tunduk kepada Islam dan

syari'atnya, yang memimpin orang ramai dengan bimbingan-bimbingan Islam, undang-undang dan peraturannya, tatasusila-tatasusila dan tradisi-tradisinya.

Masyarakat yang memusuhi Islam dan melepaskan diri dari syari'at dan undang-undangnya itulah pihak pertama yang bertanggungjawab terhadap amalan beristeri lebih dari seorang yang kucar-kacir itu. Masyarakat inilah yang pertama bertanggungjawab terhadap sistem bebas berkahwin lebih dari seorang dalam bentuk yang rendah dan meragukan itu dan seterusnya masyarakat inilah yang pertama bertanggungjawab terhadap amalan menjadikan kehidupan suami isteri sebagai gelanggang mencari kelazatan kebinatangan. Oleh itu sesiapa yang ingin memperbetulkan keadaan ini, maka hendaklah ia kembalikan orang ramai kepada Islam, kepada syari'at Islam dan kepada sistem hidup Islam, iaitu mengembalikan mereka kepada prinsip kebersihan, kesucian, kejujuran dan kesederhanaan.............. Sesiapa yang ingin melakukan tindakan islah, maka hendaklah dia kembalikan orang ramai kepada keseluruhan Islam bukan dalam perkara kahwin lebih dari seorang ini sahaja, malah di dalam sistem hidup Islam seluruhnya, kerana Islam adalah satu sistem hidup yang sepadu dan ia tidak berfungsi kecuali berada dalam keadaan sepadu dan syamil.

Keadilan yang dituntut di sini ialah keadilan dalam mu'amalah, nafkah, tinggal bersama dan hubungan kelamin. Adapun keadilan perasaan hati dan kasih sayang, maka ini tidaklah dituntut kepada siapa pun kerana ia di luar dari iradat manusia. Inilah keadilan yang dimaksudkan oleh Allah di dalam ayat yang lain di dalam surah ini:

وَلَن تَسْتَطِيعُوٓاْ أَن تَعْدِلُواْ بَيْنَ ٱلنِّسَآءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ ۖ فَلَا تَمِيلُواْ كُلَّ ٱلْمَيْلِ فَتَذَرُوهَا كَٱلْمُعَلَّقَةِ ۚ

"Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu walaupun kamu bersungguh-sungguh hendak berbuat begitu. Oleh itu janganlah kamu cenderung kepada (isteri-isteri kesayangan) dengan sepenuh kecenderungan kamu hingga kamu membiarkan isteri yang lain dalam keadaan tergantung-gantung."(129)

Ayat ini cuba digunakan oleh setengah-setengah orang sebagai dalil untuk mengharamkan perkahwinan lebih dari seorang, tetapi hakikat yang sebenar bukannya begitu, kerana syari'at Allah itu bukanlah bersenda gurau sehingga pada satu ayat ia menghalal, sedangkan pada ayat yang lain ia mengharamkannya pula sama seperti orang yang memberi dengan tangan kanan dan merampas balik dengan tangan kiri. Oleh itu keadilan yang dituntut di dalam ayat yang pertama atau yang ditentukan dalam kes tidak boleh berkahwin lebih dari seorang jika dibimbangi tidak dapat dilaksanakan ialah keadilan dalam mu'amalah, nafkah, tinggal bersama, hubungan kelamin dan semua hubungan dan kedudukan yang lahir, di mana tiada seorang isteri pun yang boleh dikurangkan dari hak-hak itu dan tiada seorang pun yang diberi keutamaman dari isteri-isteri yang lain dalam hak-hak itu sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Nabi s.a.w. selaku insan yang paling tinggi yang pernah dikenali manusia, sedangkan di waktu itu semua orang di sekelilingnya tahu dan semua isterinya tahu bahawa beliau lebih kasih kepada Aisyah r.'anha. Beliau memberi sentimen hatinya yang istimewa kepada Aisyah, yang tidak diberi kepada mana-mana isterinya yang lain, kerana hati itu bukan milik empunyanya. Hati-hati itu berada di antara dua jari dari jari-jari qudrat Allah Yang Rahman. Dialah yang membalik-balikkan hati-hati itu mengikut iradat-Nya. Rasulullah s.a.w. benar-benar mengenal agamanya dan benar-benar mengenal hatinya. Beliau pernah berdo'a:

اللهم هذا قسمي فيما أملك، فلا تلمني فيما تملك ولا أملك
– اخرجه ابو داود والترمذي والنسائي

"Ya Allah ya Tuhanku! Inilah pembahagianku (di antara isteri-isteriku) dalam perkara-perkara yang berada di dalam milikku (nafkah, giliran dan sebagainya) dan janganlah engkau persalahkan aku dalam perkara-perkara yang dimiliki olehmu (perkara kasih) dan tidak dimiliki olehku."

(Dikeluarkan oleh Abu Daud, at-Tirmizi dan an-Nasai')

Kini kita kembali semula ke pokok pembicaraan dan sekali lagi menegaskan sebelum kita berlepas dari noktah ini iaitu Islam tidak mewujudkan sistem perkahwinan lebih dari seorang, malah Islam hanya membataskan perkahwinan itu. Ia tidak menyuruh berkahwin lebih dari seorang, tetapi ia membenarkan dengan bersyarat - ia telah membenarkan perkahwinan lebih dari seorang itu untuk menghadapi kenyataan-kenyataan di dalam kehidupan manusia dan keperluan-keperluan fitrah mereka. Keperluan-keperluan dan kenyataan-kenyataan yang telah kita sebutkan itu telahpun dapat dilihat setengah-setengahnya sehingga ke masa kini dan mungkin di sebalik keperluan-keperluan dan kenyataan-kenyataan yang telah terdedah itu ada lagi keperluan-keperluan dan kenyataan-kenyataan yang lain lagi yang akan didedahkan oleh perkembangan-perkembangan kehidupan di dalam angkatan generasi-generasi manusia akan datang atau di dalam suasana-suasana hidup yang lain sebagaimana yang berlaku kepada setiap perundangan dan bimbingan yang dibawa oleh sistem hidup Rabbani ini, sedangkan manusia di dalam sesuatu jangka masa yang tertentu di dalam masa-masa sejarah tidak mampu memahami segala hikmat dan muslihat yang tersembunyi di sebalik perundangan dan bimbingan itu. Hikmat dan muslihat tetap wujud di dalam tiap-tiap perundangan Ilahi sama ada kedua-duanya difahami oleh manusia atau tidak di dalam sesuatu jangka masa yang tertentu di dalam masa-masa sejarah manusia yang pendek melalui daya kefahaman mereka yang terbatas itu.

Kemudian kita berpindah kepada peraturan yang kedua yang digariskan oleh ayat ini apabila dibimbangi tidak dapat diperlakukan keadilan:

فإن خفتم ألا تعدلوا فواحدة أو ما ملكت أيمانكم

"Dan jika kamu takut tidak berlaku adil, (terhadap isteri-isteri yang lebih dari satu) maka kahwinlah seorang sahaja atau cukuplah dengan hamba-hamba perempuan yang dimiliki kamu":(3)

Matlamat Perkahwinan Dengan Hamba

Maksudnya jika dibimbangi tidak dapat berlaku adil apabila ia berkahwin lebih dari seorang, maka hendaklah ia berkahwin seorang sahaja dan tidak harus ia melebihinya atau "cukuplah dengan hamba-hamba perempuan yang dimiliki kamu" sama ada sebagai isteri yang dikahwini atau sebagai gundik sahaja kerana nas tidak memberi penentuan.

Di dalam juzu' yang kedua tafsir Zilal ini kami telah berhenti sejenak memperkatakan dengan ringkas tentang persoalan perhambaan dan barangkali di sini eloklah kami memperkatakan masalah istimta' dengan hamba-hamba perempuan khususnya.

Perkahwinan dengan hamba yang dimiliki itu bermakna memulangkan kembali maruah dan kehormatan insaniyahnya dan perkahwinan itu merupakan salah satu kelayakkan kemerdekaan baginya dan bagi anak-anaknya dari tuanmasnya walau sekalipun ia tidak memerdekakannya semasa perkahwinan itu. Perempuan hamba yang dikahwini itu dari sejak hari ia melahirkan anak dari tuanmasnya dipanggil "bonda anak" atau "Ummu walad" dan tuanmasnya tidak boleh lagi menjualnya dan selepas tuanmasnya mati dia akan terus menjadi seorang yang merdeka. Adapun anak-anaknya, maka ia merdeka dari sejak hari lahirnya lagi.

Begitu juga kedudukan hamba itu ketika dijadikannya sebagai gundik, iaitu apabila dia melahirkan anak, maka dia akan menjadi "bonda anak" dan tidak boleh lagi dijual dan akan menjadi merdeka sebaik sahaja tuanmasnya mati dan anaknya juga merdeka jika tuanmas itu mengakui nasabnya. inilah yang biasa berlaku.

Perkahwinan dan pergundikan kedua-duanya merupakan salah satu jalan dari jalan-jalan kemerdekaan yang disyari'atkan oleh Islam dan jalan-jalan itu memang banyak. Tetapi anda mungkin terasa sesuatu di dalam hati mengenai masalah pergundikan ini. Oleh itu eloklah kita ingat bahawa persoalan perhambaan ini adalah seluruhnya merupakan persoalan dharurat sebagaimana telah kami jelaskan di sana dan dharurat yang telah menghalalkan perhambaan di dalam Peperangan Syari'i yang diisytiharkan oleh pemerintah Islam yang menjalankan syari'at Allah itulah juga keadaan dharurat yang menghalalkan pergundikan dengan hamba-hamba perempuan yang ditawan itu, kerana nasib wanita-wanita Islam yang merdeka dan bersih apabila mereka ditawan musuh adalah lebih buruk dari nasib hamba-hamba perempuan ini lagi.

Di samping itu kita harus jangan lupa bahawa perempuan-perempuan tawanan yang dijadikan hamba-hamba sahaya itu mempunyai tuntutan-tuntutan keinginan semulajadi yang pasti diberi perhitungan yang wajar di dalam hidup mereka dan tidak boleh diabaikannya di dalam sistem hidup Islam yang waqi'i yang menjaga fitrah manusia dan realitinya. Samaada tuntutan-tuntutan keinginan itu dipenuhi dengan perantaraan perkahwinan atau dipenuhi dengan jalan menjadi gundik kepada tuanmas selama peraturan memperhambakan tawanan-tawanan perang itu masih wujud supaya mereka tidak menjadi punca yang menimbulkan keadaan keruntuhan akhlak dan kekacauan hubungan lelaki dan perempuan yang bebas lepas tidak terkawal apabila kehendak-kehendak keinginan semulajadi mereka dipenuhi dengan perantaraan zina dan menyimpan teman-teman lelaki sebagaimana yang berlaku di dalam zaman jahiliyah.

Adapun perbuatan memperbanyakkan hamba sahaya yang telah berlaku di setengah-setengah zaman melalui jualbeli, colek-mencolek dan perdagangan hamba abdi dan mengumpulkan mereka di istana-istana dan menggunakan mereka sebagai alat-alat keni'matan secara kebinatangan dan menghabiskan hari-hari malam yang penuh nafsu di antara kumpulan-kumpulan hamba abdi itu, sambil meni'mati minuman keras, menari, menyanyi dan sebagainya dari cerita-cerita yang benar atau keterlaluan yang disampaikan kepada kita, maka semuanya itu bukanlah dari tindakan dan anjuran Islam dan ia tidak seharusnya dipertanggungjawabkan kepada sistem hidup Islam atau ditokokkan kepada realiti sejarah Islam.

Yang menjadi realiti sejarah Islam ialah realiti yang diwujudkan mengikut dasar-dasar, kefahaman-kefahaman, undang-undang dan neraca-neraca ukuran Islam. Inilah satu-satunya yang merupakan realiti sejarah Islam. Adapun realiti yang berlaku di dalam masyarakat yang dipanggil sebagai masyarakat Islam, sedangkan sebenarnya ia terkeluar dari dasar-dasar dan neraca-neraca ukuran Islam, maka realiti ini tidak boleh dihitung sebagai realiti Islam kerana ia menyeleweng dari Islam.

Islam mempunyai kewujudan yang berasingan dan di luar realiti orang-orang Islam dalam mana-mana generasi. Orang-orang Islam tidak mewujudkan Islam, malah Islamlah yang mewujudkan orang-orang Islam. Islam itu merupakan asal pangkal dan orang-orang Islam merupakan cabang dan ranting darinya atau merupakan hasil dari pengeluarannya. Oleh sebab itulah apa yang dilakukan oleh orang-orang Islam atau difahamkan oleh mereka tidak sekali-kali mencorakkan bentuk asal sistem Islam atau mencorakkan pengertian Islam yang asasi kecuali ia sesuai dengan bentuk asal Islam, yang tetap dan bebas dari realiti manusia dan pengertian mereka,

iaitu bentuk asal Islam yang dirujukkan kepadanya realiti manusia dan pengertian mereka di seluruh generasi untuk mengetahui sejauh mana ia sesuai atau menyeleweng dari Islam.

Hal yang seperti ini tidak berlaku di dalam sistem-sistem hidup ciptaan bumi yang dari awal-awal dibentuk dan diwujudkan dari hasil pemikiran dan kefahaman manusia atau dari isme-isme yang difikirkan oleh mereka untuk faedah diri mereka - ini berlaku apabila mereka kembali semula kepada jahiliyah dan mengingkarkan Allah walaupun mereka mendakwa beriman kepadanya, kerana tanda pertama beriman kepada Allah ialah mengambil undang-undang dan peraturan dari agama dan syari'at Allah dan tiada keimanan tanpa dasar yang agung ini - ini disebabkan kerana konsep-konsep yang berubah-ubah di sisi manusia di waktu itu - dan kedudukan-kedudukan yang bertukar-tukar di dalam peraturan-peraturan mereka itulah yang menentukan konsep isme-isme yang digariskan mereka untuk diri mereka dan dilaksanakan mereka ke atas diri mereka.

Adapun di dalam sistem hidup Islam, maka ia tidak dibikin oleh manusia untuk diri mereka, malah ia diciptakan Allah sendiri untuk manusia selaku Tuhan yang mendidik, mencipta, memberi rezeki dan menguasai diri mereka............ di dalam sistem ini manusia hanya mempunyai satu pilihan sahaja sama ada mengikut sistem ini dan menegakkan undang-undang dan peraturan mereka mengikut sistem ini dan di waktu ini barulah realiti hidup mereka menjadi sejarah Islam atau mereka menyimpang dari sistem itu atau menjauhinya sama sekali dan di waktu ini realiti hidup mereka bukan lagi realiti sejarah Islam, malah ia merupakan suatu penyelewengan dari Islam.

Perhitungan ini pastilah disedari ketika mengkaji sejarah Islam dan di atas perhitungan inilah kita harus menilaikan teori sejarah Islam, kerana teori sejarah Islam amat berbeza dari seluruh teori-teori sejarah yang lain yang menganggapkan realiti sesuatu kumpulan manusia yang ada itu sebagai pentafsiran amali bagi sesuatu teori atau sesuatu isme. Ia mengkaji perkembangan sesuatu teori atau sesuatu isme itu di dalam realiti, kelompok manusia yang menganutinya, juga perkembangan di dalam konsep-konsep yang berubah-ubah bagi teori tersebut di dalam pemikiran kelompok itu. Tetap menggunakan kaedah ini terhadap Islam adalah bertentangan dengan tabi'atnya yang unik dan akan membawa kepada bermacam-macam bahaya dalam menentukan pengertian Islam yang sebenar.

Pada akhirnya ayat ini menjelaskan hikmat dari seluruh peraturan-peraturan ini iaitu untuk menghindari kezaliman dan menegakkan keadilan.

ذَٰلِكَ أَدۡنَىٰٓ أَلَّا تَعُولُواْ ﴿٣﴾

"Itulah langkah yang lebih dekat untuk kamu tidak berlaku zalim." (3)

Yakni langkah menjauhi perkahwinan dengan perempuan-perempuan yang yatim - jika kamu takut tidak berlaku adil kepada perempuan-perempuan yatim - dan berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain - dua, tiga dan empat - dan berkahwin seorang sahaja - jika kamu takut tidak berlaku adil - atau cukup dengan hamba-hamba sahaya yang dimiliki kamu "Itulah langkah yang lebih dekat supaya kamu tidak berlaku zalim" yakni itulah jalan yang paling hampir untuk menjauhi perbuatan yang zalim dan aniaya.

Demikianlah ternyata bahawa mencari keadilan dan kesaksamaan itu merupakan garis panduan di dalam sistem hidup Islam dan merupakan matlamat dalam setiap peraturannya. Keadilan perlu dipelihara di rumahtangga yang mengumpulkan keluarga, kerana keluarga merupakan satu bab pertama dalam pembinaan bangunan masyarakat seluruhnya. Ia merupakan titik tolak di dalam kehidupan sosial yang umum. Di bawah bumbung rumahtangga inilah angkatan generasi muda perlahan-lahan berlatih semasa dalam peringkat rebung yang lembut yang boleh dilentur dan dibentuk. Andainya rumahtangga tidak dibangunkan di atas keadilan, kasih mesra dan aman damai, maka tiada lagi keadilan, kasih mesra dan aman damai dalam masyarakat seluruhnya.

* * * * * *

Maskahwin Hak Mutlak Seorang Wanita

Kemudian rangkaian ini membuat selingan menjelaskan hak-hak kaum wanita sebelum selesai menerangkan perkara penjagaan anak-anak yatim yang telah dimulakannya itu. Ia telah memperuntukkan di permulaan surah ini untuk kaum wanita dan menamakan surah ini dengan nama mereka:

وَءَاتُواْ ٱلنِّسَآءَ صَدُقَٰتِهِنَّ نِحۡلَةٗۚ فَإِن طِبۡنَ لَكُمۡ عَن شَيۡءٖ مِّنۡهُ نَفۡسٗا فَكُلُوهُ هَنِيٓـٔٗا مَّرِيٓـٔٗا ﴿٤﴾

"Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan (yang kamu kahwini itu) maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib dan andainya mereka dengan suka hati memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwin itu, maka makanlah pemberian itu dengan seenak-enaknya."(4)

Ayat ini mewujudkan satu hak yang jelas dan satu hak peribadi bagi kaum wanita dalam persoalan maskahwin mereka. Ia juga menceritakan apa yang telah berlaku di dalam masyarakat jahiliyah, di mana hak ini dihancurkan dengan berbagai-bagai cara. Salah satu darinya ialah perempuan itu berada dalam genggaman wali dan dialah yang mengambil maskahwin perempuan itu untuk dirinya seolah-olah perempuan itu barang dagangan dan dialah tuannya. Satu lagi hak perempuan itu dihancurkan melalui perkahwinan *syighar,* iaitu seorang wali mengahwinkan perempuan di bawah jagaannya dengan seorang lelaki dengan syarat lelaki ini

mengahwinkan pula perempuan di bawah jagaannya dengan wali perempuan yang dinikahi tadi, satu sama satu. Ini adalah satu mu'amalah yang berlaku di antara dua orang wali sedangkan dua orang perempuan tidak menerima apa-apa habuan maskahwin. Mereka ditukar seperti binatang. Oleh sebab itulah Islam telah mengharamkan perkahwinan seperti ini dan menjadikan perkahwinan itu suatu pertemuan sukarela di antara dua hati. Islam menjadikan maskahwin itu hak bagi perempuan. Dialah yang berhak mengambilnya untuk dirinya, sedangkan wali tidak berhak mengambilnya. Islam mewajibkan menyebut maskahwin itu dan menentukan kadarnya supaya dapat diterima oleh perempuan sebagai bayaran yang wajib kepadanya yang tidak boleh dimungkiri. Ia mewajibkan si suami menunaikan maskahwin itu sebagai pemberian yang tulus ikhlas kepada isterinya dan hendaklah ia menunaikan pemberian itu dengan hati yang senang dan riang sebagaimana ia memberi sesuatu hadiah. Dan andainya si isteri selepas itu dengan suka hati ingin melepaskan maskahwinnya - semua atau sebahagiannya - maka itu adalah hak kuasanya dan dia boleh melepaskannya dengan kesukaan dan kerelaan hatinya. Dan si suami halal mengambil pemberian isterinya yang diberikan dengan penuh kesukaan dan kerelaan itu dan boleh memakannya dengan seenak-enaknya. Hubungan-hubungan di antara suami isteri hendaklah ditegakkan di atas asas kerelaan yang sempurna, kesukaan hati yang mutlak, semangat toleransi yang terbit dari hati yang putih dan kasih mesra yang tidak meninggal sebarang perasaan terkilan di sana sini.

Dengan peraturan ini Islam telah menyingkirkan satu lagi keladak jahiliyah yang berhubung dengan wanita dan maskahwinnya, juga berhubung dengan hak wanita terhadap dirinya dan hartanya, kehormatan dan kedudukannya. Dan serentak dengan itu Islam tidak mengeringkan hubungan-hubungan di antara wanita dengan suaminya. Ia tidak menegakkan hubungan itu di atas asas keras dan tegas semata-mata dari segi undang-undang, malah ia membiarkan semangat toleransi, saling rela dan saling kasih turut campurtangan dalam kehidupan bersama ini dan turut menyamankan suasana hidup berumahtangga ini dengan udara-udaranya yang lembut.

* * * * * *

Asas-asas Peraturan Pentadbiran Harta Anak Yatim

Setelah selesai dari kenyataan selingan ini - yang dibuat kerana pembicaraan mengenai perkahwinan dengan perempuan-perempuan yatim dan lain-lain perempuan yang bukan yatim - Al-Qur'an kembali membicarakan harta anak-anak yatim dan menjelaskan hukum-hukum menyerah balik harta itu kepada mereka setelah diterangkan di dalam ayat yang kedua surah ini dasar penyerahan balik itu secara ringkas.

Harta ini walaupun ia kepunyaan anak-anak yatim, namun - sebelum ini - adalah harta kelompok. Allah kurniakannya kepada kelompok supaya ia dapat membangunkan kehidupannya. Anggota-anggota kelompok bekerjasama dan bertakaful satu sama lain mengambil manfa'at dari harta itu dengan cara yang sebaik-baiknya. Kelompoklah pada mulanya yang memiliki harta umum itu, sedangkan anak-anak yatim atau para pewarisnya hanya memiliki harta ini untuk melaburkannya sahaja dengan keizinan masyarakat. Mereka terus mengambil manfa'at dengannya dan memberi manfa'at kepada kelompok bersama mereka selama mereka mampu untuk membanyak dan mengembangkan harta itu dan selama mereka mempunyai akal fikiran yang waras dalam mengurus dan mentadbirkannya, sedangkan milik perseorangan dengan hak-hak dan syarat-syaratnya adalah wujud di dalam lingkungan ini. Adapun orang-orang yang tidak mempunyai akal fikiran yang sempurna dari anak-anak yatim yang berharta, yang tidak pandai mengurus dan melaburkan harta mereka, maka harta itu tidak diserahkan kepada mereka dan mereka tidak berhak mengurus dan mengendalikannya, walaupun hak milik mereka tetap kekal dan tidak dicabut dari mereka, malah hak mengurus dan mentadbirkan harta kelompok itu diserahkan kepada mereka yang pandai mengurusnya dari anggota kelompok mengikut darjah tertib kehampiran kerabat kepada anak yatim itu untuk menegakkan dasar takaful kekeluargaan yang menjadi dasar takaful umum di antara keluarga besar. Bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran yang tidak sempurna mereka berhak menerima habuan perbelanjaan dan pakaian dari hartanya dan menerima layanan yang baik:

وَلَا تُؤْتُوا۟ ٱلسُّفَهَآءَ أَمْوَٰلَكُمُ ٱلَّتِى جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ قِيَٰمًا
وَٱرْزُقُوهُمْ فِيهَا وَٱكْسُوهُمْ وَقُولُوا۟ لَهُمْ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٥﴾

"Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akal harta-harta mereka yang di bawah jagaan kamu, yang Allah telah jadikannya sebagai asas kehidupan kamu. Dan berikanlah kepada mereka perbelanjaan dan pakaian dari hasil pendapatan harta itu dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik."(5)

Ciri ketidaksempurnaan akal dan kesempurnaannya akan ketara selepas seseorang itu baligh atau sampai umur. Biasanya perkara ketidaksempurnaan akal dan kesempurnaannya itu tidaklah tersembunyi kepada umum dan ia tidak perlu ditentukan pengertiannya dengan nas-nas. Masyarakat dapat membezakan di antara yang sempurna akal dengan yang tidak sempurna akalnya. Ia mengenal budak ini sempurna akalnya dan budak ini tidak sempurna akalnya. Tindak-tanduk mereka tidak tersembunyi kepada kelompok. Tujuan ujian ialah untuk mengetahui kebalighan seseorang yang diungkapkan oleh ayat dengan kata-kata "an-nikah" atau perkahwinan iaitu satu tugas yang tanda kerlayakannya ialah baligh:

وَٱبْتَلُوا۟ ٱلْيَتَٰمَىٰ حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغُوا۟ ٱلنِّكَاحَ فَإِنْ ءَانَسْتُم مِّنْهُمْ

رُشْدًا فَادْفَعُوٓا۟ إِلَيْهِمْ أَمْوَٰلَهُمْ ۖ وَلَا تَأْكُلُوهَآ إِسْرَافًا وَبِدَارًا
أَن يَكْبَرُوا۟ ۚ وَمَن كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ ۖ وَمَن كَانَ فَقِيرًا
فَلْيَأْكُلْ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَٰلَهُمْ
فَأَشْهِدُوا۟ عَلَيْهِمْ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٦﴾

"Dan ujilah anak-anak yatim itu sehingga mereka telah sampai usia baligh, jika kamu melihat mereka telah mempunyai kematangan fikiran, maka serahkanlah kepada mereka harta kepunyaan mereka dan janganlah kamu makan harta mereka secara melampaui batas dan secara tergesa-gesa kerana (mengambil peluang sebelum) mereka besar. Dan sesiapa (di antara para penjaga harta itu) yang kaya, maka hendaklah ia tahankan dirinya (dari memakannya) dan sesiapa yang miskin, maka bolehlah ia memakannya secara yang wajar. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka harta kepunyaan mereka, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi yang menyaksikan penerimaan mereka dan cukuplah Allah penjadi Pengira Yang Maha Halus.(6)

Dari celah-celah nas ini dapat dilihat dengan jelas betapa halusnya peraturan-peraturan untuk menyerahkan kepada anak-anak yatim harta mereka apabila mereka sempurna akal fikiran mereka, begitu juga dapat dilihat betapa kuatnya suruhan yang mewajibkan agar harta anak-anak yatim itu diserahkan dengan segera kepada mereka sebaik sahaja ternyata mereka mempunyai akal yang sempurna - selepas baligh - dan menyerahkannya kepada mereka dengan cukup sempurna dan agar dijaga harta itu dengan baik semasa mengendalikannya dan tidak tergesa-gesa memakannya secara keterlaluan sebelum kanak-kanak yang memiliki harta itu besar dan menerima penyerahan harta itu, serta menahankan diri dari memakan sesuatu dari harta anak yatim sebagai upahan kerana mengurus dan mentadbirkannya jika penjaga itu seorang yang kaya, namun demikian si penjaga boleh memakannya dengan kadar yang paling terbatas jika ia seorang yang tidak berada. Para penjaga juga wajib mengadakan saksi-saksi ketika melakukan penyerahan balik harta kepada anak-anak yatim itu. Kemudian ayat itu diakhiri dengan peringatan terhadap penyaksian dan hisab Allah:

وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٦﴾

"Dan cukuplah Allah menjadi Pengira Yang Maha Halus."(6)

Semua tekanan dan keterangan yang terperinci ini dan semua peringatan dan amaran ini membayangkan wujudnya kezaliman yang lumrah di dalam masyarakat terhadap harta anak-anak yatim yang lemah di dalam masyarakat dan membayangkan betapa perlunya tradisi yang lumrah itu diubah dengan diberi tekanan dan penjelasan yang terperinci agar tidak terdapat sebarang ruang untuk melakukan penipuan dan penyelewengan dari mana-mana jalan.

Demikianlah sistem hidup Rabbani menghapuskan ciri-ciri jahiliyah di dalam jiwa dan masyarakat dan menegakkan ciri-ciri Islam. Ia menghapuskan rupa paras jahiliyah dari wajah masyarakat dan menegakkan rupa paras Islam. Demikianlah ia membentuk masyarakat baru, perasaan-perasaan dan tradisinya, undang-undang dan peraturannya di bawah naungan taqwa kepada Allah dan pengawasan-Nya. Ia menjadikan taqwa dan pengawasan Allah itu sebagai jaminan terakhir bagi pelaksanaan undang-undang dan tiada jaminan bagi mana-mana undang-undang di bumi ini tanpa jaminan taqwa dan pengawasan Allah ini.

وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٦﴾

"Dan cukuplah Allah menjadi Pengira Yang Maha Halus."(6)

* * * * * *

Dasar Takaful Merupakan Asas Pembinaan Masyarakat

Di zaman jahiliyah biasanya mereka tidak memberi pusaka kepada anak-anak perempuan dan kepada anak gadis kecuali sesuatu yang remeh-temeh dan sedikit kerana mereka tidak pandai menunggang kuda dan tidak dapat melawan penceroboh. Kemudian datang syari'at Allah menjadikan pusaka pada dasarnya suatu hak bagi semua kerabat mengikut darjat tertib mereka dan mengikut kadar habuan mereka yang akan dijelaskan kemudian dari ini. Ini adalah sesuai dengan teori Islam yang memperjuangkan konsep takaful di antara anggota-anggota satu keluarga dan konsep takaful kemanusiaan umumnya dan mengikut dasar "pendapatan mengikut tanggungan" misalnya kerabat yang dekat bertanggungjawab membantu saraan hidup kerabatnya apabila ia perlukannya dan bekerjasama dengannya dalam membayar diyat dalam kes pembunuhan dan membayar pampasan-pampasan dalam kes menyebabkan kecederaan. Oleh itu amatlah adil jika ia mewarisinya andainya ia meninggalkan harta mengikut darjah kekerabatannya dan tanggungjawab terhadapnya. Islam adalah satu sistem yang sepadu dan selaras dan ciri kesepaduan dan keselarasan ini kelihatan jelas dalam pengagihan hak-hak dan kewajipan-kewajipan.

Inilah dasar peraturan pusaka secara umum. Kita mungkin mendengar di sana sini suara bangkangan yang tidak menentu di sekitar dasar peraturan pusaka ini. Ia ditimbulkan dengan motif menunjukkan keangkuhan terhadap Allah S.W.T., sedangkan mereka jahil terhadap tabi'at manusia dan latar belakang hidupnya di alam kenyataan.

Pemahaman terhadap asas-asas yang menjadi tapak tegaknya sistem kemasyarakatan Islam dapat menghentikan suara bangkangan yang tidak menentu ini.

Dasar sistem kemasyarakatan Islam ialah takaful dan supaya takaful dapat dibangunkan di atas asas yang kukuh, maka Islam tegakkannya di atas asas keinginan fitrah yang tetap di dalam jiwa manusia, kerana keinginan-keinginan ini tidak dijadikan Allah sia-sia sahaja di dalam fitrah manusia, malah keinginan itu telah diciptakan Allah untuk melaksanakan satu tugas yang asasi di dalam kehidupan manusia.

Oleh sebab pertalian kekeluargaan - yang dekat dan yang jauh - merupakan pertalian-pertalian semulajadi yang haqiqi, kerana ia tidak dibikin oleh mana-mana generasi manusia dan tentulah pula tidak dibuat oleh seluruh generasi mereka. Di samping itu perbuatan mempertikaikan keseriusan pertalian-pertalian ini dan kedudukannya yang mendalam dan kesannya yang kuat di dalam mempertingkatkan kehidupan manusia, memelihara dan memajukannya tidak akan menambah apa-apa selain dari menunjukkan sikap kedegilan yang tidak wajar mendapat penghormatan...... Oleh sebab pertalian itu sedemikian rupa, maka Islam telah menjadikan dasar takaful dalam kalangan keluarga sebagai batu asas dalam pembinaan takaful masyarakat umum dan ia jadikan pusaka sebagai gejala dari gejala-gejala takaful dalam kalangan keluarga di samping fungsi-fungsinya yang lain di dalam sistem ekonomi dan kemasyarakatan umum.

Apabila langkah ini lemah atau gagal untuk mengatasi semua kes yang memerlukan pertolongan takaful, maka langkah yang kedua akan datang dari masyarakat tempatan untuk menyempurnakan dan menguatkan langkah itu dan apabila langkah ini juga lemah, maka tibalah peranan kerajaan Islam membantu dengan sempurna mereka yang tidak dapat dibantu oleh usaha-usaha keluarga dan usaha-usaha masyarakat tempatan yang terbatas itu. Dengan cara begini seluruh bebanan itu tidak hanya diletakkan ke atas bahu jabatan-jabatan am kerajaan sahaja. Pertama kerana gerakan takaful di kalangan keluarga atau di kalangan masyarakat yang kecil itu dapat mewujudkan perasaan-perasaan kemesraan dan timbangrasa yang halus dan dapat menyuburkan semangat bantu-membantu dan tolong-menolong dengan kesuburan yang tabi'i yang tidak dibuat-buat - lebih-lebih lagi perasaan-perasaan ini merupakan suatu pencapaian insaniyah yang tidak akan dinafikan kecuali oleh orang-orang yang tidak berbudi. Gerakan takaful di kalangan keluarga khususnya dapat mewujudkan kesan-kesan tabi'i yang sesuai dengan fitrah manusia. Misalnya apabila seseorang itu sedar bahawa kesan-kesan dari usaha-usaha peribadinya akan kembali kepada kaum kerabatnya terutama zuriat keturunannya, maka ini akan mendorongnya ke arah melipatgandakan lagi usahanya dan hasil usahanya itu akan dini'mati secara tidak langsung oleh anggota-anggota masyarakat, kerana Islam tidak membangunkan dinding-dinding pemisah di antara individu dan masyarakat. Oleh kerana itu setiap yang dimiliki oleh individu pada akhirnya boleh menjadi milik masyarakat apabila ia memerlukannya.

Dasar yang akhir ini dapat menghapuskan segala bangkangan yang dangkal terhadap peraturan pusaka yang memberi pusaka kepada mereka yang tidak berpenat lelah dan berusaha dengan mengorbankan tenaga sebagaimana yang digembar-gemburkan. Sebenarnya si pewaris ini - dari satu segi - merupakan lanjutan dari memberi pusaka. Di samping itu dia adalah pelindung dan pemelihara pemberi pusaka andainya pemberi pusaka itu tidak berharta, sedangkan dia berharta. Kemudian pada akhirnya dia dan harta yang dimilikinya akan kembali kepada masyarakat apabila masyarakat memerlukan sesuai dengan dasar takaful umum.[5]

Kemudian pertalian di antara yang diwarisi dengan pewaris - terutama anak pinak - bukanlah terhenti di atas harta sahaja. Andainya kita putuskan warisan harta, maka kita tidak dapat memutuskan pertahan-pertalian yang lain dan warisan-warisan yang lain.

Peraturan Pengagihan Harta Pusaka

Sebenarnya ibu bapa, datuk nenek dan kaum kerabat umumnya tidak hanya meninggalkan warisan harta sahaja kepada anak-anak, cucu-cucu dan kerabat-kerabat mereka, malah mereka juga meninggalkan warisan bakat-bakat kesediaan yang baik dan yang buruk, warisan kesediaan-kesediaan sakit dan sihat yang turun-temurun, warisan penyelewengan dan kelurusan, warisan kecantikan dan kehodohan, warisan-warisan kecerdasan dan kebodohan dan sebagainya kepada mereka. Sifat-sifat ini sentiasa mendampingi para pewaris dan mempengaruhi kehidupan mereka dan mereka tidak akan terlepas dari ikatannya buat selama-lamanya. Oleh itu tentulah adil mereka juga diberi warisan harta. Para yang diwarisi tidak dapat membebaskan para pewaris dari sakit, penyelewengan dan kebodohan dan kerajaan juga tidak berdaya walaupun dengan menggunakan segala alat dan wasilah yang ada padanya untuk membebaskan mereka dari warisan-warisan ini.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan semulajadi dan amali di dalam kehidupan manusia ini di samping berdasarkan muslihat-muslihat kemasyarakatan yang lain, maka Allah mensyari'atkan dasar peraturan pusaka:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ ٱلْوَٰلِدَانِ وَٱلْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَآءِ
نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ ٱلْوَٰلِدَانِ وَٱلْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ
أَوْ كَثُرَ ۚ نَصِيبًا مَّفْرُوضًا ﴿٧﴾

---

5 *Lihat huraian yang luas bab "* الفرد والمجتمع *" dalam kitab "* الإنسان بين المادية والإسلام *" oleh Muhamad Qutb dan lihat bab "* التكافل الاجتماعي *" dalam buku "* العدالة الاجتماعية *" dan dalam buku "* دراسات الإسلامية *" oleh pengarang, juga lihat bab "* سياسة المال *" di dalam buku "* العدالة الإجتماعية *".*

"Orang-orang lelaki mempunyai bahagian pusaka dari harta peninggalan dua ibu bapa dan kerabat-kerabat dan orang-orang perempuan juga mempunyai bahagian pusaka dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabat-kerabat sama ada sedikit atau banyak sebagai bahagian yang telah ditentukan Allah."(7)

Inilah dasar umum Islam dan dengan dasar ini Islam memberi hak pusaka kepada kaum wanita sejak empat belas abad yang silam sama seperti kaum lelaki dari segi dasar. Dasar ini juga memelihara hak-hak kanak-kanak yang masih kecil yang dianiayai di zaman jahiliyah, di mana hak-hak mereka dimakan begitu sahaja kerana jahiliyah memandang individu-individu dari segi nilai amali mereka dalam peperangan dan kerja-kerja penghasilan, sedangkan Islam dengan sistem hidup Rabbaninya memandang manusia dari segi nilai insaniyahnya iaitu satu nilai asasi yang tidak terpisah dari manusia dalam apa keadaan sekalipun kemudian barulah ia menilaikannya dari sudut tanggungjawab-tanggungjawab yang sebenar di dalam kalangan keluarga dan dalam lingkungan masyarakat.

* * * * * *

Oleh sebab peraturan pembahagian pusaka - sebagaimana akan diterangkan nanti - membuat setengah-setengah kerabat mendinding setengah-setengah kerabat yang lain dari mendapat habuan pusaka, iaitu di sana terdapat kerabat-kerabat yang tidak berhak mendapat habuan pusaka kerana ada kerabat yang lebih dekat mendahului mereka dan mendinding mereka... Oleh sebab peraturan yang demikian, maka Al-Qur'an menjelaskan bahawa kerabat-kerabat yang terdinding itu juga mempunyai hak yang tidak ditentukannya apabila mereka hadir semasa pembahagian pusaka itu untuk mengambil hati mereka supaya mereka tidak melihat pembahagian harta itu dengan mata yang putih, juga untuk memelihara pertalian kekeluargaan dan rasa kemesraan. Di samping itu Al-Qur'an juga menjelaskan bahawa anak-anak yatim dan orang-orang miskin juga mempunyai hak yang sama (seperti kerabat yang terdinding itu). Ini adalah sesuai dengan dasar takaful umum:

وَإِذَا حَضَرَ ٱلْقِسْمَةَ أُو۟لُوا۟ ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينُ فَٱرْزُقُوهُم مِّنْهُ وَقُولُوا۟ لَهُمْ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٨﴾

"Dan apabila pembahagian harta pusaka itu dihadiri oleh kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), anak-anak yatim dan orang-orang miskin, maka berikanlah kepada mereka sedikit dari harta itu dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik."(8)

Mengenai ayat ini terdapat berbagai-bagai riwayat dari angkatan salaf. Di antaranya ada yang berpendapat bahawa ayat ini telah dimansuhkan oleh ayat pusaka yang menentukan bahagian pusaka masing-masing. Ada yang berpendapat ayat ini muhkamah dan tidak mansukh, tetapi di antara mereka ada yang mengatakan bahawa pengertian ayat ini adalah wajib dan difardhukan dan ada pula yang mengatakan pengertiannya hanya sunat sahaja selama para pewaris ingin memberi dengan suka hati. Kami tidak mendapati apa-apa dalil pada ayat ini yang menunjukkan ianya mansuh, malah kami berpendapat ayat ini muhkamah dan wajib di dalam kes-kes yang telah kami sebutkan tadi berdasarkan kepada keumuman ayat ini dari satu segi dan berdasarkan kepada tujuan am Islam dalam usaha takaful dari satu segi yang lain pula. Ayat ini bertujuan menerangkan sesuatu yaag lain dari bahagian-bahagian pusaka para pewaris yang ditentukan di dalam ayat-ayat selanjutnya.

* * * * * *

Sebelum rangkaian ayat ini memulakan penjelasan yang menentukan bahagian-bahagian pusaka para pewaris ia kembali memberi amaran dari memakan harta anak-anak yatim. Ia kembali pada kali ini untuk menyentuh hati manusia dengan dua sentuhan yang kuat. Pertama ia menyentuh perasaan kasih sayang keibu bapaan dan perasaan kebimbangan semulajadi terhadap zuriat-zuriat yang lemah sambil merangsangkan perasaan taqwa terhadap Allah Penghisab dan Pengawas Yang Maha Halus. Yang kedua ia menyentuh perasaan takut kepada api Neraka dalam satu pemandangan fizikal yang ngeri.

وَلْيَخْشَ ٱلَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا۟ مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَٰفًا خَافُوا۟ عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَلْيَقُولُوا۟ قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٩﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَٰلَ ٱلْيَتَٰمَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِى بُطُونِهِمْ نَارًا ۖ وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾

"Hendaklah orang-orang (yang menjaga anak yatim itu) menaruh kebimbangan andainya mereka sendiri kelak meninggalkan anak-anak (yatim) yang lemah di belakang mereka, yang mereka berasa bimbang terhadap mereka. Oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucap perkataan yang betul (9). Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim itu adalah sebenarnya menelan api Neraka ke dalam perut mereka dan mereka akan masuk ke dalam api Neraka yang bernyala-nyala."(10)

Demikianlah sentuhan yang pertama itu menyentuh hati para bapa yang peka terhadap anak-anak mereka yang masih kecil dengan memikirkan nasib anak-anak mereka yang lemah yang tidak ada siapa yang menjaga dan melindungi mereka supaya dengan pemikiran ini mereka dapat bersimpati terhadap nasib anak-anak yatim yang diserahkan nasib mereka

kepada mereka setelah bapa-bapa mereka meninggal dunia, kerana mereka juga tidak mengetahui kemungkinan nasib anak-anak mereka sendiri kelak akan diserahkan kepada orang-orang yang hidup selepas mereka sebagaimana nasib anak-anak yatim itu yang diserahkan kepada mereka. Ia menyentuh hati mereka sedemikian rupa di samping menyuruh mereka bertaqwa kepada Allah terhadap kanak-kanak yatim yang kecil yang telah diserahkan Allah kepada jagaan dan perlindungan mereka semoga Allah menyediakan kepada anak-anak kecil mereka kepada penjaga-penjaga yang melindungi mereka dengan perasaan taqwa, jujur dan kasih mesra. Di samping itu Allah juga menyuruh mereka menggunakan perkataan-perkataan yang betul terhadap anak-anak yatim ketika mendidik dan menjaga mereka sebagaimana mereka menjaga dengan betul harta anak-anak yatim dan barang-barang kepunyaan mereka.

Sentuhan yang kedua ialah satu pemandangan yang ngeri, iaitu pemandangan api Neraka di dalam perut dan pemandangan Neraka yang bernyala-nyala di akhir perjalanan hidup. Harta anak-anak yatim yang dijaga mereka itu adalah sebenarnya api Neraka dan api inilah yang dimakan mereka dan tempat kembali mereka ialah Neraka. Itulah api yang membakar perut dan kulit mereka. Itulah api dari dalam dan dari luar. Itulah api yang dilembagakan sehingga hampir-hampir dapat dirasakan oleh perut dan kulit dan hampir-hampir dapat dilihat oleh mata ketika ia membakar perut dan kulit.

Nas-nas Al-Qur'an itu dengan saranan-saranannya yang kuat dan mendalam telah memberi kesan yang hebat di dalam hati kaum Muslimin. Ia membersihkan hati mereka dari keladak-keladak jahiliyah. Ia menggoncangkan hati mereka dengan kuatnya hingga tercampak segala keladak-keladak itu dan menimbulkan perasaan takut - perasaan segan melakukan dosa, perasaan taqwa dan berhati-hati dari menyentuh harta anak-anak yatim. Mereka memandang harta itu sebagai api Neraka sebagaimana yang dijelaskan Allah kepada mereka di dalam ayat-ayat yang kuat yang mempunyai saranan-saranan yang kuat ini. Mereka begitu takut menyentuh harta-harta itu.

Dari saluran 'Ata' ibn as-Sa'ib dari Said ibn Jubayr dari Ibn Abbas r.a.'anhuma katanya apabila turunnya ayat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَٰلَ ٱلْيَتَٰمَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِى بُطُونِهِمْ نَارًا ۖ وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim itu adalah sebenarnya menelan api Neraka ke dalam perut mereka dan mereka akan masuk ke dalam api Neraka yang bernyala-nyala."(10)

maka setiap orang yang menjaga anak yatim terus mengasingkan makanannya dari makanan mereka dan minumannya dari minuman mereka. Ia melebihkan makanan dan menyimpankannya untuk mereka sehingga mereka memakannya atau rosak. Hal ini telah menyebabkan kesulitan kepada mereka kemudian mereka ceritakannya kepada Rasulullah s.a.w. lalu Allah menurunkan ayat:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْيَتَٰمَىٰ ۖ قُلْ إِصْلَاحٌ لَّهُمْ خَيْرٌ ۖ وَإِن تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ ٱلْمُفْسِدَ مِنَ ٱلْمُصْلِحِ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَعْنَتَكُمْ ۚ

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak-anak yatim jawablah: Memperbaiki keadaan hidup mereka adalah suatu amalan yang baik. Dan jika kamu campurkan (makanan dan minuman) kamu dengan (makanan dan minuman) mereka (maka tiada apa-apa dosa kepada kamu) kerana mereka adalah saudara-saudara kamu. Dan Allah mengetahui orang-orang yang merosak (tidak jujur) dari orang-orang yang membuat kebaikan (jujur) dan andainya Allah kehendaki tentulah Dia memberatkan hukumannya ke atas kamu."

(Surah al-Baqarah: 220)

Lalu mereka pun mencampurkan makanan dan minuman mereka dengan makan dan minuman anak-anak yatim itu.

Demikianlah cara Al-Qur'an meningkatkan hati nurani manusia ke puncak yang gemilang dan membersihkannya dari kekotoran jahiliyah dengan pembersihan yang menarik itu.

* * * * * *

Peraturan Pengagihan Pusaka

Sekarang tibalah kita kepada peraturan warisan. Ia dimulakan dengan perintah Allah kepada dua ibu bapa terhadap anak-anak mereka dan ini menunjukkan bahawa Allah lebih bertimbangrasa, lebih berbakti dan lebih adil dari para ibu bapa sendiri terhadap anak-anak mereka di samping menunjukkan bahawa peraturan ini adalah terbit dari Allah S.W.T. iaitu Dialah yang menetapkan hukum pusaka di antara dua ibu bapa dengan anak-anak mereka dan di antara kerabat-kerabat dengan kerabat-kerabat mereka. Kewajipan mereka ialah menerima dan melaksanakan perintah dan hukum Allah itu. Inilah konsep "agama" yang dimaksudkan oleh penerangan seluruh surah ini sebagaimana telah diterangkan sebelum ini.

Begitu juga peraturan ini dimulakan dengan menjelaskan dasar umum warisan:

يُوصِيكُمُ ٱللَّهُ فِىٓ أَوْلَٰدِكُمْ ۖ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ ٱلْأُنثَيَيْنِ ۚ

"Allah memerintah kamu (dalam pembahagian pusaka) kepada anak-anak kamu ialah bahagian anak lelaki kamu menyamai bahagian dua orang anak perempuan."(11)

Kemudian ia menjelaskan cabang-cabang masalahnya dan pengagihan bahagian-bahagian masing-masing berlandaskan hakikat semesta itu dan dasar umum ini. Huraian yang terperinci itu melalui dua ayat: Yang pertama ayat khusus yang menerangkan para pewaris dari usul, (ibu bapa), dan dari furuk (anak pinak). Yang kedua ayat yang khusus menerangkan hal-hal isteri dan kalalah, kemudian pada akhir ayat dalam surah ini dibentangkan saki-baki hukum-hukum warisan untuk menyempurnakan penjelasan mengenai setengah-setengah kes kalalah (kita akan huraikan persoalan ini di tempatnya nanti):

يُوصِيكُمُ ٱللَّهُ فِىٓ أَوْلَٰدِكُمْ ۖ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ
ٱلْأُنثَيَيْنِ ۚ فَإِن كُنَّ نِسَآءً فَوْقَ ٱثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ
ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۖ وَإِن كَانَتْ وَٰحِدَةً فَلَهَا ٱلنِّصْفُ ۚ
وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا ٱلسُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن
كَانَ لَهُۥ وَلَدٌ ۚ فَإِن لَّمْ يَكُن لَّهُۥ وَلَدٌ وَوَرِثَهُۥٓ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ
ٱلثُّلُثُ ۚ فَإِن كَانَ لَهُۥٓ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ ٱلسُّدُسُ ۚ مِنۢ
بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِى بِهَآ أَوْ دَيْنٍ ۗ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ
لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا ۚ فَرِيضَةً مِّنَ
ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾
وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَٰجُكُمْ إِن لَّمْ
يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٌ ۚ فَإِن كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ
ٱلرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْنَ ۚ مِنۢ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ
بِهَآ أَوْ دَيْنٍ ۚ وَلَهُنَّ ٱلرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِن
لَّمْ يَكُن لَّكُمْ وَلَدٌ ۚ فَإِن كَانَ لَكُمْ
وَلَدٌ فَلَهُنَّ ٱلثُّمُنُ مِمَّا تَرَكْتُم ۚ مِّنۢ بَعْدِ وَصِيَّةٍ
تُوصُونَ بِهَآ أَوْ دَيْنٍ ۗ وَإِن كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ
كَلَٰلَةً أَوِ ٱمْرَأَةٌ وَلَهُۥٓ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَٰحِدٍ
مِّنْهُمَا ٱلسُّدُسُ ۚ فَإِن كَانُوٓا۟ أَكْثَرَ مِن ذَٰلِكَ
فَهُمْ شُرَكَآءُ فِى ٱلثُّلُثِ ۚ مِنۢ بَعْدِ وَصِيَّةٍ
يُوصَىٰ بِهَآ أَوْ دَيْنٍ غَيْرَ مُضَآرٍّ ۚ وَصِيَّةً
مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٢﴾

"Allah memerintah kamu (dalam pembahagian pusaka) kepada anak-anak kamu, ialah bahagian seorang anak lelaki kamu menyamai bahagian dua orang anak perempuan, dan jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah separuh harta itu dan bagi ibu bapa si mati ialah tiap-tiap seorang dari keduanya mendapat seperenam dari harta peninggalan si mati jika si mati itu mempunyai anak, tetapi jika si mati itu tidak mempunyai anak dan yang mewarisinya hanya dua ibu bapanya sahaja, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Jika si mati itu mempunyai beberapa orang adik-beradik maka bahagian ibunya ialah satu perenam setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan olehnya dan setelah dibayarkan hutang-hutangnya. Adapun bapa-bapa kamu dan anak-anak, maka sebenarnya kamu tidak mengetahui siapakah di antara mereka yang lebih dekat manfa'atnya kepada kamu. (Itulah) ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (11). Dan bagi kamu separuh dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak, tetapi jika mereka mempunyai anak, maka kamu mendapat satu perempat dari harta yang ditinggalkan mereka setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan mereka atau sesudah dibayarkan hutang-hutang mereka. Dan bagi mereka (isteri-isteri kamu) satu perempat dari harta yang ditinggalkan kamu jika kamu tidak mempunyai anak, tetapi jika kamu mempunyai anak, maka mereka mendapat satu perlapan dari harta yang ditinggalkan kamu setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh kamu atau sesudah dibayarkan hutang-hutang kamu. Dan jika si mati lelaki atau si mati perempuan yang diwarisi itu seorang yang kalalah (tidak meninggalkan anak atau bapa) tetapi mempunyai saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka setiap orang dari keduanya mendapat satu perenam, tetapi jika mereka lebih dari seorang, maka mereka berkongsi pada satu pertiga setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati atau setelah dibayarkan hutangnya dan hendaklah wasiat itu tidak mendatangkan mudharat (kepada para waris). Itulah perintah dari Allah dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Sabar."(12)

Kedua-dua ayat ini ditokok pula dengan ayat yang ketiga di akhir surah yang berbunyi:

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ ٱللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِى ٱلْكَلَٰلَةِ ۚ إِنِ ٱمْرُؤٌا۟
هَلَكَ لَيْسَ لَهُۥ وَلَدٌ وَلَهُۥٓ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ ۚ
وَهُوَ يَرِثُهَآ إِن لَّمْ يَكُن لَّهَا وَلَدٌ ۚ فَإِن كَانَتَا ٱثْنَتَيْنِ
فَلَهُمَا ٱلثُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ ۚ وَإِن كَانُوٓا۟ إِخْوَةً رِّجَالًا
وَنِسَآءً فَلِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ ٱلْأُنثَيَيْنِ ۗ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ
لَكُمْ أَن تَضِلُّوا۟ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌۢ ﴿١٧٦﴾

"Mereka meminta fatwa kepadamu (Muhammad) katakanlah: Allah memberi fatwa kepada kamu tentang masalah kalalah, iaitu jika seorang meninggal dunia tanpa meninggal seorang anak dan dia mempunyai saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan satu perdua dari harta yang telah ditinggalkan oleh si mati dan dia (saudara lelaki) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya itu jika saudara perempuan itu tidak mempunyai anak. Kalau saudara perempuannya dua orang maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang telah ditinggalkan oleh si mati dan jika saudara-saudara itu ramai lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan. Dan Allah memberi penerangan supaya kamu tidak sesat dan Allah Maha Mengetahui terhadap segala sesuatu."(176)

Ketiga-tiga ayat ini mengandungi dasar-dasar ilmu fara'idh (pembahagian pusaka), adapun ulasan cabang-cabang masalahnya maka setengah-setengahnya telah diterangkan oleh as-Sunnah dan yang lain dihasilkan oleh ijtihad para ulama' berlandaskan dasar-dasar tersebut. Di sini tiada ruang untuk memasuki ke dalam ulasan cabang-cabang masalah itu dan cara-cara tatbiqnya kerana tempatnya yang sebenar ialah kitab-kitab ilmu fekah. Di dalam tafsir fi Zilal ini cukuplah bagi kita mentafsirkan maksud ayat-ayat ini dan mengulas isi kandungannya yang mengandungi dasar-dasar sistem hidup Islam.

يُوصِيكُمُ ٱللَّهُ فِيٓ أَوۡلَٰدِكُمۡۖ لِلذَّكَرِ مِثۡلُ حَظِّ ٱلۡأُنثَيَيۡنِۚ

"Allah memerintah kamu (dalam pembahagian pusaka) kepada anak-anak kamu ialah bahagian seorang anak lelaki kamu menyamai bahagian dua orang anak perempuan."(11)

Kenyataan pembukaan menunjukkan kepada dasar-dasar di mana peraturan pusaka ini patut dirujukkan dan menunjukkan kepada sumber dari mana datangnya peraturan pusaka ini, di samping menunjukkan bahawa Allah lebih kasihan belas dari para ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Oleh itu apabila Allah memfardhukan hukum-hukum pusaka ke atas mereka, maka ini bererti bahawa Allah memfardhukan hukum yang mendatangkan kebaikan yang dikehendaki oleh para ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Kedua-dua pengertian ini berhubung kait dan bersepadu.

Allahlah yang memerintah dan memfardhu dan Dialah yang mengagihkan harta pusaka di antara manusia sebagaimana Dia memerintah dan memfardhukan dalam segala sesuatu dan sebagaimana Dia membahagikan seluruh rezeki yang lain. Dari Allahlah datang segala peraturan dan undang-undang dan dari Allah juga manusia menerima peraturan yang menyentuh urusan hidup mereka yang paling peribadi sifatnya iaitu peraturan membahagikan harta dan peninggalan-peninggalan mereka kepada zuriat dan anak-anak mereka. Inilah yang dikatakan agama. Manusia tidak dikatakan berpegang kepada agama jika mereka tidak menerima segala peraturan urusan kehidupannya dari Allah Yang Maha Esa sahaja. Di sana tidak wujud Islam andainya mereka menerima mana-mana peraturan bagi urusan kehidupan mereka - besar atau kecil - dari satu sumber yang lain, malah yang wujud di sana ialah kesyirikan dan kekafiran, yang ada di sana ialah jahiliyah yang kerananya Islam datang untuk membongkarkan akar umbinya di dalam kehidupan manusia.

Apa yang diperintah dan difardhukan Allah dan dijadikan undang-undang di dalam kehidupan manusia - termasuk peraturan pembahagian pusaka kepada zuriat dan anak-anak mereka yang merupakan persoalan yang amat peribadi sifatnya - adalah peraturan yang paling baik dan paling berguna kepada manusia. Ia merupakan satu peraturan yang lebih baik dari cara pembahagian mereka kepada diri mereka sendiri dan dari peraturan yang mereka pilih sendiri untuk anak-anak pinak mereka. Manusia tidak boleh berkata! Kami boleh memilih sendiri peraturan untuk diri kami atau kami lebih mengetahui tentang muslihat dan kepentingan-kepentingan kami. Kata-kata yang seperti ini selain dari tidak benar sekaligus itu juga ia merupakan kata-kata yang menunjukkan keangkuhan dan kesombongan terhadap Allah dan mendakwa lebih mengetahui dari-Nya. Ini adalah satu dakwaan yang hanya sanggup diluahkan oleh manusia yang bongkak dan jahil sahaja.

Ujar Al-'Aufy dari Ibn Abbas mengenai ayat:

يُوصِيكُمُ ٱللَّهُ فِيٓ أَوۡلَٰدِكُمۡۖ لِلذَّكَرِ مِثۡلُ حَظِّ ٱلۡأُنثَيَيۡنِۚ

"Allah memerintah kamu (dalam pembahagian pusaka) kepada anak-anak kamu, ialah bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua anak perempuan:"(11)

"Apabila turun ayat pembahagian pusaka di mana Allah telah menetapkan bahagian anak lelaki, perempuan dan dua ibu bapa, maka ramai - atau setengah-setengah - orang melahirkan perasaan tidak bersetuju. Mereka berkata: Si perempuan diberi satu perempat atau satu perlapan, si anak perempuan diberi separuh dan kanak-kanak yang kecil juga turut diberi pusaka, sedangkan tiada seorang pun dari mereka yang boleh memerangi musuh dan mendapatkan harta rampasan perang. Diamkan sahaja pembicaraan ini semoga Rasulullah s.a.w. lupakannya atau kita kemukakannya kepada beliau supaya beliau ubahkannya lalu mereka berkata: Wahai Rasulullah, si perempuan diberi separuh harta yang telah ditinggalkan bapanya, sedangkan dia tidak pandai menunggang kuda dan tidak berdaya memerangi musuh, dan kanak-kanak yang kecil diberi pusaka, sedangkan dia tidak dapat berbuat apa-apa. Begitulah apa yang telah dilakukan mereka di zaman jahiliyah, iaitu mereka tidak memberi pusaka melainkan kepada mereka yang dapat memerangi musuh dan mereka memberinya kepada yang lebih

tua kemudian kepada yang lebih tua". Diriwayatkan oleh ibn Abi Hatim dan Ibn Jaryr.

Inilah lojik dari jahiliyah Arab yang mencubit hati setengah-setengah orang Islam ketika menghadapi undang-undang pusaka yang difardhukan Allah dan pembahagiannya yang adil dan bijaksana. Dan inilah juga logik jahiliyah zaman moden yang mencubit setengah-setengah hati manusia pada hari ini ketika mereka menghadapi undang-undang pusaka yang difardhukan Allah dan cara pembahagiannya. Mungkin sedikit sebanyak ia berbeza dari logik jahiliyah Arab yang mempersoalkan bagaimana harta pusaka itu diberi kepada anak pinak yang tidak pandai berusaha dan berpenat lelah? Logik jahiliyah moden ini begitu juga. Kedua-dua logik tidak memahami hikmat dan tidak memelihara adab sopan. Kedua-duanya jahil dan biadab:

لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ

"Bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua anak perempuan."(11)

Apabila si mati tidak meninggal waris-waris yang lain kecuali anak-anaknya sahaja lelaki dan perempuan, maka merekalah yang mengambil semua harta peninggalannya berasaskan kiraan seorang anak perempuan mendapat satu bahagian dan seorang anak lelaki mendapat dua bahagian.

Pembahagian ini bukanlah didorongkan oleh sikap pilih kasih terhadap jenis lelaki dengan mengorbankan jenis perempuan, malah pembahagian ini ialah pembahagian untuk menegakkan perimbangan dan keadilan di antara tanggungjawab-tanggungjawab lelaki dengan tanggungjawab-tanggungjawab perempuan di dalam pembinaan keluarga dan di dalam sistem kemasyarakatan Islam. Lelaki mengahwini perempuan dan di atas bahunyalah diletakkan tanggungjawab memberi sara hidup kepadanya dan kepada anak-anaknya yang dilahirkan darinya dalam segala keadaan, iaitu ia bersama dengannya atau ketika ia bercerai darinya. Adapun si perempuan sama ada ia hidup bersendirian sahaja atau hidup ditanggung oleh lelaki sebelum ia berkahwin atau selepasnya, maka kedua-duanya sama sahaja, iaitu ia sama sekali, tidak dipertanggungjawabkan memberi sara hidup kepada suami dan tidak pula kepada anak-anak dalam segala keadaan. Lelaki sekurangnya - menanggung beban kewajipan sekali ganda beban kewajipan perempuan di dalam pembinaan keluarga dan di dalam sistem kemasyarakatan Islam. Di sinilah ketaranya keadilan dan keseimbangan di antara tanggungan dan pendapatan di dalam pengagihan harta pusaka yang bijaksana itu. Dan kini jelaslah bahawa segala kritik terhadap sistem pengagihan itu memperlihatkan semata-mata kebodohan dari satu segi dan suatu kebiadaban dari satu segi yang lain pula dan merupakan gugatan kepada sistem kemasyarakatan dan kekeluargaan yang tidak dapat membangunkan satu kehidupan yang betul.

Pembahagian itu dimulai dengan memberi pusaka kepada furuk (anak) dari usul (ibu bapa).

فَإِن كُنَّ نِسَآءً فَوْقَ ٱثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۖ وَإِن كَانَتْ وَٰحِدَةً فَلَهَا ٱلنِّصْفُ ۚ

"Dan jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagian ialah separuh harta itu."(11)

Yakni jika si mati itu tidak mempunyai anak lelaki, tetapi mempunyai dua orang anak perempuan atau lebih, maka mereka mendapat dua pertiga. Dan jika si mati mempunyai seorang anak perempuan sahaja, maka dia mendapat separuh kemudian yang baki dari harta pusaka itu dipulangkan kepada pewaris 'asabah yang paling dekat kepadanya iaitu bapa atau datuk atau saudara seibu sebapa atau saudara sebapa atau bapa saudara atau cucu-cucu.

Ayat itu berkata:

فَإِن كُنَّ نِسَآءً فَوْقَ ٱثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۖ

"Dan jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati.

Nas ini menetapkan dua pertiga kepada anak-anak perempuan jika mereka lebih dari dua orang. Adapun penetapan dua pertiga kepada dua anak perempuan, maka itu telah diterangkan oleh as-Sunnah dan didasarkan di atas qias dengan dua orang saudara perempuan yang disebut di dalam ayat di akhir surah ini.

Adapun as-Sunnah itu ia telah diriwayatkan oleh Abu Daud, al-Tirmidzi, Ibn Majah dari beberapa saluran dari Abdullah ibn Muhammad bin 'Aqil dari Jabyr katanya:

"Isteri Sa'id ibn ar-Rabi' datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu berkata: "Wahai Rasulullah! Inilah dua anak perempuan Said ibn ar-Rabi. Ayah mereka telah gugur syahid berjuang bersama anda pada hari Peperangan Uhud, dan bapa saudara mereka telah mengambil semua harta mereka tanpa meninggalkan apa-apa kepada mereka. Dan mereka tentulah tidak dapat berkahwin melainkan mereka mempunyai harta." Kata Jabyr: Ujar Rasulullah s.a.w. "Allah akan menurunkan hukum-Nya mengenai perkara itu" kemudian turun ayat pembahagian lalu Rasulullah s.a.w. mengutuskan orang memanggil bapa saudara keduanya dan bersabda kepadanya:

أعط ابنتي سعد الثلثين، وأمهما الثمن، وما بقي فهولك

"Berikanlah kepada dua orang anak perempuan Sa'ad itu sebanyak dua pertiga dan kepada ibu mereka satu perlapan dan yang baki adalah untuk engkau."

Inilah pembahagian Rasulullah s.a.w. yang menetapkan dua pertiga kepada dua anak perempuan. Ini menunjukkan bahawa dua anak perempuan atau lebih itu adalah mendapat dua pertiga dalam kes yang seperti ini.

Di sana ada satu asas yang lain dalam pembahagian ini iaitu apabila ada keterangan dalam ayat yang lain mengenai dua saudara perempuan yang berbunyi:

فَإِن كَانَتَا ٱثْنَتَيْنِ فَلَهُمَا ٱلثُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ

"Dan jika saudara perempuan itu dua orang maka kedua-duanya mendapat dua pertiga dari harta peninggalan."(176)

Jika dua saudara perempuan mendapat dua pertiga, maka pemberian dua pertiga kepada dua orang anak perempuan lebih utama lagi diqiaskan dengan dua saudara perempuan. Dan dalam kes ini juga seorang anak perempuan disamakan dengan seorang saudara perempuan.

Setelah selesai menjelaskan bahagian anak dijelaskan pula bahagian dua ibu bapa - apabila mereka masih hidup - di dalam berbagai-bagai kes di samping si mati ada anak dan tidak ada anak:

وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا ٱلسُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ لَهُۥ وَلَدٌ فَإِن لَّمْ يَكُن لَّهُۥ وَلَدٌ وَوَرِثَهُۥٓ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ ٱلثُّلُثُ فَإِن كَانَ لَهُۥٓ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ ٱلسُّدُسُ

"Dan bagi ibu bapa si mati ialah tiap-tiap seorang dari keduanya mendapat seperenam dari harta peninggalan si mati jika si mati itu mempunyai anak, tetapi jika si mati itu tidak mempunyai anak dan yang mewarisinya hanya dua ibu bapanya sahaja, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Jika si mati itu mempunyai beberapa orang saudara maka bahagian ibunya ialah satu perenam."(11)

Dua ibu bapa mempunyai beberapa kes di dalam pusaka:

Kes yang pertama: Keduanya berkumpul dengan anak-anak. Dalam kes ini setiap orang dari keduanya ditentukan mendapat satu perenam dan harta yang baki menjadi habuan anak lelaki atau habuan anak lelaki bersama saudara perempuannya atau saudara-saudara perempuannya, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai dua bahagian anak perempuan. Jika si mati hanya mempunyai seorang anak perempuan sahaja maka dia mendapat separuh dan kedua ibu bapanya masing-masing mendapat satu perenam, kemudian si bapa mengambil satu perenam lagi secara 'asabah. Dalam kes ini si bapa mendapat dua habuan serentak satu menerusi fardhu dan satu lagi menerusi 'asabah. Adapun jika si mati itu mempunyai dua orang anak perempuan atau lebih, maka mereka mendapat dua pertiga dan kedua-dua ibu bapanya masing-masing mendapat satu perenam.

Kes yang kedua: Si mati tidak mempunyai anak, saudara-saudara lelaki, suami atau isteri. Dalam kes ini kedua-dua ibu bapa membolot semua warisan, iaitu si ibu ditetapkan mendapat satu pertiga dan harta yang baki diambil oleh si bapa secara 'asabah. Dalam kes ini si bapa mengambil dua kali seperti bahagian si ibu. Andainya di samping meninggal dua ibu bapa - si mati mempunyai suami atau isteri, maka si suami mendapat separuh atau si isteri mendapat satu perempat dan si ibu mendapat satu pertiga (sama ada satu pertiga dari seluruh harta peninggalan atau satu pertiga dari baki selepas bahagian yang diwajibkan kepada suami atau kepada isteri mengikut khilaf pendapat di antara ahli-ahli Fekah) dan si bapa mengambil secara 'asabah apa yang tinggal selepas diambil oleh si ibu dengan syarat habuannya tidak kurang dari habuan si ibu.

Kes yang ketiga: Dua ibu bapa berkumpul dengan saudara-saudara lelaki - sama ada saudara-saudara seibu sebapa atau sebapa atau seibu - kerana saudara-saudara tidak mewarisi sesuatu bersama bapa kerana bapa didahului di atas mereka kerana ia pewaris 'asabah yang lebih hampir selepas anak lelaki, namun demikian kewujudan mereka mendinding ibu dari mendapat satu pertiga kepada mendapat satu perenam. Oleh itu ditetapkan bahagian ibu satu perenam sahaja dan bapa mengambil apa yang baki dari peninggalan itu jika si mati tidak meninggal suami atau isteri. Adapun saudara lelaki yang tunggal, maka ia tidak mendinding ibu dari mendapat satu pertiga. Oleh sebab itu bahagian ibu ditetapkan satu pertiga bersama saudara lelaki yang tunggal sama dengan bahagiannya dalam kes si mati tidak meninggal anak dan saudara-saudara lelaki.

Tetapi semua bahagian ini diberi selepas selesai disempurnakan wasiat si mati dan dibayarkan hutangnya:

مِنۢ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِى بِهَآ أَوْ دَيْنٍ

"Setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan olehnya dan setelah dibayarkan hutang-hutangnya."(11)

Ujar Ibn Kathyr dalam tafsirnya: "Para ulama' dahulu dan kemudian telah ijmak bahawa hutang itu didahulukan di atas wasiat". Pengutamaan hutang itu dapat difaham dengan jelas, kerana ia bergantung dengan hak orang-orang lain. Oleh sebab itu ia pasti dibayar dari harta si mati yang berhutang selama ia meninggalkan harta untuk menyelesaikan hak si piutang dan membersihkan tanggungan si yang berhutang. Islam amat kuat menyuruh agar dibersihkan tanggungan dari hutang supaya hidup dapat ditegakkan di atas asas kepekakan hati nurani, kepercayaan bermu'amalah dan ketenteraman di dalam suasana kelompok Muslimin dan kerana itu Islam meletakkan tanggungjawab hutang di atas leher si yang berhutang yang tidak terlepas walaupun selepas matinya.

Dari Abu Qatadah r.a. katanya: Ada seorang lelaki berkata: "Wahai Rasulullah! Ceritakan kepadaku jika saya mati dibunuh fi Sabilillah adakah ia dapat menghapuskan dosa-dosa saya?" Jawab Rasulullah s.a.w.:

نعم. إن قتلت وأنت صابر محتسب مقبل غير مدبر

"Ya, jika engkau mati dibunuh, sedangkan engkau sabar dan bertujuan semata-mata mendapat balasan Allah, dan engkau tampil menyerang musuh dan bukannya mundur lari."

Kemudian beliau bertanya: "Bagaimana pertanyaanmu tadi?" Lalu lelaki itu mengulangi pertanyaannya sekali lagi dan beliau menjawab pula:

نعم. إلا الدين. فإن جبريل أخبرني بذلك

"Ya, kecuali hutang kerana Jibril telah memberitahu hal itu kepadaku."

(Dikeluarkan oleh Muslim, Malik, dan an-Nasai')

Dari Abu Qatadah juga katanya: Satu jenazah lelaki telah dibawa kepada Rasulullah s.a.w. supaya disembahyangkannya lalu Nabi s.a.w. bersabda:

صلوا على صاحبكم فإن عليه ديناً

"Sembahyanglah kamu sendiri di atas sahabat kamu ini kerana dia masih menanggung hutang."

Lalu aku berkata: "Saya sanggup menanggung hutangnya, wahai Rasulullah!" Tanya beliau, "Sanggup membayarnya?" Aku jawab "Ya, sanggup membayarnya." Maka barulah Nabi sembahyang di atas jenazah lelaki itu.

Adapun wasiat, maka ia mempunyai hubungan dengan kehendak keinginan si mati. Wasiat ini diadakan untuk menghadapi setengah-setengah kes, di mana setengah-setengah pewaris mendinding pewaris-pewaris yang lain. Kadang-kadang waris-waris yang terdinding itu benar-benar miskin atau di sana ada suatu muslihat kekeluargaan untuk menguatkan hubungan-hubungan di antara pewaris-pewaris yang terdinding dengan pewaris-pewaris, iaitu untuk menghapuskan punca-punca hasad dengki dan pertelingkahan sebelum ia tumbuh. Tidak sah wasiat kepada waris dan tidak sah wasiat lebih dari satu pertiga. Dasar ini memberi jaminan supaya yang meninggalkan pusaka itu tidak berlaku zalim terhadap para pewaris dalam wasiat itu.

Pada akhirnya ayat ini dikemukakan pula sentuhan-sentuhan yang mempunyai berbagai-bagai tujuan:

ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا ۚ فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

"Adapun bapa-bapa kamu dan anak-anak kamu, maka sebenarnya kamu tidak mengetahui siapakah di antara mereka yang lebih dekat manfa'atnya kepada kamu. Itulah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(11)

Sentuhan yang pertama merupakan satu tarikan perhatian Al-Qur'an untuk membaiki perasaan hati terhadap habuan-habuan pusaka ini. Di sana ada orang-orang yang lebih kuat didorong oleh sentimen keibubapaan untuk mengutamakan anak-anak melebihi bapa-bapa, kerana kelemahan semulajadi terhadap anak-anak itu lebih besar. Dan ada pula mereka yang dapat mengatasi kelemahan ini dengan kesedaran moral dan akhlak yang menjadikan mereka cenderung kepada mengutamakan bapa-bapa. Di samping itu ada pula mereka yang serba-salah dan terumbang-ambing di antara kelemahan semulajadi dan kesedaran moral........... Demikianlah sesuatu masyarakat itu kadang-kadang memaksakan pandangan-pandangan tertentu dengan logik-logik tradisionalnya seperti pandangan-pandangan yang telah mempengaruhi setengah-setengah orang Arab dalam menghadapi peraturan pusaka pada hari ia diturunkan sebagaimana telah kami terangkan sebahagiannya sebelum ini. Oleh sebab itu Allah S.W.T. mahu mencurahkan ke dalam hati mereka rasa ketenangan, kerelaan dan penyerahan kepada urusan Allah dan kepada ketetapan-ketetapan yang telah dibuat oleh-Nya dengan menyedarkan hati mereka bahawa seluruh ilmu itu adalah milik Allah dan mereka sebenarnya tidak mengetahui siapakah di antara kerabat-kerabat itu yang lebih hampir manfa'atnya kepada mereka dan manakah pembahagian yang lebih dekat dengan muslihat mereka:

ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا ۚ

"Adapun bapa-bapa kamu dan anak-anak kamu, maka sebenarnya kamu tidak mengetahui siapakah di antara mereka yang lebih dekat manfa'atnya kepada kamu."(11)

Sentuhan yang kedua bertujuan untuk menjelas asal-usul persoalan, iaitu persoalan penentuan bahagian-bahagian pusaka ini bukanlah persoalan hawa nafsu atau persoalan sesuatu kepentingan, malah ia adalah suatu persoalan agama dan persoalan syari'at.

فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ ۗ

"(Itulah) ketetapan dari Allah."(11)

Allahlah yang telah menciptakan bapa-bapa dan anak-anak dan Allahlah yang memberi rezeki dan harta dan Allahlah juga yang menentukan bahagian-bahagian. Dialah yang mengaturkan peraturan dan manusia tidak berhak mengatur peraturan-peraturan untuk diri mereka dan tidak pula boleh berhakimkan kepada hawa nafsu mereka dan di samping itu mereka tidak mengetahui sesuatu yang menjadi muslihat kebaikan kepada mereka.

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(11)

Inilah sentuhan yang ketiga di dalam ulasan ini. Ia dikemukakan dengan tujuan supaya hati manusia sedar bahawa segala peraturan pusaka itu merupakan ketetapan yang telah diputuskan Allah untuk muslihat manusia. Ia ditetapkan berdasarkan ilmu Allah dan hikmat-Nya. Allah telah menentukan hukum-hukum pusaka itu kerana Dia Maha Mengetahui, sedangkan manusia tidak mengetahui dan Allah yang menetapkan bahagian-bahagian pusaka itu kerana Dia Maha Bijaksana, sedangkan manusia mengikut hawa nafsu.

Demikianlah ulasan-ulasan itu dikemukakan berturut-turut sebelum selesainya pembicaraan hukum-hukum pusaka dengan tujuan untuk mengembalikan pokok pangkal masalah ini kepada paksinya yang asal, iaitu paksi 'aqidah yang menentukan konsep "agama" iaitu berhakim kepada Allah dan menerima kewajipan-kewajipan dan kefadhuan-kefardhuan dari-Nya serta redha terhadap segala peraturan dan undang-undang-Nya.

فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

"(Itulah) ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(11)

Kemudian Al-Qur'an meneruskan penjelasannya mengenai pembahagian-pembahagian pusaka yang lain lagi:

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَٰجُكُمْ إِن لَّمْ
يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٌ ۚ فَإِن كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ
ٱلرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْنَ ۚ مِنۢ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ
بِهَآ أَوْ دَيْنٍ ۚ وَلَهُنَّ ٱلرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِن
لَّمْ يَكُن لَّكُمْ وَلَدٌ ۚ فَإِن كَانَ لَكُمْ
وَلَدٌ فَلَهُنَّ ٱلثُّمُنُ مِمَّا تَرَكْتُم ۚ مِّنۢ بَعْدِ وَصِيَّةٍ
تُوصُونَ بِهَآ أَوْ دَيْنٍ ۗ

"Dan bagi kamu separuh dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak, tetapi jika mereka mempunyai anak, maka kamu mendapat satu perempat dari harta yang ditinggalkan mereka setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan mereka atau sesudah dibayarkan hutang-hutang mereka. Dan bagi mereka (isteri-isteri kamu) satu perempat dari harta yang ditinggalkan kamu jika kamu tidak mempunyai anak, tetapi jika kamu mempunyai anak, maka mereka mendapat satu perlapan dari harta yang ditinggalkan kamu setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh kamu atau sesudah dibayarkan hutang-hutang kamu."(12)

Ayat-ayat ini amat jelas dan halus. Ia menerangkan bahawa suami mendapat separuh harta peninggalan isteri jika ia mati tanpa meninggalkan anak sama ada lelaki atau perempuan, tetapi jika ia meninggalkan anak - lelaki atau perempuan, seorang atau lebih - maka suami mendapat satu perempat dari harta peninggalan itu begitu juga anak-anak kepada anak-anak isteri mendinding suami dari separuh kepada satu pertiga sama seperti anak-anaknya juga. Dan anak-anak kepada isteri dari suami yang lain juga mendinding suami dari separuh kepada satu perempat dan harta peninggalan itu dibahagi selepas selesai dibayar hutang si mati dan selesai ditunaikan wasiatnya sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini.

Isteri mewarisi satu perempat harta peninggalan suami jika ia mati tanpa meninggalkan anak. Tetapi jika ia meninggalkan anak - lelaki atau perempuan seorang atau lebih (iaitu anak) darinya atau dari isteri yang lain, begitu juga anak-anak kepada anak yang benar maka semuanya ini mendinding isteri dari satu perempat kepada satu perlapan. Membayar hutang si mati dan menunaikan wasiatnya hendaklah didahulukan sebelum harta peninggalan itu dibahagikan kepada pewaris-pewarisnya.

Dua orang isteri atau tiga atau empat sama dengan seorang isteri iaitu mereka berkongsi dalam satu perempat atau dalam satu perlapan itu.

Hukum pusaka yang akhir di dalam ayat yang kedua ini ialah hukum mereka yang mempusakai kalalah.

وَإِن كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَٰلَةً أَوِ ٱمْرَأَةٌ وَلَهُۥٓ
أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا ٱلسُّدُسُ ۚ فَإِن
كَانُوٓا۟ أَكْثَرَ مِن ذَٰلِكَ فَهُمْ شُرَكَآءُ فِى
ٱلثُّلُثِ ۚ مِنۢ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَآ أَوْ دَيْنٍ
غَيْرَ مُضَآرٍّ ۚ

"Dan jika si mati lelaki atau si mati perempuan yang diwarisi itu seorang yang kalalah (tidak meninggalkan anak atau bapa) tetapi mempunyai saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka setiap orang dari keduanya mendapat satu perenam, tetapi jika mereka lebih dari seorang, maka mereka berkongsi pada satu pertiga setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati atau setelah dibayarkan hutangnya dan hendaklah wasiat itu tidak mendatangkan mudharat (kepada para waris)."(12)

Yang dimaksudkan dengan kalalah itu ialah mereka yang mewarisi si mati dari hubungan *hawasyi* - bukan hubungan dari usul atau dari furuk, iaitu dari hubungan yang lemah bukan seperti hubungan usul dan furu'. Sayidina Abu Bakr r.a. pernah ditanya tentang kalalah lalu ia menjawab: Aku hanya mengeluarkan pendapatku sahaja tentang kalalah ini, jika benar, maka itu dari Allah, dan sebaliknya jika salah maka itu dari aku dan dari syaitan. Allah dan Rasul-Nya bersih darinya. Kalalah itu ialah si mati yang tidak mempunyai anak atau bapa. Apabila Sayidina 'Umar memegang jawatan Khalifah ia berkata: Aku segan menyalahi Abu Bakr dalam mana pendapat

yang telah dikemukakannya. (Diriwayatkan oleh Ibn Jaryr dan lainnya dari Asy-Sya'by).

Ujar ibn Kathir dalam tafsirnya: "Beginilah juga pendapat Ali dan Ibn Mas'ud. Ada riwayat-riwayat yang sahih dari lebih dari seorang bahawa pendapat ini juga dinukilkan dari Ibn Abbas dan Zayd Ibn Thabit, malah pendapat ini juga dikatakan oleh Asy-Sya'by, an-Nakha'y, al-Hasan, Qatadah, Jabyr ibn Zayd, al-Hakam dan penduduk-penduduk Madinah, Kufah dan Basrah. Dan itulah pendapat para Fuqaha' yang tujuh, imam yang empat dan Jumhur ulama' dahulu dan kemudian, malah seluruh ulama' dan bukannya seorang sahaja yang telah memberitakan pendapat ini sebagai pendapat yang telah diijmak oleh para ulama':

وَإِن كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَٰلَةً أَوِ ٱمْرَأَةٌ وَلَهُۥٓ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا ٱلسُّدُسُ ۚ فَإِن كَانُوٓا۟ أَكْثَرَ مِن ذَٰلِكَ فَهُمْ شُرَكَآءُ فِى ٱلثُّلُثِ ۚ

"Dan jika si mati lelaki atau si mati perempuan yang diwarisi itu seorang yang kalalah (tidak meninggalkan anak atau bapa) tetapi mempunyai saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka setiap orang dari keduanya mendapat satu perenam, tetapi jika mereka lebih dari seorang, maka mereka berkongsi pada satu pertiga."(12)

Si mati mempunyai saudara lelaki atau saudara perempuan yakni seibu – tetapi andainya kedua-duanya saudara seibu sebapa atau saudara sebapa, maka kedua-duanya mewarisi mengikut peraturan yang diterangkan di dalam ayat yang terakhir dari surah ini iaitu bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua perempuan bukannya kedua-duanya mendapat satu perenam sama ada ia saudara lelaki atau saudara perempuan kerana hukum ini khusus kepada saudara-saudara lelaki seibu sahaja kerana mereka mewarisi secara fardhu, iaitu satu perenam bagi setiap lelaki dan perempuan bukannya secara 'asabah, iaitu membolot semua harta peninggalan atau yang baki darinya selepas dibahagi-bahagikan:

فَإِن كَانُوٓا۟ أَكْثَرَ مِن ذَٰلِكَ فَهُمْ شُرَكَآءُ فِى ٱلثُّلُثِ ۚ

"Tetapi jika mereka lebih dari seorang, maka mereka berkongsi pada satu pertiga."(12)

Biarpun berapa ramai bilangan mereka dan jantina mereka. Pendapat yang dipakai di sini ialah mereka mewarisi pada satu perenam dengan sama banyak. Walaupun di sana ada pendapat yang mengatakan bahawa mereka ketika itu - mewarisi pada satu pertiga, iaitu bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua perempuan, kerana pendapat yang pertama itu lebih kuat kerana ia sesuai dengan dasar yang telah dijelaskan oleh ayat itu sendiri, iaitu dasar yang menyamakan lelaki dengan perempuan:

فَلِكُلِّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا ٱلسُّدُسُ ۚ

"Maka setiap orang dari keduanya mendapat satu perenam."(12)

Saudara-saudara seibu berlainan dari pewaris-pewaris yang lain dari segi-segi yang berikut:

<u>Yang pertama</u>: Yang lelaki dan yang perempuan dari mereka sama sahaja dalam pusaka.

<u>Yang kedua</u>: Mereka tidak mewarisi kecuali si mati mereka seorang yang kalalah (tidak mempunyai bapa dan anak) oleh itu mereka tidak mewarisi jika si mati ada bapa atau datuk atau ada anak atau anak kepada anak lelaki (cucu).

<u>Yang ketiga</u>: Mereka tidak diberi lebih dari satu pertiga walaupun mereka ramai lelaki dan perempuan.

مِنۢ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَآ أَوْ دَيْنٍ غَيْرَ مُضَآرٍّ ۚ

"Setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati atau setelah dibayarkan hutangnya dan hendaklah wasiat itu tidak mendatangkan mudharat (kepada para waris)."(12)

Ini merupakan amaran agar wasiat itu tidak merugikan kepentingan para waris. Oleh itu wasiat itu hendaklah dilakukan dengan berdasarkan keadilan dan muslihat kebaikan keluarga. Ia juga merupakan peringatan supaya pembayaran hutang itu didahulukan di atas wasiat dan kedua-duanya iaitu pembayaran hutang dan wasiat hendaklah didahulukan di atas para waris sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini.

Kemudian di dalam ayat yang kedua ini dikemukakan ulasan yang sama seperti yang dikemukakan di dalam ayat yang pertama iaitu:

وَصِيَّةً مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٢﴾

"Itulah perintah dari Allah dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Sabar."(12)

Demikianlah tujuan ulasan ini diulang-ulang untuk menguatkan penjelasannya, iaitu ketetapan bahagian-bahagian pusaka itu adalah suatu "perintah dari Allah" yakni perintah yang keluar dari Allah dan dirujukkan kepada Allah. Ia bukannya terbit dari hawa nafsu, malah terbit dari ilmu Allah. Ia wajib dita'ati kerana ia keluar dari satu-satunya sumber yang berhak mengaturkan undang-undang dan peraturan dan menetapkan pengagihan-pengagihan pusaka. Ia wajib dita'ati kerana ia terbit dari satu-satunya sumber yang mempunyai ilmu yang yakin.

* * * * * *

Ayat yang berikut merupakan kata penguat demi kata penguat untuk menjelaskan dasar asasi di dalam 'aqidah Islam, iaitu dasar menerima undang-undang dan peraturan dari Allah Yang Maha Esa sahaja, jika tidak maka itulah kekufuran dan penderhakaan terhadap Allah dan perpisahan keluar dari agama ini.

Inilah yang dijelaskan oleh dua ayat yang berikut sebagai kata pengulas yang terakhir kepada perintah-perintah dan ketetapan-ketetapan bahagian-bahagian pusaka yang dinamakan Allah sebagai "batas-batas hukum Allah":

تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ ۚ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
يُدْخِلْهُ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا
ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ
ٱلْعَظِيمُ ﴿١٣﴾
وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَتَعَدَّ
حُدُودَهُۥ يُدْخِلْهُ نَارًا خَٰلِدًا فِيهَا وَلَهُۥ
عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿١٤﴾

"Itulah batas-batas hukum Allah dan sesiapa yang menta'ati Allah dan Rasul-Nya nescaya Allah masukkannya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka hidup kekal abadi di dalamnya dan itulah kejayaan yang amat besar (13). Dan sesiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya dan melanggar batas-batas hukumnya yang telah ditentukannya nescaya Allah masukkannya ke dalam Neraka dan kekal hidup abadi di dalamnya, dan ia mendapat azab yang amat menghinakan."(14)

Penentuan bahagian-bahagian pusaka, undang-undang dan peraturan yang digariskan Allah untuk membahagikan harta-harta peninggalan si mati mengikut ilmu dan hikmat-Nya dan untuk mengatur hubungan-hubungan kekeluargaan di dalam sesuatu keluarga dan hubungan-hubungan ekonomi dan sosial di dalam masyarakat semuanya merupakan "batas-batas hukum Allah" yang digariskannya untuk menjadi pengadil di dalam hubungan-hubungan itu di samping menjadi pengadil di dalam pengagihan dan pembahagian.

Hasil dari menta'ati Allah dan Rasul-Nya dalam menjunjung peraturan dan undang-undang itu ialah mendapat balasan Syurga, hidup yang kekal abadi di dalamnya dan kejayaan yang amat besar sebagaimana hasil dari melanggar peraturan dan undang-undang ini dan menderhakai Allah dan Rasul-Nya dalam perkara ini ialah mendapat balasan Neraka dan hidup yang kekal di dalamnya dan keseksaan yang amat menghinakan.

Mengapa? Mengapa akibat-akibat yang besar itu bergantung di atas keta'atan atau perlanggaran terhadap peraturan-peraturan kecil seperti peraturan pusaka ini, mengapa ia bergantung di atas sebahagian dari perundangan Islam ini dan sebahagian dari batas-batas hukum Allah?

Sebenarnya kesan-kesan itu nampaknya lebih besar dari tindakan bagi mereka yang tidak mengetahui hakikat perkara ini dan asal-usulnya yang mendalam ....

Perkara ini akan dijelaskan oleh berbagai-bagai ayat di dalam surah ini dan kami telah menerangkannya dalam muqaddimah ketika memperkenalkan surah ini. Ayat-ayat itu menjelaskan konsep agama, syarat keimanan dan definasi Islam. Tetapi di sini tidak mengapa kita jelaskan perkara ini dengan jelas kerana ada hubungan dengan dua ayat yang penting itu dalam ulasannya mengenai dua ayat pembahagian pusaka ini.

Yang menjadi persoalan di dalam agama Islam, malah dalam seluruh agama Allah sejak Allah mengutuskan para rasul-Nya dari permulaan sejarah manusia ialah siapakah yang memiliki hak Uluhiyah di bumi ini? Dan siapakah yang memiliki hak Rububiyah terhadap manusia?

Dari jawapan terhadap dua pernyataan inilah lahirnya hakikat segala sesuatu dalam perjalanan agama Islam ini dan dalam urusan manusia seluruhnya.

Siapakah yang memiliki hak Uluhiyah di bumi ini? Siapakah yang memiliki hak Rububiyah? Uluhiyah dan Rububiyah adalah milik Allah Yang Maha Esa sahaja dan tiada siapa dari makhluk-Nya yang menjadi sekutu-Nya. Itulah keimanan, itulah Islam dan itulah agama yang sebenar.

Andainya dikatakan Uluhiyah dan Rububiyah itu milik bagi Allah serta sekutu-sekutu-Nya dari makhluk-Nya atau milik bagi sekutu-sekutu dari makhluk tanpa Allah, maka itulah kesyirikan dan kekafiran yang jelas.

Jika Uluhiyah dan Rububiyah itu dipercayai milik Allah Yang Maha Esa sahaja maka itulah sifat keagamaan dari para hamba kepada Allah Yang Maha Esa, itulah 'Ubudiyah dari manusia kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, itulah keta'atan dari manusia kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan itulah kepatuhan kepada sistem hidup Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu. Allah sahaja yang berhak memilih sistem hidup yang tertentu bagi manusia. Dialah sahaja yang berhak mengaturkan undang-undang bagi mereka. Dialah sahaja yang berhak menetapkan neraca-neraca ukuran, nilai-nilai, peraturan-peraturan hidup dan sistem-sistem masyarakat bagi manusia. Tiada siapa yang lain dari Allah samaada berupa individu-individu atau kelompok-kelompok mempunyai suatu dari hak yang seperti ini kecuali dengan berlandaskan kepada syari'at Allah, kerana hak ini merupakan kehendak

yang wajib bagi Uluhiyah dan Rububiyah, juga merupakan gejalanya yang nyata yang menentukan ciri-cirinya yang khusus.

Adapun jika Uluhiyah dan Rububiyah itu dipercayai milik kepada mana-mana makhluk Allah - sama ada secara berkongsi dengan Allah atau bersendirian tanpa Allah, maka itulah sifat keagamaan dari para hamba kepada yang lain dari Allah, itulah 'Ubudiyah dari manusia kepada yang lain dari Allah, itulah keta'atan dari manusia kepada yang lain dari Allah, iaitu keta'atan dalam bentuk mengikut dan mematuhi sistem-sistem peraturan-peraturan, undang-undang, nilai-nilai dan neraca-neraca ukuran yang digariskan oleh manusia tanpa berlandaskan kitab Allah dan kuat kuasa-Nya, malah berlandaskan sandaran-sandaran yang lain yang menjadi sumber kuasa yang diambil oleh mereka. Oleh sebab itu di sini tidak ada agama, tidak ada iman dan tidak ada Islam, malah yang ada ialah kesyirikan, kekafiran, kefasiqan dan penderhakaan.

Inilah keseluruhan persoalan dan hakikatnya. Oleh sebab itu perlanggaran terhadap batas-batas hukum-hukum Allah adalah dikira sama sahaja sama ada melanggar satu undang-undang atau melanggar semua undang-undang, kerana persoalan itu satu sahaja, iaitu persoalan agama mengikut pengertian tadi dan seluruh undang-undang syari'at itu adalah agama belaka... yang dikira di sini ialah dasar yang dipegang manusia. Adakah dasar itu membulatkan Uluhiyah dan Rububiyah dengan segala ciri-cirinya kepada Allah Yang Maha Esa atau mempersekutukan-Nya dengan seseorang yang lain dari makhluk-Nya walaupun mereka mendakwa menganut agama Islam dan walaupun lidah mereka mengaku sebagai orang-orang Islam.

Inilah hakikat agung yang ditunjukkan oleh ulasan ayat tadi, iaitu ulasan yang mengikat di antara pengagihan bahagian-bahagian pusaka kepada para waris dengan keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya atau dengan penderhakaan terhadap Allah dan Rasul-Nya, juga mengikat di antara Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai yang menjadi tempat kediaman yang kekal abadi kepada mereka dengan Neraka yang kekal abadi dan azab yang amat menghinakan.

Inilah hakikat agung yang menjadi landasan penjelasan berbagai-bagai ayat di dalam surah ini, di mana ia dibentangkan dengan terus-terang dan tegas yang tidak dapat dipertikai dan dita'wilkan lagi.

Inilah hakikat yang seharusnya difahami dengan sejelas-jelasnya oleh orang-orang yang mengaku beragama Islam di dunia ini supaya mereka dapat melihat di mana kedudukan mereka yang sebenar dalam agama Islam dan di mana kedudukan hidup mereka yang sebenar dalam agama ini.

* * * * * *

Di samping itu harus pula ditambah satu penjelasan ringkas mengenai peraturan pusaka di dalam Islam setelah kami singgungkan peraturan ini ketika kami membincangkan ayat yang menetapkan dasar umum (yang tersebut dalam ayat berikut):

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا ٱكْتَسَبُوا۟ ۖ وَلِلنِّسَآءِ نَصِيبٌ مِّمَّا ٱكْتَسَبْنَ ۚ

"Kaum lelaki mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka dan kaum perempuan juga mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka."(32)

Juga ketika kami singgungkan dasar (yang tersebut dalam ayat yang berikut):

لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ ٱلْأُنثَيَيْنِ ۚ

"Bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan."(11)

Pengagihan Harta Pusaka Mengikut Tanggungjawab Dan Kewajipan Individu Dalam Keluarga

Peraturan pusaka ini adalah satu peraturan yang adil yang sesuai dengan fitrah manusia dan dengan realiti-realiti hidup kekeluargaan dan insaniyah dalam segala keadaan. Hal ini ketara dengan jelas apabila kita membandingkannya dengan mana-mana peraturan yang lain yang dikenali manusia di zaman jahiliyah purba dan di zaman jahiliyah moden di mana-mana negeri di seluruh dunia ini.

Ia adalah suatu peraturan yang bertujuan memelihara konsep takaful kekeluargaan yang sempurna. Ia mengagihkan bahagian-bahagian mengikut tanggungan dan kewajipan setiap individu dalam keluarga untuk melaksanakan takaful ini. Oleh itu ahli 'asabah si mati merupakan orang-orang yang utama mewarisinya selepas ahli-ahli bahagian fardhu seperti bapa dan ibu kerana merekalah orang yang paling dekat melindungi si mati dan membayar diyat-diyat dan bayaran-bayaran yang dikenakan di atasnya (semasa hidupnya). Di sini jelaslah bahawa peraturan ini adalah satu peraturan yang sepadu.

Ia adalah suatu peraturan yang memelihara dasar pembentukan kekeluargaan manusia yang berasal dari jiwa yang satu. Oleh sebab itu ia tidak menafikan pusaka kepada perempuan dan kepada kanak-kanak semata-mata kerana dia perempuan atau kanak-kanak yang kecil. Di sini ia bukan sahaja menjaga muslihat-muslihat amali sebagaimana telah kami terangkan dalam ceraian yang pertama, malah ia juga memelihara dasar kesatuan atau persamaan jiwa yang satu. Oleh kerana itu ia tidak melebihkan satu jantina di atas satu jantina yang lain melainkan sekadar kelebihan tanggungjawab-tanggungjawabnya dalam urusan takaful kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Ia adalah suatu peraturan yang memelihara tabi'at fitrah makhluk yang hidup pada umumnya dan fitrah manusia khususnya. Oleh kerana itu ia mendahulukan

zuriat (anak atau furu') di atas bapa (usul) dan kerabat-kerabat yang lain, kerana angkatan atau generasi yang baru itu merupakan alat kesinambungan keturunan dan pemeliharaan spesies. Oleh sebab itu generasi anak-anak lebih utama dipelihara dari sudut pandangan fitrah makhluk yang hidup. Namun demikian peraturan ini tidak pula menafikan pusaka kepada generasi bapa (usul) dan kepada kerabat-kerabat yang lain, malah ia memperuntukkan kepada mereka bahagian masing-masing dengan memelihara logik fitrah yang semulajadi itu.

Ia juga adalah suatu peraturan yang sesuai dengan fitrah dalam memenuhi keinginan makhluk yang hidup terutama manusia supaya hubungannya tidak terputus dengan anak-pinaknya dan supaya ia bersinambung dalam anak-pinaknya. Di sinilah peraturan ini memenuhi keinginan itu dan seorang yang berusaha menabung sesuatu dari hasil pendapatan pekerjaannya merasa yakin bahawa anak-pinaknya tidak akan dinafikan dari hasil usahanya, malah hasil usahanya akan diwarisi oleh keluarganya selepas matinya. Sudah tentu kesedaran ini menjadi salah satu pendorong yang menggalakkannya agar bekerja lebih keras, juga menjadi salah satu perkara yang menjamin faedah kepada umat dari usaha-usaha dan kerjanya yang berlipatganda itu tanpa merosakkan dasar takaful sosial yang umum, yang jelas dan kuat di dalam sistem pusaka ini.

Dan akhir sekali ia adalah suatu peraturan yang menjamin pemecahan kekayaan yang terkumpul di atas kepala setiap generasi dan mengagihkannya semula. Oleh itu ia tidak meninggalkan sebarang ruang yang membolehkan berlakunya pertimbunan kekayaan di tangan segelintir pemilik yang tetap sebagaimana yang berlaku dalam sistem-sistem yang memperuntukkan pusaka kepada anak lelaki yang tertua atau menentukan pusaka itu di dalam beberapa kerjas sahaja. Dari sudut ini pembahagian pusaka di dalam Islam merupakan satu alat yang positif untuk mengatur semula ekonomi dalam kelompok Muslimin dan mengembalikannya ke garis yang sederhana tanpa campurtangan secara langsung dari pihak-pihak yang berkuasa, kerana campurtangan yang seperti ini tidak disenangi oleh hati manusia yang sememangnya bertabi'at tamak dan kedekut. Adapun pecahan kekayaan yang dilakukan secara berterusan dan pengagihan kekayaan yang berulang-ulang itu, maka ia berlaku secara biasa dan disenangi oleh hati, kerana ia sesuai dengan fitrahnya, dengan sifat tamak halobanya dan dengan sifat kedekutnya. Inilah perbezaan yang pokok di antara undang-undang Allah dan undang-undang manusia.

(Kumpulan ayat-ayat 15 - 23)

وَٱلَّٰتِي يَأۡتِينَ ٱلۡفَٰحِشَةَ مِن نِّسَآئِكُمۡ فَٱسۡتَشۡهِدُواْ
عَلَيۡهِنَّ أَرۡبَعَةٗ مِّنكُمۡۖ فَإِن شَهِدُواْ فَأَمۡسِكُوهُنَّ
فِي ٱلۡبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّىٰهُنَّ ٱلۡمَوۡتُ أَوۡ يَجۡعَلَ
ٱللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلٗا ١٥
وَٱلَّذَانِ يَأۡتِيَٰنِهَا مِنكُمۡ فَـَٔاذُوهُمَاۖ فَإِن تَابَا
وَأَصۡلَحَا فَأَعۡرِضُواْ عَنۡهُمَآۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
تَوَّابٗا رَّحِيمًا ١٦
إِنَّمَا ٱلتَّوۡبَةُ عَلَى ٱللَّهِ لِلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلسُّوٓءَ
بِجَهَٰلَةٖ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِن قَرِيبٖ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَتُوبُ
ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا ١٧
وَلَيۡسَتِ ٱلتَّوۡبَةُ لِلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ
حَتَّىٰٓ إِذَا حَضَرَ أَحَدَهُمُ ٱلۡمَوۡتُ قَالَ إِنِّي تُبۡتُ
ٱلۡـَٰٔنَ وَلَا ٱلَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمۡ كُفَّارٌۚ أُوْلَٰٓئِكَ
أَعۡتَدۡنَا لَهُمۡ عَذَابًا أَلِيمٗا ١٨
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا يَحِلُّ لَكُمۡ أَن تَرِثُواْ
ٱلنِّسَآءَ كَرۡهٗاۖ وَلَا تَعۡضُلُوهُنَّ لِتَذۡهَبُواْ بِبَعۡضِ مَآ
ءَاتَيۡتُمُوهُنَّ إِلَّآ أَن يَأۡتِينَ بِفَٰحِشَةٖ مُّبَيِّنَةٖۚ
وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ فَإِن كَرِهۡتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ
أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَيَجۡعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيۡرٗا
كَثِيرٗا ١٩
وَإِنۡ أَرَدتُّمُ ٱسۡتِبۡدَالَ زَوۡجٖ مَّكَانَ زَوۡجٖ
وَءَاتَيۡتُمۡ إِحۡدَىٰهُنَّ قِنطَارٗا فَلَا تَأۡخُذُواْ مِنۡهُ
شَيۡـًٔاۚ أَتَأۡخُذُونَهُۥ بُهۡتَٰنٗا وَإِثۡمٗا مُّبِينٗا ٢٠
وَكَيۡفَ تَأۡخُذُونَهُۥ وَقَدۡ أَفۡضَىٰ بَعۡضُكُمۡ إِلَىٰ
بَعۡضٖ وَأَخَذۡنَ مِنكُم مِّيثَٰقًا غَلِيظٗا ٢١
وَلَا تَنكِحُواْ مَا نَكَحَ ءَابَآؤُكُم مِّنَ

ٱلنِّسَآءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةً
وَمَقْتًا وَسَآءَ سَبِيلًا ﴿٢٢﴾
حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَٰتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ
وَأَخَوَٰتُكُمْ وَعَمَّٰتُكُمْ وَخَٰلَٰتُكُمْ
وَبَنَاتُ ٱلْأَخِ وَبَنَاتُ ٱلْأُخْتِ وَأُمَّهَٰتُكُمُ
ٱلَّٰتِىٓ أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَٰتُكُم مِّنَ ٱلرَّضَٰعَةِ
وَأُمَّهَٰتُ نِسَآئِكُمْ وَرَبَٰٓئِبُكُمُ ٱلَّٰتِى فِى
حُجُورِكُم مِّن نِّسَآئِكُمُ ٱلَّٰتِى دَخَلْتُم بِهِنَّ
فَإِن لَّمْ تَكُونُوا۟ دَخَلْتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْكُمْ وَحَلَٰٓئِلُ أَبْنَآئِكُمُ ٱلَّذِينَ مِنْ
أَصْلَٰبِكُمْ وَأَن تَجْمَعُوا۟ بَيْنَ ٱلْأُخْتَيْنِ
إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿٢٣﴾

"Dan orang-orang yang melakukan perbuatan yang keji (zina) di antara perempuan-perempuan kamu, maka adakanlah empat orang saksi lelaki dari kalangan kamu yang menyaksikan perbuatan mereka. Kemudian jika mereka telah memberi kesaksian mereka, maka penjarakanlah mereka di rumah sehingga mereka menemui maut atau sehingga Allah mengadakan jalan yang lain kepada mereka (15). Dan mana-mana pasangan dari kamu yang melakukan perbuatan yang keji itu, maka seksakanlah kedua-duanya. Kemudian jika kedua-duanya bertaubat dan membetulkan diri mereka, maka biarkanlah kedua-duanya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih (16). Sesungguhnya taubat itu hanya disanggupi Allah untuk orang-orang yang melakukan kejahatan kerana kejahilan kemudian mereka bertaubat dalam masa yang dekat. Merekalah orang-orang yang diterima Allah taubat mereka dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (17). Dan taubat itu bukannya untuk orang-orang yang terus mengerjakan kejahatan sehingga apabila seseorang dari mereka didatangi maut ia pun berkata: "Sesungguhnya aku telah bertaubat sekarang ini" dan tidak pula untuk orang-orang yang mati di dalam keadaan kafir, untuk mereka Kami telah menyediakan azab yang amat pedih.(18) Wahai orang-orang yang beriman tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan secara paksa dari janganlah kamu menyusahkan mereka untuk mendapatkan sebahagian (dari maskahwin) yang kamu telah berikannya kepada mereka kecuali mereka melakukan perbuatan yang keji secara nyata dan bergaullah dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan pergaulan yang baik. Kemudian jika kamu bencikan mereka (maka sabarlah kerana) boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedangkan Allah jadikan padanya kebajikan yang banyak (19). Dan jika kamu ingin menggantikan mana-mana isteri kamu dengan isteri yang baru, sedangkan kamu telah memberi kepada seseorang dari mereka harta yang banyak maka janganlah kamu mengambilnya kembali sesuatu apapun darinya. Apakah patut kamu mengambilnya dengan cara yang keji dan melakukan dosa yang nyata (20). Bagaimana kamu tergamak mengambilnya kembali sedangkan kamu telah menghubungi satu sama lain dan mereka (isteri-isteri kamu) telah mengambil perjanjian yang kukuh dari kamu (21). Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang telah diperisterikan oleh bapa-bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perbuatan yang keji, dimurkai Allah dan seburuk-buruk jalan (perkahwinan) (22). Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan ibu-ibu kamu, anak-anak perempuan kamu, saudara-saudara perempuan kamu, emak-emak saudara kamu di sebelah bapa, emak-emak saudara kamu di sebelah ibu, anak-anak perempuan saudara lelaki dan anak-anak perempuan saudara perempuan dan ibu-ibu kamu yang telah menyusu kamu dan saudara-saudara susu kamu dan ibu-ibu isteri kamu dan anak-anak tiri di bawah pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah setubuhi mereka, tetapi jika kamu belum lagi setubuhi mereka (dan kamu telah menceraikan mereka) maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu (berkahwin dengan mereka) (juga diharamkan kamu berkahwin dengan) bekas-bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari sulbi kamu dan (diharamkan kamu) menghimpunkan sekaligus dua beradik (untuk menjadi isteri kamu) kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(23)

Pusingan pertama dari surah ini telah berlalu. Ia membicarakan persoalan mengatur kehidupan masyarakat Islam dan menyelamatkannya dari keladak-keladak jahiliyah dengan mengadakan jaminan-jaminan terhadap anak-anak yatim, harta dan diri mereka di dalam lingkungan keluarga dan masyarakat. Ia membicarakan peraturan pusaka mempusakai dalam lingkungan keluarga dan memulangkan semua jaminan dan peraturan ini kepada sumber keduanya yang asasi, iaitu Uluhiyah Allah dan Rububiyah-Nya terhadap manusia dan iradat-Nya yang telah menciptakan mereka dari satu jiwa yang satu dan menegakkan masyarakat manusia di atas tapak keluarga dan di atas asas takaful serta mengembalikan segala urusan hidup mereka kepada batas-batas hukum Allah, ilmu-Nya dan hikmat kebijaksanaan-Nya, juga mengenakan balasan terhadap mereka berdasarkan keta'atan atau penderhakaan mereka terhadap semua peraturan-peraturan ini.

Adapun di dalam pusingan yang kedua ini pula ia membicarakan tentang cara-cara mengatur masyarakat Islam dan menyelamatkannya dari keladak-keladak jahiliyah dengan membersihkan masyarakat ini dari kejahatan-kejahatan seksual yang keji dan bertindak mengasingkan anasir-anasir yang kotor yang melakukan kejahatan-kejahatan itu sama ada lelaki atau perempuan serta membuka pintu taubat kepada sesiapa dari anasir-anasir itu yang ingin bertaubat dan membersihkan dirinya dan kembali

semula kepada masyarakat dengan diri yang bersih... Kemudian ia bertindak menyelamatkan kaum wanita dari kehinaan dan kezaliman yang menindas mereka di zaman jahiliyah agar keluarga itu dapat dibangunkan di atas asas yang sihat dan kukuh supaya masyarakat dapat ditegakkan di atas bumi yang pejal dan di dalam suasana yang bersih dan suci... dan pada akhirnya pusingan ini membicarakan tentang sebahagian peraturan kehidupan berkeluarga dengan menjelaskan perempuan-perempuan yang diharamkan perkahwinan dengan mereka di dalam syari'at Islam dan di sebaliknya menerangkan pula perempuan-perempuan yang halal dinikahinya.

Dengan penjelasan ini berakhirlah pusingan ini, juga berakhirlah juzu' ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 16)

وَٱلَّٰتِي يَأۡتِينَ ٱلۡفَٰحِشَةَ مِن نِّسَآئِكُمۡ فَٱسۡتَشۡهِدُواْ
عَلَيۡهِنَّ أَرۡبَعَةٗ مِّنكُمۡۖ فَإِن شَهِدُواْ فَأَمۡسِكُوهُنَّ
فِي ٱلۡبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّىٰهُنَّ ٱلۡمَوۡتُ أَوۡ يَجۡعَلَ
ٱللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلٗا ﴿١٥﴾
وَٱلَّذَانِ يَأۡتِيَٰنِهَا مِنكُمۡ فَـَٔاذُوهُمَاۖ فَإِن تَابَا
وَأَصۡلَحَا فَأَعۡرِضُواْ عَنۡهُمَآۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
تَوَّابٗا رَّحِيمًا ﴿١٦﴾

"Dan perempuan-perempuan yang melakukan perbuatan yang keji (zina) di kalangan perempuan-perempuan kamu, maka adakanlah empat orang saksi lelaki dari kalangan kamu yang menyaksikan perbuatan mereka. Kemudian jika mereka telah memberi kesaksian mereka, maka penjarakanlah mereka di rumah sehingga mereka menemui maut atau sehingga Allah mengadakan jalan yang lain kepada mereka.(15) Dan jika dua lelaki dari kalangan kamu yang melakukan perbuatan yang keji (hubungan sejenis), maka sakitilah kedua-duanya. Kemudian jika kedua-duanya bertaubat dan membetulkan diri mereka, maka biarkanlah kedua-duanya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih."(16)

Hukuman Terhadap Jenayah Zina Dan Hubungan Sejenis

Di sini Islam mengikut jalan dan caranya dalam membersihkan masyarakat. Dalam tindakan pertamanya Islam memilih cara mengasingkan perempuan-perempuan yang melakukan kejahatan-kejahatan seks dan menjauhkan mereka dari masyarakat apabila mereka thabit melakukan kejahatan itu dan menyeksakan lelaki-lelaki yang melakukan kejahatan seks yang abnormal, iaitu melakukan perbuatan liwat atau hubungan sejenis (homoseks). Di sini Al-Qur'an tidak menentukan jenis dan kadar penyeksaan itu. Kemudian selepas itu Islam memilih cara menghukumkan perempuan-perempuan dan lelaki-lelaki itu dengan satu hukuman yang sama sahaja iaitu hukuman zina sebagaimana telah diterangkan di dalam ayat surah an-Nur iaitu hukuman sebat dan sebagaimana telah diterangkan oleh as-Sunnah iaitu hukuman rejam. Matlamat akhir dari kedua-dua hukuman ini ialah memelihara masyarakat dari kecemaran seks dan memeliharanya agar sentiasa bersih dan mulia.

Dalam setiap keadaan dan dalam setiap hukuman undang-undang Islam mengadakan jaminan-jaminan supaya · tidak berlaku kezaliman, kesilapan dan mempersalahkan seseorang berdasarkan prasangka dan kekeliruan di dalam hukuman-hukuman yang berat yang memberi kesan yang berat di dalam kehidupan manusia.

وَٱلَّٰتِي يَأۡتِينَ ٱلۡفَٰحِشَةَ مِن نِّسَآئِكُمۡ فَٱسۡتَشۡهِدُواْ
عَلَيۡهِنَّ أَرۡبَعَةٗ مِّنكُمۡۖ فَإِن شَهِدُواْ فَأَمۡسِكُوهُنَّ
فِي ٱلۡبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّىٰهُنَّ ٱلۡمَوۡتُ أَوۡ يَجۡعَلَ
ٱللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلٗا ﴿١٥﴾

"Dan perempuan-perempuan yang melakukan perbuatan yang keji (zina) di kalangan perempuan-perempuan kamu, maka adakanlah empat orang saksi lelaki dari kalangan kamu yang menyaksikan perbuatan mereka. Kemudian jika mereka telah memberi kesaksian mereka, maka penjarakanlah mereka di rumah sehingga mereka menemui maut atau sehingga Allah mengadakan jalan yang lain kepada mereka."(15)

Di dalam ayat ini terdapat keterangan yang amat halus dan hati-hati. Ia menentukan perempuan-perempuan yang harus dikenakan hukuman hudud iaitu "di kalangan perempuan-perempuan kamu" yakni perempuan-perempuan Islam dan menentukan jenis lelaki yang berhak menjadi saksi di atas perlakuan perbuatan itu "saksi lelaki dari kalangan kamu" yakni orang-orang Islam. Mengikut ayat ini wajiblah bahawa hukuman itu dikenakan ke atas perempuan-perempuan apabila thabit perbuatan itu dilakukan mereka dan wajiblah ke atas lelaki-lelaki itu memberi kesaksian terhadap perlakuan perbuatan itu.

Islam tidak menggunakan saksi-saksi yang bukan Islam untuk memberi kesaksian terhadap perempuan-perempuan Islam apabila mereka melakukan kesalahan, malah pastilah diadakan empat orang saksi dari lelaki-lelaki Islam dari kalangan kamu dan dari masyarakat Islam di mana mereka hayati, patuh kepada undang-undang syari'atnya dan mengikut kepimpinannya, dan di mana segala urusannya menyangkut kepentingan mereka dan di mana mereka mengetahui segala isinya dan segala penghuninya. Di dalam perkara ini kesaksian dari

orang yang bukan Islam tidak diharuskan, kerana ia tidak boleh diamanahkan untuk memelihara maruah perempuan Islam, kerana ia tidak dipercayai amanahnya dan taqwanya. Di samping itu ia tidak mempunyai apa-apa kepentingan dan ghairah terhadap kesucian masyarakat Islam dan kebersihannya, begitu juga ia tidak mempunyai apa-apa kepentingan tehadap pelaksanaan keadilan dalam masyarakat Islam.

Jaminan-jaminan di dalam kesaksian ini terus dikekalkan ketika hukuman itu diubahkan kepada hukuman sebat atau hukuman rejam.

فَإِن شَهِدُواْ فَأَمۡسِكُوهُنَّ فِي ٱلۡبُيُوتِ

"Jika mereka telah memberi kesaksian mereka, maka penjarakanlah mereka di rumah."

Supaya mereka tidak bercampur-gaul dalam masyarakat dan mencemarinya dan supaya mereka tidak dapat melakukan sebarang kegiatan.

حَتَّىٰ يَتَوَفَّىٰهُنَّ ٱلۡمَوۡتُ

"Sehingga mereka menemui maut."

Yakni sehingga ajal mereka habis semasa mereka dipenjara di dalam rumah itu.

أَوۡ يَجۡعَلَ ٱللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلٗا ﴿١٥﴾

"Atau sehingga Allah mengadakan jalan yang lain kepada mereka."(15)

Iaitu mengubahkan keadaan mereka atau mengubahkan hukuman mereka atau bertindak terhadap mereka dengan apa sahaja tindakan yang dikehendaki-Nya yang membayangkan bahawa hukuman ini bukanlah suatu hukuman akhir yang kekal, malah merupakan suatu hukuman untuk satu jangka waktu yang tertentu sahaja dan untuk menghadapi suasana-suasana khusus di dalam masyarakat dan memang ditunggu-tunggu keluarnya satu hukuman yang lain yang tetap dan kekal. Dan inilah yang telah berlaku selepas itu, di mana hukuman itu telah diubah sebagaimana telah diterangkan di dalam Surah an-Nur dan di dalam hadith Rasulullah s.a.w. walaupun jaminan-jaminan kesaksian yang kuat untuk memastikan perlakuan jenayah itu tidak diubah.

Ujar al-Imam Ahmad kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Jaafar, kami telah diceritakan oleh Sa'id dari Qatadah dari al-Hasan dari Hattan bin Abdullah ar-Raqqassyi dari 'Ubadah ibn as-Samit katanya, "Adalah Rasulullah s.a.w. apabila turun wahyu (ayat 15) kepadanya ia menjadi runsing kerananya hingga berubah wajahnya lalu Allah 'Azzawajalla menurunkan kepadanya pada suatu hari satu wahyu yang lain dan setelah hilang kerunsingannya beliau pun bersabda:

خذوا عني.. قد جعل الله لهن سبيلاً..الثيب بالثيب، والبكر بالبكر. الثيب جلد مائة ورجم بالحجارة. والبكر جلد مائة ثم نفي سنة

"Ambillah hukum dariku. Sesungguhnya Allah telah mengadakan jalan yang lain kepada mereka (perempuan-perempuan yang berzina) hukum orang yang berkahwin dengan orang yang telah berkahwin dan hukum orang yang belum berkahwin dengan orang yang belum berkahwin ialah orang yang telah berkahwin disebat seratus kali dan direjam dengan batu dan orang yang belum berkahwin disebat seratus kali kemudian dibuang daerah setahun."

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Muslim dan para pengumpul hadith yang lain dari berbagai-bagai saluran dari Qatadah dari al-Hasan dari Hattan dari 'Ubadah bin as-Samit dari Nabi s.a.w. dan lafaznya:

خذوا عني. خذوا عني. قد جعل الله لهن سبيلاً : البكر بالبكر. جلد مائة وتغريب عام. والثيب بالثيب جلد مائة ورجم بالحجارة.

"Ambillah dariku. Ambillah dariku. Allah telah mengadakan jalan yang lain untuk mereka. Hukum orang yang belum kahwin dengan orang yang belum kahwin ialah disebat seratus kali dibuang daerah selama setahun dan hukum orang yang telah berkahwin dengan orang yang telah berkahwin ialah disebat seratus kali dan direjam dengan batu."

Mengikut sunnah 'amaliyah dalam kes Ma'iz dan al-Ghamidiyah sebagaimana telah diterangkan di dalam Sahih Muslim ialah bahawa Nabi s.a.w. telah merejamkan kedua-duanya tanpa menyebatkan kedua-duanya. Begitu juga dalam kes lelaki Yahudi dengan perempuan Yahudi yang dihukumkan oleh beliau, ialah beliau telah menghukumkan kedua-duanya dengan hukuman rejam tanpa sebat. Di sini sunnah amalinya menunjukkan bahawa inilah hukuman yang akhir:

وَٱلَّذَانِ يَأۡتِيَٰنِهَا مِنكُمۡ فَـَٔاذُوهُمَاۖ فَإِن تَابَا وَأَصۡلَحَا فَأَعۡرِضُواْ عَنۡهُمَآۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ تَوَّابٗا رَّحِيمًا ﴿١٦﴾

"Dan dua lelaki dari kalangan kamu yang melakukan perbuatan yang keji itu (hubungan sejenis), maka sakitilah kedua-duanya. Kemudian jika kedua-duanya bertaubat dan membetulkan diri mereka, maka biarkanlah kedua-duanya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih."(16)

Yang jelas bahawa yang dimaksudkan dengan firman Allah Ta'ala "dua orang lelaki dari kalangan kamu yang melakukan perbuatan yang keji" ialah dua orang lelaki yang melaku kejahatan seks yang abnormal (homoseks). Ini ialah pendapat Mujahid r.a.

Ujar Ibn Abbas dan Sa'id ibn Jubayr dan selain dari keduanya (bahawa maksud):

فَـَٔاذُوهُمَا

"Maka sakitilah keduanya"

ialah kata-kata yang menghina dan pukul dengan kasut.

فَإِن تَابَا وَأَصْلَحَا فَأَعْرِضُوا عَنْهُمَآ

"Kemudian jika kedua-duanya bertaubat dan membetulkan diri maka biarkanlah kedua-duanya."

Bertaubat dan membaiki diri - sebagaimana akan dijelaskan nanti - merupakan satu perubahan yang asasi pada keperibadian, diri, arah tujuan, amalan dan perilaku seseorang. Oleh sebab itulah hukuman dihentikan dan masyarakat harus berhenti bertindak menyakiti kedua orang-orang yang menyeleweng dan terlibat di dalam kegiatan seks sama sejenis yang ganjil ini. Inilah yang dimaksudkan dengan ungkapan Al-Qur'an supaya membiarkan mereka yakni supaya berhenti menyakiti mereka.

Ayat yang berikut memberi isyarat yang amat lembut dan mendalam:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ تَوَّابًا رَّحِيمًا ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih."(16)

Oleh sebab Allahlah yang menetapkan hukuman, maka Dialah juga yang berkuasa melarang supaya menghentikan hukuman itu apabila penjenayah itu bertaubat dan membetulkan dirinya. Manusia tidak mempunyai apa-apa kuasa di dunia ini, begitu juga manusia tidak mempunyai apa-apa kuasa di Akhirat. Di sini mereka hanya menjalankan syari'at Allah dan arahan-Nya sahaja dan Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih. Dia sentiasa menerima taubat hamba-Nya dan sentiasa memberi rahmat kepada orang-orang yang bertaubat.

Sentuhan yang kedua di dalam isyarat ini ialah menarik hati manusia supaya mencontohi akhlak Allah dan bermu'amalah sesama mereka dengan akhlak yang luhur ini. Andainya Allah bersifat Maha Penerima Taubat dan Pengasih, maka seharusnya mereka bersikap toleran dan berkasih sayang di antara sesama mereka terhadap kesalahan yang telah silam yang telah diiringi dengan taubat dan pembetulan diri. Itu bukannya sikap toleran terhadap jenayah dan bukannya kasihan belas terhadap orang-orang yang melakukan kejahatan, kerana di sini memang tidak ada toleran dan tidak ada rahmat kasihan belas, tetapi itulah sikap toleran dan perasaan kasihan belas terhadap orang-orang yang bertaubat, yang berusaha membersih dan membetulkan diri sendiri. Itulah tindakan menerima mereka semula di dalam masyarakat dan berhenti menyebut mereka dengan sifat-sifat yang memalukan mereka, iaitu menyebut-nyebut dosa-dosa yang telah dilakukan mereka dan telahpun ditaubati mereka darinya dengan berusaha membersih dan membetulkan diri mereka selepas itu. Di waktu ini mereka seharusnya diberi pertolongan untuk membolehkan mereka memulakan kehidupan yang baik, bersih dan mulia dan melupakan jenayah mereka yang silam supaya tidak menimbulkan perasaan malu yang melukakan hati mereka setiap kali mereka berdepan dengan masyarakat, iaitu perasaan yang kadang-kadang mendorong setengah-setengah mereka ke arah jatuh semula ke dalam kejahatan atau terus berdegil di dalam kejahatan yang menyebabkan diri mereka rugi di dunia dan Akhirat, juga menyebabkan kerosakan di bumi menodai masyarakat dan dalam waktu yang sama menyebabkan ia terkutuk.

Hukuman ini juga telah diubahkan selepas itu. Para ahli hadith telah meriwayatkan satu hadith yang Marfu' dari Ibn Abbas r.a. katanya sabda Rasulullah s.a.w.:

Islam Menekankan Pembasmian Jenayah Seks Dalam Masyarakat

من رأيتموه يعمل عمل قوم لوط فاقتلوا الفاعل والمفعول به

"Sesiapa yang melihat seorang yang melakukan perbuatan kaum Lut (hubungan sejenis) maka hendaklah kamu bunuh orang yang melakukan perbuatan itu dan orang yang dilakukan perbuatan itu ke atasnya."

Dari hukuman-hukuman ini ternyata bagaimana sistem hidup Islam mengambil berat dalam usaha membersihkan masyarakat Islam dari kejahatan-kejahatan seks di peringkat waktu yang awal lagi. Ia tidak menunggu sehingga terbentuknya sebuah kerajaan di Madinah dan wujudnya satu kuasa yang ditegakkan di atas syari'at Allah dari menjalankannya. Larangan terhadap perbuatan zina telahpun dijelaskan di dalam Surah al-Isra' yang diturunkan di Makkah:

وَلَا تَقْرَبُوا ٱلزِّنَىٰٓ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةً وَسَآءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

"Dan janganlah kamu mendekati zina. Sesungguhnya zina itu suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang amat buruk,"

(Surah al-Isra':32)

juga dijelaskan di dalam Surah al-Mu'minun:

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾

Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman (1). Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalm solat mereka.(2)

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ



"Dan orang-orang yang menjaga anggota kelamin mereka (5). Kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak tercela (berbuat demikian).(6)

Kemudian penjelasan yang seperti ini diulang pula di dalam Surah al-Ma'arij.

Islam tidak mempunyai kerajaan di Makkah, juga tidak mempunyai sebarang kuasa. Oleh sebab itu ia tidak menggariskan hukuman-hukuman bagi jenayah zina ini yang memang larangannya diumumkan di Makkah kecuali setelah ia membentuk kerajaan dan mempunyai kuasa di Madinah. Ia tidak menganggapkan larangan-larangan dan suruhan-suruhannya sahaja cukup untuk menghapuskan jenayah dan memelihara masyarakat dari kecemaran jenayah, kerana Islam adalah satu agama yang waqi'i (realistik) yang benar-benar sedar bahawa larangan-larangan dan suruhan-suruhan sahaja tidak mencukupi dan sedar bahawa agama tidak boleh ditegakkan tanpa kerajaan dan tanpa kuasa. Islam benar-benar sedar bahawa agama itu adalah suatu sistem yang ditegakkan di atasnya kehidupan amali manusia. Ia bukannya semata-mata perasaan-perasaan batin yang hidup di dalam hati nurani tanpa kuasa dan tanpa undang-undang, tanpa sistem yang tertentu dan tanpa perlembagaan yang dimaklumi umum.

Sejak 'aqidah Islam bertunjang di dalam setengah-setengah hati di Makkah, maka 'aqidah ini terus berjuang menghapuskan jahiliyah di dalam hati dan membersihkannya apabila Islam mempunyai kerajaan di Madinah dan mempunyai kuasa yang ditegakkan di atas syari'at Allah dan mewujudkan sistem hidup Rabbani dalam satu bentuk yang tertentu, maka ia menggunakan kuasanya untuk memelihara masyarakat Islam dari kejahatan-kejahatan seks melalui hukuman-hukuman dan tindakan disiplin di samping memberi bimbingan dan pengajaran. Islam - sebagaimana telah kami katakan bukannya semata-mata kepercayaan batin yang wujud di dalam hati nurani, malah Islam di samping kepercayaan-kepercayaan batin ia juga merupakan kuasa yang melaksanakan kepercayaan-kepercayaan batin itu di dalam realiti kehidupan, kerana Islam selama-lamanya tidak berdiri di atas sebatang kaki sahaja.

Demikianlah juga ciri setiap agama yang datang dari Allah. Ini bertentangan dengan gambaran yang salah yang tersemat di dalam fikiran setengah-setengah orang yang beranggapan bahawa di sana ada agama-agama samawi yang datang tanpa syari'at, tanpa peraturan dan tanpa kuasa. Tidak! Sekali-kali tidak! Kerana agama itu suatu sistem hidup, iaitu suatu sistem yang waqi'i dan amali, di mana manusia memberi keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan menerima segala-galanya dari Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu mereka menerima konsep-konsep 'aqidah, nilai-nilai akhlak di samping menerima undang-undang dan peraturan-peraturan yang mengatur kehidupan mereka yang amali. Dan di atas undang-undang dan peraturan inilah ditegakkan kuasa pemerintahan yang melaksanakannya dengan kuatkuasa pemerintah di atas orang ramai dan menghukumkan orang-orang yang melanggarnya serta melindungi masyarakat dari kekotoran jahiliyah supaya keta'atan dapat dibulatkan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan supaya agama itu seluruhnya untuk Allah Yang Maha Esa sahaja, dengan erti di sana tiada tuhan-tuhan yang lain dari Allah di dalam apa-apa bentuk sekalipun yang mengatur undang-undang dan peraturan kepada manusia dan menentukan nilai-nilai dan neraca-neraca ukuran kepada mereka kerana sifat Tuhan itu ialah Dia menciptakan segala sesuatu yang tersebut itu. Mana-mana makhluk yang mendakwa mempunyai hak di dalam mana-mana perkara tersebut maka bererti ia telah mendakwa bahawa dirinya mempunyai ciri ketuhanan terhadap manusia, sedangkan tiada agama yang datang dari Allah yang membenarkan manusia menjadi tuhan dan membuat dakwaan mempunyai ciri ketuhanan dan menggunakannya. Dari sini nyatalah bahawa tiada agama yang datang dari Allah yang hanya membawa kepercayaan batin semata-mata tanpa membawa undang-undang dan peraturan yang amali dan tanpa membawa kuasa untuk menjalankan undang-undang dan peraturan itu.

Demikianlah perkembangan Islam di Madinah mulai memperlihatkan kewujudannya yang haqiqi dengan tindakannya membersihkan masyarakat melalui penggarisan undang-undang dan peraturan, serta melaksanakannya dengan mengenakan hukuman-hukuman dan dera seksa sebagaimana yang dapat kita lihat pada hukuman-hukuman yang terkandung di dalam surah ini kemudian diubah kepada hukuman yang lain selepas itu dan hukuman yang diubah inilah yang menjadi hukuman yang tetap seperti yang dikehendaki Allah.

Tidaklah menghairankan mengapa Islam memberi perhatian yang begitu berat membersihkan masyarakat dari kejahatan-kejahatan seks dan bertindak keras untuk menghapuskannya dengan segala wasilah, kerana ciri utama jahiliyah di setiap zaman sebagaimana yang kita dapat lihat dalam jahiliyah di zaman sekarang yang menjalar di seluruh permukaan bumi - ialah kekacauan kegiatan seks dan kebebasan kebinatangan yang tidak dikawal oleh sebarang tatasusila akhlak dan sebarang undang-undang dan menganggapkan hubungan-hubungan seks yang bebas lepas itu sebagai salah satu gejala dari gejala-gejala "kebebasan peribadi" yang tiada siapa boleh menghalang kecuali orang yang suka mengganggu, dan tiada siapa yang menentangnya kecuali orang yang berfikiran sempit.

Kaum jahiliyah itu kadang-kadang bersikap toleran terhadap semua kebebasan insaniyah mereka, tetapi mereka tidak sanggup bersikap toleran terhadap

kebebasan kebinatangan mereka. Kadang-kadang mereka sanggup mengorbankan semua kebebasan mereka, tetapi mereka akan bangkit menentang orang-orang yang cuba mengaturkan kebebasan kebinatangan mereka dan membersihkannya.

Di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah semua alat-alat media massa bekerjasama untuk menghancurkan tembok-tembok akhlak, merosakkan kawalan-kawalan fitrah di dalam jiwa manusia, mendandankan keinginan-keinginan kebinatangan dan menamakannya dengan judul-judul yang bersih, merangsangkan kegilaan keinginan seks dengan bermacam-macam cara serta mendorongkannya ke arah amalan-amalan seks yang bebas lepas, melemahkan kawalan-kawalan keluarga dan pengawasannya, kawalan-kawalan masyarakat dan pengawasannya, memperkecilkan perasaan-perasaan semulajadi yang sihat yang jijikkan keinginan-keinginan nafsu yang terbuka, memuja nafsu keinginan, memuja pembogelan perasaan, pembogelan tubuh badan dan pembogelan pengungkapan.

Semuanya ini merupakan ciri-ciri jahiliyah yang rendah, yang mana Islam datang untuk membersihkan perasaan manusia dan masyarakat-masyarakat manusia dari noda-nodanya. Ciri-ciri ini merupakan ciri-ciri setiap jahiliyah. Sesiapa yang mengkaji sajak-sajak Imru'ul-Qays di dalam jahiliyah Arab akan menemui contoh-contoh yang sama di dalam sajak-sajak jahiliyah bangsa Greek dan jahiliyah bangsa Roman. Begitu juga ia akan menemui contoh-contoh yang sama di dalam kesusasteraan-kesusasteraan dan kesenian-kesenian semasa di dalam jahiliyah Arab dan jahiliyah yang lain yang sezaman. Seterusnya sesiapa yang mengkaji tradisi-tradisi sesuatu masyarakat, kebebasan kaum wanita, kegilaan para asyik ma'syuk dan pergaulan yang bebas lepas di dalam semua jahiliyah sama ada di zaman purba atau di zaman moden ia akan menemui titik-titik persamaan dan hubungan yang rapat dan akan dapati bahawa semuanya terbit dari kefahaman-kefahaman dan fikiran-fikiran yang sama dan menggunakan lambang-lambang dan slogan yang hampir-hampir sama.

Walaupun kebebasan kebinatangan itu selama-lamanya berakhir dengan kehancuran tamadun dan kehancuran umat sebagaimana yang telah berlaku kepada tamadun Greek, tamadun Roman, tamadun lama Parsi, juga sebagaimana yang sedang berlaku pada hari ini kepada tamadun Eropah dan tamadun Amerika yang membimbangkan para cendekiawan di sana, di mana mereka merasa - sebagaimana yang ternyata dari perkataan-perkataan mereka - bahawa mereka begitu lemah untuk menahan arus yang menghancurkan itu.[6]

Walaupun demikian akibatnya, namun kaum jahiliyah di setiap zaman dan tempat terus menghumbankan diri mereka ke dalam gaung. Mereka kadang-kadang rela hilang semua kebebasan insaniyah mereka, tetapi mereka tidak rela adanya batu penghalang di tengah jalan kebebasan kebinatangan mereka. Mereka rela diperhambakan sebagai abdi, tetapi dengan syarat mereka tidak kehilangan hak kebebasan kebinatangan.

Yang sebenarnya ia bukannya kebebasan dan kemerdekaan, malah ia adalah suatu perhambaan kepada nafsu kebinatangan dan suatu kemunduran ke alam binatang malah mereka lebih sesat lagi dari binatang, kerana binatang dipaksa di dalam bidang ini dengan undang-undang fitrah yang menentukan fungsi seks pada binatang di dalam musim-musim yang tertentu sahaja tanpa melewatinya. Ia jadikan fungsi seks itu selama-lamanya terikat dengan tujuan melahir zuriat atau anak-pinak. Oleh sebab itu binatang betina tidak menerima jantan melainkan di dalam musim melahirkan zuriat dan binatang jantan tidak menyerbu binatang betina kecuali binatang betina itu cukup bersedia untuk menerimanya. Adapun manusia, maka Allah telah tinggalkan kepada keputusan akalnya dan kawalan akalnya dengan 'aqidahnya. Oleh itu apabila ia terlepas dari kawalan 'aqidah, maka akalnya menjadi lemah di hadapan tekanan nafsunya dan - dia tidak lagi mampu menahan kegelojohan nafsu keinginannya yang bebas di dalam dirinya. Oleh sebab itu nafsu yang bergejolak itu tidak mungkin dikawal dan wajah masyarakat tidak mungkin dibersihkan dari kecemaran kejahatan seks ini melainkan dengan kekuatan 'aqidah yang dapat menerajuinya dan melainkan dengan kuasa yang diambil dari 'aqidah itu yang dapat menghukum mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan dengan hukum-hukum keseksaan dan dapat mengembalikan manusia, malah mengangkatkannya dari taraf kebinatangan ke maqam "insan" yang mulia di sisi Allah.

Jahiliyah yang dihayati umat manusia itu adalah dihayati tanpa 'aqidah dan tanpa kuasa yang ditegakkan di atas 'aqidah ini. Oleh sebab itu laungan-laungan kritik para cendekiawan di dalam jahiliyah-jahiliyah barat tidak disambut oleh sesiapa pun, kerana tiada siapa yang mahu menghiraukan laungan-laungan kritik yang hanya terbang di udara tanpa disusuli kuasa pelaksanaan dan hukuman-hukuman keseksaan. Gereja-gereja dan para ahli agama juga melaung-laung kritik tetapi tiada siapa yang menyambutnya kerana tidak ada orang yang mahu menyambut laungan agama yang telah hilang kuasa yang melindunginya, hilang kuasa yang boleh menjalankan perintah-perintah, undang-undang dan peraturannya. Kerana itu umat manusia terus terjerumus ke dalam gaung yang dalam tanpa kawalan dari fitrah yang dijadikan Allah pada makhluk haiwan dan tanpa kawalan 'aqidah dan syari'at yang dikurniakan Allah kepada manusia.

---

[6] *Lihat buku "al-Hijab", oleh Abu al-'Ala al-Maududi Amir Jama'at Islamiyah, Pakistan.*

Kehancuran tamadun ini merupakan akibat yang pasti dihadapi. Akibat ini telah disarankan oleh segala pengalaman umat manusia yang telah silam biar bagaimana kukuh sekalipun tamadun itu dilihat dari luar dan bagaimana kuat asas-asas yang menjadi tapak tegaknya, kerana "manusia" tidak syak lagi merupakan asas tamadun yang paling besar dan apabila manusia sendiri telah dihancurkan, maka tamadun tidak akan dapat ditegakkan lagi di atas kekuatan kilang-kilang sahaja dan tidak pula di atas kekuatan pengeluaran.

Apabila kita memahami kedalaman hakikat ini dapatlah kita memahami sebahagian dari keagungan Islam yang memberatkan hukuman-hukumannya di atas kejahatan seks untuk melindungi "insan" dari kehancuran agar kehidupan insan dapat ditegakkan di atas asas kemanusiaan yang tulen, juga dapat kita memahami sebahagian dari jenayah alat-alat media massa yang menghancurkan asas-asas kehidupan insaniyah dengan memuja-muja kejahatan seks dan mendandankannya, membebaskan nafsu keinginan kebinatangan dari segala ikatannya dan mendandankannya perbuatan itu sebagai "kesenian", terkadang-kadang sebagai "kebebasan" dan terkadang-kadang sebagai "kemajuan", sedangkan setiap cara penghancuran "manusia" seharusnya dinamakan dengan namanya yang sebenar iaitu "jenayah" sebagaimana seharusnya jenayah itu ditentang dengan nasihat yang baik dan hukuman-hukuman keseksaan. Inilah yang dilakukan oleh Islam dan hanya Islam sahaja yang berbuat begitu dengan sistem hidupnya yang sempurna, sepadu dan lurus.[7]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 18)

Tetapi Islam tidak menutup pintu kepada lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang bersalah dan ia tidak menyingkirkan mereka dari masyarakat jika mereka mahu kembali kepadanya dengan membersihkan diri mereka dan bertaubat, malah Islam melapangkan jalan itu untuk mereka dan menggalakkan mereka memasukinya. Ia memberi galakan yang setinggi-tingginya sehingga Allah menjadikan urusan menerima taubat mereka apabila mereka bertaubat dengan ikhlas sebagai satu tanggungan yang diwajibkan ke atas-Nya dengan firman-Nya yang mulia. Ini adalah satu limpah kurnia yang tidak ada lagi sesuatu yang lebih darinya bagi orang yang mengingini sesuatu yang lebih.

Allah Membuka Pintu Taubat Kepada Siapa Yang Ingin Kembali Kepada-Nya

إِنَّمَا ٱلتَّوۡبَةُ عَلَى ٱللَّهِ لِلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلسُّوٓءَ
بِجَهَٰلَةٖ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِن قَرِيبٖ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَتُوبُ
ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا ١٧
وَلَيۡسَتِ ٱلتَّوۡبَةُ لِلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ
حَتَّىٰٓ إِذَا حَضَرَ أَحَدَهُمُ ٱلۡمَوۡتُ قَالَ إِنِّي تُبۡتُ
ٱلۡـَٰٔنَ وَلَا ٱلَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمۡ كُفَّارٌۚ أُوْلَٰٓئِكَ
أَعۡتَدۡنَا لَهُمۡ عَذَابًا أَلِيمٗا ١٨

"Sesungguhnya taubat itu disanggupi Allah untuk orang-orang yang melakukan kejahatan kerana kejahilan kemudian mereka bertaubat dalam masa yang dekat. Merekalah orang-orang yang diterima Allah taubat mereka dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (17). Dan taubat itu bukannya untuk orang-orang yang terus mengerjakan kejahatan sehingga apabila seseorang dari mereka didatangi maut ia pun berkata: "Sesungguhnya aku telah bertaubat sekarang ini" dan tidak pula untuk orang-orang yang mati di dalam keadaan kafir, untuk mereka Kami telah menyediakan azab yang amat pedih."(18)

Pembicaraan mengenai taubat telah pun diperkatakan dalam juzu' ini di bawah bayangan firman Allah Ta'ala dalam Surah Aali 'Imran:

وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُواْ فَٰحِشَةً أَوۡ ظَلَمُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ
ذَكَرُواْ ٱللَّهَ فَٱسۡتَغۡفَرُواْ لِذُنُوبِهِمۡ

"Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan, atau menganiayai diri sendiri lalu mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka."

(Surah Aali 'Imran : 135)

Keseluruhan pembicaraan ini boleh dipindahkan di sini, tetapi pengungkapan dalam surah ini mempunyai satu tujuan yang lain, iaitu bertujuan menjelaskan tabi'at taubat dan hakikatnya.

Taubat yang diterima oleh Allah dan disanggupi menerimanya ialah taubat yang terbit dari lubuk hati. Ini membuktikan bahawa hati itu adalah had yang baru, iaitu hati yang telah digoncangkan oleh penyesalan yang sedalam-dalamnya hingga menjadikannya benar-benar sedar, insaf dan bertaubat, sedangkan ia masih dalam usia yang lapang dan cita-cita yang lebar, di mana satu keinginan yang sebenar untuk membersihkan dirinya telah muncul di samping niat yang sebenar untuk menjalani jalan hidup yang baru.

إِنَّمَا ٱلتَّوۡبَةُ عَلَى ٱللَّهِ لِلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلسُّوٓءَ
بِجَهَٰلَةٖ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِن قَرِيبٖ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَتُوبُ
ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا ١٧

[7] *Lihat bab* " سلام البيت " *dalam buku* " السلام العالمي والإسلام ".

"Sesungguhnya taubat itu disanggupi Allah untuk orang-orang yang melakukan kejahatan kerana kejahatan kemudian mereka bertaubat dalam masa yang dekat. Merekalah orang-orang yang diterima Allah taubat mereka dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(17)

Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang melakukan kejahatan ialah orang-orang yang melakukan dosa-dosa. Di sana para mufassirin hampir-hampir sepakat bahawa yang dimaksudkan dengan kejahilan di sini ialah kesesatan dari jalan hidayat sama ada panjang atau pendek masanya selama tidak berterusan sehingga roh sampai ke halkum. Dan yang dimaksudkan dengan "bertaubat dalam masa yang dekat" ialah orang-orang yang bertaubat kepada Allah sebelum berdepan dengan maut dan memasuki dalam nazaknya, iaitu sebelum mereka merasa berada di ambang maut, kerana taubat ini merupakan taubat kerana menyesal dan kerana menarik diri dari kesalahan dan menyatakan niat untuk mengerjakan amalan yang soleh dan menghapuskan dosa. Ini adalah satu perkembangan baru yang berlaku di dalam hati dan satu kesedaran baru yang timbul di dalam dhamir.

فَأُوْلَٰٓئِكَ يَتُوبُ ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡۗ

"Merekalah orang-orang yang diterima Allah taubat mereka,"(17)

وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٧﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(17)

Yakni Dia bertindak berdasarkan ilmu dan hikmat kebijaksanaan. Dia mengurniakan kepada hamba-hamba-Nya yang lemah peluang untuk kembali ke barisan yang suci dan Dia tidak menyingkir mereka di belakang tembok buat selama-lamanya andainya mereka mempunyai keinginan yang haqiqi untuk mendapat perlindungan yang aman dan naungan yang penuh kasih sayang.

Allah S.W.T. tidak memburu hamba-hamba-Nya yang lemah dan tidak menyingkirkan mereka apabila mereka bertaubat dan kembali semula kepada-Nya kerana Allah S.W.T. terkaya dari mereka. Taubat mereka tidaklah memberi faedah kepada-Nya, tetapi hanya memberi faedah kepada mereka, mengislahkan hidup mereka dan hidup masyarakat yang dihayati mereka. Oleh sebab itulah Allah melapangkan peluang kepada mereka supaya pulang semula ke barisan yang suci dengan bertaubat dan membersihkan diri mereka.

وَلَيۡسَتِ ٱلتَّوۡبَةُ لِلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ حَتَّىٰٓ إِذَا حَضَرَ أَحَدَهُمُ ٱلۡمَوۡتُ قَالَ إِنِّي تُبۡتُ ٱلۡـَٰٔنَ

"Dan taubat itu bukannya untuk orang-orang yang terus mengerjakan kejahatan sehingga apabila seseorang dari mereka didatangi maut ia pun berkata: "Sesungguhnya aku telah bertaubat sekarang ini."(18)

Taubat yang seperti ini adalah taubat orang yang terpaksa, orang yang dikongkongi kesesatan dan diselubungi dosa, taubat orang yang terpaksa bertaubat kerana ia tidak lagi berpeluang untuk melakukan dosa dan tidak lagi mempunyai kesempatan untuk mengerjakan kesalahan. Taubat ini tidak diterima oleh Allah kerana ia tidak mewujudkan apa-apa kebaikan di dalam hati dan kehidupan dan ia tidak membuktikan adanya sesuatu perubahan tabi'at dan perubahan arah tujuan hidup.

Taubat itu diterima kerana ia merupakan pintu yang terbuka yang dimasuki oleh orang-orang yang sesat jalan untuk mendapat perlindungan yang aman supaya mereka dapat menyelamatkan diri dari padang gurun kesesatan dan agar mereka dapat diselamatkan oleh kumpulan manusia dari kumpulan binatang yang sesat yang hidup di bawah panji-panji syaitan supaya mengerjakan amalan yang soleh - jika Allah panjangkan umurnya selepas taubat - atau sekurangnya supaya mereka dapat mengumumkan kemenangan hidayat di atas kesesatan jika mereka telah ditunggu oleh ajal mereka yang pendek, sedangkan mereka tidak sedar bahawa ajal menunggu mereka.

وَلَا ٱلَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمۡ كُفَّارٌۚ

"Dan tidak pula untuk orang-orang yang mati di dalam keadaan kafir."(18)

Kerana orang-orang kafir ini telah pun memutuskan hubungan di antara mereka dengan taubat. Mereka telah menghilangkan segala peluang yang wujud di antara mereka dengan keampunan Allah.

أُوْلَٰٓئِكَ أَعۡتَدۡنَا لَهُمۡ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٨﴾

"Untuk mereka Kami telah menyediakan azab yang amat pedih."(18)

Yakni Kami telah pun menyediakan azab itu. Ia telah siap sedia dan tidak perlu lagi disiap-sediakan.

Demikianlah sistem hidup Rabbani mengenakan hukuman yang berat tetapi serentak dalam masa yang sama ia membuka pintu selebar-lebarnya untuk mereka bertaubat. Di sini berlakulah imbangan di dalam sistem hidup Rabbani yang unik ini dan dapatlah ia menerapkan kesan-kesannya dalam kehidupan. Hal yang seperti ini tidak dapat dibuat oleh suatu sistem yang lain sama ada di zaman lama atau di zaman moden.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 22)

Maudhu' yang kedua di dalam pelajaran ini ialah maudhu' kaum wanita.

Kedudukan Wanita Dalam Jahiliyah

Di zaman dahulu jahiliyah Arab sama juga dengan segala jahiliyah yang lain di sekeliling mereka memberi layanan yang buruk terhadap kaum wanita. Ia tidak mengakui hak-hak insaniyah mereka. Ia menjatuhkan darjah mereka begitu rendah dari martabat lelaki, ia melayani mereka lebih mirip kepada barangan dari insan dan di dalam waktu yang sama ia menggunakan mereka sebagai alat hiburan dan keni'matan secara kebinatangan. Ia membebaskan mereka untuk menggoda hati, merangsangkan keinginan-keinginan naluri dan menjadikan mereka bahan memuaskan nafsu, berasmara dan bercumbu-cumbuan secara terbuka. Kemudian datang Islam menghapuskan semua penindasan ini dari mereka dan mengembalikan mereka kepada tempatnya yang tabi'i dalam lingkungan keluarga dan kepada peranannya yang serius dalam sistem kelompok manusia, iaitu tempat yang sesuai dengan dasar umum yang dijelaskan di permulaan surah ini:

رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ وَخَلَقَ مِنۡهَا زَوۡجَهَا
وَبَثَّ مِنۡهُمَا رِجَالٗا كَثِيرٗا وَنِسَآءٗۚ

"Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari jiwa yang satu (Adam) dan darinya Allah ciptakan isterinya dan dari keduanya Allah membiakkan zuriat (mereka) lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ramai,"(1)

juga untuk meningkatkan taraf perasaan insaniyah dalam kehidupan suami isteri dari taraf haiwan yang rendah ke taraf insan yang luhur, yang dinaungi oleh bayang-bayang penghormatan, kasih mesra, saling bersimpati dan berbudi dari seterusnya untuk mengukuhkan ikatan-ikatan dan pertalian agar tidak terputus di sa'at kejutan yang pertama dan ketika berlaku ledakan emosi yang pertama:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا يَحِلُّ لَكُمۡ أَن تَرِثُواْ
ٱلنِّسَآءَ كَرۡهٗاۖ وَلَا تَعۡضُلُوهُنَّ لِتَذۡهَبُواْ بِبَعۡضِ مَآ
ءَاتَيۡتُمُوهُنَّ إِلَّآ أَن يَأۡتِينَ بِفَٰحِشَةٖ مُّبَيِّنَةٖۚ
وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ فَإِن كَرِهۡتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ
أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَيَجۡعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيۡرٗا
كَثِيرٗا ١٩
وَإِنۡ أَرَدتُّمُ ٱسۡتِبۡدَالَ زَوۡجٖ مَّكَانَ زَوۡجٖ
وَءَاتَيۡتُمۡ إِحۡدَىٰهُنَّ قِنطَارٗا فَلَا تَأۡخُذُواْ مِنۡهُ
شَيۡـًٔاۚ أَتَأۡخُذُونَهُۥ بُهۡتَٰنٗا وَإِثۡمٗا مُّبِينٗا ٢٠

وَكَيۡفَ تَأۡخُذُونَهُۥ وَقَدۡ أَفۡضَىٰ بَعۡضُكُمۡ إِلَىٰ
بَعۡضٖ وَأَخَذۡنَ مِنكُم مِّيثَٰقًا غَلِيظٗا ٢١
وَلَا تَنكِحُواْ مَا نَكَحَ ءَابَآؤُكُم مِّنَ
ٱلنِّسَآءِ إِلَّا مَا قَدۡ سَلَفَۚ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةٗ
وَمَقۡتٗا وَسَآءَ سَبِيلًا ٢٢

"Wahai orang-orang yang beriman! Tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan secara paksa dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk mendapatkan sebahagian (dari maskahwin) yang kamu telah berikannya kepada mereka kecuali mereka melakukan perbuatan yang keji secara nyata dan bergaullah dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan pergaulan yang baik. Kemudian jika kamu bencikan mereka (maka sabarlah kerana) boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedangkan Allah jadikan padanya kebajikan yang banyak (19). Dan jika kamu ingin menggantikan mana-mana isteri kamu dengan isteri yang baru, sedangkan kamu telah memberi kepada seseorang dari mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambilnya kembali sesuatu apapun darinya apakah patut kamu mengambilnya dengan cara yang keji dan melakukan dosa yang nyata (20). Bagaimana kamu tergamak mengambilnya kembali sedangkan kamu telah menghubungi satu sama lain dan mereka (isteri-isteri kamu) telah mengambil perjanjian yang kukuh dari kamu (21). Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang telah diperisterikan oleh bapa-bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perbuatan yang keji, dimurkai Allah dan seburuk-buruk jalan (perkahwinan)."(22)

Di zaman dahulu setengah orang di dalam jahiliyah Arab - sebelum Islam menyelamatkan umat Arab dari gaung yang dalam ini dan mengangkatkan mereka ke taraf yang mulia - apabila mati seorang lelaki dari mereka maka wali-walinyalah yang lebih berhak terhadap isterinya. Mereka mewarisi isterinya sebagaimana mereka mewarisi binatang-binatang dan harta-harta peninggalan yang lain. Jika mereka suka mereka boleh mengahwininya dan jika mereka suka mereka boleh kahwinkannya dengan orang lain dan mengambil maskahwinnya sama seperti mereka menjual binatang-binatang dan harta-harta peninggalan yang lain, dan jika mereka suka mereka boleh menyusah dan mengurungkannya di rumah tanpa mengahwinkannya sehingga ia menebuskan dirinya dengan sesuatu.

Setengahnya pula apabila seorang lelaki mati dan meninggalkan isteri, maka walinya akan datang dengan segera dan mencampakkan bajunya di atas balu itu. Ini bererti ia menghalangi balu itu dari berkahwin dengan orang lain dan mendapatkan balu itu sama seperti ia mendapat harta rampasan perang. Jika balu itu cantik ia akan mengahwininya sendiri dan jika balu itu hodoh, maka ia akan terus menahannya

sehingga mati agar ia dapat mewarisi hartanya atau balu itu menebuskan diri darinya dengan harta. Adapun jika balu itu terlepas dari walinya dan terus pergi ke rumah keluarganya sebelum wali si mati itu menemuinya dan mencampakkan bajunya di atasnya, maka dia dikira selamat dan bebas dan dapat melindungkan dirinya dari cengkaman wali itu.

Setengahnya pula menceraikan isterinya dengan syarat ia tidak boleh berkahwin melainkan dengan lelaki yang disukai olehnya sehingga ia menebuskan diri darinya dengan maskahwin yang diberikan oleh lelaki sama ada semua atau separuh.

Setengahnya pula apabila seseorang lelaki mati, mereka akan menahan nalurinya untuk dikahwin dengan kanak-kanak yang ada pada mereka sehingga ia besar lalu berkahwin dengannya.

Ada lelaki yang memelihara anak yatim perempuan dan menjaga urusannya, ia menahan anak yatim perempuan itu dari berkahwin untuk menunggu anak lelakinya yang masih kecil menjadi besar supaya dapat berkahwin dengannya dan mengambil hartanya. Demikianlah layanan-layanan buruk yang sama sekali tidak sesuai dengan pandangan Islam yang tinggi terhadap wanita selaku belahan diri yang satu. Layanan-layanan yang buruk itu bukan sahaja menjatuhkan insaniyah kaum wanita, malah sama-sama menjatuhkan insaniyah kaum lelaki. Juga ia mengubahkan hubungan di antara lelaki dan perempuan iaitu hubungan peniaga atau hubungan haiwan.

Dari darjah yang amat rendah ini Islam mengangkat hubungan itu ke taraf yang tinggi dan mulia yang layak dengan kemuliaan makhluk insan yang telah dimuliakan Allah dan telah dilebihkan di atas kebanyakan makhluk-Nya. Di sini ketinggian hubungan itu adalah terbit dari fikiran Islam terhadap insan dan terbit dari pandangan Islam terhadap kehidupan insaniyah. Ketinggian hubungan itu adalah suatu ketinggian yang tidak dikenali oleh manusia kecuali dari sumber yang mulia ini.

Islam mengharamkan perbuatan mewarisi perempuan seperti mewarisi barang-barang dan binatang-binatang, begitu juga Islam mengharamkan perbuatan menyusah-nyusah dan menyulit-nyulitkan perempuan sebagai alat untuk memudharatkannya - kecuali ia melakukan perbuatan yang keji. Ini ialah sebelum ditetapkan hukuman zina yang terkenal itu - Islam memberi kebebasan kepada perempuan di dalam memilih teman hidupnya sama ada dari awal atau ketika memula semula, sama ada dara atau janda, sama ada yang ditalak atau yang kematian suaminya. Dan Islam menjadikan pergaulan yang baik itu suatu kewajipan di atas lelaki - sehingga dalam kes si suami bencikan isterinya selama pergaulan itu dapat berlangsung - dan di dalam kes ini Islam merangsangkan harapan suami pada urusan pentadbiran Allah yang ghaib dan pada ilmu-Nya supaya ia tidak terburu-buru mengikut desakan emosinya yang pertama lalu bertindak memutuskan hubungan suami isterinya. Siapa tahu di sebalik kebenciannya ini ada kebaikan. Mungkin jika ia dapat mengawal kemarahannya dan mengekalkan hubungan suami isterinya ia akan mendapat kebaikan yang tersembunyi yang tidak diketahui olehnya.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا يَحِلُّ لَكُمۡ أَن تَرِثُواْ
ٱلنِّسَآءَ كَرۡهٗاۖ وَلَا تَعۡضُلُوهُنَّ لِتَذۡهَبُواْ بِبَعۡضِ مَآ
ءَاتَيۡتُمُوهُنَّ إِلَّآ أَن يَأۡتِينَ بِفَٰحِشَةٖ مُّبَيِّنَةٖۚ
وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ فَإِن كَرِهۡتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ
أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَيَجۡعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيۡرٗا
كَثِيرٗا ١٩

"Wahai orang-orang yang beriman! Tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan secara paksa dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk mendapatkan sebahagian (dari maskahwin) yang kamu telah berikannya kepada mereka kecuali mereka melakukan perbuatan yang keji secara nyata dan bergaullah dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan pergaulan yang baik. Kemudian jika kamu bencikan mereka (maka sabarlah kerana) boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedangkan Allah jadikan padanya kebajikan yang banyak."(19)

Sentuhan akhir di dalam ayat ini menggantungkan harapan hati kepada Allah meredakan ledakan kemarahan dan menenangkan perasaan benci sehingga seseorang itu dapat berbicara dengan dirinya dengan tenang dan hubungan suami isterinya tidak lagi berada di tengah angin ribut, malah hubungan itu terikat pada ikatan yang kukuh dan kekal, iaitu ikatan yang menambatkan hati Mu'min dengan Allah. itulah ikatan yang paling kukuh dan paling kekal.

Islam yang memandang rumahtangga sebagai tempat kediaman, keamanan dan kedamaian dan memandang kepada hubungan suami isteri sebagai hubungan kasih mesra dan menegakkan hubungan ini di atas pilihan yang bebas supaya ia dapat berlangsung di atas asas saling mengerti, saling bersimpati dan saling berkasih sayang, maka Islam inilah juga yang berkata kepada para suami:

فَإِن كَرِهۡتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا
وَيَجۡعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيۡرٗا كَثِيرٗا ١٩

"Jika kamu benci mereka (maka sabarlah kerana) boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedangkan Allah jadikan padanya kebajikan yang banyak,"(19)

supaya mereka mengekalkan hubungan suami isteri mereka dan tidak terus memutuskannya dengan sekali fikir sahaja atau dengan desakan keinginan yang pertama sahaja, malah ia harus memelihara kepentingan yayasan insaniyah yang agung ini agar

tidak terdedah kepada ledakan keinginan sentimen yang berubah-ubah dan kepada ketololan nafsu yang terbang di sana sini.

Alangkah besarnya hikmat perkataan Umar ibn al-Khattab r.a. kepada seorang lelaki yang mahu menceraikan isterinya kerana ia tidak menyintainya,"Tidakkah semua rumahtangga itu dibina di atas kasih sayang? Di mana duduknya pembelaan terhadap rumahtangga dan di mana letaknya perasaan malu?"

Alangkah murahnya perkataan yang dilaungkan oleh orang yang berlagak bijak yang bercakap di atas nama "cinta"! Mereka maksudkan dengan kata-kata cinta itu ialah nafsu sentimen yang berubah-ubah. Dengan nama cinta mereka menghalalkan perceraian suami isteri dan menghancurkan yayasan suami isteri, malah menghalalkan isteri mengkhianati suaminya dengan alasan ia tidak menyintainya dan menghalalkan suami mengkhianati isterinya dengan alasan yang sama.

Di dalam hati manusia-manusia yang kerdil ini tidak pernah terlintas konsep yang lebih besar dari nafsu sentimen yang kecil yang berubah-ubah itu dan dari nafsu keinginan kebinatangan yang tergila-gila itu. Adalah pasti bahawa tidak pernah terlintas di dalam fikiran mereka bahawa persoalan maruah, kehormatan, kesabaran dan ketahanan menanggung kesulitan di dalam kehidupan adalah lebih besar dan lebih agung dari pemikiran mereka yang rendah dan kerdil yang dilaung-laungkan mereka itu. Adalah sudah tentu pasti pula bahawa di dalam hati mereka tidak pernah terlintas kata "Allah". kerana mereka begitu jauh dari Allah kerana tenggelam dalam jahiliyah mereka yang dihias sebegitu cantik. Oleh itu hati mereka tidak merasa apa terhadap firman Allah yang dihadapkan kepada orang-orang Mu'min:

فَإِن كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ أَن تَكْرَهُوا۟ شَيْـًٔا
وَيَجْعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

"Jika kamu bencikan mereka (maka sabarlah kerana) boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedangkan Allah jadikan padanya kebajikan yang banyak."(19)

Sesungguhnya 'aqidah keimanan itulah satu-satunya yang dapat mengangkatkan hati dan meningkatkan minat dan perhatian manusia. Ia mengangkatkan kehidupan insaniyah dari nafsu keinginan kebinatangan dan dari ketamakan peniaga dan keremehan orang yang berjiwa kosong.

Apabila ternyata selepas bersabar, mencuba dan mengharap bahawa kehidupan suami isteri tidak dapat diteruskan dan perpisahan pasti dilakukan dan perkahwinan dengan perempuan lain pasti dilaksanakan, maka di waktu ini tertalak isteri itu dan bebaslah ia dengan wang maskahwin yang diperolehinya dan segala harta yang diwarisinya. Tiada suatu pun dari harta itu yang boleh diambil balik walaupun banyaknya selonggok emas, kerana perbuatan mengambil balik harta itu adalah suatu dosa yang amat jelas dan suatu kemungkaran yang tidak ada sebarang kekeliruan lagi.

Dalam Penceraian Maskahwin Tidak Boleh Diambil Balik

وَإِنْ أَرَدتُّمُ ٱسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَانَ زَوْجٍ
وَءَاتَيْتُمْ إِحْدَىٰهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا۟ مِنْهُ
شَيْـًٔا ۚ أَتَأْخُذُونَهُۥ بُهْتَٰنًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٢٠﴾

"Dan jika kamu ingin menggantikan mana-mana isteri kamu dengan isteri yang baru, sedangkan kamu telah memberi kepada seseorang dari mereka harta yang banyak maka janganlah kamu mengambilnya kembali sesuatu apapun apakah patut kamu mengambilnya dengan cara yang keji dan melakukan dosa yang nyata."(20)

Di sini dikemukakan satu sentuhan perasaan yang amat mendalam dan satu bayangan dari bayangan-bayangan kehidupan suami isteri yang teduh melalui satu ungkapan yang amat menarik.

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُۥ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ
بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنكُم مِّيثَٰقًا غَلِيظًا ﴿٢١﴾

"Bagaimana kamu tergamak mengambilnya kembali sedangkan kamu telah menghubungi satu sama lain dan mereka (isteri-isteri kamu) telah mengambil perjanjian yang kukuh dari kamu."(21)

Al-Qur'an meninggalkan kata kerja "menghubungi" tanpa menentukan apa yang dihubungkan itu. Ia meninggalkan kata-kata itu terbuka umum agar dapat memancarkan segala pengertiannya, memantulkan segala bayangannya dan mencurahkan segala saranannya tanpa terhenti setakat hubungan jasad dan cuit gamitnya sahaja, malah meliputi segala perhubungan sentimen dan perasaan, hubungan rasa dan fikiran, hubungan rahsia-rahsia dan duka nestapa, hubungan saling mengerti dalam segala bentuk. Ia meninggalkan kata-kata itu menggariskan berpuluh-puluh gambaran hidup bersama di waktu malam dan siang dan berpuluh-puluh kenangan rumahtangga yang merangkul mereka berdua di sepanjang masa tertentu. Setiap cetusan perasaan kasih merupakan hubungan, setiap pandangan mesra merupakan hubungan, setiap sentuhan badan merupakan hubungan, setiap pengalaman bersama dalam penderitaan atau harapan merupakan hubungan, setiap renungan bersama kepada masa kini atau masa depan merupakan hubungan, setiap keinginan bersama untuk mendapatkan anak-pinak merupakan hubungan dan setiap pertemuan di sisi anak merupakan hubungan.

Semua kenangan, bayangan, seruan, perasaan dan sentimen ini adalah dilukiskan oleh ungkapan yang menarik ini:

وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ

"Sedangkan kamu telah menghubungi satu sama lain."

Di samping kenangan-kenangan ini segala tujuan kebendaan itu akan menjadi perkara enteng dan membuat seorang lelaki merasa malu untuk menuntut balik apa yang telah diberikannya kepada isterinya. Ia tentulah merasa malu apabila dia bariskan di dalam khayalannya dan di dalam hati nuraninya kenangan-kenangan zaman silam dan kenangan-kenangan hidup bersama di sa'at perceraian yang sedih itu.

Kemudian di samping kenangan-kenangan itu Al-Qur'an gabungkan pula satu faktor lain dari jenis yang lain lagi:

وَأَخَذْنَ مِنكُم مِّيثَاقًا غَلِيظًا ﴿٢١﴾

"Dan mereka (isteri-isteri kamu) telah mengambil perjanjian yang kukuh dari kamu."(21)

Itulah perjanjian perkahwinan atas nama Allah dan mengikut undang-undang Allah. Ia merupakan satu perjanjian yang kukuh yang tidak boleh dipandang kecil oleh hati Mu'min, kerana Allah telah menyeru mereka dengan sifat orang-orang yang beriman supaya menghormati perjanjian yang kukuh ini.

Pada akhir ceraian ayat ini Al-Qur'an mengharamkan secara mutlak - dan menyifatkannya sebagai perbuatan yang amat keji - anak-anak berkahwin dengan perempuan-perempuan yang telah diperisterikan oleh bapa-bapa mereka. Dahulu perkahwinan ini dihalalkan di zaman jahiliyah dan inilah kadang-kadang menjadi salah satu punca perempuan-perempuan (balu-balu) itu dihalang dari berkahwin lain sehingga kanak-kanak itu besar dan dapat mengahwini balu bapanya dan jika ia sudah besar ia boleh mengahwininya secara warisan sebagaimana ia mewarisi harta-harta yang lain. Kemudian datang Islam mengharamkan perkahwinan ini dengan pengharaman yang amat keras:

وَلَا تَنكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُم مِّنَ
النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ۚ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً
وَمَقْتًا وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٢٢﴾

"Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang telah diperisterikan oleh bapa-bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perbuatan yang keji, dimurkai Allah dan seburuk jalan (perkahwinan)."(22)

Yang nampak jelas kepada kita dari hikmat pengharaman ini ialah tiga sebab pertimbangan walaupun kita manusia sebenarnya tidak memahami segala hikmat perundangan Allah dan di samping itu tidak pula bererti bahawa kepatuhan dan kerelaan kita menerima undang-undang Allah itu adalah tergantung di atas kefahaman kita atau tidaknya terhadap hikmat-hikmat itu, kerana bagi kita cukuplah Allah menggariskan undang-undang itu untuk kita yakin bahawa di sebalik undang-undang itu tetap mengandungi hikmat dan muslihat kebaikan kepada manusia.

Kita berkata: Yang nampak jelas kepada kita dari hikmat pengharaman itu ialah tiga sebab pertimbangan, pertama: Isteri bapa adalah berada di tempat ibu. Kedua: Anak tidak seharusnya mengambil tempat bapanya hingga tergambar di dalam khayalnya bahawa dia adalah tandingan bagi bapanya. Seringkali seorang suami bencikan suami pertama isterinya dengan perasaan semulajadinya lalu dia bencikan bapanya. Ketiga: Isteri bapa tidak seharusnya dipandang sebagai harta pusaka seperti yang lumrah di dalam masyarakat jahiliyah kerana konsep ini amat buruk. Ia menjatuhkan martabat insaniyah kaum wanita dan kaum lelaki kedua-dua sekali kerana kedua-duanya diciptakan dari jiwa yang sama (yang satu) dan tidak syak lagi bahawa penghinaan terhadap salah satu dari keduanya bererti penghinaan kepada yang satu lagi.

Kerana sebab-sebab pertimbangan ini dan sebab-sebab pertimbangan yang lain yang belum ketara kepada kita maka Allah menjadikan perkahwinan ini suatu perbuatan yang amat keji dan amat dibenci dan suatu jalan yang amat buruk kecuali perbuatan-perbuatan yang telah terlanjur di zaman jahiliyah, iaitu sebelum Islam mengharamkannya, kerana perbuatan-perbuatan itu dimaaf dan diserahkan kepada Allah S.W.T.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 23)

Ceraian yang ketiga di dalam pelajaran ini memperkatakan segala jenis perempuan yang diharamkan berkahwin dengan mereka. Ini merupakan langkah untuk mengaturkan keluarga dan mengaturkan masyarakat:

Perempuan-perempuan Yang Diharamkan Diperisterikan

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ
وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ
وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمُ
اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُم مِّنَ الرَّضَاعَةِ
وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ وَرَبَائِبُكُمُ اللَّاتِي فِي
حُجُورِكُم مِّن نِّسَائِكُمُ اللَّاتِي دَخَلْتُم بِهِنَّ

فَإِن لَّمْ تَكُونُوا۟ دَخَلْتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْكُمْ وَحَلَٰٓئِلُ أَبْنَآئِكُمُ ٱلَّذِينَ مِنْ
أَصْلَٰبِكُمْ وَأَن تَجْمَعُوا۟ بَيْنَ ٱلْأُخْتَيْنِ
إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿٢٣﴾

"Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan ibu-ibu kamu, anak-anak perempuan kamu, saudara-saudara perempuan kamu, emak-emak saudara kamu di sebelah bapa, emak-emak saudara kamu di sebelah ibu, anak-anak perempuan saudara yang lelaki dan anak-anak perempuan saudara yang perempuan dan ibu-ibu kamu yang telah menyusu kamu dan saudara-saudara sesusu kamu dan ibu-ibu isteri kamu dan anak-anak tiri di bawah pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah setubuhi mereka, tetapi jika kamu belum lagi setubuhi mereka (dan kamu telah menceraikan mereka) maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu (berkahwin dengan mereka) (juga diharamkan kamu berkahwin dengan) bekas-bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari sulbi kamu dan (diharamkan kamu) menghimpunkan sekaligus dua beradik (untuk menjadi isteri kamu) kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(23)

Perempuan-perempuan yang diharamkan berkahwin dengan mereka memang terkenal di kalangan semua umat sama ada umat-umat yang primitif atau umat-umat yang maju. Sebab-sebab pengharaman dan kelas-kelas perempuan yang diharamkan itu berbeza-beza di kalangan berbagai-bagai umat. Garis lingkungan pengharaman itu meluas di kalangan bangsa-bangsa primitif kemudian menjadi sempit di kalangan bangsa-bangsa yang maju.

Perempuan-perempuan yang diharamkan di dalam Islam ialah kelas-kelas perempuan yang diterangkan di dalam ayat ini dan ayat sebelumnya juga ayat kemudianya. Setengah dari mereka diharamkan buat selama-lamanya dan setengahnya pula diharamkan untuk sementara waktu. Setengah dari mereka diharamkan dengan sebab keturunan, setengah pula diharamkan dengan sebab penyusuan dan setengah yang lain dengan sebab hubungan perkahwinan.

Islam telah menghapuskan segala jenis halangan yang lain yang dikenali oleh masyarakat-masyarakat manusia yang lain seperti halangan-halangan yang dilandaskan di atas perbezaan warna kulit dan kaum, perbezaan kelas dan darjah sosial dalam satu bangsa dan negara.[8]

Perempuan-perempuan yang diharamkan dengan sebab hubungan kerabat di dalam syari'at Islam ada empat kelas:

Kelas yang pertama. Kelas usul iaitu ibunya hingga ke atas walau setinggi - mana sekalipun. Oleh itu diharamkan kepadanya berkahwin dengan ibunya, datuk-datuk perempuannya dari sebelah bapanya atau dari sebelah ibunya walau setinggi mana sekalipun.

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَٰتُكُمْ

"Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan ibu-ibu kamu."

Kelas yang kedua: Kelas anak-anak atau furu' iaitu anak-anaknya hingga ke bawah walau sebawah mana sekalipun. Oleh itu diharamkan kepadanya berkahwin dengan anak-anak perempuannya, anak-anak perempuan kepada anak-anak yang lelaki atau perempuan walau sebawah mana sekalipun.

وَبَنَاتُكُمْ

"Anak-anak kamu."

Kelas yang ketiga: Anak-anak kedua ibu bapanya hingga ke bawah walau sebawah mana. Oleh itu diharamkan kepadanya berkahwin dengan saudara perempuannya dan dengan anak-anak perempuan saudara-saudaranya yang lelaki dan saudaranya yang perempuan dan dengan anak-anak perempuan kepada anak-anak lelaki saudara-saudaranya yang lelaki dan saudaranya yang perempuan.

وَبَنَاتُ ٱلْأَخِ وَبَنَاتُ ٱلْأُخْتِ

"Dan saudara-saudara perempuan kamu..... dan anak-anak perempuan saudara lelaki dan anak-anak perempuan saudara perempuan."

Kelas yang keempat: Anak-anak datuk-datuknya secara langsung. Oleh itu diharam kepadanya berkahwin dengan emak saudaranya di sebelah bapa dan emak saudaranya sebelah ibu, emak saudara bapanya dan emak saudara datuk lelakinya sama ada di sebelah bapa atau di sebelah ibu, emak saudara ibunya dan emak saudara datuk perempuan sama ada di sebelah bapa atau di sebelah ibu.

وَعَمَّٰتُكُمْ وَخَٰلَٰتُكُمْ

"Dan emak-emak saudara kamu di sebelah bapa dan emak-emak saudara kamu di sebelah ibu."

Adapun anak-anak yang bukan secara langsung dari datuknya, maka dihalalkan berkahwin dengan mereka. Oleh sebab itulah diharuskan perkahwinan antara anak-anak lelaki bapa saudara dan emak-emak saudara sebelah bapa dan anak-anak lelaki bapa saudara dan emak-emak saudara sebelah ibu.

---

[8] *Lihat buku " الأسرة والمختمع " oleh Dr. Ali Abdul Wahid muka surat (26 - 56).*

Perempuan-perempuan yang diharamkan berkahwin dengan mereka dengan sebab hubungan perkahwinan ialah lima bahagian:

1) Ibu atau usul isteri iaitu ibu isteri walau hingga ke atas setinggi mana pun mereka. Oleh itu diharamkan kepada lelaki berkahwin dengan ibu isterinya dan datuk-datuk perempuan isterinya sama ada dari sebelah bapa atau dari sebelah ibu walau setinggi mana pun. Hukum pengharaman ini berkuatkuasa sebaik sahaja ia ber'aqad nikah dengan isterinya sama ada ia telah mengadakan hubungan kelamin dengannya atau belum:

وَأُمَّهَٰتُ نِسَآئِكُمۡ

"Dan ibu-ibu isteri kamu."

2) Anak-anak atau furu' isteri iaitu anak-anaknya hingga ke bawah walau sebawah mana sekalipun. Oleh itu diharamkan kepada lelaki berkahwin dengan anak perempuan isterinya dan anak-anak perempuan kepada anak-anaknya sama ada lelaki atau perempuan walau sebawah mana sekalipun. Dan hukum pengharaman ini tidak berkuatkuasa melainkan ia mengadakan hubungan kelamin dengan isterinya:

وَرَبَٰٓئِبُكُمُ ٱلَّٰتِي فِي حُجُورِكُم مِّن نِّسَآئِكُمُ ٱلَّٰتِي دَخَلۡتُم بِهِنَّ فَإِن لَّمۡ تَكُونُواْ دَخَلۡتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ

"Dan anak-anak tiri di bawah pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah setubuhi (dan kamu telah menceraikan mereka) dan jika kamu belum setubuhi mereka, maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu (berkahwin dengan mereka)."

3) Isteri-isteri bapa dan datuk-datuk dari dua belah pihak walau setinggi mana sekalipun dan isteri salah seorang dari datuk-datuknya sebelah bapa dan ibunya walau setinggi mana sekalipun:

وَلَا تَنكِحُواْ مَا نَكَحَ ءَابَآؤُكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ إِلَّا مَا قَدۡ سَلَفَۚ

"Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang telah diperisterikan oleh bapa-bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu."(22)

Yakni pada masa yang lalu di zaman jahiliyah, di mana perkahwinan ini telah diharuskan.

4) Isteri-isteri anak-anak dan cucu-cucu walau sebawah mana sekalipun. Oleh itu diharamkan kepada lelaki berkahwin dengan isteri anaknya dari sulbinya sendiri (anak sendiri) dan isteri cucu anak lelakinya atau cucu anak perempuannya walau sebawah mana sekalipun.

وَحَلَٰٓئِلُ أَبۡنَآئِكُمُ ٱلَّذِينَ مِنۡ أَصۡلَٰبِكُمۡ

"Dan isteri-isteri anak kamu sendiri yang berasal dari sulbi kamu,"

Ini bertujuan untuk menghapuskan adat jahiliyah yang mengharamkan perkahwinan dengan isteri anak angkat dan menentukan pengharaman itu dengan isteri anak sendiri sahaja dan memanggil anak-anak angkat itu dengan bin bapa mereka yang sebenar sebagaimana dijelaskan di dalam Surah al-Ahzab.

5) Saudara perempuan isteri. Dan ini diharamkan buat sementara waktu sahaja selama mana isteri masih hidup dan berada di bawah jagaan suami, dan yang diharamkan itu ialah menghimpunkan sekaligus dua beradik untuk menjadi isteri.

وَأَن تَجۡمَعُواْ بَيۡنَ ٱلۡأُخۡتَيۡنِ إِلَّا مَا قَدۡ سَلَفَۗ

"Dan (diharamkan kamu) menghimpunkan sekaligus dua beradik (untuk menjadi isteri kamu) kecuali apa yang dilakukan pada masa yang lalu."

Dan diharamkan dengan sebab penyusuan apa yang diharamkan dengan sebab hubungan keturunan dan hubungan perkahwinan ini merangkumi sembilan mahram iaitu:

1) Ibu dari susuan dan orang-orang tuanya walau setinggi mana sekalipun:

وَأُمَّهَٰتُكُمُ ٱلَّٰتِيٓ أَرۡضَعۡنَكُمۡ

"Dan ibu-ibu kamu yang telah menyusu kamu."

2) Anak perempuan dari susuan dan anak-anak perempuannya walau sebawah mana sekalipun (anak perempuan bagi lelaki dari susuan ialah anak yang disusukan oleh isterinya yang masih dalam pegangannya).

3) Saudara perempuan dari susuan dan anak-anak perempuannya walau sebawah mana sekalipun.

4) Emak saudara sebelah bapa dan emak saudara sebelah ibu dari susuan (emak saudara sebelah ibu dari susuan ialah saudara perempuan penyusu dan emak saudara sebelah bapa dari susuan ialah saudara perempuan suaminya).

5) Ibu isteri dari susuan (iaitu orang yang menyusukan isteri di zaman kecilnya) dan orang-orang tua ibu ini walau setinggi mana sekalipun dan pengharaman berkuatkuasa sebaik sahaja ia ber'aqad nikah dengan perempuan itu sebagaimana di dalam hubungan keturunan.

6) Anak perempuan isteri dari susuan (iaitu orang yang disusukan oleh isteri sebelum ia berkahwin dengan lelaki itu) dan anak-anak perempuan bagi anak-anaknya walau sebawah mana sekalipun. Dan pengharaman ini tidak berkuatkuasa melainkan setelah ia mengadakan hubungan kelamin dengan isteri itu.

7) Isteri bapa atau datuk dari susuan walau setinggi mana sekalipun (bapa dari susuan ialah orang yang menyusukan kanak-kanak itu dari isterinya), kanak-

kanak ini bukan sahaja diharamkan berkahwin dengan ibu yang menyusunya, bahkan diharamkan juga berkahwin dengan madunya yang dianggap sebagai isteri bapanya dari susuan.

8) Isteri anak lelaki dari susuan walau sebawah mana sekalipun.

9) Mengumpulkan di antara seorang perempuan dengan saudara perempuannya dari susuan atau emak saudaranya dari sebelah bapa atau emak saudaranya dari sebelah ibu dari susuan atau mana-mana perempuan yang lain yang mempunyai hubungan rahim yang diharamkan dari segi susuan.[9]

Jenis yang pertama dan yang ketiga dari perempuan-perempuan yang diharamkan itu telah dijelaskan pengharamannya di dalam ayat Al-Qur'an. Adapun seluruh perempuan yang lain yang diharamkan itu, maka ia merupakan hasil dari aplikasi hadith Nabi s.a.w. yang berbunyi:

يحرم من الرضاعة ما يحرم من النسب

– اخرجه الشيخان –

"Diharamkan dengan sebab susuan apa yang diharamkan dengan sebab hubungan keturunan."

* * * * * *

Inilah perempuan-perempuan yang diharamkan di dalam syari'at Islam dan nas Al-Qur'an tidak menyebut sebab pengharaman itu baik sebab umum maupun sebab khusus dan segala sebab yang disebut itu hanya merupakan hasil dari istinbat, fikiran dan penilaian akal sahaja.

Mungkin di sana ada satu sebab yang umum dan mungkin ada beberapa sebab khusus bagi setiap jenis mahram-mahram itu dan mungkin ada beberapa sebab yang bersekutu di antara setengah-setengah mahram.

Sebagai contoh pernah dikatakan.

Bahawa perkahwinan di antara kerabat-kerabat itu lama kelamaan membawa akibat yang boleh melemahkan zuriat keturunan kerana kesediaan-kesediaan kelemahan warisan mungkin terus berpusat dan berakar umbi pada zuriat itu. Sebaliknya apabila dibuka peluang kepada perkahwinan yang berterusan dengan darah-darah keturunan asing yang baru yang menambahkan bakat-bakat kesediaan dan kebolehan-kebolehan yang istimewa dapat membaharukan kecergasan dan bakat-bakat kebolehan generasi-generasi yang baru.

Juga pernah dikatakan bahawa matlamat hubungan dengan setengah-setengah kelas perempuan yang diharamkan itu seperti ibu-ibu, anak-anak perempuan, saudara-saudara perempuan, emak-emak saudara dari sebelah bapa dan emak-emak saudara dari sebelah ibu, anak-anak perempuan bagi saudara lelaki dan anak-anak perempuan bagi saudara perempuan, begitu juga mahram-mahram yang seperti mereka dari hubungan susuan, ibu-ibu para isteri, anak-anak perempuan para isteri iaitu anak-anak tiri di bawah pemeliharaan ialah mengekalkan hubungan pemeliharaan, kasih sayang dan penghormatan. Dan dengan demikian hubungan ini tidak terdedah kepada pertelingkahan-pertelingkahan dalam kehidupan suami isteri yang mungkin membawa kepada perceraian yang meninggalkan kesan-kesan yang mengguriskan perasaan-perasaan yang hendak dikekalkan itu.

Juga pernah dikatakan bahawa pengharaman setengah-setengah kelas perempuan mahram seperti anak-anak tiri dibawah pemeliharaannya, saudara perempuan yang dikumpulkan dengan saudara perempuan, ibu isteri, isteri bapa adalah bertujuan supaya tidak mengguriskan perasaan keanakan dan perasaan persaudaraan, kerana seorang ibu yang merasa anak perempuannya sendiri menandinginya terhadap suaminya - begitu juga anak perempuan dan saudara perempuan tentulah tidak dapat mengekalkan perasaannya yang bersih terhadap anak perempuannya yang berkongsi hidup dengannya atau terhadap saudara perempuannya yang berhubung dengannya atau terhadap ibunya walaupun ia ibunya sendiri. Begitu juga si bapa yang merasa bahawa anaknya mungkin menggantinya mengambil isterinya dan si anak yang merasa bapanya yang telah meninggal dunia atau menceraikan isterinya itu sebagai lawannya yang telah mendahuluinya menguasai isterinya. Alasan yang seperti ini juga dikatakan tentang isteri-isteri anak sendiri kerana di antara anak dan bapa terdapat satu hubungan yang tidak seharusnya dinodai.

Juga pernah dikatakan bahawa hubungan perkahwinan itu diadakan dengan maksud untuk meluaskan lingkungan keluarga dan memanjangkannya hingga ke belakang garis hubungan kerabat. Oleh sebab itu hubungan ini tidak perlu diadakan di antara kerabat-kerabat yang telah terikat dengan tali hubungan kerabat yang dekat. Oleh sebab itulah Islam mengharamkan perkahwinan dengan kerabat-kerabat itu kerana tidak ada hikmat kebaikan dalam perkahwinan itu, Islam hanya mengharuskan perkahwinan dengan kerabat-kerabat yang jauh sahaja sehingga ia hampir-hampir terlepas dari pertalian kerabat.[10]

---

[9] *Huraian ini dipetik dari buku " الأسرة والمختمع " oleh Dr. Ali Abdul Wahid.*

[10] *Sebagaimana dikatakan oleh al-Ustaz al-'Aqad di dalam bukunya " حقائق الإسلام وأباطيل خصومه ".*

Syari'at Allah Wajib Diterima Dan Dipatuhi Walaupun Hikmatnya Tidak Difahami Akal Manusia

Biar apa pun sahaja sebab pengharaman itu namun kita tetap menerima bahawa setiap peraturan yang telah dipilih oleh Allah itu mempunyai hikmat kebaikan di sebaliknya sama ada kita mengetahuinya atau tidak kerana ia tidak menjejaskan sesuatu apa pada hakikat persoalan ini, tidak mengurangkan kewajipan ta'at dan kewajipan melaksanakannya dengan penuh kerelaan, kerana keimanan itu tidak wujud dalam sebuah hati selama ia tidak berhakimkan kepada syari'at Allah dan ia tidak menaruh apa perasaan terkilan terhadapnya dan menerimanya dengan sepenuh hati.

* * * * * *

Kemudian tinggal lagi sepatah kata terakhir mengenai perempuan-perempuan yang diharamkan ini dan mengenai nas peraturan Al-Qur'an yang menyatakan hukum pengharaman ini.

Perempuan-perempuan yang diharamkan ini telah diharamkan di dalam tradisi jahiliyah kecuali dua kes iaitu para isteri yang telah dikahwini oleh bapa dan mengumpulkan di antara dua adik-beradik perempuan, kedua-dua kes ini diharuskan walaupun tidak disukai di dalam masyarakat jahiliyah, tetapi Islam yang mengharamkan semua perempuan-perempuan ini sama sekali tidak berlandaskan kepada tradisi jahiliyah ketika mengharamkan mereka, malah ia mengharamkan mereka dari awal-awal lagi dengan berlandaskan kepada kuasa istimewanya dan membawa ayat:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَٰتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ
وَأَخَوَٰتُكُمْ وَعَمَّٰتُكُمْ وَخَٰلَٰتُكُمْ
وَبَنَاتُ ٱلْأَخِ وَبَنَاتُ ٱلْأُخْتِ وَأُمَّهَٰتُكُمُ
ٱلَّٰتِيٓ أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَٰتُكُم مِّنَ ٱلرَّضَٰعَةِ
وَأُمَّهَٰتُ نِسَآئِكُمْ وَرَبَٰٓئِبُكُمُ ٱلَّٰتِي فِي
حُجُورِكُم مِّن نِّسَآئِكُمُ ٱلَّٰتِي دَخَلْتُم بِهِنَّ
فَإِن لَّمْ تَكُونُواْ دَخَلْتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْكُمْ وَحَلَٰٓئِلُ أَبْنَآئِكُمُ ٱلَّذِينَ مِنْ
أَصْلَٰبِكُمْ وَأَن تَجْمَعُواْ بَيْنَ ٱلْأُخْتَيْنِ
إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا
رَّحِيمًا ٢٣

Persoalan di dalam perkara ini bukanlah persoalan menurut adat atau formaliti semata-mata, malah ia merupakan persoalan hakikat agama ini seluruhnya. Pemahaman di mana letaknya simpulan ikatan perkara ini merupakan permahaman terhadap hakikat agama ini seluruhnya juga permahaman terhadap dasar yang menjadi tapak tegak agama ini, iaitu dasar Uluhiyah dan pemusatannya kepada Allah Yang Maha Esa semata-mata.

Agama ini menjelaskan bahawa urusan menghalal dan mengharam adalah dari urusan Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana kedua-duanya merupakan ciri yang paling utama Uluhiyah. Oleh itu tidak boleh mengharam dan menghalalkan sesuatu tanpa kuasa dari Allāh. Hanya Allah sahaja yang berkuasa menghalalkan kepada manusia yang halal dan mengharamkan apa yang haram dan tiada siapa yang lain dari Allah yang layak mengaturkan hukum halal dan haram dan tiada siapa pun yang boleh mendakwa mempunyai hak yang seperti itu kerana dakwaan ini sama dengan dakwaan Uluhiyah.

Tetapi di sini jahiliyah mengharam atau menghalal. Oleh sebab itu peraturan-peraturan haram dan halal yang terbit dari jahiliyah itu merupakan peraturan-peraturan yang batal yang tidak mungkin disahkan kerana peraturan itu tidak wujud dari awal lagi. Oleh itu apabila Islam datang dan menghadapi apa yang telah dihalal atau diharamkan oleh jahiliyah, maka ia terus menghukumkan peraturan-peraturan itu dari awal-awal lagi sebagai batal semuanya dan menganggapkannya sebagai tidak wujud kerana ia terbit dari pihak yang tidak memiliki kuasa mengeluarkan peraturan-peraturan ini, sebab pihak ini bukannya Tuhan, kemudian barulah Islam mula menggariskan hukum-hukumnya. Oleh itu apabila Islam menghalalkan sesuatu yang dihalalkan oleh jahiliyah atau mengharamkan sesuatu yang diharamkan oleh jahiliyah, maka sebenarnya Islam menggariskan hukum-hukum ini dari awal-awal lagi bukannya menganggapkan sebagai berlandaskan kepada hukum-hukum jahiliyah yang telah dibatalkan olehnya. Semuanya kerana hukum-hukum itu adalah batal belaka. Ia tidak terbit dari pihak yang satu-satunya mempunyai kuasa mengeluarkan hukum-hukum itu iaitu Allah S.W.T.

Pandangan Islam terhadap persoalan halal dan haram adalah merangkumi segala sesuatu di dalam kehidupan insaniyah. Tiada suatu pun dalam kehidupan yang terkeluar dari lingkungannya. Tiada siapa pun - selain dari Allah - yang berhak menghalal atau mengharam dalam urusan perkahwinan, makanan, minuman, pakaian, gerak-geri, tindak-tanduk, 'aqad, mu'amalah, perhubungan, tradisi, kedudukan dan peraturan kecuali ia mengambil kuasanya dari Allah mengikut syari'at Allah.

Setiap pihak yang mengharam atau menghalalkan sesuatu di dalam kehidupan manusia besar atau kecil - maka segala hukum yang dikeluarkannya adalah batal belaka dan tidak mungkin disahkan semula.

Kedatangan hukum jahiliyah di dalam syari'at Islam bukanlah merupakan pengesahan dan pengakuan terhadap hukum-hukum jahiliyah malah hukum-hukum itu sebenarnya diatur dari awal-awal lagi, iaitu ia diatur oleh sumber yang memiliki kuasa mengaturkan peraturan-peraturan itu.

Demikianlah Islam mengaturkan hukum-hukum halal dan haramnya, menegakkan undang-undang dan peraturan-peraturannya, mengaturkan syi'ar-syi'ar dan adat-adat tradisinya dan semuanya berlandaskan kepada kuasa-kuasa yang dimiliki olehnya.

Al-Qur'an memberi perhatian yang berat dalam menjelaskan pandangan ini dan mengulangkan perdebatan dengan kaum jahiliyah terhadap setiap perkara yang diharam dan dihalalkan mereka. Ia mengambil berat menjelaskan dasar itu dan bertanya mengecam:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِىٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ وَٱلطَّيِّبَٰتِ مِنَ ٱلرِّزْقِ

"Katakanlah: "Siapakah yang mengharamkan perhiasan dari Allah yang telah dikeluarkan untuk hamba-hamba-Nya juga (mengharamkan) rezeki-rezeki yang baik?"

(Surah al-A'raf: 32)

قُلْ تَعَالَوْا۟ أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ

"Katakanlah: Marilah! Aku bacakan kepada kamu apa yang diharamkan oleh Tuhan kamu."

(Surah al-An'am: 151)

قُل لَّآ أَجِدُ فِى مَآ أُوحِىَ إِلَىَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُۥٓ إِلَّآ أَن يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ

"Katakanlah: Aku tidak dapati dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku sesuatu makanan yang diharamkan kepada orang yang hendak memakannya kecuali makanan itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi."

(Surah al-An'am: 145)

Dengan kecaman-kecaman ini Al-Qur'an mengembalikan mereka kepada dasar yang pokok itu iaitu yang berhak mengharam dan menghalalkan sesuatu ialah Allah Yang Maha Esa sahaja dan tiada siapa dari manusia yang berhak berbuat begitu baik berupa satu individu atau berupa satu golongan atau satu umat atau berupa seluruh manusia umumnya kecuali dengan kuasa dari Allah mengikut syari'at Allah. Kerja menghalal dan mengharam yakni mengharus dan melarang itulah fungsi syari'at, itulah fungsi agama. Oleh itu yang berhak menghalal dan mengharam ialah tuan agama yang dianuti dan dipatuhi manusia. Jika yang mengharam dan menghalal itu Allah, maka bererti manusia ta'at dan mematuhi Allah dan bererti mereka berada di dalam agama Allah dan sebaliknya jika yang mengharam dan yang menghalalkan itu seorang yang lain dari Allah, maka bererti manusia ta'at dan mematuhi orang itu dan bererti mereka berada di dalam agama orang itu bukan dalam agama Allah.

Persoalan di sini ialah persoalan Uluhiyah dan ciri-cirinya, persoalan agama dan konsepnya dan persoalan keimanan dan batas-batasnya. Oleh itu orang-orang Islam di seluruh pelosok bumi hendaklah melihat dan pastikan di manakah mereka berada di dalam persoalan ini? Di manakah mereka berada di dalam agama ini? Di manakah mereka berada di dalam Islam? Jika mereka masih berkeras mendakwa menganut agama Islam!!!

(Tamat Juzu' Yang Keempat)

JUZU' KE-5

SURAH AN-NISA

JUZU' YANG KELIMA



Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kata Pengantar)

Kita masih bersama Surah an-Nisa' di dalam juzu' ini yang mengandungi kebanyakan matlamat-matlamat surah dan maudhu'-maudhu'nya yang telah kita sentuh secara ringkas di bahagian-bahagian permulaannya di dalam juzu' yang keempat.

Kita dapati dalam juzu' ini dari matlamat-matlamat asasi dan maudhu'-maudhu' utama surah ini berbagai-bagai anasir.

Dalam pelajaran yang pertama kita dapati baki pembicaraan mengenai peraturan untuk mengatur urusan keluarga dan menegakkannya di atas asas yang kukuh yang lahir dari saranan-saranan fitrah dan melindunginya dari kesan-kesan keadaan-keadaan yang baru muncul di dalam suasana kehidupan suami isteri, juga melindungi kehidupan suami isteri dan kehidupan masyarakat dari perkembangan kejahatan seks dan pencerobohan terhadap kehormatan-kehormatan dan kelemahan hubungan keluarga.

Juga kita dapati baki pembicaraan peraturan-peraturan untuk urusan-urusan kemasyarakatan dan ekonomi yang merangkumi hubungan-hubungan kewangan dan perniagaan di samping merangkumi setengah-setengah hukum pusaka dan hak-hak milik bagi kaum lelaki dan perempuan di dalam masyarakat.

Semua peraturan-peraturan ini - sebagaimana telah kami tegaskan di permulaan surah - adalah bertujuan untuk memindahkan masyarakat Islam dari peraturan hidup jahiliyah kepada peraturan hidup Islam dan menghapuskan keladak-keladak ciri-ciri jahiliyah dan menegakkan ciri-ciri Islam yang baru dan seterusnya mengangkat kelompok Muslimin - yang dipungut oleh sistem hidup rabbani dari kaki bukit jahiliyah yang rendah - ke puncaknya yang tinggi.

Kemudian kita dapati di dalam pelajaran yang kedua perkembalian semula kepada pembicaraan menjelaskan dasar-dasar kefahaman dan kepercayaan Islam, iaitu menerangkan ta'rif iman dan syarat Islam supaya penjelasan ini menjadi asas bagi peraturan-peraturan yang lain untuk menegakkan takaful kemasyarakatan dalam kelompok Muslimin, iaitu takaful yang dimulai dari daerah keluarga yang paling sempit kemudian diluaskan supaya merangkumi orang-orang yang susah dan orang-orang yang lemah dalam kelompok Muslimin seluruhnya dan di samping menyuruh mereka berkorban dan bertakaful kita dapati penerangan-penerangan yang memburukkan sifat bakhil dengan harta kekayaan, perbuatan menipu kerana mencari kekayaan, perbuatan menyembunyikan ni'mat dan sifat ria' dalam membelanjakan harta kekayaan.

Di samping itu kita dapati juga di dalam pelajaran ini sebahagian dari pendidikan jiwa melalui ibadat yang dimulakan pembicaraannya dan melalui amalan bersuci untuk menunaikan ibadat dan menganggapkan arak sebagai suatu yang najis yang tidak sesuai dengan keadaan ibadat. Ini merupakan satu langkah pertama ke arah mengharamkan arak mengikut, methodologi pendidikan yang bijaksana.

Di dalam pelajaran yang ketiga kita dapati dari maudhu'-maudhu' pokok surah ini pendirian terhadap Ahlil-Kitab yang mengandungi pendedahan tujuan-tujuan mereka yang buruk dan niat-niat mereka yang jahat terhadap kelompok Muslimin dan penjelasan tentang cara tipudaya mereka dan pernyataan kehairanan terhadap perbuatan mereka di samping menganggapkan mereka sebagai musuh kaum Muslimin dan mengancam mereka dengan kesudahan yang buruk dan 'azab yang amat pedih.

Pelajaran yang keempat pula bertujuan menjelaskan konsep agama, syarat keimanan dan ta'rif Islam dan di sini diberi penjelasan yang tegas yang mendedahkan tabi'at sistem Islam dan cara hidup orang-orang Islam menta'ati, mengikut dan menerima perintah dari Allah Yang Maha Esa sahaja dan berhakim kepada agama Allah sahaja serta mengikut hukum Rasul-Nya dan menta'atinya. Penerangan pelajaran ini juga mendedahkan tanggunjawab-tanggungjawab orang-orang Islam di dunia ini menunaikan amanah-amanah kepada orang-orang yang berhak menerima dan mengadili di antara manusia dengan adil dan menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam kehidupan manusia, dan semuanya ini dianggap sebagai syarat untuk menegakkan keimanan di samping melahirkan kehairanan terhadap orang-orang yang mendakwa beriman, sedangkan mereka tidak memenuhkan syaratnya yang pertama iaitu berhakim kepada Allah dan Rasul-Nya serta rela dan menerimanya dengan sepenuh hati. Kemudian dikemukakan penegasan demi penegasan bahawa dada keimanan - biar bagaimana sekalipun didakwa oleh para pendakwanya - melainkan apabila syarat yang terang dan jelas itu dipenuhkan.

Oleh sebab itu di dalam pelajaran yang kelima kita dapati kaum Muslimin diarah berjihad untuk melindungi sistem hidup Ilahi yang terang ini dan mengecam para penghalang dan orang-orang Munafiqin yang berlengah-lengah dari berjihad di samping memberi perangsang kepada hati orang-orang yang beriman dengan menjelaskan matlamat-matlamat jihad, iaitu untuk menyelamat golongan Mu'minin yang tertindas dari negeri kafir kepada negeri Islam agar mereka dapat meni'mati hidup di bawah naungan sistem Ilahi yang luhur dan mulia itu, juga dengan menjelaskan hakikat ajal dan takdir untuk membersihkan hati dari ketakutan dan kecemasan. Kemudian pelajaran ini berakhir dengan memerintah Nabi s.a.w. supaya terus berjihad walaupun dengan seorang diri, kerana jihad pasti diteruskan untuk menegakkan agama dan sistem hidup Ilahi yang lurus ini.

Sehubungan dengan jihad kita dapati di dalam pelajaran yang keenam ini penjelasan terhadap berbagai-bagai dasar hubungan antarabangsa, iaitu hubungan di antara khemah Islam dengan berbagai-bagai khemah yang bermusuh dengannya, juga persoalan perdamaian dan perjanjian. Persoalan di sini bukanlah persoalan kekuatan serangan dan kemenangan, tetapi ialah persoalan menghadapi kenyataan serta menegakkan garis-garis peraturan bagi menjaga hubungan insaniyah di dalam berbagai-bagai khemah yang berlain-lainan haluan itu.

Di dalam pelajaran yang ketujuh kita dapati pembicaraan tentang jihad dengan harta benda dan jiwa raga dalam hubungan mengecam orang-orang yang tidak ingin berhijrah dari negeri kafir, di mana mereka ditindas kerana agama mereka, sedangkan negeri Islam berdiri teguh di waktu itu, di mana panji-panji agama Islam berkibar dengan gagah dan penuh kemuliaan. Pelajaran ini berakhir dengan memberangsangkan para Mu'minin supaya tampil berjuang memburu musuh mereka dan tidak lemah semangat dalam mencari mereka di samping menjelaskan sikap orang-orang Mu'min dan sikap musuh-musuh mereka dan perbezaan tujuan-tujuan kesudahan dan balasan mereka masing-masing.

Di dalam pelajaran yang kelapan kita melihat kemuncak keadilan Islam yang tinggi di dalam kisah seorang Yahudi yang telah dituduh secara zalim, di mana kesaksiankesaksian bohong yang telah dihadapkan kepadanya lalu Al-Qur'an yang turun dari al-Mala'ul A'la membersihkan orang Yahudi itu dari tuduhan itu walaupun kaum Yahudi sentiasa melakukan segala macam tipudaya terhadap Islam dan kaum Muslimin, tetapi keadilan Islam ialah keadilan Ilahi yang tidak terpengaruh kepada sentimen kasih atau benci. Itulah kemuncak keadilan yang sama sekali tidak dicapai oleh umat manusia melainkan di bawah naungan sistem hidup Ilahi yang luhur dan unik itu.

Pelajaran yang kesembilan memperkatakan syirik dan kaum Musyrikin, kepercayaan-kepercayaan syirik yang karut dan kesan-kesannya yang telah mewujudkan syi'ar-syi'ar ibadat yang sesat dan kefahaman-kefahaman yang tolol di samping membetulkan anggapan-anggapan yang salah dan angan-angan yang palsu terhadap keadilan Allah, menjelaskan dasar balasan dengan berasaskan amalan bukannya berasaskan angan-angan dan anggapan-anggapan yang salah dan menegaskan bahawa Islam sahaja satu-satunya agama yang benar dan agama yang diperjuangkan oleh Ibrahim.

Pelajaran yang kesepuluh kembali memperkatakan tentang persoalan wanita dan hak-hak mereka terutama wanita-wanita yatim dan hak-hak kanak-kanak yang lemah, iaitu pembicaraan yang telah dimulai oleh surah ini, juga kembali memperkatakan tentang peraturan-peraturan untuk menghadapi perlakuan nusyuz dan pengabaian dari pihak suami serta menjelaskan garis-garis keadilan yang dituntut di dalam melayani para isteri, dan tanpa keadilan ini kehidupan suami isteri tidak mungkin berlangsung dengan betul dan mereka lebih baik bercerai dari meneruskan perkongsian hidup apabila keadaan tidak dapat dibetulkan.

Ulasan terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan keluarga dan keadilan di dalam pergaulan suami isteri mengikatkan hukum-hukum dan arahan-arahan ini dengan Allah S.W.T. dan dengan kuasa miliknya yang memiliki langit dan bumi dan dengan qudrat kuasanya yang boleh menghapuskan golongan-golongan manusia dan menukarkan mereka dengan golongan yang lain. Ikatan ini membuktikan betapa besarnya persoalan ini dan betapa penting hubungannya dengan hakikat ketuhanan yang besar itu. Oleh sebab itu ulasan ini merangsangkan di dalam hati perasaan taqwa terhadap Allah dan membuat selingan menyeru orang-orang yang beriman kepada mengamalkan keadilan yang mutlak di dalam segala mu'amalah dan hukuman-hukuman mereka mengikut cara Al-Qur'an yang membuat lencongan dari lingkungan sempit yang tertentu kepada lingkungan umum yang meliputi segala-galanya.

Kemudian tibalah pelajaran terakhir di dalam juzu' ini dan seluruhnya hampir-hampir dipusatkan kepada mengecam sifat nifaq dan kaum Munafiqin dan menyeru para Mu'minin kepada keimanan yang serius, jelas dan lurus, juga memberi amaran kepada mereka dari hubungan setiakawan dengan yang lain dari kelompok Muslimin dan kepimpinan mereka yang khusus dan dari sikap meringan-ringan dan sikap berlembut di dalam agama mereka kerana mengambil hati atau kerana menjaga hubungan sosial atau hubungan kepentingan dengan kaum Munafiqin dan musuh-musuh agama ini, kerana sikap itu merupakan salah satu ciri dari ciri-ciri nifaq, sedangkan balasan orang-orang yang Munafiq itu ialah mereka akan ditempatkan di lapisan Neraka yang paling bawah sekali dan orang-orang Munafiq itulah yang sanggup menjalinkan hubungan setiakawan dengan orang-orang kafir.

Kemudian pelajaran ini ditamatkan dan serentak itu juga ditamatkan juzu' ini bersama dengannya dengan menjelaskan satu hakikat yang berkesan tentang sifat Allah S.W.T. dan hubungannya dengan para hamba-Nya dan hikmat mengapa Allah menghukumkan orang-orang yang menyeleweng dan orang-orang yang sesat, sedangkan Allah tidak perlu menghukumkan para hamba-Nya jika mereka beriman dan bersyukur:

مَّا يَفْعَلُ ٱللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِن شَكَرْتُمْ وَءَامَنتُمْ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ شَاكِرًا عَلِيمًا ﴿١٤٧﴾

"Tidaklah Allah bertindak mengazabkan kamu jika kamu bersyukur dan beriman dan Allah itu Maha Bersyukur dan Maha Mengetahui."(147)

Ini adalah satu pengungkapan yang amat menarik. Ia menyarankan kepada hati betapa besarnya rahmat Allah dan bagaimana Allah tidak perlu mengazabkan manusia jika mereka berdiri teguh dan berjalan lurus di atas agama-Nya dan mensyukuri limpah kurnia-Nya yang terkandung di dalam agama ini, tetapi malangnya manusia sendiri yang membeli 'azab untuk diri mereka dengan kekufuran dan keingkaran dan membeli segala akibat kerosakan di bumi, kerosakan dalam jiwa dan kerosakan dalam kehidupan yang ditimbulkan oleh kekufuran dan keingkaran itu.

* * * * * *

Demikianlah juzu' ini mengumpulkan di bawah dua sayapnya berbagai-bagai matlamat dan berbagai-bagai maudhu' pembicaraan dengan berbagai-bagai pusingan dan dimensi dan cukuplah bagi kita memperkenalkannya dengan singgungan-singgungan sepintas lalu menjelang kami mentafsirkan nas-nasnya yang berikut dengan taufik dari Allah.

(Kumpulan ayat-ayat 24 - 35)

وَٱلۡمُحۡصَنَٰتُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ إِلَّا مَا مَلَكَتۡ
أَيۡمَٰنُكُمۡۖ كِتَٰبَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡۚ وَأُحِلَّ لَكُم مَّا وَرَآءَ
ذَٰلِكُمۡ أَن تَبۡتَغُواْ بِأَمۡوَٰلِكُم مُّحۡصِنِينَ غَيۡرَ
مُسَٰفِحِينَۚ فَمَا ٱسۡتَمۡتَعۡتُم بِهِۦ مِنۡهُنَّ فَـَٔاتُوهُنَّ
أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةٗۚ وَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ فِيمَا تَرَٰضَيۡتُم
بِهِۦ مِنۢ بَعۡدِ ٱلۡفَرِيضَةِۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا
حَكِيمٗا ٢٤
وَمَن لَّمۡ يَسۡتَطِعۡ مِنكُمۡ طَوۡلًا أَن يَنكِحَ
ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ ٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ فَمِن مَّا مَلَكَتۡ
أَيۡمَٰنُكُم مِّن فَتَيَٰتِكُمُ ٱلۡمُؤۡمِنَٰتِۚ وَٱللَّهُ أَعۡلَمُ
بِإِيمَٰنِكُمۚ بَعۡضُكُم مِّنۢ بَعۡضٖۚ فَٱنكِحُوهُنَّ
بِإِذۡنِ أَهۡلِهِنَّ وَءَاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِ
مُحۡصَنَٰتٍ غَيۡرَ مُسَٰفِحَٰتٖ وَلَا مُتَّخِذَٰتِ أَخۡدَانٖۚ
فَإِذَآ أُحۡصِنَّ فَإِنۡ أَتَيۡنَ بِفَٰحِشَةٖ فَعَلَيۡهِنَّ نِصۡفُ
مَا عَلَى ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ مِنَ ٱلۡعَذَابِۚ ذَٰلِكَ لِمَنۡ خَشِيَ
ٱلۡعَنَتَ مِنكُمۡۚ وَأَن تَصۡبِرُواْ خَيۡرٞ لَّكُمۡۗ وَٱللَّهُ
غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٢٥
يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُبَيِّنَ لَكُمۡ وَيَهۡدِيَكُمۡ سُنَنَ
ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكُمۡ وَيَتُوبَ عَلَيۡكُمۡۗ وَٱللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٢٦
وَٱللَّهُ يُرِيدُ أَن يَتُوبَ عَلَيۡكُمۡ وَيُرِيدُ ٱلَّذِينَ
يَتَّبِعُونَ ٱلشَّهَوَٰتِ أَن تَمِيلُواْ مَيۡلًا عَظِيمٗا ٢٧
يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمۡۚ وَخُلِقَ ٱلۡإِنسَٰنُ
ضَعِيفٗا ٢٨
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَكُم
بَيۡنَكُم بِٱلۡبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٖ
مِّنكُمۡۚ وَلَا تَقۡتُلُوٓاْ أَنفُسَكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
بِكُمۡ رَحِيمٗا ٢٩
وَمَن يَفۡعَلۡ ذَٰلِكَ عُدۡوَٰنٗا وَظُلۡمٗا فَسَوۡفَ نُصۡلِيهِ نَارٗاۚ
وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ٣٠
إِن تَجۡتَنِبُواْ كَبَآئِرَ مَا تُنۡهَوۡنَ عَنۡهُ نُكَفِّرۡ
عَنكُمۡ سَيِّـَٔاتِكُمۡ وَنُدۡخِلۡكُم مُّدۡخَلٗا
كَرِيمٗا ٣١
وَلَا تَتَمَنَّوۡاْ مَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بِهِۦ بَعۡضَكُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٖۚ
لِّلرِّجَالِ نَصِيبٞ مِّمَّا ٱكۡتَسَبُواْۖ وَلِلنِّسَآءِ نَصِيبٞ
مِّمَّا ٱكۡتَسَبۡنَۚ وَسۡـَٔلُواْ ٱللَّهَ مِن فَضۡلِهِۦٓۗ إِنَّ
ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٗا ٣٢
وَلِكُلّٖ جَعَلۡنَا مَوَٰلِيَ مِمَّا تَرَكَ ٱلۡوَٰلِدَانِ

وَٱلۡأَقۡرَبُونَۚ وَٱلَّذِينَ عَقَدَتۡ أَيۡمَٰنُكُمۡ
فَـَٔاتُوهُمۡ نَصِيبَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ
شَيۡءٖ شَهِيدًا ٣٣
ٱلرِّجَالُ قَوَّٰمُونَ عَلَى ٱلنِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ ٱللَّهُ
بَعۡضَهُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٖ وَبِمَآ أَنفَقُواْ مِنۡ أَمۡوَٰلِهِمۡۚ
فَٱلصَّٰلِحَٰتُ قَٰنِتَٰتٌ حَٰفِظَٰتٞ لِّلۡغَيۡبِ بِمَا
حَفِظَ ٱللَّهُۚ وَٱلَّٰتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ
فَعِظُوهُنَّ وَٱهۡجُرُوهُنَّ فِي ٱلۡمَضَاجِعِ
وَٱضۡرِبُوهُنَّۖ فَإِنۡ أَطَعۡنَكُمۡ فَلَا تَبۡغُواْ عَلَيۡهِنَّ
سَبِيلًاۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيّٗا كَبِيرٗا ٣٤
وَإِنۡ خِفۡتُمۡ شِقَاقَ بَيۡنِهِمَا فَٱبۡعَثُواْ حَكَمٗا مِّنۡ
أَهۡلِهِۦ وَحَكَمٗا مِّنۡ أَهۡلِهَآ إِن يُرِيدَآ إِصۡلَٰحٗا
يُوَفِّقِ ٱللَّهُ بَيۡنَهُمَآۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرٗا ٣٥

"Dan (diharamkan kepada kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan yang bersuami kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki oleh kamu. (Inilah) ketetapan Allah yang telah ditetapkan ke atas kamu dan dihalalkan kepada kamu perempuan-perempuan yang lain dari mereka yang tersebut supaya kamu dapat mencari isteri dengan harta kamu secara bernikah bukan secara berzina. Kemudian mana-mana perempuan yang kamu ni'mati hubungan kelamin dengannya (setelah berkahwin dengan kamu) maka berikanlah kepada mereka maskahwin mereka sebagai bayaran yang diwajibkan (ke atas kamu) dan tidak menjadi apa-apa kesalahan ke atas kamu mengenai sesuatu persetujuan di antara kamu tentang kadar bayaran maskahwin itu setelah ditetapkannya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (24). Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan muhsonat (yang merdeka) maka bolehlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan muda(hamba) yang beriman yang dimiliki kamu dan Allah amat mengetahui tentang keimanan kamu. Sebahagian kamu adalah berasal-usul dari sebahagian yang lain (yang merdeka dan yang hamba adalah sama sahaja dari segi keturunan dan keimanan). Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin keluarga (wali) mereka dan berikanlah kepada mereka maskahwin mereka mengikut kadar yang wajar secara perempuan-perempuan yang berkahwin bukannya perempuan-perempuan yang berzina dan bukannya perempuan-perempuan yang menjadi teman-teman lelaki. Kemudian apabila mereka telah dikahwinkan talu melakukan perbuatan yang keji (zina) maka hendaklah dikenakan ke atas mereka separuh hukuman seksa yang dikenakan ke atas perempuan-perempuan yang muhsanat (yang merdeka). Kebenaran perkahwinan dengan hamba itu adalah untuk mereka yang bimbang menghadapi kesulitan di antara kamu dan kemampuan kamu bersabar(dari berkahwin dengan hamba) adalah lebih baik kepada kamu dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (25). Allah mahu menjelaskan hukum-hukumnya kepada kamu dan menunjukkan kepada kamu peraturan-peraturan yang baik yang diikuti oleh orang-orang Mu'min sebelum kamu serta menerima taubat kamu. Dan Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (26). Dan Allah mahu menerima taubat kamu, sedangkan orang-orang yang mengikut hawa nafsu mahu kamu sesat di dalam kesesatan yang amat besar (27). Allah mahu memberi keringanan kepada kamu kerana manusia itu diciptakan dengan sifat yang lemah (28). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan harta kamu di antara sesama kamu dengan jalan yang salah kecuali dengan perantaraan perniagaan yang dilakukan dengan cara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih terhadap kamu (29). Dan sesiapa yang melakukan perbuatan itu secara menceroboh dan zalim, maka kami akan masukkannya ke dalam Neraka. Dan balasan itu amat mudah kepada Allah (30). Jika kamu menjauhkan dosa-dosa yang besar yang dilarangkan kamu melakukukannya nescaya kami hapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan kami masukkan kamu di tempat yang mulia (31). Dan janganlah kamu irihati terhadap apa yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu melebihi kurnianya kepada sebahagian yang lain. Kaum lelaki mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka dan kaum perempuan juga mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka dan pohonkanlah kepada Allah limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan segala sesuatu (32). Dan bagi setiap (si mati) Kami telah tetapkan orang-orang yang berhak mewarisi harta peninggalannya iaitu ibu bapa dan kerabat yang dekat dan orang-orang yang kamu telah berikat setia dengan mereka, maka berikanlah kepada mereka bahagian mereka sesungguhnya Allah amat menyaksi terhadap segala sesuatu (33). Kaum lelaki itu pengawal dan pemimpin kaum wanita kerana kelebihan yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian dari mereka melebihi sebahagian yang lain, juga kerana kaum lelaki membelanjakan harta mereka (untuk nafkah). Para wanita yang soleh ialah wanita yang ta'at, menjaga kehormatan diri ketika ketiadaan suami dengan peraturan Allah yang memelihara mereka. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang menunjukkan sikap kedegilan (nusyuz) mereka hendaklah kamu nasihati mereka dan (jika masih degil) pulaukan mereka di tempat tidur dan (jika masih degil) pukullah mereka. Kemudian jika mereka ta'at (kepada kamu) maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyulitkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar (34). Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara kedua (suami isteri) maka lantiklah pendamai, iaitu seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua pendamai itu inginkan perdamaian nescaya Allah menserasikan hubungan di antara suami isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan amat mendalam ilmu-Nya".(35)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini merupakan pelajaran pelengkap kepada penjelasan yang telah dimuat di dalam surah ini mengenai peraturan-peraturan menyusun keluarga

di atas asas-asas fitrah dan selepas itu rangkaian ayat-ayat ini tidak kembali memperkatakannya kecuali pada dua tempat untuk menerangkan beberapa hukum pelengkap dalam maudhu' asasi yang penting ini yang mana perjalanannya yang teratur membolehkan kehidupan insaniyah berjalan mengikut rel fitrahnya yang tenang dan baik dan perjalanannya yang menyeleweng boleh menimbulkan kerosakan yang besar di bumi.

Pelajaran ini mengandungi penerangan pelengkap untuk menerangkan perempuan-perempuan yang diharamkan berkahwin dengan mereka, kemudian menggariskan jalan yang diredhai Allah, iaitu jalan yang membolehkan laki-laki dan perempuan-perempuan berkumpul di dalam yayasan keluarga yang bersih serta mendedahkan bahawa jalan ini memberi kemudahan dan keringanan kepada orang ramai di samping kebersihannya. Ia menjelaskan asas-asas peraturan yang menjadi tapak tegak yayasan keluarga yang asasi itu dan menjelaskan hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang diletakkan di atas bahu kedua pihak yang ber'aqad di dalam yayasan itu.

Di samping menerangkan peraturan-peraturan ini di dalam keluarga, pelajaran ini menyentuh peraturan yang membabit setengah-setengah hubungan masyarakat Islam dalam bidang harta. Di sini ia menjelaskan hak-hak lelaki dan perempuan di dalam harta yang diusahakan mereka, harta yang diwarisi mereka dan menjelaskan apa yang berhubung dengannya mengenai ikatan-ikatan hak saling mewarisi dengan perantaraan wala' di antara orang-orang yang bukan kerabat.

Di antara perkara yang dapat diperhatikan secara umum ialah pandangan ayat-ayat ini mengikat secara halus di antara peraturan-peraturan dan hukum-hukum ini dengan dasar iman yang utama dan agung, iaitu semua peraturan-peraturan dan hukum-hukum ini adalah terbit dari Allah dan itulah ciri Uluhiyah-Nya yang layak dengannya. Ciri Uluhiyah yang paling istimewa - sebagaimana yang kita telah ulangkan di permulaan surah - ialah ciri Hakimiyah atau ciri memerintah dan mengaturkan peraturan dan undang-undang bagi manusia dan menetapkan asas-asas untuk ditegakkan kehidupan mereka dan segala perhubungan-perhubungannya.

Penjelasan ayat-ayat ini berulang-ulang kali menyebut hubungan yang halus ini dan mengingatkan ciri ini sebagai salah satu dari ciri-ciri Uluhiyah. Begitu juga ia berulangulang kali memberi isyarat bahawa peraturan-peraturan ini adalah terbit dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. Dan isyarat ini mempunyai makna yang tertentu, iaitu seluruh urusan di dalam sistem hidup Ilahi ini - sebelum dari segala sesuatu yang lain - adalah urusan dari ilmu yang sempurna dan lengkap. Dan dari kebijaksanaan Allah yang memahami secara mendalam dan memandang jauh. Inilah ciri-ciri Uluhiyah yang tidak ada pada manusia. Oleh itu tanpa ciri ini manusia selama-lamanya tidak layak untuk mengaturkan sistem asasi untuk mengendalikan kehidupan manusia. Di sinilah letaknya kecelakaan manusia di bumi ini apabila mereka menyeleweng dari sistem hidup yang diatur oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana dan meraba-raba di padang gurun tanpa pemandu, sedangkan mereka mendakwa - dengan kejahilan, kegopohan dan dorongan nafsu mereka - bahawa mereka mampu memilih sistem yang lebih baik bagi diri mereka dan kehidupan dari sistem hidup yang dipilih Allah untuk mereka.

Satu perkara lagi yang ditegaskan oleh pelajaran ini dengan berulang-ulang kali ialah sistem hidup yang diatur oleh Allah ini lebih memberi kemudahan kepada manusia, lebih ringan dan lebih dekat kepada fitrah mereka dibandingkan dengan sistem-sistem hidup yang dikehendaki dan disayangi mereka, juga kerana rahmat Allah terhadap kelemahan manusia, maka dia mengaturkan untuk mereka sistem hidup ini dan penyelewengan dari sistem ini akan mengakibatkan mereka menderita kesusahan dan kesulitan di samping ia membawa mereka kepada kejatuhan dan kemunduran akhlak.

Kita akan melihat - ketika mentafsirkan ayat-ayat pelajaran ini dengan terperinci - kebenaran hakikat ini di dalam realiti sejarah manusia, iaitu satu hakikat yang amat jelas di dalam realiti itu andainya hati dan mata tidak dibutakan oleh hawa nafsu setelah dikarati oleh jahiliyah!

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 28)

وَٱلْمُحْصَنَٰتُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ
أَيْمَٰنُكُمْ ۖ كِتَٰبَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ ۚ وَأُحِلَّ لَكُم مَّا وَرَآءَ
ذَٰلِكُمْ أَن تَبْتَغُوا۟ بِأَمْوَٰلِكُم مُّحْصِنِينَ غَيْرَ
مُسَٰفِحِينَ ۚ فَمَا ٱسْتَمْتَعْتُم بِهِۦ مِنْهُنَّ فَـَٔاتُوهُنَّ
أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً ۚ وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا تَرَٰضَيْتُم
بِهِۦ مِنۢ بَعْدِ ٱلْفَرِيضَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا
حَكِيمًا ﴿٢٤﴾
وَمَن لَّمْ يَسْتَطِعْ مِنكُمْ طَوْلًا أَن يَنكِحَ
ٱلْمُحْصَنَٰتِ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ فَمِن مَّا مَلَكَتْ
أَيْمَٰنُكُم مِّن فَتَيَٰتِكُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ ۚ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ
بِإِيمَٰنِكُم ۚ بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ ۚ فَٱنكِحُوهُنَّ

بِإِذۡنِ أَهۡلِهِنَّ وَءَاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِ
مُحۡصَنَٰتٍ غَيۡرَ مُسَٰفِحَٰتٖ وَلَا مُتَّخِذَٰتِ أَخۡدَانٖۚ
فَإِذَآ أُحۡصِنَّ فَإِنۡ أَتَيۡنَ بِفَٰحِشَةٖ فَعَلَيۡهِنَّ نِصۡفُ
مَا عَلَى ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ مِنَ ٱلۡعَذَابِۚ ذَٰلِكَ لِمَنۡ خَشِيَ
ٱلۡعَنَتَ مِنكُمۡۚ وَأَن تَصۡبِرُواْ خَيۡرٞ لَّكُمۡۗ وَٱللَّهُ
غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٢٥
يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُبَيِّنَ لَكُمۡ وَيَهۡدِيَكُمۡ سُنَنَ
ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكُمۡ وَيَتُوبَ عَلَيۡكُمۡۗ وَٱللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٢٦
وَٱللَّهُ يُرِيدُ أَن يَتُوبَ عَلَيۡكُمۡ وَيُرِيدُ ٱلَّذِينَ
يَتَّبِعُونَ ٱلشَّهَوَٰتِ أَن تَمِيلُواْ مَيۡلًا عَظِيمٗا ٢٧
يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمۡۚ وَخُلِقَ ٱلۡإِنسَٰنُ
ضَعِيفٗا ٢٨

"Dan (diharamkan kepada kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan yang bersuami kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki kamu. (Inilah) ketetapan Allah yang telah ditetapkan ke atas kamu dan dihalalkan kepada kamu perempuan-perempuan yang lain dari mereka yang tersebut supaya kamu dapat mencari isteri dengan harta kamu secara bernikah bukan secara berzina. Kemudian mana-mana perempuan yang kamu ni'mati hubungan kelamin dengannya (setelah berkahwin dengan kamu) maka berikanlah kepada mereka maskahwin mereka sebagai bayaran yang diwajibkan (ke atas kamu)dan tidak menjadi apa-apa kesalahan ke atas kamu mengenai sesuatu persetujuan di antara kamu tentang kadar bayaran maskahwin itu setelah ditetapkannya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (24). Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan muhsonat (yang merdeka) maka bolehlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan muda(hamba) yang beriman yang dimiliki kamu dan Allah amat mengetahui tentang keimanan kamu. Sebahagian kamu adalah berasal-usul dari sebahagian yang lain (yang merdeka dan yang hamba adalah sama sahaja dari segi keturunan dan keimanan). Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin keluarga (wali) mereka dan berikanlah kepada mereka maskahwin mereka mengikut kadar yang wajar secara perempuan-perempuan yang berkahwin bukannya perempuan-perempuan yang berzina dan bukannya perempuan-perempuan yang menjadi teman-teman lelaki. Kemudian apabila mereka telah dikahwinkan lalu melakukan perbuatan yang keji (zina) maka hendaklah dikenakan ke atas mereka separuh hukuman seksa yang dikenakan ke atas perempuan-perempuan yang muhsonat (yang merdeka). Kebenaran perkahwinan dengan hamba itu adalah untuk mereka yang bimbang menghadapi kesulitan di antara kamu dan kemampuan kamu bersabar (dari berkahwin dengan hamba) adalah lebih baik kepada kamu dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (25). Allah mahu menjelaskan hukum-hukumnya kepada kamu dan menunjukkan kepada kamu peraturan-peraturan yang baik yang diikuti oleh orang-orang Mu'min sebelum kamu serta menerima taubat kamu. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (26). Dan Allah mahu menerima taubat kamu, sedangkan orang-orang yang mengikut hawa nafsu mahu kamu sesat di dalam kesesatan yang amat besar (27). Allah mahu memberi keringanan kepada kamu kerana manusia itu diciptakan dengan sifat yang lemah."(28)

Pada penghabisan juzu' yang keempat telahpun diterangkan kumpulan perempuan-perempuan yang diharamkan berkahwin dengan mereka iaitu pengharaman kerana hubungan peribadi yang dijelaskan di dalam firman-Nya:

وَلَا تَنكِحُواْ مَا نَكَحَ ءَابَآؤُكُم مِّنَ
ٱلنِّسَآءِ إِلَّا مَا قَدۡ سَلَفَۚ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةٗ
وَمَقۡتٗا وَسَآءَ سَبِيلًا ٢٢
حُرِّمَتۡ عَلَيۡكُمۡ أُمَّهَٰتُكُمۡ وَبَنَاتُكُمۡ
وَأَخَوَٰتُكُمۡ وَعَمَّٰتُكُمۡ وَخَٰلَٰتُكُمۡ
وَبَنَاتُ ٱلۡأَخِ وَبَنَاتُ ٱلۡأُخۡتِ وَأُمَّهَٰتُكُمُ
ٱلَّٰتِيٓ أَرۡضَعۡنَكُمۡ وَأَخَوَٰتُكُم مِّنَ ٱلرَّضَٰعَةِ
وَأُمَّهَٰتُ نِسَآئِكُمۡ وَرَبَٰٓئِبُكُمُ ٱلَّٰتِي فِي
حُجُورِكُم مِّن نِّسَآئِكُمُ ٱلَّٰتِي دَخَلۡتُم بِهِنَّ
فَإِن لَّمۡ تَكُونُواْ دَخَلۡتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيۡكُمۡ وَحَلَٰٓئِلُ أَبۡنَآئِكُمُ ٱلَّذِينَ مِنۡ
أَصۡلَٰبِكُمۡ وَأَن تَجۡمَعُواْ بَيۡنَ ٱلۡأُخۡتَيۡنِ
إِلَّا مَا قَدۡ سَلَفَۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورٗا
رَّحِيمٗا ٢٣

"Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang telah diperisterikan oleh bapa-bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perbuatan yang keji, dimurkai Allah dan seburuk jalan (perkahwinan) (22). Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan ibu-ibu kamu, anak-anak perempuan kamu, saudara-saudara perempuan

kamu, emak-emak saudara kamu di sebelah bapa, emak-emak saudara kamu di sebelah ibu, anak-anak perempuan saudara yang lelaki dan anak-anak perempuan saudara yang perempuan dan ibu-ibu kamu yang telah menyusu kamu dan saudara-saudara sesusu kamu dan ibu-ibu isteri kamu dan anak-anak tiri di bawah pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah setubuhi mereka, tetapi jika kamu belum lagi setubuhi mereka (dan kamu telah menceraikan mereka) maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu (berkahwin dengan mereka) (juga diharamkan kamu berkahwin dengan) bekas-bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari salbi kamu dan (diharamkan kamu) menghimpunkan sekaligus dua beradik (untuk menjadi isteri kamu) kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(23)

Adapun ayat pelengkap ini:

وَٱلْمُحْصَنَٰتُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ ...

maka ia mempunyai hubungan dengan perempuan yang diharamkan kerana mereka menjadi isteri-isteri yang muhsan dengan perkahwinan mereka dengan lelaki-lelaki yang lain. Oleh itu mereka diharamkan kepada lelaki-lelaki yang bukan suami mereka, iaitu mereka tidak dihalal berkahwin dengan mereka. Pengharaman itu adalah bertujuan untuk menegakkan asas yang pertama di dalam sistem masyarakat Islam, iaitu membangunkan masyarakat di atas asas keluarga dan menjadikan keluarga sebagai unit masyarakat, juga memelihara keluarga dari segala kekotoran dan percampuran-aduk yang timbul dari hubungan kelamin yang bebas lepas atau timbul dari kegiatan-kegiatan kejahatan seks yang meluas dan mencemari masyarakat.

Keluarga Harus Diasaskan Di Atas Perkahwinan Yang Terang

Keluarga yang ditegakkan di atas asas perkahwinan yang terang dan terbuka, di mana seseorang perempuan yang tertentu dikhususkan kepada seorang lelaki yang tertentu sahaja dengan perkahwinan ini tercapailah matlamat pemeliharaan keluarga, maka keluarga yang dibangunkan sedemikian rupa merupakan satu sistem yang amat sempurna yang sesuai dengan fitrah manusia dan kehendak-kehendaknya yang haqiqi sebagai insan yang mempunyai matlamat hidup yang lebih tinggi dari matlamat hidup haiwan - walaupun matlamat ini terkandung di celah-celahnya. Sistem ini juga dapat merealisasikan matlamat-matlamat masyarakat manusia di samping memelihara kedamaian dan ketenteramannya, iaitu kedamaian hati nurani, kedamaian rumahtangga dan kedamaian masyarakat pada akhir pusingannya.

Yang dapat diperhatikan dengan jelas ialah kanak-kanak manusia memerlukan masa pembelaan yang lebih panjang dari masa yang diperlukan oleh mana-mana anak haiwan yang lain. Begitu juga proses pendidikan yang diperlukan oleh kanak-kanak manusia supaya menjadi seorang yang berkebolehan dalam memahami kehendak-kehendak kehidupan kemasyarakatan manusia yang maju yang membezakan manusia dari haiwan adalah memanjang hingga ke satu masa lain yang panjang pula.

Jika matlamat keinginan nafsu seks pada haiwan berakhir dengan tercapainya hubungan kelamin dan beranak-pinak, maka keinginan nafsu seks pada insan tidak berakhir setakat matlamat ini, malah ia memanjang kepada matlamat yang lebih jauh dari itu, iaitu perhubungan yang berterusan di antara lelaki dan perempuan untuk menyempurnakan kerja-kerja melengkap dan menyediakan kanak-kanak manusia untuk membolehkannya melindungi dirinya, menjaga hidupnya, mendapatkan makanan-makanan dan keperluan-keperluannya di samping menyempurnakan kerja-kerja mendidik - inilah matlamat yang paling penting dalam kontek keperluan-keperluan hidup manusia - iaitu kanak-kanak dibekalkannya dengan pengalaman-pengalaman dan pengetahuan-pengetahuan insaniyah yang melayakkannya untuk bersama-sama menyumbangkan khidmat baktinya di dalam kehidupan masyarakat manusia dan turut bersama-sama memikul tanggungjawabnya terhadap kesenimbungan kemajuan insan melalui generasi-generasi yang bersilih ganti.

Hubungan Seks Merupakan Matlamat Yang Membuka Matlamat-matlamat Insaniyah Yang Lebih Tinggi Lagi

Oleh sebab itu keni'matan fizikal tidak lagi merupakan satu-satunya nilai utama dalam kehidupan lelaki - perempuan di alam manusia, malah keni'matan fizikal hanya merupakan semata-mata alat yang dipasang oleh fitrah supaya berlaku pertemuan di antara dua jenis itu dan pertemuan itu akan menghasilkan perhubungan yang berpanjangan selepas hubungan kelamin itu untuk melaksanakan kewajipan bekerjasama untuk kelangsungan atau kesenimbungan kesuburan jenis manusia. Begitu juga hawa nafsu peribadi tidak lagi merupakan faktor penentu di dalam hubungan yang kekal di antara lelaki dan perempuan, malah faktor penentu ialah kewajipan terhadap anak-anak pinak yang lemah yang lahir sebagai hasil pertemuan mereka berdua dan kewajipan terhadap masyarakat manusia yang mewajibkan mereka berdua mendidik anak-anak ini hingga ke tahap yang boleh menjadikan mereka mampu memikul tanggungjawab insaniyah dan mencapai matlamat kewujudan insan.

Semua pertimbangan ini menjadikan hubungan di antara lelaki dan perempuan di atas asas keluarga itu merupakan satu-satunya sistem yang betul. Begitu juga pengkhususan seseorang perempuan kepada seorang lelaki merupakan satu peraturan yang betul yang mengekalkan hubungan itu. Peraturan inilah yang menjadikan "kewajipan" itu sebagai faktor yang menegakkan keluarga bukannya keni'matan fizikal atau hawa nafsu semata-mata, di samping menjadi faktor yang penting dalam kelangsungan hubungan keluarga dan di dalam usaha mengatasi segala permasalahan yang berlaku di dalam keluarga, juga ketika berlaku perceraian apabila wujudnya keadaan dharurat yang tidak dapat dielak.

Sebarang perbuatan yang mengecil-ngecilkan hubungan keluarga dan sebarang perbuatan yang melemahkan asas hubungan keluarga, iaitu melemahkan "kewajipan" dan meletakkan "hawa nafsu" yang berubah-ubah, keinginan yang mendadak dan liar itu di tempatnya - adalah perbuatan yang berdosa, kerana perbuatan itu bukan sahaja menyebarkan keadaan kacau-bilau, perlakuan kejahatan seks dan keruntuhan akhlak, malah menghancurkan masyarakat dan meruntuhkan asas yang menjadi tapak tegaknya.

Dari sini dapatlah kita memahami sejauh mana jenayah yang dilakukan oleh penulis-penulis dan media massa yang kotor yang diguna untuk melemahkan hubungan keluarga, memperkecilkan hubungan suami isteri dan memandangnya sebagai sesuatu yang enteng untuk menonjol-nonjolkan hubungan-hubungan yang dibangunkan di atas asas hawa nafsu yang berubah-ubah, sentimen yang bergejolak dan keinginan yang liar dan menyanjung hubungan-hubungan bebas yang seperti ini dan dalam waktu yang sama memandang rendah kepada hubungan suami isteri.

Begitu juga kita dapat memahami sejauh mana nilai kebijaksanaan dan kedalaman perkataan 'Umar ibn al-Khattab r.a. kepada seorang lelaki yang mahu menceraikan isterinya dengan alasan ia tidak lagi menyintainya."Sungguh malang engkau ini! Adakah rumahtangga itu hanya dibangunkan di atas perasaan cinta sahaja? Di manakah kewajipan pembelaan? Di manakah tanggungjawab?" Ia berkata begitu berdasarkan bimbingan Allah S.W.T. dan didikan Al-Qur'anul-Karim kepada kelompok hamba-hamba pilihan-Nya dalam firman-Nya:

وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ فَإِن كَرِهۡتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَيَجۡعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيۡرٗا كَثِيرٗا ﴿١٩﴾

"Dan bergaullah dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan pergaulan yang baik kemudian jika kamu bencikan mereka (maka sabarlah kerana) boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedangkan Allah jadikan padanya kebajikan yang banyak."(19)

Bimbingan dan didikan ini bertujuan untuk mempertahankan rumahtangga sedapat mungkin dan melawan keinginan-keinginan hati yang liar serta mengubatinya agar kembali ke pangkal jalan dan tidak terus memutuskan hubungan suami isteri melainkan setelah gagalnya segala percubaan yang lain demi memelihara kepentingan generasi baru yang lahir di bawah bumbung rumah itu dan melindungi mereka dari bencana gegaran sentimen yang berubah-ubah dan keinginan-keinginan yang liar dan nafsu yang terbang bersama angin.

Di bawah bayangan pandangan yang tinggi inilah kelihatan betapa kecil dan dangkalnya pandangan yang dilaungkan oleh orang-orang yang tidak mempunyai pendirian yang kukuh, iaitu mereka memandang tinggi segala hubungan lelaki dan perempuan kecuali hubungan yang mendokong "kewajipan" dan menjaga amanah bangsa manusia seluruhnya, iaitu mendidik generasi-generasi muda yang mampu memikul kehendak-kehendak kehidupan insaniyah yang tinggi, dan mengutamakan kepentingan generasi-generasi ini bukannya kepentingan-kepentingan sentimen yang sebentar dan hilang.

Pena-pena yang kotor dan murah dan alat-alat media massa yang jahat dan nakal mendorong setiap isteri yang kurang menyintai suaminya supaya mencari teman peria. Mereka namakan hubungannya dengan teman peria ini sebagai "hubungan suci", tetapi mereka menamakan hubungannya dengan suaminya yang sebenar sebagai "perjanjian jual-beli tubuh".

Allah S.W.T. berfirman ketika menjelaskan kumpulan perempuan-perempuan yang diharamkan nikah dengan mereka:

وَٱلۡمُحۡصَنَٰتُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ

"(Juga di haramkan kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan yang bersuami."(24)

Allah jadikan mereka perempuan-perempuan yang diharamkan nikah.

Inilah penjelasan Allah, sedangkan penjelasan tadi adalah penjelasan golongan yang tidak berpendirian. Mereka diguna untuk menghancurkan masyarakat ini dan menyebarkan kejahatan seks.

وَٱللَّهُ يَقُولُ ٱلۡحَقَّ وَهُوَ يَهۡدِي ٱلسَّبِيلَ ﴿٤﴾

"Dan Allah mengatakan yang benar dan Dialah yang menunjukkan jalan yang benar."

(Surah al-Ahzab: 4)

Usaha-usaha Musuh Islam Untuk Menghancurkan Asas Keluarga Islam

Di sana terdapat berbagai-bagai usaha yang teratur yang bertujuan mewujudkan neraca-neraca ukuran, nilai-nilai, konsep-konsep dan kefahaman-kefahaman bagi masyarakat yang berlainan dari apa yang dikehendaki oleh Allah, juga bertujuan menegakkan asas-asas kehidupan dan hubungan-hubungan yang berlainan dari apa yang telah ditegakkan oleh Allah dan membawa umat manusia dan hidup mereka ke hala yang berlainan dari hala yang telah ditetapkan Allah. Orang-orang yang mengarahkan usaha-usaha ini berfikir bahawa mereka pada akhirnya telah berjaya menghancurkan asas-asas masyarakat Islam dan meleburkan kehidupan orang-orang Islam di dalam negeri-negeri Islam sendiri sehingga tidak ada lagi di hadapan mereka tembok-tembok yang dapat menghalangkan hasrat tamak loba mereka yang lama terhadap negeri-negeri ini setelah runtuhnya 'aqidah-

'aqidah dan akhlak-akhlak mereka dan tumbangnya masyarakat-masyarakat mereka, tetapi kesan malapetaka ini lebih jauh dari ini lagi. Ini bukannya menghancurkan asas masyarakat Islam sahaja, malah menghancurkan masyarakat umat manusia seluruhnya, iaitu ia telah menghancurkan asas-asas fitrah yang menjadi tapak tegak hidup manusia dan menafikan masyarakat manusia dari anasir-anasir yang dapat memikul amanahnya yang agung, iaitu amanah hidup insaniyah yang tinggi. Ini berlaku apabila masyarakat manusia dinafikan dari kanak-kanak yang berkelayakan - yang dapat dididik di dalam suasana keluarga yang tenang, tenteram dan aman dari ribut taufan nafsu keinginan yang liar, berubah-ubah dan terbang bersama angin - untuk memikul amanah seluruh umat manusia. Ini adalah suatu perkara yang lain dari semata-mata melahirkan anak pinak yang dilakukan oleh semua haiwan dan suatu perkara yang lain dari semata-mata pertemuan hubungan kelamin yang berlandaskan sentimen nafsu semata-mata dan menepikan "kewajipan" yang tenang dan tenteram.

Demikianlah kutukan itu telah menimpa seluruh umat manusia. Di sini manusia membinasakan dirinya sendiri, iaitu generasi mereka yang ada sekarang menghancurkan masa depan generasi mereka yang akan datang demi untuk memenuhi keni'matan nafsu berahi mereka, sedangkan yang menerima bala kutukan ialah generasi yang akan datang, kerana hukuman balasan Allah telah ditetapkannya ke atas mereka yang melanggar perintah-Nya, menentang fitrah dan bimbingan Allah dan seluruh manusia akan merasa akibat perbuatan mereka kecuali dirahmati Allah dengan sebab wujudnya kelompok para Mu'min yang beriman kepada Allah, yang menjunjung perintah dan sistem hidupnya di bumi ini serta memimpin manusia ke arahnya, iaitu memimpin untuk melindungi manusia dari malapetaka yang mereka sendiri sediakan untuk diri mereka sedangkan mereka berfikir bahawa mereka hanya berusaha untuk menghancurkan negeri-negeri Islam sahaja supaya segala tembok dan bentengnya dapat dirobohkan dengan usaha-usaha mereka yang jahat itu yang dikendalikan oleh para penulis dan alat-alat media massa dari dalam negeri Islam itu sendiri.

* * * * * *

وَٱلْمُحْصَنَٰتُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ

"(Juga diharamkan kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan yang bersuami kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki kamu."(24)

Sikap Islam Terhadap Perhambaan

Pengecualian ini bergantung dengan tawanan-tawanan perempuan yang ditawan di dalam peperangan jihad Islam dan mereka mempunyai suami di negeri kafir, di mana putusnya hubungan mereka dengan suami-suami mereka yang kafir itu dengan sebab terpisah negeri dan menyebabkan mereka tidak lagi muhsan dan mempunyai suami di negeri Islam. Oleh sebab itu memadailah dibersihkan rahim mereka dengan sekali haidh sahaja untuk mempastikannya tidak hamil dan selepas itu dihalalkan bernikah dengan mereka jika mereka memeluk Islam atau mereka halal disetubuhi tanpa 'aqad nikah oleh sesiapa yang mendapat mereka dalam pembahagian (rampasan dan tawanan perang) dengan mengirakan mereka sebagai harta milik sama ada mereka masuk Islam atau tidak.

Di dalam juzu' kedua dari Tafsir Fi zilal ini kami telah menjelaskan pendirian Islam terhadap masalah perhambaan ini secara keseluruhannya. Begitu juga satu lagi penjelasan telah dibuat ketika mentafsirkan firman Allah Ta'ala:

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَثْخَنتُمُوهُمْ فَشُدُّوا۟ ٱلْوَثَاقَ فَإِمَّا مَنًّۢا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَآءً

حَتَّىٰ تَضَعَ ٱلْحَرْبُ أَوْزَارَهَا

"Sehingga apabila kamu dapat membunuh mereka dengan banyak dan mengalahkan mereka, maka ikatlah mereka dengan kuatnya (tawan mereka) (setelah itu terserahlah kepada kamu) sama ada membebaskan mereka atau menerima tebusan dari mereka sehingga peperangan itu selesai."

(Surah Muhammad : 4)

Di dalam Surah Muhammad di dalam juzu' yang kedua puluh enam. Silalah rujuk kepada dua tempat itu.

Di sini cukuplah kami menyatakan bahawa khemah Islam melayani musuh-musuhnya dalam masalah memperhambakan tawanan-tawanan di dalam peperangan mengikut sebagaimana mereka melayani orang-orang Islam dari segi dasar perhambaan, tetapi khemah Islam memberi layanan yang jauh lebih baik dari mereka terhadap hamba dan menghormati insaniyahnya. Khemah Islam terpaksa berbuat begitu kerana peraturan memperhambakan tawanan perang telah menjadi suatu peraturan antarabangsa di waktu itu yang tidak dapat dihapuskan oleh Islam dari satu pihaknya sahaja. Jika tidak, maka tawanan-tawanan perang dari orang-orang Islam sahaja yang menjadi hamba abdi, sedangkan tawanan-tawanan perang dari orang-orang kafir menjadi orang-orang merdeka. Ini mengakibatkan khemah-khemah orang-orang kafir menjadi lebih kuat dari khemah Islam dan membuat orang-orang kafir lebih gelojoh untuk menyerang khemah Islam, kerana merasa aman dari akibat-akibat perhambaan, malah merasa yakin mendapat keuntungan.

Oleh sebab itu tidak dapat dielak bahawa di sana pasti ada tawanan-tawanan perang dari perempuan-perempuan orang-orang kafir di dalam masyarakat Islam. Bagaimana harus dilakukan terhadap mereka? Mengikut kehendak fitrah, mereka tidak cukup dengan hanya makan dan minum. Di sana ada keinginan semulajadi yang harus dipenuhi, jika tidak, maka perempuan-perempuan ini akan mencari

kepuasan di dalam kejahatan-kejahatan seks yang merosak dan mencemarkan seluruh masyarakat. Sementara itu orang-orang Islam pula tidak diharuskan berkahwin dengan mereka kerana mereka perempuan-perempuan yang Musyrikah dan Islam mengharamkan perhubungan suami isteri di antara orang Islam dengan perempuan Musyrikah [1]. Oleh itu tidak ada jalan keluar yang lain kecuali satu jalan sahaja, iaitu menghalalkan persetubuhan dengan mereka tanpa nikah selama mereka beragama syirik - setelah diistibra'kan rahim perempuan yang bersuami dari mereka - dan putusnya hubungan mereka dengan suami-suami mereka yang berada di negeri kafir.

* * * * * *

Sebelum Al-Qur'an menjelaskan perkahwinan yang dihalalkan selepas diterangkan perempuan-perempuan yang diharamkan perkahwinan dengan mereka ia lebih dahulu mengikatkan di antara asal peraturan yang mengharam dan menghalalkan itu dengan sumber yang menerbitkan kedua-dua peraturan itu, iaitu satu-satunya sumber dan tiada sebarang sumber yang lain darinya yang berhak mengharam atau menghalal atau mengatur sesuatu peraturan dan undang-undang bagi manusia dalam semua urusan kehidupan mereka:

كِتَٰبَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡۚ

"(Inilah) ketetapan Allah yang ditetapkan ke atas kamu."(24)

Yakni inilah perjanjian Allah dan piagamnya dengan kamu dan inilah peraturan-peraturan Allah yang difardhukan ke atas kamu. Oleh itu persoalan ini bukannya persoalan peraturan yang diatur oleh hawa nafsu atau bukan peraturan tradisi yang dipatuhi atau peraturan-peraturan yang diwarisi oleh sesuatu masyarakat yang berkuatkuasa, malah ia adalah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan Allah. Ia adalah perjanjian dan piagam dari Allah. Inilah sumber peraturan halal dan haram yang diterima oleh kamu, iaitu sumber yang dipatuhi kamu terhadap segala apa yang difardhukan kamu, juga sumber di mana kamu dituntut dan dipertanggungjawabkan terhadap segala kewajipan yang diwajibkan ke atas kamu dan terhadap segala tugas yang diserahkan kepada kamu.

Di antara perkara yang dapat diperhatikan di sini ialah kebanyakan perempuan yang telah diharamkan oleh Al-Qur'an di dalam ayat-ayat yang silam itu adalah diharamkan di zaman jahiliyah dan tiada perempuan yang diharuskan pernikahan dengan mereka mengikut adat jahiliyah kecuali perempuan-perempuan yang di-peristerikan oleh bapa dan mengumpulkan sekali gus di antara dua perempuan adik-beradik, namun demikian adat jahiliyah juga tidak suka kepada pernikahan dengan isteri-isteri bapa dan mereka menamakannya sebagai "perkahwinan yang jijik" tetapi apabila Al-Qur'an mengharamkan perkahwinan dengan perempuan-perempuan ini, maka pengharamannya itu bukannya sekali-kali dirujukkan kepada adat jahiliyah, malah Allah S.W.T. berfirman:

كِتَٰبَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡۚ

(Inilah) ketetapan Allah yang ditetapkan ke atas kamu."

Ini adalah suatu sentuhan yang memerlukan berhenti sejenak di hadapannya untuk menjelaskan dasar i'tiqad di dalam Islam dan hakikat dasar perundangan kerana penjelasan itu berguna kepada kita di dalam berbagai-bagai urusan dalam kehidupan seharian kita.

Punca Perundangan Ialah Perintah Allah Dan Keizinan-Nya

Islam menganggap satu-satunya dasar yang menjadi asas peraturan dan undang-undang bagi manusia ialah perintah Allah dan keizinannya. Ia dianggap sebagai sumber kuasa yang pertama dan yang akhir. Dan segala peraturan dan undang-undang yang tidak ditegakkan di atas dasar ini dari awal-awal lagi dianggap batil dan tidak menerima untuk dibetulkan semula. Oleh itu jahiliyah iaitu setiap peraturan dan undang-undang yang tidak diambil kewujudannya dari asal yang tunggal dan betul itu adalah batil belaka, iaitu batil dari segi kefahaman-kefahamannya, konsep-konsepnya, nilai-nilainya, neraca-neraca ukurannya, tradisi-tradisi dan adat-adat resamnya, peraturan dan undang-undangnya. Apabila Islam menguasai kehidupan dan mengendalikannya, maka ia akan menguasai kehidupan secara keseluruhan dan mengendalikan segala urusannya secara keseluruhan, iaitu ia akan menghapuskan dari awal-awal lagi segala peraturan jahiliyah, segala nilai-nilainya, segala tradisinya dan segala undang-undangnya kerana semuanya batil belaka dari asal mula lagi dan tidak dapat dibetulkan kembali. Oleh itu apabila Islam menegakkan sesuatu tradisi yang diamalkan di zaman jahiliyah, maka ini bukannya bererti ia menegakkan mengikut dasar jahiliyahnya, malah ia menegakkannya dari awal-awal lagi mengikut kuasa yang diambil dari perintah Allah dan keizinannya. Adapun tradisi yang diamalkan di zaman jahiliyah itu, maka ia telah gugur dan tidak lagi wujud dari segi syara'.

Begitu juga apabila perundangan Islam merujukkan kepada "adat" atau tradisi dalam setengah-setengah masalah, maka ertinya ia memberi kepada "adat" itu dari awal-awal lagi kuasa yang diambilnya dari perintah Allah dan dengan demikian adat mendapat kekuatan undang-undang dalam masalah-masalah ini, iaitu kekuatan yang diambil dari kuasa pengatur undang-undang iaitu Allah S.W.T. bukannya diambil dari manusia atau dari masyarakat yang mengikut adat ini sebelum ini. Yakni persetujuan masyarakat

[1] *Perkahwinan itu tidak semestinya untuk menghalalkan perempuan tawanan apabila ia menganut Islam, tetapi ia hanya harus sahaja.*

yang mengikut adat itu bukanlah merupakan pemberi kuasa itu. Tidak sekali-kali, malah yang memberi kuasa kepada adat itu ialah anggapan pengatur undang-undang (Allah) yang telah mengambil kira adat itu sebagai satu sumber undang-undang di dalam setengah-setengah masalah. Jika tidak, maka adat itu akan tetap di atas kebatilan asalnya kerana ia tidak mengambil kuasanya dari kuasa Allah sebagai satu-satunya sumber kuasa. Al-Qur'an pernah menjelaskan tentang peraturan-peraturan yang tidak diizinkan Allah yang telah kanunkan oleh jahiliyah:

أَمْ لَهُمْ شُرَكَٰٓؤُاْ شَرَعُواْ لَهُم مِّنَ ٱلدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنۢ بِهِ ٱللَّهُ

"Apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan sekutu yang mengaturkan untuk mereka peraturan-peraturan agama yang tidak diizinkan Allah."

(Surah asy-Syura: 21)

Di sini Al-Qur'an menunjukkan bahawa hanya Allah sahaja yang berhak mengaturkan peraturan dan undang-undang. Oleh itu apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan yang lain yang menggariskan untuk mereka undang-undang dan peraturan yang tidak diizinkan Allah?

Dasar agung yang ditunjukkan oleh sentuhan ayat:

كِتَٰبَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ

"(Inilah) ketetapan Allah yang ditetapkan ke atas kamu"(24)

adalah dikuat dan disokong oleh berbagai-bagai ayat yang lain di dalam setiap pembicaraan mengenai undang-undang dan peraturan. Setiap kali Al-Qur'an menyebut sesuatu undang-undang, maka ia menyebut pula sumbernya yang menjadikan undang-undang itu mempunyai kuasa, tetapi apabila Al-Qur'an menyebut peraturan-peraturan jahiliyah, tradisi-tradisinya, kefahaman-kefahaman dan kepercayaan-kepercayaannya, maka biasanya ia iringi dengan firman-Nya:

مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ

"Sesuatu yang tidak diturunkan Allah sebarang kuasa."

(Surah Yusuf: 40)

untuk melepaskan peraturan-peraturan dan kepercayaan-kepercayaan jahiliyah itu dari kuasa dari awal-awal lagi dan untuk menyatakan sebab kebatilannya, iaitu kerana ia tidak terbit dari sumber yang tunggal dan betul itu.

Dasar ini - yang telah kami jelaskan di sini - adalah suatu dasar yang berlainan dari dasar yang terkenal di dalam perundangan Islam, iaitu "asal dalam segala sesuatu itu halal" selama tidak ada nas yang mengharamkannya. Sebenarnya dasar "asal di dalam segala sesuatu itu halal" itu juga mengikut perintah Allah dan keizinannya. Yakni ia juga kembali kepada dasar itu sendiri yang telah kami jelaskannya. Yang kami bicarakan di sini ialah tentang undang-undang dan peraturan-peraturan yang digariskan oleh jahiliyah tanpa merujukkan kepada undang-undang dan peraturan yang digariskan oleh Allah kerana dasar ini batil belaka sehingga syari'at Allah menetapkan semula mana-mana peraturan yang dipandang wajar ditetapkannya dan ia akan mendapat kuasa undang-undang mulai dari sa'at ia disebut di dalam syari'at Allah.

* * * * * *

Setelah selesai menjelaskan kumpulan perempuan-perempuan yang diharamkan pernikahan dengan mereka, maka ayat-ayat yang berikut mula menjelaskan pula bidang yang halal, di mana manusia dapat memenuhi kehendak-kehendak keinginan semulajadi mereka dengan bernikah kahwin dan menjelaskan jalan pertemuan lelaki dan perempuan yang diredhai Allah untuk membangun rumahtangga, menegakkan yayasan-yayasan keluarga dan mencari keni'matan dengan pertemuan itu secara bersih, suci dan serius yang layak dengan urusan yang besar ini.

وَأُحِلَّ لَكُم مَّا وَرَآءَ ذَٰلِكُمْ أَن تَبْتَغُواْ بِأَمْوَٰلِكُم مُّحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَٰفِحِينَ فَمَا ٱسْتَمْتَعْتُم بِهِۦ مِنْهُنَّ فَـَٔاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا تَرَٰضَيْتُم بِهِۦ مِنۢ بَعْدِ ٱلْفَرِيضَةِ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٢٤﴾

"Dan dihalalkan kepada kamu perempuan-perempuan yang lain dari mereka yang tersebut supaya kamu dapat mencari isteri dengan harta kamu secara bernikah bukan secara berzina. Kemudian mana-mana perempuan yang kamu ni'mati hubungan kelamin dengannya (setelah berkahwin dengan kamu) maka berikanlah kepada mereka maskahwin mereka sebagai bayaran yang diwajibkan (ke atas kamu) dan tidak menjadi apa-apa kesalahan ke atas kamu mengenai sesuatu persetujuan di antara kamu tentang kadar bayaran maskahwin itu setelah ditetapkannya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(24)

Maksudnya selain dari perempuan-perempuan yang haram dinikahi yang telah disebut itu, maka perempuan-perempuan yang lain adalah halal dinikahi. Oleh itu bagi mereka yang ingin berkahwin bolehlah mencari perempuan dengan wang mereka untuk membayar maskahwin mereka bukannya untuk membeli kehormatan mereka dengan wang tanpa kahwin. Oleh sebab itulah Allah berfirman:

مُّحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَٰفِحِينَ

"Secara bernikah bukannya secara berzina.

Allah jadikan pernikahan itu sebagai syarat mencari perempuan dengan wang sebelum menamatkan penjelasannya dan sebelum meneruskan pembicaraannya. Dia tidak cukup dengan hanya menyebut syarat ini dalam bentuknya yang positif

sahaja "secara bernikah" malah diiringinya dengan menafikan gambaran yang lain "bukannya secara berzina" untuk menambahkan penegasan dan penjelasan ketika menggariskan undang-undang dan peraturan, juga untuk melukiskan gambaran hubungan utama yang disukai dan diredhai Allah, iaitu hubungan pernikahan dan gambarkan hubungan yang dimurkainya iaitu hubungan menyimpan teman atau berzina. Kedua-dua hubungan ini terkenal di dalam masyarakat jahiliyah dan mendapat pengakuan dari masyarakat.

Bentuk-bentuk Perkahwinan Dalam Jahiliyah

Tersebut di dalam hadith Aisyah r.a.

"Pernikahan di dalam jahiliyah berlaku mengikut empat cara. Pertama pernikahan seperti yang berlaku pada hari ini, di mana lelaki meminang pada lelaki anak perempuan di bawah jagaannya atau anak perempuannya sendiri lalu dia membayar maskahwinnya kemudian bernikah dengannya. Yang kedua seorang lelaki berkata kepada isterinya - setelah suci dari haidnya - pergilah engkau kepada lelaki anu dan mintalah persetubuhan darinya dan suaminya akan memencilkan dirinya dari isterinya itu dan tidak akan mensetubuhinya sehingga ia hamil dari lelaki yang dipinta persetubuhan darinya. Dan apabila ternyata bahawa dia telah hamil barulah suaminya mensetubuhinya. Ia berbuat demikian kerana inginkan anak yang dikandung itu cerdik. Pernikahan ini dinamakan pernikahan minta persetubuhan. Yang ketiga sekumpulan lelaki kurang dari sepuluh orang mengunjungi seorang perempuan dan semua mereka bersetubuh dengannya dan jika perempuan ini hamil dan melahirkan anak, maka dia akan menjemput mereka selepas beberapa malam ia melahirkan anaknya dan tiada seorang pun dari mereka yang boleh menolak jemputan itu. Apabila mereka sekalian berkumpul di sisinya dia akan berkata kepada mereka: Tuan-tuan sekalian telah mengetahui apa yang telah dilakukan oleh tuan-tuan dan sekarang saya telah melahirkan anak dan si anak ini adalah anak anda wahai tuan. Dia akan menyebut nama lelaki yang disukainya dan menghubungkan-nya dengan anaknya dan tiada seorang pun dari mereka yang boleh menolak. Pernikahan yang keempat sebilangan lelaki yang ramai mengunjungi perempuan yang tidak menolak siapa sahaja yang datang mengunjunginya. Mereka ialah perempuan-perempuan pelacur yang memasang panji-panji di atas pintu-pintu rumah mereka sebagai tanda. Siapa yang mahukan mereka boleh masuk dan bersetubuh dengan mereka. Apabila salah seorang dari mereka mengandung dan melahirkan anak, maka lelaki-lelaki itu akan berkumpul dan memanggil seorang pakar keturunan yang 'arif (dengan mengesan bentuk-bentuk keserupaan anggota) untuk menentukan anak itu. Kemudian mereka akan hubungkan anaknya itu dengan lelaki yang wajar pada pandangan mereka dan dia pasti mengakui anaknya dan tidak boleh menolak dari berbuat begitu". [2]

Cara pernikahan yang ketiga dan yang keempat merupakan perzinaan yang disangkal oleh ayat tadi, iaitu sama ada dengan menyimpan teman-teman atau dengan melacurkan diri. Pernikahan yang pertama itulah pernikahan ihsan atau pernikahan untuk mengawal dan menjaga diri yang dituntut oleh ayat itu. Adapun pernikahan yang kedua kita tidak tahu bagaimana hendak menamakannya.

Al-Qur'an menggambarkan sifat jenis pernikahan yang dikehendaki oleh Allah, iaitu pernikahan yang memberi ihsan yakni yang menjaga, memelihara dan memberi naungan dan perlindungan, ia memberi ihsan kepada lelaki dan ihsan kepada perempuan. Mengikut qira'at ini, "*Muhsinin*" dengan sighah isme Fa'il dan mengikut qira'at yang lain Muhsanin dengan sighah Isme maf'ul (Muhsanin). Kedua-dua qira'at ini memberi makna yang melahirkan gambaran pernikahan yang bersih, lurus dan suci, iaitu pernikahan yang memberi ihsan kepada rumahtangga, keluarga dan kanak-kanak. Ia memberi ihsan kepada yayasan keluarga yang dibangunkan di atas asas yang kukuh dan teguh ini.

Satu gambaran lagi (yang digambarkan oleh Al-Qur'an) ialah perzinaan atau sifah makna asal dari kata-kata ini ialah mencurahkan air pada tanah yang curam dan rendah. Di sini lelaki dan perempuan bekerjasama mencurahkan air hayat yang telah dijadikan Allah untuk kelanjutan jenis manusia dan ketinggiannya, sedangkan kedua-duanya mencurah-kannya untuk keni'matan yang sebentar dan untuk memuaskan nafsu keinginan yang tiba-tiba sahaja mereka mencurahkannya di kaki bukit yang rendah dan tindakannya itu tidak memelihara mereka dari kekotoran, tidak memelihara zuriat keturunan dari kemusnahan dan tidak memelihara rumahtangga dari kehancuran.

Demikianlah ungkapan Al-Qur'an melukis dua gambaran yang sempurna bagi dua bentuk hidup di dalam dua perkataan sahaja. Ia memberi gambaran yang amat indah pada bentuk hidup yang diredhainya dan memberi gambaran yang amat buruk pada bentuk hidup yang tidak diredhainya sambil mengemukakan hakikat setiap gambaran itu di dalam realiti hidup. Itulah di antara ciri keindahan pengungkapan di dalam Al-Qur'an.

Setelah selesai menerangkan syarat mencari perempuan dengan wang ia kembali pula menjelaskan bagaimana perempuan itu dicari dengan wang:

فَمَا ٱسْتَمْتَعْتُم بِهِۦ مِنْهُنَّ فَـَٔاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً ۚ

[2] *Dikeluarkan oleh Al-Bukhari di dalam "kitab an-nikah".*

"Kemudian mana-mana perempuan yang kamu ni'mati hubungan kelamin dengannya (setelah berkahwin dengan kamu) maka berikanlah kepada mereka maskahwin mereka sebagai bayaran yang diwajibkan (ke atas kamu)."

Penetapan Maskahwin

Ayat ini menetapkan maskahwin perempuan sebagai bayaran yang wajib untuk meni'mati hubungan kelamin dengannya. Oleh itu sesiapa yang ingin meni'mati hubungan kelamin dengan mana-mana perempuan yang halal nikah, maka jalan yang terbuka kepadanya ialah mencari perempuan itu untuk tujuan ihsan, iaitu melalui jalan perkahwinan bukannya melalui jalan yang lain dan hendaklah ia membayar maskahwinnya sebagai bayaran yang wajib bukannya bayaran sunnat, bukan bayaran sukarela dan bukan pula bayaran belas kasihan. Bayaran itu merupakan hak bagi perempuan yang difardhukan ke atasnya. Dia tidak boleh mewarisi perempuan dengan warisan tanpa bayaran sebagaimana yang telah berlaku dalam setengah-setengah keadaan di zaman jahiliyah. Dia tidak boleh menggunakan perempuan sebagai bahan tukaran sebagaimana yang berlaku di dalam perkahwinan secara pertukaran di zaman jahiliyah, di mana seorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan (tanpa bayaran) dengan syarat ia menyerahkan kepada wali perempuan itu seorang perempuan di bawah kuasanya untuk dikahwininya. Di sini kedua-dua perempuan itu diperlakukan seolah-olah dua ekor binatang atau dua barangan (yang boleh ditukar-tukar).

Setelah dijelaskan hak maskahwin perempuan yang diwajibkan ke atas lelaki, Al-Qur'an meninggalkan pintu itu terbuka untuk meluangkan mereka menyemak pembayaran yang dipersetujui oleh suami isteri itu mengikut keperluan-keperluan hidup mereka bersama dan mengikut perasaan dan sentimen mereka terhadap satu sama lain:

وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا تَرَٰضَيْتُم بِهِۦ مِنۢ بَعْدِ ٱلْفَرِيضَةِ

"Dan tidak menjadi apa-apa kesalahan ke atas kamu mengenai sesuatu persetujuan di antara kamu tentang kadar bayaran maskahwin itu setelah ditetapkannya."(24)

Yakni tidak menjadi apa-apa kesalahan ke atas kedua-duanya jika isteri bersetuju bertanazul bertolak ansur terhadap bayaran maskahwinnya sama ada semua atau sebahagiannya setelah ia ditetapkan dengan jelas dan setelah maskahwin itu telah menjadi hak miliknya yang mutlak, di mana ia bebas mengendalikan sebagaimana ia mengendalikan harta-hartanya yang lain dengan bebas dan tidak pula menjadi apa-apa kesalahan ke atas kedua-duanya jika suami ingin melebih atau menambahkan kadar maskahwin itu kerana ini adalah urusan peribadinya juga urusan kedua-dua suami isteri itu. Mereka boleh berunding dengan penuh kebebasan dan kelapangan dada.

Kemudian diiringi dengan ulasan yang mengikatkan hukum-hukum ini dengan sumbernya dan mendedahkan ilmu Allah yang meliputi dan hikmat kebijaksanaannya yang amat mendalam di sebaliknya.

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(24)

Yakni Allah telah mensyari'atkan hukum-hukum ini berdasarkan ilmunya dan hikmat kebijaksanaannya. Oleh itu hati Mu'min mengetahui dari mana dia menerima hukum-hukum yang menyentuh segala urusan kehidupannya terutama hukum-hukum mengenai hubungan di antaranya dengan isterinya dan dia akan menerimanya dengan perasaan tenang dan tenteram kerana hukum-hukum itu adalah terbit dari ilmu dan hikmat kebijaksanaan Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(24)

* * * * * *

Jika suasana-suasana hidup seorang Muslim itu tidak membolehkannya - untuk melangsungkan perkahwinannya dengan perempuan yang merdeka dan terpelihara kehormatan, maka ia dibolehkan berkahwin dengan perempuan-perempuan yang tidak merdeka jika ia tidak mampu bersabar hingga dapat berkahwin dengan perempuan yang merdeka dan takut menghadapi kesulitan atau takut digoda nafsu berahi.

وَمَن لَّمْ يَسْتَطِعْ مِنكُمْ طَوْلًا أَن يَنكِحَ ٱلْمُحْصَنَٰتِ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ فَمِن مَّا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُم مِّن فَتَيَٰتِكُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ ۚ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَٰنِكُم ۚ بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ ۚ فَٱنكِحُوهُنَّ بِإِذْنِ أَهْلِهِنَّ وَءَاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ مُحْصَنَٰتٍ غَيْرَ مُسَٰفِحَٰتٍ وَلَا مُتَّخِذَٰتِ أَخْدَانٍ ۚ فَإِذَآ أُحْصِنَّ فَإِنْ أَتَيْنَ بِفَٰحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ نِصْفُ مَا عَلَى ٱلْمُحْصَنَٰتِ مِنَ ٱلْعَذَابِ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِىَ ٱلْعَنَتَ مِنكُمْ ۚ وَأَن تَصْبِرُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٥﴾

"Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan muhsonat (yang merdeka) maka bolehlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan muda (hamba) yang beriman yang dan kamu dan Allah amat mengetahui

tentang keimanan kamu. Sebahagian kamu adalah berasal-usul dari sebahagian yang lain (yang merdeka dan yang hamba adalah sama sahaja dari segi keturunan dan keimanan). Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin keluarga (wali) mereka dan berikanlah kepada mereka maskahwin mereka mengikut kadar yang wajar secara perempuan-perempuan yang berkahwin bukannya perempuan-perempuan yang berzina dan bukannya perempuan-perempuan yang menjadi teman-teman lelaki. Kemudian apabila mereka telah dikahwinkan lalu melakukan perbuatan yang keji (zina) maka hendaklah dikenakan ke atas mereka separuh hukuman seksa yang dikenakan ke atas perempuan-perempuan yang muhsonat (yang merdeka). Kebenaran perkahwinan dengan hamba itu adalah untuk mereka yang bimbang menghadapi kesulitan di antara kamu dan kemampuan kamu bersabar(dari berkahwin dengan hamba) adalah lebih baik kepada kamu dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(25)

Agama ini melayani manusia mengikut batas-batas fitrah dan keupayaannya, juga mengikut batas-batas realitinya dan batas-batas keperluan-keperluannya yang haqiqi apabila ia memegang tangan manusia untuk mengangkatkannya dari lembah kehidupan jahiliyah ke mercu kehidupan islamiyah ia tidak lupa kepada fitrah dan keupayaannya dan tidak lupa kepada realiti dan keperluan-keperluannya yang haqiqi, malah ia memenuhi seluruh kehendak-kehendaknya dalam perjalanannya menuju ke mercu yang tinggi itu. Cuma Islam tidak mengira realiti jahiliyah sebagai suatu realiti yang tidak boleh terpisah darinya. Kerana realiti jahiliyah suatu realiti yang rendah dan kedatangan Islam adalah bertujuan untuk mengangkatkan umat manusia dari gaung-gaung realiti jahiliyah ini, malah yang diambil kira oleh Islam ialah realiti "manusia" pada fitrah dan hakikatnya. Dan kebolehan manusia untuk meningkat maju merupakan salah satu dari realiti ini. Oleh itu yang menjadi realiti itu bukanlah sahaja semata-mata wujudnya manusia itu hidup bergelimang di dalam lumpur jahiliyah - sebarang jahiliyah - malah kebolehan manusia - dengan daya fitrahnya - untuk meningkat naik dari lumpur itu juga merupakan realiti. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang mengetahui seluruh realiti "manusia" kerana Dialah yang mengetahui seluruh hakikat manusia, Dialah yang menciptakan manusia dan mengetahui segala apa yang dibisikkan oleh hatinya:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

"Masakan Tuhan yang telah menciptakan (manusia) tidak mengetahui (rahsia hati mereka) sedangkan Dia Maha Halus (dalam segala pentadbirannya) dan Maha Mengetahui."

(Surah al-Mulk: 14)

Di dalam masyarakat Islam yang pertama dahulu terdapat hamba-hamba abdi sebagai ekoran dari peperangan-peperangan, iaitu mereka berada dalam keadaan itu sementara ditentukan nasib mereka sama ada mereka dikurniakan kebebasan tanpa bayaran atau dibayar tebusan dengan pertukaran membebaskan tawanan-tawanan orang Islam atau dengan bayaran berupa wang - mengikut keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang wujud di antara orang-orang Islam dengan musuh-musuh yang memerangi mereka - realiti ini telah dihadapi oleh Islam dengan menghalalkan persetubuhan dengan hamba-hamba dalam milik - sebagaimana telah diterangkan di dalam ayat yang telah silam - kepada lelaki-lelaki yang memiliki mereka untuk melayani kehendak fitrah mereka sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini. Persetubuhan itu boleh dilakukan sama ada dengan mengahwini mereka jika mereka beriman atau tanpa perkahwinan setelah dilakukan pembersihan rahim (istibra') terhadap mereka yang telah bersuami di negeri kafir dengan sekali haid sahaja, tetapi mereka tidak halal disetubuhi oleh orang-orang yang lain dari tuanmas mereka kecuali melalui perkahwinan. Mereka tidak dihalal menjual maruah mereka di dalam masyarakat dengan bayaran yang tertentu dan tuanmas-tuanmas mereka juga tidak boleh melepaskan hamba-hamba itu di dalam masyarakat supaya melacurkan diri untuk faedah mereka.

Di dalam ayat ini Allah mengatur cara pernikahan mereka dan menerangkan keadaan-keadaan yang membenarkan pernikahan itu.

وَمَن لَّمْ يَسْتَطِعْ مِنكُمْ طَوْلًا أَن يَنكِحَ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ فَمِن مَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُم مِّن فَتَيَاتِكُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ۚ

"Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan muhsonat (yang merdeka) maka bolehlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan hamba yang beriman yang dimiliki kamu."(25)

Di Antara Wanita Merdeka Dan Wanita Hamba

Islam mengutamakan perkahwinan dengan perempuan yang merdeka apabila seseorang itu mampu berkahwin dengan perempuan yang merdeka, kerana perempuan yang merdeka itu dipelihara kehormatannya oleh sifatnya yang merdeka, yakni kemerdekaan itulah yang mengajarnya bagaimana dia harus menjaga maruah dan kehormatannya, bagaimana dia harus menjaga kehormatan suaminya. Di sini mereka sifatkan dengan "perempuan" muhsan (yang merdeka), iaitu bukan dengan makna perempuan-perempuan yang telah bersuami sebagaimana yang telah dipakai di dalam ayat yang mengharamkan perkahwinan dengan perempuan-perempuan yang bersuami yang telah diterangkan sebelum ini, malah dengan makna perempuan-perempuan yang merdeka, iaitu perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatan mereka dengan sebab kemerdekaan mereka kerana kemerdekaan inilah yang menyelubungi hati nurani mereka dengan rasa kemuliaan dan kehormatan dan

memberi jaminan-jaminan hidup yang sempurna. Di samping itu perempuan yang merdeka mempunyai keluarga, rumahtangga dan nama yang baik serta mempunyai orang-orang yang melindunginya. Dia takut namanya tercemar. Dalam hatinya bersemarak rasa bangga terhadap dirinya. Oleh itu ia enggan melacur dan menjatuhkan dirinya. Semua sifat-sifat ini tidak ada pada perempuan-perempuan yang bukan perempuan merdeka dan kerana itu perempuan yang tidak merdeka tidak terpelihara kehormatannya walaupun sesudah ia bersuami, namun keladak-keladak zaman perhambaan masih melekat di dalam jiwanya dan kerana itu ia tidak memperolehi pemeliharaan, kesucian dan kebanggaan diri yang dimiliki oleh perempuan yang merdeka. Lebih-lebih lagi dia tidak mempunyai kehormatan keluarga yang takut dicemarinya. Selain dari itu semua anak-anaknya dari suaminya itu adalah dipandang oleh masyarakat dengan pandangan yang lebih rendah dari anak-anak dari perempuan-perempuan yang merdeka. Ini membuat gambaran kehinaan perhambaan itu terus melekat pada anak-anak itu dengan sesuatu kemuliaan yang tertentu. Semua pertimbangan dan pandangan-pandangan ini adalah wujud dalam masyarakat ketika ayat ini diturun untuk menetapkan peraturan-peraturan untuknya.

Kerana pertimbangan-pertimbangan dan pandangan-pandangan ini Islam menggalakkan orang-orang Islam yang merdeka supaya mereka tidak berkahwin dengan perempuan-perempuan yang tidak merdeka jika mereka berupaya berkahwin dengan perempuan-perempuan yang merdeka dan Islam menjadikan perkahwinan dengan perempuan yang tidak merdeka itu sebagai suatu kebenaran atau kemudahan untuk menghadapi keadaan tidak berkemampuan dan kesulitan menunggu.

Cara Perkahwinan Dengan Wanita Hamba

Tetapi apabila didapati kesulitan dan lelaki-lelaki mengalami kesusahan (untuk mendapat perempuan yang merdeka) atau kesusahan kerana digoda nafsu berahi maka Islam tidak menghalangi mereka dari kemudahan, kerehatan dan ketenteraman, malah ia menghalalkan kepada mereka berkahwin dengan perempuan-perempuan Mu'min yang tidak merdeka yang dimiliki oleh orang lain.

Islam menentukan satu bentuk hubungan yang diredhainya di antara lelaki-lelaki yang merdeka dengan perempuan-perempuan yang tidak merdeka dan itulah bentuk hubungan yang telah diredhainya sebelum ini di dalam perkahwinan di antara orang-orang yang merdeka:

Pertama, wajiblah perempuan yang tidak merdeka itu orang yang beriman:

فَمِن مَّا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُكُم مِّن فَتَيَٰتِكُمُ ٱلۡمُؤۡمِنَٰتِۚ

"Maka bolehlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan muda (hamba) yang beriman yang dimiliki kamu."

Kedua, wajiblah dibayarkan kepada mereka maskahwin sebagai bayaran yang wajib untuk mereka bukannya untuk tuanmas-tuanmas mereka, kerana maskahwin ini merupakan hak mereka yang mutlak.

وَءَاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ

"Dan berikanlah kepada mereka maskahwin mereka."

Ketiga, bayaran itu hendaklah dalam bentuk maskahwin dan mencari keni'matan dengan mereka wajiblah dalam bentuk perkahwinan bukan dalam bentuk menjadi teman lelaki dan tidak pula dalam bentuk berzina. Menjadi teman ialah bermukah dengan seorang lelaki dan berzina ialah bermukah dengan siapa sahaja yang suka.

مُحۡصَنَٰتٍ غَيۡرَ مُسَٰفِحَٰتٖ وَلَا مُتَّخِذَٰتِ أَخۡدَانٖۚ

"Secara perempuan-perempuan yang berkahwin bukannya perempuan-perempuan yang berzina dan bukannya perempuan-perempuan yang menjadi teman-teman lelaki."

Masyarakat di waktu itu mengenal semua bentuk hubungan seks yang seperti ini di antara orang-orang yang merdeka sebagaimana telah dijelaskan di dalam hadith 'Aisyah r.a., juga mengenal berbagai-bagai bentuk perzinaan di antara orang-orang yang bukan merdeka.Pembesar-pembesar atau ketua-ketua kaum menghantar hamba-hamba perempuan mereka untuk menjual tubuh mereka dengan jalan yang kotor ini untuk mendapatkan hasil-hasil pendapatan bagi tuanmas-tuanmas mereka. Abdullah ibn Ubay ibn Salul kepala Munafiqin di Madinah dan ketua kaumnya mempunyai empat orang hamba perempuan yang menjadi pelacur untuknya. Inilah saki-baki lumpur-lumpur kotor jahiliyah yang kerananya Islam datang untuk mengangkatkan umat Arab dari lumpur itu dan untuk membersihkan mereka darinya sebagaimana ia mengangkatkan seluruh umat manusia yang lain dari lumpur yang kotor itu.

Islam hanya mengadakan satu jalan sahaja untuk membolehkan percampuran seks di antara lelaki yang merdeka dengan perempuan-perempuan yang bukan merdeka iaitu jalan perkahwinan, di mana perempuan dikhususkan kepada seorang lelaki untuk membangun sebuah rumahtangga dan sebuah keluarga, bukannya jalan percampuran bebas lepas, di mana nafsu keinginan dilepas bebas seperti haiwan. Islam meletakkan wang di tangan lelaki supaya mereka membayarkannya sebagai maskahwin yang diwajibkan bukannya sebagai wang upah menjadi teman lelaki atau wang upah kerana perzinaan. Demikianlah Islam membersihkan hubungan-hubungan ini - hingga di dalam dunia hamba - dari lumpur jahiliyah yang menodai umat manusia apabila mereka terhumban jatuh ke dalam jahiliyah. Itulah lumpur yang menodai umat manusia pada hari ini di setiap tempat, kerana panji-panji yang berkibar-kibar

tinggi pada hari ini di setiap tempat ialah panji-panji jahiliyah bukannya panji-panji Islam.

Tetapi sebelum kita meninggal tempat ayat ini, kita harus berhenti sejenak di hadapan pengungkapan Al-Qur'an tentang hakikat hubungan-hubungan insaniyah yang wujud di antara orang-orang yang merdeka dan hamba abdi di dalam masyarakat Islam dan tentang pandangan agama ini tentang perkara ini apabila dihadapi oleh masyarakat Islam. Al-Qur'an tidak menamakan hamba-hamba perempuan itu sebagai hamba-hamba perempuan malah ia namakannya "Fatayat" (perempuan-perempuan muda).

فَمِن مَّا مَلَكَتْ أَيْمَـٰنُكُم مِّن فَتَيَـٰتِكُمُ ٱلْمُؤْمِنَـٰتِ ۚ

"Maka bolehlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan muda (hamba) yang beriman yang dimiliki oleh kamu."

Di sini Al-Qur'an tidak membezakan di antara orang-orang yang merdeka dan orang-orang yang bukan merdeka dengan perbezaan perkauman yang menyentuh asal-usul manusia seperti kepercayaan dan pandangan yang lumrah di seluruh dunia di zaman itu, malah Al-Qur'an menyebut asal-usul keturunan yang sama dan menjadikan hubungan insaniyah dan hubungan keimanan sebagai asas perhubungan dan pertalian.

وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَـٰنِكُمْ ۚ بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ ۚ

"Dan Allah amat mengetahui tentang keimanan kamu. Sebahagian kamu adalah berasal usul dari sebahagian yang lain. (Yang merdeka dan yang hamba adalah sama sahaja dari segi keturunan dan keimanan)."

Al-Qur'an tidak menamakan orang-orang yang memiliki mereka sebagai tuanmas-tuanmas, malah menamakan mereka sebagai keluarga (wali):

فَٱنكِحُوهُنَّ بِإِذْنِ أَهْلِهِنَّ

"Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin keluarga (wali) mereka."

Al-Qur'an tidak menjadikan maskahwin perempuan yang bukan merdeka itu sebagai hak kepunyaan tuanmasnya, kerana maskahwinnya itu merupakan hak kepunyaannya. Oleh sebab itu maskahwin ini terkeluar dari dasar bahawa seluruh hasil usaha perempuan hamba adalah menjadi milik tuanmas, kerana maskahwin bukannya hasil usaha, malah suatu hak kerana pertaliannya dengan seorang lelaki:

وَءَاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ

"Dan berikanlah kepada mereka maskahwin mereka".

Al-Qur'an memuliakan mereka dari menjadi penjual-penjual maruah yang dibayar dengan wang, malah pertalian itu adalah pertalian perkahwinan dan memelihara kehormatan:

مُحْصَنَـٰتٍ غَيْرَ مُسَـٰفِحَـٰتٍ وَلَا مُتَّخِذَٰتِ أَخْدَانٍ ۚ

"Secara perempuan-perempuan yang berkahwin bukannya perempuan-perempuan yang berzina dan bukannya perempuan-perempuan yang menjadi teman-teman lelaki."

Semuanya itu merupakan sentuhan-sentuhan dan pandangan-pandangan yang membawa tanda-tanda penghormatan terhadap insaniyah perempuan-perempuan yang bukan merdeka itu, yang mana walaupun mereka berada dalam kedudukan perhambaan kerana dipaksa oleh keadaan-keadaan sementara, namun Islam tetap tidak mencacatkan asal kemuliaan insaniyah.

Apabila penghormatan ini dibandingkan dengan pandangan yang lumrah terhadap hamba abdi di zaman itu di seluruh dunia akan ternyatalah betapa jauhnya kehormatan insan telah dipindahkan oleh Islam. Ia menjaga dan mempertahankan kehormatan itu didalam segala keadaan tanpa melihat kepada keadaan-keadaan dharurat yang timbul secara mendadak yang membataskan kedudukan setengah-setengah manusia seperti kedudukan perhambaan.

Perpindahan yang amat jauh itu akan ternyata apabila dibandingkan tindakan Islam dan peraturan-peraturan yang telah diadakannya untuk mengawal kedudukan-kedudukan di dalam keadaan-keadaan dharurat yang timbul secara mendadak itu dengan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak tentera-tentera yang menang di zaman jahiliyah moden terhadap perempuan-perempuan dan anak-anak gadis di negeri-negeri yang ditakluki mereka. Setiap kita mengetahui kisah "hiburan tentera" atau cerita lumpur kejahatan seks yang dilakukan oleh tentera-tentera jahiliyah di setiap tempat dan kesan-kesannya yang buruk yang ditinggalkan mereka kepada masyarakat apabila mereka meninggal negeri itu. Keburukan dari kesan-kesan itu telah dialami oleh masyarakat itu bertahun-tahun lamanya.

Wanita Hamba Dikenakan Hukuman Yang Ringan

Kemudian Islam menetapkan hukuman yang ringan ke atas perempuan-perempuan yang bukan merdeka yang melakukan kejahatan seks selepas ia berkahwin. Dalam hukuman ini Islam memperhitungkan realiti perempuan ini dan suasana-suasana hidupnya yang membuatnya lebih mudah terjerumus ke dalam kejahatan seks, juga membuatnya lebih lemah dalam menghadapi godaan dibandingkan dengan perempuan yang merdeka, ia memandang perhambaan itu mengurangkan kekebalan pertahanan jiwa kerana ia mengurangkan kesedaran terhadap kehormatan diri dan kesedaran terhadap kehormatan keluarga, sedangkan kesedaran inilah yang menimbulkan semangat enggan tunduk di dalam jiwa perempuan yang merdeka. Di samping itu juga Islam memperhitungkan perbezaan keadaan

sosial dan ekonomi di antara perempuan yang merdeka dan perempuan yang bukan merdeka dan kesan-kesannya yang membuat perempuan yang bukan merdeka lebih bersikap murah hati terhadap kehormatan dirinya dan kurang daya pertahanan untuk melawan godaan wang dan godaan keturunan lelaki yang mahukan dirinya. Islam memperhitungkan semuanya ini dan oleh sebab itu ia menetapkan hukuman hudud perempuan yang bukan merdeka - setelah ia berkahwin ialah separuh hukuman hudud perempuan yang merdeka sebelum ia berkahwin.

فَإِذَآ أُحۡصِنَّ فَإِنۡ أَتَيۡنَ بِفَٰحِشَةٖ فَعَلَيۡهِنَّ نِصۡفُ مَا عَلَى ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ مِنَ ٱلۡعَذَابِۚ

"Kemudian apabila mereka telah dikahwinkan lalu melakukan perbuatan yang keji (zina) maka hendaklah dikenakan ke atas mereka separuh hukuman seksa yang dikenakan ke atas perempuan-perempuan yang muhsan (yang merdeka)."

Yang difaham dari maksud separuh hukuman di sini ialah hukuman yang boleh dibahagi, iaitu hukuman sebat dan tentulah tidak ada separuh dalam hukuman rejam kerana hukuman rejam tidak boleh dibahagi. Oleh itu apabila hamba perempuan yang -beriman dan yang telah berkahwin itu berzina, maka ia dikenakan hukuman hudud separuh dari hukuman hudud yang dikenakan ke atas perempuan merdeka yang dara. Adapun hukuman hamba perempuan yang dara, maka di sana terdapat perbezaan pendapat di antara para fuqaha' apakah hukuman ini juga dikenakan ke atasnya, iaitu separuh hukuman yang dikenakan ke atas perempuan merdeka yang dara. Dan hukuman ini dilaksanakan oleh pemerintah? Atau hukuman itu merupakan suatu tindakan disiplin yang dilaksanakan oleh tuanmasnya dan kurang dari separuh hukuman itu? Perbezaan pendapat-pendapat ini bolehlah dipelajari di dalam kitab-kitab fekah.

Adapun kami - dalam tafsir Fi Zilalil-Qur'an - ini hanya sekadar memperkatakan bagaimana agama ini menjaga dan melayani realiti dan suasana-suasana hidup manusia ketika ia membimbing mereka meningkat ke maqam yang tinggi dan bersih.

Agama ini - sebagaimana telah ditegaskan - sentiasa memperhitungkan realiti hidup manusia, tetapi ia tidak membiarkan mereka bergelimang di dalam lumpur di atas nama realiti ini.

Allah S.W.T. mengetahui segala faktor yang melingkungi dan mempengaruhi kehidupan perempuan yang bukan merdeka, iaitu faktor-faktor yang membuat seseorang dari mereka - walaupun telah berkahwin - lemah untuk melawan godaan dan menghindarkan dirinya dari terjatuh ke dalam dosa. Oleh itu Allah tidak mengabaikan realiti ini dan tidak mengenakan hukuman ke atas mereka sama dengan hukuman yang dikenakan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka, namun demikian Allah tidak memberi segala kuasa kepada realiti ini sehingga ke darjah memaafkan perempuan yang bukan merdeka dan bersalah itu dari hukuman.

Islam mengambil sikap yang sederhana dan memperhatikan dengan saksama segala faktor yang memberi pengaruh dan segala suasana latar belakang.

Begitu juga Islam tidak menjadikan kerendahan darjah seseorang hamba itu sebagai sebab dan alasan untuk melipatgandakan hukuman sebagaimana telah dilakukan oleh undang-undang jahiliyah yang lumrah di seluruh dunia terhadap golongan yang rendah, dan golongan-golongan yang tinggi atau terhadap orang-orang yang hina dan orang-orang yang mulia, di mana hukuman-hukuman diringankan terhadap orang-orang yang mulia dan diberatkan terhadap orang-orang yang lemah.

Dasar yang diamalkan di dalam undang-undang Roman yang terkenal itu ialah hukuman itu semakin diberatkan apabila kelas yang dihukum itu semakin rendah. Di antara isi kandungan undang-undang itu berkata "Sesiapa yang menggoda seseorang janda yang baik atau seseorang anak dara, maka hukumannya - jika ia dari keluarga yang baik - ialah dirampaskan separuh harta kekayaannya dan jika ia dari keluarga yang hina maka hukumannya ialah sebat dan dibuang negeri." [3]

Dan dasar yang diamal di dalam undang-undang Hindu yang digariskan olah "Manu", iaitu undang-undang yang dikenali dengan nama "Manu Syaster". Seorang Brahmin yang wajar dikenakan hukuman bunuh, maka hakim tidak boleh mengenakan hukuman itu ke atasnya kecuali mencukurkan kepalanya sahaja. Adapun orang yang lain dari keturunan Brahmin maka hendaklah dikenakan hukuman bunuh. Jika salah seorang paria menghulurkan tangannya atau tongkatnya kepada seorang Brahmin dengan tujuan hendak memukulnya, maka hendaklah dipotongkan tangannya....... hingga akhir". [4]

Di kalangan orang-orang Yahudi pula, jika yang mencuri itu seorang yang mulia, maka mereka akan dibiarkannya, tetapi jika yang mencuri itu seorang yang hina, mereka akan jatuhkan hukuman hudud. [5]

Kemudian Islam datang untuk meletakkan hukuman yang benar pada tempatnya yang wajar dan mengenakan hukuman ke atas setiap penjenayah dengan mengambil kira segala pertimbangan "realiti" dan mengenakan hukuman hudud ke atas perempuan yang bukan merdeka - setelah ia berkahwin - iaitu separuh hukuman hudud yang dikenakan ke atas perempuan merdeka yang dara. Di sini Islam tidak bersikap terlalu mudah hingga ke

---

[3] *Kanun Justinian (Code of Justinian)(مدونة جستنيان) terjemahan Abdul Aziz Fahmi.*

[4] *Dari buku "ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين ؟" oleh Abul Hassan Ali An-Nadawi.*

[5] رواه الخمسة

darjah memaafkannya dari sebarang hukuman serta menjadikannya selaku seorang yang tidak mempunyai iradat sama sekali dan melakukan perbuatan jenayah itu di bawah tekanan keadaan semata-mata, kerana ini adalah bertentangan dengan realiti dan Islam tidak pula melupakan realitinya hingga mengenakan hukuman ke atasnya sama seperti hukuman yang dikenakan ke atas perempuan yang merdeka kerana realitinya berlainan dari realiti perempuan yang merdeka. Dan seterusnya Islam tidak mengenakan hukum-hukum yang keras yang dikenakan oleh undang-undang jahiliyah ke atas orang-orang yang lemah sahaja tetapi tidak ke atas orang-orang yang mulia.

Perkahwinan Dengan Hamba Merupakan Suatu Kemudahan

Undang-undang jahiliyah moden di Amerika, di Afrika Selatan dan lain-lainnya masih lagi mengamalkan perbezaan perkauman, di mana diberi kemaafan kepada penjenayah-penjayah orang-orang kulit puteh yang mulia terhadap jenayah-jenayah yang tidak diberi kemaafan kepada penjenayah orang-orang kulit berwarna yang hina. Jahiliyah tetap jahiliyah di mana sahaja ia berada dan Islam tetap Islam di mana sahaja ia berada.

Kemudian ayat ini diakhiri dengan menerangkan bahawa perkahwinan dengan hamba-hamba perempuan itu merupakan suatu kebenaran dan kemudahan kepada mereka yang bimbang menghadapi kesulitan atau godaan nafsu berahi. Tetapi sesiapa yang mampu bersabar tanpa mengalami kesulitan dan godaan nafsu berahi maka itu adalah lebih baik baginya kerana sebab-sebab dan latar belakang-latar belakang - yang telah kami terangkan sebelum ini - yang melingkungi perkahwinan dengan perempuan yang bukan merdeka itu.

ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِيَ ٱلْعَنَتَ مِنكُمْ ۚ وَأَن تَصْبِرُوا۟
خَيْرٌ لَّكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٥﴾

"Kebenaran perkahwinan dengan hamba itu adalah untuk mereka yang bimbang menghadapi kesulitan di antara kamu dan kemampuan kamu bersabar (dari berkahwin dengan hamba) adalah lebih baik kepada kamu dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

Allah S.W.T. tidak mahu menyulit dan menyusahkan para hamba-Nya, ia tidak mahu menjerumuskan mereka ke dalam godaan nafsu berahi. Dan jika agama Islam yang telah dipilih untuk mereka itu mahukan dari mereka supaya berjuang dan berusaha meningkat dan mengangkatkan diri ke maqam yang tinggi, maka ia mahukan usaha itu dari mereka sekadar dalam batas-batas fitrah mereka selaku manusia dan sekadar tenaga kemampuan yang tersembunyi di dalam diri mereka sahaja dan sekadar batas-batas keperluan-keperluan mereka yang haqiqi sahaja. Oleh sebab itu agama Islam merupakan satu sistem hidup yang mudah yang melayani fitrah manusia, mengenali keperluan mereka dan memberi pertimbangan kepada keadaan dharurat yang dihadapi mereka. Apa yang wujud di sana ialah Islam tidak pernah menyeru orang-orang yang sedang jatuh itu supaya terus jatuh. Islam tidak pernah berdiri di hadapan orang-orang yang sedang karam di dalam lumpur untuk merestui dan menyanjung tinggi kejatuhan mereka atau untuk membebaskan mereka dari berusaha dan berjuang mengangkatkan diri mereka atau membebaskan diri mereka dari tanggungjawab kerana kurang menentang godaan nafsu keinginan.

Di sini Islam menyeru mereka supaya bersabar sehingga mereka mampu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang merdeka kerana merekalah perempuan-perempuan yang lebih utama dipeliharakan diri mereka dengan perkahwinan dan dibangunkan rumahtangga dengan mereka, yang lebih utama melahirkan anak-anak yang mulia, mengasuh generasi baru dan menjaga kamar tidur suami. Tetapi bagi sesiapa yang bimbang menghadapi kesulitan dan kesusahan bersabar, kesulitan menghadapi godaan nafsu keinginan yang tidak terlawan, maka di sana disediakan kemudahan dan kebenaran dan disediakan usaha untuk menaikkan taraf perempuan-perempuan yang bukan merdeka yang telah dimuliakan Allah dengan pengungkapan yang menyifatkan mereka sebagai "perempuan-perempuan muda kamu" dan menyifatkan tuanmas-tuanmas mereka sebagai "keluarga mereka" dan seluruh mereka berusul-asal di antara satu sama lain dan terikat dengan hubungan keimanan dan Allah amat mengetahui dengan persoalan keimanan. Maskahwin mereka menjadi milik mereka sebagai bayaran yang diwajibkan dan hubungan dengan mereka ialah hubungan perkahwinan bukan hubungan menyimpan teman lelaki dan bukan hubungan berzina. Mereka adalah bertanggungjawab jika mereka terjerumus ke dalam kejahatan seks, tetapi mereka dihukum dengan hukuman yang lemah lembut dan ringan serta menimbangkan segala keadaan dan suasana yang melingkungi hidup mereka.

وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٥﴾

"Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih"

Inilah kata ulasan terhadap keadaan yang membuat seseorang terpaksa berkahwin dengan perempuan-perempuan yang bukan merdeka, juga kata ulasan terhadap undang-undang yang meringankan hukuman ke atas perempuan-perempuan yang bukan merdeka. Kata-kata ulasan ini memang tepat dengan kedua-dua tempat itu, kerana keampunan dan rahmat Allah adalah berada di sebalik setiap kesalahan dan di sebalik setiap keadaan yang terpaksa.

* * * * * *

Di Antara Kehendak Allah Dan Kehendak Golongan Manusia Penyesat

Kemudian dikemukakan pula kata ulasan yang lengkap terhadap hukum-hukum itu dan terhadap peraturan-peraturan keluarga yang telah disyari'atkan Allah di dalam sistem hidup Islam untuk mengangkatkan masyarakat Islam dari gaung kehidupan jahiliyah, juga untuk meningkatkan taraf kejiwaannya, akhlaknya dan sosialnya ke kemuncak yang tinggi, bersih dan gemilang. Tujuan ulasan ini ialah untuk menerangkan kepada kelompok Muslimin tentang hakikat apa yang dikehendaki Allah dengan sistem hidup ini dan dengan hukum-hukum, undang-undang dan peraturan itu, juga tentang hakikat apa yang dikehendaki oleh orang-orang yang mengikut hawa nafsu dan menyeleweng dari sistem hidup Ilahi:

يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُبَيِّنَ لَكُمْ وَيَهْدِيَكُمْ سُنَنَ
ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ وَيَتُوبَ عَلَيْكُمْ ۗ وَٱللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٢٦﴾
وَٱللَّهُ يُرِيدُ أَن يَتُوبَ عَلَيْكُمْ وَيُرِيدُ ٱلَّذِينَ
يَتَّبِعُونَ ٱلشَّهَوَٰتِ أَن تَمِيلُوا۟ مَيْلًا عَظِيمًا ﴿٢٧﴾
يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمْ ۚ وَخُلِقَ ٱلْإِنسَٰنُ
ضَعِيفًا ﴿٢٨﴾

"Allah mahu menjelaskan hukum-hukumnya kepada kamu dan menunjukkan kepada kamu peraturan-peraturan yang baik yang diikuti oleh orang-orang Mu'min sebelum kamu serta menerima taubat kamu. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (26). Dan Allah mahu menerima taubat kamu, sedangkan orang-orang yang mengikut hawa nafsu mahu kamu sesat di dalam kesesatan yang amat besar (27). Allah mahu memberi keringanan kepada kamu kerana manusia itu diciptakan dengan sifat yang lemah."(28)

Allah S.W.T. bermesra dengan para hamba-Nya lalu menerangkan kepada mereka hikmat dan tujuan dari undang-undang dan peraturan yang diatur untuk mereka. Ia menunjukkan kepada mereka kebaikan dan kemudahan yang terkandung di dalam sistem hidup yang dipilih olehnya untuk mengendalikan kehidupan mereka. Allah mahu memuliakan mereka apabila Dia mengangkatkan mereka ke puncak ini, di mana Dia menyatakan kepada mereka bahawa Dia mahu menjelaskan kepada mereka tujuan dari undang-undang dan peraturan-Nya, Dia mahu berkata kepada mereka:

يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُبَيِّنَ لَكُمْ

"Allah mahu menjelaskan hukum-hukumnya kepada kamu."

Maksudnya Allah mahu mendedahkan hikmat-Nya kepada kamu dan Dia mahu kamu melihat hikmat ini dan memikirkannya dengan teliti. Dia mahu kamu menerimanya dengan mata, akal dan hati yang terbuka, kerana hukum-hukum Allah itu bukanlah rahsia-rahsia rumit dan bukan pula teka-teki. Ia bukannya hukum-hukum yang sewenang-wenang yang tidak bersebab dan bertujuan, sedangkan kamu sendiri berkelayakan untuk memahami hikmatnya dan untuk menjelaskan hikmat ini. Ini adalah satu penghormatan kepada manusia yang dapat difaham oleh mereka yang menghayati hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah dan merekalah orang-orang yang benar-benar memahami sejauh mana ertinya kemesraan yang ditunjukkan oleh Allah itu.

وَيَهْدِيَكُمْ سُنَنَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ

"Dan menunjukkan kepada kamu peraturan-peraturan yang baik yang diikuti oleh orang-orang Mu'min sebelum kamu."

Yakni sistem ini adalah sistem Allah yang digariskannya untuk seluruh orang-orang yang beriman. Ia adalah satu sistem yang mempunyai asas-asas yang amat kukuh, dasar-dasar yang sama, tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat yang selaras. Ia adalah sistem hidup untuk kelompok Mu'minin dahulu dan kemudian. Ia adalah satu sistem hidup untuk satu umat yang sama yang menggabungkan angkatan iman di sepanjang abad.

Dengan penyataan ayat ini Al-Qur'an mengumpulkan seluruh orang-orang yang menerima hidayat Allah di setiap zaman dan tempat dan mendedahkan kesatuan dan persamaan sistem agama Allah di semua zaman dan tempat. Ia menghubungkan di antara kelompok Muslimin dengan angkatan iman yang bersambung di jalan yang panjang. Ia merupakan suatu tarikan perhatian yang membuat seorang Muslim sedar terhadap hakikat asal-usulnya, umatnya, sistem agamanya dan jalan hidupnya, iaitu ia sedar bahawa dia dari umat yang beriman kepada Allah, umat yang diikatkan oleh tali hubungan sistem hidup Ilahi di berbagai-bagai zaman dan tempat, di berbagai-bagai negeri dan bangsa. Seluruh mereka diikatkan oleh peraturan-peraturan Allah yang digariskan kepada orang-orang yang beriman dalam segala generasi dan segala suku bangsa.

وَيَتُوبَ عَلَيْكُمْ ۗ

"Serta menerima taubat kamu."

Yakni tujuan Allah S.W.T. menjelaskan hukum-hukumnya kepada kamu dan menunjukkan kepada kamu peraturan-peraturan yang baik yang diikuti oleh orang-orang Mu'min sebelum kamu ialah untuk memberi rahmat kepada kamu dan untuk membimbing kamu ke arah bertaubat dari kesalahan dan maksiat supaya dapat melicinkan jalan kepada kamu dan dapat membantu kamu berjalan di jalan itu.

وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٢٦﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(26)

Dari ilmu dan hikmat-Nya inilah lahirnya peraturan-peraturan dan undang-undang itu dan dari ilmu dan hikmat-Nya inilah juga lahirnya bimbingan-bimbingan itu, iaitu dari ilmu-Nya yang mengetahui segala rahsia hati dan keadaan kamu dan dari ilmu-Nya yang mengetahui segala sesuatu yang baik untuk kamu dan segala sesuatu yang tidak baik untuk kamu dan dari hikmat kebijaksanaan-Nya yang 'arif tentang tabi'at sistem hidup dan cara-cara pelaksanaannya.

* * * * * *

وَٱللَّهُ يُرِيدُ أَن يَتُوبَ عَلَيْكُمْ وَيُرِيدُ ٱلَّذِينَ
يَتَّبِعُونَ ٱلشَّهَوَٰتِ أَن تَمِيلُوا۟ مَيْلًا عَظِيمًا ﴿٢٧﴾

"Dan Allah mahu menerima taubat kamu, sedangkan orang-orang yang mengikut hawa nafsu mahu kamu sesat di dalam kesesatan yang amat besar."(27)

Sepotong ayat yang pendek ini menjelaskan hakikat tujuan yang dikehendaki Allah dengan sistem dan cara hidup yang dikurniakan kepada manusia itu, juga menjelaskan hakikat tujuan yang dikehendaki oleh orang-orang yang mengikut hawa nafsu terhadap mereka, iaitu orang-orang yang menyeleweng dari sistem hidup Ilahi, kerana setiap mereka yang menyeleweng dari sistem hidup Ilahi bererti mengikut hawa nafsu. Di sana hanya sistem hidup Ilahi sahaja yang merupakan sistem hidup yang serius, lurus, teguh dan patuh dan selain dari sistem ini adalah sistem yang mengikut hawa nafsu, mematuhi keinginan hati, menyeleweng, menyimpang dan sesat.

Apakah kehendak Allah terhadap manusia apabila dia menerangkan sistem agamaNya dan menggariskan undang-undang dan peraturan-Nya kepada mereka? Allah berkehendak menerima taubat mereka. Allah mahu memberi hidayat kepada mereka. Allah mahu menjauhkan mereka dari tempat-tempat yang menggelincirkan mereka ke dalam dosa. Allah mahu menolong mereka meningkatkan diri menuju ke puncak yang tinggi.

Apakah maksud yang dikehendaki oleh orang-orang yang mengikut hawa nafsu dan mendandankan kepada manusia sumber-sumber fikiran dan isme-isme yang tidak diizin dan disyari'atkan Allah kepada para hamba-Nya? Mereka mahu supaya mereka menyeleweng sejauh-jauhnya dari jalan Allah yang betul, dari tangga yang tinggi dan dari jalan yang lurus.

Dalam bidang khusus yang dihadapi oleh ayat-ayat yang telah lalu ini, iaitu bidang mengatur keluarga, membersih masyarakat, menentukan satu gambaran hubungan yang bersih yang diredhai Allah supaya menjadi asas pertemuan lelaki dan perempuan dan mengharamkan gambaran-gambaran hubungan yang lain darinya serta memburuk-burukkan gambaran-gambaran itu di dalam hati dan pandangan mata..... di dalam bidang ini apakah yang dikehendaki Allah dan apakah yang dikehendaki orang-orang yang mengikut hawa nafsu?

Apa yang dikehendaki Allah itu telahpun diterangkan di dalam ayat-ayat yang telah silam, iaitu Allah mahu mengatur keluarga, membersih masyarakat, memberi kemudahan-kemudahan dan kebaikan kepada kelompok Muslimin dalam segala keadaan.

Adapun tujuan yang dikehendaki oleh orang-orang yang mengikut hawa nafsu ialah mereka mahu membebaskan naluri seks dari segala ikatan agama atau akhlak, atau sosial. Mereka mahu nafsu seks yang bersemarak itu dilepas bebas tanpa sebarang pengawal dan tanpa sebarang brek, iaitu nafsu seks yang bersemarak yang membuat hati tidak tenang dan saraf tidak tenteram. Ia membuat rumahtangga tidak aman dan kehormatan tidak selamat dan seterusnya Ia tidak dapat membangun rumahtangga. Mereka mahu manusia kembali menjadi kumpulan haiwan di mana yang jantan boleh memperkosa yang betina dengan bebas tanpa sebarang kawalan selain dari kawalan kekuatan atau tipu helah atau cara yang bebas. Seluruh kemusnahan dan kerosakan akhlak ini dan seluruh kejahatan seks ini adalah dilakukan dengan nama kebebasan dan kebebasan dalam bentuk ini tidak lain dan tidak bukan melainkan adalah suatu nama yang lain bagi "keinginan hawa nafsu".

Inilah kesesatan yang besar yang diperingatkan Allah kepada orang-orang Mu'min. Ia memperingatkan tujuan-tujuan buruk yang dikehendaki oleh orang yang mengikut hawa nafsu terhadap mereka. Orang-orang ini berusaha dengan segala daya upaya mereka untuk mengembalikan masyarakat Islam kepada jahiliyah dalam bidang akhlak ini, di mana orang-orang Islam mencapai kemajuan yang tinggi dan unik dengan jasa sistem hidup Ilahi yang bersih. Dan itulah juga yang menjadi tujuan para penulis yang rendah dan alat-alat media massa yang hendak meleburkan saki-baki benteng di dalam masyarakat Islam yang menahankannya dari kebebasan haiwan, iaitu suatu kebebasan yang tidak mungkin terselamat darinya melainkan dengan kekuatan sistem hidup Ilahi apabila ia ditegakkan oleh kelompok Muslimin di muka bumi ini. Insya Allah.

Sentuhan yang akhir di dalam kata ulasan menerangkan rahmat Allah terhadap kelemahan manusia di dalam hukum-hukum dan peraturan-peraturan yang telah disyari'atkan Allah kepada mereka, menerangkan hukum yang ringan, peraturan yang mudah dan menghindarkan kesulitan, kesusahan dan kemudharatan dari mereka.

يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمْ ۚ وَخُلِقَ ٱلْإِنسَٰنُ



"Allah mahu memberi keringanan kepada kamu kerana manusia itu diciptakan dengan sifat yang lemah."(28)

Di dalam bidang mengatur keluarga yang dibicarakan oleh ayat-ayat yang silam termasuk segala peraturan, undang-undang, hukum-hukum dan bimbingannya, maka tujuan untuk memberi keringanan dan kemudahan kepada manusia itu amat jelas dan dapat dilihat pada pengakuan Allah terhadap keinginan seks semulajadi dan pada cara ia mengaturkan sambutan kepada keinginan itu dan cara la menyalurkan tenaga keinginan itu dalam hubungan yang baik, aman dan berguna dan di dalam suasana yang suci, bersih dan luhur tanpa membebankan para hamba-Nya supaya menahan dan menyekatkan keinginan semulajadi itu hingga mengakibatkan kesusahan dan menjadi mangsa godaan hawa nafsu dan tanpa membiarkan mereka bebas lepas menyahut keinginan nafsu mereka tanpa batas dan ikatan.

Adapun di dalam bidang kehidupan umumnya yang dikendalikan oleh sistem hidup Ilahi itu, maka tujuan untuk memberi keringanan itu juga kelihatan begitu jelas, kerana sistem ini meniaga dan melayani fitrah manusia, tenaga dan keperluan-kepeluannya yang haqiqi. Ia membebaskan seluruh tenaganya yang membina dan memasangkan pagar-pagar yang dapat memelihara tenaga itu dari terbuang kosong dan dari penyalahgunaan.

Ramai orang berfikir bahawa perbuatan mengikat diri dengan peraturan Allah terutama dalam hubungan-hubungan lelaki dan perempuan - adalah satu perbuatan yang menyulit dan menyusahkan sahaja, sedangkan tindakan bergerak bebas dengan orang-orang yang mengikut hawa nafsu itu memberi kemudahan dan kerehatan. Ini adalah satu sangkaan salah yang besar. Sebenarnya perbuatan melepaskan keinginan hawa nafsu yang bebas lepas dari sebarang batasan dan perbuatan semata-mata mencari keni'matan dalam setiap tindakan, iaitu perbuatan menepikan "kewajipan" - perbuatan tidak memberi tempat kepada kewajipan jika tujuan pokok dari hubungan seks ialah untuk mencapai kelazatan seks - dan menumpukan matlamat dari perhubungan lelaki dan perempuan di alam manusia itu kepada matlamat keni'matan yang dicari di dalam perhubungan yang seperti ini di dalam alam haiwan serta membersihkan hubungan-hubungan di antara dua jenis itu dari segala ikatan akhlak dan dari segala peraturan sosial... semua perbuatan ini pada lahirnya kelihatan mudah, senang dan bebas, tetapi pada hakikatnya adalah sulit, susah dan berat, maka kesan-kesannya dalam kehidupan masyarakat, malah dalam kehidupan setiap individu adalah buruk, merosak dan menjahanamkan.

Keruntuhan Akhlak Di Negeri Perancis Selepas Peperangan Dunia Yang Pertama

Melihat kepada kenyataan di dalam kehidupan masyarakat-masyarakat yang terlepas dari ikatan agama, akhlak dan ikatan perasaan malu dan segan di dalam perhubungan ini sudah cukup untuk menimbulkan perasaan takut di dalam hati andainya di sana masih ada hati.

Kekacauan hubungan seks merupakan cangkul pertama yang meleburkan tamadun-tamadun lama. Ia telah meleburkan tamadun Greek, tamadun Roman dan tamadun Parsi dan kekacauan hubungan seks inilah juga yang mulai menghancurkan tamadun Barat sekarang ini. Kesan-kesan kehancuran ini telah kelihatan hampir-hampir begitu sempurna di dalam keruntuhan umat Perancis yang telah lebih dahulu mengalami masalah kekacauan hubungan seks, dan kesan ini juga mulai kelihatan di Amerika, Sweden, England dan lain-lain negara tamadun baru.

Kesan-kesan kekacauan ini dapat dilihat lebih awal di Perancis dan inilah faktor yang membuat Perancis kalah dalam setiap peperangan yang diceburinya sejak tahun 1870 hingga kepada hari ini. Dan ia sedang dalam proses menuju kepada keruntuhan yang total sebagaimana dibuktikan oleh semua saksi-saksi. Pernyataan-pernyataan berikut merupakan setengah-setengah alamat yang mula kelihatan jelas selepas Peperangan Dunia yang Pertama:

Akibat pertama dari tindakan orang-orang Perancis yang mengikut nafsu seks mereka secara berleluasa ialah kemerosotan kekuatan jasmani mereka. Kekuatan mereka semakin hari semakin lemah, kerana keinginan nafsu yang terus galak itu melemahkan saraf mereka. Pemujaan nafsu keinginannya hampir-hampir merosakan kesabaran dan kegigihan mereka, perkembangan penyakit-penyakit kelamin telah merosakan kesihatan mereka. Oleh sebab itu dari permulaan abad dua puluh lagi pihak pemerintah Perancis menurunkan syarat bagi kekuatan dan kesihatan yang dikehendaki di dalam perkhidmatan tentera dalam masa beberapa tahun kerana bilangan pemuda yang mencukupi syarat-syarat bagi kekuatan dan kesihatan yang terdahulu itu masih terus berkurangan sedikit dan sedikit di kalangan umat Perancis. Ukuran perkhidmatan tentera ini adalah suatu ukuran yang betul dan tepat sama betul dan tepat dengan ukuran kepanasan badan yang membuktikan bagaimana berlakunya kemerosotan kekuatan jasmani di kalangan umat Perancis [6] di antara faktor kemerosotan yang paling penting ialah pengidapan penyakit kelamin. Ini dibuktikan oleh bilangan tentera yang terpaksa di lepaskan dari perkhidmatan tentera dan mereka terpaksa dihantar ke hospital-hospital di dalam dua tahun yang pertama peperangan dunia yang pertama akibat mengidap penyakit siplis. Jumlah mereka ialah seramai 75,000 orang. Dalam sebuah berek tentera yang pertengahan jumlah askar yang mengidap

---

[6] *Hal yang seperti ini juga berlaku sekarang di Amerika di mana terdapat 6 orang yang tidak layak memasuki perkhidmatan tentera dari setiap 7 orang dari kumpulan yang masuk usia perkhidmatan tentera. Undang-undang Allah tidak pernah mungkir.*

penyakit siplis sahaja serentak dalam satu waktu ialah sebanyak 242 orang. Di sini dapatlah dikhayalkan bagaimana malangnya nasib umat Perancis pada masa itu di mana - di satu sudut - ia berada dalam keadaan yang genting di antara hidup dan mati dan memerlukan kepada daya perjuangan setiap orang tenteranya untuk mempertahankan keselamatannya dan kewujudan-nya, di samping memerlukan kepada setiap franc dari harta kekayaannya yang di simpan. Semuanya menuntut pengorbanan kekuatan, masa dan sarana-sarana yang sebanyak mungkin untuk pertahanan negara, sedangkan - di sudut yang lain pula - terdapat ribuan anak-anak mudanya yang tidak dapat melaksanakan tugas-tugas pertahanan akibat terjerumus ke dalam keni'matan-keni'matan seks yang keterlaluan. Mereka bukan sahaja merugikan bangsa mereka setakat itu sahaja, malah mereka menghabiskan sebahagian besar dari wang negara dan sarana-sarananya untuk merawat dan mengubati mereka dalam keadaan-keadaan yang sulit dan genting itu.

"Ujar seorang pakar perubatan Perancis Dr. Leredde: Di Perancis seramai 30,000 orang mati setiap tahun kerana penyakit siplis dan berbagai-bagai penyakit yang lain yang mengikutnya. Penyakit siplis merupakan penyakit yang paling banyak membunuh umat Perancis selepas penyakit deman panas.

Ini hanya akibat dari satu penyakit sahaja dari penyakit-penyakit kelamin yang terdapat di Perancis selain dari penyakit ini di sana terdapat berbagai-bagai penyakit yang lain" [7]

Umat Perancis kian berkurangan bilangannya dalam bentuk yang begitu serius ini disebabkan kerana kemudahan memenuhi keinginan seks dan kekacauan hubungan-hubungan seks dan perbuatan menghindarkan diri dari mendapat anak tidak lagi memberi peluang untuk membentuk keluarga dan memantapkannya juga untuk memikul tangungjawab kanak-kanak yang lahirkan dari hubungan seks yang sambil lalu itu. Dari sinilah berpuncanya kekurangan perkahwinan dan kelahiran anak pinak dan membawa Perancis terhumban ke dalam gaung yang dalam.

"Tujuh atau lapan dalam seribu merupakan purata lelaki dan perempuan yang berkahwin di Perancis pada hari ini dan dari purata yang rendah ini dapatlah anda menganggar sendiri seramai mana penduduk Perancis yang tidak berkahwin. Kemudian jumlah orang-orang yang berkahwin yang kecil ini pula jarang di antara mereka yang berniat dengan perkahwinan itu untuk memelihara diri dari kejahatan seks dan mematuhi hidup yang baik, malah mereka bermaksud dengan perkahwinan itu ialah untuk mencapai segala tujuan yang lain dari tujuan yang baik ini sehingga ramai di antara mereka yang berkahwin dengan tujuan untuk menghalalkan anak zina yang telah dilahirkan oleh ibunya sebelum perkahwinan itu supaya anak itu menjadi anak yang sah dari segi undang-undang.

"Paul Bureau telah menulis: Di antara kebiasaan yang berlaku di kalangan kaum pekerja di Perancis ialah wanita mereka akan mengikat perjanjian dengan teman lelakinya sebelum dilakukan pernikahan rasmi di antara keduanya bahawa lelaki itu akan merima anaknya yang telah dilahirkan sebelum nikah itu sebagai anak yang sah kepadanya. Seorang perempuan telah datang memberi keterangan di sebuah mahkamah di bandar Siene katanya: Saya telah menyatakan kepada suami saya tentang perkahwinan ini, iaitu tujuan saya berkahwin dengannya ialah semata-mata untuk menghalalkan anak-anak yang telah saya lahirkan sebagai hasil perhubungan saya dengannya sebelum perkahwinan kami. Di waktu perkahwinan itu saya sama sekali tidak berniat untuk hidup bersamanya sebagai seorang isteri dan sekarang juga saya tidak mempunyai niat yang seperi itu. Oleh sebab itulah saya terus mengasingkan diri saya dari suami saya pada petang hari perkahwinan kami dan saya tidak pernah bertemu dengannya sehingga hari ini kerana saya tidak pernah berniat untuk hidup bersama dengannya sebagai suami isteri.

"Ujar Paul Bureau, seorang dekan sebuah kolej yang terkenal di Paris telah menyatakan bahawa kebanyakan pemuda menganggap perkahwinan hanyalah sebagai suatu cara mendapatkan khidmat perempuan simpanan di rumah mereka. Ini ialah kerana mereka telah hidup bebas dalam lembah kefasiqan seks selama 10 tahun atau lebih, kemudian tiba masa mereka merasa jemu terhadap kehidupan yang liar yang tidak tenteram itu lalu mereka berkahwin dengan perempuan pelacur itu sendiri supaya mereka dapat mengumpulkan di antara ketenangan rumahtangga dengan keni'matan berasmara dengan teman wanita yang bebas di luar rumah. [8]

"Demikianlah kejatuhan umat Perancis dan kekalahan mereka dalam setiap peperangan yang diceburinya dan demikianlah Perancis beransur-ansur mengundurkan diri dari pentas tamadun kemudian dari pentas kewujudan sehari demi sehari sehingga terlaksana undang-undang Allah yang tidak pernah mungkir walaupun kadang-kadang perjalanannya kelihatan lambat dibandingkan kepada kehendak manusia yang sentiasa gopoh itu.

Keruntuhan Akhlak Di Sweden Di Awal-awal 20-an

Adapun di dalam negara-negara yang masih kelihatan muda atau belum lagi kelihatan tanda-tanda

---

[7] *Dari buku "al-Hijab" oleh As-Sayyid Abul A'la Al-Maududi Amir Jama'ah Islamiyah, muka surat 52.*

[8] *Dari buku "Towards Moral Bankruptcy" oleh Paul Bureau (London, 1925) yang petik oleh Al-Maududi dari sumber yang sama, muka surat 53 - 54.*

kehancuran dengan begitu jelas, maka inilah contoh-contoh yang berlaku di dalam negara-negara itu.

Seseorang wartawan Mesir yang baru-baru ini telah melawat negeri Sweden berkata setelah ia menceritakan tentang kebebasan cinta di Sweden dan tentang kemewahan kebendaan dan jaminan-jaminan sosial dalam masyarakat sosialisnya yang misali itu.

"Jika impian kita yang paling tinggi ialah mewujudkan kepada rakyat taraf ekonomi yang cemerlang ini, menghapuskan perbezaan kelas dengan sistem sosialisnya yang berjaya ini dan menjamin keselamatan warganegara dari segala halangan kehidupan yang dapat difikirkan oleh akal. Jika kita berjaya mencapai impian yang indah ini yang kita telah berusaha dengan segala kekuatan dan potensi yang ada pada kita untuk merealisasikannya di negeri Mesir ini maka apakah kita rela menerima akibat-akibatnya yang lain? Apakah kita sanggup menerima aspek yang hitam dari masyarakat yang misali ini? Apakah kita sanggup menerima "kebebasan berasmara" dan kesan-kesannya yang buruk yang mengancam keruntuhan keluarga?

Marilah kita berbicara dengan angka..........

"Walaupun ada faktor-faktor yang mengalakkan ke arah hidup yang mantap dan ke arah pembentukan keluarga, tetapi garis petunjuk kepada bilangan penduduk Sweden condong ke arah kepupusan. Sekalipun kerajaan menyediakan bantuan perkahwinan kepada anak-anak gadis dan memberi persekolahan percuma kepada anak-anaknya sehingga keluar dari universiti, tetapi keluarga Sweden masih dalam perjalanan tidak melahirkan anak pinak.

"Ini dibanding pula dengan bilangan orang-orang yang berkahwin yang terus merosot dan bilangan anak-anak di luar nikah yang terus meninggi. Di samping itu dua puluh peratus dari anak-anak muda lelaki dan perempuan yang baligh selama-lamanya tidak berkahwin.

"Apabila zaman perindustrian bermula di Sweden, maka ia bermula bersama-sama dengan pertumbuhan masyarakat sosialis dalam tahun 1870. Nisbah ibu yang tidak bersuami pada tahun itu ialah 7 peratus kemudian nisbah ini meningkat kepada 16 peratus pada tahun 1920. Saya tidak mendapat banci-banci selepas itu, tetapi tidak syak lagi bahawa nisbah itu masih terus bertambah.

"Beberapa institusi 'ilmiyah telah menjalankan tanya selidik tentang 'asmara bebas' di Sweden. Hasil dari tanya selidik ini ternyata bahawa lelaki Sweden memulakan hubungan-hubungan kelaminnya tanpa kahwin dalam usia lapan belas tahun dan perempuan dalam usia lima belas tahun dan 95 peratus dari pemuda dalam usia 21 tahun telah mengadakan hubungan kelamin.

"Dan apabila kita berkehendakkan kepada perincian-perincian yang meyakinkan para pejuang 'asmara bebas', maka dapatlah kita berkata, bahawa 7 peratus dari hubungan kelamin ini dilakukan bersama tunang-tunang dan 35 peratus dilakukan dengan kekasih-kekasih dan 58 peratus dengan teman-teman sepintas lalu.

"Dan apabila-kita hendak rakamkan nisbah hubungan kelamin perempuan dengan lelaki sebelum usia dua puluh tahun, kita dapati 3 peratus dari hubungan ini berlaku dengan suami-suami orang lain, 27 peratus dengan tunang, 64 peratus dengan teman sepintas lalu.

"Mengikut penyelidikan-penyelidikan 'ilmiyah 89 peratus dari perempuan Sweden melakukan hubungan kelamin yang sempurna sebelum perkahwinan dan 20 peratus dari mereka tinggal membujang tanpa kahwin.

"Kebebasan asmara itu dengan sendirinya membawa kepada perkahwinan yang lewat dan kepada pertunangan yang lama masanya di samping bertambahnya bilangan anak-anak di luar nikah sebagaimana telah saya tegaskan sebelum ini.

"Hasil yang tabi'i dari keadaan-keadaan ini ialah bertambahnya kehancuran keluarga. Penduduk Sweden mempertahankan "kebebasan asmara" dengan alasan bahawa masyarakat Sweden memandang hina kepada perbuatan khianat selepas perkahwinan seperti mana-mana masyarakat lain yang bertamadun. Ini betul dan kami tidak menafikannya, tetapi mereka tidak mampu mempertahankan diri mereka dari aliran yang menuju kepada kepupusan anakpinak di samping meningkatnya nisbah perceraian yang menakutkan.

"Nisbah perceraian di Sweden merupakan satu nisbah yang tertinggi di dunia. Satu perceraian berlaku pada setiap enam atau tujuh perkahwinan mengikut bancian-bancian yang disediakan oleh Kementerian Urusan Kebajikan Sweden. Nisbah itu bermula kecil kemudian terus bertambah besar. Di dalam tahun 1925, 26 perceraian berlaku dalam 1,000 perkahwinan penduduk Sweden kemudian nisbah ini bertambah kepada 104 perceraian dalam tahun 1952 kemudian meningkat lagi kepada 114 dalam tahun 1954.

"Sebab pertambahan itu ialah kerana 30 peratus dari perkahwinan itu berlaku secara terpaksa, akibat kerana gadis itu telah mengandung. Perkahwinan darurat ini tentulah tidak kekal seperti perkahwinan biasa. Perceraian itu telah mendapat galakan apabila undang-undang Sweden tidak meletak apa-apa halangan di hadapan perceraian jika kedua-dua suami isteri itu memutuskan untuk bercerai. Perceraian itu dapat dilakukan dengan begitu mudah apabila salah seorang dari keduanya meminta talak, maka apa sahaja sebab yang mudah yang dapat dikemukakan olehnya boleh menghasilkan talak itu.

"Jika kebebasan berasmara dijamin di Sweden, maka di sana ada satu lagi kebebasan yang dini'mati oleh kebanyakan penduduk Sweden, iaitu kebebasan

tidak beriman kepada Allah. Di Sweden pergerakan-pergerakan pembebasan dari kuasa Gereja telah berkembang begitu luas. Gejala ini juga lumrah di Norway dan Denmark. Guru-guru di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi mempertahankan kebebasan ini dan menanamkannya di dalam minda anak-anak muda.

"Generasi baru menjadi sesat dan menyeleweng dan inilah satu gejala baru yang mengancam generasi baru di Sweden dan lain-lain negara Scandinavia. Ketiadaan iman pada mereka telah membuat mereka hanyut ke dalam penyelewengan kesesatan dan penagihan dadah dan minuman keras. Bilangan kanak-kanak keluarga yang mempunyai bapa yang menagih arak adalah dianggar seramai 175 ribu, iaitu bersamaan 10 peratus dari jumlah seluruh kanak-kanak keluarga. Bilangan kaum remaja yang menagih arak telah bertambah berlipat kali ganda dan bilangan mereka yang ditangkap oleh polis Sweden dalam keadaan mabuk yang teruk dalam peringkat usia di antara 15 dan 17 tahun menyamai tiga kali ganda bilangan orang-orang yang ditangkap kerana sebab yang sama 15 tahun yang lampau. Kebiasaan minum arak di kalangan remaja lelaki dan perempuan kian bertambah buruk diikuti oleh hakikat yang menakutkan.

"Sepuluh peratus dari kanak-kanak yang meningkat usia baligh di Sweden mengidap gangguan-gangguan akal. Mengikut ahli-ahli perubatan Sweden, 50 peratus dari pesakit-pesakit mereka mengidap gangguan-gangguan akal di samping penyakit-penyakit jasmani mereka. Tidak syak lagi bahawa sikap berleluasa meni'mati kebebasan tidak beriman akan menambahkan lagi pengidapan-pengidapan jiwa dan menambahkan sebab-sebab yang menghancurkan keluarga dan seterusnya mendekatkan mereka ke jurang kepupusan keturunan."

Keadaan di Amerika juga tidak kurang dari keadaan yang berlaku di Sweden ini, Amaran-amaran buruk berturutturut mengingatkan Amerika, tetapi umat Amerika yang masih muda tidak menghiraukan amaran-amaran itu, namun begitu faktor-faktor penghancur sedang bekerja di dalam diri mereka walaupun pada lahirnya mereka hidup mewah dan makmur. Ia bekerja dengan cepat melakukan penghancuran yang cepat dari dalam walaupun keadaan luaran kelihatan baik.

Ada rakyat Amerika dan British yang menjual rahsia-rahsia tentera Amerika dan British kepada musuh-musuh mereka bukan kerana mereka memerlukan wang, malah kerana mereka mengidap penyakit seks yang abnormal akibat dari kesan-kesan kekacauan hubungan seks yang lumrah di dalam masyarakat mereka.

Beberapa tahun yang lampau polis Amerika telah berjaya mengesan satu sindiket yang besar yang mempunyai cawangan di berbagai-bagai bandar yang dianggotai oleh peguam-peguam dan doktor-doktor iaitu dari golongan terpelajar. Tugas sindiket ini ialah menolong para suami dan isteri mendapat talak dengan mengadakan pasangan lelaki atau pasangan perempuan ketika mereka ditangkap dalam keadaan berzina. Ini disebabkan kerana setengah-setengah negeri di Amerika masih mengenakan syarat ini bagi diterima untuk menjatuhkan talak. Dengan ini dapatlah pihak yang benci itu mengangkatkan dakwaan terhadap kongsi hidupnya setelah ia ditangkap - melalui sindiket ini - sedang melakukan jenayah zina itu dan sindiket inilah yang telah menjatuhkannya ke dalam perangkapnya.

Di antara perkara yang diketahui umum di Amerika ialah wujudnya biro-biro yang bertugas mencari isteri-isteri dan suami-suami yang lari. Ini berlaku dalam masyarakat, di mana suami tidak mengetahui sama ada ia akan mendapati isterinya jika ia pulang ke rumah nanti atau isterinya telah lesap bersama kekasih yang lain dan di mana isteri tidak mengetahui sama ada suaminya yang telah keluar pagi tadi akan pulang kepadanya atau akan dirampas oleh seorang wanita yang lebih jelita dan lebih menarik darinya. Itulah masyarakat di mana rumahtangga-rumahtangga hidup di dalam keadaan gelisah dan tidak memberi peluang kepada saraf untuk beristirehat.

Di masa kebelakangan ini Presiden Amerika Syarikat mengumumkan bahawa enam dari tiap-tiap tujuh pemuda Amerika tidak layak memasuki perkhidmatan tentera dengan sebab keruntuhan akhlak yang dihayati mereka.

Lebih dari sesuku abad yang lampau sebuah majalah di Amerika menulis:

"Ada tiga agen syaitan yang mengepung dunia kita hari ini. Semuanya bekerja menyalakan api yang marak kepada penduduk dunia. Agen yang pertama ialah sastera lucah yang terus bertambah dagangannya dan kelarisannya selepas Peperangan Dunia Yang Pertama dengan kecepatan yang mengkagumkan. Agen yang kedua ialah filem wayang gambar yang bukan sahaja menyalakan sentimen cinta nafsu malah mengajar mereka kursus-kursus amali dalam bab berasmara. Agen yang ketiga ialah kejatuhan taraf akhlak pada kebanyakan wanita yang boleh dilihat pada pakaian-pakaian mereka, pada pendedahan 'aurat mereka, pada kebiasaan mereka yang banyak merokok dan pada pergaulan mereka yang bebas dengan kaum lelaki tanpa sebarang ikatan dan tanggungjawab. Ketiga-tiga agen perosak ini semakin hari semakin bertambah dan berkembang. Akibatnya ia akan membawa kepada keruntuhan tamadun dan perpaduan umat Kristian dan kehapusan keduanya pada akhir perkembangannya. Andainya kita tidak membataskan tekanannya, maka tidak syak lagi sejarah kita akan menjadi sama dengan sejarah Roman dan lain-lain

umat yang telah binasa dan hapus akibat kerana terlalu menurut nafsu syahwat, menagih minuman keras, berasmara, menari, berhibur dan menyanyi." [9]

Apa yang telah berlaku ialah Amerika tidak membataskan tekanan tiga agen syaitan ini, malah menyerah kalah kepadanya dan terus berjalan di jalan yang telah dilalui oleh umat Roman.

Seorang wartawan yang lain menulis tentang gelombang penyelewengan muda-mudi Amerika, British dan Perancis untuk memperkecilkan keruntuhan akhlak mudamudi kita katanya:

"Gelombang perlakuan jenayah telah berkembang dalam kalangan remaja Amerika. Gabenor wilayah New York telah mengumumkan bahawa beliau akan menjadikan projek mengatasi masalah ini sebagai projek utama dalam rancangan reformasi yang akan dilaksanakan di dalam wilayah ini. Dan beliau telah berjanji untuk mengadakan kawasan-kawasan pertanian dan pusat-pusat Islah dan didikan, kelab-kelab sukan dan sebagainya......, tetapi beliau menjelaskan bahawa projek untuk mengatasi penagihan dadah yang berkembang - khususnya - dalam kalangan pelajar-pelajar universiti - di antaranya dadah ganja dan kokain - adalah tidak termasuk dalam rancangannya kerana beliau menyerah perkara ini kepada pihak berkuasa kesihatan.

Di England kejadian mencabul kehormatan perempuan dan anak-anak gadis di jalan-jalan kampung telah berlaku dengan banyak di dalam dua tahun kebelakangan ini. Dalam kebanyakan kes pencabulan kehormatan, maka yang melakukan jenayah ini ialah anak muda remaja. Dalam setengah-setengah kes penjenayah mencekik gadis atau kanak-kanak perempuan yang dicabulinya hingga mati supaya rahsianya tidak terbuka atau supaya gadis dan kanak-kanak itu tidak mengenalinya apabila pihak polis menunjukkannya kepada mereka.

"Dua bulan yang lepas seorang lelaki tua dalam perjalanannya ke sebuah kampung telah terserempak dengan seorang anak muda sedang meniduri seorang gadis. Orang tua ini menghampiri mereka dan menunyah anak muda itu dengan tongkatnya sambil memarahi dan mengecamnya bahawa perbuatan yang dilakukannya itu tidak seharusnya dilakukan di tengah jalan umum. Anak muda itu terus bangkit dan menendang perut orang tua itu dengan sekuat-kuatnya dan menyebabkan orang tua itu rebah. Di sini anak muda itu menyepak kepala orang tua itu dengan kasutnya dengan tendangan-tendangan yang kejam hingga kepalanya pecah. Anak muda itu berusia lima belas tahun dan anak gadis itu pula berusia tiga belas tahun."

Sebuah jawatankuasa di Amerika yang terdiri dari empat belas orang yang ditugas mengawasi keadaan akhlak di negeri Amerika telah mengemukakan laporannya bahawa 90 peratus dari rakyat Amerika mengidap penyakit kelamin. Ini sebelum ditemui ubat-ubat antibiotik seperti penicillin dan Stryptomycins.

Hakim Lindsey dari bandar Denver, Colorado, Amerika Syarikat, telah menulis bahawa dari setiap dua perkahwinan ada satu kes perceraian.

Kini Penyakit Keruntuhan Mengambil Alih Penyakit-penyakit Fizikal Yang Kronis

Dr. Alexis Carrel yang terkenal di dunia antarabangsa telah menulis di dalam bukunya "Man, The Unknown" (Manusia Yang Majhul):

"Walaupun kita sedang mencapai kejayaan menghapuskan penyakit cerit-berit kanak-kanak, penyakit batuk kering, penyakit kerongkong dan deman typhoid. Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh penyakit kerosakan dan keruntuhan akhlak. Di sana terdapat sebilangan besar pengidap-pengidap penyakit-penyakit saraf dan akal. Di setengah-setengah wilayah di Amerika bilangan orang-orang gila yang berada di pusat-pusat kesihatan melebihi bilangan pesakit-pesakit yang ada di semua hospita-hospital yang lain. Seperti pengidapan gila, pengidap gangguan saraf dan kelemahan daya akal semakin bertambah. Pengidapan-pengidapan ini merupakan anasir yang paling aktif yang membawa kecelakaan kepada individu-individu dan menghancurkan keluarga. Kerosakan akal lebih merbahaya kepada tamadun dari penyakit-penyakit yang berjangkit yang menjadi tumpuan perhatian pakar-pakar kesihatan dan perubatan sehingga sekarang ini".

* * * * * *

Sistem Hidup Ilahi Yang Mudah Dan Ringan

Inilah sebahagian dari penderitaan yang ditanggung oleh umat manusia yang sesat di dalam jahiliyah mereka yang moden kerana mereka mengikuti orang-orang yang memuja nafsu syahwat dan tidak mahu kembali kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah, iaitu satu sistem yang senang dan ringan kepada manusia yang lemah, satu sistem yang dapat memeliharakan mereka dari hawa nafsu mereka dan dapat membimbing mereka ke jalan yang aman dan menyampaikan mereka kepada taubat, kebaikan dan kebersihan.

وَٱللَّهُ يُرِيدُ أَن يَتُوبَ عَلَيۡكُمۡ وَيُرِيدُ ٱلَّذِينَ
يَتَّبِعُونَ ٱلشَّهَوَٰتِ أَن تَمِيلُواْ مَيۡلًا عَظِيمٗا ٢٧
يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمۡۚ وَخُلِقَ ٱلۡإِنسَٰنُ
ضَعِيفٗا ٢٨

"Dan Allah mahu menerima taubat kamu, sedangkan orang-orang yang mengikut hawa nafsu mahu kamu sesat di dalam

---

[9] *Dipetik dari buku "al-Hijab" oleh al-Maududi muka surat 129 - 130.*

kesesatan yang amat besar (27). Allah mahu memberi keringanan kepada kamu kerana manusia itu dicipta dengan sifat yang lemah."(28)

Ceraian yang kedua di dalam pelajaran ini membicarakan sebahagian dari hubungan-hubungan kewangan di dalam masyarakat Islam untuk mengaturkan cara-cara bermu'amalah di bidang ini agar kebersihan mu'amalah itu terjamin di antara anggota-anggota masyarakat umumnya, dan pada akhirnya untuk mengaturkan cara bermu'amalah di dalam 'akad al-wala' (الولاء) yang lumrah di dalam jahiliyah dan dalam bahagian yang pertama di permulaan Islam untuk menamatkan peraturan ini dan menentukan hak warisan itu kepada kerabat-kerabat sahaja dan mencegah 'akad al-wala' yang baru.

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 33)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم
بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٍ
مِّنكُمْ ۚ وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾
وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ عُدْوَٰنًا وَظُلْمًا فَسَوْفَ نُصْلِيهِ نَارًا ۚ
وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾
إِن تَجْتَنِبُوا۟ كَبَآئِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ
عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَنُدْخِلْكُم مُّدْخَلًا
كَرِيمًا ﴿٣١﴾
وَلَا تَتَمَنَّوْا۟ مَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بِهِۦ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ
لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا ٱكْتَسَبُوا۟ ۖ وَلِلنِّسَآءِ نَصِيبٌ
مِّمَّا ٱكْتَسَبْنَ ۚ وَسْـَٔلُوا۟ ٱللَّهَ مِن فَضْلِهِۦٓ ۗ إِنَّ
ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾
وَلِكُلٍّ جَعَلْنَا مَوَٰلِىَ مِمَّا تَرَكَ ٱلْوَٰلِدَانِ
وَٱلْأَقْرَبُونَ ۚ وَٱلَّذِينَ عَقَدَتْ أَيْمَٰنُكُمْ
فَـَٔاتُوهُمْ نَصِيبَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ شَهِيدًا ﴿٣٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan harta kamu di antara sesama kamu dengan jalan yang salah kecuali dengan perantaraan perniagaan yang dilakukan dengan cara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih terhadap kamu (29). Dan sesiapa yang melakukan perbuatan itu secara menceroboh dan zalim, maka kami akan masukkannya ke dalam Neraka. Dan balasan itu amat mudah kepada Allah (30). Jika kamu menjauhkan dosa-dosa yang besar yang dilarangkan kamu melakukannya nescaya kami hapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan kami masukkan kamu di tempat yang mulia (31). Dan janganlah kamu irihati terhadap apa yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu melebihi kurnia-Nya kepada sebahagian yang lain. Kaum lelaki mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka dan kaum perempuan juga mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka dan pohonkanlah kepada Allah limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan segala sesuatu (32). Dan bagi setiap (simati) Kami telah tetapkan orang-orang yang berhak mewarisi harta peninggalannya iaitu ibubapa dan kerabat yang dekat dan orang-orang yang kamu telah berikat setia dengan mereka, maka berikanlah kepada mereka bahagian mereka sesungguhnya Allah amat menyaksi terhadap segala sesuatu."(33)

Ini adalah satu siri dari siri-siri tarbiyah dan satu siri dari siri-siri perundangan. Tarbiyah dan perundangan di dalam sistem Islam merupakan dua perkara yang berkait rapat atau sepadu. Yang dilihat dalam perundangan ialah aspek tarbiyahnya di samping dilihat kepada aspek peraturan yang menyusun urusan-urusan kehidupan yang berlaku seharian. Bimbingan-bimbingan yang menyertai perudangan itu dilihat pada aspek tarbiyahnya yang mendidik hati nurani di samping dilihat kepada aspek pelaksanaan yang baik yang terbit dari kesedaran terhadap kepentingan perundangan itu dan kemuslihatan yang wujud padanya. Perundangan dan bimbingan yang menyertainya dilihat pada kedua-keduanya pada aspek bagaimana ia menghubungkan hati dengan Allah, bagaimana ia menimbulkan kesedaran terhadap sumber yang melahirkan sistem perundangan dan bimbingan yang sepadu ini. Inilah ciri sistem Rabbani bagi kehidupan manusia....... ciri kesepaduan inilah yang dapat membaikkan kehidupan yang wujud dalam realiti dan serentak itu juga membaikkan hati nurani manusia.

Di sini di dalam ceraian ini kita dapati larangan yang dikemukakan kepada orang-orang yang beriman supaya jangan memakan harta di antara sesama mereka dengan cara yang salah di samping dikemukakan penerangan tentang cara yang halal untuk mencari keuntungan dalam pertukaran harta di dalam kegiatan perniagaan dan di samping itu kita dapati perbuatan makan harta dengan jalan yang salah itu digambarkan sebagai perbuatan yang membunuh jiwa manusia, iaitu ia membawa kepada kebinasaan dan kemusnahan dan di samping itu pula kita dapati amaran dari 'azab Akhirat dan jilatan api Neraka dan sekaligus itu juga kita dapati kenyataan kemudahan dari Allah dan janji keampunan dan

penghapusan dosa dari-Nya, juga jaminan pertolongan kerana kelemahan dan kemaafan kerana ketaksiran. Seterusnya di sini juga kita dapati satu pendidikan untuk hati supaya jangan irihati kepada ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepada orang lain, malah berdo'alah kepada Allah dan pohonlah limpah kurnia itu dari-Nya kerana Dialah tuan yang memiliki limpah kurnia itu. Bimbingan itu disertakan dengan penjelasan menetapkan hak kaum lelaki dan habuan mereka dalam hasil pendapatan yang diusahakan mereka, juga hak kaum perempuan dan habuan mereka dalam hasil pendapatan yang diusahakan mereka. Kedua-dua pernyataan itu diiringi dengan kata ulasan bahawa Allah Maha Mengetahui dengan segala sesuatu. Begitu juga penerangan tentang menguruskan 'aqad wala' dan perintah supaya 'aqad itu ditunaikan dengan sempurna adalah disertai dengan kata ulasan bahawa Allah amat menyaksi segala sesuatu. Semuanya itu merupakan sentuhan-sentuhan perasaan yang berkesan yang menyertai perundangan dan bimbingan-bimbingan yang terbit dari ciptaan Allah Yang Maha Mengetahui dengan hakikat manusia, dengan pembentukan jiwanya dengan selok-belok jalan-jalan dan lorong-lorong hatinya yang banyak itu.

* * * * * *

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم
بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٍ
مِّنكُمْ ۚ وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾
وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ عُدْوَٰنًا وَظُلْمًا فَسَوْفَ نُصْلِيهِ نَارًا ۚ
وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan harta kamu di antara sesama kamu dengan jalan yang salah kecuali dengan perantaraan perniagaan yang dilakukan dengan cara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih terhadap kamu (29). Dan sesiapa yang melakukan perbuatan itu secara menceroboh dan zalim, maka kami akan masukkannya ke dalam Neraka. Dan balasan itu amat mudah kepada Allah."(30)

Seruan ini dihadapkan kepada orang-orang yang beriman dan mereka dilarang memakan harta di antara sesama mereka dengan cara yang salah.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم
بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan harta kamu di antara sesama kamu dengan jalan yang salah."

Larangan ini menyarankan tindakan pembersihan terhadap saki-baki keladak kehidupan jahiliyah yang masih wujud di dalam masyarakat Islam. Di dalam ayat ini hati nurani kaum Muslimin dirangsangkan dengan seruan "*wahai orang-orang yang beriman*". Ia menghidupkan tuntutan-tuntutan keimanan dan tuntutan-tuntutan sifat beriman yang dijadikan seruan untuk melarang mereka dari memakan harta mereka di antara sesama mereka dengan jalan yang salah.

Makan harta dengan jalan yang salah merangkumi segala cara pertukaran dan peredaran wang di antara sesama mereka yang tidak diizinkan Allah atau yang dilarangkan Allah. Di antaranya ialah perbuatan menipu, menerima atau memberi rasuah, berjudi, menyorok barang-barang keperluan dengan tujuan menaikkan harganya, segala jenis jual-beli yang diharamkan dan terutamanya riba. Kami tidak dapat pastikan sama ada nas ini diturunkan selepas diharamkan riba atau sebelumnya. Andainya ayat ini diturunkan sebelumnya, maka ia merupakan sebagai penerangan pendahuluan sebelum diumumkan tegahan atau pengharamannya, kerana riba merupakan cara makan harta orang lain secara salah yang paling berat, dan andainya ayat ini diturunkan selepasnya, maka ia merangkumi riba bersama-sama dengan segala jenis perbuatan makan harta orang lain dengan jalan yang salah.

Al-Qur'an mengecualikan mu'amalat perniagaan yang dilakukan dengan semangat suka sama suka di antara penjual dan pembeli.

إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ ۚ

"Kecuali dengan perantaraan perniagaan yang dilakukan dengan cara suka sama suka di antara kamu."

Ini adalah sesuatu pengecualian yang munqati' (إستثناء منقطع) penjelasan ialah: Tetapi jika cara itu berupa perniagaan yang dilakukan dengan semangat suka sama suka di antara kamu, maka ia tidak termasuk dalam larangan ayat yang silam. Namun mu'amalah perniagaan yang diterangkan sedemikian rupa di dalam ayat Al-Qur'an menyarankan bahawa mu'amalah itu mempunyai semacam hubungan dengan mu'amalah-mu'amalah yang lain yang disifatkan sebagai mu'amalah-mu'amalah yang memakan harta orang lain dengan jalan yang salah dan kita dapat memahami hubungan ini apabila kita kenangkan keterangan yang disebutkan di dalam ayat-ayat yang melarang makan riba tentang alasan pemakan-pemakan riba yang menentang pengharaman riba dengan kata-kata mereka:

إِنَّمَا ٱلْبَيْعُ مِثْلُ ٱلرِّبَوٰا۟ ۗ

"Sesungguhnya jual-beli itu sama dengan riba"

(Surah al-Baqarah: 275)

lalu Allah menjawab perkataan mereka di dalam ayat yang sama:

وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا۟

"Sedangkan Allah telah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba."

(Surah al-Baqarah: 275)

Para pemakan riba cuba mengabui mata apabila mereka mempertahankan sistem ekonomi riba yang terkutuk itu dengan mengemukakan alasan bahawa jualbeli - iaitu perniagaan - juga melahirkan pertambahan harta dan keuntungan dan kerana itu ia sama dengan mu'amalah riba, oleh itu tidak ada ertinya menghalalkan jual-beli tetapi mengharamkan riba.

Perbezaan di antara tabi'at proses perniagaan dengan tabi'at proses makan riba amatlah jauh. Begitu juga perbezaan amat jauh di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disumbangkan oleh perniagaan kepada perindustrian dan kepada orang ramai dengan bala malapetaka yang dicurahkan oleh riba ke atas perniagaan dan orang ramai.

Perniagaan merupakan orang tengah yang berguna di antara pihak peridustrian dengan pihak penguna. Ia bertugas melaris dan memasarkan barangan-barangan dan kerana itu ia boleh menambahkan kebagusan barangan-barangan itu dan memudahkan kepada orang ramai mendapatkannya. Oleh itu ia memberi perhidmatan kepada dua pihak (pihak industri dan pihak penguna). Ia dapat diambil faedah melalui perkhidmatan ini iaitu pengambilan faedah yang bergantung kepada kemahiran dan usaha kerajinan dan dalam waktu yang sama terdedah kepada keuntungan atau kerugian.

Riba pula berlainan sama sekali dari perniagaan, ia memberatkan pihak industri dengan bunga-bunga atau faedah-faedah yang ditambahkan kepada belanja asal pengeluaran, ia memberatkan perniagaan dan pihak pengguna kerana terpaksa membayar bunga-bunga yang dikenakan ke atas pihak industri itu dan dalam waktu yang sama sebagaimana yang dapat dilihat di dalam sistem kapitalis ketika ia sampai kemuncaknya - ia mengarahkan pihak industri dan pelaburan ke suatu haluan yang tertentu tanpa menghiraukan kepentingan pihak industri dan kepentingan orang ramai selaku penguna, malah matlamat utamanya ialah mencapai keuntungan yang lebih banyak untuk memulihkan pihak industri membayar bunga-bunga hutang perindustrian, walaupun orang ramai terpaksa mengunakan bahan-bahan mewah dan tidak mendapat barang-barang keperluan yang dikehendaki mereka dan walaupun pelaburan itu dilakukan dalam proiek-projek yang amat rendah yang hanya merangsangkan nafsu keinginan manusia dan menghancurkan keperibadian mereka. Selain dari itu dalam mu'amalah riba modal sentiasa mendapat keuntungan dan tidak terlibat di dalam pusingan-pusingan kerugian seperti di dalam mu'amalah perniagaan, ia juga kurang bergantung kepada daya usaha manusia seperti daya usaha yang sungguh-sungguh dikorbankan di dalam mu'amalah perniagaan, malah di sana terdapat bebagai-bagai tuduhan yang buruk terhadap sistem, iaitu tuduhan-tuduhan yang menuntut ia dihukum bunuh sebagaimana ia telah dihukum bunuh oleh Islam.

Barangkali kerana adanya hubungan di antara mu'amalah riba dan mu'amalah perniagaan inilah, maka pengecualian yang berbunyi "*kecuali dengan perantaraan perniagaan yang dilakukan dengan cara suka sama suka di antara kamu*" disebut selepas larangan dari memakan harta dengan jalan yang salah, iaitu dalam bentuk pengecualian yang munqati' mengikut kaedah ahli Nahu.

وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

"Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih terhadap kamu."(29)

Kata-kata iringan ini disebut selepas larangan memakan harta dengan jalan yang salah dan ia menyarankan bahawa perbuatan-perbuatan memakan harta dengan jalan yang salah itu merupakan perbuatan-perbuatan yang membawa kesan-kesan yang memusnahkan kehidupan masyarakat, iaitu perbuatan-perbuatan yang sama dengan proses membunuh. Allah bertujuan memberi rahmat kepada orang-orang yang beriman apabila Allah melarangkan mereka dari melakukan perbuatan itu.

Apa yang telah berlaku memanglah begitu. Apabila amalan memakan harta dengan cara-cara yang salah itu berlaku dengan lumrahnya di dalam mana-mana masyarakat, iaitu dengan cara-cara riba, tipu, judi, monopoli, pemalsuan, penggelapan, putar-belit, rasuah, mencuri dan menjual sesuatu yang tidak seharusnya dijual seperti maruah, tanggungjawab hati nurani, akhlak dan agama dan sebagainya dari amalan-amalan curang yang begitu lumrah diamalkan di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah dahulu dan sekarang. Apabila amalan-amalan yang seperti ini lumrah di dalam mana-mana masyarakat, maka bererti ia telah membunuh dirinya sendiri dan menghumbankan dirinya ke dalam gaung kebinasaan.

Allah hendak memberi rahmat kepada orang-orang yang beriman dari menjadi mangsa pembunuhan yang memusnahkan kehidupan masyarakat dan membinasakan jiwa itu. Inilah sebahagian dari iradat Allah yang hendak memberi kemudahan dan keringanan kepada mereka, dan menampung kelemahan manusia yang membinasakan mereka apabila mereka meninggalkan bimbingan Allah dan memilih bimbingan orang-orang yang menganjur mereka supaya mengikut keinginan hawa nafsu.

Kemudian diiringi dengan ancaman 'azab Akhirat. Ia mengancam mereka yang makan harta di antara sesama mereka dengan jalan yang salah, dengan cara menceroboh dan aniaya. Ia mengancam mereka dengan 'azab Akhirat selepas memberi amaran kepada mereka dengan kebinasaan pembunuhan di dunia yang merangkumi seluruh mereka sama ada golongan pemakan riba atau golongan mangsa yang dimakan riba, kerana seluruh anggota masyarakat adalah dikira bertanggungjawab dalam memikul tanggung-jawabnya. Apabila mereka membiarkan keadaan-keadaan dan kedudukan-kedudukan yang zalim yang memakan harta-harta secara haram itu kerana itu mereka wajar menerima keputusan undang-undang Allah di dunia dan Akhirat.

وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ عُدْوَانًا وَظُلْمًا فَسَوْفَ نُصْلِيهِ نَارًا ۚ
وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

"Dan sesiapa yang melakukan perbuatan itu secara menceroboh dan zalim, maka kami akan masukkannya ke dalam Neraka. Dan balasan itu amat mudah kepada Allah."(30)

Demikianlah sistem hidup Islam meliputi semua aspek hidup seseorang di dunia dan di Akhirat ketika ia mengaturkan undang-undang dan peraturan untuknya dan ketika ia mengeluarkan bimbingan-bimbingan dan arahan-arahan kepadanya. Ia membuat seseorang itu berwaspada, berhatihati dan sedar menyambut bimbingan dan melaksanakan peraturan. Ia membuat anggota-anggota masyarakat menjadi pengawas terhadap satu sama lain kerana seluruh mereka dikira bertanggungjawab. Seluruh mereka akan menerima nasib pembunuhan dan kebinasaan di dalam kehidupan dunia dan seluruh mereka akan dihisab pada hari Akhirat di atas kecuaian mereka membiarkan keadaan-keadaan hidup yang tidak betul itu.

وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

"Dan balasan itu amat mudah kepada Allah."(30)

Tiada suatu pun yang dapat mencegah dan menghalangnya. Dan balasannya tidak pernah mungkir apabila telah wujud segala sebab-sebabnya.

Sebagai balasan terhadap usaha menjauhkan diri dan melakukan dosa-dosa yang besar dan di antaranya termasuk makan harta di antara sesama mereka dengan jalan yang salah, maka Allah berjanji akan mengurniakan rahmat-Nya, keampunan-Nya dan kemaafan-Nya terhadap kesalahankesalahan yang lain dari dosa-dosa yang besar kerana menimbangkan kelemahan mereka, memberi kemudahan kepada mereka, menenangkan hati mereka dan menolong mereka melindungkan diri mereka dari Neraka dengan menjauhi dosa-dosa yang besar:

Menjauhkan Diri Dari Dosa-dosa Yang Besar

إِن تَجْتَنِبُوا۟ كَبَآئِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ
عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَنُدْخِلْكُم مُّدْخَلًا
كَرِيمًا ﴿٣١﴾

"Jika kamu menjauhkan dosa-dosa yang besar yang dilarangkan kamu melakukannya nescaya kami hapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan kami masukkan kamu di tempat yang mulia."(31)

Alangkah tolerannya agama ini! Alangkah mudah peraturannya! Walaupun ia penuh dengan seruan ke arah keluhuran, ketinggian, kesucian, kebersihan dan keta'atan dan walaupun ia penuh dengan tugas-tugas kewajipan dan peraturan-peraturan dan penuh dengan suruhan-suruhan dan tegahan-tegahan yang bertujuan untuk membentuk jiwa yang suci bersih dan untuk membangun sebuah masyarakat yang bersih dan sihat.

Seruan-seruan dan tugas-tugas ini - dalam waktu yang sama - tidak pernah melupakan kelemahan dan kekurangan manusia dan tidak pernah melewati batas-batas keupayaan dan kemampuannya, tidak pernah mengabaikan fitrahnya, batas-batas fitrahnya dan motif-motif fitrahnya dan tidak pernah melupakan selok-belok jalan-jalan dan lorong-lorong yang sebegitu banyak di dalam hatinya.

Di sinilah terletaknya keseimbangan di antara taklif dengan keupayaan, di antara keinginan-keinginan dengan keperluan-keperluan di antara dorongan-dorongan dengan daya-daya pencegah, di antara perintah dengan larangan, di antara galakan dengan ancaman di antara ugutan dengan 'azab ketika melakukan maksiat dengan galakan mendapat keampunan dan kemaafan yang mendalam.

Bagi agama ini cukuplah juga manusia itu dapat menyempurnakan pemusatan arah tujuannya kepada Allah dengan tulus ikhlas dan mengorbankan segala daya usahanya untuk menta'ati perintah-Nya dan mencapai keredhaan-Nya dan selepas itu di sana terletak rahmat Allah yang bertimbangrasa terhadap kelemahan dan bersimpati terhadap kekurangan, iaitu rahmat Allah yang menerima taubat, memaafkan ketaksiran, menghapuskan dosa-dosa dan membuka pintu kepada mereka yang ingin pulang kepada Allah dengan penuh kemesraan dan penghormatan.

Tanda seseorang itu telah mengorbankan daya usahanya ialah ia menjauhi dosa-dosa besar yang dilarangkan Allah. Tetapi perbuatan mengerjakan dosa-dosa besar sedangkan ia sangat besar dan jelas dan seseorang itu tidak melakukannya kecuali ia jahil atau tidak siuman - maka itulah tanda ia belum lagi mengorbankan daya usaha yang dituntut darinya. Ia belum lagi menggunakan tenaga untuk melawan dorongan kejahatan itu, tetapi walaupun ia melakukan dosa yang besar itu, namun, taubat yang ikhlas darinya masih diterima Allah dengan rahmat-Nya yang telah diwajibkan ke atas dirinya. Allah telah menyatakan:

وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا۟ فَٰحِشَةً أَوْ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ
ذَكَرُوا۟ ٱللَّهَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ
ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا۟ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا۟ وَهُمْ
يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

"Dan mereka yang apabila mengerjakan perbuatan yang keji atau menganiayai diri sendiri mereka teringat kepada Allah lalu mereka memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang berkuasa mengampunkan dosa melainkan Allah - dan mereka tidak terus berdegil melakukan perbuatan keji yang telah dilakukan mereka, sedangkan mereka mengetahui."

(Surah Aali 'Imran: 135)

Dan Allah masukkan mereka ke dalam golongan para Muttaqin.

Yang menjadi pokok pembicaraan kita di sini ialah penghapusan kesalahan-kesalahan dan dosa-dosa secara langsung dari Allah apabila kita menjauhi dosa-dosa yang besar, di sini Allah mengemukakan janjinya dan beritanya yang baik kepada orang-orang yang beriman.

Adapun persoalan mengenai apakah dosa-dosa yang besar itu, maka di sana terdapat hadith-hadith yang menyebut berbagai-bagai jenis dosa-dosa itu tetapi tidak membutirkannya secara terperinci. Ini terbukti kerana setiap hadith itu hanya menyebut sekumpulan dosa yang kadang-kadang lebih atau kurang dari apa yang disebut oleh hadith-hadith yang lain. Ini menunjukkan bahawa hadith-hadith itu masing-masing menghadapi kes-kes tertentu yang telah berlaku lalu ia menyebut bahagian dosa-dosa besar dalam setiap hadith yang sesuai dengan latar belakang kes yang berlaku itu. Seorang Muslim yang insaf tidak sukar baginya untuk mengenalkan dosa-dosa besar walaupun ia berbeza-beza dari segi bilangan dan jenis di antara satu masyarakat ke satu masyarakat di antara satu generasi ke satu generasi.

Di sini eloklah kami sebutkan cerita Sayidina 'Umar ibn al-Khattab r.a. seorang Khalifah yang sangat hemat, tegas dan peka terhadap perbuatan-perbuatan maksiat. Kisah ini menjelaskan bagaimana Islam telah membetulkan perasaannya yang halus dan tajam dan bagaimana Islam meletakkan neraca keadilan yang amat peka di tangannya ketika ia mentadbirkan urusan masyarakat Islam dan urusan hati manusia.

Ujar Ibn Jarir aku telah diceritakan oleh Ya'kub ibn Ibrahim, kami telah diceritakan oleh Ibn 'Aliyah daripada Ibn 'Aun dari al-Hassan bahawa ada sekumpulan orang bertanya Abdullah ibn 'Amr di Mesir kata mereka: Kami lihat banyak perkara di dalam Al-Qur'an yang Allah suruh, tetapi tidak dibuat, jadi kami mahu mengadap Amirul-Mu'minin untuk bertanyakan perkara ini. Lalu Abdullah ibn 'Amr pun datang ke Madinah bersama mereka dan mengadap Amirul-Mu'minin 'Umar ibn al-Khattab r.a. Lalu beliau bertanya, "Bila anda datang ke mari?" Jawab Amr sejak sekian-sekian. Beliau bertanya lagi, "Apakah anda datang dengan mendapat keizinan?" Kata al-Hassan: "Aku tidak tahu bagaimana 'Amr menjawab: Dia berkata: "Wahai Amirul-Mu'minin, ada sekumpulan orang datang menemui saya di Mesir dan berkata: Kami melihat banyak perkara di dalam Al-Qur'an yang Allah suruh, tetapi tidak dibuat dan kerana itu mereka suka hendak mengadap anda mengenai perkara ini."Jawab AmirulMu'minin 'Umar ibn al-Khattab, " Baiklah, kumpulkan mereka untuk bertemu dengan saya". Kata 'Amr: Aku pun kumpul mereka. Ujar Abu 'Aun, aku fikir 'Amr berkata: "Di bilik pertemuan". Lalu Amirul-Mu'minin memegang seorang yang paling dekat dari mereka lalu berkata kepadanya, "Saya pinta dengan nama Allah dan dengan kewajipan Islam di atas anda adakah anda membaca seluruh isi Al-Qur'an?" Jawab lelaki itu, "Ya." beliau mendesak lagi: "Adakah anda hitungkan semuanya telah terlaksana belaka pada diri anda?" Jawab lelaki: "Tidak". Andainya dia jawab "Ya" tentulah Amirul-Mu'minin akan membantah percakapannya kemudian beliau bertanya lagi: "Adakah anda hitungkannya terlaksana belaka pada pandangan mata anda? Adakah anda hitungkannya terlaksana belaka pada tutur kata anda? Adakah anda hitungkannya terlaksana belaka pada tindak-tanduk anda?" Kemudian Amirul-Mu'minin memeriksa mereka seorang demi seorang sehingga habis. Lalu beliau berkata: "Lebih baik anak emak 'Umar ini mati sahaja apakah kamu hendak menyuruh dia menegakkan semua manusia di atas Al-Qur'an belaka? Sedangkan Allah Tuhan kita sendiri mengetahui bahawa kita akan melakukan banyak kesalahan dan dosa. Kemudian beliau membaca:

إِن تَجْتَنِبُوا۟ كَبَآئِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ
عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَنُدْخِلْكُم مُّدْخَلًا
كَرِيمًا ﴿٣١﴾

"Jika kamu menjauhkan dosa-dosa yang besar yang dilarangkan kamu melakukannya nescaya kami hapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan Kami masukkan kamu di tempat yang mulia."(31)

Kemudian beliau bertanya: "Adakah penduduk Madinah mengetahui" Atau katanya: "Adakah sesiapa yang mengetahui tentang maksud kedatangan kamu?" Jawab mereka, "Tidak!" Kata beliau, "Jika mereka tahu tentulah aku akan menyampaikan nasihat kepada kamu. [10]

---

[10] *Diriwayatkan oleh Ibn Kathir dalam tafsirnya dan menurut keterangannya isnad hadith ini sahih dan matannya hasan.*

Perbezaan Kurnia Ilahi Terhadap Jenis Lelaki Dan Jenis Perempan Tidak Seharusnya Menimbulkan Irihati

Demikianlah Sayidina 'Umar al-Khattab yang hemat dan peka itu membimbing hati dan masyarakat Islam. Al-Qur'an telah membetulkan hatinya dan memberi kepadanya neraca pertimbangan yang halus apabila beliau berkata: "Sesungguhnya Allah Tuhan kita telah mengetahui bahawa kita akan melakukan kesalahan-kesalahan dan dosa-dosa". Dan sudah tentu keadaan kita tidak mungkin berlainan dari keadaan kita yang diketahui oleh Allah. Sebenarnya yang menjadi pokok pangkal di sini ialah tujuan yang betul, usaha yang bersungguh-sungguh, kegemaran yang ikhlas untuk menunaikan kewajipan-kewajipan. Itulah usaha yang seimbang, bersungguh-sungguh, selesa dan sederhana.

* * * * * *

Di dalam pembicaraan mengenai harta-harta dan peredarannya di dalam masyarakat disempurnakan pula dengan penjelasan mengenai beberapa hubungan dan mu'amalat di antara lelaki dan perempuan, juga mengenai perjanjian al-wala'(الولاء) dan hubungannya dengan sistem pusaka yang telah diperincikan pada bahagian awal surah ini.

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِۦ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ
لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا ۖ وَلِلنِّسَآءِ نَصِيبٌ
مِّمَّا اكْتَسَبْنَ ۚ وَسْـَٔلُوا اللَّهَ مِن فَضْلِهِۦٓ ۗ إِنَّ
اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾
وَلِكُلٍّ جَعَلْنَا مَوَٰلِىَ مِمَّا تَرَكَ الْوَٰلِدَانِ
وَالْأَقْرَبُونَ ۚ وَالَّذِينَ عَقَدَتْ أَيْمَٰنُكُمْ
فَـَٔاتُوهُمْ نَصِيبَهُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ شَهِيدًا ﴿٣٣﴾

"Dan janganlah kamu irihati terhadap pemberian yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu melebihi pemberian-Nya kepada sebahagian yang lain. Kaum lelaki mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka dan kaum perempuan juga mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka dan pohonkanlah kepada Allah limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan segala sesuatu (32).Dan bagi setiap (simati) Kami telah tetapkan orang-orang yang berhak mewarisi harta peninggalannya iaitu ibubapa dan kerabat yang dekat dan orang-orang yang kamu telah berikat setia dengan mereka, maka berikanlah kepada mereka bahagian mereka sesungguhnya Allah amat menyaksi terhadap segala sesuatu."(33)

Larangan ayat ini meliputi seluruh bentuk irihati terhadap apa sahaja kelebihan yang dikurniakan Allah kepada setengah orang-orang Mu'min yang mengatasi setengah yang lain, sama ada kelebihan dari segi jawatan, kedudukan, bakat, kebolehan, kepandaian, kekayaan, kesenangan dan segala perbezaan kelebihan dan habuan di dalam kehidupan ini. Yang harus dilakukan di sini ialah bertawajjuh kepada Allah dan memohon limpah kurniaan-Nya secara langsung bukannya membuang masa mengecewakan hati sendiri dengan irihati terhadap perbezaan itu dan bukannya membiarkan diri dilandakan oleh perasaan-perasaan yang keruh, yang menemani rasa irihati itu, seperti perasaan hasad dengki, dendam kesumat atau dihanyut oleh perasaan kecewa dan hampa, perasaan merasa jatuh dan hancur di depan rasa irihati itu. Seluruh perasaan ini mungkin melahirkan perasaan jahat sangka terhadap Allah dan jahat sangka terhadap keadilan pengagihan Ilahi yang boleh mengakibatkan malapetaka yang menghapuskan ketenteraman jiwa, menimbulkan perasaan kegelisahan dan kesengsaraan batin dan menghabiskan·tenaga diri di dalam berbagai-bagai perasaan yang buruk dan dalam arah tujuan-tujuan yang tidak baik, sedangkan tindakan tawajjuh secara langsung kepada limpah kurnia Allah itulah permulaan tawajjuh kepada sumber pengurniaan dan anugerahan yang tidak pernah susut dengan apa sahaja pemberiannya dan tidak pernah merasa bosan terhadap para peminta yang bersesak-sesak di pintu, di samping itu ia juga merupakan tempat perlindungan yang memberi ketenteraman dan harapan dan tempat yang membangkitkan semangat untuk mencari sebab-sebab dan punca-punca (kemajuan diri) yang positif bukannya membuang tenaga sia-sia membakar diri dengan rasa kecewa, marah, jatuh dan hancur.

Nas ini adalah satu nas 'am di dalam arahan yang umum ini, tetapi oleh sebab ia diletakkan di sini dalam pembicaraan ayat ini dan setengah-setengah riwayat mengenai sebab nuzulnya telah mengkhususkan pengertiannya yang umum itu sebagai habuan pemberian khusus yang tertentu, dan pengertian inilah yang mahu diolahkan oleh nas ini; iaitu mengolahkan persoalan wujudnya perbezaan di antara habuan lelaki dengan habuan perempuan sebagaimana yang dijelaskan oleh ayat ini secara umumnya, tetapi walaupun aspek ini amat penting dalam mengatur hubungan di antara dua jenis manusia ini serta menegakkannya di atas landasan rasa sama suka dan sepadu dan mengembangkan perasaan ini dalam rumahtangga dan masyarakat..... namun ia tidak menafikan bahawa nas ini adalah satu nas yang am yang mengandungi sebab yang khusus. Oleh sebab itulah tafsir-tafsir yang ma'thur meriwayatkan kedua-dua erti itu sekali.

Ujar al-Imam Ahmad kami telah diceritakan oleh Sufyan dari Abu Najih dari Mujahid katanya: Kata

---

Walaupun hadith ini dari riwayat al-Hasan dari 'Amr secara terputus namun ia sebuah hadith yang terkenal dengan ciri terputusnya ini dan kemasyhuran ini sudah memadai.

Ummu Salamah: "Wahai Rasulullah, kaum lelaki disuruh berperang dan kami kaum perempuan tidak disuruh berperang dan kami hanya diberi separuh habuan pusaka.......... lalu Allah turunkan ayat,

وَلَا تَتَمَنَّوْاْ مَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بِهِۦ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ

"Dan janganlah kamu irihati terhadap pemberian yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu melebihi pemberian-Nya kepada sebahagian yang lain."

Hadith ini juga telah diriwayatkan oleh Ibnu Abi Hatim, Ibn Jarir, Ibnu Mardaweh dan Al-Hakim dalam kitabnya "al-Mustadrak" dari hadith ath-Thauri dari Abu Najih dari Mujahid katanya: Kata Ummu Salamah "Wahai Rasulullah, kami tidak disuruh berperang supaya kami dapat mati syahid dan tidak dipotong habuan pusaka. Lalu turunlah ayat tadi kemudian Allah turunkan pula ayat yang berikut:

أَنِّي لَآ أُضِيعُ عَمَلَ عَٰمِلٍ مِّنكُم مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ

"Sesungguhnya aku tidak mensia-siakan amalan sesiapa sahaja yang beramal di antara kamu sama ada lelaki atau perempuan."

(Surah Aali 'Imran: 195)

Ujar as-Suddy mengenai ayat ini: Ada beberapa lelaki berkata: "Kami lelaki mahu diberikan pahala yang berlimpat ganda dari pahala yang diberikan kepada kaum perempuan sebagaimana kami telah diberikan dua habuan dalam bahagian pusaka". Kata orang-orang perempuan pula: "Kami kaum perempuan mahu dikurniakan pahala seperti pahala para syuhada kerana kami tidak boleh berperang dan andainya kami diwajibkan berperang tentulah kami ikut berperang; tetapi Allah enggan berbuat begitu, malah Dia berfirman kepada mereka:" Pohonlah dari limpah kurnia-Ku. Ujar as-Suddiy Itu bukannya keni'matan dunia. Riwayat yang seperti ini juga telah diriwayatkan dari Qatadah. Begitu juga terdapat riwayat-riwayat yang lain yang membawa erti yang umum bagi ayat ini.

Ujar Ali ibn Abi Talhah dari ibn Abbas mengenai ayat ini katanya:"Janganlah seseorang itu berangan-angan dengan berkata "Semoga aku mendapat harta seperti si anu dan keluarganya". Allah melarang ia berbuat begitu, tetapi hendaklah ia memohon terus dari limpah kurnia Allah. Al-Hassan, Muhammad ibn Sirin, 'Ata' dan Adhahak juga berkata seperti ini.

Di dalam perkataan-perkataan yang pertama kita dapati bayangan dari keladak-keladak jahiliyah dalam memahami hubungan-hubungan di antara lelaki dan perempuan. Di samping kita dapat mencium bau-bau pertandingan di antara kaum lelaki dan perempuan. Mungkin perkataan-perkataan itu telah ditimbulkan oleh kebebasan-kebebasan dan hak-hak yang baru yang telah diajar oleh Islam kepada kaum wanita sesuai dengan pandangan umumnya yang memandang mulia kepada manusia dengan kedua-dua jenisnya. Islam memberi pandangan yang adil kepada setiap jenis kepada setiap golongan dan kepada setiap orang, malah memberi pandangan yang adil kepada hati yang ada di dalam dada seseorang.

Pembahagian Tugas Di Antara Lelaki Dan Perempuan

Tujuan Islam memberi pandangan yang seperti ini ialah untuk menegakkan sistem hidupnya yang sepadu dengan segala perinciannya bukannya semata-mata untuk faedah kaum lelaki dan bukan pula untuk faedah kaum perempuan sahaja, tetapi untuk faedah manusia seluruhnya dan untuk faedah masyarakat Islam umumnya, untuk kepentingan akhlaknya, kebaikan dan kebaikkan seluruhnya dan untuk faedah keadilan yang mutlak dengan semua aspek dan sebabnya yang sepadu.

Sistem hidup Islam adalah mengikut kehendak fitrah dalam pengagihan fungsi-fungsi dan pengagihan habuan-habuan pusaka di antara lelaki dan perempuan. Dari sejak awal lagi fitrah menentukan lelaki itu lelaki dan perempuan itu perempuan dan memberikan kepada setiap jenis itu ciriciri perbezaannya masing-masing agar setiap jenis dapat diserahkan fungsi-fungsi yang tertentu bukan untuk kepentingan peribadinya dan bukan pula untuk kepentingan jenis masing-masing, malah untuk faedah kehidupan insaniyah agar ia tegak, teratur, sempurna ciri-cirinya dan mencapai matlamatnya - iaitu melaksanakan tugas khilafah di bumi dan beribadat kepada Allah dengan kegiatan-kegiatan khilafah itu - melalui keragaman di antara dua jenis lelaki dan perempuan, keragaman dalam ciri-ciri dan keragaman dalam fungsi-fungsi mereka. Dengan perantaraan keragaman ciri-ciri dan fungsi-fungsi inilah juga lahirnya keragaman taklif-taklif atau kewajipan-kewajipan, keragaman habuan-habuan, keragaman jawatan-jawatan untuk kepentingan syarikat besar atau yayasan induk yang bernama kehidupan.

Apabila seluruh sistem hidup Islam ini dikaji dari awalawal lagi, kemudian dikaji pula aspek khususnya yang berhubung dengan hubungan-hubungan di antara kaum lelaki dan kaum perempuan yang menjadi dua belahan badan bagi jiwa yang sama itu, maka tentulah di sana tidak ada ruang lagi untuk perdebatan-perdebatan cara lama yang menjadi bahan cerita-cerita lumrah ini, juga tidak ada ruang lagi untuk perdebatan-perdebatan cara moden yang memenuhi kehidupan lelaki dan perempuan yang kosong pada hari ini dan kadang-kadang melibatkan lelaki dan perempuan yang serius kerana terpengaruh kepada kehebohan umum.

Itulah perdebatan yang karut menggambarkan keadaan seolah-olah telah tercetus satu pertarungan yang sengit di antara lelaki dan perempuan, di mana dirakamkan kedudukan-kedudukan dan kemenangan-kemenangan. Dan ia tidak terlepas dari perdebatan yang sia-sia dengan adanya percubaan setengah-

setengah penulis yang serius yang cuba menjatuhkan kaum wanita dan mencalitkan segala sifat yang buruk kepada mereka sama ada atas nama Islam atau atas nama kajian dan analisa 'ilmiyah. Persoalan di sini sama sekali bukannya persoalan pertarungan, malah ialah persoalan pelbagaian dan pengagihan (fungsi) dan persepaduan dan dengan demikian tercapailah keadilan yang sempurna di dalam peraturan Allah.

Pertarungan itu hanya mungkin berlaku di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah yang menggubal undang-undang dan peraturan sendiri mengikut kehendak dan kemahuan sendiri dan sesuai dengan kepentingan-kepentingannya yang lahir dan dekat atau sesuai dengan kepentingan-kepentingan kelas-kelas keluarga-keluarga atau individu-individu yang berkuasa di dalam masyarakat-masyarakat ini. Dan oleh sebab itulah berlakunya penindasan terhadap hak-hak perempuan kerana sebab-sebab kejahilan terhadap hakikat asas seluruhnya atau terhadap fungsi lelaki dan perempuan di dalam kehidupan atau kerana sebab-sebab ekonomi yang menafikan hak pekerja perempuan mendapat upah yang sama dengan upah yang didapati oleh pekerja lelaki dalam pekerjaan yang sama atau di dalam pengagihan pusaka atau hak-hak pengurusan harta seperti yang berlaku di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah moden.

Tetapi di dalam sistem hidup Islam pertarungan itu tidak mungkin berlaku...... di sana tidak ada bayang untuk pertarungan seperti itu, tidak ada ertinya bertanding merebut harta dunia. Di sana tidak ada selera untuk berkempen menyerang perempuan atau berkempen menyerang lelaki, iaitu berusaha menjatuh dan mengaibkan mereka dan memeriksa titik-titik kelemahan dan kekurangan masing-masing. Di sana juga tidak ada tempat untuk difikirkan bahawa keragaman ini hanya dalam bentuk kejadian dan ciri-ciri sahaja tanpa dipadukan dengan keragaman dalam tugas dan fungsi-fungsi dan tanpa mempunyai apa-apa kesan dalam keragaman ikhtisas-ikhtisas dan jawatan-jawatan. Semua fikiran seperti ini dari satu segi adalah karut dan dari satu segi yang lain pula ia merupakan satu kefahaman yang salah terhadap sistem Islam dan terhadap hakikat tugas lelaki dan perempuan.

Kita melihat bagaimana persoalan jihad dan mati syahid dan habuan kaum wanita dan perolehan pahalanya jika ia menyertai jihad dan mati syahid merupakan satu persoalan yang pernah difikirkan oleh perempuan-perempuan yang soleh dari generasi yang soleh yang menumpukan seluruh perhatian mereka kepada Akhirat. Kita juga melihat persoalan pusaka dan habuan lelaki dan perempuan yang diperolehi mereka darinya iaitu satu persoalan yang pernah difikir oleh setengah-tengah lelaki dan perempuan di zaman dahulu, persoalan-persoalan yang seperti ini masih terus difikirkan oleh lelaki dan perempuan-perempuan pada hari ini.

Mengapa Jihad Tidak Diwajibkan Ke Atas Perempuan?

Sebenarnya Allah tidak mewajibkan jihad ke atas kaum wanita dan tidak pula mengharamkannya, yakni Islam tidak menegah kaum wanita dari berjihad apabila keadaan memerlukan tenaga jihad mereka yang tidak dapat dipenuhi oleh tenaga lelaki. Sejarah peperangan-peperangan Islam telah menyaksi ramai wanita-wanita Islam yang menjadi pahlawan-pahlawan perang bukannya sekadarnya menjadi jururawat-jururawat dan pembawa-pembawa, bekalan walaupun hal ini tidak banyak berlaku; ia hanya berlaku sekadar memenuhi keperluan dan keadaan darurat dan bukannya menjadi peraturan. Walau bagaimanapun Islam tidak mewajibkan jihad ke atas kaum wanita sebagaimana ia wajibkan ke atas kaum lelaki.

Jihad tidak diwajibkan ke atas kaum wanita kerana kaum wanitalah yang telah melahirkan lelaki-lelaki yang berjihad itu. Kaum wanita adalah disediakan untuk melahirkan lelaki-lelaki dengan segala persiapan jasmani dan jiwa mereka. Mereka disediakan untuk memperlengkapkan lelaki-lelaki bagi memasuki medan jihad dan medan hayat kedua-dua sekali. Kaum wanita lebih mempunyai kemampuan di bidang ini. Dia lebih berkemampuan kerana setiap sel dalam pembentukannya adalah disediakan dari segi jasmani dan jiwanya untuk tugas ini, yang menjadi persoalan di dalam perkara ini bukannya persoalan pembentukan jasmani yang zahir, malah ialah persoalan setiap sel sejak ia disenyawakan dengan telur perempuan dan ditentukan jenis lelaki dan perempuan oleh Allah S.W.T. kemudian diiringi pula oleh gejala-gejala jasmani dan gejala-gejala kejiwaan yang besar. Kaum wanita adalah lebih berguna - mengikut pandangan yang luas terhadap kepentingan sesuatu umat dalam jangka waktu yang panjang - kerana jika peperangan itu membunuh kaum lelaki dan meninggalkan kaum perempuan, maka ia masih meninggalkan kepada umat itu pusat-pusat untuk melahirkan zuriat bagi menggantikan kekosongan itu, tetapi keadaan tidak akan menjadi begitu apabila peperangan itu membunuh kaum perempuan dan kaum lelaki kedua-dua sekali atau membunuh kaum perempuan dan meninggalkan kaum lelaki. Seorang lelaki dalam sistem Islam - apabila perlu digunakan segala kemudahan dan potensi - boleh menjadi empat orang perempuan melahirkan anak untuk memenuhi kekosongan kerana terbunuh di dalam peperangan selepas beberapa waktu kemudian, sedangkan seribu lelaki tidak dapat menjadikan seseorang perempuan melahirkan anak lebih banyak dari seseorang lelaki untuk menggantikan kekurangan lelaki yang berlaku di dalam masyarakat. Ini adalah salah satu dari pintu-pintu hikmat Ilahiyah yang membebaskan kaum perempuan dari kewajiban jihad. Di sebalik pintu ini terdapat berbagai-bagai pintu hikmat yang lain yang menyentuh akhlak masyarakat dan tabi'at pembentukannya, juga menyentuh pengengkalan ciri-ciri asasi bagi kedua-dua jenis lelaki dan perempuan yang tidak dapat dijelaskan di sini kerana ia memerlukan kepada sesuatu kajian yang tersendiri.

Adapun perkara pahala dan balasan, maka Allah telah memberi jaminan yang meyakinkan kepada kaum lelaki dan kaum perempuan. Cukuplah bagi setiap orang mengerjakan segala tugas yang di tugaskan kepadanya dengan sebaik-baiknya untuk mencapai darjah ihsan yang sempurna di sisi Allah.

Mengapa Lelaki Mendapat Habuan Pusaka Yang Lebih?

Di dalam persoalan pusaka pun begitu juga. Sekilas pandang nampaknya di sana diberi keutamaan kepada kaum lelaki dalam dasar pembahagian "*Bahagian seseorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan*", tetapi pandangan yang dangkal ini tidak lama kemudian mendedahkan satu pandangan yang sepadu terhadap kedudukan lelaki dan perempuan dan tugas-tugas keduanya. Dasar "الغنم بالغرم" atau "pendapatan mengikut tanggungan perbelanjaan" merupakan sesuatu dasar yang teguh dan sepadu di dalam sistem hidup Islam, kerana lelaki membayar mas kahwin kepada perempuan, sedangkan perempuan tidak membayar maskahwin kepada lelaki. Lelaki menanggung nafkah isteri dan anak-anaknya, sedangkan isteri dibebaskan dari tugas ini walaupun ia mempunyai kewangan sendiri - sekurang-kurangnya lelaki itu boleh ditahan jika ia melegah-legahkan tugas pembayaran nafkah itu - lelaki menanggung bayaran diat dan ganti rugi kecederaan (arsy), iaitu bertakaful bersama keluarga, sedangkan perempuan dibebaskan dari bayaran-bayaran ini. Lelaki menanggung nafkah anggota-anggota keluarga yang susah dan lemah dari mencari makan mengikut darjah kehampiran dari segi kekerabatan, sedangkan perempuan dibebaskan dari kewajipan takaful kekeluargaan yang umum itu. Hingga upah penyusuan bayi dan penjagaanya ketika kedua-duanya berpisah di dalam kehidupan atau ketika bercerai adalah ditanggung oleh lelaki dan wajiblah ia membayar upah itu kepadanya sama seperti ia membayar nafkahnya. Ia adalah sebuah peraturan yang sepadu, di mana pengagihan tanggungjawab itulah yang menentukan pengagihan pusaka. Di sini habuan tanggungjawab lelaki lebih berat dari habuannya di dalam pusaka dan yang dipandang di sini ialah tabi'at dan kebolehan lelaki untuk bekerja dan berusaha dan pentingnya perempuan itu diberi kerehatan dan ketenangan yang cukup supaya ia dapat menjaga anak-anak selaku modal manusia yang paling berharga, yang tidak boleh dinilai dengan wang dan tidak boleh disamakan dengan mana-mana pengeluaran barangan atau perkhidmatan yang lain untuk kepentingan umum.

Demikianlah kita dapati ciri-ciri keseimbangan yang sempurna dan pertimbangan yang halus di dalam sistem hidup Islam yang bijaksana yang disyari'atkan oleh Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui.

Di sini kita rakamkan hak milik peribadi yang dikurniakan oleh Islam di dalam ayat yang berikut:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا ٱكْتَسَبُوا۟ ۖ وَلِلنِّسَآءِ نَصِيبٌ مِّمَّا ٱكْتَسَبْنَ ۚ

"Kaum lelaki mendapat bahagian dari apa yang telah di usahakan mereka dan kaum perempuan juga mendapat bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka."(32)

Itulah hak milik peribadi wanita yang telah dianiayai oleh jahiliyah Arab sebagaimana telah dianiayai oleh jahiliyah-jahiliyah yang lain di zaman dahulu. Hak ini tidak mendapat pengakuan kecuali di dalam kes-kes yang jarang berlaku, malah jahiliyah-jahiliyah itu tidak pernah berhenti berikhtiar untuk mencabulkannya dan wanita itu sendiri diperlakukan sebagai harta benda yang boleh di diwarisi.

Itulah hak milik peribadi yang masih terus dianiayai oleh jahiliyah moden yang selama ini menyangka bahawa ia telah memberi kepada kaum wanita hak-hak dan penghormatan yang tidak pernah diberi oleh mana-mana sistem hidup yang lain. Setengah-tengah jahiliyah memperuntukkan pusaka itu kepada pewaris lelaki yang tertua dan setengah-tengah pula mensyaratkan keizinan wali itu sebagai syarat yang perlu untuk ditandatangani mana-mana perjanjian dengan wanita yang bersangkutan dengan kewangan, juga menjadikan keizinan suami itu sebagai syarat yang perlu bagi setiap pengurusan kewangan dari pihak isteri dalam harta milik peribadinya. Semuanya itu adalah selepas berlakunya pemberontakan-pemberontakan kaum wanita dan selepas munculnya berbagai-bagai pergerakan mereka yang melahirkan akibat-akibat yang merosakkan sistem wanita seluruhnya, merosakkan sistem keluarga dan suasana akhlak orang ramai.

Tetapi Islam telah mengurniakan hak milik peribadi kepada kaum wanita sejak dari awal-awal lagi tanpa dituntut oleh mereka, tanpa pemberontakan dari mereka, tanpa pertubuhan-pertubuhan wanita dan tanpa wanita menjadi anggota parlimen. Ia mengurniakan hak ini kepada wanita sesuai dengan pandangan umumnya yang memandang mulia kepada seluruh manusia dan memandang mulia kepada dua belahan badan bagi jiwa yang satu, juga sesuai dengan tujuannya untuk menegakkan sistem kemasyarakatan insan di atas asas keluarga dan memagari suasana keluarga dengan perasaan kasih mesra dan jaminan-jaminan kepada setiap anggotanya.

Di sinilah terletaknya dasar persamaan hak memilik dan hak berusaha di antara lelaki dan perempuan dari segi dasar umum.

Kedudukan Wanita Dalam Islam Dan Di Negeri- negeri Barat

Dr. Abdul al-Wahid Wafi di dalam bukunya "Hak-hak manusia" (حقوق الإنسان) telah memberi satu perhatian yang halus terhadap kedudukan wanita di dalam Islam dan kedudukannya di negeri-negeri Barat, di mana beliau berkata:

"Islam juga telah menyamakan di antara lelaki dan wanita dihadapan undang-undang dan di dalam semua hak-hak awam (sivil) sama ada wanita yang bersuami atau yang tidak bersuami. Perkahwinan di dalam Islam berlainan dari perkahwinan pada kebanyakan umat-umat Barat Kristian, iaitu ia tidak menghilangkan nama perempuan dan tidak pula menghilangkan syakhsiyah awamnya dan keahliannya untuk mengikat sesuatu perjanjian jual-beli dan seterusnya tidak menghilangkan haknya untuk memilik, malah seseorang perempuan Islam selepas ia berkahwin tetap dapat memelihara namanya, nama keluarganya dan semua hak awamnya, iaitu keahliannya untuk memikul tanggungjawab-tanggungjawab dan mengikat berbagai-bagai perjanjian jualbeli, gadaian, pemberian, wasiat dan sebagainya, juga dapat memelihara haknya untuk mendapatkan hak milik yang berasingan dari orang lain darinya. Perempuan yang bersuami di dalam Islam mempunyai syakhsiyah awam yang sempurna dan harta kekayaan peribadi yang terasing dari syakhsiyah suaminya dan harta kekayaan. Pihak suami tidak harus mengambil sesuatu dari harta milik peribadi isterinya sama ada sedikit atau banyak. Firman Allah Taala:

وَإِنْ أَرَدتُّمُ ٱسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَانَ زَوْجٍ وَءَاتَيْتُمْ إِحْدَىٰهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا۟ مِنْهُ شَيْـًٔا ۚ أَتَأْخُذُونَهُۥ بُهْتَـٰنًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٢٠﴾ وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُۥ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنكُم مِّيثَـٰقًا غَلِيظًا ﴿٢١﴾

"Dan jika kamu ingin menggantikan mana-mana isteri kamu dengan isteri yang baru, sedangkan kamu telah memberi kepada seseorang dari mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambilnya kembali dengan cara yang keji dan melakukan dosa yang nyata.(20) Bagaimana kamu tergamak mengambilnya kembali sedangkan kamu telah menghubungi satu sama lain dan mereka (isteri-isteri kamu) telah mengambil perjanjian yang kukuh dari kamu."(21)

Firman-Nya lagi.

وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَن تَأْخُذُوا۟ مِمَّآ ءَاتَيْتُمُوهُنَّ شَيْـًٔا

"Dan tidak halal kepada kamu mengambil kembali sesuatu yang telah kamu berikan kepada mereka."

(Surah al-Baqarah: 229)

Sekiranya tidak harus bagi suami mengambil sesuatu yang telah diberikannya kepada isterinya, maka tentulah lebih tidak harus lagi ia mengambil sesuatu dari harta milik isterinya dari asal lagi kecuali pengambilan-pengambilan ini dengan keredaan dan kesukaan hati isterinya. Sehubungan dengan ini Allah berfirman:

وَءَاتُوا۟ ٱلنِّسَآءَ صَدُقَـٰتِهِنَّ نِحْلَةً ۚ فَإِن طِبْنَ لَكُمْ عَن شَىْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيٓـًٔا مَّرِيٓـًٔا ﴿٤﴾

"Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan (yang kamu kahwini itu) maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib dan andainya mereka dengan sukahati memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwin itu, maka makanlah pemberian itu dengan seenak-enaknya."(4)

Begitu juga tidak halal bagi suami mengendalikan sesuatu dari harta benda yang dimiliki isterinya kecuali dengan kebenarannya atau dengan perwakilan daripadanya untuk mengadakan sesuatu perjanjian sebagai ganti tubuhnya dan dalam kes ini pihak isteri berkuasa membatalkan kuasa perwakilannya dan meletakkan orang lain sebagai gantinya jika ia suka.

"Darjah persamaan ini belum lagi dicapai oleh undang-undang yang paling moden di antara umat-umat yang mengamalkan demokrasi moden yang paling maju. Keadaan wanita di negeri Perancis hingga ke masa baru-baru ini, malah hingga ke masa ini masih berada seolah-olah dalam keadaan perhambaan awam, kerana undang-undang di negeri ini telah mencabut dari kaum wanita sifat keahlian dalam berbagai-bagai urusan awam sebagaimana telah dinaskan oleh fasal 217 dari undang-undang awam Perancis, di mana dijelaskan bahawa perempuan yang bersuami - walaupun perkahwinannya di atas asas pemisahan di antara hak miliknya dengan hak milik suaminya - tidak harus melakukan pemberian dan tidak pula boleh memindahkan hak miliknya, tidak boleh menggadai, tidak boleh memilik dengan tukaran atau tanpa tukaran tanpa penyertaan suaminya dalam perjanjian itu atau tanpa persetujuan bertulis darinya'. Kemudian beliau telah membawa nas undang-undang Perancis itu.

"Walaupun nas ini telah dimasukkan syarat-syarat dan pindaan-pindaan selepas itu, namun kesan-kesannya yang banyak masih lagi mempengaruhi kedudukan wanita Perancis dari segi undang-undang sehingga masa ini. Sebagai menguatkan ciri perhambaan yang dipaksakan ke atas wanita Barat, maka undang-undang masyarakat Barat dan tradisinya telah memutuskan bahawa sebaik sahaja seseorang perempuan itu bersuami, maka namanya dan nama keluarganya akan hilang. Dia tidak lagi dibinkan kepada bapanya, malah dia harus memakai nama suaminya dan keluarganya, iaitu dia dipanggil "madam si anu" atau namanya diikuti dengan nama suaminya dan keluarganya bukannya diikuti dengan nama bapanya dan keluarganya. Kehilangan nama

perempuan dan pemakaian nama suaminya melambangkan kehilangan syakhsiyah awam bagi si isteri dan kehancuran syakhsiyah itu di dalam syakhsiyah suami.

"Yang anehnya ramai di antara wanita-wanita Islam kita cuba meniru wanita-wanita Barat sehingga dalam peraturan yang zalim ini. Mereka rela meletakkan diri mereka pada kedudukan yang rendah itu apabila mereka menamakan diri mereka dengan nama suami mereka atau mereka iringi nama mereka dengan nama suami mereka dan keluarganya bukannya menghubungkan nama mereka dengan nama bapa mereka dan keluarga mereka seperti yang diikuti di dalam peraturan Islam. Inilah kemuncak tiru buta. Yang lebih aneh lagi ialah wanita-wanita yang meniru adat ini ialah perempuan-perempuan yang berjuang menuntut hak perempuan dan hak persamaan dengan kaum lelaki, sedangkan mereka tidak sedar bahawa tindakan mereka ini telah mensia-sia sepenting-penting hak yang telah diberikan Islam kepada mereka, iaitu suatu hak yang mengangkat darjat mereka dan menyamakan taraf mereka dengan kaum lelaki.

* * * * * *

Kini tibalah pula kita kepada ayat yang akhir di dalam ceraian ini, iaitu ayat yang mengariskan peraturan mengendalikan perjanjian al-wala' yang telah mendahului hukum-hukum pusaka, iaitu hukum-hukum yang menentukan hak warisan ini dalam kalangan kerabatnya, sedangkan perjanjian al-wala' ialah perjanjian yang menentukan hak warisan dalam kalangan bukan kerabat sebagaimana akan dijelaskan nanti:

وَلِكُلٍّ جَعَلْنَا مَوَٰلِيَ مِمَّا تَرَكَ ٱلْوَٰلِدَانِ
وَٱلْأَقْرَبُونَ ۚ وَٱلَّذِينَ عَقَدَتْ أَيْمَٰنُكُمْ
فَـَٔاتُوهُمْ نَصِيبَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ شَهِيدًا ﴿٣٣﴾

"Dan bagi setiap (simati) Kami telah tetapkan orang-orang yang berhak mewarisi harta peninggalannya iaitu ibubapa dan kerabat yang dekat dan orang-orang yang kamu telah berikat setia dengan mereka, maka berikanlah kepada mereka bahagian mereka. Sesungguhnya Allah amat menyaksi terhadap segala sesuatu."(33)

Selepas Al-Qur'an menyebut bahawa kaum lelaki memperolehi bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka dan kaum perempuan juga memperolehi bahagian dari apa yang telah diusahakan mereka, ia menyebut pula bahawa Allah telah menetapkan bagi setiap si mati itu orang-orang yang berhak mewarisi harta peninggalannya iaitu ibu bapa dan kerabat-kerabat yang dekat. Oleh itu dengan perantaraan warisan ini harta kekayaan terus beredar dari satu generasi ke satu generasi ia diwarisi oleh para pewarisnya kemudian mereka menambahkannya dengan harta yang diusahakan oleh mereka sendiri kemudian mereka akan diwarisi pula oleh kerabat-kerabat yang mengiringi mereka. Inilah gambaran peraturan harta di dalam sistem Islam. Peredaran itu tidak terhenti pada satu generasi dan tidak pula berpusat pada satu keluarga atau pada satu individu, malah proses waris-mewarisi itu terus berlangsung, peredaran terus berjalan dan harakat pengagihan terus berlaku membawa akibat yang mengubahkan keadaan para pemilik dan kadar harta yang dimiliki mereka dari satu masa ke satu masa.

Perjanjian-perjanjian Setia

Kemudian Al-Qur'an menyebut pula tentang 'aqad-'aqad atau perjanjian setia yang telah diakui oleh syari'at Islam, iaitu 'aqad-'aqad yang membuat warisan ini kadang-kadang jatuh kepada orang-orang yang bukan dari kerabat. Itulah perjanjian al-wala' (perjanjian saling setia) di sana terdapat beberapa jenis dari perjanjian-perjanjian ini yang diketahui oleh masyarakat Islam:

Pertama 'Aqdu wala-'itqi (perjanjian setia pembebasan hamba) mengikut peraturan perjanjian ini seseorang hamba - selepas ia di merdekakannya - akan menjadi anggota keluarga dalam keluarga bagi tuanmasnya yang telah memerdekakannya. Oleh itu tuanmasnya akan menanggung bayaran diat jika ia melakukan jenayah yang mewajibkan seperti ia lakukan terhadap kerabat-kerabat dari keturunannya dan dia juga yang berhak mewarisi harta peninggalannya jika ia mati dan tidak meninggalkan 'asabah.

Yang kedua, 'Aqdul-Mualat (perjanjian saling setia) iaitu satu peraturan yang membolehkan orang yang bukan orang-orang Arab - jika ia tidak mempunyai pewaris dari kerabatnya - mengikatkan perjanjian saling setia dengan seseorang Arab dan dengan perjanjian ini ia dianggap sebagai anggota keluarga dalam keluarga orang Arab itu (yang dipanggil maula). Dan maula inilah yang bertanggungjawab membayar diat jika dia melaku jenayah yang mewajibkan diyat dan mewarisi harta peninggalannya jika ia mati.

Yang ketiga ialah perjanjian yang telah diadakan oleh Rasulullah s.a.w. di antara Muhajirin dan Ansar di zaman pertama di Madinah, di mana orang Muhajirin mewarisi orang Ansar bersama-sama keluarganya atau tanpa keluarganya jika mereka masih beragama syirik dan dipisahkan di antara mereka dengannya oleh 'aqidah yang lain.

Yang ke empat ialah perjanjian yang telah dibuat di zaman jahiliyah, di mana seseorang lelaki yang mengadakan perjanjian dengan seseorang lelaki yang lain dengan katanya: "Awak mewarisi saya dan saya mewarisi awak".

Islam telah menamatkan perjanjian-perjanjian ini terutama perjanjian-perjanjian yang ketiga dan yang keempat dengan membuat satu ketetapan bahawa punca warisan ini ialah hubungan kerabat sahaja, tetapi ia tidak membatalkan segala perjanjian yang telah diadakan sebelum ini, malah ia menguatkuasakan semua perjanjian yang telah sedia ada tanpa mengadakan perjanjian-perjanjian yang baru.

Firman Allah:

وَٱلَّذِينَ عَقَدَتْ أَيْمَٰنُكُمْ فَـَٔاتُوهُمْ نَصِيبَهُمْ ۚ

"Dan orang-orang yang kamu telah berikat setia dengan mereka, maka berikanlah kepada mereka bahagian mereka."

Allah menekankan perkara ini dan menjadikan dirinya sebagai saksi di atas perjanjian ini dan pengurusannya:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدًا ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya Allah amat menyaksi terhadap segala sesuatu."(33)

Sabda Rasul s.a.w.

لاحلف في الإسلام. وأيما حلف كان في الجاهلية لم يزده الاسلام إلا شدة – رواه احمد ومسلم –

"Tidak ada perjanjian (kerana berperang) di dalam Islam dan mana-mana perjanjian (kerana kebajikan) yang di adakan di dalam jahiliyah, maka Islam tambah memperkukuhkan lagi perjanjian ini."

Dalam langkah menamatkan perjanjian-perjanjian itu Islam telah mengikut caranya yang diikuti dalam setiap perkara yang bersangkutan dengan peraturan-peraturan kewangan, iaitu ia mengatasinya tanpa membawa kesan atau kuatkuasanya ke masa belakang. Demikianlah Islam telah bertindak terhadap riba apabila ia membatalkannya, iaitu ia membatalkannya sebaik sahaja turun nas yang membatalkannya, tetapi ia membiarkan kepada mereka riba yang telah diambil pada masa yang lepas, iaitu ia tidak menyuruh mereka memulangkan faedah-faedah riba yang telah lepas. Walaupun ia tidak mengesahkan 'aqad-'aqad yang terdahulu (sebelum turun nas) selama tidak berlaku penerimaan faedah-faedah itu. Adapun di sini Islam telah menghormati perjanjian-perjanjian itu cumanya ia tidak membenarkan diadakan perjanjian-perjanjian yang baru kerana perjanjian-perjanjian ini mempunyai hubungan selain dari hubungan kewangan - dalam bentuk hubungan keanggotaan keluarga dengan berbagai-bagai pertaliannya yang banyak dan rumit. Oleh sebab itu Islam membiarkan perjanjian-perjanjian yang telah sedia ada itu supaya dilaksanakan dan menekankan agar perjanjian-perjanjian itu ditunaikan sebaik-baiknya, dan serentak ini juga ia menutup jalan mengadakan perjanjian-perjanjian yang baru sebelum ia melahirkan kesan-kesan yang memerlukan kepada tindakan untuk mengatasinya.

Langkah ini memperlihatkan ciri kemudahan, pandangan yang mendalam, meliputi, bijaksana dan syumul dalam menghadapi masalah-masalah di dalam masyarakat, di mana Islam sehari demi sehari menggariskan sifat-sifat masyarakat Islam dan menghapuskan sifat-sifat jahiliyah dalam segala peraturan dan undang-undang. [11]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 35)

Yayasan Keluarga Dalam Islam

Maudhu' yang akhir di dalam pelajaran ini ialah mengatur institusi keluarga, mengawal urusan-urusannya, melakukan pengagihan ikhtisas dan menentukan kewajipan-kewajipan, iaitu menjelaskan segala tindakan-tindakan dan peraturan-peraturan yang harus diambil untuk mengawal dan mengendalikan urusan institusi ini dan memeliharanya dari goncangan-goncangan hawa nafsu dan pertelingkahan-pertelingkahan dan dari anasir-anasir yang meruntuh dan menghancur sedapat mungkin.

ٱلرِّجَالُ قَوَّٰمُونَ عَلَى ٱلنِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ ٱللَّهُ
بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَبِمَآ أَنفَقُوا۟ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ ۚ
فَٱلصَّٰلِحَٰتُ قَٰنِتَٰتٌ حَٰفِظَٰتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا
حَفِظَ ٱللَّهُ ۚ وَٱلَّٰتِى تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ
فَعِظُوهُنَّ وَٱهْجُرُوهُنَّ فِى ٱلْمَضَاجِعِ
وَٱضْرِبُوهُنَّ ۖ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا۟ عَلَيْهِنَّ
سَبِيلًا ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾
وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَٱبْعَثُوا۟ حَكَمًا مِّنْ
أَهْلِهِۦ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَآ إِن يُرِيدَآ إِصْلَٰحًا
يُوَفِّقِ ٱللَّهُ بَيْنَهُمَآ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا ﴿٣٥﴾

"Kaum lelaki itu pengawal dan pemimpin kaum wanita kerana kelebihan yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian dari mereka melebihi sebahagian yang lain, juga kerana kaum lelaki membelanjakan harta mereka (untuk nafkah). Para wanita yang soleh ialah wanita yang ta'at, menjaga kehormatan diri ketika ketiadaan suami dengan peraturan Allah yang memelihara mereka. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang menunjukkan sikap

---

[11] *Mengikut satu riwayat dari Ibn 'Abbas ketika mentafsirkan ayat ini bahawa beliau menegahkan hak warisan kecuali bagi kerabat dan beliau mengekalkan kepada orang-orang yang mengikat perjanjian setia hak mendapat pertolongan, bantuan dan nasihat.*

kedegilan (nusyuz) mereka hendaklah kamu nasihati mereka dan (jika masih degil) pulaukan mereka di tempat tidur dan (jika masih degil) pukullah mereka. Kemudian jika mereka ta'ati (kepada kamu) maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyulitkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar (34). Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara kedua (suami isteri) maka lantikkanlah pendamai, iaitu seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua pendamai itu inginkan perdamaian nescaya Allah menserasikan hubungan di antara suami isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan amat mendalam ilmu-Nya."(35)

Sebelum masuk mentafsirkan ayat-ayat ini dan menjelaskan tujuan-tujuan kejiwaan dan kemasyarakatannya perlulah diterangkan intisari pandangan Islam terhadap institusi keluarga dan sistemnya dalam pembinaan dan pemeliharaan keluarga, juga matlamat-matlamatnya dari institusi ini. Ia memerlukan kepada satu penerangan yang seringkas mungkin, kerana penerangan yang terperinci itu memerlukan kepada satu kajian yang panjang dan khusus. [12]

Allah yang telah menciptakan manusia ini telah mewujudkan dalam fitrahnya sifat *"berpasangan"* sama seperti kejadian-kejadian yang lain di alam ini.

وَمِن كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٩﴾

"Dan segala sesuatu Kami jadikannya berpasangan supaya kamu mengingati kebesaran Allah."

(Surah az-Zariat : 49)

Kemudian Allah telah menghendaki menjadikan pasangan pada manusia itu ialah lelaki dan perempuan selaku dua belahan badan bagi jiwa yang satu:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari jiwa yang satu (Adam) dan darinya ia ciptakan isterinya."(1)

Kemudian Allah menghendaki dengan pertemuan lelaki dan perempuan selaku dua belahan badan bagi satu diri yang sama itu ialah pertemuan yang membawa ketenangan kepada jiwa dan ketenteraman kepada saraf, kelinangan kepada roh dan kerehatan kepada jasmani di samping membawa perlindungan dan pemeliharaan, dan di samping menjadi ladang pertumbuhan zuriat keturunan dan punca kesinambungan hidup dan kemajuannya yang berterusan untuk melindungi taman pemeliharaan zuriat yang tenang, aman dan selamat:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِّتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ia menciptakan untuk kamu isteri-isteri dari jenis diri kamu sendiri supaya kamu tertarik kepada-Nya dan Ia jadikan di antara kamu perasaan kasih sayang."

(Surah ar-Rum : 21)

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ

"Mereka (perempuan) adalah pakaian bagi kamu dan kamu adalah pakaian bagi mereka."

(Surah al-Baqarah : 187)

نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ وَقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ

"Isteri-isteri kamu adalah tanah bendang kamu, oleh itu datangilah tanah bendang kamu bagaimana sahaja kamu kehendaki dan kerjakanlah amalan yang baik untuk diri kamu dan bertaqwalah kamu kepada Allah."

(Surah al-Baqarah : 223)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu."

(Surah at-Tahrim : 6)

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُم بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُم مِّنْ عَمَلِهِم مِّن شَيْءٍ

"Dan orang-orang yang beriman yang diikuti pula oleh zuriat keturunan mereka dengan keadaan beriman, Kami hubungkan zuriat keturunan mereka itu dengan mereka dan Kami tidak mengurangi sedikit pun pahala amalan mereka."

(Surah at-Thur: 21)

Kerana persamaan lelaki dan perempuan dalam pendirian mereka terhadap Allah dan kerana penghormatan Allah terhadap manusia, maka kaum wanita diberi penghormatan, diberi pahala dan balasan yang sama di sisi Allah, diberi hak milik dan hak mendapat pusaka yang sama dan diberi hak kebebasan syakhsiyah awam yang sama yang telah kami bicarakan di lembaran-lembaran yang telah lepas dari pelajaran ini.

Kerana pentingnya perkahwinan lelaki dan perempuan selaku dua belahan badan bagi satu jiwa yang sama - untuk membangun institusi keluarga dan

---

[12] *Lihat huraian yang luas dalam bab " نظام عائلي " dalam buku " نحو مجتمع اسلامي " dan buku " al-Hijab" juga buku "Tafsir Surah an-Nur" oleh al-Ustaz Abul-A'la al-Maududi Amir Jama'ah Islamiyah, Pakistan.*

kerana besarnya tanggungjawab institusi ini iaitu pertama untuk menyediakan ketenangan, ketenteraman, perlindungan dan pemeliharaan kepada manusia lelaki dan perempuan kedua untuk membekalkan masyarakat manusia dengan faktor-faktor kesinambungan dan kemajuan, maka Allah mengadakan berbagai-bagai peraturan yang halus dan rapi yang melibatkan setiap urusan institusi ini. Sebahagian dari peraturan-peraturan ini terkandung di dalam surah ini, iaitu peraturan-peraturan yang telah Kami jelaskannya di lembaran-lembaran yang telah lalu dari awal juzu' ini sebagai menggenapkan peraturan-peraturan yang telah Kami terangkan di dalam juzu' yang keempat dan sebahagian lagi terkandung di dalam Surah al-Baqarah, iaitu peraturan-peraturan yang Kami bentangkan di dalam juzu' yang kedua dan bahagian-bahagian yang lain terkandung di dalam surahsurah Al-Qur'an yang lain terutama Surah Ar-Nur di dalam juzu' yang ke kelapan belas dan Surah al-Ahzab dalam juzu'juzu' yang kedua puluh satu dan yang kedua puluh dua Surah at-Talak dan Surah at-Tahrim dalam juzu' yang kedua puluh lapan dan tempat-tempat yang lain di dalam berbagai-bagai surah. Semua bahagian ini membentuk satu perlembagaan yang sempurna, syamil dan halus bagi institusi insaniyah ini. Bahagian-bahagian yang begitu banyak, beraneka ragam, halus dan syamil membuktikan sejauh mana kepentingan yang diletakkan oleh sistem hidup Islam untuk kehidupan insaniyah di atas institusi keluarga yang penting ini.

Kami harap pembaca ruangan ini masih mengingati huraian di lembaran-lembaran yang telah lalu di dalam juzu' ini mengenai masa keanakan kanak-kanak manusia yang panjang itu dan bagaimana ia memerlukan kepada satu persekitaran yang dapat memberi perlindungan kepadanya sehingga ia mampu mencari rezeki untuk hidup dan yang lebih penting dari itu ialah persekitaran yang dapat melayakkannya - melalui didikan melaksanakan tugas-tugas kemasyarakatannya dan memikul tanggungjawab untuk memajukan masyarakat manusia dan meninggalkannya dalam keadaan yang lebih baik dari keadaan ketika ia datang kepadanya. Pembicaraan ini adalah penting khususnya untuk menjelaskan nilai institusi keluarga itu dan pandangan Islam terhadap fungsi-fungsinya dan matlamatnya, dan bagaimana Islam mengambil berat memelihara dan menjaganya dari segala faktor yang boleh membawa kepada kehancuran sama ada dari dekat atau dari jauh.

Di bawah bayangan keterangan-keterangan ringkas mengenai pandangan Islam terhadap keluarga dan kedudukannya yang penting dan sejauh mana usaha Islam mengadakan jaminan-jaminan untuk mewujudkan suasana keluarga yang mantap dan tenang di samping penjelasan kami tentang penghormatan sistem Islam terhadap kaum wanita, yang mana mereka diberi penghormatan dan kebebasan syakhsiyah di samping hak-hak istimewanya. Hak-hak ini diberikan kepada mereka bukan di atas dasar pilih kasih, malah di atas tujuan untuk melaksanakan matlamat-matlamat agung Islam iaitu memberi penghormatan kepada seluruh manusia dan meningkatkan kehidupan insaniyah. Di bawah bayangan keterangan-keterangan dan penjelasan-pejelasan ini dapatlah kita membicarakan ayat yang terakhir di dalam pelajaran ini setelah kita kemukakan pendahuluan ini.

Ayat ini - yang bertujuan mengatur institusi rumahtangga dan menjelaskan peraturan ikhtisasnya untuk mencegahkan pertelingkahan di antara anggota-anggotanya dengan mengembalikan mereka kepada hukum Allah bukannya kepada hukum hawa nafsu, emosi-emosi dan hukum-hukum diri sendiri - menentukan teraju kepimpinan dalam institusi ini kepada lelaki. Di antara sebab-sebab kepimpinan yang disebut di dalam ayat ini ialah Allah telah melebihkan lelaki dengan nilai-nilai kepimpinan serta ciriciri dan kebolehan yang diperlukannya, dan lelaki di pertanggungjawab menanggung nafkah institusi ini. Oleh kerana teraju kepimpinan diserahkan kepada lelaki, maka Allah menentukan tanggungan-tanggungan kepimpinan itu menjaga keselamatan institusi keluarga dari kehancuran dan melindunginya dari ledakan-ledakan emosi yang mendadak mengikut garis-garis yang teratur dan pada akhirnya dijelaskan peraturan luar yang harus diambil apabila peraturan dalam menghadapi kegagalan dan bahaya yang mengancam institusi itu, kerana institusi itu bukan sahaja merangkumi suami isteri, malah merangkumi anak-anak yang masih kecil yang terdedah kepada bahaya, kini marilah kita melihat sedapat mungkin sejauh mana keperluan dan bijaksana di sebalik setiap peraturan ini.

ٱلرِّجَالُ قَوَّٰمُونَ عَلَى ٱلنِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ ٱللَّهُ
بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَبِمَآ أَنفَقُوا۟ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ

"Kaum lelaki itu pengawal dan pemimpin kaum wanita kerana kelebihan yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian dari mereka melebihi sebahagian yang lain, juga kerana kaum lelaki membelanjakan harta mereka (untuk nafkah)".(34)

Keluarga - sebagaimana telah kami tegaskan - adalah institusi yang pertama di dalam kehidupan manusia, pertama dari segi ianya merupakan titik tolak yang mempengaruhi seluruh peringkat perjalanan hidup seseorang manusia dan pertama dari segi kedudukannya yang amat penting kerana ia bertugas dalam medan melahir dan mengasuh zuriat atau anasir manusia yang menjadi semulia-mulia anasir alam buana mengikut pandangan Islam.

Jika institusi-institusi lain yang lebih rendah kedudukannya dan lebih murah nilainya seperti institusi-institusi kewangan, perindustrian, perdagangan dan sebagainya biasanya tidak diserahkan teraju pentadbirannya kecuali kepada orang-orang yang berkelayakan yang telah mengambil pengajian ikhtisas di bidang itu dan

mendapat latihan amali di samping mempunyai bakat-bakat yang tinggi dalam pengurusan dan kepimpinan, maka peraturan yang seperti ini lebih wajar diamalkan di dalam institusi keluarga yang bertugas melahir dan mengasuh anasir-anasir alam buana yang paling berharga, iaitu anasir-anasir insan.

Sistem hidup Rabbani menjaga peraturan ini dan dengan peraturan inilah ia menjaga fitrah dan bakat-bakat kebolehan lelaki dan perempuan supaya mereka dapat melaksanakan tugas masing-masing mengikut bakat-bakat kebolehan itu. Ia juga menjaga dasar keadilan dalam pembahagian tugas kepada suami dan isteri dan keadilan dalam ikhtisas masing-masing dengan tugas-tugas tertentu yang sesuai dengan fitrah dan bakat semulajadi mereka masing-masing.

Hakikat yang diterima dari awal-awal lagi ialah lelaki dan perempuan adalah kedua-duanya makhluk ciptaan Allah dan Allah tidak berkehendak menganiayai sesiapa pun dari para hamba-Nya, Allah menyedia dan melengkapkan seseorang itu untuk sesuatu tugas yang tertentu dan mengurniakan kepadanya bakat-bakat kebolehan yang perlu supaya ia dapat melaksanakan tugas itu dengan sebaik-baiknya.

Allah telah menciptakan manusia lelaki dan perempuan sebagai suami isteri mengikut peraturan semesta untuk membangun alam ini. Di antara tugas-tugas perempuan yang telah dijadikan Allah ialah mengandung, melahir, menyusu dan membela anak selaku hasil hubungan dengan lelaki. Tugas-tugas ini adalah tugas-tugas yang besar dan penting bukannya tugas-tugas yang senang dan kecil yang boleh dilaksanakan begitu sahaja tanpa persediaan jasmani, persediaan kejiwaan dan persediaan amali yang mendalam dalam diri perempuan. Oleh itu adalah adil bagi Allah meletakkan ke atas bahu lelaki tugas mengadakan keperluankeperluan rumahtangga dan tugas memberi perlindungan kepada perempuan supaya ia dapat memberi tumpuan kepada tugas-tugas yang penting ini. Tentulah tidak sewajarnya ia di paksa mengandung, melahir, menyusu dan memelihara anak-anak sedangkan serentak dalam waktu yang sama ia terpaksa bekerja, berpenat dan berjaga untuk memelihara keselamatan dirinya dan keselamatan anaknya. Begitu juga adil bagi Allah mengurniakan kepada lelaki dan perempuan ciri-ciri khusus masing-masing pada struktur anggota, saraf, akal dan jiwa mereka masing-masing, iaitu ciri-ciri yang dapat membantu mereka dalam kerja-kerja melaksanakan tugas-tugas mereka masing-masing.

Inilah yang telah berlaku dan Allah tidak pernah menzalimi sesiapa.

Kerana itu perempuan telah dibekalkan dengan ciriciri lemah lembut, kasihan belas, emosi yang cepat terangsang, reaksi yang cepat menyambut kehendak-kehendak bayi tanpa sedar dan tanpa berfikir lebih dahulu, kerana keperluan-keperluan insan yang mendalam ini tidak boleh dibiarkan kepada kesedaran dan fikiran yang terumbang-ambing dan lambat, malah keperluan-keperluan itu harus disambut secara automatis, segera dan seakan-akan dipaksa, dari dalam bukannya dari luar, sambutan yang memberi kelazatan dan keni'matan dan inilah yang membuat sambutan ini seringkali dirasa lazat dan menyenangkan agar sambutan itu cepat dari satu segi dan selesa dari satu yang lain walau bagaimana sulit dan sukar sekalipun, itulah ciptaan Allah yang telah menciptakan segala sesuatu dengan halus dan rapi.

Ciri-ciri ini bukannya ciri-ciri yang dangkal, malah ia adalah ciri-ciri yang mendalam terbenam dalam struktur anggota, saraf, akal dan jiwa perempuan, malah pakar-pakar ahli sains yang besar telah berkata: Bahawa ciri-ciri itu adalah tertanam dalam struktur setiap sel. Ia terletak begitu mendalam dalam struktur sel yang pertama, iaitu sel yang melahirkan janin dengan segala cirinya yang asasi melalui proses mutasi-mutasinya dan pembiakannya.

Begitu juga lelaki dibekalkan dengan ciri-ciri kekasaran, kekerasan, emosi yang lambat, reaksi yang perlahan, mengguna kesedaran dan fikiran sebelum bertindak dan memberi reaksi kerana semua tugas lelaki mulai dari kerja memburu yang dilakukannya di permulaan hidupnya hingga kepada berperang untuk melindungi anak isterinya hingga kepada menguruskan kehidupan dan melaksanakan kewajipan-kewajipan hidup yang lain adalah semuanya memerlukan kepada berfikir sebelum bertindak, iaitu pada umumnya memerlukan kepada menggunakan fikirannya dan bertindak lambat. Semuanya ini merupakan ciri-ciri lelaki yang mendalam dalam struktur kejadiannya sebagaimana ciri-ciri perempuan mendalam dalam struktur kejadiannya.

Ciri-ciri inilah yang membuat lelaki lebih berkemampuan memegang kepimpinan dalam rumahtangga. Begitu juga kedudukannya yang memikul tanggungjawab urusan perbelanjaan rumahtangga - yang menjadi sebahagian dari pembahagian ikhtisas - telah membuat lelaki lebih wajar memegang teraju kepimpinan kerana kerja-kerja mengendalikan urusan kehidupan institusi keluarga dan anggota-anggotanya dan kerja-kerja menguruskan pentadbiran kewangan institusi itu adalah lebih dekat dengan tabi'at tugasnya.

Inilah dua unsur (kelebihan lelaki) yang ditunjukkan oleh Al-Qur'an ketika ia menjelaskan kepimpinan lelaki ke atas perempuan di dalam masyarakat Islam.

Itulah kepimpinan yang dilandaskan di atas sebab-sebab struktur kejadian dan kesediaan semulajadi, juga dilandaskan di atas sebab-sebab pembahagian tugas dan ikhtisas dan seterusnya dilandaskan di atas sebab keadilan dalam pembahagian tugas dan tanggungjawab kepada setiap pihak dengan tugas-

tugas dan tanggungjawab yang mudah dan sesuai dengan fitrah masing-masing.

Kepimpinan Lelaki Dan Kepimpinan Wanita

Kelebihan lelaki terletak di tempat kepimpinannya. Ia terletak pada kesediaannya untuk memegang kepimpinan dan menjelaskannya. Ia terletak pada usahanya memikul tugas kepimpinan itu, kerana institusi keluarga tidak mungkin berjalan tanpa kepimpinan sama seperti institusi-institusi lain yang kurang penting dan kurang bernilai - dan kerana pihak lelaki merupakan pihak yang disediakan untuk memegang kepimpinan dan menjalankan tugasnya, sedangkan pihak perempuan tidak disediakan untuk itu. Oleh itu tentulah tidak adil andainya pihak perempuan dibebankannya dengan tugas kepimpinan di samping tugas-tugasnya yang lain. Dan sekiranya pihak perempuan disediakan untuk memegang kepimpinan dengan kesediaan-kesediaan tertentu dan dilatih dengan latihan-latihan keilmuan dan amali, maka sudah tentu akan rosaklah kesediaan untuk memikul tugas keibuan kerana tugas-tugas itu juga memerlukan syarat-syarat dan kesediaan-kesediaan yang tertentu terutamanya ialah kepantasan emosi dan reaksi yang segera di samping kesediaan-kesediaan semula jadi yang lain yang tertanam dalam struktur anggota dan saraf dan kesan-kesannya dalam tindak-tanduk dan reaksi seseorang.

Ini adalah persoalan yang amat besar yang tidak boleh diputuskan oleh hawa nafsu manusia dan tidak boleh dibiarkan mereka meraba-raba di dalam gelap. Apabila persoalan ini telah ditinggalkan kepada keputusan hawa nafsu manusia di dalam jahiliyah-jahiliyah, lama dan moden, maka akibatnya persoalan ini telah mengancam keselamatan manusia dan kehapusan ciri-ciri insaniyah mereka yang menjadi asas kehidupan manusia yang membezakannya dari kehidupan yang lain.

Barangkali di antara bukti-bukti yang wujud yang ditunjukkan oleh fitrah ialah bukti-bukti yang mempunyai undang-undangnya yang mempengaruhi manusia walaupun bukti-bukti ini ditolak oleh mereka ialah wujudnya keruntuhan, kemusnahan dan kerosakan yang telah menimpa kehidupan manusia setiap kali mereka melanggar peraturan kepimpinan ini, iaitu apabila kepimpinan dalam keluarga bergoncang atau kacau-bilau atau bertentangan dengan peraturan semulajadi.

Barangkali di antara bukti-bukti itu lagi ialah wujudnya cita-cita kaum perempuan itu sendiri supaya kepimpinan itu ditegakkan mengikut kehendak fitrah dan wujudnya perasaan tidak aman, gelisah dan kurang berbahagia apabila mereka hidup bersama lelaki yang tidak mengamalkan tugas-tugas kepimpinan atau lelaki-lelaki yang tidak memiliki ciri kepimpinan yang cukup yang dapat diserahkan teraju kepimpinan kepadanya. Ini adalah suatu hakikat yang dapat diamati dan diakui walaupun oleh perempuan-perempuan yang rosak akhlak dan hidup dalam gelap.

Di antara bukti-bukti itu lagi ialah kanak-kanak yang dibela di dalam keluarga yang tidak berketuakan bapa jarang sekali besar menjadi manusia-manusia yang normal dan jarang sekali tidak mengidap sesuatu keganjilan yang tertentu dalam struktur saraf dan jiwa mereka atau di dalam perilaku dan perangai mereka. Ini mungkin disebabkan sama ada si bapa itu mempunyai syakhsiyah yang lemah kerana dikuasai oleh syakhsiyah si ibu yang kuat atau kerana si bapa tidak ada kerana mati atau kerana si bapa yang sebenar tidak wujud.

Semuanya ini merupakan beberapa bukti yang ditunjukkan oleh fitrah, iaitu bukti-bukti yang mempunyai undang-undangnya yang mempengaruhi manusia ·walaupun bukti-bukti itu ditolak oleh manusia.

Kita tidak dapat menghuraikan lebih banyak dari ini - dalam tafsir Fi Zilalil Qur'an ini - mengenai kepimpinan lelaki nilai-nilainya, alasan-alasannya, keperluankeperluannya dan ciri-ciri kefitrahannya, tetapi apa yang kami mahu tegaskan di sini ialah: Kepimpinan itu bukanlah bertujuan menghapuskan syakhsiyah perempuan di dalam rumahtangga dan di dalam masyarakat manusia, juga bukan untuk menghapuskan kedudukan awam perempuan sebagaimana telah diterangkan sebelum ini, malah kepimpinan itu adalah suatu tugas - di dalam keluarga untuk mentadbir dan menjaga keselamatan institusi yang penting ini. Adanya nilai-nilai tertentu di dalam mana-mana institusi tidak bererti menghapuskan kewujudan atau syakhsiyah atau hak-hak orang-orang yang bersekutu dan orang-orang yang bekerja di dalam institusi itu. Di tempat-tempat yang lain Islam telah menentukan sifat kepimpinan lelaki dan gejala-gejala kegiatannya seperti menunjukkan simpati, timbangrasa, memelihara, menjaga, memberi perlindungan, juga menerangkan tugas-tugas yang bersangkutan dengan dirinya dan hartanya dan adab sopan dalam perilakunya terhadap anak isterinya.[13]

* * * * * *

Ciri-ciri Wanita Yang Soleh

Setelah menjelaskan kewajipan lelaki, hak-haknya tanggungjawab-tanggunjawab dan tugas-tugasnya di dalam kepimpinan, maka dijelaskan pula tabi'at wanita yang beriman dan soleh serta perilaku dan tindak-tanduk keimanannya di dalam lingkungan keluarga.

فَٱلصَّٰلِحَٰتُ قَٰنِتَٰتٌ حَٰفِظَٰتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ ٱللَّهُ ۚ

---

[13] *Untuk penjelasan lanjut lihat buku-buku "نحو مجتمع اسلام" "الاسلام ومشكلات الحضارة" al-Hijab""Tafsir surah an-Nur" oleh al-Ustaz al-Maududi buku "حقوق الانسان" buku "الاسرة والمجتمع" oleh doktor Ali Abdul Wahhab dan buku " الانسان بين المادية والاسلام" oleh Muhammad Qutb.*

"Nada wanita yang soleh ialah wanita-wanita yang ta'at, menjaga kehormatan diri ketika ketiadaan suami dengan peraturan Allah yang memelihara mereka."

Yakni di antara tabi'at wanita yang beriman dan soleh dan di antara sifatnya yang tidak terpisah darinya kerana keimanan dan kesolehannya ialah ia sentiasa patuh. Kata-kata "القنوت" bererti sifat patuh yang terbit dari kehendak yang sukarela dan lahir dari rasa gemar dan kasih, bukannya terbit dari rasa terpaksa dan terdesak dan bukan pula didorong oleh motif hendak melepaskan diri. Pengertian kata-kata, "قانتات" menekankan keta'atan dan kepatuhan dari aspek kejiwaan kata-kata ini mempunyai bayangan yang lembut dan basah, ia adalah amat sesuai untuk mengambarkan ketenteraman, kemesraan, naungan dan perlindungan yang wujud di antara suami dan isteri di taman asuhan yang membela anak-anak yang kecil itu. Di sinilah anak-anak yang kecil itu dapat diterapkan dengan suasana taman itu, dengan nafasnya, bayangannya, dan nadanya yang lembut.

Di antara tabi'at wanita yang beriman dan soleh dan di antara sifatnya yang tidak terpisah darinya lagi kerana keimanan dan kesolehannya ialah ia memelihara kehormatan pertalian yang suci di antara dirinya dengan suaminya ketika ketiadaannya - lebih-lebih lagi ketika kehadirannya - oleh itu ia tidak membenarkan dirinya melepaskan pandangan atau suara, lebih-lebih lagi mendedahkan kehormatan diri yang tidak dihalalkan itu melainkan kepada suaminya kerana dia adalah belahan badan suaminya.

Yang tidak dihalal dan diharuskan itu bukannya diputus oleh dia dan tidak pula diputus oleh suaminya, malah diputuskan oleh Allah S.W.T. sendiri.

بِمَا حَفِظَ ٱللَّهُۚ

"Dengan peraturan Allah yang memelihara mereka"

Yang diperhitungkan di sini bukannya kerelaan suami terhadap isterinya kerana membenarkan isterinya - ketika ketiadaannya atau ketika kehadirannya - melakukan sesuatu yang tidak dimarah olehnya atau melakukan sesuatu yang disuruh oleh suaminya dan oleh masyarakat jika masyarakat itu telah menyeleweng dari peraturan Allah.

Di sana hanya ada satu peraturan sahaja yang harus dipelihara oleh para isteri, iaitu peraturan Allah yang telah memelihara mereka. Al-Qur'an tidak mengungkapkan ayat ini dengan bentuk perintah, malah dengan bentuk yang lebih mendalam dan lebih tegas dari bentuk perintah lagi. Al-Qur'an berkata: Bahawa mereka harus memelihara diri mereka dengan peraturan Allah yang memelihara mereka, itulah tabi'at wanita-wanita yang soleh dan itulah sifat kesolehan mereka.

Dengan ungkapan ini gugurlah segala alasan Muslimin dan Muslimat yang bersemangat kalah dan tewas dihadapan masyarakat yang menyeleweng dan muncullah garis-garis peraturan Allah yang dipelihara oleh wanita-wanita yang soleh ketika ketiadaan suami mereka, iaitu peraturan yang telah memelihara mereka dan diikuti mereka dengan penuh kepatuhan, keta'atan, kerelaan dan kemesraan.

Cara Islam Menangani Masalah Nusyuz

Adapun perempuan-perempuan yang tidak soleh, iaitu perempuan-perempuan yang menunjukkan kedegilan (asal pengertian "الناشزات" ialah berdiri di atas tanah yang tinggi) ini adalah satu gambaran fizikal yang mengungkapkan keadaan jiwa yang degil, memberontak dan menderhaka.

Peraturan Islam tidak menunggu sehingga berlakunya kedegilan dan kederhakaan, sehingga hilang kehebatan kepimpinan dan sehingga institusi keluarga berpecah kepada dua khemah kerana langkah-langkah untuk mengubati keadaan keretakan yang telah sampai ke tahap itu sedikit sekali mendatangkan faedah. Oleh sebab itu langkah yang segera perlu dilakukan untuk mengubati gejala-gejala pertama penyakit kedegilan itu sebelum ia merebak menjadi besar kerana akibatnya merosakkan institusi itu, iaitu ia boleh menghapuskan ketenangan dan ketenteramannya. Ia boleh menganggu suasana tarbiyah dan penyediaan yang baik kepada anak-anak di taman asuhan yang penting itu dan pada akhirnya keretakan itu akan membawa kepada perpecahan, keruntuhan, dan kemusnahan seluruh institusi ini dan menyebabkan anak-anak menjadi terbiar atau anak-anak yang dididik di tengah-tengah faktor yang meruntuh itu akan membawa kepada berbagai-bagai penyakit jiwa dan saraf, berbagai-bagai pengidapan dan keganjilan tabi'at.

Kini jelaslah bahawa persoalan ini adalah persoalan yang amat penting. Tindakkan segera pastilah diambil untuk mengubati gejala-gejala kedegilan itu sebaik sahaja ia muncul dari jauh. Dan untuk melindungi institusi ini dari kerosakan dan kehancuran, maka pemimpinnya yang bertanggungjawab dibenarkan melakukan beberapa tindakkan disiplin di dalam berbagai-bagai kes bukan dengan tujuan untuk membalas dendam, menghina dan menyeksa, tetapi dengan tujuan untuk mengislah dan membaiki keretakan di peringkat awal kedegilan:

وَٱلَّٰتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَٱهۡجُرُوهُنَّ فِي ٱلۡمَضَاجِعِ وَٱضۡرِبُوهُنَّۖ فَإِنۡ أَطَعۡنَكُمۡ فَلَا تَبۡغُواْ عَلَيۡهِنَّ سَبِيلًاۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيّٗا كَبِيرٗا ٣٤

"Dan perempuan - perempuan yang kamu bimbang menunjukkan sikap kedegilan (nusyuz) mereka hendaklah kamu nasihati mereka dan jika masih degil) pulaukan mereka di tempat tidur dan (jika masih degil) pukullah mereka. Kemudian jika mereka ta'ati (kepada kamu) maka janganlah

kamu mencari-cari jalan untuk menyulitkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar.(34)

Dengan mengingati penjelasan-penjelasan yang telah lepas mengenai penghormatan Allah terhadap manusia lelaki dan perempuan, mengenai hak-hak kaum perempuan yang lahir dari sifat insaniyahnya, mengenai kekalnya syakhsiyah awam wanita Islam dan segala haknya, mengenai hakikat bahawa kepimpinan lelaki ke atas perempuan tidak menghilangkan hak perempuan dalam memilih kongsi hidupnya dan hak perempuan dalam menentukan urusan dirinya dan dalam menjalankan pengurusan hartanya dan akhir sekali mengenai nilai-nilai yang jelas di dalam sistem hidup Islam.

Dengan mengingati semua penjelasan ini di samping mengingati kepentingan kedudukan institusi keluarga ini dapatlah kita memahami dengan jelas - apabila hati tidak disesatkan oleh hawa nafsu dan akal tidak diselewengkan oleh takbur - hikmat mengapa peraturan-peraturan disiplin ini disyari'atkan Allah dan mengapa peraturan-peraturan wajib dijalankan dengan bentuk ini.

Sebenarnya peraturan-peraturan ini disyari'atkan sebagai langkah pencegahan apabila dibimbangi berlakunya nusyuz atau kedegilan. Ia bertujuan untuk membetulkan hati dan kedudukan itu dengan segera bukannya untuk menambahkan kerosakan hati atau untuk mengisi hati dengan marah dan dendam atau untuk menyiksakannya dengan penghinaan dan penyerahan kalah yang terpendam.

Ini bukannya sekali-kali, pertarungan di antara suami dan isteri, dan kerana itu peraturan-peraturan ini bukannya bertujuan untuk memecahkan kepala perempuan dan merantainya semula seperti anjing gila apabila ia memperlihatkan sikap nusyuz.

Ini sekali-kali bukannya amalan Islam, malah itulah amalan tradisi setengah-setengah masyarakat manusia di setengah-tengah zaman, iaitu tradisi yang lahir bersama-sama, kehinaan manusia seluruhnya bukan kehinaan sebahagian dari mereka sahaja. Adapun amalan Islam, maka ia terlalu jauh berbeza baik dari segi bentuk dan rupa, mahupun dari segi matlamat dan tujuan.

وَٱلَّٰتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ

"Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang menunjukkan sikap kedegilan (nusyuz) mereka hendaklah kamu nasihati mereka."

Maksudnya langkah yang pertama ialah memberi nasihat kepada mereka inilah kewajipan pertama pemimpin keluarga. Inilah langkah mendidik yang dituntut darinya dalam setiap keadaan firman Allah Taala:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ وَأَهۡلِيكُمۡ نَارٗا وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلۡحِجَارَةُ

"Wahai orang-orang yang beriman, pelihara diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu."

(Surah at-Tahrim: 6)

Tetapi di dalam kes nusyuz ini nasihat mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu iaitu ia bertujuan mengubati gejala-gejala penyakit nusyuz sebelum merebak menjadi besar dan menjadi begitu ketara.

Tetapi nasihat kadang-kadang tidak berguna jika di sana ada nafsu yang kuat, ada emosi yang liar dan ada perasaan angkuh kerana kecantikan, kerana kekayaan, kerana kedudukan keluarga atau kerana sesuatu nilai yang tertentu dan di sini si isteri lupa bahawa dirinya adalah kongsi dalam institusi keluarga itu bukannya lawan dalam satu pertarungan atau di bidang mendabik dada.

Diwaktu ini tibalah pula langkah yang kedua iaitu bertindak menunjukkan keunggulan diri dari pihak suami terhadap segala sifat kelebihan yang ada pada isterinya, iaitu sifat-sifat kecantikan dan kejelitaan yang menarik atau nilai-nilai yang lain yang diguna untuk mengangkatkan dirinya melebihi suaminya atau melebihi kedudukannya selaku kongsi dalam sebuah institusi yang diketuai lelaki.

وَٱهۡجُرُوهُنَّ فِي ٱلۡمَضَاجِعِ

"Dan (jika masih degil) pulaukan mereka di tempat tidur."

Tempat tidur merupakan tempat perempuan melepaskan godaan dan tarikan dan di sinilah perempuan yang nusyuz menunjukkan kemuncak kekuasaannya dan andainya suami dapat menundukkan dorongan keinginannya terhadap keadaan itu, maka ini bererti ia telah berjaya menjatuhkan senjata yang paling tajam dari tangan isteri yang nusyuz itu, iaitu satu-satunya sejata yang menjadi kebanggaannya. Biasanya dia lebih cenderung beralah dan berlembut apabila si suami betul-betul menunjukkan kekuatan ketahanannya, iradatnya dan kegagahan syakhsiyahnya dalam keadaan yang paling genting itu. Tetapi di sana ada adab sopan yang tertentu dalam melaksanakan tindakan memulaukan tempat tidur (atau tidur bersama) itu, iaitu pemulauan itu janganlah merupakan suatu pemulauan yang terang-terangan yang dilakukan di luar bilik tidur suami isteri. Misalnya pemulauan itu tidak boleh dilakukan di hadapan anak-anak yang boleh merosakkan perasaan mereka dan tidak boleh dilakukan di hadapan orang-orang asing yang boleh menghinakan isteri atau menjatuhkan maruahnya kerana tindakan-tindakan seperti itu boleh menambahkan lagi nusyuznya, sedangkan tujuan bertindak melakukan pemulauan itu ialah untuk mengubati nusyuz bukan untuk menghina isteri dan merosakkan perasaan anak-anak, tetapi kedua-dua matlamat ini nampaknya memang dimaksudkan dengan tindakan-tindakan itu.

Tetapi tindakan pemulauan ini juga kadang-kadang tidak berjaya, namun begitu, apakah institusi ini patut dibiarkan hancur begitu sahaja?

Di sana ada lagi satu tindakan walaupun tindakan ini lebih keras, namun ia lebih ringan dan lebih kecil dari membiarkan institusi ini dihancurkan oleh nusyuz. Tindakan itu ialah:

وَٱضۡرِبُوهُنَّۖ

"Dan (jika masih degil) pukullah mereka."

Mengingati tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat yang telah lepas dari semua peraturan ini tentulah tidak dapat dikatakan bahawa pukulan itu adalah suatu penyeksaan yang bertujuan untuk membalas dendam dan melepaskan geram. Ia tidak pula dikatakan bahawa pukulan itu adalah bertujuan untuk menghina atau untuk memaksa supaya ia menerima sesuatu kehidupan yang tidak disukainya. Selain dari itu pukulan itu telah ditentukan supaya dilakukan dalam bentuk pukulan disiplin yang disertai dengan sentimen seseorang pendidik sama seperti pukulan seseorang bapa terhadap anaknya dan pukulan seseorang guru terhadap muridnya.

Dan tentulah diketahui umum bahawa semua peraturan ini tidak mempunyai tempatnya apabila suami isteri berada dalam hubungan yang harmoni dalam institusi itu, kerana peraturan-peraturan ini diadakan untuk maksud menghadapi bahaya kerosakan dan keretakan rumah tangga. Peraturan-peraturan ini tidak wujud kecuali di sana berlaku sesuatu penyelewengan yang mahu diubati dengan peraturan ini.

Apabila cara nasihat tidak berguna dan apabila cara pemulauan tempat tidur juga tidak berguna, tentulah penyelewengan ini suatu penyelewengan dari jenis dan peringkat yang lain yang tidak boleh diubati dengan cara-cara biasa, tetapi ia mungkin berguna jika diubati dengan cara pukulan.

Bukti-bukti dari kejadian-kejadian yang telah berlaku dan dari pengamatan-pengamatan, ilmu jiwa menunjukkan bahawa cara pukulan ini adalah cara yang paling sesuai untuk mengubati penyelewengan jiwa yang tertentu, membetulkan perilaku tuannya dan sekaligus dapat memenuhi kesukaannya.

Tetapi cara ini dilakukan walaupun di sana tidak wujudnya penyelewengan dari jenis penyakit jiwa yang dinamakan oleh ilmu jiwa analisis itu, kerana kami tidak mahu menerima pendapat-pendapat ilmu jiwa sebagai keputusan, 'ilmiyah sebab kajian-kajian ilmu jiwa belum lagi menjadi satu ilmu dalam erti kata ilmu yang sebenar sebagaimana kata Dr. Alexis Carell, mungkin ada di antara kaum perempuan itu orang-orang yang tidak dapat merasa kekuatan lelaki yang menyintai mereka dan layak menjadi ketua rumahtangga dan suami mereka kecuali jika lelaki ini dapat mengalahkan mereka dari segi kekuatan jasmani. Walaupun ini bukannya tabi'at setiap perempuan, tetapi jenis perempuan ini memang ada dan perempuan yang semacam inilah yang mungkin memerlukan kepada tindakan akhir ini untuk membetulkan kelakuannya supaya institusi keluarga yang penting itu selamat dan tenteram.

Walau bagaimanapun pihak yang menetapkan peraturan-peraturan ini ialah Allah S.W.T. sendiri yang telah menciptakan manusia dan tentulah dia lebih mengetahui tentang makhluk yang diciptakannya. Oleh itu segala perdebatan dan pertikaian selepas penjelasan dari Allah yang Maha Mengetahui itu adalah suatu pertengkaran yang keji dan segala pemberontakan terhadap peraturan yang telah dipilih Allah dan keengganan menerimanya akan membawa kepada terkeluarnya seseorang dari seluruh lingkungan iman.

Allah telah menetapkan peraturan-peraturan ini di dalam suasana dan latar belakang, keadaan yang menentukan sifatnya dan menentukan niat yang menyertainya dan tujuan di sebaliknya hingga tidak dapat dimasukkan ke dalam peraturan Allah ini kefahaman-kefahaman manusia yang salah di zaman-zaman jahiliyah, di mana lelaki berubah menjadi tukang sebat atas nama agama dan perempuan berubah menjadi abdi atas nama agama atau lelaki berubah menjadi perempuan dan perempuan berubah menjadi lelaki atau kedua-duanya berubah menjadi jenis yang ketiga iaitu jenis tidak jelas di antara lelaki dan perempuan atas nama kemajuan dalam kefahaman agama. Semuanya ini merupakan bentuk-bentuk kefahaman yang tidak sukar dibezakan dengan kefahaman Islam yang benar dan kehendak-kehendaknya pada orang-orang Mu'min.

Peraturan-peraturan ini telah dibenarkan untuk tujuan mengubati gejala-gejala penyakit nusyuz sebelum ia merebak menjadi serius dan peraturan-peraturan ini telah dikawal dengan amaran-amaran dan peringatan-peringatan dari penyalahgunaan sebaik sahaja ia ditetap dan dibenarkan. Rasulullah s.a.w. sendiri telah mengawal sikap keterlaluan di sana sini dan membetulkan kefahaman-kefahaman melalui sunnah-sunnah amaliyahnya ketika berada di rumahtangganya bersama keluarganya dan melalui bimbingan-bimbingan lisannya untuk menangani perilaku yang keterlaluan dan melalui sabda-sabdanya yang banyak.

Tersebut di dalam as-Sunan dan al-Musnad dari Mua'awiyah ibn Haydah al-Qusyayri katanya: Apakah hak isteri yang tertanggung di atas seseorang dari kami jawab beliau:

ان تطعمها إذا طعمت، وتكسوها إذا كتسيت.
ولاتضرب الوجه. ولا تقبح، ولا تهجر إلا في البيت

"Engkau memberi makan kepadanya jika engkau makan dan memberi pakaian kepadanya jika engkau berpakaian, janganlah engkau memukul mukanya, janganlah engkau

mengeluarkan perkataan-perkataan yang buruk terhadapnya dan janganlah engkau memulaukan kecuali di dalam rumah."

Menurut riwayat Abu Daud, An-Nasa'i dan Ibn Majah sabda Nabi s.a.w.

لا تضربوا إماء الله

"Janganlah kamu pukul hamba-hamba Allah (kaum perempuan)."

kemudian 'Umar r.a. datang kepada Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Perempuan-perempuan telah menderhaka kepada suami mereka" lalu Rasulullah s.a.w. memberi kebenaran supaya memukul isteri mereka. Kemudian ramai perempuan datang menemui keluarga Rasulullah s.a.w. dan mengadu kepada beliau kekasaran suami mereka lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

لقد أطاف بآل محمد نساء كثير مشتكين من أزواجهن.. ليس اولئك بخياركم

"Ramai isteri-isteri, datang mengerumuni keluarga Muhammad kerana mengadu (kekasaran) dari suami mereka. Suami-suami seperti itu bukannya orang-orang baik yang terpilih di antara kamu."

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا يضرب أحدكم امرأته كالعير يجلدها أول النهار. ثم يضاجعها آخره

"Janganlah seseorang dari kamu memukul isterinya seperti keldai liar di waktu pagi ia menyebatkannya dan di waktu petang ia menidurinya." [14]

Sabda beliau lagi:

خيركم خيركم لأهله. وأنا خيركم لأهلي

"Orang yang paling baik dari antara kamu ialah orang yang paling baik kepada isterinya dan aku adalah orang yang paling baik dari antara kamu kepada isteriku." [15]

Nas-nas, bimbingan-bimbingan dan keadaan-keadaan latar belakang yang melingkunginya menggambarkan satu pertarungan di antara sisa-sisa akhlak jahiliyah dengan bimbingan-bimbingan peraturan hidup Islam di dalam masyarakat Islam di bidang kehidupan rumahtangga. Pertarungan ini serupa dengan gambaran pertarungan di antara sisa-sisa akhlak jahiliyah di dalam berbagai-bagai bidang hidup yang lain sebelum mantapnya bentuk-bentuk akhlak Islam yang baru dan sebelum mendalamnya akarakar kesedarannya bertunjang di dalam hati nurani orang-orang Islam di dalam masyarakat Islam.

Walau bagaimanapun Allah telah meletakkan batas perhitungan tertentu bagi peraturan-peraturan ini apabila tujuannya telah tercapai di mana-mana, peringkat peraturan itu dan di sini ia tidak dibolehkan lagi melewati batas itu.

فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا۟ عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا

"Kemudian jika mereka ta'at (kepada kamu), maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyulitkan mereka."

Apabila tujuan telah tercapai, maka tindakan hendaklah diberhentikan. Ini menunjukkan bahawa keta'atan isteri itu merupakan tujuan yang dikehendaki dari tindakan itu, iaitu keta'atan dari penerimaan yang baik bukan keta'atan kerana terpaksa sebab keta'atan terpaksa ini tidak dapat menegakkan institusi keluarga selaku tapak asas masyarakat.

Kemudian ayat yang berikut menyarankan bahawa perbuatan meneruskan tindakan atau peraturan ini setelah tercapai keta'atan adalah satu perbuatan yang zalim, sewenang-wenang dan keterlaluan.

فَلَا تَبْغُوا۟ عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا

"Janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyulitkan mereka."

Kemudian larangan itu diiringi dengan peringatan supaya mengenangkan sifat Allah yang Maha Tinggi dan Maha Besar agar hati merendah diri, kepala tunduk ke bumi dan perasaan melampau dan sombong hilang menjadi wap andainya perasaan-perasaan itu berkecamuk di dalam jiwa setengah-setengah orang. Inilah cara Al-Qur'an dalam menyampaikan galakan dan amaran.

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar."(34)

* * * * * *

Tindakan ini bolehlah diambil apabila nusyuz itu masih dalam peringkat yang tidak begitu ketara. Ia hanya boleh dicegah diperingkat tanda-tanda permulaannya sahaja, tetapi apabila ia menjadi begitu ketara, maka tindakan-tindakan tersebut itu tidak boleh diambil lagi, kerana tindakan-tindakan itu tidak bernilai dan berfaedah lagi. Malah kini jelaslah ia telah berubah menjadi suatu pertarungan dan peperangan di antara dua orang yang bersengketa, di mana masing-masing berusaha untuk memecahkan kepala lawannya. Ini bukannya maksud dan tujuan yang dicari. Begitu juga apabila telah difikirkan bahawa penggunaan peraturan-peraturan itu tidak akan membawa faedah, malah akan menambahkan jurang keretakan, akan menyebabkan nusyuz itu lebih menonjol lagi dan akan mengakibatkan putusnya saki-baki tali hubungan yang masih terikat atau apabila telah difikir bahawa penggunaan tindakan-tindakan itu tidak akan membawa sesuatu hasil, maka dalam kes-kes yang seumpama ini peraturan Islam yang bijaksana menganjurkan satu tindakan yang akhir untuk menyelamatkan institusi yang agung itu dari keruntuhan sebelum berlepas tangan dan membiarkannya runtuh.

---

[14] *Dari Abu Hurairah disebut oleh penyusun*
[15] *Diriwayatkan oleh at-Tirmizi dan at-Tabrani.*

Perlantikan Utusan Damai

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَٱبْعَثُوا۟ حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِۦ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَآ إِن يُرِيدَآ إِصْلَٰحًا يُوَفِّقِ ٱللَّهُ بَيْنَهُمَآ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا ﴿٣٥﴾

"Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara kedua (suami isteri) maka lantikkanlah pendamai, iaitu seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua pendamai itu inginkan perdamaian nescaya Allah menserasikan hubungan di antara suami isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan amat mendalam ilmu-Nya."(35)

Demikian peraturan Islam tidak mengajak supaya menyerah kalah kepada tanda-tanda pertama nusyuz dan benci dan tidak pula mangajak ke arah mengambil keputusan yang segera untuk merombakkan ikatan perkahwinan itu dan meleburkan institusi keluarga itu ke atas kepala semua penghuninya sama ada yang besar atau yang kecil yang tidak berdosa dan tidak berupaya, kerana institusi keluarga amat berharga di sisi Islam dilihat kepada kepentingannya dalam pembangunan masyarakat dan kepada pembekalannya yang menyumbang bata-bata baru yang perlu untuk perkembangannya, kemajuannya dan kesinambungannya.

Islam menggunakan wasilah yang akhir ini apabila dibimbangi berlakunya perpecahan suami isteri. Oleh itu ia bertindak segera sebelum berlakunya perpecahan itu dengan mengutuskan seorang pendamai dari keluarga isteri yang di sukai olehnya dan seorang pendamai dari keluarga suami yang disukai olehnya agar kedua-dua utusan damai ini bertemu dan berunding dengan tenang dan terpisah jauh dari emosi-emosi, hati, keladak-keladak perasaan dan latar belakang-latar belakang kehidupan yang telah mengeruhkan kejernihan hubungan di antara suami isteri itu. Mereka dapat bertemu dengan bebas dari semua pengaruh ini yang telah merosakkan suasana hidup dan merumitkan keadaan. Dan oleh kerana pengaruh-pengaruh ini dekat kepada hati suami isteri itu, maka ia kelihatan begitu besar hingga menutupi faktor-faktor kebaikan yang lain di dalam kehidupan keduanya. Seterusnya kedua-dua utusan damai itu harus berunding dengan azam yang sungguh-sungguh untuk menjaga nama baik dua keluarga itu dan dengan semangat kasihan belas terhadap anak-anak yang masih kecil dan dengan sikap yang bersih dari keinginan hendak memihak kepada mana-mana pihak - sebagaimana keadaan yang mungkin berlaku kepada suami isteri dalam suasana yang seperti ini - pendeknya kedua-dua utusan damai itu harus berunding dengan cita-cita untuk kebajikan suami isteri, anak-anak mereka dan rumah tangga mereka yang terancam kepada keruntuhan itu. Dalam waktu yang sama kedua pendamai itu dianggap sebagai pemegang amanah terhadap rahsia-rahsia suami isteri itu kerana keduanya dari keluarga mereka sendiri. Kedua-duanya tidak dibimbangi membocorkan rahsia-rahsia itu kerana tidak ada faedahnya mereka berbuat begitu, malah yang berguna kepada mereka ialah menyembunyikan rahsia-rahsia itu.

Kedua-dua pendamai itu berkumpul dan berunding menjalankan usaha-usaha untuk mengislahkan hubungan yang retak itu dan andainya di dalam hati suami isteri itu berubah keinginan yang sebenar untuk berdamai cumanya keinginan itu sedang dilindungi perasaan marah sahaja, maka dengan pertolongan keinginan yang kuat di dalam hati dua pendamai itu Allah akan mewujudkan kebaikan dan hubungan yang harmoni di antara keduanya:

إِن يُرِيدَآ إِصْلَٰحًا يُوَفِّقِ ٱللَّهُ بَيْنَهُمَآ ۗ

"Jika kedua-dua pendamai itu inginkan pendamaian, nescaya Allah menserasikan hubungan di antara suami isteri itu."

Kedua-dua pendamai ini mahu mendamaikan hubungan suami isteri itu dan Allah memperkenankan usaha mereka dan menjayakan kehidupan mereka.

Inilah hubungan di antara hati manusia dan usahanya dengan kehendak Allah dan takdirnya. Sesungguhnya takdir Allah itulah yang merealisasikan apa yang berlaku di dalam kehidupan manusia, tetapi manusia boleh bertawajjuh kepada Allah dan berusaha dan selepas itu berlakulah apa yang berlaku dengan takdir Allah.

Ia berlaku mengikut ilmu Allah yang mengetahui segala rahsia dan segala yang baik.

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar."(34)

Demikian kita melihat di dalam pelajaran ini sejauh mana seriusnya dan pentingnya pandangan Islam terhadap perempuan, terhadap hubungan lelaki dan perempuan dan terhadap institusi keluarga dan segala pertalian kemasyarakatan yang berhubung kait dengannya juga melihat sejauh mana pertalian sistem hidup Islam mengatur aspek yang penting dari kehidupan manusia ini. Seterusnya di dalam pelajaran ini juga kita melihat contoh usaha yang telah dicurahkan oleh sistem hidup yang agung ini apabila ia memimpin kelompok Muslimin yang dipungut dari kaki bukit jahiliyah dan membawa mereka naik ke puncak yang tinggi di bawah bimbingan hidayat Allah.

(Kumpulan ayat-ayat 36 - 43)

وَٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا ۖ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا وَبِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ

وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْجَارِ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْجَارِ ٱلْجُنُبِ
وَٱلصَّاحِبِ بِٱلْجَنۢبِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ
أَيْمَٰنُكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾
ٱلَّذِينَ يَبْخَلُونَ وَيَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبُخْلِ
وَيَكْتُمُونَ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ
وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿٣٧﴾
وَٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ رِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَلَا
يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۗ وَمَن يَكُنِ ٱلشَّيْطَٰنُ
لَهُۥ قَرِينًا فَسَآءَ قَرِينًا ﴿٣٨﴾
وَمَاذَا عَلَيْهِمْ لَوْ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَأَنفَقُوا۟
مِمَّا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِهِمْ عَلِيمًا ﴿٣٩﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ ۖ وَإِن تَكُ حَسَنَةً
يُضَٰعِفْهَا وَيُؤْتِ مِن لَّدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٤٠﴾
فَكَيْفَ إِذَا جِئْنَا مِن كُلِّ أُمَّةٍۭ بِشَهِيدٍ وَجِئْنَا بِكَ
عَلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ شَهِيدًا ﴿٤١﴾
يَوْمَئِذٍ يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَعَصَوُا۟ ٱلرَّسُولَ لَوْ
تُسَوَّىٰ بِهِمُ ٱلْأَرْضُ وَلَا يَكْتُمُونَ ٱللَّهَ حَدِيثًا ﴿٤٢﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ
حَتَّىٰ تَعْلَمُوا۟ مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِى
سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا۟ ۚ وَإِن كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ
أَوْ جَآءَ أَحَدٌ مِّنكُم مِّنَ ٱلْغَآئِطِ أَوْ لَٰمَسْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَلَمْ
تَجِدُوا۟ مَآءً فَتَيَمَّمُوا۟ صَعِيدًا طَيِّبًا فَٱمْسَحُوا۟
بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٤٣﴾

"Dan hendaklah kamu sembahkan Allah dan janganlah kamu mempersekutukannya dengan sesuatu apapun dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang mempunyai hubungan kerabat dan jiran-jiran yang asing, teman seiringan, ibn sabil dan hamba abdi yang dimiliki kamu. Sesungguhnya Allah tidak kasihankan orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri (36). Iaitu orang-orang yang bakhil dan menyuruh orang-orang lain supaya bakhil serta menyembunyikan limpah kurnia yang diberikan Allah kepada mereka dan Kami telah sediakan kepada orang-orang kafir 'azab yang amat menghinakan (37). Juga orang-orang yang menginfaqkan harta mereka dengan tujuan menunjuk-nunjuk kepada manusia, sedangkan mereka tidak beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan sesiapa yang mengambil syaitan sebagai kawan, maka dialah sejahat-jahat kawan (38). Dan apakah mudharatnya kepada mereka jika mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat dan menginfaqkan sebahagian rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka dan Allah Maha Mengetahui keadaan mereka (39). Sesungguhnya Allah tidak menganiayai seseorang walaupun sebesar zarrah dan jika ada kebajikan sebesar zarrah (yang dilakukannya) nescaya Allah akan gandakan balasannya dan mengurniakan dari sisi-Nya pahala yang amat besar (40). Maka bagaimana nanti (keadaan orang-orang kafir) apabila Kami membawa seorang saksi (Rasul mereka) dari setiap umat dan Kami membawa engkau (Muhammad) sebagai saksi di atas mereka (41). Pada hari itu orang-orang kafir dan menentang Rasul berangan-angan andainya mereka diratakan dengan bumi dan (ketika itu) mereka tidak dapat menyembunyikan sesuatu kejadian pun dari Allah (42). Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri (mengerjakan) solat sedangkan kamu dalam keadaan mabuk sehingga kamu mengetahui apa yang kamu ucapkan dan (janganlah kamu masuk ke dalam masjid) dalam keadaan junub kecuali sekadar melintas jalan sahaja sehingga kamu mandi bersuci. Dan jika kamu sakit atau sedang dalam persafiran atau seseorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu telah menyentuh perempuan kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwudhu'), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah (debu) yang baik (yang suci), iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf dan Maha Pengampun."(43)

Di sana terdapat lebih dari satu pertalian yang menghubungkan di antara permulaan pelajaran ini dengan fungsi surah dan maudhu'-maudhu' pokok dari satu segi, juga menghubungkan di antaranya dengan maudhu'-maudhu' pelajaran yang telah lalu di dalam juzu' ini dari satu segi yang lain.

Pelajaran ini merupakan permulaan pusingan dalam rangka mengatur kehidupan masyarakat Islam dan dalam usaha membersihkannya dari sisa-sisa keladak jahiliyah di samping usaha menegakkan ciri-ciri Islam yang baru serta memberi peringatan supaya berwaspada terhadap kaum Ahlil-Kitab, iaitu kaum Yahudi di Madinah yang bertabi'at jahat dan lihai. Mereka bekerja menaburkan fitnah di dalam masyarakat Islam dan melakukan berbagai-bagai usaha untuk menghalangkan perkembangan dan ciri kesepaduannya terutama dari aspek akhlak dan aspek takaful dan semangat gotong-royong yang menjadi nadi kekuatan yang subur di dalam masyarakat yang baru ini.

Oleh kerana pelajaran yang baru ini merupakan satu pusingan yang baru, maka ia dimulakan dengan pembicaraan mengenai dasar pertama yang menjadi tapak asas masyarakat Islam, iaitu dasar tauhid yang tulen dan dari dasar inilah lahirnya sistem kehidupan ini dalam semua sudut dan arah tujuannya.

Pelajaran ini telah pun di dahului oleh berbagai-bagai pusingan yang membicarakan peraturan keluarga dan peraturan kemasyarakatan. Pelajaran yang telah lepas membicarakan tentang keluarga dan peraturannya, dan cara-cara mengawal dan menjaganya, juga tentang hubungan-hubungan yang mengukuhkan binaan keluarga, tetapi pelajaran ini membicarakan tentang hubungan-hubungan insaniyah dalam masyarakat Islam yang lebih luas dari hubungan kekuargaan di samping ada kaitannya dengan keluarga, iaitu ia memperkatakan tentang hubungan dengan ibubapa kemudian hubungan ini meluas kepada hubungan-hubungan yang lain yang melahirkan perasaan-perasaan kasih sayang yang subur dalam suasana keluarga yang mesra sehingga melimpah kepada hubungan-hubungan insaniyah yang lain. Inilah hubungan-hubungan pertama yang dipelajari oleh seseorang insan dalam suasana yang mesra dan dari sinilah ia memperluaskan hubungan-hubungan dengan keluarga insaniyah seluruhnya setelah benih-benihnya disemai di dalam hatinya oleh keluarganya yang dekat.

Oleh kerana di dalam pelajaran yang baru ini terkandung bimbingan-bimbingan untuk menjaga keluarga sendiri - keluarga yang dekat - dan keluarga insaniyah yang besar, juga bimbingan-bimbingan untuk menegakkan nilai-nilai dan neraca-neraca ukuran di bidang ini untuk orang-orang dermawan dan orang-orang yang bakhil, maka pelajaran ini dimulakan dengan pembicaraan mengenai dasar asasi yang melahirkan segala nilai dan neraca ukuran di samping melahirkan seluruh sistem hidup dalam masyarakat Islam iaitu dasar tauhid. Di sini setiap harakat dan setiap kegiatan, setiap fikiran dan setiap perasaan dihubungkan dengan tujuan beribadat kepada Allah selaku matlamat setiap kegiatan insaniyah yang tersemat di dalam hati dan kehidupan seseorang Muslim.

Oleh sebab di sini diperkatakan tentang ibadat kepada Allah Yang Maha Esa dalam lingkungannya yang seluas-luas, maka di dalam rangkaian ayat-ayat ceraian yang kedua dibicarakan beberapa hukum mengenai solat dan peraturan bersuci serta memulakan langkah ke arah mengharamkan arak - ketika ini arak belum lagi diharamkan - dan mengirakan langkah ini sebagai sebahagian dari program tarbiyah am Islam yang teratur secara beransur-ansur di dalam masyarakat yang baru itu dan sebagai peraturan yang ada kaitan dengan ibadat, solat dan tauhid.

Itulah siri-siri pembicaraan yang bertautan satu sama lain dan berkaitan dengan pelajaran yang telah lepas dan dengan paksi surah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 42)

وَٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا ۖ
وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا وَبِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ
وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْجَارِ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْجَارِ ٱلْجُنُبِ
وَٱلصَّاحِبِ بِٱلْجَنۢبِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ
أَيْمَٰنُكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾
ٱلَّذِينَ يَبْخَلُونَ وَيَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبُخْلِ
وَيَكْتُمُونَ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ
وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿٣٧﴾
وَٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ رِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَلَا
يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۗ وَمَن يَكُنِ ٱلشَّيْطَٰنُ
لَهُۥ قَرِينًا فَسَآءَ قَرِينًا ﴿٣٨﴾
وَمَاذَا عَلَيْهِمْ لَوْ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَأَنفَقُوا۟
مِمَّا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِهِمْ عَلِيمًا ﴿٣٩﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ ۖ وَإِن تَكُ حَسَنَةً
يُضَٰعِفْهَا وَيُؤْتِ مِن لَّدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٤٠﴾
فَكَيْفَ إِذَا جِئْنَا مِن كُلِّ أُمَّةٍۭ بِشَهِيدٍ وَجِئْنَا بِكَ
عَلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ شَهِيدًا ﴿٤١﴾
يَوْمَئِذٍ يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَعَصَوُا۟ ٱلرَّسُولَ لَوْ
تُسَوَّىٰ بِهِمُ ٱلْأَرْضُ وَلَا يَكْتُمُونَ ٱللَّهَ حَدِيثًا ﴿٤٢﴾

"Dan hendaklah kamu sembahkan Allah dan janganlah kamu mempersekutukannya dengan sesuatu apapun dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibubapa, kaum

kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang mempunyai hubungan kerabat dan jiran-jiran yang asing, teman seiringan, ibn sabil dan hamba abdi yang dimiliki kamu. Sesungguhnya Allah tidak kasihankan orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri (36). Iaitu orang-orang yang bakhil dan menyuruh orang-orang lain supaya bakhil serta menyembunyikan limpah kurnia yang diberikan Allah kepada mereka dan Kami telah sediakan kepada orang-orang kafir 'azab yang amat menghinakan (37). Juga orang-orang yang menginfaqkan harta mereka dengan tujuan menunjuk-nunjuk kepada manusia, sedangkan mereka tidak beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan sesiapa yang mengambil syaitan sebagai kawan, maka dialah sejahat-jahat kawan (38). Dan apakah mudharatnya kepada mereka jika mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat dan menginfaqkan sebahagian rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka dan Allah Maha Mengetahui keadaan mereka (39). Sesungguhnya Allah tidak menganiayai seseorang walaupun sebesar zarrah dan jika ada kebajikan sebesar zarrah (yang dilakukannya) nescaya Allah akan gandakan balasannya dan mengurniakan dari sisi-Nya pahala yang amat besar (40). Maka bagaimana nanti (keadaan orang-orang kafir) apabila Kami membawa seorang saksi (Rasul mereka) dari setiap umat dan Kami membawa engkau (Muhammad) sebagai saksi di atas mereka (41). Pada hari itu orang-orang kafir dan menentang Rasul berangan-angan andainya mereka diratakan dengan bumi dan (ketika itu) mereka tidak dapat menyembunyikan sesuatu kejadian pun dari Allah".(42)

Tauhid Sumber Segala Kebaikan Manusia

Ceraian ini dimulakan dengan perintah beribadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan melarang mempersekutukannya dengan sesuatu yang lain. Ia dimulakan dengan huruf 'ataf (sendi kata) "واو" yang bererti "dan" dalam perkataan "واعبدوا الله" (dan hendaklah kamu sembahkan Allah) yang menghubungkan perintah dan larangan ini dengan perintah-perintah yang telah lalu yang berkaitan dengan peraturan-peraturan keluarga pada akhir-akhir pelajaran yang lepas. Adanya hubungan di antara dua pembicaraan ini menunjukkan adanya kesatuan yang semesta, syumul dan sepadu di dalam agama ini, iaitu agama ini bukannya semata-mata 'aqidah yang mantap di dalam hati dan bukan pula semata-mata syi'ar-syi'ar dan amalan ibadat yang dikerjakan, ia bukannya semata-mata peraturan-peraturan dunia yang tidak mempunyai hubungan dengan 'aqidah dan syi'ar-syi'ar amalan ibadat, malah ia adalah sebuah sistem hidup yang merangkumi seluruh aktiviti ini dan mengikat seluruh aspeknya kepada tiang serinya iaitu Tauhidullah dan menerima seluruh peraturan aktiviti dari sumber Allah Yang Maha Esa sahaja. Maksud tauhid Allah ialah mentauhidkan Allah selaku Tuhan yang disembah dan selaku sumber bimbingan, peraturan dan undang-undang bagi seluruh aktiviti manusia, kedua-dua aspek ini sekali-kali tidak terpisah di dalam agama Allah yang benar.

Kemudian perintah menegakkan tauhid dan melarangkan syirik ini diiringi pula dengan perintah membuat ihsan kepada anggota-anggota keluarga yang dekat dan kepada anggota-anggota keluarga insaniyah dan mengecam sifat-sifat bakhil dan takbur, sifat membanggakan diri dan perbuatan mengajak orang lain bersikap bakhil. Seterusnya ia mengecam perbuatan menyembunyikan limpah kurnia Allah dalam bentuk apa sahaja sama ada dalam bentuk harta kekayaan, ilmu pengetahuan dan agama. Kemudian ia memberi peringatan supaya jangan mengikut syaitan dan menyebut 'azab Akhirat, di mana kehinaan dan keterdedahan keaiban yang memalukan akan berlaku di sana. Kemudian semuanya ini diikat dengan tauhid dan dinyatakan sumber penerimaannya yang diterima oleh setiap orang yang menyembah Allah yang Maha Esa dan tidak mempersekutukannya dengan sesuatu, iaitu satu sumber yang tunggal yang tidak disyarikati oleh sesiapa pun dalam mana-mana urusan bimbingan dan peraturan sebagaimana sifat Uluhiyah-Nya dan ibadat kepadanya juga tidak disyarikati oleh sesiapa pun.

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۖ
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ
وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

"Dan hendaklah kamu sembahkan Allah dan janganlah kamu mempersekutukannya dengan sesuatu apapun dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibubapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang mempunyai hubungan kerabat dan jiran-jiran yang asing, teman seiringan, ibn sabil dan hamba abdi yang dimiliki kamu."(36)

Undang-undang, peraturan-peraturan dan bimbingan-bimbingan di dalam sistem-sistem Allah adalah seluruhnya terbit dari satu sumber sahaja dan tegak di atas satu asas yang kukuh, iaitu ia terbit dari keimanan kepada Allah dan tegak di atas tauhid yang tulen yang menjadi lambang dari keimanan itu. Oleh sebab itulah ia berkaitan dan bersepadu satu sama lain dan amat sukar dipisahkan kepada bahagian-bahagian yang kecil. Sebarang kajian mengenai mana-mana bahagian ini tidak akan sempurna tanpa dirujukkan kepada pangkal asalnya yang sering menjadi tempat pertemuan bahagian-bahagian itu. Begitu juga mengamalkan mana-mana bahagian ini tanpa mengamalkan bahagian yang lain tidak cukup untuk merealisasikan sifat Islam, juga tidak cukup untuk merealisasikan faedah-faedah dari sistem hidup Islam di dalam kehidupan.

Dari keimanan kepada Allah inilah lahirnya segala kefahaman dan tanggapan yang asasi terhadap hubungan dengan alam, hubungan dengan hayat dan hubungan dengan manusia dan di atas landasan tanggapan-tanggapan inilah ditegakkan sistem

kemasyarakatan, sistem ekonomi sistem akhlak dan sistem antarabangsa. Tanggapan-tanggapan inilah yang mempengaruhi hubungan manusia di antara satu sama lain dalam setiap bidang kegiatan mereka di bumi. Ia mempengaruhi hati individu dan realiti masyarakat. Ia menjadikan mu'amalah-mu'amalah itu amal ibadat termasuk amalan mengikut peraturan Allah dan bermuraqabah dengan Allah. Ia menjadikan amal ibadat itu sebagai tapak asas mu'amalah termasuk amalan membersihkan hati dan perilaku. Akhirnya ia mengubahkan seluruh hidup ini menjadi satu unit yang padu yang lahir dari sistem hidup Rabbani dan menerima dari sumber Allah Yang Maha Esa sahaja serta menjadikan tempat perkembalian hidup dunia dan Akhirat itu ialah kepada Allah.

Perhubungan Kekeluargaan Dan Hubungan Insaniyah

Inilah ciri asasi di dalam 'aqidah Islam, di dalam sistem hidup Islam dan di dalam agama Allah seluruhnya. Dan ciri ini ditonjolkan di sini (dalam ayat ini) dengan memulakan perintah beribadat kepada Allah dan mentauhidkannya sebelum diperintah berbuat baik kepada dua ibubapa, kaum kerabat dan lain-lain kumpulan sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Kemudian ciri ini juga ditonjol dalam satu cetusan, di antara hubungan berbuat baik kepada dua ibu bapa dan hubungan berbuat baik kepada kumpulan-kumpulan yang lain, di mana kedua-dua hubungan ini dikaitkan dengan ibadat dan tauhid kepada Allah. Penonjolan itu dibuat setelah ia menjadikan pembicaraan ibadat dan tauhid itu sebagai penghubung di antara peraturan-peraturan keluarga yang dekat dipenghabisan pelajaran yang lepas dengan peraturan-peraturan hubungan-hubungan insaniyah yang luas di dalam pelajaran ini supaya semua hubungan itu dapat diikat dengan satu tali penghubung sahaja dan supaya semua peraturan, undang-undang dan bimbingan-bimbingan dalam hubungan-hubungan itu dapat disatukan sumbernya.

وَٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا

"Dan hendaklah kamu sembahkan Allah dan janganlah kamu mempersekutukannya dengan sesuatu." ..

Perintah yang pertama ialah perintah beribadat kepada Allah. Larangan yang kedua mengharamkan perbuatan beribadat kepada yang lain dari Allah, iaitu satu larangan yang tegas yang merangkumi segala bentuk sembahan yang dikenali manusia.

وَلَا تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا

"Dan janganlah kamu mempersekutukannya dengan sesuatu."

Maksud dari kata-kata "*sesuatu*" ialah segala apa sahaja yang ada sama ada benda atau haiwan atau manusia atau malaikat atau syaitan atau sebagainya kerana semuanya termasuk dalam pengertian "*sesuatu*" apabila diungkapkan dengan pengucapan yang seperti ini.

Kemudian ia menyuruh membuat ihsan kepada dua ibubapa khususnya dan kepada kaum kerabat umumnya. Kebanyakan perintah Ilahi menyuruh anak-anak berbakti kepada dua ibubapa walaupun ia tidak lupa menyuruh ibubapa berbakti kepada anak-anak. Sememangnya Allah lebih kasihan belas terhadap anak-anak dari ibubapa mereka sendiri dalam segala keadaan. Anak-anak - terutamanya - lebih perlu diperintah supaya berbakti kepada dua ibubapa selaku generasi yang tertinggal di belakang, kerana anak-anak biasanya menumpukan seluruh jiwa, kasih sayang dan perhatian mereka kepada anak-anak mereka selaku generasi yang akan mengambil tempat mereka bukannya kepada generasi yang berada di belakang mereka. Ketika mereka tertolak ke depan di bawa arus kehidupan dan terlupa memandang ke belakang, maka di waktu inilah datangnya bimbingan dari Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih, Tuhan yang tidak membiarkan bapa dan anak, tidak melupakan zuriat dan ibubapa, Tuhan yang mengajar para hamba-Nya supaya menumpukan kasih sayang terhadap satu sama lain walaupun mereka anak-anak dan dua ibubapa.

Begitu juga dapat diperhatikan di dalam ayat ini dan di dalam berbagai-bagai ayat yang lain bahawa bimbingan berbuat kebaktian dimulai dengan kerabat - sama ada kerabat khusus atau umum - kemudiaan lingkungan kebaktian itu meluas kepada golongan-golongan yang lain yang memerlukan kepada pertolongan dan perlindungan yang terdiri dari keluarga insaniyah yang besar. Peraturan ini adalah sesuai dengan fitrah semulajadi manusia, kerana perasaan kasih sayang dan perasaan simpati itu mula bercambah di rumahtangga di dalam keluarga yang kecil dan kedua-dua perasaan ini jarang memancur dari hati seseorang yang tidak pernah meni'mati perasaan-perasaan itu di rumah tangganya. Di samping itu hati manusia juga - dari segi fitrah - lebih cenderung memulakan amal ihsannya dengan kaum kerabat yang dekat dan ini memang tidak ada cacat celanya selama ia menuju ke arah meluaskan lingkungan amal ihsannya itu dari titik tolak atau paksi ini.

Kemudian - yang kedua - peraturan ini juga sesuai dengan peraturan kemasyarakatan Islam yang telah menjadikan dasar hidup bertakaful itu bermula di dalam lingkungan keluarga kemudian meluas ke dalam lingkungan kelompok orang ramai agar dengan demikian perkhidmatan takaful itu tidak hanya berpusat di jabatan-jabatan kerajaan yang besar kecuali unit-unit yang kecil dan langsung itu lemah dan tidak lagi berkeupayaan, kerana unit-unit setempat yang kecil itu lebih berkemampuan untuk menjayakan takaful dengan mudah dan selesa dan sesuai dengan waktunya. Ia boleh dilakukan dalam suasana mesra dan saling bertimbang rasa yang boleh membuat suasana kehidupan begitu baik kepada manusia.

Di sini dimulakan dengan amal ihsan kepada dua ibubapa kemudian meluas kepada anggota-anggota keluarga yang lain kemudian meluas kepada anak-anak yatim dan orang miskin walaupun mereka mungkin lebih jauh dari jiran tetangga, kerana mereka lebih memerlukan pertolongan dan perlindungan, kemudian jiran-jiran yang ada hubungan kerabat, kemudian jiran-jiran yang asing - kedua-duanya didahulukan di atas teman seiringan - kerana kedudukan kehampiran jiran itu berkekalan, sedangkan pertemuan dengan teman-teman seiringan itu berlaku di dalam masa-masa yang tertentu sahaja. Kemudian teman seiringan dan di sana terdapat riwayat yang mentafsirkannya sebagai teman di kampung tempat tinggal dan teman dalam persafiran. Kemudian Ibnu Sabil, iaitu perantau yang terputus dari keluarga dan hartanya. Kemudian hamba yang dimiliki, mereka telah menjadi hamba kerana keadaan-keadaan tertentu - tetapi mereka mempunyai hubungan insaniyah yang agung dengan seluruh manusia.

Kemudian perintah membuat amal ihsan itu diiringi pula dengan kecaman yang memburukkan sifat sombong, sifat suka bermegah-megah, sifat bakhil dan perbuatan menggalakkan orang lain supaya bersikap bakhil, juga memburukkan perbuatan menyembunyikan ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya dan perbuatan ria' ketika infaq. Kemudian ia mendedahkan punca yang melahirkan sifat-sifat dan kelakuan-kelakuan itu, iaitu kerana ketiadaan iman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan kerana mengikut dan bersahabat dengan syaitan:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

"Sesungguhnya Allah tidak kasihankan orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."(36)

ٱلَّذِينَ يَبْخَلُونَ وَيَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبُخْلِ
وَيَكْتُمُونَ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ
وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿٣٧﴾
وَٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ رِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَلَا
يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۗ وَمَن يَكُنِ ٱلشَّيْطَٰنُ
لَهُۥ قَرِينًا فَسَآءَ قَرِينًا ﴿٣٨﴾

"Iaitu orang-orang yang bakhil dan menyuruh orang-orang supaya bakhil serta menyembunyikan limpah kurnia yang diberikan Allah kepada mereka dan Kami telah sediakan kepada orang-orang kafir 'azab yang amat menghinakan (37). Juga orang-orang yang menginfaqkan harta mereka dengan tujuan menunjuk-nunjuk kepada manusia, sedangkan mereka tidak beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan sesiapa yang mengambil syaitan sebagai kawan maka dialah sejahat-jahat kawan."(38)

Di sini sekali lagi ternyata ciri asasi itu di dalam sistem hidup Islam, kerana dalam ayat ini segala gejala kelakuan, segala dorongan perasaan dan segala hubungan masyarakat dikaitkan dengan 'aqidah atau dengan keimanan. Ini menunjukkan bahawa ibadat kepada Allah Yang Maha Esa dan menerima peraturan dari Allah Yang Maha Esa itu akan mencetuskan amalan-amalan ihsan terhadap manusia, iaitu amalan-amalan yang dibuat untuk mendapatkan keredhaan Allah dan mengharapkan pahala-Nya di Akhirat. Ia dibuat dengan adab sopan, dengan lemah-lembut dan dengan kesedaran bahawa segala apa yang dibelanjakannya itu adalah dari rezeki yang dikurniakan Allah, kerana manusia tidak menciptakan rezekinya, malah dia memperolehinya dari pemberian Allah. Ia juga menunjukkan bahawa sikap tidak percaya kepada Allah dan kepada hari Akhirat akan membuahkan kelakuan-kelakuan bakhil dan mengajak orang lain supaya turut menjadi bakhil, melahirkan kelakuan menyembunyikan ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya sehingga tidak dapat dilihat kesan-kesannya di dalam amalan-amalan ihsan atau pemberian-pemberian kebaikan atau mengakibatkan amalan infaqnya menjadi amalan ria', iaitu amalan untuk menunjuk-nunjukkannya kepada orang lain dan untuk menjadi kebanggaan di sisi manusia. Dan ia tidak percaya kepada balasan yang lain kecuali bermegah-megah di kalangan manusia.

Demikianlah cara terbentuknya akhlak-akhlak keimanan dan akhlak-akhlak kekufuran itu dan kini jelaslah bahawa yang menjadi pendorong amalan yang baik dan akhlak yang baik ialah keimanan kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan cita-cita mendapat keredhaan Allah dan balasan Akhirat. Itulah pendorong yang luhur yang tidak mengharapkan balasan dari manusia dan tidak diambil dari tradisi manusia. Apabila di sana tidak ada keimanan yang ikhlas kepada Allah dan tidak ada pendorong ke arah membuat amalan dengan keinginan untuk mendapatkan keredhaan-Nya dan apabila di sana tidak ada keimanan kepada hari Akhirat tempat disempurnakan balasan terhadap amalan, maka manusia akan berusaha mencari nilai-nilai dari bumi yang diambil dari tradisi mereka sendiri dan nilai-nilai ini tidak mempunyai daya pengawal yang tetap walaupun dalam satu generasi yang hidup dalam satu kawasan yang kecil apatah lagi daya pengawal yang tetap untuk seluruh zaman dan tempat. Inilah nilai-nilai yang telah menjadi pendorong-pendorong amalan mereka dan akibatnya berlakulah keadaan yang sentiasa terumbang-ambing sama seperti terumbang-ambingnya nafsu keinginan manusia dan nilai-nilai mereka yang tidak pernah tetap dan mantap itu dan timbullah akhlak-akhlak yang keji seperti sombong, takbur, bakhil dan mengajak orang lain supaya turut bakhil, juga kelakuan ria' dan tidak ikhlas.

Al-Qur'an mengungkapkan bahawa Allah tidak kasihkan orang-orang yang seperti itu, sedangkan Allah S.W.T. Maha Suci dari dilamun perasaan benci dan kasih. Oleh itu yang dimaksudkan dengan

pengungkapan itu ialah akibat yang terbit dari perasaan itu mengikut kebiasaan manusia, iaitu mereka diusir dari rahmat-Nya, diseksa dan dikenakan balasan yang buruk:

وَأَعۡتَدۡنَا لِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابٗا مُّهِينٗا ﴿٣٧﴾

"Dan Kami telah sediakan kepada orang-orang kafir 'azab yang amat menghinakan."(37)

Penghinaan itu merupakan balasan yang setimpal terhadap sifat takbur dan sombong tetapi pengungkapan Al-Qur'an - di samping membawa pengertian yang dikehendaki - menyampaikan pula bayangan yang menimbulkan perasaan benci di dalam hati terhadap sifat-sifat dan kelakuan-kelakuan itu, juga merangsangkan perasaan jijik dan memandang hina terutama apabila ditambah dengan kenyataan bahawa mereka bersahabat dengan syaitan:

وَمَن يَكُنِ ٱلشَّيۡطَٰنُ لَهُۥ قَرِينٗا فَسَآءَ قَرِينٗا ﴿٣٨﴾

"Dan sesiapa yang mengambil syaitan sebagai kawan, maka dialah sejahat-jahat kawan."(38)

Menurut riwayat, ayat-ayat ini diturun mengenai sekumpulan orang-orang Yahudi di Madinah dan sifat-sifat yang tersebut itu tepat dengan sifat-sifat orang-orang Yahudi di samping tepat dengan sifat-sifat kaum Munafiqin. Kedua-dua kelompok ini memang wujud di dalam masyarakat Islam di waktu itu, boleh jadi yang dimaksudkan dengan kenyataan Al-Qur'an bahawa mereka menyembunyikan ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka ialah perbuatan mereka menyembunyikan hakikat yang diketahui mereka dari kitab-kitab suci mereka, iaitu hakikat-hakikat yang berkaitan dengan agama Islam dan Rasul yang membawanya (Nabi Muhammad) yang amanah itu, tetapi ayat ini mempunyai pengertian yang umum dan konteks pembicaraannya di sini mengenai amalan ihsan dengan harta dan mu'amalah, oleh itu adalah lebih wajar bagi kita meninggalkan ayat ini dengan pengertiannya yang umum kerana ini lebih hampir dengan kontek pembicaraan.

Setelah selesai mendedahkan sifat-sifat hati dan kelakuan-kelakuan mereka yang buruk dan setelah menerangkan bahawa keburukan kelakuan itu adalah berpunca dari kekufuran mereka terhadap Allah dan hari Akhirat dan dari perbuatan mereka yang bersahabat dan mengikut syaitan dan setelah selesai menerangkan balasan 'azab yang amat menghinakan yang telah disediakan untuk mereka yang berkelakuan keji itu, maka Al-Qur'an mengemukakan satu pertanyaan yang mengandungi kecaman:

وَمَاذَا عَلَيۡهِمۡ لَوۡ ءَامَنُواْ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَأَنفَقُواْ
مِمَّا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِهِمۡ عَلِيمًا ﴿٣٩﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظۡلِمُ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖۖ وَإِن تَكُ حَسَنَةٗ
يُضَٰعِفۡهَا وَيُؤۡتِ مِن لَّدُنۡهُ أَجۡرًا عَظِيمٗا ﴿٤٠﴾

"Dan apakah mudharatnya kepada mereka jika mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat dan menginfaqkan sebahagian rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka dan Allah Maha Mengetahui keadaan mereka (39). Sesungguhnya Allah tidak menganiayai seseorang walaupun sebesar zarrah dan jika ada kebajikan sebesar zarrah (yang dilakukannya) nescaya Allah akan gandakan balasan-Nya dan mengurniakan dari sisi-Nya pahala yang amat besar."(40)

Ya, apakah mudharat yang akan menimpa mereka? Apakah yang ditakuti mereka andainya mereka beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, dan andainya mereka membelanjakan sebahagian rezeki yang dikurniakan Allah? Sedangkan Allah memang mengetahui keadaan mereka dan apa yang telah dibelanjakan mereka dan niat-niat yang tersemat di dalam hati mereka, dan sedangkan Allah tidak menzalimi para hamba-Nya walaupun seberat zarrah. Kerana itu mereka tidak seharusnya bimbang bahawa iman dan infaq mereka tidak diketahui Allah dan bimbang bahawa balasan terhadap amalan mereka akan dianiayai. Malah di sana disediakan balasan yang berlebihan dengan melipat-gandakan amalan yang baik. Itulah limpah kurnia Allah yang tidak terkira.

Jalan keimanan itu lebih terjamin dan lebih menguntungkan - dalam segala keadaan dan kemungkinan - walaupun mengikut kiraan untung rugi kebendaan. Keimanan yang digambarkan oleh ayat ini nyatalah lebih terjamin dan lebih menguntungkan. Oleh itu apakah mudharat yang akan menimpa mereka andainya mereka beriman kepada Allah dan kepada hari Qiamat serta membelanjakan sebahagian rezeki yang telah dikurniakan Allah itu? Sebenarnya mereka tidak membelanjakan sesuatu yang telah diciptakan mereka untuk diri mereka, malah apa yang dibelanjakan mereka adalah rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka. Tetapi walaupun begitu segala amalan kebajikan yang dilakukan mereka adalah dibalas dengan balasan yang berlipat-ganda dan ditambah pula dengan limpah kurnia yang melimpah ruah. Dan dari limpah kurnia inilah mereka dapat meneruskan perbelanjaan dan pemberian untuk kebajikan.

Alangkah luasnya kemurahan dan limpah kurnia Allah! Dan alangkah untungnya perniagaan ini iaitulah perniagaan yang tidak diabaikan kecuali oleh si jahil yang rugi!

Kemudian perintah-perintah, larangan-larangan dan galakan itu diakhiri dengan satu pemandangan Qiamat yang menggambarkan keadaan mereka. Ia melukiskan harakat jiwa dan perasaan mereka hingga menjadikan pandangan itu seolah-olah hidup terpampang di hadapan mata mereka mengikut cara Al-Qur'an ketika menggambarkan pemandangan-pemandangan Qiamat:

فَكَيْفَ إِذَا جِئْنَا مِن كُلِّ أُمَّةٍۭ بِشَهِيدٍ وَجِئْنَا بِكَ
عَلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ شَهِيدًا ﴿٤١﴾
يَوْمَئِذٍ يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَعَصَوُا۟ ٱلرَّسُولَ لَوْ
تُسَوَّىٰ بِهِمُ ٱلْأَرْضُ وَلَا يَكْتُمُونَ ٱللَّهَ حَدِيثًا ﴿٤٢﴾

"Maka bagaimana nanti (keadaan orang-orang kafir) apabila Kami membawa seorang saksi (Rasul mereka) dari setiap umat dan Kami membawa engkau (Muhammad) sebagai saksi di atas mereka (41). Pada hari itu orang-orang kafir yang menentang Rasul berangan-angan andainya mereka diratakan dengan bumi dan (ketika itu) mereka tidak dapat menyembunyikan sesuatu kejadian pun dari Allah".(42)

Sebelum menayangkan pemandangan Qiamat itu ia lebih dahulu menerangkan bahawa Allah tidak menzalimi sesiapa pun walaupun sebesar zarrah. Itulah keadilan Ilahi yang mutlak dan neraca keadilan-Nya tidak pernah ugah walau seurat rambut pun. Ia juga menjelaskan bahawa Allah melipat-gandakan balasan amalan kebajikan di samping mengurniakan pahala yang besar darinya. Itulah limpah rahmat Allah kepada mereka yang wajar menerima rahmat dan itulah limpah kurnia Allah kepada mereka yang mengharapkan limpah kurnia dengan iman dan amal.

Adapun orang-orang yang tidak menunjukkan keimanan dan amalan, malah menunjukkan kekufuran dan amalan-amalan yang jahat, maka bagaimana keadaan mereka pada hari Qiamat itu? Bagaimana nanti keadaan mereka jika Kami membawa saksi dari setiap umat - iaitu nabi mereka sendiri yang akan menjadi saksi ke atas mereka - kemudian Kami membawa engkau (wahai Muhammad) menjadi saksi di atas mereka?

Ketika itulah pemandangan Qiamat terlukis dan terpampang dengan jelas di satu padang yang luas, di mana setiap umat hadir dan amalan-amalan seluruh mereka disaksikan oleh Rasul mereka masing-masing. Ketika itu orang-orang kafir yang sombong, takbur, bakhil, menggalakkan orang lain supaya turut bakhil, menyembunyikan ni'mat Allah dan membuat amalan-amalan bukan kerana Allah tetapi kerana ria', kelihatan berdiri di padang itu dan ketika itu Rasulullah s.a.w. telah pun dilantik untuk menjadi saksi. Mereka berdiri di sana dengan kejahatan mereka sama ada yang tersembunyi atau yang nyata. Mereka berdiri dengan segala kekufuran dan keingkaran mereka, dengan segala kesombongan dan keangkuhan mereka, dengan segala kebakhilan dan ria' mereka. Mereka berdiri di hadapan Allah Pencipta yang tidak dipercayai mereka dan memberi rezeki yang mereka sembunyi ni'mat pemberian-Nya dan bersikap bakhil untuk perbelanjaan sebahagian rezeki yang dikurniakan kepada mereka. Mereka berdiri di sana pada hari Akhirat yang tidak dipercayai oleh mereka dan di hadapan Rasul yang ditentang mereka.

Apakah akibat yang terjadi kepada mereka?

Mereka mendapat kehinaan dan kehampaan, mereka malu dan menyesal. Mereka mengaku setelah tidak berguna lagi mengingkar.

Al-Qur'an tidak memerikan semuanya ini dari lahir, malah Al-Qur'an hanya menggambarkan "keadaan jiwa" sahaja yang menjelaskan semua pemandangan ini dan melukiskan bayangan-bayangannya, iaitu bayangan kehampaan dan kehinaan, malu dan menyesal:

يَوْمَئِذٍ يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَعَصَوُا۟ ٱلرَّسُولَ لَوْ
تُسَوَّىٰ بِهِمُ ٱلْأَرْضُ وَلَا يَكْتُمُونَ ٱللَّهَ حَدِيثًا ﴿٤٢﴾

"Pada hari itu orang-orang kafir yang menentang Rasul berangan-angan andainya mereka diratakan dengan bumi dan (ketika itu) mereka tidak dapat menyembunyikan sesuatu kejadian pun dari Allah."(42)

Dari celah-celah sentuhan-sentuhan yang menarik yang terdapat dalam gambaran yang hidup ini kita dapat merasa semua maksud dan semua perasaan yang berkecamuk di dalam hati mereka. Kita merasakannya begitu mendalam, hidup dan berkesan, iaitu sesuatu yang tidak dapat dirasa dari celah pengungkapan yang lain dari Al-Qur'an sama ada dalam pengungkapan pemerian atau dalam pengungkapan penganalisaan. Itulah cara Al-Qur'an dalam menggambarkan pemandangan-pemandangan Qiamat dan sebagainya dari perkara-perkara yang diungkapkan dengan gambaran.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 43)

Pelajaran ini dimulakan dengan perintah supaya beribadat kepada Allah dan melarang mempersekutukan-Nya dengan sesuatu yang lain. Oleh sebab solat merupakan syi'ar yang paling rapat hubungannya dengan konsep ibadat, maka di dalam ayat yang berikut dijelaskan beberapa hukum solat dan hukum-hukum taharah yang disediakan kerana ibadat solat:

Langkah-langkah Positif Yang Lembut Ke Arah Pengharaman Arak

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ
حَتَّىٰ تَعْلَمُوا۟ مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِى
سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا۟ وَإِن كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ
أَوْ جَآءَ أَحَدٌ مِّنكُم مِّنَ ٱلْغَآئِطِ أَوْ لَٰمَسْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَلَمْ
تَجِدُوا۟ مَآءً فَتَيَمَّمُوا۟ صَعِيدًا طَيِّبًا فَٱمْسَحُوا۟
بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٤٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri (mengerjakan) solat sedangkan kamu dalam keadaan mabuk sehingga kamu mengetahui, apa yang kamu ucapkan dan (janganlah masuk ke dalam masjid) dalam keadaan junub kecuali sekadar melintas jalan sahaja. Sehingga kamu mandi bersuci. Dan jika kamu sakit atau sedang dalam persafiran atau seseorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu telah menyentuh perempuan kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwudhu'), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah (debu) yang baik (yang suci), iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf dan Maha Pengampun."(43)

Arak Gejala Utama Seluruh Masyarakat Jahiliyah

Ini adalah satu siri dari siri-siri tarbiyah Rabbaniyah untuk kelompok Muslim yang telah dipungut oleh sistem hidup Islam dari kaki bukit jahiliyah, di mana penagihan arak merupakan salah satu dari tradisi jahiliyah yang kuat dan menyeluruh di samping merupakan salah satu gejala istimewa masyarakat itu. Malah penagihan arak hampir-hampir menjadi gejala istimewa bagi setiap masyarakat jahiliyah sama ada di zaman lama atau di zaman moden. Ia merupakan gejala istimewa bagi masyarakat Roman ketika berada di kemuncak jahiliyahnya juga bagi masyarakat Parsi, malah pada hari itu pun ia menjadi gejala istimewa bagi masyarakat Eropah dan masyarakat Amerika yang sedang berada di kemuncak jahiliyahnya. Seterusnya ia menjadi gejala yang sama dalam masyarakat jahiliyah Afrika dari sisa peninggalan jahiliyah yang pertama.

Di Sweden - satu negara termaju atau satu umat dari kumpulan umat-umat jahiliyah moden yang termaju - di sana - dalam separuh pertama abad yang silam - setiap keluarga membuat arak untuk kegunaan sendiri dan purata arak yang diminum oleh setiap orang ialah kira-kira dua puluh liter. Apabila kerajaan menyedari keadaan yang buruk ini yang telah menyebabkan ramai rakyat menjadi penagih arak, maka ia bertindak melaksanakan polisi memonopolikan pengeluaran arak dan membataskan kadar penggunaan individu serta melarang minuman arak di tempat-tempat umum, tetapi beberapa tahun kemudian kerajaan kembali melonggarkan peraturan-peraturan itu, iaitu minuman arak dibenarkan di restoran-restoran dengan syarat dimakan makanan, kemudian minuman arak dibenarkan pula di tempat-tempat umum yang tertentu hingga ke tengah malam dan selepas itu mereka hanya dibenar minum beer sahaja tetapi gejala penagihan arak semakin bertambah merebak di kalangan anak-anak muda remaja lelaki.

Kegagalan Pengharaman Arak Di Amerika

Di Amerika, kerajaan Amerika pernah bertindak sekali menghapuskan gejala penagihan arak ini. Ia telah menguatkuasakan satu undang-undang mengharamkan arak pada tahun 1919. Undang-undang ini dinamakan undang-undang "kering" sebagai ejekan kerana undang-undang ini melarang "pengairan" dengan arak. Ia berkuatkuasa selama empat belas tahun dan akhirnya kerajaan terpaksa memansukhkan undang-undang ini pada tahun 1933. Kerajaan telah menggunakan segala alat sebaran umum, radio, wayang gambar dan ceramah-ceramah anti arak. Mereka menganggarkan perbelanjaan yang telah dicurahkan oleh kerajaan dalam kempen-kempen anti arak ini berjumlah lebih dari enam puluh juta dolar dan jumlah sebaran buku-buku dan sebaran yang lain ialah sepuluh billion muka surat. Sementara perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan dalam menjalankan undang-undang pengharaman arak dalam masa empat belas tahun tidak kurang dari 250 juta paun dan jumlah mereka yang telah dihukum bunuh ialah 300 orang dan jumlah mereka yang dihukum penjara ialah 532,335 orang. Jumlah bayaran denda yang dipungut ialah 16 juta paun, sementara jumlah harta benda yang dirampas ialah empat billion empat ratus juta, tetapi selepas mengorbankan semuanya ini akhirnya kerajaan terpaksa berpatah balik ke belakang dan memansuhkan undang-undang pengharaman itu.

Tetapi Islam, ia telah berjaya menghapuskan gejala penagihan arak yang bertunjang kuat di dalam masyarakat jahiliyah itu dengan beberapa ayat Al-Qur'an sahaja.

Inilah perbezaan - dalam pengubatan jiwa dan masyarakat manusia - di antara sistem hidup Ilahi dengan sistem-sistem hidup jahiliyah sama ada di zaman lama atau di zaman moden.

Arak Dalam Masyarakat Jahiliyah Arab

Untuk memahami sejauh mana dalamnya akar tunjang gejala penagihan arak ini di dalam masyarakat jahiliyah, maka pastilah kita kembali mempelajari sajak-sajak jahiliyah, di mana kita dapati arak menjadi unsur asasi dari unsur-unsur bahan sastera di samping menjadi unsur asasi dari unsur-unsur kehidupan seluruhnya.

Perdagangan arak begitu berkembang dan terkenal di zaman itu hingga kata-kata "perniagaan" memberi erti yang sama dengan kata-kata "menjual arak". Ini boleh dilihat di dalam sajak-sajak Labid dan 'Amr ibn Qami'ah.

Sajak-sajak jahiliyah juga penuh dengan gambaran-gambaran yang memuji majlis-majlis minum arak dan bermegah-megah dengannya dan inilah yang membuat sajak-sajak jahiliyah mempunyai corak yang tersendiri. Ini boleh dilihat sajak-sajak Imrul-Qays, Tarafah ibn al-A'bd, al-'Asya dan al-Munakhkha-Yusykari.

Selain dari ini terdapat banyak lagi di dalam sajak-sajak jahiliyah. Riwayat mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam peringkat-peringkat pengharaman arak di dalam masyarakat Islam, juga mengenai tokoh-tokoh yang menjadi watak-watak utama dalam peristiwa ini termasuk 'Umar, Ali,

Hamzah, Abdul Rahman bin 'Auf dan orang-orang yang seumpama mereka Radiallahu 'anhum, menunjukkan betapa dalamnya akar tunjang gejala penagihan arak itu di dalam masyarakat jahiliyah Arab. Cukuplah dengan riwayat ini sahaja. Ia tidak memerlukan kepada penjelasan yang panjang lebar.

Ujar 'Umar r.a. dalam kisah keislamannya mengikut satu riwayat, "Aku adalah seorang yang suka minum arak di zaman jahiliyah. Aku kata: Jika aku pergi kepada si anu yang menjual arak aku tentu minum ...."

Dan beliau terus minum arak setelah memeluk Islam sehingga apabila turun ayat:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا ۗ

"Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi. Jawablah: Kedua-duanya mengandungi dosa besar dan manfa'at-manfa'at kepada manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar dari manfa'at kedua-duanya."

(Surah al-Baqarah : 219)

Beliau berdo'a:

"Ya Allah berilah kepada kami satu penjelasan yang cukup jelas tentang hukum arak!" Kemudian beliau terus minum sehingga apabila turun ayat ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا۟ مَا تَقُولُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu hampiri (mengerjakan) solat sedangkan kamu dalam keadaan mabuk sehingga kamu mengetahui apa yang kamu ucapkan."(43)

Beliau berdo'a sekali lagi:

"Ya Allah! Berilah kepada kami satu penjelasan yang cukup jelas tentang hukum arak" sehingga apabila turun ayat yang mengharamkan arak dengan jelas ini:

إِنَّمَا ٱلْخَمْرُ وَٱلْمَيْسِرُ وَٱلْأَنصَابُ وَٱلْأَزْلَٰمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَٱجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُوقِعَ بَيْنَكُمُ ٱلْعَدَٰوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ فِى ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَعَنِ ٱلصَّلَوٰةِ ۖ فَهَلْ أَنتُم مُّنتَهُونَ ﴿٩١﴾

"Sesungguhnya arak, judi, berhala-berhala dan azlam adalah semuanya najis dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu jauhinya supaya kamu mendapat keberuntungan. Sesungguhnya syaitan itu berkehendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu melalui arak dan judi dan menghalangkan kamu dari mengingati Allah dan ibadat solat. Oleh itu adakah kamu sanggup berhenti darinya?"

(Surah al-Ma'idah : 90-91)

Beliau pun menyebut: "Kami telah berhenti! Kami telah berhenti!" Dan sejak itu beliau tidak lagi minum.

Mengenai sebab turunnya ayat ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu hampiri (mengerjakan) solat sedangkan kamu dalam keadaan mabuk,"(43)

terdapat dua riwayat, di mana Ali, Abdul Rahman bin 'Auf dari kaum Muhajirin dan Sa'ad bin Mu'az dari kaum Ansar telah terlibat di dalam peristiwa-peristiwa dua riwayat ini.

Ibn Abi Hatim telah meriwayatkan: Kami telah diceritakan oleh Yunus ibn Habib, kami telah ceritakan oleh Abu Daud dengan isnadnya dari Mus'ab ibn Abi Sa'ad yang menceritakan dari Sa'ad katanya: Ia turun pada empat ayat. Seorang lelaki dari kaum Ansar telah membuat makanan lalu ia menjemput beberapa orang dari kaum Muhajirin dan beberapa orang dari kaum Ansar. Kami pun makan dan minum arak sehingga kami mabuk. Kemudian ada seorang mengambil tulang keng unta lalu dia memasukkannya ke dalam hidung Sa'ad dengannya. Dan Sa'ad memanglah mempunyai hidung berlubang. Peristiwa ini berlaku sebelum diharamkan arak kemudian turun ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ

Dan hadith ini dengan ceritanya yang panjang adalah di sisi Muslim dari riwayat Syu'bah.

Ibn Abi Hatim juga meriwayatkan: Kami telah diceritakan oleh Abdul Rahman ibn Abdullah ad-Dasytaki bapa Jaafar dari 'Ata' ibn as-Sa'ib dari Abu Abdul Rahman as-Salami dari Ali ibn Abi Talib katanya: Abdul Rahman ibn 'Auf telah membuat makanan untuk kami lalu dia menjemput kami dan menghidangkan minuman arak kepada kami. Kemudian setelah kami mabuk tiba-tiba masuk waktu solat lalu mereka menampilkan si polan menjadi imam kemudian dia membaca:

قل يا أيها الكافرون، ما أعبد ما تعبدون، ونحن نعبد ما تعبدون

"Katakanlah wahai orang-orang kafir tidak aku sembah apa yang kamu sembah dan kami sembah apa yang kamu sembah".

Lalu turunlah ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا۟ مَا تَقُولُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu hampiri (mengerjakan) solat, sedangkan kamu dalam keadaan mabuk sehingga kamu mengetahui apa yang kamu ucapkan."(43)

Kita tidak memerlukan contoh-contoh dan riwayat-riwayat yang lain untuk membuktikan betapa dalamnya akar tunjang gejala penagihan arak di dalam masyarakat jahiliyah. Kedua-dua arak dan judi merupakan gejala yang amat menonjol dalam tradisi masyarakat ini.

Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh sistem hidup Rabbani untuk menentang gejala yang kuat ini? Apakah langkah-langkah yang telah diambilnya untuk membanteraskan penyakit yang tidak membolehkan selama-lamanya kewujudan sebuah masyarakat yang serius, baik, lurus dan sedar itu? Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakannya untuk melawan adat kebiasaan yang tua dan kuat itu, iaitu adat kebiasaan yang menjadi tempat pergantungan tradisi-tradisi sosial dan kepentingan-kepentingan ekonomi?

Sistem hidup Rabbani telah merawati segala-galanya itu dengan beberapa potongan ayat Al-Qur'an yang diturunkan berperingkat-peringkat, dengan beransur-ansur dan lemah lembut dan akhirnya ia mencapai kemenangan dalam perjuangan itu tanpa tercebur di dalam peperangan, tanpa pengorbanan-pengorbanan dan tanpa menumpahkan darah, malah yang ditumpah dan dicurah ialah arak yang tersimpan dalam tempayan-tempayan, dalam bekas-bekas kulit dan sisa-sisa arak yang masih di dalam mulut para peminumnya apabila mereka mendengar ayat Al-Qur'an yang mengharamkan arak. Mereka meluahkan tegukan-tegukan arak yang masih belum ditelan itu dari mulut mereka sebagaimana akan diterangkan nanti.

Di Makkah - ketika Islam tidak mempunyai kerajaan dan kuasa kecuali kuasa Al-Qur'an - pandangan ayat-ayat Al-Qur'an mengenai arak yang diturun di Makkah hanya merupakan isyarat sepintas lalu tentang pandangan Islam terhadap arak. Dan pandangan ini dapat difaham dari pengertian-pengertian yang tersirat di dalam ungkapan ayat-ayat itu. Ia tidak lebih dari semata-mata isyarat sahaja.

Tersebut di dalam Surah an-Nahl:

وَمِن ثَمَرَٰتِ ٱلنَّخِيلِ وَٱلْأَعْنَٰبِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا

"Dan dari buah kurma dan anggur kamu mengambil darinya minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik"(67)

Di sini Al-Qur'an menyebut "السكر" iaitu "minuman yang memabukkan" yang mereka olahkan dari buah-buah kurma dan anggur kemudian ia ditandingi dengan "rezeki yang baik". Dengan tandingan ini Al-Qur'an seolah-olah menarik perhatian bahawa "minuman yang memabukkan" itu satu perkara dan "rezeki yang baik" itu suatu perkara yang lain pula. Ini hanya suatu sentuhan dari jauh sahaja untuk dirasakan oleh hati nurani Muslim yang baru lahir itu.

Tetapi adat kebiasaan minum arak atau tradisi minum arak dengan pengertian yang lebih halus – adalah lebih mendalam dan kuat dari adat kebiasaan individu. Ia adalah satu tradisi masyarakat yang mempunyai akar-akar ekonomi. Ia adalah lebih mendalam dan lebih teguh dan tidak mungkin digugatkan dengan sentuhan sepintas lalu yang jauh ini.

Di Madinah pula – ketika Islam mempunyai kerajaan dan kuasa – ia tidak mengharamkan arak dengan kekuatan kerajaan dan dengan pedang kekuasaan, malah pertamanya ia menggunakan kuasa Al-Qur'an.

Sistem hidup Ilahi ini memulakan tindakan-tindakannya, dengan perlahan-lahan dan lemah lembut. Ia bertindak dengan penuh pengertian terhadap jiwa manusia dan kedudukan-kedudukan kemasyarakatan mereka. Ia mulakan dengan sepotong ayat dalam Surah al-Baqarah sebagai jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan orang ramai Islam yang membuktikan bahawa fajar kesedaran telah menyinsing di dalam hati nurani mereka terhadap arak dan judi:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا ۗ

"Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi, jawablah: Keduanya mengandungi dosa dan manfa'at-manfa'at kepada manusia tetapi dosa kedua-duanya lebih besar dari manfa'at kedua-duanya."

(Surah al-Baqarah : 219)

Inilah ketukan pertama yang melahirkan bunyi yang dapat didengar gemanya di dalam perasaan dan hati Islam, juga di dalam logik perundangan Islam. Kini nyatalah bahawa paksi halal dan haram atau makruh adalah berputar di atas kelebihan berat dosa atau kelebihan berat kebaikan di dalam apa sahaja persoalan. Jika dosa arak dan judi itu lebih besar dari manfa'atnya, maka di sinilah terletaknya persimpangan jalan.

Tetapi persoalan yang sebenar lebih berat dari ini lagi hingga 'Umar r.a. berdo'a: "Ya Allah! Berilah kepada kami penjelasan yang jelas tentang hukum arak". Ini sahaja sudah cukup untuk membuktikan betapa kuatnya tradisi di dalam jiwa orang Arab.

Kemudian berlakulah beberapa peristiwa seperti peristiwa-peristiwa yang telah kami ceritakan tadi dan turunlah ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا۟ مَا تَقُولُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu hampiri (mengerjakan) solat, sedangkan kamu dalam keadaan mabuk sehingga kamu mengetahui apa yang kamu ucapkan".(43)

Kemudian sistem hidup Ilahi yang jauh pandangan dan halus itu terus bertindak.

Peringkat ini merupakan peringkat pertengahan di antara peringkat menimbulkan perasaan jijik kepada arak kerana dosanya lebih besar dari manfa'atnya dengan peringkat pengharaman arak yang muktamad, kerana ia najis dari perbuatan syaitan. Fungsi peringkat pertengahan ialah "memotong kebiasaan minum" atau "mematahkan penagihan" iaitu dengan melarang minum arak apabila hampir dengan waktu-waktu solat, sedangkan waktu-waktu solat itu telah diatur di sepanjang waktu siang dan di antara waktu-waktu solat ini terdapat waktu-waktu lapang yang tidak cukup untuk dipenuhi dengan adat minum arak yang memuaskan hati para penagih. Kemudian ia juga tidak cukup untuk kembali kepada keadaan siuman selepas mabuk yang teruk sehingga mereka mengetahui apa yang dikatakan mereka. Selain dari itu adat minum arak itu sendiri mempunyai masa-masa dan waktu-waktu yang istimewa seperti waktu pagi dan petang, tetapi waktu-waktu ini diselangi atau diiringi oleh waktu-waktu solat. Di sinilah hati nurani seorang Muslim berdiri serba salah di antara keinginan mengerjakan solat dengan keinginan meni'mati kelazatan minuman, sedangkan hati nuraninya telah sampai ke tahap keimanan bahawa solat adalah tiang hidupnya.

Walaupun demikian 'Umar r.a. terus berdo'a: "Ya Allah berilah kepada kami satu penjelasan yang jelas tentang hukum arak".

Kemudian masa berlalu lagi dan peristiwa-peristiwa terus berlaku hingga tibalah waktu yang sesuai – mengikut perancangan sistem hidup Ilahi – untuk menjatuhkan pukulan yang muktamad lalu turunlah dua ayat di dalam Surah al-Ma'idah:

إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ مِّنۡ
عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٩٠
إِنَّمَا يُرِيدُ ٱلشَّيۡطَٰنُ أَن يُوقِعَ بَيۡنَكُمُ ٱلۡعَدَٰوَةَ
وَٱلۡبَغۡضَآءَ فِي ٱلۡخَمۡرِ وَٱلۡمَيۡسِرِ وَيَصُدَّكُمۡ عَن
ذِكۡرِ ٱللَّهِ وَعَنِ ٱلصَّلَوٰةِۖ فَهَلۡ أَنتُم مُّنتَهُونَ ٩١

"Sesungguhnya arak, judi, berhala-berhala dan azlam adalah semuanya najis dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu jauhinya supaya kamu mendapat keberuntungan.(90) Sesungguhnya syaitan itu berkehendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu melalui arak dan judi dan menghalangkan kamu dari mengingati Allah dan ibadat solat. Oleh itu adakah kamu sanggup berhenti darinya?"(91)

(Surah al-Ma'idah : 90-91)

Seluruh kaum Muslimin telah berhenti dari minum arak dan semua arak yang tersimpan dalam bekas-bekasnya yang diperbuat dari kulit telah dicurahkan dan mangkuk-mangkuk arak telah dipecahkan di merata tempat sebaik sahaja mereka mendengar perintah pengharaman itu dan mereka yang masih ada dalam mulut mereka beberapa mangkuk arak telah meluahkan semuanya apabila mendengar perintah itu. Mereka tidak sanggup menelannya walaupun telah berada di dalam mulut mereka.

Al-Qur'an telah menang dan sistem hidup Rabbani telah berjaya menggunakan kekuatan Al-Qur'an tanpa menggunakan kekuasaan.

Tetapi bagaimana kemenangan ini tercapai? Bagaimana mu'jizat ini terlaksana? Iaitu satu mu'jizat yang tidak ada tolok bandingnya di dalam sejarah manusia dan tidak ada tolok bandingnya di dalam sejarah undang-undang dan peraturan-peraturan kerajaan di mana-mana tempat dan di mana-mana zaman sekalipun? Mu'jizat ini telah terlaksana kerana sistem hidup Rabbani telah berjaya menguasai jiwa manusia dengan caranya yang tersendiri, iaitu ia menguasainya dengan kekuasaan Allah, dengan kekuatan semangat khasyah kepada Allah, dengan kekuatan bermuraqabah dengan Allah dan dengan kesedaran terhadap kehadiran Allah yang tidak boleh dilalai walau sedetik pun. Ia menguasai jiwa manusia secara menyeluruh bukan secara cebisan-cebisan, ia melayani fitrah manusia dengan cara layanan Penciptanya sendiri.

Ia telah memenuhi kekosongan jiwa manusia dengan minat-minat yang besar yang tidak meninggal ruang kosong yang dapat dipenuhi oleh keseronokan minum arak dan imaginasi-imaginasi mabuk dan segala perasaan bangga dan takbur kosong yang menemaninya.

Ia telah memenuhi kekosongan jiwa manusia dengan berbagai-bagai minat dan perhatian di antaranya ialah memindahkan seluruh manusia yang sesat dari padang gurun jahiliyah yang tandus, panas dan gelap gelita, dari perhambaan jahiliyah yang hina dina dan dari kesempitan jahiliyah yang mencekik pernafasan kepada taman-taman Islam yang indah, bayang-bayangnya yang teduh, cahayanya yang terang benderang, kebebasannya yang mulia dan keluasannya yang merangkumi dunia dan Akhirat.

Dan yang paling pentingnya ia telah memenuhi kekosongan jiwa manusia dengan keimanan, iaitu dengan perasaan keimanan yang lembut, indah dan memberi kepuasan hingga mereka tidak lagi memerlukan kepada keseronokan arak yang membawa mereka mengelamun di dalam khayalan-khayalan yang palsu dan perasaan-perasaan penting yang memutarkan mereka. Mereka terbang dengan nur keimanan yang berseri-seri ke alam al-Mala'ul-a'la yang gemilang. Mereka hidup berdampingan dengan Allah, dengan nur-Nya dan dengan keagungan-Nya.

Mereka mengecapi kemanisan rasa perdampingan itu dan oleh sebab itu mereka meluah kecapan arak dan keseronokannya, mereka menolak kemabukan dan kepeningannya dan mereka memandang jijik kepada kelemahan dan kelesuan yang dialami pada akhirnya.

Ia telah menyelamatkan fitrah manusia dari timbunan sampah saraf jahiliyah. Ia membuka fitrah manusia dengan anak kuncinya yang sebenar, kerana fitrah manusia tidak boleh dibuka dengan anak kunci yang lain. Ia memasuki hati manusia dan menjelajah segala jalan dan lorongnya membawa nur, hayat, kebersihan, kesucian, kesedaran, keazaman yang tinggi, kesediaan mencebur diri di dalam kebajikan yang besar dan tindakan yang besar dan kesanggupan menegakkan khilafah di bumi mengikut dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Allah Yang Maha Mengetahui, mengikut perjanjian Allah dan syarat-syaratnya dan mengikut hidayat Allah dan nur pertunjuk-Nya.

Arak adalah seperti judi, seperti hiburan-hiburan yang lain, seperti kegilaan kepada permainan-permainan sukan dan perhatian yang terlalu besar yang telah diberi untuk menyaksikannya, juga seperti kegilaan kepada pertandingan gusti, seperti kegilaan kepada wayang gambar-wayang gambar, seperti kegilaan kepada fesyen-fesyen, seperti kegilaan kepada pertarungan lembu lawan manusia dan seperti kegilaan kepada perkara-perkara remeh-temeh yang memenuhi hidup kumpulan-kumpulan manusia di dalam jahiliyah moden pada hari ini, iaitu jahiliyah tamadun perindustrian.

Seluruh kegilaan ini tiada lain melainkan suatu pengungkapan dari kekosongan jiwa dari keimanan dan dari minat-minat dan perhatian-perhatian yang besar yang dapat menghabiskan daya tenaga mereka. Semuanya ini tidak lain melainkan suatu perisytiharan terhadap kebankrapan dan kegagalan tamadun sekarang dalam memenuhi daya tenaga fitrah manusia dengan jalan yang betul. Kekosongan dan kebankrapan inilah yang mendorong manusia ke arah menagih arak dan berjudi untuk memenuhi kekosongan itu.

Di samping itu arak dan judi juga membawa mereka kepada berbagai-bagai kegilaan yang telah kami sebut dan kepada penyakit gila yang terkenal dan penyakit-penyakit jiwa dan saraf dan seterusnya membawa kepada kelakuan-kelakuan yang ganjil atau tak normal.

Tetapi yang merealisasikan mu'jizat yang unik itu bukannya kalimat-kalimat atau perkataan-perkataan, malah ialah satu sistem, yang mana kalimat-kalimat itu merupakan matanya atau teks asalnya, iaitu satu sistem dari ciptaan Allah Tuhan yang memelihara dan mendidik manusia bukannya sistem dari ciptaan manusia. Inilah ciri perbezaan yang jelas di antara sistem dari Allah dengan sistem dari ciptaan manusia yang tidak membawa kepada kebaikan-kebaikan yang banyak.

Yang menjadi persoalan bukannya mengemukakan kalam atau pembicaraan kerana pembicaraan itu banyak dan bermacam-macam, mungkin si polan dari ahli falsafah atau si polan dari ahli penyair atau si polan dari ahli fikir atau si polan dari kalangan pemerintah-pemerintah dapat menulis sebuah pembicaraan yang teratur indah yang dapat membentuk satu sistem atau satu aliran atau satu falsafah atau sebagainya....... tetapi yang menjadi persoalan ialah hati orang ramai menerimanya tanpa kekuatan hujjah (dari Allah) kerana Allah tidak menurunkan sebarang kekuatan hujjah kepadanya, tetapi sumber yang mengeluarkan kalimat-kalimat (di dalam sistem Ilahi) itulah yang memberi kekuatan hujjah kepadanya. Ini adalah di luar kemampuan tabi'at sistem hidup ciptaan manusia itu sendiri yang penuh dengan kelemahan, hawa nafsu, kejahilan dan kekurangan.

Oleh itu bilakah hakikat yang mudah ini dapat difahami oleh mereka yang cuba mengatur sistem hidup manusia yang berlainan dari sistem hidup yang telah diatur oleh Allah Yang Maha Mengetahui? Atau cuba menggubal undang-undang yang lain dari undang-undang yang telah disyari'atkan Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha jauh pandangan-Nya? Atau cuba menegakkan batu-batu pedoman yang tidak ditegakkan oleh Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Kuasa?

Bilakah mereka akan berhenti dari kekeliruan ini?

* * * * * *

Dari pembicaraan sampingan itu kita kembali pula kepada ayat-ayat yang mulia:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ
حَتَّىٰ تَعْلَمُوا۟ مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِى
سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا۟

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu hampiri (mengerjakan) solat sedangkan kamu dalam keadaan mabuk sehingga kamu mengetahui apa yang kamu ucapkan dan (janganlah kamu masuk ke dalam masjid) dalam keadaan junub kecuali sekadar melintas jalan sahaja sehingga kamu mandi bersuci."(43)

Di samping ayat ini melarang orang-orang yang beriman menghampiri solat ketika berada dalam keadaan mabuk sehingga mereka mengetahui apa yang dikatakan mereka, maka ayat ini juga melarang mereka dari solat ketika mereka berada dalam keadaan junub kecuali sekadar melintas jalan sehingga mereka mandi bersuci.

Pendapat-pendapat para fuqaha' berselisih tentang maksud dari ungkapan "عابري سبيل" (melintas jalan)

sebagaimana mereka telah berselisih tentang makna "menghampiri solat" yang dilarangkan itu.

Menurut satu pendapat bahawa yang dimaksudkan dengan larangan itu ialah tidak boleh menghampiri masjid-masjid atau berhenti di dalam masjid bagi orang yang sedang berada di dalam keadaan junub sehingga ia mandi bersuci kecuali ia masuk ke dalam masjid sekadar melintas atau menyeberang jalan sahaja. Dahulu pintu-pintu rumah sekumpulan sahabat-sahabat terletak di dalam masjid Rasulullah s.a.w. Oleh itu masjid dengan sendirinya menjadi jalan keluar masuk ke rumah mereka. Oleh sebab itu mereka dibenar lalu menyeberangi masjid itu dalam keadaan junub, tetapi tidak dibenar berhenti dan mengerjakan solat kecuali setelah mereka mandi bersuci.

Hukum Hadas Kecil Dan Hadas Besar

Satu pendapat yang lain mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan larangan itu ialah solat itu sendiri, iaitu dilarangkan mengerjakan solat bagi orang-orang yang sedang berada dalam keadaan junub kecuali sesudah mereka mandi selama mereka tidak musafir, kerana jika mereka musafir (عابري سبيل) bolehlah mereka masuk ke dalam masjid dan mengerjakan solat tanpa mandi tetapi dengan bertayammum yang boleh menggantikan mandi sebagaimana ia boleh menggantikan wudhu'.

Pendapat yang pertama nampaknya lebih kuat kerana masalah yang kedua, iaitu masalah dalam persafiran telah disebut di dalam ayat yang sama selepas itu. Oleh itu mentafsirkan ungkapan " عابري سبيل" dengan makna orang-orang yang musafir itu menimbulkan ulangan hukum yang tidak perlu di dalam ayat yang sama:

وَإِن كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَآءَ أَحَدٌ مِّنكُم مِّنَ ٱلْغَآئِطِ أَوْ لَٰمَسْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَلَمْ تَجِدُوا۟ مَآءً فَتَيَمَّمُوا۟ صَعِيدًا طَيِّبًا فَٱمْسَحُوا۟ بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٤٣﴾

"Dan jika kamu sakit atau sedang dalam persafiran atau seseorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu telah menyentuh perempuan kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwudhu'), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah (debu) yang baik (yang suci), iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf dan Maha Pengampun."(43)

Ayat ini merangkumi masalah orang yang musafir yang berhadas besar, iaitu berada dalam keadaan junub yang mewajibkan mandi atau berhadas kecil yang berkehendak kepada wudhu' untuk menunaikan solat.

Hukum Menyentuh Perempuan

Ayat ini menyamakan orang yang musafir dalam keadaan ini dengan orang yang sakit yang berhadas besar atau berhadas kecil atau dengan orang yang datang dari tandas (membuang air) dan menyebabkannya berhadas kecil yang memerlukan kepada wudhu' atau dengan orang yang menyentuh perempuan.

Mengenai ungkapan "أو لمستم النسا" di sana juga terdapat pendapat-pendapat yang bercanggah. Satu pendapat mengatakan ungkapan itu adalah kinayah dari hubungan kelamin yang mewajibkan mandi.

Satu pendapat pula mengatakan bahawa ungkapan itu bermaksud menyatakan hakikat sentuh sahaja, iaitu menyentuh dari mana-mana bahagian tubuh lelaki terhadap mana-mana bahagian tubuh perempuan yang mewajibkan wudhu' dalam setengah-setengah mazhab dan tidak mewajibkan wudhu' dalam setengah mazhab yang lain mengikut perincian-perincian yang boleh diikuti di dalam kitab-kitab hadith dan di sini kami sebutkan sebahagiannya sahaja secara ringkas:

1. Sentuhan itu mewajibkan wudhu' secara mutlak.
2. Sentuhan itu mewajibkan wudhu' lelaki yang menyentuh itu dari mereka yang tergerak nafsu keinginannya dengan sentuhannya itu dan perempuan yang disentuh itu dari mereka yang boleh menimbulkan nafsu keinginan dengan sentuhan itu.
3. Sentuhan itu mewajibkan wudhu' jika lelaki yang menyentuh itu merasa mengikut penilaiannya dalam segala keadaan – bahawa sentuhan itu boleh membangkitkan nafsu keinginan di dalam hatinya.
4. Sentuhan itu tidak mewajibkan wudhu' secara mutlak bagi isteri walaupun dengan peluk cium.

Setiap pendapat itu mempunyai alasannya masing-masing dari perbuatan-perbuatan dan perkataan-perkataan Rasulullah s.a.w. mengikut cara perselisihan pendapat-pendapat fiqiyah dalam masalah-masalah cabang.

Pengertian yang kami tarjihkan dalam ungkapan " أو لمستم النسا" ialah ungkapan ini adalah kinayah dari perbuatan (hubungan kelamin) yang mewajibkan mandi dan dengan pengertian ini dapatlah diketepikan semua perselisihan dalam masalah wudhu'.

Dalam semua keadaan ini sama ada keadaan yang mewajibkan mandi atau mewajibkan wudhu' bagi menunaikan solat apabila tidak boleh didapati air atau boleh didapati air tetapi menggunakan air boleh mendatangkan kemudharatan atau tidak terdaya menggunakannya, maka tayammum boleh menggantikan mandi dan wudhu'. Perkataan tayammum ini telah disebut di dalam ayat:

فَتَيَمَّمُوا۟ صَعِيدًا طَيِّبًا

"Maka hendaklah bertayammum dengan tanah (debu) yang baik (yang suci)."

Hukum Tayammum

Yakni (asal maknanya) "hendaklah kamu tuju kepada tanah yang baik", iaitu tanah yang suci. Kata-kata "الصعيد" merangkumi setiap jenis debu tanah atau batu atau tembok walaupun debu yang terdapat di atas belakang binatang atau hamparan atau debu-debu yang berterbangan apabila dipukul dengan tangan.

Cara bertayammum ialah sama ada dengan sekali tepuk dengan dua tapak tangan di atas debu yang suci kemudian kebaskan kedua-duanya dan sapukan muka kemudian sapu dua tangan hingga dua siku atau dengan dua kali tepuk; sekali untuk menyapu muka dan kali yang kedua untuk menyapu dua lengan. Di sini tidak perlu disebut perselisihan-perselisihan fiqhiyah yang halus di sebalik masalah ini, kerana agama itu mudah dan kemudahan ini dapat dilihat dengan jelas dalam peraturan tayammum yang disyari'atkan itu.

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٤٣﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf dan Maha Pengampun."(43)

Kata ulasan ini menyarankan semangat kemudahan, timbangrasa dan toleransi terhadap kelemahan dan keampunan terhadap ketaqsiran.

* * * * * *

Hikmat Tayammum Dan Wudhu'

Sebelum kita mengakhiri pembicaraan mengenai ayat dan pelajaran ini marilah kita berhenti sejenak memikirkan beberapa sentuhan di dalam ayat yang pendek ini.

Marilah kita berhenti sejenak memikirkan "hikmat tayammum", di mana kami cuba memaparkan setengah dari hikmatnya yang telah dibukakan Allah kepada kami.

Setengah-setengah pengkaji hikmat hukum-hukum syara' dan ibadat-ibadat Islam kadang-kadang membuat ulasan secara terburu-buru tentang hikmat hukum-hukum syara', iaitu ulasan dalam bentuk yang menyarankan bahawa mereka telah menyelami segala hikmat hukum-hukum itu dan tiada lagi hikmat yang lain dari itu. Ini adalah suatu cara kajian yang tidak sihat dalam menghadapi ayat Al-Qur'an dan hukum-hukum syara' selama Allah tidak menentukan hikmatnya dengan jelas. Oleh itu adalah lebih wajar bagi kita berkata: Inilah hikmat yang kami dapat selami dari ayat ini atau dari hukum ini, kerana di sana mungkin ada rahsia-rahsia hikmat yang lain yang belum diizinkan Allah kepada kami menjelaskannya, dengan cara ini kita meletakkan akal kita manusia di tempatnya yang wajar di hadapan ayat-ayat Al-Qur'an dan hukum-hukum Allah tanpa keterlaluan dan ketaqsiran.

Saya berkata begitu kerana ada setengah-setengah dari kita – dan di antara mereka termasuk orang-orang yang ikhlas – yang suka mengemukakan ayat-ayat dan hukum-hukum Islam kepada orang ramai dengan menampilkan hikmat-hikmat yang tertentu yang diambil dari maklumat-maklumat yang telah diketahui oleh manusia di dalam kehidupan mereka atau dari maklumat-maklumat yang telah ditemui di dalam kajian sains moden. Ini memang elok tetapi biarlah ada batas, iaitu batas-batas yang kami telah terangkan di dalam ceraian yang telah silam.

Seringkali disebut bahawa hikmat wudhu' sebelum solat itu ialah kebersihan. Mungkin tujuan ini dimaksudkan dalam wudhu', tetapi perbuatan memberi kata pemutus bahawa itulah sahaja hikmat wudhu' tiada hikmat yang lain darinya adalah suatu cara yang tidak sihat dan tidak selamat.

Telah pun datang satu waktu, di mana setengah-setengah ahli debat yang suka bertengkar telah berkata: Kita tidak perlu kepada cara kebersihan wudhu' yang kuno dan primitif ini. Kebersihan sekarang ini telah sempurna dan orang ramai telah meletakkan kebersihan dalam cara hidup seharian mereka dan andainya kebersihan menjadi hikmat wudhu', maka kita tidak perlu lagi kepada wudhu' untuk mendirikan solat, malah kita juga tidak perlu kepada solat!

Hikmat Solat

Seringkali pula disebut tentang hikmat solat. Kadang-kadang dikatakan solat itu sebagai gerakan-gerakan, senaman yang meliputi seluruh badan, kadang-kadang dikatakan solat itu melatihkan seseorang supaya menjaga peraturan dan disiplin, iaitu pertama menjaga peraturan-peraturan waktu kedua menjaga peraturan harakat-harakatnya. Ketiga, peraturan barisan-barisan, peraturan menjadi imam dan sebagainya. Kadang-kadang dikatakan solat itu mengadakan hubungan dengan Allah di dalam do'a-do'a dan bacaan-bacaan. Semua tujuan ini mungkin dimaksudkan dalam ibadat solat, tetapi perbuatan memberi kata pemutus bahawa inilah sahaja tujuan-tujuan yang menjadi hikmat solat adalah satu perbuatan yang melampaui jalan yang sihat dan batas yang selamat.

Telah pun datang satu waktu, di mana setengah-setengah orang pernah berkata: Kita tidak perlu kepada gerakan-gerakan senaman yang ada di dalam harakat solat kerana cukup dengan aneka ragam latihan senaman yang ada sekarang ini setelah senaman menjadi satu seni di antara berbagai-bagai seni.

Setengah pula berkata, kita tidak perlu kepada solat untuk mengajar kita peraturan dan disiplin kerana kita telah mempunyai latihan perkhidmatan tentera. Inilah

bidang latihan disiplin yang paling besar dan mencukupi.

Setengah yang lain pula berkata: (Untuk berhubung dengan Allah) tidak perlu diwajibkan bentuk solat yang ada sekarang, kerana perhubungan dengan Allah boleh dilakukan dalam khalwat atau pengasingan diri yang jauh dari pergerakan-pergerakan anggota yang mungkin mengganggu pemusatan jiwa.

Demikianlah akibatnya jika kita "menentukan" hikmat bagi setiap ibadat dan memberi ulasan-ulasan mengikut kefahaman akal manusia atau mengikut pendapat "sains moden" kemudian kita tegaskan dengan kata pemutus bahawa inilah hikmat yang dimaksudkan dengan ibadat itu. Perbuatan ini membawa kita jauh dari faedah yang sihat dan batas yang selamat dalam menghadapi ayat-ayat Allah dan hukum-hukum-Nya, malah perbuatan itu akan membuka pintu kepada penentangan-penentangan di samping alasan-alasan yang dikemukakan oleh kita itu mengandungi kesilapan yang besar terutama apabila alasan-alasan itu dihubungkan dengan pendapat sains, sedangkan pendapat sains selalu berubah dan tidak tetap di atas satu pendapat, malah setiap hari pendapat-pendapatnya berada dalam proses pembetulan dan pindaan.

Di sini dalam pembicaraan kita mengenai tayammum nampak jelas bahawa hikmat wudhu' dan mandi itu bukanlah semata-mata "kebersihan" kerana tayammum yang menggunakan debu dan menggantikan wudhu' atau mandi atau keduanya sekali tidak merealisasikan hikmat kebersihan itu. Oleh sebab itu di sana nanti ada hikmat yang lain bagi wudhu' dan mandi yang dicapai di dalam "tayammum".

Supaya tidak terjerumus ke dalam kesilapan yang sama, kami tidak mahu berkata dengan kata pemutus, malah sekadar berkata sahaja bahawa hikmat wudhu' dan mandi itu ialah persediaan diri untuk mengadap Allah dengan melakukan sesuatu perbuatan yang boleh memisahkan di antara kesibukan-kesibukan hidup biasa seharian dengan pertemuan dengan Allah Yang Agung dan Maha Mulia dan oleh sebab itulah "tayammum" – dalam aspek ini – boleh mengganti mandi dan wudhu'.

Dan yang tinggal di sebalik itu ialah ilmu Allah yang sempurna, syumul dan halus yang mengetahui segala isi hati manusia dan rahsia-rahsianya. Tiada siapa yang mengetahuinya melainkan Allah Yang Maha Halus dan Maha Mengetahui.

Dan yang tinggal lagi ialah kita harus belajar adab sopan dengan Allah Yang Maha Mulia, Maha Agung, Maha Tinggi dan Maha Besar.

Sekarang marilah kita berhenti sejenak sekali lagi untuk memikirkan betapa kuatnya kehendak sistem Rabbani supaya setiap Muslim mendirikan solat walaupun menghadapi keuzuran dan halangan-halangan, dan ia telah memberi kemudahan-kemudahan untuk mengatasi halangan-halangan itu dan kemudahan itu dapat dilihat apabila ia menjadikan tayammum dapat menggantikan wudhu' atau mandi atau kedua-duanya sekali ketika tidak ada air atau ketika tidak dapat menggunakan air kerana mendapatkan mudharat (atau ketika memerlukan kepada air yang sedikit untuk minuman dan keperluan-keperluan hidup yang lain) begitu juga ketika dalam persafiran (walaupun ada air mengikut pendapat-pendapat fiqhiyah).

Semuanya ini membuktikan – ditambah pula dengan peraturan solat dalam masa kecemasan di medan peperangan yang akan diterangkan oleh surah ini nanti – tetapi kuatnya kehendak sistem hidup Rabbani supaya setiap Muslim mendirikan solat dan supaya tiada siapa yang terputus dari solat dengan apa sebab sekalipun (kehendak yang kuat ini juga dapat dilihat apabila seseorang itu berada dalam keadaan sakit, di mana solat itu dikerjakan secara duduk, secara baring atau secara tidur atau dikerjakan dengan gerak isyarat kelopak mata apabila sukar digerakkan tubuh dan kaki tangan).

Itulah perhubungan di antara hamba dengan Allah, iaitu satu perhubungan yang Allah tidak suka mana-mana hamba-Nya terputus darinya, kerana Allah mengetahui bahawa perhubungan ini adalah perlu kepada hamba-Nya, sedangkan Allah (tidak memerlukan para hamba kerana Ia) terkaya dari semesta alam. Allah tidak mendapat apa-apa faedah dari ibadat para hamba-Nya, malah merekalah yang mendapat kebaikan dari-Nya. Merekalah yang mendapat dari solat dan perhubungan mereka (bekalan-bekalan rohani) yang menolong mereka meringankan tugas-tugas mereka, menetapkan hati mereka, mententeramkan jiwa mereka, menerangi diri mereka dan membuat mereka merasa bahawa mereka berada di bawah naugan Allah dan sentiasa berdamping dengan-Nya dan bahawa Allah sentiasa menjaga dan memelihara mereka dengan cara yang sesuai dengan fitrah mereka, dan Allah amat mengetahui dengan kehendak fitrah mereka dan segala sesuatu yang sesuai dan mendatangkan kebaikan kepada fitrah mereka. Dialah Yang Maha Mengetahui dengan makhluk yang diciptakan-Nya dan Dia Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu-Nya.

Beberapa Pengungkapan Yang Seni

Begitu juga marilah kita berhenti sejenak memikirkan beberapa pengungkapan yang indah dalam ayat yang pendek ini.

Ia mengungkapkan perbuatan "buang air" dengan ungkapan:

أَوْ جَآءَ أَحَدٌ مِّنكُم مِّنَ ٱلْغَآئِطِ

"Atau seseorang dari kamu datang dari tempat buang air."(43)

Ia tidak terus berkata: Jika kamu membuang air, malah ia memadai dengan menggunakan ungkapan "datang dari tempat buang air" iaitu sebagai kiasan

dari perbuatan membuang air. Dan walaupun begitu, ia tidak hubungkan perbuatan itu kepada orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka, iaitu ia tidak berkata: "Atau kamu datang dari tempat buang air', malah ia berkata: "Atau seseorang dari kamu datang dari tempat buang air" untuk menambah adab sopan bercakap dengan menggunakan kiasan yang halus supaya adab sopan ini menjadi contoh kepada manusia apabila mereka bercakap.

Ia mengungkapkan hubungan kelamin di antara lelaki dan perempuan dengan katanya:

أَوْ لَٰمَسْتُمُ ٱلنِّسَآءَ

"Atau kamu telah menyentuh perempuan."(43)

Pengungkapan dengan kata-kata "menyentuh" itu lebih halus, lebih sopan dan lebih tinggi. Perbuatan menyentuh mungkin merupakan muqaddimah bagi hubungan kelamin atau mengungkapkan hubungan kelamin itu sendiri. Walau bagaimanapun pengungkapan itu adalah satu adab sopan yang diajar oleh Allah kepada manusia apabila mereka hendak bercakap dalam perkara-perkara sulit yang seperti ini andainya di sana tidak ada sebab yang perlu untuk menggunakan pengungkapan yang terbuka atau terus terang.

Ia mengungkapkan tanah yang suci dengan "tanah yang baik" untuk menyarankan bahawa yang suci itu baik dan yang najis itu keji dan tidak baik. Itulah satu saranan yang lembut yang meresap ke dalam hati.

Maha Sucilah Allah yang menciptakan jiwa manusia dan yang amat mengetahui dengan segala kehendak-kehendak dan rahsia-rahsianya.

(Kumpulan ayat-ayat 44 – 57)

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُواْ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ يَشْتَرُونَ
ٱلضَّلَٰلَةَ وَيُرِيدُونَ أَن تَضِلُّواْ ٱلسَّبِيلَ ﴿٤٤﴾
وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِأَعْدَآئِكُمْ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَلِيًّا وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
نَصِيرًا ﴿٤٥﴾
مِّنَ ٱلَّذِينَ هَادُواْ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِۦ
وَيَقُولُونَ سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَٱسْمَعْ غَيْرَ مُسْمَعٍ
وَرَٰعِنَا لَيًّا بِأَلْسِنَتِهِمْ وَطَعْنًا فِى ٱلدِّينِ ۚ وَلَوْ أَنَّهُمْ قَالُواْ
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَٱسْمَعْ وَٱنظُرْنَا لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ وَأَقْوَمَ
وَلَٰكِن لَّعَنَهُمُ ٱللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٤٦﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلْكِتَٰبَ ءَامِنُواْ بِمَا نَزَّلْنَا
مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُم مِّن قَبْلِ أَن نَّطْمِسَ وُجُوهًا
فَنَرُدَّهَا عَلَىٰٓ أَدْبَارِهَآ أَوْ نَلْعَنَهُمْ كَمَا لَعَنَّآ أَصْحَٰبَ
ٱلسَّبْتِ ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٤٧﴾

"Apakah engkau tidak melihat orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka membeli kesesatan dan mereka mahukan kamu juga sesat dari jalan yang benar (44). Dan Allah amat mengetahui terhadap musuh-musuh kamu dan cukuplah Allah sendiri menjadi Pelindung dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penolong (45). Di antara orang-orang Yahudi itu terdapat mereka yang mengubahkan kalam Allah dari maksud-maksudnya yang sebenar dan mereka berkata: "Kami dengar dan kami menderhaka" dan "dengarlah tanpa disuruh mendengar" dan (mereka berkata) ra'ina [16] dengan tujuan memutar belitkan percakapan mereka dan mencela agama Allah. Dan andainya mereka berkata: "Kami dengar dan kami patuhi" dan "dengarlah dan berilah perhatian kepada kami" tentulah lebih baik dan lebih betul bagi mereka. Akan tetapi Allah telah melaknatkan mereka dengan sebab kekafiran mereka, oleh itu mereka tidak beriman melainkan sebilangan kecil dari mereka sahaja (46). Wahai orang-orang yang dikurniakan kitab suci! Hendaklah kamu beriman kepada (Al-Qur'an) yang telah diturunkan oleh Kami yang mengesahkan kitab-kitab suci yang ada pada kamu sebelum Kami hapuskan bentuk-bentuk muka, lalu Kami memutarkannya ke belakang atau sebelum Kami melaknatkan mereka sebagaimana Kami laknatkan orang–orang Yahudi yang menceroboh hari Sabtu, dan perintah Allah itu tetap berkuatkusasa."(47)

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ
لِمَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفْتَرَىٰٓ إِثْمًا
عَظِيمًا ﴿٤٨﴾
أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يُزَكُّونَ أَنفُسَهُم ۚ بَلِ ٱللَّهُ يُزَكِّى مَن
يَشَآءُ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٤٩﴾
ٱنظُرْ كَيْفَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ ۖ وَكَفَىٰ بِهِۦٓ
إِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٠﴾

---

[16] *Kata-kata ini boleh membawa kepada pengertian yang buruk apabila disebut dengan pelat bahasa Yahudi dan inilah yang dimaksudkan mereka apabila mereka menggunakan kata-kata ini kepada Rasulullah s.a.w. Pengertiannya yang asal bermakna "berilah perhatian yang baik kepada kami" atau "tolong perlahan-lahan sedikit supaya kami dapat mengerti"-Penterjemah.*

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ
يُؤْمِنُونَ بِٱلْجِبْتِ وَٱلطَّٰغُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ هَٰٓؤُلَآءِ أَهْدَىٰ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ سَبِيلًا ﴿٥١﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَمَن يَلْعَنِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ
نَصِيرًا ﴿٥٢﴾
أَمْ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّنَ ٱلْمُلْكِ فَإِذًا لَّا يُؤْتُونَ ٱلنَّاسَ
نَقِيرًا ﴿٥٣﴾
أَمْ يَحْسُدُونَ ٱلنَّاسَ عَلَىٰ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۖ
فَقَدْ ءَاتَيْنَآ ءَالَ إِبْرَٰهِيمَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ
وَءَاتَيْنَٰهُم مُّلْكًا عَظِيمًا ﴿٥٤﴾
فَمِنْهُم مَّنْ ءَامَنَ بِهِۦ وَمِنْهُم مَّن صَدَّ عَنْهُ ۚ وَكَفَىٰ بِجَهَنَّمَ
سَعِيرًا ﴿٥٥﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا سَوْفَ نُصْلِيهِمْ نَارًا كُلَّمَا
نَضِجَتْ جُلُودُهُم بَدَّلْنَٰهُمْ جُلُودًا غَيْرَهَا لِيَذُوقُوا۟
ٱلْعَذَابَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٥٦﴾
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَنُدْخِلُهُمْ جَنَّٰتٍ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ لَّهُمْ فِيهَآ
أَزْوَٰجٌ مُّطَهَّرَةٌ ۖ وَنُدْخِلُهُمْ ظِلًّا ظَلِيلًا ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa mempersekutukan-Nya dan Dia bersedia mengampunkan dosa-dosa yang lain dari itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekutukan-Nya, maka sesungguhnya ia telah melakukan satu dosa yang amat besar (48). Apakah tidak engkau melihat orang-orang yang memuji-muji diri sendiri, tetapi Allah memuji sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mereka tidak dianiayai walau sedikit pun (49). Lihatlah (Muhammad) bagaimana mereka melakukan pembohongan terhadap Allah dan cukuplah perbuatan itu menjadi dosa yang amat nyata (50). Apakah tidak engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan sebahagian dari kitab suci? Mereka mempercayai sembahan-sembahan yang palsu dan Thaghut dan mereka berkata kepada orang-orang yang kafir: Mereka lebih betul dari jalan orang-orang yang beriman (51). Merekalah orang-orang yang telah dilaknatkan Allah, dan sesiapa yang telah dilaknatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sesiapa pun yang sanggup menjadi penolongnya (52). Atau adakah mereka mempunyai apa-apa bahagian dari kerajaan Allah? Jika ada, tentulah mereka tidak akan memberi kepada manusia sedikit pun (53). Atau apakah mereka dengkikan orang-orang lain kerana Allah telah menganugerahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka. Sesungguhnya Kami telah menganugerahkan kepada keluarga Ibrahim kitab suci dan hikmat dan Kami anugerahkan kepada mereka kerajaan yang amat besar (54). Maka di antara mereka ada yang beriman kepada orang yang dianugerahkan pengurniaan itu dan ada pula di dalam golongan mereka orang yang menghalang darinya dan cukuplah Neraka Jahannam itu membakar (mereka) (55). Sesungguhnya orang-orang yang telah mengingkarkan ayat-ayat Kami akan Kami bakarkan mereka di dalam api Neraka. Setiap kali masaknya kulit-kulit mereka, kami tukarkannya dengan kulit-kulit yang lain. Supaya mereka merasa ke'azaban itu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (56). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan kami masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan di sana mereka hidup kekal abadi. Di sana mereka mendapat pasangan-pasangan yang suci dan Kami masukkan mereka di tempat yang sentiasa teduh."(57)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Mulai dari pelajaran ini (dalam surah ini) bermulalah perjuangan yang diceburi oleh Al-Qur'an, di mana ia memimpin kelompok Muslimin dalam menghadapi jahiliyah yang mengepung mereka dan kaum Yahudi dari umat Ahlil-Kitab khususnya, iaitu perjuangan yang telah kita saksikan peristiwa-peristiwanya dan gelanggang-gelanggangnya dalam Surah al-Baqarah dan Surah Aali 'Imran sebelum ini. Perjuangan ini sama dengan perjuangan itu dan khemah-khemah musuh yang dihadapinya juga sama, iaitu khemahkhemah musuh yang telah dibicarakan di dalam pendahuluan Surah al-Baqarah, pendahuluan Surah Aali 'Imran dan pendahuluan surah ini.

Mulai dari pelajaran ini bermulalah perjuangan luaran, iaitu perjuangan kelompok Muslimin menentang khemah-khemah musuh yang berada di sekeliling mereka. Tetapi ini sebenarnya bukanlah permulaan perjuangan, kerana segala langkah menyusun peraturan kemasyarakatan, peraturan-peraturan ekonomi, peraturan kekeluargaan dan peraturan-peraturan akhlak, segala usaha menggaris dan menegakkan ciri Islam yang baharu di dalam masyarakat ini yang telah diterangkan di dalam ayat-ayat yang lepas dan menegakkan langkah-langkah yang jauh dari perjuangan luaran menentang musuh-musuh kelompok Muslimin di Madinah khususnya dan di Semenanjung Tanah Arab umumnya, malah semuanya ini merupakan langkah-langkah pertama atau langkah-langkah persediaan yang haqiqi untuk menghadapi perjuangan itu dan langkah persediaan ini adalah suatu perjuangan ke arah pembinaan masyarakat, iaitu membina masyarakat yang baru di atas asas-asas sistem hidup Islam yang baru supaya ia dapat menghadapi masyarakat-masyarakat musuh di sekelilingnya dan mengatasinya.

Jika di dalam Surah al-Baqarah dan Surah Aali 'Imran kita melihat penekanan perhatian ditujukan

pertamanya ke arah membina masyarakat Islam dari dalam, iaitu dengan membina 'aqidah, pemikiran dan kefahaman, akhlak dan perasaan, undang-undang dan peraturan, juga mengajar kelompok Muslimin segala sesuatu yang berhubung dengan tabi'at musuh-musuh mereka dan alat-alat dan sarana-sarana yang digunakan mereka dan seterusnya mengingatkan kelompok Muslimin terhadap tipudaya musuh-musuh itu dan mengarah mereka berperang menentang musuh-musuh mereka dengan hati yang tenteram, dengan mata yang terbuka, dengan kemahuan yang padu dan dengan ilmu yang mengenal tabi'at perjuangan dan tabi'at musuh, maka begitu juga di dalam surah ini kita melihat penekanan perhatian yang sama ke arah yang sama.

Dalam semua surah-surah itu Al-Qur'an menceburi perjuangan dan memimpin kelompok Muslimin dalam setiap medan pejuangan. Ia menceburi perjuangan di medan hati dan perasaan mereka, di mana ia berusaha mewujudkan satu 'aqidah yang baru, memberi ma'rifat yang baru terhadap Allah, memberi kefahaman dan pandangan yang baru terhadap kewujudan di samping berusaha menegakkan neraca-neraca ukuran dan nilai-nilai yang baru, menyelamatkan fitrah mereka dari timbunan sampah saraf jahiliyah, menghapuskan ciri-ciri jahiliyah dari dalam hati dan masyarakat mereka dan mewujudkan ciri-ciri Islam yang gemilang dan indah. Kemudian ia memimpin mereka dalam perjuangan melawan musuh-musuh mereka yang sedang menunggu-nunggu peluang di dalam dan di luar, iaitu kaum Yahudi, kaum Munafiqin dan kaum Musyrikin dan kini kelompok Muslimin berada dalam persediaan yang lengkap untuk melawan dan mengalahkan mereka setelah mereka mempunyai binaan dalamannya yang baru yang amat kukuh, iaitu binaan 'aqidah, akhlak, kemasyarakatan, undang-undang dan peraturan.

Kelebihan haqiqi masyarakat Islam di atas masyarakat-masyarakat jahiliyah di sekelilingnya termasuk masyarakat Yahudi yang berada di tengah kota Madinah adalah terletak pada kelebihannya dalam binaan rohani, akhlak, kemasyarakatan, undang-undang dan peraturan – dengan jasa sistem Al-Qur'ani al-Rabbani – sebelum kelebihannya dalam bidang ketenteraan atau ekonomi atau kebendaan umumnya.

Malah masyarakat Islam tidak pernah mempunyai kelebihan dari segi ketenteraan dan ekonomi atau kebendaan, kerana musuh-musuh Islam selama-lamanya mempunyai bilangan yang lebih ramai, peralatan senjata yang lebih kuat, kewangan yang lebih kaya dan kebendaan yang lebih lumayan pada umumnya sama ada di Semenanjung Tanah Arab atau di luarnya zaman-zaman penaklukan Islam yang besar selepas itu, tetapi kelebihan masyarakat Islam yang sebenar adalah terletak pada binaan rohani, akhlak, kemasyarakatan kemudian kekuatan politik dan kepimpinan yang diasaskan oleh Islam dengan sistem Rabbani yang unik.

Dengan kelebihannya yang gemilang di atas jahiliyah, iaitu dengan kelebihan binaan rohani, akhlak, kemasyarakatan, kemudian politik dan kepimpinan-kepimpinan, Islam dapat menghapuskan jahiliyah, iaitu mula-mula di Semenanjung Tanah Arab kemudian di dalam negeri-negeri di bawah empayar yang besar yang terbentang di sekeliling, iaitu empayar Kisra dan Kaiser dan selepas itu di negeri-negeri yang lain di dunia, sama ada Islam membawa tentera dan pedang atau membawa Al-Qur'an dan azan.

Tanpa kelebihan yang gemilang ini mu'jizat itu tidak berlaku, iaitu satu mu'jizat yang tiada contoh yang serupa dengannya sepanjang yang diketahui oleh sejarah sehingga di dalam serangan-serangan ketenteraan yang masyhur di dalam sejarah seperti serangan tentera Tatar dalam sejarah lama dan serangan-serangan tentera-tentera Hitler di dalam sejarah moden. Ini disebabkan kerana serangan angkatan tentera Islam itu bukan sekadar serangan ketenteraan sahaja, malah ia juga merupakan serangan 'aqidah, serangan kebudayaan dan serangan tamadun, di mana dapat dilihat kelebihan Islam yang gemilang yang menghapus – tanpa menggunakan paksaan – 'aqidah-'aqidah, bahasa-bahasa, tradisi-tradisi dan adat-adat yang sama yang ditakluk mereka. Ini adalah peristiwa yang tiada tolok bandingnya di dalam mana-mana serangan ketenteraan yang lain sama ada zaman dahulu atau zaman moden.

Ini adalah satu kelebihan insaniyah yang sempurna, iaitu kelebihan di dalam segala ciri-ciri insaniyah dan nilai-nilainya. Kelebihan ini merupakan satu kelahiran yang baru bagi manusia, iaitu satu kelahiran yang lain dari kelahiran yang diketahui oleh bumi dengan yakin. Dengan sebab kelebihan inilah Islam dapat mewarnakan negeri-negeri yang ditakluknya dengan warna keislamannya dan menerapkan di atas negeri-negeri itu ciri keislamannya yang khusus. Ia dapat menyapu keladak-keladak tamadun, yang telah hidup berpuluh-puluh abad sebelum itu di setengah-setengah negeri seperti tamadun Fir'aun di Mesir, tamadun Babylon dan 'Asyuria (Isyria) di Iraq dan tamadun Phoenisia dan Syria di Syam, kerana Islam mempunyai akar yang lebih mendalam di dalam fitrah manusia dan bidang yang lebih luas di dalam jiwa manusia, malah Islam merupakan asas bimbingan yang lebih besar, dan lebih lengkap di dalam kehidupan manusia dari tamadun-tamadun itu.

Kekuatan bahasa Islam (bahasa Arab) dan keteguhannya di negeri yang ditakluknya itu merupakan satu gejala yang amat menarik yang belum dikaji, dipelajari dan diberi perhatian sewajarnya. Kekuatan ini pada hemat saya lebih menakjubkan dari kekuatan 'aqidah dan keteguhannya, kerana kedudukan bahasa amat mendalam dalam hati manusia dan amat sebati dengan kehidupan kemasyarakatan mereka, yang ada perubahan yang seperti ini dianggap sebagai satu

mu'jizat yang sempurna, tetapi kekuatan ini sebenarnya bukanlah kekuatan "bahasa Arab" kerana bahasa Arab memang telah lama wujud, namun ia tidak pernah melakukan apa-apa mu'jizat di mana-mana tempat di muka bumi sebelum kelahiran Islam, malah kekuatan yang baru muncul di dalam bahasa Arab itu hingga dapat melahirkan mu'jizat ini ialah kekuatan Islam. Oleh sebab itulah saya namakan bahasa Arab sebagai "bahasa Islam."

Begitu juga kaum cendekiawan yang ada di dalam negeri-negeri yang ditakluk oleh Islam itu mengungkapkan pemikiran-pemikiran mereka bukan dengan bahasa ibunda mereka, malah dengan bahasa yang baru, iaitu bahasa Islam. Mereka telah berjaya menghasilkan melalui bahasa ini dalam setiap bidang kebudayaan Seringkali-bagai karya yang memperlihatkan ciri keaslian tanpa menunjukkan tanda-tanda mengalami kebuntuan atau tersekat-sekat kerana kesukaran untuk mengungkapkan dalam bahasa asing (yang baru) itu, malah bahasa Islam telah menjadi bahasa ibunda kepada kaum cendekiawan itu. Ini disebabkan kerana tabung modal yang dibawa oleh bahasa Islam itu adalah amat besar dan mempunyai hubungan yang sebati dengan fitrah mereka. Ia lebih dekat kepada hati mereka dan lebih mendalam resapannya dari kebudayaan-kebudayaan dan bahasa-bahasa mereka yang lama.

Tabung modal itu ialah tabung modal 'aqidah dan kefahaman, iaitu tabung modal pembinaan rohani, pembinaan aqliyah, pembinaan akhlak dan pembinaan masyarakat yang diwujudkan oleh sistem hidup Islam dalam masa yang pendek. Tabung modal ini begitu besar, begitu mendalam dan begitu sebati dengan fitrah manusia hingga bahasa Islam dapat memberi satu kekuatan yang tidak dapat ditentang sebagaimana angkatan tentera Islam dapat memberi satu kekuatan yang tidak dapat dilawan.

Dengan pentafsiran yang lain dari ini adalah sukar bagi kita untuk mentafsirkan gejala sejarah yang unik ini.

Walau bagaimanapun, ini adalah suatu pembicaraan yang memerlukan huraian yang panjang dan bagi kita cukuplah sekadar huraian ini sahaja dalam tafsir Fi Zilal ini.

* * * * * *

Di dalam pelajaran ini, di mana pejuangan dimulakan dengan khemah-khemah musuh yang sedang menunggu-nunggu peluang untuk menyerang masyarakat Islam yang sedang berkembang di Madinah – dikemukakan pernyataan yang menyatakan kehairanan terhadap keadaan dan tindak tanduk kaum Yahudi dalam menghadapi agama yang baru dan kelompok Muslimin yang menjadi pendukungnya. Dan di dalam pelajaran yang berikut pula dijelaskan fungsi kelompok Muslimin, tabi'at agama mereka, ta'rif Islam dan syarat keimanan yang membezakan agama mereka, kehidupan mereka dan sistem hidup mereka. Kemudian di dalam pelajaran selanjutnya kelompok Muslimin diseru supaya berjuang mempertahankan agama mereka, kedudukan mereka dan kewujudan mereka di samping mendedahkan kumpulan Munafiqin yang menyeludup di dalam kalangan mereka. Di dalam pelajaran ini juga diterangkan tabi'at mati dan hidup dan takdir Allah yang mengendalikan kedua-duanya. Ini adalah sebahagian dari tarbiyah Islamiyah untuk mendidik kelompok Muslimin dan menyediakan mereka bagi membolehkan mereka memikul tugas mereka dan berjuang untuk menentang musuh-musuh mereka. Kemudian di dalam pelajaran selanjutnya dikemukakan penjelasan tambahan mengenai kaum Munafiqin dan memberi amaran kepada kelompok Muslimin supaya jangan berpecah-belah dalam menghadapi mereka dan supaya jangan mempertahankan tindak-tanduk mereka, kemudian dikemukakan pula penjelasan mengenai peraturan-peraturan untuk digunakan oleh kelompok Muslimin dalam menghadapi berbagai-bagai golongan musuh yang wujud di sekeliling mereka, iaitu peraturan-peraturan mu'amalat antarabangsa, kemudian di dalam pelajaran selanjutnya kita dapat melihat satu contoh ketinggian Islam dalam melayani seorang Yahudi di dalam masyarakat Islam. Setelah itu diiringi pula dengan pelajaran, di mana dikemukakan pembicaraan mengenai syirik dan kaum Musyrikin, juga keterangan yang melemahkan asas-asas yang menjadi tapak tegak masyarakat syirik di Semenanjung Tanah Arab........ dan perjuangan ini diselangi dengan penerangan sepintas lalu mengenai peraturan dalaman yang ada kaitan dengan bahagian awal surah ini yang membicarakan urusan keluarga. Kemudian tibalah pelajaran akhir di dalam juzu' ini yang khusus membicarakan tentang sifat nifaq dan kaum Munafiqin yang dihumbankan ke dasar Neraka yang paling bawah.

Semua singgungan-singgungan sepintas lalu ini menjelaskan kepada kita bentuk berbagai-bagai gelanggang perjuangan dengan berbagai-bagai aspeknya di luar dan di dalam, juga bentuk keseimbangan dan kesepaduan di antara perjuangan dalaman dengan perjuangan luaran di dalam kehidupan masyarakat Islam yang pertama. Asas dan hakikat perjuangan ini juga menjadi asas dan hakikat yang sama dengan perjuangan umat Muslimin pada hari ini dan masa akan datang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 44 – 46)

أَلَمۡ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُواْ نَصِيبٗا مِّنَ ٱلۡكِتَٰبِ يَشۡتَرُونَ
ٱلضَّلَٰلَةَ وَيُرِيدُونَ أَن تَضِلُّواْ ٱلسَّبِيلَ ﴿٤٤﴾
وَٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِأَعۡدَآئِكُمۡۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَلِيّٗا وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
نَصِيرٗا ﴿٤٥﴾

مِّنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِۦ
وَيَقُولُونَ سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَٱسْمَعْ غَيْرَ مُسْمَعٍ
وَرَٰعِنَا لَيًّۢا بِأَلْسِنَتِهِمْ وَطَعْنًا فِى ٱلدِّينِ ۚ وَلَوْ أَنَّهُمْ قَالُوا۟
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَٱسْمَعْ وَٱنظُرْنَا لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ وَأَقْوَمَ
وَلَٰكِن لَّعَنَهُمُ ٱللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٤٦﴾

"Apakah engkau tidak melihat orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka membeli kesesatan dan mereka mahukan kamu juga sesat dari jalan yang benar (44). Dan Allah amat mengetahui terhadap musuh-musuh kamu dan cukuplah Allah sendiri menjadi Pelindung dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penolong.(45) Di antara orang-orang Yahudi itu terdapat mereka yang mengubahkan kalam Allah dari maksud-maksudnya yang sebenar dan mereka berkata: "Kami dengar dan kami menderhaka" dan "dengarlah tanpa disuruh mendengar" dan (mereka berkata) ra'ina dengan tujuan memutarbelitkan percakapan mereka dan mencela agama Allah. Dan andainya mereka berkata: "Kami dengar dan kami patuhi" dan "dengarlah dan berilah perhatian kepada kami" tentulah lebih baik dan lebih betul bagi mereka. Akan tetapi Allah telah melaknatkan mereka dengan sebab kekafiran mereka oleh itu mereka tidak beriman melainkan sebilangan kecil dari mereka sahaja."(46)

Inilah pernyataan kehairanan yang pertama di antara siri-siri pernyataan kehairanan yang sekian sebanyak terhadap sikap Ahlil-Kitab dari kaum Yahudi. Pernyataan ini dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w. atau kepada sesiapa sahaja yang melihat sikap yang ganjil dan keji ini.

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ يَشْتَرُونَ
ٱلضَّلَٰلَةَ وَيُرِيدُونَ أَن تَضِلُّوا۟ ٱلسَّبِيلَ ﴿٤٤﴾

"Apakah engkau tidak melihat orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka membeli kesesatan dan mereka mahukan kamu juga sesat dari jalan yang benar."(44)

Biasanya mereka yang dikurniakan habuan kitab suci itu menghargai hidayat. Allah telah mengurniakan Taurat kepada Ahlil-Kitab menerusi Musa a.s. supaya menjadi petunjuk kepada mereka dari kesesatan mereka yang pertama, tetapi mereka telah mengabaikan habuan pengurniaan ini dan meninggalkan hidayat serta membeli kesesatan. Pengungkapan dengan kata-kata "membeli" di sini membayangkan qasad dan niat dalam pertukaran itu, iaitu mereka pada mulanya memiliki hidayat, tetapi mereka dengan sengaja meninggalkannya dan mengambil kesesatan seolah-olah satu 'aqad jual beli yang dilakukan mereka dengan penuh pengetahuan dengan qasad dan dengan sengaja atau dengan niat bukannya dengan kejahilan atau tersalah atau terlupa. Ini adalah satu perbuatan yang pelik yang wajar dihairan dan dikecam.

Tetapi mereka tidak berhenti setakat menunjukkan sikap yang ganjil dan keji itu sahaja, malah mereka mahu menyesatkan pula orang-orang yang telah menerima hidayat, iaitu mereka mahu menyesatkan orang Islam dengan menggunakan berbagai-bagai sarana dan cara sebagaimana telah diterangkan di dalam Surah al-Baqarah dan Surah Aali 'Imran dan sebahagian darinya pula akan diterangkan di dalam surah ini kemudian kelak. Mereka tidak cukup dengan kesesatan yang dibeli untuk menyesatkan diri mereka, malah mereka berusaha pula untuk menghapuskan batu-batu pedoman hidayat yang ditegakkan di sekeliling mereka agar di sana tidak ada lagi hidayat dan tidak ada lagi orang-orang yang mendapat hidayat.

Kelompok Muslimin Digesa Berwaspada Terhadap Kaum Ahlil-Kitab

Dalam sentuhan ayat ini kaum Muslimin diingatkan supaya berwaspada terhadap permainan-permainan dan tipudaya kaum Yahudi yang licin dan hati mereka diperangsangkan supaya menentang mereka yang mahu menyesatkan mereka setelah mereka mendapat ni'mat hidayat. Selama ini kaum Muslimin sentiasa berbangga dengan ni'mat hidayat ini dan mereka akan menentang siapa sahaja yang cuba mengembalikan mereka kepada jahiliyah. Mereka telah mengenal jahiliyah dan mereka telah mengenal Islam. Mereka bencikan jahiliyah dan cintakan Islam dan kerana itu mereka benci sesiapa sahaja yang cuba mengembalikan mereka kepada jahiliyah sama ada sedikit atau banyak. Al-Qur'an berbicara begini dengan mereka berdasarkan ilmu Allah yang mengetahui isi hati mereka terhadap hakikat yang besar ini.

Oleh sebab itu Al-Qur'an mengulas percubaan kaum Yahudi itu dengan pernyataan bahawa mereka adalah musuh kaum Muslimin dan menenangkan kaum Muslimin bahawa Allah akan melindungi dan menolong mereka terhadap percubaan itu:

وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِأَعْدَآئِكُمْ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَلِيًّا وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
نَصِيرًا ﴿٤٥﴾

"Dan Allah amat mengetahui terhadap musuh-musuh kamu dan cukuplah Allah sendiri menjadi Pelindung dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penolong."(45)

Demikianlah Al-Qur'an menerangkan dengan terus terang perseteruan yang wujud di antara kelompok Muslimin dengan kaum Yahudi di Madinah, dan dengan keterangan ini jelaslah garis-garis kedudukan. Pernyataan kehairanan itu adalah terhadap seluruh Ahlil-Kitab, namun yang difaham ialah bahawa Ahlil-Kitab yang dimaksudkan di sini ialah kaum Yahudi Madinah, tetapi Al-Qur'an tidak cukup dengan kefahaman ini, malah ia menentukan kaum Yahudi itu

dan menerangkan keadaan mereka, tindak-tanduk dan kebiadaban mereka terhadap Rasulullah s.a.w. di waktu itu, iaitu – nampaknya – tahun-tahun permulaan hijrah sebelum kekuatan mereka dihancurkan di Madinah:

Jenayah Mengubah Kalamullah Dari Maksudnya Yang Sebenar

مِّنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِۦ
وَيَقُولُونَ سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَٱسْمَعْ غَيْرَ مُسْمَعٍ
وَرَٰعِنَا لَيًّۢا بِأَلْسِنَتِهِمْ وَطَعْنًا فِى ٱلدِّينِ ۚ وَلَوْ أَنَّهُمْ قَالُوا۟
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَٱسْمَعْ وَٱنظُرْنَا لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ وَأَقْوَمَ
وَلَٰكِن لَّعَنَهُمُ ٱللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٤٦﴾

"Di antara orang-orang Yahudi itu terdapat mereka yang mengubahkan kalam Allah dari maksud-maksudnya yang sebenar dan mereka berkata: "Kami dengar dan kami menderhaka" dan "dengarlah tanpa disuruh mendengar" dan (mereka berkata) ra'ina dengan tujuan memutarbelitkan percakapan mereka dan mencela agama Allah. Dan andainya mereka berkata: "Kami dengar dan kami patuhi" dan "dengarlah dan berilah perhatian kepada kami" tentulah lebih baik dan lebih betul bagi mereka. Akan tetapi Allah telah melaknatkan mereka dengan sebab kekafiran mereka oleh itu mereka tidak beriman melainkan sebilangan kecil dari mereka sahaja."(46)

Penyelewengan dan kebiadaban mereka terhadap Allah telah sampai ke tahap sehingga mereka sanggup mengubahkan kalam Allah dari maksud-maksudnya yang sebenar. Mengikut pendapat yang lebih rajih yang dimaksudkan dengan mengubahkan kalam Allah itu ialah mereka menta'wilkan ayat-ayat Taurat dengan pengertian-pengertian yang tidak dimaksudkan oleh Allah. Mereka berbuat begitu dengan tujuan untuk menolak ayat-ayat yang menjadi dalil kerasulan Muhammad yang terakhir, juga menolak hukum-hukum dan undang-undang yang disahkan oleh kitab Allah yang terakhir. Persamaan hukum-hukum dan undang-undang di dalam kedua-dua kitab itu membuktikan bahawa kedua-dua kitab suci itu adalah datang dari satu sumber sahaja dan menunjukkan kesahihan risalah Nabi Muhammad s.a.w. Perbuatan mengubahkan kalam Allah dari maksudnya yang sebenar supaya sesuai dengan kehendak nafsu itu adalah satu gejala yang dapat diperhatikan di kalangan ahli-ahli agama yang menyeleweng dari agama mereka, iaitu di kalangan mereka yang menggunakan agama sebagai kerjaya/profesion mencari makan untuk memenuhi selera pihak-pihak yang berkuasa di setiap zaman, juga untuk menyesuaikan dengan kehendak-kehendak orang ramai yang mahu melepaskan diri dari agama. Dan orang-orang Yahudi memang pintar dalam bidang ini walaupun di zaman ini terdapat ahli-ahli agama profesional dari Muslimin yang dapat menandingi perangai kaum Yahudi itu.

Kemudian penyelewengan dan kebiadaban mereka terhadap Rasulullah s.a.w. sampai ke tahap sehingga mereka sanggup berkata kepada beliau: Wahai Muhammad, kami dengar apa yang engkau kata, tetapi kami tentang, kami tidak percaya, kami tidak ikut dan kami tidak mematuhinya. Ini menunjukkan bahawa ayat-ayat ini adalah diturunkan di masa awal-awal di mana kaum Yahudi masih mempunyai keberanian yang seperti itu dalam menghadapi Rasulullah s.a.w. kemudian mereka tambahkan sikap yang sombong itu dengan kelakuan-kelakuan dan perangai yang biadab serta menyeleweng apabila mereka berkata kepada Rasulullah s.a.w.:

وَٱسْمَعْ غَيْرَ مُسْمَعٍ وَرَٰعِنَا

"Dan dengarlah tanpa disuruh mendengar dan (mereka berkata) "ra'ina."

Pada lahirnya perkataan mereka "*dengarlah tanpa disuruh mendengar*" itu sesuatu perkataan yang beradab. Perkataan "ra'ina"(راعنا) pada asalnya bererti "Berilah perhatian kepada kami" atau pandanglah kami dengan pandangan yang memelihara kami atau pandangan yang memberi perhatian yang hemat kepada kedudukan kami. Maksudnya oleh sebab mereka Ahlil-Kitab, maka tidak seharusnya mereka diseru kepada Islam sama seperti kaum Musyrikin.

Tetapi maksud mereka yang sebenar dengan cara memutarbelitkan lidah mereka itu ialah "dengarlah – aku tidak dengar, dan aku tidak dengar (Akhzahumullah) dan mereka pelatkan sebutan kata-kata "rai'na" untuk mendapat makna "ra'unah" iaitu kebodohan atau kebebalan.

Demikianlah keangkuhan, kebiadaban, penyelewengan, sikap bermuka dua dan perbuatan memesongkan kalam Allah yang dilakukan oleh kaum Yahudi.

Setelah Al-Qur'an menceritakan tindak-tanduk mereka, ia menjelaskan pula cara yang layak dengan Ahlil-Kitab dan adab sopan yang wajar dengan mereka yang telah menerima kitab suci dan setelah itu ia menggalakkan mereka ke arah mendapat hidayat, balasan yang baik, limpah kurnia dan kebajikan dari Allah apabila mereka sanggup kembali ke jalan yang lurus. Kemudian ia menerangkan hakikat tabi'at mereka yang selama-lamanya seperti itu baik dahulu mahupun sekarang:

وَلَوْ أَنَّهُمْ قَالُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَٱسْمَعْ وَٱنظُرْنَا لَكَانَ
خَيْرًا لَّهُمْ وَأَقْوَمَ وَلَٰكِن لَّعَنَهُمُ ٱللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ
إِلَّا قَلِيلًا ﴿٤٦﴾

"Dan andainya mereka berkata: "Kami dengar dan kami patuhi" dan "dengarlah dan berilah perhatian kepada kami" tentulah lebih baik dan lebih betul bagi mereka. Akan tetapi Allah telah melaknatkan mereka dengan sebab kekafiran mereka, oleh itu mereka tidak beriman melainkan sebilangan kecil dari mereka sahaja."(46)

Mereka tidak menghadapi da'wah yang benar itu dengan terus terang, dengan perkataan yang jelas dan lurus seperti ini dan andainya mereka menghadapinya dengan menggunakan kata-kata yang terus terang dan tidak berbelit-belit iaitu:

سَمِعۡنَا وَأَطَعۡنَا وَٱسۡمَعۡ وَٱنظُرۡنَا

"Kami dengar dan kami patuhi dan dengarlah dan berilah perhatian kepada kami"(46)

tentulah lebih baik bagi mereka dan lebih jujur kepada diri sendiri dan kepada keadaan mereka, tetapi oleh sebab – pada hakikatnya – mereka telah diusir dari hidayat Allah kerana kekufuran mereka, maka mereka tidak beriman kecuali sebilangan kecil sahaja dari mereka.

Keterangan Allah ini amat benar kerana tidak ada kaum Yahudi yang menganut agama Islam di sepanjang sejarah Islam kecuali sebilangan kecil yang terdiri dari orang-orang yang telah dikurniakan Allah kebajikan dan hidayat kerana mereka berusaha mencari kebaikan dan hidayat. Sedangkan golongan umat Yahudi di sepanjang empat belas abad tetap memerangi Islam dan kaum Muslimin, iaitu sejak mereka hidup berjiran dengan kaum Muslimin di Madinah hingga ke sa'at ini. Rancangan-rancangan jahat mereka terhadap Islam merupakan rancangan-rancangan jahat yang berterusan tidak putus-putus, rancangan-rancangan jahat yang degil yang tidak pernah berhenti, rancangan-rancangan jahat yang berbagai-bagai bentuk, beraneka warna dan berbagai-macam jenis sejak masa itu dan tiada sesuatu rancangan jahat yang dilakukan oleh seseorang terhadap Islam di sepanjang sejarahnya termasuk rancangan jahat pergerakan salib antarabangsa dan rancangan-rancangan penjajahan yang berbagai-bagai bentuk itu melainkan di belakangnya didalang oleh Yahudi atau disokong oleh Yahudi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 47 – 48)

Selepas itu Al-Qur'an menujukan pembicaraannya kepada Ahlil-Kitab – kaum Yahudi – iaitu ia menyeru mereka kepada kitab Al-Qur'an yang mengesahkan kitab-kitab suci yang ada pada mereka dan mengancam mereka bahawa Allah akan mengubahkan rupa mereka dan menurunkan laknat ke atas mereka dengan sebab kedegilan dan perbuatan-perbuatan mereka yang jahat. Kemudian ia mengecap mereka sebagai orang yang mensyirikkan Allah dan menyeleweng dari tauhid yang bersih yang menjadi asas agama mereka, sedangkan Allah tidak akan mengampun perbuatan syirik terhadapnya. Kemudian dalam waktu yang sama ia mengemukakan satu kenyataan umum yang menerangkan sempadan-sempadan keampunan yang luas dan keburukan perbuatan syirik yang terkeluar dari sempadan-sempadan itu:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ ءَامِنُواْ بِمَا نَزَّلۡنَا
مُصَدِّقٗا لِّمَا مَعَكُم مِّن قَبۡلِ أَن نَّطۡمِسَ وُجُوهٗا
فَنَرُدَّهَا عَلَىٰٓ أَدۡبَارِهَآ أَوۡ نَلۡعَنَهُمۡ كَمَا لَعَنَّآ أَصۡحَٰبَ
ٱلسَّبۡتِۚ وَكَانَ أَمۡرُ ٱللَّهِ مَفۡعُولًا ﴿٤٧﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ
لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفۡتَرَىٰٓ إِثۡمًا
عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

"Wahai orang-orang yang dikurniakan kitab suci! Hendaklah kamu beriman kepada (Al-Qur'an) yang telah diturunkan oleh Kami yang mengesahkan kitab-kitab suci yang ada pada kamu sebelum Kami hapuskan bentuk-bentuk muka, lalu Kami memutarkannya ke belakang atau sebelum Kami melaknatkan mereka sebagaimana Kami laknatkan orang-orang Yahudi yang menceroboh hari Sabtu, dan perintah Allah itu tetap berkuat kuasa (47). Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa mempersekutukan-Nya dan Dia bersedia mengampunkan dosa-dosa yang lain dari itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekutukan-Nya, maka sesungguhnya ia telah melakukan satu dosa yang amat besar."(48)

Mereka diseru dengan sifat yang sepatutnya mereka menjadi angkatan pertama yang menerima da'wah Islam dan ia menyeru mereka dengan alasan yang sepatutnya mereka menjadi barisan pertama kaum Muslimin.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ ءَامِنُواْ بِمَا نَزَّلۡنَا
مُصَدِّقٗا لِّمَا مَعَكُم

"Wahai orang-orang yang dikurniakan kitab suci! Hendaklah kamu beriman kepada (Al-Qur'an) yang telah diturunkan oleh Kami yang mengesahkan kitab-kitab suci yang ada pada kamu."

Yakni mereka telah dikurniakan kitab suci, oleh itu hidayat Islam ini tidaklah menjadi suatu perkara yang asing kepada mereka, kerana Allah telah mengurniakan kitab suci itu kepada mereka. Dialah juga yang menyeru mereka supaya beriman kepada kitab Al-Qur'an yang mengesahkan kitab suci yang ada pada mereka itu. Ini juga suatu perkara yang tidak asing kepada mereka.

Andainya keimanan itu didasarkan kepada hujjah yang nyata dan alasan-alasan yang terang tentulah kaum Yahudi menjadi angkatan manusia pertama yang beriman, tetapi mereka mempunyai kepentingan-kepentingan dan cita-cita besar yang lain. Di samping itu mereka menaruh hasad dengki dan bersikap degil. Tabi'at mereka suka menyeleweng

dan keras kepala dan Taurat sendiri menyifatkan mereka sebagai "bangsa yang keras leher" kerana itu mereka tidak beriman dan kerana itu mereka diberi amaran yang keras:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ ءَامِنُوا۟ بِمَا نَزَّلْنَا
مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُم مِّن قَبْلِ أَن نَّطْمِسَ وُجُوهًا

"Wahai orang-orang yang dikurniakan kitab suci! Hendaklah kamu beriman kepada (Al-Qur'an) yang telah diturunkan oleh Kami yang mengesahkan kitab-kitab suci yang ada pada kamu sebelum Kami hapuskan bentuk-bentuk muka."

Kedegilan Umat Yahudi

Yang dimaksudkan dengan penghapusan bentuk-bentuk muka ialah penghapusan rupa bentuk muka manusia dan yang dimaksudkan dengan pemutarannya ke belakang ialah mereka ditolak berjalan ke belakang, yakni mungkin yang dimaksudkan dengan penghapusan itu ialah ancaman dengan pengertian yang fizikal, iaitu penghapusan rupa bentuk yang menghilangkan sifat-sifat manusia kemudian menolak mereka berjalan ke belakang seperti yang telah berlaku di dalam peristiwa laknat yang telah menimpa orang-orang Yahudi yang menceroboh hari Sabtu – (mereka telah mengguna tipu helah menangkap ikan pada hari sabtu, sedangkan perbuatan itu diharamkan di dalam syari'at mereka) – di mana mereka telah diubahkan kejadian mereka menjadi binatang-binatang monyet dan babi dan mungkin pula yang dimaksudkan dengan penghapusan itu ialah penghapusan pedoman-pedoman hidayat dan pandangan-pandangan yang betul di dalam jiwa mereka dan mereka dikembalikan semula kepada kekufuran dan jahiliyah semasa mereka belum dikurniakan kitab suci. Perbuatan kembali semula kepada kekufuran selepas beriman dan kembali semula kepada kesesatan selepas mendapat hidayat merupakan suatu perbuatan yang sama dengan penghapusan muka dan pandangan yang betul dan dengan pengunduran ke belakang.

Sama ada yang dimaksudkan di sini pengertian yang pertama atau yang kedua, namun kedua-duanya tetap merupakan satu ancaman yang amat keras dan menakutkan, iaitu satu ancaman yang sesuai dengan tabi'at kaum Yahudi yang keras dan kasar di samping sesuai dengan perbuatan mereka yang keji dan buruk.

Di antara orang-orang Yahudi yang patuh dengan ancaman ini ialah Ka'b al-Ahbar dan kerana itu dia telah memeluk Islam.

Mengikut satu riwayat yang telah dikeluarkan oleh Ibn Abi Hatim katanya: Kami telah diceritakan oleh Ibn Nufayl, kami telah diceritakan oleh 'Amr ibn Waqid dari Yunus ibn Jalis dari Abu Idris 'Aizillah al-Khaulani katanya: Abu Muslim al-Khalili yang menjadi guru Ka'b telah mencela Ka'b kerana ia melambat-lambatkan dari menyahut da'wah Rasulullah s.a.w. kata (Abu Idris) lalu Abu Muslim memanggil Ka'b menemuinya untuk melihat adakah dia masih begitu juga? Kata Ka'b aku pun menunggu hingga sampai ke Madinah tiba-tiba aku mendengar seorang membaca Al-Qur'an yang menyebut ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ ءَامِنُوا۟ بِمَا نَزَّلْنَا
مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُم مِّن قَبْلِ أَن نَّطْمِسَ وُجُوهًا
فَنَرُدَّهَا عَلَىٰٓ أَدْبَارِهَآ أَوْ نَلْعَنَهُمْ كَمَا لَعَنَّآ أَصْحَٰبَ
ٱلسَّبْتِ ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٤٧﴾

aku pun segera mendapatkan air dan terus mandi sambil meraba-raba mukaku kerana takut dihapuskan Allah kemudian aku memeluk Islam.[17]

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan satu kenyataan yang mengulas ancaman itu:

وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٤٧﴾

"Dan perintah Allah itu tetap berkuat kuasa."(47)

Ulasan ini menguatkan lagi ancaman itu dan ini juga sesuai dengan tabi'at kaum Yahudi.

Kemudian Al-Qur'an mengemukakan satu ulasan yang mengandungi satu lagi ancaman di Akhirat, iaitu ancaman tidak mendapat keampunan di atas jenayah syirik itu di samping membuka seluruh pintu rahmat keampunan ke atas dosa-dosa yang lain dari syirik:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ
لِمَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفْتَرَىٰٓ إِثْمًا
عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampun dosa mempersekutukan-Nya dan Dia bersedia mengampunkan dosa-dosa yang lain dari itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekutukan-Nya, maka sesungguhnya ia telah melakukan satu dosa yang amat besar."(48)

Syirik Merupakan Dosa Yang Tidak Terampun

Penerangan ayat yang sedemikian rupa mengandungi tuduhan terhadap kaum Yahudi bahawa mereka telah melakukan dosa syirik dan mereka diseru supaya beriman dengan keimanan yang bersih dan tauhid yang tulen. Di sini Al-Qur'an tidak menyebut perkataan dan perbuatan mereka yang menyebabkan mereka dianggap melakukan perbuatan syirik, tetapi perkataan dan perbuatan itu telah dijelaskan di dalam ayat-ayat yang lain, di mana

---

[17] *Yang masyhurnya Ka'b al-Ahbar ini memeluk Islam di zaman Umar ibn al-Khattab. Di sana ada satu riwayat yang lain yang dikeluarkan oleh Ibn Jarir yang menceritakan bahawa keislaman Ka'b adalah berlaku di zaman Umar. Mungkin riwayat ini lebih kuat dan riwayat ini juga mengasaskan keislaman Ka'b kerana ia mendengar ayat tersebut.*

Al-Qur'an menceritakan bahawa mereka telah berkata bahawa *"Uzayr itu putera Allah"* sama seperti perkataan kaum Nasara yang berkata: *" Al-Masih itu putera Allah"* ini tidak syak lagi sesuatu perkataan syirik. Begitu juga Al-Qur'an menceritakan tentang perbuatan mereka dan kaum Nasara yang syirik:

اتَّخَذُوٓا۟ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَٰنَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ

"Mereka mengambil ulama' mereka dan paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah."

(Surah at-Taubah : 31)

Walaupun mereka tidak menyembah ulama'-ulama' dan paderi-paderi itu, tetapi mereka telah mengi'tiraf tokoh-tokoh ini sebagai orang-orang yang mempunyai hak dan kuasa mengadakan undang-undang dan peraturan, iaitu hak dan kuasa menghalal dan mengharamkan sesuatu, sedangkan hak dan kuasa ini adalah tertentu bagi Allah sahaja, kerana ia merupakan salah satu dari ciri-ciri Uluhiyah. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menganggap mereka sebagai orang-orang Musyrikin. Anggapan ini mempunyai nilai yang khusus di dalam kefahaman Islam yang sebenar mengenai ta'rif Islam dan syarat keimanan sebagaimana akan diterangkan dengan terperinci di dalam penerangan surah ini kelak.

Walau bagaimanapun 'aqidah kaum Yahudi di zaman kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. penuh dengan kepercayaan-kepercayaan keberhalaan yang menyeleweng dari tauhid. Ancaman Allah di sini adalah ditujukan kepada mereka, iaitu Allah bersedia mengampunkan segala dosa yang lain kepada siapa yang dikehendaki-Nya, tetapi Dia tidak bersedia untuk memaafkan dosa syirik yang amat besar itu. Tidak ada keampunan di sisi Allah bagi sesiapa yang menemuinya di Akhirat dengan keadaan syirik kepadanya, iaitu tiada keampunan bagi mereka yang tidak bertaubat dari syiriknya di dunia ini.

Perbuatan syirik itu memutuskan hubungan di antara Allah dan para hamba-Nya. Mereka yang melakukan syirik terhadap Allah tidak mempunyai harapan untuk mendapat keampunan apabila mereka keluar dari dunia ini kelak dengan keadaan syirik dan putus hubungan dengan Allah Tuhan semesta alam. Tiada seorang yang syirik kepada Allah dan terus kekal dengan syirik sehingga mereka keluar dari dunia ini walaupun di hadapannya terpampang dalil-dalil tauhid yang terbentang di lambaran alam buana dan di dalam ajaran-ajaran para rasul – maka sebenarnya dia tidak akan berbuat begitu jika di dalam jiwanya masih ada unsur-unsur kebaikan, dia hanya sanggup berbuat begitu apabila jiwanya telah rosak begitu teruk hingga tidak dapat dibaiki lagi dan fitrahnya yang bersih itu telah musnah dan jatuh terhumban ke darjah yang sebawah-bawahnya dan sesuai untuk menjalani kehidupan dalam Neraka Jahim.

Selain dari dosa syirik yang jelas dan terang ini, selain dari dosa perbuatan zalim yang besar dan buruk ini – iaitu dosa-dosa yang lain termasuk dosa-dosa yang besar maka Allah bersedia mengampunkannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, kerana semua dosa-dosa itu adalah termasuk di dalam batas-batas keampunan Allah – sama ada dengan bertaubat atau tanpa bertaubat sebagaimana diterangkan oleh setengah-setengah riwayat yang ma'thurah – selama seseorang itu mempunyai kesedaran terhadap Allah dan mengharapkan keampunannya, iaitu selama ia yakin bahawa Allah berkuasa memberi keampunan kepadanya dan bahawa keampunan Allah kepadanya itu bukanlah kerana Dia lemah dari membalas dosa-dosanya. Inilah ruang jarak yang paling jauh dalam menggambarkan keluasan rahmat Allah yang tidak pernah kehabisan dan tidak mempunyai batasan, juga menggambarkan keluasan keampunan Allah yang tidak pernah ditutup pintunya dan tidak mempunyai penjaga-penjaga di pintunya.

Ada sebuah hadith yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dan kedua-duanya, dari saluran Qutaybah dari Jarir bin Abdul Hamid, dari Abdul Aziz ibn Rafi', dari Zaid ibn Wahb dari Abu Zarr katanya: "Aku keluar pada suatu malam tiba-tiba nampak Rasulullah s.a.w. berjalan seorang diri tiada seorang pun yang menemaninya". Katanya (Abu Zarr): "Aku fikir beliau tidak suka berjalan dengan ditemani oleh seseorang yang lain". Kata (Abu Zarr): "Kemudian aku berjalan di bawah bayang bulan lalu beliau berpaling dan melihat aku kemudian beliau bertanya: 'Siapa ini'? Jawabku: 'Abu Zarr' – semoga Allah jadikan diriku tebusan bagi anda. Ujar beliau: "Wahai Abu Zarr!" Datanglah ke sini!" Kata (Abu Zarr): Aku pun berjalan bersama beliau seketika kemudian beliau bersabda:

إن المكثرين هم المقلون يوم القيا مة، إلا من أعطاه الله خيرا، فجعل يبثه عن يمينه وشماله وبين يديه ووراءه وعمل فيه خيرا

"Sesungguhnya orang yang banyak harta itulah orang-orang yang miskin pada hari Qiamat kecuali orang yang dikurniakan Allah harta lalu dia menaburkan dermanya di kanan kirinya, di hadapan dan di belakangya dan membuat kebajikan dengannya."

Kata (Abu Zarr): Kemudian aku berjalan bersama beliau seketika lalu beliau bersabda: 'Duduklah di sini sehingga saya balik! Kata (Abu Zarr), beliau menuju ke satu kawasan yang berbatu sehingga beliau hilang dari pandanganku. Beliau berhenti jauh dariku sehingga sekian lama kemudian aku dengar beliau datang sambil bersabda:

وإن زني وإن سرق

"Walaupun dia berzina dan mencuri."

Kata (Abu Zarr), "Apabila beliau tiba aku tidak sabar lagi dan terus bertanya: Wahai nabi Allah - semoga Allah jadikan diriku tebusan bagi anda - tadi anda bercakap dengan siapa di tepi kawasan yang berbatu itu, kerana saya dengar ada orang bercakap dengan

anda?" jawab beliau: "Itulah Jibril datang menemuiku di tepi kawasan yang berbatu itu dan berkata kepadaku:

بشر أمتك أنه من مات لا يشرك بالله شيئًا دخل الجنة

"Sampaikanlah berita gembira kepada umatmu iaitu sesiapa yang mati tanpa mensyirikkan Allah dengan sesuatu yang lain, nescaya ia akan masuk Syurga."

Kemudian aku bertanya:

أيا جبريل. وإن سرق وإن زني؟

"Wahai Jibril! walaupun dia mencuri dan berzina".

Jawab Jibril: Ya!, kemudian aku bertanya sekali lagi: "Walaupun dia mencuri dan berzina: Jawab Jibril "Ya, walaupun dia minum arak sekalipun."

Satu riwayat lagi dikeluarkan oleh Ibn Abi Hatim dengan isnadnya dari Jabir ibn Abdullah katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

ما من نفس تموت، لا تشرك بالله شيئًا، إلا حلت لها المغفرة، إن شاء عذبها، وإن شاء غفرلها. إن الله يغفر أن يشرك به، ويغفر ما دون ذلك لمن يشاء.

"Tiada seseorang yang mati tanpa mensyirikkan Allah dengan sesuatu yang lain melainkan wajarlah baginya menerima keampunan. Jika Allah kehendaki Dia 'azabkannya dan jika Dia kehendaki Dia memberi keampunan kepadanya. Sesungguhnya Allah tidak akan mengampun perbuatan mensyirikkannya dan Dia bersedia mengampunkan dosa-dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya."

Satu riwayat lagi yang dikeluarkan oleh Ibn Abi Hatim dengan isnadnya dari ibn Umar katanya: Kami sahabat-sahabat Nabi s.a.w. tidak ragu-ragu [18] tentang orang yang membunuh orang, orang yang makan harta anak yatim, orang yang menuduh perempuan yang muhsin dan orang yang menjadi saksi bohong sehingga turun ayat:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa mempersekutukan-Nya dan Dia bersedia mengampunkan dosa-dosa yang lain dari itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya."(48)

Maka sejak itu sahabat-sahabat Nabi s.a.w. enggan dari memberi kesaksian. [19] Mengikut riwayat at-Tabrani dengan isnadnya dari 'Ikrimah dari Ibn Abbas dari Nabi s.a.w. sabdanya:

قال الله عزوجل: من علم أني ذو قدرة على مغفرة الذنوب غفرت له ولا أبالي. مالم يشرك بي شيئًا

"Firman Allah 'Azzawajalla sesiapa yang yakin bahawa Aku berkuasa mengampunkan dosa-dosa nescaya Aku ampunkan dosanya dan Aku tidak peduli (bagaimana besar dosanya) selama dia tidak mensyirikkan-Ku dengan sesuatu yang lain."

Di dalam hadith yang akhir ini terdapat satu keterangan sepintas lalu yang jelas. Oleh itu yang penting di sini ialah kesedaran hati terhadap hakikat Allah S.W.T. dan di sebalik kesedaran inilah timbulnya kebaikan, harapan, perasaan takut dan perasaan malu dan apabila berlaku sesuatu dosa, maka timbullah di sebaliknya ciri ini yang melayakkan seseorang mencapai darjah taqwa dan mendapat keampunan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 50)

Benarkah Umat Yahudi Umat Pilihan Allah?

Ketika menceburi dalam perjuangan menentang kaum Yahudi di Madinah bersama kelompok Muslimin, Al-Qur'an terus menyatakan kehairanannya terhadap kaum Yahudi yang mendakwa bahawa merekalah "bangsa pilihan Allah". Mereka memuji diri sendiri, sedangkan mereka mengubahkan kalam Allah dari maksudnya yang sebenar. Mereka berlagak angkuh terhadap Allah dan Rasul-Nya - sebagaimana telah diterangkan - dan mereka beriman kepada sembahan-sembahan yang palsu dan Thaghut - sebagaimana akan diterangkan kelak - mereka telah berdusta terhadap Allah apabila mereka memuji diri sendiri dan mendakwa mempunyai kedudukan yang dekat dengan Allah walaupun mereka telah melakukan berbagai-bagai kejahatan:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يُزَكُّونَ أَنفُسَهُم ۚ بَلِ ٱللَّهُ يُزَكِّى مَن يَشَآءُ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٤٩﴾ ٱنظُرْ كَيْفَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ ۖ وَكَفَىٰ بِهِۦٓ إِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٠﴾

"Apakah tidak engkau melihat orang-orang yang memuji-muji diri sendiri, tetapi Allah memuji sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mereka tidak dianiayai walau sedikit pun (49). Lihatlah (Muhammad) bagaimana mereka melakukan pembohongan terhadap Allah dan cukuplah perbuatan itu menjadi dosa yang amat nyata."(50)

Dimanakah Kedudukan Umat Muslimin Sekarang Dengan Kedudukan Umat Yahudi?

Dakwaan kaum Yahudi bahawa mereka bangsa pilihan Allah adalah dakwaan mereka dari zaman berzaman lagi. Memang benar bahawa Allah telah memilih mereka untuk memikul amanah agama Allah dan menyampaikan risalah Allah. Memang benar bahawa Allah telah melebihkan mereka di atas umat-umat yang lain pada masa itu. Dan memang benar bahawa Allah telah membinasakan Fir'aun dan kuncu-kuncunya kerana mereka, dan memberi tanah suci untuk dikuasai mereka, tetapi mereka telah

[18] *Yakni tidak ragu-ragu tentang orang-orang yang wajar masuk Neraka mengikut keterangan Al-Qur'an. Lihat Ibn Kathir.*

[19] *Bahawa orang-orang ini tetap masuk Neraka, malah mereka serahkan semua perkara itu kepada Allah. Lihat Ibn Kathir.*

menyeleweng selepas itu dari agama Allah. Mereka telah bertindak angkuh dan liar di bumi. Mereka telah melakukan berbagai-bagai kejahatan yang menggemparkan bumi. Di samping itu ulama'-ulama' mereka sanggup menghalalkan kepada mereka apa yang telah diharamkan oleh Allah dan mengharamkan apa yang telah dihalalkan-Nya, sedangkan mereka mematuhi ulama'-ulama' itu tanpa membantah perbuatan mereka yang telah menggunakan hak dan kuasa Uluhiyah dengan mengeluarkan hukum-hukum halal dan haram (dari kehendak nafsu mereka sendiri). Ulama'-ulama' itu telah menukarkan undang-undang Allah untuk melayani kehendak pihak-pihak yang berkuasa dan para pembesar, juga untuk memenuhi kegemaran dan keinginan orang ramai. Dengan kepatuhan mereka yang seperti itu terhadap ulama'-ulama' mereka bererti mereka telah mengambil ulama'-ulama' itu selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Selain dari itu mereka makan riba dan hubungan mereka dengan Allah dan dengan kitab sucinya yang telah diturunkan kepada mereka telah menjadi begitu lemah. Walaupun demikian, mereka masih tetap mendakwa bahawa mereka adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasih Allah dan mereka tidak akan dimakan api Neraka kecuali selama beberapa hari sahaja. Mereka seterusnya mendakwa tiada siapa yang mendapat hidayat dan tiada sesiapa yang akan diterima di sisi Allah kecuali orang-orang Yahudi sahaja seolah-olah persoalan yang diperhitungkan di sini ialah persoalan kerabat, keturunan dan pilih kasih yang wujud di antara mereka dengan Allah. Maha Sucilah Allah dari semua dakwaan itu. Tentulah di sana tidak ada sebarang hubungan kerabat dan keturunan di antara Allah dengan mana-mana makhluk-Nya, malah satu-satunya tali yang menghubungkan manusia dengan Allah ialah 'aqidah yang betul, amalan yang soleh, sikap yang jujur dan teguh di atas agama Allah dan sesiapa yang merosakkan hubungan ini akan mendapat kemurkaan Allah dan kemurkaan itu lebih besar lagi apabila orang-orang yang sesat yang telah diberi hidayat itu kembali menyeleweng semula darinya. Keadaan kaum Yahudi samalah dengan golongan orang-orang yang mendakwa beragama Islam pada hari ini. Mereka mengira bahawa mereka adalah dari umat Muhammad s.a.w. dan bahawa Allah tetap akan menolong mereka dan akan mengeluarkan kaum Yahudi dari bumi mereka, sedangkan mereka secara total telah berpisah dari agama Allah yang menjadi sistem hidup mereka. Mereka telah membuang agama Allah dari kehidupan mereka. Mereka tidak lagi berhakimkan kepada kitab Allah sama ada di dalam bidang kehakiman atau bidang ekonomi atau bidang kemasyarakatan atau bidang adab cara atau bidang adat-adat tradisi. Aspek keislaman yang ada pada mereka ialah mereka memakai nama-nama Islam dan mereka dilahirkan di bumi yang didiami pada suatu masa yang silam oleh kaum Muslimin yang menegakkan agama Allah dan menjalankan peraturannya di dalam kehidupan mereka.

Allah memperlihatkan kehairanan kepada Rasul-Nya s.a.w. terhadap kaum Yahudi yang memuji diri sendiri itu, tetapi keadaan kaum Muslimin di zaman ini lebih menghairankan lagi.

Sebenarnya bukanlah manusia yang patut memuji diri sendiri atau mengaku dirinya baik dan hampir kepada Allah atau mengaku menjadi orang pilihan Allah, malah Allahlah yang wajar memuji sesiapa yang dikehendaki-Nya, kerana Allah amat mengetahui hati dan amalan mereka. Dan manusia tidak akan dizalimi sedikit pun andainya mereka menyerahkan urusan penilaian ini kepada Allah. Kewajipan mereka ialah berusaha membuat amalan bukannya membuat dakwaan-dakwaan. Dan jika mereka berusaha membuat amalan dengan diam-diam, dan rendah diri kerana malu kepada Allah, iaitu berusaha tanpa memuji diri dan tanpa membuat dakwaan-dakwaan, maka pahala amalan-amalan mereka tidak akan dikurangkan sedikitpun, iaitu tidak ada satu pun amalan mereka yang dilupakan dan tidak ada satu pun hak mereka yang disusutkan.

Apabila kaum Yahudi memuji diri sendiri dan mendakwa bahawa Allah redha terhadap mereka, maka Allah membuat kenyataan bahawa mereka telah membuat pembohongan terhadap-Nya dan mencela perbuatan itu dan menarik perhatian mereka terhadap keburukannya:

انظُرْ كَيْفَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ ۖ وَكَفَىٰ بِهِۦٓ إِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٠﴾

"Lihatlah (Muhammad) bagaimana mereka melakukan pembohongan terhadap Allah dan cukuplah perbuatan itu menjadi dosa yang amat nyata."(50)

Saya tidak nampak bahawa kita boleh mendakwa selaku pemeluk Islam yang sebenar dengan alasan kerana kita memakai nama-nama Islam dan hidup di bumi yang didiami oleh orang-orang Islam, sedangkan kita tidak meletak Islam di dalam mana-mana sistem hidup kita. Apa yang saya kira tentang kedudukan diri kita apabila kita mendakwa diri kita sebagai orang-orang Islam kemudian kita burukkan imej Islam dengan gambaran kelakuan diri kita dan realiti kita dan kita memberi kesaksian yang menentangnya dan meliarkan orang darinya. Kemudian kita mendakwa pula bahawa Allah memilih kita kerana kita umat Muhammad s.a.w. sedangkan agama Muhammad dan sistemnya telah disingkirkan begitu jauh dari realiti hidup kita....... apa yang saya kira tentang kedudukan kita tidak lain melainkan sama seperti kedudukan kaum Yahudi ini, yang mana Allah S.W.T. telah menyatakan kehairanannya kepada Rasulullah s.a.w. terhadap perbuatan-perbuatan mereka dan mengecapkan mereka yang telah melakukan perbuatan-perbuatan itu sebagai orang-orang yang

telah membuat pembohongan terhadap-Nya dan melakukan dosa yang amat jelas - semoga dilindungi Allah.

Sesungguhnya agama Allah adalah satu sistem hidup dan erti keta'atan kepada Allah ialah melaksanakan sistem itu di dalam kehidupan dan martabat kehampiran kepada Allah hanya boleh dicapai melalui keta'atan kepada Allah. Oleh itu marilah kita melihat di manakah kedudukan kita dari Allah, dari agama-Nya dan dari sistem hidupnya? Kemudian marilah kita melihat pula di manakah kedudukan kita dari kedudukan kaum Yahudi yang mana kelakuan-kelakuan mereka telah dihairankan Allah dan seterusnya telah dicapkan Allah dengan dosa membuat pembohongan terhadap-Nya apabila mereka memuji diri sendiri. Dasar tetap dasar, keadaan yang sama tetap keadaan yang sama, tiada seorang pun yang mempunyai hubungan keturunan atau hubungan perkahwinan atau hubungan pilih kasih dengan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 55)

Ayat yang berikut terus memperlihatkan kehairanan terhadap kaum Yahudi yang suka memuji diri, sedangkan mereka beriman kepada kepercayaan yang batil dan kepada hukum yang tidak bersandarkan syari'at, iaitu hukum-hukum yang tidak ada kawalan dari Allah yang dapat melindunginya dari kezaliman, iaitu kezaliman dari sembahan-sembahan yang lain dari Allah dan kezaliman dari Thaghut. Mereka juga membuat kenyataan bahawa kaum Musyrikin lebih mendapat hidayat dari orang-orang yang beriman kepada kitab Allah, kepada sistem-Nya dan kepada syari'at-Nya setelah Al-Qur'an menyatakan kehairanan terhadap mereka dan menyebut perbuatan-perbuatan mereka yang keji, ia menyerang mereka dengan kecaman yang hebat dan mencela mereka dengan celaan yang keras. Ia menunjukkan perasaan hasad dengki dan sifat bakhil yang terpendam di dalam tabi'at semulajadi mereka. Ia mendedahkan sebab-sebab yang sebenar yang mendorong mereka bersikap seperti itu dan menyeleweng dari agama Ibrahim yang menjadi kebanggaan mereka. Kemudian serangan ini diakhiri dengan ancaman penyeksaan dengan 'azab Neraka Jahannam:

وَكَفَىٰ بِجَهَنَّمَ سَعِيرًا ﴿٥٥﴾

"Dan cukuplah Neraka Jahannam itu membakar (mereka)."(55)

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ
يُؤْمِنُونَ بِالْجِبْتِ وَالطَّاغُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ
كَفَرُوا هَٰؤُلَاءِ أَهْدَىٰ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا سَبِيلًا ﴿٥١﴾
أُولَٰئِكَ الَّذِينَ لَعَنَهُمُ اللَّهُ ۖ وَمَن يَلْعَنِ اللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُ
نَصِيرًا ﴿٥٢﴾
أَمْ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّنَ الْمُلْكِ فَإِذًا لَّا يُؤْتُونَ النَّاسَ
نَقِيرًا ﴿٥٣﴾
أَمْ يَحْسُدُونَ النَّاسَ عَلَىٰ مَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِن فَضْلِهِ ۖ
فَقَدْ آتَيْنَا آلَ إِبْرَاهِيمَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ
وَآتَيْنَاهُم مُّلْكًا عَظِيمًا ﴿٥٤﴾
فَمِنْهُم مَّنْ آمَنَ بِهِ وَمِنْهُم مَّن صَدَّ عَنْهُ ۚ وَكَفَىٰ بِجَهَنَّمَ
سَعِيرًا ﴿٥٥﴾

"Apakah tidak engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan sebahagian dari kitab suci? Mereka mempercayai sembahan-sembahan yang palsu dan Thaghut dan mereka berkata kepada orang-orang yang kafir: Mereka lebih betul dari jalan orang-orang yang beriman,(51) Merekalah orang-orang yang telah dilaknatkan Allah, dan sesiapa yang telah dilaknatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sesiapa pun yang sanggup menjadi penolongya (52). Atau adakah mereka mempunyai apa-apa bahagian dari kerajaan Allah? Jika ada, tentulah mereka tidak akan memberi kepada manusia sedikit pun (53). Atau apakah mereka dengkikan orang-orang lain kerana Allah telah menganugerahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka. Sesungguhnya Kami telah menganugerahkan kepada keluarga Ibrahim kitab suci dan hikmat dan Kami anugerahkan kepada mereka kerajaan yang amat besar (54). Maka di antara mereka ada yang beriman kepada orang yang dianugerahkan pengurniaan itu dan ada pula di dalam golongan mereka orang yang menghalang darinya dan cukuplah Neraka Jahannam itu membakar (mereka)."(55)

Sebenarnya orang-orang yang telah dikurniakan kitab suci itu merupakan orang-orang yang paling wajar mengikut kitab Allah dan menolak kepercayaan syirik yang dianuti mereka dari orang-orang yang tidak dikurniakan kitab suci dari Allah. Merekalah orang-orang yang sepatutnya mengamalkan kitab Allah di dalam kehidupan mereka bukannya mengikut Thaghut, iaitu setiap undang-undang yang tidak diizinkan Allah atau setiap hukum yang tidak bersandarkan syari'at Allah, tetapi kaum Yahudi yang memuji diri dan mendabik dada sebagai kekasih-kekasih Allah dalam waktu yang sama merekalah juga orang-orangnya yang mengikut kepercayaan yang batil dan mengamalkan 'aqidah syirik apabila mereka mengikut ilmu kahanah [20] dan para kahin dan apabila mereka membiarkan ulama'-ulama' mereka mengadakan undang-undang yang tidak diizinkan Allah. Mereka beriman kepada Thaghut, iaitu undang-undang yang tidak ditegakkan di atas syari'at Allah.

---

[20] *Ilmu mencari rahsia-rahsia ghaib dengan perantaraan syaitan.*

Undang-undang ini dikatakan kepada Thaghut kerana ia mengandungi kezaliman, dengan sebab manusia yang menggubalnya telah menggunakan salah satu dari ciri-ciri Uluhiyah iaitu hak dan kuasa hakimiyah (kuasa memerintah dan menggubalkan undang-undang) dan dengan sebab undang-undang itu tidak dikawal dengan batas-batas dari syari'at Allah Yang Maha Adil dan benar, inilah sebabnya undang-undang ini digelarkan Thaghut dan dikatakan mengandungi kezaliman. Orang-orang yang beriman dan mengikut Thaghut adalah orang-orang yang Musyrik atau orang-orang yang kafir yang dihairankan Allah kerana mereka sebelum ini telah dikurniakan kitab suci, tetapi mereka tidak mematuhinya.

Di samping beriman kepada sembahan-sembahan yang palsu dan kepada Thaghut, mereka mengambil sikap memihak kepada barisan kaum Musyrikin yang kafir untuk menentang orang-orang yang beriman yang telah dikurniakan kitab suci Al-Qur'an:

Perseteruan Abadi Kaum Yahudi Terhadap Kaum Muslimin

وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ هَٰٓؤُلَآءِ أَهْدَىٰ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ سَبِيلًا ﴿٥١﴾

"Dan mereka berkata kepada orang-orang yang kafir: Mereka lebih betul dari jalan orang-orang yang beriman."(51)

Ujar Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn Abi Muhammad dari 'Ikrimah - atau dari Sa'id ibn Jubyr - dari Ibn Abbas katanya: Orang-orang yang mengumpulkan berbagai-bagai puak dari qabilah-qabilah Quraisy, Ghatfan dan Bani Quraizah (untuk melancarkan Peperangan Ahzab ke atas kaum Muslimin di Madinah) ialah Huyay bin Akhtab, Salam ibn al-Haqiq, Abu Rafi', ar-Rabi' ibn al-Haqiq, Wahwah ibn 'Aamir, Abu 'Aamir dan Hawdah ibn Qays. Adapun Wahwah, Abu 'Aamir dan Hawdah adalah dari Bani Wa'il dan sekalian mereka dari kaum Yahudi Bani an-Nadhir. Apabila mereka datang menemui orang-orang Quraisy mereka berkata: Mereka adalah ulama'-ulama' Yahudi dan ahli ilmu yang pandai dalam kitab suci Allah yang pertama. Oleh itu tanyalah mereka apakah agama kamu lebih baik atau agama Muhammad lebih baik? Lalu orang-orang Quraisy bertanya mereka dan mereka terus menjawab: Agama kamu adalah lebih baik dari agama-Nya dan kamu lebih betul dari jalan Muhammad dan pengikut-pengikutnya. Kemudian Allah menurunkan ayat:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ يُؤْمِنُونَ بِٱلْجِبْتِ وَٱلطَّٰغُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ هَٰٓؤُلَآءِ أَهْدَىٰ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ سَبِيلًا ﴿٥١﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَمَن يَلْعَنِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ نَصِيرًا ﴿٥٢﴾

أَمْ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّنَ ٱلْمُلْكِ فَإِذًا لَّا يُؤْتُونَ ٱلنَّاسَ نَقِيرًا ﴿٥٣﴾

أَمْ يَحْسُدُونَ ٱلنَّاسَ عَلَىٰ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۖ فَقَدْ ءَاتَيْنَآ ءَالَ إِبْرَٰهِيمَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَءَاتَيْنَٰهُم مُّلْكًا عَظِيمًا ﴿٥٤﴾

"Apakah tidak engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan sebahagian dari kitab suci? Mereka mempercayai sembahan-sembahan yang palsu dan Thaghut dan mereka berkata kepada orang-orang yang kafir: "Mereka lebih betul dari jalan orang-orang yang beriman (51). Merekalah orang-orang yang telah dilaknatkan Allah, dan sesiapa yang telah dilaknatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sesiapa pun yang sanggup menjadi penolongnya (52). Atau adakah mereka mempunyai apa-apa bahagian dari kerajaan Allah? Jika ada, tentulah mereka tidak akan memberi kepada manusia sedikit pun (53). Atau apakah mereka dengkikan orang-orang lain kerana Allah telah menganugerahkan limpah kurnianya kepada mereka. Sesungguhnya Kami telah menganugerahkan kepada keluarga Ibrahim kitab suci dan hikmat dan Kami anugerahkan kepada mereka kerajaan yang amat besar."(54)

Ayat-ayat tersebut melaknat mereka dan mengumumkan bahawa mereka tidak akan mendapat penolong baik di dunia mahupun di Akhirat, kerana mereka pergi meminta pertolongan dari orang-orang Musyrikin. Mereka telah mengeluarkan perkataan itu dengan tujuan untuk menarik hati mereka supaya menolong mereka dan orang-orang Musyrikin itu telah menyambut permintaan mereka dan turut serta bersama mereka di dalam Peperangan Ahzab sehingga Nabi s.a.w. dan para sahabatnya telah menggali parit di sekeliling Madinah (untuk menahan kemaraan mereka) dan akhirnya Allah telah menyelamatkan kaum Muslimin dari kejahatan mereka.

وَرَدَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِغَيْظِهِمْ لَمْ يَنَالُوا۟ خَيْرًا ۚ وَكَفَى ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلْقِتَالَ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ قَوِيًّا عَزِيزًا ﴿٢٥﴾

"Dan Allah telah menghalau (tentera gabungan)orang-orang kafir dengan segala kemarahan mereka tanpa mendapat apa kebaikan dan Allah telah menghindarkan orang-orang Mu'min dari peperangan dan Allah adalah Maha Kuat dan Maha Perkasa."

(Surah al-Ahzab: 25)

Tentulah menghairankan sekali apabila kaum Yahudi tergamak mengatakan bahawa agama kaum Musyrikin lebih baik dari agama Muhammad dan para pengikutnya dan mereka lebih betul dari jalan orang-orang yang beriman kepada kitab Allah dan Rasul-Nya s.a.w., tetapi sebenarnya ia tidak menghairankan apabila ia terbit dari kaum Yahudi, kerana begitulah pendirian mereka selama-lamanya terhadap kebenaran dan kebatilan dan terhadap pendukung-pendukung kebenaran dan kebatilan. Mereka mempunyai ketamakan-ketamakan yang tidak berkesudahan dan hawa nafsu yang tidak pernah sederhana. Mereka menaruh hasad dengki yang tak kunjung padam. Mereka tidak mendapat sokongan dari pendukung-pendukung kebenaran dalam apa sahaja ketamakan mereka, keinginan hawa nafsu mereka dan hasad dengki mereka, malah pendukung-pendukung kebatilan sahaja yang selama-lamanya memberi sokongan kepada mereka. Oleh sebab itulah mereka membuat kenyataan memuji pendukung-pendukung kebatilan dan menentang pendukung-pendukung kebenaran.

Inilah keadaan mereka yang berterusan dan sebab-sebabnya juga kekal begitu. Oleh itu memanglah logik jika mereka memuji orang-orang kafir sebagai orang-orang yang lebih betul dari jalan orang-orang yang beriman.

Mereka tetap berkata begitu pada hari ini dan pada hari esok. Mereka berusaha merosakkan imej setiap harakat Islam yang berjaya di dunia ini dengan segala peralatan di'ayah dan propaganda dan segala sarana penerangan yang dimiliki mereka. Pendukung-pendukung kebatilan Taurat membantu mereka untuk memburuk-buruk dan menghancurkan harakat Islam itu, iaitu sama seperti mereka membantu kaum Quraisy dan dalam waktu yang sama mereka meminta bantuan dari mereka untuk memburuk-buruk imej harakat Islam yang pertama dan menghancurkannya.

Tetapi mereka kadang-kadang - kerana kelihaian mereka dan kerana mereka menggunakan tipudaya yang pintar yang sesuai dengan keadaan zaman moden - tidak memuji kebatilan dan para pendukungnya secara terbuka, malah mereka berpada dengan tindakan-tindakan merosakkan imej kebenaran dan pendukung-pendukungnya untuk menolong kebatilan menghancurkan kebenaran itu. Mereka berbuat begitu kerana pujian mereka yang terbuka itu akan menjadi sasaran tuduhan dan boleh menimbulkan kesangsian terhadap sekutu-sekutu mereka yang berselindung di sebalik tabir yang selama ini bekerja untuk kepentingan mereka dalam rangka usaha menghancurkan pergerakan-pergerakan Islam di setiap tempat.

Malah kadang-kadang tipudaya mereka yang pintar itu sampai ke tahap berpura-pura bermusuh dan berperang dengan sekutu-sekutu mereka yang bekerja menghancurkan kebenaran dan pendukung-pendukungnya untuk mereka. Mereka juga berpura-pura berperang mulut yang kosong untuk menjauhkan kesangsian terhadap sekutu-sekutu mereka yang setia yang berusaha menolong mereka mencapai matlamat-matlamat mereka yang jauh.

Tetapi mereka selama-lamanya tidak cukup dengan hanya memburuk-buruk imej Islam dan pemeluk-pemeluknya kerana dendam kesumat mereka terhadap Islam dan terhadap apa sahaja bayangan kebangkitan Islam adalah terlalu besar untuk disembunyikan mereka walaupun untuk tujuan menipu.

Tabi'at mereka sama sahaja, rancangan dan matlamat mereka juga sama dan kerana itulah mereka dilaknat oleh Allah, diusir dari rahmat-Nya dan ditiadakan penolongnya dan sesiapa yang tidak mendapat pertolongan dari Allah, maka tiada lagi penolong yang dapat menolongnya walaupun seluruh penduduk bumi menjadi penolongnya:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَمَن يَلْعَنِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ نَصِيرًا ﴿٥٢﴾

"Merekalah orang-orang yang telah dilaknatkan Allah, dan sesiapa yang telah dilaknatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sesiapa pun yang sanggup menjadi penolongnya."(52)

Pada hari ini seluruh kita terkejut apabila kita dapati seluruh negara Barat menyokong negara Yahudi lalu kita bertanya di manakah janji Allah bahawa Dia telah melaknatkan mereka dan sesiapa yang telah dilaknati Allah tidak akan mendapat penolong?

Tetapi penolong yang haqiqi bukannya manusia dan bukannya negara-negara, walaupun negara-negara itu memiliki bom-bom hidrogen dan roket-roket, malah penolong yang haqiqi ialah Allah Yang Maha Berkuasa di atas para hamba-Nya dan di antara hamba-Nya termasuk manusia-manusia yang memiliki bom-bom hidrogen dan roket-roket.

Allah tetap menolong orang yang menolong agama-Nya.

وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓ ۗ

"Dan Allah tetap menolong mereka yang menolong agama-Nya"

(Surah al-Haj : 40)

Yakni Allah tetap menolong mereka yang beriman kepada-Nya dengan keimanan yang sebenar dan mengikut agama-Nya dengan kepatuhan yang sebenar, iaitu berhakim kepada agama-Nya dengan penuh kerelaan dan penyerahan diri.

Allah S.W.T. tujukan firman ini kepada umat yang beriman kepada-Nya, yang mengikut agamanya dan berhakim kepada syari'atnya. Allah memperkecilkan-kecilkan kedudukan kaum Yahudi dan penolong-penolongnya yang menjadi musuh mereka dan tetap menjanjikan kemenangan kaum Muslimin ke atas kaum Yahudi kerana mereka tidak mempunyai

penolong dan Allah telah menepati janji-Nya kepada kaum Muslimin, iaitu janji yang tidak mungkin dicapai melainkan oleh orang-orang yang beriman dengan keimanan yang sebenar dan janji itu tidak mungkin menjadi kenyataan melainkan di atas tangan orang-orang Mu'min yang tulen.

Oleh itu kita tidak seharusnya terperanjat apabila kita dapati kaum Mulhidin, kaum Musyirikin dan kaum pejuang Salib membantu kaum Yahudi, kerana kaum-kaum ini memang di setiap zaman membentuk mereka untuk menghancurkan Islam dan kaum Muslimin. Tetapi sebenarnya ini juga bukannya pertolongan yang haqiqi dan janganlah sekali-kali kita tertipu dengan hakikat ini. Janji Allah itu tetap akan menjadi kenyataan kepada orang-orang Islam pada hari mereka menjadi orang-orang Islam yang sebenar.

Hendaklah orang-orang Islam cuba sekali menjadi orang-orang Islam yang sebenar kemudian boleh melihat dengan mata kepala mereka sama ada kaum Yahudi masih mempunyai penolong atau penolong ini masih berguna kepada mereka.

* * * * * *

Setelah menyatakan kehairanan terhadap pendirian dan perkataan kaum Yahudi dan mengemukakan laknat dan kehampaan ke atas mereka, ayat yang berikut mula mengecam sikap mereka terhadap Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin, iaitu mengecam sikap mereka yang marah-marah dan dendam kerana Allah telah mengurniakan agama, kemenangan dan kedudukan yang teguh kepada kaum Muslimin, juga mengecam hasad dengki mereka terhadap kaum Muslimin yang telah menerima limpah kurnia dari Allah itu. Sedangkan mereka tidak memberi sesuatu apapun kepada kaum Muslimin. Dan dalam waktu yang sama ayat yang berikut mendedahkan tabi'at kebakhilan mereka, iaitu mereka merasa terlalu banyak apa sahaja pengurniaan Allah yang diterima oleh orang lain, sedangkan Allah telah mencurahkan ni'mat-ni' mat-Nya yang melimpah ruah ke atas mereka dan datuk nenek mereka, tetapi ni'mat-ni'mat yang sebegitu murah tidak menjadi pengajaran kepada mereka dan tidak pula menghalang mereka dari sifat-sifat dengki dan tidak mengenang budi:

أَمْ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّنَ ٱلْمُلْكِ فَإِذًا لَّا يُؤْتُونَ ٱلنَّاسَ نَقِيرًا ٥٣

أَمْ يَحْسُدُونَ ٱلنَّاسَ عَلَىٰ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۖ فَقَدْ ءَاتَيْنَآ ءَالَ إِبْرَٰهِيمَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَءَاتَيْنَٰهُم مُّلْكًا عَظِيمًا ٥٤

"Atau adakah mereka mempunyai apa-apa bahagian dari kerajaan Allah? Jika ada, tentulah mereka tidak akan memberi kepada manusia sedikit pun.(53) Atau adakah mereka rangkaikan orang-orang lain kerana Allah telah menganugerahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka. Sesungguhnya Kami telah menganugerahkan kepada keluarga Ibrahim kitab suci dan hikmat dan Kami anugerahkan kepada mereka kerajaan yang amat besar."(54)

Alangkah peliknya tabi'at mereka! Mereka tidak sanggup andainya Allah mengurniakan sesuatu yang istimewa dari-Nya kepada mana-mana hamba-Nya, Apakah mereka menjadi kongsi-kongsi Allah S.W.T.? Apakah mereka mempunyai apa-apa bahagian kuasa di dalam kerajaan Allah Yang Maha Pemurah itu? Andainya mereka mempunyai apa-apa bahagian kuasa tentulah mereka tidak memberi sesuatu apa kepada manusia walau sedikit pun, kerana mereka mempunyai tabi'at yang bakhil. Kata-kata *"naqir"* di dalam ayat ini pada asalnya bererti satu likuk yang kecil di belakang biji/butir (gambaran terlalu kecil dan sedikit). Walau pemberian yang sekumit dan sekecil inipun tidak dibenarkan oleh tabi'at bakhil dan sifat penting diri kaum Yahudi untuk dihulurkan kepada manusia andainya mereka turut mempunyai sebahagian kuasa di dalam kerajaan Allah. Al-Hamdulillah mereka tidak mempunyai apa-apa bahagian kuasa. Jika tidak, tentulah seluruh manusia akan binasa kerana mereka tidak diberi apa-apa.

Atau apakah mungkin yang dimaksudkan ialah mereka dengkikan Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin yang telah menerima limpah kurnia Allah yang besar, iaitu ni'mat agama Islam yang telah memberi kewujudan dan kelahiran yang baru kepada mereka, iaitu kewujudan insaniyah yang istimewa. Ia telah memberi nur, kepercayaan, ketenteraman dan keyakinan kepada mereka di samping kebersihan, kesucian, kemuliaan dan kedudukan yang kuat di bumi?

Ya, memang begitulah hasad dengki kaum Yahudi. Di samping itu mereka telah kehilangan peluang-peluang untuk memenuhi ketamakan mereka yang bercita-cita untuk terus memegang kekuasaan moral dan ekonomi ke atas bangsa Arab yang jahil, berpecah-belah dan bersengketa satu sama lain semasa mereka tidak mempunyai apa-apa agama.

Tetapi mengapa mereka dengki orang lain kerana mendapat ni'mat nubuwwah dan kedudukan yang teguh di bumi, sedangkan mereka sendiri pernah tenggelam dalam berbagai-bagai ni'mat sejak zaman Nabi Ibrahim a.s. dan keluarganya yang telah dikurniakan kitab suci dan hikmat atau ni'mat nubuwwah, juga ni'mat kerajaan dan kekuasaan, tetapi mereka tidak menjaga dan memelihara ni'mat-ni'mat itu dengan baik. Mereka juga tidak menghormati perjanjian lama, malah di antara mereka ada golongan yang tidak beriman. Sebenarnya sesiapa yang telah menerima ni'mat-ni'mat Allah tidak saharusnya menjadi manusia-manusia pengingkar dan kafir.

فَقَدْ ءَاتَيْنَآ ءَالَ إِبْرَٰهِيمَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ

وَءَاتَيْنَٰهُم مُّلْكًا عَظِيمًا ﴿٥٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah menganugerahkan kepada keluarga Ibrahim kitab suci dan hikmat dan Kami anugerahkan kepada mereka kerajaan yang amat besar."(54)

فَمِنْهُم مَّنْ ءَامَنَ بِهِۦ وَمِنْهُم مَّن صَدَّ عَنْهُ

"Maka di antara mereka ada yang beriman kepada orang yang dianugerahkan pengurniaan itu dan ada pula di dalam golongan mereka orang yang menghalang darinya."(55)

Kedengkian yang paling jahat ialah kedengkian orang yang mendapat ni'mat dari Allah. Andainya kedengkian dari orang yang tidak berada itu dianggap sesuatu perbuatan yang keji, maka kedengkian dari orang yang berada dan yang tenggelam dalam ni'mat itu merupakan satu kejahatan yang tulen yang amat kuat, itulah kedengkian bangsa Yahudi yang unik.

Oleh sebab itulah kedengkian yang sedemikian diancam dengan balasan api Neraka sebagai balasan yang setimpal dengan kejahatan yang amat keji itu:

وَكَفَىٰ بِجَهَنَّمَ سَعِيرًا ﴿٥٥﴾

"Dan cukuplah Neraka Jahannam membakar (mereka)."(55)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 57)

Apabila Al-Qur'an sampai ke bahagian ayat yang menyebut tentang keimanan dan tentang perbuatan menghalang dari keimanan yang berlaku di dalam keluarga Ibrahim, maka ia iringi dengan ayat yang menerangkan peraturan balasan yang lengkap, iaitu balasan terhadap para pendusta dan balasan terhadap para Mu'minin dalam setiap agama Allah di setiap masa dan balasan itu dibentangkan dalam bentuk satu pemandangan yang amat dahsyat dan ngeri:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا سَوْفَ نُصْلِيهِمْ نَارًا كُلَّمَا
نَضِجَتْ جُلُودُهُم بَدَّلْنَٰهُمْ جُلُودًا غَيْرَهَا لِيَذُوقُوا۟
ٱلْعَذَابَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٥٦﴾
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَنُدْخِلُهُمْ جَنَّٰتٍ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ لَّهُمْ فِيهَآ
أَزْوَٰجٌ مُّطَهَّرَةٌ ۖ وَنُدْخِلُهُمْ ظِلًّا ظَلِيلًا ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang telah mengingkari ayat-ayat Kami akan kami bakarkan mereka di dalam api Neraka. Setiap kali masaknya kulit-kulit mereka, Kami tukarkannya dengan kulit-kulit yang lain, supaya mereka merasa ke'azaban itu. Sesunggahnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (56). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan kami masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan di sana mereka hidup kekal abadi. Di sana mereka mendapat pasangan-pasangan yang suci dan Kami masukkan mereka di tempat yang sentiasa teduh."(57)

Itulah satu pandangan yang hampir-hampir tidak berakhir, satu pandangan yang berterusan berulang-ulang dan terus menonjol di dalam khayal tanpa hilang-hilang darinya. Itulah pandangan yang amat menakutkan dan ia mempunyai daya tarikan yang kuat. Ayat ini melukis pandangan itu dan mengulangkannya dengan menggunakan kata-kata "كلما" (setiap kali). Ia melukiskannya dengan gambaran yang ngeri dengan ungkapan:

كُلَّمَا نَضِجَتْ جُلُودُهُم

"Setiap kali masaknya kulit-kulit mereka"

Kemudian ia disambung dengan satu gambaran yang luar biasa untuk menyempurnakan ungkapan ini:

بَدَّلْنَٰهُمْ جُلُودًا غَيْرَهَا

"Kami tukarkannya dengan kulit-kulit yang lain"

Seluruh pandangan yang ngeri itu diintisarikan dalam satu ungkapan bersyarat (jumlah bersyarat) sahaja tidak lebih dari itu.

Itulah balasan kekufuran yang setimpal, kerana kekufuran itu dipilih setelah bukti-bukti keimanan setiap kali dikemukakan:

لِيَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ ۗ

"Supaya mereka merasa ke'azaban itu"

Ini ialah kerana Allah berkuasa menjatuhkan balasan dan Maha Bijaksana pula menjatuhkan sesuatu balasan:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(56)

Sebagai tandingan bagi api Neraka yang bernyala-nyala dan tandingan bagi kulit yang masak dibakar api kemudian ditukar dengan kulit yang baru setiap kali ia menjadi masak untuk dibakar semula supaya ia terus merasa sakit, juga sebagai tandingan kepada pandangan yang malang itu, maka di sana ditayangkan pula pandangan kehidupan orang-orang Mu'min di dalam Syurga yang serba selesa:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَنُدْخِلُهُمْ جَنَّٰتٍ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ

"Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan kami masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai."(57)

Dan kita dapati hidup di sana kekal abadi dan tenteram:

خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدٗاۖ

"Dan di sana mereka hidup kekal abadi."

Dan di sana juga kita dapati pasangan-pasangan yang suci:

لَّهُمۡ فِيهَآ أَزۡوَٰجٞ مُّطَهَّرَةٞۖ

"Dan (di sana mereka mendapat) pasangan-pasangan yang suci."

Di sana juga kita dapati bayang-bayang yang teduh dan lembut menyoroti seluruh pemandangan itu:

وَنُدۡخِلُهُمۡ ظِلّٗا ظَلِيلًا ٥٧

"Dan Kami masukkan mereka di tempat yang sentiasa teduh."(57)

Itulah satu imbangan yang sempurna di dalam pembalasan, pemandangan, gambaran-gambaran, dan nada mengikut cara Al-Qur'an di dalam pemandangan-pemandangan Al-Qur'an yang mempunyai saranan yang kuat dan mendalam. [21]

(Kumpulan ayat-ayat 58 - 70)

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُكُمۡ أَن تُؤَدُّواْ ٱلۡأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهۡلِهَا وَإِذَا
حَكَمۡتُم بَيۡنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحۡكُمُواْ بِٱلۡعَدۡلِۚ إِنَّ ٱللَّهَ
نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعَۢا بَصِيرٗا ٥٨
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي
ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡۖ فَإِن تَنَٰزَعۡتُمۡ فِي شَيۡءٖ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ
إِن كُنتُمۡ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۚ ذَٰلِكَ خَيۡرٞ
وَأَحۡسَنُ تَأۡوِيلًا ٥٩
أَلَمۡ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يَزۡعُمُونَ أَنَّهُمۡ ءَامَنُواْ بِمَآ أُنزِلَ
إِلَيۡكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبۡلِكَ يُرِيدُونَ أَن يَتَحَاكَمُوٓاْ
إِلَى ٱلطَّٰغُوتِ وَقَدۡ أُمِرُوٓاْ أَن يَكۡفُرُواْ بِهِۦۖ وَيُرِيدُ
ٱلشَّيۡطَٰنُ أَن يُضِلَّهُمۡ ضَلَٰلَۢا بَعِيدٗا ٦٠
وَإِذَا قِيلَ لَهُمۡ تَعَالَوۡاْ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى
ٱلرَّسُولِ رَأَيۡتَ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ يَصُدُّونَ عَنكَ
صُدُودٗا ٦١
فَكَيۡفَ إِذَآ أَصَٰبَتۡهُم مُّصِيبَةُۢ بِمَا قَدَّمَتۡ
أَيۡدِيهِمۡ ثُمَّ جَآءُوكَ يَحۡلِفُونَ بِٱللَّهِ إِنۡ أَرَدۡنَآ إِلَّآ
إِحۡسَٰنٗا وَتَوۡفِيقًا ٦٢
أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يَعۡلَمُ ٱللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمۡ
فَأَعۡرِضۡ عَنۡهُمۡ وَعِظۡهُمۡ وَقُل لَّهُمۡ فِيٓ
أَنفُسِهِمۡ قَوۡلَۢا بَلِيغٗا ٦٣
وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذۡنِ
ٱللَّهِۚ وَلَوۡ أَنَّهُمۡ إِذ ظَّلَمُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ جَآءُوكَ
فَٱسۡتَغۡفَرُواْ ٱللَّهَ وَٱسۡتَغۡفَرَ لَهُمُ ٱلرَّسُولُ
لَوَجَدُواْ ٱللَّهَ تَوَّابٗا رَّحِيمٗا ٦٤
فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤۡمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا
شَجَرَ بَيۡنَهُمۡ ثُمَّ لَا يَجِدُواْ فِيٓ أَنفُسِهِمۡ حَرَجٗا
مِّمَّا قَضَيۡتَ وَيُسَلِّمُواْ تَسۡلِيمٗا ٦٥
وَلَوۡ أَنَّا كَتَبۡنَا عَلَيۡهِمۡ أَنِ ٱقۡتُلُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ أَوِ
ٱخۡرُجُواْ مِن دِيَٰرِكُم مَّا فَعَلُوهُ إِلَّا قَلِيلٞ مِّنۡهُمۡۖ وَلَوۡ
أَنَّهُمۡ فَعَلُواْ مَا يُوعَظُونَ بِهِۦ لَكَانَ خَيۡرٗا لَّهُمۡ
وَأَشَدَّ تَثۡبِيتٗا ٦٦
وَإِذٗا لَّأٓتَيۡنَٰهُم مِّن لَّدُنَّآ أَجۡرًا عَظِيمٗا ٦٧
وَلَهَدَيۡنَٰهُمۡ صِرَٰطٗا مُّسۡتَقِيمٗا ٦٨
وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَعَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمَ
ٱللَّهُ عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلصِّدِّيقِينَ وَٱلشُّهَدَآءِ
وَٱلصَّٰلِحِينَۚ وَحَسُنَ أُوْلَٰٓئِكَ رَفِيقٗا ٦٩
ذَٰلِكَ ٱلۡفَضۡلُ مِنَ ٱللَّهِۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ عَلِيمٗا ٧٠

---

[21] *Lihat buku "مشاهد القيامة فى القران".*

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah (dan tanggungjawab) kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu mengadili di antara manusia, maka hendaklah kamu mengadili mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi sebaik-baik pengajaran kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat (58). Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atilah kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul dan pemerintah-perintah dari golongan kamu. Kemudian jika kamu bertentangan pendapat mengenai sesuatu persoalan, maka rujukkanlah kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (as-Sunnah) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Tindakan itu adalah lebih baik untuk kamu dan lebih elok akibatnya (59). Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkannya sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan Thaghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya? Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh (60). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu mematuhi perintah yang telah diturunkan Allah dan apa yang telah diputuskan oleh Rasul nescaya engkau dapati orang Munafiqin berpaling darimu dengan penuh angkuh (61). Oleh itu bagaimana nanti jika mereka ditimpa musibat kerana perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan mereka sendiri kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah: "Demi Allah, tiadalah kami kehendaki melainkan hanya kebaikan dan penyesuaian (62). Merekalah orang-orang yang Allah memang mengetahui segala isi hati mereka. Oleh itu hendaklah engkau berpaling dari mereka dan berilah nasihat kepada mereka dan katakanlah kepada mereka perkataan yang mendalam kesan di dalam hati mereka (63). Dan Kami tidak utuskan seseorang Rasul melainkan supaya dita'ati dengan izin Allah dan andainya mereka - ketika menzalimi diri mereka - datang menemui engkau dan memohon keampunan kepada Allah kemudian Rasul memohon keampunan untuk mereka nescaya mereka dapati Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih (64). Oleh itu demi Tuhan, mereka tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan mereka kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerima dengan penuh kerelaan (65). Dan jika Kami mewajibkan ke atas mereka (dengan perintah): Bunuhlah diri kamu atau keluar dari kampung halaman kamu nescaya mereka tidak akan melakukannya melainkan sebilangan yang kecil sahaja dan andainya mereka melaksanakan apa yang dinasihatkan kepada mereka tentulah lebih baik bagi mereka dan lebih menguatkan (iman) mereka (66). Dan jika demikian tentulah Kami berikan pahala yang amat besar dari sisi Kami (67). Dan tentulah Kami bimbing mereka ke jalan yang lurus (68). Dan sesiapa yang ta'atkan Allah dan Rasul, maka mereka kelak akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi ni'mat Allah iaitu dari nabi-nabi, para siddiqin, para Syuhada' dan orang-orang yang soleh dan merekalah sebaik-baik teman (69). Semuanya itu adalah limpah kurnia dari Allah dan cukuplah Allah Yang Maha Mengetahui (pahala balasan)."(70)

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini membicarakan satu maudhu' yang amat penting, iaitu satu maudhu' yang asasi di dalam kehidupan umat Muslimin. Ia membicarakan syarat keimanan dan batas yang mewakil di dalam sistem hidup Rabbani yang asasi bagi umat Muslimin. Kepentingan maudhu' ini adalah diambil dari maudhu' ini sendiri, jika diambil dari cara hubungan dan persebatiannya dengan sistem hidup Rabbani yang asasi bagi umat Muslimin itu.

Umat Muslimin Diwujudkan Oleh Al-Qur'an

Al-Qur'an inilah yang mewujudkan umat Muslimin yakni mengeluarkannya di alam al-wujud secara langsung sebagaimana diterangkan oleh Allah dengan pengungkapan Al-Qur'an yang amat halus:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia."

(Surah Aali 'Imran : 110)

Al-Qur'an inilah yang mewujudkan umat Muslimin dari tiada. Ia melahirkan mereka supaya menjadi satu umat yang unit di dalam sejarah umat manusia:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia."

(Surah Aali 'Imran : 110)

Kita perlu tekankan hakikat ini dan menjelaskannya sebelum kita meneruskan pembicaraan ini. Sebenarnya Al-Qur'anlah yang melahir dan mendidik umat Muslimin. Kemunculan umat Muslimin bukan sahaja merupakan kelahiran yang baru bagi satu umat, malah merupakan kelahiran yang baru bagi umat manusia dalam imejnya yang baru. Kemunculan mereka bukannya merupakan satu peringkat menuju ke arah kewujudan yakni bukan merupakan satu langkah menuju ke arah perkembangan dan bukanlah pula merupakan suatu lompatan dari lompatan-lompatan kebangkitan umat, malah - secara tepat - kemunculan mereka merupakan suatu kewujudan dan kelahiran bagi umat Arab dan umat manusia seluruhnya.

Apabila kita meneliti dewan Arab iaitu himpunan sajak-sajak dan peribahasa-peribahasa jahiliyah yang mengandungi pandangan-pandangan orang-orang Arab yang paling tinggi dan kekal terhadap kewujudan, terhadap hayat, terhadap alam buana, terhadap manusia,terhadap akhlak dan tingkahlaku di samping mengandungi ciri-ciri kehidupan mereka, perasaan-perasaan mereka, kefahaman-kefahaman mereka, intisari kebudayaan. Dan tamadun mereka dan seluruh keperibadian mereka..... apabila kita meneliti keseluruhan kebudayaan, pemikiran dan kefahaman-kefahaman mereka dan nilai-nilai yang terkandung di dalam himpunan sajak-sajak dan peribahasa jahiliyah itu.... apabila kita meneliti semuanya itu di bawah bayangan Al-Qur'an yang mengandungi pandangannya terhadap kewujudan, hayat, alam buana, manusia, terhadap nilai-nilai dalam kehidupan manusia, sistem masyarakat, terhadap konsep matlamat kewujudan manusia dan penyusunan peraturan-peraturan yang realistik yang

dilandaskan di atas konsep ini...... kemudian kita meneliti pula realiti umat Arab sebelum Islam dan selepas Islam, iaitu realiti mereka di bawah kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman jahiliyah yang tergambar di dalam himpunan sajak-sajak dan peribahasa jahiliyah kemudian realiti mereka di bawah kefahaman-kefahaman dan konsep-konsep Al-Qur'an yang digambarkan oleh sistem hidup Rabbani....... apabila kita meneliti hampunan sajak-sajak dan peribahasa jahiliyah dan realiti kehidupan yang wujud di masa itu di bawah bayangan Al-Qur'an dan realiti kehidupan Islamiyah nescaya ternyatalah kepada kita - secara pasti dan tepat bahawa kemunculan umat Muslimin itu adalah suatu kelahiran bukannya sesuatu langkah atau peringkat perkembangan dan bukan pula sesuatu lompatan. Kemunculan mereka merupakan sesuatu pengeluaran dari ciptaan Allah sebagaimana yang digambarkan oleh Al-Qur'an dengan pengungkapan yang amat halus. Ia merupakan sesuatu pengwujudan yang amat mengkagumkan dan sesuatu pengeluaran yang amat menghairankan. Ia merupakan kali yang pertama dan yang akhir - sejauh yang kami tahu - adanya satu umat yang lahir di antara dua kulit kitab suci dan adanya hayat yang keluar dari celah-celah kalimat-kalimat Al-Qur'an.

Tetapi sebenarnya ini tidaklah menghairankan kerana kalimat-kalimat itu adalah kalimat-kalimat dari kalam Allah.

Sesiapa yang mahu berdebat bolehlah dia menjawab pertanyaan-pertanyaan kamu: Di manakah umat Arab sebelum mereka dikeluarkan oleh Allah dengan kalimat-kalimat kalam-Nya, iaitu sebelum mereka diwujudkan Allah dengan Qur'an-Nya?

Realiti Umat Arab Sebelum Dan Selepas Islam

Kami memang tahu mereka tinggal di Semenanjung Tanah Arab, tetapi di mana mereka di dalam kewujudan insaniyah? Di mana mereka di dalam sejarah antarabangsa? Di manakah duduknya mereka di meja hidangan insaniyah antarabangsa? Apakah sumbangan mereka di meja hidangan itu hingga dapat dikenakan dengan nama mereka atau ditanda dengan cap mereka?

Umat Arab telah diwujudkan dengan agama ini dan telah dididik dengan sistem hidup yang luas ini. Mereka telah memimpin diri sendiri dan selepas itu memimpin umat manusia dengan kitab Allah yang ada di tangan mereka dan dengan sistem-Nya yang telah mencorakkan kehidupan mereka. Mereka bukannya diwujudkan dengan sesuatu yang lain. Dan ini telah dibuktikan oleh sejarah yang ada di hadapan kita. Allah telah menepati janji-Nya kepada mereka apabila Dia berfirman kepada mereka:

لَقَدْ أَنزَلْنَآ إِلَيْكُمْ كِتَٰبًا فِيهِ ذِكْرُكُمْ ۖ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Kami telah turunkan kepada kamu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang mengandungi sebutan nama kamu (yang harum) apakah tidak kamu berfikir?"

(Surah al-Anbiya': 10)

Dengan sebab kitab suci Al-Qur'an inilah nama umat Arab disebut-sebut di muka bumi ini dan mereka dikenali mempunyai peranan di dalam sejarah. Dan bagi pertama kalinya mereka mempunyai kewujudan insaniyah dan tamadun antarabangsa. Namun demikian ada sekumpulan orang-orang yang tolol mahu menolak ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada umat Arab itu dan mahu mengingkarkan limpah kurnia Allah yang telah menurunkan kalam-Nya yang terakhir kepada seluruh penduduk bumi di tengah-tengah umat Arab dengan menggunakan bahasa mereka. Dan oleh sebab itulah kalam Allah itu telah memberi kewujudan, nama yang harum, sejarah dan tamadun kepada mereka. Kumpulan yang tolol itu mahu menanggalkan baju Islam yang dipakaikan Allah kepada mereka. Mereka mahu mengoyakkan bendera Islam yang telah membawa mereka kepada nama yang harum dan darjah yang mulia, malah telah melahirkan mereka ke alam al-wujud pada hari Allah mengeluarkan umat Muslimin dari kalangan mereka.

Di sini kami tegaskan apabila Al-Qur'an mewujudkan umat Muslimin dan mendidik mereka, menggaris dan menegakkan ciri Islam yang baru di dalam kelompok Muslimin yang dipungut dari kaki bukit jahiliyah di samping menghapus ciri-ciri jahiliyah dan keladak-keladak di dalam kehidupan dan di dalam jiwa mereka dan mengatur masyarakat mereka dan membangunkannya semula di atas asas kelahiran mereka yang baru, apabila Al-Qur'an menceburi perjuangan bersama kelompok Muslimin untuk menghadapi sisa-sisa keladak jahiliyah yang masih mendap di dalam jiwa mereka dan di dalam peraturan hidup mereka, iaitu sisa-sisa dari peninggalan masyarakat jahiliyah, di mana kelompok Muslimin telah dipungut oleh sistem hidup Rabbani, juga untuk menghadapi jahiliyah yang sedang menunggu-nunggu peluang di sana untuk menyerang dan bersedia di sekeliling mereka, iaitu jahiliyah yang diwakili oleh kaum Yahudi di Madinah bersama-sama kaum Munafiqinnya dan kaum Musyirikin yang berada di Makkah dan di kawasan sekelilingnya, sedangkan masa dan tempat kedua-dua perjuangan ini adalah bersambung........ apabila Al-Qur'an melakukan semuanya ini, maka mula-mulanya ia bertindak menegakkan pandangan dan kefahaman yang betul bagi kelompok Muslimin dengan menerangkan syarat keimanan dan batas keislaman kemudian dengan pandangan dan kefahaman inilah dihubungkan sistem hidup asasi mereka, iaitu sistem hidup Rabbani yang membezakan kewujudan mereka dari kewujudan jahiliyah yang ada di sekeliling mereka dan menjadikan mereka satu-satunya umat yang

mempunyai ciri-ciri umat yang istimewa yang dilahirkan untuk kebajikan manusia iaitu untuk menjelaskan jalan hidayat kepada mereka dan memimpin mereka kepada Allah.

Pelajaran ini menjelaskan sistem Rabbani yang asasi ini. Ia adalah sistem yang tegak dan lahir dari pandangan Islam terhadap syarat keimanan dan batas keislaman.

Sumber Penerimaan Undang-undang

Pelajaran ini menentukan pihak atau sumber, di mana umat Muslimin harus menerima peraturan-peraturan hidup mereka dan bagaimana cara menerima dan memahaminya dan di mana mereka harus merujukkan kepadanya segala kemusykilan dan segala masalah yang tidak didapati nas atau menimbulkan pendapat-pendapat yang bertentangan, iaitu ia menjelaskan pihak berkuasa yang harus dita'ati mereka dan sebab keta'atan itu dan sumber kuasanya, dan di sini pelajaran ini menegaskan: Inilah syarat keimanan dan batas definasi keislaman.

Ketika itu barulah sistem hidup asasi (atau sistem hidup Rabbani) umat Muslimin mempunyai titik pertemuan dengan 'aqidah yang diimani mereka, iaitu ia bertemu dalam satu kesatuan yang padu tidak bercabang-cabang yakni tidak terpisah unsur-unsurnya.

Inilah maudhu' penting yang dijelaskan oleh pelajaran ini dengan penjelasan yang harus dan sempurna dan inilah persoalan yang kelihatan begitu mudah selepas membaca pelajaran ini menimbulkan kehairanan bagaimana seseorang Muslim tergamak mempertikaikannya?

Ia menjelaskan kepada umat Muslimin bahawa para rasul adalah diutus supaya dita'ati dan diikuti dengan perintah Allah bukannya diutus semata-mata untuk menyampaikan perutusan Allah dan meyakinkan manusia sahaja.

وَمَا أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ
اللَّهِ

"Dan Kami tidak utuskan seseorang Rasul melainkan supaya dita'ati dengan izin Allah."(64)

Ia selanjutnya menjelaskan kepada mereka bahawa manusia itu dikira tidak beriman melainkan apabila mereka berhakimkan kepada peraturan-peraturan Allah yang digambarkan - semasa hayat Rasulullah s.a.w. - di dalam hukum-hukum atau keputusan-keputusan beliau dan peraturan-peraturan yang kekal selepas beliau yang terkandung di dalam dua sumbernya, iaitu Al-Qur'an dan as-Sunnah. Mereka tidak cukup dengan semata-mata berhakim kepada beliau sahaja supaya dikira sebagai orang-orang Mu'min, malah mereka pasti menerima hukum-hukum atau keputusan-keputusan beliau dengan penuh kerelaan:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا
شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا
مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

"Oleh itu demi Tuhanmu, mereka tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerima dengan penuh kerelaan."(65)

Inilah syarat keimanan dan batas keislaman. Ia menjelaskan pula kepada mereka bahawa orang-orang yang mahu berhakimkan Thaghut - peraturan-peraturan yang lain dari syari'at Allah - tidak lagi akan diterima dakwaan mereka bahawa mereka telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada Rasul dan kepada wahyu yang telah diturunkan sebelumnya kerana dakwaan itu adalah dusta semata-mata. Ia telah didustakan oleh kehendak mereka sendiri yang mahu berhakim kepada Thaghut:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ آمَنُوا بِمَا أُنزِلَ
إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَن يَتَحَاكَمُوا
إِلَى الطَّاغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوا أَن يَكْفُرُوا بِهِ وَيُرِيدُ
الشَّيْطَانُ أَن يُضِلَّهُمْ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿٦٠﴾

"Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkannya sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan Thaghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya? Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh."(60)

Alamat Nifaq

Ia berkata lagi kepada mereka bahawa alamat nifaq ialah tindakan menghalangkan orang lain dari berhakimkan kepada peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan dari berhakimkan kepada Rasulullah s.a.w.:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَىٰ مَا أَنزَلَ اللَّهُ وَإِلَى
الرَّسُولِ رَأَيْتَ الْمُنَافِقِينَ يَصُدُّونَ عَنكَ
صُدُودًا ﴿٦١﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu mematuhi perintah yang telah diturunkan Allah dan apa yang telah diputuskan oleh Rasul nescaya engkau dapati orang Munafiqin berpaling darimu dengan penuh angkuh."(61)

Ia menjelaskan kepada mereka bahawa sistem keimanan dan sistem hidup mereka yang asasi ialah menta'ati Allah 'Azzawajalla (di dalam peraturan-peraturan yang dijelaskan) di dalam Al-Qur'an, dan menta'ati Rasulullah s.a.w. (di dalam peraturan-peraturan yang terkandung) di dalam sunnahnya, juga menta'ati pemerintah-pemerintah dari orang-orang Mu'min yang termasuk di dalam syarat keimanan dan batas keislaman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى
ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ

"Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atilah Allah dan ta'atlah kepada Rasul dan pemerintah-pemerintah dari golongan kamu."(59)

Kemudian ia menjelaskan kepada mereka bahawa tempat rujukan mereka apabila berlaku pertentangan pendapat di dalam masalah-masalah yang baru dan apabila timbul persoalan-persoalan yang tidak mempunyai hukum-hukum yang telah dinaskan ialah Allah dan Rasul-Nya, iaitu syari'at Allah dan Rasul-Nya:

فَإِن تَنَٰزَعْتُمْ فِى شَىْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ

"Jika kamu bertentangan pendapat mengenai sesuatu persoalan, maka rujukkanlah kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (as-Sunnah)."(59)

Dengan cara begini sistem hidup Rabbani tetap selama-lamanya dapat menjadi penguasa yang mengawal segala kemusykilan dan segala persoalan yang timbul secara mendadak di dalam kehidupan umat Muslimin. Dasar ini menggambarkan sistem mereka yang asasi yang menjadikan mereka tidak Mu'min dan tidak Muslim kecuali mereka beriman dengannya dan berusaha merealisasikannya kerana ia menjadikan keta'atan dengan syarat-syaratnya yang tersebut, iaitu tindakan mengembalikan masalah-masalah yang baru muncul yang menimbulkan pendapat-pendapat yang bertentangan kepada Allah dan Rasul-Nya adalah menjadi syarat keimanan dan batas keislaman. Ia menjadi syarat yang amat jelas mengikut nas yang jelas:

إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ

"Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."(59)

Kita jangan lupa kepada penjelasan sebelum ini ketika menghuraikan firman Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ
لِمَن يَشَآءُ ۚ

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa mempersekutukannya dan mengampunkan dosa-dosa yang lain dari itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya."(48)

Di sana telah diterangkan bahawa kaum Yahudi telah dicap dengan perbuatan syirik terhadap Allah kerana mereka menjadikan orang-orang alim mereka selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Ini bukannya kerana mereka menyembah orang-orang alim itu, tetapi kerana mereka sanggup menerima hukum-hukum, halal dan haram yang dibuat oleh mereka, iaitu mereka memberi kepada orang-orang alim itu hak dan kuasa memerintah dan menggubal undang-undang dari ciptaan mereka sendiri akibat perbuatan inilah mereka telah dicap sebagai orang-orang Musyrikin. Semua dosa-dosa yang lain dari syirik adalah diampunkan Allah walaupun dosa-dosa besar "walaupun dia berzina dan mencuri dan walaupun dia minum arak." [22]

Oleh itu tindakan memulangkan segala urusan bererti mengkhususkan sifat Uluhiyah kepada Allah S.W.T., juga mengkhususkan kuasa Hakimiyah (kuasa pemerintah dan menggubal undang-undang) kepada Allah sahaja iaitu salah satu ciri Uluhiyah yang paling khusus bagi Allah. Sesiapa yang bertindak di dalam lingkungan ini dia tetap kekal menjadi seseorang Mu'min dan Muslim dan mempunyai harapan untuk mendapat keampunan terhadap dosa-dosanya termasuk dosa-dosanya yang besar, tetapi sesiapa yang bertindak di luar lingkungan ini, maka dia akan terjerumus ke dalam dosa syirik yang tidak akan mendapat keampunan Allah buat selama-lamanya. Itulah syarat keimanan dan ta'rif keislaman.

إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ

"Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."(59)

Inilah maudhu' penting yang dibicarakan oleh pelajaran ini di samping menjelaskan fungsi umat Muslimin di muka bumi ini, iaitu fungsi untuk menegakkan dasar keadilan dan akhlak yang mulia di atas landasan sistem Allah yang lurus dan selamat:

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ ٱلْأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا
حَكَمْتُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah (dan tanggungjawab) kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu mengadili di antara manusia, maka hendaklah kamu mengadili mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi sebaik-baik pengajaran kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(58)

Kami telah menerangkan maksudnya secara ringkas oleh itu marilah pula kita hadapi ayat-ayat ini dengan huraian yang terperinci.

---

[22] *Berdasarkan hadith, rujuk pentafsiran Ayat 48 Surah ini*

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 58)

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ ٱلْأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah (dan tanggungjawab) kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu mengadili di antara manusia, maka hendaklah kamu mengadili mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi sebaik-baik pengajaran kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(58)

Inilah tugas-tugas kelompok Muslimin dan inilah akhlak mereka, iaitu menunaikan amanah-amanah dan tanggungjawab-tanggungjawab kepada orang-orang yang berhak menerimanya dan menjalankan pengadilan di antara manusia dengan adil mengikut peraturan Allah dan pengajarannya.

Amanah Dan Titik Permulaannya

Amanah-amanah itu adalah bermula dari amanah agung, iaitu amanah yang diserahkan Allah kepada fitrah insan, amanah yang enggan diterima dan takut dipikul oleh langit, bumi dan gunung-ganang lalu dipikul oleh makhluk insan iaitu amanah hidayat dan ma'rifat dan beriman kepada Allah yang terbit dari niat, dari kemahuan, dari usaha yang bersungguh-sungguh dan dari kecenderungan hati. Inilah amanah istimewa fitrah insaniyah. Selain dari makhluk insan, maka makhluk-makhluk lain semuanya beriman kepada Allah, mendapat pertunjuk kepada Allah mengenal Allah, beribadat kepada Allah dan menta'ati Allah dengan ilham dari Allah. Makhluk-makhluk ini telah dipaksa Allah menta'ati undang-undang-Nya tanpa usaha yang bersungguh darinya, tanpa niat, tanpa kemahuan dan tanpa kecenderungan darinya. Hanya insan sahaja satu-satunya makhluk yang diserahkan kepada fitrahnya, akalnya, ma'rifatnya, kemahuannya, kecenderungan dan daya usaha yang dicurahkannya untuk sampai kepada Allah dengan pertolongan dari Allah:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ

"Dan orang-orang yang berjuang untuk mencari keredaan Kami nescaya Kami tunjukkan jalan-jalan Kami kepada mereka."

(Surah al-Ankabut : 69)

Inilah amanah agung yang dipikul oleh makhluk insan dan mereka bertanggungjawab menunaikan amanah ini mula-mula sekali di antara amanah-amanah yang lain yang dipikul oleh mereka. [23]

Dari amanah yang agung inilah terbitnya segala amanah yang lain yang diperintah Allah supaya ditunaikan oleh manusia. Di antara amanah-amanah itu ialah amanah membuktikan kebenaran agama Islam ini pada diri sendiri dengan usaha bermujahadah agar dirinya sendiri merupakan terjemahan bagi agama ini, iaitu terjemah yang hidup di dalam perasaan-perasaan dan perilaku-perilakunya sehingga orang ramai dapat melihat gambaran iman (kepada agama ini terlukis dengan jelas) pada dirinya (dan membuat mereka begitu tertarik) dan berkata: Alangkah baiknya keimanan ini, alangkah indahnya dan alangkah bersihnya! Ketika ia berusaha membentuk jiwa sahabat-sahabatnya dengan contoh-contoh akhlak dan kesempurnaan yang seperti itu. Inilah pembuktian terhadap kebenaran agama ini dengan gambaran diri sendiri yang boleh mempengaruhi orang lain. Kemudian amanah membuktikan kebenaran agama ini dengan berda'wah kepada orang lain supaya menganutinya dengan menerangkan kelebihan-kelebihan dan keutamaan-keutamaan setelah ciri-ciri kelebihan dan keutamaannya itu tergambar pada diri penda'wah itu. Seseorang Mu'min tidak cukup dengan hanya menunjukkan bukti kebenaran agama itu pada dirinya sahaja, malah hendaklah dia berusaha menyeru orang lain kepadanya. Jika tidak, maka dia belum dikira telah menunaikan amanah da'wah dan tabligh. Kemudian amanah membuktikan kebenaran agama ini dengan perjuangan menegakkan agama ini di bumi selaku sistem hidup bagi kelompok Mu'minin dan sistem hidup bagi umat manusia seluruhnya, iaitu berusaha dengan segala sarana yang dimiliki oleh setiap individu dan kolompok Muslimin. Perjuangan menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam kehidupan manusia adalah salah satu dari amanah-amanah yang besar selepas keimanan diri sendiri dan tiada sesiapa - baik individu mahupun kelompok - yang terlepas dari tanggungjawab amanah ini. Oleh sebab itu - berdasarkan hakikat ini - kewajipan berjihad terus hidup sampai hari Qiamat untuk menunaikan salah satu dari amanah-amanah itu.

Di antara amanah-amanah itu lagi ialah amanah bermu'amalah dengan orang lain, iaitu mengembalikan barang-barang amanah mereka kepada mereka atau dengan lain perkataan amanah di dalam mu'amalah-mu'amalah dan simpanan-simpanan harta benda, amanah bersikap jujur terhadap pemerintah dan terhadap rakyat, amanah menjaga dan mendidik kanak-kanak, amanah menjaga kehormatan kelompok Muslimin, menjaga keselamatan harta benda dan tempat-tempat perkubuan mereka..... dan termasuk segala kewajipan dan tanggungjawab yang diterangkan oleh sistem hidup Rabbani di dalam setiap bidang hidup

---

[23] *Lihat huraian yang luas dalam buku "* خصائص التصور الاسلامي ومقوماته *" bab "hakikat al-Insan"*

umumnya. Semuanya ini termasuk dalam kumpulan amanah-amanah yang diperintah oleh Allah supaya ditunaikannya yang disimpulkan di dalam ayat ini.

Mengenai persoalan penghakiman di antara manusia dengan kehakiman yang adil itu, maka ayat ini mengumumkan keadilan itu dengan seluas-luasnya, iaitu meliputi seluruh manusia:

Konsep Keadilan Dalam Islam

بَيْنَ ٱلنَّاسِ

"Di antara manusia"(58)

bukannya keadilan di antara orang-orang Islam sahaja dan bukan pula keadilan terhadap kaum Ahlil-Kitab sahaja, malah keadilan adalah hak setiap manusia dengan sifatnya sebagai "insan" kerana sifat inilah sahaja yang mewujudkan hak keadilan di dalam sistem hidup Rabbani dan pada sifat inilah bertemunya seluruh manusia sama ada mereka orang-orang yang beriman atau orang-orang kafir, sama ada kawan atau lawan, sama ada putih atau hitam dan sama ada bangsa Arab atau bukan bangsa Arab... Umat Muslimin adalah bertanggungjawab menghakimkan di antara manusia dengan hukuman yang adil apabila mereka menghakimkan perkara mereka. Keadilan yang mutlak ini tidak pernah dikenali oleh umat manusia kecuali di tangan Islam dan kecuali di zaman Islam kecuali di zaman pemerintahan kaum Muslimin dan kecuali di zaman Islam memegang teraju kepimpinan manusia, iaitu keadilan yang tidak wujud sebelum ini dan tidak wujud selepas Islam memegang teraju kepimpinan dunia, dalam masa ini manusia tidak pernah mencapai keadilan dalam bentuknya yang begitu mudah yang diberikan kepada seluruh manusia dengan sifat mereka sebagai "manusia" bukannya dengan sesuatu sifat kelebihan yang lain dari sifat asal yang disyarikat oleh seluruh mereka.

Inilah asas kehakiman di dalam Islam sebagaimana amanah - dengan segala pengertiannya - menjadi asas kehidupan di dalam masyarakat Islam.[24]

Ulasan yang berikut ialah ulasan terhadap perintah menunaikan amanah-amanah kepada mereka yang berhak menerimanya juga terhadap perintah menghakimkan di antara manusia dengan hukuman yang adil dan ulasan ini merupakan peringatan bahawa apa yang di terangkan Allah itu adalah sesuatu pengajaran dan bimbingan dari Allah S.W.T. dan itulah sebaik pengajaran dan bimbingan:

إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓ ۗ

"Sesungguhnya Allah memberi sebaik pengajaran kepada kamu"(58)

Marilah kita berhenti sejenak memperhatikan keindahan pengungkapan ayat ini dari segi gaya penyampaian. Asal susunan ungkapan ini ialah:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat"(58)

Tetapi pengungkapan Al-Qur'an mendahulukan perkataan "Allah" dan menjadikannya isim kepada "إنّ" dan menjadikan "نعم ما" "نعما" dan segala hubungannya sebagai khabar "انّ" selepas dibuangkan khabar. Untuk menyarankan hubungan yang amat rapat di antara Allah dengan pengajaran yang diberikannya.

Tetapi sebenarnya apa yang diberikan Allah itu bukannya "pengajaran"(عظة), malah ialah "perintah"(أمرا) namun Al-Qur'an mengungkapkannya sebagai "pengajaran" kerana pengajaran lebih mudah meresap ke dalam hati, lebih cepat meniti di dalam jiwa dan lebih dekat membawa ke arah pelaksanaan kerana dirangsangkan oleh perasaan sukarela, semangat kegemaran dan rasa malu kepada Allah.

Kemudian dikemukakan ulasan yang akhir yang menghubungkan perintah itu dengan Allah, dengan kesedaran bermuraqabah dengan-Nya, dengan perasaan takut kepada-Nya dan dengan harapan kepada-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(58)

Keselarasan di antara taklif-taklif yang diperintah - taklif menunaikan amanah-amanah dan taklif menghakimkan dengan adil di antara manusia - dengan sifat Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat itu adalah jelas dan amat halus saranannya, iaitu jika Allah mendengar dan melihat segala persoalan keadilan dan amanah maka keadilan jika memerlukan kepada pendengaran yang teliti dan nilaian yang hemat, memerlukan kepada penelitian keadaan-keadaan latar belakang dan gejala-gejalanya dan mengkaji rahsia-rahsia di sebaliknya adalah secara mendalam. Pada akhirnya (ia perlu dilaksanakan begitu kerana) perintah kedua-dua taklif adalah terbit dari Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat segala perkara dan urusan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 59)

Kemudian apakah pula ukuran amanah dan keadilan itu? Apakah faedah memahami, menentu dan melaksanakan keadilan dan amanah di dalam semua bidang hidup dan di dalam semua aktiviti kehidupan?

---

[24] *Lihat huraian yang luas di dalam buku "نحو مجتمع اسلامي" bab "مجتمع اخلاقي" dan bab "مجتمع عادل".*

Apakah pengertian amanah dan keadilan, juga cara mempraktik dan melaksanakan kedua-duanya diserahkan kepada tradisi dan istilah manusia? Atau diserahkan kepada pendapat-pendapat yang diputuskan oleh akal dan hawa nafsu mereka?

Akal manusia memang mempunyai timbangan dan nilainya sebagai salah satu alat dari alat-alat ma'rifat dan hidayat bagi manusia. Ini adalah suatu kebenaran, tetapi akal manusia ialah akal individu-individu dan kelompok-kelompok dalam sesuatu masyarakat yang terpengaruh dengan berbagai-bagai pengaruh. Oleh itu di sana tidak ada apa yang boleh dinamakan "akal manusia" dengan pengertiannya yang mutlak, malah yang wujud di sana hanya akal saya dan akal anda, akal si anu atau si polan dan akal kumpulan manusia itu dan ini walaupun di mana-mana tempat dan di mana-mana zaman, dan semua akal ini terletak di bawah berbagai-bagai pengaruh yang mencondongkannya ke sini atau ke sana.

Oleh itu pastilah diwujudkan satu neraca yang tetap yang dapat dirujukkan kepadanya segala hasil pemikiran bermacam-macam akal itu agar dengan neraca itu dapat diketahui sejauh mana salah betulnya dalam keputusan-keputusan yang telah diambil olehnya dan di dalam kefahaman-kefahamannya, juga sejauh mana penyelewengan, keterlaluan dan kelemahannya dalam keputusan-keputusan dan kefahaman-kefahaman itu. Nilai akal manusia di sini ialah ia sebagai alat yang disediakan untuk penggunaan manusia supaya ia dapat mengetahui mutu keputusannya dalam pertimbangan neraca ini, iaitu satu neraca yang tetap, yang tidak digugatkan oleh hawa nafsu dan tidak terpengaruh kepada berbagai-bagai pengaruh yang lain:

Neraca ukuran yang diciptakan oleh manusia itu sendiri tidak boleh dipakai, kerana kecacatan mungkin berlaku pada neraca-neraca itu sendiri dan ini boleh mengakibatkan segala nilai menjadi kacau selama manusia tidak kembali kepada neraca yang betul dan tetap.

Dan Allah S.W.T. telah menetapkan neraca ini bagi manusia untuk menimbang amanah dan keadilan, menimbang semula nilai, semua keputusan dan semua aktiviti dalam setiap bidang hidup:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى
ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ فَإِن تَنَٰزَعْتُمْ فِى شَىْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ
إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ
وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atilah Allah dan ta'atlah kepada Rasul dan pemerintah-pemerintah dari golongan kamu. Kemudian jika kamu bertentangan pendapat mengenai sesuatu persoalan, maka rujukkanlah kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (as-Sunnah) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Tindakan itu adalah lebih baik untuk kamu dan lebih elok akibatnya."(59)

Di dalam ayat yang pendek ini Allah S.W.T. menjelaskan syarat keimanan dan ta'rif keislaman dalam masa ia menjelaskan dasar sistem asasi kelompok Muslimin, dasar kehakiman dan sumber kekuasaan dan semuanya itu adalah bermula dan berakhir pada titik dasar menerima segala undang-undang dan peraturan dari Allah Yang Maha Esa sahaja dan merujukkan kepada Allah segala perkara yang tidak ada nas, iaitu perkara-perkara perincian kehidupan yang timbul di dalam kehidupan manusia di sepanjang generasi yang silih berganti dan mengakibatkan pertentangan fikiran-fikiran pendapat-pendapat dan pemahaman-pemahaman supaya di sana ada satu neraca yang tetap yang dapat dirujukkan fikiran-fikiran, pendapat-pendapat dan pemahaman-pemahaman yang bercanggah itu.

Hak Hakimiyah

Hak Hakimiyah iaitu hak dan kuasa memerintah dan menetapkan undang-undang dan peraturan-peraturan dalam urusan kehidupan manusia sama ada kecil atau besar adalah dimiliki oleh Allah S.W.T. sahaja dan Allah telah mengaturkan syari'atnya dan memuatkan di dalam kitab suci-Nya Al-Qur'an dan Dia telah mengutuskan seseorang Rasul membawa syari'at itu supaya beliau menjelaskannya kepada umat manusia. Oleh sebab itu apa yang dijelaskan oleh beliau bukanlah hasil dari pemikiran hawa nafsunya, kerana itu sunnah Rasulullah s.a.w. merupakan sebahagian dari syari'at Allah.

Allah S.W.T. itu wajib dita'ati, dan di antara ciri-ciri Uluhiyah ialah hak dan kuasa mengaturkan syari'at. Oleh sebab itu syari'at Allah wajib diamal dan dilaksanakan dan adalah menjadi kewajipan orang-orang yang beriman menta'ati kepada Allah pertama-tamanya - dan menta'ati kepada Rasul-Nya kerana sifatnya sebagai utusan dari Allah. Oleh itu jelaslah bahawa keta'atan kepada Rasul itu adalah tergolong dari keta'atan kepada Allah yang telah mengutus beliau membawa syari'at-Nya supaya beliau menjelaskannya kepada umat manusia di dalam sunnahnya. Berdasarkan hakikat ini, maka sunnah Rasulullah s.a.w. dan segala keputusannya adalah sebahagian dari syari'at yang wajib dilaksanakan..... dan keimanan seseorang itu tertakluk - ada dan tiadanya - kepada keta'atannya dan pelaksanaannya terhadap syari'at itu mengikut nas Al-Qur'an yang berikut:

إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ

"Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."(59)

Mengenai "أولى الأمر" atau pemerintah-pemerintah, maka ayat yang berikut menentukan siapakah mereka:

وَأُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ

"Dan pemerintah-pemerintah dari golongan kamu."(59)

Yakni mereka dari golongan orang-orang yang beriman yang terdapat pada mereka syarat keimanan dan batas keislaman yang diterangkan di dalam ayat yang mewajibkan ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul dan mengkhususkan hak memerintah dan hak mengadakan undang-undang dan peraturan bagi manusia kepada Allah S.W.T. sahaja, juga mengkhususkan kewajipan menerima undang-undang dan peraturan-peraturan dari Allah sahaja di dalam perkara-perkara yang ada nas dan merujukkan kepadanya perkara-perkara yang tidak ada nas yang menimbulkan pertentangan fikiran-fikiran, pemahaman-pemahaman dan pendapat-pendapat supaya perkara-perkara itu dapat ditatbikkan atau dipadankan dengan dasar-dasar, umum di dalam nas-nas yang ada.

Ayat ini menjadikan keta'atan kepada Allah sesuatu keta'atan dasar dan menjadikan keta'atan kepada Rasul-Nya juga sesuatu keta'atan dasar, kerana beliau diutuskan oleh Allah. Kemudian ia menjadikan keta'atan kepada pemerintah-pemerintah dari golongan Mu'minin itu sebagai keta'atan yang mengikut keta'atan kepada Allah dan keta'atan kepada Rasul-Nya. Oleh sebab itulah Al-Qur'an tidak mengulangi kata-kata "ta'at" ketika menyebut "pemerintah-pemerintah" sebagaimana ia mengulanginya ketika menyebut Rasulullah s.a.w. Ini untuk menjelaskan bahawa keta'atan kepada pemerintah-pemerintah itu adalah diambil dari keta'atan kepada Allah dan keta'atan kepada Rasul-Nya setelah Al-Qur'an menjelaskan bahawa pemerintah-pemerintah itu hendaklah dari golongan orang-orang yang beriman yang mengikut syarat-syaratnya.

Selepas penjelasan-penjelasan ini, maka keta'atan kepada pemerintah-pemerintah itu hendaklah dalam batas-batas yang dibenarkan oleh Allah dan tidak ada nas yang mengharamkannya iaitu keta'atan itu tidak boleh dilakukan di dalam perkara-perkara yang diharamkan Allah apabila dirujukkan kepada dasar-dasar syari'at-Nya ketika berlaku perselisihan pendapat. As-Sunnah telah menjelaskan batas-batas keta'atan itu dengan garis-garis yang tegas dan meyakinkan:

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dari hadith al-A'masy sabda Rasulullah s.a.w.:

إنما الطاعة فى المعروف

"Sesungguhnya keta'atan itu hanya di dalam perkara-perkara yang baik sahaja."

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim juga dari hadith Yahya al-Qattan sabda Rasulullah s.a.w.:

السمع والطاعة على المرء المسلم . فيما أحب أو كره . مالم يؤمر بمعصية . فأذا أمر بمعصية فلا سمع ولا طاعة

"Patuh dan ta'at itu diwajibkan ke atas orang Islam (kepada pemerintah) sama ada dalam perkara yang disukainya atau dibencikannya selama ia tidak diperintah melakukan perbuatan maksiat dan apabila ia diperintah melakukan perbuatan maksiat, maka tiada sebarang kepatuhan dan keta'atan."

Mengikut sebuah hadith yang dikeluarkan oleh Muslim dari Ummul-Husayn sabda Rasulullah s.a.w.:

ولو استعمل عليكم عبد. يقودكم بكتاب الله. إستمعوا له وأطيعوا

"Walaupun yang memerintah kamu itu seorang abdi yang memimpin kamu dengan kitab Allah..... patuhlah kepadanya dan ta'atilah."

Dengan dasar keta'atan ini Islam menjadikan setiap orang Islam sebagai pengawal setia syari'at Allah dan sunnah Rasul-Nya, pengawal setia keimanannya dan agamanya, pengawal setia dirinya dan akalnya dan pengawal setia kepada nasib kesudahannya di dunia dan Akhirat. Islam tidak menjadikan seseorang Islam seperti seekor binatang dalam kumpulannya, di mana ia akan patuh dan ta'at jika diherdik di sana sini. Sistem Ilahi cukup jelas dan batas-batas keta'atan juga cukup jelas. Syari'at yang dita'ati dan sunnah yang diikuti hanya satu sahaja. Ia tidak berbilang-bilang, tidak pula terpisah-pisah dan ia tidak menyebabkan seseorang meraba-raba di dalamnya di celah-celah berbagai-bagai andaian dan sangkaan.

Semuanya itu ialah dalam perkara-perkara yang ada nas yang terang. Adapun perkara-perkara yang tidak ada nas, iaitu perkara-perkara kemusykilan dan persoalan-persoalan baru yang timbul di sepanjang zaman atau timbul kerana perkembangan keperluan-keperluan manusia atau kerana perbezaan alam sekitar, sedangkan di sana tidak ada nas yang qati'i mengenainya atau tidak ada apa-apa nas langsung mengenainya hingga mengakibatkan berlakunya perselisihan fikiran, pendapat dan pemahaman ketika membuat penilaian terhadapnya, maka Islam tidak meninggalkan perkara-perkara ini dalam keadaan yang tidak menentukan begitu, iaitu ia tidak meninggalkannya tanpa neraca dan tanpa kaedah perundangan dan kaedah mengeluarkan hukum-hukum cabangan, malah di dalam sambungan ayat pendek yang berikut, Islam telah meletakkan kaedah ijtihad yang lengkap dan menentukan batas-batasnya serta menegakkan "dasar" yang menguasai kaedah ijtihad itu.

فَإِن تَنَٰزَعۡتُمۡ فِي شَيۡءٖ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ

"Jika kamu bertentangan pendapat mengenai sesuatu persoalan, maka rujukkanlah kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (as-Sunnah)."(59)

Yakni rujukkanlah kepada nas-nas yang boleh dipadan atau disesuaikan dengannya secara tidak langsung dan andainya didapati nas-nas yang seperti itu, maka rujukkanlah kepada dasar-dasar kulli/semesta yang umum di dalam agama Allah dan

syari'atnya dan ini bukannya dasar yang terapung-apung dan kacau-bilau dan bukan pula dasar-dasar samar, yang tidak diketahui dan menyesatkan akal manusia. Seperti yang pernah dikatakan oleh setengah-setengah tukang pesong. Sebenarnya di dalam Islam terdapat dasar-dasar asasi yang amat jelas yang merangkumi segala aspek hidup yang asasi. Dasar-dasar ini memagar segala aspek hidup itu dengan pagar yang boleh dilihat oleh setiap hati nurani Muslim yang dikawal dengan neraca agama ini. [25]

إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْآخِرِ

"Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."(59)

Keta'atan kepada Allah dan keta'atan kepada Rasul dan kepada pemerintah-pemerintah yang Mu'min yang melaksanakan syari'at Allah dan sunnah Rasulullah dan kewajipan merujukkan segala persoalan yang dipertikaikan itu kepada Allah dan Rasul-Nya adalah semuanya menjadi syarat keimanan kepada Allah dan kepada hari Akhirat di samping merupakan kehendak dari keimanan kepada Allah dan kepada hari Akhirat.Oleh itu keimanan tidak wujud dari awal-awal lagi jika syarat itu tidak wujud dan keimanan juga tidak wujud jika kesannya yang teguh tidak wujud.

Setelah Al-Qur'an mengungkapkan nas persoalan ini dalam bentuk pengungkapan bersyarat الوضع الشرطي maka sekali lagi ia mengemukakannya dalam bentuk "pengajaran" galakan dan pemberangsangan seperti yang telah dilakukannya dalam perintah menunaikan amanah-amanah dan melaksanakan penghakiman yang adil kemudian dikemukakan galakan dan pemberangsangan.

ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

"Tindakan itu adalah lebih baik untuk kamu dan lebih elok akibatnya." (59)

Yakni tindakan itu lebih membawa kebaikan kepada kamu dan lebih bagus kesudahannya, iaitu kebaikan di dunia dan kebaikan di Akhirat. Elok kesudahannya di dunia dan elok kesudahannya di Akhirat. Oleh itu mematuhi sistem hidup Ilahi bukan sahaja membawa kepada keredhaan Allah dan menghasilkan pahala di Akhirat - selaku keutamaan yang paling besar - tetapi ia juga menghasilkan kebaikan di dunia dan menghakikat kesudahan yang baik bagi individu dan kelompok di dalam kehidupan di dunia ini.

Kelebihan sistem Hidup Ilahi

Sistem hidup Ilahi ini bertujuan supaya "manusia" dapat meni'mati kelebihan-kelebihan satu sistem yang diciptakan untuk mereka oleh Allah Pencipta Yang Maha Bijaksana, Maha Mengetahui, Maha Melihat dan Maha Mendalam ilmu-Nya, satu sistem yang selamat dari kejahatan dan hawa nafsu manusia, dari kelemahan dan keinginan-keinginannya, satu sistem yang tidak memilih kasih terhadap seseorang atau terhadap sesuatu golongan atau terhadap sesuatu kaum atau terhadap sesuatu bangsa atau sesuatu generasi manusia, kerana Allah adalah Tuhan kepada semua dan Maha Sucilah Allah dari dipengaruhi keinginan pilih kasih terhadap seseorang atau sesuatu golongan atau sesuatu kaum atau sesuatu bangsa atau sesuatu generasi.

Di antara kelebihan sistem hidup Ilahi Penciptanya adalah Pencipta manusia itu sendiri yang mengetahui hakikat fitrahnya dan keperluan-keperluan yang sebenar bagi fitrahnya. Dia mengetahui segala liku-liku dan jalan-jalan jiwa manusia dan mengetahui pula cara-cara yang sesuai untuk berbicara dengannya dan untuk mengislahkannya. Dia - Maha Sucilah Dia - tidak meraba-raba di padang gurun ujian dan percubaan kerana menjadinya satu sistem yang sesuai dan tidak membebankan manusia menanggung perbelanjaan-perbelanjaan percubaan yang berat apabila mereka meraba-raba di dalam percubaan di padang gurun tanpa pemandu. Bagi manusia cukuplah mereka membuat percubaan-percubaan dalam bidang penciptaan-penciptaan kebendaan apa sahaja yang disukai mereka, kerana bidang ini adalah satu bidang yang amat meluas untuk diterokai oleh akal manusia. Begitu juga cukuplah bagi mereka berusaha dengan akal mereka untuk mempraktikkan sistem hidup Ilahi ini dan untuk memahami tempat-tempat qias dan ijtihad dalam perkara-perkara yang menimbulkan perselisihan pendapat-pendapat dan fikiran-fikiran.

Di antara kelebihan sistem hidup Ilahi ini ialah Penciptanya adalah Pencipta alam ini sendiri yang menjadi pentas hidup manusia. Pencipta alam ini telah mengurniakan kepada manusia satu sistem yang menjamin bahawa seluruh dasarnya sesuai dengan undang-undang alam buana, yakni sistem ini tidak akan bertarung dengan undang-undang alam buana, malah akan berkenalan dan bersahabat baik dengannya serta mengambil manfa'at darinya. Sistem hidup Ilahi ini akan memandu manusia ke arah ini dan melindungi mereka.

Di antara kelebihan sistem hidup Ilahi ialah - di samping ia memandu dan melindungi manusia - ia memulia dan menghormati mereka dan memberi tempat yang wajar kepada akalnya untuk bekerja di dalam sistem ini, iaitu tempat untuk berijtihad bagi memahami nas-nas yang datang dari Allah dan Rasul-Nya kemudian berijtihad untuk merujukkan masalah-masalah yang tidak ada nas kepada nas-nas yang ada atau kepada dasar-dasar umum agama dan seterusnya kepada bidang yang tulen yang dapat dikendalikan oleh akal manusia dan dapat dikuasai

[25] *Lihat huraian yang luas dalam buku "* خصائص التصور الاسلامي ومقوماته*" bab "*الثبات*"*

sepenuhnya, iaitu bidang kajian ilmiyah mengenai alam buana dan penciptaan-penciptaan kebendaan.[26]

ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ٥٩

"Tindakan itu adalah lebih baik untuk kamu dan lebih elok akibatnya."(59)

Amatlah benar dan tepat apa yang telah diterangkan oleh Allah Yang Maha Besar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 65)

Setelah selesai menjelaskan dasar kulli/semesta mengenai syarat keimanan dan batas keislaman, mengenai sistem asasi kelompok Muslimin dan mengenai sistem perundangannya dan dasar-dasarnya, maka Al-Qur'an di dalam (ayat-ayat yang berikut) berpaling pula kepada orang-orang yang menyeleweng dari dasar ini dan mendakwa bahawa mereka adalah dari orang-orang yang beriman, sedangkan mereka telah membatalkan syarat keimanan dan batas keislaman itu apabila mereka mahu berhakimkan kepada peraturan yang lain dari syari'at Allah, iaitu mereka mahu berhakimkan **"kepada Thaghut, sedangkan mereka telah diperintah supaya jangan percaya kepadanya."**

Al-Qur'an berpaling kepada mereka untuk menyatakan kehairanan terhadap perbuatan mereka dan untuk mengecam mereka, juga untuk memberi amaran kepada mereka dan orang-orang yang seumpama mereka bahawa syaitan selama-lamanya mahu menyesatkan mereka. Selanjutnya Al-Qur'an menceritakan perilaku mereka apabila mereka diajak mengikuti peraturan yang telah diturun oleh Allah dan mengikuti Rasulullah s.a.w., iaitu mereka menolak dan menafikan ajakan itu. Tindakan ini dianggap suatu sikap yang Munafiq, begitu juga kehendak mereka yang mahu berhakimkan kepada Thaghut itu dianggap suatu perbuatan yang mengeluarkan mereka dari keimanan, malah mereka tidak masuk dalam keimanan sejak dari awal-awal lagi. Al-Qur'an selanjutnya menceritakan alasan-alasan mereka yang lemah dan dusta ketika mereka mengikuti jalan yang keji itu dan alasan ini dikemukakan mereka apabila mereka ditimpa kesusahan. Walaupun demikian, namun Allah tetap mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya terus diberi nasihat dan pengajaran kepada mereka. Kemudian bahagian ini diakhiri dengan sebuah kenyataan yang menerangkan tujuan Allah mengutuskan para rasul, iaitu supaya mereka dita'ati. Kemudian sekali lagi ia menjelaskan dengan nas yang tegas tentang syarat keimanan dan batas keislaman:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ ءَامَنُواْ بِمَآ أُنزِلَ
إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَن يَتَحَاكَمُوٓاْ
إِلَى ٱلطَّٰغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوٓاْ أَن يَكْفُرُواْ بِهِۦ وَيُرِيدُ
ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُضِلَّهُمْ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ٦٠
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْاْ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى
ٱلرَّسُولِ رَأَيْتَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يَصُدُّونَ عَنكَ
صُدُودًا ٦١
فَكَيْفَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌۢ بِمَا قَدَّمَتْ
أَيْدِيهِمْ ثُمَّ جَآءُوكَ يَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ إِنْ أَرَدْنَآ إِلَّآ
إِحْسَٰنًا وَتَوْفِيقًا ٦٢
أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يَعْلَمُ ٱللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ
فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُل لَّهُمْ فِيٓ
أَنفُسِهِمْ قَوْلًۢا بَلِيغًا ٦٣
وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ
ٱللَّهِ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَّلَمُوٓاْ أَنفُسَهُمْ جَآءُوكَ
فَٱسْتَغْفَرُواْ ٱللَّهَ وَٱسْتَغْفَرَ لَهُمُ ٱلرَّسُولُ
لَوَجَدُواْ ٱللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا ٦٤
فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا
شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُواْ فِيٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا
مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا ٦٥

"Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkannya sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan Thaghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya? Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh (60). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu mematuhi perintah yang telah diturunkan Allah dan apa yang telah diputuskan oleh Rasul nescaya engkau dapati orang-orang Munafiqin berpaling darimu dengan penuh angkuh (61). Oleh itu bagaimana nanti jika mereka ditimpa musibat kerana perbuatan yang telah

[26] *Lihat buku "هذا الدين" bab "منهج متفرد"*

dilakukan oleh tangan mereka sendiri kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah: Demi Allah, tiadalah kami kehendaki melainkan hanya kebaikan dan penyesuaian (62). Merekalah orang-orang yang Allah memang mengetahui segala isi hati mereka. Oleh itu hendaklah engkau berpaling dari mereka dan berilah nasihat kepada mereka dan katakanlah kepada mereka perkataan yang mendalam kesan di dalam hati mereka (63). Dan Kami tidak utuskan seseorang Rasul melainkan supaya dita'ati dengan izin Allah dan andainya mereka - ketika menzalimi diri mereka - datang menemui engkau dan memohon keampunan kepada Allah kemudian Rasul memohon keampunan untuk mereka nescaya mereka dapati Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih (64). Oleh itu demi Tuhan, mereka tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerima dengan penuh kerelaan."(65)

Gambaran yang sedemikian rupa terhadap kumpulan yang diceritakan oleh ayat-ayat ini menyarankan bahawa peristiwa ini berlaku di zaman permulaan hijrah, di mana kuam Munafiqin dan kaum Yahudi yang bekerjasama dengan mereka masih sama-sama mempunyai kekuatan.

Mereka mahu berhakimkan kepada peraturan yang lain dari syari'at Allah, iaitu berhakimkan kepada Thaghut. Mungkin kumpulan ini terdiri dari orang-orang Munafiqin - sebagaimana telah dijelaskan di dalam ayat yang kedua dari kumpulan ayat-ayat ini. Dan mungkin pula terdiri dari orang-orang Yahudi apabila mereka diajak berhakimkan kepada kitab Allah apabila timbul kes-kes guaman sesama mereka atau di antara mereka dengan penduduk Madinah. Kitab Allah yang dimaksudkan di sini ialah kadang-kadang kitab Taurat dan kadang-kadang penghakiman Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang berlaku pada setengah-setengah kes guaman, tetapi mereka menolak dan mahu berhakimkan kepada tradisi-tradisi jahiliyah yang lumrah pada masa itu. Dalam masalah ini kami tarjihkan andaian yang pertama kerana Allah telah menjelaskan keadaan mereka dalam firman-Nya:

ٱلَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا۟ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ

"Orang-orang yang mendakwa bahawa telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkan-Nya sebelum engkau"(60)

Sedangkan kaum Yahudi tidak memeluk Islam dan tidak pernah mendakwa bahawa mereka beriman kepada wahyu yang telah diturunkan-Nya kepada Rasulullah s.a.w., malah kaum Munafiqin sahaja yang mendakwa bahawa mereka beriman kepada wahyu yang telah diturunkan kepada beliau. Dan kepada wahyu yang diturunkan-Nya sebelum beliau (mengikut sebagaimana kehendak 'aqidah Islamiyah yang mempercayai seluruh Rasul).

Peristiwa ini tidak berlaku kecuali di dalam tahun-tahun pertama hijrah, iaitu sebelum kekuatan kaum Yahudi di kalangan Bani Quraizah dan Khaybar belum lagi dihancurkan dan sebelum kedudukan kaum Munafiqin menjadi begitu lemah setelah berakhirnya kedudukan kaum Yahudi di Madinah.

Walau bagaimanapun kita dapati dalam kumpulan ayat-ayat ini satu penentuan yang lengkap, halus dan tegas tentang syarat keimanan dan batas keislaman dan kita dapati pertanyaan dari Allah S.W.T. sendiri bahawa orang-orang yang berhakim kepada Thaghut itu dianggap tidak beriman kerana mereka telah diperintah supaya jangan mempercayai Thaghut. Begitu juga kita dapati Allah S.W.T. bersumpah dengan zat-Nya Yang Maha Tinggi bahawa mereka tidak masuk di dalam keimanan dan tidak dikira sebagai orang-orang yang beriman sehingga mereka berhakimkan Rasulullah dalam kesan-kesan guaman mereka dan menta'ati keputusan beliau dengan penuh kerelaan dan melaksanakannya dengan hati yang lapang, iaitu menerima keputusan beliau dengan penerimaan sukarela bukannya kerana lemah dan terpaksa, malah kerana yakin dan redha.

* * * * * *

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا۟ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَن يَتَحَاكَمُوٓا۟ إِلَى ٱلطَّٰغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوٓا۟ أَن يَكْفُرُوا۟ بِهِۦ وَيُرِيدُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُضِلَّهُمْ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿٦٠﴾

"Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkannya sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan Thaghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya? Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh."(60)

Berhakimkan Undang-undang Thaghut

Yakni tidakkah engkau melihat sesuatu yang sungguh menghairankan, iaitu ada sekumpulan manusia yang mendakwa beriman, tetapi di dalam waktu yang sama mereka runtuhkan dakwaan itu. Mereka mendakwa beriman kepada wahyu yang telah diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu. Kemudian mereka tidak mahu berhakimkan kepada wahyu yang diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu? Malah mereka mahu berhakimkan kepada sesuatu yang lain, kepada peraturan yang lain dan kepada hukum-hukum yang lain. Mereka mahu berhakimkan kepada peraturan Thaghut yang tidak mengambil dari wahyu yang diturunkan kepada mu dan dari wahyu yang diturunkan sebelummu, iaitu peraturan yang tidak dikawal dan ditimbang dengan neraca wahyu yang diturunkan kepadamu dan wahyu

yang diturunkan sebelummu. Oleh sebab itulah peraturan ini dikatakan Thaghut yang zalim dan keterlaluan kerana ia mendakwa memiliki salah satu dari ciri-ciri Uluhiyah dan kerana ia tidak tunduk kepada neraca Uluhiyah yang betul. Mereka berbuat begitu bukan kerana jahil dan bukan pula berdasarkan sangkaan-sangkaan malah mereka sememang mengetahuinya dengan keinginan yang penuh dan dengan - pengetahuan yang cukup bahawa perbuatan berhakimkan kepada Thaghut adalah satu perbuatan yang diharamkan Allah. Firman Allah:

وَقَدْ أُمِرُوٓا۟ أَن يَكْفُرُوا۟ بِهِۦ

"Meskipun mereka diperintah supaya mengingkari-nya."(60)

Oleh kerana itu perbuatan mereka di dalam perkara ini bukan kerana kejahilan dan tidak pula kerana sangkaan malah mereka lakukannya dengan sengaja, dengan qasad dan niat. Oleh sebab itu dakwaan mereka yang mengaku beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelum mu adalah satu dakwaan yang tidak betul dan jujur, malah yang sebenarnya syaitan mahu membawa mereka ke dalam kesesatan yang tidak ada harapan lagi untuk mereka kembali ke pangkal jalan.

وَيُرِيدُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُضِلَّهُمْ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿٦٠﴾

"Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh."(60)

Inilah sebab sebenar yang tersembunyi di sebalik kemahuan mereka hendak berhakimkan Thaghut. Inilah motif yang menyebabkan mereka terkeluar dari batas keimanan dan syaratnya dan mendorong mereka ke arah berhakimkan Thaghut. Inilah motif yang didedahkan Allah kepada mereka supaya mereka sedar dan pulang ke pangkal jalan, juga kepada kelompok Muslimin supaya mereka mengetahui siapakah sebenarnya yang menggerakkan kaum Munafiqin dan berdiri di belakang mereka.

Ayat yang berikut menceritakan keadaan mereka apabila mereka diseru supaya mengikut perintah yang telah diturunkan Allah kepada Rasul-Nya dan kepada perintah yang telah diturunkan sebelumnya kerana mereka mendakwa beriman kepada-Nya:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ رَأَيْتَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يَصُدُّونَ عَنكَ صُدُودًا ﴿٦١﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu mematuhi perintah yang telah diturunkan Allah dan apa yang telah diputuskan oleh Rasul nescaya engkau dapati orang-orang Munafiqin berpaling darimu dengan penuh angkuh."(61)

Subhanallah! Tabi'at nifaq selalunya membuka tembelang dirinya sendiri dan selalunya bertindak bertentangan dengan logik fitrahnya.

Mengikut logik fitrah yang jelas apabila seseorang itu beriman kepada suatu peraturan atau kepada seseorang tentulah dia mahu berhakimkan kepada peraturan dan kepada orang yang dipercayainya itu. Oleh itu apabila dia mendakwa bahawa dia telah beriman kepada Allah dan kepada peraturan yang diturunkan-Nya dan beriman kepada Rasul dan kepada peraturan yang diturunkan kepada beliau kemudian jika dia diseru supaya mematuhinya dengan berhakimkan kepada perintah-Nya, syari'at-Nya dan peraturan-Nya, maka sudah tentu dia akan memberi sambutan yang sepenuhnya kepada seruan itu mengikut logik fitrah, tetapi andainya dia enggan dan menolak maka tindakan itu tentulah bertentangan dengan logik fitrah dan mendedahkan tembelang nifaqnya di samping mendustakan dakwaannya yang mengaku beriman itu.

Kepada logik fitrah yang amat jelas inilah Allah menghakimkan orang-orang yang mendakwa beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak mahu berhakimkan kepada peraturan Allah dan Rasul-Nya, malah menolak dan berpaling darinya dengan penuh angkuh.

Kemudian ayat yang berikut mendedahkan salah satu dari gejala tabi'at nifaq di dalam tindak-tanduk mereka apabila mereka jatuh dalam sesuatu kesusahan atau musibat akibat keengganan mereka menyambut seruan supaya mematuhi peraturan yang telah diturunkan Allah dan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Rasulullah s.a.w. atau dengan sebab mereka cenderung berhakimkan Thaghut. Di waktu inilah mereka mengeluarkan alasan-alasan yang seluruhnya mencerminkan tabi'at nifaq mereka:

فَكَيْفَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌۢ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ثُمَّ جَآءُوكَ يَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ إِنْ أَرَدْنَآ إِلَّآ إِحْسَٰنًا وَتَوْفِيقًا ﴿٦٢﴾

"Oleh itu bagaimana nanti jika mereka ditimpa musibah kerana perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan mereka sendiri kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah: Demi Allah, tiadalah kami kehendaki melainkan hanya kebaikan dan penyesuaian."(62)

Musibah ini kadang-kadang menimpa mereka dengan sebab pecahnya tembelang mereka di tengah-tengah kelompok Muslimin pada masa itu, di mana mereka terdedah kepada tindakan dibuang, dipulau dan dihina di dalam masyarakat Islam, kerana masyarakat Islam tidak sanggup melihat adanya di kalangan mereka orang-orang yang mendakwa beriman kepada Allah dan kepada peraturan yang diturunkan-Nya, juga beriman kepada Rasul dan kepada peraturan yang diturunkan Allah kepada

beliau, kemudian mereka lebih cenderung berhakimkan kepada peraturan yang lain dari syari'at Allah atau mereka bertindak menolak dan berpaling darinya apabila diajak berhakimkan kepada syari'at Allah. Sikap yang seumpama ini hanya diterima di dalam masyarakat yang tidak mempunyai keimanan dan keislaman yang sebenar, di mana seluruh keimanan di dalam masyarakat ini ialah dakwaan-dakwaan yang sama dengan dakwaan-dakwaan kaum Munafiqin itu dan seluruh keislamannya ialah dakwaan-dakwaan dan nama-nama Islam sahaja.

Atau musibah itu kadang-kadang menimpa mereka akibat kezaliman yang dideritai mereka disebabkan mereka berhakimkan kepada peraturan yang lain dari peraturan Allah yang adil. Kini mereka pulang dengan kecewa dan menyesal kerana berhakimkan kepada Thaghut di dalam sesuatu kes guaman mereka.

Atau musibah itu kadang-kadang menimpa mereka sebagai suatu ujian dari Allah supaya mereka berfikir dan mendapat hidayat.

Walau apa pun sebab musibah itu, namun nas Al-Qur'an tetap bertanya mengecam: Apakah yang akan berlaku di waktu itu? Bagaimana mereka pulang kepada Rasulullah s.a.w.?

يَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ إِنْ أَرَدْنَآ إِلَّآ إِحْسَٰنًا وَتَوْفِيقًا ﴿٦٢﴾

"Demi Allah, tiadalah Kami kehendaki melainkan hanya kebaikan dan penyesuaian."(62)

Inilah satu keadaan yang amat mengecewakan ketika mereka pulang dan menyedari kesalahan yang telah dilakukan mereka, tetapi mereka tidak sanggup menghadapi Rasulullah s.a.w. dengan motif-motif mereka yang sebenar dan oleh itu dalam waktu yang sama mereka bersumpah dusta bahawa tujuan mereka bukannya hendak berhakimkan Thaghut - mungkin yang dimaksudkan di sini ialah tradisi-tradisi jahiliyah - ialah mereka ingin melakukan kebaikan dan penyesuaian! Inilah alasan yang selalu digunakan oleh setiap orang yang tidak mahu berhakimkam kepada agama Allah dan syari'at-Nya, iaitu mereka mahu mengelakkan dari kesulitan-kesulitan, kesukaran-kesukaran dan kepayahan-kepayahan yang timbul kerana berhakimkan agama Allah dan syari'at-Nya. Mereka mahu menyesuai dan menyelaraskan di antara berbagai-bagai anasir, berbagai-bagai kecenderungan dan berbagai-bagai kepercayaan. Inilah alasan orang-orang yang mengaku beriman, sedangkan mereka tidak beriman. Inilah alasan orang-orang Munafiqin yang memutar-belitkan. Alasan mereka sama sahaja di setiap zaman.

(Di dalam ayat yang berikut) Allah S.W.T. menanggalkan pakaian yang palsu dari badan mereka dan menceritakan kepada Rasul-Nya s.a.w. bahawa dia mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam hati mereka, tetapi walaupun begitu, Dia tetap mengarahkan beliau supaya bertindak terhadap mereka dengan lemah-lembut dan memberi nasihat kepada mereka agar berhenti dari perbuatan yang tidak jujur ini:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يَعْلَمُ ٱللَّهُ مَا فِى قُلُوبِهِمْ
فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُل لَّهُمْ فِىٓ
أَنفُسِهِمْ قَوْلًۢا بَلِيغًا ﴿٦٣﴾

"Merekalah orang-orang yang Allah memang mengetahui segala isi hati mereka. Oleh itu hendaklah engkau berpaling dari mereka dan berilah nasihat kepada mereka dan katakanlah kepada mereka perkataan yang mempunyai kesan mendalam di dalam hati mereka."(63)

Yakni mereka yang menyembunyikan hakikat niat dan motif mereka dan mengemukakan alasan-alasan ini hendaklah mengetahui bahawa Allah mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam hati mereka, cuma siasah yang diamalkan di waktu itu terhadap orang-orang Munafiqin ialah mengabaikan kesalahan mereka dan bertindak dengan lemah-lembut terhadap mereka dan meneruskan amalan memberi nasihat dan pengajaran kepada mereka.

Pengungkapan yang menarik dalam ayat yang berikut:

وَقُل لَّهُمْ فِىٓ أَنفُسِهِمْ قَوْلًۢا بَلِيغًا ﴿٦٣﴾

"Dan katakanlah kepada mereka perkataan yang mempunyai kesan mendalam di dalam hati mereka"(63)

adalah satu pengungkapan yang memberi gambaran seolah-olah perkataan itu diletakkan secara langsung di dalam hati dan tersemat terus di dalamnya.

Kemudian (di dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an menggalakkan mereka pulang ke pangkal jalan, bertaubat kepada Allah, bersikap jujur dan mencari ketenangan di bawah naungan Allah dan bimbingan Rasul-Nya setelah mereka menunjukkan kecenderungan berhakimkan kepada Thaghut dan tidak menghiraukan Rasulullah s.a.w. apabila mereka diajak berhakimkan kepada Allah dan Rasul. Pintu taubat masih terbuka dan peluang untuk kembali kepada Allah belum lagi terluput waktunya. Istighfar mereka kepada Allah terhadap dosa-dosa mereka dan istighfar Rasulullah s.a.w. terhadap mereka tetap diterima oleh Allah, tetapi sebelum semuanya ini Al-Qur'an lebih dahulu menjelaskan satu dasar yang asasi, iaitu tujuan Allah mengutuskan para rasul-Nya ialah supaya mereka dita'ati dengan keizinan-Nya bukan supaya ditentang perintah-perintah mereka dan bukan pula supaya mereka semata-mata menjadi penasihat-penasihat sahaja atau menjadi guru sahaja:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ
ٱللَّهِ ۚ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَّلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ جَآءُوكَ
فَٱسْتَغْفَرُوا۟ ٱللَّهَ وَٱسْتَغْفَرَ لَهُمُ ٱلرَّسُولُ

لَوَجَدُوا۟ ٱللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا ﴿٦٤﴾

"Dan Kami tidak utuskan seseorang Rasul melainkan supaya dita'ati dengan izin Allah dan andainya mereka - ketika menzalimi diri mereka - datang menemui engkau dan memohon keampunan kepada Allah kemudian Rasul memohon keampunan untuk mereka nescaya mereka dapati Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih."(64)

Konsep Keta'atan Kepada Rasul

Hakikat ini mempunyai makna yang penting, iaitu Rasul itu bukanlah semata-mata "pemberi-pemberi nasihat" yang hanya bertugas menghemburkan pengajaran-pengajarannya kemudian berlalu dari situ membiarkan kalimat-kalimat pengajarannya hilang begitu sahaja ditelan gelombang udara tanpa mempunyai apa-apa kuasa seperti yang pernah dikatakan oleh tukang-tukang pesong yang mahu memesongkan tabi'at agama Allah dan tabi'at Rasul atau seperti yang difahamkan oleh orang-orang yang tidak memahami pengertian "ad-Din" yang sebenar.

Pengertian ad-Din yang sebenar ialah sebuah sistem hidup yang realistik, lengkap dengan segala bentuk organisasi, perancangan dan penyusunan programnya, nilai-nilai, undang-undang, peraturan-peraturan, akhlak dan adab-bicaranya, ibadat-ibadatnya dan syi'ar-syi'arnya.

Semuanya ini menunjukkan bahawa kerasulan itu memerlukan "kuasa" untuk menghakikatkan sistem hidup ini dan kuasa untuk menundukkan orang ramai supaya ta'at merealisasikan perintahnya. (Kini jelaslah) bahawa Allah telah mengutuskan para rasul-Nya supaya mereka dita'ati dengan keizinan-Nya mengikut batas-batas, undang-undang dan peraturan-Nya untuk merealisasikan sistem hidup agama Allah, iaitu sistem yang telah dikehendaki Allah supaya mengurus dan mengendalikan kehidupan manusia.

Tiada seorang Rasul pun yang telah diutuskan Allah melainkan semuanya supaya mereka dita'ati oleh manusia dengan keizinan Allah. Oleh itu keta'atan kepada Rasul bererti keta'atan kepada Allah. Dia tidak pernah mengutus rasul-rasul semata-mata untuk menggerakkan kesedaran hati nurani dan melaksanakan syi'ar-syi'ar ibadat. Ini adalah suatu tanggapan yang salah di dalam memahami "ad-Din" dan satu tanggapan yang tidak selaras dengan hikmat Allah mengutuskan para rasul, iaitu untuk menegakkan satu sistem hidup yang tertentu di dalam realiti hidup manusia. Jika tidak, maka alangkah kerdil dan kecilnya hidup dunia ini, di mana seluruh tugas seorang Rasul hanya berdiri memberi nasihat dan mengeluarkan kata-kata pengajarannya kemudian berlalu begitu sahaja dari situ membiarkan nasihat-nasihat itu dipermain-mainkan oleh manusia-manusia yang sewenang-wenang dan biadab.

Dari sinilah sejarah Islam telah bentuk sebegitu rupa sebagai satu da'wah dan tabligh, sebagai satu sistem hidup, sebagai satu bentuk pemerintahan dan seterusnya sebagai satu bentuk pemerintahan khilafah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. yang ditegakkan dengan kekuatan syari'at dan peraturan untuk melaksanakan syari'at dan peraturan demi merealisasikan keta'atan yang berkekalan kepada Rasulullah di samping merealisasikan tujuan Allah mengutuskan Rasul kepada manusia. Di sana tidak ada satu bentuk yang lain boleh diistilahkan sebagai "Islam" atau "Agama" kecuali bentuk keta'atan kepada Rasul yang direalisasikan dalam setiap undang-undang dan peraturan. Kemudian bentuk undang-undang dan peraturan itu berubah-ubah, tetapi dasar dan hakikatnya tetap tidak berubah iaitu berserah bulat kepada sistem Allah dan merealisasikan peraturan Rasulullah dan berhakimkan kepada syari'at Allah dan menta'ati Rasulullah dalam segala perkara yang disampaikannya dari Allah mengkhususkan Allah dengan sifat Uluhiyah yang dilambangkan dalam syahadat "أن لا إله إلا الله" , kemudian mengkhususkan ciri Hakimiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu menjadikan kuasa mengadakan undang-undang dan peraturan itu sebagai hak Allah semata-mata tanpa disyarikati oleh sesiapa pun dan tanpa berhakimkan kepada Thaghut sama ada banyak atau sedikit dan kembali kepada Allah dan Rasul dalam semua persoalan dan masalah baru yang tidak mempunyai nas apabila berlaku perselisihan pendapat.

Kemudian Allah memberi peluang bertaubat kepada orang-orang Munafiqin yang telah menzalimi diri sendiri di zaman Rasulullah s.a.w., yang telah menyeleweng dari jalan Allah dan menggalakkan mereka supaya merebut peluang ini.

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَّلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ جَآءُوكَ
فَٱسْتَغْفَرُوا۟ ٱللَّهَ وَٱسْتَغْفَرَ لَهُمُ ٱلرَّسُولُ
لَوَجَدُوا۟ ٱللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا ﴿٦٤﴾

"Dan andainya mereka - ketika menzalimi diri mereka - datang menemui engkau dan memohon keampunan kepada Allah kemudian Rasul memohon keampunan untuk mereka nescaya mereka dapati Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih."(64)

Allah menerima taubat pada setiap waktu dari siapa sahaja yang bertaubat kepada- Nya dan Allah Maha Pengasih pada setiap waktu terhadap siapa sahaja yang pulang kepada-Nya. Allah sifatkan diri-Nya dengan sifat Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih dan Allah berjanji kepada mereka yang bertaubat dan beristighfar kepada-Nya bahawa Dia akan menerima taubat mereka dan akan melimpahkan rahmat keampunan-Nya ke atas mereka. Orang-orang yang termasuk di dalam nas ini pada masa dahulu mempunyai peluang mendapat istighfar Rasulullah s.a.w. untuk mereka dan sekarang peluang ini sudah habis tempohnya, tetapi pintu Allah tetap terbuka dan belum lagi ditutup dan janji-Nya

juga masih tetap ditawarkan dan belum lagi dibatalkan oleh itu sesiapa yang ingin merebut peluang pulang kepada Allah silalah tampil ke muka dan sesiapa yang berazam hendak bertaubat silalah maju ke depan.

Pada akhirnya tibalah ayat yang tegas dan jelas, di mana Allah bersumpah dengan zat-Nya Yang Maha Tinggi bahawa seorang Mu'min itu belum lagi dikira beriman sehingga ia berhakimkan Rasulullah s.a.w. di dalam seluruh urusannya dan menerima keputusan beliau dengan penuh kerelaan tanpa sebarang perasaan terkilan di dalam hatinya dan tanpa sebarang perasaan teragak-agak untuk menerimanya:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا
شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا
مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٦٥

"Oleh itu demi Tuhanmu, mereka tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerima dengan penuh kerelaan."(65)

Di sini sekali lagi kita dapati diri kita berada di hadapan syarat keimanan dan batas keislaman yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. sendiri yang bersumpah dengan zat-Nya dan selepas penjelasan ini tiada lagi ruang bagi sesiapa untuk memberi sesuatu pendapat atau ta'wilan dalam menentukan syarat keimanan dan batas keislaman kecuali pendapat dan ta'wilan kerana tujuan pertengkaran yang tidak wajar dilayani, iaitu seperti pendapat yang mengatakan bahawa tujuan ayat ini adalah bergantung dengan satu zaman yang tertentu sahaja dan terbatas kepada satu kumpulan manusia sahaja.

Inilah pendapat mereka yang tidak memahami sedikitpun tentang Islam dan tidak memahami sedikitpun tentang pengungkapan Al-Qur'an, sedangkan hakikat yang diterangkan oleh ayat ini adalah salah satu dari hakikat-hakikat kulli/semesta Islam. Ia diungkapkan dalam bentuk sumpah yang kuat dan bebas dari segala ikatan dan di sana tiada ruang untuk memberi tanggapan yang salah bahawa tujuan berhakimkan kepada Rasulullah s.a.w. ialah berhakimkan kepada peribadi beliau sendiri, malah tujuannya yang sebenar ialah berhakimkam kepada syari'atnya dan sunnahnya. Jika tidak, maka syari'at Allah dan sunnah Rasulullah tidak lagi mempunyai tempat selepas kewafatan beliau s.a.w. Pendapat yang seperti itu pernah dikeluarkan oleh golongan murtad yang paling degil di zaman Khalifah Abu Bakr r.a. Beliau telah memerangi mereka dengan peperangan yang dilancarkan ke atas orang-orang yang murtad, malah beliau telah memerangi mereka kerana perkara yang jauh lebih kecil dari itu lagi, iaitu semata-mata kerana mereka enggan ta'at kepada Allah dan rasul-Nya dalam hukum zakat dan tidak mahu menerima hukum zakat yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. selepas kewafatan beliau.

Dan andainya cukup untuk membuktikan "keislaman" apabila orang ramai Islam berhakimkan kepada syari'at Allah dan hukum-hukum Rasul-Nya, tetapi ia tidak cukup untuk membuktikan "keimanan" selama tidak disertai dengan kerelaan dan penerimaan hati yang ikhlas dan penyerahannya yang penuh keyakinan.

Inilah keislaman dan keimanan yang sebenar. Oleh itu setiap Muslim hendaklah melihat di mana kedudukan dirinya dari Islam dan di mana kedudukan dirinya dari iman sebelum dia membuat dakwaan beragama Islam dan beriman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 68)

Apakah Taklif-taklif Agama Itu Di Luar Kemampuan Manusia

Setelah menjelaskan hakikat bahawa tiada keimanan tanpa berhakimkan kepada Rasulullah s.a.w. dan tanpa menerima keputusan-keputusannya dengan penuh kerelaan, maka (di dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an kembali sekali lagi menerangkan bahawa peraturan dan syari'at yang diajak mereka berhakimkan kepada-Nya dan keputusan-keputusan Rasulullah yang diwajibkan mereka menerimanya adalah peraturan dan syari'at yang mudah dan keputusan-keputusan yang penuh bertimbangrasa. Ia tidak mentaklifkan mereka sesuatu yang melebihi daya keupayaan mereka atau sesuatu yang mendatangkan kesulitan kepada mereka. Ia tidak memaksa mereka mengorbankan sesuatu yang amat disayanginya, kerana Allah mengetahui segala titik kelemahan manusia dan penuh bertimbangrasa terhadap kelemahan-kelemahan itu. Allah mengetahui jika manusia dibebankan dengan taklif-taklif yang berat, maka tiada yang dapat menunaikannya kecuali sebilangan yang kecil sahaja. Allah tidak mahu mereka menderita kepayahan dan kesulitan dan tidak mahu mereka terjerumus ke dalam kesalahan melanggar perintah. Oleh sebab itulah Allah tidak mewajibkan ke atas mereka taklif-taklif yang mendatangkan kesulitan kepada mereka atau taklif-taklif yang menyebabkan ramai dari mereka melaksanakannya dengan taksir atau terus melanggar perintah. Dan andainya mereka melaksanakan taklif-taklif yang mudah yang telah diwajibkan ke atas mereka dan mematuhi pengajaran yang diberikan Allah kepada mereka nescaya mereka akan mencapai kebaikan yang amat besar di dunia dan Akhirat dan nescaya Allah menolong mereka dengan mengurniakan hidayat sebagaimana Dia menolong setiap mereka yang berjuang mencari hidayat dengan keazaman yang keras, kemahuan yang kuat, usaha yang bersungguh-sungguh dan kehendak yang teguh dalam batas keupayaan mereka:

وَلَوْ أَنَّا كَتَبْنَا عَلَيْهِمْ أَنِ اقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ أَوِ
اخْرُجُوا مِن دِيَارِكُم مَّا فَعَلُوهُ إِلَّا قَلِيلٌ مِّنْهُمْ ۖ وَلَوْ
أَنَّهُمْ فَعَلُوا مَا يُوعَظُونَ بِهِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ
وَأَشَدَّ تَثْبِيتًا ﴿٦٦﴾
وَإِذًا لَّآتَيْنَاهُم مِّن لَّدُنَّا أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٦٧﴾
وَلَهَدَيْنَاهُمْ صِرَاطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٦٨﴾

"Dan jika Kami mewajibkan ke atas mereka (dengan perintah): Bunuhlah diri kamu atau keluarlah dari kampung halaman kamu nescaya mereka tidak akan melakukannya melainkan sebilangan yang kecil sahaja dan andainya mereka melaksanakan apa yang dinasihatkan kepada mereka tentulah lebih baik bagi mereka dan lebih menguatkan (iman) mereka (66). Dan jika demikian tentulah Kami berikan pahala yang amat besar dari sisi Kami (67). Dan tentulah Kami bimbing mereka ke jalan yang lurus."(68)

Agama Allah itu mudah. Ia boleh dilaksanakan oleh setiap orang yang mempunyai fitrah yang sihat. Ia tidak memerlukan kepada keazaman-keazaman yang luar biasa - yang lazimnya - tidak boleh didapati melainkan dalam kalangan sebilangan kecil manusia sahaja, sedangkan agama ini tidak diturunkan untuk segolongan kecil manusia yang seperti itu, malah ia diturunkan untuk seluruh manusia dari berbagai-bagai keturunan dan warna dan dari berbagai-bagai kelas dari segi kemampuan dan keupayaan melaksanakan taklif-taklif agama. Agama ini memberi kemudahan kepada seluruh mereka untuk melaksanakan keta'atan-keta'atan yang dituntut di dalam agama dan untuk menahan diri dari maksiat-maksiat yang dilarangkannya.

Taklif membunuh diri dan keluar meninggalkan kampung halaman merupakan dua contoh taklif yang berat yang andainya diwajibkan ke atas mereka tentulah tidak ada orang yang sanggup melaksanakannya kecuali segelintir manusia sahaja, tetapi taklif-taklif yang seperti ini tidak diwajibkan ke atas mereka, kerana tujuan taklif-taklif itu bukanlah supaya kebanyakan orang tidak dapat melaksanakannya, malah tujuannya ialah supaya ia dapat dilaksanakan oleh semua orang dan supaya angkatan iman itu merangkumi setiap orang normal yang biasa dan seterusnya supaya masyarakat Islam dapat merangkul manusia dari semua kelas hati, semua kelas keazaman dan semua kelas kesediaan dan dapat menyubur dan memajukan seluruh mereka di tengah perjalanan angkatan Mu'minin yang besar, syumul dan luas itu.

Ujar Ibn Juraij: Kami telah diceritakan oleh al-Muthanna iaitu Ishaq Abul-Azhar dari Ismail dari Abu Ishaq as-Subay'ii katanya: Apabila turun ayat:

وَلَوْ أَنَّا كَتَبْنَا عَلَيْهِمْ أَنِ اقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ...

Dan jika Kami mewajibkan ke atas mereka (dengan perintah): Bunuhlah diri kamu.

ada seorang lelaki berkata: Jika Allah menyuruh kami nescaya kami kerjakannya, tetapi Alhamdulillah syukurlah Allah telah melepaskan kami (dari taklif itu). Kemudian berita itu sampai kepada Nabi s.a.w. lalu beliau bersabda:

إن من أمتي لرجالاً الإيمان أثبت في قلوبهم من الجبال الرواسي

"Sesungguhnya di antara umatku ada lelaki-lelaki yang kekuatan iman mereka di dalam hati adalah lebih teguh dari gunung-ganang."

Mengikut riwayat Ibn Abi Hatim dengan isnadnya dari Musa'b ibn Thabit dari bapa saudaranya 'Amir ibn Abdullah ibn az-Zubayr katanya: Tatkala turun ayat:

وَلَوْ أَنَّا كَتَبْنَا عَلَيْهِمْ أَنِ اقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ...

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لو نزلت لكان ابن أم عبد منهم

"Andainya ayat ini turun (kepada kaum Muslimin) nescaya Ibn Ummi 'Abd termasuk di dalam golongan mereka."

Mengikut satu riwayat yang lain bagi Ibn Abi Hatim dengan isnadnya dari Syurayh ibn 'Ubayd katanya: Apabila Rasulullah s.a.w. membaca ayat ini:

وَلَوْ أَنَّا كَتَبْنَا عَلَيْهِمْ أَنِ اقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ...

maka Rasulullah s.a.w. pun menunjukkan dengan tangannya ke arah Abdullah ibn Rawahah kemudian bersabda:

لو أن الله كتب هذا، لكان هذا من أولئك القليل

"Andainya Allah mewajibkan taklif ini nescaya orang ini (Abdullah ibn Rawahah) termasuk di dalam golongan yang kecil ini."

Rasulullah s.a.w. mengenali sahabat-sahabatnya dengan pengenalan yang yakin, mendalam dan halus. Beliau mengetahui sifat-sifat istimewa setiap orang dari mereka lebih dari mereka mengenal diri mereka sendiri. Di dalam sirah terdapat banyak bukti yang menunjukkan betapa mendalamnya pengetahuan dan pengalaman beliau dengan setiap orang dari sahabat-sahabatnya. Begitu juga pengetahuan dan pengalaman beliau dengan tokoh-tokoh dan suku-suku kaum yang menentang dan memerangi beliau, iaitu pengetahuan dan pengalaman seorang panglima tentera yang mengetahui dengan secara terperincinya segala sesuatu dan sekalian orang yang ada di sekelilingnya. Pengetahuan dan pengalaman beliau yang seperti ini belum lagi dibuat kajian yang sewajarnya.

Ini bukanlah maudhu' pembicaraan kita di sini, tetapi yang menjadi maudhu' pembicaraan kita ialah Rasulullah s.a.w. mengetahui bahawa di kalangan umatnya ada orang-orang yang sanggup melaksanakan taklif-taklif yang berat jika diwajibkan ke atas mereka, tetapi beliau juga mengetahui bahawa agama ini bukanlah diturun untuk segelintir manusia yang istimewa ini sahaja di antara seluruh manusia yang lain. Allah S.W.T. memang mengetahui tabi'at makhluk "manusia" yang diciptakan-Nya itu dan mengetahui batas-batas kemampuan dan keupayaannya. Oleh sebab itu Allah tidak mewajibkan di dalam agama yang diturunkan untuk seluruh manusia itu melainkan taklif-taklif yang mudah bagi semua orang yang mempunyai keazaman yang sihat, fitrah yang sederhana dan niat hendak beribadat kepada Allah dan tidak bertindak sewenang-wenang dan tidak pula bersikap memandang ringan.

Penjelasan hakikat ini amatlah penting untuk menghadapi propaganda-propaganda yang meruntuh, iaitu propaganda-propaganda yang menggalakkan manusia ke arah kebebasan ala haiwan dan kebebasan bergelimang di dalam lumpur yang kotor seperti ulat-ulat dengan alasan bahawa inilah realiti hidup "manusia" inilah tabi'at manusia dan fitrahnya dan inilah batas-batas kemampuan dan keupayaannya, sedangkan agama merupakan da'wah yang misali yang diturun bukan untuk direalisasikan di dalam realiti kehidupan di bumi dan andainya ada seorang yang berupaya melaksanakan taklif-taklif agama, maka di sana ada seratus yang tidak mampu melaksanakannya.

Dakwaan ini pertama dusta, kedua menipu dan ketiga jahil, kerana ia tidak memahami "manusia" dan tidak mengetahui tabi'atnya sebagaimana yang diketahui oleh Allah Penciptanya yang telah mewajibkan taklif-taklif agama itu ke atas mereka. Allah S.W.T, memang mengetahui bahawa taklif-taklif agama itu adalah termasuk di dalam lingkungan keupayaan manusia biasa, kerana agama bukanlah diturun untuk segelintir manusia yang luar biasa.

Yang diperlukan di sini ialah keazaman seorang manusia biasa, keikhlasan niat dan tindakan memulakan perjalanan dan ketika itu akan terlaksanalah apa yang dijanjikan Allah kepada setiap orang yang beramal:

وَلَوْ أَنَّهُمْ فَعَلُوا۟ مَا يُوعَظُونَ بِهِۦ لَكَانَ خَيْرًا
لَّهُمْ وَأَشَدَّ تَثْبِيتًا ﴿٦٦﴾

"Dan andainya mereka melaksanakan apa yang dinasihatkan kepada mereka tentulah lebih baik bagi mereka dan lebih menguatkan (iman) mereka."(66)

وَإِذًا لَّءَاتَيْنَٰهُم مِّن لَّدُنَّآ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٦٧﴾
وَلَهَدَيْنَٰهُمْ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٦٨﴾

"Dan jika demikian tentulah Kami berikan pahala yang amat besar dari sisi Kami.(67) Dan tentulah Kami bimbing mereka ke jalan yang lurus."(68)

Sebaik sahaja dimulakan tindakan akan tibalah pertolongan dari Allah diikuti oleh pengukuhan dirinya supaya meneruskan perjalanan, diikuti oleh pahala yang besar dan hidayat ke jalan yang lurus. Amatlah besar dan tepat apa yang telah dijelaskan oleh Allah itu. Allah S.W.T. sama sekali tidak menipu para hamba-Nya dan sama sekali tidak menjanjikan mereka sesuatu janji yang tidak ditepatinya, kerana Allah tidak bercakap kepada mereka melainkan sesuatu yang benar:

وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ ٱللَّهِ حَدِيثًا ﴿٨٧﴾

"Siapakah yang lebih benar perkataannya dari Allah."(87)

Sikap Mencari Hukum-hukum Yang Mudah

Dasar "mudah" yang wujud di dalam agama Allah itu bukanlah bermaksud "bermudah-mudah" atau mencari segala yang mudah dan bukanlah bererti mengumpulkan segala kemudahan dan kebenaran di dalam agama ini dan menjadikannya satu sistem hidup, kerana di dalam agama ini terdapat kewajipan-kewajipan yang ketat dan serius yang dipanggil 'azimah dan terdapat pula kemudahan-kemudahan dan kebenaran-kebenaran yang dinamakan rukhsah. Kewajipan-kewajipan yang ketat dan serius merupakan pokok pangkal atau amalan dasar di dalam agama, sedangkan kemudahan-kemudahan dan kebenaran-kebenaran hanya merupakan peraturan-peraturan sementara untuk menghadapi keadaan-keadaan darurat sahaja. Ada setengah-setengah penda'wah yang jujur dan berniat baik telah menggunakan kemudahan-kemudahan itu untuk menarik orang ramai kepada agama ini, iaitu mereka mengumpulkan kemudahan-kemudahan dan kebenaran-kebenaran yang dibenarkan oleh agama kemudian mereka bentangkan kepada orang ramai sambil berkata kepada mereka: Lihatlah betapa mudahnya agama ini! Ada pula setengah-setengah tukang ampu yang mahu memuaskan selera pemerintah atau selera orang ramai berusaha mencari jalan keluar dari celah hukum-hukum dan nas-nas iaitu mereka bertindak menggunakan agama sebagai jalan keluar untuk memuaskan selera-selera itu.

Agama Allah ini bukannya boleh dipilih-pilih begitu. Ia pasti diambil secara borong atau secara keseluruhan, iaitu harus diambil dengan segala 'azimahnya dan segala rukhsahnya. Ia memang mudah kepada manusia dengan erti semua taklifnya boleh dilaksanakan oleh manusia biasa apabila ia mempunyai keazaman, dan dalam hal ini dia boleh mencapai kesempurnaan peribadinya mengikut batas-batas keupayaan dan kemampuannya sebagaimana di dalam sebuah kebun buahan yang sama semua buah-buah seperti anggur, khukh, lai, tut, tin, mentimun dan sebagainya boleh mencapai kesempurnaan atau kematangan masing-masing walaupun dengan rasa yang berlainan. Di sini tiada buah yang boleh

disifatkan sebagai tidak matang - walaupun ia telah matang - dengan alasan kerana rasanya kurang enak dari buah-buah dari jenis yang lain.

Di dalam kebun agama juga tumbuhnya sayur-sayuran dan mentimun, tumbuhnya pokok-pokok zaitun, delima, epal, burquq (plum), anggur, tin dan sebagainya dan semuanya masak dan matang dengan rasa masing-masing. Walaupun berlainan rasa tetapi semuanya masak belaka dan mencapai kesempurnaan yang telah ditetapkan kepada masing-masing.

Itulah tanaman Allah di dalam kebun Allah di bawah jagaan Allah dan dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 70)

Pada akhirnya penjelajahan ini dan pada akhir pelajaran ini, ayat yang berikut kembali pula memberi pemberangsangan kepada hati dan memberi isyarat kepada roh supaya merebut keni'matan bersahabat dengan nabi-nabi, para siddiqin, para Syuhada' dan para salihin.

وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَعَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمَ
ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلصِّدِّيقِينَ وَٱلشُّهَدَآءِ
وَٱلصَّٰلِحِينَ ۚ وَحَسُنَ أُو۟لَٰٓئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾
ذَٰلِكَ ٱلْفَضْلُ مِنَ ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ عَلِيمًا ﴿٧٠﴾

"Dan sesiapa yang ta'atkan Allah dan Rasul, maka mereka kelak akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi ni'mat Allah iaitu dari nabi-nabi, para siddiqin, para Syuhada' dan orang-orang yang soleh dan merekalah sebaik-baik teman (69). Semuanya itu adalah limpah kurnia dari Allah dan cukuplah Allah Yang Maha Mengetahui (pahala balasan)."(70)

Kecintaan Kepada Rasulullah

Itulah sentuhan yang merangsangkan perasaan setiap hati yang masih ada sebesar zarrah kebajikan dan kebaikan dan masih ada sedenyut harapan mendapat maqam yang mulia untuk bersahabat dengan tokoh-tokoh besar manusia yang memperolehi martabat yang tinggi di sisi Allah, kerana ni'mat persahabatan dengan kumpulan tokoh-tokoh yang tinggi hanya dapat dicapai dengan limpah kurnia Allah. Ia tidak boleh dicapai oleh seseorang semata-mata dengan kelebihan amalan dan keta'atannya sahaja, malah ni'mat itu adalah dari limpah kurnia Allah yang melimpah ruah.

Di sini eloklah kita hidup sebentar bersama-sama sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang begitu rindu hendak bersahabat dengan beliau di Akhirat kelak. Di antara mereka ada yang begitu kasih dan rindu hingga sampai ke tahap tidak mahu diambil nyawanya ketika ia memikirkan sa'at perpisahannya dengan beliau, sedangkan beliau s.a.w. masih hidup di kalangan mereka. Lalu turunlah ayat ini menenangkan kerinduan mereka yang luhur dan amat peka itu.

Ujar Ibn Jarir kami telah diceritakan oleh Ibn Humayd, kami telah diceritakan oleh Ya'kub al-Qummi dari Ja'afar ibn Abi al-Mughirah dari Sa'id ibn Jubayr katanya: Ada seorang lelaki dari kaum Ansar datang menemui Rasulullah s.a.w. dengan keadaan dukacita lalu Nabi s.a.w. bertanya: "Mengapa aku nampak engkau berdukacita?"Jawab orang itu "Wahai Nabi Allah! Ada sesuatu yang saya fikirkan." Beliau bertanya: "Apa dia?" Jawab orang itu, "Kami datang ke mari menemui anda kemudian balik. Sekarang kami dapat menatap wajah anda dan duduk bersama anda, tetapi besok anda akan diangkat bersama para anbiya' dan tentulah kami tidak dapat ke tempat anda lagi". Nabi s.a.w. tidak menjawab sepatah pun. Kemudian turunlah Jibril membawa ayat ini.

وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَعَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمَ
ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلصِّدِّيقِينَ وَٱلشُّهَدَآءِ
وَٱلصَّٰلِحِينَ ۚ وَحَسُنَ أُو۟لَٰٓئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾

"Dan sesiapa yang ta'atkan Allah dan Rasul, maka mereka kelak akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi ni'mat Allah iaitu dari nabi-nabi, para siddiqin, para Syuhada' dan orang-orang yang soleh dan merekalah sebaik-baik teman."(69)

Lalu Nabi s.a.w. memanggil orang itu dan menyampaikan berita gembira ini kepadanya.

Menurut satu hadith Marfu' yang diriwayatkan oleh Abu Bakr ibn Mardawayh dengan isnadnya dari Aisyah r.a. katanya: Ada seorang lelaki datang menemui Nabi s.a.w. lalu berkata: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya anda telah dikasihi di sisiku dari diriku sendiri dan lebih dikasihi di sisiku dari isteriku dan lebih dikasihi di sisiku dari anakku. Sewaktu saya berada di rumah, saya teringat kepada anda dan saya tidak tersabar lagi sehingga saya datang menemui anda dan melihat anda dan apabila saya teringat kepada kematian saya dan kematian anda saya pun sedar bahawa selepas anda dimasukkan ke dalam Syurga kelak anda akan diangkat bersama para anbiya' dan jika saya masuk Syurga saya bimbang bahawa saya tidak akan bertemu lagi dengan anda". Nabi s.a.w. tidak memberi apa-apa jawapan sehingga diturun ayat:

وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَعَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمَ
ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلصِّدِّيقِينَ وَٱلشُّهَدَآءِ
وَٱلصَّٰلِحِينَ ۚ وَحَسُنَ أُو۟لَٰٓئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾

"Dan sesiapa yang ta'atkan Allah dan Rasul, maka mereka kelak akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi ni'mat Allah iaitu dari nabi-nabi, para siddiqin, para Syuhada' dan orang-orang yang soleh dan merekalah sebaik-baik teman."(69)

Tersebut di dalam Sahih Muslim dari hadith 'Aql ibn Ziyad dari al-Auza'ii dari Yahya ibn Kathir dari Abu Salamah ibn Abdul Rahman dari Rabi'ah ibn Ka'b al-Aslami katanya: Aku bermalam di sisi Rasulullah s.a.w. lalu aku membawa kepadanya air untuk beliau mengambil wuduk dan menunaikan hajatnya. Kemudian beliau bersabda kepadaku: "Mintalah (apa hajat engkau)!"Aku pun menjawab, "Wahai Rasulullah! Saya minta bersahabat dengan anda di dalam Syurga." Lalu beliau bertanya, "Ada lagi hajat yang lain?"Jawabku:"Itulah sahaja hajat saya." Lalu beliau pun bersabda:

فأعنّي على نفسك بكثرة السجود

"Jika demikian maka tolonglah aku dengan bertindak menolong dirimu sendiri dengan membanyakkan sujud (solat)."

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dari saluran-saluran yang mutawatir dari sekumpulan sahabat bahawa Rasulullah s.a.w. telah ditanya mengenai seorang lelaki yang kasihkan kaum (Rasulullah dan sahabat-sahabat besarnya tetapi belum dapat bersama-sama dengan mereka kerana taraf amalannya tidak setaraf dengan mereka) lalu jawab beliau, "Seseorang itu akan dikumpul kelak bersama-sama dengan orang-orang yang dikasihinya," Ujar Anas: Kaum Muslimin tidak pernah bergembira sama seperti mereka bergembira ketika mendengar hadith ini.

Persoalan bersahabat dengan Rasulullah s.a.w. di Akhirat kelak telah menjadi persoalan yang merungsingkan hati dan menyerabutkan jiwa kaum Muslimin. Mereka telah merasa kemanisan persahabatan dengan beliau di dunia dan tentulah ia menjadi persoalan yang merungsingkan siapa sahaja yang pernah mengecap kasih Rasul yang budiman itu, dan di dalam hadith yang akhir ini terdapat keterangan yang memberi harapan, keyakinan dan cahaya yang baru kepada mereka.

(Kumpulan ayat-ayat 71 - 86)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ خُذُواْ حِذْرَكُمْ فَٱنفِرُواْ
ثُبَاتٍ أَوِ ٱنفِرُواْ جَمِيعًا ﴿٧١﴾
وَإِنَّ مِنكُمْ لَمَن لَّيُبَطِّئَنَّ فَإِنْ أَصَٰبَتْكُم مُّصِيبَةٌ
قَالَ قَدْ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيَّ إِذْ لَمْ أَكُن مَّعَهُمْ شَهِيدًا ﴿٧٢﴾
وَلَئِنْ أَصَٰبَكُمْ فَضْلٌ مِّنَ ٱللَّهِ لَيَقُولَنَّ كَأَن لَّمْ تَكُنۢ
بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُۥ مَوَدَّةٌ يَٰلَيْتَنِى كُنتُ مَعَهُمْ
فَأَفُوزَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧٣﴾
فَلْيُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يَشْرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ
ٱلدُّنْيَا بِٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَمَن يُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ
فَيُقْتَلْ أَوْ يَغْلِبْ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٧٤﴾
وَمَا لَكُمْ لَا تُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ
ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ
هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا
وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾
ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ يُقَٰتِلُونَ
فِى سَبِيلِ ٱلطَّٰغُوتِ فَقَٰتِلُوٓاْ أَوْلِيَآءَ ٱلشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّ كَيْدَ
ٱلشَّيْطَٰنِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾
أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوٓاْ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ
وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ
يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُواْ رَبَّنَا
لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ قُلْ
مَتَٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ وَلَا
تُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٧﴾
أَيْنَمَا تَكُونُواْ يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِى بُرُوجٍ
مُّشَيَّدَةٍ ۗ وَإِن تُصِبْهُمْ حَسَنَةٌ يَقُولُواْ هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ
وَإِن تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُواْ هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِكَ ۚ قُلْ كُلٌّ
مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ فَمَالِ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ
حَدِيثًا ﴿٧٨﴾
مَّآ أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ وَمَآ أَصَابَكَ مِن سَيِّئَةٍ
فَمِن نَّفْسِكَ ۚ وَأَرْسَلْنَٰكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ

شَهِيدًا ﴿٧٩﴾

مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدۡ أَطَاعَ ٱللَّهَۖ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ عَلَيۡهِمۡ حَفِيظًا ﴿٨٠﴾

وَيَقُولُونَ طَاعَةٞ فَإِذَا بَرَزُواْ مِنۡ عِندِكَ بَيَّتَ طَآئِفَةٞ مِّنۡهُمۡ غَيۡرَ ٱلَّذِي تَقُولُۖ وَٱللَّهُ يَكۡتُبُ مَا يُبَيِّتُونَۖ فَأَعۡرِضۡ عَنۡهُمۡ وَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٨١﴾

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ ٱلۡقُرۡءَانَۚ وَلَوۡ كَانَ مِنۡ عِندِ غَيۡرِ ٱللَّهِ لَوَجَدُواْ فِيهِ ٱخۡتِلَٰفٗا كَثِيرٗا ﴿٨٢﴾

وَإِذَا جَآءَهُمۡ أَمۡرٞ مِّنَ ٱلۡأَمۡنِ أَوِ ٱلۡخَوۡفِ أَذَاعُواْ بِهِۦۖ وَلَوۡ رَدُّوهُ إِلَى ٱلرَّسُولِ وَإِلَىٰٓ أُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنۡهُمۡ لَعَلِمَهُ ٱلَّذِينَ يَسۡتَنۢبِطُونَهُۥ مِنۡهُمۡۗ وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ لَٱتَّبَعۡتُمُ ٱلشَّيۡطَٰنَ إِلَّا قَلِيلٗا ﴿٨٣﴾

فَقَٰتِلۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ لَا تُكَلَّفُ إِلَّا نَفۡسَكَۚ وَحَرِّضِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَۖ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَكُفَّ بَأۡسَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۚ وَٱللَّهُ أَشَدُّ بَأۡسٗا وَأَشَدُّ تَنكِيلٗا ﴿٨٤﴾

مَّن يَشۡفَعۡ شَفَٰعَةً حَسَنَةٗ يَكُن لَّهُۥ نَصِيبٞ مِّنۡهَاۖ وَمَن يَشۡفَعۡ شَفَٰعَةٗ سَيِّئَةٗ يَكُن لَّهُۥ كِفۡلٞ مِّنۡهَاۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ مُّقِيتٗا ﴿٨٥﴾

وَإِذَا حُيِّيتُم بِتَحِيَّةٖ فَحَيُّواْ بِأَحۡسَنَ مِنۡهَآ أَوۡ رُدُّوهَآۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ambillah langkah berjaga-jaga (yang perlu) untuk kamu.Kemudian maralah (ke medan perang) sepasukan demi sepasukan atau mara serentak semuanya (71). Dan sesungguhnya di antara kamu ada orang yang sengaja melambat-lambatkan (ke medan perang) oleh itu jika kamu ditimpa kemalangan ia berkata: Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat kepada saya kerana saya tidak ikut berperang bersama mereka (72). Dan jika kamu mendapat limpah kurnia (kemenangan) dari Allah nescaya mereka berkata: - Seolah-olah selama ini tidak pernah ada hubungan mesra di antara kamu dengannya - alangkah baiknya andainya aku turut bersama-sama mereka supaya aku juga turut mendapat kejayaan yang besar (73). Oleh itu hendaklah orang-orang yang menukarkan hidup dunia dengan hidup Akhirat itu berperang kerana Sabilullah. Dan sesiapa yang berperang kerana Sabilullah lalu ia mati dibunuh atau mendapat kemenangan, maka Kami akan kurniakan kepadanya pahala yang amat besar (74). Dan mengapa kamu tidak mahu berperang kerana Sabilullah dan kerana (membela) orang-orang yang lemah dari kaum lelaki dan kaum perempuan dan kanak-kanak yang sentiasa berdo'a: Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri ini (Makkah) yang mana penduduknya sangat zalim dan berilah kepada kami pelindung istimewa dari sisi Engkau dan berilah kepada kami penolong istimewa dari Engkau (75). Orang-orang yang beriman adalah berperang kerana Sabilullah dan orang-orang kafir adalah berperang kerana kepentingan Thaghut. Oleh itu perangilah sahabat-sahabat syaitan kerana sesungguhnya tipudaya syaitan itu lemah (76). Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang dikatakan kepada mereka: Tahanlah tangan kamu (dari berperang) dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat. Kemudian setelah mereka diwajibkan berperang tiba-tiba segolongan dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih takut lagi. Mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapa Engkau wajibkan kami berperang, mengapa tidak Engkau tangguhkan kami berperang hingga ke satu masa yang hampir? Katakanlah: Keni'matan dunia itu hanya sedikit sahaja dan Akhirat itu lebih baik untuk orang yang bertaqwa dan di sana kamu tidak akan dianayai sedikitpun (77). Di mana sahaja kamu berada maut tetap mendapatkan kamu walaupun kamu berada di dalam kubu yang tinggi. Dan jika mereka memperolehi kebaikan nescaya mereka berkata: Ini adalah anugerah istimewa dari Allah. Dan jika mereka ditimpa keburukan nescaya mereka berkata: Ini adalah dari perbuatan engkau (Muhammad). Katakanlah: Semuanya adalah dari Allah belaka. Mengapa orang-orang ini hampir-hampir tidak memahami sesuatu percakapan (78). Apa sahaja kebaikan yang diperolehi engkau adalah dari anugerah Allah dan apa sahaja keburukan yang menimpa engkau adalah dari kesan diri engkau sendiri dan Kami utuskan engkau selaku Rasul kepada seluruh manusia dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi (79). Sesiapa yang menta'ati Rasul, maka sesungguhnya dia telah menta'ati Allah dan sesiapa yang berpaling (dari keta'atan), maka tidaklah Kami mengutuskanmu supaya menjadi pengawas ke atas mereka (80). Dan mereka (kaum Munafiqin) berkata: "Kami tetap ta'at". Kemudian apabila mereka keluar dari majlismu, maka segolongan dari mereka merancangkan di malam hari suatu rancangan yang berlainan dari apa yang telah dikatakan mereka dan Allah tetap menulis apa yang telah dirancangkan mereka di waktu malam itu. Oleh itu berpalinglah dari mereka dan bertawakkallah kepada Allah dan cukuplah Allah sendiri menjadi pelindung (engkau) (81). Apakah tidak mereka memikirkan isi kandungan Al-Qur'an? Andainya Al-Qur'an itu datang bukan dari Allah nescaya mereka akan dapati pada kandungannya percanggahan-percanggahan yang banyak (82). Apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau ketakutan mereka terus menghebahkannya dan andainya mereka (lebih dahulu) rujukkannya kepada Rasulullah dan orang-orang yang berkuasa dari golongan mereka tentulah berita-berita itu dapat diketahui hakikatnya oleh orang-orang yang pandai mengolahkannya dari kalangan mereka. Dan jika

tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu tentulah kamu sekalian mengikut syaitan kecuali sebilangan yang sedikit sahaja (83). Oleh itu berperanglah kerana Sabilullah. Engkau tidak ditaklifkan selain dari kewajipanmu sendiri sahaja dan berilah perangsang kepada orang-orang yang beriman semoga Allah menahan bahaya serangan orang-orang kafir itu dan Allah amatlah besar kekuatan-Nya dan amatlah berat penyeksaan-Nya (84). Dan sesiapa yang memberi bantuan yang baik nescaya ia akan memperolehi habuan pahala dari-Nya dan sesiapa yang memberi bantuan yang jahat nescaya ia akan memperolehi habuan dosa dari-Nya. Dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu (85). Dan apabila kamu diberi ucapan salam maka balaskanlah dengan ucapan yang lebih baik darinya atau balaskanlah dengan ucapan yang sama dengannya dan sesungguhnya Allah amat mengira terhadap segala sesuatu."(86)

Kami tarjihkan bahawa kumpulan ayat-ayat yang datang di dalam pelajaran ini adalah diturunkan dalam waktu-waktu yang masih awal, iaitu mungkin selepas Peperangan Uhud dan sebelum Peperangan Khandak, kerana gambaran barisan kaum Muslimin yang dapat dilihat dari celah-celah ayat-ayat ini menyarankan pendapat ini. Gambaran itu membayangkan adanya berbagai-bagai kumpulan di dalam barisan itu yang belum lagi matang atau belum lagi beriman sepenuhnya, malah masih bersikap talam dua muka atau munafiq dan ini menyarankan bahawa barisan Islam di waktu itu masih memerlukan kepada usaha-usaha tarbiyah dan bimbingan yang besar di samping memerlukan kepada galakan dan perangsang supaya mereka dapat memikulkan tugas yang amat besar yang telah diletakkan di atas bahu kelompok Muslimin itu, juga untuk meningkatkan mereka ke tahap keahlian melaksanakan tugas itu sama ada di dalam usaha-usaha menegakkan kefahaman-kefahaman dan tanggapan-tanggapan yang berkaitan dengan 'aqidah atau di dalam langkah-langkah memasuki medan pertempuran dengan khemah-khemah yang memusuhi mereka.

Berbagai-bagai Unsur Manusia Dalam Angkatan Muslimin Pertama

Apa yang kami jelaskan ini tidaklah menjejaskan hakikat yang lain, iaitu hakikat yang menegaskan bahawa di dalam barisan Muslimin terdapat contoh-contoh Mu'min yang telah berjaya meningkat ke puncak yang tinggi, kerana apa yang kami bicarakan di sini ialah tentang "barisan Muslimin" secara keseluruhan dan selaku satu binaan yang bercampuraduk batu-bata yang mengikatnya dan tidak sejenis. Di dalam keadaan yang seperti ini tentulah barisan itu memerlukan kepada usaha-usaha untuk membetul dan memperseimbangkannya dan inilah usaha-usaha yang nampak jelas di dalam berbagai-bagai bimbingan Al-Qur'an ini.

Apabila kita memerhati sifat-sifat mereka dengan teliti dari celah-celah bimbingan-bimbingan ini, maka ia akan membuat kita dapat hidup bersama kelompok itu dalam imej mereka sebagai "manusia", iaitu imej yang sering kita lupakannya. Di dalam imej inilah kita dapat melihat titik-titik kelemahan dan titik-titik kekuatan mereka. Dan di sini kita dapat melihat bagaimana Al-Qur'an berjuang dengan kelemahan-kelemahan manusia, dengan sisa-sisa keladak jahiliyah dan dengan musuh-musuh Islam serentak dalam satu waktu, kita dapat melihat bagaimana methodologi tarbiyah Al-Qur'an ber-tindak di dalam hati manusia yang hidup di alam kenyataan dan seterusnya kita dapat melihat sebahagian dari usaha yang berterusan yang telah dicurahkan oleh methodologi tarbiyah ini sehingga ia berjaya membawa kelompok Muslimin yang terdiri dari manusia-manusia yang berbagai-bagai darjat dan sifat itu - yang mula-mulanya dipungut dari kaki bukit jahiliyah - ke tahap keseimbangan, kesepaduan dan keluhuran yang dapat kita saksikan di akhir-akhir masa hayat Rasulullah s.a.w. sekadar yang mungkin dicapai oleh fitrah manusia.

Hakikat ini banyak berguna kepada kita.

Ia berguna kepada kita untuk memahami tabi'at jiwa manusia yang mempunyai kesediaan-kesediaan yang lemah dan kesediaan-kesediaan yang kuat yang dapat dilihat di dalam sebaik-baik kelompok manusia, iaitu kelompok Muslimin yang telah dididik oleh Rasulullah s.a.w. dengan methodologi Al-Qur'an.

Ia berguna kepada kita untuk memahami tabi'at methodologi tarbiyah Al-Qur'an, bagaimana ia mempengaruhi jiwa manusia dan melayaninya dengan lemah lembut dan mesra, bagaimana ia memperseimbangkan barisan Muslimin yang terdiri dari berbagai-bagai contoh manusia yang mempunyai berbagai-bagai tahap kesediaan yang tidak sama dan di mana kita melihat bagaimana Al-Qur'an bertindak menangani tabi'at manusia di alam kenyataan.

Ia berguna kepada kita untuk mengukur keadaan kita dan keadaan kelompok-kelompok manusia yang lain berdasarkan realiti jiwa manusia yang tergambar di dalam kelompok Muslimin yang terpilih itu supaya kita jangan berputus asa terhadap diri kita apabila kita melihat titik-titik kelemahannya hingga menyebabkan kita tinggalkan usaha mengubatinya dan usaha melakukan percubaan dan supaya kelompok Muslimin yang pertama - dengan segala kelebihannya - tidak hanya tinggal sebagai kelompok impian yang hanya terbang di dalam khayalan kita sahaja, tetapi tidak ada harapan bagi kita untuk menurut jejak mereka mendaki dari kaki bukit yang rendah dan naik hingga ke puncaknya yang tinggi.

Semuanya ini merupakan suatu perbendaharaan yang andainya kita dapat mengeluarkannya setelah kita hidup di bawah bayangan Al-Qur'an, maka bererti kita telah memperolehi kebajikan yang amat banyak, insya Allah.

Dari celah-celah kumpulan ayat-ayat pelajaran ini ternampak kepada kita bahawa di dalam barisan Muslimin di masa itu terdapat anasir-anasir yang berikut:

1) Ada orang yang melambat-lambatkan dirinya dari ikut berjihad kerana Sabilullah dan ada pula yang

melambat-lambatkan orang lain. Ia mengirakannya sebagai suatu keuntungan jika ia selamat kerana tidak ikut keluar berperang, sedangkan kaum Muslimin yang berperang itu mendapat kemalangan. Sebaliknya ia mengirakannya sebagai suatu kerugian jika ia tidak ikut keluar berperang, sedangkan kaum Muslimin yang berperang itu mendapat kemenangan, kerana ia tidak mendapat apa-apa habuan di dalam harta rampasan perang. Dengan perbuatan ini bererti dia telah menukarkan dunia dengan Akhirat.

2) Di antara golongan Muhajirin sendiri - yang begitu bersemangat hendak berperang dan menentang pencerobohan sewaktu mereka berada di Makkah tetapi dilarang berperang - ada orang-orang yang merasa cemas dan takut apabila peperangan itu diwajibkan ke atas mereka di Madinah, malah mereka berangan-angan agar Allah tangguhkannya hingga ke suatu masa yang lain dan tidak mewajibkan peperangan itu ke atas mereka sekarang ini.

3) Ada orang yang memulangkan kebaikan yang diperolehinya kepada Allah dan memulangkan keburukan yang menimpanya kepada Nabi s.a.w. ini bukanlah kerana mereka sangat kuat beriman kepada Allah tetapi untuk merosakkan nama baik pucuk pimpinan dan menganggapkannya sebagai sialan.

4) Ada orang yang berpura-pura berkata: "Saya tetap ta'at" sewaktu berada di hadapan Nabi s.a.w., tetapi apabila ia keluar dari situ ia mengatur bersama-sama kuncu-kuncu sehaluannya sesuatu rancangan yang berlainan dari perkataannya.

5) Ada orang yang suka menyebarkan khabar-khabar angin di dalam barisan Muslimin dengan tujuan untuk menimbulkan kegelisahan dan keadaan kelam-kabut sebelum berita-berita itu dipastikan kesahihannya oleh pucuk pimpinan yang diikuti mereka.

6) Ada orang yang masih ragu-ragu bahawa sumber yang mengeluarkan semua perintah dan arahan itu ialah Allah S.W.T., malah dia fikir bahawa setengah-setengah perintah itu adalah datang dari Nabi s.a.w. sahaja bukannya dari wahyu yang diturunkan kepada beliau.

7) Ada orang yang mempertahankan setengah-setengah orang Munafiqin sebagaimana akan diterangkan di permulaan pelajaran yang berikut menyebabkan sikap kaum Muslimin terhadap mereka berpecah kepada dua puak dan ini membayangkan tidak wujudnya keseimbangan dan keselarasan di dalam tanggapan dan kefahaman keimanan dan di dalam organisasi kepimpinan (kerana anggota-anggota kelompok masih tidak memahami tugas pucuk pimpinan dan hubungan mereka dengannya dalam urusan-urusan yang seperti ini).

Mungkin orang-orang ini merupakan satu kumpulan atau dua kumpulan Munafiqin dan orang-orang yang lemah keimanan mereka, iaitu orang-orang yang belum lagi mempunyai syaksiyah keimanan yang matang walaupun setengah dari mereka dari golongan Muhajirin, tetapi kewujudan satu atau dua kumpulan yang seperti ini di dalam barisan Muslimin di sa'at mereka sedang menghadapi musuh yang berada di sekeliling mereka - iaitu kaum Yahudi di Madinah, kaum Musyrikin di Makkah dan di seluruh Semenanjung Tanah Arab yang masing-masing menunggu peluang untuk menyerang tidak syak lagi menimbulkan keadaan yang merosakkan perpaduan di dalam barisan yang memerlukan kepada usaha-usaha tarbiyah dan peluangan yang memakan waktu yang panjang.

Di dalam pelajaran ini kita boleh dapati contoh-contoh dari perjuangan dan tarbiyah itu dan cara-cara rawatan untuk mengubati setiap penyakit di dalam jiwa atau di dalam barisan, iaitu cara-cara rawatan yang halus, mendalam dan sabar sebagaimana dapat dilihat pada kesabaran Nabi s.a.w. selaku pemimpin barisan ini yang bertugas mendidik mereka dengan methodologi Al-Qur'an:

1) Di sini kita melihat mereka diperintah supaya mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada. Para Mujahidin dilarang keluar ke medan perang secara bersendirian sama ada untuk melaksanakan tugas-tugas pasukan atau untuk melaksanakan tugas-tugas peperangan, malah mereka disuruh keluar secara berpasukan atau keluar serentak semua sekali dalam satu angkatan yang sepadu, kerana semua kawasan di sekeliling mereka mengandungi bahaya dan diintipi musuh. Di samping itu musuh-musuh dalam selimut juga mungkin bersembunyi di kalangan mereka, iaitu musuh-musuh dari orang-orang Munafiqin atau talibarut-talibarut kaum Munafiqin dan kaum Yahudi. Mereka menjadi pengintip-pengintip musuh yang sentiasa mencari peluang.

2) Di sini kita dapati Al-Qur'an memberi gambaran yang buruk terhadap mereka yang melambat-lambat untuk menceburkan diri di dalam peperangan. Gambaran ini memperlihatkan keruntuhan semangat perjuangan, ketamakan kepada faedah-faedah kebendaan yang dekat dan sikap menukar warna mengikut perubahan keadaan. Begitu juga di sini kita dapati Al-Qur'an memperlihatkan kehairanan terhadap orang-orang yang begitu bersemangat mahu berperang semasa mereka berada di Makkah, tetapi apabila peperangan itu diwajibkan ke atas mereka di Madinah, mereka kelihatan cemas dan takut.

3) Di sini kita melihat Allah telah menjanjikan pahala yang amat besar dan salah satu dari dua anugerah yang terbaik (iaitu sama ada mendapat kemenangan atau mendapat maqam Syuhada'):

وَمَن يُقَٰتِلۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيُقۡتَلۡ أَوۡ يَغۡلِبۡ
فَسَوۡفَ نُؤۡتِيهِ أَجۡرًا عَظِيمٗا ﴿٧٤﴾

"Dan sesiapa yang berperang kerana Sabilullah lalu ia mati dibunuh atau mendapat kemenangan, maka Kami akan kurniakan kepadanya pahala yang amat besar."(74)

4) Disini kita melihat Al-Qur'an menggambarkan tujuan yang mulia dan matlamat yang luhur di dalam perjuangan yang dianjurkan olehnya kepada mereka:

فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ
وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ
ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَٱجْعَل لَّنَا مِن
لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

"Kerana Sabilullah dan kerana (membela) orang-orang yang lemah dari kaum lelaki dan kaum perempuan dan kanak-kanak yang sentiasa berdo'a: Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri ini (Makkah) yang mana penduduknya sangat zalim dan berilah kepada kami pelindung dari sisi-Mu dan berilah kepada kami penolong dari sisi-Mu."(75)

5) "Disini kita melihat Al-Qur'an menggambarkan kebenaran matlamat perjuangan orang-orang yang beriman dan kekuatan sokongan di sebaliknya di samping kepalsuan matlamat perjuangan orang-orang kafir dan kelemahan sokongan di sebaliknya.

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُقَٰتِلُونَ
فِي سَبِيلِ ٱلطَّٰغُوتِ فَقَٰتِلُوٓا۟ أَوْلِيَآءَ ٱلشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّ كَيْدَ
ٱلشَّيْطَٰنِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾

"Orang-orang yang beriman adalah berperang kerana Sabilullah dan orang-orang kafir adalah berperang kerana kepentingan Thaghut. Oleh itu perangilah sahabat-sahabat syaitan kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu lemah."(76)

6) Di sini kita melihat bagaimana methodologi Al-Qur'an mengubati kefahaman-kefahaman dan pemikiran-pemikiran yang salah yang melahirkan perasaan-perasaan yang buruk dan perilaku-perilaku yang lemah, iaitu dengan membetulkan tanggapan-tanggapan kepercayaan ini, pertama dengan menjelaskan hakikat dunia dan hakikat Akhirat.

قُلْ مَتَٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ وَلَا
تُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٧﴾

"Katakanlah: Keni'matan dunia itu hanya sedikit sahaja dan Akhirat itu lebih baik untuk orang yang bertaqwa dan di sana kamu tidak akan dianiayai sedikitpun"(77)

dan kedua dengan menjelaskan tentang kepastian maut dan kepastian berlakunya tepat pada waktu yang telah ditetapkan Allah walau bagaimana ketat sekalipun seseorang itu mengambil langkah-langkah berjaga-jaga dan mengawal dirinya dan walau bagaimana pintar sekalipun dia ponteng dari berperang:

أَيْنَمَا تَكُونُوا۟ يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِي بُرُوجٍ
مُّشَيَّدَةٍ ۗ

"Di mana sahaja kamu berada maut tetap mendapatkan kamu walaupun kamu berada di dalam kubu yang tinggi"(78)

dan ketiga dengan menjelaskan hakikat takdir Allah dan hubungannya dengan tindakan-tindakan manusia:

وَإِن تُصِبْهُمْ حَسَنَةٌ يَقُولُوا۟ هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ وَإِن
تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُوا۟ هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِكَ ۚ قُلْ كُلٌّ مِّنْ
عِندِ ٱللَّهِ ۖ فَمَالِ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ
حَدِيثًا ﴿٧٨﴾

"Dan jika mereka memperolehi kebaikan nescaya mereka berkata: ini adalah anugerah istimewa dari Allah. Dan jika mereka ditimpa keburukan nescaya mereka berkata: Ini adalah dari perbuatan engkau (Muhammad). Katakanlah: Semuanya adalah dari Allah belaka. Mengapakah orang-orang ini hampir-hampir tidak memahami sesuatu percakapan."(78)

مَّآ أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ وَمَآ أَصَابَكَ مِن سَيِّئَةٍ
فَمِن نَّفْسِكَ ۚ

"Apa sahaja kebaikan yang diperolehi engkau adalah dari anugerah Allah dan apa sahaja keburukan yang menimpa engkau adalah dari kesalahan diri engkau sendiri."(79)

7) Di sini kita melihat Al-Qur'an menjelaskan dengan tegas tentang hakikat hubungan di antara Allah S.W.T. dengan Rasul-Nya Muhammad s.a.w. dan tentang hakikat bahawa keta'atan kepada Rasulullah adalah dari keta'atan kepada Allah. Ia juga menjelaskan bahawa seluruh isi kandungan Al-Qur'an itu adalah dari Allah kemudian ia menyeru mereka supaya memperhatikan persamaan isi kandungan Al-Qur'an yang begitu sempurna dan ini membuktikan bahawa seluruh isinya datang dari satu sumber yang sama:

مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ ٱللَّهَ ۖ

"Sesiapa yang menta'ati Rasul, maka sesungguhnya dia telah menta'ati Allah."(80)

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ ٱلْقُرْءَانَ ۚ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِندِ غَيْرِ
ٱللَّهِ لَوَجَدُوا۟ فِيهِ ٱخْتِلَٰفًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

"Apakah tidak mereka memikirkan isi kandungan Al-Qur'an? Andainya Al-Qur'an itu datang bukan dari Allah nescaya

mereka akan dapati pada kandungannya percanggahan-percanggahan yang banyak."(82)

8) Kemudian setelah menceritakan keadaan mereka yang suka menyebarkan khabar-khabar angin, kita melihat Al-Qur'an mengarah mereka ke jalan yang lebih selamat sesuai dengan dasar peraturan kepimpinan kelompok:

وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَىٰٓ أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ
الَّذِينَ يَسْتَنبِطُونَهُۥ مِنْهُمْ ۗ

"Dan andainya mereka (lebih dahulu) rujukkannya kepada Rasulullah dan orang-orang yang berkuasa dari golongan mereka tentulah berita-berita itu dapat diketahui hakikatnya oleh orang-orang yang pandai mengolahkan-nya dari kalangan mereka."(83)

9) Di sini Al-Qur'an memberi amaran kepada mereka terhadap akibat buruk dari perbuatan menyebarkan khabar angin itu ketika ia menyebut limpah kurnia Allah yang telah memberi hidayat kepada mereka:

وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ لَاتَّبَعْتُمُ
الشَّيْطَانَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٣﴾

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu tentulah kamu sekalian mengikut syaitan kecuali sebilangan yang sedikit sahaja."(83)

Kita dapat memahami sejauh mana keadaan keretakan dan kelemahan perpaduan yang mungkin dicetuskan oleh peristiwa-peristiwa ini di dalam kelompok Muslimin yang

memerlukan kepada usaha-usaha yang gigih dan berterusan seperti ini yang dijalankan dengan berbagai-bagai cara itu....... kita dapat memahami semuanya ini apabila kita mendengar Allah S.W.T. memerintah Nabi-Nya s.a.w. supaya berjihad walaupun seorang diri dan memberangsangkan orang-orang yang beriman supaya turut berjihad. Ini bererti bahawa beliau hanya bertanggungjawab terhadap kewajipan dirinya sahaja dan Allahlah yang mengendalikan peperangan itu:

فَقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا تُكَلَّفُ إِلَّا نَفْسَكَ ۚ وَحَرِّضِ
الْمُؤْمِنِينَ ۖ عَسَى اللَّهُ أَن يَكُفَّ بَأْسَ الَّذِينَ كَفَرُوا ۚ
وَاللَّهُ أَشَدُّ بَأْسًا وَأَشَدُّ تَنكِيلًا ﴿٨٤﴾

"Oleh itu berperanglah kerana Sabilullah. Engkau tidak ditaklifkan selain dari kewajipanmu sendiri sahaja dan berilah perangsang kepada orang-orang yang beriman semoga Allah menahan bahaya serangan orang-orang kafir itu dan Allah amatlah besar kekuatan-Nya dan amatlah berat penyeksaan-Nya."(84)

Uslub pengungkapan ini mengandungi unsur-unsur yang merangsangkan hati dan membangkitkan semangat perjuangan di samping mengandungi unsur-unsur yang membangkitkan harapan untuk mencapai kemenangan dan menguatkan keyakinan terhadap kegagahan dan kekuatan Allah.

Al-Qur'an telah membawa kaum Muslimin mengharungi perjuangan di dalam berbagai-bagai bidang.Perjuangan yang pertama di bidang jiwa, iaitu perjuangan menentang segala fikiran yang jahat, tanggapan-tanggapan dan kefahaman-kefahaman yang buruk menentang keladak-keladak kepercayaan jahiliyah dan menentang kelemahan manusia - walaupun kelemahan yang tidak terbit dari tabi'at nifaq dan penyelewengan dan di dalam perjuangan ini Al-Qur'an memimpin mereka dengan methodologi Rabbaninya agar mereka dapat mencapai martabat kekuatan, kemudian meningkat pula kepada martabat keseimbangan dalam barisan Muslimin. Ini adalah satu matlamat yang lebih jauh dan lebih lama mengambil masa, kerana apabila di dalam kelompok Muslimin terdapat orang-orang yang cukup kuat, maka kelompok Muslimin memerlukan pula kepada keseimbangan jika di dalam barisan mereka terdapat banyak keping-keping bata yang longgar dan tidak bersambung. Keseimbangan ini pasti diwujudkan walaupun mereka berlainan taraf dan tahap dalam masa mereka menghadapi perjuangan-perjuangan yang besar.

Sekarang marilah kita mula menghadapi ayat-ayat ini secara terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 73)

يَٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا خُذُوا حِذْرَكُمْ فَانفِرُوا
ثُبَاتٍ أَوِ انفِرُوا جَمِيعًا ﴿٧١﴾
وَإِنَّ مِنكُمْ لَمَن لَّيُبَطِّئَنَّ فَإِنْ أَصَٰبَتْكُم مُّصِيبَةٌ
قَالَ قَدْ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيَّ إِذْ لَمْ أَكُن مَّعَهُمْ شَهِيدًا ﴿٧٢﴾
وَلَئِنْ أَصَٰبَكُمْ فَضْلٌ مِّنَ اللَّهِ لَيَقُولَنَّ كَأَن لَّمْ تَكُنۢ
بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُۥ مَوَدَّةٌ يَٰلَيْتَنِي كُنتُ مَعَهُمْ
فَأَفُوزَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ambillah langkah berjaga-jaga (yang perlu) untuk kamu.Kemudian maralah (ke medan perang) sepasukan demi sepasukan atau mara serentak semuanya (71). Dan sesungguhnya di antara kamu ada orang yang sengaja melambat-lambatkan (ke medan perang) oleh itu jika kamu ditimpa kemalangan ia berkata: Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat kepada saya

kerana saya tidak ikut berperang bersama mereka (72). Dan jika kamu mendapat limpah kurnia (kemenangan) dari Allah nescaya mereka berkata: - Seolah-olah selama ini tidak pernah ada hubungan mesra di antara kamu dengannya - alangkah baiknya andainya aku turut bersama-sama mereka supaya aku juga turut mendapat kejayaan yang besar".(73)

Itulah perintah kepada orang-orang yang beriman dari pucuk pimpinan yang mengatur sistem hidup dan menerangkan jalan yang betul kepada mereka. Setiap orang yang mengkaji Al-Qur'anul-Karim akan kagum apabila ia dapati kitab ini menggariskan kepada kaum Muslimin satu pelan umum perjuangan yang kini dikenali sebagai "strategi peperangan" dan di dalam satu ayat yang lain ia menerangkan kepada orang-orang yang beriman seperti berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَٰتِلُوا۟ ٱلَّذِينَ يَلُونَكُم مِّنَ
ٱلْكُفَّارِ وَلْيَجِدُوا۟ فِيكُمْ غِلْظَةً

"Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir yang berdekatan dengan kamu dan biarlah mereka dapati pada kamu sikap yang keras"

(Surah at-Taubah : 123)

Di sini Al-Qur'an menggariskan satu pelan umum harakah Islamiyah. Di dalam ayat yang berikut ia menerangkan kepada orang-orang yang beriman.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ خُذُوا۟ حِذْرَكُمْ فَٱنفِرُوا۟
ثُبَاتٍ أَوِ ٱنفِرُوا۟ جَمِيعًا ﴿٧١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ambillah langkah berjaga-jaga (yang perlu) untuk kamu. Kemudian maralah (ke medan perang) sepasukan demi sepasukan atau mara serentak semuanya"(71)

satu aspek dari langkah operasi perang atau "taktik perang". Sementara di dalam Surah al-Anfal pula disebut beberapa aspek yang lain dari taktik perang:

فَإِمَّا تَثْقَفَنَّهُمْ فِى ٱلْحَرْبِ فَشَرِّدْ بِهِم مَّنْ خَلْفَهُمْ
لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

"Oleh itu jika kamu bertembung dengan mereka di dalam peperangan, maka cerai-beraikanlah orang-orang yang berada di belakang mereka dengan menumpaskan mereka supaya mereka mengambil pengajaran."

(Surah al-Anfal : 57)

Demikianlah kita dapati Al-Qur'an ini bukan sahaja mengajar ibadat-ibadat dan syi'ar-syi'arnya kepada orang-orang Islam dan bukan sahaja mengajar adab sopan dan akhlak kepada mereka seperti fahaman sempit terhadap konsep "ad-Din " yang difahamkan oleh setengah-setengah orang, malah pembicaraan Al-Qur'an adalah merangkumi seluruh hidup mereka. Ia menyentuh segala apa sahaja keadaan yang wujud di dalam realiti yang ditempoh oleh kehidupan manusia. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menuntut hak penyelenggaraan sepenuh di atas kehidupan manusia. Dan ia tidak menerima dari seseorang Muslim dan dari masyarakat Islam melainkan seluruh hidupnya pastilah dari ciptaan sistem ini dan diletakkan di bawah penyelenggaraan dan bimbingannya. Secara tepat dan tegas Al-Qur'an tidak menerima dari seseorang Muslim dan dari masyarakat Islam andainya dia hendak memilih beberapa sistem yang datang dari beberapa sumber untuk mengendalikan kehidupannya. Misalnya dia mengambil dari kitab Allah sistem untuk kehidupan peribadi, kegiatan amal ibadat, akhlak dan adab sopan, kemudian dari buku karangan seorang manusia atau dari hasil pemikiran manusia semata-mata dia mengambil pula sistem mu'amalah, ekonomi, sosial, politik dan hubungan antarabangsa. Sebenarnya tugas pemikiran manusia ialah berusaha menimba dan mengolah hukum-hukum yang terperinci dari kitab Allah dan sistemnya untuk dipadankan dengan peristiwa-peristiwa hidup yang baru dan dengan persoalan-persoalannya yang sentiasa berkembang mengikut peraturan yang telah digariskan Allah di dalam pelajaran yang silam dari pembicaraan surah ini. Jika tidak, maka tiada keimanan dan tiada keislaman yang sebenar sama sekali, iaitu tiada keimanan dan keislaman sejati dari awal-awal lagi, kerana orang-orang yang melakukan perbuatan itu belum lagi masuk di dalam keimanan yang sebenar dan belum lagi mengakui rukun-rukun Islam yang dikepalai oleh syahadah "لا إله إلا الله" yang melahirkan konsep tiada yang berhak memerintah melainkan hanya Allah dan tiada yang berhak mengadakan undang-undang dan peraturan melainkan Allah.

Inilah kitab Allah yang menggariskan kepada kaum Muslimin sebahagian dari taktik operasi perang yang sesuai dengan keadaan mereka di waktu itu, iaitu sesuai dengan kedudukan mereka yang berada di tengah-tengah kepungan musuh dari luar dan musuh-musuh dari dalam yang terdiri dari kaum Munafiqin dan sekutu-sekutu mereka kaum Yahudi.

Al-Qur'an dari awal-awal lagi mengingatkan kaum Muslimin:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ خُذُوا۟ حِذْرَكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Ambillah langkah berjaga-jaga (yang perlu) untuk kamu."(71)

Angkatan Perang Kaum Muslimin Diwajibkan Bersikap Berwaspada Terhadap Musuh-musuh Dari Dalam Dan Luar

Maksudnya hendaklah kamu mengambil langkah berhati-hati dan berwaspada terhadap seluruh musuh-musuh kamu terutama musuh-musuh yang menyeludup di dalam barisan kamu seperti orang-orang yang bersikap melambat-lambat untuk menceburkan diri di dalam peperangan yang akan disebut di dalam ayat ini sebentar lagi.

فَٱنفِرُوا۟ ثُبَاتٍ أَوِ ٱنفِرُوا۟ جَمِيعًا ﴿٧١﴾

"Kemudian maralah (ke medan perang) sepasukan demi sepasukan atau mara serentak semuanya."(71)

Maksudnya janganlah kamu keluar berjihad dengan seorang diri, tetapi keluarlah dengan pasukan-pasukan yang kecil atau keluar semua sekali dalam satu angkatan tentera yang lengkap mengikut bagaimana kehendak perjuangan, kerana keluar secara berseorang diri itu mungkin diperangkap oleh musuh-musuh yang berada di setiap tempat terutama musuh-musuh yang menyeludup di tengah-tengah khemah tentera Islam yang terdiri dari kaum Munafiqin dan kaum Yahudi yang tinggal di tengah-tengah kota Madinah.

وَإِنَّ مِنكُمْ لَمَن لَّيُبَطِّئَنَّ فَإِنْ أَصَٰبَتْكُم مُّصِيبَةٌ قَالَ قَدْ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَىَّ إِذْ لَمْ أَكُن مَّعَهُمْ شَهِيدًا ﴿٧٢﴾ وَلَئِنْ أَصَٰبَكُمْ فَضْلٌ مِّنَ ٱللَّهِ لَيَقُولَنَّ كَأَن لَّمْ تَكُنۢ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُۥ مَوَدَّةٌ يَٰلَيْتَنِى كُنتُ مَعَهُمْ فَأَفُوزَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧٣﴾

"Dan sesungguhnya di antara kamu ada orang yang sengaja melambat-lambatkan (ke medan perang) oleh itu jika kamu ditimpa kemalangan ia berkata: Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat kepada saya kerana saya tidak ikut berperang bersama mereka (72). Dan jika kamu mendapat limpah kurnia (kemenangan) dari Allah nescaya mereka berkata: Seolah-olah selama ini tidak pernah ada hubungan mesra di antara kamu dengannya - alangkah baiknya andainya aku turut bersama-sama mereka supaya aku juga turut mendapat kejayaan yang besar."(73)

Maksudnya hendaklah kamu keluar dengan pasukan-pasukan yang teratur atau keluar semua sekali dan janganlah setengah keluar, sedangkan setengah yang lain melambatlambatkan dan memberat-beratkan diri sebagaimana yang telah berlaku. Dan ambillah langkah-langkah berwaspada bukan sahaja terhadap musuh-musuh luar, tetapi juga terhadap tukang-tukang halang, orang-orang yang melambat-lambat dan orang-orang yang melemahkan semangat orang lain di dalam barisan sendiri sama ada mereka melambat-lambatkan diri sendiri dan duduk memberatkan diri atau melambat-lambatkan orang lain bersama mereka yang biasa dilakukan oleh orang-orang yang suka melemahkan dan mematahkan semangat perjuangan orang lain.

Kata-kata " ليبطئن " adalah satu kata-kata yang sengaja dipilih di sini dengan segala bunyinya yang berat dan menghenjut-henjut. Ia membuat lidah seseorang menggeliyut dan terhinjut-hinjut menyebut huruf-huruf dan bunyinya yang berat dan terpaksa membuat tekanan yang kuat hingga akhirnya. Bunyi kata-kata yang berat itu benar-benar menggambarkan keadaan jiwa yang terhinjut-hinjut berat. Itulah salah satu dari keindahan pengambaran seni Al-Qur'an yang melukiskan satu keadaan yang sempurna dengan sepatah perkataan. [27]

Begitu juga seluruh susunan ungkapan ayat ini:

وَإِنَّ مِنكُمْ لَمَن لَّيُبَطِّئَنَّ

"Dan sesungguhnya di antara kamu ada orang yang sengaja melambat-lambatkan (ke medan perang)"

membayangkan bahawa mereka yang melambat-lambatkan itu - mereka dari golongan orang-orang Islam sendiri - adalah melaku gerakan melambat-lambatkan ke medan perang dengan gerakan yang cukup teratur. Mereka lakukannya dengan penuh kedegilan dan kesungguhan kerana susunan ungkapan ayat ini dilengkapkan dengan berbagai-bagai penguat kata. Ini membayangkan betapa degilnya kumpulan ini membuat gerakan melambat-lambat itu dan betapa buruk kesannya kepada barisan Muslimin dan betapa banyak kesusahan yang diterima oleh mereka akibat perbuatan kumpulan ini.

Oleh sebab itulah ayat ini menyorotkan cahaya yang terang ke arah mereka dan ke arah isi hati mereka. Ia melukiskan hakikat mereka yang jijik itu dengan gambaran yang terang mengikut cara penggambaran Al-Qur'an yang amat menarik itu.

Kini hakikat mereka dengan segala motif mereka, segala tindak-tanduk dan tutur kata mereka telah terdedah kepada pandangan umum seolah-olah mereka telah diletakkan di bawah mikroskop yang mendedah segala niat, rahsia, niat dan dorongan mereka.

Mereka sebagaimana di zaman Rasulullah s.a.w. dan sebagaimana di zaman-zaman yang lain dan di tempat-tempat yang lain adalah manusia-manusia yang berjiwa lemah, Munafiq dan menyeleweng dan bercita-cita rendah, mereka tidak tahu matlamat yang lebih tinggi dari kepentingan diri yang langsung dan mereka tidak mengetahui ada ufuk-ufuk yang lebih tinggi dari diri mereka yang kecil terbatas. Mereka memutar seluruh dunia di atas satu paksi sahaja, iaitu diri mereka sendiri yang tidak dilupai mereka walau sedetik pun.

Mereka sengaja melambat-lambat dan berlengah-lengah dan sengaja tidak berterus-terang dengan tujuan untuk membolehkan mereka "memegang di tengah tongkat" sebagaimana kata peribahasa. Konsep untung rugi yang dipegang oleh mereka ialah konsep yang layak menjadi pegangan kaum Munafiqin yang berjiwa lemah dan bercita-cita rendah.

Mereka sengaja ponteng dari berperang dan apabila para Mujahidin ditimpa kemalangan dan kekalahan pada setengah-setengah waktu, mereka bergembira dan menganggapkan tindakan mereka melarikan diri

---

[27] *Lihat bab "التناسق الفنى" dalam buku "التصوير الفنى فى القرآن".*

dari jihad dan keselamatan mereka dari kemalangan itu sebagai suatu ni'mat:

فَإِنْ أَصَٰبَتْكُم مُّصِيبَةٌ قَالَ قَدْ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَىَّ إِذْ لَمْ
أَكُن مَّعَهُمْ شَهِيدًا ﴿٧٢﴾

"Oleh itu jika kamu ditimpa kemalangan ia berkata: Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat kepada saya kerana saya tidak ikut berperang bersama mereka."(72)

Apabila mereka mengirakan keselamatan kerana ponteng itu sebagai suatu ni'mat maka mereka tidak silu malu pula menghubungkan ni'mat itu kepada Allah yang mereka telah melanggari perintah-Nya dengan tindakan ponteng itu. Keselamatan yang dicapai di dalam keadaan seperti ini tidak sekali-kali boleh disifatkan sebagai suatu ni'mat, kerana ni'mat Allah tidak boleh dicapai dengan melanggar perintah-Nya walaupun pada zahir mereka mendapat keselamatan.

Keselamatan yang seperti ini merupakan suatu ni'mat di sisi mereka yang tidak berurusan dengan Allah dan tidak memahami hikmat mengapa mereka dijadikan Allah. Mereka tidak pernah mengabdikan diri mereka kepada Allah dengan keta'atan dan jihad untuk menegakkan agamanya di dalam kehidupan mereka. Ia merupakan suatu ni'mat di sisi mereka yang tidak mahu memandang kepada ufuk-ufuk yang lebih tinggi dari bumi tempat kaki mereka berpijak seperti yang dipandang oleh semut-semut. Ia merupakan suatu ni'mat di sisi mereka yang tidak pernah merasa bahawa kemalangan kerana Sabilullah dan jihad untuk menegakkan peraturan Allah dan meninggikan agama-Nya adalah suatu anugerah dan kurnia pilihan dari Allah kepada mana-mana hamba yang dikehendaki-Nya untuk mengangkatkan mereka di dalam kehidupan dunia ini supaya mereka dapat mengatasi kelemahan kemanusiaan mereka dan untuk membebaskan mereka dari belenggu-belenggu bumi supaya mereka dapat meni'mati kehidupan yang luhur yang dapat mereka kuasainya bukan kehidupan yang menguasai mereka, agar dengan pengangkatan dan pembebasan itu melayakkan mereka untuk mencapai maqam yang hampir dengan Allah pada hari Akhirat iaitu maqam para Syuhada'.

Seluruh manusia mati, tetapi para syuhada' yang gugur kerana Sabilullah sahaja yang hidup di sisi Allah. Inilah anugerah istimewa yang amat besar kepada mereka.

Tetapi jika peperangan itu membawa akibat sebaliknya, iaitu para Mujahidin yang keluar berperang dan sanggup menerima apa sahaja akibat yang ditakdirkan Allah itu mendapat kemenangan dan memperolehi rampasan perang dari limpah kurnia Allah, maka golongan yang ponteng melahirkan penyesalannya kerana tidak ikut serta di dalam peperangan yang menguntungkan itu iaitu keuntungan mengikut konsep untung rugi mereka yang dekat dan kecil.

وَلَئِنْ أَصَٰبَكُمْ فَضْلٌ مِّنَ ٱللَّهِ لَيَقُولَنَّ كَأَن لَّمْ تَكُنۢ
بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُۥ مَوَدَّةٌ يَٰلَيْتَنِى كُنتُ مَعَهُمْ
فَأَفُوزَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧٣﴾

"Dan jika kamu mendapat limpah kurnia (kemenangan) dari Allah nescaya mereka berkata: - Seolah-olah selama ini tidak pernah ada hubungan mesra di antara kamu dengannya - alangkah baiknya andainya aku turut bersama-sama mereka supaya aku juga turut mendapat kejayaan yang besar."(73)

Angan-angan mereka untuk mendapat kejayaan yang kecil iaitu kejayaan mendapat harta rampasan perang dan dapat pulang kembali itulah yang dikatakan mereka sebagai *"kejayaan yang amat besar"*. Seorang Mu'min bukannya tidak suka mendapat peluang pulang kembali di samping mendapat harta rampasan perang, malah ia dituntut mengharapkannya dari Allah. Seorang Mu'min tidak bercita-cita ditimpa kemalangan, malah ia dituntut memohon keselamatan dari Allah, tetapi tanggapan umum seorang Muslim adalah berlainan dari tanggapan kumpulan manusia yang dilukiskan oleh Al-Qur'an dengan gambaran yang jelik dan keji itu.

Seorang Mu'min tidak bercita-cita supaya ditimpa bala bencana, malah dia sentiasa memohon keselamatan dari Allah, tetapi apabila dia diseru berjihad, maka dia akan keluar dengan senang hati tanpa keberatan. Dia keluar sambil memohon agar dia dikurniakan Allah salah satu dari dua balasan yang terbaik, iaitu sama ada mendapat kemenangan atau mendapat darjat mati syahid di sisi Allah. Keduanya adalah dari anugerah Allah yang istimewa dan kedua-duanya merupakan kejayaan yang amat besar. Andainya dia dikurniakan Allah darjat mati syahid, maka pengurniaan itu akan diterimanya dengan penuh kerelaan dan seterusnya dia amat bergembira kerana mendapat maqam syuhada' di sisi Allah, dan andainya dia dikurniakan Allah harta rampasan perang dan peluang pulang kembali, dia mensyukuri pengurniaan itu dan bergembira dengan ni'mat kemenangan dari Allah, bukannya bergembira kerana semata-mata mendapat selamat.

Inilah ufuk yang dikehendaki Allah agar kaum Muslimin mengangkat mata mereka melihatnya apabila dia lukiskan kumpulan penghalang di dalam barisan mereka dengan gambaran yang buruk supaya mereka berwaspada dari kumpulan ini sebagaimana mereka berwaspada terhadap musuh-musuh mereka yang lain.

Di sebalik amaran dan pemberangsangan yang diberikan kepada kelompok Muslimin di zaman itu, di sana terlukis satu contoh manusia yang berulang-ulang wujudnya di kalangan umat manusia di setiap zaman dan tempat dalam satu rangkaian kalimat-kalimat Al-Qur'an yang pendek kemudian gambaran hakikat ini terus kekal selama-lamanya dalam ingatan kelompok Muslimin, iaitu di dalam barisan Muslimin

mungkin tidak sunyi dari manusia-manusia yang seperti itu. Oleh sebab itu, mereka jangan berputus asa, tetapi harus berhati-hati dan berwaspada. Mereka harus bersungguh-sungguh mendidik dan membimbing manusia-manusia yang seperti itu supaya yang kurang dapat disempurnakan dan yang lemah dapat dirawat dan dipulihkan dan supaya segala langkah, segala perasaan dan segala harakat di dalam barisan mereka dapat diselaras dan diseimbangkan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 74)

Kemudian ayat yang berikut berusaha mengangkatkan semangat perjuangan kumpulan orang-orang yang melambat-lambatkan diri dari berjihad itu dan membebaskan mereka dari belenggu kasihkan dunia. Ia menggerakkan hati mereka supaya bercita-cita tinggi, iaitu bercita-cita untuk mendapat kehidupan yang lebih baik dan lebih kekal iaitu kehidupan Akhirat. Ia mendorong mereka berjihad menjual dunia dan membeli Akhirat di samping memberi janji bahawa mereka akan menerima anugerah Allah sama ada hidup atau mati dan menerima salah satu dari dua balasan yang terbaik, iaitu kemenangan atau mati syahid:

فَلْيُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يَشْرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ
ٱلدُّنْيَا بِٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَمَن يُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ
فَيُقْتَلْ أَوْ يَغْلِبْ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٧٤﴾

"Oleh itu hendaklah orang-orang yang menukarkan hidup dunia dengan hidup Akhirat itu berperang kerana Sabilullah. Dan sesiapa yang berperang kerana Sabilullah lalu ia mati dibunuh atau mendapat kemenangan, maka Kami akan kurniakan kepadanya pahala yang amat besar."(74)

Matlamat Jihad Dalam Islam

Maksudnya hendaklah mereka berperang semata-mata kerana Sabilullah, kerana Islam tidak mengenali peperangan yang lain dari peperangan kerana Allah. Ia tidak mengenali peperangan kerana merebut harta rampasan perang atau peperangan kerana merebut kekuasaan atau peperangan kerana kemegahan peribadi atau kemegahan perkauman.

Mujahid Muslim tidak berperang kerana menakluk suatu kawasan bumi atau kerana hendak menguasai penduduk-penduduk sesuatu negeri, ia tidak berperang untuk mendapat bahan-bahan mentah untuk kegunaan industri-industri negerinya, atau untuk mendapat pasaran-pasaran bagi barangan-barangan pengeluaran negerinya. Ia tidak berperang kerana kepentingan modal-modal negerinya yang dilaburkan di tanah-tanah jajahan atau separuh jajahan.

Dia tidak berperang kerana kemegahan peribadi atau kerana kemegahan keluarga atau kerana kemegahan kelas atau kerana kemegahan negara atau kerana kegagahan umat atau kerana kegagahan bangsa, malah ia berjuang kerana Sabilullah, kerana meninggikan kalimat Allah di muka bumi, kerana menegakkan sistem hidup Ilahi untuk mengendalikan urusan kehidupan manusia dan untuk membolehkan umat manusia meni'mati kebaikan-kebaikan dari sistem ini dan meni'mati keadilannya yang mutlak di antara sekalian manusia dan membiarkan setiap individu bebas dalam memilih agama yang diyakini olehnya di bawah naungan sistem hidup Rabbani insani yang universal itu.

Apabila seseorang Mujahid Islam keluar berperang kerana Sabilullah, iaitu untuk meninggikan kalimat Allah dan menegakkan sistem hidupnya di dalam kehidupan manusia kemudian ia mati dibunuh, maka dia dikira mati syahid dan mendapat maqam syuhada' di sisi Allah, tetapi sebaliknya jika dia keluar berperang kerana sesuatu tujuan yang lain dari Sabilullah, maka kematiannya tidak dikira mati syahid dan dia tidak harus mengharapkan balasannya dari Allah, malah dia sepatutnya mengharapkan balasan itu dari siapa yang dijadikannya sebagai matlamat perjuangannya. Mereka yang menyifatkan orang ini sebagai pejuang yang syahid bererti telah membuat pendustaan terhadap Allah. Mereka memuji diri sendiri atau memuji orang lain dengan sifat-sifat yang tidak dipuji oleh Allah kerana membuat pendustaan terhadap Allah.

Orang-orang yang mahu berjihad dan sanggup menjual dunia untuk membeli Akhirat hendaklah - secara tegas - berperang kerana Sabilullah dan di waktu itulah mereka akan memperolehi anugerah yang amat besar dari Allah di dalam hidup dan matinya, iaitu sama ada ia gugur sebagai syahid kerana Sabilullah atau ia hidup dan mendapat kemenangan kerana Sabilullah:

وَمَن يُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيُقْتَلْ أَوْ يَغْلِبْ
فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٧٤﴾

"Dan sesiapa yang berperang kerana Sabilillah lalu ia mati dibunuh atau mendapat kemenangan, maka Kami akan kurniakan kepadanya pahala yang amat besar."(74)

Tujuan Al-Qur'an membuat kenyataan yang menyentuh hati ini ialah untuk membangkitkan semangat perjuangan kaum Muslimin dan mendorong hati mereka supaya menaruh harapan mendapat anugerah Allah yang amat besar sama ada ia hidup atau gugur di medan perjuangan, juga memandang kecil kepada bahaya mati yang ditakutinya dan kepada nilai harta rampasan perang yang diharap-harapkannya kerana nilai hidup dan nilai harta rampasan itu tidak dapat dibandingkan sedikitpun dengan nilai anugerah Allah yang amat besar itu. Dengan kenyataan itu juga Al-Qur'an

bermaksud menimbulkan perasaan benci terhadap jual-beli yang rugi apabila mereka membeli dunia dengan Akhirat dan tidak membeli Akhirat dengan dunia. Itulah satu jual-beli yang rugi sama ada mereka mendapat harta rampasan perang atau tidak mendapatnya di dalam peperangan-peperangan di dunia ini. Di manakah nilai dunia dibandingkan dengan Akhirat? Di manakah nilai harta rampasan perang dibandingkan dengan anugerah Allah? Sedangkan anugerah itu mengandungi harta dan lain darinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 75)

Kemudian ayat yang berikut berpaling kepada kaum Muslimin. Ia berpaling dari uslub penceritaan dan penggambaran mengenai kumpulan pelambat itu kepada uslub berbicara secara langsung dengan kelompok Muslimin seluruhnya. Ia berpaling kepada mereka untuk merangsangkan perasaan kedermawanan hati mereka dan kepekaannya terhadap golongan-golongan yang lemah yang terdiri dari kaum lelaki, kaum perempuan dan kanak-kanak yang menanggung berbagai-bagai penderitaan dan penindasan di tangan kaum Musyrikin di Makkah, sedangkan mereka tidak berupaya untuk berhijrah ke negeri Islam (Madinah) demi menyelamatkan agama dan 'aqidah mereka. Di samping itu mereka sentiasa berharap untuk mendapat keselamatan dan berdo'a kepada Allah agar mengadakan jalan keluar yang dapat melepaskan mereka dari negeri yang zalim itu. Seterusnya ia berpaling kepada mereka untuk menyarankan betapa tingginya tujuan dan betapa luhurnya matlamat peperangan fi Sabilillah itu dan mengajak mereka menceburkan diri di dalam peperangan itu tanpa berlengah-lengah dan melambat-lambat dengan uslub memberi perangsang dan mengecam perbuatan berlambat-lambat dan sikap enggan berjihad:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

"Dan mengapa kamu tidak mahu berperang kerana Sabilullah dan kerana (membela) orang-orang yang lemah dari kaum lelaki dan kaum perempuan dan kanak-kanak yang sentiasa berdo'a: Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri ini (Makkah) yang mana penduduknya sangat zalim dan berilah kepada kami pelindung dari sisi-Mu dan berilah kepada kami penolong dari sisi-Mu."(75)

Maksudnya bagaimana kamu duduk bersenang diri dan tidak tampil berperang kerana Sabilullah dan kerana menyelamatkan golongan-golongan yang lemah dari kaum lelaki, kaum perempuan dan kanak-kanak? Gambaran golongan-golongan yang malang ini terlukis dalam satu pemandangan yang membangkitkan keghairahan seorang Muslim, mencubit kehormatan seorang Mu'min dan merangsangkan sentimen belas kasihan dan perasaan insaniyahnya. Mereka menderita kesusahan dan mengalami penindasan kerana 'aqidah dan agama mereka, dan penderitaan kerana agama itu adalah lebih sengsara dari penderitaan kerana harta, tanah, nyawa dan kehormatan diri, kerana penderitaan itu ialah penderitaan untuk mempertahankan ciri kewujudan insan yang paling utama kemudian barulah diikuti oleh ciri kehormatan dan maruah diri dan hak milik harta dan tanah.

Pemandangan kaum perempuan yang malang dan kanak-kanak yang lemah adalah satu pemandangan yang mencubit hati dan perasaan. Pemandangan ini tidak kurang dari pemandangan orang-orang tua yang lemah dan tidak berdaya mempertahankan diri terutama mempertahankan agama dan 'aqidah mereka. Semua pemandangan ini ditayangkan di ruang seruan kepada berjihad dan ini sahaja sudah cukup. Oleh sebab itu Al-Qur'an mengecam sikap tidak menghiraukan jeritan-jeritan golongan-golongan yang lemah itu. Ini adalah satu uslub penyampaian yang mempunyai kesan yang amat mendalam dan resapan yang amat jauh di dalam saluran-saluran perasaan.

Di sini perhatian perlu ditarikkan kepada pandangan Islam terhadap "negeri dan tanahair":

هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا

"Negeri ini (Makkah) yang mana penduduknya sangat zalim."

Islam menganggap negeri Makkah pada masa itu sebagai negeri perang "دار حرب" yang wajib diperangi oleh kaum Muslimin untuk menyelamatkan orang-orang Islam yang lemah yang masih tinggal di sana, sedangkan Makkah adalah negeri atau tanahair kaum Muslimin Muhajirin (yang tinggal di Madinah). Mereka diajak dengan penuh semangat supaya keluar memerangi kaum Musyrikin di Makkah, sementara orang-orang Islam yang lemah yang masih tinggal di sana berdo'a dengan sepenuh hati agar mereka dapat keluar dari negeri itu.

Kedudukan negeri Makkah sebagai tanahair kaum Muhajirin tidak mengubahkan tarafnya sebagai negeri perang "دار حرب" apabila di negeri itu tidak dilaksanakan syari'at Islam dan sistem hidupnya dan apabila orang-orang Mu'min ditindas di sana kerana agama mereka dan diseksa kerana 'aqidah mereka, malah bagi kaum Muhajirin negeri Makkah tetap dianggap sebagai negeri perang yang bukan sahaja tidak harus dipertahankan mereka bahkan wajib diperangi mereka untuk menyelamatkan saudara-saudara kaum Muslimin yang tinggal di sana. Panji-panji yang harus dilindungi oleh setiap Muslim ialah 'aqidahnya dan negeri yang harus dipertahankannya ialah negeri yang melaksanakan syari'at Allah dan bumi yang harus dibelakangnya ialah negeri Islam

(DarulIslam) yang memilih sistem hidup Islam sebagai sistem hidupnya. Segala pandangan yang lain terhadap "negeri" adalah pandangan yang bukan Islam, iaitu pandangan yang dilahirkan oleh jahiliyah-jahiliyah dan tidak dikenali Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 76)

Arah Perjuangan Kelompok Muslimin Dan Arah Perjuangan Kelompok Kafirin

Kemudian ayat yang berikut mengemukakan satu sentuhan jiwa yang lain untuk membangkitkan semangat, merangsangkan azam, menerangi jalan, menentukan nilai-nilai, tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat yang diperjuangkan oleh setiap kumpulan:

الَّذِينَ ءَامَنُوا يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۖ وَالَّذِينَ كَفَرُوا يُقَٰتِلُونَ
فِي سَبِيلِ الطَّٰغُوتِ فَقَٰتِلُوٓا أَوْلِيَآءَ الشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّ كَيْدَ
الشَّيْطَٰنِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾

"Orang-orang yang beriman adalah berperang kerana Sabilullah dan orang-orang kafir adalah berperang kerana kepentingan Thaghut. Oleh itu perangilah sahabat-sahabat syaitan kerana sesungguhnya tipudaya syaitan itu lemah."(76)

Dalam satu sentuhan sahaja manusia berhenti di persimpangan jalan dan sedetik itu juga segala matlamat dan jalan kelihatan begitu jelas dan manusia berpecah kepada dua puak dan setiap puak bernaung di bawah panji-panji yang berlainan:

الَّذِينَ ءَامَنُوا يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۖ وَالَّذِينَ كَفَرُوا يُقَٰتِلُونَ
فِي سَبِيلِ الطَّٰغُوتِ

"Orang-orang yang beriman adalah berperang kerana Sabilullah dan orang-orang kafir adalah berperang kerana kepentingan Thaghut."(76)

Maksudnya orang-orang yang beriman berperang kerana Sabilullah, iaitu berjuang untuk merealisasikan sistem hidup-Nya, menegakkan syari'at-Nya dan mendirikan keadilan "di antara manusia" dengan nama Allah bukannya di bawah nama-nama yang lain sebagai pengi'tirafan bahawa hanya Allah sahaja Tuhan yang disembah dan Tuhan yang memerintah.

Sementara orang-orang kafir pula berperang kerana kepentingan Thaghut untuk merealisasikan berbagai-bagai sistem yang lain dari sistem Allah, menegakkan berbagai-bagai nilai yang lain dari nilai-nilai yang diizinkan Allah dan meletakkan berbagai-bagai neraca ukuran yang lain dari neraca-neraca Allah.

Pendirian orang-orang yang beriman adalah bersandar kepada naungan dan perlindungan Allah. Sementara pendirian orang-orang kafir pula adalah bersandar kepada naungan syaitan. Mereka hidup dengan berbagai-bagai panji-panji, berbagai-bagai sistem hidup, berbagai-bagai undang-undang, berbagai-bagai cara, berbagai-bagai nilai dan berbagai-bagai neraca ukuran dan kerana itu seluruh mereka adalah sahabat-sahabat syaitan.

Kemudian Allah memerintah orang-orang yang beriman supaya memerangi sahabat-sahabat syaitan tanpa menaruh bimbang kepada tipudaya mereka dan kepada tipudaya syaitan:

فَقَٰتِلُوٓا أَوْلِيَآءَ الشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّ كَيْدَ الشَّيْطَٰنِ كَانَ
ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾

"Oleh itu perangilah sahabat-sahabat syaitan itu kerana sesungguhnya tipudaya syaitan itu lemah."(76)

Demikianlah pendirian kaum Muslimin. Mereka berpijak di atas bumi yang pejal dan bersandar pada tiang yang kukuh, sedangkan hati nurani mereka yakin bahawa mereka berjuang kerana Allah semata-mata, bukan kerana mendapatkan sesuatu habuan untuk diri mereka atau untuk kaum mereka atau untuk bangsa mereka atau untuk keluarga mereka, malah perjuangan mereka adalah semata-mata untuk Allah Yang Maha Esa, untuk sistem hidup-Nya dan untuk syari'at-Nya. Hati nurani mereka yakin bahawa mereka berjuang menentang pengikut-pengikut kebatilan yang berjuang untuk memenangkan kebatilan di atas kebenaran, kerana pengikut-pengikut kebatilan itu berjuang untuk menjadikan sistem-sistem hidup jahiliyah ciptaan manusia - segala sistem hidup ciptaan manusia adalah jahiliyah belaka - mengatasi sistem hidup Allah, juga berjuang untuk menjadikan undang-undang jahiliyah ciptaan manusia - segala undang-undang ciptaan manusia adalah jahiliyah belaka - mengatasi syari'at Allah. Dan seterusnya berjuang untuk menjadikan kezaliman manusia - segala hukuman manusia tanpa hukuman Allah adalah zalim belaka - mengatasi keadilan Allah, iaitu keadilan yang diwajibkan ke atas kaum Muslimin supaya menjadikannya dasar penghakiman di antara manusia seluruhnya.

Demikianlah kaum Muslimin mengharungi peperangan dengan keyakinan bahawa Allah menjadi pelindung mereka di dalam peperangan itu dan dengan keyakinan bahawa mereka memerangi golongan manusia yang berpenaungkan syaitan dan kerana itu orang-orang ini adalah lemah belaka kerana tipu daya syaitan itu memang lemah.

Oleh sebab itulah titik kesudahan peperangan itu telahpun terpacak dengan jelas dan teguh di dalam hati pejuang-pejuang Mu'min sebelum mereka memasuki peperangan itu lagi dan selepas itu mereka yakin pula kepada natijahnya, iaitu sama ada mereka gugur syahid di medan pertempuran atau terus hidup hingga mendapat kemenangan dan melihat kemenangan dengan dua belah mata mereka. Oleh

itu mereka selama-lamanya yakin mendapat pahala yang amat besar.

Dari kefahaman yang sebenar terhadap balasan jihad sama ada di waktu hidup atau mati inilah lahirnya kisah-kisah keberanian dan pengorbanan yang luar biasa yang dirakamkan oleh sejarah jihad fi Sabilillah dalam kehidupan kelompok Muslimin angkatan pertama dan terus berlaku di sepanjang sejarah di dalam berbagai-bagai generasi umat Muslimin. Kita tidak payah membawa contoh-contohnya di sini kerana ia memang banyak dan masyhur. Dan dari kefahaman inilah juga lahirnya kebangkitan Islam yang menakjubkan yang berlaku dalam masa yang paling pendek yang pernah diketahui sejarah. Kefahaman ini adalah salah satu aspek kelebihan kelompok Muslimin yang direalisasikan oleh sistem hidup Rabbani kepada mereka hingga dapat mengatasi musuh-musuh mereka. Itulah kelebihan yang telah kami sebutkan sebelum ini di dalam juzu' yang sama. Usaha membina dan memupuk kefahaman ini merupakan sebahagian dari perjuangan besar yang dilancarkan oleh Al-Qur'an di dalam jiwa orang-orang Mu'min semasa ia memimpin mereka berjuang menentang musuh-musuh yang lebih kuat dari mereka dari segi bilangan, peralatan dan kekayaan, tetapi lemah dalam aspek kefahaman ini dan kerana itu musuh-musuh itu telah kalah belaka.

Kini kita dapat melihat sejauh mana usaha yang telah dicurahkan oleh sistem hidup Islam untuk mewujud dan menegakkan kefahaman ini. Usaha-usaha ini bukannya perkara senang. Ia bukannya berupa perkataan-perkataan yang diucapkan sahaja, malah ia berupa daya usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan untuk mengubat penyakit hati yang kikir dan bakhil, penyakit hati yang tamak dan mahu hidup walau dengan apa harga sekalipun, juga untuk membetulkan pandangan dan kefahaman yang salah terhadap hakikat untung rugi..... Di dalam pelajaran ini masih ada lagi lanjutan dari cara pengubatan itu dan lanjutan dari usaha-usaha gigih yang berterusan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 77 - 83)

Rangkaian ayat-ayat selepas ini menyatakan kehairanan terhadap sekumpulan atau lebih dari orang-orang Islam. Mengikut satu pendapat di antara mereka dalam kumpulan ini termasuk setengah-setengah orang-orang Muhajirin sendiri yang begitu bersemangat agar mereka dibenarkan berperang melawan kaum Musyrikin semasa mereka ditindas dan diseksa di Makkah, tetapi mereka tidak diizinkan berperang kerana hikmat-hikmat yang diketahui oleh Allah dan mungkin sebahagian dari hikmat itu dapat diketahui oleh kita sebagaimana akan dibicarakan selepas ini. Apabila peperangan itu telah diwajibkan ke atas mereka setelah tertubuhnya negara Islam di Madinah dan mengikut ilmu Allah keizinan berperang itu di waktu ini mendatangkan kebaikan kepada mereka dan kepada umat manusia seluruhnya tiba-tiba mereka bertukar menjadi orang-orang yang digambarkan oleh Al-Qur'an:

يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا۟ رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ

"Mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih takut lagi. Mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapa Engkau wajibkan kami berperang, mengapa tidak Engkau tangguhkan kami berperang hingga ke satu masa yang hampir?"(77)

dan mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang berkata apabila memperolehi sesuatu kebaikan:

هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ

"Ini adalah anugerah istimewa dari Allah"(78)

dan termasuk dalam golongan orang-orang yang berkata kepada Rasulullah s.a.w. apabila mereka ditimpa sesuatu keburukan:

هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ

"Ini adalah dari perbuatan engkau"(78)

dan mereka termasuk dalam golongan mereka yang berpura-pura mengaku ta'at kepada Rasulullah s.a.w., tetapi apabila mereka keluar dari majlis beliau, maka sekumpulan dari mereka secara rahsia merancangkan sesuatu tindakan yang bertentangan dengan pengakuan lisan mereka. Dan seterusnya mereka termasuk di dalam golongan mereka yang suka menyebarkan berita-berita angin mengenai keamanan atau kecemasan sebaik sahaja berita-berita itu diterima oleh mereka.

Kumpulan Manakah Yang Dimaksudkan Oleh Rangkaian Ayat-ayat Ini?

Rangkaian ayat-ayat yang berikut menyatakan kehairanan terhadap orang-orang ini dengan uslub Al-Qur'an yang menggambarkan keadaan jiwa manusia seolah-olah satu pemandangan yang boleh dilihat dan dijamah dan membetulkan - untuk kebaikan mereka dan kebaikan orang lain - pandangan dan kefahaman yang salah terhadap hakikat mati dan hidup, ajal dan takdir, baik dan buruk, manfa'at dan mudharat, untung dan rugi, neraca-neraca dan nilai-nilai. Ia menerangkan hakikat-hakikat ini kepada mereka dengan gaya bahasa yang melukiskan hakikat-hakikat itu dengan gambaran yang menarik dan berkesan:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا۟ رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ قُلْ

مَتَٰعُ ٱلدُّنۡيَا قَلِيلٞ وَٱلۡأٓخِرَةُ خَيۡرٞ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ وَلَا
تُظۡلَمُونَ فَتِيلًا ٧٧

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang dikatakan kepada mereka: 'Tahanlah tangan kamu (dari berperang) dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat'. Kemudian setelah mereka diwajibkan berperang tiba-tiba segolongan dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih takut lagi. Mereka berkata: 'Wahai Tuhan kami! Mengapa Engkau wajibkan kami berperang, mengapa tidak Engkau tangguhkan kami berperang hingga ke satu masa yang hampir?' Katakanlah: 'Keni'matan dunia itu hanya sedikit sahaja dan Akhirat itu lebih baik untuk orang yang bertaqwa dan di sana kamu tidak akan dianayai sedikitpun."'(77)

أَيۡنَمَا تَكُونُواْ يُدۡرِككُّمُ ٱلۡمَوۡتُ وَلَوۡ كُنتُمۡ فِي بُرُوجٖ
مُّشَيَّدَةٖۗ

"Di mana sahaja kamu berada maut tetap mendapatkan kamu walaupun kamu berada di dalam kubu yang tinggi.(78)

وَإِن تُصِبۡهُمۡ حَسَنَةٞ يَقُولُواْ هَٰذِهِۦ مِنۡ عِندِ ٱللَّهِۖ وَإِن
تُصِبۡهُمۡ سَيِّئَةٞ يَقُولُواْ هَٰذِهِۦ مِنۡ عِندِكَۚ قُلۡ كُلّٞ مِّنۡ
عِندِ ٱللَّهِۖ فَمَالِ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلۡقَوۡمِ لَا يَكَادُونَ يَفۡقَهُونَ
حَدِيثٗا ٧٨

"Dan jika mereka memperolehi kebaikan nescaya mereka berkata: Ini adalah anugerah istimewa dari Allah. Dan jika mereka ditimpa keburukan nescaya mereka berkata: Ini adalah dari perbuatan engkau (Muhammad). Katakanlah: Semuanya adalah dari Allah belaka. Mengapa orang-orang ini hampir-hampir tidak memahami sesuatu percakapan."(78)

مَّآ أَصَابَكَ مِنۡ حَسَنَةٖ فَمِنَ ٱللَّهِۖ وَمَآ أَصَابَكَ مِن سَيِّئَةٖ
فَمِن نَّفۡسِكَۚ وَأَرۡسَلۡنَٰكَ لِلنَّاسِ رَسُولٗاۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
شَهِيدٗا ٧٩
مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدۡ أَطَاعَ ٱللَّهَۖ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ
أَرۡسَلۡنَٰكَ عَلَيۡهِمۡ حَفِيظٗا ٨٠
وَيَقُولُونَ طَاعَةٞ فَإِذَا بَرَزُواْ مِنۡ عِندِكَ بَيَّتَ طَآئِفَةٞ
مِّنۡهُمۡ غَيۡرَ ٱلَّذِي تَقُولُۖ وَٱللَّهُ يَكۡتُبُ مَا يُبَيِّتُونَۖ
فَأَعۡرِضۡ عَنۡهُمۡ وَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
وَكِيلًا ٨١
أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ ٱلۡقُرۡءَانَۚ وَلَوۡ كَانَ مِنۡ عِندِ غَيۡرِ
ٱللَّهِ لَوَجَدُواْ فِيهِ ٱخۡتِلَٰفٗا كَثِيرٗا ٨٢
وَإِذَا جَآءَهُمۡ أَمۡرٞ مِّنَ ٱلۡأَمۡنِ أَوِ ٱلۡخَوۡفِ أَذَاعُواْ بِهِۦۖ وَلَوۡ
رَدُّوهُ إِلَى ٱلرَّسُولِ وَإِلَىٰٓ أُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنۡهُمۡ لَعَلِمَهُ ٱلَّذِينَ
يَسۡتَنۢبِطُونَهُۥ مِنۡهُمۡۗ وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ
وَرَحۡمَتُهُۥ لَٱتَّبَعۡتُمُ ٱلشَّيۡطَٰنَ إِلَّا قَلِيلٗا ٨٣

"Apa sahaja kebaikan yang diperolehi engkau adalah dari anugerah Allah dan apa sahaja keburukan yang menimpa engkau adalah dari kesalahan diri engkau sendiri dan Kami utuskan engkau selaku Rasul kepada selurah manusia dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi (79). Sesiapa yang menta'ati Rasul, maka sesungguhnya dia telah menta'ati Allah dan sesiapa yang berpaling (dari keta'atan), maka tidaklah Kami mengutuskanmu supaya menjadi pengawas ke atas mereka (80). Dan mereka (kaum Munafiqin) berkata: Kami tetap ta ' at. Kemudian apabila mereka keluar dari majlismu, maka segolongan dari mereka merancangkan di malam hari suatu rancangan yang berlainan dari apa yang telah dikatakan mereka dan Allah tetap menulis apa yang telah dirancangkan mereka di waktu malam itu. Oleh itu berpalinglah dari mereka dan bertawakkallah kepada Allah dan cukuplah Allah menjadi Pelindung (engkau) (81). Apakah tidak mereka memikirkan isi kandungan Al-Qur'an? Andainya Al-Qur'an itu datang bukan dari Allah nescaya mereka akan dapati pada kandungannya percanggahan-percanggahan yang banyak (82). Apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau ketakutan mereka terus menghebahkannya dan andainya mereka (lebih dahulu) rujukkannya kepada Rasulullah dan orang-orang yang berkuasa dari golongan mereka tentulah berita-berita itu dapat diketahui hakikatnya oleh orang-orang yang pandai mengolahkannya dari kalangan mereka. Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu tentulah kamu sekalian mengikut syaitan kecuali sebilangan yang sedikit sahaja."(83)

Orang-orang yang dibicarakan oleh empat kumpulan ayat-ayat ini mungkin juga orang-orang yang sama yang dibicarakan oleh kumpulan ayat yang silam di dalam pelajaran ini, iaitu mereka yang disebut di dalam ayat:

وَإِنَّ مِنكُمۡ لَمَن لَّيُبَطِّئَنَّ ....

"Dan sesungguhnya di antara kamu ada orang yang sengaja melambat-lambatkan (ke medan perang)...."(72)

Ini bererti bahawa seluruh pembicaraan adalah mengenai sekumpulan kaum Munafiqin itu. Dari merekalah terbitnya segala perbuatan dan perkataan itu.

Kami hampir-hampir cenderung mentarjihkan pendapat ini kerana sifat-sifat munafiq yang diperikan oleh kumpulan-kumpulan ayat-ayat ini amat jelas dan terbitnya perbuatan-perbuatan dan perkataan-perkataan dari kumpulan-kumpulan Munafiqin di dalam barisan Muslimin itu memang lebih dekat kepada tabi'at mereka dan kepada amalan-amalan mereka yang telah lepas dan di samping itu pertalian teks Al-Qur'an amat rapat di antara semua ayat-ayat itu.

Tetapi kumpulan pertama - dari kumpulan-kumpulan ayat-ayat itu - yang membicarakan tentang orang-orang yang disebut dalam ayat:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang dikatakan kepada mereka: Tahanlah tangan kamu (dari berperang) dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat. Kemudian setelah mereka diwajibkan berperang tiba-tiba segolongan dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah"(77)

telah membuat kami ragu-ragu untuk mengatakan bahawa seluruh ayat-ayat ini adalah membicarakan tentang kaum Munafiqin walaupun sifat-sifat Munafiq itu kelihatan jelas di dalam ayat-ayat ini dan walaupun pertalian teks Al-Qur'an kelihatan rapat di antara semua ayat-ayat ini, malah ia telah membuat kami cenderung untuk mengatakan bahawa kumpulan ayat ini adalah diturunkan mengenai sekumpulan Muhajirin yang lemah iman, tetapi mereka bukannya orang-orang Munafiqin, cumanya kelemahan iman itu menjadikan tindak-tanduk mereka dekat kepada sifat-sifat nifaq, juga untuk mengatakan bahawa setiap kumpulan ayat-ayat yang lain dari empat kumpulan ayat tersebut itu mungkin membicarakan tentang satu kumpulan yang sama dari kumpulan-kumpulan Munafiqin yang menyusup di dalam barisan Muslimin dan mungkin pula seluruh kumpulan ayat itu memerikan sifat-sifat kaum Munafiqin umumnya dengan memperincikan segala perbuatan dan perkataan yang terbit dari mereka.

Alasan kami mengambil pendirian ini mengenai ayat kumpulan pertama atau alasan kami yang berpendapat bahawa kumpulan ayat ini adalah membicarakan tentang sekumpulan orang-orang Muhajirin yang lemah iman atau yang masih belum matang kefahaman keimanan mereka dan masih belum jelas segala garis dan bentuk i'tiqad di dalam hati dan akal mereka ialah wujudnya setengah-setengah orang Muhajirin yang begitu bersemangat dan terburu-buru untuk melawan penindasan kaum Musyrikin ketika mereka berada di Makkah, sedangkan pada masa itu mereka belum lagi diizinkan berperang, malah diperintah:

كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ

"Tahanlah tangan kamu (dari berperang) dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat."(77)

Hatta sekalipun kita masukkan ke dalam perkiraan kita cerita permintaan para peserta Perjanjian Al-'Aqabah yang kedua seramai tujuh puluh dua orang kepada Nabi s.a.w yang melahirkan keinginan mereka hendak membunuh penduduk Mina andainya mereka disuruh oleh Rasulullah s.a.w., tetapi beliau telah menjawab kepada mereka "kita belum diperintah berperang" kerana cerita ini tidak dapat mendorong kita untuk memasukkan kumpulan pertama kaum Ansar yang menjadi para peserta Perjanjian Al-'Aqabah itu ke dalam golongan orang-orang Munafiqin yang dibicarakan oleh kumpulan ayat-ayat yang lain dan tidak pula untuk memasukkan ke dalam kumpulan orang-orang yang lemah iman yang diceritakan oleh kumpulan ayat yang pertama kerana angkatan pertama kaum Ansar yang terpilih itu tidak pernah diketahui mempunyai sifat-sifat nifaq dan ciri-ciri kelemahan iman.

Oleh itu andaian yang paling dekat ialah kumpulan ini adalah diturunkan mengenai setengah-setengah orang-orang Muhajirin yang mempunyai jiwa yang lemah untuk memikul tugas-tugas berperang setelah mereka merasa aman hidup di Madinah dan selamat dari penindasan, sementara cerita-cerita yang lain bukan diturun mengenai mereka, malah mengenai kaum Munafiqin, kerana amat sukar kepada kita - walau sejauh mana kita telah mengetahui tentang gejala-gejala kelemahan manusia - untuk mengecap mana-mana orang Muhajirin dari angkatan pertama itu dengan perilaku yang memulangkan setiap keburukan kepada Rasulullah s.a.w. atau dengan perilaku berpura-pura mengaku ta'at kemudian secara diam-diam merancangkan sesuatu yang bertentangan dengan keta'atan walaupun kita tidak memustahilkan kemungkinan adanya di kalangan mereka sifat gopoh menghebohkan sesuatu berita keamanan atau ketakutan kerana sifat ini mungkin membuktikan bahawa mereka kurang terlatih dengan peraturan dan disiplin bukannya membuktikan bahawa mereka bersifat munafiq.

Sebenarnya kami dapati diri kami - di hadapan semua ayat ini - dalam keadaan yang tidak membolehkan kami membuat sesuatu kesimpulan yang pasti kerana riwayat-riwayat mengenai sebab nuzul ayat-ayat ini juga tidak memberi sesuatu keterangan yang pasti hingga sebab nuzul ayat-ayat dari kumpulan pertama juga tidak pasti. Di sana ada riwayat yang mengatakan ia diturun mengenai sekumpulan orang-orang Muhajirin dan ada pula riwayat yang mengatakan ia diturun mengenai sekumpulan kaum Munafiqin.

Oleh sebab itu kami memilih pendapat yang lebih selamat untuk membersihkan para Muhajirin dari sifat-sifat berlambat-lambat dan berlepas tangan dari akibat-akibat baik buruk yang dialami oleh orang-

orang Mu'min sebagaimana telah diceritakan di dalam ayat-ayat yang lepas, juga untuk membersihkan mereka dari sifat yang memulangkan keburukan kepada Rasulullah s.a.w. dan memulangkan kebaikan kepada Allah sahaja dan seterusnya untuk membersihkan mereka dari perbuatan merancangkan secara rahsia sesuatu yang bertentangan dengan keta'atan walaupun pemecahan pertalian ayat-ayat dengan sedemikian rupa bukannya mudah kepada mereka yang mengikut rangkaian teks Al-Qur'an dan memahami - dengan pengalaman yang lama - cara pengungkapan Al-Qur'an. Wallahul-Muin.

* * * * * *

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ
يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا۟ رَبَّنَا
لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ قُلْ
مَتَـٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ وَٱلْـَٔاخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ وَلَا
تُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٧﴾

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang dikatakan kepada mereka: Tahanlah tangan kamu (dari berperang) dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat. Kemudian setelah mereka diwajibkan berperang tiba-tiba segolongan dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih takut lagi. Mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapa Engkau wajibkan kami berperang, mengapa tidak Engkau tangguhkan kami berperang hingga ke satu masa yang hampir? Katakanlah: Keni'matan dunia itu hanya sedikit sahaja dan Akhirat itu lebih baik untuk orang yang bertaqwa dan di sana kamu tidak akan dianayai sedikitpun."(77)

أَيْنَمَا تَكُونُوا۟ يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِى بُرُوجٍ
مُّشَيَّدَةٍ ۗ

"Di mana sahaja kamu berada maut tetap mendapatkan kamu walaupun kamu berada didalam kubu yang tinggi."(78)

Di sini Allah S.W.T. memperlihatkan kehairanan terhadap sikap segolongan manusia yang terburu-buru dan tergesa-gesa hendak berperang ketika mereka berada di negeri Makkah, di mana mereka menerima berbagai-bagai gangguan, penyeksaan dan penindasan dari kaum Musyrikin, sedangkan di waktu itu mereka belum lagi diizin berperang kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah, tetapi apabila tiba waktu yang sesuai mengikut bagaimana yang telah ditetapkan Allah dan apabila suasana dan keadaan telah cukup bersedia lalu peperangan kerana Sabilullah pun diwajibkan ke atas mereka tiba-tiba sekumpulan dari mereka menjadi begitu panik dan cemas sehingga mereka takut kepada musuh yang diperintah supaya diperangi mereka itu sama seperti mereka takut kepada Allah Yang Maha Gagah dan Maha Perkasa, iaitu Tuhan yang mempunyai kekuatan menyeksa dan membelenggu yang tidak boleh ditandingi oleh sesiapa pun atau lebih takut lagi, dan tiba-tiba mereka merayu dengan penuh kecewa, takut dan cemas:

رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ

"Wahai Tuhan kami! Mengapa Engkau wajibkan kami berperang?"

Ini adalah satu permintaan yang ganjil dari seorang Mu'min yang membuktikan bahawa kefahaman mereka terhadap taklif-taklif agama ini dan fungsi-fungsi agama ini belum lagi jelas kepada mereka. Kemudian sikap mereka yang tertanya-tanya itu diiringi pula oleh angan-angan yang hampa dan malang.

لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ

"Mengapa tidak Engkau tangguhkan kami berperang hingga ke satu masa yang hampir?"

Yakni tangguhkan kami untuk beberapa waktu sebelum kami memikul taklif yang berat dan menakutkan ini.

Sebenarnya orang-orang yang paling ghairah, berani dan bersemangat kadang-kadang menjadi orang-orang yang paling panik, cemas dan pengecut ketika berdepan dengan keadaan yang serius atau ketika berlaku peperangan, malah hal ini kadang-kadang menjadi suatu kelaziman. Ini disebabkan kerana semangat yang terburu-buru dan keghairahan yang keterlaluan itu biasanya lahir dari akibat tidak membuat penilaian yang sewajar terhadap hakikat taklif-taklif itu bukannya lahir dari motif keberanian, ketahanan dan ketabahan, begitu juga ia kadang-kadang lahir dari akibat kurang daya ketahanan untuk menanggung kesusahan, penindasan dan kekalahan. Kekurangan daya ketahanan inilah yang mendorong mereka menuntut supaya segera bertindak, melawan dan menuntut bela dengan apa cara sekalipun tanpa membuat penilaian yang wajar terhadap beban-beban bertindak, melawan dan menuntut bela itu sehingga apabila mereka benar-benar menghadapi beban-beban ini barulah mereka sedar bahawa beban-beban itu adalah lebih berat dari apa yang dapat dilakukan mereka dan lebih sukar dari apa yang difikirkan mereka dan akhirnya mereka menjadi barisan pertama yang panik, cemas dan lemah semangat. Sementara orang-orang yang dapat mengawal diri mereka dan tahan menghadapi kesusahan, gangguan dan penindasan dalam beberapa waktu serta membuat persediaan yang wajar untuk menghadapi keadaan di samping mengetahui hakikat beban bertindak dan sejauh mana ketahanan diri untuk memikul beban-

beban itu maka merekalah orang-orang yang dapat berdiri teguh. Oleh itu orang-orang inilah yang bersikap sabar, tidak tergopoh-gapah dan membuat persediaan-persediaan yang wajar, sedangkan orang-orang yang berani terburu-buru dan bersemangat berkobar-kobar memandang mereka sebagai orang-orang yang lemah dan tidak tertarik dengan sikap mereka yang perlahan-lahan dan memperhitungkan segala perkara dengan pertimbangan yang teliti itu. Tetapi hanya di dalam peperangan akan ternyata kumpulan manakah yang lebih tahan dan gigih dan kumpulan manakah yang lebih jauh pandangannya.

Amatlah besar kemungkinan bahawa kumpulan yang dimaksudkan oleh ayat-ayat ini adalah dari jenis orang-orang yang seperti ini, iaitu mereka telah digigit oleh kesusahan dan penindasan di Makkah hingga mereka tidak terdaya lagi menanggungnya, mereka tidak sanggup lagi menanggung kehinaan kerana mereka orang-orang yang mempunyai kedudukan. Oleh kerana itu mereka terburu-buru menggesa Rasulullah s.a.w. supaya membenarkan mereka melawan untuk menolak gangguan dan penindasan itu atau untuk mempertahankan kehormatan mereka, sedangkan di dalam perkara ini Rasulullah s.a.w. mematuhi perintah Allah yang mengarah supaya bersabar dan menunggu, mendidik, membuat persediaan-persediaan yang wajar dan menunggu perintah pada waktu yang sesuai. Apabila kumpulan ini merasa hidup di Madinah, di mana mereka tidak lagi diganggu, dihina dan digigit oleh peristiwa-peristiwa penindasan, maka mereka tidak lagi melihat sesuatu alasan yang wajar untuk berperang atau sekurang-kurangnya tidak melihat perlunya diambil keputusan segera untuk berperang.

فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ
كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا۟ رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا
ٱلْقِتَالَ لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ

"Kemudian setelah mereka diwajibkan berperang tiba-tiba segolongan dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih takut lagi. Mereka berkata: Wahai Tuhan kami, mengapa Engkau wajibkan kami berperang, mengapa tidak Engkau tangguhkan kami berperang hingga ke satu masa yang hampir?"(77)

Kumpulan ini mungkin dari mereka yang benar-benar beriman. Buktinya kerana mereka berdo'a kepada Allah dengan perasaan rendah diri dan dukacita. Gambaran ini perlu ada di dalam perhitungan kita, tetapi keimanan mereka di waktu itu belum lagi matang, pandangan dan kefahaman mereka belum lagi jelas dengan garis-garis yang terang dan fungsi agama ini belum lagi terang kepada mereka, iaitu fungsi agama ini adalah lebih besar lagi dari tugas melindungi keselamatan individu-individu, keselamatan kaum-kaum dan keselamatan negeri-negeri, malah fungsi utamanya ialah menegakkan sistem hidup Rabbani di bumi, membangunkan sistem yang adil di merata pelosok alam, mewujudkan kekuatan yang tertinggi di muka bumi ini yang mempunyai kuasa yang dapat menghalangkan segala tindakan menutup sempadan negara untuk mencegah kemasukan da'wah Allah dan dapat menghalang segala tindakan menyekat orang ramai dari mendengar da'wah di mana-mana tempat di dunia ini dan seterusnya dapat menghalang segala bentuk penindasan kerana agama terhadap mana-mana individu apabila dia memilih agama itu dengan sepenuh kebebasannya. Di antara bentuk penindasan-penindasan itu ialah dia diusir dari mata pencarian rezekinya atau diburu dari menjalankan kegiatannya. Semuanya ini adalah tugas-tugas luar sama ada penindasan itu berlaku ke atas individu-individu yang tertentu atau tidak berlaku. Oleh itu jelaslah bahawa keamanan yang wujud di Madinah sekalipun keamanan itu diandaikan cukup sempurna dan tidak terancam - tidaklah sekali menamatkan tugas kaum Muslimin di sana dan menamatkan tugas jihad mereka.

Keimanan yang belum lagi matang untuk membawa seseorang Mu'min itu ke tahap yang boleh menafikan kepentingan dirinya dan membulatkan kepatuhannya kepada perintah Allah dan memandangnya sebagai satu-satunya sebab musabab dan kata pemutus sama ada seseorang Mu'min itu mengetahui hikmat-Nya atau belum lagi jelas kepadanya. Pandangan dan kefahaman yang belum lagi jelas garis-garisnya untuk membawa seseorang Mu'min ke tahap yang membolehkan mengenal fungsi agama ini dan hakikat tugas dirinya selaku alat takdir-takdir Allah yang melaksanakan segala apa yang dikehendaki Allah di dalam kehidupan ini tidak syak lagi melahirkan pendirian yang sama dengan pendirian kumpulan yang digambarkan dengan jelas oleh ayat-ayat Al-Qur'an itu dan dikemukakan dengan pernyataan yang meluahkan kehairanan dan kecaman yang menimbulkan kebencian.

Tentang hikmat mengapakah Allah tidak mengizinkan orang-orang Islam di Makkah berperang membela diri dari kezaliman dan membalas pencerobohan kaum Musyrikin dan menentang penindasan dengan kekuatan, sedangkan ramai di antara mereka yang mampu bertindak begitu, maka ini bukanlah kerana mereka lemah atau tidak berdaya, iaitu lemah untuk bertindak balas dengan kekuatan sekali ganda walaupun orang-orang Islam di waktu itu kecil bilangannya.

Tentang hikmat ini dan hikmat Allah menyuruh mereka supaya menahan diri dari berperang dan supaya mendirikan solat, menunaikan zakat dan bersifat sabar dan tabah menderita walaupun setengah-setengah orang Islam menghadapi penindasan dan penyeksaan yang tidak terdaya ditanggung mereka atau melampaui batas keupayaan mereka hingga menyebabkan mereka dihalangkan dari agama mereka. Dan ada pula orang-orang yang tidak tahan menerima penyeksaan yang berterusan lalu mati dalam penyeksaan...... Tentang hikmat ini

kami tidak dapat mengulaskannya secara pasti, kerana kami tidak mahu berlagak angkuh terhadap Allah apabila kami tonjolkan secara pasti sesuatu hikmat yang tidak dijelaskan Allah kepada kita atau memberi sebab-sebab dan alasan-alasan secara pasti terhadap perintah-perintah Allah yang mungkin tidak tepat dengan sebab-sebab dan alasan-alasan yang sebenar atau mungkin tepat tetapi di sana masih ada lagi sebab-sebab dan alasan-alasan yang lain di sebaliknya yang tidak didedahkan kepada kita dan yang diketahui Allah memberi kebaikan dan mendatangkan muslihat kepada kita. Inilah sikap seorang Mu'min terhadap mana-mana taklif atau mana-mana hukum di dalam syari'at Allah yang tidak diterangkan sebab-sebab secara tegas dan pasti. Oleh itu apa sahaja sebab-sebab dan alasan-alasan yang terlintas di dalam hatinya bagi mana-mana hukum Allah atau mana-mana taklifnya atau bagi mana-mana cara melaksanakan sesuatu hukum Allah atau sesuatu taklifnya yang difikir baik dan elok oleh akalnya, maka sayugialah dia anggapkan sebab-sebab dan alasan-alasan itu sebagai sesuatu kemungkinan sahaja dan dia tidak seharusnya mengatakan dengan pasti - biarpun bagaimana kuat dia percaya kepada ilmunya, akalnya dan penelitiannya terhadap hukum Allah - bahawa apa yang telah difikirkannya itulah satu-satunya hikmat yang dikehendaki Allah dan tiada lagi hikmat yang lain darinya. Sikap berhemat dan mengawal diri seperti ini merupakan kewajipan adab sopan terhadap Allah di samping merupakan kehendak perbezaan tabi'at dan hakikat di antara ilmu Allah dengan pengetahuan manusia.

Hikmat Jihad Tidak Difardhukan Di Makkah

Berdasarkan kewajipan adab sopan terhadap Allah inilah kami membicarakan di sini tentang hikmat mengapa jihad itu tidak difardhukan di Makkah tetapi difardhukan di Madinah. Kami hanya menyebut di sini hikmat dan sebab yang ternampak kepada kami sebagai suatu kemungkinan semata-mata kemudian kami tinggalkan segala hikmat yang sebenar di sebaliknya kepada Allah, kerana kami tidak mahu memaksakan ke atas perintah-perintah Allah dengan sebab-sebab dan alasan-alasan dari kami, sedangkan sebab-sebab dan alasannya yang sebenar tiada siapa yang mengetahuinya melainkan Allah dan tidak pula pernah dijelaskan Allah kepada kita dengan nas yang terang.

Sebab-sebab dan alasan-alasan itu tidak lebih dari sebab-sebab dan alasan-alasan ijtihadiyah sahaja yang mungkin salah dan mungkin betul, mungkin kurang dan mungkin lebih. Tujuan kami mengemukakan sebab-sebab dan alasan-alasan itu adalah semata-mata mengemukakan hasil penelitian kami terhadap hukum-hukum Allah sekadar yang ternampak kepada kami dari peristiwa-peristiwa semasa di zaman itu:

1) Mungkin hikmatnya kerana masa da'wah di Makkah merupakan masa pendidikan dan penyediaan dalam satu persekitaran tertentu untuk satu kaum yang tertentu di tengah-tengah suasana yang tertentu dan di antara matlamat pendidikan dan penyediaan dalam persekitaran yang seperti ini ialah mendidik jiwa individu Arab (yang memeluk Islam) supaya sabar dan tabah menghadapi kezaliman dan penindasan - yang biasa tidak dapat ditanggung olehnya - apabila kezaliman itu menimpa dirinya atau orang-orang yang dilindunginya. Agar ia dapat belajar menepi dan melupakan dirinya supaya dirinya dan orang-orang yang dilindunginya tidak lagi menjadi fokus hidup dalam pandangannya atau menjadi daya penggerak dalam kehidupannya. Ia juga dididik supaya mengawal saraf dan ledakan perasaannya agar dia tidak bertindak terburu-buru atau cepat melenting bila sahaja dicabar dan agar tidak terus marah dan memberang bila sahaja diacah. Tujuan didikan ini ialah untuk membentuk sifat kesederhanaan dalam tingkahlaku dan tindak-tanduknya. Seterusnya ia dididik supaya mengikut satu masyarakat yang teratur dan berdisiplin yang mempunyai pucuk pimpinan selaku tempat ia merujukkan segala urusan hidupnya dan dia tidak bertindak melainkan mengikut sebagaimana yang diperintah oleh pucuk pimpinan walaupun bertentangan dengan adat kebiasaannya. Inilah batu asas menyediakan syakhsiyah orang Arab untuk mewujudkan sebuah "masyarakat Islam" yang tunduk kepada satu kepimpinan yang berdisiplin, maju dan bertamadun bukannya masyarakat liar atau kesukuan.

2) Mungkin hikmatnya kerana da'wah secara ramai itu lebih berkesan dan berpengaruh dalam sebuah masyarakat seperti masyarakat Quraisy yang sangat mementingkan kemegahan dan kehormatan diri. Sebarang tindakan yang boleh mencetuskan peperangan dengan masyarakat ini dalam masa yang seperti ini boleh menyebabkan mereka bertambah degil dan menimbulkan kejadian-kejadian balas dendam berdarah yang baru seperti kejadian-kejadian balas dendam Arab yang terkenal yang telah mencetuskan peperangan-peperangan Dahis, Al-Ghabra' dan al-Basus yang mengambil masa bertahun-tahun lamanya di mana seluruh suku-suku Arab telah berjuang mati-matian - dan kejadian-kejadian balas dendam yang baru ini akan terikat di dalam fikiran dan ingatan mereka dengan Islam dan ini akan membuat gerakan-gerakan balas dendam itu tidak akan padam buat selama-lamanya dan perjuangan Islam akan berubah dari perjuangan da'wah kepada perjuangan balas dendam dan permusuhan yang boleh melupakan gagasan asasinya, sedangkan Islam masih berada di peringkat pertama perjuangan dan akibatnya gagasan asasinya itu tidak akan diingati lagi buat selama-lamanya.

3) Mungkin hikmatnya untuk mengelak dari berlakunya pertempuran dan pembunuhan di setiap rumah, kerana di waktu itu tidak ada pihak berkuasa yang tersusun yang bertindak menyeksa dan menindas orang-orang yang beriman, malah tindakan-tindakan itu diserahkan kepada para wali

atau penguasa individu-individu itu masing-masing. Merekalah yang menyeksa, menindas dan menghukum individu-individu yang beriman yang ada di bawah jagaan dan kuasa mereka. Oleh itu jika keizinan berperang diberikan kepada mereka dalam persekitaran yang seperti ini, maka peperangan dan pembunuhan akan berlaku di setiap buah rumah kemudian tentulah orang boleh menuduh: Inilah angkara Islam! Malah tuduhan yang seperti ini telahpun dilemparkan kepada Islam walaupun Islam melarang penganut-penganutnya dari berperang. Kaum Quraisy telah melancarkan kempen-kempen dan propaganda-propaganda di musim haji di dalam kalangan orang-orang Arab yang datang untuk berkunjung ke Ka'bah dan berniaga bahawa Muhammad telah memecah-belahkan di antara bapa dan anak selain dari memecah-belahkan kaum dan keluarganya. Oleh itu apa akan berlaku andainya beliau menyuruh anak memerangi bapa dan maula memerangi walinya di tiap-tiap rumah dan tempat?

4) Mungkin hikmatnya kerana Allah mengetahui bahawa sebilangan besar dari penentang-penentang Islam yang degil yang bertindak menindas, mengganggu dan menyeksa angkatan pertama Muslimin itulah juga yang akan menjadi pejuang-pejuang Islam yang setia, malah menjadi para pemimpinnya....... Tidakkah 'Umar ibn al-Khattab termasuk dalam golongan mereka?

5) Mungkin hikmatnya, kerana deria kehormatan orang-orang Arab dalam masyarakat sukuan biasa akan bangkit membela orang-orang yang teraniaya dan tertindas dan mereka tidak akan berpatah balik lagi terutama jika penindasan itu dilakukan ke atas orang-orang yang baik dari kalangan mereka. Berbagai-bagai peristiwa telah berlaku yang membuktikan kesahihan pendapat ini dalam masyarakat yang seperti ini. Misalnya Ibn ad-Dughunnah tidak rela membiarkan Abu Bakr r.a. - seorang tokoh yang mulia di sisi mereka - keluar berhijrah meninggal negeri Makkah dan menganggapkan perkara ini sebagai suatu tamparan yang memalukan orang-orang Arab lalu dia menawarkan perlindungan kepada Abu Bakr. Peristiwa terakhir dari peristiwa-peristiwa seperti ini ialah pembatalan surat perjanjian mengepung Bani Hasyim di Shi'b Abu Talib setelah sekian lama keluarga Bani Hasyim menderita kelaparan dan kesengsaraan. Sementara dalam masyarakat lain dari masyarakat-masyarakat tamadun lama yang biasa menerima penghinaan, di sana sikap berdiam diri menerima penghinaan kadang-kadang merupakan sebab yang menimbulkan ejekan dan penghinaan dari masyarakat itu dan memberi pandangan yang tinggi kepada pihak yang melakukan penindasan, kezaliman dan pencabulan itu.

6) Mungkin hikmatnya kerana bilangan kaum Muslimin di waktu itu masih kecil dan mereka terkepung di negeri Makkah sahaja, sedangkan da'wah Islam belum lagi sampai ke kawasan-kawasan Semenanjung Tanah Arab yang lain. Atau berita da'wah itu memanglah sampai di sana sini, tetapi di waktu itu suku-suku Arab masih mengambil sikap berkecuali dalam pertentangan dalaman yang berlaku di antara suku Quraisy dengan anak-anak buahnya sehingga suku-suku Arab itu dapat melihat kesudahan kedudukan pertarungan itu. Di dalam keadaan yang seperti ini peperangan yang terbatas itu (jika berlaku) mungkin berakhir dengan terbunuhnya kumpulan Muslimin yang kecil itu dan akibatnya kepercayaan syirik akan terus kekal bertapak dan kelompok Muslimin akan terhapus dan Islam tidak akan mempunyai sistemnya di bumi ini dan tidak akan mempunyai kewujudannya di alam kenyataan, sedangkan Islam satu agama yang diturunkan Allah untuk menjadi sistem hidup manusia yang realistik dan amali.

7) Dalam waktu yang sama di sana tidak ada sebab yang benar-benar perlu dan mendesak untuk menafikan semua pertimbangan-pertimbangan ini dan untuk mendapatkan perintah berperang dan menentang penindasan itu, kerana perkara pokok di dalam da'wah itu telah pun wujud dan menjadi kenyataan pada masa itu. Perkara pokok itu ialah "kewujudan da'wah", iaitu da'wah itu telah wujud pada tubuh penda'wahnya Rasulullah s.a.w. dan tubuh beliau pula berada di bawah perlindungan mata pedang Bani Hasyim dan kerana itu tiada satu tangan pun yang berani mengancam keselamatan beliau melainkan ia akan terdedah kepada pancungan pedang-pedang itu. Peraturan suku yang dihormati pada masa itu membuat setiap suku takut terlibat dalam peperangan dengan Bani Hasyim jika mereka cuba mengancam keselamatan Muhammad s.a.w. Oleh sebab itulah tubuh beliau selaku penda'wah telah mendapat perlindungan yang cukup. Beliau dapat menyampaikan da'wahnya di bawah perlindungan mata pedang Bani Hasyim, dan kehendak-kehendak peraturan suku. Beliau tidak menyembunyi dan merahsiakan da'wah itu dan tiada siapa yang berani menghalangkan beliau dari menyampai dan mengumumkan da'wahnya di dalam majlis-majlis perhimpunan-perhimpunan orang-orang Quraisy di Ka'bah dan di atas Bukit Safa dan di dalam perhimpunan-perhimpunan umum yang lain. Tiada siapa pun yang berani menutup mulutnya atau mencoleknya atau menyumbatnya di dalam penjara atau membunuhnya. Dan tiada siapa pun yang berani memaksa beliau supaya bercakap mengenai sesuatu perkara yang tertentu sahaja, iaitu bercakap mengenai sebahagian dari hakikat agamanya yang tertentu sahaja dan mendiamkan diri mengenai hakikat-hakikatnya yang lain. Beliau tidak pernah berhenti menyelar tuhan-tuhan sembahan mereka apabila mereka mendesak beliau berbuat begitu dan beliau tidak juga diam apabila mereka menuntut beliau supaya jangan mencela agama datuk nenek mereka dan jangan mengatakan bahawa datuk nenek mereka berada di dalam Neraka. Beliau tidak pernah bertolak ansur apabila mereka menuntut supaya beliau bertolak ansur dan supaya beliau mengikut setengah-setengah tradisi mereka agar mereka dapat

mengikut setengah-setengah ibadat yang diajar oleh beliau. Pendeknya da'wah di waktu itu telah mempunyai kewujudannya yang sempurna pada peribadi Rasulullah s.a.w. dan keselamatannya dikawal oleh pedang Bani Hasyim dan beliau dapat menyampaikan da'wahnya dengan sempurna di segenap tempat dan dengan segala bentuk. Oleh sebab itulah di sana tidak ada sebab yang benar-benar mendesak untuk mempercepatkan tindakan berperang dan menafikan semua pertimbangan-pertimbangan kemasyarakatan itu, yang pada keseluruhannya membantu perkembangan da'wah di dalam masyarakat yang seperti ini.

Seluruh pertimbangan ini - pada hemat kami - merupakan sebahagian dari hikmat yang dikehendaki Allah apabila Dia melarang kaum Muslimin dari berperang dan menyuruh mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat agar didikan dan persediaan mereka sempurna dan agar mereka mempergunakan segala kemungkinan yang dapat dimanfa'atkan mereka dalam masyarakat ini dari perencanaan larangan berperang itu dan agar seluruh kaum Muslimin menunggu perintah berjihad dari pucuk pimpinan pada waktu yang sesuai dan menafikan seluruh kepentingan diri mereka dari persoalan jihad ini supaya ia benar-benar ikhlas kerana Allah dan kerana Sabilullah. Kini da'wah telah pun mempunyai kewujudan dan telah pun berfungsi dan mendapat perlindungan.

Biar apa pun, hikmat Allah di sebalik perencanaan larangan berperang itu, namun di sana ada orang-orang yang begitu ghairah untuk berperang. Mereka memperlihatkan sikap mereka yang tidak sabar untuk menunggu masa mereka diberi keizinan berperang:

فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَخْشَوْنَ النَّاسَ كَخَشْيَةِ اللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا الْقِتَالَ لَوْلَا أَخَّرْتَنَا إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ

"Kemudian setelah mereka diwajibkan berperang tiba-tiba segolongan dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih takut lagi. Mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapa Engkau wajibkan kami berperang, mengapa tidak Engkau tangguhkan kami berperang hingga ke satu masa yang hampir?"(77)

Hakikat Hidup Dan Mati

Wujudnya kumpulan ini di dalam barisan Muslimin menimbulkan satu keadaan yang boleh melemahkan perpaduan di samping menimbulkan keadaan ketidak-seimbangan di antara kumpulan-kumpulan yang penakut dan pengecut dengan kumpulan-kumpulan yang beriman yang mempunyai hati yang teguh dan tenteram, iaitu hati yang siap sedia untuk memikul tugas jihad dengan tenang dan yakin, dengan keazaman dan keghairahan - walaupun sulit dan sukar - pada tempatnya yang wajar. Dan keghairahan untuk melaksanakan perintah sebaik sahaja perintah itu dikeluarkan adalah suatu keghairahan yang haqiqi, tetapi keghairahan yang berkobar-kobar sebelum dikeluarkan perintah kadang-kadang merupakan keghairahan yang terburu-buru yang akan lenyap sebaik sahaja bertembung dengan bahaya.

Al-Qur'an menguasai keadaan ini dengan methodologi Rabbaninya:

قُلْ مَتَاعُ الدُّنْيَا قَلِيلٌ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ اتَّقَىٰ وَلَا تُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٧﴾

"Katakanlah: Keni'matan dunia itu hanya sedikit sahaja dan Akhirat itu lebih baik untuk orang yang bertaqwa dan di sana kamu tidak akan dianiayai sedikit pun."(77)

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِككُّمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ ۗ

"Di mana sahaja kamu berada maut tetap mendapatkan kamu walaupun kamu didalam kubu yang tinggi."(78)

Mereka sebenarnya takutkan maut dan hanya mahu hidup. Mereka berangan-angan dengan penuh kehampaan agar Allah menangguhkan mereka dari berperang untuk beberapa waktu dan memanjangkan sedikit masa lagi untuk mereka meni'mati hidup.

Al-Qur'an merawati perasaan-perasaan ini dari tempat cetusannya lagi dan menjelaskan kekeliruan kefahaman mereka terhadap hakikat maut dan ajal (dengan ayat yang berikut):

قُلْ مَتَاعُ الدُّنْيَا قَلِيلٌ

"Katakanlah: Keni'matan dunia itu hanya sedikit sahaja."

Yakni seluruh keni'matan dunia dan seluruh dunia itu adalah sedikit belaka, apatah lagi beberapa hari atau beberapa minggu atau beberapa bulan atau beberapa tahun sahaja darinya. Apakah nilai tangguhan untuk satu jangka waktu yang pendek andainya sepanjang keni'matan hidup dunia ini sedikit belaka? Apakah keni'matan yang dapat direalisasikan mereka di dalam beberapa hari atau beberapa minggu atau beberapa bulan atau beberapa tahun itu, sedangkan seluruh keni'matan dunia dan sepanjang hidup dunia ini adalah sedikit belaka?

وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ اتَّقَىٰ

"Dan Akhirat itu lebih baik untuk orang yang bertaqwa.

Dunia - pertama-tamanya - bukanlah titik akhir penjelajahan atau garis akhir perjalanan. Ia hanya merupakan satu peringkat dari perjalanan hidup manusia dan di sebalik peringkat inilah terletaknya peringkat hidup Akhirat dan di sanalah keni'matan merupakan keni'matan yang haqiqi. Di samping itu

keni'matan di Akhirat adalah keni'matan yang amat panjang dan amat banyak. Oleh kerana itu kehidupan di Akhirat adalah satu kehidupan *"yang lebih baik untuk orang yang bertaqwa"*. Sebutan taqwa di sini memang pada tempatnya, iaitu bertaqwa kepada Allah. Hanya kepada Allah dia bertaqwa dan hanya kepada Allah dia takut bukannya seperti sekumpulan manusia yang takut kepada manusia sebagaimana yang diterangkan Allah bahawa *"mereka takut kepada manusia sama seperti mereka takut kepada Allah atau lebih takut lagi"* sesiapa yang takut kepada Allah tidak akan takut kepada manusia dan sesiapa yang hatinya dipenuhi perasaan takut kepada Allah tidak akan takut kepada sesiapa pun, kerana apakah yang dapat dilakukan oleh seorang manusia terhadapnya jika Allah tidak menghendakinya?

وَلَا تُظْلَمُونَ فَتِيلًا ٧٧

"Dan di sana kamu tidak akan dianiayai sedikitpun."(77)

Oleh itu tidak ada sebarang kekurangan dan kerugian jika mereka kehilangan sesuatu keni'matan dunia kerana Akhirat masih ada dan di sanalah disediakan balasan yang paling sempurna, iaitu balasan yang cukup yang tidak sedikitpun dikurangkan di dalam kira-kira akhir dunia dan Akhirat.

Walaupun begitu, namun setengah-setengah orang masih kepingin supaya dilanjutkan usia mereka beberapa hari lagi di bumi ini biarpun mereka beriman kepada hari Akhirat dan menunggu balasannya yang baik lebih-lebih lagi jika mereka berada di tahap keimanan kumpulan yang dibicarakan oleh Al-Qur'an ini.

Di sini (dalam ayat yang berikut) dikemukakan pula satu sentuhan yang lain untuk membetulkan kefahaman terhadap mati dan hidup, ajal dan takdir dan hubungannya dengan tugas berperang yang ditakuti mereka:

أَيْنَمَا تَكُونُوا۟ يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِى بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ

"Dimana sahaja kamu berada maut tetap mendapatkan kamu walaupun kamu berada di dalam kubu yang tinggi."(78)

Mati itu tetap dan pasti tiba pada sa'atnya yang telah ditetapkan Allah dan kedatangannya tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan peperangan dan keamanan, begitu juga ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan kekuatan dan keteguhan tempat yang melindungi seseorang atau dengan kelemahan kekuatannya. Kedatangan maut tidak boleh ditangguh dengan menundakan masa taklif berperang. Begitu juga taklif berperang dan penglibatan manusia di dalam peperangan tidak pula dapat mempercepatkan kedatangan maut. Kedua-duanya merupakan dua perkara yang berasingan dan tidak mempunyai apa-apa kaitan. Satu-satunya hubungan yang wujud di sana ialah hubungan di antara maut dengan ajal, iaitu hubungan di antara masa yang telah ditetapkan Allah dengan ketibaan masa itu dan di sana tiada lagi sesuatu hubungan yang lain. Oleh sebab itu tidak ada ertinya berangan-angan agar masa taklif berperang itu ditundakan dan tidak ada ertinya untuk takut kepada manusia sama ada di dalam peperangan atau di luar peperangan.

Dengan sentuhan yang kedua ini methodologi Al-Qur'an mengubati segala perasaan takut dan cemas yang berkecamuk di dalam hati seseorang terhadap maut akibat tanggapan dan kefahaman yang kelam-kabut.

Tetapi ini bukanlah pula bererti bahawa seseorang itu tidak perlu mengambil sikap berhati-hati dan berwaspada, juga tidak perlu menyediakan persediaan-persediaan dan ikhtiar-ikhtiar keselamatan yang ada di dalam lingkungan kemampuannya, kerana sebelum ini Allah S.W.T. telah memerintah mereka supaya mengambil langkah-langkah berwaspada dan berhati-hati. Sementara di tempat-tempat yang lain pula Allah memerintah mereka supaya memilih jalan yang selamat di dalam solat khauf (sembahyang dalam masa perang atau kecemasan). Begitu juga di dalam surah-surah yang lain Allah menyuruh mereka supaya mengambil langkah berhati-hati dan menyediakan kelengkapan-kelengkapan perang yang cukup, tetapi semua perintah ini merupakan satu perkara dan perhubungan maut dengan ajal merupakan satu perkara yang lain pula. Tindakan berwaspada dan menyediakan peralatan-peralatan peperangan yang cukup merupakan satu perintah yang wajib dita'ati, kerana perintah ini mempunyai hikmatnya sama ada hikmat yang zahir atau hikmat yang tersembunyi dan di sebalik perintah itu terletak pula tadbir Allah.

Tindakan yang seimbang dan sederhana, pengetahuan yang meliputi segala bahagian dan cabangnya dan keselarasan di antara semua bahagian itulah kehendak ajaran-ajaran Islam dan itulah cara tarbiyah Islamiyah untuk mendidik individu-individu dan kelompok-kelompok.

* * * * * *

Dengan huraian ini tamatlah pembicaraan mengenai sekumpulan orang-orang Muhajirin itu dan bermulalah pula pembicaraan mengenai satu kumpulan yang lain dari kumpulan-kumpulan yang berselerak di dalam masyarakat Islam, iaitu satu kumpulan yang turut membentuk barisan Muslimin di samping kumpulan-kumpulan yang lain.

Walaupun pertalian ayat-ayat ini tidak putus, tidak terpisah dan tidak ada tempat berhenti yang menyatakan bahawa pembicaraan yang akan datang adalah mengenai satu kumpulan yang lain dan pembicaraan mengenai kumpulan ini telah pun tamat, namun kami teruskan pembicaraan ini dengan berlandaskan pertimbangan-pertimbangan yang telah kami huraikan tadi:

وَإِن تُصِبْهُمْ حَسَنَةٌ يَقُولُوا۟ هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ وَإِن
تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُوا۟ هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِكَ ۚ قُلْ كُلٌّ مِّنْ
عِندِ ٱللَّهِ ۖ فَمَالِ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ
حَدِيثًا ﴿٧٨﴾

"Dan jika mereka memperolehi kebaikan nescaya mereka berkata:'Ini adalah anugerah istimewa dari Allah. Dan jika mereka ditimpa keburukan nescaya mereka berkata: Ini adalah dari perbuatan engkau (Muhammad). Katakanlah: Semuanya adalah dari Allah belaka. Mengapa orang-orang ini hampir-hampir tidak memahami sesuatu percakapan.(78)

مَّآ أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ وَمَآ أَصَابَكَ مِن سَيِّئَةٍ
فَمِن نَّفْسِكَ ۚ وَأَرْسَلْنَٰكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
شَهِيدًا ﴿٧٩﴾
مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ ٱللَّهَ ۖ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ
أَرْسَلْنَٰكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿٨٠﴾

"Apa sahaja kebaikan yang diperolehi engkau adalah dari anugerah Allah dan apa sahaja keburukan yang menimpa engkau adalah dari kesalahan diri engkau sendiri dan Kami utuskan engkau selaku Rasul kepada seluruh manusia dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi (79). Sesiapa yang menta'ati Rasul, maka sesungguhnya dia telah menta'ati Allah dan sesiapa yang berpaling (dari menta'ati), maka tidaklah Kami mengutuskanmu supaya menjadi pengawas ke atas mereka."(80)

Orang yang mengeluarkan perkataan ini dan menghubungkan segala kebaikan yang diperolehi mereka kepada Allah dan menghubungkan segala keburukan dan kesusahan yang menimpa mereka kepada Nabi s.a.w. dapatlah diandaikan dengan beberapa andaian:

<u>Andaian yang pertama</u>: Mereka memandang sial kepada Nabi s.a.w. iaitu mereka menganggapkan beliau sebagai punca kesialan yang membawa padah dan keburukan kepada mereka. Jika berlaku kejadian kemarau atau jika ternakan mereka tidak membiak atau jika mereka ditimpa kemalangan dalam sesuatu peperangan, maka semuanya itu pada fikiran mereka - adalah berlaku kerana kesialan Rasulullah s.a.w. Tetapi apabila mereka memperolehi kebaikan, mereka hubungkan kebaikan itu kepada Allah.

<u>Andaian yang kedua</u>: Mereka sengaja mahu mencemarkan kepimpinan Rasulullah s.a.w. untuk melepaskan diri mereka dari tugas-tugas yang diperintah oleh beliau kepada mereka dan mungkin di antaranya - atau terutamanya - ialah tugas berjihad atau berperang. Mereka tidak mahu mengaku secara terus-terang bahawa mereka sebenarnya lemah dan takut menghadapi peperangan, tetapi sebaliknya mereka mengambil jalan lain yang berbelit-belit dengan mengatakan: Segala kebaikan itu adalah datang dari Allah dan segala keburukan yang menimpa mereka adalah datang dari Rasulullah s.a.w. dan berpunca dari perintah-perintahnya. Mereka maksudkan dengan kebaikan dan keburukan itu ialah keni'matan dan kemudharatan lahir yang dekat.

<u>Andaian yang ketiga</u>: Wujudnya tanggapan dan kefahaman yang tidak betul terhadap hakikat-hakikat kejadian yang berlaku kepada mereka dan kepada manusia umumnya dalam kehidupan ini dan hubungan kejadian-kejadian itu dengan kehendak masyi'ah Allah, juga terhadap hakikat perintah-perintah Nabi s.a.w. kepada mereka. dan hakikat hubungan Rasul dengan Allah S.W.T.

Andaian yang ketiga ini - jika betul - mungkin boleh diterima untuk dipadankan dengan kumpulan orang-orang Muhajirin yang telah dibicarakan itu, kerana tanggapan dan kefahaman mereka yang tidak betul terhadap hakikat maut dan ajal itu menyebabkan mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih takut lagi dan menyebabkan mereka mengeluarkan sungutan:

رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ

"Wahai Tuhan kami! Mengapa Engkau wajibkan kami berperang, mengapa tidak Engkau tangguhkan kami berperang hingga ke satu masa yang hampir?"(77)

Namun begitu, kami masih tetap cenderung untuk mengatakan bahawa orang-orang yang dibicarakan oleh ayat ini adalah satu kumpulan yang lain yang terkumpul pada mereka semua sifat-sifat yang terkandung dalam semua andaian-andaian itu atau setengah-setengahnya termasuk andaian yang ketiga ini.

Sebenarnya persoalan yang dibicarakan oleh ayat-ayat ini adalah sebahagian dari satu persoalan besar yang terkenal di dalam sejarah perdebatan dan falsafah di seluruh dunia dengan nama "masalah qadha dan qadar" atau masalah "paksaan dan pilihan (al-Jabr Wal-Ikhtiar). Masalah ini muncul di tengah-tengah pembicaraan mengenai cerita satu kumpulan manusia kemudian muncul dalam jawapan Allah kepada mereka untuk membetulkan tanggapan dan kefahaman mereka, Al-Qur'an mengolahkan masalah ini dengan mudah dan jelas tanpa terbelit-belit dan kabur. Marilah kita bentangkan masalah ini mengikut sebagaimana yang diterang dan dijawabkan oleh Al-Qur'an:

Hakikat Buruk Baik Yang Berlaku Kepada Manusia

وَإِن تُصِبْهُمْ حَسَنَةٌ يَقُولُوا۟ هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ وَإِن
تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُوا۟ هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِكَ ۚ قُلْ كُلٌّ مِّنْ

عِندِ ٱللَّهِۖ فَمَالِ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلۡقَوۡمِ لَا يَكَادُونَ يَفۡقَهُونَ حَدِيثٗا ﴿٧٨﴾

"Dan jika mereka memperolehi kebaikan nescaya mereka berkata: Ini adalah anugerah istimewa dari Allah dan jika mereka ditimpa keburukan nescaya mereka berkata: Ini adalah dari perbuatan engkau (Muhammad). Katakanlah: Semuanya adalah dari Allah belaka. Mengapa orang-orang ini hampir-hampir tidak memahami sesuatu percakapan."(78)

Maksudnya Allah itulah sebenarnya Pencipta yang pertama dan Pencipta yang tunggal bagi segala sesuatu yang berlaku di alam buana ini dan bagi segala sesuatu yang berlaku kepada manusia, juga bagi segala sesuatu yang berlaku dari manusia. Manusia hanya memiliki daya menentukan kecenderungan dan melakukan usaha, tetapi peng-hakikatan atau pengujudan sesuatu perbuatan itu tidak berlaku melainkan dengan iradat dan takdir Allah.

Oleh itu tindakan menghubungkan penciptaan kebaikan dan penciptaan keburukan dan menimpakannya ke atas mereka kepada Rasulullah s.a.w. - sedangkan beliau manusia seperti mereka - adalah satu hubungan yang tidak haqiqi, yang membuktikan bahawa mereka tidak memahami sesuatu apa di dalam masalah ini.

Seseorang itu kadang-kadang menentukan kecenderungan-nya dan berusaha untuk mencapaikan sesuatu kebaikan dengan menggunakan alat-alat dan sarana yang ditunjukkan oleh Allah sebagai alat-alat dan sarana yang boleh menghakikatkan kebaikan itu, tetapi penghakikatan kebaikan itu hanya boleh berlaku dengan iradat dan takdir Allah sahaja, kerana di sana tidak ada qudrat yang lain dari qudrat Allah yang berkuasa menciptakan segala sesuatu, mewujudkan segala peristiwa, merealisasi atau menghakikatkan segala kejadian yang berlaku di alam buana ini. Di sini jelaslah bahawa penghakikatan kebaikan melalui alat-alat dan sarana yang digunakan oleh manusia dan melalui kecenderungan dan usaha mereka adalah hasil dari tindakan-tindakan qudrat Ilahiyah.

Kadang-kadang seseorang itu cenderung untuk mewujudkan keburukan atau untuk melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan keburukan, tetapi berlakunya keburukan itu di alam kenyataan atau wujudnya di alam realiti adalah tidak berlaku melainkan dengan qudrat dan takdir Allah, kerana di sana tidak ada qudrat yang lain dari qudrat Allah yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan mewujudkan segala peristiwa di alam buana ini.

Di dalam dua keadaan tadi ternyatalah bahawa kewujudan dan penghakikatan kejadian itu adalah dari hasil ciptaan Allah. Inilah hakikat yang dijelaskan oleh ayat yang pertama.

Adapun ayat yang kedua (yang berikut):

مَّآ أَصَابَكَ مِنۡ حَسَنَةٖ فَمِنَ ٱللَّهِۖ وَمَآ أَصَابَكَ مِن سَيِّئَةٖ فَمِن نَّفۡسِكَۚ

"Apa sahaja kebaikan yang diperolehi engkau adalah dari anugerah Allah dan apa sahaja keburukan yang menimpa engkau adalah dari kesalahan diri engkau sendiri"(79)

maka ia menjelaskan satu hakikat yang lain pula yang tidak termasuk di dalam ruang hakikat yang pertama. Ayat ini berada di lapangan yang lain dan dilihat dari sudut yang lain.

Allah S.W.T. telah mengatur satu sistem dan cara hidup. Ia menunjukkan jalan menuju ke arah kebaikan dan memberi amaran supaya jangan melakukan kejahatan. Oleh itu apabila seseorang itu mengikut sistem dan cara hidup ini dan di samping itu berusaha mencari kebaikan dan menjauhi kejahatan, maka Allah akan menolongnya ke jalan hidayat sebagaimana firman-Nya:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهۡدِيَنَّهُمۡ سُبُلَنَاۚ

"Dan orang-orang yang berjuang bersungguh-sungguh untuk mencari keredhaan Allah akan Kami tunjukkan jalan Kami kepada mereka."

(Surah al-Ankabut : 69)

Dan dia akan mencapai kebaikan itu walaupun kebaikan itu dari gejala-gejala yang difikir oleh manusia dari luar sebagai hasil usahanya, malah sebenarnya itulah kebaikan mengikut neraca Allah Taala dan itulah kebaikan yang datang dari Allah, kerana Allah telah mengatur sistem dan cara hidup (yang diredhai-Nya) dan menunjukkan jalan kebaikan serta memberi amaran dari melakukan kejahatan. Tetapi apabila seseorang itu tidak mengikut sistem dan cara hidup yang telah diatur oleh Allah dan tidak menjauhi kejahatan yang dilaranginya, maka dia akan ditimpa keburukan, iaitu keburukan yang sebenar sama ada di dunia atau di Akhirat atau kedua-dua sekali, maka akibat ini adalah dari hasil perbuatannya sendiri kerana dia tidak mengikut sistem dan cara hidup yang telah diaturkan oleh Allah.

Tujuan ayat ini berlainan dari tujuan ayat yang pertama dan bidangnya juga berlainan dari bidang yang pertama sebagaimana dapat dilihat dengan jelas mengikut hemat kami.

Hakikat ini tidak mengubahkan sedikitpun hakikat yang pertama, iaitu penghakikatan kebaikan dan keburukan adalah berlaku dengan qudrat dan takdir Allah, kerana Allahlah

Pencipta bagi setiap sesuatu yang diwujudkan biar bagaimanapun penglibatan iradat manusia dan tindakan mereka dalam sesuatu yang berlaku atau yang wujudnya itu. [28]

---

[28] *Persoalan yang digambarkan atau disebut sebahagiannya oleh ayat ini ialah persoalan "paksaan dan ikhtiar* (الجبر والاختيار)

Kemudian di dalam ayat yang berikut Allah menjelaskan batas-batas bidang tugas Rasulullah s.a.w., kerja-kerjanya, sikap manusia terhadapnya dan sikap beliau terhadap mereka dan pada akhirnya ia memulangkan seluruh urusan kepada Allah:

وَأَرْسَلْنَٰكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًا ﴿٧٩﴾

"Dan Kami utuskan engkau selaku Rasul kepada seluruh manusia dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi."(79)

مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ ٱللَّهَ ۖ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ
أَرْسَلْنَٰكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿٨٠﴾

"Sesiapa yang menta'ati Rasul, maka sesungguhnya dia telah menta'ati Allah dan sesiapa yang berpaling (dari menta'ati), maka tidaklah Kami mengutuskanmu supaya menjadi pengawas ke atas mereka."(80)

Bidang tugas seorang Rasul ialah menyampaikan risalah atau perutusan Allah bukannya mewujudkan kebaikan dan bukan pula mengadakan keburukan kerana ini adalah dalam bidang urusan Allah sebagaimana telah diterangkan dan Allah S.W.T. sendiri menjelaskan bahawa tujuan Dia mengutuskan Nabi s.a.w. ialah untuk menunaikan tugas ini dan.....

وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًا ﴿٧٩﴾

"Dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi."(79)

Kedudukan manusia terhadap Rasulullah s.a.w. ialah sesiapa yang menta'atinya bererti ia menta'ati Allah, iaitu tidak ada perbezaan di antara menta'ati Allah dengan menta'ati Rasul-Nya, juga tidak ada perbezaan di antara perintah Allah dengan perintah Rasul-Nya. Sesiapa yang enggan mengikut Rasulullah s.a.w. dan mendustakan ajarannya, maka urusan hisab dan balasannya diserahkan kepada Allah. Allah tidak mengutus Rasulullah s.a.w. dengan tujuan supaya ia memaksa manusia menerima hidayat dan menganut agama Allah dan bukan pula dengan tujuan supaya menjadi pengawas yang mengawal manusia dari penderhakaan dan kesesatan kerana itu bukannya termasuk dalam bidang tugas Rasul dan tidak pula termasuk dalam lingkungan daya qudrat Rasul.

Dengan kenyataan ini, Allah membetulkan tanggapan dan kefahaman mereka terhadap hakikat sesuatu yang berlaku ke atas mereka, iaitu segala apa yang berlaku itu adalah berlaku dengan iradat dan takdir Allah dan segala baik buruk yang diperolehi mereka - dengan apa sahaja pengertian baik buruk itu sama ada mengikut penerangan mereka yang lahir atau mengikut hakikat yang sebenar - adalah dari Allah belaka, kerana tiada siapa yang mencipta dan mengadakan sesuatu melainkan hanya Allah. Kebaikan yang sebenar - mengikut neraca Allah - yang diperolehi mereka adalah dari Allah, kerana mereka memperolehi kebaikan itu melalui agama Allah dan hidayat-Nya, dan keburukan yang sebenar - mengikut neraca Allah - yang menimpa mereka adalah dari perbuatan diri mereka sendiri kerana mereka mendapat keburukan itu akibat dari perbuatan mereka yang menyeleweng dari agama Allah dan menolak hidayat-Nya.

Fungsi yang pertama dan yang akhir bagi seorang Rasul ialah untuk menjadi utusan atau pesuruh Allah bukannya untuk mewujud, mengada dan mencipta dan bukan pula untuk berkongsi dengan Allah Taala dalam ciri Uluhiyah-Nya ini. Dia hanya berfungsi selaku pesuruh yang menyampaikan apa yang dibawa dari Allah. Oleh itu menta'ati dan mematuhi sesuatu yang disuruh oleh Rasul bererti menta'ati dan mematuhi perintah Allah. Dan di sana tidak ada jalan lain untuk menta'ati Allah selain dari menta'ati Rasul-Nya. Rasul itu bukannya ditugas untuk mewujudkan hidayat kepada orang-orang yang berpaling dan enggan mengikutnya dan bukan pula ditugas untuk menjaga dan mengawal mereka dari berpaling dan menolak agama Allah setelah disampaikan keterangan yang jelas.

Demikianlah hakikat-hakikat itu diterangkan dengan jelas, terus-terang dan melapangkan hati. Hakikat-hakikat inilah yang membina kefahaman yang betul dan menenangkan perasaan. Ia berjalan seiringan dengan pengajaran Allah yang mendidik kelompok Muslimin dan mempersiapkan mereka untuk membolehkan mereka memikul tugas mereka yang agung.

* * * * * *

Selepas itu ayat-ayat yang berikut menceritakan pula tentang keperihalan satu kumpulan yang lain yang wujud di dalam barisan Muslimin atau mungkin juga satu kumpulan Munafiqin, di mana ia menyebut satu tindakan dan satu babak yang baru. Penceritaan itu disertakan dengan pengajaran, bimbingan dan disiplin, dan semuanya itu dimuat di dalam beberapa

---

iaitu sejauh manakah penglibatan manusia dalam sesuatu kejadian yang berlaku darinya atau berlaku kepadanya? Dan bagaimana ia dikatakan mempunyai iradat yang dijadikan asas hisab dan balasan, sedangkan iradat Allah itulah yang menciptakan segala sesuatu yang berlaku atau yang wujud dan di antaranya termasuk iradat manusia itu sendiri, kecenderungannya, tindak-tanduknya dan sebagainya. Ayat-ayat Al-Qur'an telah menyatakan bahawa segala apa yang berlaku itu adalah berlaku dengan iradat dan takdir Allah dan dalam waktu yang sama juga Al-Qur'an menerangkan bahawa manusia mempunyai iradat dan daya bertindak dan kerana itu iradat dan tindakannya dihisab.... Seluruh Al-Qur'an itu adalah kalam Allah belaka dan kandungannya tidak akan bertentangan satu sama lain. Oleh sebab itu jelaslah bahawa di sana pasti ada hubungan yang tertentu di antara ayat ini dengan ayat itu dan pasti ada ruang (atau peranan) bagi iradat manusia dan tindakannya yang cukup untuk dijadikan landasan hisab dan balasan keatasnya tanpa bertentangan dengan ruang (atau peranan) iradat dan qudrat Allah. Tetapi bagaimana caranya? Perkara ini tidak dapat kita huraikannya kerana akal manusia tidak berkelayakan untuk memahami proses tindakan Allah.

ayat yang pendek dan ungkapan-ungkapan yang sedikit.

وَيَقُولُونَ طَاعَةٌ فَإِذَا بَرَزُوا۟ مِنْ عِندِكَ بَيَّتَ طَآئِفَةٌ
مِّنْهُمْ غَيْرَ ٱلَّذِى تَقُولُ ۖ وَٱللَّهُ يَكْتُبُ مَا يُبَيِّتُونَ ۖ
فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
وَكِيلًا ﴿٨١﴾

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ ٱلْقُرْءَانَ ۚ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِندِ غَيْرِ
ٱللَّهِ لَوَجَدُوا۟ فِيهِ ٱخْتِلَٰفًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

"Dan mereka (kaum Munafiqin) berkata: "Kami tetap ta'at". Kemudian apabila mereka keluar dari majlismu, maka segolongan dari mereka merancangkan di malam hari suatu rancangan yang berlainan dari apa yang telah dikatakan mereka dan Allah tetap menulis apa yang telah dirancangkan mereka di waktu malam itu. Oleh itu berpalinglah dari mereka dan bertaqwalah kepada Allah dan cukuplah Allah menjadi pelindung (engkau) (81). Apakah tidak mereka memikirkan isi kandungan Al-Qur'an? Andainya Al-Qur'an itu datang bukan dari Allah nescaya mereka akan didapati pada kandungannya percanggahan-percanggahan yang banyak."(82)

Kumpulan ini apabila berada di majlis Rasulullah s.a.w. dan mendengar dari beliau penyampaian ayat-ayat Al-Qur'an yang menerangkan berbagai-bagai kewajipan dan tugas-tugas mereka berikrar: "Kami ta'at". Demikianlah mereka ikrarkan dengan menta'ati yang tidak berbelah-bahagi dan kepatuhan yang mutlak tanpa sebarang bantahan, tanpa sebarang pertanyaan, tanpa meminta sebarang penjelasan dan tanpa pengecualian, tetapi apabila mereka keluar dari majlis Rasulullah s.a.w., maka segolongan dari mereka merancangkan secara sulit sesuatu yang bertentangan dengan ikrar mereka, iaitu mereka berpakat sesama mereka untuk mengabaikan tugas-tugas itu dan mengambil langkah-langkah untuk menghindarkan diri darinya.

Atau boleh jadi juga ayat ini menggambarkan keadaan seluruh kelompok Muslimin pada masa itu kecuali kumpulan ini sahaja yang mengambil langkah dan bertindak sendiri. Atas andaian ini, maka pengertian ayat ini ialah begini: Seluruh orang-orang Islam berikrar dan mengaku "ta'at" kecuali satu kumpulan sahaja, iaitu kumpulan Munafiqin. Kumpulan ini apabila keluar dari majlis Rasulullah s.a.w. mereka terus merancangkan sesuatu yang bertentangan dengan ikrar keta'atan itu. Itulah gambaran yang membayangkan wujudnya gerakan yang mahu menimbulkan kelemahan perpaduan di dalam barisan Muslimin kerana kumpulan ini menyusup ke dalam barisan itu dalam setiap keadaan dan tindak-tanduk mereka yang seperti itu boleh merosakkan keutuhan dan perpaduan barisan, sedangkan kaum Muslimin di waktu itu sedang menghadapi perjuangan di segenap medan dengan segala daya kekuatan yang ada pada mereka.

Allah S.W.T. menenangkan Nabi s.a.w. dan pengikut-pengikutnya yang ikhlas di dalam barisan Muslimin bahawa Dia sentiasa memerhatikan kegiatan kumpulan yang merancangkan tindakan khianat itu dan kesedaran kaum Muslimin bahawa Allah mengawasi segala pergerakan kumpulan pengkhianat itu dapat menenangkan hati mereka dan mencurahkan keyakinan kepada mereka bahawa kumpulan ini tidak akan dapat membahayakan mereka sedikitpun dengan pakatan-pakatan jahat mereka yang sulit itu. Dan serentak itu juga ayat ini memberi amaran dan ancaman kepada kumpulan yang mengatur rancangan-rancangan sulit yang jahat itu bahawa usaha-usaha mereka tidak akan berjaya dan selamat:

وَٱللَّهُ يَكْتُبُ مَا يُبَيِّتُونَ ۖ

"Dan Allah tetap menulis apa yang telah dirancangkan mereka di waktu malam itu."

Dasar layanan yang diperintah oleh Allah kepada Rasul-Nya dalam menghadapi kaum Munafiqin ialah mempersalahkan mereka mengikut perbuatan-perbuatan mereka yang lahir sahaja - bukan mengikut niat hati mereka yang sebenar - di samping mengabai dan memejam mata terhadap tindak-tanduk yang mendadak dari mereka. Cara dan dasar layanan ini pada akhirnya telah berjaya membunuh dan melemahkan mereka dan menyebabkan saki-baki mereka menyembunyi diri kerana lemah dan malu. Dalam ayat (yang berikut) ini disebut sebahagian dari dasar layanan itu:

فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ

"Oleh itu berpalinglah dari mereka."

Di samping arahan jangan menghiraukan kumpulan itu disertakan pula dengan pernyataan yang menerangkan bahawa Allah sanggup memelihara mereka dari bahaya pakatan jahat kumpulan itu.

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٨١﴾

"Dan bertawakkallah kepada Allah dan cukuplah Allah menjadi pelindung (engkau)."(81)

Ya, memang cukup, jika seseorang itu dikawal dan dilindungi oleh Allah, kerana sesiapa yang dilindungi Allah tidak akan disentuh mudharat dan tidak akan tergugat oleh sebarang pakatan jahat dan tipudaya.

Seolah-olah sebab yang mendorong kumpulan ini turut berkata di hadapan Rasulullah s.a.w. bersama-sama orang-orang lain "kami ta'at" dan kemudian merancangkan sesuatu yang bertentangan dengan menta'ati itu apabila keluar dari majlis beliau ialah keraguan dan kesangsian mereka terhadap sumber yang mengeluarkan perintah-perintah yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada mereka,

kerana mereka menyangka bahawa Al-Qur'an itu adalah dari karangan beliau. Apabila keraguan yang seumpama ini timbul sejenak maka kewibawaan dan kekuatan taklif akan lenyap semuanya, kerana kewibawaan ini adalah diambil dari kekuatan kepercayaan yang teguh dan utuh bahawa Al-Qur'an adalah kalam Allah dan bahawa sabda Rasulullah s.a.w. itu bukanlah terbit dari kemahuan nafsunya. Oleh sebab itulah hakikat ini ditekankan begitu kuat dan berulang-ulang kali.

Di sini Al-Qur'an menawarkan kepada kumpulan itu satu rencana yang menjadi kemuncak penghormatan Rabbani terhadap manusia dan terhadap akal dan daya pemahamannya yang dikurniakan Allah Yang Maha Pencipta, iaitu ia menawarkan kepada mereka supaya menyerahkan urusan mengadili Al-Qur'an ini kepada penghakiman daya pemahaman dan penelitian akal mereka sendiri di samping menentukan untuk mereka satu methodologi atau satu cara berfikir yang betul, juga menentukan satu gejala (Al-Qur'an) yang betul yang tidak mungkin salah jika diikuti oleh methodologi itu, iaitu satu gejala yang amat jelas di dalam Al-Qur'an dari satu segi dan membolehkan akal manusia memahaminya dari satu segi yang lain pula..... Satu gejala yang membuktikan bahawa Al-Qur'an ini - tidak dapat dipertikaikan lagi - adalah dari kalam Allah:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ ٱلْقُرْءَانَ ۚ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِندِ غَيْرِ
ٱللَّهِ لَوَجَدُوا۟ فِيهِ ٱخْتِلَٰفًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

"Apakah tidak mereka memikirkan isi kandungan Al-Qur'an? Andainya Al-Qur'an itu datang bukan dari Allah nescaya mereka akan dapati pada kandungannya percanggahan-percanggahan yang banyak."(82)

Dalam tawaran dan arahan ini terkandung kemuncak penghormatan kepada manusia, kepada daya pemikirannya dan kepada syakhsiyahnya - sebagaimana telah kami jelaskan tadi - juga terkandung kemuncak keadilan apabila pengadilan Al-Qur'an itu diserahkan kepada pertimbangan daya pemikiran manusia sendiri terhadap gejala Al-Qur'an yang dapat difahami olehnya, iaitu gejala yang sekaligus membawa dalil dan buku yang tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa Al-Qur'an itu adalah dari kalam Allah sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini:

Ciri keseimbangan yang mutlak, syumul dan sempurna itulah gejala Al-Qur'an yang dapat ditanggap oleh siapa sahaja yang meneliti Al-Qur'an, iaitu satu gejala yang mempunyai berbagai-bagai tahap dan bidang yang membuat akal-akal manusia dan generasi-generasi manusia berbeza-beza di dalam memahami jarak jangkauannya, tetapi setiap akal dan setiap generasi dapat memahaminya mengikut daya kebolehan, pendidikan, pengalaman dan taqwa masing-masing dalam lingkungan yang sesuai dengan jangkauan daya kebolehan, pendidikan, pengalaman dan taqwa masing-masing.

Oleh sebab itulah setiap orang dan setiap generasi diharapkan dengan ayat ini dan setiap mereka adalah mampu - andainya mereka berfikir mengikut methodologi yang betul untuk memahami gejala ini, iaitu gejala ketiadaan percanggahan atau gejala keseimbangan dan keselarasan (di dalam Al-Qur'an). Mereka masing-masing dapat memahaminya sekadar kemampuan, didikan, pengalaman dan ketaqwaan masing-masing.

Kumpulan (yang dibicarakan itu) yang ada di dalam generasi itu (di zaman awal Madinah) adalah diharapkan dengan pernyataan yang dapat difahami mereka atau dengan sesuatu yang dapat dipastikan mereka mengikut batas-batas keupayaan mereka yang tertentu.

Gejala Pengungkapan Al-Qur'an Yang Teguh Dan Jelas

Gejala ketiadaan percanggahan atau gejala keseimbangan (di dalam Al-Qur'an) itu dapat dilihat dengan jelas mulai dari pengungkapan Al-Qur'an dari segi penyampaian dan caranya yang seni. Di dalam kalam manusia (terdapat pengungkapan-pengungkapan yang tidak seimbang) kadang-kadang memuncak-muncak tinggi dan kadang-kadang mendatar rendah, kadang-kadang licin, kadang-kadang menghinjut-hinjut, kadang-kadang kuat dan kadang-kadang lemah, kadang-kadang menjulang ke atas dan kadang-kadang menjunam ke bawah, kadang-kadang terbang dan kadang-kadang terselipuh berat di bumi, kadang-kadang cerah dan kadang-kadang gelap dan sebagainya dari gejala-gejala yang menunjukkan sifat-sifat manusia terutama sifat berubah-ubah, bercanggah dan berlain-lainan dari satu keadaan kepada satu keadaan. Gejala-gejala ini dapat dilihat dengan jelas di dalam kalam atau pengungkapan manusia apabila anda meneliti hasil-hasil karya seorang sasterawan atau seorang cendikiawan atau seorang seniman atau seorang ahli politik atau seorang panglima tentera atau apa sahaja pekerjaannya. Di dalam karya-karya itu kita dapat melihat dengan jelas sifat-sifat (pengungkapan) manusia, iaitu sifat berubah-ubah dan berbeza-beza.

Sebaliknya sifat-sifat (pengungkapan) yang mantap, tetap, selaras dan seimbang merupakan satu gejala (pengungkapan) yang dapat dilihat dengan jelas di dalam Al-Qur'an - di sini kami hanya bercakap dari segi pengungkapan kata-kata dan gaya penyampaian sahaja - di dalam kitab suci yang mengkagumkan ini kita dapati pengungkapan dan penyampaian itu digubahkan dalam tingkat-tingkat dan paras-paras yang sama dan yang berbeza hanya warnanya sahaja mengikut perbezaan maudhu'-maudhu' yang dibicarakannya, tetapi tingkat-tingkat dan paras-paras pengungkapan dan penyampaian tetap sama dan kesempurnaan penyampaiannya juga sama tidak berubah-ubah dan berbeza-beza dari satu paras ke

satu paras sebagaimana yang terdapat dalam karya-karya ciptaan manusia. Al-Qur'an tetap membawa ciri ciptaan Ilahiyah, iaitu ciri yang menunjukkan sifat Allah Pencipta atau menunjukkan zat Allah yang maujud yang tidak berubah dari satu keadaan kepada satu keadaan atau tidak dilalui perubahan-perubahan keadaan. [29]

Selepas itu gejala ketiadaan percanggahan dan perbezaan atau gejala keseimbangan yang mutlak, syumul dan sempurna itu dapat dilihat pula pada peraturan tarbiyah Al-Qur'an, yang disampaikan oleh ungkapan-ungkapan dan gaya penyampaian yang seimbang itu, iaitu peraturan tarbiyah yang mengandungi berbagai-bagai aspek untuk mendidik jiwa dan masyarakat manusia. Ia juga dapat dilihat pada methodologi penyusunan Al-Qur'an, iaitu cara untuk mengatur kegiatan manusia sama ada pada peringkat individu, atau pada peringkat masyarakat-masyarakat yang merangkul individu-individu dan berbagai-bagai aspek dan keadaan yang ditempuh oleh masyarakat-masyarakat manusia di sepanjang generasi-generasi. Ia juga dapat dilihat pada methodologi pembetulan Al-Qur'an iaitu cara Al-Qur' an membetul dan mentashihkan kefahaman-kefahaman manusia itu sendiri dan menggunakan berbagai-bagai daya dan tenaga manusia dalam proses pemahaman itu. Dan seterusnya ia dapat dilihat pada methodologi penyelarasan Al-Qur'an, iaitu cara Al-Qur'an menyelaraskan di antara makhluk insan amnya - dalam seluruh masyarakat, generasi dan tarafnya - dengan alam buana yang menjadi tempat hidupnya, dan cara Al-Qur'an menyelaraskan di antara kehidupan dunia manusia dengan alam Akhiratnya dan menyelaraskan berbagai-bagai keadaan yang tidak terhingga yang tercetus dari hubungan dunia dan Akhirat yang berlaku di alam setiap individu dan alam "insan" umumnya yang hidup di alam buana ini.

Jika perbezaan di antara ciptaan Allah dan ciptaan manusia begitu jelas dan ketara dalam aspek pengungkapan kata-kata dan seni penyampaian, maka perbezaan itu lebih jelas dan lebih ketara lagi dalam aspek pemikiran dan penyusunan peraturan dan undang-undang. Setiap teori dan setiap aliran pemikiran ciptaan manusia tetap membawa sifat-sifat manusia, iaitu sifat-sifat pandangan dan pemikiran yang juz'i (tidak menyeluruh) dan sifat kepekaan yang terbatas terhadap masalah-masalah yang terbatas, juga sifat tidak nampak anasir-anasir yang bertentangan di dalam sesuatu teori atau sesuatu aliran pemikiran atau sesuatu perancangan yang diadakan mereka, yang lambat-laun akan mencetuskan pertentangan di antara isi kandungannya dan akan merosakkan setengah-setengah ciri syakhsiyah individu yang tidak dibuat perhitungan terhadapnya atau merosakkan ciri-ciri kumpulan syakhsiyah-syakhsiyah yang tidak dibuat perhitungan terhadap setiap orang dari mereka..... Dan sebagainya dari puluhan dan ratusan cacat cela dan pertentangan yang lahir dari sifat pemikiran manusia yang terbatas dan dari kejahilan mereka terhadap apa yang akan berlaku selepas detik waktu masa kini di samping kejahilan mereka terhadap segala apa yang berlaku dalam detik waktu masa kini itu sendiri. Tetapi sifat sistem Al-Qur'an adalah kebalikan dari sifat pemikiran manusia, iaitu pemandangannya tetap syumul, sepadu, kukuh dan teguh, iaitu sama teguh dengan undang-undang alam buana. Ia membenarkan harakat yang berterusan walaupun ia bersifat tetap sama seperti undang-undang alam buana yang membenarkan harakat yang berterusan.

Kebolehan memahami gejala (keseimbangan Al-Qur'an) dalam segala peringkat ufuk-ufuknya ini mungkin tidak dapat dicapai oleh daya pemikiran, juga mungkin tidak dapat dicapai oleh setiap generasi, tetapi apa yang dapat dipastikan ialah setiap pemahaman dan penanggapan itu berbeza-beza di antara satu sama lain dan setiap generasi akan mengambil habuan dari hasil pemahamannya masing-masing dan meninggalkan ufuk-ufuk yang lain untuk diterokai oleh generasi-generasi yang maju di dalam mana-mana aspek keilmuan atau ujian. Tetapi di sebalik perbezaan-perbezaan pemahaman manusia yang banyak dalam memahami gejala (keseimbangan Al-Qur'an) ini - sama dengan perbezaan pemahaman mereka yang banyak di dalam memahami perkara-perkara yang lain - di sana ada satu kesimpulan disepakati oleh setiap pemahaman dan dipersetujui oleh setiap generasi, iaitu ciptaan Allah adalah berlainan dari ciptaan manusia, kerana di dalam ciptaan Allah tidak terdapat sesuatu yang tidak seimbang dan selaras, malah ciptaan-Nya selama-lamanya merupakan satu unit yang sepadu dan seimbang. Dan selepas itu manusia berbeza-beza pula di dalam memahami hujung-hujung jatuh, ufuk-ufuk, dimensi-dimensi dan jenis-jenis gejala keselarasan dan keseimbangan itu. [30]

Berdasarkan kadar pemahaman bersama yang dapat dicapai oleh pemerhati yang meneliti ayat-ayat Al-Qur'an inilah Allah menyerahkan kepada kumpulan itu sebagaimana ia menyerahkan kepada setiap orang, setiap kelompok dan generasi urusan pengadilan terhadap Al-Qur'an dan pembinaan kepercayaan mereka bahawa Al-Qur'an ini adalah datang dari Allah dan tidak mungkin datang dari yang lain dari Allah.

Bidang-bidang Akal Manusia

Di sini eloklah kita berhenti sejenak untuk menentukan sejauh manakah bidang akal atau daya

[29] *Lihat buku* "التصوير الفنى فى القرآن".

[30] *Lihat buku* "التصور الاسلامي خصائص ومقوماته" *buku* "نحو مجتمع اسلامي" *buku* "الاسلام ومشكلات الحضارة" *dan buku* "هذا الدين", *setiap buku ini menghuraikan sebahagian dari aspek-aspek hakikat yang agung ini.*

pemikiran manusia dalam memahami Al-Qur'an dan urusan agama seluruhnya agar penghormatan yang telah diberikan Allah kepada manusia dalam mengadili Al-Qur'an ini tidak membawa mereka kepada bersikap angkuh, takbur dan melampaui batas keselamatan atau terlepas dari pagar keselamatan yang menyekat mereka dari berkelana dan mengembara di padang gurun tanpa pemandu.

Arahan-arahan (supaya mengkaji dan berfikir) yang seperti ini yang terdapat di dalam Al-Qur'an kadang-kadang disalah ertikan atau disalah fahamkan tentang batas atau jarak jangkauannya hingga membawa setengah-setengah cendikiawan Islam - dahulu dan sekarang - memberi kepada akal dan daya pemahaman manusia kuasa membuat keputusan yang terakhir di dalam urusan agama seluruhnya dan menjadikan pemahaman manusia itu sebagai tandingan kepada syari'at Allah, malah sebagai penguasa di atas syari'at Allah.

Persoalan ini bukannya begitu. Sebenarnya alat yang agung ini - akal dan daya pemahaman manusia - tidak syak lagi merupakan tempat penghormatan Allah terhadap manusia. Oleh kerana itulah Allah menyerahkan kepadanya tugas untuk memahami hakikat yang pertama, iaitu agama ini adalah dari Allah, kerana di sana terdapat gejala-gejala yang senang difaham dan cukup kuat untuk dijadikan bukti bahawa agama ini adalah dari Allah. Apabila dasar yang besar ini telah diterima maka logik dari kefahaman ini dengan sendirinya pula menerima segala apa yang dibawa oleh agama ini dan ketika itu tidak lagi penting kepadanya sama ada ia dapat memahami hikmat-hikmatnya yang tersembunyi atau tidak, kerana hikmat itu tetap wujud selama agama itu dari Allah, juga tidak penting kepadanya sama ada ia dapat melihat kemuslihatan yang telah dibawa agama ini telah terhakikat atau tercapai di masa kini atau tidak, kerana kemuslihatan itu tetap wujud selama agama ini datang dari Allah. Akal manusia bukannya tandingan kepada syari'at Allah apatah lagi untuk menjadi hakim yang menentukan keputusan di atasnya, kerana akal manusia tidak dapat memahami melainkan dengan kefahaman yang tidak sempurna atau terbatas pada jangkauan yang tertentu sahaja. Ia tidak mungkin sekali-kali dapat melihat dari segenap sudut dan dapat memahami seluruh kemuslihatan sama ada dalam satu masa yang tertentu atau di dalam seluruh sejarah manusia, sedangkan syari'at Allah melihat dari segenap sudut dan memahami seluruh kemuslihatan. Oleh sebab itu syari'at Allah atau mana-mana hukumnya yang qat'i itu tidak seharusnya diserahkan kepada keputusan akal dan pemahaman manusia. Setinggi-tinggi usaha yang dituntut dari akal dan daya pemahaman manusia ialah berusaha memahami maksud sesuatu nas dan skop pencakupannya bukan berusaha untuk mencari sama ada nas itu mengandungi kemuslihatan atau tidak, kerana kemuslihatan itu tetap wujud selama nas itu datang dari Allah S.W.T. Usaha-usaha yang seperti ini hanya dilakukan di dalam perkara-perkara yang baru yang belum ada sesuatu nas mengenainya sebagaimana telah dihuraikan sebelum ini, iaitu mengembalikan perkara-perkara itu kepada Allah dan Rasul dan di sinilah terletaknya bidang berjihad yang sebenar di samping berjihad untuk memahami maksud nas dan berpegang teguh kepadanya bukannya berhakimkan kepada akal manusia dan menentukan tujuan nas itu sama ada ia membawa kemuslihatan atau tidak! Sebenarnya bidang kegiatan yang terbesar kepada akal manusia ialah memahami dan mengenal undang-undang alam buana dan melakukan kerja-kerja penciptaan dan pembikinan di alam benda yang amat luas.

Kita pasti menghormati akal atau daya pemikiran manusia sekadar penghormatan yang ditetapkan Allah di bidang-bidang tertentu, di mana ia dapat berfungsi dengan baik dan janganlah kita membawanya keluar melampaui bidang-bidang itu supaya kita tidak mengharungi padang gurun tanpa sebarang pemandu kecuali pemandu yang menempuh ke jalan-jalan yang tidak diketahuinya dan ini lebih merbahaya dari berjalan tanpa sebarang pemandu.

* * * * * *

Rangkaian ayat yang berikut menggambarkan keadaan satu kumpulan yang lain pula atau memerikan satu tindakan yang lain yang dilakukan oleh satu kumpulan yang berada di dalam masyarakat Islam di waktu itu.

وَإِذَا جَآءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ ٱلْأَمْنِ أَوِ ٱلْخَوْفِ أَذَاعُوا۟ بِهِۦ ۖ وَلَوْ
رَدُّوهُ إِلَى ٱلرَّسُولِ وَإِلَىٰٓ أُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ ٱلَّذِينَ
يَسْتَنۢبِطُونَهُۥ مِنْهُمْ ۗ وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ
وَرَحْمَتُهُۥ لَٱتَّبَعْتُمُ ٱلشَّيْطَٰنَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٣﴾

"Apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau ketakutan mereka terus menghebahkan-nya dan andainya mereka (lebih dahulu) rujukkannya kepada Rasulullah dan orang-orang yang berkuasa dari golongan mereka tentulah berita-berita itu dapat diketahui hakikatnya oleh orang-orang yang pandai mengolahkan-nya dari kalangan mereka. Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu tentulah kamu sekalian mengikut syaitan kecuali sebilangan yang sedikit sahaja."(83)

Bahaya Penyebaran Khabar Angin

Gambaran yang dilukiskan oleh ayat ini ialah gambaran satu kumpulan dalam barisan Islam yang belum lagi biasa hidup dengan peraturan dan disiplin dan belum lagi memahami kesan-kesan penyebaran khabar angin yang boleh merosakkan keutuhan barisan dengan akibat-akibatnya yang buruk. Kadang-kadang ia boleh membawa akibat yang menghancurkan masyarakat. Hal ini disebabkan

kerana mereka belum lagi sampai ke tahap memahami peristiwa-peristiwa dan keseriusan keadaan, sedangkan sepatah kata yang terhambur sambil lewa atau terlanjur dari lidah itu boleh membawa padah kepada orang yang mengeluarkan perkataan itu sendiri dan kepada seluruh ahli kelompoknya, iaitu suatu akibat yang tidak terlintas di dalam hatinya dan tidak dapat diselamatkan lagi setelah ia berlaku atau boleh jadi kerana mereka belum lagi mempunyai perasaan kesetiaan yang haqiqi kepada barisan Muslimin dan kerana itulah mereka tidak mengambil pusing tentang apa sahaja akibat yang akan menimpa barisan Muslimin dari perbuatan mereka memungut khabar angin dan menghebohkannya di sana sini sama ada khabar angin mengenai keamanan atau khabar angin yang boleh menimbulkan ketakutan dan kecemasan. Kedua-dua jenis khabar angin itu boleh membawa akibat yang buruk dan menghancurkan masyarakat. Perbuatan menyebarkan berita keamanan - misalnya - dalam barisan Muslimin yang sedang bersiap sedia untuk menghadapi pergerakan musuh boleh menimbulkan satu keadaan kendur semangat dan lemah kewaspadaan biarpun bagaimana tegas perintah-perintah yang dikeluarkan kepada mereka supaya berjaga-jaga dan berwaspada kerana kewaspadaan yang terbit dari langkah-langkah bersedia untuk menghadapi bahaya itu tidak sama dengan kewaspadaan yang lahir dari semata-mata menta'ati perintah. Kekenduran semangat dan kelemahan kewaspadaan itu boleh mendatangkan padah yang membinasakan sesuatu khemah tentera, begitu juga perbuatan menyebarkan khabar-khabar angin yang menakutkan di dalam sesuatu khemah tentera yang yakin kepada kekuatannya dan berani itu boleh menimbulkan keadaan kelam-kabut yang merosakkan keutuhannya dan mencetuskan harakat-harakat yang tidak perlu untuk menghadapi ketakutan-ketakutan yang masih dalam tekaan dan dugaan, dan keadaan yang seperti itu juga boleh membawa akibat yang membinasakan khemah tentera itu.

Walau bagaimanapun namun itulah sifat sesuatu khemah tentera yang belum lagi mempunyai peraturan dan disiplin yang sempurna atau belum lagi mempunyai kesetiaan dan kepatuhan yang tidak berbelah-bahagi kepada pucuk pimpinannya atau kedua-dua sekali. Dan nampaknya kedua-dua sifat ini memang wujud di dalam masyarakat Islam pada masa itu, yang terdiri dari berbagai-bagai kumpulan yang mempunyai tahap-tahap kefahaman yang berbeza-beza dan tahap-tahap kesetiaan yang berlain-lainan. Kelemahan inilah yang mahu diubati oleh Al-Qur'an dengan sistem Rabbaninya.

(Dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an mengemukakan satu cara yang betul (dalam menghadapi khabar-khabar angin) kepada kelompok Muslimin itu:

وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى ٱلرَّسُولِ وَإِلَىٰٓ أُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ

ٱلَّذِينَ يَسْتَنۢبِطُونَهُۥ مِنْهُمْ ۗ

"Dan andainya mereka (lebih dahulu) rujukkannya kepada Rasulullah dan orang-orang yang berkuasa dari golongan mereka tentulah berita itu dapat diketahui hakikatnya oleh orang-orang yang pandai mengolahkan-nya dari kalangan mereka."(83)

Maksudnya jika mereka merujukkan segala berita ketakutan atau keamanan yang sampai kepada mereka kepada Rasulullah s.a.w. andainya beliau ada bersama mereka atau kepada ketua-ketua mereka tentulah hakikat berita itu dapat diketahui oleh orang-orang yang arif mengolahkannya dari celah-celah berbagai-bagai berita yang bertentangan dan berbagai-bagai keadaan dan latar belakang.

Tugas Seorang Perajurit Yang Baik

Oleh itu tugas seorang perajurit yang baik di dalam angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh seorang panglima yang beriman - mengikut syarat dan batas keimanan yang sebenar itu - apabila menerima sesuatu berita ialah menyampaikan berita itu dengan segera kepada nabi mereka atau kepada ketua mereka bukannya terus bertindak menyebarkannya kepada rakan-rakan sejawatnya atau di kalangan orang-orang yang tidak berkepentingan, kerana pucuk pimpinannya yang beriman itulah pihak yang berwibawa mempastikan hakikat yang sebenar dari berita-berita itu di samping berwibawa menentukan kemuslihatan sama ada sesuatu berita itu patut dihebohkan kepada orang ramai atau tidak walaupun setelah dipastikan kebenarannya. Demikianlah cara Al-Qur'an mendidik kelompok Muslimin. Ia menanam kepercayaan dan kesetiaan kepada pucuk pimpinan yang beriman dan mengajar peraturan dan disiplin tentera di dalam serangkai ayat sahaja, malah dalam sebahagian dari serangkai ayat sahaja, kerana permulaan ayat melukiskan satu gambaran yang keji tentera-tentera yang menghebohkan berita-berita keamanan dan ketakutan yang dipungutnya di sana sini tanpa memeriksa dan mempastikan kebenarannya dan tanpa merujukkannya kepada pucuk pimpinannya, sementara ayat tengah pula menyampaikan pengajaran itu dan ayat yang akhirnya mengikatkan hati mereka dengan Allah dalam menghadapi persoalan khabar ini di samping mengingatkan mereka terhadap limpah kurnia-Nya serta mendorong mereka supaya mensyukuri pengurniaan itu dan seterusnya memberi amaran supaya jangan mengikut syaitan yang sentiasa menunggu peluang untuk menyesatkan mereka dan ia cukup berkebolehan untuk merosakkan hati mereka andainya tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya:

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ لَٱتَّبَعْتُمُ

ٱلشَّيْطَٰنَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٣﴾

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu tentulah kamu sekalian mengikut syaitan kecuali sebilangan yang sedikit sahaja."(83)

Seluruh persoalan-persoalan ini dimuatkan hanya di dalam serangkai ayat sahaja dan ayat ini membicarakan persoalan-persoalan ini dari segenap sudutnya dan memasuki lubuk hati mereka ketika menyampaikan bimbingan dan pengajaran. Itulah bukti Al-Qur'an itu datang dari Allah:

وَلَوْ كَانَ مِنْ عِندِ غَيْرِ ٱللَّهِ لَوَجَدُوا۟ فِيهِ ٱخْتِلَٰفًا
كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

"Andainya Al-Qur'an itu datang bukan dari Allah nescaya mereka akan dapati pada kandungannya percanggahan-percanggahan yang banyak."(82)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 84)

Jihad Tanggungjawab Peribadi

Apabila rangkaian ayat-ayat yang membetulkan cacat-cacat cela yang terdapat di dalam barisan Muslimin sampai ke tahap ini, iaitu cacat-cacat cela yang boleh menjejaskan kedudukan mereka di dalam menghadapi jihad dan kehidupan, maka bererti ia telah sampai kemuncak pemberangsangan mengajak mereka berjihad yang telah disebut di tengah-tengah pelajaran ini, iaitu kemuncak di mana setiap orang ditaklifkan berjihad dan tiada siapa pun yang boleh mengelakkan dirinya dari tugas ini walau di sana ada gerakan melambat-lambatkan diri dan kempen yang mematahkan semangat dan walaupun di sana ada gugatan terhadap perpaduan barisan, kesulitan dan kesukaran. Di sini (dalam ayat yang berikut) Rasulullah s.a.w. diperintah berperang walaupun dengan seorang diri kerana beliau tidak memikul taklif jihad ini kecuali untuk peribadinya sahaja dan dalam waktu yang sama beliau diperintah menyeru dan memberangsangkan kaum Muslimin supaya turut berperang bersama beliau. Dan di dalam ayat yang berikut juga disarankan kepada hati mereka supaya bertenang dan mengharapkan kemenangan kerana yang mengendalikan peperangan itu ialah Allah dan Allah itu Maha Kuat dan amat keras penyeksaan-Nya.

فَقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ لَا تُكَلَّفُ إِلَّا نَفْسَكَ ۚ وَحَرِّضِ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَكُفَّ بَأْسَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ
وَٱللَّهُ أَشَدُّ بَأْسًا وَأَشَدُّ تَنكِيلًا ﴿٨٤﴾

"Oleh itu berperanglah kerana Sabilullah. Engkau tidak ditaklifkan selain dari kewajipanmu sendiri sahaja dan berilah perangsang kepada orang-orang yang beriman semoga Allah menahan bahaya serangan orang-orang kafir itu dan Allah amatlah besar kekuatan-Nya dan amatlah berat penyeksaan-Nya."(84)

Dari celah-celah ayat ini - di samping ayat-ayat yang terdahulu - kita dapat melihat berbagai-bagai sifat di dalam kelompok Muslimin pada masa itu sebagaimana kita dapat melihat berbagai-bagai sifat jiwa manusia di setiap masa.

(a) Kita dapat melihat sejauh mana gugatan terhadap perpaduan barisan Muslimin dan sejauh mana kesan gerakan melambat-lambatkan diri, menghalang dan mematahkan semangat perjuangan yang dilakukan di dalam barisan itu sehingga cara dan jalan untuk menaikkan semangat perjuangan mereka ialah dengan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya beliau tampil berperang walaupun dengan seorang diri dan mengajak kaum Muslimin turut berjuang bersamanya. Beliau ditugas supaya berperang terus sama ada mereka menyambut seruannya atau tidak. Walaupun andaian bahawa seluruh mereka tidak menyambut seruan beliau itu tidak mungkin berlaku, namun kedudukan masalah yang sedemikian rupa menunjukkan bahawa taklif berperang dan perangsangan semangat untuk berperang itu perlu ditonjolkan dengan cara yang seperti ini. Di samping itu ayat-ayat ini juga membawa satu hakikat asasi yang kuat di dalam kefahaman dan tanggapan Islam, iaitu setiap individu itu tidak dibebankan dengan taklif melainkan untuk dirinya sahaja.

(b) Kita dapat melihat sejauh mana ketakutan dan kesulitan untuk melibatkan diri di dalam peperangan menentang kaum Musyrikin pada masa itu sehingga Allah memberi setinggi-tinggi harapan kepada orang-orang Islam bahawa dia sendiri akan bertindak menghalangkan kekuatan orang-orang kafir dan menjadikan tindakan orang-orang Islam sebagai tabir bagi tindakan qudrat-Nya untuk menyekat kekuatan orang-orang kafir dari membinasakan mereka. Di samping itu ditonjolkan pula hakikat kekuatan Allah S.W.T Yang Maha Kuat dan amat keras penyeksaan-Nya. Saranan kata-kata ayat ini begitu jelas membayangkan kekuatan orang-orang kafir pada masa itu, juga membayangkan ketakutan dan kebimbangan yang menular dan menjalar di dalam barisan kaum Muslimin. Mungkin masa ini ialah masa di antara Peperangan Uhud dan Peperangan Ahzab kerana masa inilah merupakan masa yang paling gawat yang dilalui oleh kelompok Muslimin di Madinah dalam menghadapi gelagat-gelagat kaum Munafiqin, tipudaya kaum Yahudi dan persediaan-persediaan perang yang sedang diatur oleh kaum Musyrikin, juga menghadapi keadaan ketidak matangan dalam kefahaman Islam dan ketidak jelasan dan ketidak-sepaduan kefahaman itu di antara orang-orang Islam.

(c) Kita dapat melihat betapa perlunya jiwa manusia ketika diserahkan tugas-tugas yang sukar kepada hubungan yang kuat dengan Allah, iaitu hubungan yang penuh yakin kepadanya, hubungan yang banyak memohon pertolongan kepada-Nya dan hubungan yang sangat percaya kepada qudrat dan kekuatan

Allah, kerana segala sarana peneguhan semangat yang lain dari hubungan dengan Allah adalah tidak berguna apabila ancaman bahaya telah sampai ke puncaknya. Semuanya ini merupakan hakikat-hakikat yang digunakan oleh methodologi Rabbani. (Untuk mendidik manusia) oleh kerana Allah yang menciptakan jiwa manusia, maka Dialah yang amat mengetahui bagaimana hendak mendidik, menguat dan merangsangkannya dan bagaimana hendak menjadikannya menerima dan menyambut.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 85 - 86)

Sesuai dengan pemberangsangan Rasulullah s.a.w. yang mengajak orang-orang Mu'min berperang setelah perintah berperang disebut pada akhir pelajaran dan setelah gerakan melambat-lambatkan diri dan tindakan mematahkan semangat perjuangan disebut di permulaannya - maka Al-Qur'an di dalam ayat yang berikut menjelaskan dasar umum memberi bantuan, yang meliputi semua kegiatan memberi bimbingan, nasihat dan tolong-menolong.

مَّن يَشْفَعْ شَفَٰعَةً حَسَنَةً يَكُن لَّهُۥ نَصِيبٌ
مِّنْهَا ۖ وَمَن يَشْفَعْ شَفَٰعَةً سَيِّئَةً يَكُن لَّهُۥ كِفْلٌ مِّنْهَا ۗ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ مُّقِيتًا ﴿٨٥﴾

"Dan sesiapa yang memberi bantuan yang baik nescaya ia akan memperolehi habuan pahala dari-Nya dan sesiapa yang memberi bantuan yang jahat nescaya ia akan memperolehi habuan dosa dari-Nya. Dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(85)

Pemberangsangan Berjihad Dan Ganjarannya

Maksudnya orang yang memberi galakan, memberi perangsang dan memberi bantuan kepada peperangan kerana Sabilullah, maka ia akan memperolehi habuan pahala dari seruan jihad ini dan kesan-kesannya. Sebaliknya orang yang melambat-lambatkan diri dan mematahkan semangat perjuangan orang lain akan dipertanggungjawabkan terhadap akibatnya dan kesan-kesannya. Kata-kata "كفل" (habuan dosa) menyarankan bahawa dia menanggung dosa-dosanya.

Dasar ini meliputi seluruh bantuan kebajikan atau bantuan kejahatan. Dasar umum ini disebut di sini kerana sesuatu kejadian yang khusus mengikut cara Al-Qur'an yang biasa mengemukakan sesuatu dasar umum di celah-celah sesuatu peristiwa yang khusus dan mengikatkan satu kejadian yang telah berlaku dengan dasar umum kemudian menghubungkan seluruh perkara itu kepada Allah yang mengurniakan segala sesuatu rezeki atau mengurniakan qudrat kuasa di atas segala sesuatu. Inilah maksud dari kata-kata dalam kata-kata "كفل" ulasan yang berikut:

وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ مُّقِيتًا ﴿٨٥﴾

"Dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(85)

Setelah menyebut persoalan memberi bantuan, ayat-ayat yang berikut mengemukakan perintah supaya membalas ucapan salam dengan ungkapan yang lebih baik atau sama dengannya. Ucapan salam dalam masyarakat Islam merupakan tali penghubung di antara tali-tali penghubung yang memudahkan putaran roda kehidupan apabila diikuti adab cara-adab caranya yang wajib. Di sini ada pertalian yang rapat di dalam suasana masyarakat Islam di antara ucapan salam dengan perkhidmatan memberi bantuan yang telah diarahkan sebelum ini:

وَإِذَا حُيِّيتُم بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا۟ بِأَحْسَنَ مِنْهَآ أَوْ رُدُّوهَآ ۗ
إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

"Dan apabila kamu diberi ucapan salam maka balaskanlah dengan ucapan yang lebih baik darinya atau balaskanlah dengan ucapan yang sama dengannya dan sesungguhnya Allah amat mengira terhadap segala sesuatu."(86)

Keistimewaan Ucapan Salam

Islam telah membawa satu ucapan salamnya yang tersendiri yang membezakan masyarakat Islam dari masyarakat-masyarakat yang lain, iaitu ucapan salam ini telah menjadikan setiap ciri masyarakat Islam - termasuk ciri-ciri harian yang biasa - itu unik, tersendiri dan tidak terlarut dan hilang dalam ciri-ciri masyarakat-masyarakat yang lain.

Islam menjadikan ucapan salamnya "السلام عليكم" atau "السلام عليكم ورحمةالله" atau "السلام عليكم ورحمةالله وبركاته" dan menetapkan ucapan balasan dengan ungkapan yang lebih baik dengan membuat tambahan di atas ucapan-ucapan yang dikemukakan oleh seseorang kecuali ucapan salam yang ketiga dikekalkan tanpa tambahan. Ungkapan balasan bagi ucapan salam yang pertama ialah "وعليكم السلام ورحمةالله". Ungkapan balasan bagi ucapan salam yang kedua ialah "وعليكم السلام ورحمةالله وبركاته", dan ungkapan balasan bagi ucapan salam yang ketiga ialah "وعليكم السلام ورحمةالله وبركاته" juga, kerana ucapan ini sudah sempurna dan tidak memerlukan tokok tambah lagi. Ia dijawab dengan ungkapan yang sama. Demikianlah yang diriwayatkan dari Nabi s.a.w.

Marilah kita berhenti sejenak memikirkan sentuhan-sentuhan yang terkandung di dalam ayat ucapan salam ini.

Sentuhan pertama mengenai ciri yang tersendiri yang mahu diterapkan oleh sistem hidup Islam ke atas masyarakat Islam agar ia mempunyai ciri-ciri dan tradisi-tradisi yang tersendiri di samping mempunyai undang-undang dan peraturan yang tersendiri. Hal ini telah kami huraikan dengan terperinci ketika memperkatakan persoalan peralihan kiblat, di mana dinyatakan bahawa kelompok Muslimin berbeza dari kelompok-kelompok yang lain dengan kiblatnya yang tersendiri sebagaimana mereka berbeza dari kelompok-kelompok yang lain dengan 'aqidahnya yang tersendiri. Huraian ini telah dibentangkan di dalam Surah al-Baqarah yang telah silam.

Sentuhan yang kedua membayangkan perlu adanya usaha-usaha yang berterusan untuk menjalankan hubungan mesra yang erat di antara para anggota kelompok Muslimin dan meluaskan amalan memberi salam dan membalasnya dengan ungkapan yang lebih baik sebagai salah satu dari saranan-saranan yang terbaik untuk menjalin dan mengukuhkan hubungan-hubungan itu. Rasulullah s.a.w. telah ditanya tentang apakah sebaik-baik amalan? Jawab beliau:

تطعم الطعام موتقرأ السلام على من عرفت ومن لم تعرف – أخرجه البخاري

"Engkau menjamu makanan dan memberi salam kepada mereka yang engkau kenal dan kepada mereka yang engkau tidak kenal."

- Dikeluarkan oleh al-Bukhari

Hukum memberi salam di antara sesama kelompok Muslimin itu ialah sunnah dan hukum membalas ucapan itu ialah wajib mengikut ayat ini. Nilai amalan tradisi memberi salam dan membalasnya dapat dilihat dengan jelas apabila kita memperhatikan kesan-kesan tradisi dalam menjalinkan hubungan hati yang mesra dan mewujudkan perkenalan di antara mereka yang belum berkenal dan mengukuhkan lagi hubungan di antara mereka yang telah sedia terjalin hubungannya. Gejala yang seperti ini dapat dilihat oleh setiap orang yang memperhatikan kesan-kesan tradisi yang seperti ini dan hasil-hasilnya yang mengkagumkan di dalam masyarakat-masyarakat.

Sentuhan yang ketiga ialah ayat ucapan salam ini merupakan hembusan bayu yang lembut di tengah-tengah ayat-ayat yang memperkatakan peperangan sebelumnya dan kemudiannya. Mungkin dimaksudkan dari ucapan Islam itu ialah untuk menunjukkan kepada satu dasar Islam yang asasi, iaitu "Assalamu" (kedamaian) maksudnya Islam itu adalah agama kedamaian dan ia tidak berperang melainkan dengan tujuan untuk menegakkan kedamaian di bumi dalam erti katanya yang seluas-luasnya, iaitu kedamaian yang terbit dari kelurusan dan keteguhan fitrah mengikut sistem hidup Ilahi. [31]

(Kumpulan ayat-ayat 87 - 94)

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ لَيَجْمَعَنَّكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ لَا
رَيْبَ فِيهِ وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ ٱللَّهِ حَدِيثًا ﴿٨٧﴾
فَمَا لَكُمْ فِى ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِئَتَيْنِ وَٱللَّهُ أَرْكَسَهُم بِمَا
كَسَبُوٓا۟ أَتُرِيدُونَ أَن تَهْدُوا۟ مَنْ أَضَلَّ ٱللَّهُ وَمَن
يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿٨٨﴾
وَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ كَمَا كَفَرُوا۟ فَتَكُونُونَ سَوَآءً فَلَا تَتَّخِذُوا۟
مِنْهُمْ أَوْلِيَآءَ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَإِن
تَوَلَّوْا۟ فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ وَلَا
تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٨٩﴾
إِلَّا ٱلَّذِينَ يَصِلُونَ إِلَىٰ قَوْمٍۭ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌ أَوْ جَآءُ
وكُمْ حَصِرَتْ صُدُورُهُمْ أَن يُقَٰتِلُوكُمْ أَوْ يُقَٰتِلُوا۟
قَوْمَهُمْ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَسَلَّطَهُمْ عَلَيْكُمْ فَلَقَٰتَلُوكُمْ
فَإِنِ ٱعْتَزَلُوكُمْ فَلَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ وَأَلْقَوْا۟ إِلَيْكُمُ ٱلسَّلَمَ
فَمَا جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ عَلَيْهِمْ سَبِيلًا ﴿٩٠﴾
سَتَجِدُونَ ءَاخَرِينَ يُرِيدُونَ أَن يَأْمَنُوكُمْ وَيَأْمَنُوا۟
قَوْمَهُمْ كُلَّ مَا رُدُّوٓا۟ إِلَى ٱلْفِتْنَةِ أُرْكِسُوا۟ فِيهَا فَإِن لَّمْ
يَعْتَزِلُوكُمْ وَيُلْقُوٓا۟ إِلَيْكُمُ ٱلسَّلَمَ وَيَكُفُّوٓا۟ أَيْدِيَهُمْ
فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ وَأُو۟لَٰٓئِكُمْ
جَعَلْنَا لَكُمْ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿٩١﴾
وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَن يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَـًٔا
وَمَن قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَـًٔا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ
وَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦٓ إِلَّآ أَن يَصَّدَّقُوا۟
فَإِن كَانَ مِن قَوْمٍ عَدُوٍّ لَّكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ وَإِن كَانَ مِن قَوْمٍۭ
بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌ فَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَىٰٓ
أَهْلِهِۦ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ فَمَن لَّمْ يَجِدْ
فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِّنَ
ٱللَّهِ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٩٢﴾

---

[31] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam buku* " السلام العالمي والاسلام"

وَمَن يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَآؤُهُۥ جَهَنَّمُ
خَٰلِدًا فِيهَا وَغَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُۥ
وَأَعَدَّ لَهُۥ عَذَابًا عَظِيمًا ﴿٩٣﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا ضَرَبْتُمْ فِى سَبِيلِ
ٱللَّهِ فَتَبَيَّنُوا۟ وَلَا تَقُولُوا۟ لِمَنْ أَلْقَىٰٓ إِلَيْكُمُ
ٱلسَّلَٰمَ لَسْتَ مُؤْمِنًا تَبْتَغُونَ عَرَضَ
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا فَعِندَ ٱللَّهِ مَغَانِمُ كَثِيرَةٌ ۚ
كَذَٰلِكَ كُنتُم مِّن قَبْلُ فَمَنَّ ٱللَّهُ
عَلَيْكُمْ فَتَبَيَّنُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا
تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٩٤﴾

"Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Demi sesungguhnya Dia akan mengumpulkan kamu pada hari Qiamat yang (akan berlaku) tanpa sebarang keraguan dan siapakah yang lebih benar perkataannya daripada Allah? (87) Mengapakah kamu berpecah kepada dua golongan dalam menghadapi orang-orang Munafiqin, sedangkan Allah telah menjatuhkan mereka (ke dalam kekafiran) dengan sebab perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka? Apakah kamu mahu memberi hidayat kepada mereka yang telah disesatkan Allah dan sesiapa yang telah disesatkan Allah nescaya engkau tidak akan mendapat sebarang jalan lagi untuk memberi hidayat kepadanya (88). Mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir sebagaimana mereka telah menjadi kafir agar kamu sama dengan mereka. Oleh itu janganlah kamu memilih sahabat-sahabat setia dari golongan mereka sehingga mereka berhijrah. Kemudian jika mereka berpaling, maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka dan jangan sekali-kali kamu memilih seseorang pun sahabat setia dan penolong dari golongan mereka (89). Kecuali orang-orang yang meminta perlindungan pada suatu kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka atau orang-orang yang datang kepada kamu, sedangkan hati mereka amat berat untuk memerangi kamu atau memerangi kaum mereka. Dan andainya Allah kehendaki, tentulah Dia menjadikan mereka berkuasa melawan kamu, kemudian tentulah mereka memerangi kamu. Oleh itu jika mereka membiarkan kamu bebas dan tidak memerangi kamu serta menghulur perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak sekali-kali memberi jalan kepada kamu memerangi mereka (90). Kamu akan dapati satu golongan yang lain yang mahu mendapatkan keamanan dari kamu dan keamanan dari kaum mereka. Setiap kali mereka dipulangkan kepada syirik, mereka terus ceburkan diri mereka di dalamnya. Oleh itu jika mereka tidak membiarkan kamu bebas dan tidak menghulurkan perdamaian kepada kamu dan tidak menahankan tangan mereka (dari memerangi kamu), maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka. Merekalah orang-orang yang kami berikan alasan yang jelas kepada kamu untuk memerangi mereka (91). Dan tidak harus seorang Mu'min membunuh seorang Mu'min yang lain kecuali tanpa sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang Mu'min yang lain tanpa sengaja, maka wajiblah ia membebaskan seorang hamba yang Mu'min serta membayar diat (pampasan nyawa) kepada keluarganya kecuali jika mereka mensedekahkan (mema'afkan) dan jika dia (si mati) itu dari kaum kafir yang menjadi musuh kamu, sedangkan dia sendiri seorang yang Mu'min, maka wajiblah kamu membebaskan seorang hamba yang Mu'min dan jika dia (si mati) itu dari kaum kafir yang ada ikatan perjanjian di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah kamu membayar diat kepada keluarganya serta membebaskan seorang hamba yang Mu'min. Kemudian sesiapa yang tidak boleh mendapat hamba, maka hendaklah dia berpuasa selama dua bulan berturut-turut. Itulah penerimaan taubat dari Allah dan Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (92). Dan sesiapa yang membunuh seorang Mu'min yang lain dengan sengaja, maka balasannya ialah Neraka Jahannam dimana ia hidup kekal abadi dan Allah tetap murka dan melaknatkannya dan menyediakan untuknya 'azab keseksaan yang amat besar (93). Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu keluar berjihad kerana Sabilullah, maka hendaklah kamu selidik dengan teliti dan janganlah kamu berkata kepada mereka yang menghulurkan perdamaian kepada kamu: "Engkau bukan orang yang beriman" dengan tujuan untuk mendapatkan matabenda kehidupan dunia, kerana di sisi Allah terdapat ni'mat-ni'mat kemewahan yang banyak. Demikianlah keadaan kamu sebelum ini kemudian Allah kurniakan limpah kurnia-Nya ke atas kamu. Oleh itu hendaklah kamu selidik dengan teliti. Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(94)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini dimulakan dengan pembicaraan dasar kepercayaan Islam yang asasi, iaitu dasar tauhid dan pengesaan Allah S.W.T. dengan sifat Uluhiyah dan di atas dasar inilah ditegakkan berbagai-bagai hukum perhubungan masyarakat Islam dengan khemah-khemah dan kelompok-kelompok yang lain. Hukum-hukum ini dijelaskan oleh Al-Qur'an setelah ia mengecam perpecahan barisan Muslimin kepada dua kumpulan yang berlainan pandangan dan pendapat dalam menghadapi golongan Munafiqin dan nampaknya golongan ini ialah satu golongan Munafiqin yang lain yang bukan dari penduduk Madinah. Hukum-hukum dan kecaman ini adalah dilandaskan di atas dasar asasinya yang menjadi tapak tegak seluruh sistem Islam dan dasar ini disebut berulang-ulang kali sebaik sahaja sistem Rabbani ini mahu menjelaskan sesuatu undang-undang, peraturan, arahan dan bimbingan.

Hukum-hukum untuk berinteraksi dengan berbagai-bagai khemah dan kelompok itu merupakan sebahagian dari dasar-dasar yang diwujudkan oleh Islam bagi pertama kalinya di dalam sejarah manusia untuk mengaturkan perhubungan-perhubungan antarabangsa, iaitu mengadakan dasar-dasar bagi perhubungan-perhubungan ini yang lain dari dasar-dasar berhakimkan kepada mata pedang, logik kekuatan dan undang-undang hutan rimba.

Eropah dengan undang-undang antarabangsanya dan segala pertubuhan antarabangsa yang lahir darinya adalah tidak menuju ke arah ini melainkan di dalam abad yang ketujuh belas Masihi (yang ke

sembilan Hijrah) dan undang-undang ini pada keseluruhannya masih merupakan dakwat di atas kertas dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa pada keseluruhannya masih merupakan alat-alat yang tersembunyi di sebaliknya ketamakan-ketamakan antarabangsa dan mimbar-mimbar untuk melaungkan perang dingin bukannya menjadi alat untuk menegakkan kebenaran dan menghakikatkan keadilan. Faktor yang telah mendorong kepada penubuhan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa itu ialah wujudnya pertelingkahan dan persengketaan antara negara-negara yang mempunyai kekuatan-kekuatan yang setanding, tetapi apabila keseimbangan ini rosak, maka undang-undang antarabangsa itu tidak lagi mempunyai nilai dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa juga tidak lagi mempunyai fungsi yang bernilai.

Tetapi Islam selaku sistem hidup Rabbani untuk manusia, maka ia telah pun meletakkan asas-asas hubungan antarabangsa di abad yang ketujuh Masihi lagi (atau abad pertama Hijrah). Ia telah meletakkan asas-asas hubungan itu dari inisiatifnya sendiri bukannya didorong oleh kewujudan keadaan pertarungan di antara kekuatan-kekuatan yang setanding. Ia meletakkan asas-asas hubungan itu untuk penggunaannya sendiri dan untuk menegakkan hubungan masyarakat Islam dengan khemah-khemah dan kelompok-kelompok yang lain di atas landasannya agar ia dapat mengibarkan panji-panji keadilan untuk umat manusia dan menegakkan batu-batu pedoman jalan untuk laluan mereka walaupun khemah-khemah atau kelompok-kelompok jahiliyah yang lain itu tidak melayani masyarakat Islam di atas dasar yang sama dari pihak mereka. Islamlah yang telah mewujudkan dasar-dasar hubungan antarabangsa bagi pertama kalinya (di dalam sejarah).

Dasar-dasar peraturan hubungan antarabangsa itu telah dibentangkan di berbagai-bagai tempat yang sesuai dengannya di dalam berbagai-bagai surah Al-Qur'an, dan kumpulan dari dasar-dasar ini telah membentuk satu gabungan undang-undang yang sempurna bagi perhubungan antarabangsa, di mana terdapat hukum-hukum atau peraturan-peraturan yang tertentu bagi setiap keadaan yang berlaku di antara khemah Islam dengan khemah-khemah yang lain, iaitu keadaan-keadaan berperang, berdamai, berikat setia, berkecuali dan keadaan terikat dengan pihak yang berperang, berdamai, berikat setia atau berkecuali atau sebagainya.

Di sini bukannya tempat untuk menghuraikan dasar-dasar dan hukum-hukum atau peraturan-peraturan itu, kerana ia sepatutnya dihuraikan dalam satu pembicaraan yang berasingan oleh seorang yang pakar di dalam bidang undang-undang antarabangsa, tetapi kami di sini hanya akan menghuraikan apa yang terkandung di dalam kumpulan ayat-ayat ini (dalam pelajaran ini), iaitu ayat-ayat yang berkaitan dengan peraturan-peraturan berinteraksi dengan kumpulan-kumpulan yang berikut:

(a) Kumpulan Munafiqin yang bukan tinggal di Madinah.

(b) Kumpulan orang-orang yang mempunyai perhubungan dengan suatu kaum yang telah memeterai perjanjian dengan kaum Muslimin.

(c) Kumpulan orang-orang yang berkecuali yang merasa begitu keberatan untuk memerangi kaum Muslimin atau memerangi kaum mereka yang seagama dengan mereka.

(d) Kumpulan yang mempersenda-sendakan agama Islam, iaitu mereka berpura-pura memperlihatkan diri mereka seperti orang-orang Islam apabila mereka datang ke Madinah kemudian kembali memperlihatkan kekafiran mereka apabila mereka pulang ke Makkah.

(e) Kes pembunuhan secara tersalah yang berlaku di antara orang-orang Islam dan kes-kes pembunuhan sengaja di berbagai-bagai tempat dan kaum.

Kita akan dapati hukum-hukum yang terang dan jelas dalam semua kes-kes ini, iaitu hukum-hukum yang menjadi sebahagian dari dasar-dasar perhubungan antarabangsa. Kedudukan hukum-hukum ini sama dengan hukum-hukum yang lain yang membicarakan berbagai-bagai perhubungan yang lain.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 87)

Dasar Utama Islam

Marilah kita mulakan dengan pembicaraan yang dimulakan oleh ayat Al-Qur'an yang berikut, iaitu pembicaraan mengenai dasar pertama yang menjadi tapak tegak seluruh binaan Islam dan struktur sistem Islam di dalam berbagai-bagai aspek:

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ لَيَجْمَعَنَّكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ ۗ وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللَّهِ حَدِيثًا ﴿٨٧﴾

"Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Demi sesungguhnya Dia akan mengumpulkan kamu pada hari Qiamat yang (akan berlaku) tanpa sebarang keraguan dan siapakah yang lebih benar perkataannya daripada Allah?"(87)

Maksudnya dari dasar mentauhidkan Allah atau dasar ketunggalan Allah dengan sifat Uluhiyah itulah bermulanya segala sistem hidup Rabbani sama ada di dalam bidang mendidik jiwa manusia atau dalam usaha menegakkan masyarakat dan mengaturkan undang-undang dan peraturannya, sama ada undang-undang dan peraturan itu berkaitan dengan peraturan-peraturan antarabangsa, dan dengan berlandaskan peraturan-peraturan inilah masyarakat Islam berinteraksi dengan masyarakat-masyarakat yang lain. Oleh sebab itulah kita dapati ayat ini

merupakan pembukaan bagi kumpulan ayat-ayat yang mengandungi sebahagian dari dasar-dasar perhubungan luar dan dalam negeri.

Begitu juga dari landasan kepercayaan kepada hari Akhirat - di mana Allah Yang Maha Esa akan mengumpulkan seluruh hamba-Nya untuk dihisabkan mereka di sana terhadap peluang-peluang amalan dan ujian yang diberikan kepada mereka di dunia itulah bermulanya langkah-langkah sistem Rabbani di dalam mendidik jiwa manusia dan merangsangkan kepekaannya terhadap undang-undang, peraturan-peraturan dan arahan-arahan Ilahi dan kepekaan terhadap setiap harakat dari harakat-harakat jiwa di dalam kehidupan. Oleh itu kepercayaan kepada hari Akhirat ialah kepercayaan kepada ujian Ilahi di dunia dalam segala perkara sama ada kecil atau besar dan kepercayaan kepada hisab Ilahi di Akhirat dalam segala perkara sama ada kecil atau besar. Kepercayaan ini merupakan satu jaminan yang paling kuat bagi pelaksanaan undang-undang dan peraturan Ilahi kerana kepercayaan ini bertapak di lubuk jiwa dan bertindak selaku pengawal undang-undang dan peraturan ketika pengawal-pengawal dan kuasa-kuasa yang lahir lalai dan cuai.

Inilah perkataan dan keterangan Allah S.W.T. dan inilah janji-Nya:

وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ ٱللَّهِ حَدِيثًا ﴿٨٧﴾

"Dan siapakah yang lebih benar perkataannya daripada Allah?"(87)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 89)

Selepas membuat sentuhan-sentuhan yang menyedarkan hati - iaitu sentuhan yang menunjukkan tatacara Al-Qur'an mendidik manusia, juga menunjukkan asas tanggapan kepercayaan yang amali di dalam kehidupan kelompok Muslimin itu- Al-Qur'an mulakan (dalam ayat yang berikut) mengancam sikap tidak tegas dalam menghadapi gejala nifaq dan kaum Munafiqin, iaitu sikap tidak tegas di tempat yang sepatutnya ditunjukkan dengan tegas oleh kelompok Muslimin terhadap mereka dan sikap kelompok Muslimin yang telah berpecah kepada dua puak dalam menghadapi kumpulan Munafiqin yang datang dari luar negeri Madinah - sebagaimana akan diterangkan nanti. Kecaman ini membayangkan wujudnya keadaan yang tidak selaras pada masa itu di dalam masyarakat Islam di samping membayangkan perlunya Islam mengambil langkah yang tegas dan membencikan sikap lemah dan lunak dalam mu'amalah dan pandangannya terhadap kaum Munafiqin, iaitu sikap (yang selama ini) berpegang kepada tindak-tanduk mereka yang zahir sahaja selama tindak-tanduk itu tidak dilakukan dengan perancangan yang tertentu:

فَمَا لَكُمْ فِى ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِئَتَيْنِ وَٱللَّهُ أَرْكَسَهُم بِمَا

كَسَبُوٓا۟ أَتُرِيدُونَ أَن تَهْدُوا۟ مَنْ أَضَلَّ ٱللَّهُ ۖ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿٨٨﴾ وَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ كَمَا كَفَرُوا۟ فَتَكُونُونَ سَوَآءً ۖ فَلَا تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ أَوْلِيَآءَ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ ۖ وَلَا تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٨٩﴾

"Mengapakah kamu berpecah kepada dua golongan dalam menghadapi orang-orang Munafiqin, sedangkan Allah telah menjatuhkan mereka (ke dalam kekafiran) dengan sebab perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka? Apakah kamu mahu memberi hidayat kepada mereka yang telah disesatkan Allah dan sesiapa yang telah disesatkan Allah nescaya engkau tidak akan mendapat sebarang jalan lagi untuk memberi hidayat kepadanya (88). Mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir sebagaimana mereka telah menjadi kafir agar kamu sama dengan mereka. Oleh itu janganlah kamu memilih sahabat-sahabat setia dari golongan mereka sehingga mereka berhijrah. Kemudian jika mereka berpaling, maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka dan jangan sekali-kali kamu memilih seorang pun sahabat setia dan penolong dari golongan mereka."(89)

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat mengenai kaum Munafiqin dan yang terpentingnya ialah dua riwayat yang berikut:

Ujar al-Imam Ahmad kami telah diceritakan oleh Bahz, kami telah diceritakan oleh Syu'bah, kata 'Ady ibn Thabit: Kami telah dikhabarkan oleh Abdullah ibn Yazid dari Zayd ibn Thabit bahawa Rasulullah s.a.w. keluar menuju ke Bukit Uhud (untuk berperang) kemudian ada segolongan orang-orang yang keluar bersama beliau tiba-tiba telah berpatah balik ke Madinah. Pandangan para sahabat Rasulullah s.a.w. terhadap kumpulan ini telah berpecah kepada dua puak: Satu puak berkata: "Kita patut bunuh mereka" dan satu puak lagi berkata: "Tidak, kerana mereka orang-orang yang beriman", lalu turunlah ayat:

فَمَا لَكُمْ فِى ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِئَتَيْنِ

"Mengapakah kamu berpecah kepada dua golongan dalam menghadapi orang-orang Munafiqin?"(88)

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda:

إنها طيبة. وإنها تنفي الخبث كما ينفي الكير خبث الحديد.- اخرخه البخاري ومسلم

"Sesungguhnya Madinah itu negeri yang baik, ia membuang orang-orang yang kotor sebagaimana penyembur api membuang karat-karat besi."

- Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam Sahih masing-masing dari hadith Syu'bah.

Dari al-'Aufy dari Ibn Abbas: (Ayat ini) diturunkan mengenai sekumpulan orang-orang yang bercakap seperti orang-orang yang memeluk Islam, sedangkan mereka bekerja membantu kaum Musyrikin. (Pada suatu masa) mereka keluar dari Makkah kerana mencari hajat mereka sambil berkata: "Jika kita bertemu dengan sahabat-sahabat Muhammad, maka kita tidak menaruh apa-apa kebimbangan dari mereka." Apabila orang-orang Mu'min (di Madinah) diberitahu bahawa kumpulan itu telah keluar dari Makkah, maka segolongan dari orang-orang Mu'min itu berkata: "Keluarlah kamu dengan kenderaan untuk mendapatkan orang-orang yang pengecut itu dan bunuhlah mereka, kerana mereka membantu musuh-musuh kamu." Sementara segolongan Mu'min yang lain pula menyangkal: "Subhanallah!" Atau seperti kata mereka: "Apakah kamu mahu membunuh orang-orang yang menyebut syahadat Islam seperti kamu? Apakah kerana mereka tidak berhijrah dan tidak meninggalkan kampung halaman mereka, maka kita mahu menghalalkan darah dan harta mereka? Demikianlah mereka berpecah kepada dua puak, sedangkan Rasulullah s.a.w. yang ada bersama mereka tidak melarang mana-mana satu dari kedua-dua puak itu lalu turun ayat:

فَمَا لَكُمْ فِى ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِئَتَيْنِ

"Mengapa kamu berpecah kepada dua golongan dalam menghadapi orang-orang Munafiqin?."(88)

- Diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatym

Dan ada lagi satu riwayat yang hampir sama dengan riwayat ini telah diriwayatkan dari Abu Salamah ibn Abdul Rahman, 'Ikrimah, Mujahid, Adh-Dahhak dan lain-ain.

Walaupun riwayat yang pertama lebih kuat dari segi sanad dan 'ikhraj, tetapi kami tarjihkan isi kandungan di dalam riwayat yang kedua berdasarkan realiti sejarah, kerana yang thabit di dalam sejarah ialah di sana tidak pernah turun perintah membunuh kaum Munafiqin di Madinah dan tidak pernah Rasulullah s.a.w. memerangi mereka atau membunuh mereka, malah di sana telah ditetapkan satu polisi yang lain untuk berinteraksi dengan mereka, iaitu polisi mengabai dan tidak menghiraukan mereka atau polisi membiarkan masyarakat itu sendiri membuang mereka di samping memotong sumber-sumber sokongan di sekeliling mereka, iaitu dengan mengusir kaum Yahudi yang selama ini menjadi dalang yang menghasut mereka - mula-mula kaum Yahudi itu diusir dari Madinah dan pada akhirnya diusir dari seluruh bumi Semenanjung Tanah Arab. Tetapi di sini (dalam ayat ini) kita dapati Allah memberi perintah yang tegas supaya menangkap kaum Munafiqin itu sebagai tawanan dan membunuh mereka di mana sahaja mereka berada dan perintah ini meyakinkan kita bahawa kumpulan Munafiqin ini bukannya kumpulan Munafiqin yang berada di Madinah. Mungkin ada orang berkata: Bahawa perintah menangkap mereka sebagai tawanan dan membunuh mereka di mana sahaja mereka berada itu adalah disyaratkan dengan firman Allah:

فَلَا تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ أَوْلِيَآءَ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ ۖ

"Oleh itu janganlah kamu memilih sahabat-sahabat setia dari golongan mereka sehingga mereka berhijrah. Kemudian jika mereka berpaling maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka."(89)

Jadi ayat ini bertujuan memberi ugutan kepada mereka supaya mereka membuang kelakuan nifaq mereka dan mungkin mereka telah membuang kelakuan itu dan oleh sebab itu Rasulullah s.a.w. tidak melaksanakan perintah itu terhadap mereka, tetapi ungkapan:

حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟

"Sehingga mereka berhijrah"(89)

meyakinkan - pada masa itu - bahawa mereka bukanlah dari penduduk negeri Madinah, kerana yang dimaksudkan dengan berhijrah ialah berhijrah ke negeri Madinah, kerana peristiwa ini berlaku sebelum penaklukan Makkah dan konsep hijrah sebelum penaklukan Makkah adalah terbatas dengan pengertian berhijrah dari negeri kafir kepada negeri Islam untuk bergabung dengan kelompok Muslimin dan tunduk di bawah sistem undang-undang dan peraturannya dan andainya seseorang itu tidak berhijrah, maka itulah tanda kekafiran atau nifaq. Di dalam ayat-ayat yang akan datang dari surah ini di dalam pelajaran selanjutnya akan ditemui kecaman yang amat keras terhadap sikap orang-orang Islam yang masih terus menetap di Makkah - tidak berhijrah - tanpa apa-apa keuzuran kerana kelemahan, sedangkan negeri Makkah bagi mereka adalah negeri kafir atau negeri perang walaupun mereka adalah penduduk atau anak negeri Makkah. Semuanya ini menguatkan tarjih riwayat yang kedua, iaitu kumpulan Munafiqin yang dibicarakan ini adalah kumpulan Munafiqin dari negeri Makkah atau dari daerah sekitarnya yang menyebut kalimat Islam dengan bibir mulut mereka, sedangkan perbuatan mereka membantu musuh-musuh kaum Muslimin.

Marilah kita kembali semula kepada nas Al-Qur'an:

فَمَا لَكُمْ فِى ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِئَتَيْنِ وَٱللَّهُ أَرْكَسَهُم بِمَا كَسَبُوٓا۟ ۚ أَتُرِيدُونَ أَن تَهْدُوا۟ مَنْ أَضَلَّ ٱللَّهُ ۖ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿٨٨﴾

وَدُّواْ لَوْ تَكْفُرُونَ كَمَا كَفَرُواْ فَتَكُونُونَ سَوَآءً فَلَا تَتَّخِذُواْ
مِنْهُمْ أَوْلِيَآءَ حَتَّىٰ يُهَاجِرُواْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَإِن
تَوَلَّوْاْ فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ وَلَا
تَتَّخِذُواْ مِنْهُمْ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٨٩﴾

"Mengapakah kamu berpecah kepada dua golongan dalam menghadapi orang-orang Munafiqin, sedangkan Allah telah menjatuhkan mereka (ke dalam kekafiran) dengan sebab perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka? Apakah kamu mahu memberi hidayat kepada mereka yang telah disesatkan Allah dan sesiapa yang telah disesatkan Allah nescaya engkau tidak akan mendapat sebarang jalan lagi untuk memberi hidayat kepadanya (88). Mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir sebagaimana mereka telah menjadi kafir agar kamu sama dengan mereka. Oleh itu janganlah kamu memilih sahabat-sahabat setia dari golongan mereka sehingga mereka berhijrah. Kemudian jika mereka berpaling, maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka dan jangan sekali-kali kamu memilih seseorang pun sahabat setia dan penolong dari golongan mereka."(89)

Kaum Muslimin Disarankan Supaya Bersikap Tegas Terhadap Kumpulan Munafiqin

Di dalam ayat ini kita dapati Allah mengecam perpecahan orang-orang Mu'min kepada dua puak dalam menghadapi kaum Munafiqin dan menyatakan kehairanan-Nya terhadap mereka yang telah mengambil sikap yang seperti itu dan di dalam ayat-ayat ini juga kita dapati perintah yang keras dan tegas kepada mereka di dalam memahami hakikat perkara ini dan di dalam bermu'amalah dengan kaum Munafiqin.

Semuanya membayangkan bahaya sikap cair dan lembik di dalam barisan Muslimin di masa itu - dan dalam setiap keadaan yang seperti ini - iaitu sikap cair dan lembik terhadap sifat nifaq dan kaum Munafiqin, kerana sikap yang sedemikian membayangkan kecairan perasaan dan kelemahan kesedaran mereka terhadap hakikat agama ini. Ini kerana perkataan sekumpulan orang-orang Mu'min yang berkata: "Subhanallah!" Atau berkata: "Apakah kamu mahu membunuh orang-orang yang telah menyebut syahadat Islam yang sama seperti kamu menyebutnya? Apakah kerana mereka tidak berhijrah dan tidak meninggalkan kampung halaman mereka kita mahu menghalalkan darah dan harta mereka? Pemahaman mereka yang seperti ini, iaitu ucapan syahadat yang diucapkan kumpulan Munafiqin sama dengan ucapan syahadat yang diucapkan oleh kaum Muslimin, sedangkan seluruh bukti yang lain menunjukkan sebaliknya, di samping perkataan kaum Munafiqin itu sendiri yang berkata: "Jika kita bertemu dengan sahabat-sahabat Muhammad, maka mereka tidak dapat melakukan apa-apa terhadap kita", dan keterangan sekumpulan orang-orang Mu'min yang lain mengatakan bahawa mereka (kumpulan Munafiqin itu) "Membantu musuh-musuh kamu". Pemahaman mereka yang seperti itu adalah satu pemahaman yang mencair dan menghancurkan hakikat keimanan dalam masa yang memerlukan wujudnya sikap yang cukup jelas dan tegas, kerana pengakuan Islam yang dituturkan oleh lidah mereka sahaja sedangkan dalam realiti mereka melakukan perbuatan-perbuatan membantu musuh-musuh kaum Muslimin adalah suatu pengakuan yang berpura-pura dan bermuka-muka sahaja yang tidak boleh dima'af dan dipejam mata begitu sahaja, kerana sikap ini mencair dan meleburkan kefahaman keimanan itu sendiri dan inilah bahaya yang diperkatakan oleh ayat ini apabila ia menyatakan kehairanan dan kecaman yang amat keras dan tegas.

Keadaan ini tidak sama dengan keadaan kumpulan Munafiqin di Madinah di mana polisi memejam mata dan tidak menghiraukan mereka telah diambil terhadap mereka, kerana di sana kefahaman orang ramai amat jelas iaitu mereka adalah kaum Munafiqin, tetapi untuk menghadapi mereka satu polisi telah ditetapkan iaitu polisi mempersalahkan mereka mengikut perbuatan mereka yang zahir sahaja dan mengambil sikap tidak mempedulikan mereka hingga ke suatu masa yang tertentu.

Tetapi perkara yang dibicarakan oleh ayat ini adalah satu perkara yang berlainan, iaitu perkara sekumpulan orang yang beriman mempertahankan sekumpulan Munafiqin dengan alasan kerana mereka mengucapkan syahadat Islam sama seperti yang diucapkan oleh orang-orang Islam, iaitu mereka melafazkan syahadat La ilaha Illallah dan Muhammad pesuruh Allah, tetapi dalam waktu yang sama mereka membantu musuh-musuh kaum Muslimin.

Kerana kecairan di dalam pemahaman kumpulan orang yang beriman ini dan perpecahan sikap dan pandangan mereka terhadap kaum Munafiqin dalam barisan Islam inilah Allah mengecam mereka dengan keras di permulaan ayat ini, kemudian Allah iringi pula dengan suatu kenyataan mengenai hakikat kedudukan kaum Munafiqin itu:

وَٱللَّهُ أَرْكَسَهُم بِمَا كَسَبُوٓاْ

"Sedangkan Allah telah menjatuhkan mereka (ke dalam kekafiran) dengan sebab perbuatan yang telah dilakukan mereka."(88)

Yakni mengapa kamu berpecah kepada dua puak dalam menghadapi kaum Munafiqin, sedangkan Allah telah menjerumuskan mereka ke dalam keadaan yang buruk sekarang ini disebabkan niat dan tindak-tanduk mereka yang jahat. Inilah penerangan Allah yang tegas mengenai kedudukan kaum Munafiqin, iaitu mereka telah terjerumus ke dalam keburukan (kufur) dengan sebab mereka menyembunyikan niat yang jahat dan melakukan perbuatan-perbuatan yang keji.

Kemudian satu kecaman yang lain diharapkan lagi:

أَتُرِيدُونَ أَن تَهْدُواْ مَنْ أَضَلَّ ٱللَّهُ

"Apakah kamu mahu memberi hidayat kepada mereka yang telah disesatkan Allah?"(88)

Mungkin kecaman ini ditujukan kepada perkataan kumpulan Muslimin yang bertolak ansur yang menyarankan seolah-olah mereka hendak memberi peluang kepada mereka (kumpulan Munafiqin) supaya memperolehi hidayat dan meninggalkan perbuatan yang tidak tegas itu lalu Allah mengecam sikap yang seperti itu terhadap kaum Munafiqin yang memang wajar dihumbankan Allah ke dalam keburukan dan kejahatan amalan mereka.

وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿٨٨﴾

"Dan sesiapa yang telah disesatkan Allah nescaya engkau tidak akan mendapat sebarang jalan lagi untuk memberi hidayat kepadanya."(88)

Maksudnya Allah telah menyesatkan orang-orang yang sesat, iaitu Allah membiarkan mereka hanyut di dalam kesesatan apabila mereka menuju kepada kesesatan dengan usaha-usaha dan niat mereka. Ketika itu jalan-jalan hidayat akan ditutup kepada mereka dengan sebab mereka sendiri telah menjauhkan diri dari hidayat dan memilih jalan kesesatan, iaitu mereka sendiri menolak pertolongan dan hidayat Allah dan tidak menghiraukan tanda-tanda jalan menuju ke arah hidayat.

Kemudian ayat yang berikut melangkah selangkah lagi mendedahkan pendirian kaum Munafiqin, iaitu mereka bukan sahaja menyesatkan diri sendiri dan bukan sahaja wajar dihumbankan Allah di dalam kesesatan dengan sebab usaha dan niat mereka yang jahat, malah mereka berusaha pula untuk menyesatkan orang-orang yang beriman:

وَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ كَمَا كَفَرُوا۟ فَتَكُونُونَ سَوَآءً

"Mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir sebagaimana mereka telah menjadi kafir agar kamu sama dengan mereka."(89)

Mereka sebenarnya telah kafir walaupun mereka bercakap seperti orang-orang Islam dan melafazkan dua kalimat syahadat tetapi dibohongkan oleh tindak-tanduk mereka yang membantu musuh-musuh kaum Muslimin. Mereka tidak mahu berhenti setakat ini sahaja kerana orang yang kafir itu tetap tidak senang dengan kewujudan keimanan di bumi, juga tidak senang dengan kewujudan orang-orang yang beriman. Oleh itu mereka pasti berusaha dan melakukan segala helah dan tipu daya untuk mengembalikan orang-orang Muslimin kepada kekafiran supaya mereka semuanya jadi sama seperti mereka.

Inilah penjelasan pertama terhadap hakikat pendirian kumpulan Munafiqin itu. Penjelasan ini menghapuskan kecairan dan kelembikan dalam kefahaman keimanan dan menegakkan kefahaman keimanan itu di atas asas pengakuan lisan dan amalan yang seimbang dan jika tidak, maka pengakuan lisan itu tidak membawa apa-apa erti jika di sekelilingnya terdapat bukti-bukti yang menunjukkan kebohongannya dan talam dua muka.

Al-Qur'an mencubit perasaan orang-orang Mu'min dengan cubitan yang kuat dan memeranjatkan apabila ia berfirman kepada mereka:

وَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ كَمَا كَفَرُوا۟ فَتَكُونُونَ سَوَآءً

"Mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir sebagaimana mereka telah menjadi kafir agar kamu sama dengan mereka."(89)

Mereka (kaum Muslimin) baru sahaja merasa kemanisan iman setelah sekian lama mengecapi pahit getir kekufuran dan dengan perpindahan yang begitu besar yang mereka rasai di dalam diri mereka, iaitu perpindahan dari perasaan, tahap dan masyarakat mereka di dalam jahiliyah kepada perasaan, tahap dan masyarakat mereka di dalam Islam, di mana perbezaan itu menonjol begitu jelas di dalam perasaan dan realiti mereka..... dengan perpindahan yang sedemikian besar itu cukuplah bagi Al-Qur'an memberi imbasan kepada perbezaan itu untuk merangsangkan semangat perseteruan mereka terhadap kumpulan Munafiqin yang ingin mengembalikan mereka ke kaki bukit jahiliyah yang rendah itu, di mana mereka telah dipungut oleh Islam dan membawa mereka ke kemuncaknya yang tinggi.

Oleh sebab itu (di dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an menggunakan hakikat ini dan mengeluarkan arahan kepada mereka di sa'at mereka sedang berada dalam keadaan penuh hati-hati dan waspada terhadap bahaya yang diancam oleh kumpulan Munafiqin itu:

فَلَا تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ أَوْلِيَآءَ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ ۖ وَلَا تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٨٩﴾

"Oleh itu janganlah kamu memilih sahabat-sahabat setia dari golongan mereka sehingga mereka berhijrah. Kemudian jika mereka berpaling, maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka dan jangan sekali-kali kamu memilih seorang pun sahabat setia dan penolong dari golongan mereka."(89)

Asas Hubungan Dalam Islam

Dari tegahan bersahabat setia atau bersetiakawan dengan golongan Munafiqin dari kalangan mereka kita dapat merasa bahawa saki-baki hubungan kekeluargaan dan kesukuan itu masih melekat di dalam hati orang-orang Islam di Madinah dan hubungan ini mungkin juga kerana kepentingan-kepentingan ekonomi. Al-Qur'an berusaha mengubati sisa-sisa keladak hubungan itu dan menjelaskan kepada umat Muslimin dasar-dasar hubungan yang

wajar di samping menjelaskan dasar-dasar kefahaman mereka dalam waktu yang sama.

Al-Qur'an mengajar mereka bahawa umat Muslimin tidak ditegakkan di atas hubungan kekeluargaan dan kesukuan atau hubungan darah dan kaum kerabat atau hubungan hidup bersama di dalam sebuah negeri atau sebuah bandar atau hubungan-hubungan kepentingan ekonomi di bidang perniagaan dan di bidang-bidang bukan perniagaan, malah umat Muslimin adalah ditegakkan di atas landasan 'aqidah dan di atas sistem kemasyarakatan yang lahir dari 'aqidah itu.

Oleh sebab itu tiada hubungan setiakawan di antara orang-orang Islam yang berada di negeri Islam dengan orang-orang yang lain dari mereka yang berada di negeri kafir atau negeri perang (Darul-Harb) dan negeri perang pada masa itu ialah negeri Makkah tanahair angkatan Muhajirin yang pertama. Tiada hubungan setiakawan dengan mereka yang berada di Makkah yang menyebut kalimat-kalimat Islam itu sehingga mereka turut berhijrah ke Madinah dan bergabung dengan masyarakat Islam di sana atau dengan umat Muslimin yang telah berhijrah kerana Allah, kerana agama Allah dan kerana menyelamatkan 'aqidah mereka bukannya kerana sesuatu tujuan yang lain, iaitu mereka berhijrah semata-mata untuk menegakkan masyarakat Islam yang hidup dengan sistem Islam bukannya kerana sesuatu matlamat yang lain. Demikianlah mereka berhijrah dengan matlamat yang sejelas dan setegas ini dan dengan satu penentuan yang tegas yang tidak bercampur-aduk dengan maksud-maksud yang lain atau dengan kepentingan-kepentingan atau matlamat-matlamat yang lain.

Dan jika mereka sanggup bertindak begitu dan meninggalkan keluarga, tanahair dan kepentingan-kepentingan mereka di negeri perang (Darul-Harb) itu dan terus berhijrah ke negeri Islam (Madinah) untuk hidup dengan undang-undang dan peraturan Islam yang diambil dari 'aqidah Islam dan dilandaskan di atas syari'at Islam, maka merekalah warga-warga atau anggota-anggota dalam masyarakat Islam atau warganegara dalam kalangan umat Muslimin, tetapi sebaliknya jika mereka tidak sanggup bertindak begitu, maka tidak ada apa-apa erti bagi kata-kata yang diucapkan oleh lisan mereka, tetapi dibohongi oleh perbuatan-perbuatan mereka:

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ وَلَا تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٨٩﴾

"Kemudian jika mereka berpaling, maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka dan jangan sekali-kali kamu memilih seorang pun sahabat setia dan penolong dari golongan mereka."(89)

Inilah hukum - sebagaimana telah kami terangkan - yang membuat kami cenderung mentarjihkan bahawa mereka bukanlah kaum Munafiqin yang tinggal di Madinah, kerana satu polisi yang lain telah pun ditetapkan untuk menghadapi kaum Munafiqin di Madinah.

Batas Toleransi Negara Islam

Islam bersikap toleran terhadap penganut-penganut agama yang lain. Oleh sebab itu ia selama-lamanya tidak pernah memaksa mereka memeluk agama Islam dan mereka boleh - walaupun mereka hidup di bawah naungan undang-undang Islam dan kerajaannya - menunjukkan terang-terangan 'aqidah-'aqidah mereka yang bertentangan dengan Islam selama mereka tidak menyeru orang-orang Islam kepada agama mereka dan tidak mengecam agama Islam. Di dalam Al-Qur'an terdapat kecaman terhadap kaum Ahlil-Kitab yang mengecam agama Islam. Ini tidak syak lagi menunjukkan bahawa Islam tidak membenarkan orang-orang yang bukan penganut Islam yang hidup di bawah naungan kerajaan Islam mencela agama Islam, memalsukan hakikat-hakikat dan mencampur-adukkan yang benar dengan yang batil sebagaimana dikatakan oleh setengah-setengah pendapat yang cair di zaman ini. Cukuplah Islam tidak memaksa mereka memeluk agamanya dan menjaga keselamatan. hidup, harta dan darah mereka dan meluangkan kepada mereka meni'mati kebaikan dan kesenangan di dalam negeri Islam tanpa membezakan di antara mereka dengan pemeluk-pemeluk Islam. Islam juga memberi kebebasan kepada mereka berhakimkan kepada undang-undang dan peraturan agama mereka di dalam perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan undang-undang dan peraturan am.

Islam menunjukkan sikap toleran yang sedemikian dengan terang-terangan terhadap penganut-penganut agama yang lain, tetapi Islam tidak menunjukkan sikap toleran yang sedemikian kepada mereka yang menyebut-nyebut Islam dengan lidah mereka, tetapi dibohongi oleh perbuatan-perbuatan mereka. Ia tidak bersikap toleran terhadap mereka yang mentauhidkan Allah dan melafazkan syahadat La ilaha Illallah kemudian mereka mengi'tirafkan salah satu dari ciri-ciri Uluhiyah kepada yang lain dari Allah seperti mengi'tirafkan hak dan kuasa memerintah dan mengatur undang-undang dan peraturan kepada manusia. Perbuatan dan pengi'tirafan yang seperti inilah yang menyebabkan Allah mengecapkan kaum Ahlil-Kitab sebagai kaum Musyrikin kerana mereka menjadikan orang-orang alim dan paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Ini bukannya kerana mereka menyembah orang-orang alim atau paderi-paderi itu, tetapi kerana mereka mengikut dan mematuhi segala apa yang diharam dan dihalalkan kepada mereka oleh orang-orang alim dan paderi-paderi itu (sedangkan hukum-hukum itu adalah dari rekaan mereka sahaja).

Islam juga tidak bersikap toleran yang sedemikian rupa untuk menyifatkan sekumpulan Munafiqin sebagai orang-orang yang beriman kerana mereka semata-mata telah melafazkan dua kalimat syahadat La ilaha Illallah dan Muhammad itu pesuruh Allah

kemudian mereka masih terus tinggal di negeri kafir dan bertindak membantu musuh-musuh Islam.

Sikap toleran yang seperti ini bukannya sikap toleran yang sebenar, malah itulah sikap cair, lembik dan tidak tegas. Memang benar Islam itu agama toleransi, tetapi ia bukannya agama cair, lembik dan tidak tegas. Islam adalah satu kepercayaan yang serius, satu sistem yang sungguh-sungguh dan ciri ini tidak bertentangan dengan semangat toleransinya, tetapi ia bertentangan dengan sikap cair, lembik dan tidak tegas.

Perhatian-perhatian dan sentuhan-sentuhan dari Al-Qur'an ini kepada kelompok Muslimin angkatan pertama ini merupakan suatu pernyataan dan perutusan yang penting.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 90)

Kemudian ayat yang berikut mengecualikan hukum menawan dan membunuh terhadap kumpulan Munafiqin yang membantu musuh-musuh Islam itu, mereka yang berlindung pada mana-mana khemah atau kaum yang telah mengikat perjanjian dengan kaum Muslimin sama ada perjanjian perdamaian atau perjanjian perlindungan. Di dalam kes yang seperti ini maka mereka yang berlindung itu diperlakukan ke atas mereka hukum khemah atau kaum yang menjadi tempat perlindungan dan perhubungan mereka:

إِلَّا ٱلَّذِينَ يَصِلُونَ إِلَىٰ قَوْمٍۭ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌ

"Kecuali orang-orang yang meminta perlindungan pada suatu kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka."(90)

Di sini ternyata bahawa di dalam hukum ini Islam memilih perdamaian apabila ia dapat peluang perdamaian yang tidak bertentangan dengan peraturannya yang asasi, iaitu perdamaian yang tidak bertentangan dengan dasar kebebasan tabligh dan kebebasan memilih agama atau tidak menentang da'wah dengan kekerasan serta menjamin keselamatan orang-orang Islam, iaitu tidak melakukan penindasan terhadap mereka, tidak bertindak membekukan da'wah Islamiyah dan mendedahkannya kepada bahaya.

Oleh sebab itu Islam melayani mereka yang mencari perlindungan, membuat perhubungan dan hidup di kalangan kaum yang telah mengikatkan perjanjiannya - sama ada perjanjian naungan atau perdamaian - dengan kaum Muslimin sebagai kaum yang telah mengikatkan perjanjian itu sendiri, iaitu ia bermu'amalah dengan mereka sama dengan mu'amalahnya dengan kaum itu sendiri. Itulah semangat perdamaian yang amat jelas yang dapat dilihat di dalam hukum-hukum ini.

Begitu juga (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an mengecualikan hukum menawan dan membunuh itu satu golongan yang lain lagi iaitu individu-individu atau suku-suku atau kelompok-kelompok yang mahu bersikap berkecuali di dalam peperangan yang berlaku di antara kaum mereka dengan kaum Muslimin, kerana mereka merasa begitu keberatan untuk memerangi kaum Muslimin bersama kaum mereka sebagaimana mereka merasa begitu keberatan untuk memerangi kaum mereka sendiri bersama kaum Muslimin. Oleh sebab itu mereka menahan diri mereka dari memihak kepada mana-mana pihak kerana terlalu segan mengguriskan perasaan kedua-dua pihak:

أَوْ جَآءُوكُمْ حَصِرَتْ صُدُورُهُمْ أَن يُقَٰتِلُوكُمْ أَوْ يُقَٰتِلُوا۟ قَوْمَهُمْ ۚ

"Atau orang-orang yang datang kepada kamu, sedangkan hati mereka amat berat untuk memerangi kamu atau memerangi kaum mereka."(90)

Dalam hukum ini juga jelas dapat dilihat bagaimana keinginan Islam kepada perdamaian dan menjauhi peperangan apabila golongan yang lain sanggup tidak mahu menganggu orang-orang Islam dan menghalangkan da'wah mereka dan memilih sikap berkecuali di dalam peperangan di antara kaum Muslimin dengan kaum mereka. Golongan-golongan yang merasa begitu keberatan dan segan untuk memerangi kaum Muslimin atau untuk memerangi kaum mereka sendiri itu memang wujud di Semenanjung Tanah Arab dan di dalam kalangan kaum Quraisy sendiri (pada masa itu). Islam tidak memaksa mereka supaya memihak kepadanya atau supaya menentang kaum Muslimin. Cukuplah dengan kesanggupan mereka mengambil sikap tidak mahu menentang kaum Muslimin [32] begitu juga diharap semoga mereka pada akhirnya akan berpihak kepada Islam setelah hilangnya keadaan yang membuat mereka keberatan untuk memasuki Islam sebagaimana yang telah berlaku pada masa yang akhir.

Sikap Bersedia Menyambut Tawaran Perdamaian Yang Tidak Merugikan Islam Dan Kaum Muslimin

Allah menggalakkan kaum Muslimin supaya mengikut polisi ini terhadap golongan yang berkecuali yang segan menyebelahi mana-mana pihak dan (dalam ayat yang berikut) Allah mendedahkan andaian yang kedua yang mungkin berlaku di dalam keadaan yang seperti ini, iaitu golongan ini tidak berkecuali sebaliknya Allah mendorong mereka bangkit menentang kaum Muslimin bersama-sama musuh mereka, tetapi oleh sebab Allah telah menahan golongan itu bertindak begitu, maka ini

---

[32] *Hukum ini telah dipinda di dalam Surah at-Taubah, di mana ditetapkan – setelah menempuh pengalaman-pengalaman amali – bahawa dua agama tidak mungkin hidup bersama di Semenanjung Tanah Arab.*

bererti perdamaian itu lebih baik dan jalan yang elok ialah membiarkan golongan itu dengan keadaan mereka:

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَسَلَّطَهُمْ عَلَيْكُمْ فَلَقَٰتَلُوكُمْ ۚ فَإِنِ
ٱعْتَزَلُوكُمْ فَلَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ وَأَلْقَوْا۟ إِلَيْكُمُ ٱلسَّلَمَ فَمَا
جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ عَلَيْهِمْ سَبِيلًا ﴿٩٠﴾

"Dan andainya Allah kehendaki, tentulah Dia menjadikan mereka berkuasa melawan kamu, kemudian tentulah mereka memerangi kamu. Oleh itu jika mereka membiarkan kamu bebas dan tidak memerangi kamu serta menghulur perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak sekali-kali memberi jalan kepada kamu memerangi mereka."(90)

Demikianlah tatacara didikan Islam yang bijaksana menyentuh hati kaum Muslimin yang penuh bersemangat yang mungkin tidak bersetuju dengan sikap berkecuali yang telah diambil oleh golongan ini. Ia menyentuh hati mereka dengan menyebut ni'mat dan tadbir Allah yang telah menghalangkan sebahagian dari permusuhan dan gangguan yang boleh memberatkan lagi bebanan kaum Muslimin. Di sini Al-Qur'an mengajar mereka supaya mengambil dan jangan menolak tawaran kebaikan (perdamaian) yang dihulurkan kepada mereka dan supaya menjauhi keburukan (perseteruan) yang sedang menjauhi mereka dan jangan bertindak mengacah-acah dan mencabarnya selama ia tidak membawa kepada akibat mengabaikan sesuatu dasar dari agama mereka dan mencairkan sesuatu dasar 'aqidahnya dan selama tidak sampai ke tahap merelakan kehinaan untuk mendapatkan keamanan dan perdamaian yang murah.

Allah telah melarang kaum Muslimin mencari keamanan dan kedamaian yang murah, kerana tindakan berhenti berperang dengan apa cara sekalipun itu bukanlah suatu matlamat Islam, malah satu-satunya yang menjadi matlamat Islam ialah kedamaian yang tidak mengurangkan sebarang hak da'wah dan sebarang hak orang-orang Islam, iaitu hak-hak yang bukan berkaitan dengan diri atau peribadi mereka, tetapi hak-hak agama Islam yang dijunjung mereka dan dengan namanya mereka namakan diri mereka sebagai orang-orang Islam.

Di antara hak agama ini ialah segala halangan dan sekatan untuk menyampai dan menjelaskannya kepada orang ramai di merata pelosok negeri hendaklah dihapuskan dan setiap orang yang ingin menerima da'wah atau ingin memeluk agama ini di mana-mana sahaja di merata pelosok negeri tidak boleh diganggu dan ditindas. Dan di sana pasti ada kuasa atau kekuatan yang digeruni oleh setiap mereka yang mahu menentang da'wah atau mahu menindas orang-orang yang beriman kepadanya - dalam apa-apa bentuk penentangan dan penindasan - dan selepas itu, yang menjadi peraturan ialah perdamaian dan jihad tetap berjalan terus sehingga hari Qiamat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 91)

Tiada Toleransi Kepada Munafiqin Tulen

Tetapi di sana ada satu kumpulan yang tidak mendapat sikap toleran dari Islam, kerana mereka kumpulan Munafiqin yang jahat sama seperti kumpulan Munafiqin yang pertama. Mereka tidak terikat dengan mana-mana perjanjian dan tidak pula mempunyai hubungan dengan mana-mana kaum yang telah mengadakan perjanjian dengan kaum Muslimin. Oleh sebab itu sikap Islam terhadap mereka adalah bebas dan ia melayani mereka sama seperti ia melayani kumpulan Munafiqin yang pertama:

سَتَجِدُونَ ءَاخَرِينَ يُرِيدُونَ أَن يَأْمَنُوكُمْ وَيَأْمَنُوا۟
قَوْمَهُمْ كُلَّ مَا رُدُّوٓا۟ إِلَى ٱلْفِتْنَةِ أُرْكِسُوا۟ فِيهَا ۚ فَإِن لَّمْ
يَعْتَزِلُوكُمْ وَيُلْقُوٓا۟ إِلَيْكُمُ ٱلسَّلَمَ وَيَكُفُّوٓا۟ أَيْدِيَهُمْ
فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكُمْ
جَعَلْنَا لَكُمْ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿٩١﴾

"Kamu akan dapati satu golongan yang lain yang mahu mendapatkan keamanan dari kamu dan keamanan dari kaum mereka. Setiap kali mereka dipulangkan kepada syirik, mereka terus ceburkan diri mereka di dalamnya. Oleh itu jika mereka tidak membiarkan kamu bebas dan tidak menghulurkan perdamaian kepada kamu dan tidak menahankan tangan mereka (dari memerangi kamu), maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka. Merekalah orang-orang yang kami berikan alasan yang jelas kepada kamu untuk memerangi mereka."(91)

Mengikut cerita Ibn Jarir dari Mujahid, ayat ini telah diturunkan mengenai sekumpulan kaum dari penduduk Makkah. Mereka datang menemui Nabi s.a.w. (di Madinah) dan berpura-pura masuk Islam. Kemudian apabila mereka pulang kepada kaum Quraisy mereka kembali menyembah berhala. Tujuan mereka berbuat begitu ialah untuk mendapat keamanan di sana sini lalu beliau menyuruh membunuh mereka jika mereka terus mengganggu dan tidak menghulurkan perdamaian. Oleh sebab itulah Allah berfirman:

فَإِن لَّمْ يَعْتَزِلُوكُمْ وَيُلْقُوٓا۟ إِلَيْكُمُ ٱلسَّلَمَ وَيَكُفُّوٓا۟
أَيْدِيَهُمْ فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ ۚ
وَأُو۟لَٰٓئِكُمْ جَعَلْنَا لَكُمْ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿٩١﴾

"Oleh itu jika mereka tidak membiarkan kamu bebas dan tidak menghulurkan perdamaian kepada kamu dan tidak menahankan tangan mereka (dari memerangi kamu), maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka. Merekalah orang-orang yang kami

berikan alasan yang jelas kepada kamu untuk memerangi mereka."(91)

Demikianlah di sini kita melihat Islam membuka lambaran tindakan yang tegas dan serius di samping lambaran sikapnya yang toleran pada tempatnya yang wajar dan terpulang kepada keadaan dan hakikat realiti sahajalah yang menentukan sikap yang tegas dan sikap yang toleran itu.

Memandangkan kepada wujudnya dua lambaran ini sahaja sudah cukup untuk mewujudkan imbangan di dalam perasaan seseorang Muslimin di samping mewujudkannya di dalam sistem Islam, kerana imbangan merupakan ciri asasi Islam yang semulajadi. Tetapi jika datang orang-orang Islam yang bersikap keras dan menghadapi segala perkara dengan sikap yang keras, penuh ghairah dan terburu-buru, maka ini bukanlah dari ciri Islam. Begitu juga jika datang orang-orang Islam yang berpendirian cair, lembik, tidak tegas dan sibuk mengemukakan alasan-alasan apologetik terhadap jihad di dalam Islam seolah-olah Islam berada di dalam kandang orang salah menghadapi tuduhan dan mereka seolah-olah peguam-peguam yang sedang membela yang tertuduh sebagai pembunuh yang merbahaya. Mereka menghadapi segala perkara dengan sikap toleran, damai dan tidak apa. Mereka berjuang semata-mata untuk mempertahankan tanahair Islam dan kelompok Muslimin bukannya untuk mempertahankan kebebasan da'wah dan menyampaikan da'wah ke merata pelosok bumi tanpa halangan dan sekatan, bukannya untuk menjamin keamanan bagi setiap individu di setiap pelosok bumi yang mahu memilih Islam sebagai 'aqidahnya dan bukan berjuang untuk mendaulatkan sistem hidup Islam dan undang-undang Islam yang menjamin keamanan kepada seluruh manusia yang berteduh di bawah naungannya sama ada mereka yang memilih 'aqidahnya atau tidak memilihnya, maka sikap yang seperti ini bukanlah dari ciri Islam.

Kumpulan hukum-hukum hubungan antarabangsa ini merupakan satu pernyataan dan perutusan yang penting.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 92 -94)

Tiada Pembunuhan Dan Peperangan Terhadap Sesama Negeri Islam

Itulah hukum-hukum perhubungan kaum Muslimin dengan khemah-khemah atau kaum-kaum yang lain. Adapun hukum-hukum perhubungan di antara sesama kaum Muslimin walaupun berlain-lainan negeri - pada masa itu, juga pada masa-masa yang lain di mana terdapat orang-orang Islam dari berbagai-bagai negeri - maka diharamkan pembunuhan dan peperangan. Mereka tidak boleh dibunuh melainkan dalam kes-kes menjalani hukum hudud atau hukum qisas. Di sana tidak ada sebab yang begitu besar hingga mengatasi hubungan 'aqidah yang mengikatkan seseorang Muslim dengan seorang Muslim yang lain. Oleh sebab itu seorang Muslim tidak boleh sekali-kali membunuh seorang Muslim yang lain kerana kedua mereka telah diikat dengan hubungan 'aqidah yang amat kuat kecuali pembunuhan itu berlaku secara tidak sengaja. (Di dalam ayat yang berikut) akan dikemukakan peraturan-peraturan dan hukum-hukum bagi perlakuan membunuh secara tersalah. Adapun perlakuan membunuh dengan sengaja, maka tidak ada peraturan membayar kifarat bagi pembunuhan ini, kerana jenayah ini di luar perhitungan dan di luar batas-batas Islam.

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَن يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَـًٔا ۚ
وَمَن قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَـًٔا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ
وَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦٓ إِلَّآ أَن يَصَّدَّقُوا۟ ۚ
فَإِن كَانَ مِن قَوْمٍ عَدُوٍّ لَّكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ ۖ وَإِن كَانَ مِن قَوْمٍۭ
بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَـٰقٌ فَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَىٰٓ
أَهْلِهِۦ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ ۖ فَمَن لَّمْ يَجِدْ
فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِّنَ
ٱللَّهِ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٩٢﴾
وَمَن يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَآؤُهُۥ جَهَنَّمُ
خَـٰلِدًا فِيهَا وَغَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُۥ
وَأَعَدَّ لَهُۥ عَذَابًا عَظِيمًا ﴿٩٣﴾

"Dan tidak harus seorang Mu'min membunuh seorang Mu'min yang lain kecuali tanpa sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seseorang Mu'min yang lain tanpa sengaja, maka wajiblah ia membebaskan seorang hamba yang Mu'min serta membayar diat (pampasan nyawa) kepada keluarganya kecuali jika mereka mensedekahkan (mema'afkan) dan jika dia (si mati) itu dari kaum kafir yang menjadi musuh kamu, sedangkan dia sendiri seorang yang Mu'min, maka wajiblah kamu membebaskan seorang hamba yang Mu'min dan jika dia (si mati) itu dari kaum kafir yang ada ikatan perjanjian di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah kamu membayar diat kepada keluarganya serta membebaskan seorang hamba yang Mu'min. Kemudian sesiapa yang tidak boleh mendapat hamba, maka hendaklah dia berpuasa selama dua bulan berturut-turut. Itulah penerimaan taubat dari Allah dan Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (92). Dan sesiapa yang membunuh seorang Mu'min yang lain dengan sengaja, maka balasannya ialah Neraka Jahannam di mana ia hidup

kekal abadi dan Allah tetap murka dan melaknatkannya dan menyediakan untuknya 'azab keseksaan yang amat besar."(93)

Hukum-hukum ini mencakup empat kes dan tiga darinya ialah kes-kes pembunuhan secara tidak sengaja yang mungkin berlaku di antara orang-orang Islam di sebuah negeri Islam atau di berbagai-bagai negeri di antara berbagai-bagai kaum dan kes yang keempat ialah kes pembunuhan sengaja yang tidak sepatutnya berlaku. Oleh sebab itulah ia dari awal-awal lagi tidak dimungkinkan oleh Al-Qur'an, kerana di dalam seluruh kehidupan dunia ini tiada suatu yang sama nilainya dengan darah seorang Muslim yang ditumpahkan dengan sengaja oleh seseorang Muslim yang lain dan tidak ada di dalam seluruh keadaan kehidupan dunia suatu keadaan yang boleh memperkecilkan hubungan seseorang Muslim dengan seorang Muslim yang lain hingga ke tahap sanggup membunuhnya dengan sengaja. Hubungan 'aqidah yang diwujudkan oleh Islam di antara sesama Muslim adalah suatu hubungan yang amat kuat dan kukuh, amat besar dan mahal, amat luhur dan mulia hingga Islam tidak mengandaikan ada orang Muslim yang sanggup mengguriskan hubungan itu dengan gurisan yang parah seperti ini. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memulakan pembicaraannya tentang hukum-hukum pembunuhan secara tidak sengaja:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَن يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَـًٔا ۚ

"Dan tidak harus seorang Mu'min membunuh seorang Mu'min yang lain kecuali tanpa sengaja."(92)

Inilah satu-satunya kemungkinan dalam tanggapan Islam dan satu-satunya kemungkinan yang haqiqi di alam kenyataan, kerana kewujudan seorang Muslim di samping seorang Muslim yang lain merupakan satu persoalan yang amat besar dan satu ni'mat yang amat besar dan amatlah sukar untuk dikhayalkan adanya seorang Muslim yang tergamak menghapuskan ni'mat yang amat besar itu dari dirinya dan bertindak melakukan jenayah membunuh yang besar itu dengan sengaja pula. Seseorang Muslim itu merupakan satu unsur yang amat bernilai di muka bumi ini dan orang yang paling kuat mempunyai perasaan yang seperti ini ialah seorang Muslim yang sama sepertinya. Oleh itu amatlah sukar baginya untuk tampil menghapus dan membunuhnya. Dan hakikat ini memang disedar oleh sahabat-sahabatnya di dalam hati dan perasaan mereka, kerana Allah telah mengajar hakikat ini kepada mereka melalui 'aqidah ini dan hubungan ini, juga melalui hubungan kekerabatan yang merangkulkan mereka dengan Rasulullah s.a.w. Kemudian perhubungan ini meningkat kepada hubungan yang merangkul mereka kerana Allah S.W.T. yang telah menjalinkan hubungan mesra di antara hati mereka, iaitu jalinan hubungan mesra Rabbani yang amat mengkagumkan itu.

Apabila pembunuhan yang tidak sengaja telah berlaku, maka di sana terdapat tiga kes yang diterangkan hukum-hukumnya oleh rangkaian ayat-ayat ini.

Kes pertama pembunuhan itu berlaku ke atas seorang Mu'min dari keluarga Mu'min dan tinggal di negeri Islam. Dalam kes ini wajiblah dimerdekakan seorang hamba yang Mu'min dan membayar diat (pampasan nyawa) kepada keluarganya. Pembebasan hamba yang Mu'min itu merupakan pampasan kepada masyarakat Islam kerana terbunuhnya seorang warga Mu'min dengan menghidupkan seorang Mu'min yang lain. Itulah tujuan pembebasan hamba di dalam tanggapan Islam, sedangkan tujuan pembayaran diat ialah untuk mententeramkan hati yang marah dan mengambil hati keluarga yang bersedih di samping memberi pampasan kepada mereka atas kehilangan sesuatu manfa'at yang dialami mereka akibat kematian si mati itu. Dengan pembayaran diat itu Islam menyarankan kepada keluarga si mati itu supaya memberi kema'afan, kerana kema'afan itu lebih hampir kepada suasana saling bersimpati dan bertoleransi di dalam masyarakat Islam.

وَمَن قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَـًٔا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ
وَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦٓ إِلَّآ أَن يَصَّدَّقُوا۟ ۚ

"Dan sesiapa yang membunuh seorang Mu'min yang lain tanpa sengaja maka wajiblah ia membebaskan seorang hamba yang Mu'min serta membayar diat (pampasan nyawa) kepada keluarganya kecuali jika mereka mensedekahkannya (mema'afkannya)."(92)

Kes yang kedua pembunuhan itu berlaku ke atas seorang Mu'min dari keluarga yang memerangi dan menentang Islam di negeri perang (Darul-Harb). Di dalam kes ini wajiblah dimerdekakan seorang hamba yang Mu'min untuk membayar gantirugi kepada nyawa seorang Mu'min yang terbunuh itu yang menyebabkan Islam telah kehilangan seorang anggotanya, tetapi dalam kes ini tidak dibayar diat kepada keluarganya yang memerangi Islam agar mereka tidak menggunakan wang bayaran diat itu untuk memerangi orang-orang Islam dan di sini bukan tempatnya yang wajar untuk mencari keredaan keluarga si mati itu dan memenangi kasih sayang mereka kerana mereka adalah penentang-penentang yang menjadi musuh kaum Muslimin.

Kes yang ketiga pembunuhan itu berlaku ke atas seorang Mu'min dari keluarga (kaum bukan Islam) yang mengadakan perjanjian dengan kaum Muslimin sama ada perjanjian perdamaian atau perjanjian naungan. Dalam kes ini tidak disebut mangsa yang terbunuh itu seorang Mu'min dan ini membuat ahli tafsir dan ahli fekah berpendapat bahawa ayat itu umum dan berpendapat bahawa hukumnya wajib dimerdekakan seorang hamba yang Mu'min dan dibayar diat kepada keluarga si mati yang telah mengikat perjanjian dengan kaum Muslimin walaupun si mati itu bukan seorang Mu'min kerana wujudnya perjanjian mereka dengan kaum Muslimin telah menjadikan darah mereka terpelihara sama seperti darah orang-orang Islam.

Tetapi yang nampak jelas kepada kami ialah pembicaraan di dalam ayat ini adalah ditumpukan kepada pembunuhan ke atas orang yang Mu'min:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَن يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَـًٔا

"Dan tidak harus seorang Mu'min membunuh seorang Mu'min yang lain kecuali tanpa sengaja."(92)

Kemudian dijelaskan kes-kes pembunuhan yang lain, di mana mangsa yang terbunuh ialah orang yang Mu'min dan jika di dalam kes yang kedua Al-Qur'an menyebut orang Mu'min dengan katanya:

فَإِن كَانَ مِن قَوْمٍ عَدُوٍّ لَّكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ

"Dan jika dia (si mati) dari kaum kafir yang menjadi musuh kamu, sedangkan dia sendiri seorang Mu'min"(92)

maka kenyataan hemat ini dibuat sekali lagi di sini dengan sebab si mati yang terbunuh itu adalah dari kaum yang menjadi musuh Islam dan pemahaman ini disokong oleh ayat yang kemudian yang mewajibkan pembebasan seorang hamba yang Mu'min di dalam kes yang ketiga dan ini menyarankan bahawa si mati yang terbunuh itu adalah seorang yang Mu'min, maka kerana itu wajib dimerdekakan seorang hamba yang Mu'min sebagai pampasan kepadanya dan jika tidak tentulah cukup dengan memerdekakan mana-mana hamba sahaja tanpa disyaratkan hamba yang Mu'min.

Ada hadith yang menerangkan bahawa Nabi s.a.w. telah membayar diyat setengah-setengah kafir Mu'ahad yang terbunuh, tetapi tidak ada hadith yang menerangkan tentang pembebasan hamba-hamba sebanyak bilangan mereka yang terbunuh itu. Ini menunjukkan bahawa di dalam kes pembunuhan orang-orang kafir Mu'ahad ini ialah diwajibkan membayar diat sahaja dan ini thabit dengan amalan Rasulullah s.a.w. bukannya thabit dengan ayat ini. Dan semua kes yang dirangkul oleh ayat ini ialah kes-kes pembunuhan yang berlaku ke atas orang Mu'min sama ada dari kaum Mu'minin yang tinggal di negeri Islam atau dari kaum yang memerangi dan menjadi musuh kaum Muslimin di negeri perang (Darul Harb) atau dari kaum yang telah mengadakan perjanjian perdamaian atau perlindungan dengan kaum Muslimin. Inilah yang paling nyata dari penerangan ayat ini.

* * * * * *

Hukum Pembunuhan Dengan Sengaja

Itulah hukum pembunuhan secara tidak sengaja atau tersalah. Adapun pembunuhan secara sengaja, maka perbuatan itu adalah suatu dosa yang amat besar yang tidak layak dilakukan bersama keimanan. Itulah dosa yang tidak boleh dihapuskan dengan pembayaran diyat dan tidak pula dengan pembebasan hamba, malah balasannya diserahkan kepada 'azab Allah:

وَمَن يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَآؤُهُۥ جَهَنَّمُ خَـٰلِدًا فِيهَا وَغَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُۥ وَأَعَدَّ لَهُۥ عَذَابًا عَظِيمًا ﴿٩٣﴾

"Dan sesiapa yang membunuh seorang Mu'min yang lain dengan sengaja, maka balasannya ialah Neraka Jahannam di mana ia hidup kekal abadi dan Allah tetap murka dan melaknatkannya dan menyediakan untuknya 'azab keseksaan yang amat besar.(93)

Membunuh seorang Mu'min itu bukan sahaja merupakan suatu jenayah membunuh nyawa manusia secara yang tidak sebenar, malah ia juga merupakan suatu jenayah membunuh hubungan persaudaraan Islamiyah yang amat mahal, amat disayangi, amat mulia dan amat besar yang diwujudkan Allah di antara sesama Muslim. Jenayah itu menafikan keimanan dan 'aqidah itu sendiri.

Oleh sebab itu jenayah membunuh digandingkan dengan jenayah syirik di berbagai-bagai tempat yang lain dan setengah-setengah ahli tafsir dan di antaranya termasuk Ibn Abbas cenderung berpendapat bahawa tiada taubat bagi jenayah membunuh, tetapi setengah-setengah ahli tafsir yang lain mengatakan diterima taubat berdasarkan firman Allah Taala:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan perbuatan syirik terhadap-Nya dan bersedia mengampun dosa yang lain dari itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(48)

(Oleh itu dari ayat ini) pembunuh yang bertaubat itu mempunyai harapan mendapat keampunan dari Allah. Kemudian mereka mentafsirkan kata-kata "خالد" "kekal di dalam Neraka" yang tersebut di dalam ayat tadi) itu dengan makna "masa yang lama" sahaja.

Angkatan Muslimin yang pertama yang terdidik di sekolah Islam yang pertama melihat orang-orang yang membunuh bapa-bapa, anak-anak dan saudara-saudara mereka sebelum mereka memeluk Islam berjalan dengan bebas di bumi dan setelah mereka memeluk Islam hati mereka terasa juga dengan rangsangan-rangsangan perasaan-perasaan yang pahit terhadap pembunuh-pembunuh itu, namun demikian mereka tidak pernah berfikir walau sekalipun untuk membunuh mereka, malah tidak pernah terlintas di hati mereka untuk menuntut bela walaupun dalam keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang paling marah, paling panas dan paling pahit dan seterusnya mereka tidak pernah berfikir untuk mengungkit-ungkit dan mengurangkan mana-mana hak yang dikurniakan Allah kepada mereka

yang telah membunuh bapa-bapa, anak-anak dan saudara-saudara mereka itu.

Untuk menjaga dari berlakunya kejadian pembunuhan walaupun secara tidak sengaja dan untuk membersihkan hati para Mujahidin dari tujuan-tujuan yang lain dari tujuan semata-mata kerana Allah dan kerana Sabilullah, maka (dalam ayat yang berikut) Allah memerintah orang-orang Islam apabila mereka keluar berperang hendaklah mereka jangan memerangi atau membunuh seseorang kecuali mereka telah mendapat kepastian (bahawa orang itu bukannya orang Islam) dan sehubungan dengan ini hendaklah mereka berpada dengan pengakuan lisan yang zahir sahaja (kerana di sini tidak ada bukti yang menentang pengakuan lisan itu).

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا ضَرَبْتُمْ فِى سَبِيلِ
ٱللَّهِ فَتَبَيَّنُواْ وَلَا تَقُولُواْ لِمَنْ أَلْقَىٰٓ إِلَيْكُمُ
ٱلسَّلَٰمَ لَسْتَ مُؤْمِنًا تَبْتَغُونَ عَرَضَ
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا فَعِندَ ٱللَّهِ مَغَانِمُ كَثِيرَةٌ ۚ
كَذَٰلِكَ كُنتُم مِّن قَبْلُ فَمَنَّ ٱللَّهُ
عَلَيْكُمْ فَتَبَيَّنُوٓاْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا
تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٩٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu keluar berjihad kerana Sabilullah, maka hendaklah kamu selidik dengan teliti dan janganlah kamu berkata kepada mereka yang menghulurkan perdamaian kepada kamu: 'Engkau bukan orang yang beriman' dengan tujuan untuk mendapatkan matabenda kehidupan dunia, kerana di sisi Allah terdapat ni'mat-ni'mat kemewahan yang banyak. Demikianlah keadaan kamu sebelum ini kemudian Allah kurniakan limpah kurnia-Nya ke atas kamu. Oleh itu hendaklah kamu selidik dengan teliti. Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu.(94)

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat tentang sebab turunnya ayat ini dan intisari dari riwayat-riwayat ini ialah ada sepasukan tentera Islam telah terjumpa seorang lelaki sedang membawa seekor kambing lalu lelaki itu berkata kepada mereka "Assalamualaikum" dengan tujuan untuk menyatakan bahawa dia adalah seorang Muslim, tetapi setengah anggota pasukan itu menganggapkan ucapan itu sebagai suatu helah untuk menyelamatkan nyawanya lalu mereka membunuhnya.

Oleh sebab itu turunlah ayat ini membidas tindakan anggota pasukan itu dan menolak dari hati para Mu'min itu segala noda tamak haloba untuk mendapatkan harta rampasan perang atau segala sifat terburu-buru membuat keputusan kerana keduanya amat dibencikan oleh Islam.

Matabenda kesenangan dunia tidak seharusnya dimasukkan ke dalam perkiraan orang-orang Islam apabila mereka keluar berjihad kerana Sabilillah, kerana matabenda kesenangan dunia itu bukannya matlamat dan motif jihad, begitu juga tindakan terburu-buru mengambil keputusan menumpahkan darah seseorang sebelum dipastikan identitinya tidak seharusnya dilakukan oleh seseorang Muslim, kerana mungkin darah yang ditumpahkan itu ialah darah seorang Muslim yang amat bernilai yang sama sekali tidak harus ditumpahkan.

Allah S.W.T. (di dalam ayat yang berikut) mengingatkan kaum Muslimin terhadap zaman jahiliyah mereka yang baru berlalu, di mana mereka selalu bersikap terburu-buru, tidak serius dan tamak haloba kepada harta rampasan perang, juga membangkitkan limpah kurnia-Nya kepada mereka yang telah membersihkan hati mereka dan meningkatkan matlamat-matlamat perjuangan mereka, iaitu mereka tidak lagi berperang kerana mencari matabenda kesenangan dunia sebagaimana yang telah dilakukan mereka di zaman jahiliyah mereka, seterusnya membangkitkan ni'mat-Nya kepada mereka yang telah menggariskan batas-batas dan undang-undang untuk mereka, yang mana dengan undang-undang itu mereka tidak lagi bertindak mengikut ledakan emosi yang pertama sebagai keputusan yang akhir sebagaimana mereka lakukannya di zaman jahiliyah mereka.

Ayat ini mengandungi isyarat bahawa pemeluk-pemeluk Islam di zaman itu menyembunyikan keislaman mereka dari pengetahuan kaum mereka kerana mereka lemah dan takut. Mereka tidak menzahirkan keislaman mereka kecuali ketika mereka merasa aman setelah berada bersama orang-orang Islam yang lain dan lelaki yang terbunuh (di dalam riwayat sebab turun ayat ini) telah menyembunyikan keislamannya dari pengetahuan kaumnya dan apabila ia berjumpa dengan pasukan tentera Muslimin - ia terus menzahirkan keislaman-nya dan memberi ucapan salam orang-orang Islam:

كَذَٰلِكَ كُنتُم مِّن قَبْلُ فَمَنَّ ٱللَّهُ
عَلَيْكُمْ فَتَبَيَّنُوٓاْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا
تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٩٤﴾

"Demikianlah keadaan kamu sebelum ini kemudian Allah kurniakan limpah kurnia-Nya ke atas kamu. Oleh itu hendaklah kamu selidik dengan teliti. Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(94)

Demikianlah tatacara Al-Qur'an menyentuh hati mereka supaya ia hidup dan merasa segan dan keberatan melakukan sesuatu yang salah dan supaya ia mengingati Allah. Dan di atas kepekaan dan ketaqwaan inilah ditegakkan undang-undang dan hukum-hukum setelah diterangkannya dengan jelas.

Demikianlah pelajaran ini memperkatakan beberapa aspek dari dasar-dasar hubungan antarabangsa dengan begitu jelas dan bersih selama empat belas abad yang silam.

(Kumpulan ayat-ayat 95 - 104)

لَّا يَسۡتَوِي ٱلۡقَٰعِدُونَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ غَيۡرُ أُوْلِي ٱلضَّرَرِ
وَٱلۡمُجَٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡۚ فَضَّلَ
ٱللَّهُ ٱلۡمُجَٰهِدِينَ بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡ عَلَى ٱلۡقَٰعِدِينَ دَرَجَةٗۚ
وَكُلّٗا وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلۡحُسۡنَىٰۚ وَفَضَّلَ ٱللَّهُ ٱلۡمُجَٰهِدِينَ عَلَى
ٱلۡقَٰعِدِينَ أَجۡرًا عَظِيمٗا ﴿٩٥﴾
دَرَجَٰتٖ مِّنۡهُ وَمَغۡفِرَةٗ وَرَحۡمَةٗۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورٗا
رَّحِيمًا ﴿٩٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِيٓ أَنفُسِهِمۡ قَالُواْ فِيمَ
كُنتُمۡۖ قَالُواْ كُنَّا مُسۡتَضۡعَفِينَ فِي ٱلۡأَرۡضِۚ قَالُوٓاْ أَلَمۡ تَكُنۡ
أَرۡضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةٗ فَتُهَاجِرُواْ فِيهَاۚ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَأۡوَىٰهُمۡ جَهَنَّمُۖ
وَسَآءَتۡ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾
إِلَّا ٱلۡمُسۡتَضۡعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلۡوِلۡدَٰنِ
لَا يَسۡتَطِيعُونَ حِيلَةٗ وَلَا يَهۡتَدُونَ سَبِيلٗا ﴿٩٨﴾
فَأُوْلَٰٓئِكَ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَعۡفُوَ عَنۡهُمۡۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَفُوًّا غَفُورٗا ﴿٩٩﴾
وَمَن يُهَاجِرۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يَجِدۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ مُرَٰغَمٗا كَثِيرٗا
وَسَعَةٗۚ وَمَن يَخۡرُجۡ مِنۢ بَيۡتِهِۦ مُهَاجِرًا إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ
ثُمَّ يُدۡرِكۡهُ ٱلۡمَوۡتُ فَقَدۡ وَقَعَ أَجۡرُهُۥ عَلَى ٱللَّهِۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورٗا
رَّحِيمٗا ﴿١٠٠﴾
وَإِذَا ضَرَبۡتُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَلَيۡسَ عَلَيۡكُمۡ جُنَاحٌ أَن تَقۡصُرُواْ
مِنَ ٱلصَّلَوٰةِ إِنۡ خِفۡتُمۡ أَن يَفۡتِنَكُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْۚ إِنَّ
ٱلۡكَٰفِرِينَ كَانُواْ لَكُمۡ عَدُوّٗا مُّبِينٗا ﴿١٠١﴾

وَإِذَا كُنتَ فِيهِمۡ فَأَقَمۡتَ لَهُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَلۡتَقُمۡ
طَآئِفَةٞ مِّنۡهُم مَّعَكَ وَلۡيَأۡخُذُوٓاْ أَسۡلِحَتَهُمۡۖ فَإِذَا
سَجَدُواْ فَلۡيَكُونُواْ مِن وَرَآئِكُمۡ وَلۡتَأۡتِ طَآئِفَةٌ
أُخۡرَىٰ لَمۡ يُصَلُّواْ فَلۡيُصَلُّواْ مَعَكَ وَلۡيَأۡخُذُواْ
حِذۡرَهُمۡ وَأَسۡلِحَتَهُمۡۗ وَدَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَوۡ
تَغۡفُلُونَ عَنۡ أَسۡلِحَتِكُمۡ وَأَمۡتِعَتِكُمۡ فَيَمِيلُونَ
عَلَيۡكُم مَّيۡلَةٗ وَٰحِدَةٗۚ وَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ إِن كَانَ
بِكُمۡ أَذٗى مِّن مَّطَرٍ أَوۡ كُنتُم مَّرۡضَىٰٓ أَن تَضَعُوٓاْ
أَسۡلِحَتَكُمۡۖ وَخُذُواْ حِذۡرَكُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ أَعَدَّ
لِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابٗا مُّهِينٗا ﴿١٠٢﴾
فَإِذَا قَضَيۡتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ قِيَٰمٗا وَقُعُودٗا
وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمۡۚ فَإِذَا ٱطۡمَأۡنَنتُمۡ فَأَقِيمُواْ
ٱلصَّلَوٰةَۚ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتۡ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ كِتَٰبٗا
مَّوۡقُوتٗا ﴿١٠٣﴾
وَلَا تَهِنُواْ فِي ٱبۡتِغَآءِ ٱلۡقَوۡمِۖ إِن تَكُونُواْ تَأۡلَمُونَ
فَإِنَّهُمۡ يَأۡلَمُونَ كَمَا تَأۡلَمُونَۖ وَتَرۡجُونَ مِنَ
ٱللَّهِ مَا لَا يَرۡجُونَۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٠٤﴾

"Tidaklah sama darjah orang-orang Mu'min yang duduk (tidak ikut berjihad) - kecuali orang-orang yang uzur - dengan darjah orang-orang yang berjihad kerana Sabilullah dengan harta dan jiwa raga mereka, (malah) Allah telah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka di atas orang-orang yang duduk (tidak ikut berjihad) dengan kelebihan satu darjah dan Allah telah menjanjikan setiap golongan itu dengan balasan yang terbaik (Syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad ke atas orang-orang yang tidak ikut berjihad dengan pahala yang amat besar (95). Itulah darjat-darjat kelebihan, keampunan dan rahmat dari Allah dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (96). Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawa mereka oleh malaikat dalam keadaan menganiayai diri sendiri adalah telah ditanya oleh malaikat kepada mereka: "Bagaimana keadaan kamu?" Jawab mereka: "Kami adalah golongan yang tertindas di negeri ini (Makkah)". Ujar para malaikat: "Bukankah bumi Allah itu begitu luas hingga kamu boleh berhijrah ke sana?"

Orang-orang seperti itu tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kembali (97). Kecuali orang-orang yang benar-benar tertindas dari kaum lelaki, kaum perempuan dan kanak-kanak yang tidak mempunyai daya upaya dan tidak mengetahui jalan untuk berhijrah (98). Maka orang-orang yang seperti itu adalah diharap semoga Allah mema'afkan mereka dan Allah Maha Pema'af dan Maha Pengampun (99). Dan sesiapa yang berhijrah kerana Sabilullah akan dapati di bumi ini banyak tempat-tempat yang mewah dan hidup yang selesa dan sesiapa yang keluar dari rumahnya untuk berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya kemudian ia ditemui maut, maka pahala balasannya telah disanggupi Allah dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (100). Dan apabila kamu keluar merantau di bumi maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu memendekkan (mengqasarkan) solat jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu adalah musuh yang amat nyata terhadap kamu (101). Dan apabila engkau (Muhammad) berada di dalam kalangan mereka (semasa perang) lalu engkau hendak mengimamkan solat mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri mengerjakan solat bersama engkau dan hendaklah mereka menyandang senjata masing-masing. Kemudian apabila mereka selesai sujud maka hendaklah mereka pergi ke belakang engkau dan hendaklah satu puak yang lain yang belum sembahyang datang bersembahyang bersama engkau dan hendaklah mereka berwaspada dan menyandang senjata masing-masing. Orang-orang kafir memang bercita-cita agar kamu terlalai dari senjata-senjata kamu dan harta benda kamu dan dengan demikian dapatlah mereka menyerang kamu dengan satu serangan mengejut dan tidak ada apa-apa kesalahan kepada kamu meletakkan senjata-senjata kamu jika kamu mendapat sesuatu gangguan yang menyusahkan kamu kerana ditimpa hujan atau kerana kamu menderita sakit dan hendaklah kamu menjaga kewaspadaan kamu. Sesungguhnya Allah telah menyediakan 'azab yang amat menghinakan kepada orang-orang yang kafir (102). Kemudian apabila kamu selesai menunaikan solat, maka hendaklah kamu mengingati dan menyebut Allah semasa berdiri, duduk dan berbaring. Kemudian apabila kamu telah mendapat ketenangan, maka dirikanlah solat (yang sempurna). Sesungguhnya solat itu telah difardhukan ke atas orang-orang yang beriman mengikut waktu-waktu yang telah ditentukan (103). Dan janganlah kamu lemah dalam mengejar musuh-musuh (kamu). Jika kamu menderita kesakitan, maka mereka juga menderita kesakitan seperti kamu, tetapi kamu mengharapkan dari Allah apa yang tidak diharapkan oleh mereka. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(104)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini mempunyai hubungan dan kaitan yang amat rapat dengan pelajaran yang lepas dan pelajaran sebelumnya. Ia merupakan satu pembicaraan yang melengkapkan pembicaraan dua pelajaran yang telah lalu. Jika tidak kerana keinginan hendak menjelaskan dasar-dasar hubungan-hubungan antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh Islam tentulah kami kirakan kedua-dua pelajaran itu bersama-sama dengan pelajaran ini sebagai satu pelajaran yang bersambung-sambung, kerana sebenarnya ia merupakan satu pelajaran yang dibentangkan di dalam beberapa babak dan siri.

Pembicaraan pokok pelajaran ini ialah berhijrah ke negeri Islam dan menggalakkan kaum Muslimin yang masih ketinggalan di negeri kafir Harb itu (Makkah) supaya berhijrah untuk bergabung dengan barisan Muslimin (Madinah) yang telah berjihad kerana Sabilullah dengan jiwa raga dan harta benda mereka dan membuang kesenangan dan kerehatan yang nisbi/relatif dan menafikan kepentingan tinggal di Makkah di samping kaum keluarga dan harta benda.

Mungkin inilah yang dimaksudkan dengan firman Allah Taala di permulaan pelajaran ini.

لَّا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ ۚ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً ۚ وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَىٰ ۚ وَفَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

"Tidaklah sama darjah orang-orang Mu'min yang duduk (tidak ikut berjihad) - kecuali orang-orang yang uzur - dengan darjah orang-orang yang berjihad kerana Sabilullah dengan harta dan jiwa raga mereka, (malah) Allah telah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka di atas orang-orang yang duduk (tidak ikut berjihad) dengan kelebihan satu darjah dan Allah telah menjanjikan setiap golongan itu dengan balasan yang terbaik (Syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad ke atas orang-orang yang tidak ikut berjihad dengan pahala yang amat besar."(95)

Sementara di Madinah pula tidak ada orang yang duduk atau tidak ikut berjihad kecuali golongan Munafiqin sahaja yang selalu menjadi batu penghalang yang telah dibicarakan oleh Al-Qur'an dengan nada percakapan yang berlainan dari nada ayat ini di dalam pelajaran yang silam.

Kemudian ayat ini diikuti pula oleh satu ayat yang lain yang memberi amaran dan ancaman kepada mereka yang masih terus tinggal di negeri kafir (Makkah), sedangkan mereka mampu berhijrah menyelamatkan agama dan 'aqidah mereka hingga mereka dimatikan oleh malaikat dalam keadaan menganiayai diri sendiri.

فَأُولَٰئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾

"Orang-orang seperti itu tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kembali."(97)

Kemudian diiringi pula oleh satu ayat yang lain yang menerangkan bahawa Allah memberi sepenuh jaminan kepada orang-orang yang berhijrah kerana Sabilullah bermula dari detik ia keluar dari rumahnya dengan niat hijrah yang ikhlas kerana Allah semata-mata. Di dalam ayat ini Allah menghapuskan segala perasaan ketakutan dan kebimbangan yang membisik di dalam hati mereka apabila mereka memutuskan untuk melakukan hijrah yang penuh bahaya itu dan

dalam waktu yang sama memakan belanja dan pengorbanan yang banyak.

Pembicaraan di sini ditumpukan kepada persoalan berjihad dan berhijrah ke negeri Mujahidin (Madinah), hukum-hukum bermu'amalah di antara orang-orang Islam yang tinggal di negeri Hijrah (Madinah) dengan puak-puak yang tinggal di luar negeri Madinah termasuk kumpulan orang-orang Islam yang belum berhijrah dan pembicaraan ini terus bersambung.

Pelajaran ini juga membicarakan kaifiat solat khauf (dalam ketakutan) di medan peperangan atau di tengah jalan hijrah. Penekanan mengelakan solat dalam masa yang gawat dan genting itu menunjukkan bagaimana tingginya pandangan Islam terhadap solat sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini penekanan itu juga bertujuan untuk mewujudkan pengemblengan jiwa yang sempurna untuk menghadapi bahaya yang sebenar yang mengancam kaum Muslimin dari musuh-musuh mereka yang sentiasa menunggu peluang kelalaian dan kecuaian mereka.

Pelajaran ini di akhiri dengan suatu sentuhan yang kuat dan mendalam kesannya, iaitu sentuhan yang memberangsangkan kaum Muslimin supaya berjihad kerana Sabilillah dan sanggup menghadapi segala penderitaan dan kesusahan yang menimpa para Mujahidin. Sentuhan itu dimuat dalam satu gambaran yang jelas yang memperlihatkan kumpulan Mu'minin yang Mujahidin dan kumpulan musuh-musuh yang memerangi mereka yang berada dipersimpangan jalan:

وَلَا تَهِنُوا فِي ابْتِغَاءِ الْقَوْمِ ۖ إِن تَكُونُوا تَأْلَمُونَ
فَإِنَّهُمْ يَأْلَمُونَ كَمَا تَأْلَمُونَ ۖ وَتَرْجُونَ مِنَ
اللَّهِ مَا لَا يَرْجُونَ ۗ

"Dan janganlah kamu lemah dalam mengejar musuh-musuh (kamu). Jika kamu menderita kesakitan, maka mereka juga menderita kesakitan seperti kamu, tetapi kamu mengharapkan dari Allah apa yang tidak diharapkan oleh mereka."(104)

Dengan gambaran ini terpisahlah jalan dua kumpulan itu dan muncullah jalan hidup yang berasingan. Dan di sini segala penderitaan sakit dirasa kecil dan segala penderitaan susah dirasa enteng dan tiada lagi ruang untuk dirasa penat dan bosan, kerana pihak musuh juga sama menderita kesakitan, tetapi (mereka tidak sama dengan musuh mereka dalam satu aspek iaitu) mereka dapat mengharapkan dari Allah apa yang tidak dapat diharapkan oleh musuh-musuh mereka.

Pelajaran ini menggambarkan – melalui persoalan-persoalan yang dibicarakannya dan cara-cara penyelesaian yang diikuti olehnya – apa yang sedang berlaku di dalam kelompok Muslimin yang sedang menghadapi kesukaran-kesukaran dan masalah-masalah untuk mengatur pembentukan masyarakat yang realistik dan amali, juga menggambarkan faktor-faktor kelemahan manusia yang sedang berkecamuk di dalam jiwa mereka, iaitu kelemahan-kelemahan akibat keladak-keladak jahiliyah yang silam dan tabi'at fitrah manusia ketika menghadapi kesulitan-kesulitan taklif dan kesakitan-kesakitannya dan di samping kesulitan-kesulitan dan kesakitan-kesakitan ini mereka juga dilambung perasaan-perasaan rindu dan harapan untuk menunaikan taklif itu dengan sempurna. Demikianlah cara Al-Qur'an yang bijaksana merangsangkan perasaan-perasaan itu di dalam fitrah mereka agar mereka bangkit memikul tugas yang agung itu.

Kita melihat semuanya terlukis di celah-celah cerita yang memerikan keadaan yang berlaku, di celah-celah galakan dan perangsangan, dicelah-celah usaha untuk mengubati ketakutan-ketakutan semulajadi dan kesakitan-kesakitanyang berlaku, di celah-celah perintah supaya bersenjatakan solat di medan pertempuran dan perintah supaya mendirikan solat (khauf) khususnya di samping bersenjatakan alat-alat senjata dan kewaspadaan dan bersenjatakan jaminan Allah yang baik kepada orang-orang yang berhijrah dan balasannya yang besar kepada para Mujahidin, juga bersenjatakan pertolongan Allah kepada orang-orang yang keluar berjuang kerana Sabilullah dan seterusnya bersenjatakan kepercayaan kepada 'azab yang amat hina yang telah disediakan Allah kepada orang-orang kafir.

Kita dapat melihat cara Al-Qur'an melayani hati manusia di sa'at-sa'at kuat dan lemahnya dan melayani kelompok insaniyah (kelompok Muslimin) dalam masa pembentukan dan pematangannya. Di sini kita melihat berbagai-bagai tali perasaan yang disentuhkannya dari kelompok itu dalam satu waktu dan ayat yang satu. Kita dapat melihat – terutamanya – bagaimana cara Al-Qur'an mengisi hati kelompok Muslimin dengan perasaan keunggulan dan merasa diri mereka lebih tinggi dari musuh mereka dan dalam waktu yang sama ia mengisi hati mereka dengan sikap hati-hati dan sentiasa berwaspada terhadap bahaya yang mengancam mereka, dan dalam waktu yang sama juga ia menunjukkan titik-titik kelemahan yang ada pada mereka dan memberi peringatan yang keras supaya mengawasinya.

Itulah methodologi Al-Qur'an yang amat menarik dari segi caranya yang sepadu dan sesuai dengan jiwa manusia dan dari segi bilangan tali-tali perasaan yang disentuhkan olehnya pada setiap kali sentuhannya untuk mendapatkan sambutan mereka.

Kelebihan di dalam methodologi tarbiyah dan kelebihannya dalam penyusunan masyarakat merupakan ciri perbezaan yang nyata di antara masyarakat Islam dengan masyarakat-masyarakat yang lain yang wujud di sekelilingnya. Kelebihan yang menonjol inilah juga merupakan faktor yang paling

jelas – yang dilihat manusia – yang memungkinkan masyarakat Islam yang masih muda belia itu – walaupun dalam hidupnya menempuh berbagai-bagai keadaan dan kadang-kadang mengalami kelemahan-kelemahan – dapat menggulung dan mengalahkan masyarakat-masyarakat yang lain, bukan sahaja di dalam perjuangan bersenjata, malah mengalahkannya dalam perjuangan tamadun atau hadharah, di mana hadharah yang muda belia telah menewaskan hadharah yang tua bangka, sistem hidup yang baru telah mengalahkan sistem-sistem hidup yang usang dan contoh-contoh hidup yang baru telah mengalahkan contoh-contoh hidup yang lama dan kelahiran zaman baru itu menandakan kelahiran insan yang baru.

Cukuplah pendahuluan kita sekadar ini sahaja agar kita dapat mentafsirkan nas-nas itu secara terperinci pula:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 95 - 96)

لَّا يَسْتَوِي ٱلْقَٰعِدُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُوْلِي ٱلضَّرَرِ وَٱلْمُجَٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ ۚ فَضَّلَ ٱللَّهُ ٱلْمُجَٰهِدِينَ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ عَلَى ٱلْقَٰعِدِينَ دَرَجَةً ۚ وَكُلًّا وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ وَفَضَّلَ ٱللَّهُ ٱلْمُجَٰهِدِينَ عَلَى ٱلْقَٰعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

دَرَجَٰتٍ مِّنْهُ وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٩٦﴾

"Tidaklah sama darjah orang-orang Mu'min yang duduk (tidak ikut berjihad) – kecuali orang-orang yang uzur – dengan darjah orang-orang yang berjihad kerana Sabilullah dengan harta dan jiwa raga mereka, (malah) Allah telah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka di atas orang-orang yang duduk (tidak ikut berjihad) dengan kelebihan satu darjah dan Allah telah menjanjikan setiap golongan itu dengan balasan yang terbaik (Syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad ke atas orang-orang yang tidak ikut berjihad dengan pahala yang amat besar (95). Itulah darjat-darjat kelebihan, keampunan dan rahmat dari Allah dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(96)

Perangsangan Semangat Jihad

Ayat ini menghadapi satu keadaan yang tertentu yang wujud di dalam masyarakat Islam dan kawasan sekitarnya. Ia bertujuan untuk mengubati satu keadaan kurang giat dan cergas setengah-setengah orang Islam dalam melaksanakan tugas berjihad dengan harta benda dan jiwa raga. Sama ada kumpulan yang dimaksudkan oleh ayat ini ialah kumpulan orang-orang Islam yang tidak ikut berhijrah ke Madinah kerana menjaga harta kekayaan mereka di Makkah dengan sebab kaum Musyrikin tidak membenarkan mana-mana orang yang berhijrah ke Madinah membawa harta benda bersama dengannya atau mereka tidak berhijrah kerana menghindarkan diri daripada kesulitan-kesulitan dan kesukaran-kesukaran hijrah serta berbagai-bagai risikonya dengan sebab kaum Musyrikin tidak akan membiarkan orang-orang Islam berhijrah, malah mereka seringkali bertindak mengurung mereka atau melakukan penindasan-penindasan terhadap mereka – atau lebih tepat menambahkan penindasan mereka – andainya mereka mengetahui bahawa orang-orang Islam itu mempunyai niat untuk berhijrah ke Madinah...... Sama ada kumpulan yang dimaksudkan itu ialah kumpulan orang-orang Islam yang tidak ikut berhijrah – dan inilah pendapat yang kami tarjihkannya – atau kumpulan setengah-setengah orang Islam yang tinggal di negeri Islam sendiri (Madinah) yang tidak begitu aktif berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka, tetapi mereka bukan dari golongan Munafiqin yang menjadi batu penghalang dan pematah semangat yang telah dibicarakan di dalam pelajaran yang telah silam atau kumpulan yang dimaksudkan itu ialah kedua-dua kumpulan Islam itu sekali yang masing-masing tidak aktif dalam perjuangan jihad yang meminta pengorbanan harta benda dan jiwa raga dan tinggal di negeri kafir (Makkah) dan di negeri Islam (Madinah).

Inilah keadaan khusus yang dihadapi oleh ayat ini, tetapi pengungkapan Al-Qur'an yang bertujuan meletakkan satu dasar yang am itu telah membebaskan dasar itu dari segala batas waktu dan dari segala keadaan alam sekitar. Al-Qur'an menjadikan dasar itu satu dasar yang menjadi asas pandangan dan penghargaan Allah terhadap para Mu'minin di setiap zaman dan tempat, iaitu dasar tidak ada persamaan di antara orang-orang Mu'min yang tidak ikut berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka – kecuali mereka yang mempunyai keuzuran dan kelemahan fizikal untuk berjihad – dengan orang-orang Mu'min yang menjadi Mujahidin yang berjuang dengan harta benda dan jiwa raga mereka. Inilah satu dasar am yang mutlak.

لَّا يَسْتَوِي ٱلْقَٰعِدُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُوْلِي ٱلضَّرَرِ وَٱلْمُجَٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ ۚ

"Tidaklah sama darjah orang-orang Mu'min yang duduk (tidak ikut berjihad) – kecuali orang-orang yang uzur – dengan darjah orang-orang yang berjihad kerana Sabilullah dengan harta dan jiwa raga mereka."(95)

Tetapi Al-Qur'an tidak meninggalkan dasar ini dalam keadaan yang kabur begini, malah ia menghuraikannya dengan jelas hakikat ketidaksamaan yang wujud di antara kumpulan itu:

فَضَّلَ ٱللَّهُ ٱلْمُجَٰهِدِينَ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ عَلَى ٱلْقَٰعِدِينَ دَرَجَةً ۚ

"Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka di atas orang-orang yang duduk (tidak ikut berjihad) dengan kelebihan satu darjah,"

Darjah kelebihan ini digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan darjah kedudukan mereka di dalam Syurga.

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhary dan Muslim dari Abu Sa'id al-Khudry bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إن في الجنة مائة درجة أعدها الله للمجاهدين سبيله. وما بين كل درجتين كما بين السماء والأرض

"Sesungguhnya di dalam Syurga terdapat saratus darjah kedudukan yang disediakan kepada para Mujahidin fi Sabilillah dan jarak di antara tiap-tiap dua darjah kedudukan itu ialah sejauh di antara langit dan bumi."

Ujar al-A'masy dari 'Amr ibn Murrah dari 'Ubaydah dari Abdullah ibn Mas'ud katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

من رمي بسهم فله أجره درجة

"Sesiapa yang memanah dengan anak panah (dalam jihad) maka ia akan memperolehi paha satu darjah kedudukan (dalam Syurga)."

"Lalu seorang lelaki bertanya: Wahai Rasulullah, apakah darjah kedudukan itu?" Jawab beliau:

أما إنها ليست بعتبة أمك، ما بين الدرجتين مائة عام

"Sesungguhnya darjah kedudukan itu bukannya setinggi anak-anak tangga di hadapan pintu rumah ibu engkau, bahkan jarak di antara dua darjah kedudukannya (di dalam Syurga) itu ialah sejauh seratus tahun perjalanan."

Pada hemat kita, pada hari ini kitalah yang lebih berkemampuan untuk memahami jarak jauh yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. itu setelah kita mengetahui setengah-setengah jarak jauh alam buana hingga kita tahu bahawa cahaya dari sesuatu bintang itu mengambil masa ratusan tahun cahaya untuk sampai kepada suatu planet. Para sahabat yang mendengar penerangan Rasulullah s.a.w. mempercayai begitu sahaja segala apa yang dijelaskan oleh beliau, tetapi bagi kita (di zaman ini) sebagaimana yang telah saya katakan tadi – selain dari mempercayai penjelasan Rasulullah s.a.w., maka kita juga mungkin lebih berkemampuan untuk memahami jarak-jarak jauh itu berdasarkan apa yang telah diketahui tentang setengah-setengah jarak jauh alam buana yang mengkagumkan itu.

Setelah menjelaskan perbezaan darjah di antara orang-orang Mu'min yang tidak ikut berjihad – kecuali mereka yang berkeuzuran – dengan orang-orang Mu'min yang menjadi Mujahidin yang berjuang dengan harta benda dan jiwa raga mereka, maka ayat yang berikut kembali menjelaskan bahawa Allah telah menjanjikan kedua-dua kumpulan itu dengan balasan yang baik:

وَكُلًّا وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلْحُسْنَىٰ

"Dan Allah telah menjanjikan setiap golongan itu dengan balasan yang terbaik (Syurga)."

Ini disebabkan kerana keimanan itu sendiri mempunyai timbangan beratnya dan nilainya dalam segala apa keadaan walaupun pemilik-pemilik keimanan itu mempunyai darjah-darjah yang berbeza-beza mengikut perbezaan mereka dalam prestasi menunaikan tugas-tugas keimanan yang berhubung dengan jihad yang mengorbankan harta benda dan jiwa raga.

Dari kenyataan dan hemat ini kita dapat memahami bahawa mereka yang tidak ikut berperang itu bukannya dari kumpulan Munafiqin yang menjadi batu penghalang atau pematah semangat, malah mereka adalah satu kumpulan yang lain, iaitu satu kumpulan yang baik dan ikhlas di dalam barisan Muslimin, tetapi mereka lemah dan taqsir dalam bidang jihad. Oleh sebab itu Al-Qur'an menggalakkan mereka supaya mengatasi kelemahan dan ketaqsiran itu. Ia mengharapkan kebaikan dari mereka dan mengharapkan agar seruan jihad itu disahuti mereka.

Setelah selesai mengemukakan kenyataan yang hemat itu Al-Qur'an kembali pula menerangkan dasar yang pertama tadi, iaitu ia kembali untuk menekan dan meluaskan lagi huraiannya serta meningkatkan galakannya supaya mereka mencari pahala yang amat besar di sebaliknya:

وَفَضَّلَ ٱللَّهُ ٱلْمُجَٰهِدِينَ عَلَى ٱلْقَٰعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

"Dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad ke atas orang-orang yang tidak ikut berjihad dengan pahala yang amat besar."(95)

دَرَجَٰتٍ مِّنْهُ وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٩٦﴾

"Itulah darjah-darjah kelebihan, keampunan dan rahmat dari Allah dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(96)

Hakikat Jiwa Dan Hakikat Nilai Jihad

Penekanan ini, janji-janji ini, sanjungan-sanjungan yang tinggi kepada para Mujahidin ini, kelebihan kedudukan mereka di atas orang-orang yang tidak berjihad ini, sebutan darjah-darjah pahala yang amat besar dan sebutan keampunan dan rahmat Allah terhadap dosa-dosa dan ketaqsiran yang sangat diingini oleh hati orang yang Mu'min ini membayangkan dua hakikat penting:

Hakikat yang pertama ialah ayat-ayat ini adalah menghadapi keadaan-keadaan yang wujud di dalam kelompok Muslimin dan berusaha untuk mengubati dan mengatasinya sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini. Ini sudah cukup membuat kita lebih banyak dapat memahami tabi'at jiwa manusia dan tabi'at kelompok manusia. Walaupun setinggi mana

mereka telah mencapai kelebihan di bidang keimanan dan tarbiyah Islamiyah, namun mengubati kelemahan, ketamakan, kebakhilan dan ketaqsiran yang timbul secara mendadak ketika menghadapi tugas-tugas jihad dengan harta benda dan jiwa raga dan dengan keikhlasan hati kepada Allah dan kepada Sabilullah. Kemunculan sifat-sifat manusia ini, iaitu sifat-sifat lemah, tamak, bakhil dan taqsir tidak seharusnya membawa kepada putus asa terhadap seseorang atau kelompok dan tidak seharusnya pula membawa kepada tindakan berlepas tangan dari mereka dan memandang hina kepada mereka selama sifat keikhlasan, keseriusan, kasihkan barisan Muslimin dan keinginan berhubung dengan Allah masih ada pada mereka. Tetapi ini bukanlah bererti memberi pengi'tirafan kepada kelemahan, ketamakan, kebakhilan dan ketaqsiran yang terbit dari seorang atau dari kelompok Muslimin atau bererti menyeru mereka supaya merebahkan diri di kaki bukit yang rendah dengan anggapan bahawa semua sifat-sifat ini merupakan sebahagian daripada realiti mereka, malah mereka pastilah diseru dengan segala macam seruan agar mereka meninggalkan kaki bukit yang rendah itu dan meningkat naik ke kemuncaknya yang tinggi sebagaimana kita lihat dalam methodologi tarbiyah Rabbani yang bijaksana di sini.

Hakikat yang kedua ialah nilai jihad dengan harta benda dan jiwa raga di dalam neraca Allah dan pertimbangan agama ini, juga keaslian ciri jihad di dalam agama dan sistem hidup Rabbani ini kerana ilmu Allah S.W.T. mengetahui hakikat jalan perjuangan da'wah, tabi'at manusia dan tabi'at khemah-khemah yang menentang Islam di detiap zaman.

"Jihad" bukannya satu gejala yang baru dan mendadak dari gejala-gejala zaman itu, malah jihad adalah suatu keperluan yang mengiringi angkatan da'wah. Persoalan jihad bukanlah sebagaimana yang telah disalah faham oleh setengah-setengah orang yang lurus kerana Islam muncul di zaman empayar-empayar yang besar lalu timbullah di dalam fikiran penganut-penganut Islam kerana mengambil contoh dari keadaan sekeliling mereka bahawa mereka perlu mempunyai kekuatan yang gagah untuk menjaga imbangan kuasa.

Pendapat yang seperti ini sekurang-kurangnya membuktikan bahawa betapa kecilnya hubungan hakikat Islam yang tulen dengan jiwa mereka yang mengeluarkan tekaan-tekaan dan sangkaan-sangkaan yang seperti ini.

Andainya jihad itu suatu gejala yang baru dan mendadak di dalam kehidupan umat Muslimin tentulah pembicaraan-pembicaraan jihad tidak menjadi pembicaraan-pembicaraan pokok di dalam kitab Allah yang dihuraikan dengan uslub yang menarik seperti ini dan tentulah pembicaraan-pembicaraan jihad tidak menjadi isi kandungan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang banyak yang dibentangkan dengan uslub yang menarik seperti ini.

Andainya jihad itu suatu gejala yang baru dan mendadak tentulah Rasulullah s.a.w. tidak melafazkan sabdanya yang berikut yang dituju kepada setiap Muslim sehingga sampai Qiamat:

من مات ولم يغز ولم يحدث نفسه بغزو مات على شعبة من النفاق

"Sesiapa yang mati tanpa berjihad dan tanpa bercita-cita untuk berjihad, maka bererti dia mati di atas satu cabang dari nifaq" [33]

Andainya Rasulullah s.a.w. di dalam beberapa kes perseorangan telah menolak setengah-setengah orang yang mahu berjihad kerana sebab-sebab kekeluargaan yang tertentu bagi mereka sebagaimana cerita yang disebut dalam sebuah hadith yang sahih bahawa ada seorang lelaki menawar diri kepada Nabi s.a.w.: "Saya mahu berjihad" lalu beliau bertanya: "Adakah engkau mempunyai kedua ibubapa?" Jawab lelaki itu: "Ya" lalu beliau pun bersabda:

ففيهما جاهد

"Berjihadlah engkau dengan membuat kebaktian kepada keduanya."

Dan andainya beliau berkata begitu, maka itu adalah kes perseorangan yang tidak membatalkan dasar umum jihad, dan satu individu tidak mengurangkan para Mujahidin yang ramai. Mungkin Rasulullah s.a.w. – mengikut kebiasaannya mengetahui setiap keadaan pengikutnya seorang demi seorang itu – memang mengetahui tentang keadaan lelaki itu dan kedua orang tuanya dan kerana itulah beliau memberi arahan seperti itu kepadanya.

Jihad Satu Keperluan

Oleh itu jangan sesiapa yang berkata – berdasarkan penolakan Rasulullah s.a.w. itu – bahawa jihad itu suatu gejala yang baru yang timbul dengan sebab beberapa keadaan yang tertentu dan kini keadaan-keadaan itu telah berubah.

Tetapi ini bukanlah pula bererti Islam perlu menghunuskan pedangnya atau perlu membawa pedang di tengah jalan untuk memenggal kepala manusia, malah Islam memerlukan jihad kerana realiti hidup manusia dan hakikat jalan yang dilalui da'wah memerlukan memegang pedang dan bersikap berhati-hati dan waspada di setiap waktu.

Allah S.W.T. mengetahui bahawa agama ini tidak disukai oleh raja-raja dan Allah mengetahui lambat-laun mereka yang berkuasa pasti akan menentang agama ini, kerana agama ini membawa satu cara hidup yang berlainan dari cara hidup mereka dan satu sistem hidup yang bertentangan dengan sistem hidup mereka bukan sahaja pada masa-masa dahulu, tetapi pada masa ini dan masa-masa akan datang di setiap negeri dan generasi manusia.

---

[33] *Di keluarkan oleh penyusun* "مصابيح السنة فى الصحاح"

Allah S.W.T. mengetahui bahawa kejahatan itu sombong dan bongkak. Ia tidak mungkin bersifat adil dan insaf. Ia tidak mungkin membiarkan kebaikan itu berkembang subur walaupun kebaikan itu mengikut jalan-jalan yang aman dan damai, kerana ia tahu bahawa kesuburan dan perkembangan kebaikan akan membawa padah dan bahaya kepadanya dan kewujudan kebenaran akan membawa malapetaka kepada kebathilan. Oleh sebab itu kejahatan pasti bertindak menceroboh dan kebathilan pasti mempertahankan dirinya dengan berusaha membunuh kebenaran dan mencekikkannya dengan sekuat-kuatnya.

Ini adalah suatu tabi'at semulajadi bukannya suatu gejala yang baru dan mendadak, yang muncul untuk beberapa waktu sahaja.

Ini adalah suatu fitrah bukannya suatu keadaan yang baru muncul.

Oleh sebab itu jihad merupakan suatu kepastian dan keperluan dalam segala bentuk. Ia pasti di mulakan di alam hati nurani kemuadian di alam hakikat atau realiti atau alam kenyataan. Kejahatan yang bersentajata pasti ditentang dengan kebaikan bersenjata dan kebathilan yang dipertahankan dengan bilangan yang ramai pasti dilawan dengan kebenaran yang memegang berbagai-bagai senjata, jika tidak, maka ia mengertikan suatu pembunuhan diri atau suatu sendaan yang tidak layak dengan orang-orang yang beriman.

Oleh sebab itu pengorbanan harta benda dan jiwa raga merupakan suatu kepastian di dalam jihad sebagaimana yang dituntut oleh Allah S.W.T. dari orang-orang yang beriman, juga sebagaimana Allah telah membeli dari mereka jiwa raga dan harta benda mereka dengan balasan Syurga untuk mereka......sama ada mereka ditakdirkan mendapat kemenangan dalam perjuangan itu atau ditakdirkan mendapat kelebihan mati syahid dalam peperangan itu, maka semuanya itu adalah urusan Allah dan itulah takdirnya yang disertakan dengan hikmat kebijaksanaan-Nya. Adapun mereka, maka mereka tetap akan menerima salah satu dari balasan yang terbaik di sisi Allah (iaitu sama ada mendapat kemenangan atau gugur syahid) dan seluruh manusia itu mati belaka apabila sampai ajal masing-masing dan hanya orang-orng yang gugur di medan jihad sahaja yang mendapat kelebihan mati syahid.

Di sana terdapat asas-asas yang kukuh di dalam agama ini, iaitu di dalam sistemnya yang realistik dan di dalam garis persoalannya yang tetap dan kepastian-kepastiannya yang semulajadi yang tidak ada hubungan dengan perubahan-perubahan keadaan.

Asas-asas ini tidak seharusnya menjadi cair dan lembik dalam tanggapan Mu'minin walau di bawah tekanan keadaan apa pun, di antara asas-asas itu ialah jihad yang dibicarakan Allah di sini, iaitu jihad kerana Sabilullah sahaja dan di bawah panji-panji Allah sahaja. Inilah jihad yang menamakan orang-orang yang gugur di dalam perjuangan sebagai para Syuhada' yang disambut oleh para malaikat tertinggi dengan penuh kemuliaan dan penghormatan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 97 – 99)

Kaum Muslimin Yang Tidak Sanggup Berjihad

Selepas itu ayat-ayat yang berikut membicarakan tentang segolongan orang-orang Islam yang terus duduk dan tidak ikut berhijrah. Mereka terus menetap di negeri kafir dan tidak berhijrah ke Madinah. Mereka telah ditahan oleh harta benda dan kepentingan-kepentingan mereka atau mereka telah dihalang oleh kelemahan mereka untuk menghadapi kesulitan-kesulitan berhijrah dengan kesukaran-kesukaran perjalanan, sedangkan mereka mampu berhijrah jika mereka mahu dan berazam untuk berkorban, tetapi mereka terus menetap di negeri kafir sehingga sampai ajal mereka dan datang malaikat mengambil nyawa mereka. Ayat-ayat yang berikut menceritakan hal mereka dan menggambarkan keadaan mereka dengan satu gambaran yang hina dan keji dengan tujuan untuk membangkitkan semangat setiap orang dari mereka supaya berhijrah menyelamatkan agama dan 'aqidah dan seterusnya menyelamatkan nasib kesudahan mereka di sisi Allah dari kedudukan yang hina yang digambarkannya itu.

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِىٓ أَنفُسِهِمْ قَالُوا۟ فِيمَ
كُنتُمْ ۖ قَالُوا۟ كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ قَالُوٓا۟ أَلَمْ تَكُنْ
أَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةً فَتُهَاجِرُوا۟ فِيهَا ۚ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ
وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾
إِلَّا ٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ
لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا ﴿٩٨﴾
فَأُو۟لَٰٓئِكَ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَعْفُوَ عَنْهُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٩٩﴾

"Sesungguhnya orang yang diambil nyawa mereka oleh malaikat dalam keadaan menganiayai diri sendiri adalah telah ditanya oleh malaikat kepada mereka: 'Bagaimana keadaan kamu? Jawab mereka: 'Kami adalah golongan yang tertindas di dalam negeri ini (Makkah)'. Ujar para malaikat: 'Bukankah bumi Allah itu begitu luas hingga kamu boleh berhijrah ke sana?' Orang-orang seperti itu tempat kediaman mereka ialah api Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kembali (97). Kecuali orng-orang yang benar-benar tertindas dari kaum lelaki, kaum perempuan dan kanak-kanak yang tidak mempunyai daya upaya dan tidak mengetahui jalan untuk berhijrah (98). Maka orang-orang yang seperti itu adalah diharap semoga Allah mema'afkan

mereka dan Allah Maha Pema'af dan Maha Pengampun."(99)

Ayat ini menghadapi satu keadaan yang benar-benar wujud di Semenanjung Tanah Arab – Makkah dan lain-lainnya – selepas hijrah Rasulullah s.a.w. dan setelah terdirinya kerajaan Islam yang berdaulat. Di waktu itu terdapat orang-orang Islam yang tidak ikut berhijrah. Mereka telah dihalang oleh harta benda dan kepentingan-kepentingan mereka kerana kaum Musyrikin tidak akan membenarkan sesiapa pun dari mereka berhijrah dengan membawa harta benda bersama dengan mereka atau tidak ikut berhijrah disebabkan bimbang dan takut menghadapi kesulitan-kesulitan berhijrah, kerana kaum Musyrikin tidak akan membiarkan orang Islam berhijrah. Mereka akan berusaha menahannya dan menunggunya ditengah-tengah jalan (untuk menangkapnya). Di samping itu di sana terdapat pula golongan-golongan orang Islam yang tidak dapat berhijrah kerana dihalang oleh kelemahan yang sebenar. Mereka terdiri dari orang-orang tua, kaum perempuan dan kanak-kanak yang tidak mampu berikhtiar untuk melarikan diri dan tidak mendapat jalan untuk berhijrah.

Kaum Musyrikin telah bertindak dengan sewenang-wenang menindas kumpulan orang-orang Islam yang tertinggal itu setelah mereka gagal untuk menangkap Rasulullah s.a.w. dan sahabatnya (Abu Bakr r.a.) untuk menahan keduanya dari berhijrah. Dan setelah tertubuhnya kerajaan Islam yang berdaulat (di Madinah) dan setelah kerajaan Islam berjaya menganggu perniagaan kaum Quraisy di Badar dan setelah kaum Muslimin mendapat kemenangan yang gilang-gemilang di dalam peperangan Badar, maka kaum Musyrikin mulai melakukan berbagai-bagai penyeksaan dan penindasan terhadap orang-orang Islam yang tertinggal untuk meluahkan kemarahan dan dendam kesumat mereka yang berkobar-kobar itu.

Setengah-setengah mereka benar-benar ditindas dan diseksa supaya meninggalkan agama mereka hingga mereka terpaksa berpura-pura menzahirkan kekafiran untuk menyelamatkan diri mereka dan mereka terpaksa turut serta di dalam upacara ibadat kaum Musyrikin. Dasar tarqiyah atau polisi berpura-pura untuk menyelamatkan diri ini adalah dibenarkan kepada mereka ketika mereka belum lagi mempunyai sebuah kerajaan Islam yang berdaulat yang dapat mereka berhijrah kepadanya apabila mereka mampu, tetapi setelah terdirinya kerajaan Islam yang berdaulat dan setelah wujudnya negara Islam, maka perbuatan tunduk kepada penindasan atau langkah menggunakan polisi taqiyah – sedangkan langkah berhijrah dan menzahirkan keislaman secara terang-terangan dan bertindak hidup di negara Islam dapat dilakukan – adalah satu perbuatan yang tidak boleh diterima.

Dalam keadaan beginilah ayat-ayat ini diturunkan. Ia menamakan orang-orang yang duduk di sana dan tidak ikut berhijrah kerana menjaga harta benda dan kepentingan-kepentingan atau kerana takut kepada kesulitan-kesulitan berhijrah dan kepayahan-kepayahan di dalam perjalanan sehingga mereka mati di sana sebagai "orang-orang yang menganiayai diri sendiri" kerana mereka menafikan diri mereka dari keni'matan hidup di negeri Islam, iaitu satu kehidupan yang luhur, bersih dan bebas. Mereka memaksa diri mereka hidup di negeri kafir, iaitu satu kehidupan yang hina-dina, lemah dan tertindas. Ayat ini mengancam mereka dengan balasan seksa.

فَأُوْلَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾

"Orang-orang seperti itu tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kembali."(97)

Ancaman ini membuktikan bahawa orang-orang yang dimaksudkan oleh ayat ini ialah kumpulan orang-orang Islam yang ditindas dan diseksa di sana supaya menukarkan agama mereka.

Tetapi pengungkapan Al-Qur'an – mengikut uslubnya – mengungkapkan keadaan mereka dengan satu gambaran dan pemandangan yang hidup, penuh dengan harakat dan dialog:

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِىٓ أَنفُسِهِمْ قَالُوا۟ فِيمَ كُنتُمْ ۖ قَالُوا۟ كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ قَالُوٓا۟ أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةً فَتُهَاجِرُوا۟ فِيهَا ۚ

"Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawa mereka oleh malaikat dalam keadaan menganiayai diri sendiri adalah telah ditanya oleh malaikat kepada mereka: 'Bagaimana keadaan kamu?' Jawab mereka: 'Kami adalah golongan yang tertindas di negeri ini (Makkah)'. Ujar para malaikat: "Bukankah bumi Allah itu begitu luas hingga kamu boleh berhijrah ke sana?"

Al-Qur'an bertujuan mengubati jiwa manusia dan menggerakkan sifat-sifat yang baik dan mulia yang ada pada diri mereka di samping memburu sifat-sifat yang lemah, bakhil, tamak dan berat malas. Dalam ayat ini Al-Qur'an menggambarkan satu hakikat dan menggunakan hakikat ini pada tempatnya dengan sebaik-baik penggunaan untuk mengubati jiwa manusia.

Pemandangan manusia dalam sa'at-sa'at sedang menghadapi kedatangan maut adalah satu pemandangan yang membuat hati manusia menggigil takut dan berhati-hati untuk memahami dan memikirkan apa yang berlaku di sa'at-sa'at itu. Penonjolan malaikat di dalam pemandangan itu membuat hati bertambah menggigil, berhati-hati dan peka.

Orang-orang Islam yang terus tinggal di negeri kafir dan tidak ikut berhijrah itu telah menzalimkan diri dan para malaikat mencabutkan nyawa mereka telah pun hadir untuk mematikan mereka dalam keadaan mereka sedang menganiayai diri mereka. Kenyataan ini sahaja sudah cukup untuk membuat hati mereka

gugup dan menggigil, kerana tentulah cukup bagi seseorang itu memikirkan keadaan dirinya sedang didatangi malaikat untuk mematikannya sedangkan dia di waktu itu telah menzalimi diri sendiri dan tidak lagi mempunyai peluang yang lain untuk berlaku adil terhadap dirinya kerana inilah detik hidup yang terakhir baginya.

Tetapi para malaikat tidak mematikan mereka dengan diam, malah mereka membongkarkan masa silam mereka dan mengecam perbuatan mereka sambil bertanya mereka: Untuk apakah kamu habiskan hari siang dan hari malam kamu? Apakah kerja dan kesibukan kamu di dunia?

قَالُوا فِيمَ كُنتُمْ

"Ditanya oleh malaikat kepada mereka: Bagaimana keadaan kamu?"

Sesungguhnya selama ini mereka di dalam kerugian dan kesesiaan seolah-olah mereka tidak mempunyai suatu kerja yang lain dari kerugian dan kesesiaan.

Kemudian mereka sedang berada di dalam detik-detik nazak maut itu menjawab kecaman ini dengan jawapan yang seluruhnya membayangkan kehinaan, sedangkan mereka menyangkakan jawapan itu boleh dijadikan alasan kema'afan atas kedudukan mereka yang hina.

قَالُوا كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِي الْأَرْضِ

"Jawab mereka: Kami adalah golongan yang tertindas di negeri ini (Makkah)."

Yakni kami golongan yang tertindas oleh orang-orang yang kuat. Kami adalah orang-orang yang dihina di negeri ini dan kami tidak dapat berbuat apa-apa terhadap kedudukan kami.

Walaupun jawapan itu menggambarkan keadaan hidup yang hina yang menimbulkan perasaan memandang rendah dan membuat setiap hati merasa tidak suka mempunyai kedudukan seperti itu di sa'at hampir mati walaupun ia menghayati kedudukan itu di sepanjang hidupnya, tetapi para malaikat pencabut nyawa tidak membiarkan mereka yang telah menzalimi diri sendiri itu begitu sahaja, malah mereka semukakan mereka dengan hakikat yang sebenar dan membidas mereka kerana tidak mahu berusaha dan merebut peluang yang terbuka:

قَالُوا أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةً فَتُهَاجِرُوا فِيهَا

"Ujar para malaikat: Bukankah bumi Allah itu begitu luas hingga kamu boleh berhijrah ke sana?"(97)

Sebenarnya bukanlah kerana kelemahan yang haqiqi yang mendorong orang-orang ini sanggup menerima kehinaan, penindasan dan penyeksaan yang dituju untuk menggugatkan iman mereka, malah di sana ada sesuatu dorongan yang lain. Ketamakan dan kesayangan mereka terhadap harta benda, kepentingan-kepentingan dan jiwa mereka itulah sebabnya yang sebenar yang mendorong mereka menetap di negeri kafir walaupun di sana ada negeri Islam. Ia mendorong mereka sanggup hidup di bumi yang sempit walaupun di sana ada bumi yang luas, sedangkan berhijrah ke sana boleh dilakukan walaupun dengan menanggung kepayahan-kepayahan dan pengorbanan-pengorbanan.

Di sini Al-Qur'an mengakhiri pemandangan yang mengocak hati itu dengan menyebut penghabisan hidup yang menakutkan:

فَأُولَٰئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾

"Orang-orang seperti itu tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kembali."(97)

Kemudian di dalam ayat yang berikut Al-Qur'an mengecualikan orang-orang Islam yang benar-benar tidak berdaya dan terpaksa menetap di negeri kafir menghadapi penindasan-penindasan yang bertujuan menggugatkan pegangan agama mereka dan menghadapi penafian dari keni'matan hidup di negeri Islam. Mereka terdiri dari orang-orang tua yang lemah, kaum perempuan dan kanak-kanak. Al-Qur'an memberi harapan kepada mereka untuk mendapat keampunan dan rahmat Allah dengan sebab keuzuran yang nyata dan kelemahan mereka yang sebenar dari melarikan diri:

إِلَّا الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ
لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا ﴿٩٨﴾
فَأُولَٰئِكَ عَسَى اللَّهُ أَن يَعْفُوَ عَنْهُمْ وَكَانَ اللَّهُ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٩٩﴾

"Kecuali orang-orang yang benar-benar tertindas dari kaum lelaki, kaum perempuan dan kanak-kanak yang tidak mempunyai daya upaya dan tidak mengetahui jalan untuk berhijrah (98). Maka orang-orang yang seperti itu adalah diharap semoga Allah mema'afkan mereka dan Allah Maha Pema'af dan Maha Pengampun."(99)

Hukum ini berkuatkuasa hingga akhir zaman. Ia menjangkau peristiwa tertentu yang telah dihadapi oleh ayat pada masa ini pada masa yang tertentu dan di tempat yang tertentu. Hukum ini akan terus menjadi satu hukum yang am yang membabit setiap Muslim yang ditindas untuk menggugatkan pegangan agamanya di mana-mana negeri kemudian dia dihalang oleh harta benda dan kepentingan-kepentingannya atau dihalang oleh ketakutannya kepada kesulitan-kesulitan dan kesukaran-kesukaran berhijrah jika di sana – di mana-mana tempat di bumi ini – ada negara Islam yang menjamin keselamatan agamanya dan membolehkannya menzahirkan 'aqidahnya dengan terang-terangan dan menunaikan ibadatnya dengan bebas dan seterusnya membolehkannya menghayati kehidupan Islamiyah di

bawah naungan syari'at Islam dan meni'mati taraf kehidupan yang luhur ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 100)

Rangkaian ayat yang berikut meneruskan pembicaraannya untuk mengubati jiwa manusia yang sedang menghadapi kesulitan-kesulitan, kesukaran-kesukaran, ketakutan-ketakutan dan kebimbangan-kebimbangan berhijrah, sedangkan di dalam ayat-ayat yang telah silam keadaan-keadaan ini telah diubati dengan menayangkan pemandangan yang menimbulkan perasaan merasa terhina dan takut dan di sini Al-Qur'an mengubati dengan cara menyebutkan perkara-perkara yang menimbulkan ketenangan dan keyakinan sama ada orang yang berhijrah itu sampai ke tempat tujuannya atau mati di tengah jalan dalam perjalanan hijrah kerana fi Sabilillah, iaitu dengan menyebut jaminan Allah terhadap orang yang berhijrah yang bermula dari detik ia keluar dari rumahnya dengan niat berhijrah dan dengan menyebut janji Allah yang sanggup memberi keluasan dan tempat yang bebas kepada di muka bumi ini dan ia tidak lagi merasa hidup terkurung atau terkepung di lorong dan di jalan-jalan bukit.

Orang-orang Yang Sanggup Berhijrah Dijanjikan Dengan Bumi Yang Luas Dan Hidup Yang Selesa.

وَمَن يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يَجِدْ فِي ٱلْأَرْضِ مُرَٰغَمًا كَثِيرًا وَسَعَةً ۚ وَمَن يَخْرُجْ مِنۢ بَيْتِهِۦ مُهَاجِرًا إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ يُدْرِكْهُ ٱلْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُۥ عَلَى ٱللَّهِ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٠﴾

"Dan sesiapa yang berhijrah kerana Sabilullah akan dapati di bumi ini banyak tempat-tempat yang mewah dan hidup yang selesa dan sesiapa yang keluar dari rumahnya untuk berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya kemudian ia ditemui maut, maka pahala balasannya telah disanggupi Allah dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(100)

Di dalam ayat ini methodologi Rabbani Al-Qur'an mengubati berbagai-bagai ketakutan dan kebimbangan manusia ketika ia berhadapan dengan keadaan-keadaan yang wujud seperti itu dan mungkin ketakutan-ketakutan itu atau ketakutan-ketakutan yang serupa dengannya berulang-ulang di setiap waktu.

Al-Qur'an mengubati jiwa manusia dengan terus terang. Ia tidak menyembunyikan sesuatu ketakutan dan suatu bahaya darinya termasuk bahaya maut, tetapi ia mencurahkan ke dalam hati mereka rasa ketenangan dan kepercayaan terhadap hakikat-hakikat yang lain dan terhadap jaminan Allah S.W.T.

Oleh itu Al-Qur'an pertama-tama menentukan bahawa hijrah itu hendaklah kerana Sabilullah. Inilah satu-satunya hijrah yang dihargai dan dipandang tinggi oleh Islam. Ia bukannya hijrah kerana mencari kekayaan atau hijrah kerana mencari keni'matan atau kerana ingin memenuhi keinginan nafsu atau hijrah kerana sesuatu kesenangan hidup dunia. Sesiapa yang berhijrah kerana Sabilullah ia akan menemui bahawa bumi ini masih amat luas dan lapang dan dia tidak akan merasa hidup dalam kesempitan lagi dan tikan akan merasa kehilangan ikhtiar dan jalan untuk mendapat keselamatan, memperolehi rezeki dan meni'mati hidup:

وَمَن يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يَجِدْ فِي ٱلْأَرْضِ مُرَٰغَمًا كَثِيرًا وَسَعَةً ۚ

"Dan sesiapa yang berhijrah kerana Sabilullah akan dapati di bumi ini banyak tempat-tempat yang mewah dan hidup yang selesa."(100)

Hanya kelemahan jiwa, ketamakan dan kebakhilannya sahaja yang membuat seseorang itu berfikir bahawa jalan untuk hidup dan untuk mendapat rezeki adalah bergantung dengan negeri yang tertentu sahaja atau terikat dengan keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang tertentu sahaja dan andainya ia terpisah dari negeri, keadaan dan suasana itu, maka dia tidak akan mendapat jalan hidup lagi.

Pemikiran dan kefahaman yang bohong mengenai hakikat punca-punca rezeki, punca-punca hidup dan keselamatan inilah yang membuat manusia sanggup menerima kehinaan dan kezaliman dan sanggup menutup mulut terhadap penindasan yang menggugatkan agama mereka, kemudian mereka akan menerima nasib kesudahan yang malang, iaitu nasib kesudahan mereka yang telah dimatikan malaikat dalam keadaan menzalimi diri sendiri. Allah S.W.T. telah menjelaskan di dalam ayat ini hakikat yang dijanjikan kepada setiap orang yang berhijrah kepada Allah, iaitu dia akan mendapati di bumi Allah negeri yang bebas dan selesa dan dia akan mendapati di setiap tempat yang ditujuinya bahawa Allah sentiasa memberi kemudahan-kemudahan hidup, rezeki dan keselamatan kepadanya.

Tetapi kadang-kadang seseorang itu didatangi ajalnya sewaktu dalam perjalanan hijrah kerana Sabilullah, sedangkan maut – sebagaimana telah diterangkan sebelum ini – tidak mempunyai hubungan dengan sebab-sebab yang zahir, malah maut merupakan suatu kepastian yang telah ditetapkan apabila sampai ajal yang tersurat sama ada ia menetap di sebuah negeri atau berhijrah darinya, kerana ajal tidak boleh dipercepat dan tidak boleh ditunda.

Tetapi manusia selalu mempunyai fikiran-fikiran dan perasaan-perasaan yang terpengaruh kepada sebab-sebab yang zahir dan cara didikan Al-Qur'an memang memberi perhatian kepada hakikat ini dan berusaha mengubatinya. Oleh itu Al-Qur'an memberi jaminan Allah yang sanggup mengurniakan pahala kepada

mereka mulai dari langkah pertama mereka meninggalkan rumah mereka untuk berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya:

وَمَن يَخْرُجْ مِنۢ بَيْتِهِۦ مُهَاجِرًا إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ يُدْرِكْهُ
ٱلْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُۥ عَلَى ٱللَّهِ

"Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya untuk berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya kemudian ia ditemui maut, maka pahala balasannya telah disanggupi Allah."(100)

Yang dimaksudkan dengan "pahalanya" dalam ayat ini ialah seluruh pahalanya, iaitu pahala hijrah, perjalanan dan kesampaian ke negeri Islam serta pahala hidup di dalam negeri Islam. Apakah lagi jaminan yang lebih terjamin dari jaminan Allah?

Di samping jaminan pahala digandingkan pula (dalam ayat · yang berikut) dengan saranan keampunan terhadap dosa dan rahmat di dalam hisab amalan. Ini adalah suatu kelebihan yang lain di damping jaminan pahala itu.

وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٠﴾

"Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(100)

Ini tidak syak suatu perniagaan yang amat menguntungkan, di mana orang yang berhijrah itu dapat menerima semua bayarannya mulai dari langkah pertama lagi, iaitu langkah keluar meninggalkan rumah kerana berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya. Maut tetap maut pada waktu yang telah ditetapkan Allah tanpa dapat ditundakan lagi dan ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan hijrah atau dengan menetap di suatu negeri. Andainya seseorang itu menetap di suatu negeri dan tidak keluar dari rumahnya nescaya ia akan tetap didatangi maut pada waktunya yang telah ditetapkan Allah dan ketika ini ia akan mendapat kerugian yang amat besar di dalam perniagaan hijrah itu, kerana dia tidak akan mendapat sebarang pahala dan tidak pula mendapat keampunan dan rahmat, malah malaikat akan datang mencabut nyawanya dalam keadaan ia menzalimi diri sendiri.

Alangkah jauhnya perbezaan di antara dua perniagaan itu dan alangkah jauhnya perbezaan di antara dua kesudahan hidup itu!

* * * * * *

Saripati Dari Ayat-ayat Yang Lepas

Kita dapat saripatikan dari ayat-ayat yang telah kita huraikan di dalam perjalanan ini hingga setakat ini beberapa pengajaran yang boleh kita simpulkan di sini sebelum kita menjangkau kepada maudhu' yang lain yang masih tinggal dari pelajaran ini.

Di antaranya yang dapat kita saringkan ialah kebencian Islam terhadap sikap tidak ikut berjihad kecuali mereka yang dima'afkan Allah dari orang-orang yang mempunyai keuzuran dan orang-orang yang tidak mendapat ikhtiar dan jalan untuk melakukan hijrah.

Di antara yang dapat kita saripatikan ialah betapa mendalamnya tunjangan akar jihad dan keasliannya di dalam 'aqidah dan sistem Islam, di dalam keperluan-keperluan sistem Rabbani di alam realiti. Kaum syi'ah telah menganggapkan jihad sebagai salah satu dari rukun-rukun Islam. Mereka mempunyai kekuatan nas dan kekuatan realiti yang dapat mentafsirkan arah pegangan mereka jika tidak kerana adanya hadith yang menyatakan bahawa Islam itu adalah diasaskan di atas lima rukun sahaja. Namun demikian kekuatan taklif dengan kewajipan berjihad dan keaslian unsur jihad di dalam kehidupan Islam dan keketaraan keperluan jihad di setiap waktu dan setiap negeri – iaitu keperluan yang bersandarkan kepada kehendak-kehendak semulajadi bukannya kepada kehendak keadaan-keadaan yang muncul untuk beberapa waktu – semuanya menyokong dan menguatkan perasaan yang dirasa begitu mendalam terhadap keseriusan jihad dan keasliannya.

Di antaranya yang dapat disaripatikan ialah jiwa manusia itu tetap jiwa manusia dan kadang-kadang mundur kebelakang apabila berdepan dengan kesulitan-kesulitan dan kepayahan-kepayahan atau kadang-kadang takut menghadapi keadaan-keadaan yang merbahaya dan kadang-kadang merasa malas bila bersua dengan rintangan demi rintangan walaupun dalam zaman yang paling baik dan di dalam masyarakat yang paling baik. Dan methodologi untuk mengubati keadaan itu bukannya dengan mengambil sikap berputus asa terhadap manusia-manusia yang seperti itu, tetapi dengan berusaha menaikkan semangat mereka, memberi galakan, pemberansangan, peringatan dan dalam masa yang sama memberi perasaan ketenangan kepadanya mengikut methodologi Al-Qur'an al-Rabbani yang bijaksana.

Dan akhirnya yang dapat kita saripatikan ialah bagaimana Al-Qur'an menghadapi realiti kehidupan dan bagaimana ia memimpin masyarakat Islam dan memasuki perjuangan di segala medannya dan medan perjuangan pertama ialah jiwa manusia, tabi'at-tabi'at semulajadinya dan keladak-keladak jahiliyahnya dan sebagaimana kita seharusnya membaca Al-Qur'an dan berinteraksi dengannya ketika menghadapi realiti jiwa dengan berda'wah kepada Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 101)

Selepas itu ayat yang berikut menghuraikan sesuatu rukhsah (kemudahan) yang dibenarkan kepada orang-orang yang berhijrah atau orang-orang yang musafir di bumi untuk berjihad atau menjalankan perniagaan apabila mereka berada dalam keadaan ketakutan atau kebimbangan ditangkap oleh orang-orang kafir

sebagai orang-orang tawanan yang akan ditindas dan diseksakan mereka supaya meninggalkan agama mereka. Kemudahan itu ialah kemudahan menqasarkan solat – ini lain dari solat Qasar yang dibenarkan kepada orang yang musafir umumnya sama ada ia takut kepada penindasan orang kafir atau tidak – malah ini adalah solat Qasar yang khusus.

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي ٱلْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَقْصُرُوا۟
مِنَ ٱلصَّلَوٰةِ إِنْ خِفْتُمْ أَن يَفْتِنَكُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ ۚ إِنَّ
ٱلْكَـٰفِرِينَ كَانُوا۟ لَكُمْ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿١٠١﴾

"Dan apabila kamu keluar merantau di bumi, maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu memendekkan (menqasarkan) solat jika kamu takut diserang orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu adalah musuh-musuh yang amat nyata terhadap kamu."(101)

Orang yang musafir atau merantau di bumi amat memerlukan kepada hubungan yang berkekalan dengan Allah, kerana hubungan itu dapat menolong kedudukan dan keadaan yang sedang ditempuhinya. Ia juga dapat menolong menyempurnakan kelengkapan dan persenjataannya dalam perjuangan yang akan dihadapi olehnya dan dalam pertempuran menghadapi musuh yang sedang menunggu mereka di tengah jalan. Dan ibadat solat merupakan sedekat-dekat perhubungan dengan Allah, juga menjadi senjata yang mana kaum Muslimin diseru oleh Allah supaya menggunakan senjata solat ini dalam menghadapi kesusahan-kesusahan dan kesulitan-kesulitan. Setiap kali mereka bersua dengan ketakutan atau kesulitan Allah menyeru mereka:

وَٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ

"Dan pohonlah (pertolongan dari Allah) dengan bersabar dan mendirikan solat."

(Surah al-Baqarah: 45)

Oleh sebab itu solat disebut di sini pada sa'atnya yang amat sesuai, iaitu di sa'at ia amat dikehendaki dan diperlukan oleh seseorang, kerana alangkah perlunya seseorang yang sedang ketakutan di tengah jalan kepada ketenangan hati dengan menyebut nama Allah. Alangkah perlunya seseorang yang berhijrah dari negerinya untuk berlindung di bawah naungan Allah, tetapi solat yang sempurna dengan segala gerak qiam, ruku' dan sujud itu kadang-kadang boleh menghalang orang yang musafir itu dari usaha melepaskan dirinya dari perangkap musuh atau boleh menarikkan perhatian musuh-musuhnya dan menyebabkan mereka mengenalinya atau membolehkan musuh-musuh menangkapnya ketika ia sedang ruku' atau sujud. Oleh sebab itu diberi rukhsah (kemudahan) kepada orang yang musafir atau perantau menqasarkan solat apabila mereka merasa takut ditangkap dan ditindas oleh orang-orang kafir.

Solat Qasar Yang Lain Dari Solat Qasar Yang Biasa.

Pengertian solat qasar yang kami pilih dalam ayat ini ialah pengertian yang dipilih oleh al-Imam al-Jasas [34] iaitu bukannya qasar di dalam bilangan raka'at, di mana solat empat raka'at dipendekkan (diqasarkan) kepada dua raka'at kerana qasar ini memang mengkhususkan keadaan takut kepada penindasan orang-orang kafir dan inilah qasar yang dipilih dalam solat musafir sebagaimana diamal oleh Rasulullah s.a.w. dalam setiap pertafsirannya – di mana tidak diharuskan solat yang sempurna (solat tanpa Qasar) di dalam persafiran mengikut pendapat yang paling rajih.

Di sini jelaslah bahawa rukhsah di dalam ayat ini adalah suatu yang baru – dalam keadaan takut kepada penindasan orang kafir – yang memberi pengertian yang baru, yang bukan semata-mata kemudahan menqasarkan solat yang diberikan kepada setiap orang musafir, malah kemudahan menqasarkan rupa bentuk solat itu sendiri seperti Qiam tanpa harakat, tanpa ruku', tanpa sujud dan tanpa duduk tasyahhud apabila seseorang yang musafir atau merantau di bumi ini melakukan solat (dalam keadaan takut ditindas oleh orang-orang kafir) sama ada dengan berdiri, berjalan dan menunggang serta memberi isyarat sahaja apabila ruku' dan sujud.

Demikianlah dia tidak meninggalkan hubungan dengan Allah sewaktu berada di dalam keadaan takut kepada penindasan orang kafir. Dia tidak meninggalkan senjata utamanya di dalam perjuangan dan sentiasa berwaspada terhadap musuhnya:

إِنَّ ٱلْكَـٰفِرِينَ كَانُوا۟ لَكُمْ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿١٠١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu adalah musuh yang amat nyata terhadap kamu."(101)

* * * * * *

(Pertafsiran ayat-ayat 102 - 103)

Sehubungan dengan pembicaraan mengenai solat orang yang musafir atau merantau di bumi yang berada dalam ketakutan dari penindasan orang-orang kafir, dikemukakan pula hukum solat khauf di medan perang dan di sekitar hukum ini terdapat berbagai-bagai sentuhan jiwa dan didikan-didikan:

وَإِذَا كُنتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَلْتَقُمْ
طَآئِفَةٌ مِّنْهُم مَّعَكَ وَلْيَأْخُذُوٓا۟ أَسْلِحَتَهُمْ ۖ فَإِذَا
سَجَدُوا۟ فَلْيَكُونُوا۟ مِن وَرَآئِكُمْ وَلْتَأْتِ طَآئِفَةٌ
أُخْرَىٰ لَمْ يُصَلُّوا۟ فَلْيُصَلُّوا۟ مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا۟

---

[34] أحكام القرآن للجصاص *Jilid 2, Terbitan Percetakan al-Bahiyyah mukasurat 307 & 308*

حِذْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ ۗ وَدَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ
تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ
عَلَيْكُم مَّيْلَةً وَاحِدَةً ۚ وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن كَانَ
بِكُمْ أَذًى مِّن مَّطَرٍ أَوْ كُنتُم مَّرْضَىٰ أَن تَضَعُوا
أَسْلِحَتَكُمْ ۖ وَخُذُوا حِذْرَكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ
لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٠٢﴾

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَاذْكُرُوا اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا
وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ ۚ فَإِذَا اطْمَأْنَنتُمْ فَأَقِيمُوا
الصَّلَاةَ ۚ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا
مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

"Dan apabila engkau (Muhammad) berada di dalam kalangan mereka (semasa perang) lalu engkau hendak mengimamkan solat mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri mengerjakan solat bersama engkau dan hendaklah mereka menyandang senjata masing-masing. Kemudian apabila mereka selesai sujud, maka hendaklah mereka pergi kebelakang engkau dan hendaklah satu puak yang lain yang belum sembahyang datang bersembahyang bersama engkau dan hendaklah mereka berwaspada dan menyandang senjata masing-masing. Orang-orang kafir memang bercita-cita agar kamu terlalai dari senjata-senjata kamu dan harta benda kamu dan dengan demikian dapatlah mereka menyerang kamu dengan satu serangan mengejut dan tidak ada apa-apa kesalahan kepada kamu meletakkan senjata-senjata kamu jika kamu mendapat sesuatu gangguan yang menyusahkan kamu kerana ditimpa hujan atau kerana kamu menderita sakit dan hendaklah kamu menjaga kewaspadaan kamu. Sesungguhnya Allah telah menyediakan 'azab yang amat menghinakan kepada orang-orang kafir (102). Kemudian apabila kamu selesai menunaikan solat, maka hendaklah kamu mengingati dan menyebut Allah semasa berdiri, duduk dan berbaring. Kemudian apabila kamu telah mendapat ketenangan, maka dirikanlah solat (yang sempurna). Sesungguhnya solat itu telah difardhukan ke atas orang-orang yang beriman mengikut waktu-waktu yang telah ditentukan."(103)

Solat Khauf Di Medan Perang.

Pemerhati yang meneliti rahsia-rahsia Al-Qur'an dan rahsia-rahsia methodologi tarbiyah Rabbani di dalam Al-Qur'an dapat melihat berbagai-bagai tarikan perhatian jiwa yang menarik dan menembusi lubuk-lubuk rohnya yang mendalam. Di antaranya ialah tarikan perhatian kepada mendirikan solat di medan perang yang disebut di dalam ayat ini.

Al-Qur'an membawa ayat ini di sini bukan semata-mata bertujuan untuk menerangkan hukum feqah tentang cara solat khauf, tetapi ia mengemblengkan ayat ini dalam perancangan memberi didikan, bimbingan, pengajaran dan membuat penyediaan bagi menegakkan barisan tentera Muslimin dan kelompok Muslimin.

Yang pertama-tama menarik perhatian ialah kehematan menjaga kewajipan solat di medan perang, tetapi ini adalah sesuatu perkara yang tabi'i dan suatu perkara yang dapat difaham dengan mudah mengikut pertimbangan keimanan, kerana sebenarnya solat adalah senjata yang sebenar. Oleh sebab itu penggunaan senjata solat pasti diatur sesuai dengan keadaan dan suasana perjuangan.

Pahlawan-pahlawan Islam yang terdidik dengan Al-Qur'an mengikut methodologi didikan Al-Qur'an adalah menghadapi musuh mereka dengan senjata solat. Mereka mempunyai keunggulan di dalam senjata solat sebelum senjata-senjata yang lain. Mereka mempunyai keunggulan di dalam keimanan mereka kepada Allah yang Maha Esa yang dikenali mereka dengan ma'rifat yang sempurna dan mereka merasa Allah bersama mereka dalam medan pertempuran. Mereka mempunyai keunggulan dalam keimanan mereka kepada matlamat perjuangan mereka yang dianggap mereka sebagai matlamat yang paling luhur dan tinggi. Seterunya mereka mempunyai keunggulan di dalam kefahaman mereka terhadap alam buana, terhadap hidup dan terhadap kewujudan manusia. Mereka mempunyai keunggulan di dalam peraturan kemasyarakatan mereka yang lahir dari keunggulan sistem hidup Rabbani mereka. Dan solat merupakan lambang kepada semua keunggulan ini. Oleh sebab itulah solat menjadi senjata di dalam perjuangan, malah solat merupakan satu-satunya senjata yang sebenar.

Perkara yang kedua yang menarik perhatian di dalam ayat ini ialah pengemblengan rohaniyah yang total untuk menghadapi musuh dan sikap kewaspadaan yang diperintahkan kepada orang-orang Mu'min terhadap musuh-musuh yang sedang menunggu-nunggu sa'at kelalaian mereka terhadap senjata-senjata dan kelengkapan-kelengkapan mereka untuk dilancarkan serbuan serentak ke atas mereka. Di samping peringatan dan amaran yang menakutkan itu, Al-Qur'an memberi ketenangan dan keyakinan kepada mereka dengan menyatakan bahawa mereka sedang berhadapan dengan kumpulan manusia yang telah ditetapkan Allah kehinaan ke atas mereka:

إِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٠٢﴾

"Sesungguhnya Allah telah menyediakan 'azab yang amat menghinakan kepada orang-orang yang kafir"(102)

penandingan di antara memberi amaran dengan memberi ketenangan dan pengimbangan di antara perangsangan perasaan waspada dengan pencurahan perasaan keyakinan di dalam ayat ini merupakan suatu ciri dari methodologi tarbiyah Al-Qur'an untuk

mengasuh jiwa Mu'min dan barisan Muslimin dalam menghadapi musuh mereka yang jahat dan degil.

Berhubung dengan kaifiyat solat khauf, maka pendapat para ahli feqah telah berselisih dalam memahami ayat ini, tetapi kami di sini hanya berpada sekadar menghuraikan sifat solat khauf yang am sahaja tanpa memasuki ke dalam perincian berbagai-bagai kaifiyatnya.

وَإِذَا كُنتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَلْتَقُمْ
طَآئِفَةٌ مِّنْهُم مَّعَكَ وَلْيَأْخُذُوٓا۟ أَسْلِحَتَهُمْ

"Dan apabila engkau (Muhammad) berada di dalam kalangan mereka (semasa perang) lalu engkau hendak mengimamkan solat mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka mengerjakan solat bersama engkau dan hendaklah mereka menyandang senjata masing-masing."(102)

Maksudnya apabila engkau berada bersama mereka dan mengimamkan solat mereka, maka hendaklah satu kumpulan dari mereka bersembahyang menyempurnakan raka'at yang pertama bersama engkau sementara itu kumpulan yang lain berdiri dengan senjata mereka di belakang kamu untuk melindungi keselamatan kamu. Apabila kumpulan yang pertama selesai menyempurnakan raka'at yang pertama hendaklah mereka berundur dari situ untuk mengambil tempat kumpulan penjaga dan hendaklah kumpulan penjaga yang belum lagi bersembahyang itu datang dan bersembahyang bersama engkau satu raka'at (sampai di sini imam memberi salam kerana ia telah menyempurnakan solatnya dua raka'at). Dan ketika itu hendaklah kumpulan yang pertama datang semula untuk menunaikan raka'at yang kedua yang telah diluputi mereka bersama imam kemudian memberi salam. Sementara kumpulan yang kedua menjaga mereka. Kemudian hendaklah kumpulan yang kedua pula datang menunaikan raka'at yang kedua yang telah diluputi mereka bersama imam kemudian memberi salam sementara kumpulan yang pertama menjaga mereka.

Dengan cara ini kedua-dua kumpulan itu dapat menunaikan solat dengan berimamkan Rasulullah s.a.w. atau khalifah-khalifahnya dan panglima-panglima tentera Muslimin dalam setiap peperangan.

وَلْتَأْتِ طَآئِفَةٌ أُخْرَىٰ لَمْ يُصَلُّوا۟ فَلْيُصَلُّوا۟
مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا۟ حِذْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ ۗ وَدَّ
ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْ تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ
وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ عَلَيْكُم مَّيْلَةً وَٰحِدَةً ۚ

"Dan hendaklah satu puak yang belum sembahyang datang bersembahyang bersama engkau dan hendaklah mereka berwaspada dan menyandang senjata masing-masing. Orang-orang kafir memang bercita-cita agar kamu terlalai dari senjata-senjata kamu dan harta benda kamu dan dengan sedemikian dapatlah mereka menyerang kamu dengan satu serangan mengejut."(102)

Itulah cita-cita yang selama-lamanya bermain di dalam hati orang-orang kafir terhadap orang-orang Mu'min. Tahun-tahun telah berlalu dan abad-abad telah bersilih ganti dan semuanya telah membenarkan hakikat ini yang telah ditanamkan Allah di dalam hati anggota angkatan Mu'minin yang pertama ketika Allah mengaturkan garis-garis perjuangan umum kepada mereka atau mengaturkan rancangan pergerakan atau program bertindak kepada mereka mengikut bagaimana cara yang kita lihat di dalam solat khauf.

Tetapi kewaspadaan ini, pengemblengan jiwa ini dan persediaan dengan memikul senjata yang berterusan ini tidaklah semestinya menjerumuskan kaum Muslimin di dalam kesulitan-kesulitan dan kepayahan kerana mereka boleh melakukannya sekadar kemampuan mereka:

وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن كَانَ بِكُمْ أَذًى مِّن مَّطَرٍ
أَوْ كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَن تَضَعُوٓا۟ أَسْلِحَتَكُمْ ۖ

"Dan tidak ada apa-apa kesalahan kepada kamu meletakkan senjata-senjata kamu jika kamu mendapat sesuatu gangguan yang menyusahkan kamu kerana ditimpa hujan atau kerana kamu menderita sakit"(102)

kerana memikul senjata dalam keadaan ini tentulah menyulit dan tidak berfaedah dan cukuplah dengan bersikap hati-hati dan berwaspada serta mengharapkan bantuan dan pertolongan dari Allah:

وَخُذُوا۟ حِذْرَكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ أَعَدَّ لِلْكَٰفِرِينَ
عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٠٢﴾

"Dan hendaklah kamu menjaga kewaspadaan kamu. Sesungguhnya Allah telah menyediakan 'azab yang amat menghinakan kepada orang-orang yang kafir."(102)

Mungkin langkah berhemat, berwaspada dan berhati-hati merupakan alat dan sarana untuk mewujudkan 'azab yang amat menghinakan yang telah disediakan Allah untuk orang-orang kafir dan di sini kaum Muslimin merupakan tabir qudrat-Nya dan alat masyi'ah-Nya. Ayat ini memberi ketenangan di samping memberi amaran dan peringatan dan seterusnya memberi keyakinan dan mendapat kemenangan mengalahkan kaum kafir, yang mana Allah telah menyediakan untuk mereka 'azab yang amat menghinakan:

فَإِذَا قَضَيْتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا
وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ ۚ فَإِذَا ٱطْمَأْنَنتُمْ فَأَقِيمُوا۟
ٱلصَّلَوٰةَ ۚ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتْ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ كِتَٰبًا
مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

"Kemudian apabila kamu selesai menunaikan solat, maka hendaklah kamu mengingati dan menyebut Allah semasa berdiri, duduk dan berbaring. Kemudian apabila kamu telah mendapat ketenangan, maka dirikanlah solat (yang sempurna). Sesungguhnya solat itu telah difardhukan ke atas orang-orang yang beriman mengikut waktu-waktu yang telah ditentukan."(103)

Demikianlah Allah mengarahkan mereka supaya berhubung dengan Allah dalam setiap keadaan dan kedudukan di samping mendirikan solat, kerana inilah alat-alat senjata yang amat besar yang tidak kunjung lusuh dan buruk.

Ketika berada dalam keadaan yang tenang dan aman:

فَإِذَا ٱطْمَأْنَنتُمْ فَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ

"Keadaan apabila kamu telah mendapat ketenangan, maka dirikanlah solat (yang sempurna)."(103)

Yakni dirikanlah solat yang sempurna tanpa Qasar iaitu Qasar kerana ketakutan yang telah kami bicarakan sebelum ini, kerana solat itu suatu kefardhuan yang mempunyai waktu-waktu yang tertentu untuk ditunaikannya dan apabila hilang sebab-sebab rukhsah di dalam mana-mana sifatnya, maka ia kembali semula kepada sifat asalnya yang difardhukan buat selama-lamanya.

Dari firman Allah Taala yang berikut:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتْ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ كِتَٰبًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

"Sesungguhnya solat itu difardhukan ke atas orang-orang yang beriman mengikut waktu-waktu yang telah ditentukan"(103)

mazhab al-Zahiriyah membentuk pendapat mereka bahawa solat yang terluput itu tidak sah diqadha'kannya kerana ia tidak boleh mengganti dan tidak sah dikerjakan melainkan dalam waktu-waktunya yang telah ditetapkan dan apabila waktu-waktu itu terluput, maka tidak ada jalan untuk mendirikan solat-solat itu, tetapi pendapat jumhur ulama' solat yang terluput itu sah diqadha' dan mereka seterusnya berpendapat bahawa solat yang terluput itu elok diqadha'kan pada awal waktu dan makruh dita'khirkannya. Dan ini kami tidak lagi memasuki dalam perincian masalah-masalah cabang (furuk).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 104)

Pelajaran ini ditamatkan dengan memberi galakan supayakan terus berjihad walaupun mengalami kesakitan-kesakitan, kepenatan dan kejemuan dan (dalam ayat yang berikut) ia menyentuh hati orang-orang Mu'min dengan sentuhan yang mendalam dan menarik. Ia mencubit lubuk hati mereka dan menyorotkan cahaya yang kuat kepada nasib-nasib kesudahan, matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan perjuangan:

Titik-titik Perbezaan Di Antara Perjuangan Kaum Muslimin Dengan Perjuangan Kaum Kafirin

وَلَا تَهِنُوا۟ فِى ٱبْتِغَآءِ ٱلْقَوْمِ ۖ إِن تَكُونُوا۟ تَأْلَمُونَ
فَإِنَّهُمْ يَأْلَمُونَ كَمَا تَأْلَمُونَ ۖ وَتَرْجُونَ مِنَ
ٱللَّهِ مَا لَا يَرْجُونَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٠٤﴾

"Dan janganlah kamu lemah dalam mengejar musuh-musuh (kamu). Jika kamu menderita kesakitan, maka mereka juga menderita kesakitan seperti kamu, tetapi kamu mengharapkan dari Allah apa yang tidak diharapkan oleh mereka. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(104)

Ungkapan yang pendek ini meletakkan garis-garis yang tegas dan mendedahkan jurang perbezaan yang jauh di antara dua medan perjuangan itu.

Orang-orang Mu'min menanggung kesakitan, penderitaan dan luka-luka di dalam pertempuran, tetapi bukan pihak mereka sahaja yang menanggung begitu, malah musuh-musuh mereka juga menderita kesakitan dan mendapat luka-luka dan kecederaan, namun demikian di antara dua kelompok itu terdapat perbezaan yang amat jauh. Orang-orang Mu'min bertawajjuh kepada Allah dengan jihad mereka dan mengharapkan balasannya di sisi Allah , tetapi orang-orang kafir, segala perjuangan mereka adalah hilang dan sia-sia sahaja. Mereka tidak bertawajjuh kepada Allah dan tidak dapat mengharapkan suatu balasan dari Allah baik dalam kehidupan dunia mahupun selepas kehidupan dunia.

Oleh itu jika orang-orang kafir sanggup berjuang dengan gigih dan degil, maka orang-orang Mu'min lebih wajar lagi berjuang dengan lebih gigih dan degil. Jika orang-orang kafir sanggup menanggung penderitaan dan kesakitan, maka orang-orang Mu'min lebih wajar bersabar menanggung kesakitan-kesakitan dan penderitaan yang menimpa mereka. Begitu juga mereka lebih wajar berjuang tidak henti-henti memburu dan memerangi musuh-musuh mereka dan seterusnya menurut jejak-jejak musuh sehingga mereka tidak lagi mempunyai kekuatan dan tidak ada lagi penindasan mereka terhadap agama Allah agar agama atau keta'atan itu tertentu kepada Allah sahaja.

Inilah kelebihan kepercayaan kepada Allah dalam setiap perjuangan. Di mana terdapat sa'at-sa'at di mana kesusahan mengatasi kemampuan dan kesakitan dan penderitaan melebihi daya ketahanan dan hati seseorang memerlukan pertolongan dan bekalan, maka di waktu inilah tibanya pertolongan dan bekalan dari sumber Ilahi dan naungan-Nya Yang Maha Pengasih.

Arahan ini adalah dalam peperangan yang terbuka dan sama kuat, iaitu satu peperangan di mana kedua-dua pihak yang bertempur mendapat kesakitan dan

mengalami penderitaan kerana kedua-dua pihak sama-sama memikul senjata dan bertempur.

Mungkin satu masa kelompok Muslimin tidak tercebur dalam satu peperangan yang terbuka dan sama kuat, namun demikian dasar ini (sakit sama sakit) tidak berubah kerana kebathilan tidak selama-lamanya selamat walaupun ia merupakan pihak yang menang. Kebathilan akan mengalami kesakitan dan penderitaan dari dalam akibat dari pertentangan-pertentangan dalaman dan dari pertelagahan di antara sesama sendiri, juga akibat dari percanggahannya dengan tabi'at semula jadi segala kejadian.

Jalan bagi kelompok Muslimin ketika itu ialah mereka harus menanggung penderitaan dengan gigih dan jangan sekali-kali lemah dan mereka harus sedar andainya mereka menderita dan sakit maka musuh mereka juga menderita dan sakit. Cuma kesakitan dan penderitaan itu beraneka jenis dan luka-luka dan kecederaan juga beraneka jenis.

وَتَرْجُونَ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا يَرْجُونَ

"Tetapi kamu mengharapkan dari Allah apa yang tidak diharapkan oleh mereka."

Inilah satu hiburan yang amat mendalam dan inilah persimpangan jalan (yang memisahkan kelompok Muslimin dengan orang-orang kafir).

وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٠٤﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(104)

Yakni Allah mengetahui bagaimana perasaan-perasaan itu berkecamuk di dalam hati manusia dan memberi kepada hati ubat yang boleh menyembuhkan kesakitan, penderitaan dan luka-luka.

(Kumpulan ayat-ayat 105 - 113)

إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ ٱلنَّاسِ
بِمَآ أَرَىٰكَ ٱللَّهُ ۚ وَلَا تَكُن لِّلْخَآئِنِينَ خَصِيمًا ﴿١٠٥﴾
وَٱسْتَغْفِرِ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٦﴾
وَلَا تُجَٰدِلْ عَنِ ٱلَّذِينَ يَخْتَانُونَ أَنفُسَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُحِبُّ مَن كَانَ خَوَّانًا أَثِيمًا ﴿١٠٧﴾
يَسْتَخْفُونَ مِنَ ٱلنَّاسِ وَلَا يَسْتَخْفُونَ مِنَ ٱللَّهِ
وَهُوَ مَعَهُمْ إِذْ يُبَيِّتُونَ مَا لَا يَرْضَىٰ مِنَ ٱلْقَوْلِ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطًا ﴿١٠٨﴾
هَٰٓأَنتُمْ هَٰٓؤُلَآءِ جَٰدَلْتُمْ عَنْهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا
فَمَن يُجَٰدِلُ ٱللَّهَ عَنْهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ أَم مَّن يَكُونُ
عَلَيْهِمْ وَكِيلًا ﴿١٠٩﴾
وَمَن يَعْمَلْ سُوٓءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُۥ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ ٱللَّهَ
يَجِدِ ٱللَّهَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١١٠﴾
وَمَن يَكْسِبْ إِثْمًا فَإِنَّمَا يَكْسِبُهُۥ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١١﴾
وَمَن يَكْسِبْ خَطِيٓـَٔةً أَوْ إِثْمًا ثُمَّ يَرْمِ بِهِۦ بَرِيٓـًٔا
فَقَدِ ٱحْتَمَلَ بُهْتَٰنًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿١١٢﴾
وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكَ وَرَحْمَتُهُۥ لَهَمَّت طَّآئِفَةٌ
مِّنْهُمْ أَن يُضِلُّوكَ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ ۖ وَمَا
يَضُرُّونَكَ مِن شَىْءٍ ۚ وَأَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ
وَٱلْحِكْمَةَ وَعَلَّمَكَ مَا لَمْ تَكُن تَعْلَمُ ۚ وَكَانَ فَضْلُ
ٱللَّهِ عَلَيْكَ عَظِيمًا ﴿١١٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada engkau kitab Al-Qur'an yang membawa kebenaran supaya engkau mengadili di antara manusia dengan hukum yang telah ditunjukkan Allah kepada engkau dan janganlah engkau jadi pembela kepada orang-orang yang khianat (105). Dan pohonlah keampunan kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (106). Dan janganlah engkau berdebat untuk membela orang-orang yang mengkhianati diri mereka sendiri. Sesungguhnya Allah tidak sukakan mereka yang melakukan khianat dan banyak berdosa (107). Mereka menyembunyikan (kejahatan mereka) dari manusia, tetapi mereka tidak dapat menyembunyikannya dari Allah dan Allah bersama mereka ketika mereka merancangkan di waktu malam perkataan-perkataan yang tidak diredhai Allah dan Allah mengetahui segala sesuatu yang dilakukan mereka (108). Ya, kamulah orang-orang yang telah berhujjah membela mereka dalam kehidupan dunia, tetapi siapakah pula yang sanggup berhujjah dengan Allah untuk membela mereka pada hari Qiamat atau siapakah pula yang sanggup menjadi pelindung mereka (109). Dan siapa yang melakukan kejahatan atau menganiayai diri sendiri kemudian ia memohon ampun kepada Allah nescaya ia akan dapati Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (110). Dan barang siapa yang mengerjakan suatu dosa, maka sesungguhnya ia mengerjakannya untuk memusnahkan dirinya sendiri dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (111). Dan barang siapa mengerjakan suatu kesalahan atau suatu dosa, kemudian ia menuduhkannya kepada orang yang tidak bersalah, maka sesungguhnya dia telah memikul kesalahan berbuat dusta dan dosa yang amat nyata (112). Dan jika kerana tidak limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada engkau (Muhammad) nescaya segolongan dari mereka telah

melaksanakan keazaman mereka untuk menyesatkan engkau, tetapi mereka tidak akan dapat menyesatkan engkau dan tiada yang dapat disesatkan mereka melainkan hanya diri mereka sendiri sahaja. Mereka tidak dapat memudharatkan engkau sedikit pun dan Allah telah menurunkan kepada engkau kitab Al-Qur'an dan hikmat dan mengajar kepada engkau apa yang engkau tidak ketahui dan limpah kurnia Allah kepada engkau adalah amat besar."(113)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Ayat-ayat ini memerikan sebuah kisah yang tidak ada tolok bandingnya sejauh yang diketahui oleh penduduk bumi dan umat manusia. Ayat-ayat itu dengan sendirinya menyaksikan bahawa Al-Qur'an dan agama ini pastilah datang dari Allah, kerana manusia walau setinggi mana pemikiran mereka, sejernih mana jiwa mereka dan selurus mana tabi'at mereka adalah tidak mampu untuk meningkatkan diri mereka ke tahap yang diisyaratkan oleh ayat-ayat itu kecuali dengan wahyu dari Allah. Tahap yang menggariskan garisan di ufuk yang tinggi itu tidak mungkin didaki oleh manusia selama-lamanya melainkan di bawah naungan sistem hidup Rabbani.

Sewaktu orang-orang Yahudi di Madinah melepaskan fitnah-fitnah mereka yang beracun terhadap Islam dan kaum Muslimin, iaitu fitnah-fitnah yang sebahagian darinya dan sebahagian dari kesan-kesannya yang buruk kepada barisan Muslimin telah pun di ceritakan oleh surah ini, surah al-Baqarah dan surah Aali-'Imran...

Sewaktu mereka menyebarkan pembohongan-pembohongan, menghasut kaum Musyrikin, memberangsang kaum Munafiqin, mengatur jalan-jalan yang jahat kepada mereka, melepaskan khabar-khabar angin yang dusta, menyesatkan fikiran umum dan mencaci kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w., menaburkan keraguan di sekitar wahyu dan kerasulan dan berusaha memporakperandakan masyarakat Islam dari dalam...

Sewaktu mereka menghasutkan musuh-musuh Islam supaya menyerangnya dari luar, sedangkan Islam baru sahaja bertapak di Madinah dan keladak-keladak jahiliyah masih lagi mempunyai kesan-kesan di dalam jiwa orang ramai dan hubungan kekeluargaan dan kepentingan di antara setengah-setengah orang Islam dengan setengah-setengah orang Musyrikin, orang-orang Munafiqin dan orang-orang Yahudi masih merupakan satu ancaman yang haqiqi kepada perpaduan dan keselarasan barisan Muslimin......

Di waktu yang gawat dan amat merbahaya inilah turunnya semua ayat-ayat ini kepada Rasulullah s.a.w dan kepada kelompok Muslimin supaya berlaku adil terhadap seorang Yahudi yang telah dituduh mencuri secara yang tidak sebenar supaya mempersalahkan orang-orang yang telah mengadakan pakatan sulit untuk membuat tuduhan yang palsu terhadap orang Yahudi itu. Orang-orang ini adalah dari orang-orang Ansar di Madinah yang pada masa itu menjadi senjata dan tentera Rasulullah s.a.w. dalam memerangi tipudaya kaum Yahudi yang direntangkan di sekeliling beliau, di sekitar kerasulan, agama dan 'aqidah yang baru itu.

Alangkah tingginya taraf kebersihan, keadilan dan keluhuran ini. Tidak ada kalam yang dapat meningkat begitu tinggi untuk memperkatakan taraf ini. Segala kalam, segala ulasan dan segala kenyataan adalah gagal belaka untuk sampai kekemuncak yang tinggi itu. Kemuncak itu tidak dapat dicapai dan tidak dapat dikenal oleh manusia dengan sendirian sahaja kecuali mereka dipimpin dan dibimbing dengan peraturan Allah menuju ke puncak yang tinggi, mulia dan gemilang itu.

Kisah yang diriwayatkan dari berbagai-bagai sumber sebagai sebab nuzul ayat-ayat ini ialah ada beberapa orang Ansar, iaitu Qatadah ibn an-Nu'man dan bapa saudaranya Rifa'ah – yang turut berperang bersama Rasulullah s.a.w. dalam setengah-setengah peperangannya – kemudian baju besi Rifa'ah telah dicuri orang dan pencurian itu telah disyaki dilakukan oleh seorang Ansar dari keluarga Bani Abayraq. Oleh itu Rifa'ah tuanpunya baju besi yang dicuri itu telah datang melaporkan kepada Rasulullah s.a.w. katanya:

Ta'mah ibn Abayraq telah mencuri baju besi kepunyaan saya (dalam satu riwayat yang lain pencuri itu ialah Basyir ibn Abayraq dan di dalam riwayat ini Basyir adalah seorang munafiq yang pernah menggubah sajak mencaci para sahabat kemudian ia hubungkan sajak itu kepada setengah-setengah penyair Arab). Apabila pencuri itu melihat (pemergian Rifa'ah menemui Rasulullah s.a.w. dan melaporkan kepada beliau) dia pun mengambil baju besi itu dan mencampakkannya ke dalam rumah seorang Yahudi (bernama Zayd ibn as-Samin). Kemudian ia menceritakan kepada beberapa orang keluarganya: "Aku telah menghilangkan baju besi itu dan mencampakkannya ke dalam rumah si polan dan baju itu kini boleh didapati pada orang itu." Lalu mereka pun pergi menemui Rasulullah dan berkata kepadanya: "Wahai Nabi Allah, sesungguhnya sahabat kami (Ibn Abayraq) itu tidak bersalah dan orang sebenar yang mencuri baju besi itu ialah si polan dan kami memang tahu perkara ini. Oleh sebab itu umumkanlah kepada orang ramai bahawa dia tidak bersalah dan berilah pembelaan terhadapnya kerana jika ia tidak dilindungi Allah dengan pertolongan anda tentulah dia akan binasa." Dan apabila Rasulullah s.a.w. mengetahui bahawa baju besi itu telah didapati di rumah orang Yahudi itu, beliau pun berdiri dan mengumumkan kepada orang ramai bahawa Ibn Abayraq tidak bersalah. Sebelum baju besi itu muncul di rumah orang Yahudi itu keluarga Ibn Abayraq telah mengadu kepada Nabi s.a.w. bahawa Qatadah ibn an-Nu'man dan bapa saudaranya Rifa'ah telah datang menemui keluarga kami, iaitu satu keluarga Islam yang baik lalu menuduh mereka mencuri tanpa sebarang bukti dan

alasan. Ujar Qatadah: "Aku pun datang menemui Rasulullah s.a.w. dan bercakap dengan beliau mengenai perkara ini. Lalu beliau bersabda: "Apakah anda telah pergi ke rumah satu keluarga yang terkenal dengan keislaman dan kebaikan kemudian menuduh mereka mencuri tanpa bukti dan alasan?" Ujar Qatadah: Lalu aku pun balik dan sesungguhnya aku bercita-cita lebih baik aku korbankan sebahagian dari hartaku dari bercakap dengan Rasulullah s.a.w. mengenai perkara ini. Kemudian bapa saudaraku Rifa'ah datang menemuiku dan berkata: "Apa awak telah buat, wahai anak saudaraku?" Aku pun menceritakan kepadanya segala perkataan Rasulullah s.a.w. kepadaku. Lalu dia berkata: "Hanya Allah sahaja yang boleh menolong. Tidak lama kemudian turunlah ayat:

إِنَّا أَنزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ
بِمَا أَرَاكَ اللَّهُ ۚ وَلَا تَكُن لِّلْخَائِنِينَ خَصِيمًا ﴿١٠٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada engkau kitab Al-Qur'an yang membawa kebenaran supaya engkau mengadili di antara menusia dengan hukum yang telah ditunjukkan Allah kepada engkau dan janganlah engkau jadi pembela kepada orang-orang yang khianat."(105)

Maksudnya janganlah engkau menjadi pembela dan penghujjah kepada orang-orang yang khianat iaitu keluarga Bani Abayraq.

وَاسْتَغْفِرِ اللَّهَ ۖ

"Dan pohonlah keampunan kepada Allah."(106)

Yakni kerana perkataan yang telah engkau katakan kepada Qatadah.

إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٦﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(106)

وَلَا تُجَادِلْ عَنِ الَّذِينَ يَخْتَانُونَ أَنفُسَهُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ
لَا يُحِبُّ مَن كَانَ خَوَّانًا أَثِيمًا ﴿١٠٧﴾
يَسْتَخْفُونَ مِنَ النَّاسِ وَلَا يَسْتَخْفُونَ مِنَ اللَّهِ
وَهُوَ مَعَهُمْ إِذْ يُبَيِّتُونَ مَا لَا يَرْضَىٰ مِنَ الْقَوْلِ ۚ
وَكَانَ اللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطًا ﴿١٠٨﴾
هَا أَنتُمْ هَٰؤُلَاءِ جَادَلْتُمْ عَنْهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
فَمَن يُجَادِلُ اللَّهَ عَنْهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَم مَّن يَكُونُ
عَلَيْهِمْ وَكِيلًا ﴿١٠٩﴾
وَمَن يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ اللَّهَ
يَجِدِ اللَّهَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١١٠﴾

"Dan janganlah engkau berdebat untuk membela orang-orang yang mengkhianati diri mereka sendiri. Sesungguhnya Allah tidak sukakan mereka yang banyak melakukan khianat dan banyak berdosa (107). Mereka menyembunyikan (kejahatan mereka) dari manusia, tetapi mereka tidak dapat menyembunyikannya dari Allah dan Allah bersama mereka ketika mereka merancangkan di waktu malam perkataan-perkataan yang tidak diredhai Allah dan Allah mengetahui segala sesuatu yang dilakukan mereka (108). Ya, kamulah orang-orang yang telah berhujjah membela mereka dalam kehidupan dunia, tetapi siapakah pula yang sanggup berhujjah dengan Allah untuk membela mereka pada hari Qiamat atau siapakah pula yang sanggup menjadi pelindung mereka (109). Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiayai diri sendiri kemudian ia memohon ampun kepada Allah nescaya ia akan dapati Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih.(110)

Yakni jika mereka memohon keampunan kepada Allah nescaya Allah memberi keampunan kepada mereka.

وَمَن يَكْسِبْ إِثْمًا فَإِنَّمَا يَكْسِبُهُ عَلَىٰ نَفْسِهِ ۚ
وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١١﴾
وَمَن يَكْسِبْ خَطِيئَةً أَوْ إِثْمًا ثُمَّ يَرْمِ بِهِ بَرِيئًا
فَقَدِ احْتَمَلَ بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿١١٢﴾
وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكَ وَرَحْمَتُهُ لَهَمَّت طَّائِفَةٌ
مِّنْهُمْ أَن يُضِلُّوكَ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ ۖ وَمَا
يَضُرُّونَكَ مِن شَيْءٍ ۚ وَأَنزَلَ اللَّهُ عَلَيْكَ الْكِتَابَ
وَالْحِكْمَةَ وَعَلَّمَكَ مَا لَمْ تَكُن تَعْلَمُ ۚ وَكَانَ فَضْلُ
اللَّهِ عَلَيْكَ عَظِيمًا ﴿١١٣﴾
لَّا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ
بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ ۚ
وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ
نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

"Dan barang siapa yang mengerjakan suatu dosa, maka sesungguhnya ia mengerjakannya untuk memusnahkan dirinya sendiri dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (111). Dan barang siapa mengerjakan suatu kesalahan atau suatu dosa kemudian ia menuduhkannya kepada orang yang tidak bersalah, maka sesungguhnya dia telah memikul kesalahan berbuat dusta dan dosa yang amat nyata (112). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada engkau (Muhammad) nescaya

segolongan dari mereka telah melaksanakan keazaman mereka untuk menyesatkan engkau, tetapi mereka tidak akan dapat menyesatkan engkau dan tiada yang dapat disesatkan mereka melainkan hanya diri mereka sendiri sahaja. Mereka tidak dapat memudharatkan engkau sedikit pun dan Allah telah menurunkan kepada engkau kitab Al-Qur'an dan hikmat dan mengajar kepada engkau apa yang engkau tidak ketahui dan limpah kurnia Allah kepada engkau adalah amat besar (113). Tiada satu kebajikan dalam kebanyakan perbincangan-perbincangan rahsia kecuali perbincangan rahsia mereka yang bertujuan menyuruh memberi sedekah atau membuat kebajikan atau mendamaikan perbalahan di antara manusia dan sesiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah, maka Allah akan mengurniakan kepadanya pahala yang amat besar."(114)

Apabila turun ayat-ayat ini Rasulullah s.a.w. membawa baju besi itu dan memulangkannya kepada Rifa'ah. Ujar Qatadah: "Apabila aku membawa baju besi itu kepada bapa saudaraku – dia seorang tua yang telah buta matanya atau rabun matanya – semasa dalam jahiliyah dahulu dan di waktu itu aku berpendapat keislamannya adalah lemah, tetapi apabila aku membawa baju besi itu kepadanya ia pun berkata: 'Wahai anak saudaraku, baju besi ini untuk Sabilullah,' maka yakinlah aku bahawa keislamannya adalah tulen. Setelah turunnya ayat-ayat ini Basyir (pencuri baju besi) terus menggabungkan dirinya dengan kaum Musyrikin lalu turunlah ayat:

وَمَن يُشَاقِقِ ٱلرَّسُولَ مِنۢ بَعۡدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ ٱلۡهُدَىٰ وَيَتَّبِعۡ غَيۡرَ سَبِيلِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ نُوَلِّهِۦ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصۡلِهِۦ جَهَنَّمَۖ وَسَآءَتۡ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾

"Dan sesiapa yang menentang Rasul setelah jelas kepadanya hidayat Allah dan mengikuti jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman nescaya Kami biarkannya menguasai kesesatan yang mengongkonginya dan Kami akan memasukkannya ke dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(115)

Persoalan di sini bukan semata-mata persoalan membersihankan tuduhan terhadap seseorang yang tidak bersalah dalam satu kes jenayah, di mana satu kumpulan telah membuat pakatan sulit untuk memerangkapkannya dalam satu tuduhan jenayah – walaupun pembersihan tuduhan terhadap seorang yang tidak bersalah itu merupakan satu perkara yang amat besar dan penting dalam neraca pertimbangan Allah – tetapi persoalan ini adalah lebih besar dari itu lagi. Ia adalah persoalan menegakkan neraca keadilan yang tidak terpengaruh kepada keinginan hawa nafsu, kepada hubungan perkauman dan tidak terjejas oleh sentimen-sentimen kasih dan benci walau dalam suasana dan keadaan apa sekali pun.

Persoalan ini adalah persoalan untuk membersihkan masyarakat yang baru dan mengubati sifat-sifat kelemahan manusia dalam masyarakat itu di samping merawati keladak-keladak jahiliyah dan perkauman – dalam segala bentuknya sehingga dalam bentuk 'aqidah apabila perkara itu mempunyai hubungan untuk menegakkan keadilan di antara manusia – juga persoalan untuk menegakkan masyarakat yang baru dan unik di dalam sejarah manusia itu di atas dasar yang jujur, bersih, kukuh dan tidak dinodai oleh hawa nafsu, kepentingan-kepentingan dan semangat perkauman dan tidak digoyahkan oleh keinginan-keinginan, kecenderungan-kecenderungan dan kemahuan-kemahuan hati.

Di sana terdapat lebih dari satu sebab untuk memejam mata terhadap peristiwa pencurian itu atau untuk tidak bertindak tegas dan keras serta mengecam perbuatan itu atau untuk tidak mendedahkannya kepada pandangan umum, tetapi Allah mendedahkan skandal itu kepada orang ramai dengan cara yang keras dan terbuka seperti itu.

Di sana terdapat lebih dari satu sebab (untuk memejam mata) andainya pertimbangan-pertimbangan keduniaan menjadi hakim dan andainya ukuran-ukuran dan neraca-neraca manusia dijadikan rujukan bagi peraturan agama ini.

Di sana ada satu sebab yang besar dan jelas (untuk memejam mata), iaitu orang yang dituduh itu ialah seorang Yahudi dari kaum Yahudi yang tidak pernah meninggalkan sebatang panah beracun pun yang dimiliki mereka malainkannya semua yang digunakan untuk memerangi Islam dan kaum Muslimin, iaitu kaum Yahudi yang selama ini tindakan-tindakan jahat mereka dirasakan pahit getirnya oleh kaum Muslimin di zaman itu juga dikehendaki Allah dirasakan mereka pada setiap zaman, kaum Yahudi yang tidak mengenal hak, keadilan dan keinsafan dan tidak menghiraukan apa-apa nilai pun dari nilai-nilai akhlak dalam mu'amalah mereka dengan kaum Muslimin umumnya.

Di sana ada satu sebab yang lain (untuk memejam mata), iaitu peristiwa ini berlaku dikalangan orang-orang Ansar yang telah memberi perlindungan dan pertolongan (kepada Rasulullah s.a.w. dan para Muhajirin) dan peristiwa ini boleh mencetuskan perseteruan dan dendam kesumat di antara setengah-setengah keluarga mereka, sedangkan dengan mengalihkan tuduhan itu kepada orang Yahudi boleh menghindarkan mereka dari perbalahan dan perseteruan.

Dan di sana ada sebab yang ketiga (untuk memejamkan mata), iaitu tidak mahu memberi peluang kepada orang-orang Yahudi mendapat satu lagi panah beracun yang baru yang dapat digunakan mereka untuk memfitnah orang-orang Ansar dengan mengatakan bahawa mereka mencuri satu sama lain kemudian menuduh orang Yahudi. Orang-orang Yahudi tentulah tidak akan membiarkan peluang ini terlepas untuk memburuk-buruk orang Ansar dan mengabui mata.

Tetapi persoalan ini lebih besar dari itu semua. Ia lebih besar dari segala pertimbangan-pertimbangan yang kecil itu mengikut perkiraan Islam. Ia merupakan suatu program tarbiyah untuk mendidik kelompok Muslimin yang baru agar mereka dapat memikul tugas-tugas khilafah di bumi dan tugas-tugas memimpin umat manusia. Mereka tidak dapat melaksanakan tugas-tugas itu melainkan setelah jelas kepada mereka sistem hidup Ilahi yang unik itu, iaitu satu sistem yang mengatasi segala sistem hidup yang lain yang diketahui manusia dan mereka tidak dapat melaksanakan tugas-tugas itu melainkan setelah mereka tegakkan sistem hidup Ilahi itu dalam realiti kehidupan mereka dan setelah diri mereka diuji dengan ujian yang keras dan dihapuskan darinya segala kelemahan yang tersembunyi dan segala keladak-keladak jahiliyah dan setelah ditegakkan di kalangan mereka neraca keadilan untuk mengadili manusia dengan pengadilan yang bersih dari segala pertimbangan-pertimbangan keduniaan dan bersih dari kepentingan-kepentingan dekat yang zahir dan dari segala hubungan-hubungan yang dipandang besar oleh manusia, iaitu hubungan-hubungan yang tidak dapat diabaikan mereka.

Allah S.W.T. telah memilih peristiwa ini tepat pada waktunya. Ia berlaku ke atas seorang Yahudi dari kaum Yahudi yang memang tindakan-tindakan jahat mereka sentiasa dirasakan oleh kaum Muslimin pada masa itu di Madinah. Merekalah yang menghasut kaum Musyrikin supaya memusuhi orang-orang Islam. Merekalah yang menyokong gerakan kaum Munafiqin dan menyusup di kalangan kaum Muslimin dan menumpukan segala tipudaya, ujian dan ilmu pengetahuan mereka untuk menggugatkan agama ini. Allah telah memilih peristiwa ini dalam satu waktu yang amat genting di dalam kehidupan kaum Muslimin di Madinah, di mana mereka dikepung dari segenap penjuru oleh berbagai-bagai perseteruan dan di sebalik perseteruan-perseteruan itu terdapat orang-orang Yahudi yang menjadi dalangnya.

Di dalam suasana gawat seperti inilah Allah S.W.T. memilih peristiwa ini untuk menerangkan kepada mereka apa yang hendak diterangkannya kepada mereka (mengenai dasar-dasar keadilan) dan untuk mengajar mereka perkara-perkara (keadilan dan perlakuan dosa) yang patut dipelajari mereka.

Oleh sebab itu di sana (dalam keadilan) tidak ada ruang untuk berdiplomasi dan berlemah-lembut, berpolitik dan menggunakan kepintaran untuk menyembunyikan sesuatu yang tidak menyenang dan untuk menutup sesuatu yang buruk.

Dan di sana (dalam keadilan) juga tidak ada ruang untuk menjaga kepentingan kelompok Muslimin yang zahir dan untuk memelihara keadaan-keadaan sementara yang melingkungi mereka.

Persoalan (keadilan) di sini amat serius, ia tidak menerima sikap bermuka-muka dan berpura-pura kerana keseriusan itu merupakan ciri dan dasar hidup Rabbani ini. Keseriusan juga merupakan ciri umat Muslimin yang disediakan Allah untuk menegak dan menyebarkan sistem itu. Keseriusan adalah ciri keadilan Islam terhadap manusia, iaitu satu tahap keadilan yang tidak dapat ditingkat oleh manusia, malah tidak dikenali manusia melainkan dengan wahyu dari Allah dan pertolongan dari Allah.

Apabila seorang melihat dari kemuncak yang tinggi kepada kaki-kaki bukit yang rendah – yang terdapat pada seluruh umat manusia di sepanjang zaman – di sana akan nampak bahawa di kaki-kaki bukit yang rendah dan tempat-tempat yang terletak di antara kaki bukit yang rendah dengan kemuncaknya yang tinggi itu batu-batu yang gugur di sana sini, iaitu batu-batu dari sifat kelihaian, kepintaran berdebat, kepintaran berpolitik dan berdiplomasi, kecekapan dan kepandaian (menyembunyikan sesuatu yang buruk), kepentingan negara, kepentingan tanahair, kepentingan kelompok dan sebagainya dari jodol-jodol yang apabila diteliti ia akan dapati bawahnya ada ulat (yang merosakkan keadilan).

Apabila seorang itu melihat sekali lagi, di sana ia akan melihat contoh-contoh (keadilan) dari umat Muslimin – satu-satunya umat – yang dapat naik dari kaki bukit yang rendah hingga kepuncaknya yang tinggi. Contoh-contoh itu boleh didapati di sepanjang sejarah dalam rangka usaha mereka untuk mendaki kemuncak yang diarah oleh sistem hidup Rabbani yang unik itu.

Adapun tindakan-tindakan yang busuk yang dinamakan "keadilan" di dalam kalangan jahiliyah masa silam dan masa kini, maka ia tidak wajar dibukakan penutupnya di dalam suasana yang bersih dan mulia seperti ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 105 - 109)

Sekarang marilah kita hadapi ayat-ayat pelajaran ini dengan huraian yang terperinci:

إِنَّآ أَنزَلۡنَآ إِلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ بِٱلۡحَقِّ لِتَحۡكُمَ بَيۡنَ ٱلنَّاسِ
بِمَآ أَرَىٰكَ ٱللَّهُۚ وَلَا تَكُن لِّلۡخَآئِنِينَ خَصِيمٗا ﴿١٠٥﴾
وَٱسۡتَغۡفِرِ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ﴿١٠٦﴾
وَلَا تُجَٰدِلۡ عَنِ ٱلَّذِينَ يَخۡتَانُونَ أَنفُسَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُحِبُّ مَن كَانَ خَوَّانًا أَثِيمٗا ﴿١٠٧﴾
يَسۡتَخۡفُونَ مِنَ ٱلنَّاسِ وَلَا يَسۡتَخۡفُونَ مِنَ ٱللَّهِ
وَهُوَ مَعَهُمۡ إِذۡ يُبَيِّتُونَ مَا لَا يَرۡضَىٰ مِنَ ٱلۡقَوۡلِۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا يَعۡمَلُونَ مُحِيطًا ﴿١٠٨﴾

هَٰٓأَنتُمْ هَٰٓؤُلَآءِ جَٰدَلْتُمْ عَنْهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا
فَمَن يُجَٰدِلُ ٱللَّهَ عَنْهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ أَم مَّن يَكُونُ
عَلَيْهِمْ وَكِيلًا ﴿١٠٩﴾

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada engkau kitab Al-Qur'an yang membawa kebenaran supaya engkau mengadili di antara manusia dengan hukum yang telah ditunjukkan Allah kepada engkau dan janganlah engkau jadi pembela kepada orang-orang yang khianat (105). Dan pohonlah keampunan kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (106). Dan janganlah engkau berdebat untuk membela orang-orang yang mengkhianati diri mereka sendiri. Sesungguhnya Allah tidak sukakan mereka yang banyak melakukan khianat dan banyak berdosa (107). Mereka menyembunyikan (kejahatan mereka) dari manusia, tetapi mereka tidak dapat menyembunyikannya dari Allah dan Allah bersama mereka ketika mereka merancangkan di waktu malam perkataan-perkataan yang tidak diredhai Allah dan Allah adalah mengetahui segala sesuatu yang dilakukan mereka (108). Ya, kamulah orang-orang yang telah berhujjah membela mereka dalam kehidupan dunia, tetapi siapakah pula yang sanggup berhujjah dengan Allah untuk membela mereka pada hari Qiamat atau siapakah pula yang sanggup menjadi pelindung mereka."(109)

Di dalam ungkapan ini kita dapat merasa nada kekerasan dan ketegasan yang membayangkan kemurkaan kerana mempertahankan kebenaran dan kecemburuan terhadap keadilan. Kekerasan dan ketegasan itu memancar dalam suasana ayat-ayat itu dan melimpah darinya.

Kerana ketegasan ini pertama-tama dapat dilihat dalam peringatan Allah yang mengingatkan Rasulullah s.a.w. bahawa Al-Qur'an itu diturunkan kepada beliau membawa pengajaran-pengajaran yang benar supaya beliau mengadili manusia dengan hukum-hukum yang telah ditunjukkan Allah kepadanya. Kemudian peringatan itu diikuti pula dengan larangan supaya beliau jangan menjadi pembela kepada orang-orang yang khianat, iaitu jangan mempertahan dan berdebat membela mereka. Dan kemudian beliau diperintah beristighfar kerana mengeluarkan kata-kata yang mempertahankan mereka.

Larangan Membela Para Pengkhianat

إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ ٱلنَّاسِ
بِمَآ أَرَىٰكَ ٱللَّهُ ۚ وَلَا تَكُن لِّلْخَآئِنِينَ خَصِيمًا ﴿١٠٥﴾
وَٱسْتَغْفِرِ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada engkau kitab Al-Qur'an yang membawa kebenaran supaya engkau mengadili di antara manusia dengan hukum yang telah ditunjukkan Allah kepada engkau dan janganlah engkau menjadi pembela kepada orang-orang yang khianat (105). Dan pohonlah keampunan kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(106)

Kemudian Al-Qur'an mengulangi larangan itu (dalam ayat yang berikut) dan menyifatkan orang-orang yang khianat yang dibelakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan hujjahnya sebagai orang-orang yang telah mengkhianati diri sendiri kemudian Al-Qur'an mengemukakan alasan bahawa Allah tidak sukakan mereka yang melakukan khianat dan dosa:

وَلَا تُجَٰدِلْ عَنِ ٱلَّذِينَ يَخْتَانُونَ أَنفُسَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُحِبُّ مَن كَانَ خَوَّانًا أَثِيمًا ﴿١٠٧﴾

"Dan janganlah engkau berdebat untuk membela orang-orang yang mengkhianati diri mereka sendiri. Sesungguhnya Allah tidak sukakan mereka yang banyak melakukan khianat dan banyak berdosa."(107)

Pada lahirnya mereka telah mengkhianati orang lain, tetapi pada hakikatnya mereka mengkhianat diri sendiri, iaitu mereka telah mengkianati kelompok Muslimin dan sistem hidup mereka sendiri. Mereka telah mengkhianati dasar-dasar hidup mereka (yang unik) yang membezakan mereka dari kelompok yang lain dan menjadikan mereka satu kelompok yang istimewa. Mereka telah mengkhianati amanah yang telah dibebankan ke atas bahu kelompok Muslimin, sedangkan mereka sebahagian dari kelompok itu. Selain dari itu mereka telah mengkhianati diri sendiri dalam satu bentuk yang lain, iaitu dalam bentuk mendedahkan diri kepada dosa, di mana mereka akan dibalas dengan seburuk-buruk balasan, mereka dibenci oleh Allah dan akan dihukum kerana dosa-dosa itu. Ini tidak syak lagi suatu pengkhianatan kepada diri sendiri. Bentuk yang ketiga pengkhianatan mereka kepada diri sendiri ialah mereka telah mencemarkan diri sendiri dengan pakatan rahsia yang jahat, dengan pembohongan dan pengkhianatan.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ خَوَّانًا أَثِيمًا ﴿١٠٧﴾

"Sesungguhnya Allah tidak sukakan mereka yang banyak melakukan khianat dan banyak berdosa."(107)

Hukuman ini adalah lebih besar dari hukuman-hukuman yang lain dan di samping itu ia memberi satu saranan yang lain, iaitu orang-orang yang tidak disukai Allah tidak harus dipertahankan oleh sesiapa pun, kerana Allah bencikan mereka dengan sebab dosa dan pengkhianatan mereka.

Penyifatan dengan dosa dan khianat itu diiringi pula dengan satu gambaran yang keji mengenai kelakuan pengkhianatan-pengkhianatan yang berdosa itu:

يَسْتَخْفُونَ مِنَ ٱلنَّاسِ وَلَا يَسْتَخْفُونَ مِنَ ٱللَّهِ
وَهُوَ مَعَهُمْ إِذْ يُبَيِّتُونَ مَا لَا يَرْضَىٰ مِنَ ٱلْقَوْلِ ۚ

"Mereka menyembunyikan (kejahatan mereka) dari manusia, tetapi mereka tidak dapat menyembunyikannya dari Allah

dan Allah bersama mereka ketika mereka merancangkan di waktu malam perkataan-perkataan yang tidak diredhai Allah."(108)

Itulah satu gambaran yang hina yang menimbulkan ejekan dan sendaan. Ia adalah satu gambaran yang hina kerana ia menggambarkan kelemahan dan sikap yang tidak jujur ketika mereka merancangkan tipudaya, pakatan sulit dan pengkianatan. Mereka menyembunyikan rancangan-rancangan jahat itu dari manusia, sedangkan manusia tidak memiliki kuasa memberi manfa'at dan mudharat kepada mereka, sedangkan Allah yang memiliki kuasa manfa'at dan mudharat ada bersama mereka dan melihat mereka ketika mereka membuat rancangan rahsia dan menyembunyikan niat mereka dan ketika mereka bersembunyi, juga ketika mereka merekakan kata-kata dusta yang tidak diredhai olehnya. Manakah kedudukan yang lebih banyak menimbulkan ejekan dan sendaan dari kedudukan ini?

وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا يَعۡمَلُونَ مُحِيطًا ١٠٨

"Dan Allah mengetahui segala sesuatu yang dilakukan mereka."(108)

Maksudnya Allah mengetahui keseluruhan segala sesuatu. Oleh itu ke manakah mereka akan pergi dengan rancangan-rancangan rahsia mereka, sedangkan Allah bersama mereka ketika mereka merancangkannya dan mengetahui segala sesuatu dan mereka berada di bawah penglihatan-Nya dan di dalam genggaman qudrat-Nya.

Serangan yang membayangkan kemurkaan itu terus dilancarkan ke atas setiap mereka yang membela dan mempertahankan orang-orang yang khianat:

هَٰٓأَنتُمۡ هَٰٓؤُلَآءِ جَٰدَلۡتُمۡ عَنۡهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا
فَمَن يُجَٰدِلُ ٱللَّهَ عَنۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ أَم مَّن يَكُونُ
عَلَيۡهِمۡ وَكِيلٗا ١٠٩

"Ya, kamulah orang-orang yang telah berhujjah membela mereka dalam kehidupan dunia, tetapi siapakah pula yang sanggup berhujjah dengan Allah untuk membela mereka pada hari Qiamat atau siapakah pula yang sanggup menjadi pelindung mereka."(109)

Yakni pada hari Qiamat nanti orang-orang yang khianat itu tidak akan mendapat pembelaan dan perlindungan lagi. Oleh itu apakah gunanya membela mereka di dunia ini, sedangkan pembelaan itu tidak dapat mempertahankan diri mereka pada hari Qiamat yang amat berat itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 110 - 112)

Para Pengkianat Diseru Kembali Ke Pangkal Jalan

Selepas melancarkan kenyataan yang penuh kemurkaan ke atas para pengkhianat yang berdosa dan memberi kecaman yang keras kepada orang-orang yang membela dan mempertahankan mereka, ayat-ayat yang berikut mengemukakan dasar-dasar am mengenai perbuatan khianat ini dan kesan-kesannya, juga mengenai hisab dan dasar balasannya yang am yang adil yang diperlakukan Allah ke atas para hamba-Nya dan dasar inilah yang dituntut daripada hamba supaya mencontohinya di dalam mu'amalah sesama mereka dan supaya meneladani sifat keadilan Allah di dalam dasar ini:

وَمَن يَعۡمَلۡ سُوٓءًا أَوۡ يَظۡلِمۡ نَفۡسَهُۥ ثُمَّ يَسۡتَغۡفِرِ ٱللَّهَ
يَجِدِ ٱللَّهَ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ١١٠
وَمَن يَكۡسِبۡ إِثۡمٗا فَإِنَّمَا يَكۡسِبُهُۥ عَلَىٰ نَفۡسِهِۦۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا ١١١
وَمَن يَكۡسِبۡ خَطِيٓـَٔةً أَوۡ إِثۡمٗا ثُمَّ يَرۡمِ بِهِۦ بَرِيٓـٔٗا
فَقَدِ ٱحۡتَمَلَ بُهۡتَٰنٗا وَإِثۡمٗا مُّبِينٗا ١١٢

"Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiayai diri sendiri kemudian ia memohon ampun kepada Allah nescaya ia akan dapati Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (110). Dan barang siapa yang mengerjakan suatu dosa, maka sesungguhnya ia mengerjakannya untuk memusnahkan dirinya sendiri dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (111). Dan barang siapa yang mengerjakan suatu kesalahan atau suatu dosa kemudian ia menuduhkannya kepada orang yang tidak bersalah, maka sesungguhnya dia telah memikul kesalahan berbuat dusta dan dosa yang amat nyata."(112)

Itulah tiga ayat yang menjelaskan dasar am atau dasar semesta yang diperlakukan Allah ke atas para hamba-Nya dan dasar-dasar ini juga dapat digunakan oleh manusia-manusia dalam mu'amalah mereka terhadap satu sama lain dan di dalam mu'amalah mereka dengan Allah supaya terhindar dari ditimpa akibat yang buruk.

Ayat yang pertama membuka pintu taubat dengan seluas-luasnya dan pintu keampunan dengan selebar-lebarnya dan membuat orang yang berdosa yang bertaubat begitu besar menaruh harapan untuk mendapat keampunan dan penerimaan taubat dari Allah:

وَمَن يَعۡمَلۡ سُوٓءًا أَوۡ يَظۡلِمۡ نَفۡسَهُۥ ثُمَّ يَسۡتَغۡفِرِ ٱللَّهَ
يَجِدِ ٱللَّهَ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ١١٠

"Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiayai diri sendiri kemudian ia memohon ampun kepada Allah nescaya ia akan dapati Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(110)

Maksudnya Allah S.W.T. sentiasa bersedia untuk memberi keampunan dan mengurniakan rahmat kepada setiap hamba yang memohon keampunan dan taubat. Orang yang melakukan kejahatan itu bererti ia telah melakukan kezaliman kepada orang

lain di samping melakukan kezaliman terhadap dirinya sendiri dan terkadang-kadang menzalimi dirinya sendiri sahaja apabila ia melakukan kejahatan yang tidak melewati lebih dari dirinya sahaja, tetapi walau bagaimana sekalipun, namun Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih adalah bersedia pada setiap waktu untuk menerima para pemohon keampunan dan untuk mengurniakan keampunan dan rahmat-Nya kepada mereka apabila mereka datang kepada-Nya dengan bertaubat. Demikianlah Allah memberi kesanggupan-Nya tanpa sebarang ikatan, tanpa sebarang syarat dan tanpa melalui sebarang pemeriksaan dan kawalan penjaga pintu. Apabila mereka datang dengan niat hendak bertaubat dan memohon keampunan, maka mereka akan mendapati Allah sentiasa bersifat Maha Pengampun dan Maha Pengasih.

Ayat yang kedua menjelaskan tanggungawab peribadi. Ini adalah satu dasar yang menjadi asas kefahaman dan pandangan Islam terhadap konsep balasan dan itulah dasar yang merangsangkan di dalam setiap hati perasaan takut dan perasaan tenang dan yakin, iaitu perasaan takut terhadap akibat perbuatan dan hasil usahanya dan perasaan tenang dan yakin bahawa dia tidak memikul tanggungjawab orang lain.

وَمَن يَكْسِبْ إِثْمًا فَإِنَّمَا يَكْسِبُهُۥ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١١﴾

"Dan barang siapa yang mengerjakan suatu dosa, maka sesungguhnya ia mengerjakannya untuk memusnahkan dirinya sendiri dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(111)

Di sana tidak ada konsep dosa warisan di dalam Islam seperti yang dikatakan oleh pandangan dan kefahaman gereja-gereja. Begitu juga di sana tidak ada konsep kifarat atau tebusan dosa yang lain dari kifarat yang dibayarkan oleh seseorang kerana sesuatu kesalahan dirinya. Ketika ini setiap orang merasa takut terhadap akibat-akibat perbuatannya dan (dalam waktu yang sama) merasa tenang dan yakin kerana ia tidak akan dihisab melainkan di atas perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh dirinya sahaja. Ini adalah satu imbangan yang menarik dalam kefahaman Islam yang unik ini. Ia merupakan salah satu dari ciri-ciri kefahaman Islam dan asas-asasnya [35] yang sesuai dengan fitrah manusia dan dapat merealisasikan keadilan Ilahi yang sempurna yang dituntut supaya diteladani oleh manusia.

Ayat yang ketiga menjelaskan tanggungjawab orang yang melakukan sesuatu kejahatan kemudian ia menuduh orang lain yang tidak bersalah melakukannya, iaitu perlakuan yang telah dilakukan oleh kumpulan yang dibicarakan oleh ayat-ayat ini.

وَمَن يَكْسِبْ خَطِيٓـَٔةً أَوْ إِثْمًا ثُمَّ يَرْمِ بِهِۦ بَرِيٓـًٔا
فَقَدِ ٱحْتَمَلَ بُهْتَٰنًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿١١٢﴾

"Dan barang siapa yang mengerjakan suatu kesalahan atau suatu dosa kemudian ia menuduhkannya kepada orang yang tidak bersalah, maka sesungguhnya dia telah memikul kesalahan berbuat dusta dan dosa yang amat nyata."(112)

Yakni "dusta" kerana melemparkan tuduhan ke atas orang yang tidak berdosa dan "dosa" kerana melakukan kesalahan menuduh orang yang tidak bersalah. Kedua-duanya ditanggung olehnya seolah-olah keduanya barang-barang berat yang dipikul dan ditanggung mengikut kaedah mentajsimkan suatu pengertian (atau menjadikan sesuatu pengertian itu sebagai suatu yang berjisim atau berlembaga) dengan tujuan untuk menzahirkan pengertian itu dan menguatkannya didalam pengungkapan Al-Qur'an yang menggunakan gambaran. [36]

Dengan tiga dasar inilah Al-Qur'an menggambarkan neraca keadilan yang memper-tanggungjawabkan setiap orang di atas kesalahan yang dilakukannya. Ia tidak membiarkan penjenayah itu berlalu dengan selamat apabila dia melemparkan kesalahannya ke atas orang lain, tetapi dalam waktu yang sama ia membuka pintu taubat dan keampunan dengan seluas-luasnya dan seterusnya memberi janji pertemuan dengan Allah pada setiap waktu kepada orang-orang yang ingin bertaubat dan memohon keampunan. Mereka boleh mengetuk pintu-pintu itu pada bila-bila waktu sahaja, malah mereka boleh memasuki pintu-pintu itu tanpa memohon kebenaran dan di sana mereka akan mendapati rahmat dan keampunan Allah (menunggu mereka).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 113)

Pada akhirnya dalam ayat yang berikut Allah membangkitkan pengurniaan ni'mat-Nya ke atas Rasulullah s.a.w., iaitu ni'mat Allah yang telah melindungi beliau dari menurut arus di belakang kumpulan yang melakukan komplot dan membuat rancangan rahsia apabila Allah mendedahkannya kepada beliau pakatan-pakatan yang dirahsiakan mereka dari orang ramai itu kerana mereka tidak dapat merahsiakannya dari Allah sebab Allah ada bersama mereka sewaktu mereka merancangkan secara rahsia sesuatu yang tidak diredhai oleh-Nya. Kemudian Allah membangkitkan pula ni'mat agung-Nya yang telah menurunkan kitab suci Al-Qur'an dan hikmat dan mengajar beliau perkara-perkara yang

---

35 *Lihat buku:* التصوير الفنى في القرآن

36 *Lihat buku:* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته

belum pernah diketahui olehnya. Itulah suatu anugerah kepada seluruh umat manusia, yang mula-mulanya digambarkan pada peribadi Rasulullah yang paling mulia di sisi Allah dan paling hampir kepada-Nya.

Ni'mat-ni'mat Agung Allah Kepada Rasulullah

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكَ وَرَحْمَتُهُۥ لَهَمَّت طَّآئِفَةٌ
مِّنْهُمْ أَن يُضِلُّوكَ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ ۖ وَمَا
يَضُرُّونَكَ مِن شَىْءٍ ۚ وَأَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ
وَٱلْحِكْمَةَ وَعَلَّمَكَ مَا لَمْ تَكُن تَعْلَمُ ۚ وَكَانَ فَضْلُ
ٱللَّهِ عَلَيْكَ عَظِيمًا ﴿١١٣﴾

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada engkau (Muhammad) nescaya segolongan dari mereka telah melaksanakan keazaman mereka untuk menyesatkan engkau, tetapi mereka tidak akan dapat menyesatkan engkau dan tiada yang dapat disesatkan mereka melainkan hanya diri mereka sendiri sahaja. Mereka tidak dapat me-mudharatkan engkau sedikitpun dan Allah telah menurunkan kepada engkau kitab Al-Qur'an dan hikmat dan mengajar pada engkau apa yang engkau tidak ketahui dan limpah kurnia Allah kepada engkau adalah amat besar."(113)

Percubaan ini hanya salah satu dari aneka ragam percubaan yang telah dilakukan oleh musuh-musuh Rasulullah s.a.w. untuk memesong dan menyesatkan beliau dari kebenaran, keadilan dan kesahihan, tetapi di dalam setiap percubaan itu beliau telah diselamat dan dilindungi Allah dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dan sebaliknya mereka yang merancangkan tipu daya dan komplot-komplot yang jahat itulah yang tejerumus di dalam kesesatan. Di dalam sejarah hidup Rasulullah s.a.w. penuh dengan percubaan-percubaan seperti itu, di mana beliau sentiasa selamat dan mendapat hidayat dan orang-orang yang merancangkan komplot itu terhumban di dalam kesesatan dan kekecewaan.

Allah S.W.T. membangkitkan limpah kurnia dan rahmat-Nya ini kepada Rasulullah s.a.w. dan dalam waktu yang sama meyakinkan beliau bahawa musuh-musuh beliau tidak berkuasa memudharatkan beliau sedikitpun dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya.

Sesuai dengan pembangkitan ni'mat yang telah memelihara beliau dari komplot yang akhir ini dan memelihara hukum-hukumnya dari menganiaya orang yang tidak bersalah dan melepaskan penjenayah yang sebenar dan mendedahkan hakikat yang sebenar kepada beliau dengan membuka tembelang komplot itu, maka (dalam ayat yang berikut) dibangkitkan pula ni'mat-Nya yang agung kepada beliau iaitu ni'mat kerasulannya:

وَأَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَعَلَّمَكَ مَا
لَمْ تَكُن تَعْلَمُ ۚ وَكَانَ فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكَ عَظِيمًا ﴿١١٣﴾

"Dan Allah telah menurunkan kepada engkau kitab Al-Qur'an dan hikmat dan mengajar kepada engkau apa yang engkau tidak ketahui dan limpah kurnia Allah kepada engkau adalah amat besar."(113)

Itulah ni'mat yang dibangkitkan Allah Yang Amat Besar kepada "manusia" di muka bumi ini. Itulah ni'mat yang membuat manusia lahir bersamanya dengan satu kelahiran yang baru dan wujud dengannya sebagaimana ia wujud bagi pertama kalinya dengan tiupan roh yang pertama dari Allah.

Itulah ni'mat yang telah memungut umat manusia dari kaki bukit jahiliyah untuk membawa mereka naik ke kemuncaknya melalui sistem hidup Rabbani yang unik dan mengkagumkan.

Itulah ni'mat yang tidak diketahui nilainya melainkan oleh orang-orang yang telah mengenal hakikat Islam dan hakikat jahiliyah - sama ada jahiliyah masa silam atau jahiliyah masa kini - dan mengecapi Islam dan mengecapi jahiliyah.

Dan apabila Allah mengingatkan ni'mat ini kepada Rasulullah s.a.w., maka sebabnya ialah kerana beliaulah orang yang mula-mula mengenali dan mengecapi ni'mat itu, kerana beliaulah tokoh yang paling besar yang mengenali dan mengecapinya dan tokoh yang paling arif yang mengenali dan mengecapinya.

وَعَلَّمَكَ مَا لَمْ تَكُن تَعْلَمُ ۚ وَكَانَ فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكَ
عَظِيمًا ﴿١١٣﴾

"Dan mengajar kepada engkau apa yang engkau tidak ketahui dan limpah kurnia Allah kepada engkau adalah amat besar."(113)

(Kumpulan ayat-ayat 114 - 126)

لَّا خَيْرَ فِى كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَىٰهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ
بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَٰحٍۭ بَيْنَ ٱلنَّاسِ ۚ
وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ ٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِ ٱللَّهِ فَسَوْفَ
نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾
وَمَن يُشَاقِقِ ٱلرَّسُولَ مِنۢ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ ٱلْهُدَىٰ
وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ ٱلْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِۦ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصْلِهِۦ
جَهَنَّمَ ۖ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ
ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ

ضَلَٰلَۢا بَعِيدًا ﴿١١٦﴾
إِن يَدۡعُونَ مِن دُونِهِۦٓ إِلَّآ إِنَٰثٗا وَإِن يَدۡعُونَ إِلَّا
شَيۡطَٰنٗا مَّرِيدٗا ﴿١١٧﴾
لَّعَنَهُ ٱللَّهُۘ وَقَالَ لَأَتَّخِذَنَّ مِنۡ عِبَادِكَ نَصِيبٗا
مَّفۡرُوضٗا ﴿١١٨﴾
وَلَأُضِلَّنَّهُمۡ وَلَأُمَنِّيَنَّهُمۡ وَلَأٓمُرَنَّهُمۡ فَلَيُبَتِّكُنَّ
ءَاذَانَ ٱلۡأَنۡعَٰمِ وَلَأٓمُرَنَّهُمۡ فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلۡقَ
ٱللَّهِۚ وَمَن يَتَّخِذِ ٱلشَّيۡطَٰنَ وَلِيّٗا مِّن دُونِ ٱللَّهِ
فَقَدۡ خَسِرَ خُسۡرَانٗا مُّبِينٗا ﴿١١٩﴾
يَعِدُهُمۡ وَيُمَنِّيهِمۡۖ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ
إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢٠﴾
أُوْلَٰٓئِكَ مَأۡوَىٰهُمۡ جَهَنَّمُ وَلَا يَجِدُونَ عَنۡهَا
مَحِيصٗا ﴿١٢١﴾
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَنُدۡخِلُهُمۡ
جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ
أَبَدٗاۖ وَعۡدَ ٱللَّهِ حَقّٗاۚ وَمَنۡ أَصۡدَقُ مِنَ ٱللَّهِ
قِيلٗا ﴿١٢٢﴾
لَّيۡسَ بِأَمَانِيِّكُمۡ وَلَآ أَمَانِيِّ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِۗ مَن
يَعۡمَلۡ سُوٓءٗا يُجۡزَ بِهِۦ وَلَا يَجِدۡ لَهُۥ مِن دُونِ
ٱللَّهِ وَلِيّٗا وَلَا نَصِيرٗا ﴿١٢٣﴾
وَمَن يَعۡمَلۡ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن ذَكَرٍ أَوۡ أُنثَىٰ
وَهُوَ مُؤۡمِنٞ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَدۡخُلُونَ ٱلۡجَنَّةَ وَلَا
يُظۡلَمُونَ نَقِيرٗا ﴿١٢٤﴾
وَمَنۡ أَحۡسَنُ دِينٗا مِّمَّنۡ أَسۡلَمَ وَجۡهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ
مُحۡسِنٞ وَٱتَّبَعَ مِلَّةَ إِبۡرَٰهِيمَ حَنِيفٗاۗ وَٱتَّخَذَ ٱللَّهُ
إِبۡرَٰهِيمَ خَلِيلٗا ﴿١٢٥﴾
وَلِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ
بِكُلِّ شَيۡءٖ مُّحِيطٗا ﴿١٢٦﴾

"Tiada suatu kebajikan dalam kebanyakan perbincangan-perbincangan rahsia kecuali perbincangan rahsia mereka yang bertujuan menyuruh memberi sedekah atau membuat kebajikan atau mendamaikan perbalahan di antara manusia dan sesiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah, maka Allah akan mengurniakan kepadanya pahala yang amat besar (114). Dan sesiapa yang menentang Rasul setelah jelas kepadanya hidayat Allah dan mengikuti jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman nescaya kami halakannya ke arah yang ditujuinya dan Kami akan masukkannya ke dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (115). Sesungguhnya Allah tidak mengampunkan kesalahan mensyirikkan-Nya dan Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan yang lain dari itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan siapa yang mensyirikkan Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat dalam kesesatan yang amat jauh (116). Tiada apa yang mereka sembah selain Allah itu melainkan berhala-berhala perempuan dan tiada apa yang mereka sembah melainkan hanya syaitan yang derhaka (117). Yang telah dilaknati Allah dan ia mengatakan: Demi sesungguhnya Aku akan mengambil segolongan yang tertentu dari para hamba-Mu (118). Dan demi sesungguhnya aku akan sesatkan mereka dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan (yang kosong) dan demi sesungguhnya aku akan memerintah mereka: Hendaklah mereka membelah telinga-telinga binatang ternakan dan demi sesungguhnya aku akan memerintah mereka: Hendaklah mereka mengubahkan ciptaan Allah. Dan barang siapa yang mengambil syaitan sebagai pelindung selain dari Allah, maka sesungguhnya ia mendapat kerugian yang amat nyata (119). Syaitan sentiasa memberi janji-janji (yang muluk) kepada mereka dan memperdayakan mereka dengan angan-angan (yang kosong) dan tiada apa yang dijanjikan syaitan itu melainkan hanya tipu daya belaka (120). Orang-orang yang seperti itu tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan mereka tidak akan mendapat tempat untuk menghindarkan diri darinya (121). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh Kami akan masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka kekal abadi di dalamya sebagai janji Allah yang benar dan siapakah yang lebih benar perkataannya daripada Allah? (122) (Pertimbangan balasan Allah itu) bukanlah mengikut angan-angan kamu dan tidak pula mengikut angan-angan Ahlil-Kitab. Barang siapa yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan kejahatan dan dia tidak akan mendapat sesiapa pun selain dari Allah yang boleh menjadi pelindung dan dia tidak pula boleh menjadi penolong (mereka) (123). Dan sesiapa yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh dari lelaki atau perempuan, sedangkan ia seorang yang beriman, maka mereka akan masuk ke dalam Syurga dan mereka tidak akan dikurangi sedikitpun (pahala amalan mereka) (124). Dan siapakah yang lebih elok agamanya dari orang yang ikhlas menyerahkan dirinya kepada Allah, sedangkan ia seorang yang melakukan amalan dengan dasar ihsan dan mengikut agama Ibrahim

yang mentauhidkan Allah? Dan Allah telah mengambil Ibrahim sebagai kesayangan-Nya (125). Dan Allah memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi dan Allah mengetahui segala sesuatu."(126)

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini mempunyai lebih dari satu hubungan dengan pelajaran yang telah lepas. Pertama, setengah-setengah ayatnya diturunkan sebagai mengulas dan memberi kata kesimpulan kepada peristiwa-peristiwa yang telah berlaku selepas peristiwa tuduhan dusta terhadap seorang Yahudi, iaitu peristiwa murtadnya Basyir ibn Abayraq (pencuri baju besi) dan penentangannya terhadap Rasulullah s.a.w. dan perkembalian semulanya kepada jahiliyah yang telah diperkatakan oleh pelajaran ini mengenai hakikatnya, kefahaman-kefahaman dan pemikiran-pemikirannya, ketololan-ketololannya, hubungan-hubungannya dengan syaitan dan peranan syaitan di dalamnya dan seterusnya menjelaskan bahawa Allah tidak mengampun perbuatan mensyirikkan-Nya, tetapi bersedia mengampunkan dosa-dosa yang lain dari syirik kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Kedua, ia membicarakan tentang perbincangan rahsia dan pakatan sulit, di mana ia menyatakan bahawa di sana tiada suatu kebajikan di dalam kebanyakan perbincangan rahsia yang dilakukan mereka seperti contoh-contoh perbincangan rahsia yang dilakukan mereka di dalam peristiwa tuduhan dusta ke atas seorang Yahudi itu. Kemudian pelajaran ini membataskan jenis-jenis perbincangan rahsia yang disukai Allah, iaitu perbincangan-perbincangan rahsia yang bertujuan untuk membuat kebajikan dan kebaikan dan mendamaikan perbalahan di antara manusia dan menerangkan balasan terhadap kedua-dua perbincangan sulit itu di sisi Allah, dan pada akhirnya ia menjelaskan dasar balasan yang adil yang diperlakukan Allah ke atas amalan-amalan manusia dan balasan-balasan itu bukanlah terbit dari keinginan-keinginan dan angan-angan seseorang manusia sama ada angan-angan orang-orang Islam atau angan-angan kaum Ahlil-Kitab, malah balasan itu adalah berlandaskan kepada keadilan Allah yang mutlaq dan kepada kebenaran, dan andainya kebenaran itu mengikut hawa nafsu manusia nescaya rosak dan musnahlah langit dan bumi.

Seluruh pelajaran ini dari segi maudhu' dan tujuan adalah mempunyai hubungan dengan pelajaran yang lepas.

Kemudian pelajaran ini merupakan salah satu siri dari siri-siri methodologi tarbiyah yang bijak untuk menyediakan kelompok Muslimin supaya menjadi satu umat yang mampu memimpin umat manusia dengan keunggulannya di dalam bidang tarbiyah dan penyusunan masyarakat dan dapat merawati titik-titik kelemahan manusia dan sisa-sisa keladak jahiliyah dan seterusnya dapat membawa mereka mengharungi segala medan perjuangan. Itulah matlamat yang dituju oleh surah ini - dengan berbagai-bagai maudhu'nya dan dikendalikan oleh methodologi tarbiyah Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 114)

Masyarakat Islam Merupakan Masyarakat Yang Terbuka

لَّا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ
بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ ۚ
وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ
نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

"Tiada suatu kebajikan dalam kebanyakan perbincangan-perbincangan rahsia kecuali perbincangan rahsia mereka yang bertujuan menyuruh memberi sedekah atau membuat kebajikan atau mendamaikan perbalahan di antara manusia dan sesiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah, maka Allah akan mengurniakan kepadanya pahala yang amat besar."(114)

Larangan mengadakan perbincangan rahsia berulang-ulang kali disebut di dalam Al-Qur'an, iaitu melarang mana-mana kumpulan berkumpul jauh dari kelompok Muslimin dan dari pucuk kepimpinan Islam untuk merancangkan sesuatu pakatan secara rahsia. Aliran didikan Islamiyah dan penyusunan peraturan dan disiplin islamiyah menghendaki agar setiap orang membawa setiap masalahnya atau persoalan-persoalannya terus kepada Rasulullah s.a.w. secara sulit jika masalah itu merupakan masalah peribadi yang ia tidak suka terheboh sedikitpun kepada orang ramai, atau ia membentangkan masalah itu kepada beliau dalam bentuk pertanyaan yang terbuka dan terus-terang jika masalah itu mempunyai kaitan dengan orang ramai dan bukannya masalah yang berkaitan dengan peribadi.

Tujuan dari displin ini ialah supaya tidak ada di dalam kelompok Muslimin "kumpulan-kumpulan yang berasing" dan supaya tidak ada kumpulan-kumpulan yang terpencil dari kelompok Muslimin dengan kefahaman-kefahaman dan permasalahan-permasalahan mereka atau dengan cara-cara pemikiran dan pembawaan-pembawaan mereka dan seterusnya supaya tidak ada kumpulan di dalam kelompok Muslimin yang merancangkan sesuatu pakatan rahsia kemudian mereka menghadapi kelompok Muslimin dengan mengemukakan suatu keputusan yang telah diambil mereka sebelum ini, atau mereka merancangkan suatu pakatan rahsia yang disembunyikan dari kelompok Muslimin dan mereka bersembunyi dengannya dari mata kelompok Muslimin walaupun mereka tidak dapat menyembunyikannya dari Allah kerana Allah ada bersama mereka ketika mereka merancangkan keputusan yang tidak diredhai-Nya itu.

Ini adalah salah satu tempat, di mana datangnya larangan mengadakan perbincangan rahsia yang

terasing dari kelompok Muslimin dan dari pucuk pimpinannya.

Masjid merupakan dewan pertemuan kelompok Muslimin. Di sinilah tempat mereka bertemu dan berkumpul untuk mendirikan solat dan untuk membincangkan urusan-urusan kehidupan. Seluruh masyarakat Islam merupakan masyarakat yang terbuka. Oleh itu segala persoalan masyarakat yang tidak berkaitan dengan rahsia-rahsia pucuk pimpinan di dalam peperangan-peperangan dan sebagainya dan tidak berkaitan dengan persoalan-persoalan peribadi yang tidak disukai oleh orang-orang yang berkenaan dibicarakan oleh orang lain adalah dibentangkan kepada umum. Kerana itulah masyarakat Islam yang terbuka ini merupakan masyarakat yang bersih dan bebas dan tiada siapa yang mahu menjauhi diri darinya untuk merancangkan sesuatu di belakangnya kecuali mereka yang ingin mengaturkan kelompok jahat terhadapnya atau terhadap mana-mana dasarnya dan mereka biasanya terdiri dari kaum Munafiqin. Oleh sebab itulah perbincangan rahsia digandingkan dengan kaum Munafiqin di kebanyakan tempat (di dalam Al-Qur'an).

Hakikat ini berguna kepada kita, kerana masyarakat Islam harus bersih dari gejala ini dan seluruh anggotanya harus merujukkan kepadanya dan kepada pucuk pimpinannya pendapat-pendapat yang terlintas dalam fikiran mereka atau rancangan-rancangan dan tujuan-tujuan atau permasalahan-permasalahan (yang difikirkan mereka).

Nas Al-Qur'an yang berikut mengecualikan sejenis perbincangan rahsia dan pada hakikatnya ia bukanlah termasuk dalam perbincangan rahsia walaupun pada lahirnya ia mempunyai bentuk perbincangan itu:

إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَٰحٍ
بَيْنَ ٱلنَّاسِ ۚ

"Kecuali perbincangan rahsia mereka yang bertujuan menyuruh memberi sedekah atau membuat kebajikan atau mendamaikan perbalahan di antara manusia."(114)

Perbincangan Rahsia Yang Dibenarkan Allah

Maksudnya perbincangan sulit yang dikecualikan itu ialah seorang yang baik berkumpul dengan seorang baik yang lain dan menganjurkan kepadanya: Marilah kita sama-sama berderma kepada si anu kerana saya tahu dia amat memerlukan bantuan secara tersembunyi dari pandangan ramai! Atau marilah kita melakukan sesuatu kebajikan! Atau marilah kita mengajak orang ramai melakukannya! Atau marilah kita damaikan di antara si anu dengan si anu kerana saya tahu di antara keduanya ada perbalahan! Kadang-kadang terbentuk satu kumpulan dari orang-orang yang baik untuk melaksanakan kerja-kerja kebajikan dan kebaikan seperti ini dan mereka berbincang secara rahsia di antara sama mereka untuk menjayakan maksud-maksud itu.

Semua perbincangan-perbincangan yang seperti ini bukanlah perbincangan rahsia dan bukan pula suatu perbincangan membuat komplot. Oleh sebab itu Al-Qur'an menamakan perbincangan ini sebagai perbincangan "menyuruh berbuat kebaikan" walaupun pada lahirnya ia mempunyai bentuk perbincangan rahsia, di mana seorang yang baik berbincang dengan orang-orang baik yang lain secara rahsia untuk melakukan sesuatu kebaikan yang diketahuinya atau terlintas di dalam fikirannya dengan syarat kerja kebaikan itu mempunyai motif untuk mendapat keredhaan Allah:

وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ ٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِ ٱللَّهِ فَسَوْفَ
نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

"Dan sesiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah, maka Allah akan mengurniakan kepadanya pahala yang amat besar."(114)

Maksudnya hendaklah motifnya ketika ia memberi sedekah kepada si anu atau ketika ia mendamaikan perbalahan di antara si anu dengan si anu bukanlah kerana hawa nafsu dan bukan pula kerana tujuan untuk mendapat nama sebagai seorang yang baik, yang banyak menggalakkan orang ramai berderma dan membuat kebajikan dan banyak berusaha mendamaikan perbalahan. Di sana tidak seharusnya ada sesuatu tujuan yang tidak ikhlas yang mencemarkan kejernihan membuat amalan kebajikan kerana Allah. Inilah persimpangan jalan yang memisahkan di antara amalan kebajikan yang dilakukan oleh seseorang yang mendapat keredhaan Allah dan balasannya yang baik dengan amalan kebajikan yang dilakukan oleh seseorang yang mendapat kemurkaan Allah dan ditulis di dalam daftar amalan-amalan yang jahat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 115 - 116)

Menentang Rasulullah Merupakan Perbuatan Murtad

وَمَن يُشَاقِقِ ٱلرَّسُولَ مِنۢ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ ٱلْهُدَىٰ
وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ ٱلْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِۦ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصْلِهِۦ
جَهَنَّمَ ۖ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ
ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ
ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿١١٦﴾

"Dan sesiapa yang menentang Rasul setelah jelas kepadanya hidayat Allah dan mengikuti jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman nescaya Kami halakanya ke arah yang ditujuinya dan Kami akan masukkannya ke dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (115). Sesungguhnya Allah tidak mengampunkan kesalahan mensyirikkan-Nya dan Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan yang lain dari itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan siapa yang mensyirikkan Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat dalam kesesatan yang amat jauh."(116)

Ada riwayat yang menyebut bahawa sebab turunnya kumpulan ayat-ayat ini ialah ekoran dari keluarnya Basyir ibn Abayraq dari agama Islam (murtad) dan terus menggabungkan dirinya dengan kaum Musyrikin setelah ia mengetahui hidayat Allah dengan jelas. Dahulu dia berada di dalam barisan Muslimin, kemudian dia mengikut jalan orang-orang yang tidak beriman. Tetapi nas ini adalah satu nas yang am yang mencakupi segala kes atau boleh menghadapi segala kes penentangan terhadap Rasulullah s.a.w. Sebarang perbuatan menetang Rasulullah s.a.w. adalah perbuatan kufur, syirik dan murtad dan ini secocok dengan penentangan (Basyir ibn Abayraq) di dalam peristiwa lama.

Kata-kata "يشاقق" dari segi pengertian bahasa bererti seorang itu mengambil bahagian yang bertentangan dengan bahagian yang diambil oleh seorang yang lain (atau berdiri di pihak yang bertentangan dengan pihak yang diambil oleh seorang yang lain). Oeh itu orang yang menentang Rasulullah s.a.w. bererti ia mengambil bahagian berdiri di pihak atau berada di dalam barisan yang bertentangan dengan bahagian, pihak dan barisan yang diambil oleh Rasulullah s.a.w. Ini bererti dia mengambil sistem hidupnya yang berlainan dari sistem hidup yang dibawa oleh beliau dan memilih jalan yang berlainan dari jalan beliau. Kedatangan beliau adalah membawa dari sisi Allah satu sistem hidup yang lengkap yang merangkumi 'aqidah dan syi'ar-syi'ar ibadat di samping merangkumi syari'at dan peraturan-peraturan amali bagi semua aspek hidup manusia. Kedua-dua unsur 'aqidah dan syari'at merupakan badan bagi sistem hidup Ilahi ini. Ia merupakan satu badan yang padu, yang mana roh sistem ini akan tercabut andainya badan itu dibelah lalu diambil sebahagiannya dan ditinggalkan sebahagiannya yang lain. (Berlandaskan hakikat ini) orang yang dikatakan menentang Rasulullah s.a.w. ialah setiap orang yang mengingkar sistem hidup Ilahi yang dibawa olehnya secara keseluruhan atau mempercayai setengah-setengahnya dan mengingkarkan setengah-setengah yang lain, iaitu mengambil sebahagian dan menolak sebahagian yang lain.

Sesungguhnya telah menjadi kehendak rahmat Allah bahawa manusia tidak dijatuhkan hukuman seksa dan tidak dimasukkan ke dalam Neraka Jahannam yang merupakan seburuk-buruk tempat kembali melainkan setelah diutuskan Rasul kepada mereka dan setelah diterangkan jalan hidayat dengan jelas kepada mereka namun begitu mereka memilih kesesatan. Itulah rahmat Allah yang amat luas dan kasihan belas yang besar terhadap makhluk manusia yang lemah itu. Dan apabila hidayat telah terang dan jelas kepada seseorang yakni apabila dia mengetahui bahawa sistem hidup ini adalah dari Allah kemudian dia menetang Rasulullah s.a.w. dalam sistem hidup ini, iaitu dia tidak mengikut dan mematuhinya, dia tidak redha dengan sistem hidup yang kebenarannya telah ternyata dengan jelas kepadanya, maka di waktu inilah Allah menetapkan keputusan sesat di atasnya dan menghalakannya ke arah kesesatan yang ditujuinya dan menggabungkannya ke dalam golongan orang-orang kafir dan kaum Musyrikin yang dituju olehnya dan barulah Allah menetapkan 'azab yang disebut di dalam ayat yang berikut:

وَمَن يُشَاقِقِ ٱلرَّسُولَ مِنۢ بَعۡدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ ٱلۡهُدَىٰ
وَيَتَّبِعۡ غَيۡرَ سَبِيلِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ نُوَلِّهِۦ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصۡلِهِۦ
جَهَنَّمَۖ وَسَآءَتۡ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾

"Dan sesiapa yang menentang Rasul setelah jelas kepadanya hidayat Allah dan mengikuti jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman nescaya Kami halakannya ke arah yang ditujuinya dan Kami akan masukkannya ke dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(115)

Kemudian ayat yang berikut menjelaskan sebab-sebab kesudahan yang malang dan buruk ini dengan menerangkan bahawa keampunan Allah S.W.T. mencakup segala dosa yang lain kecuali dosa syirik. Oleh itu tiada keampunan bagi sesiapa yang mati dengan dosa syirik:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ
ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ ضَلَّ
ضَلَٰلَۢا بَعِيدًا ﴿١١٦﴾

"Sesungguhnya Allah tidak mengampunkan kesalahan mensyirikkan-Nya dan Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan yang lain dari itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan siapa yang mensyirikkan Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat dalam kesesatan yang amat jauh."(116)

Perbuatan-perbuatan Yang Membawa Syirik

Perbuatan mempersekutukan Allah - sebagaimana telah kami huraikan sebelum ini di dalam juzu' ini ketika mentafsirkan ayat yang seperti ini - adalah terlaksana dengan perbuatan mengambil tuhan-tuhan yang lain di samping Allah secara terus-terang sebagaimana yang dilakukan di dalam jahiliyah Arab dan lain-lainnya dari jahiliyah-jahiliyah zaman purba, juga terlaksana dengan perbuatan tidak mengkhususkan ciri-ciri Uluhiyah itu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, malah mengi'tirafkan ciri-ciri itu kepada setengah-setengah manusia seperti perbuatan syirik yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi dan Nasara yang diceritakan oleh Al-Qur'an, iaitu mereka telah mengambil orang-orang alim dan

paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan selain dari Allah walaupun mereka tidak menyembah orang-orang alim dan paderi-paderi itu bersama Allah, tetapi mereka telah mengi'tirafkan hak dan kuasa membuat undang-undang (yang menjadi ciri Uluhiyah itu) kepada orang-orang alim dan paderi-paderi yang telah mengadakan hukum-hukum haram dan halal lalu diikuti dan dipatuhi oleh mereka. Ini bererti mereka telah memberi kepada orang-orang alim dan paderi-paderi itu salah satu dari ciri Uluhiyah dan kerana itu mereka berhak disifatkan sebagai orang-orang yang telah melanggar dasar tauhid yang disuruh mereka mematuhinya, iaitu mereka disuruh menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dengan menegakkan syi'ar-syi'ar ibadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan menerima undang-undang dari Allah Yang Maha Esa sahaja.

Sebab Syirik Tidak Diberi Pengampunan

Tiada keampunan bagi dosa syirik apabila seseorang itu mati dengan dosa itu, tetapi pintu keampunan sentiasa terbuka kepada semua dosa yang lain dari syirik jika dikehendaki oleh Allah. Sebab jenayah syirik itu dipandang begitu besar dan dikeluarkan dari daerah keampunan ialah kerana orang-orang yang mensyirikkan Allah benar-benar terkeluar dari batas-batas kebaikan dan seluruh fitrahnya benar-benar telah rosak hingga tidak boleh lagi menjadi baik buat selama-lamanya:

وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿١١٦﴾

"Dan sesiapa yang mensyirikkan Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat di dalam kesesatan yang amat jauh."(116)

Andainya di sana masih ada seurat benang dari benang-benang fitrah yang tidak rosak tentulah ia dapat menarik seseorang itu kepada kesedaran terhadap Wahdaniyah Allah walaupun seketika sebelum ia mati, tetapi apabila dia telah berada dalam dengkuran nazak yang akhir, sedangkan ia tetap dalam syirik, maka bererti perkaranya telah pun berakhir dan dia terhak menerima keputusan 'azab.

وَنُصْلِهِۦ جَهَنَّمَ ۖ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾

"Dan Kami akan masukkannya ke dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(115)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 117 - 122)

Amalan-amalan Syirik Orang-orang Arab Di Zaman Jahiliyah

Kemudian ayat yang berikut memetikan beberapa kepercayaan karut orang-orang Arab jahiliyah yang bergelimang di dalam kepercayaan syirik, iaitu mengenai dongeng-dongeng mereka di sekitar Allah yang kononnya telah memilih malaikat sebagai puteri-puteri-Nya dan di sekitar amalan mereka menyembah syaitan. Mereka telah menyembah syaitan dan malaikat-malaikat dan patung-patung yang melambangkannya. Ia juga memerikan beberapa syi'ar ibadat mereka dalam bentuk amalan memotong atau membelah telinga-telinga binatang-binatang ternakan yang dinazarkan mereka kepada berhala-berhala, juga dalam bentuk amalan-amalan mengubahkan kejadian Allah dan mempersekutukan Allah yang bertentangan dengan fitrah manusia yang dijadikan Allah:

إِن يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦٓ إِلَّآ إِنَٰثًا وَإِن يَدْعُونَ إِلَّا شَيْطَٰنًا مَّرِيدًا ﴿١١٧﴾

لَّعَنَهُ ٱللَّهُ ۘ وَقَالَ لَأَتَّخِذَنَّ مِنْ عِبَادِكَ نَصِيبًا مَّفْرُوضًا ﴿١١٨﴾

وَلَأُضِلَّنَّهُمْ وَلَأُمَنِّيَنَّهُمْ وَلَءَامُرَنَّهُمْ فَلَيُبَتِّكُنَّ ءَاذَانَ ٱلْأَنْعَٰمِ وَلَءَامُرَنَّهُمْ فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ ٱللَّهِ ۚ وَمَن يَتَّخِذِ ٱلشَّيْطَٰنَ وَلِيًّا مِّن دُونِ ٱللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾

يَعِدُهُمْ وَيُمَنِّيهِمْ ۖ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢٠﴾

"Tiada apa yang mereka sembah selain Allah melainkan hanya berhala-berhala perempuan dan tiada apa yang mereka sembah melainkan hanya syaitan yang derhaka (117). Yang telah dilaknati Allah dan ia mengatakan: Demi sesungguhnya Aku akan mengambil segolongan yang tertentu dari para hamba-Mu (118). Dan demi sesungguhnya aku akan sesatkan mereka dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan (yang kosong) dan demi sesungguhnya aku akan memerintah mereka: Hendaklah mereka membelah telinga-telinga binatang ternakan dan demi sesungguhnya aku akan memerintah mereka: Hendaklah mereka mengubahkan ciptaan Allah. Dan barang siapa yang mengambil syaitan sebagai pelindung selain dari Allah, maka sesungguhnya ia mendapat kerugian yang amat nyata (119). Syaitan sentiasa memberi janji-janji (yang muluk) kepada mereka dan memperdayakan mereka dengan angan-angan (yang kosong) dan tiada apa yang dijanjikan syaitan itu melainkan hanya tipudaya belaka.(120)

Orang Arab di dalam jahiliyah beranggapan bahawa malaikat-malaikat itu puteri-puteri Allah dan mereka jadikan malaikat-malaikat itu berhala-berhala yang mereka namakannya dengan nama-nama perempuan iaitu: al-Lata, al-'Uzza, Manata dan sebagainya kemudian mereka sembahkan berhala-berhala itu dengan sifatnya sebagai patung-patung puteri-puteri Allah, dan dengan perantaraan-nya mereka memperdekatkan diri mereka kepada Allah. Beginilah

sekurang-kurangnya pada permulaannya kemudian mereka lupa kepada asal dongeng itu dan terus menyembah berhala-berhala itu sendiri, malah mereka menyembah apa sahaja jenis batu sebagaimana telah Kami huraikan di dalam juzu' yang keempat.

Demikianlah mengikut nas ini. Setengah-setengah orang Arab menyembah syaitan. Ujar al-Kalbi: Bani Mulayh dari suku Khuza'ah adalah menyembah jin.

Tetapi nas Al-Qur'an di sini mempunyai pengertian yang lebih luas lagi. Nas ini bertujuan menyatakan bahawa manusia yang berpegang dengan seluruh kepercayaan syirik itu pada hakikatnya adalah menyembah syaitan dan mengambil ilham mereka dari syaitan dan syaitan ini ialah syaitan yang menjadi hero dalam kisahnya dengan moyang mereka Adam a.s. Ia telah dilaknatkan Allah dengan sebab kederhakaannya kepada Allah dan perseteruannya terhadap manusia. Dendam kesumatnya terhadap manusia memuncak begitu tinggi selepas ia diusir dari Syurga dan dilaknatkan Allah hingga ia mengambil kebenaran dari Allah S.W.T. untuk menyesatkan setiap manusia yang tidak berlindung di bawah naungan Allah:

إِن يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦٓ إِلَّآ إِنَٰثًا وَإِن يَدْعُونَ إِلَّا
شَيْطَٰنًا مَّرِيدًا ﴿١١٧﴾
لَّعَنَهُ ٱللَّهُ وَقَالَ لَأَتَّخِذَنَّ مِنْ عِبَادِكَ نَصِيبًا
مَّفْرُوضًا ﴿١١٨﴾
وَلَأُضِلَّنَّهُمْ وَلَأُمَنِّيَنَّهُمْ وَلَءَامُرَنَّهُمْ فَلَيُبَتِّكُنَّ
ءَاذَانَ ٱلْأَنْعَٰمِ وَلَءَامُرَنَّهُمْ فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ
ٱللَّهِ ۚ

"Tiada apa yang mereka sembah selain Allah itu melainkan berhala-berhala perempuan dan tiada apa yang mereka sembah melainkan syaitan yang derhaka (117). Yang telah dilaknati Allah dan ia mengatakan: Demi sesungguhnya Aku akan mengambil segolongan yang tertentu dari para hamba-Mu (118). Dan demi sesungguhnya aku akan sesatkan mereka dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan (yang kosong) dan demi sesungguhnya aku akan memerintah mereka: Hendaklah mereka membelah telinga-telinga binatang ternakan dan demi sesungguhnya aku akan memerintah mereka: Hendaklah mereka mengubahkan ciptaan Allah."(119)

Perbuatan-perbuatan Mengubah Ciptaan Allah

Mereka menyembah syaitan - musuh lama mereka - dan dari syaitanlah mereka mengambil ilham dan fikiran yang sesat ini. Itulah syaitan yang telah dilaknatkan Allah dan yang telah melahirkan niatnya dengan terus-terang untuk menyesatkan segolongan manusia dari anak cucu Adam dan memperdayakan mereka dengan angan-angan yang palsu di jalan yang sesat seperti keni'matan yang palsu, kebahagiaan yang kosong dan keselamatan yang bohong dari balasan di akhir perjalanan hidup kelak. Begitu juga syaitan telah menyatakan dengan terus-terang niatnya yang jahat untuk menjerumuskan manusia melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan syi'ar-syi'ar agama yang karut dari ciptaan dongeng-dongeng seperti mencarikkan telinga setengah-setengah binatang ternakan supaya ia menjadi binatang-binatang yang haram ditunggang atau haram dimakan dagingnya, sedangkan Allah tidak mengharamkannya, juga seperti perbuatan mengubahkan kejadian Allah dan fitrah-Nya dengan memotong mana-mana bahagian badannya atau mengubahkan bentuknya baik pada manusia mahupun pada binatang seperti perbuatan kasi hamba abdi, mentatu kulit-kulit badan dan sebagainya dari perbuatan-perbuatan mengubah dan memburukkan kejadian yang diharamkan oleh Islam.

Peperangan Dengan Syaitan Merupakan Peperangan Utama Manusia

Apabila manusia sedar bahawa musuh lamanya syaitan itulah yang menjadi pendorong yang menolaknya ke arah melakukan perbuatan syirik dan iringan-iringannya dari upacara-upacara ibadat keberhalaan, maka setidak-tidaknya akan menimbulkan di dalam hatinya sikap hati-hati dan waspada dari termasuk di dalam perangkap yang dipasang oleh musuhnya itu. Islam telah menjadikan perjuangan di antara manusia dan syaitan sebagai perjuangan utama dan mengemblengkan seluruh kekuatan orang-orang Mu'min supaya menentang syaitan dan memerangi kejahatan-kejahatan yang diadakan oleh syaitan di bumi ini. Ia mengajak mereka berdiri di bawah panji-panji Allah dan menggabungkan diri mereka di dalam Hizbullah untuk menentang syaitan dan hizbu syaitan. Ini adalah satu perjuangan yang berterusan yang tidak mengenal gencatan senjata, kerana syaitan tidak pernah jemu kepada peperangan itu, iaitu peperangan yang telah diisytiharkan sejak ia dilaknatkan Allah dan diusirkan dari Syurga dan orang yang beriman tidak lupa kepada perjuangan ini dan tidak menarik diri darinya kerana dia tahu (bahawa pilihannya ialah salah satu dari dua) sama ada ia menjadi seorang yang dinaungi Allah atau seorang yang dinaungi syaitan dan di sana tidak ada jalan tengah. Syaitan hadir di dalam diri seseorang dan di dalam nafsu-nafsu keinginannya yang dirangsangkan di dalam hatinya dan ia juga hadir di kalangan pengikut-pengikutnya dari kaum Musyirikin dan pendokong-pendokong kejahatan umumnya, sedangkan orang yang beriman menentang syaitan yang hadir di dalam dirinya sebagaimana ia menentang syaitan di kalangan pengikut-pengikutnya. Itulah satu perjuangan yang bersambung-sambung di sepanjang hidup.

Sesiapa yang memilih Allah sebagai pelindung dan penaungnya, maka dia akan selamat dan beruntung dan sesiapa yang memilih syaitan selaku pelindung dan penaungnya, maka dia akan rugi dan binasa:

وَمَن يَتَّخِذِ ٱلشَّيْطَٰنَ وَلِيًّا مِّن دُونِ ٱللَّهِ فَقَدْ
خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾

"Dan barang siapa yang mengambil syaitan sebagai pelindung selain dari Allah, maka sesungguhnya ia mendapat kerugian yang amat nyata."(119)

Ayat yang berikut menggambarkan tindak-tanduk syaitan terhadap orang-orang yang dilindunginya dengan perdayaan dan tarikan-tarikan seperti ini:

يَعِدُهُمْ وَيُمَنِّيهِمْ ۖ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ
إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢٠﴾

"Syaitan sentiasa memberi janji-janji (yang muluk) kepada mereka dan memperdayakan mereka dengan angan-angan (yang kosong) dan tiada apa yang dijanjikan syaitan itu melainkan hanya tipu daya belaka."(120)

Itulah satu perdayaan syaitan dan tarikannya yang tertentu yang menyelewengkan fitrah manusia dari keimanan dan tauhid kepada kekufuran dan kesyirikan. Jika tidak kerana perdayaan dan tarikan ini tentulah fitrah yang bersih itu dapat meneruskan perjalanannya (dengan selamat) dan tentulah keimanan dapat menjadi penunjuk dan pemandu fitrah.

Itulah satu perdayaan dan tarikan syaitan yang tertentu yang membuat seseorang itu memandang elok kepada perbuatan-perbuatannya yang buruk dan menyangka mendapat keuntungan dan kebahagiaan di jalan maksiat itu. Seterusnya syaitan memperdayakannya dengan angan-angan bahawa dia akan terselamat dari akibat-akibat maksiat yang telah dilakukannya dan oleh kerana itu dia merasa tenang lalu meneruskan perjalanannya menuju kebinasaan.

وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢٠﴾

"Dan tiada apa yang dijanjikan syaitan itu melainkan hanya tipu daya belaka."(120)

Apabila pemandangan digambarkan sedemikian rupa, di mana musuh lamanya syaitan kelihatan sedang memintal tali dan memasang jerat kemudian memujuk dan memperdaya mangsanya, maka tiada siapa lagi yang akan terus lalai cuai, tidak acuh dan tidak mahu mengambil tahu kejalan manakah mereka akan dibawa dan ke dalam gaung manakah mereka akan dihumbankan kecuali orang-orang yang mempunyai fitrah yang padam cahayanya dan hilang nurnya.

Ketika sentuhan yang menyedarkan ini menerapkan kesan-kesannya di dalam hati dan menggambarkan hakikat perjuangan dan keadaan yang sebenar, maka ayat yang berikut datang pula membuat kenyataan yang menerangkan akibat di akhir perjalanan, iaitu akibat mereka yang diperdayakan syaitan dan tepat dengan pandangan syaitan terhadap mereka atau dapat melaksanakan ke atas mereka segala niatnya yang jahat yang telah diumumkan dengan terang-terangan itu, juga akibat orang-orang yang terselamat dari perangkap dan jerat syaitan kerana mereka beriman kepada Allah dengan keimanan yang sebenar. Memang orang-orang yang beriman kepada Allah dengan keimanan yang tulen itu akan terselamat dari syaitan, kerana syaitan yang terkutuk ketika ia meminta izin untuk menggoda manusia adalah tidak dibenarkan menyentuh para hamba-Nya yang mukhlisin (yang beriman tulen). Syaitan amat lemah untuk menghadapi para hamba mukhlisin apabila mereka semakin kuat berpegang dengan tali Allah yang kukuh.

وَمَن يَتَّخِذِ ٱلشَّيْطَٰنَ وَلِيًّا مِّن دُونِ ٱللَّهِ فَقَدْ
خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾
يَعِدُهُمْ وَيُمَنِّيهِمْ ۖ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ
إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢٠﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ وَلَا يَجِدُونَ عَنْهَا
مَحِيصًا ﴿١٢١﴾
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَنُدْخِلُهُمْ
جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ
أَبَدًا ۖ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقًّا ۚ وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ ٱللَّهِ
قِيلًا ﴿١٢٢﴾

"Dan barang siapa yang mengambil syaitan sebagai pelindung selain dari Allah, maka sesungguhnya ia mendapat kerugian yang amat nyata."(119 . Syaitan sentiasa memberi janji-janji (yang muluk) kepada mereka dan memperdayakan mereka dengan angan-angan (yang kosong) dan tiada apa yang dijanjikan syaitan itu melainkan hanya tipudaya belaka (120). Orang-orang yang seperti itu tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan mereka tidak akan mendapat tempat untuk menghindarkan diri darinya (121). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh Kami akan masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka kekal abadi di dalamnya sebagai janji Allah yang benar dan siapakah yang lebih benar perkataannya daripada Allah?"(122)

Itulah Neraka Jahannam yang tiada sebarang jalan bagi orang-orang yang dinaungi syaitan untuk melepaskan diri darinya dan itulah Syurga yang kekal abadi untuk para hamba yang dinaungi Allah yang tidak akan keluar darinya. Itulah janji Allah:

وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ ٱللَّهِ قِيلًا ﴿١٢٢﴾

"Dan siapakah yang lebih benar perkataannya daripada Allah?" (122)

Kebenaran firman Allah yang mutlaq di sini dibandingkan dengan tipudaya dan angan-angan palsu dalam perkataan syaitan. Alangkah jauhnya perbezaan di antara orang-orang yang percaya kepada janji-janji Allah dengan mereka yang percaya kepada pernyataan syaitan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 123 - 126)

Dasar Balasan Dan Hukuman

Kemudian di dalam ayat yang berikut Al-Qur'an mengemukakan dasar agung Islam dalam amalan dan balasan, iaitu ukuran atau neraca pertimbangan pahala dan balasan seksa tidaklah diserahkan kepada angan-angan manusia, malah dirujukkan kepada satu dasar yang tetap, satu undang-undang yang tidak mungkir dan memilih kasih, satu undang-undang di mana seluruh umat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di hadapannya - di sini tiada siapa pun (yang boleh mendakwa) mempunyai hubungan keturunan atau persemendaan dengan Allah - dan tiada siapa pun yang boleh dipecahkan dasar ini kerananya, tiada siapa yang boleh dilanggarkan peraturan ini kerananya dan tiada siapa pun yang boleh dilumpuhkan undang-undang ini kerananya. Sesiapa sahaja yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan kejahatan dan sesiapa sahaja yang melakukan kebaikan akan dibalas dengan kebaikan. Di sini tiada pilih kasih dan tiada dolak-dalik:

لَّيْسَ بِأَمَانِيِّكُمْ وَلَآ أَمَانِيِّ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ ۗ مَن يَعْمَلْ سُوٓءًا يُجْزَ بِهِۦ وَلَا يَجِدْ لَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٢٣﴾

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ﴿١٢٤﴾

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَٱتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا ۗ وَٱتَّخَذَ ٱللَّهُ إِبْرَٰهِيمَ خَلِيلًا ﴿١٢٥﴾

"(Pertimbangan balasan Allah itu) bukanlah mengikut angan-angan kamu dan tidak pula mengikut angan-angan Ahlil-Kitab. Barang siapa yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan kejahatan dan dia tidak akan mendapat sesiapa pun selain dari Allah yang boleh menjadi pelindung dan dia tidak pula boleh menjadi penolong (mereka) (123). Dan sesiapa yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh dari lelaki atau perempuan, sedangkan ia seorang yang beriman, maka mereka akan masuk ke dalam Syurga dan mereka tidak akan dikurangi sedikitpun (pahala amalan mereka) (124). Dan siapakah yang lebih elok agamanya dari orang yang ikhlas menyerahkan dirinya kepada Allah, sedangkan ia seorang yang melakukan amalan dengan dasar ihsan dan mengikut agama Ibrahim yang mentauhidkan Allah? Dan Allah telah mengambil Ibrahim sebagai kesayangan-Nya."(125)

Orang-orang Yahudi dan Nasara berkata: "Kami adalah anak-anak Allah dan para kekasih-Nya", mereka mendabik dada "Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan beberapa hari sahaja". Orang-orang Yahudi masih terus mendakwa bahawa mereka adalah bangsa pilihan Allah!

Mungkin setengah-setengah orang-orang Islam juga berangan-angan seperti itu dengan gagasan bahawa mereka sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia dan Allah akan mengampunkan segala dosa mereka dengan sebab mereka orang-orang Islam.

Oleh sebab itulah ayat ini mendorong mereka supaya beramal dan hanya beramal dan memulangkan seluruh manusia kepada satu neraca sahaja, iaitu menyerahkan seluruh dirinya kepada Allah serta beramal dengan dasar ihsan dan mengikut agama Ibrahim agama Islam -, iaitu Ibrahim yang telah dipilih Allah sebagai hamba kesayangan-Nya atau khalil-Nya.

Sebaik-baik agama ialah agama Islam - agama Ibrahim - dan sebaik amalan ialah amalan dengan dasar ihsan iaitu engkau beribadat kepada Allah seolah-olah engkau melihat Allah dan jika engkau tidak melihat-Nya, maka Dia melihat engkau, dan Allah telah menetapkan dasar ihsan itu dalam segala perbuatan sehingga dalam menyembelih binatang, iaitu merehatkan kedudukanya dan menajamkan mata pisau supaya ia tidak terseksa sewaktu disembelih.

Di dalam ayat yang berikut diterangkan dasar persamaan di antara lelaki dan perempuan di dalam amalan dan balasan di samping dinyatakan syarat bagi penerimaan amalan iaitu beriman kepada Allah:

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ﴿١٢٤﴾

"Dan sesiapa yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh dari lelaki atau perempuan, sedangkan ia seorang yang beriman, maka mereka akan masuk ke dalam Syurga dan mereka tidak akan dikurangi sedikitpun (pahala amalan mereka)."(124)

Keimanan Merupakan Syarat Penerimaan Amalan

Ayat merupakan nas yang sarih (jelas) mengenai dasar persamaan dalam melayani lelaki dan perempuan, juga merupakan nas yang sarih bahawa

keimanan itu adalah syarat bagi penerimaan sesuatu amalan dan mana-mana amalan yang tidak terbit dari keimanan dan tidak disertai oleh keimanan adalah tidak mempunyai sebarang nilai di sisi Allah. Syarat ini memang tabi'i dan logikal kerana keimanan kepada Allah itulah yang menjadikan sesuatu perbuatan yang baik itu terbit dari kefahaman dan niat yang tertentu dan menjadikan perbuatan itu suatu harakat yang tabi'i dan teratur bukannya terbit kerana tujuan untuk memenuhi kehendak keinginan peribadi dan bukannya harakat yang kebetulan yang tidak diatur dengan rapi dan tidak ditegakkan di atas sesuatu asas atau dasar.

Kata-kata yang menjadi nas-nas yang sarih ini bertentangan dengan pendapat al Ustaz al-Imam Syeikh Muhammad Abduh Rahimahullah dalam tafsirnya Juzu' 'Amma sewaktu mentafsirkan ayat yang berikut:

فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُۥ ﴿٧﴾

"Barang siapa yang berbuat amalan kebajikan seberat zarrah nescaya ia akan melihat pahalanya."

(Surah az-Zalzalah: 7)

Menurut beliau ayat ini umum meliputi orang-orang Islam dan orang-orang bukan Islam, sedangkan nas-nas sarih yang lain menolak pendapat ini begitu juga pendapat al-Ustaz Syeikh al-Maraghi Rahimahullah dan kami telah sebutkan cerita ini di dalam cetakan pertama Juzu' 'Amma (juzu' yang ketiga puluh) dari Tafsir Fi Zilal ini."[37]

Orang-orang Islam merasa susah hati setelah mendengar firman Allah yang berikut:

مَن يَعْمَلْ سُوٓءًا يُجْزَ بِهِۦ وَلَا يَجِدْ لَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٢٣﴾

"Dan barang siapa yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan kejahatan dan dia tidak akan mendapat sesiapa pun selain Allah yang boleh menjadi pelindung dan tidak pula boleh menjadi penolong (mereka)."(123)

Mereka merasa susah hati kerana mereka tahu tabi'at jiwa manusia. Mereka tahu tabi'at manusia pasti melakukan sesuatu dosa walau bagaimana baiknya sekalipun dan walau bagaimana banyaknya kebaikan yang dikerjakannya. Mereka mengenal hakikat jiwa manusia dan kerana itulah mereka mengenal diri mereka. Mereka tidak menipu diri sendiri tentang hakikat diri mereka. Mereka tidak sembunyikan kejahatan-kejahatan diri mereka. Mereka tidak berpura-pura tidak tahu terhadap kelemahan yang kadang-kadang dialami diri mereka. Mereka tidak menolak atau menutup kelemahan diri mereka. Oleh sebab itulah hati mereka menggeletar apabila mereka menghadapi pernyataan Al-Qur'an bahawa setiap kejahatan yang dilakukan mereka akan dibalas dengan kejahatan. Hati mereka menggeletar seolah-olah ia benar-benar menghadapi dan merasakan akibat balasan itu. Inilah sifat istimewa orang-orang Mu'min, iaitu mereka merasakan alam Akhirat dan menghayatinya dengan perasaan mereka seolah-olah mereka telah berada di sana bukannya hanya merasakan alam Akhirat itu sebagai sebuah alam yang akan tetap datang kepada mereka. Oleh sebab itulah mereka takut dan menggeletar kepada janji balasan seksa yang tegas itu.

Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abdullah ibn Numayr, kami telah diceritakan oleh Ismail dari Abu Bakr bin Abu Zuhayr katanya: Aku telah dikhabarkan bahawa Abu Bakr r.a. telah berkata: Wahai Rasulullah! Bagaimana hendak mencapai kejayaan di Akhirat setelah turun ayat ini:

لَّيْسَ بِأَمَانِيِّكُمْ وَلَآ أَمَانِيِّ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ ۗ مَن يَعْمَلْ سُوٓءًا يُجْزَ بِهِۦ وَلَا يَجِدْ لَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٢٣﴾

"(Pertimbangan balasan Allah itu) bukanlah mengikut angan-angan kamu dan tidak pula mengikut angan-angan Ahlil-Kitab. Barang siapa yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan kejahatan dan dia tidak akan mendapat sesiapa pun selain dari Allah yang boleh menjadi pelindung dan dia tidak pula boleh menjadi penolong (mereka)."(123)

Ini bererti setiap dosa yang kita lakukan itu akan dikenakan balasan jawab Nabi s.a.w.:

غفرالله لك يا أبا بكر. ألست تمرض؟ ألست تنصب؟ الست تحزن؟ الست تصيبك اللأواء؟ قال بلى! قال: فهو مما تجزون به

"Allah telah mengampunkan anda wahai Abu Bakr, bukankah anda pernah sakit? Bukankah anda pernah penat? Bukankah anda pernah berdukacita dan bukankah anda pernah ditimpa kesusahan? Jawab Abu Bakr: Ya, lalu beliau bersabda: "Itulah di antara balasan-balasan yang dibalaskan kamu dengannya"

-Hadith ini diriwayatkan oleh al-Hakim dari saluran Sufyan ath-Thauri dari Ismail.

---

[37] *Menurut al-Ustaz al-Imam as-Syeikh Muhammad 'Abduh Rahimahullah sebagaimana yang disaringkan oleh al-Ustaz as-Syeikh Ahmad Mustafa al-Maraghi Rahimahullah di dalam tafsirnya bahawa orang-orang kafir turut mendapat balasan dari amalan-amalan yang baik yang dilakukan oleh mereka dan amalan-amalan yang baik itu boleh meringankan mereka dari 'azab dosa-dosa yang lain yang ditakutkan mereka, tetapi tidak dapat menyelamatkan mereka dari 'azab kekufuran yang kekal dan mereka tidak akan diringankan dari 'azab kekufuran yang kekal itu. Ini berlandaskan dasar keadilan pembalasan Allah pada hari Kiamat, di mana tiada seorang pun akan dianiayai. Firman Allah Taala:* فلا تظلم نفس شيا*. "Tiada seorang yang dianiayai walau sedikitpun." (Surah al-Anbiya' : 47). Lihat tafsir al-Maraghi, m.s. 220 cetakan kedua. (Penterjemah).*

Dan Abu Bakr ibn Mardawaih telah meriwayatkan hadith ini dengan isnadnya kepada Ibn Umar yang menceritakan dari Abu Bakr as-Siddiq katanya: Aku berada di sisi Nabi s.a.w. lalu turun ayat ini.

مَن يَعْمَلْ سُوٓءًا يُجْزَ بِهِۦ وَلَا يَجِدْ لَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٢٣﴾

"Barang siapa yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan kejahatan itu. Dan dia tidak akan mendapat sesiapa pun selain Allah yang boleh menjadi pelindung dan tidak pula boleh menjadi penolong."(123)

Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai Abu Bakr! Apakah anda suka saya bacakan kepada anda satu ayat yang diturunkan kepada saya?" Kata Abu Bakr: "Aku jawab: 'Wahai Rasulullah! Bacalah ayat itu kepada saya........." Kemudian Abu Bakr berkata: Saya tidak tahu bahawa belakang saya telah patah sehingga saya melangkah kepada ayat ini" [38] , Sabda Rasulullah s.a.w.: Mengapa anda jadi begitu? Wahai Abu Bakr jawabku: "Wahai Rasulullah! Demi ayah anda dan ibu saya, siapakah dari kami yang tidak pernah mengerjakan dosa, sedangkan kami akan dibalas dengan setiap dosa yang kami lakukannya." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

أما أنت يا أبا بكر وأصحابك المؤمنون فإنكم تجزون بذلك في الدنيا، حتى تلقوا الله ليس لكم ذنوب. وأما ألآخرون فيجمع ذلك لهم حتى يجزوا به يوم القيا مة

"Wahai Abu Bakr! Adapun anda dan sahabat-sahabat anda yang beriman, maka kamu sekalian dibalaskan dosa-dosa kamu itu di dunia ini lagi sehingga apabila kamu kelak menemui Allah, maka tidak ada lagi dosa-dosa kamu itu. Adapun orang lain (orang-orang yang tidak beriman) maka dosa-dosa itu akan dikumpul untuk mereka hingga mereka dibalaskan dengan dosa-dosa itu pada hari Qiamat".

- Diriwayatkan oleh at-Tirmizi.

Mengikut riwayat Ibn Abi Hatim dengan isnadnya dari Aisyah katanya: Aku berkata: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya hamba tahu ada satu ayat yang paling keras di dalam Al-Qur'an." Lalu Rasulullah s.a.w. bertanya: Apakah ayat itu, wahai Aisyah?"Jawabku: Itulah ayat:

مَن يَعْمَلْ سُوٓءًا يُجْزَ بِهِۦ

"Barang siapa yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan kejahatan itu."

Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

ما يصيب العبد المؤمن، حتى النكبة ينكبها

"Tiada suatu kesusahan yang menimpa seorang Mu'min hingga geselan batu yang melukakan kakinya (melainkan menjadi kifarat bagi dosanya)."

- Diriwayatkan oleh Ibn Jarir.

Muslim, at-Tirmizi dan an-Nasa'i telah meriwayatkan dari hadith Sufyan ibn 'Uyainah dengan isnadnya dari Abu Hurayrah r.a. katanya: Apabila turun ayat:

مَن يَعْمَلْ سُوٓءًا يُجْزَ بِهِۦ

"Barang siapa yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan kejahatan itu."(123)

maka orang-orang Islam merasa susah hati lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

سددوا وقاربوا فإن في كل ما يصاب به المسلم كفارة. حتى الشوكة يشاكها والنكبة ينكبها

"Beramallah dengan jujur, lurus dan sederhana dan sesungguhnya dalam setiap kesusahan yang menimpa orang Islam adalah mengandungi kifarat bagi dosa-dosanya hingga duri yang menyucuknya dan geselan batu yang melukakan kakinya."

Walau bagaimanapun inilah salah satu methodologi Al-Qur'an untuk mewujudkan kefahaman keimanan yang sahih mengenai konsep amalan dan balasan yang mempunyai erti yang amat besar kepada kejujuran pemikiran dalam satu segi dan kejujuran amalan dalam realiti dari satu segi yang lain. Ayat ini telah menggoncangkan hati orang-orang Islam dan membuat hati mereka takut dan menggigil kerana mereka mengambil perkara ini dengan begitu serius. Mereka tahu bahawa janji Allah adalah benar. Mereka menghayati janji itu dan menghayati alam Akhirat walaupun mereka masih berada di dunia ini.

Pada akhirnya Al-Qur'an iringi dengan kenyataan yang menggolongkan persoalan amalan dan balasan, juga persoalan syirik dan iman yang dibicarakan sebelum ini dengan memulangkan segala isi langit dan bumi kepada Allah dan kepada ilmu Allah yang meliputi segala sesuatu di alam hidup dunia dan selepas hidup dunia:

وَلِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ مُّحِيطًا ﴿١٢٦﴾

"Dan Allah memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi dan Allah mengetahui segala sesuatu."(126)

Pengkhususan Allah dengan ciri Uluhiyah begitu banyak digandingkan dengan pengkhususkan Allah dengan ciri kuasa pemerintahan, penguasaan, kekuasaan dan kuasa pendudukan kerana konsep tauhid di dalam Islam bukanlah semata-mata mentauhidkan zat Allah, malah satu tauhid yang positif, iaitu mentauhidkan kuasa penciptaan dan kuasa memberi kesan di alam buana ini, juga mentauhidkan kuasa pemerintahan dan hak penguasaan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. [39]

---

[38] *Dalam riwayat yang lain Abu Bakr berkata: "Kini telah turun ayat yang mematahkan belakang". (Penterjemah)*

[39] *Lihat bab al-Ijabiyah dalam buku "* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته *" bahagian yang pertama.*

Apabila seseorang itu merasa dan menyedari bahawa segala isi langit dan segala isi bumi itu milik Allah dan bahawa ilmu Allah meliputi segala-galanya, tiada suatu pun yang terluput dari pengetahuan-Nya dan kekuasaan-Nya, maka kesedaran itu akan menjadi pendorong yang kuat ke arah mengkhususkan ciri Uluhiyah dan menumpukan amalan ibadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, juga ke arah berusaha mencari keredhaan-Nya dengan mengikut peraturan-peraturan-Nya dan mematuhi perintah-perintah-Nya. Kenangilah segala sesuatu adalah milik-Nya dan segala sesuatu berada di dalam genggaman qudrat-Nya belaka dan kenangilah bahawa Allah mengetahui segala sesuatu.

Aliran-aliran Faham Falsafah Yang Pasif Dan Negatif Terhadap Allah

Setengah-setengah aliran falsafah mengakui sifat wahdaniyah bagi Allah, setengah aliran menolak sifat iradat dari Allah, setengah aliran menolak sifat ilmu dari Allah dan setengahnya pula menolak ciri pemerintahan dan penguasaan dari Allah dan lain-lain aliran lagi dari timbunan fikiran sampah sarap yang mereka namakan sebagai "aliran-aliran falsafah". Oleh sebab itulah kefahaman-kefahaman yang seperti ini merupakan kefahaman-kefahaman yang pasif dan negatif yang tidak mempunyai sebarang kesan di dalam kehidupan manusia, di dalam perilaku mereka dan akhlak mereka. Kefahaman-kefahaman itu juga tidak mempunyai sebarang nilai di dalam perasaan dan di dalam realiti mereka, malah kefahaman-kefahaman ini merupakan omong-omong kosong sahaja.

Allah di dalam pandangan Islam adalah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Ia memiliki segala sesuatu, mengetahui segala sesuatu dan menguasai segala sesuatu dan hanya di bawah kefahaman yang sedemikian rupa sahaja hati manusia menjadi baik, akhlak mereka menjadi baik dan hidup mereka menjadi baik.

(Kumpulan ayat-ayat 127 - 134)

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي ٱلنِّسَآءِۖ قُلِ ٱللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ
وَمَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فِي ٱلْكِتَٰبِ فِي يَتَٰمَى ٱلنِّسَآءِ
ٱلَّٰتِي لَا تُؤْتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَتَرْغَبُونَ أَن
تَنكِحُوهُنَّ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلْوِلْدَٰنِ وَأَن تَقُومُوا۟
لِلْيَتَٰمَىٰ بِٱلْقِسْطِۚ وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ بِهِۦ عَلِيمًا ﴿١٢٧﴾
وَإِنِ ٱمْرَأَةٌ خَافَتْ مِنۢ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا
جُنَاحَ عَلَيْهِمَآ أَن يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًاۚ
وَٱلصُّلْحُ خَيْرٌۗ وَأُحْضِرَتِ ٱلْأَنفُسُ ٱلشُّحَّۚ وَإِن
تُحْسِنُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ
خَبِيرًا ﴿١٢٨﴾
وَلَن تَسْتَطِيعُوٓا۟ أَن تَعْدِلُوا۟ بَيْنَ ٱلنِّسَآءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْۖ
فَلَا تَمِيلُوا۟ كُلَّ ٱلْمَيْلِ فَتَذَرُوهَا كَٱلْمُعَلَّقَةِۚ
وَإِن تُصْلِحُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿١٢٩﴾
وَإِن يَتَفَرَّقَا يُغْنِ ٱللَّهُ كُلًّا مِّن سَعَتِهِۦۚ وَكَانَ ٱللَّهُ
وَٰسِعًا حَكِيمًا ﴿١٣٠﴾
وَلِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِۗ وَلَقَدْ
وَصَّيْنَا ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكُمْ
وَإِيَّاكُمْ أَنِ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَۚ وَإِن تَكْفُرُوا۟ فَإِنَّ لِلَّهِ
مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَنِيًّا
حَمِيدًا ﴿١٣١﴾
وَلِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
وَكِيلًا ﴿١٣٢﴾
إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ أَيُّهَا ٱلنَّاسُ وَيَأْتِ بِـَٔاخَرِينَۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ ذَٰلِكَ قَدِيرًا ﴿١٣٣﴾
مَّن كَانَ يُرِيدُ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا فَعِندَ ٱللَّهِ ثَوَابُ ٱلدُّنْيَا
وَٱلْءَاخِرَةِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿١٣٤﴾

"Dan mereka meminta fatwa kepadamu (Muhammad) mengenai persoalan kaum wanita. Katakanlah: Allahlah yang memberi fatwa kepada kamu tentang mereka dan hukum-hukum yang dibacakan kepada kamu di dalam kitab Al-Qur'an mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi maskahwin yang ditetapkan Allah kepada mereka, sedangkan kamu ingin berkahwin dengan mereka, juga mengenai kanak-kanak yang lemah (yang masih kecil) dan kamu wajib berlaku adil terhadap anak-anak yatim dan

apa sahaja kebaikan yang dilakukan kamu, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya (127). Dan jika seorang perempuan (isteri) bimbangkan layanan yang buruk dari suaminya atau ketidakpeduliannya, maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada keduanya mengada suatu perdamaian di antara keduanya dan perdamaian itu adalah lebih baik, dan tabi'at kedekut dan tamak telah diadakan di dalam jiwa manusia, dan jika kamu berbuat baik dengan keikhlasan yang bulat kepada Allah (ihsan) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (128). Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu walaupun kamu bersungguh-sungguh hendak berbuat begitu. Oleh itu janganlah kamu cenderung kepada (isteri kesayangan) dengan sepenuh kecenderungan kamu hingga kamu membiarkan (isteri-isteri yang lain) dalam keadaan tergantung-gantung dan jika kamu mengislahkan (kedudukan kamu) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (129). Dan jika kedua-duanya bercerai, maka Allah akan cukupkan keperluan mereka masing-masing dengan limpah kurnia-Nya yang luas dan Allah Maha Luas Kurnia-Nya dan Maha Bijaksana (130). Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan demi sesungguhnya Kami telah memerintah orang-orang yang dikurniakan kitab sebelum kamu dan juga kamu supaya bertaqwa kepada Allah. Dan andainya kamu kufur, maka sesungguhnya Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji (131). Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan cukuplah Allah sebagai pentadbirnya (132). Andainya Allah kehendaki nescaya Dia hapuskan kamu wahai umat manusia dan membawa umat-umat yang lain (sebagai ganti kamu) dan Allah amat berkuasa berbuat begitu (133). Sesiapa yang mahukan pahala dunia, maka di sisi Allah disediakan pahala dunia dan Akhirat dan Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(134)

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini merupakan pelengkap kepada apa yang telah mula dibicarakan oleh surah ini, iaitu pembicaraan yang bertujuan untuk mengubati sisa-sisa keladak masyarakat jahiliyah mengenai layanan terhadap perempuan dan keluarga, juga mengenai layanan terhadap golongan-golongan yang lemah di dalam masyarakat seperti anak-anak yatim perempuan dan kanak-kanak dan pembicaraan tentang usaha membersihkan masyarakat Islam dari keladak-keladak jahiliyah dan menegakkan rumahtangga dalam masyarakat Islam di atas landasan menghormati kaum lelaki dan perempuan serta menjaga kepentingan mereka masing-masing dan menguatkan hubungan-hubungan keluarga dan mendamaikan sebarang perselisihan yang tercetus dan mengeruhkan suasananya sebelum ia berkembang menjadi lebih buruk hingga mengakibatkan putusnya hubungan-hubungan itu dan runtuhnya rumahtangga menimpa ke atas para penghuninya terutama ke atas zuriat yang masih lemah dan masih dalam proses pertumbuhan di tapak semaian. Dan seterusnya mengenai pembicaraan membangun masyarakat di atas asas menjaga dan melindungi golongan-golongan yang lemah supaya tidaklah seluruh urusan masyarakat itu dimonopoli oleh golongan yang lebih kuat dan menyebabkan undang-undang hutan rimba bertindak dengan sewenang-wenang.

Pelajaran ini memperkatakan setengah-setengah persoalan ini dan menghubungkannya dengan peraturan alam buana seluruhnya hingga setiap orang yang ditujukan ayat ini kepada mereka merasa bahawa persoalan wanita, rumahtangga dan golongan yang lemah di dalam masyarakat adalah suatu persoalan yang amat penting dan besar dan memang sebenarnya ia adalah suatu persoalan yang amat penting dan besar. Kami telah pun memperkatakan di celah-celah juzu' ini dan di dalam muqaddimah-muqaddimah surah dalam juzu' yang keempat dengan hurian yang cukup jelas tentang pandangan Islam terhadap keluarga dan tentang segala usahanya yang dicurahkan di dalam sistem hidup Rabbani ini untuk membersihkan masyarakat Islam dari keladak-keladak jahiliyah dan meningkatkan taraf kejiwaan, kemasyarakatan dan akhlak mereka ke taraf yang boleh menjaminkannya mengatasi seluruh masyarakat yang lain yang ada di sekelilingnya dan mengatasi setiap masyarakat yang tidak menganut agama ini, tidak terdidik dengan methodologi tarbiyah Al-Qur'an dan tidak tunduk kepada sistemnya yang unik.

Sekarang marilah kita hadapi ayat-ayat pelajaran ini dengan huraian yang terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 127)

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي ٱلنِّسَآءِ ۖ قُلِ ٱللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ
وَمَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فِي ٱلْكِتَٰبِ فِي يَتَٰمَى ٱلنِّسَآءِ
ٱلَّٰتِي لَا تُؤْتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَتَرْغَبُونَ أَن
تَنكِحُوهُنَّ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلْوِلْدَٰنِ وَأَن تَقُومُوا۟
لِلْيَتَٰمَىٰ بِٱلْقِسْطِ ۚ وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ بِهِۦ عَلِيمًا ﴿١٢٧﴾

"Dan mereka meminta fatwa kepadamu (Muhammad) mengenai persoalan kaum wanita. Katakanlah: Allahlah yang memberi fatwa kepada kamu tentang mereka dan hukum-hukum yang dibacakan kepada kamu di dalam kitab Al-Qur'an mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi maskahwin yang ditetapkan Allah kepada mereka, sedangkan kamu ingin berkahwin dengan mereka, juga mengenai kanak-kanak yang lemah (yang masih kecil) dan kamu wajib berlaku adil terhadap anak-anak yatim dan apa sahaja kebaikan yang dilakukan kamu, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya."(127)

Kejutan Budaya Yang Dicetuskan Islam Di Kalangan Kaum Muslimin

Ayat-ayat yang diturunkan di awal surah telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mengenai

perkara-perkara yang menyangkut kaum wanita. Gejala gemar bertanya di kalangan orang-orang Islam mengenai setengah-setengah hukum itu adalah satu gejala yang mempunyai makna yang besar di dalam masyarakat Islam yang masih muda itu, iaitu kegemaran orang-orang Islam yang ingin mengetahui hukum-hukum agama mereka di dalam urusan kehidupan mereka. Kejutan budaya yang dicetuskan oleh perpindahan mereka dari jahiliyah kepada Islam itu telah menimbulkan satu kejutan budaya yang begitu mendalam di dalam jiwa mereka sehingga membuat mereka ragu-ragu terhadap segala perkara yang biasanya mereka lakukan di dalam jahiliyah kerana takut perkara itu telah dibatalkan oleh Islam atau telah dipindakan olehnya. Oleh itu mereka menuntut untuk mengetahui hukum-hukum Islam di dalam setiap urusan yang dihadapi mereka di dalam kehidupan seharian. Kesedaran dan kegemaran untuk menyesuaikan keadaan-keadaan hidup mereka dengan hukum-hukum Islam itu adalah satu gejala yang menonjol pada masa itu walaupun keladak-keladak jahiliyah masih wujud di dalam kehidupan mereka, yang penting di sini ialah wujudnya kegemaran mereka yang haqiqi dan kuat untuk menyelaraskan keadaan-keadaan hidup mereka dengan hukum-hukum Islam, iaitu dengan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mengenai hukum-hukum Islam dengan semangat kesedaran itu bukan semata-mata kerana dorongan ingin bertanya atau semata-mata kerana maksud ilmu pengetahuan dan kebudayaan seperti tujuan kebanyakan pertanyaan yang dikemukakan kepada mufti-mufti pada hari ini.

Kaum Muslimin di masa itu merasa amat perlu mengetahui hukum-hukum agama mereka, kerana hukum-hukum itulah yang membentuk peraturan hidup mereka. Mereka mempunyai kegemaran yang berkobar-kobar untuk mengetahui hukum-hukum itu kerana dengan pengetahuan itu mereka bertujuan hendak mewujudkan persesuaian di antara realiti hidup mereka dengan hukum-hukum agama mereka. Mereka sedar mereka telah dicabutkan dari jahiliyah dan kerana itu mereka bimbang kepada segala tradisi-tradisi, adat-adat dan peraturan-peraturan jahiliyah dan mereka begitu kuat merasa betapa tingginya nilai perubahan yang menyeluruh yang diwujudkan oleh Islam di dalam hidup mereka atau dengan kata-kata yang lebih tepat betapa tingginya nilai kelahiran mereka yang baru di tangan Islam.

Di sini kita dapati mereka mendapat balasan terhadap usaha mereka untuk mencari hukum-hukum Allah dan terhadap kegemaran mereka yang berkobar-kobar dan keazaman mereka yang kukuh untuk mengikut hukum-hukum Allah. Balasan itu ialah mereka mendapat sepenuh perhatian dari Allah, iaitu Allah S.W.T. sendiri telah menjawab pertanyaan yang dikemukakan mereka:

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي ٱلنِّسَآءِ ۖ قُلِ ٱللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ

"Dan mereka meminta fatwa kepadamu (Muhammad) mengenai persoalan kaum wanita katakanlah: Allahlah yang memberi fatwa kepada kamu tentang mereka."(127)

Persoalan Wanita Dan Kanak-kanak Yang Tertindas Dalam Tradisi Jahiliyah

Yakni mereka mengemukakan pertanyaan kepada Rasulullah s.a.w., lalu Allah S.W.T. memerintah beliau supaya menjawab: Katakanlah wahai Muhammad bahawa Allahlah yang memberi fatwa kepada kamu mengenai persoalan-persoalan wanita itu dan lain-lain urusan yang disebut di dalam ayat ini. Tarikan perhatian ini mempunyai nilai yang tidak terhingga yang membayangkan kemesraan Allah S.W.T. dan penghormatan-Nya kepada kelompok Muslimin apabila Dia sendiri berbicara kepada mereka serta memberi perhatian dan fatwa kepada pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan mereka dan hukum-hukum yang diperlukan mereka di dalam hidup mereka yang baru itu.

Fatwa yang disebutkan di sini menggambarkan realiti keladak-keladak jahiliyah yang masih tertinggal di dalam masyarakat Islam yang telah diselamatkan dari jahiliyah itu oleh sistem hidup Rabbani dan fatwa itu juga mengandungi arahan dan bimbingan yang diperlukan untuk meningkatkan kehidupan masyarakat Islam dan membersihkannya dari keladak-keladak jahiliyah:

قُلِ ٱللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ وَمَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فِي ٱلْكِتَٰبِ فِي يَتَٰمَى ٱلنِّسَآءِ ٱلَّٰتِي لَا تُؤْتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَتَرْغَبُونَ أَن تَنكِحُوهُنَّ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلْوِلْدَٰنِ وَأَن تَقُومُوا۟ لِلْيَتَٰمَىٰ بِٱلْقِسْطِ ۚ

"Katakanlah: Allahlah yang memberi fatwa kepada kamu tentang mereka dan hukum-hukum yang dibacakan kepada kamu di dalam kitab Al-Qur'an mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi maskahwin yang ditetapkan Allah kepada mereka, sedangkan kamu ingin berkahwin dengan mereka, juga mengenai kanak-kanak yang lemah (yang masih kecil) dan kamu wajib berlaku adil terhadap anak-anak yatim."(127)

Kata Ali ibn Abi Talhah dari Ibn Abbas mengenai ayat ini: Di zaman jahiliyah lelaki yang ada anak yatim perempuan di bawah jagaannya boleh mencampakkan bajunya di atas perempuan yatim itu dan apabila dia berbuat begitu, maka tiada siapa pun yang dapat berkahwin dengan perempuan yatim itu buat selama-lamanya. Dan jika gadis yatim itu cantik dan si lelaki itu sukakannya dia akan bernikah dengannya dan dapat makan hartanya, sebaliknya jika gadis yatim itu hodoh dia akan menahan lelaki-lelaki yang lain dari berkahwin dengannya buat selama-

lamanya sehingga gadis yatim itu mati dan apabila ia mati, maka lelaki itu akan mewarisi hartanya, lalu Allah mengharam dan melarangkan adat itu. Dan ujar Ibn Abbas mengenai ayat:

وَٱلۡمُسۡتَضۡعَفِينَ مِنَ ٱلۡوِلۡدَٰنِ

"Juga mengenai kanak-kanak yang lemah"

di zaman jahiliyah mereka tidak memberi pusaka kepada kanak-kanak yang kecil dan kepada kanak-kanak perempuan.

Itulah maksud firman-Nya dalam ayat:

لَا تُؤۡتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ

"Dan kamu tidak memberikan kepada mereka hak yang telah ditetapkan Allah untuk mereka."

Lalu Allah melarangkan adat itu dan menjelaskan bahawa lelaki dan perempuan masing-masing mempunyai habuannya, iaitu bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan sama ada kecil atau besar.

Ujar Sa'id ibn Jubyr mengenai firman-Nya:

وَأَن تَقُومُواْ لِلۡيَتَٰمَىٰ بِٱلۡقِسۡطِۚ

"Dan kamu wajib berlaku adil terhadap anak-anak yatim"(127)

dahulu jika gadis yatim itu cantik, lelaki yang menjaganya akan berkata: Aku telah bernikah dengannya dan mengambil hartanya untuk diriku. Dan jika gadis yatim itu hodoh dan tidak berharta dia akan kahwinkannya (dengan orang lain) dan mengambil maskahwinnya.

Daripada Aisyah r.a. ayat:

وَيَسۡتَفۡتُونَكَ فِي ٱلنِّسَآءِۖ قُلِ ٱللَّهُ يُفۡتِيكُمۡ فِيهِنَّ
وَمَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ فِي يَتَٰمَى ٱلنِّسَآءِ
ٱلَّٰتِي لَا تُؤۡتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَتَرۡغَبُونَ أَن
تَنكِحُوهُنَّ

"Dan mereka meminta fatwa kepadamu (Muhammad) mengenai persoalan kaum wanita. Katakanlah: Allahlah yang memberi fatwa kepada kamu tentang mereka dan hukum-hukum yang dibacakan kepada kamu di dalam kitab Al-Qur'an mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi maskahwin yang ditetapkan Allah kepada mereka, sedangkan kamu ingin berkahwin dengan mereka."(127)

Ujar Aisyah ayat ini mengenai lelaki yang ada anak yatim perempuan bawah jagaannya. Dialah yang menjadi wali dan pewarisnya. Dia menjadi kongsi gadis yatim dalam harta benda kepunyaanya hingga kepada tandan-tandan buah kurma. Dia tidak suka berkahwin dengannya (kerana rupa parasnya yang buruk) dan tidak suka mengahwinkannya dengan lelaki lain supaya ia tidak menjadi kongsi lelaki itu dalam harta benda yang ia menjadi kongsi anak yatim itu. Oleh sebab itulah ia menghalangkan perempuan itu dari berkahwin dengan orang lain lalu turun ayat ini. (Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim).

Dan berkata Ibn Abi Hatim: Aku baca bersama Muhammad ibn Abdullah ibn Abdul Hakam, kami dikhabarkan oleh Ibn Wahb, aku telah dikhabarkan oleh Yunus dari Ibn Syihab, aku telah dikhabarkan oleh 'Urwah ibn az-Zubayr ujar Aisyah: "Kemudian orang ramai meminta fatwa dari Rasulullah s.a.w. mengenai kaum perempuan lalu Allah menurunkan ayat:

وَيَسۡتَفۡتُونَكَ فِي ٱلنِّسَآءِۖ قُلِ ٱللَّهُ يُفۡتِيكُمۡ فِيهِنَّ
وَمَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ فِي يَتَٰمَى ٱلنِّسَآءِ
ٱلَّٰتِي لَا تُؤۡتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَتَرۡغَبُونَ أَن
تَنكِحُوهُنَّ وَٱلۡمُسۡتَضۡعَفِينَ مِنَ ٱلۡوِلۡدَٰنِ وَأَن تَقُومُواْ
لِلۡيَتَٰمَىٰ بِٱلۡقِسۡطِۚ وَمَا تَفۡعَلُواْ مِنۡ خَيۡرٖ فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ بِهِۦ عَلِيمٗا ١٢٧

"Dan mereka meminta fatwa kepadamu (Muhammad) mengenai persoalan kaum wanita. Katakanlah: Allahlah yang memberi fatwa kepada kamu tentang mereka dan hukum-hukum yang dibacakan kepada kamu di dalam kitab Al-Qur'an mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi maskahwin yang ditetapkan Allah kepada mereka, sedangkan kamu ingin berkahwin dengan mereka, juga mengenai kanak-kanak yang lemah (yang masih kecil) dan kamu wajib berlaku adil terhadap anak-anak yatim dan apa sahaja kebaikan yang dilakukan kamu, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya."(127)

Ujar Aisyah r.a.: Maksud "hukum yang dibacakan kepada kamu di dalam kitab Al-Qur'an" yang disebut oleh Allah di dalam ayat ini ialah ayat yang awal di mana Allah berfirman:

وَإِنۡ خِفۡتُمۡ أَلَّا تُقۡسِطُواْ فِي ٱلۡيَتَٰمَىٰ فَٱنكِحُواْ مَا طَابَ
لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ

"Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim, maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu suka dari perempuan-perempuan yang lain."(3)

Dan dengan isnad yang sama dari Aisyah r.a. juga dia berkata: "Maksud firman Allah: 'Sedangkan kamu ingin berkahwin dengan mereka' ialah seseorang dari kamu tidak ingin berkahwin dengan gadis yatim yang berada di dalam jagaannya apabila gadis yatim itu kurang berharta dan kurang cantik lalu mereka dilarang berkahwin dengan gadis yatim yang mereka tertarik hati kepadanya semata-mata kerana harta kekayaan dan kecantikannya - kecuali dengan berlaku

adil kerana mereka sebenarnya tidak sukakan gadis yatim itu".

Keterangan zahir dari nas-nas ini dan nas Al-Qur'an yang lain menggambarkan keadaan yang wujud di zaman jahiliyah mengenai gadis-gadis yatim. Gadis yatim ini menghadapi tamak haloba dan penipuan dari penjaganya atau walinya. Penjaga-penjaga ini tamakkan hartanya dan menipu maskahwinnya - jika ia berkahwin dengannya - iaitu ia makan maskahwinnya dan makan hartanya. Tentulah satu perbuatan menipu apabila ia tidak mahu bernikah dengan gadis yatim itu kerana tidak sukakannya disebabkan rupanya buruk, tetapi dalam waktu yang sama ia menahan gadis yatim itu dari bernikah dengan orang lain supaya suaminya tidak dapat berkongsi dengannya menguasai harta gadis yatim yang ada di bawah jagaannya.

Demikianlah keadaan yang berlaku kepada golongan kanak-kanak yang kecil dan kaum wanita, mereka menafikan kedua golongan ini dari mendapat pusaka dengan alasan kerana kedua-dua golongan ini tidak mempunyai kekuatan untuk mempertahankan harta yang dipusakai mereka atau kerana mereka bukan orang-orang kuat yang boleh berperang. Oleh sebab itulah mereka tidak berhak mendapat pusaka. Pandangan ini adalah dipengaruhi oleh semangat kesukuan yang memberi segala-galanya kepada orang-orang kuat yang boleh berperang dan tidak memberi suatu apa kepada orang-orang yang lemah.

Inilah tradisi-tradisi yang buruk dan kolot yang telah diubahkan oleh Islam dan digantikan dengan tradisi-tradisi insaniyah yang tinggi yang tidak boleh dianggap sebagaimana telah kami katakan - sebagai semata-mata suatu lompatan atau suatu kebangkitan di dalam masyarakat Arab, malah perubahan-perubahan itu - pada hakikatnya - merupakan suatu kewujudan yang baru atau suatu kelahiran yang baru. Perubahan-perubahan merupakan satu hakikat yang lain bagi umat Arab yang berlainan dari hakikatnya di zaman jahiliyah.

Satu hakikat yang penting yang harus kita rakamkan di sini ialah kelahiran yang baru itu bukannya satu perkembangan yang didahulukan oleh langkah-langkah persediaan yang tertentu atau suatu perkembangan yang tercetus dari realiti kemajuan kebendaan yang membawa perubahan yang mengejut di dalam kehidupan umat Arab.

Perpindahan dari menegakkan hak pusaka dan hak milik yang berasaskan hak orang yang kuat yang boleh berperang kepada menegakkan hak-hak itu dengan berasaskan hak kemanusiaan, begitu juga hak-hak milik kanak-kanak, anak-anak yatim dan kaum wanita yang diberikan kepada mereka dengan sifat mereka sebagai manusia bukannya sebagai sifat orang-orang kuat yang boleh berperang. Perpindahan yang sedemikian berlaku bukanlah kerana masyarakat di waktu itu telah berpindah kepada kedudukan-kedudukan yang stabil yang tidak lagi memberi nilai kepada orang-orang kuat yang boleh berperang oleh sebab itulah masyarakat menghapuskan hak-hak yang diperolehi oleh orang-orang kuat yang boleh berperang itu, kerana kini masyarakat tidak perlu lagi membezakan mereka dari orang lain.

Kemunculan Islam Bukannya Revolusi Kebendaan Yang Melahirkan Perubahan Yang Pantas Dalam Masyarakat Arab

Tidak sekali-kali begitu! Kerana orang-orang kuat yang boleh berperang di zaman baru (zaman Islam) ini pun masih tetap diberi nilai yang tinggi dan masyarakat tetap memerlukan mereka, tetapi sebenarnya perubahan-perubahan itu berlaku kerana di sana munculnya Islam, di sana munculnya kelahiran baru bagi manusia, iaitu kelahiran baru yang tercetus dari celah-celah kitab suci Al-Qur'an dan dari celah-celah satu sistem hidup Rabbani. Kemunculan Islam inilah yang telah menegakkan satu masyarakat yang baru di bumi yang sama dan di zaman yang sama tanpa berlakunya sesuatu revolusi sama ada revolusi pengeluaran atau revolusi alat-alat pengeluaran atau revolusi kemajuan kebendaan atau revolusi ciri-ciri dan kekuatan-kekuatan kebendaan, malah semata-mata revolusi kefahaman dan pemikiran (yang dibawa oleh Islam) dan revolusi inilah yang mencetuskan kelahiran yang baru.

Adalah satu hakikat yang benar bahawa methodologi tarbiyah Al-Qur'an telah berjuang dalam waktu yang lama untuk menghapuskan ciri-ciri jahiliyah di dalam jiwa dan di dalam peraturan-peraturan hidup. Ia menggaris dan menegakkan ciri-ciri Islam di dalam jiwa dan di dalam peraturan-peraturan hidup. Satu hakikat yang benar juga bahawa keladak-keladak jahiliyah masih terus melawan dan menentang dan masih terus mencuba untuk muncul kembali dalam setengah-setengah kes individu atau cuba mengungkapkan dirinya di dalam berbagai-bagai bentuk yang lain.

Tetapi yang penting di sini ialah sistem yang diturunkan dari langit dan kefahaman dan pemikiran yang diwujudkan olehnya itulah yang berjuang menentang realiti kebendaan (masyarakat Arab), mengubah dan memindakannya. Memang tidak pernah berlaku bahawa realiti kebendaan atau lawannya (antithesis) [40] yang tersembunyi di dalamnya atau perubahan alat-alat pengeluaran (dalam masyarakat Arab) atau sebagainya dari pemikiran gila-gilaan Marxis itulah yang menyebabkan perubahan kepada cara-cara kehidupannya dan peraturan-peraturannya agar sesuai dengan perubahan yang diwujudkan oleh alat-alat pengeluaran itu.

---

[40] *Istilah teori 'Dialectical Materialism' yang mentafsirkan perubahan-perubahan sejarah.*

Di sana hanya terdapat satu sahaja sesuatu yang baru muncul di dalam kehidupan bangsa Arab di waktu itu, iaitu sesuatu yang turun dari alam al-Mala'ul-A'la dan disambut baik oleh segolongan manusia kerana ia berbicara dengan saki-baki fitrah mereka yang bersih yang dijadikan Allah di dalam jiwa mereka dan kerana itu berlakulah perubahan, malah berlakulah kelahiran yang baru bagi umat manusia, iaitu kelahiran yang mengubahkan seluruh ciri-ciri kehidupan - dari segala aspeknya - dari ciri-ciri yang dikenali di zaman jahiliyah.

Walau bagaimana hebat pertentangan yang berlaku di antara ciri-ciri baru dengan ciri-ciri lama dan walau bagaimana pedih kesakitan dan banyaknya pengorbanan kerana kelahiran itu, namun segala-galanya telah berlaku dengan selamat kerana di sana wujud risalah dari alam tinggi dan wujud kefahaman 'aqidah yang mempunyai kesan yang menyeluruh di dalam kelahiran yang baru itu, yang mana gelombang kesannya tidak hanya berlegar di sekitar masyarakat Islam, malah menjangkau ke seluruh masyarakat manusia umumnya.

Oleh sebab itulah ayat Al-Qur'an ini - di mana Allah memberi fatwa kepada orang-orang Mu'min di dalam masalah-masalah yang ditanyakan mereka kepada Rasulullah s.a.w. mengenai persoalan kaum perempuan dan di mana Allah menerangkan kepada mereka hak-hak perempuan yang yatim dan hak-hak kanak-kanak yang lemah itu - di akhiri dengan pernyataan yang menghubungkan semua hak-hak dan arahan-arahan itu kepada sumber yang mengeluarkan peraturan-peraturan ini.

وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِهِۦ
عَلِيمًا ﴿١٢٧﴾

"Dan apa sahaja kebaikan yang dilakukan kamu, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya."(127)

Maksudnya amalan itu tetap diketahui dan tidak akan hilang sia-sia malah ia dicatatkan dengan rapi di sisi Allah dan mana kebajikan yang dicatatkan di sisi Allah tidak akan hilang lagi.

Inilah tempat rujukan yang terakhir, di mana orang yang beriman kembali kepadanya dengan amalan-amalannya dan Allah merupakan pihak yang tunggal bagi orang yang beriman berinteraksi dengan-Nya mengenai niatnya dan usahanya. Kekuatan dan kuasa tempat rujukan inilah yang memberi kekuatan dan kuasa kepada arahan-arahan dan perintah-perintah atau kepada sistem hidup Rabbani di dalam jiwa manusia, peraturan dan hidup mereka.

Yang pentingnya bukanlah mengeluarkan arahan-arahan dan perintah-perintah, mengadakan peraturan-peraturan dan menegakkan sistem-sistem, tetapi yang penting ialah wujudnya kekuatan dan kuasa yang menjadi sandaran kepada arahan-arahan, perintah-perintah, peraturan-peraturan dan sistem-sistem itu agar dengan kekuatan dan kuasa itu ia mendapat kekuatan untuk menembusi dan mempengaruhi jiwa manusia. Perbezaan memanglah amat jauh di antara arahan-arahan, peraturan-peraturan dan sistem-sistem yang diterima oleh manusia dari Allah Yang Maha Agung dan Maha Berkuasa dari arahan-arahan, peraturan-peraturan dan sistem-sistem yang diterima mereka dari sesama manusia. Perbandingan ini jika diandaikan kedua-dua itu sama dalam segala sifat dan ciri dan keduanya mencapai mercu yang sama dan andaian ini nyatalah suatu andaian yang mustahil. Sesungguhnya cukuplah bagi saya dengan hanya menyedari dari siapakah keluarnya arahan ini untuk saya meletakkannya di tempat yang wajar di dalam hati saya agar arahan itu berfungsi di dalam jiwa saya dengan fungsi yang layak dengan arahan Allah Yang Maha Tinggi atau untuk saya meletakkan arahan manusia dari anak manusia pada tempatnya yang betul.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 128 - 129)

Kemudian kita maju selangkah lagi menghuraikan peraturan kemasyarakatan dalam lingkungan keluarga dalam masyarakat yang diwujudkan oleh Islam dengan sistem Allah yang diturunkan dari alam al-Mala'ul-A'la bukannya diwujudkan dengan faktor-faktor perubahan-perubahan di alam kebendaan di bumi atau di dunia pengeluaran:

وَإِنِ ٱمْرَأَةٌ خَافَتْ مِنۢ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا
جُنَاحَ عَلَيْهِمَآ أَن يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا ۚ
وَٱلصُّلْحُ خَيْرٌ ۗ وَأُحْضِرَتِ ٱلْأَنفُسُ ٱلشُّحَّ ۚ وَإِن
تُحْسِنُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ
خَبِيرًا ﴿١٢٨﴾
وَلَن تَسْتَطِيعُوٓا۟ أَن تَعْدِلُوا۟ بَيْنَ ٱلنِّسَآءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ ۖ
فَلَا تَمِيلُوا۟ كُلَّ ٱلْمَيْلِ فَتَذَرُوهَا كَٱلْمُعَلَّقَةِ ۚ
وَإِن تُصْلِحُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿١٢٩﴾

"Dan jika seorang perempuan (isteri) bimbangkan layanan yang buruk dari suaminya atau ketidakpeduliannya, maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada keduanya mengada suatu perdamaian di antara keduanya dan perdamaian itu adalah lebih baik, dan tabi'at kedekut dan tamak telah diadakan di dalam jiwa manusia, dan jika kamu berbuat baik dengan keikhlasan yang bulat kepada Allah (ihsan) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (128). Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu walaupun kamu bersungguh-sungguh hendak berbuat begitu. Oleh itu janganlah kamu cenderung kepada (isteri

kesayangan) dengan sepenuh kecenderungan kamu hingga kamu membiarkan (isteri-isteri yang lain) dalam keadaan tergantung-gantung dan jika kamu mengislahkan (kedudukan kamu) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(129)

Sebelum ini (di awal juzu' ini) sistem ini telah menghuraikan kes nusyuz dan pihak isteri dan tindakcara-tindakcara yang harus diambil untuk memelihara keutuhan keluarga, sekarang ia menggariskan pula peraturan kes nusyuz dan ketidakpedulian apabila dibimbangi berlaku dari pihak suami yang boleh mengancam ketenteraman isteri dan kehormatannya, juga mengancam ketenteraman keluarga seluruhnya. Hati dan perasaan manusia berubah-ubah dan bertukar-tukar. Dan Islam adalah satu sistem hidup yang merawati setiap masalah hidup dan menghadapi segala apa yang dihadapi olehnya dalam lingkungan dasar-dasarnya dan tujuan-tujuannya. Mengikut pelan inilah Islam mengatur masyarakat yang dilukis dan diciptakannya.

Kes Isteri Yang Diabaikan Suami

Apabila si isteri bimbang tidak dihirau atau tidak dilayani suaminya dan takut keadaan itu akan membawa kepada perceraian - sedangkan perceraian merupakan perbuatan halal yang paling dibenci oleh Allah - atau akan membawa kepada pengabaian yang akan membuat si isteri berada dalam kedudukan tergantung-gantung bukan sebagai isteri yang normal dan bukan pula sebagai isteri yang dicerai. Oleh itu tidaklah menjadi suatu kesalahan kepada si isteri dan tidak pula kepada suaminya jika si isteri itu bertolak ansur dengan bertanazul atau melepaskan sebahagian dari tuntutan kewangan atau tuntutan kehidupan yang terhak kepadanya ke atas suaminya seperti ia melepaskan sebahagian atau semua nafkah yang diwajibkan ke atas suaminya atau melepaskan hak giliran malamnya jika suaminya mempunyai isteri yang lain yang lebih diutamakannya, sedangkan dia sendiri telah kehilangan daya kesegaran dan daya tarikan dalam pergaulan suami isteri. Semuanya ini jika si isteri melihat dengan pertimbangan yang bebas dan menilai segala keadaannya bahawa tanazul dan tolak-ansur yang sedemikian rupa adalah lebih baik dan lebih terhormat dari dicerai:

وَإِنِ ٱمۡرَأَةٌ خَافَتۡ مِنۢ بَعۡلِهَا نُشُوزًا أَوۡ إِعۡرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡهِمَآ أَن يُصۡلِحَا بَيۡنَهُمَا صُلۡحًاۚ

"Dan jika seorang perempuan (isteri) bimbangkan layanan yang buruk dari suaminya atau ketidakpeduliannya, maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada keduanya mengada suatu perdamaian di antara keduanya."

Iaitu perdamaian yang telah kami sebutkan tadi.

Kemudian di dalam ayat yang berikut Al-Qur'an iringi dengan kenyataan yang mengulaskan hukum itu, iaitu perdamaian itu pada umumnya adalah lebih baik dari perbalahan, pengabaian, nusyuz dan perceraian.

وَٱلصُّلۡحُ خَيۡرٌۗ

"Dan perdamaian itu adalah lebih baik."

Kerana perdamaian meniupkan di dalam hati yang telah dipijak oleh pengabaian dan kekeringan itu angin yang lembut dan mesra, angin yang membayangkan keinginan untuk mengekalkan hubungan suami isteri dan tali kekeluargaan.

Islam Menangani Masalah Manusia Dengan Cara Mithali Yang Realistik Atau Realistik Yang Mithali

Islam melayani seluruh realiti jiwa manusia. Islam berusaha dengan segala sarananya yang berkesan untuk meningkatkan jiwa manusia ke tahap yang setinggi-tingginya yang disediakan oleh tabi'at dan fitrahnya, tetapi dalam waktu yang sama Islam tidak melupakan batas-batas tabi'at dan fitrah ini, iaitu Islam tidak cuba memaksakannya melakukan sesuatu yang di luar kemampuannya dan ia tidak memerintah manusia: Hantukkanlah kepala kamu ke dinding kerana aku mahu kamu berbuat begitu sama ada kamu mampu berbuat begitu atau tidak.

Islam tidak menyeru manusia supaya kekal dengan kelemahan dan kekurangannya dan tidak mendendangkan untuknya lagu-lagu memuji dan memberi sanjungan yang tinggi kepadanya, sedangkan dia bergelimang di dalam lumpur dan berguling di dalam tanah dengan alasan bahawa inilah realiti jiwa manusia, begitu juga Islam tidak mengikatkan leher manusia dan menambatkannya dengan alam al-Mala'ul-A'la dan membiarkannya tergantung-gantung di udara kerana kedua kakinya tidak berpijak di bumi dengan alasan meningkat atau meluhurkan diri.

Kesederhanaan itulah fitrah, itulah sifat misali yang realistik atau itulah sifat realistik yang misali. Islam melayani manusia sebagai manusia, sedangkan manusia adalah satu makhluk yang aneh dan dialah satu-satunya makhluk yang meletakkan dua kakinya di atas bumi dan terbang dengan rohnya ke langit dalam detik yang sama, di mana rohnya tidak terpisah dari jasadnya, yakni ia tidak terpisah kepada jasad yang tegak di bumi dan roh yang terbang ke langit.

Dengan manusia inilah Islam melayaninya - dalam hukum ini - dan menjelaskan dalam ayat yang berikut salah satu dari sifat-sifatnya dalam bidang ini:

وَأُحۡضِرَتِ ٱلۡأَنفُسُ ٱلشُّحَّۚ

"Dan tabi'at kedekut dan tamak itu telah diadakan di dalam jiwa manusia."

Sifat Bakhil Dan Tamak Sentiasa Bermain Dalam Hati Manusia

Yakni sifat bakhil dan tamak ini sentiasa wujud di dalam jiwa manusia. Ia selama-lamanya berdiri tegak

di sana. Sifat bakhil dan tamak yang dimaksudkan di sini meliputi segala jenis sifat bakhil dan tamak, iaitu bakhil dan tamak dengan harta benda dan bakhil dan tamak dengan perasaan dan sentimen. Kadang-kadang dalam kehidupan suami isteri itu terpendam beberapa punca yang merangsangkan tabi'at bakhil dan tamak di dalam hati suami terhadap isterinya, maka dengan kesanggupan si isteri untuk bertanazul atau melepaskan sebahagian dari bayaran baki maskahwinnya atau memotong sebahagian nafkahnya untuk memuaskan kehendak kebakhilan dan ketamakan suaminya terhadap harta boleh membawa kepada mengekalkan ikatan perkahwinan itu dan kadang-kadang kesanggupan si isteri untuk melepaskan malam gilirannya jika suaminya mempunyai isteri yang lain yang lebih diutamakannya, sedangkan dia - selaku isteri pertama - tidak lagi mempunyai daya kesegaran dan daya tarikan - untuk memuaskan kehendak-kehendak kebakhilan dan ketamakan sentimen suaminya boleh menyelamatkan ikatan perkahwinan itu. Walau bagaimanapun perkara ini adalah terserah kepada budi bicara si isteri dan pertimbangannya untuk mengambil suatu langkah yang mendatangkan kebaikan kepadanya. Sistem hidup Rabbani tidak memaksa si isteri melakukan sesuatu, tetapi ia membolehkannya melakukan sesuatu untuk mengendalikan masalahnya dan memberi kebebasan untuk memikir dan menimbangkan masalah itu mengikut kacamatanya.

Ketika sistem hidup Islam menghadapi sifat bakhil dan tamak ini, ia tidak bertindak setakat mengakuinya sebagai suatu tabi'at yang mempengaruhi segala aspek jiwa manusia, malah ia membuat satu seruan dan mendendangkan satu lagu yang lain iaitu:

وَإِن تُحْسِنُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ
خَبِيرًا ١٢٨

"Dan jika kamu berbuat baik dengan keikhlasan yang bulat kepada Allah (ihsan) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(128)

Yakni berbuat ihsan dengan keikhlasan yang bulat dan bertaqwa itulah yang seharusnya menjadi asas pertimbangan pada akhir sesuatu keputusan, kerana segala amalan yang berasaskan ihsan dan taqwa tidak akan hilang dan sia-sia sedikitpun bagi sesiapa yang melakukannya, kerana Allah amat mengetahui segala perbuatan yang dilakukan oleh seseorang, dia mengetahui segala niat dan segala tujuannya yang tersembunyi. Seruan yang ditujukan kepada orang yang beriman supaya berbuat ihsan dan bertaqwa dengan menggunakan nama Allah al-Khabir (Yang Maha Mengetahui) segala perbuatan yang dilakukan olehnya adalah satu seruan yang berkesan dan mendapat sambutan, malah itulah satu-satunya bentuk seruan yang berkesan dan mendapat sambutan.

Di sini sekali lagi kita dapati diri kita berada di hadapan satu sistem yang unik yang menghadapi realiti jiwa manusia dan keadaan-keadaan hidup mereka dengan tindakan realistik yang mithali atau dengan tindakan mithali yang realistik dan mengi'tirafkan kewujudan dua sifat yang berlawanan yang aneh dan unik yang tersembunyi dalam struktur kejadian jiwa manusia:

وَلَن تَسْتَطِيعُوٓا۟ أَن تَعْدِلُوا۟ بَيْنَ ٱلنِّسَآءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ
فَلَا تَمِيلُوا۟ كُلَّ ٱلْمَيْلِ فَتَذَرُوهَا كَٱلْمُعَلَّقَةِ
وَإِن تُصْلِحُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا
رَّحِيمًا ١٢٩
وَإِن يَتَفَرَّقَا يُغْنِ ٱللَّهُ كُلًّا مِّن سَعَتِهِۦ وَكَانَ ٱللَّهُ
وَٰسِعًا حَكِيمًا ١٣٠

"Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu walaupun kamu bersungguh-sungguh hendak berbuat begitu. Oleh itu janganlah kamu cenderung kepada (isteri kesayangan) dengan sepenuh kecenderungan kamu hingga kamu membiarkan (isteri-isteri yang lain) dalam keadaan tergantung-gantung dan jika kamu mengislahkan (kedudukan kamu) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (129). Dan jika kedua-duanya bercerai, maka Allah akan cukupkan keperluan mereka masing-masing dengan limpah kurnia-Nya yang luas dan Allah Maha Luas Kurnia-Nya dan Maha Bijaksana."(130)

Allah yang telah menciptakan jiwa manusia adalah mengetahui dari fitrahnya bahawa ia mempunyai kecenderungan-kecenderungan yang tidak dapat dikuasainya. Oleh sebab itulah Allah memberi kepadanya tali kekang kecenderungan-kecenderungan itu untuk membolehkannya mengatur pergerakan kecenderungan-kecenderungan itu bukannya untuk menghapus atau membunuh kecenderungan-kecenderungan itu.

Di Antara Keadilan Batin Dan Keadilan Lahir Kepada Para Isteri

Di antara kecenderungan itu ialah kecenderungan hati seseorang kepada salah seorang dari isteri-isterinya dan mengutamakannya dari isteri-isteri yang lain. Ini bererti bahawa kecenderungannya (kasih sayangnya) kepada isteri ini melebihi kecenderungannya kepada isteri atau isteri-isteri yang lain. Kecenderungan yang seperti ini adalah di luar dari keupayaannya, ia tidak mampu menghapus atau membunuh kecenderungan itu. Jadi, apa yang harus dibuat? Islam tidak mempersalahkan seseorang kerana sesuatu kecenderungan yang tidak dapat dikuasainya dan tidak menjadikannya sebagai suatu dosa yang dikenakan hukuman hingga membuat seseorang itu berada dalam keadaan serba-salah di antara kecenderungan yang tidak dapat dikuasainya dengan perintah yang tidak mampu dilaksanakannya,

malah di sini Islam berterus-terang dengan manusia bahawa mereka tidak berkuasa berlaku adil (di dalam memberi kasih sayang) di antara isteri-isteri mereka, kerana perkara ini adalah di luar kemahuan mereka, tetapi di sana ada keadilan yang termasuk dalam lingkungan kemampuan mereka, iaitu keadilan dalam memberi layanan, keadilan dalam membuat giliran, keadilan dalam memberi nafkah dan keadilan dalam hak-hak suami isteri yang lain termasuk memberi senyum manis dan mengeluarkan tutur-kata yang baik. Inilah keadilan yang dituntut dari mereka dan inilah tali kekang untuk mengawal kecenderungan yang tidak dapat dikuasainya itu bukan untuk membunuhnya.

"Oleh itu janganlah kamu cenderung kepada isteri (kesayangan) dengan sepenuh kecenderungan kamu hingga kamu membiarkan (isteri yang lain) dalam keadaan tergantung-gantung."(129)

Inilah kecenderungan yang dilarang, iaitu dilarang menunjukkan kecenderungan yang tidak adil dalam memberi layanan-layanan yang zahir yang menafikan hak-hak isteri yang lain hingga membuat kedudukannya bukan lagi sebagai isteri yang normal dan bukan pula sebagai isteri yang dicerai. Di samping larangan itu diiringi pula dengan seruan yang berkesan yang menembusi pendalaman hati orang yang Mu'min dan menyatakan kemaafan Ilahi terhadap sesuatu yang di luar kemampuan seorang manusia.

وَإِن تُصْلِحُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٢٩﴾

"Dan jika kamu mengislahkan (kedudukan kamu) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(129)

Dan oleh kerana Islam melayani seluruh tabi'at jiwa manusia yang mempunyai campuran yang unik yang terdiri dari segenggam tanah dan sehembusan dari roh ciptaan Allah, juga melayani seluruh bakat-bakat kesediaan dan tenaga-tenaga kebolehan manusia dan melayani realiti jiwa yang mithali atau kemithaliannya yang realistik, yang meletakkan dua kakinya berpijak di bumi dan rohnya terbang ke langit tanpa berlaku pertentangan atau perpisahan (di antara roh dan jasadnya).

Islam memang begitu dan Nabi s.a.w. itulah yang menjadi gambaran insan yang kamil yang telah sampai ke puncak kesempurnaan dan pada syakhsiyah beliau yang kamil itulah suburnya segala ciri dan tenaga insaniyah dengan kesuburan yang seimbang dan sepadu dalam batas-batas fitrah manusia.

Ketika Rasulullah s.a.w. membuat giliran yang adil di antara para isterinya - iaitu keadilan yang mampu dilaksanakan olehnya - beliau tidak menafikan bahawa beliau mengutamakan setengah-setengah isterinya dari isteri-isteri yang lain kerana hal ini adalah di luar kemampuannya. Sehubungan dengan giliran ini beliau pernah berkata:

اللهم هذا قسمي فيما أملك. فلا تلمني فيما تملك ولا أملك. يعني القلب

"Ya Tuhanku! Inilah pembahagian (giliran) yang dimiliki olehku, oleh itu janganlah engkau mencelakakanku mengenai sesuatu yang dimiliki oleh-Mu dan tidak dimiliki olehku". Yakni hati.

- Dikeluarkan oleh Abu Daud.

Perceraian Jalan Keluar Yang Terakhir

Tetapi apabila hati telah kekeringan dan tidak sanggup lagi meneruskan perhubungan suami isteri dan di dalam jiwa suami isteri yang tegang itu tidak ada lagi sesuatu yang dapat membetulkan kehidupan bersama, maka perceraian itulah jalan penyelesaian yang lebih baik, kerana Islam tidak mahu mengikat pasangan suami isteri dengan rantai dan tali dan tidak mahu menambatkan mereka dengan belenggu, malah Islam mahu mengikat mereka dengan perasaan kasih sayang dan mesra atau dengan kewajipan-kewajipan dan budi bahasa dan apabila keadaan sudah sampai kepada tahap, di mana semua sarana ini gagal untuk mengubati hati-hati yang bersengketa, maka Islam tidak memaksa mereka supaya hidup dalam penjara kebencian atau dalam keadaan, di mana zahirnya sahaja mempunyai hubungan, tetapi pada hakikatnya ialah perpisahan.

وَإِن يَتَفَرَّقَا يُغْنِ ٱللَّهُ كُلًّا مِّن سَعَتِهِۦ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ وَٰسِعًا حَكِيمًا ﴿١٣٠﴾

"Dan jika kedua-duanya bercerai, maka Allah akan cukupkan keperluan mereka masing-masing dengan limpah kurnia-Nya yang luas dan Allah Maha Luas Kurnia-Nya dan Maha Bijaksana."(130)

Yakni Allah menjanjikan kepada suami isteri yang bercerai itu bahawa Dia akan memberi kepada mereka masing-masing limpah kurnia yang mencukupi dan Allah sentiasa mengurnia dan meluaskan limpah kurnia-Nya kepada sekalian hamba-Nya mengikut batas-batas hikmat kebijaksanaan dan ilmu-Nya dengan kurnia-kurnia yang dikehendaki-Nya serta sesuai dengan keadaan masing-masing.

Apabila dikaji sistem Islam dalam rangka usahanya untuk mengubati perasaan-perasaan manusia, tabi'at-tabi'atnya yang tersembunyi dan keadaan-keadaan hidup dalam seluruh realitinya nescaya terdedahlah kepada kita satu kehairanan yang tidak putus-putus terhadap mereka yang menolak sistem Islam yang mudah, yang diaturkan untuk manusia. Islam telah berjaya memimpin manusia dari kaki bukit jahiliyah yang rendah dan membawa mereka mendaki anak-anak tangganya menuju ke puncaknya yang tinggi

sesuai dengan fitrah dan bakat-bakat kesediaan semulajadi mereka, Islam tidak mewajibkan ke atas mereka sesuatu kewajipan untuk mempertingkatkan dan meluhurkan diri mereka melainkan jika dalam fitrah mereka terdapat tali rasa yang dapat dipetikkannya dan bakat kesediaan semulajadi yang dapat dirangsangkannya dan akar umbi dalam struktur kejadiannya yang dapat ditumbuhkannya. Selain dari itu sistem hidup Islam dapat membawa mereka ke tahap yang tidak dapat dibawa oleh mana-mana sistem hidup yang lain, iaitu ia membawa mereka ke dalam realiti yang mithali atau ke dalam kemithalian yang realistik. Itulah gambaran yang sebenar kejadian insan yang unik ini. [41]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 131 - 134)

Hubungan Peraturan Kekeluargaan Dengan Peraturan Alam Buana

Oleh kerana hukum-hukum ini merupakan hukum-hukum yang khusus untuk mengatur kehidupan suami isteri, iaitu hukum-hukum yang menjadi sebahagian dari sistem hidup Rabbani yang mengatur seluruh kehidupan manusia dan oleh kerana keseluruhan sistem ini merupakan sebahagian dari undang-undang alam buana yang dikehendaki Allah untuk mengatur alam buana, maka sistem ini adalah sesuai dengan fitrah alam yang diciptakan Allah dan sesuai dengan fitrah manusia yang diciptakan Allah yang hidup di alam ini...... Oleh kerana hakikat ini suatu hakikat yang mendalam di dalam sistem hidup yang syumul dan agung ini, maka dalam rangkaian ayat-ayat yang berikut selepas dijelaskan hukum-hukum yang khusus mengenai peraturan keluarga disebut pernyataan-pernyataan yang menghubungkan hukum-hukum ini dengan undang-undang alam buana seluruhnya, dengan kekuasaan Allah di alam buana seluruhnya, dengan kuasa pemerintahan Allah yang memiliki alam buana seluruhnya, dengan perintah Allah yang sama yang diperintahkan kepada manusia dalam semua kitab-kitab suci-Nya dan dengan peraturan ganjaran dunia dan pahala di Akhirat...... Dan itulah dasar-dasar yang menjadi tapak asas seluruh sistem ini, iaitu dasar-dasar kebenaran, keadilan dan taqwa:

وَلِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ وَلَقَدۡ
وَصَّيۡنَا ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ مِن قَبۡلِكُمۡ
وَإِيَّاكُمۡ أَنِ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ وَإِن تَكۡفُرُواْ فَإِنَّ لِلَّهِ
مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَنِيًّا

حَمِيدٗا ١٣١
وَلِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
وَكِيلًا ١٣٢
إِن يَشَأۡ يُذۡهِبۡكُمۡ أَيُّهَا ٱلنَّاسُ وَيَأۡتِ بِـَٔاخَرِينَۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ ذَٰلِكَ قَدِيرٗا ١٣٣
مَّن كَانَ يُرِيدُ ثَوَابَ ٱلدُّنۡيَا فَعِندَ ٱللَّهِ ثَوَابُ ٱلدُّنۡيَا
وَٱلۡأٓخِرَةِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ سَمِيعَۢا بَصِيرٗا ١٣٤

"Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan demi sesungguhnya Kami telah memerintah orang-orang yang dikurniakan kitab sebelum kamu dan juga kamu supaya bertaqwa kepada Allah. Dan andainya kamu kufur, maka sesungguhnya Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji (131). Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan cukuplah Allah sebagai pentadbir-Nya (132). Andainya Allah kehendaki nescaya Dia hapuskan kamu wahai umat manusia dan membawa umat-umat yang lain (sebagai ganti kamu) dan Allah amat berkuasa berbuat begitu (133). Sesiapa yang mahukan pahala dunia, maka di sisi Allah disediakan pahala dunia dan Akhirat dan Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(134)

Di dalam Al-Qur'an terdapat banyak kata-kata ulasan terhadap hukum-hukum, perintah-perintah dan larangan-larangan dengan menyatakan bahawa Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi atau Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kedua-dua itu pada hakikatnya merupakan perkara yang saling berhubungan satu sama lain, kerana pemilik itulah tuan yang berkuasa dalam segala hak miliknya dan dialah juga yang mempunyai hak dan kuasa untuk membuat undang-undang dan peraturan-peraturan ke atas mereka yang tinggal dalam kawasan miliknya. Di sini pemilik tunggal Yang Maha Agung ialah Allah dan oleh kerana itu Allah sahaja yang berhak dan mempunyai kuasa untuk mengadakan undang-undang dan peraturan bagi manusia. Kedua-duanya merupakan dua perkara yang saling berhubungan satu sama lain.

Begitu juga di sini Al-Qur'an menonjolkan persoalan perintah Allah yang telah disampaikan kepada setiap umat yang diturunkan kitab suci kepada mereka, iaitu perintah bertaqwa kepada Allah selepas dijelaskan hakikat Allah yang memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan yang berhak mengeluarkan perintah kepada mereka yang berada di dalam pemerintahan-Nya.

وَلِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ وَلَقَدۡ
وَصَّيۡنَا ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ مِن قَبۡلِكُمۡ

---

41 *Lihat buku "هذا الدين" dan bab "الواقعية" di dalam buku "خصائص التصور الإسلامي ومقوماته".*

وَإِيَّاكُمْ أَنِ اتَّقُوا اللَّهَ

"Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan demi sesungguhnya Kami telah memerintah orang-orang yang dikurniakan kitab sebelum kamu dan juga kamu supaya bertaqwa kepada Allah."(131)

Oleh itu Allah yang mempunyai kuasa yang haqiqi itulah yang wajar ditakuti dan bertaqwa kepada Allah itulah yang menjaminkan kebaikan hati dan kesungguhannya untuk mengikuti sistem hidup Ilahi dalam segala perinciannya.

Begitu juga ayat yang berikut menerangkan kepada orang-orang kafir tentang betapa kerdilnya kedudukan mereka di dalam kerajaan Allah dan betapa hinanya keadaan mereka di sisi Allah S.W.T. dan bagaimana Allah berkuasa untuk menghapuskan mereka dan menggantikan mereka dengan kaum yang lain:

وَإِن تَكْفُرُوا فَإِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي
الْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ غَنِيًّا حَمِيدًا ﴿١٣١﴾
وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ
وَكِيلًا ﴿١٣٢﴾
إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ أَيُّهَا النَّاسُ وَيَأْتِ بِآخَرِينَ
وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ ذَٰلِكَ قَدِيرًا ﴿١٣٣﴾

"Dan andainya kamu kufur, maka sesungguhnya Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(131). Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan cukuplah Allah sebagai pentadbirnya (132). Andainya Allah kehendaki nescaya Dia hapuskan kamu wahai umat manusia dan membawa umat-umat yang lain (sebagai ganti kamu) dan Allah amat berkuasa berbuat begitu."(133)

Apabila Allah S.W.T. memerintah mereka bertaqwa kepada-Nya, maka perintah itu tidak memberi apa-apa faedah kepada-Nya dan tidak memberi apa-apa kemudharatan kepada-Nya andainya mereka tidak mematuhi atau menolak perintah itu, kerana kekufuran mereka tidak mengurangkan kebesaran kerajaan Allah sedikitpun, kerana Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan Dia berkuasa menghapuskan mereka dan menggantikan mereka dengan kaum yang lain, malah tujuan Allah memerintah mereka supaya bertaqwa kepada-Nya adalah semata-mata untuk kebaikan diri mereka sendiri dan kebaikan keadaan hidup mereka.

Sejauh mana Islam menjelaskan penghormatan Allah terhadap makhluk insan yang telah melebihkannya di atas makhluk-makhluk yang lain yang ada di bumi dan di atas seluruh penghuni alam buana, maka sejauh itulah juga Islam menjelaskan penghinaan Allah terhadap makhkuk insan apabila mereka mengingkarkan Allah, berlagak angkuh, bertindak sewenang-wenang dan menyandang ciri-ciri Uluhiyah tanpa suatu hak. Penghinaan ini adalah setanding dengan penghormatan itu dalam pandangan Islam, dalam hakikat persoalan dan dalam realiti.

Ulasan ini di akhiri dengan sebuah bimbingan yang ditujukan kepada hati orang-orang yang tamak kepada keuntungan dunia sahaja untuk menyedarkan mereka bahawa limpah kurnia Allah adalah lebih luas dari keuntungan dan kesenangan dunia dan Allah menyediakan di sisi-Nya ganjaran dunia dan pahala Akhirat. Orang-orang yang menumpukan seluruh minat mereka kepada dunia itu memang mampu untuk memandang lebih jauh di sebalik hidup dunia dan untuk bercita-cita mencapai kebaikan dunia bersama-sama dengan kebaikan Akhirat.

مَّن كَانَ يُرِيدُ ثَوَابَ الدُّنْيَا فَعِندَ اللَّهِ ثَوَابُ الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿١٣٤﴾

"Sesiapa yang mahukan pahala dunia, maka di sisi Allah disediakan pahala dunia dan Akhirat dan Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(134)

Setiap Insan Mampu Berusaha Untuk Mencapai Kebaikan Dunia Dan Kebaikan Akhirat

Adalah suatu ketololan dan kerendahan hemah dan cita-cita andainya seorang yang dapat berusaha ke arah mencapai kebaikan dunia dan Akhirat kedua-dua sekali atau mencapai ganjaran dunia dan pahala Akhirat - sebagaimana yang dianjurkan oleh sistem hidup Islam yang sepadu, realistik dan mithali - kemudian dia hanya berpada dengan usaha mencari kebaikan dunia sahaja dengan menumpukan seluruh minatnya sehingga ia hidup seperti haiwan dan serangga, sedangkan dia mampu untuk hidup sebagai insan yang meletakkan tapak kakinya berpijak di bumi, sedangkan rohnya terbang ke langit, iaitu satu makhluk yang bergerak mengikut undang-undang di bumi dan dalam waktu yang sama ia mampu hidup dengan para malaikat al-Mala'ul-A'la.

Pada akhirnya ulasan yang beraneka ragam itu di samping membayangkan betapa rapatnya hubungan di antara hukum-hukum juzu' di dalam syari'at dengan sistem hidup Rabbani yang semesta, maka ia juga membayangkan betapa pentingnya kedudukan keluarga di dalam perhitungan Islam sehingga Al-Qur'an menghubungkan persoalan keluarga dengan urusan-urusan alam yang besar kemudian ia iringi dengan kata kesimpulan yang memerintah supaya bertaqwa kepada Allah, iaitu suatu perintah yang meliputi semua agama samawi dan andainya mereka enggan mematuhi perintah ini, maka Allah berkuasa menghapuskan mereka dan menggantikan mereka dengan kaum yang lain yang sanggup mematuhi perintah itu dan menegakkan syari'at-Nya. Ini adalah

satu kesimpulan yang amat penting yang membuktikan bahawa persoalan keluarga juga amat penting dalam perhitungan Allah dan di dalam sistem hidupnya.

(Kumpulan ayat-ayat 135 - 147)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ
لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ ٱلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ
غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَٱللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُواْ ٱلْهَوَىٰٓ
أَن تَعْدِلُواْ ۚ وَإِن تَلْوُۥٓاْ أَوْ تُعْرِضُواْ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٣٥﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ ءَامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ
وَٱلْكِتَٰبِ ٱلَّذِى نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَٱلْكِتَٰبِ
ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ مِن قَبْلُ ۚ وَمَن يَكْفُرْ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ
وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًۢا
بَعِيدًا ﴿١٣٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ثُمَّ كَفَرُواْ ثُمَّ ءَامَنُواْ ثُمَّ كَفَرُواْ
ثُمَّ ٱزْدَادُواْ كُفْرًا لَّمْ يَكُنِ ٱللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ
سَبِيلًۢا ﴿١٣٧﴾
بَشِّرِ ٱلْمُنَٰفِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣٨﴾
ٱلَّذِينَ يَتَّخِذُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ أَيَبْتَغُونَ عِندَهُمُ ٱلْعِزَّةَ فَإِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ
جَمِيعًا ﴿١٣٩﴾
وَقَدْ نَزَّلَ عَلَيْكُمْ فِى ٱلْكِتَٰبِ أَنْ إِذَا سَمِعْتُمْ ءَايَٰتِ
ٱللَّهِ يُكْفَرُ بِهَا وَيُسْتَهْزَأُ بِهَا فَلَا تَقْعُدُواْ مَعَهُمْ حَتَّىٰ
يَخُوضُواْ فِى حَدِيثٍ غَيْرِهِۦٓ ۚ إِنَّكُمْ إِذًا مِّثْلُهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ
جَامِعُ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْكَٰفِرِينَ فِى جَهَنَّمَ جَمِيعًا ﴿١٤٠﴾
ٱلَّذِينَ يَتَرَبَّصُونَ بِكُمْ فَإِن كَانَ لَكُمْ فَتْحٌ مِّنَ
ٱللَّهِ قَالُوٓاْ أَلَمْ نَكُن مَّعَكُمْ وَإِن كَانَ لِلْكَٰفِرِينَ
نَصِيبٌ قَالُوٓاْ أَلَمْ نَسْتَحْوِذْ عَلَيْكُمْ وَنَمْنَعْكُم مِّنَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ فَٱللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ وَلَن
يَجْعَلَ ٱللَّهُ لِلْكَٰفِرِينَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾
إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَهُوَ خَٰدِعُهُمْ وَإِذَا
قَامُوٓاْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ قَامُواْ كُسَالَىٰ يُرَآءُونَ ٱلنَّاسَ
وَلَا يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾
مُّذَبْذَبِينَ بَيْنَ ذَٰلِكَ لَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ وَلَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ ۚ
وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿١٤٣﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ
مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ أَتُرِيدُونَ أَن تَجْعَلُواْ لِلَّهِ
عَلَيْكُمْ سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿١٤٤﴾
إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِى ٱلدَّرْكِ ٱلْأَسْفَلِ مِنَ ٱلنَّارِ وَلَن
تَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا ﴿١٤٥﴾
إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُواْ وَأَصْلَحُواْ وَٱعْتَصَمُواْ بِٱللَّهِ
وَأَخْلَصُواْ دِينَهُمْ لِلَّهِ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَعَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ
وَسَوْفَ يُؤْتِ ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٤٦﴾
مَّا يَفْعَلُ ٱللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِن شَكَرْتُمْ وَءَامَنتُمْ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ شَاكِرًا عَلِيمًا ﴿١٤٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi para penegak keadilan dan para saksi yang benar kerana Allah walaupun terhadap diri kamu sendiri atau terhadap dua ibubapa dan kaum kerabat. Jika yang tertuduh itu kaya atau miskin maka Allah lebih mengetahui hal kedua-duanya. Oleh itu janganlah kamu mengikut keinginan hati untuk tidak berlaku adil. Dan jika kamu memutar-belitkan keterangan atau enggan (memberi keterangan yang benar), maka sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (135). Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada kitab yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya dan kepada kitab yang diturunkan Allah sebelumnya dan barang siapa yang kafir terhadap Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya dan hari Akhirat, maka

sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh (136). Sesungguhnya orang-orang yang telah beriman kemudian menjadi kafir kemudian kembali beriman kemudian kembali menjadi kafir kemudian semakin bertambah kekafiran mereka, maka Allah tidak sekali-kali akan mengampunkan mereka dan tidak pula akan membimbing mereka ke jalan yang betul (137). Sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang Munafiqin bahawa mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih (138). Iaitu orang-orang yang memilih orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia mereka bukannya memilih orang-orang yang beriman. Apakah mereka mahu mencari kekuatan pada orang-orang kafir? Sesungguhnya kekuatan itu adalah semuanya milik Allah belaka (139). Dan sesungguhnya Allah telah menurunkan kepada kamu perintah di dalam kitab Al-Qur'an, iaitu jika kamu mendengar ayat-ayat Allah diingkar dan diejek-ejekkan orang, maka janganlah kamu duduk bersama mereka sehingga mereka masuk bercakap di dalam pembicaraan yang lain (jika tidak) maka jelaslah bahawa kamu adalah sama seperti mereka. Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan sekalian orang-orang Munafiq dan orang-orang kafir di dalam Neraka Jahannam (140). Merekalah orang-orang yang sentiasa menunggu-nunggu peristiwa-peristiwa yang akan berlaku kepada kamu. Oleh itu jika kamu telah mendapat kemenangan dari Allah, mereka pun berkata: "Bukankah kami telah berjuang bersama kamu?" Dan jika orang-orang kafir pula telah mendapat habuan kemenangan, mereka berkata: "Bukankah kami turut membantu kamu mendapat kemenangan dan mempertahankan kamu dari orang-orang yang beriman?" Oleh itu Allah yang akan mengadili di antara kamu pada hari Qiamat kelak dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir menguasai orang-orang yang beriman (141). Sesungguhnya orang-orang Munafiqin itu menipu Allah dan Allah membalas penipuan mereka dan jika mereka bangkit mendirikan solat, mereka bangkit dengan keadaan yang malas dan menunjuk-nunjuk kepada orang ramai dan mereka tidak menyebut Allah kecuali sedikit sahaja (142). Mereka terumbang-ambing di antara keimanan dan kekafiran. Mereka tidak masuk di dalam golongan Mu'min dan tidak pula masuk dalam golongan kafir. Dan sesiapa yang telah disesatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sebarang jalan (untuk membimbing mereka ke jalan hidayat) (143). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memilih orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia selain dari orang-orang Mu'min. Apakah kamu ingin memberi kepada Allah satu alasan yang nyata terhadap kesalahan kamu? (144) Sesungguhnya golongan Munafiqin itu ditempatkan pada tingkatan Neraka yang paling bawah dan engkau tidak akan mendapat seseorang pun yang sanggup menjadi penolong mereka (145). Kecuali mereka yang bertaubat dan mengislahkan diri, berpegang teguh pada Allah dan menumpukan keta'atan mereka kepada Allah, maka mereka adalah bersama-sama orang-orang yang beriman dan Allah akan mengurniakan kepada orang-orang yang beriman pahala yang amat besar (146). Apakah Allah bertindak mengazabkan kamu jika kamu bersyukur dan beriman? Dan Allah Maha Bersyukur dan Maha Mengetahui."(147)

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini adalah satu bahagian dari satu siri tarbiyah sistem hidup Islam yang dikendalikan oleh ri'ayah Ilahiyah untuk melahirkan satu umat yang disifatkan Allah:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia".

(Surah Aali 'Imran: 110)

Inilah sebahagian dari siri tarbiyah dari satu sistem hidup yang tetap dan teratur langkah-langkahnya dan mempunyai matlamat-matlamat yang jelas untuk mengubati jiwa manusia dengan ubat yang diadun atau diciptakan oleh Allah pencipta jiwa itu sendiri yang amat mengetahui dengan segala liku-liku jiwa, tabi'at dan hakikatnya, keperluan-keperluan dan kegemaran-kegemarannya, kebolehan-kebolehan dan tenaga-tenaganya.

Bahagian pelajaran ini di samping menggariskan dasar-dasar sistem ini dan tujuan-tujuannya yang tetap, yang diatur untuk seluruh generasi manusia bagi meningkatkan mereka dari kaki bukit yang rendah - di tempat mana sahaja mereka berada - dan membawa mereka naik melalui anak-anak tangganya menuju ke puncak bukit yang tinggi, malah dalam waktu yang sama juga ia menggambarkan keadaan angkatan kelompok Muslimin yang pertama yang dihadapkan dengan Al-Qur'an ini, ia memperlihatkan dari celah-celah barisan-barisan ayat-ayat gambaran angkatan kelompok Muslimin di waktu itu dengan segala sifat basyariyah mereka dan dengan segala ciri-ciri kelemahan dan kekuatan yang wujud di dalam basyariyah mereka, juga dengan segala sisa-sisa keladak jahiliyah dan perasaan-perasaan semulajadi mereka. Ia juga memperlihatkan cara sistem ini mengubati angkatan kelompok Muslimin itu, cara ia menguat dan menegakkan mereka di atas agama yang benar yang diwakili mereka di samping menggambarkan pendirian perjuangan dan pengorbanan mereka terhadap agama yang benar itu.

Pelajaran ini dimulakan dengan seruan yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman supaya bangkit menyempurnakan tugas-tugas peranan mereka untuk menegakkan keadilan di antara manusia mengikut cara yang unik yang tidak pernah terlaksana kecuali di tangan kelompok Muslimin, iaitu keadilan yang menjadi asas bagi mereka dalam hubungan secara langsung dengan Allah, iaitu keadilan yang bersih dari segala sentimen atau dari hawa nafsu atau dari kepentingan termasuk kepentingan kelompok atau kepentingan umat atau kepentingan negara, malah bersih dari segala pertimbangan dan perhitungan yang lain dari bertaqwa kepada Allah dan mencari keredhaan-Nya. Itulah bentuk keadilan yang telah kita lihat contohnya dari satu pelajaran amali yang ditunjukkan oleh Allah S.W.T. sendiri kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada kelompok Muslimin dalam peristiwa orang Yahudi yang telah diceritakan sebelum ini.

Pelajaran ini dimulakan dengan menyeru orang-orang yang beriman supaya menegakkan keadilan

dengan bentuknya yang seperti ini. Allah yang menurunkan Al-Qur'an ini memang mengetahui Mujahadah atau perjuangan batin yang sukar untuk menegakkan keadilannya dengan bentuk yang sebersih, kerana jiwa manusia mempunyai kelemahannya yang terkenal di samping mempunyai sentimen-sentimennya terhadap diri sendiri dan kaum kerabatnya, terhadap orang-orang yang berguam yang lemah dan yang kuat, terhadap dua ibubapa dan kaum keluarga, terhadap orang miskin dan orang kaya dan terhadap perasaan kemesraan dan perasaan permusuhan, dan Allah mengetahui bahawa usaha untuk membersihkan diri dari sentimen-sentimen itu memerlukan kepada Mujahadah yang sukar iaitu perjuangan menentang nafsu untuk mendaki kemuncak dan meninggalkan kawasan-kawasan kaki bukit yang licin dan di kemuncak ini hati manusia Mu'min tidak bergantung dengan sesuatu yang lain dari tali Allah.

Kemudian Al-Qur'an bagi kali yang kedua menyeru orang-orang yang beriman supaya beriman kepada semua unsur-unsur keimanan yang lengkap, iaitu beriman kepada Allah, para malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya dan hari Akhirat. Setiap unsur dari unsur-unsur keimanan ini mempunyai nilainya dalam pembentukan 'aqidah keimanan dan dalam pembentukan kefahaman dan pandangan Islam yang mengatasi segala kefahaman dan pandangan yang lain yang dikenali oleh umat manusia sebelum dan selepas Islam, dan dari keunggulan inilah lahirnya segala keunggulan yang lain di bidang akhlak atau di bidang kemasyarakatan atau di bidang peraturan di dalam kehidupan angkatan pertama kelompok Muslimin. Keunggulan itu sentiasa membawa keunggulan kepada setiap kelompok yang beriman kepada keimanan yang lengkap ini dengan keimanan yang sebenar dan beramal mengikut kehendak-kehendak keimanan itu dengan sempurna sehingga bumi dan seluruh penghuninya diwarisi Allah. Di sini terbuktilah kebenaran firman Allah: Di dalam pelajaran:

وَلَن يَجْعَلَ ٱللَّهُ لِلْكَٰفِرِينَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk menghapuskan orang-orang yang beriman."(141)

Selepas dua seruan ini, rangkaian ayat-ayat selanjutnya mula melancarkan serangan dengan berbagai-bagai uslub ke atas golongan Munafiqin - iaitu mereka yang masih kekal dalam keadaan nifaq dan mereka yang telah mengisytiharkan kekafiran mereka setelah mengisytiharkan keislaman mereka - dan serangan itu menggambarkan perilaku kaum Munafiqin dengan gambaran-gambaran yang buruk dan hina berdasarkan realiti tindakan-tindakan yang telah dilakukan mereka di dalam barisan Muslimin, juga berdasarkan pendirian mereka yang berubah-ubah mengikut keadaan, iaitu apabila kaum Muslimin mendapat kemenangan, mereka menemui orang-orang Islam dengan sikap bermuka-muka dan berpura-pura dan apabila orang-orang kafir mendapat kemenangan, mereka menemui orang-orang kafir dan mendakwa bahawa merekalah punca kemenangan mereka. Mereka mendirikan solat dengan keadaan malas dan menunjuk-nunjukkan kepada orang lain dan mereka terumbang-ambing di antara dua golongan itu, tidak ke golongan itu dan tidak pula ke golongan ini.

Di celah-celah serangan dan kecaman itu dikemukakan bimbingan-bimbingan dan amaran-amaran kepada orang-orang yang beriman yang membayangkan sejauh mana kesan tindak-tanduk kaum Munafiqin dalam barisan Muslimin pada masa itu di samping membayangkan sejauh mana besarnya barisan kaum Munafiqin yang menyeludup di dalam kehidupan kaum Muslimin pada masa itu hingga memerlukan kepada serangan-serangan yang teratur di samping memelihara "realiti" dan memimpin kaum Muslimin selangkah demi selangkah agar menjauhkan diri dari golongan kaum Munafiqin, di antaranya ialah perintah supaya mereka menjauhi majlis-majlis orang-orang Munafiqin yang berbincang untuk mengingkarkan ayat-ayat Allah dan mempersenda-sendakannya, tetapi mereka sama sekali tidak diperintah supaya memulaukan golongan Munafiqin itu. Ini menunjukkan bahawa golongan Munafiqin itu besar dan meresap jauh ke dalam barisan Muslimin hingga sukar hendak dipulaukan mereka.

Di celah-celah serangan itu juga dikemukakan amaran-amaran dan peringatan-peringatan kepada kaum Muslimin dari sifat-sifat nifaq dan muqaddimah-muqaddimahnya supaya mereka tidak terjerumus ke dalam sifat-sifat itu terutama perbuatan bersetiakawan dengan orang-orang kafir dan tupang mencari kemuliaan dan kekuatan pada mereka dan di sini Allah memberi jaminan kepada orang-orang Islam bahawa kekuatan dan kemuliaan itu adalah semuanya milik Allah dan bahawa Allah tidak akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk menghapuskan orang-orang yang beriman. Jaminan ini disertakan dengan lukisan-lukisan yang memberi gambaran-gambaran golongan Munafiqin yang buruk dan keji di dunia dan di Akhirat dan dijelaskan bahawa mereka akan ditempatkan di tingkat yang paling bawah di dalam Neraka Jahannam.

Bimbingan-bimbingan dan amaran-amaran yang disampaikan dengan sedemikian rupa memperlihatkan cara sistem hidup Ilahi mengubati hati manusia dan kedudukan-kedudukan mereka dan cara mengubah realiti dalam batasan kemampuan dan suasana-suasana yang wujud sehingga membawa kepada satu perubahan yang bersifat penamat dan kepada penegakan satu realiti baru yang lain di samping memperlihatkan keadaan kaum Muslimin pada masa itu dan pendirian mereka terhadap golongan orang-orang kafir dan golongan orang-orang Munafiqin yang bekerjsama memerangi orang-orang Islam dan agama yang baru.

Di celah-celah bimbingan-bimbingan dan amaran-amaran itu dapatlah dilihat dengan jelas bentuk

perjuangan yang ditempuh oleh Al-Qur'an membawa kelompok Muslimin dan cara-cara Al-Qur'an memimpin perjuangan itu di samping membimbing hati mereka. Perjuangan itu merupakan satu perjuangan yang berterusan yang bersambung-sambung di antara Islam dan jahiliyah di setiap zaman dan tempat, dan di antara kaum Muslimin dengan musuh-musuh mereka, di mana hanya individu-individu mereka dan sarana-sarana mereka sahaja yang berubah, tetapi tabi'at mereka dan dasar-dasar (perseteruan mereka terhadap kaum Muslimin) tetap tidak berubah.

Di celah-celah semuanya ini muncullah hakikat kitab suci Al-Qur'an dan peranannya dalam memimpin umat Muslimin bukan sahaja di masa dahulu kerana kedatangan Al-Qur'an bukan hanya untuk memimpin satu generasi sahaja, malah untuk memimpin umat Muslimin generasi ini dan seluruh generasinya di semua zaman.

Di akhir pelajaran ini dikemukakan satu perhatian yang menarik bahawa Allah S.W.T. tidak sekali-kali berhajat untuk menyeksakan para hamba-Nya. Allah hanya menuntut dari mereka supaya beriman dan bersyukur, namun demikian Allah Maha Kaya dari keimanan dan kesyukuran mereka, kerana keimanan dan kesyukuran itu adalah semata-mata untuk kebaikan diri mereka sendiri dan untuk meninggikan taraf diri mereka agar layak menghayati kehidupan Akhirat kelak dan mencapai tahap yang wajar untuk menerima keni'matan-keni'matan di dalam Syurga, tetapi mereka menterbalikkan dan songsangkan keadaan hidup mereka, maka ini bererti mereka sendiri melayakkan diri mereka untuk turun ke tahap yang wajar bagi menerima ke'azaban dan keseksaan di dalam Neraka Jahim, di mana gugurnya orang-orang Munafiqin ke tingkatnya yang paling bawah.

إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِى ٱلدَّرْكِ ٱلْأَسْفَلِ مِنَ ٱلنَّارِ

"Sesungguhnya golongan Munafiqin itu ditempatkan pada tingkatan Neraka yang paling bawah."(145)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 135)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ ٱلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَٱللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلْهَوَىٰٓ أَن تَعْدِلُوا۟ ۚ وَإِن تَلْوُۥٓا۟ أَوْ تُعْرِضُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٣٥﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi para penegak keadilan dan para saksi yang benar kerana Allah walaupun terhadap diri kamu sendiri atau terhadap dua ibubapa dan kaum kerabat. Jika yang tertuduh itu kaya atau miskin maka Allah lebih mengetahui hal kedua-duanya. Oleh itu janganlah kamu mengikut keinginan hati untuk tidak berlaku adil. Dan jika kamu memutar-belitkan keterangan atau enggan (memberi keterangan yang benar), maka sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(135)

Para Mu'minin Ditugaskan Allah Sebagai Penegak Keadilan Yang Mutlaq Dan Saksi Yang Benar Kerana Allah

Itulah seruan kepada orang-orang yang beriman. Mereka diseru dengan sifat mereka yang baru, iaitu sifat mereka yang unik, kerana dengan sifat inilah mereka menjadi manusia baru dan mereka dilahirkan semula, yakni jiwa mereka dilahirkan semula, pandangan dan kefahaman mereka dilahirkan semula, dasar-dasar dan matlamat-matlamat hidup mereka dilahirkan semula dan dengan kelahiran yang baru itu lahirlah pula tugas yang baru dan amanah agung yang dipertanggungjawabkan kepada mereka, iaitu amanah menjadi pemimpin umat manusia dan amanah melaksanakan hukuman yang adil di antara manusia. Oleh sebab itulah seruan dengan sifat ini "wahai orang-orang yang beriman!" mempunyai nilai dan ertinya yang besar, kerana dengan sebab mereka bersifat dengan sifat "orang yang beriman" inilah mereka diserahkan tugas memikul amanah yang agung dan mereka diperlengkap dan disediakan untuk membolehkan mereka melaksanakan amanah yang agung itu.

Itulah salah satu dari sentuhan-sentuhan methodologi tarbiyah yang bijaksana yang digunakan sebelum disampaikan tugas yang berat itu:

كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ ٱلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَٱللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ

"Hendaklah kamu menjadi para penegak keadilan dan para saksi yang benar kerana Allah walaupun terhadap diri kamu sendiri atau terhadap dua ibubapa dan kaum kerabat. Jika yang tertuduh itu kaya atau miskin maka Allah lebih mengetahui hal kedua-duanya."

Itulah amanah menegakkan keadilan secara keseluruhan, iaitu keadilan dalam segala keadaan dan segala bidang, keadilan vang mencegah pencerobohan dan kezaliman di muka bumi ini, keadilan yang memberi hak yang saksama kepada setiap yang berhak sama ada ia dari orang-orang Islam atau bukan Islam, kerana dalam persoalan hak semua orang sama ada orang-orang yang beriman atau orang yang tidak beriman adalah sama sahaja di sisi Allah sebagaimana kita telah melihat contohnya di dalam kisah orang Yahudi yang telah lalu. Di dalam persoalan hak juga semua orang adalah sama sahaja sama ada kaum kerabat atau orang-orang yang jauh,

sama ada kawan-kawan atau lawan-lawan, sama ada kaya atau miskin.

كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلَّهِ

"Hendaklah kamu menjadi para penegak keadilan dan para saksi yang benar kerana Allah."

Yakni saksi yang tulus ikhlas kerana mengharapkan keredhaan Allah semata-mata dan kerana berhubung secara langsung dengan Allah bukan kerana kepentingan mana-mana pihak sama ada pihak yang disaksikan kerananya atau pihak yang disaksikan ke atasnya, bukan kerana kepentingan individu yang tertentu atau kepentingan kelompok atau kepentingan umat dan bukan kerana melayani keadaan-keadaan yang melingkungi mana-mana unsur sesuatu kes, tetapi semata-mata memberi kesaksian kerana Allah, semata-mata kerana berhubung dengan Allah dan bersih dari segala keinginan hawa nafsu dan bersih dari segala kepentingan dan segala perhitungan yang lain.

وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ ٱلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ

"Walaupun terhadap diri kamu sendiri atau terhadap dua ibubapa dan kaum kerabat."

Di sini sistem Islam berusaha mengerahkan diri sendiri untuk menentang diri sendiri dan menetang sentimen-sentimen diri sendiri pertama terhadap diri sendiri dan kedua terhadap dua ibubapa dan kaum kerabat sendiri. Ini adalah satu usaha yang amat sukar, ia jauh lebih sukar dari melafazkannya dengan lidah dan jauh lebih sukar dari memahami makna dan tujuannya dengan daya akal, kerana melakukan usaha ini secara amali adalah berlainan dari memahaminya secara aqli dan hakikat yang kami perkatakan ini tidak dapat diketahui melainkan oleh orang yang berusaha melaksanakannya di alam realiti, tetapi sistem Islam mengembleng dan mengerahkan diri sendiri untuk menghadapi ujian yang sukar ini kerana dasar yang adil ini pasti diwujudkan di muka bumi ini dan pasti ditegakkan oleh segolongan manusia.

Keadilan Memerlukan Penyingkiran Sentimen Dan Kepentingan

Kemudian sistem Islam juga mengembleng dan mengerahkan diri sendiri untuk menentang perasaan-perasaan semulajadinya dan sentimen-sentimen kemasyarakatannya apabila orang yang disaksikan kerananya itu atau orang yang disaksikan ke atasnya itu seorang yang miskin, di mana ia merasa kasihan untuk memberi kesaksian yang benar menentangnya dan merasa ingin memberi kesaksian yang boleh menolongnya kerana bersimpati terhadap kelemahannya atau kemiskinan orang yang disaksikan ke atasnya itu menjadi sebab yang mendorongkannya memberi kesaksian yang menentangnya kerana dipengaruhi oleh keladak-keladak kejiwaan dan kemasyarakatan (yang zalim) seperti yang berlaku di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah. Begitu juga sistem Islam mengembleng dan mengerahkan diri sendiri untuk menentang perasaan-perasaan semulajadi dan sentimen-sentimen kemasyarakatan apabila orang yang disaksikan kerananya atau ke atasnya itu adalah seorang yang kaya, yang mana peraturan tradisi masyarakat menghendaki agar dia diberi layanan yang baik atau kadang-kadang kekayaan dan keangkuhan orang yang kaya itu merangsangkan hati saksi untuk memberi kesaksian yang menentangnya. Semuanya ini merupakan perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen semulajadi atau kehendak-kehendak tradisi masyarakat yang mempunyai pengaruhnya apabila dihadapi manusia (yang menjadi hakim dan saksi) di alam kenyataan. Sistem hidup Islam mengembleng dan mengerahkan diri sendiri untuk menghadapinya sebagaimana ia mengerahkannya untuk menentang perasaan kasih sayang terhadap diri sendiri, terhadap dua ibubapa dan kaum kerabat.

إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَٱللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا

"Jika yang tertuduh itu kaya atau miskin maka Allah lebih mengetahui hal kedua-duanya."

Ini adalah satu usaha yang amat sukar, dan sekali lagi kita ulangi ini adalah satu usaha yang amat sukar. Ketika Islam mendorong orang-orang yang beriman yang berada di alam realiti supaya meningkat ke puncak (keadilan) yang tinggi yang telah disaksikan oleh pengalaman-pengalaman yang haqiqi yang dirakamkan oleh sejarah, maka sebenarnya Islam menciptakan satu mu'jizat yang haqiqi di alam manusia, iaitu mu'jizat yang tidak mungkin berlaku melainkan di bawah naungan sistem hidup Ilahi yang agung dan lurus.

فَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلْهَوَىٰٓ أَن تَعْدِلُوا۟

"Oleh itu janganlah kamu mengikut keinginan hati untuk tidak berlaku adil."

Keinginan hati itu beraneka ragam dan di antara yang disebut oleh Al-Qur'an ialah kasihkan diri sendiri adalah dari keinginan hati, kasihkan isteri dan kaum kerabat juga dari keinginan hati, bersimpati terhadap orang miskin - ketika menjalankan pengadilan dan memberi kesaksian juga dari keinginan hati, mengambil hati orang kaya juga dari keinginan hati dan bertindak mendatangkan kemudharatan kepadanya juga dari keinginan hati, fanatik kepada keluarga, kepada suku, kepada bangsa-bangsa, kepada negara dan kepada tanahair - ketika menjalankan pengadilan dan memberi kesaksian - juga dari keinginan hati dan di sana terdapat berbagai-bagai bentuk dan jenis keinginan hati yang semuanya dilarang oleh Allah agar orang-orang yang beriman jangan terpengaruh dengannya dan tidak menyeleweng dari kebenaran dan dari berkata benar walaupun ditekan oleh keinginan-keinginan hati itu.

Pada akhirnya dikemukakan amaran-amaran ancaman dan janji 'azab dari melakukan perbuatan memesongkan kesaksian yang benar dan dari sikap yang tidak menghiraukan bimbingan dan arahan mengenai kewajipan memberi kesaksian:

وَإِن تَلْوُۥٓا۟ أَوْ تُعْرِضُوا۟

"Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan atau enggan (memberi keterangan yang benar)."

Dan cukuplah bagi seseorang yang beriman itu mengingati bahawa Allah amat mengetahui segala perbuatan yang dilakukannya untuk ia menyedari akibat di sebalik amaran yang membuat seluruh dirinya menggigil. Beginilah Allah S.W.T. berbicara dengan orang-orang yang beriman melalui Al-Qur'an.

Pada suatu masa Abdullah ibn Rawahah r.a. telah diutus oleh Rasulullah s.a.w. untuk menilai hasil-hasil pertanian dari buah-buahan dan tanaman-tanaman kaum Yahudi penghuni Khaybar kerana hasil-hasil itu harus dibahagi dua mengikut perjanjian. Rasulullah s.a.w. selepas penaklukan Khaybar, tiba-tiba orang-orang Yahudi di sana cuba menyogokkan rasuah kepadanya supaya dia bertindak lembut terhadap mereka lalu Abdullah berkata kepada mereka: "Demi Allah, saya datang kepada kamu sebagai utusan dari seorang manusia yang paling saya sayangi. Demi Allah, kamu lebih dibenci di sisiku dari makhluk-makhluk yang seperti kamu seperti kera-kera dan babi-babi, tetapi namun begitu, kasihku kepada beliau dan kebencianku kepada kamu tidak sekali-kali mendorongkanku untuk tidak berlaku adil terhadap kamu." Jawab mereka: "Ya, memang dengan keadilanlah tegaknya langit dan bumi ini".

Sesungguhnya Abdullah ibn Rawahah r.a. adalah seorang tokoh Islam dari lepasan madrasah Rasulullah s.a.w. yang dilandaskan di atas sistem hidup Rabbani yang unik. Abdullah ibn Rawahah adalah seorang manusia yang telah menempuh ujian yang sukar dan dia telah berjaya sebagaimana ramai orang-orang lain turut membuat kejayaan di bawah naungan sistem hidup Rabbani itu. Mu'jizat itu tidak mungkin berlaku melainkan di bawah naungan sistem hidup ini.

Abad-abad demi abad-abad telah berlalu selepas zaman Yang mengkagumkan itu. Perpustakaan-perpustakaan penuh dengan kitab-kitab fekah dan buku-buku undang-undang kehidupan, penuh dengan peraturan-peraturan, badan-badan pengadilan, aturan prosedur-prosedur, dan berbagai bentuk pengurusan dan pentadbiran. Kepala manusia penuh dengan idea dan isu keadilan, mulut mereka sibuk memperkatakan tentang prosedur-prosedur keadilan yang memakan waktu yang panjang dan muncul pula berbagai-bagai teori, berbagai-bagai badan dan lembaga untuk mengawal semuanya ini.

Tetapi penghayatan yang haqiqi terhadap erti keadilan dan pengwujudan erti keadilan ini di alam realiti, di dalam hati dan di dalam kehidupan manusia hingga sampai ke puncaknya yang tinggi dan gemilang itu adalah tidak pernah berlaku melainkan di dalam sistem hidup Rabbani di zaman (Rasulullah) yang mengkagumkan dan memuncak tinggi, juga berlaku selepas zaman itu di sepanjang sejarah, iaitu berlaku di negeri, di mana Islam ditegakkan dan di dalam hati yang dipenuhi 'aqidah ini, di dalam kelompok-kelompok dan individu-individu yang telah terdidik di dalam sistem hidup yang unik ini.

Inilah hakikat yang harus disedari oleh orang-orang yang terpesona dengan bentuk-bentuk penyusunan badan-badan kehakiman yang moden, dengan prosedur-prosedur kehakiman yang baru dan dengan peraturan-peraturan kehakiman yang begitu maju dan canggih. Mereka mengira semuanya ini dapat menegak dan menjamin keadilan yang lebih baik dari peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang mudah/simple di zaman (awal negara Islam) yang unik di abad-abad yang telah jauh berlalu itu. Mereka beranggapan bahawa urusan pentadbiran kehakiman pada hari ini adalah lebih kemas dan kukuh dari urusan pentadbirannya dalam bentuknya yang mudah di zaman dahulu itu.

Ini adalah suatu kekeliruan faham yang diwujudkan oleh pengaruh bentuk-bentuk dan saiz-saiz di dalam kefahaman-kefahaman mereka yang tidak memahami hakikat-hakikat sesuatu dan hakikat-hakikat peraturan. Hanya sistem hidup Rabbani sahaja yang dapat menyampaikan manusia ke tahap (keadilan) yang telah dicapai oleh mereka walaupun ia mempunyai bentuk-bentuk peraturan dan pentadbiran yang mudah. Hanya sistem hidup Rabbani sahaja yang dapat menyampaikan ke tahap (keadilan) ini, iaitu satu tahap (keadilan) yang mengatasi bentuk-bentuk peraturan pentadbiran kehakiman yang diwujudkan di zaman moden ini.

Tetapi ini bukanlah pula bererti bahawa kami menyarankan agar dihapuskan peraturan-peraturan dan pentadbiran-pentadbiran kehakiman yang moden, malah apa yang kami maksudkan ialah supaya kita sedar bahawa nilai keadilan itu bukannya terletak pada bentuk-bentuk peraturan dan pentadbiran, tetapi terletak pada roh yang ada di sebalik peraturan dan pentadbiran itu biarpun bagaimana bentuk dan saiznya, masanya dan tempatnya. Kelebihan tetap diperolehi oleh yang lebih baik tanpa memandang masa dan tempat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 136)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ ءَامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَٱلْكِتَٰبِ ٱلَّذِى نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَٱلْكِتَٰبِ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ مِن قَبْلُ ۚ وَمَن يَكْفُرْ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿١٣٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada kitab yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya dan kepada kitab yang diturunkan Allah sebelumnya dan barang siapa yang kafir terhadap Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya dan hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh."(136)

Itulah seruan yang kedua yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman. Mereka telah diseru dengan sifat "beriman" yang mengasingkan mereka dari alam jahiliyah yang wujud di sekeliling mereka dan menentukan fungsi dan tugas-tugas mereka dan seterusnya menghubungkan mereka dengan Allah selaku sumber, di mana mereka mengambil kekuatan dan mencari bantuan untuk melaksanakan tugas-tugas itu.

Keimanan Dan Unsur-unsurnya Yang Asasi

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ ءَامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ
وَٱلْكِتَٰبِ ٱلَّذِى نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَٱلْكِتَٰبِ
ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ مِن قَبْلُ

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada kitab yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya dan kepada kitab yang diturunkan Allah sebelumnya."

Itulah penjelasan tentang unsur-unsur keimanan yang wajib dipercayai oleh setiap yang beriman. Itulah penjelasan tentang kefahaman dan pandangan Islam dari segi kepercayaan atau i'tiqad.

Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya menghubungkan hati para Mu'minin dengan Allah yang telah menciptakan mereka dan mengutuskan kepada mereka utusan-Nya untuk memimpin mereka ke jalan-Nya iaitu Rasulullah s.a.w. Beriman kepada Rasul-Nya ialah beriman kepada kerasulan Rasul-Nya dan mempercayai segala apa yang disampaikannya dari Allah yang mengutusnya kepada mereka.

Beriman kepada kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasul-Nya mengikatkan mereka dengan sistem hidup yang telah dipilih oleh Allah untuk mengendalikan kehidupan mereka yang diterangkan di dalam kitab ini. Segala isi kandungan kitab ini wajib diambil kerana sumbernya satu dan jalannya juga satu. Setengah-setengah isi kandungannya tidak lebih utama dari isi kandungannya yang lain dari segi wajib diterima, dipatuhi dan dilaksanakan.

Beriman kepada kitab-kitab suci yang diturunkan sebelum Al-Qur'an kerana sumber bagi semua kitab-kitab suci itu adalah sama atau satu sahaja, iaitu Allah dan dasar yang diperjuangkan oleh kitab-kitab suci itu juga sama, iaitu menyerah diri kepada Allah dan mengkhususkan sifat Uluhiyah dan segala ciri-cirinya yang lain kepada Allah S.W.T. Yang Maha Esa dan berikrar bahawa hanya sistem hidup Allah sahaja yang wajib dita'ati dan dilaksanakan di dalam hidup mereka. Persamaan kitab-kitab suci ini adalah suatu perkara yang memang tabie dan mudah dimengerti kerana kitab-kitab ini sebelum dipinda dan diubah oleh manusia adalah terbit dari Allah, dan kerana sistem hidup ciptaan Allah adalah satu, iradat Allah terhadap manusia adalah satu dan jalan Allah adalah satu dan tetap lurus di tengah-tengah jalan-jalan yang lain yang bersimpang-siur dan tetap sampai kepada Allah.

Beriman kepada seluruh kitab suci - dengan sifat seluruh kitab itu adalah sama atau satu pada hakikatnya - adalah satu bentuk keimanan yang hanya dimiliki oleh umat Muslimin sahaja, kerana kepercayaan mereka terhadap Allah Yang Maha Esa, terhadap sistem Allah yang satu dan terhadap jalan Allah yang satu adalah kepercayaan yang sesuai dengan hakikat kesatuan umat manusia,sesuai dengan kesatuan kebenaran yang tidak pernah berbilang-bilang, iaitu kebenaran yang tidak ada yang lain di sebaliknya melainkan kesesatan.

فَمَاذَا بَعْدَ ٱلْحَقِّ إِلَّا ٱلضَّلَٰلُ

"Maka apakah lagi selepas kebenaran itu selain dari kesesatan."

(Surah Yunus: 32)

Dan setelah dikemukakan perintah beriman diiringi pula dengan ancaman terhadap kekafiran atau keingkaran terhadap unsur-unsur keimanan yang dijelaskan dengan terperinci sebelum dinyatakan balasannya:

وَمَن يَكْفُرْ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ
وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿١٣٦﴾

"Dan barang siapa yang kafir terhadap Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya dan hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh."(136)

Dalam perintah yang pertama disebut tentang beriman kepada Allah, kepada kitab-kitab suci-Nya dan kepada para rasul-Nya, tetapi tidak disebut tentang beriman kepada malaikat (dan kepada hari Akhirat). Oleh sebab semua kitab-kitab Allah menyebut malaikat dan hari Akhirat maka beriman kepada kitab-kitab suci itu dengan sendirinya bererti beriman kepada malaikat dan hari Akhirat, tetapi tujuan ditonjolkan malaikat dan hari Akhirat di dalam ayat ini kerana ayat ini bertujuan memberi amaran dan ancaman yang perlu dinyatakan segala unsur keimanan itu dengan satu persatu.

Pengungkapan dengan "kesesatan yang amat jauh" biasanya membawa makna pembenaman diri yang amat jauh di dalam kesesatan hingga tidak dapat diharap lagi dari menerima hidayat dan tidak dapat lagi ditunggu selepas itu dari pulang ke pangkal jalan.

Orang yang kafir atau ingkarkan Allah yang dipercayai oleh fitrah sebagai harakat tabi'inya dan kecenderungan semulajadinya dan ingkarkan malaikat-malaikat Allah, kitab-kitab suci-Nya, para rasul-Nya dan hari Akhirat sebagai hasil kekafiran dan keingkarannya terhadap hakikat yang pertama (Allah), maka nyatalah tahap kerosakan, kelumpuhan dan keruntuhan fitrahnya itu telah sampai ke batas yang tidak dapat diharap lagi dari menerima hidayat dan tidak dapat lagi ditunggu selepas itu dari pulang ke pangkal jalan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 137)

Selepas dua seruan yang dituju kepada orang-orang yang beriman itu, maka rangkaian ayat-ayat yang berikut mula melancarkan serangan terhadap sikap nifaq dan kaum Munafiqin dan mula mencerita salah satu dari keperihalan-keperihalan mereka di alam pernyataan yang mencerminkan pendirian setengah-setengah mereka, iaitu pendirian yang paling hampir dengan cerita kekafiran dan orang-orang kafir:

Serangan Dan Kecaman Terhadap Kaum Munafiqin

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ثُمَّ كَفَرُوا۟ ثُمَّ ءَامَنُوا۟ ثُمَّ كَفَرُوا۟
ثُمَّ ٱزْدَادُوا۟ كُفْرًا لَّمْ يَكُنِ ٱللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ
سَبِيلًۢا ﴿١٣٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang telah beriman kemudian menjadi kafir kemudian kembali beriman kemudian kembali menjadi kafir kemudian semakin bertambah kekafiran mereka, maka Allah tidak sekali-kali akan mengampunkan mereka dan tidak pula akan membimbing mereka ke jalan yang betul."(137)

Kekafiran sebelum beriman adalah di ampun dan dihapuskan dosanya dengan beriman, kerana orang-orang yang tidak pernah melihat nur hidayat adalah mempunyai alasan jika ia terus berada di dalam gelap gelita, tetapi kekafiran selepas beriman sekali demi sekali adalah dosa besar yang tiada keampunan dan kemaafan baginya. Kekafiran adalah hijab dan apabila hijab ini gugur atau tersingkap, maka fitrah akan dapat berhubung dengan Allah, yang lari terpencil akan dapat pulang ke pangkuan kelompok, tumbuhan akan dapat berhubung dengan matair dan roh akan dapat mencapai kemanisan iman yang tidak dapat dilupakan. Orang-orang yang murtad dari keimanan sekali demi sekali adalah sebenarnya mereka telah membohongi fitrah dengan penuh pengetahuan, mereka telah memasuki ke dalam kesesatan dengan sengaja dan mereka dengan penuh sukarela dan dengan pilihan sendiri pergi mengharungi padang gurun yang menyesatkannya dan membenamkan dirinya di dalam kesesatan yang amat jauh.

Oleh itu adalah adil bagi Allah tidak memberi keampunan kepada mereka dan adalah adil bagi Allah tidak mengurniakan hidayat kepada mereka kerana mereka telah mensia-siakan jalan yang benar setelah mereka mengetahui dan menjalaninya. Merekalah sendiri yang telah memilih keburukan dan kegelapan setelah mereka dipimpin kepada kebaikan dan kepada nur hidayat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 138 - 143)

Bagaimana Benih-benih Nifaq Berkembang

Apabila hati belum tulus dan bulat kepada Allah, maka selama-lamanya ia tidak akan bebas dari tekanan nilai dan peraturan manusia, tekanan keperluan dan kepentingan, tekanan ketamakan dan kebakhilan. Ia selama-lamanya tidak akan dapat mengatasi kepentingan dan pertimbangan keuntungan, mengatasi cita-cita yang tamak dan angan-angan yang tinggi mengawan. Ia selama-lamanya tidak akan dapat mencapai kebebasan, kehormatan dan keunggulan yang dikecapi oleh hati yang dipenuhi kasih kepada Allah ketika berhadapan dengan nilai dan peraturan manusia, ketika berhadapan dengan tokoh-tokoh dan peristiwa-peristiwa dan ketika berhadapan dengan kuasa-kuasa dan pemegang-pemegang kuasa.

Di sini mulanya tercetus benih pertama nifaq kerana nifaq itu pada hakikatnya ialah kelemahan untuk terus tegak di atas kebenaran dalam menghadapi kebatilan dan kelemahan ini adalah hasil dari ketakutan dan ketamakan yang dihubungkan kepada yang lain dari Allah, juga hasil dari perbuatan mengikatkan diri dengan keadaan dan suasana bumi, dengan peraturan-peraturan manusia dan hidup terpencil dari sistem hidup Ilahi.

Di dalam penerangan rangkaian ayat-ayat ini di sana ada pertalian di antara pembicaraan tentang beriman kepada Allah dan menunaikan kesaksian yang ikhlas kepada Allah dengan pembicaraan tentang nifaq di samping adanya pertalian umum yang diwujudkan oleh maudhu' surah yang pokok, iaitu tujuan mendidik kelompok Muslimin dengan sistem hidup Islam dan mengubati keladak-keladak jahiliyah yang masih ada di samping mengemblengkan seluruh diri untuk menentang kelemahan semulajadi manusia kemudian memimpin mereka menempuh perjuangan menentang kaum Musyrikin di sekeliling mereka dan menentang kaum Munafiqin yang menyusup di dalam barisan mereka. Penerangan ayat-ayat ini bersambung-sambung di atas matlamat yang umum dari awal surah hingga akhirnya.

Demikianlah pembicaraan mengenai nifaq dan kaum Munafiqin itu menghabiskan ruang saki-baki pelajaran ini yang menjadi penamat juzu' yang kelima ini-setelah dikemukakan gambaran yang dilukiskan oleh ayat yang telah lepas yang menggambarkan

keadaan kaum Munafiqin yang beriman kemudian menjadi kafir, kemudian beriman kemudian menjadi kafir kemudian bertambah kafir.

Dan dari sinilah dimulakan serangan - sebagaimana telah diterangkan sebelum ini - terhadap nifaq dan kaum Munafiqin dengan berbagai-bagai uslubnya yang wajar dikaji dan diteliti untuk mengenal sistem hidup Rabbani ketika berfungsi menjalankan kerja-kerja biasanya di dalam realiti kehidupan dan di dalam hati.

بَشِّرِ ٱلْمُنَٰفِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣٨﴾
ٱلَّذِينَ يَتَّخِذُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ أَيَبْتَغُونَ عِندَهُمُ ٱلْعِزَّةَ فَإِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ
جَمِيعًا ﴿١٣٩﴾
وَقَدْ نَزَّلَ عَلَيْكُمْ فِى ٱلْكِتَٰبِ أَنْ إِذَا سَمِعْتُمْ ءَايَٰتِ
ٱللَّهِ يُكْفَرُ بِهَا وَيُسْتَهْزَأُ بِهَا فَلَا تَقْعُدُوا۟ مَعَهُمْ حَتَّىٰ
يَخُوضُوا۟ فِى حَدِيثٍ غَيْرِهِۦٓ ۚ إِنَّكُمْ إِذًا مِّثْلُهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ
جَامِعُ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْكَٰفِرِينَ فِى جَهَنَّمَ جَمِيعًا ﴿١٤٠﴾
ٱلَّذِينَ يَتَرَبَّصُونَ بِكُمْ فَإِن كَانَ لَكُمْ فَتْحٌ مِّنَ
ٱللَّهِ قَالُوٓا۟ أَلَمْ نَكُن مَّعَكُمْ وَإِن كَانَ لِلْكَٰفِرِينَ
نَصِيبٌ قَالُوٓا۟ أَلَمْ نَسْتَحْوِذْ عَلَيْكُمْ وَنَمْنَعْكُم مِّنَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ فَٱللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ وَلَن
يَجْعَلَ ٱللَّهُ لِلْكَٰفِرِينَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾
إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَهُوَ خَٰدِعُهُمْ وَإِذَا
قَامُوٓا۟ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ قَامُوا۟ كُسَالَىٰ يُرَآءُونَ ٱلنَّاسَ
وَلَا يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾
مُّذَبْذَبِينَ بَيْنَ ذَٰلِكَ لَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ وَلَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ ۚ
وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿١٤٣﴾

"Sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang Munafiqin bahawa mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih (138). Iaitu orang-orang yang memilih orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia mereka bukannya memilih orang-orang yang beriman. Apakah mereka mahu mencari kekuatan pada orang-orang kafir? Sesungguhnya kekuatan itu adalah semuanya milik Allah belaka (139). Dan sesungguhnya Allah telah menurunkan kepada kamu perintah di dalam kitab Al-Qur'an, iaitu jika kamu mendengar ayat-ayat Allah diingkar dan diejek-ejekkan orang, maka janganlah kamu duduk bersama mereka sehingga mereka masuk bercakap di dalam pembicaraan yang lain (jika tidak) maka jelaslah bahawa kamu adalah sama seperti mereka. Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan sekalian orang-orang Munafiqin dan orang-orang kafir di dalam Neraka Jahannam (140). Merekalah orang-orang yang sentiasa menunggu-nunggu peristiwa-peristiwa yang akan berlaku kepada kamu. Oleh itu jika kamu telah mendapat kemenangan dari Allah, mereka pun berkata: "Bukankah kami telah berjuang bersama kamu?" Dan jika orang-orang kafir pula telah mendapat habuan kemenangan, mereka berkata: "Bukankah kami turut membantu kamu mendapat kemenangan dan mempertahankan kamu dari orang-orang yang beriman?" Oleh itu Allah akan mengadili di antara kamu pada hari Qiamat kelak dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir menguasai orang-orang yang beriman (141). Sesungguhnya orang-orang Munafiqin itu menipu Allah dan Allah membalas penipuan mereka dan jika mereka bangkit mendirikan solat, mereka bangkit dengan keadaan yang malas dan menunjuk-nunjuk kepada orang ramai dan mereka tidak menyebut Allah kecuali sedikit sahaja (142). Mereka terumbang-ambing di antara keimanan dan kekafiran.. Mereka tidak masuk di dalam golongan Mu'min dan tidak pula masuk dalam golongan kafir. Dan sesiapa yang telah disesatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sebarang jalan (untuk membimbing mereka ke jalan hidayat)."(143)

Serangan itu dimulakan dengan ejekan yang begitu ketara dari penggunaan kata-kata "بشّر" (sampaikanlah berita gembira) sebagai ganti kata-kata "أنذر" (berilah amaran), yang mana ia menjadikan 'azab keseksaan yang pedih yang menunggu kaum Munafiqin itu sebagai satu berita gembira, juga dimulakan dengan menjelaskan sebab yang membawa mereka dikenakan 'azab yang amat pedih itu dan sebabnya ialah kerana mereka mengambil orang kafir dan bukannya orang-orang Mu'minin sebagai sahabat-sahabat setia mereka dan kerana mereka menaruh prasangka yang buruk terhadap Allah dan mempunyai kefahaman yang salah) terhadap hakikat sumber kemuliaan dan kekuatan yang sebenar.

بَشِّرِ ٱلْمُنَٰفِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣٨﴾
ٱلَّذِينَ يَتَّخِذُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ أَيَبْتَغُونَ عِندَهُمُ ٱلْعِزَّةَ فَإِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ
جَمِيعًا ﴿١٣٩﴾

"Sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang Munafiqin bahawa mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih (138). Iaitu orang-orang yang memilih orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia mereka bukannya memilih orang-orang yang beriman. Apakah mereka mahu mencari kekuatan pada orang-orang kafir? Sesungguhnya kekuatan itu adalah semuanya milik Allah belaka."(139)

Orang-orang kafir yang disebut di sini - mengikut pendapat yang lebih rajih - ialah orang-orang Yahudi yang menjadi tempat perlindungan kaum Munafiqin. Di sanalah mereka berkumpul dan berbincang secara rahsia dan merancang bersama mereka berbagai-bagai komplot dan tipudaya terhadap kelompok Muslimin.

Allah S.W.T. bertanya mereka dengan pertanyaan mengejek dan mengecam mengapa mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir, sedangkan mereka mendakwa beriman? Mengapa mereka meletakkan diri di tempat (yang begitu rendah)? Dan mengapa mereka mengambil sikap (yang keji) ini? Apakah mereka mahu mencari kemuliaan dan kekuatan pada orang-orang kafir? Sebenarnya kemuliaan dan kekuatan itu adalah semuanya dimiliki Allah. Oleh itu kemuliaan dan kekuatan tidak mungkin didapati melainkan oleh mereka yang dilindungi Allah dan oleh mereka yang mencarinya di sisi Allah dan oleh mereka yang berlindung di bawah naungan Allah.

Demikianlah sentuhan pertama ayat ini mendedah tabi'at kaum Munafiqin dan sifat mereka yang utama, iaitu bersahabat setia atau bersetiakawan dengan orang-orang kafir bukannya dengan orang-orang yang beriman di samping mendedahkan kefahaman mereka yang salah terhadap hakikat kekuatan dan terhadap kekosongan orang-orang kafir dari segala kemuliaan dan kekuatan yang sebenar yang dicari oleh kaum Munafiqin pada mereka. Dan ayat ini dengan tegas menjelaskan bahawa kemuliaan dan kekuatan itu adalah milik Allah Yang Maha Esa sahaja dan oleh kerana itu kemuliaan dan kekuatan pastilah dicari di sisi Allah, jika tidak, maka tiada kemuliaan dan kekuatan di sisi orang-orang yang lain.

Sesungguhnya di sana hanya ada satu sahaja sandaran bagi jiwa manusia (iaitu Allah) dan pada sandaran inilah ia mendapat kekuatan dan kemuliaan. Oleh itu apabila ia berpegang kepada sandaran ini ia akan dapat mengatasi orang-orang yang lain. Dan sesungguhnya di sana hanya ada satu 'Ubudiyah sahaja yang dapat mengangkatkan jiwa manusia dan membebaskannya, iaitu 'Ubudiyah kepada Allah. Dan andainya jiwa seorang tidak berpaut tenang dengan 'Ubudiyah kepada Allah, maka ia akan diperhambakan oleh berbagai-bagai nilai manusia, berbagai-bagai tokoh manusia, berbagai-bagai pertimbangan dan berbagai-bagai ketakutan dan tiada satu pun 'Ubudiyah kepada sekalian manusia, kepada segala sesuatu dan kepada segala perhitungan dapat menyelamatkannya.

Pilihan hanya di antara dua sama ada 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa yang membawa keunggulan, kemuliaan dan kebebasan atau 'Ubudiyah kepada hamba-hamba Allah yang membawa kepada kehinaan dan belenggu-belenggu. Sesiapa yang suka bolehlah ia membuat pilihan.

Seorang Mu'min yang tulen tidak akan mencari kemuliaan dan kekuatan pada yang lain dari Allah, ia tidak akan mencari kemuliaan, pertolongan dan kekuatan pada musuh-musuh Allah selama ia beriman kepada Allah. Alangkah perlunya orang yang mendakwakan diri mereka sebagai penganut-penganut Islam dan menamakan diri mereka dengan nama-nama Islam, sedangkan mereka mencari pertolongan pada musuh-musuh Allah yang paling ketat di bumi ini....... Alangkah perlunya mereka memperhati dan meneliti ayat Al-Qur'an ini jika mereka benar-benar ingin menjadi orang-orang Islam yang sejati dan jika tidak, maka Allah adalah Maha Kaya dari semesta alam,

Di antara perbuatan yang digolongkan ke dalam perbuatan mencari kemuliaan dan kekuatan pada orang-orang kafir dan bersetiakawan dengan mereka dan bukannya bersetiakawan dengan orang-orang Mu'min ialah perbuatan berbangga-bangga dengan ibubapa-ibubapa dan datuknenek-datuknenek yang telah mati di dalam kekafiran dan menganggapkan bahawa di antara mereka dengan generasi (anak-anak cucu) yang Muslimin masih wujud hubungan keturunan dan kaum kerabat sebagaimana setengah-setengah orang berbangga-bangga dengan bangsa Fir'aun, bangsa Asyuria, bangsa Phoenician, bangsa Babylon, bangsa Arab jahiliyah dengan kebanggaan jahiliyah dan fanatik jahiliyah.

Al-Imam Ahmad telah meriwayat: Kami telah diceritakan oleh Hussein bin Muhammad, kami telah diceritakan oleh Abu Bakr ibn Abbas dari Humayd al-Kindi dari Ubadah bin Nasi dari Abu Rayhanah katanya: Bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda:

من أنتسب إلى تسعة آباء كفار، يريد بهم عزًا وفخراً،
فهو عاشرهم فى النار

"Sesiapa yang menghubungkan keturunanya kepada sembilan tapis datuk neneknya yang kafir dengan tujuan berbangga-bangga dan bermegah-megah dengan mereka, maka dia akan bergaul bersama mereka di dalam Neraka."

Ini disebabkan kerana tali perpaduan di dalam Islam ialah 'aqidah dan kerana pengertian kata-kata " أمّة / ummah" di dalam Islam ialah orang-orang yang beriman kepada Allah sejak permulaan sejarah di setiap negeri dan di dalam setiap generasi, dan "ummah" itu bukanlah kumpulan generasi-generasi manusia dari sejak zaman purba dan bukan pula kumpulan manusia yang berada dalam satu kawasan bumi di dalam mana-mana generasi manusia.

* * * * * *

Darjah pertama dari darjah-darjah nifaq ialah kesanggupan seseorang Mu'min duduk di dalam satu majlis, di mana ia mendengar ayat-ayat Al-Qur'an diingkar dan dipersenda-sendakan kemudian dia diam dan pura-pura tidak tahu sama ada ia namakan sikap berdiam diri itu sebagai sikap toleran atau sikap yang bijak atau sifat lapang dada, luas fikiran dan percaya

kepada kebebasan fikiran, namun sikap itu sebenarnya suatu kekalahan jiwa yang sedang menulari seluruh bahagian anggotanya, ia sebenarnya mengelirukan dirinya sendiri di permulaan jalan lagi kerana malu kepada dirinya sendiri agar ia tidak ditangkap oleh dirinya sendiri dalam keadaan sedang berada dalam kelemahan dan kehinaan.

Sesungguhnya semangat keghairahan yang berkobar-kobar itu adalah untuk Allah, untuk agama dan untuk ayat-ayat Allah. itulah tanda keimanan dan apabila semangat keghairahan yang berkobar-kobar itu lemah dan menjadi hambar, maka runtuhlah segala ampangan dan robohlah segala dinding dan hanyutlah segala runtuhannya yang hancur itu bersama rempuhan arus air yang pertama. Semangat keghairahan yang berkobar-kobar itu mula-mulanya ditindas dengan sengaja kemudian ia perlahan-lahan malap dan akhirnya mati.

Oleh itu sesiapa yang mendengar ejekan dan sendaan terhadap agamanya di dalam sesuatu majlis, maka tindakan yang harus diambil olehnya ialah sama ada ia tampil mempertahankan agamanya atau bangkit memulaukan majlis itu dan para pesertanya. Adapun bertindak dengan berpura-pura tidak tahu dan diam membungkam, maka itulah peringkat pertama dari peringkat-peringkat kekalahan jiwa dan itulah garis pemisah di antara keimanan dan kekafiran di atas jambatan nifaq.

Dahulu ada orang-orang Islam yang duduk di dalam majlis-majlis tokoh-tokoh Munafiqin yang berpengaruh dan mereka di waktu itu masih mempunyai pengaruh, kemudian datang ajaran Al-Qur'an mengingatkan hakikat itu kepada mereka, iaitu perbuatan mereka menghadiri majlis-majlis yang seperti ini dan mendiamkan diri terhadap segala ejekan kepada agamanya yang dibangkitkan di dalam majlis itu merupakan peringkat pertama dari peringkat-peringkat kekalahan jiwa dan Al-Qur'an memang mahu menjauhkan mereka dari kekalahan itu, tetapi keadaan dan suasana di masa itu belum lagi mengizin untuk terus memerintah orang-orang Islam supaya memulaukan semua majlis-majlis tokoh-tokoh Munafiqin itu. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memulakan dengan menyuruh mereka memulaukan majlis-majlis itu apabila mereka mendengar ayat-ayat Allah diingkar, diejek dan dipersenda-sendakan di dalam majlis itu, jika tidak, maka tindakan mendiamkan diri itulah pendirian yang Munafiq. Itulah kesudahan yang amat ditakuti, kerana itulah kesudahan kaum Munafiqin dan orang-orang kafir seluruhnya:

وَقَدْ نَزَّلَ عَلَيْكُمْ فِي ٱلْكِتَٰبِ أَنْ إِذَا سَمِعْتُمْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ يُكْفَرُ بِهَا وَيُسْتَهْزَأُ بِهَا فَلَا تَقْعُدُوا۟ مَعَهُمْ حَتَّىٰ يَخُوضُوا۟ فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِۦٓ ۚ إِنَّكُمْ إِذًا مِّثْلُهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ جَامِعُ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْكَٰفِرِينَ فِي جَهَنَّمَ جَمِيعًا ﴿١٤٠﴾

"Dan sesungguhnya Allah telah menurunkan kepada kamu perintah di dalam kitab Al-Qur'an, iaitu jika kamu mendengar ayat-ayat Allah diingkar dan diejek-ejekkan orang, maka janganlah kamu duduk bersama mereka sehingga mereka masuk bercakap di dalam pembicaraan yang lain (jika tidak) maka jelaslah bahawa kamu adalah sama seperti mereka. Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan sekalian orang-orang Munafiqin dan orang-orang kafir di dalam Neraka Jahannam (140).

Ayat ini dikembalikan kepada ayat yang telah diturunkan sebelumnya, iaitu firman Allah di dalam Surah al-An'am:

وَإِذَا رَأَيْتَ ٱلَّذِينَ يَخُوضُونَ فِيٓ ءَايَٰتِنَا فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ حَتَّىٰ يَخُوضُوا۟ فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِۦ ۚ

"Dan apabila engkau melihat orang-orang yang masuk bercakap-cakap mempersenda-sendakan ayat-ayat Kami, maka hendaklah engkau menjauhi mereka sehingga mereka masuk bercakap-cakap di dalam pembicaraan yang lain darinya."

(Surah al-An'am : 68)

Ancaman yang membuat orang yang beriman takut menggigil ialah:

إِنَّكُمْ إِذًا مِّثْلُهُمْ ۗ

"(Jika tidak) maka jelaslah bahawa kamu adalah sama seperti mereka"(140)

dan janji seksa yang menghapuskan segala keraguan:

إِنَّ ٱللَّهَ جَامِعُ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْكَٰفِرِينَ فِي جَهَنَّمَ جَمِيعًا ﴿١٤٠﴾

"Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan sekalian orang-orang Munafiqin dan orang-orang kafir di dalam Neraka Jahannam."(140)

Tetapi pembatasan larangan setakat menghadiri majlis-majlis, di mana diingkar, diejek-ejekkan ayat Allah sahaja dan tidak meliputi setiap perhubungan kaum Muslimin dengan kaum Munafiqin adalah membayangkan hakikat yang telah kami jelaskan sebelum ini, iaitu membayangkan hakikat keadaan dan suasana masa yang ditempoh oleh kelompok Muslimin ketika itu, yang mana keadaan dan suasana ini mungkin berulang-ulang di dalam generasi-generasi dan di dalam persekitaran-persekitaran yang lain di samping membayangkan tabi'at sistem hidup Ilahi yang bertindak perlahan-lahan dan mengambil kira keladak-keladak jahiliyah yang masih ada, perasaan-perasaan, keadaan-keadaan, suasana-suasana dan peristiwa-peristiwa di alam realiti dan dalam waktu yang sama mengorak langkah-langkah yang teratur dan tetap ke arah mengubahkan realiti.

* * * * * *

Kemudian ayat yang berikut mula menghuraikan sifat kaum Munafiqin dengan mengemukakan satu lukisan yang memberi gambaran kelakuan mereka yang keji dan menjijikkan, iaitu mereka menemui orang-orang Islam dengan satu wajah yang tertentu dan menemui orang-orang kafir dengan satu wajah yang lain pula (dan untuk menjaga imbangan yang baik di antara dua golongan ini) mereka selalu memegang di tengah-tengah tongkat. Tindak-tanduk mereka berbelit-belit seperti cacing-cacing dan ular-ular:

ٱلَّذِينَ يَتَرَبَّصُونَ بِكُمْ فَإِن كَانَ لَكُمْ فَتْحٌ مِّنَ
ٱللَّهِ قَالُوٓا۟ أَلَمْ نَكُن مَّعَكُمْ وَإِن كَانَ لِلْكَـٰفِرِينَ
نَصِيبٌ قَالُوٓا۟ أَلَمْ نَسْتَحْوِذْ عَلَيْكُمْ وَنَمْنَعْكُم مِّنَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ فَٱللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۗ وَلَن
يَجْعَلَ ٱللَّهُ لِلْكَـٰفِرِينَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾

"Merekalah orang-orang yang sentiasa menunggu-nunggu peristiwa-peristiwa yang akan berlaku kepada kamu. Oleh itu jika kamu telah mendapat kemenangan dari Allah, mereka pun berkata: "Bukankah kami telah berjuang bersama kamu?" Dan jika orang-orang kafir pula telah mendapat habuan kemenangan, mereka berkata: "Bukankah kami turut membantu kamu mendapat kemenangan dan mempertahankan kamu dari orang-orang yang beriman?" Oleh itu Allah akan mengadili di antara kamu pada hari Qiamat kelak dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir menguasai orang-orang yang beriman."(141)

Ini adalah satu gambaran yang menjijikkan yang mula menjelaskan niat jahat yang tersimpan di dalam hati kaum Munafiqin terhadap kelompok Muslimin dan bagaimana mereka menunggu-nunggu peristiwa-peristiwa yang akan berlaku kepada kelompok itu, namun demikian mereka berpura-pura memperlihatkan sikap mereka yang mesra terhadap orang-orang Islam apabila Allah memberi kemenangan dan ni'mat kepada mereka dan di waktu inilah kaum Munafiqin ini akan berkata:

أَلَمْ نَكُن مَّعَكُمْ

"Bukankah kami telah berjuang bersama-sama kamu?"

Maksudnya mereka mahu mengatakan bahawa mereka turut berjuang bersama-sama kaum Muslimin di medan peperangan - sebenarnya mereka kadang-kadang keluar berperang bersama-sama orang-orang Islam, tetapi mereka selalu melakukan tindakan yang mengecewa dan menggugatkan barisan Muslimin - atau mereka bermaksud mengatakan bahawa mereka bersama kaum Muslimin dengan hati mereka dan mereka membantu perjuangan mereka dan melindungi barisan belakang mereka.

وَإِن كَانَ لِلْكَـٰفِرِينَ نَصِيبٌ قَالُوٓا۟ أَلَمْ نَسْتَحْوِذْ
عَلَيْكُمْ وَنَمْنَعْكُم مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ

"Dan jika orang-orang kafir pula telah mendapat habuan kemenangan, mereka berkata: Bukankah kami turut membantu kamu mendapat kemenangan dan mempertahankan kamu dari orang-orang yang beriman?"

Mereka bermaksud mengatakan bahawa mereka telah menyokong dan membantu perjuangan dan melindungi barisan belakang mereka dan telah mengecewa dan menggugatkan barisan Muslimin.

Demikianlah tindak-tanduk mereka berbelit-belit seperti cacing-cacing dan ular-ular. Dalam hati mereka menyimpan racun yang bisa, tetapi di bibir mulut mereka meletakkan kata-kata yang manis, dan selepas itu mereka kembali menjadi manusia-manusia yang lemah. Gambaran mereka amat buruk dan hina dan menjijikkan hati orang-orang yang beriman. Inilah salah satu sentuhan methodologi Al-Qur'an untuk menyedarkan hati orang-orang yang beriman.

Oleh kerana garis panduan yang diikuti Rasulullah s.a.w. - dengan arahan Allah dalam menghadapi masalah kaum Munafiqin ialah menggunakan polisi memejam mata dan sikap tidak pedulikan mereka di samping memberi peringatan kepada orang-orang yang beriman dan membuka mata mereka terhadap hakikat gerakan kaum Munafiqin dalam rangka usaha untuk menghapuskan kumpulan yang durjana ini, maka ayat yang berikut menyerahkan urusan mereka kepada hukuman Allah pada hari Akhirat, di mana tabir (yang selama ini melindungi mereka) akan disingkapkan dan mereka akan menerima balasan terhadap segala perbuatan tipu daya yang telah dilakukan mereka terhadap kaum Muslimin:

فَٱللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۗ

"Oleh itu Allah akan mengadili di antara kamu pada hari Qiamat kelak."

Dan pada hari ini tiada lagi peluang untuk mereka menipu, untuk mereka mengadakan komplot dan merancangkan tipudaya dan untuk mereka menyembunyikan isi hati mereka (yang jahat).

Dari janji Allah yang tegas (dalam ayat yang berikut) orang-orang yang beriman mendapat keyakinan bahawa tipudaya halus yang jahat dari kaum Munafiqin dan komplot mereka bersama orang-orang kafir itu tidak akan mengubahkan neraca urusan Ilahi, dan Allah tidak akan memberi kemenangan dan penguasaan kepada orang-orang kafir ke atas orang-orang yang beriman:

وَلَن يَجْعَلَ ٱللَّهُ لِلْكَـٰفِرِينَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir menguasai orang-orang yang beriman."(141)

Allah Menjanjikan Umat Muslimin Tidak Akan Dikuasai Kaum Kafirin

Dalam mentafsirkan ayat ini ada satu riwayat yang menyatakan bahawa maksud penguasaan di dalam ayat ini ialah penguasaan pada hari Qiamat, di mana Allah mengadili di antara orang-orang yang beriman dengan kaum Munafiqin dan tentulah di sana tidak ada jalan bagi orang-orang kafir untuk menguasai atau mengatasi orang-orang yang beriman.

Begitu juga terdapat satu riwayat yang lain yang menyatakan bahawa maksud penguasaan itu ialah penguasaan di alam dunia ini, di mana Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir mengalahkan orang-orang Islam hingga menghapuskan mereka walaupun mereka mungkin menerima kekalahan di dalam setengah-setengah peperangan dan di dalam setengah-setengah masa.

Mengitlaq atau mengumumkan pengertian nas ini meliputi dunia dan Akhirat adalah lebih dekat kepada kebenaran kerana di dalam nas tidak terdapat sebarang penentuan.

Di alam Akhirat perkara penguasaan ini jelas tidak memerlukan penerangan atau penegasan, tetapi di alam dunia, gejala-gejala lahir kadang-kadang menyarankan hakikat yang berlainan dari hakikat yang disebut dalam ayat ini, tetapi gejala-gejala lahir itu adalah gejala-gejala yang mengelirukan yang memerlukan penelitian yang halus.

Janji dalam nas ini adalah satu janji yang tegas dari Allah dan satu hukum yang tepat dan lengkap dari Allah, iaitu apabila hakikat keimanan telah tertanam dengan kukuhnya di dalam hati orang-orang yang beriman dan telah menjelma dalam realiti kehidupan mereka dalam bentuk satu sistem hidup dan satu sistem pemerintahan dan dalam bentuk amalan yang tulus kerana Allah dalam setiap fikiran dan harakat dan dalam bentuk ibadat kepada Allah kecil dan besar, maka Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir menguasai orang-orang yang beriman.

Hakikat ini adalah dirakamkan oleh sejarah Islam dan tiada satu kes pun yang meleset.

Saya tegaskan dengan kepercayaan yang tidak digugatkan oleh sebarang keraguan terhadap kebenaran janji Allah bahawa kekalahan tidak akan menimpa orang-orang yang beriman. ia tidak akan menimpa mereka di sepanjang sejarah mereka kecuali di sana terdapat lubang-lubang kosong di dalam hakikat keimanan mereka sama ada dari segi perasaan atau dari segi amalan dan termasuk dalam keimanan ialah usaha-usaha mengadakan alat kelengkapan perang dan menyediakan kekuatan pada setiap waktu dengan niat berjuang untuk Sabilullah dan di bawah panji-panji Allah sahaja dan bersih dari segala tujuan yang lain. Sebesar mana lubang kosong pada hakikat keimanan, maka sebesar itulah kekalahan sementara yang akan dialami mereka, kemudian kemenangan akan dicapai oleh orang-orang yang beriman apabila mereka mewujudkan keimanan yang sebenar.

Misalnya di dalam Peperangan Uhud lubang kosong telah berlaku pada keimanan mereka apabila mereka melanggar perintah Rasulullah s.a.w. dan tamak kepada harta rampasan perang, dan di dalam Peperangan Hunayn pula lubang kosong berlaku apabila mereka berbangga dan terpesona dengan bilangan mereka yang ramai dan lupakan sandaran asal yang sebenar! Jika kita memeriksa dan meneliti setiap kali gagalnya orang-orang Islam mencapai kemenangan di dalam sejarah mereka nescaya kita dapati di sana wujudnya lubang kosong yang seperti ini sama ada kita mengetahuinya atau tidak. Adapun janji Allah, maka ia tetap benar setiap waktu.

Ya, malapetaka (kekalahan) itu kadang-kadang merupakan suatu ujian, tetapi ujian itu adalah kerana sesuatu hikmat, iaitu untuk menyempurnakan hakikat keimanan dan kehendak-kehendaknya dari amalan-amalan yang soleh sebagaimana ujian yang telah berlaku di dalam Peperangan Uhud yang telah diceritakan oleh Allah kepada orang-orang Islam. [42] Apabila hakikat keimanan menjadi sempurna setelah mencapai .kejayaan dalam ujian itu, maka kemenangan akan tercapai dan janji Allah akan terlaksana dengan penuh keyakinan.

Tetapi saya maksudkan dengan kekalahan di sini ialah kekalahan dalam ertikatanya yang lebih luas dari kekalahan di medan peperangan, iaitu saya maksudkan dengannya ialah kekalahan jiwa dan ketewasan azam, kerana kekalahan di dalam sesuatu perjuangan tidak semestinya bererti kekalahan kecuali ia meninggalkan kesan-kesan kelemahan dan putus asa, tetapi jika kekalahan itu terus membangkitkan semangat, menyalakan api perjuangan, menyedarkan punca-punca kejatuhan, mendedahkan tabi'at 'aqidah, tabi'at perjuangan dan tabi'at jalan perjuangan, maka kekalahan itu merupakan pendahuluan yang kuat kepada kemenangan yang muktamad walaupun jalan perjuangan itu jauh.

Begitu juga apabila nas Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah tidak akan memberi jalan kepada orang-orang kafir menguasai orang Islam, maka tujuannya untuk menunjukkan bahawa jiwa yang beriman itu tetap menang dan gagasan yang beriman itu tetap mengatasi, juga untuk menyeru kelompok Muslimin supaya menyempurnakan hakikat keimanan di dalam hati mereka sama ada dari segi kefahaman atau dari segi kesedaran dan perasaan, iaitu berusaha menyempurnakan hakikat keimanan mereka di dalam kehidupan mereka di alam realiti dan amali dan janganlah mereka meletakkan pergantungan mereka kepada nama mereka (sebagai kaum Muslimin) kerana kemenangan bukan kerana nama-nama, malah kerana hakikat yang wujud di sebaliknya.

---

[42] *Lihat pembicaraan Peperangan Uhud di dalam Surah Aali 'Imran juzu' yang keempat*

Tidak ada di antara kita dengan kemenangan - di mana-mana zaman dan di mana-mana tempat pun - melainkan hanya menunggu usaha kita menyempurnakan hakikat keimanan, iaitu menyempurnakannya di dalam kehidupan kita dan di dalam realiti kita dan termasuk di dalam hakikat keimanan ialah usaha kita mengadakan alat kelengkapan perang dan menyediakan kekuatan yang sempurna dan termasuk dalam hakikat keimanan juga ialah kita tidak seharusnya cenderung dan percaya kepada musuh-musuh dan kita tidak seharusnya mencari kemuliaan dan kekuatan melainkan dari Allah.

Janji Allah yang setegas ini adalah sesuai dengan hakikat keimanan dan hakikat kekafiran di alam buana ini.

Keimanan itu mempunyai hubungan dengan kekuatan Yang Maha Agung yang tidak lemah dan tidak fana, sedangkan kekafiran adalah terputus hubungan dan terasing dari kekuatan Yang Maha Agung itu. Oleh itu kekuatan (kafir) yang terbatas, putus hubungan, terasing dan fana itu tidak akan berdaya menewaskan satu kekuatan (yang beriman) yang bersambung dengan sumber kekuatan di seluruh alam buana ini.

Tetapi kita harus selama-lamanya membezakan di antara hakikat keimanan dengan rupa lahir keimanan, kerana hakikat keimanan adalah satu kekuatan yang haqiqi, tetap dan teguh sama seperti tetap dan teguhnya undang-undang alam buana. Ia mempunyai kesan-kesannya di dalam jiwa manusia dan di dalam segala harakat dan tindakan yang lahir dari jiwa. Ia adalah satu hakikat yang amat besar yang cukup untuk menghadapi dan menewaskan hakikat kekafiran yang terasing, putus hubungan dan terbatas, tetapi apabila keimanan berubah kepada rupa lahir sahaja, maka ia dapat ditewaskan oleh hakikat kekafiran apabila hakikat kekafiran ini menepati tabi'atnya dan berfungsi di bidangnya, kerana hakikat sesuatu itu lebih kuat dari fenomena lahirnya walaupun hakikat itu hakikat kekafiran dan lawannya ialah fenomena lahir keimanan.

Asas perjuangan untuk menewaskan kebatilan ialah mewujudkan kebenaran dan apabila kebenaran dapat diwujudkan dengan seluruh hakikatnya dan seluruh kekuatannya, maka kesudahan perjuangan di antara kebenaran dan kebatilan dapat ditentukan kemenangan kepada kebenaran walaupun kebatilan itu mempunyai kekuatan lahir yang begitu besar hingga mengelirukan pandangan mata.

بَلْ نَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَى ٱلْبَٰطِلِ فَيَدْمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ

"Malah Kami melontarkan kebenaran di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya dan terus terhapus."

(Surah al-Anbiya':18)

وَلَن يَجْعَلَ ٱللَّهُ لِلْكَٰفِرِينَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir menguasai orang-orang yang beriman."(141)

* * * * * *

Setelah menyampaikan janji yang tegas dan meyakinkan orang-orang yang beriman dan mengecewakan orang-orang Munafiqin yang bersahabat setia dengan orang-orang kafir kerana ingin mencari kekuatan dan kemuliaan pada mereka, maka ayat-ayat yang berikut terus melukiskan satu lagi gambaran buruk kaum Munafiqin yang disertakan dengan pernyataan yang memperkecilkan kedudukan mereka dengan ancaman 'azab Allah terhadap mereka.

Pendirian Dan Perilaku Kaum Munafiqin

إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَهُوَ خَٰدِعُهُمْ وَإِذَا
قَامُوٓا۟ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ قَامُوا۟ كُسَالَىٰ يُرَآءُونَ ٱلنَّاسَ
وَلَا يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾
مُّذَبْذَبِينَ بَيْنَ ذَٰلِكَ لَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ وَلَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ
وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿١٤٣﴾

"Sesungguhnya orang-orang Munafiqin itu menipu Allah dan Allah membalas penipuan mereka dan jika mereka bangkit mendirikan solat, mereka bangkit dengan keadaan yang malas dan menunjuk-nunjuk kepada orang ramai dan mereka tidak menyebut Allah kecuali sedikit sahaja (142). Mereka terumbang-ambing di antara keimanan dan kekafiran. Mereka tidak masuk di dalam golongan Mu'min dan tidak pula masuk dalam golongan kafir. Dan sesiapa yang telah disesatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sebarang jalan (untuk membimbing mereka ke jalan hidayat)."(143)

Ini satu lagi sentuhan dari sentuhan-sentuhan methodologi tarbiyah Al-Qur'an yang mencuit hati orang-orang yang beriman, kerana hati mereka tentulah merasa jijik terhadap perbuatan kaum Munafiqin yang mahu menipu Allah, kerana mereka sedar bahawa Allah S.W.T. tidak mungkin ditipu kerana Allah mengetahui segala yang sulit dan segala yang tersembunyi. Mereka selanjutnya sedar bahawa orang yang cuba menipu Allah pastilah hatinya menampung sebahagian besar dari kejahatan-kejahatan kejahilan dan kelalaian dan kerana inilah hati mereka memandang jijik, hina dan kecil terhadap penipu-penipu itu.

Selepas sentuhan itu, dijelaskan bahawa mereka menipu Allah dan Allah membalas penipuan mereka, iaitu Allah melepaskan mereka perlahan-lahan dan membiarkan mereka di dalam kesesatan mereka. Allah tidak menimpakan ke atas mereka dengan sesuatu kesusahan yang menyedarkan mereka dari

kelalaian dan tidak pula menggerakkan mereka dengan sesuatu malapetaka yang membuka mata mereka, malah Allah membiarkan mereka terus berjalan di jalan yang curam hingga mereka jatuh terhumban. Itulah balasan Allah S.W.T. terhadap penipuan mereka. Oleh itu segala malapetaka dan kesusahan seringkali merupakan suatu rahmat dari Allah apabila ia menimpa manusia dan membetulkan kesalahan mereka atau mengajar kepada mereka sesuatu rahsia yang selama ini tidak diketahui oleh mereka. Begitu juga ni'mat 'afiat dan kesenangan seringkali merupakan suatu istidraj dari Allah kepada orang-orang yang berdosa dan sesat kerana dosa dan kesesatan mereka telah sampai ke batas yang mewajarkan mereka ditinggal dan dibiarkan Allah tanpa disedaran dengan kesusahan dan amaran hingga mereka berakhir kepada seburuk-buruk kesudahan.

Kemudian ayat yang berikut terus melukiskan gambaran-gambaran yang hina dan buruk yang hanya menimbulkan perasaan jijik dan memandang hina di dalam hati orang-orang yang beriman:

وَإِذَا قَامُوٓا۟ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ قَامُوا۟ كُسَالَىٰ يُرَآءُونَ
ٱلنَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾

"Dan jika mereka bangkit mendirikan solat, mereka bangkit dengan keadaan yang malas dan menunjuk-nunjuk kepada orang ramai dan mereka tidak menyebut Allah kecuali sedikit sahaja."(142)

Solat Orang-orang Munafiqin

Mereka tidak bangkit mendirikan solat dengan kerinduan yang hangat untuk bertemu dengan Allah, untuk berdiri mengadap-Nya, untuk berhubung dengan-Nya dan untuk mengambil kekuatan dari-Nya, malah mereka bangkit mengerjakan solat kerana menunjuk-nunjukkan kepada manusia dan kerana itu mereka bangkit dengan keadaan yang malas seperti orang yang mahu melakukan satu pekerjaan yang berat atau dipaksa melakukan kerja berat. Begitu juga mereka sangat sedikit menyebut Allah. Mereka tidak mengingati Allah, tetapi mengingati manusia, mereka tidak bertawajjuh kepada Allah tetapi menunjuk-nunjuk kepada manusia.

Itulah gambaran yang amat buruk di dalam hati orang-orang yang munafiqin. Ia menimbulkan perasaan jijik dan perasaan memandang hina dan perasaan ini menjauhkan di antara mereka dengan kaum beriman dan melemahkan hubungan-hubungan peribadi dan hubungan-hubungan kepentingan. Inilah langkah-langkah dalam methodologi tarbiyah Al-Qur'an yang bijaksana untuk memutuskan hubungan di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang munafiq.

Ayat yang berikut terus melukiskan gambaran-gambaran yang buruk dan menjijikkan:

مُّذَبْذَبِينَ بَيْنَ ذَٰلِكَ لَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ وَلَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ
وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿١٤٣﴾

"Mereka terumbang-ambing di antara keimanan dan kekafiran. Mereka tidak masuk di dalam golongan Mu'min dan tidak pula masuk dalam golongan kafir. Dan sesiapa yang telah disesatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sebarang jalan (untuk membimbing mereka ke jalan hidayat)."(143)

Pendirian yang terumbang-ambing dan sikap yang goyah, dan tidak tetap dalam salah satu dari dua barisan itu sama ada dalam barisan Mu'min atau dalam barisan kafir adalah satu pendirian yang menimbulkan perasaan memandang hina dan jijik di dalam hati orang-orang yang beriman. Di samping pendirian itu sendiri menyarankan kelemahan jiwa kaum Munafiqin iaitu kelemahan yang membuat mereka tidak mampu untuk mengambil sikap yang tegas di sana atau di sini dan tidak berdaya untuk menyatakan fikiran, kepercayaan dan pendirian mereka dengan terus-terang kepada orang-orang Mu'min atau kepada orang-orang kafir.

Ayat yang berikut pula mengulas gambaran yang buruk dan pendirian yang terumbang-ambing itu dengan pernyataan bahawa Allah telah menetapkan keputusan-Nya ke atas mereka, iaitu mereka tidak wajar diberi pertolongan untuk mendapat hidayat. Oleh sebab itu tiada siapa pun yang dapat menunjukkan jalan hidayat kepada mereka dan boleh mendapatkan jalan yang lurus untuk mereka:

وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ سَبِيلًا ﴿١٤٣﴾

"Dan sesiapa yang telah disesatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapat sebarang jalan (untuk membimbing mereka ke jalan hidayat)."(143)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 144 - 146)

Sampai di sini penjelasan ayat-ayat ini telah membangkitkan perasaan jijik dan memandang hina dan lemah yang begitu besar di dalam hati orang-orang yang beriman. Oleh itu dalam ayat yang berikut Al-Qur'an terus berbicara dengan orang-orang yang beriman. Ia memberi amaran dan peringatan kepada mereka supaya jangan mengikut jalan kaum Munafiqin, dan yang dimaksudkan dengan jalan yang diikuti kaum Munafiqin itu - sebagaimana telah disebut sebelum ini - ialah bersahabat setia dengan orang-orang kafir bukannya dengan orang-orang yang beriman, juga mengingatkan mereka terhadap 'azab dan kemurkaan Allah di samping menggambarkan untung nasib kaum Munafiqin di Akhirat yang amat menakut dan hina dina:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ
مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَتُرِيدُونَ أَن تَجْعَلُوا۟ لِلَّهِ
عَلَيْكُمْ سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿١٤٤﴾

إِنَّ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ فِي ٱلدَّرۡكِ ٱلۡأَسۡفَلِ مِنَ ٱلنَّارِ وَلَن تَجِدَ لَهُمۡ نَصِيرًا ١٤٥

إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُواْ وَأَصۡلَحُواْ وَٱعۡتَصَمُواْ بِٱللَّهِ وَأَخۡلَصُواْ دِينَهُمۡ لِلَّهِ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَعَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَۖ وَسَوۡفَ يُؤۡتِ ٱللَّهُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ أَجۡرًا عَظِيمٗا ١٤٦

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memilih orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia selain dari orang-orang Mu'minin. Apakah kamu ingin memberi kepada Allah satu alasan yang nyata terhadap kesalahan kamu? (144) Sesungguhnya golongan Munafiqin itu ditempatkan pada tingkatan Neraka yang paling bawah dan engkau tidak akan mendapat seseorang pun yang sanggup menjadi penolong mereka (145). Kecuali mereka yang bertaubat dan mengislahkan diri, berpegang teguh pada Allah dan menumpukan keta'atan mereka kepada Allah, maka mereka adalah bersama-sama orang-orang yang beriman dan Allah akan mengurniakan kepada orang-orang yang beriman pahala yang amat besar."(146)

Ayat ini kembali sekali lagi menyeru orang-orang yang beriman dengan menggunakan sifat mereka yang memisah dan membezakan mereka dari kelompok-kelompok manusia lain yang ada di sekeliling mereka dan dengan sifat inilah berbezanya cara hidup, perilaku dan realiti mereka. Seterusnya dengan sifat ini juga mereka menyahut seruan Allah dan mematuhi arahan-arahan-Nya.

Mereka diseru dengan sifat ini supaya menjauhi perbuatan mengikut jalan kaum Munafiqin dan mereka diberi amaran supaya jangan mengadakan hubungan setia kawan melainkan dengan orang-orang yang beriman. Di sana pastilah ada suatu keperluan yang menghendaki seruan ini dilakukan dalam masyarakat Islam di masa itu, di mana hubungan-hubungan yang baik masih wujud di antara setengah-setengah orang Islam dan orang-orang Yahudi di Madinah dengan setengah-setengah orang-orang Islam dan kaum kerabat mereka dalam masyarakat Quraysy (di Makkah) - walaupun hubungan itu merupakan hubungan jiwa sahaja - kami hanya mengatakan "setengah-setengah orang Islam" sahaja, kerana di sana ada setengah-setengah orang Islam yang lain yang telah memutuskan terus segala hubungan mereka dengan masyarakat jahiliyah sehingga dengan ibubapa dan anak-anak mereka sendiri dan mereka menjadikan agama yang dianutinya itu sebagai satu-satunya ikatan perhubungan dan perpaduan dan satu-satunya tali hubungan rahim seperti yang diajarkan Allah kepada mereka.

Kepada setengah-setengah orang Islam (yang kami katakan) itulah perlu diperingatkan bahawa jalan yang sedang dilalui mereka adalah jalan nifaq dan kaum Munafiqin. Peringatan itu dibuat setelah digambarkan nifaq dan kaum Munafiqin dengan gambaran yang buruk, keji dan dibenci. Begitu juga mereka perlu diperingatkan supaya mereka jangan mendedahkan diri kepada kemurkaan dan 'azab Allah:

أَتُرِيدُونَ أَن تَجۡعَلُواْ لِلَّهِ عَلَيۡكُمۡ سُلۡطَٰنٗا مُّبِينًا ١٤٤

"Apakah kamu ingin memberi kepada Allah satu alasan yang nyata terhadap kesalahan kamu?"(144)

Tidak ada yang lebih ditakuti oleh hati orang-orang yang beriman dari ketakutan terdedah kepada 'azab dan kemurkaan Allah. Oleh sebab itulah pengungkapan ayat ini dibuat dalam bentuk pertanyaan kerana dengan semata-mata menyindir dengan pertanyaan sudah cukup untuk berbicara dengan hati orang-orang yang beriman.

Di dalam ayat yang berikut ada lagi satu pukulan yang kuat ke atas hati-hati yang beriman, tetapi pukulan ini tidak ditujukan secara langsung kepada mereka, malah ditujukan secara sindiran sahaja. Itulah pukulan yang menentukan kesudahan dan untung nasib kaum Munafiqin yang ngeri dan hina:

إِنَّ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ فِي ٱلدَّرۡكِ ٱلۡأَسۡفَلِ مِنَ ٱلنَّارِ وَلَن تَجِدَ لَهُمۡ نَصِيرًا ١٤٥

"Sesungguhnya golongan Munafiqin itu ditempatkan pada tingkatan Neraka yang paling bawah dan engkau tidak akan mendapat seseorang pun yang sanggup menjadi penolong mereka."(145)

Tempat Golongan Munafiqin Dalam Neraka

Tingkat yang paling bawah... Itulah kesudahan yang sesuai dengan berat bumi yang melekatkan kaum Munafiqin di tanah yang menyebabkan mereka tidak dapat bergerak bebas dan tidak dapat meningkat tinggi. Itulah berat ketamakan-ketamakan, keinginan-keinginan, kelobaan-kelobaan, kebimbangan-kebimbangan dan kelemahan-kelemahan mereka. Itulah berat yang menyebabkan mereka jatuh ke tahap yang membuat mereka sanggup bersahabat setia dengan orang-orang kafir dan berpura-pura dengan orang-orang yang beriman dan mengambil pendirian yang sedemikian hina di dalam hidup mereka iaitu:

مُّذَبۡذَبِينَ بَيۡنَ ذَٰلِكَ لَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ وَلَآ إِلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِۚ

"Mereka terumbang-ambing di antara keimanan dan kekafiran. Mereka tidak masuk di dalam golongan Mu'min dan tidak pula masuk dalam golongan kafir."(143)

Semasa hidup di dunia, mereka berusaha menyediakan diri mereka untuk menerima nasib kesudahan yang hina di Akhirat, di mana mereka ditempatkan di tingkat Neraka Jahannam yang paling

bawah tanpa kawan teman dan tanpa penolong-penolong, sedangkan semasa di dunia dahulu mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir. Bagaimanakah orang-orang kafir dapat menolong mereka?

Selepas menayangkan pemandangan yang ngeri itu, ayat yang berikut membuka pintu keselamatan kepada mereka, iaitu pintu taubat kepada sesiapa yang inginkan keselamatan:

إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ وَأَصْلَحُوا۟ وَٱعْتَصَمُوا۟ بِٱللَّهِ
وَأَخْلَصُوا۟ دِينَهُمْ لِلَّهِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَعَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ
وَسَوْفَ يُؤْتِ ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٤٦﴾

"Kecuali mereka yang bertaubat dan mengislahkan diri, berpegang teguh pada Allah dan menumpukan keta'atan mereka kepada Allah, maka mereka adalah bersama-sama orang-orang yang beriman dan Allah akan mengurniakan kepada orang-orang yang beriman pahala yang amat besar."(146)

Di tempat-tempat yang lain Al-Qur'an hanya menyebut "melainkan orang-orang yang bertaubat dan mengislahkan diri" sahaja, kerana di dalam amalan bertaubat dan mengislahkan diri mengandungi makna berpegang teguh kepada Allah dan menumpukan keta'atan kepada Allah, tetapi di sini Al-Qur'an tonjolkan arahan "berpegang teguh kepada Allah" dan arahan "menumpukan keta'atan kepada Allah" kerana ia berdepan dengan manusia-manusia yang berjiwa goyah, terumbang-ambing, Munafiq dan berlindung pada yang lain dari Allah. Oleh sebab itulah amat sesuai ditonjolkan arahan menumpukan keta'atan kepada Allah dan arahan berpegang kepada Allah Yang Maha Esa sahaja ketika menyebut bimbingan bertaubat dan mengislahkan diri, iaitu membersihkan jiwa mereka dari segala perasaan goyah dan terumbang-ambing dan dari akhlak mereka yang tidak mantap agar dengan berpegang teguh kepada Allah Yang Maha Esa mereka mendapat kekuatan dan keutuhan dan dengan pemusatan mereka menumpukan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa mereka mendapat sifat kebersihan, keikhlasan dan ketulusan.

Dengan usaha yang sedemikian ringanlah keberatan yang telah menjatuhkan kaum Munafiqin hingga terlekat di tanah semasa mereka hidup di dunia dan hingga terhumban ke tingkat Neraka yang paling bawah semasa mereka hidup di Akhirat.

Dengan usaha yang sedemikian orang-orang yang bertaubat dari mereka dapat, meningkatkan diri mereka sejajar dengan orang-orang yang beriman yang kuat dan mulia dengan kekuatan dan kemuliaan Allah Yang Maha Esa, sejajar dengan orang-orang yang beriman yang unggul dengan keimanan mereka dan bebas dari berat bumi dengan kekuatan iman mereka, sedangkan balasan orang-orang yang beriman dan orang-orang yang bersama mereka memang dimaklumi umum iaitu:

وَسَوْفَ يُؤْتِ ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٤٦﴾

"Dan Allah akan mengurniakan kepada orang-orang yang beriman pahala yang amat besar."(146)

Dengan aneka jenis sentuhan ini Al-Qur'an mendedahkan hakikat kaum Munafiqin di dalam masyarakat Islam dan memperkecilkan kedudukan mereka dan menyedarkan orang-orang yang beriman dari tergelincir ke dalam kelakuan nifaq serta mengingatkan mereka dari akibatnya yang buruk, seterusnya membuka pintu taubat kepada kaum Munafiqin supaya orang-orang yang masih mempunyai asas yang baik dari mereka dapat menyelamat dan membersihkan diri mereka dan dapat bercantum di dalam barisan Muslimin dengan niat yang benar, semangat yang berkobar-kobar dan hati yang ikhlas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 147)

Mengapa Allah Mengazabkan Manusia?

Pada akhirnya - di dalam ayat yang berikut - datanglah pula sentuhan yang menarik yang kaya dengan ilham dan kesan-kesan yang mendalam selepas disebut hukuman yang ngeri dan yang besar untuk menyedarkan hati manusia bahawa Allah sekali-kali tidak berhajat hendak mengazabkan hamba-hamba-Nya. Allah S.W.T. sekali-kali tidak mempunyai dendam peribadi terhadap mereka dan kerana dendam inilah Dia mengazabkan mereka. Allah S.W.T. sekali-kali tidak berhajat hendak menzahirkan kuatkuasa-Nya melalui penyeksaan itu. Allah S.W.T. tidak mempunyai kegemaran zati untuk mengazabkan manusia sebagaimana yang banyak terdapat dalam dongeng-dongeng (dewa-dewa dan tuhan-tuhan) dari kepercayaan agama paganisme yang membuat kefahaman-kefahaman yang seperti itu. Apa yang dikehendaki Allah ialah kebaikan manusia melalui beriman dan bersyukur kepada Allah serta menggalakkan mereka supaya beriman dan bersyukur kepada Allah dan Allah mensyukuri amalan-amalan manusia yang baik dan Dia mengetahui segala rahsia hati mereka yang tersembunyi:

مَّا يَفْعَلُ ٱللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِن شَكَرْتُمْ وَءَامَنتُمْ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ شَاكِرًا عَلِيمًا ﴿١٤٧﴾

"Tidaklah Allah bertindak mengazabkan kamu jika kamu bersyukur dan beriman? Dan Allah itu Maha Bersyukur dan Maha Mengetahui."(147)

Makna Kesyukuran Allah

Ya, apakah Allah bertindak mengazabkan kamu jika kamu bersyukur dan beriman? Sesungguhnya 'azab dan penyeksaan Allah itu adalah semata-mata sebagai balasan terhadap keingkaran dan kekafiran, juga sebagai amaran semoga balasan 'azab itu dapat

membawa manusia kepada bersyukur dan beriman. 'azab dan penyeksaan itu bukannya kerana keinginan Allah hendak menyeksa dan mengazabkan hamba-Nya dan bukannya kerana Allah mahu mencari keni'matan dengan kesakitan-kesakitan dan penderitaan-penderitaan manusia dan bukan pula untuk menunjukkan kegagahan dan kekuasaan-Nya. Maha Suci Allah dari tujuan-tujuan ini semuanya dan Maha Tinggilah Allah setinggi-tingginya. Oleh itu apabila kamu memelihara diri kamu dengan bersyukur dan beriman, maka di sanalah terletaknya keampunan dan keredhaan Allah dan ketika itulah Allah mensyukuri hamba-Nya dan Dia Maha Mengetahui segala hal ehwal hamba-Nya.

Kesyukuran Allah S.W.T. terhadap hamba-Nya memberi sentuhan yang lembut dan mendalam kepada hati dan memang diketahui umum bahawa kesyukuran dari Allah itu bermakna keredhaan dari-Nya dan makna mendapat keredhaan ialah mendapat balasan pahala, tetapi pengungkapan "Allah Maha Bersyukur" adalah suatu pengungkapan yang mempunyai saranan yang amat mendalam.

Jika Allah yang bersifat Maha Pencipta, Maha Pengada, Maha Pemberi, Maha Pengurnia dan Maha Kaya dari semesta alam itu bersyukur kepada hamba-hamba-Nya atas kebaikan, keimanan, terima kasih dan rasa terhutang budi mereka, sedangkan Allah pula Maha Kaya dari mereka, dari keimanan mereka, dari terima kasih mereka dan dari rasa terhutang budi mereka. Jika Allah Yang Maha Pencipta, Maha Pengada, Maha Pemberi, Maha Pengurnia dan Maha Kaya dari semesta alam itu bersyukur kepada hamba-Nya maka bagaimana pula kesyukuran yang harus ditunjukkan oleh para hamba selaku makhluk-makhluk yang bersifat baru yang dicurahkan dengan berbagai-bagai ni'mat terhadap Tuhan mereka Yang Maha Pencipta, Maha Pengada, Maha Pemberi, Maha Pengurnia dan Maha Pemurah itu?

Sesungguhnya itulah lampu isyarat yang terang yang menyuluh tanda-tanda jalan menuju kepada Allah Yang Maha Pemberi, Maha Pengurnia, Maha Bersyukur dan Maha Mengetahui.

* * * * * *

Kemudian... Ini adalah satu juzu' dari tiga puluh juzu' Al-Qur'an yang mengumpul di antara dua kulitnya berbagai-bagai projek pembangunan dan pemulihan jiwa yang menarik, iaitu projek-projek pembersihan dan pembetulan. Ia mewujudkan satu bangunan (insaniyah) yang amat besar, lebar dan tersusun rapi di alam jiwa manusia, di dalam realiti masyarakat dan di dalam sistem hidup mereka. Ia mengisytiharkan kelahiran insan yang baru yang tidak pernah diketahui tolok bandingnya oleh manusia baik dahulu mahupun kemudian dari segi idealismenya dan realismenya, juga dari segi kesucian dan kebersihannya di samping ia dapat menjalankan aktiviti-aktiviti insaniyahnya di dalam berbagai-bagai bidang. Itulah manusia yang dipungut oleh sistem hidup Rabbani dari kaki bukit jahiliyah dan membawanya naik menerusi anak-anak tangganya ke puncak yang tinggi dengan mudah dan selesa.

(Tamat Juzu' Yang Kelima)

JUZU' KE-6

SURAH AN-NISA

JUZU' YANG KEENAM



Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Juzu' yang keenam ini terdiri dari dua bahagian: Bahagian pertama ialah bahagian akhir Surah an-Nisa' yang dimulakan pada akhir juzu' yang keempat dan menghabisi seluruh juzu' yang kelima dan bakinya disambung di dalam juzu' ini, dan bahagian yang kedua yang merupakan isi kandungan yang terbesar juzu' ini adalah dari Surah al-Ma'idah.

Kami akan menumpukan huraian kami di sini tentang bahagian yang pertama sahaja dari juzu' ini dan menundakan huraian kami tentang bahagian yang kedua hingga sampai pada tempatnya yang akan datang agar di sana kami dapat membuat tinjauan umum tentang keperibadian Surah al-Ma'idah juga tentang suasana-suasananya dan maudhu'-maudhu' pembicaraannya mengikut methodologi yang kami ikuti dalam kitab tafsiran ini dengan pertolongan dari Allah.

* * * * * *

Baki Surah an-Nisa' ini meneruskan pembicaraannya mengikut methodologinya yang telah kami jelaskan di dalam pendahuluannya di dalam juzu' yang keempat dan di sini eloklah kami sebutkan saripatinya dalam bentuk yang paling ringkas.

Surah an-Nisa' ini memperkatakan tentang persoalan pembinaan kefahaman dan pandangan Islam yang betul di dalam hati kelompok Muslimin yang telah dipungut oleh Islam dari kaki bukit jahiliyah untuk membawa mereka naik menerusi anak tangganya menuju ke puncak yang tinggi dan untuk membersihkan hati mereka dari keladak-keladak jahiliyah yang mengelirukan pandangan - atau sebagaimana yang telah kami katakan di sana - untuk menghapuskan ciri-ciri jahiliyah dan menegakkan ciri-ciri Islamiyah yang baru.

Kemudian - dengan berdasarkan kefahaman dan pandangan yang baru ini - ia mengubati hati nurani orang-orang Islam, akhlak mereka dan tradisi-tradisi sosial mereka di samping membersihkannya dari keladak-keladak jahiliyah yang wujud di dalam akhlak dan tradisi-tradisi itu sebagaimana ia telah membersihkannya dari keladak-keladak jahiliyah yang wujud di dalam kefahaman dan kepercayaan dan seterusnya mengatur kehidupan kemasyarakatan kelompok Muslimin dan hubungan-hubungan kekeluargaan mereka berdasarkan sistem hidup Rabbani yang betul.

Dalam masa menghurai dan memperkatakan persoalan-persoalan ini, ia menghadapi 'aqidah-'aqidah yang menyeleweng dan berdepan dengan penganut-penganut dan pendokong-pendokong 'aqidah-'aqidah ini sama ada dari kalangan kaum Musyrikin atau kaum Ahlil-Kitab dari orang-orang Yahudi dan Nasara serta bertindak membetulkan 'aqidah-'aqidah ini dan menerangkan jalan yang benar di dalam penyelewengan-penyelewengan yang telah merosakkannya.

Kemudian ia membawa kelompok Muslimin ke dalam perjuangan yang sengit menentang kaum Ahlil-Kitab umumnya dan menentang orang-orang Yahudi khususnya, kerana merekalah yang berdiri menentang da'wah Islam yang baru ini sejak Rasulullah s.a.w. sampai di Madinah dan sejak mereka yakin bahawa bahaya da'wah yang baru itu mengancam kewujudan dan kedudukan mereka yang istimewa di Yathrib (Madinah), juga mengancam dakwaan-dakwaan mereka yang mengaku sebagai satu-satunya umat yang hampir kepada Allah dan sebagai umat pilihan Allah. Oleh sebab itulah mereka memerangi da'wah yang baru itu dengan menggunakan segala macam senjata. Surah an-Nisa' ini mendedahkan tabi'at mereka dan segala cara yang digunakan mereka, juga mendedahkan sejarah mereka dengan nabi-nabi mereka sendiri yang mencerminkan hakikat pendirian mereka yang sebenar terhadap agama yang benar walau siapa sahaja nabi yang membawanya sekalipun nabi mereka sendiri (Musa a.s.) yang telah memimpin dan menyelamatkan mereka (dari perhambaan Fir'aun).

Selain dari semuanya itu, surah ini juga menjelaskan kepada umat Muslimin tanggungjawab yang amat besar yang diletakkan di atas bahu mereka dan peranan yang amat besar yang ditetapkan untuk mereka dan hikmat diadakan langkah-langkah menyedia dan membersihkan diri mereka dan menghapuskan saki-baki keladak-keladak jahiliyah dari dalam hati dan kehidupan mereka, juga menjelaskan kepada mereka tentang perlunya tanggungjawab dan peranan yang amat besar itu diambil dengan penuh kesedaran dan keazaman dan melaksanakan segala tugas-tugas yang dikehendaki olehnya, iaitu berjihad di alam jiwa dan berjihad di alam realiti dan mencurahkan pengorbanan-pengorbanan yang berat.

Inilah jalan yang telah ditempuhi oleh surah ini di dalam semua rangkaiannya yang telah silam dan bakinya yang terkandung dalam juzu' ini adalah baki dari cara pembicaraan ini juga yang sama sejalan.

* * * * * *

Juzu' ini bermula dengan sedikit pembicaraan mengenai pembersihan jiwa dan pembersihan masyarakat, juga mengenai langkah mengembangkan kepercayaan dalam suasana kelompok Muslimin dan menghindari perkataan-perkataan yang keji - di samping membela keadilan dari kezaliman - dan menggalakkan sikap memberi kemaafan dan berlapang dada dan seterusnya menjelaskan bahawa Allah tidak sukakan perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji secara terus-terang kecuali oleh orang-orang yang dianiayai yang menuntut keadilan dari kezaliman yang telah dilakukan ke atasnya. Namun demikian Allah tetap

sukakan sifat memberi kemaafan terhadap perbuatan yang buruk dan Allah bersifat Maha Pemaaf di samping Maha Berkuasa.

Kemudian ia menjelaskan tabi'at kefahaman dan pandangan Islam yang menjadikan agama Allah hanya satu sahaja dan menjadikan rasul-rasul satu angkatan yang membawa agama yang sama dan menjadikan perbuatan membeza-bezakan di antara para rasul dan di antara agama yang dibawa oleh mereka sebagai perbuatan kufur yang terang-terangan. Pernyataan ini dikemukakan untuk mengecam orang Yahudi dari Ahlil-Kitab yang mengingkari nubuwwah dan nabi-nabi yang lain yang dibangkitkan selepas nabi-nabi mereka kerana fanatik dan hasad dengki.

Dari sini bermulalah pusingan persemukaan dengan orang-orang Yahudi yang mendedahkan kedegilan mereka terhadap nabi mereka, pemimpin dan penyelamat mereka Musa a.s. yang membuktikan betapa buruknya kelakuan mereka dan sikap mereka terhadap agama yang benar dan da'wahnya biarpun siapa sahaja penda'wahnya walaupun nabi mereka yang paling besar Musa a.s. Begitu juga sikap mereka terhadap Nabi 'Isa a.s. dan bondanya Maryam dan perkataan-perkataan mereka yang jahat terhadap beliau - yang dibenci dan tidak disukai Allah - Oleh itu nyatalah di sini bahawa sikap mereka terhadap Rasulullah s.a.w. adalah satu sikap yang mudah difahami dan terpampang jelas. Sesuai dengan dakwaan-dakwaan orang-orang Yahudi terhadap 'Isa al-Masih a.s. dan sikap mereka yang berbangga-bangga kerana membunuh beliau, maka Al-Qur'an menjelaskan hakikat yang sebenar dan hakikat sangkaan dan dakwaan mereka di samping menyebut bagaimana Allah menghukumkan mereka kerana kezaliman mereka dan perbuatan mereka menghalangkan orang lain dari agama Allah, juga kerana perbuatan mereka melanggar larangan memakan riba dan memakan harta orang lain dengan cara yang tidak sebenar, iaitu Allah menghukum mereka di dunia dengan mengharamkan kepada mereka beberapa makanan yang baik yang telah dihalalkan kepada mereka dan akan menghukum mereka di Akhirat dengan mengenakan 'azab yang amat pedih kecuali orang-orang yang berilmu yang mendalam dan orang-orang yang beriman yang mengenal kebenaran dan beriman kepadanya serta mematuhi dan mengikutinya.

Ia menolak pembohongan kaum Yahudi terhadap kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dengan menjelaskan bahawa kerasulan itu adalah suatu perkara biasa yang tidak sepatutnya menimbulkan rasa takjub dan pelik dan tidak sepatutnya diingkarkan mereka kerana kerasulan adalah dari Sunnatullah yang mengutuskan rasul-rasul kepada umat manusia sejak Nuh a.s. kemudian Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub dan Asbath, 'Isa, Ayub, Yunus, Harun, Sulaiman, Daud dan lain-lain dari rasul-rasul yang setengah-setengahnya dii'tirafkan oleh kaum Yahudi dan setengahnya pula diingkarkan mereka kerana degil dan hasad dengki. Memanglah suatu perkara biasa kepada Allah mengutuskan rasul-rasul kepada para hamba-Nya selaku penyampai berita-berita gembira dan memberi amaran-amaran dari Allah S.W.T. agar manusia kelak tidak mempunyai alasan untuk berdalih setelah dikirimkan rasul-rasul kepada mereka.

لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةٌۢ بَعْدَ ٱلرُّسُلِ

"Supaya manusia kelak tidak mempunyai apa-apa alasan untuk membantah (hukuman) Allah sesudah diutuskan rasul-rasul itu"(165)

Oleh itu pengiriman rasul-rasul adalah suatu keperluan kepada manusia di samping ianya merupakan perkara biasa.

Sebagai tandingan kepada keingkaran kaum Yahudi, ia menjelaskan penyaksian Allah dan para malaikat-Nya dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi, dan di samping itu ia mengancam orang-orang kafir yang menghalangkan orang lain dari agama Allah, iaitu orang-orang yang kafir dan bertindak zalim.... Ia mengancam mereka bahawa Allah tidak akan memberi keampunan kepada mereka dan tidak akan menunjukkan jalan hidayat kepada mereka kecuali jalan menuju ke Neraka Jahannam, di mana mereka akan hidup kekal abadi, kemudian ancaman ini diiringi dengan satu seruan yang ditujukan kepada seluruh manusia dan mengisytiharkan kepada mereka bahawa Rasul ini (Muhammad s.a.w.) adalah datang membawa agama yang benar dari Allah Tuhan mereka dan menyeru mereka supaya beriman, jika tidak, maka Allah memiliki segala isi langit dan bumi dan Dia telah memberi kesaksian di atas kesahihan kerasulan ini (Muhammad s.a.w.) dan menyeru mereka supaya beriman kepadanya. Di sini jelaslah bahawa mereka bebas membuat pilihan terhadap seruan yang dikemukakan oleh Allah yang memiliki segala isi langit dan bumi.

Demikianlah berakhirnya pusingan persemukaan ini dengan orang-orang Yahudi dari kaum Ahlil-Kitab. Ia telah mendedahkan sifat dan kelakuan mereka, cara-cara tipu daya yang digunakan mereka dan kebiasaan-kebiasaan mereka yang buruk dari zaman berzaman. Ia telah menjawab tipu daya mereka dengan pendedahan ini dan memberi kata pemutus di atas kebenaran kerasulan Muhammad s.a.w. dan menegakkan hujjah yang kuat ke atas manusia dengan penyaksian Allah S.W.T, di samping menjelaskan betapa besarnya tanggungjawab para rasul dan pejuang-pejuang da'wah agama yang benar, iaitu tanggungjawab menegakkan hujjah ke atas manusia dari satu segi dan tanggungjawab dari satu segi yang lain ialah kerana nasib seluruh manusia adalah bergantung pada rasul-rasul dan orang-orang yang beriman kepada agama yang dibawa oleh mereka agar manusia terselamat dari menerima hukuman 'azab keseksaan Allah atau wajar menerima

hukuman itu setelah menerima penerangan yang jelas. Itulah tanggungjawab kerasulan yang amat penting dan amat besar.

* * * * * *

Setelah selesai pusingan persemukaan dengan orang-orang Yahudi, setelah Allah membela 'Isa putera Maryam dan bondanya Maryam dari kejahatan mereka dan setelah mendustakan dakwaan-dakwaan mereka yang keji terhadap 'Isa dan Maryam, maka pusingan yang kedua dimulakan dengan kaum Nasara yang menjadi pengikut 'Isa a.s. untuk membetulkan keterlaluan mereka menentang al-Masih yang hanya seorang hamba Allah dan Nabi-Nya dan melarang mereka dari keterlaluan itu serta menyatakan kedudukan yang sebenar mengenainya. Beliau adalah seorang hamba Allah yang tidak pernah enggan dan menunjukkan keangkuhan untuk menjadi hamba Allah begitu juga malaikat. Ini untuk membetulkan dakwaan-dakwaan mereka yang salah tentang malaikat Jibril atau roh al-Qudus dan menolak kepercayaan triniti atau konsep tiga tuhan, juga menolak sifat kebapaan dari Allah S.W.T.

Di tengah-tengah pembetulan inilah tegaknya kepercayaan Islam yang sahih dan munculnya hakikat Uluhiyah dan 'Ubudiyah yang sebenar, iaitu Uluhiyah Allah Yang Maha Esa dan 'Ubudiyah segala yang lain dari Allah. Itulah dasar agung di dalam 'aqidah Islam. Itulah cirinya yang paling ketara dan terasnya yang asasi.

Kerana itulah orang-orang yang beriman disampaikan berita-berita gembira sementara orang-orang kafir yang enggan mengabdikan diri mereka kepada Allah diberi amaran-amaran yang keras. Kemudian diiringi pula dengan pengisytiharan umum kepada manusia seperti perisytiharan yang mengakhiri pusingan persemukaan pertama dengan orang-orang Yahudi itu, iaitu keterangan yang jelas dari nur hidayat yang terang telah pun datang dari Allah Tuhan mereka. Oleh itu tidak ada lagi selepas ini sebarang alasan, kekeliruan dan keuzuran bagi mereka yang ketinggalan di belakang.

* * * * * *

Kemudian surah ini ditamatkan dengan serangkai ayat yang memuatkan baki hukum pembahagian pusaka dalam kes kalalah dan sebelum ini telah pun dijelaskan beberapa kesnya yang lain dan inilah bakinya. Inilah baki peraturan-peraturan kemasyarakatan dan perekonomian yang baru dan di atas asas peraturan-peraturan inilah Islam tegakkan kehidupan Muslimin dan mengubahkan mereka - sebagaimana kami telah tegaskan di awal surah ini - kepada satu umat yang mempunyai bentuk yang berbeza-beza, peraturan-peraturan dan ciri-ciri yang tersendiri untuk melaksanakan peranan mereka yang amat besar di dalam kehidupan atau di dalam masyarakat manusia, iaitu peranan kepimpinan, pengawasan dan pembetulan.

Dari tinjauan umum seluruh surah ini dan tinjauan umum bahagian-bahagiannya yang akhir ini ternyatalah bahawa langkah-langkah penyusunan peraturan-peraturan kemasyarakatan, ekonomi dan politik harus berganding bahu dengan langkah-langkah asuhan akhlak, pembetulan 'aqidah, kefahaman, penceburan diri dalam perjuangan dan pertempuran menentang musuh-musuh yang sentiasa menunggu peluang untuk membinasakan kelompok Muslimin, juga serentak dengan usaha-usaha menjelaskan tanggungjawab dan peranan agung yang harus dilaksanakan oleh kelompok ini. Dan dari tinjauan-tinjauan itu juga ternyata bahawa Al-Qur'an - sebagai kitab da'wah dan perlembagaan hidup umat - dapat memikul semua tugas ini dalam bentuk yang lengkap, sempurna, seimbang sepadu dan halus, iaitu satu bentuk yang mewajibkan setiap mereka yang mahu membangunkan kembali umat Muslimin atau mahu menghidup dan membangkitkannya kembali supaya umat Muslimin dapat memikul semula tugas dan peranan mereka menjadikan Al-Qur'an sebagai sistem da'wah mereka, sistem pergerakan mereka dan sistem bagi setiap langkah mereka dalam rangka usaha untuk menghidup, membangkit dan membangunkan kembali umat Muslimin. Al-Qur'an sentiasa hadir dan siap-siaga untuk melaksanakan peranannya yang telah dilaksanakannya pada kali yang pertama, kerana Al-Qur'an adalah kalam Allah yang kekal untuk memimpin hati manusia dalam segala peringkat perkembangannya. Ciri-cirinya yang mengkagum tetap tidak akan habis dan tidak akan menjadi lusuh, kumal dan luntur kerana banyak ditolak dan ditentang sebagaimana telah disifatkan oleh orang yang paling arif dengannya, iaitu Rasulullah s.a.w. yang telah berjuang dengan Al-Qur'an menentang orang-orang kafir, kaum Munafiqin dan kaum Ahlil-Kitab yang menyeleweng dan dengan Al-Qur'an juga beliau menegakkan umat Muslimin yang unik di dalam sejarah seluruh umat manusia.

(Kumpulan ayat-ayat 148 - 170)

لَّا يُحِبُّ ٱللَّهُ ٱلْجَهْرَ بِٱلسُّوٓءِ مِنَ ٱلْقَوْلِ إِلَّا مَن ظُلِمَ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿١٤٨﴾
إِن تُبْدُوا۟ خَيْرًا أَوْ تُخْفُوهُ أَوْ تَعْفُوا۟ عَن سُوٓءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ عَفُوًّا قَدِيرًا ﴿١٤٩﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَيُرِيدُونَ أَن
يُفَرِّقُوا۟ بَيْنَ ٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَيَقُولُونَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ
وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَن يَتَّخِذُوا۟ بَيْنَ
ذَٰلِكَ سَبِيلًا ﴿١٥٠﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ حَقًّا ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ
عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٥١﴾
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَلَمْ يُفَرِّقُوا۟ بَيْنَ
أَحَدٍ مِّنْهُمْ أُو۟لَٰٓئِكَ سَوْفَ يُؤْتِيهِمْ أُجُورَهُمْ ۗ
وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٥٢﴾
يَسْـَٔلُكَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ أَن تُنَزِّلَ عَلَيْهِمْ كِتَٰبًا مِّنَ
ٱلسَّمَآءِ ۚ فَقَدْ سَأَلُوا۟ مُوسَىٰٓ أَكْبَرَ مِن ذَٰلِكَ فَقَالُوٓا۟
أَرِنَا ٱللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّٰعِقَةُ بِظُلْمِهِمْ ۚ ثُمَّ ٱتَّخَذُوا۟
ٱلْعِجْلَ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ فَعَفَوْنَا عَن
ذَٰلِكَ ۚ وَءَاتَيْنَا مُوسَىٰ سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿١٥٣﴾
وَرَفَعْنَا فَوْقَهُمُ ٱلطُّورَ بِمِيثَٰقِهِمْ وَقُلْنَا لَهُمُ ٱدْخُلُوا۟
ٱلْبَابَ سُجَّدًا وَقُلْنَا لَهُمْ لَا تَعْدُوا۟ فِى ٱلسَّبْتِ
وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَٰقًا غَلِيظًا ﴿١٥٤﴾
فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَٰقَهُمْ وَكُفْرِهِم بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَقَتْلِهِمُ
ٱلْأَنۢبِيَآءَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَقَوْلِهِمْ قُلُوبُنَا غُلْفٌۢ ۚ بَلْ طَبَعَ ٱللَّهُ
عَلَيْهَا بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥٥﴾
وَبِكُفْرِهِمْ وَقَوْلِهِمْ عَلَىٰ مَرْيَمَ بُهْتَٰنًا عَظِيمًا ﴿١٥٦﴾
وَقَوْلِهِمْ إِنَّا قَتَلْنَا ٱلْمَسِيحَ عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ ٱللَّهِ
وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَٰكِن شُبِّهَ لَهُمْ ۚ وَإِنَّ
ٱلَّذِينَ ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ ۚ مَا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ
إِلَّا ٱتِّبَاعَ ٱلظَّنِّ ۚ وَمَا قَتَلُوهُ يَقِينًۢا ﴿١٥٧﴾
بَل رَّفَعَهُ ٱللَّهُ إِلَيْهِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٥٨﴾
وَإِن مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ إِلَّا لَيُؤْمِنَنَّ بِهِۦ قَبْلَ مَوْتِهِۦ ۖ
وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا ﴿١٥٩﴾

فَبِظُلْمٍ مِّنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَٰتٍ أُحِلَّتْ
لَهُمْ وَبِصَدِّهِمْ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ كَثِيرًا ﴿١٦٠﴾
وَأَخْذِهِمُ ٱلرِّبَوٰا۟ وَقَدْ نُهُوا۟ عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَٰلَ
ٱلنَّاسِ بِٱلْبَٰطِلِ ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا
أَلِيمًا ﴿١٦١﴾
لَّٰكِنِ ٱلرَّٰسِخُونَ فِى ٱلْعِلْمِ مِنْهُمْ وَٱلْمُؤْمِنُونَ يُؤْمِنُونَ
بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ ۚ وَٱلْمُقِيمِينَ
ٱلصَّلَوٰةَ ۚ وَٱلْمُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلْمُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ
ٱلْءَاخِرِ أُو۟لَٰٓئِكَ سَنُؤْتِيهِمْ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٦٢﴾
إِنَّآ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ كَمَآ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰ نُوحٍ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ مِنۢ
بَعْدِهِۦ ۚ وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِسْحَٰقَ
وَيَعْقُوبَ وَٱلْأَسْبَاطِ وَعِيسَىٰ وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ
وَهَٰرُونَ وَسُلَيْمَٰنَ ۚ وَءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ زَبُورًا ﴿١٦٣﴾
وَرُسُلًا قَدْ قَصَصْنَٰهُمْ عَلَيْكَ مِن قَبْلُ وَرُسُلًا
لَّمْ نَقْصُصْهُمْ عَلَيْكَ ۚ وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ
تَكْلِيمًا ﴿١٦٤﴾
رُّسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ
عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةٌۢ بَعْدَ ٱلرُّسُلِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا
حَكِيمًا ﴿١٦٥﴾
لَّٰكِنِ ٱللَّهُ يَشْهَدُ بِمَآ أَنزَلَ إِلَيْكَ ۖ أَنزَلَهُۥ بِعِلْمِهِۦ ۖ
وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَشْهَدُونَ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًا ﴿١٦٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ قَدْ
ضَلُّوا۟ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿١٦٧﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَظَلَمُوا۟ لَمْ يَكُنِ ٱللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ

وَلَا لِيَهۡدِيَهُمۡ طَرِيقًا ١٦٨
إِلَّا طَرِيقَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدٗاۚ وَكَانَ
ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٗا ١٦٩
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدۡ جَآءَكُمُ ٱلرَّسُولُ بِٱلۡحَقِّ مِن رَّبِّكُمۡ
فَـَٔامِنُواْ خَيۡرٗا لَّكُمۡۚ وَإِن تَكۡفُرُواْ فَإِنَّ لِلَّهِ مَا فِي
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا ١٧٠

"Allah tidak suka kepada perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan yang buruk dengan terus terang kecuali oleh orang yang telah dianiayai dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (148). Jika kamu melahirkan sesuatu kebaikan atau menyembunyikannya atau kamu memaafkan sesuatu keburukan, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Berkuasa (149). Sesungguhnya orang-orang yang kafir terhadap Allah dan rasul-rasul-Nya dan mahu membeza-bezakan di antara Allah dan rasul-rasul-Nya dan berkata: Kami beriman kepada setengah-setengah rasul dan kami ingkar setengah-setengah rasul yang lain dan mereka mahu memilih jalan di antara keduanya iman atau kafir (150). Merekalah orang-orang kafir yang sebenar dan kami telah pun menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat menghinakan (151). Dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasul-rasul-Nya dan tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka, maka kelak kepada merekalah Allah akan kurniakan pahala-pahala mereka dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (152). Ahlil-Kitab meminta kepada engkau supaya engkau turunkan kepada mereka sebuah kitab dari langit. Sesungguhnya (sebelum ini) mereka pernah meminta kepada Musa sesuatu yang lebih besar dari itu lagi, iaitu mereka telah berkata (kepada Musa): Perlihatkanlah Allah kepada kami secara terang-terangan, lalu mereka disambar petir dengan sebab kezaliman mereka kemudian mereka menyembah patung anak lembu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas kemudian kami maafkan perbuatan itu dan Kami telah kurniakan kepada Musa kuasa yang amat nyata (153). Dan Kami telah mengangkatkan Bukit Tursina ke atas mereka sewaktu mengikat perjanjian dengan mereka dan Kami berkata kepada mereka: Masuklah pintu (negeri ini) dengan sujud kepada Allah" dan Kami berkata lagi kepada mereka: "Janganlah kamu cerobohi lebaran hari Sabtu" dan Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh (154). Maka (Kami telah bertindak terhadap mereka) dengan sebab pencabulan mereka terhadap perjanjian mereka, keingkaran mereka terhadap ayat-ayat Allah, perbuatan mereka yang telah membunuh nabi-nabi tanpa suatu alasan yang benar dan perkataan mereka: "Hati kami telah tertutup", malah sebenarnya hati mereka telah dimaterikan Allah dengan sebab kekafiran mereka. Oleh kerana itu mereka tidak beriman melainkan sebilangan yang sedikit sahaja (155). Juga dengan sebab kekafiran mereka dan perkataan mereka yang membuat tuduhan yang amat dusta terhadap Maryam (156). Dan dengan sebab perkataan mereka: "Sesungguhnya kami telah membunuh al-Masih 'Isa putera Maryam utusan Allah," sedangkan yang sebenarnya mereka tidak membunuhnya dan tidak pula mensalibkannya, tetapi telah diserupakan kepada mereka seorang yang lain dengan 'Isa. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang 'Isa adalah berada di dalam keraguan terhadap pembunuhannya. Mereka tidak mengetahui tentang pembunuhannya dengan yakin kecuali mengikut sangkaan-sangkaan sahaja dan mereka tidak pula membunuhnya dengan yakin (157). Malah Allah telah mengangkatkannya ('Isa) kepada-Nya dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (158). Dan tiada seorang pun dari Ahlil-Kitab melainkan akan beriman kepadanya sebelum matinya dan pada hari Qiamat kelak dia akan menjadi saksi terhadap mereka (159). Dengan sebab kezaliman dari orang-orang Yahudi, Kami telah haramkan kepada mereka makanan-makanan yang baik, sedangkan dahulunya dihalalkan kepada mereka, juga dengan sebab perbuatan mereka yang banyak menghalangkan orang ramai dari jalan Allah (160). Juga dengan sebab mereka mengambil riba sedangkan mereka telah dilarangkan darinya dan makan harta orang lain dengan cara yang salah dan Kami telah menyediakan kepada orang-orang yang kafir dari kalangan mereka 'azab yang amat pedih (161). Tetapi ahli-ahli ilmu yang kukuh dari mereka dan orang-orang yang beriman adalah percaya kepada apa kitab yang diturunkan kepada engkau dan kepada apa (kitab) yang diturunkan sebelum engkau dan terutamanya orang-orang yang mendirikan solat, menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, itulah orang-orang yang Kami akan kurniakan kepada mereka pahala yang amat besar (162). Sesungguhnya Kami telah menurunkan wahyu kepada engkau sebagaimana Kami telah menurunkan wahyu kepada Nuh dan para nabi selepasnya dan Kami telah menurunkan wahyu kepada Ibrahim, Ismail, Ishak, Ya'kub dan anak cucunya, juga kepada 'Isa, Ayub, Yunus, Harun dan Sulaiman dan Kami telah mengurniakan Zabur kepada Daud (163). Dan (Kami telah utuskan) rasul-rasul yang telah Kami ceritakan kisah mereka kepada engkau dan rasul-rasul yang belum pernah kami ceritakan kisah mereka kepada engkau dan Allah telah bercakap dengan Musa dengan percakapan secara langsung (164). Iaitu rasul-rasul yang menyampaikan berita gembira dan memberi amaran supaya manusia tidak mempunyai apa-apa alasan terhadap (hukuman) Allah setelah diutuskan rasul-rasul itu dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (165). Tetapi Allah mengakui Al-Qur'an yang diturunkan kepada engkau, iaitu Dia telah menurunkannya dengan ilmu-Nya dan para malaikat juga turut mengakuinya dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi (166). Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan menghalangkan orang lain dari jalan Allah telah sesat dalam kesesatan yang amat jauh (167). Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan berlaku zalim, maka Allah sekali-kali tidak akan memberi keampunan kepada mereka dan tidak akan menunjukkan jalan hidayat kepada mereka (168). Kecuali jalan ke Neraka Jahannam di sana mereka hidup kekal abadi dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah (169). Wahai manusia sesungguhnya Rasul (Muhammad) telah datang kepada kamu membawa agama yang benar dari Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu beriman, itulah yang lebih baik bagi kamu dan andainya kamu kafir, maka sesungguhnya Allah memilik segala isi langit dan bumi dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(170)

Larangan Keras Terhadap Perbuatan Mencerca Secara Terbuka, Menyebar Khabar Angin Dan Fitnah Terhadap Orang Lain

Al-Qur'an ini telah melahirkan satu umat yang baru dari kumpulan-kumpulan Muslimin yang telah dipungut olehnya dari kaki-kaki bukit jahiliyah, di mana mereka telah mengembara di dalam kesesatan untuk memimpin tangan mereka menaiki anak-anak tangga menuju ke puncak yang tinggi dan untuk menyerahkan kepada mereka - setelah pertumbuhan

mereka mencapai tahap yang sempurna - teraju-teraju kepimpinan umat manusia, iaitu menentukan peranan mereka yang amat besar dalam kepimpinan ini.

Di antara faktor-faktor pembinaan umat ialah membersihkan hati kelompok Muslimin dan suasana masyarakat yang dihayati mereka di samping mempertingkatkan taraf akhlak dan jiwa mereka.

Apabila kelompok Muslimin itu sampai ke tahap ini, maka akhlak individu-individu dan masyarakat mereka telah meningkat tinggi mengikut tahap ketinggian mereka di dalam kefahaman i'tiqad mereka, iaitu ia telah meningkat ke tahap cemerlang yang mengatasi seluruh penduduk dunia yang lain..... dan di waktu inilah Allah telah menciptakan melalui mereka kejayaan-kejayaan yang menakjubkan yang telah ditaqdir dan direncanakannya dan Allah telah menjadikan mereka sebagai pengawal agama-Nya dan sistem hidup-Nya, iaitu sebagai pemimpin umat manusia yang sesat kepada nur dan hidayat dan sebagai pemegang amanah kepimpinan dan pemberi petunjuk kepada manusia.

Apabila mereka telah mencapai tahap yang tinggi di dalam ciri-ciri ini, maka mereka telah mencapai tahap cemerlang yang mengatasi seluruh penduduk bumi. Ini bererti kewajaran mereka memegang teraju kepimpinan umat manusia adalah suatu perkara yang tabi'i dan selaras dengan undang-undang fitrah, iaitu suatu perkara yang memang dilandaskan di atas lunas-lunas yang betul. Dan dari kedudukan yang istimewa ini juga mereka telah mencapai tahap kemajuan yang cemerlang di dalam bidang ilmu pengetahuan, hadharah/ketamadunan, ekonomi dan politik. Pencapaian mereka yang tinggi di dalam bidang-bidang yang akhir ini adalah hasil dari pencapaian mereka yang tinggi di dalam bidang i'tiqad dan akhlak. Ini adalah Sunnatullah yang berlaku pada individu-individu dan kelompok-kelompok manusia.

(Pentafsiran ayat-ayat 148 - 149)

Bahagian pembersihan jiwa dan masyarakat ini adalah terkandung di dalam dua ayat yang berikut:

لَّا يُحِبُّ ٱللَّهُ ٱلْجَهْرَ بِٱلسُّوٓءِ مِنَ ٱلْقَوْلِ إِلَّا مَن ظُلِمَ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿١٤٨﴾
إِن تُبْدُوا۟ خَيْرًا أَوْ تُخْفُوهُ أَوْ تَعْفُوا۟ عَن سُوٓءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ عَفُوًّا قَدِيرًا ﴿١٤٩﴾

"Allah tidak suka kepada perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan yang buruk dengan terus terang kecuali oleh orang yang telah dianiayai dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (148). Jika kamu melahirkan sesuatu kebaikan atau menyembunyikannya atau kamu memaafkan sesuatu keburukan, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Berkuasa."(149)

Tabi'at masyarakat amat peka atau amat sensitif. Oleh itu ia memerlukan adab-adab cara pergaulan yang sesuai dengan kepekaannya itu. Seringkali berlaku bahawa sepatah kata yang buruk yang diluahkan sambil lewa oleh seseorang tanpa memperhitungkan kesan-kesan di sebaliknya dan sebuah berita angin yang disebarkan sambil lewa oleh seseorang hanya ditujukan kepada satu individu yang tertentu sahaja tetapi membawa akibat yang meninggalkan kesan-kesan yang meruntuh kepada hati masyarakat, kepada akhlaknya, kepada tradisi-tradisinya dan kepada suasana-suasananya, iaitu kesan-kesan yang menjangkau dari individu yang menjadi sasaran pertama kepada satu kumpulan yang besar.

Perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan celaan yang keji secara terbuka atau terang-terangan - dalam apa sahaja bentuknya - amatlah mudah kepada lidah andainya di dalam hati tidak ada perasaan segan kepada dosa dan tidak ada kesedaran taqwa kepada Allah. Dengan tersebarnya perkataan-perkataan atau berita-berita yang keji ini, maka ia seringkali meninggalkan kesan-kesan yang mendalam di dalam hati nurani masyarakat dan seringkali menghancurkan perasaan saling percaya dalam masyarakat dan mendorong orang ramai menyangka bahawa perkara yang keji itu kini telah menjadi lumrah di dalam masyarakat. Seringkali berlaku bahawa orang-orang yang mempunyai kecenderungan melakukan perbuatan yang keji itu dan masih merasa segan untuk melakukannya, tetapi kini telah tertarik hati untuk melakukannya kerana perbuatan itu telah menjadi perkara biasa dan lumrah. Apalah yang hendak disegan dan ditakutkan mereka, sedangkan mereka bukanlah orang yang pertama melakukannya! Seringkali keburukan sesuatu kejahatan itu hilang begitu sahaja dengan sebab alah bisa tegal biasa. Seseorang itu biasanya memandang kejahatan dengan pandangan yang amat buruk pada kali yang pertama, tetapi apabila kejahatan itu berulang-ulang kali dilaku dan disebut-sebutkan, maka tekanan pandangan yang buruk dan jijik itu menjadi semakin ringan dan orang ramai tidak lagi berat mendengarnya, malah mereka boleh melihat tanpa menimbulkan perasaan marah untuk bangkit menentang kemungkaran itu.

Itu semuanya belum termasuk penganiayaan yang menimpa orang-orang yang dituduh dengan kata-kata keji itu dan disebarkan kepada masyarakat, sedangkan mereka kadang-kadang tidak bersalah, tetapi apabila sesuatu perkataan yang keji itu tersebar luas dan apabila perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji secara terbuka itu dilakukan dengan cara yang mudah dan biasa, maka orang yang tidak bersalah turut diumpat bersama orang-orang yang bersalah dan orang-orang yang baik dicampur-adukkan dengan orang-orang yang jahat tanpa silu malu dari terjatuh di dalam dosa membuat fitnah atau tuduhan yang dusta dan kini hilanglah perasan malu

yang selama ini menghalangkan lidah manusia dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji dan menahankan banyak orang dari melakukan kejahatan itu.

Perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji pada permulaan dimulakan dengan membuat tuduhan-tuduhan peribadi dalam bentuk maki hamun, celaan dan tohmahan-tohmahan kemudian kesannya berakhir dengan kelemahan, kehancuran masyarakat dan kekacauan masyarakat, di mana penilaian orang ramai terhadap satu sama lain sama ada individu atau kelompok menjadi begitu keliru dan celaru dan di mana kepercayaan terhadap satu sama lain akan terhakis dan tuduhan-tuduhan liar akan tersebar dan diputarkan oleh lidah tanpa silu malu.

Hanya Orang Teraniaya Dibenar Membuat Cercaan Yang Terbuka

Oleh sebab itulah Allah menyatakan kebenciannya kepada kaum Muslimin terhadap perbuatan menyebarkan perkataan-perkataan yang keji dalam kalangan mereka dan membataskan hak mengeluarkan perkataan-perkataan yang buruk secara terbuka itu kepada mereka yang mendapat penganiayaan sahaja. Merekalah yang dibenarkan menolak penganiayaan itu dengan perkataan-perkataan yang keji secara terbuka yang memerikan kelakuan orang yang telah melakukan penganiayaan terhadap mereka sekadar penganiayaan yang dilakukannya.

لَّا يُحِبُّ ٱللَّهُ ٱلْجَهْرَ بِٱلسُّوٓءِ مِنَ ٱلْقَوْلِ إِلَّا مَن ظُلِمَ

"Allah tidak suka kepada perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan yang buruk dengan terus terang kecuali oleh orang yang telah dianiayai."(148)

Dalam kes ini perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji - termasuk segala apa yang disifatkan oleh istilah undang-undang sebagai perkataan-perkataan maki hamun, mencela dan menuduh - merupakan perbuatan membela diri dari kezaliman, menolak pencabulan dan membalas keburukan yang berlaku ke atas seseorang yang tertentu itu dengan keburukan juga, di samping itu perbuatan itu juga merupakan perbuatan memburuk-burukkan kezaliman dan orang yang melakukan kezaliman di dalam masyarakat agar masyarakat memberi pembelaan yang wajar kepada orang yang terzalim dan menghukum orang yang zalim dan agar orang yang telah melakukan kezaliman itu takut kepada akibat perbuatannya dan teragak-agak untuk mengulangkannya lagi. Di sini jelaslah bahawa sumber yang boleh mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji secara terbuka itu adalah terbatas, iaitu ia hanya dibenarkan keluar dari orang yang terkena aniaya sahaja dan musababnya juga terbatas iaitu perbuatan aniaya yang tertentu yang disebutkan oleh orang yang dianiayai dan ditujukan kepada orang yang melakukan penganiayaan itu sendiri. Dengan ini tercapailah kebaikan dengan tindakan meluahkan perkataan-perkataan yang keji secara terbuka itu dan inilah alasan pewajarnya. Yang menjadi matlamat di sini ialah keadilan dan kesaksamaan bukannya semata-mata hendak memburukkan nama (orang yang melakukan kezaliman).

Islam melindungi nama baik semua orang selama mereka tidak melakukan kezaliman, tetapi sebaliknya apabila mereka melakukan kezaliman mereka tidak wajar lagi mendapat perlindungan ini. Islam membenarkan orang yang teraniaya meluahkan perkataan-perkataan celaan yang keji secara terus-terang terhadap orang yang menganiayainya. Inilah satu-satunya pengecualian dari larangan menahan lidah mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji secara terbuka.

Demikianlah Islam menyelaraskan di antara keinginannya yang kuat untuk menjaga keadilan yang tidak sanggup menerima kezaliman dengan keinginannya yang kuat untuk menjaga keutuhan akhlak yang tidak sanggup diguriskan perasaan malunya terhadap diri dan masyarakat.

Kemudian ayat yang memberi penjelasan itu diiringi dengan ulasan yang berikut, yang kaya dengan ilham dan saranan:

وَكَانَ ٱللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿١٤٨﴾

"Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui"(148)

dengan tujuan untuk menghubung-kaitkan perkara ini pada akhirnya dengan Allah setelah ia menghubungkaitkannya pada permulaannya dengan kasih dan kebencian Allah:

لَّا يُحِبُّ ٱللَّهُ ٱلْجَهْرَ بِٱلسُّوٓءِ مِنَ ٱلْقَوْلِ

"Allah tidak suka kepada perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan yang buruk dengan terus-terang"(148)

dan dengan tujuan untuk menyedarkan hati manusia bahawa tempat rujukan penilaian niat dan motif, juga penilaian perkataan dan tuduhan itu ialah Allah S.W.T. Yang Maha Mendengar segala apa yang dikata dan Maha Mengetahui segala tujuan yang berada di sebaliknya dan terpendam di dalam hati.

Kemudian penjelasan Al-Qur'an tidak hanya terhenti setakat larangan negatif terhadap perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji secara terbuka itu sahaja. Malah ia mengarahkan kepada kebaikan yang positif umumnya dan kepada sikap memberi kemaafan terhadap kesalahan sambil menyebut sifat Allah Yang Maha Pemaaf, sedangkan Dia Maha Berkuasa untuk menghukum atau mengambil salah agar orang-orang Mu'min mencontohi sifat-sifat Allah S.W.T. dalam perkara-perkara yang mampu dilakukan mereka:

إِن تُبْدُوا۟ خَيْرًا أَوْ تُخْفُوهُ أَوْ تَعْفُوا۟ عَن سُوٓءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ

كَانَ عَفُوًّا قَدِيرًا ﴿١٤٩﴾

"Jika kamu melahirkan sesuatu kebaikan atau menyembunyikannya atau kamu memaafkan sesuatu keburukan, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Berkuasa".(149)

Demikianlah cara tarbiyah Al-Qur'an mengangkatkan jiwa orang yang beriman dan kelompok Muslimin setingkat lagi. Semasa di tingkat pertama ia menyatakan kepada mereka tentang kebencian Allah S.W.T. terhadap perbuatan mengeluarkan kata-kata yang keji secara terbuka di samping membenarkan orang yang dianiayai itu menuntut bela dan menuntut keadilan dengan mengeluarkan kata-kata celaan yang keji secara terbuka terhadap orang yang telah melakukan penganiayaan dan terhadap penganiayaan yang telah menimpanya, sementara di tingkat yang kedua pula Al-Qur'an meningkatkan mereka ke arah mengerjakan kebaikan dan meningkatkan hati orang yang telah teraniaya itu walaupun ia boleh menutut bela dari penganiayaan itu dengan mengeluarkan kata-kata celaan yang keji secara terbuka - ke arah memberi kemaafan, iaitu memberi kemaafan dalam keadaan berkuasa, kerana kemaafan tanpa daya dan kuasa bukanlah suatu kemaafan yang sebenar. Di sini keinginan menuntut bela berubah kepada keinginan memberi kemaafan. Itulah keinginan yang lebih luhur dan bersih.

Di waktu inilah kebaikan akan berkembang di dalam masyarakat Islam apabila mereka melahirkannya dan dapat memainkan peranannya di dalam mendidik jiwa manusia dan membersihkannya apabila mereka menyembunyikannya, kerana kebaikan tetap melahirkan kebaikan sama ada disembunyikannya di dalam hati atau dilahirkannya ke alam nyata dan di waktu inilah sikap bersedia memberi kemaafan akan berkembang di kalangan orang ramai dan di sana tidak ada ruang lagi untuk mengeluarkan kata-kata celaan yang keji secara terbuka, tetapi kemaafan itu hendaklah lahir dari dada yang lapang bukannya lahir dari tekanan kelemahan dan hendaklah lahir dari kesedaran untuk mencontohi sifat Allah Yang Maha Berkuasa tetapi sanggup memberi kemaafan:

فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَفُوًّا قَدِيرًا ﴿١٤٩﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Berkuasa."(149)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 150 - 152)

Selepas itu penjelasan ayat-ayat yang berikut memulakan pusingannya bersama-sama kaum Ahlil-Kitab umumnya kemudian berpindah kepada kaum Yahudi dalam satu pusingan dan kepada kaum Nasara dalam satu pusingan yang lain. Kaum Yahudi secara lantang dan terbuka mengungkapkan kata-kata yang keji terhadap Maryam dan 'Isa untuk membuat fitnah dan tuduhan yang dusta. Kenyataan mengeluarkan kata-kata yang keji secara terang-terangan itu telah disebut di tengah-tengah pusingan itu. Oleh itu pusingan ini berhubung-kait dengan penjelasan yang terkandung di dalam dua ayat yang silam.

Seluruh pusingan ini merupakan bahagian dari perjuangan yang diceburi oleh Al-Qur'an dalam rangka menentang musuh-musuh kelompok Muslimin di Madinah, iaitu perjuangan yang telah diterangkan sebahagian darinya sebelum ini di dalam surah ini, juga di dalam Surah al-Baqarah dan Surah Aali 'Imran.

Oleh itu marilah kita mulakan tinjauan kita terhadap perjuangan itu sebagaimana yang diutarakan oleh ayat-ayat yang berikut:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَيُرِيدُونَ أَن
يُفَرِّقُوا۟ بَيْنَ ٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَيَقُولُونَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ
وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَن يَتَّخِذُوا۟ بَيْنَ
ذَٰلِكَ سَبِيلًا ﴿١٥٠﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ حَقًّا ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ
عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٥١﴾
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَلَمْ يُفَرِّقُوا۟ بَيْنَ
أَحَدٍ مِّنْهُمْ أُو۟لَٰٓئِكَ سَوْفَ يُؤْتِيهِمْ أُجُورَهُمْ ۗ
وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٥٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir terhadap Allah dan rasul-rasul-Nya dan mahu membeza-bezakan di antara Allah dan rasul-rasul-Nya dan berkata: Kami beriman kepada setengah-setengah rasul dan kami ingkar setengah-setengah rasul yang lain dan mereka mahu memilih jalan di antara keduanya (150). Merekalah orang-orang kafir yang sebenar dan kami telah pun menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat menghinakan (151). Dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasul-rasul-Nya dan tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka, maka kelak kepada merekalah Allah akan kurniakan pahala-pahala mereka dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(152)

Perbezaan Keimanan Yang Memusnahkan Konsep Tauhid

Kaum Yahudi telah mendakwa bahawa mereka beriman kepada Para anbia' mereka, tetapi mereka ingkarkan kerasulan 'Isa dan kerasulan Muhammad, sementara kaum Nasara pula mereka bukan sahaja setakat beriman kepada 'Isa, malah mereka mempertuhankannya dan mereka juga turut ingkarkan kerasulan Muhammad.

Al-Qur'an mengecam dan membidas kedua-dua kaum itu dan menjelaskan pandangan dan kefahaman Islam yang syumul dan sempurna tentang keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya, iaitu keimanan yang tidak membezakan di antara Allah dengan Rasul dan tidak pula membeza-bezakan di antara para rasul itu semua. Dengan sifatnya yang syumul dan sempurna inilah Islam merupakan satu-satunya "Agama" yang diterima Allah dari manusia, kerana ia selaras dengan konsep wahdaniyah Allah dan segala kehendak-kehendaknya.

Mentauhidkan Allah secara mutlaq itu memerlukan kepada mentauhidkan agama Allah yang dibawa oleh para rasul-Nya kepada umat manusia, juga memerlukan kepada mentauhidkan para rasulullah yang membawa amanah ini kepada manusia. Oleh itu setiap keingkaran terhadap kesatuan para rasulullah dan kesatuan agama Allah merupakan keingkaran terhadap wahdaniyah Allah pada hakikatnya dan merupakan penyelewengan kefahaman terhadap kehendak-kehendak wahdaniyah ini, kerana agama Allah dan sistem hidup yang digaris oleh Allah untuk umat manusia adalah satu sahaja, iaitu ia tidak berubah-ubah dari segi dasarnya dan dari segi sumbernya.

Oleh sebab itulah ayat-ayat tadi mengungkapkan mereka yang membezakan keimanan mereka di antara Allah dengan rasul, iaitu mereka beriman kepada Allah, tetapi mengingkarkan rasul-rasul dan mengungkapkan mereka yang membeza-bezakan di antara para rasul iaitu mereka beriman kepada setengah-setengah rasul dan mengingkarkan setengah-setengah yang lain sebagai "Orang-orang yang kafir terhadap Allah dan para rasul-Nya" dan menganggapkan pembezaan yang dilakukan mereka di antara Allah dengan rasul dan di antara setengah-setengah rasul dengan setengah-setengah yang lain sebagai kekafiran terhadap Allah dan para rasul-Nya.

Keimanan adalah satu kesatuan yang tidak boleh dipecah-pecahkan. Beriman kepada Allah bererti beriman kepada Wahdaniyah-Nya dan beriman kepada Wahdaniyah-Nya menghendaki wujudnya kesatuan agama yang diredhai Allah untuk dipatuhi manusia agar seluruh hidup mereka merupakan satu kesatuan yang dilandaskan di atas kesatuan agama dan menghendaki kesatuan rasul-rasul yang membawa agama ini dari Allah bukannya dari diri mereka dan bukannya terpencil dari iradat dan wahyu Allah dan seterusnya menghendaki kesatuan sikap terhadap seluruh mereka. Dan tidak ada jalan untuk memecahkan kesatuan ini kecuali dengan kekafiran yang mutlaq walaupun orang-orang kafir itu menyangka diri mereka beriman kerana mereka beriman kepada setengah-setengah rasul dan ingkarkan setengah-setengah yang lain dan balasan mereka di sisi Allah ialah 'azab yang amat menghinakan yang telah disediakan Allah untuk mereka.

أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡكَٰفِرُونَ حَقّٗاۚ وَأَعۡتَدۡنَا لِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابٗا مُّهِينٗا ١٥١

"Merekalah orang-orang kafir yang sebenar dan kami telah pun menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat menghinakan."(151)

Keimanan Kaum Muslimin Tidak Mengenal Sebarang Perbezaan

Adapun kaum Muslimin, maka mereka sahaja yang mempunyai kefahaman i'tiqad yang mengandungi keimanan kepada Allah dan kepada sekalian rasul-Nya tanpa dibeza-bezakan. Seluruh rasul itu dipercayai dan dihormati mereka dan seluruh agama samawi adalah benar belaka di sisi mereka selama di dalam agama itu tidak berlaku apa-apa pengubahan dan pindaan dan andainya ini berlaku, maka ia tidak lagi menjadi agama Allah walaupun sebahagian darinya masih ada yang belum diubah dan dipinda, kerana agama itu adalah satu kesatuan yang padu. Kaum Muslimin sahaja yang mempunyai kepercayaan yang sebenar. Mereka mempercayai konsep Tuhan Yang Maha Esa yang telah meredhai satu agama untuk dianuti manusia, iaitu Tuhan yang telah mengaturkan satu sistem hidup untuk mereka dan mengutuskan para rasul membawa satu agama atau satu sistem hidup yang sama kepada umat manusia. Angkatan iman - dalam tanggapan mereka - adalah bersambung-sambung dipimpin oleh Nuh, Ibrahim, Musa, 'Isa, Muhammad dan saudara-saudara mereka dari rasul-rasul yang lain Salawatullah Wasalamuhu Alayhim Ajma'in. Pertalian mereka dengan angkatan yang bersambung-sambung ini mempunyai sejarah yang amat tua. Merekalah para pembawa dan pendokong amanah yang agung ini. Merekalah pewaris sumber kebaikan ini yang bersambung-sambung di Sepanjang jalan yang diberkati Allah, di mana tidak ada perbezaan, tidak ada pemisahan dan tidak ada pemecahan. Merekalah sahaja yang mewarisi agama yang benar ini dan tiada di sebalik agama yang dibawa mereka melainkan hanya kebatilan dan kesesatan.

Inilah "Agama Islam" dan Allah tidak akan menerima agama yang lain dari Islam baik dari siapa sekalipun. Dan orang-orang Islam itulah orang-orang yang wajar menerima ganjaran dan pahala terhadap segala amalan yang telah dilakukan mereka. Dan wajar menerima keampunan dan rahmat terhadap segala kelemahan dan ketaksiran mereka.

أُوْلَٰٓئِكَ سَوۡفَ يُؤۡتِيهِمۡ أُجُورَهُمۡۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ١٥٢

"Kepada merekalah Allah akan kurniakan pahala-pahala mereka dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(152)

Islam memberi tekanan yang kuat kepada mentauhidkan 'aqidah, iaitu mentauhidkan Allah dan para rasul-Nya, kerana tauhid ini adalah satu asas yang selaras dengan kepercayaan dan kefahaman seseorang Mu'min terhadap Allah S.W.T. di samping

asas yang selaras dengan kewujudan satu sistem yang tidak memberi ruang untuk dipertikaikan dan diadu-dombakan, juga kerana tauhid merupakan 'aqidah yang layak dengan seorang insan yang melihat kesatuan undang-undang di alam al-wujud, di mana sahaja matanya memandang dan seterusnya kerana tauhid merupakan kepercayaan dan kefahaman yang dapat merangkulkan seluruh orang yang beriman dalam satu angkatan untuk menghadapi barisan-barisan kufur dan menggabungkan mereka dalam satu perkumpulan untuk menghadapi kumpulan-kumpulan syaitan, tetapi satu barisan yang dimaksudkan di sini bukanlah barisan penganut-penganut kepercayaan-kepercayaan yang menyeleweng - walaupun ia berasal dari agama samawi - malah yang dimaksudkan ialah barisan penganut kepercayaan yang betul dan 'aqidah yang tidak dimasuki sebarang penyelewengan.

Oleh sebab itulah agama Islam merupakan "Agama yang benar" dan orang-orang Islam merupakan "*Sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia*", iaitu orang-orang Islam yang mempunyai 'aqidah yang betul dan beramal dengannya, bukannya setiap orang yang dilahirkan di rumah orang Islam dan bukan pula setiap orang yang hanya boleh menyebut kata-kata Islam.

Di bawah bayangan penjelasan ini ternyatalah bahawa orang-orang yang membeza-bezakan di antara Allah dan rasul-rasul-Nya dan membeza-bezakan di antara setengah-setengah rasul dengan yang lain adalah orang-orang yang terputus dari angkatan iman dan memecah-belahkan kesatuan yang telah dipadukan Allah dan mengingkarkan konsep wahdaniyah Allah yang menjadi tapak asas keimanan kepada Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 153 - 162)

Kaum Yahudi Memperlihat Tabi'at Dan Sikap Yang Sama Sepanjang Generasi Mereka

Setelah menegakkan dasar yang asasi di dalam kefahaman Islam tentang hakikat keimanan dan hakikat kekufuran yang berkaitan dengan para rasul dan kerasulan-kerasulan, maka ayat-ayat yang berikut mula menayangkan beberapa pendirian kaum Yahudi mengenai persoalan-persoalan ini dan persoalan mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji secara terbuka yang telah dibicarakan pada permulaan pelajaran ini. Ia mengecam sikap mereka terhadap Nabi s.a.w. dan kerasulannya dan mengecam kedegilan mereka kerana menuntut bukti-bukti dan dalil-dalil dari beliau. Ia membandingkan pendirian mereka sekarang ini dengan pendirian-pendirian mereka di zaman lampau terhadap Nabi mereka Musa a.s. dan terhadap utusan Allah yang lain selepasnya, iaitu Nabi 'Isa a.s. dan bondanya Maryam dan di sini ternyatalah bahawa mereka adalah sekumpulan manusia yang mempunyai tabi'at yang sama, di sepanjang generasi mereka yang bersilih ganti itu. Ayat yang berikut menggabungkan di antara generasi kaum Yahudi yang berdepan dengan Rasulullah s.a.w. dengan generasi kaum Yahudi yang berdepan dengan 'Isa. a.s., juga dengan generasi kaum Yahudi yang berdepan Musa sebelumnya untuk menyokong kesimpulan ini dan mendedahkan hakikat tabi'at yang sama itu:

يَسْـَٔلُكَ أَهْلُ ٱلْكِتَـٰبِ أَن تُنَزِّلَ عَلَيْهِمْ كِتَـٰبًا مِّنَ
ٱلسَّمَآءِ ۚ فَقَدْ سَأَلُوا۟ مُوسَىٰٓ أَكْبَرَ مِن ذَٰلِكَ فَقَالُوٓا۟
أَرِنَا ٱللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّـٰعِقَةُ بِظُلْمِهِمْ ۚ ثُمَّ ٱتَّخَذُوا۟
ٱلْعِجْلَ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَـٰتُ فَعَفَوْنَا عَن
ذَٰلِكَ ۚ وَءَاتَيْنَا مُوسَىٰ سُلْطَـٰنًا مُّبِينًا ﴿١٥٣﴾
وَرَفَعْنَا فَوْقَهُمُ ٱلطُّورَ بِمِيثَـٰقِهِمْ وَقُلْنَا لَهُمُ ٱدْخُلُوا۟
ٱلْبَابَ سُجَّدًا وَقُلْنَا لَهُمْ لَا تَعْدُوا۟ فِى ٱلسَّبْتِ
وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَـٰقًا غَلِيظًا ﴿١٥٤﴾
فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَـٰقَهُمْ وَكُفْرِهِم بِـَٔايَـٰتِ ٱللَّهِ وَقَتْلِهِمُ
ٱلْأَنۢبِيَآءَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَقَوْلِهِمْ قُلُوبُنَا غُلْفٌۢ ۚ بَلْ طَبَعَ ٱللَّهُ
عَلَيْهَا بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥٥﴾
وَبِكُفْرِهِمْ وَقَوْلِهِمْ عَلَىٰ مَرْيَمَ بُهْتَـٰنًا عَظِيمًا ﴿١٥٦﴾
وَقَوْلِهِمْ إِنَّا قَتَلْنَا ٱلْمَسِيحَ عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ ٱللَّهِ
وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَـٰكِن شُبِّهَ لَهُمْ ۚ وَإِنَّ
ٱلَّذِينَ ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ ۚ مَا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ
إِلَّا ٱتِّبَاعَ ٱلظَّنِّ ۚ وَمَا قَتَلُوهُ يَقِينًۢا ﴿١٥٧﴾
بَل رَّفَعَهُ ٱللَّهُ إِلَيْهِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٥٨﴾
وَإِن مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ إِلَّا لَيُؤْمِنَنَّ بِهِۦ قَبْلَ مَوْتِهِۦ ۖ
وَيَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا ﴿١٥٩﴾
فَبِظُلْمٍ مِّنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَـٰتٍ أُحِلَّتْ
لَهُمْ وَبِصَدِّهِمْ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ كَثِيرًا ﴿١٦٠﴾

وَأَخْذِهِمُ ٱلرِّبَوٰاْ وَقَدْ نُهُواْ عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَٰلَ ٱلنَّاسِ بِٱلْبَٰطِلِ ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦١﴾

"Ahlil-Kitab meminta kepada engkau supaya engkau turunkan kepada mereka sebuah kitab dari langit. Sesungguhnya (sebelum ini) mereka pernah meminta kepada Musa sesuatu yang lebih besar dari itu lagi, iaitu mereka telah berkata (kepada Musa): Perlihatkanlah Allah kepada kami secara terang-terangan, lalu mereka disambar petir dengan sebab kezaliman mereka, kemudian mereka menyembah patung anak lembu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas kemudian kami maafkan perbuatan itu dan Kami telah kurniakan kepada Musa kuasa yang amat nyata (153). Dan Kami telah mengangkatkan Bukit Tursina ke atas mereka sewaktu mengikat perjanjian dengan mereka dan Kami berkata kepada mereka: "Masuklah pintu (negeri ini) dengan sujud kepada Allah" dan Kami berkata lagi kepada mereka: "Janganlah kamu cerobohi lebaran hari Sabtu" dan Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh (154). Maka (Kami telah bertindak terhadap mereka) dengan sebab pencabulan mereka terhadap perjanjian mereka, keingkaran mereka terhadap ayat-ayat Allah, perbuatan mereka yang telah membunuh nabi-nabi tanpa suatu alasan yang benar dan perkataan mereka: "Hati kami telah tertutup", malah sebenarnya hati mereka telah dimaterikan Allah dengan sebab kekafiran mereka. Oleh kerana itu mereka tidak beriman melainkan sebilangan yang sedikit sahaja (155). Juga dengan sebab kekafiran mereka dan perkataan mereka yang membuat tuduhan yang amat dusta terhadap Maryam (156). Dan dengan sebab perkataan mereka: 'Sesungguhnya kami telah membunuh al-Masih 'Isa putera Maryam utusan Allah,' sedangkan yang sebenarnya mereka tidak membunuhnya dan tidak pula mensalibkannya, tetapi ia telah diserupakan kepada penglihatan mereka dengan seorang yang lain. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang 'Isa adalah berada di dalam keraguan terhadap pembunuhannya. Mereka tidak mengetahui tentang pembunuhannya dengan yakin kecuali mengikut sangkaan-sangkaan sahaja dan mereka tidak pula membunuhnya dengan yakin (157). Malah Allah telah mengangkatnya ('Isa) kepada-Nya dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (158). Dan tiada seorang pun dari Ahlil-Kitab melainkan akan beriman kepadanya sebelum matinya dan pada hari Qiamat kelak dia akan menjadi saksi terhadap mereka (159). Dengan sebab kezaliman dari orang-orang Yahudi, Kami telah haramkan kepada mereka makanan-makanan yang baik, sedangkan dahulunya dihalalkan kepada mereka, juga dengan sebab perbuatan mereka yang banyak menghalangkan orang ramai dari jalan Allah (160). Juga dengan sebab mereka mengambil riba sedangkan mereka telah dilarangkan darinya dan makan harta orang lain dengan cara yang salah dan Kami telah menyediakan kepada orang-orang yang kafir dari kalangan mereka 'azab yang amat pedih."(161)

Kaum Yahudi di Semenanjung Tanah Arab telah mengambil sikap permusuhan yang ketat, degil dan terbuka terhadap Islam dan nabi Islam (Muhammad s.a.w.) Mereka telah merancang dan mengatur tipudaya-tipudaya dengan gigih dan berterusan sebagaimana telah diceritakan oleh Al-Qur'an dengan terperinci dan Kami telah pun menghuraikan aneka ragam dari tipudaya itu di dalam Surah al-Baqarah dan Surah Aali 'Imran, juga di dalam surah ini sebelum ini di dalam juzu' yang kelima. Sementara tipudaya yang diterangkan oleh ayat-ayat yang berikut adalah tipudaya dari jenis yang lain pula...

Mereka terus bersikap degil dan menuntut Rasulullah s.a.w. supaya membawa kepada mereka sebuah kitab dari langit, iaitu sebuah kitab yang bertulis yang diturunkan terus kepada mereka dari langit dalam bentuk fizikal yang boleh dijamah dengan tangan mereka:

يَسْـَٔلُكَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ أَن تُنَزِّلَ عَلَيْهِمْ كِتَٰبًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ۚ

"Ahlil-Kitab meminta kepada engkau supaya engkau turunkan kepada mereka sebuah kitab dari langit."(153)

Allah S.W.T. sendiri mengambil tugas memberi jawapan bagi pihak nabi-Nya lalu menceritakan kepada beliau dan kepada kelompok Muslimin yang berdepan dengan kaum Yahudi itu selembaran dari sejarah mereka di zaman nabi, pemimpin dan penyelamat mereka Musa a.s. Mereka mendakwa beriman kepada Musa, tetapi menolak kerasulan 'Isa a.s. selepasnya, juga kerasulan Muhammad s.a.w.

Tabi'at dan kelakuan ini bukannya baru kepada mereka. Ia bukannya perwatakan mereka di dalam generasi ini sahaja, malah ia adalah tabi'at dan kelakuan mereka dari zaman berzaman lagi.

Mereka telah bertabi'at begitu dari sejak zaman Musa a.s., iaitu nabi, pemimpin dan penyelamat mereka. Hati mereka memang kasar dan keras begitulah dari dahulu hingga sekarang. Oleh kerana itu mereka hanya dapat memahami perkara-perkara lahir yang dapat ditanggap pancaindera sahaja. Mereka begitulah selama-lamanya bersifat degil dan cerewet. Oleh kerana itu mereka tidak tunduk melainkan di bawah tekanan dan paksaan. Mereka begitulah selama-lamanya bersifat kafir dan memungkiri janji. Oleh sebab itu mereka begitu mudah berubah-ubah dan mengkhianati janji bukan sahaja dengan manusia, malah dengan Allah Tuhan mereka juga mereka begitulah selama-lamanya bersifat kasar dan suka membuat dusta. Mereka tidak mengambil pusing untuk mempastikan kebenaran sesuatu perkataan dan tidak pula merasa segan dan silu malu mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji dengan berterus-terang. Mereka begitulah selama-lamanya bersifat tamak haloba kepada harta benda dunia dan memakan harta orang lain dengan jalan yang tidak sebenar. Mereka membelakangkan perintah Allah dan memperkesampingkan pahala dan ganjaran yang disediakan di sisi Allah.

Itulah bidasan dan serangan yang membuka tembelang mereka dan mendedahkan hakikat mereka. Kekuatan serangan dan keanekaan ragam tujuan-tujuannya itu memperlihatkan cara-cara yang diperlukan oleh keadaan untuk menentang kelihaian

dan kelicikan tipudaya kaum Yahudi terhadap Islam dan nabi Islam pada masa itu. Itulah kelihaian dan kelicikan tipudaya yang sehingga kini masih dilakukan oleh mereka terhadap agama Allah dan para pemeluknya.

يَسْـَٔلُكَ أَهْلُ ٱلْكِتَـٰبِ أَن تُنَزِّلَ عَلَيْهِمْ كِتَـٰبًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ۚ

"Ahlil-Kitab meminta kepada engkau supaya engkau turunkan kepada mereka sebuah kitab dari langit."

Oleh itu (wahai Muhammad) janganlah engkau merasa pelik dan aneh terhadap kedegilan mereka ini:

فَقَدْ سَأَلُوا۟ مُوسَىٰٓ أَكْبَرَ مِن ذَٰلِكَ فَقَالُوٓا۟ أَرِنَا ٱللَّهَ جَهْرَةً

"Sesungguhnya (sebelum ini) mereka pernah meminta kepada Musa sesuatu yang lebih besar dari itu lagi, iaitu mereka telah berkata (kepada Musa): Perlihatkanlah Allah kepada kami secara terang-terangan."(153)

Bukti-bukti kekuasaan Allah yang amat terang yang telah diperlihatkan Allah kepada mereka tidak pernah sampai kepada tahap yang menyentuh hati mereka, tidak pernah menggerakkan kesedaran mereka dan dapat memimpin hati mereka ke arah ketenteraman dan penyerahan diri kepada Allah hingga mereka tergamak menuntut hendak melihat Allah dengan mata kepala mereka, iaitu satu tuntutan yang mencerminkan keangkuhan dan bukannya lahir dari tabi'at yang telah mencapai kemanisan iman atau mempunyai kesediaan untuk beriman.

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّـٰعِقَةُ بِظُلْمِهِمْ ۚ

"Lalu mereka disambar petir dengan sebab kezaliman mereka."

Tetapi Allah S.W.T. telah memaafkan kesalahan mereka dan memperkenankan do'a Musa a.s. dan rayuannya agar Allah mengampunkan mereka sebagaimana telah diterangkan di dalam surah yang lain (al-A'raf):

فَلَمَّآ أَخَذَتْهُمُ ٱلرَّجْفَةُ قَالَ رَبِّ لَوْ شِئْتَ أَهْلَكْتَهُم مِّن قَبْلُ وَإِيَّـٰىَ ۖ أَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ ٱلسُّفَهَآءُ مِنَّآ ۖ إِنْ هِىَ إِلَّا فِتْنَتُكَ تُضِلُّ بِهَا مَن تَشَآءُ وَتَهْدِى مَن تَشَآءُ ۖ أَنتَ وَلِيُّنَا فَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَا ۖ وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْغَـٰفِرِينَ ﴿١٥٥﴾

"Ketika mereka dilanda gempa bumi Musa merayu: Ya Tuhanku, jika Engkau kehendaki tentulah Engkau telah membinasakan mereka dan aku sebelum ini lagi. Apakah Engkau akan membinasakan kami kerana perbuatan yang telah dilakukan oleh orang-orang yang bodoh dari kalangan kami? Itu hanya ujian dari-Mu dan dengannya Engkau sesatkan mereka yang Engkau kehendaki dan Engkau hidayatkan mereka yang Engkau kehendaki. Engkaulah pelindung kami. Oleh itu ampunilah kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkaulah sebaik-baik pemberi keampunan."

(Surah al-A'raf : 155)

وَٱكْتُبْ لَنَا فِى هَـٰذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْـَٔاخِرَةِ إِنَّا هُدْنَآ إِلَيْكَ ۚ

"Dan tuliskanlah untuk kami kebaikan di dunia ini dan di negeri Akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepada-Mu."

(Surah al-A'raf: 156)

ثُمَّ ٱتَّخَذُوا۟ ٱلْعِجْلَ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَـٰتُ

"Kemudian mereka menyembah patung anak lembu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas."(153)

Itulah patung anak lembu dari emas yang dibuat oleh as-Samiri untuk mereka dari barang-barang perhiasan emas yang diambil oleh mereka secara tipudaya dari wanita-wanita Mesir semasa mereka keluar dari negeri itu, dan tiba-tiba mereka memuja patung itu dan mempertuhankannya selepas Musa a.s. meninggal mereka kerana pergi bermunajat dengan Allah pada masa yang telah ditetapkan Allah untuk diturunkan kepadanya loh-loh yang mengandungi ayat-ayat hidayat dan nur petunjuk.

فَعَفَوْنَا عَن ذَٰلِكَ ۚ

"Kemudian Kami maafkan perbuatan itu."(153)

Tetapi Yahudi tetap Yahudi, mereka tidak boleh ditunduk melainkan dengan kekerasan dan ketakutan:

وَءَاتَيْنَا مُوسَىٰ سُلْطَـٰنًا مُّبِينًا ﴿١٥٣﴾ وَرَفَعْنَا فَوْقَهُمُ ٱلطُّورَ بِمِيثَـٰقِهِمْ وَقُلْنَا لَهُمُ ٱدْخُلُوا۟ ٱلْبَابَ سُجَّدًا وَقُلْنَا لَهُمْ لَا تَعْدُوا۟ فِى ٱلسَّبْتِ وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَـٰقًا غَلِيظًا ﴿١٥٤﴾

"Dan Kami telah kurniakan kepada Musa kuasa yang amat nyata."(153). Dan Kami telah mengangkatkan Bukit Tursina ke atas mereka sewaktu mengikat perjanjian dengan mereka dan Kami berkata kepada mereka: "Masuklah pintu (negeri ini) dengan sujud kepada Allah" dan Kami berkata lagi kepada mereka: "Janganlah kamu cerobohi lebaran hari Sabtu" dan Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh."(154)

Makna Kuasa Yang Dikurniakan Allah Kepada Musa

Kuasa yang dikurniakan Allah kepada Musa - biasanya - ialah syari'at atau undang-undang yang tertulis pada loh-loh itu, kerana syari'at Allah adalah kuasa dari Allah dan setiap syari'at atau undang-undang yang lain dari syari'at Allah tidak diturunkan Allah sebarang kuasa kepadanya dan ia tidak dijadikan mempunyai pengaruh yang kuat di dalam hati manusia. Oleh sebab itulah hati manusia memandang kecil kepada undang-undang dan peraturan yang digubal oleh manusia untuk manusia dan mereka tidak mematuhi dan melaksanakan undang-undang itu melainkan di bawah pemerhatian para pengawal dan di bawah ancaman mata pedang yang terhunus. Ini berlainan dengan undang-undang Allah yang mempunyai kuasa dari Allah kerana ia dapat membuat hati manusia tunduk kepadanya dan merasa hebat, takut dan gerun kepadanya.

Tetapi orang-orang Yahudi yang tidak mengecapi kemanisan itu enggan tunduk dan menyerah diri kepada undang-undang yang termaktub di dalam loh-loh itu. Maka di sini kekerasan terpaksa digunakan ke atas mereka sesuai dengan kekerasan tabi'at mereka..... Di sini mereka tiba-tiba melihat sebuah batu yang besar tergantung di atas kepala mereka dan mengancam akan menimpa ke atas mereka andainya mereka tidak mahu tunduk dan tidak mahu berjanji untuk mematuhi perjanjian mereka dengan Allah dan tidak mahu melaksanakan tugas-tugas yang diwajibkan ke atas mereka yang termaktub di dalam loh-loh itu. Di waktu ini sahaja barulah mereka sanggup tunduk dan menerima perjanjian itu. Kini mereka telah diikatkan dengan satu perjanjian yang kuat, teguh dan kukuh. Perjanjian itu telah disebutkan dengan sifat-sifat ini supaya pemandangan ini sesuai dengan kekuatan batu yang diangkatkan ke atas kepala mereka, juga sesuai dengan kekerasan hati yang terkandung di dalam dada mereka. Dan di samping kesesuaian itu Al-Qur'an menyampaikan makna kebesaran, kekuatan, keteguhan dan kekukuhan perjanjian itu mengikut tatacara Al-Qur'anul-Karim dalam pengungkapan yang menggunakan gambaran dan pengkhayalan dalam bentuk fizikal atau gambaran dalam bentuk jisim yang kasar.[1]

Di antara perjanjian itu ialah mereka hendaklah memasuki Baitul-Maqdis dengan sujud kepada Allah dan mereka hendaklah menghormati hari Sabtu yang telah dipinta mereka kepada Allah supaya dijadikannya sebagai hari raya mereka.

Tetapi apakah yang telah berlaku? Sebaik sahaja perasaan takut itu hilang dari hati mereka dan sebaik sahaja ancaman batu itu hilang dari pandangan, mereka terus berlepas diri dari perjanjian yang kukuh itu dan membatalkannya. Mereka telah menolak bukti-bukti kekuasaan Allah dan membunuh nabi-nabi-Nya tanpa sebarang alasan yang benar. Mereka berlagak angkuh dan sombong hingga sanggup berkata: "Hati kami tidak dapat menerima sebarang pengajaran dan tidak dapat ditembusi sebarang perkataan kerana hati kami tertutup rapat kepada segala perkataan". Mereka telah melakukan segala perbuatan keji yang lain yang diceritakan oleh Allah kepada Rasul-Nya dan kepada kaum Muslimin dalam langkah menghadapi kaum Yahudi di dalam pernyataan ayat-ayat ini.

فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَٰقَهُمْ وَكُفْرِهِم بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَقَتْلِهِمُ ٱلْأَنۢبِيَآءَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَقَوْلِهِمْ قُلُوبُنَا غُلْفٌۢ ۚ

"Maka (Kami telah bertindak terhadap mereka) dengan sebab pencabulan mereka terhadap perjanjian mereka, keingkaran mereka terhadap ayat-ayat Allah, perbuatan mereka yang telah membunuh nabi-nabi tanpa suatu alasan yang benar dan perkataan mereka: "Hati kami telah tertutup."(155)

Perkataan mereka: "*Hati kami telah tertutup*" merupakan jawapan mereka terhadap da'wah Rasulullah s.a.w. dengan tujuan untuk memutuskan harapan beliau terhadap keimanan dan sambutan mereka atau untuk mempersenda-sendakan da'wah beliau yang ditujukan kepada mereka dan menunjukkan keangkuhan mereka dengan mendustakan da'wah itu dan mengambil sikap tidak memperdulikannya atau kedua-dua sekali. Keterangan ayat putus setakat ini untuk diberi jawapan.

بَلْ طَبَعَ ٱللَّهُ عَلَيْهَا بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥٥﴾

"Malah sebenarnya hati mereka telah dimaterikan Allah dengan sebab kekafiran mereka. Oleh kerana itu mereka tidak beriman melainkan sebilangan yang sedikit sahaja."(155)

Yakni sebenarnya hati mereka bukannya tertutup dengan sebab tabi'at semulajadi mereka, tetapi kekafiran merekalah yang telah mengheret mereka kepada akibat yang menyebabkan Allah mematerikan hati mereka dan kerana itu ia menjadi amat keras, beku dan tertutup tidak dapat merasa kelembutan iman dan mengecapi kemanisannya. Oleh sebab itu hanya segelintir dari mereka sahaja yang beriman dan golongan ini adalah terdiri dari orang-orang Yahudi yang tidak melakukan perbuatan yang mewajarkan balasan pematerian hati dari Allah. Golongan inilah yang telah membuka pintu hati mereka kepada kebenaran dan mencari kebenaran lalu Allah memberi hidayat kepada mereka dan mengurniakan kebenaran kepada mereka. Mereka adalah satu golongan yang amat kecil dari kaum Yahudi seperti Abdullah ibn Salam, Tha'labah ibn Sa'yah dan Asad ibn Sa'yah dan Asad ibn Ubaydillah.

Setelah selesai membuat pengecualian dan ulasan, maka ayat yang berikut kembali menerangkan sebab-sebab yang mewajarkan mereka menerima balasan

[1] *Lihat buku: "التصوير الفنى في القرآن".*

Allah yang telah mengharamkan beberapa makanan yang baik kepada mereka dan menyediakan Neraka Jahannam untuk menunggu mereka di negeri Akhirat.

وَبِكُفْرِهِمْ وَقَوْلِهِمْ عَلَىٰ مَرْيَمَ بُهْتَٰنًا عَظِيمًا ﴿١٥٦﴾

"Juga dengan sebab kekafiran mereka dan perkataan mereka yang membuat tuduhan yang amat dusta terhadap Maryam."(156)

وَقَوْلِهِمْ إِنَّا قَتَلْنَا ٱلْمَسِيحَ عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ ٱللَّهِ

"Dan dengan sebab perkataan mereka: "Sesungguhnya kami telah membunuh al-Masih 'Isa putera Maryam utusan Allah."(157)

Al-Qur'an mengulang-ulangkan sifat kekafiran mereka setiap kali ia menyebut perbuatan mereka yang mungkar. Sifat ini disebut ketika menceritakan kejahatan mereka membunuh nabi-nabi mereka tanpa suatu alasan yang benar. Sebenarnya tiada seorang nabi pun yang pernah dibunuh dengan alasan yang benar. Jadi ungkapan ini hanya bertujuan menjelaskan apa yang sebenar berlaku. Di sini sifat kekafiran mereka disebut kerana ada kaitan dengan kemungkaran mereka membuat fitnah dan tohmahan yang dusta terhadap Maryam yang berakhlak suci dan bersih, iaitu kemungkaran yang tidak sanggup dilakukan, melainkan oleh orang-orang Yahudi. Mereka telah menuduh Maryam berzina dengan Yusuf an-Najjar. Allah laknatkan mereka! Kemudian mereka berbangga kononnya kerana mereka telah membunuh al-Masih dan mensalibkannya dan mempersenda-sendakan kerasulannya dengan kata-kata ejekan mereka: Kami telah membunuh al-Masih 'Isa ibn Maryam Rasulullah.

Apabila huraian ayat sampai kepada dakwaan ini ia berhenti untuk memberi jawapan dan menjelaskan hakikat yang sebenar:

وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَٰكِن شُبِّهَ لَهُمْ ۚ وَإِنَّ
ٱلَّذِينَ ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ ۚ مَا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ
إِلَّا ٱتِّبَاعَ ٱلظَّنِّ ۚ وَمَا قَتَلُوهُ يَقِينًۢا ﴿١٥٧﴾
بَل رَّفَعَهُ ٱللَّهُ إِلَيْهِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٥٨﴾

"Sedangkan yang sebenarnya mereka tidak membunuhnya dan tidak pula mensalibkannya, tetapi ia telah diserupakan kepada penglihatan mereka dengan seorang yang lain. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang 'Isa adalah berada di dalam keraguan terhadap pembunuhannya. Mereka tidak mengetahui tentang pembunuhannya dengan yakin kecuali mengikut sangkaan-sangkaan sahaja dan mereka tidak pula membunuhnya dengan yakin.(157). Malah Allah telah mengangkatkannya ('Isa) kepada-Nya dan Allah itu Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(158)

Apakah Nabi 'Isa a.s. Dibunuh, Diangkat Ke Langit Atau Diwafatkan?

Persoalan pembunuhan Nabi 'Isa a.s. dan pensaliban yang dilakukan ke atasnya adalah satu persoalan samar-samar, di mana kaum Yahudi dan kaum Nasara meraba-raba di dalam berbagai-bagai sangkaan dan anggapan. Kaum Yahudi mendakwa bahawa mereka telah membunuh 'Isa a.s. dan mengejek-ngejekkan perkataan beliau bahawa beliau adalah Rasulullah lalu mereka mengi'tirafkan sifat kerasulan beliau dengan cara sendaan. Sementara kaum Nasara pula mendakwa bahawa 'Isa a.s. telah disalib dan dikebumikan, tetapi selepas tiga hari kemudian beliau bangkit kembali, sedangkan sejarah mendiamkan diri. Ia tidak berkata apa-apa tentang kelahiran al-Masih dan kesudahan hayatnya seolah-olah perkara ini tidak termasuk dalam perhitungan.

Tiada seorang pun dari kedua-dua golongan Yahudi dan Nasara itu mengeluarkan keterangan masing-masing dengan penuh yakin. Peristiwa-peristiwa itu silih berganti dan berlalu begitu cepat dan bercampuraduk satu sama lain di zaman itu hingga sukar untuk mendapat fakta-fakta yang meyakinkan darinya kecuali penjelasan yang diceritakan oleh Allah Tuhan semesta alam sendiri.

Empat buah kitab Injil yang memerikan kisah bagaimana al-Masih ditangkap, disalib dan wafat, bagaimana ia dikebumi dan bangkit kembali adalah semuanya ditulis selepas berlalunya satu masa dari zaman al-Masih, iaitu satu masa yang seluruhnya penuh dengan penindasan-penindasan yang kejam terhadap agamanya dan para murid-muridnya yang tidak memungkinkan peristiwa-peristiwa itu ditahqiq atau dikaji halus dalam suasana penyembunyian rahsia, ketakutan dan pengusiran itu. Di samping empat kitab Injil, di sana terdapat banyak injil-injil yang lain yang ditulis sezaman dengannya, tetapi empat buah injil ini telah dipilih di sekitar penghujung abad yang kedua Masihi dan dianggap dan dii'tiraf sebagai injil-injil rasmi, tetapi ia dii'tiraf bukanlah kerana seluruh alasan-alasannya mengatasi segala keraguan.

Di antara Injil yang ditulis di masa pembukuan kitab-kitab Injil itu ialah Injil Barnaba dan kandungan Injil ini adalah bertentangan dengan empat Injil yang dipegang sebagai injil rasmi itu mengenai kisah pembunuhan al-Masih dan bagaimana beliau disalibkan. Kata Injil Barnaba:

"Apabila soldadu-soldadu yang datang bersama Yahuza itu menghampiri tempat penginapan Yaso' ('Isa), maka Yaso' mendengar kedatangan kumpulan orang yang ramai itu telah hampir dengan tempatnya. Oleh sebab itu dia mengundurkan diri masuk ke dalam rumah dengan keadaan takut, sedangkan sebelas orang (murid-muridnya) sedang tidur nyenyak. Apabila Allah melihat bahaya sedang mengancam hamba-Nya, Dia memerintah Jibril, Mikail, Rafail dan 'Uril para utusan-Nya supaya mengambil Yaso' dari

alam dunia, lalu datanglah malaikat-malaikat yang suci itu mengambil Yaso' dari tingkap yang mengadap arah selatan, mereka terus membawanya dan menempatkan di langit yang ketiga ditemani para malaikat yang bertasbih di sepanjang masa... Kemudian Yahuza masuk dengan keras ke dalam bilik, di mana Yaso' diangkat ke langit dan sekalian muridnya sedang tidur nyenyak. Kemudian Allah telah melakukan suatu perkara yang amat menakjubkan, iaitu suara percakapan Yahuza dan wajahnya tiba-tiba berubah dan jadi serupa dengan suara dan rupa Yaso'. Adapun Yahuza sendiri, setelah ia membangunkan kami ia terus memeriksa untuk melihat di mana adanya guru ('Isa) itu. Oleh sebab itu kami merasa hairan lalu kami menjawab: Andalah orangnya wahai penghulu kami dan guru kami.... Apakah sekarang anda telah lupakan kami?... Hingga akhir...[2]

Demikianlah seorang pengkaji tidak boleh mendapatkan satu riwayat yang yakin mengenai peristiwa yang telah berlaku di dalam kegelitaan malam sebelum fajar menyingsing itu dan mereka yang berselisih pendapat itu tidak boleh mendapatkan satu sandaran atau pegangan pun yang boleh mentarjihkan satu riwayat terhadap riwayat yang lain.

وَإِنَّ ٱلَّذِينَ ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ ۚ مَا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ إِلَّا ٱتِّبَاعَ ٱلظَّنِّ ۚ

"Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang 'Isa adalah berada di dalam keraguan terhadap pembunuhannya. Mereka tidak mengetahui tentang pembunuhannya dengan yakin kecuali mengikut sangkaan-sangkaan sahaja."(157)

Adapun Al-Qur'an, maka ia telah memberi penjelasannya yang muktamad:

وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَٰكِن شُبِّهَ لَهُمْ ۚ

"Yang sebenarnya mereka tidak membunuhnya dan tidak pula mensalibkannya tetapi ia telah diserupakan pada penglihatan mereka dengan seseorang yang lain."

وَمَا قَتَلُوهُ يَقِينًۢا ﴿١٥٧﴾

"Dan mereka tidak pula membunuhnya dengan yakin"(157)

بَل رَّفَعَهُ ٱللَّهُ إِلَيْهِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٥٨﴾

"Malah Allah telah mengangkatkannya ('Isa) kepada-Nya dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(158)

Al-Qur'an tidak menjelaskan tentang hakikat pengangkatan 'Isa ke langit: Apakah beliau diangkat dengan jasad dan roh dalam keadaan hidup? Atau beliau diangkat dengan roh selepas diwafatkannya? Dan bilakah beliau diwafatkan dan di mana? Yang jelas mereka tidak membunuhnya dan tidak pula mensalibkannya, tetapi pembunuhan dan pensaliban itu telah berlaku ke atas seorang yang lain dari beliau yang kelihatan serupa dengannya pada pandangan mereka.

Al-Qur'an tidak memberi satu penjelasan yang terperinci di sebalik hakikat itu kecuali penjelasan Allah yang disebut di dalam surah yang lain:

إِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَىٰٓ إِنِّى مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَىَّ

"Wahai 'Isa. Sesungguhnya Akulah yang mewafatkan engkau dan mengangkatkan engkau kepada-Ku."

(Surah Aali 'Imran: 55)

Ayat ini juga sama dengan ayat tadi tidak memberi apa-apa penjelasan tentang kewafatan 'Isa, bagaimana ia diwafatkan dan bila ia diwafatkan dan kami - mengikut kaedah kami dalam tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini - tidak mahu keluar dari kaedah ini, iaitu kami tidak ingin merayau-rayau di dalam qaul-qaul dan cerita-cerita dongeng, di mana kami tidak mempunyai sebarang dalil yang membenarkannya dan tidak menemui sebarang jalan menuju kepadanya.

Dari selingan ini kita kembali semula bersama Al-Qur'an kepada baki ayat pembetulan ini:

وَإِن مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ إِلَّا لَيُؤْمِنَنَّ بِهِۦ قَبْلَ مَوْتِهِۦ ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا ﴿١٥٩﴾

"Dan tiada seorang pun dari Ahlil-Kitab melainkan akan beriman kepadanya sebelum matinya dan pada hari Qiamat kelak dia akan menjadi saksi terhadap mereka."(159)

Pendapat ulama' salaf telah berselisih tentang tujuan ayat ini dengan sebab perselisihan mereka tentang kepada siapakah dipulangkan gantinama atau dhamir "Nya" yang terdapat pada perkataan "mautihi" (matinya) dalam ayat ini. Sekumpulan ulama' berpendapat bahawa ayat ini bererti begini: Dan tiada seorang pun dari Ahlil-Kitab melainkan akan beriman kepada 'Isa a.s. sebelum matinya - yakni 'Isa - ini berdasarkan kepada keterangan bahawa beliau akan turun ke bumi sebelum berlakunya Qiamat. Sementara sekumpulan ulama yang lain pula berkata ayat ini bererti begini: Dan tiada seorang pun dari Ahlil-Kitab melainkan akan beriman kepada 'Isa a.s. sebelum matinya - yakin Ahlil-Kitab itu sendiri - ini berdasarkan kepada keterangan bahawa setiap orang Ahlil-Kitab yang mendekati maut dan sedang berada dalam sakarat atau penderitaan maut akan ditunjukkan kepadanya hakikat yang sebenar, tetapi kesedarannya di sa'at itu tidak lagi berguna kepadanya.

Kami lebih cenderung kepada pendapat yang kedua ini kerana pendapat ini telah ditunjukkan di dalam qira'ah Ubay yang membaca begini:

---

[2] *Dinukil dari buku "محاضرات في النصرانية" oleh Ustaz as-Syaikh Muhammad Abu Zahrah.*

إلا ليؤمننّ به قبل موتهم

"Melainkan akan beriman kepadanya sebelum kematian mereka"

Qira'ah ini dengan terang menunjukkan kepada siapakah dhamir itu harus dikembalikan, iaitu ia dikembalikan kepada Ahlil-Kitab. Berdasarkan pendapat ini maka ayat ini bermaksud begini: Sesungguhnya orang-orang Yahudi yang kafir terhadap 'Isa a.s. dan masih terus bersikap kafir terhadapnya dan mendakwa bahawa mereka telah membunuhnya dan mensalibkannya, sebenarnya tiada seorang pun dari mereka yang sedang didekati maut melainkan akan dibukakan kepadanya hakikat yang sebenar ketika rohnya keluar dalam hembusan-hembusan yang akhir, di mana ia sedar bahawa 'Isa itu benar dan kerasulannya benar lalu ia beriman kepadanya, tetapi diwaktu itu keimanannya tidak berguna lagi kepadanya dan pada hari Qiamat kelak 'Isa akan menjadi saksi terhadap mereka.

Dengan penjelasan ini Al-Qur'an memberi kata pemutus tentang kisah salib itu. Kemudian selepas ini Al-Qur'an kembali memperincikan kemungkaran-kemungkaran yang dilakukan oleh kaum Yahudi dan menerangkan balasan yang amat pedih yang diterima mereka di dunia dan di Akhirat.

فَبِظُلْمٍ مِّنَ الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَاتٍ أُحِلَّتْ لَهُمْ وَبِصَدِّهِمْ عَن سَبِيلِ اللَّهِ كَثِيرًا ﴿١٦٠﴾ وَأَخْذِهِمُ الرِّبَا وَقَدْ نُهُوا عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦١﴾

"Dengan sebab kezaliman dari orang-orang Yahudi, Kami telah haramkan kepada mereka makanan-makanan yang baik, sedangkan dahulunya dihalalkan kepada mereka, juga dengan sebab perbuatan mereka banyak menghalangkan orang ramai dari jalan Allah (160). Juga dengan sebab mereka mengambil riba sedangkan mereka telah dilarangkan darinya dan makan harta orang lain dengan cara yang salah dan Kami telah menyediakan kepada orang-orang yang kafir dari kalangan mereka 'azab yang amat pedih."(161)

Kegiatan Yahudi Menghalang Da'wah Allah, Berurusniaga Dengan Riba Dan Memeras Harta Orang Secara Haram

(Di dalam ayat ini) Al-Qur'an menambahkan beberapa kemungkaran mereka yang baru kepada kemungkaran-kemungkaran mereka yang telah lalu iaitu tindakan-tindakan mereka yang zalim, tindakan-tindakan mereka yang menghalangkan orang lain dari agama Allah. Mereka melakukan tindakan-tindakan itu secara melampaui batas dan berterus-terusan, mereka memakan riba bukan kerana mereka jahil atau kurang sedar, kerana mereka memang telah dilarang dari memakan riba, tetapi mereka tetap memakannya kerana degil, mereka memakan harta orang lain dengan cara yang tidak sebenar sama ada dengan perantaraan riba atau dengan perantaraan yang lain.

Dengan sebab kemungkaran-kemungkaran ini dan kemungkaran-kemungkaran yang telah dijelaskan sebelum ini Allah mengharamkan beberapa makanan yang selama ini dihalalkan kepada mereka dan Allah menyediakan 'azab yang amat pedih untuk golongan yang kafir dari mereka.

Demikianlah serangan dan bidasan Al-Qur'an mendedahkan tabi'at kaum Yahudi dan sejarah mereka, menelanjangi dolak-dalik mereka, keengganan dan kedegilan mereka untuk menyambut da'wah Rasulullah s.a.w. juga mendedahkan kedegilan mereka terhadap nabi, pemimpin dan penyelamat mereka Musa a.s. dan bagaimana mereka begitu mudah melakukan kemungkaran dan mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji secara terbuka terhadap nabi-nabi dan orang-orang yang soleh, malah mereka membunuh mereka dan berbangga-bangga dengan pembunuhan itu. Dengan pendedahan ini gugur dan tumbanglah komplot-komplot, rancangan-rancangan jahat, tipudaya-tipudaya dan helah-helah yang jahat kaum Yahudi ini di dalam barisan Muslimin, dan kini kelompok Muslimin (di zaman itu) telah mengetahui - apa yang harus diketahui oleh umat Muslimin di setiap zaman - tentang tabi'at dan perilaku kaum Yahudi, cara-cara dan sarana-sarana jahat yang digunakan mereka, juga tentang sejarah dan pendirian mereka terhadap agama yang benar itu sendiri sama ada ia datang dari orang lain atau datang dari kalangan mereka sendiri. Mereka adalah musuh kepada agama yang benar dan kepada para pemeluknya, musuh kepada hidayat dan kepada para pendokongnya di dalam seluruh generasi dan zaman mereka sama ada dengan kawan atau lawan mereka, kerana tabi'at mereka suka menentang kebenaran, hati mereka kasar dan bengis, mereka tidak tunduk melainkan kepada paluan tukul dan mereka tidak menyerah kecuali pedang kekuatan dihunuskan di atas leher mereka.

Kaum Muslimin Telah Mengalahkan Kaum Yahudi Dengan Nasihat Al-Qur'an, Kemudian Mereka Dikalahkan Oleh Segelintir Yahudi Setelah Mengabaikan Nasihat Al-Qur'an

Tujuan memperkenalkan jenis manusia yang seperti ini bukannya hanya terbatas kepada angkatan Muslimin yang pertama di Madinah sahaja, kerana Al-Qur'an adalah kitab suci umat Muslimin di sepanjang hidup mereka. Oleh itu apabila umat Muslimin bertanya tentang musuh-musuh mereka, maka Al-Qur'an memberi penjelasan kepada mereka dan apabila mereka meminta nasihat mengenai urusan-urusan hidup mereka, maka Al-Qur'an memberi nasihat kepada mereka, apabila mereka meminta

petunjuk, Al-Qur'an memberi petunjuk. Setelah Al-Qur'an memberi penjelasan, nasihat dan petunjuk tentang kaum Yahudi, maka umat Muslimin telah berjaya mengalah dan menguasai mereka kemudian apabila umat Muslimin meninggal dan mengabaikan Al-Qur'an, maka kaum Yahudi dapat mengalah dan menguasai mereka pula sebagaimana telah kita saksikan umat Muslimin yang berkumpul begitu ramai telah dikalahkan oleh segelintir kaum Yahudi yang kecil apabila mereka lalai dari kitab suci mereka Al-Qur'an, menyeleweng dari hidayatnya dan mencampakkan kitab itu ke belakang kerana mengikut qaul si polan dan si polan dan mereka akan terus tenggelam di dalam tipudaya kaum Yahudi dan penguasaan Yahudi sehingga mereka pulang semula ke pangkuan Al-Qur'an.

Orang-orang Yahudi Yang Beriman

Sebaik sahaja rangkaian ayat ini selesai memperlihatkan sikapnya terhadap kaum Yahudi itu, maka ia telah dapat menginsafkan sebilangan kecil dari mereka dan (dalam ayat yang berikut) diterangkan bahawa orang-orang ini akan mendapat balasan yang baik setelah mereka digabungkan ke dalam angkatan iman yang amat tua itu. Al-Qur'an mengakui ilmu dan keimanan mereka dan menjelaskan bahawa punca yang membimbing mereka ke arah mempercayai seluruh agama samawi, ialah penjelasan kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. dan kitab-kitab suci yang diturunkan sebelum kebangkitan beliau. Itulah keteguhan ilmu dan itulah keimanan:

لَّٰكِنِ ٱلرَّٰسِخُونَ فِي ٱلۡعِلۡمِ مِنۡهُمۡ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَ يُؤۡمِنُونَ
بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبۡلِكَۚ وَٱلۡمُقِيمِينَ
ٱلصَّلَوٰةَۚ وَٱلۡمُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ
ٱلۡأٓخِرِ أُوْلَٰٓئِكَ سَنُؤۡتِيهِمۡ أَجۡرًا عَظِيمًا ١٦٢

"Tetapi ahli-ahli ilmu yang kukuh dari mereka dan orang-orang yang beriman adalah percaya kepada apa (kitab) yang diturunkan kepada engkau dan kepada apa (kitab) yang diturunkan sebelum engkau dan terutamanya orang-orang yang mendirikan solat, menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, itulah orang-orang yang Kami akan kurniakan kepada mereka pahala yang amat besar."(162)

Ilmu yang teguh dan iman yang terang kedua-duanya akan membawa ahlinya ke arah beriman kepada seluruh agama samawi. Kedua-duanya membawa kepada penyatuan agama atau Tauhidud-din yang datang dari Allah Yang Maha Esa.

Ilmu Yang Teguh Sama Dengan Keimanan Dan Ilmu Yang Dangkal Sama Dengan Kekufuran

Menyebut ilmu yang teguh sebagai jalan yang membawa ma'rifat yang betul dan yang sama dengan keimanan yang membuka pintu hati kepada nur hidayat adalah satu tarikan perhatian di antara tarikan-tarikan perhatian Al-Qur'an yang menggambarkan realiti jiwa manusia di setiap zaman. Ilmu yang dangkal atau kulitan sama dengan kekufuran yang mengingkarkan, iaitu kedua-duanya menjadi dinding yang menghalang di antara hati dengan ma'rifat yang betul. Hakikat ini dapat kita saksikan di setiap zaman, di mana orang-orang yang mempunyai ilmu yang mendalam dan memperolehi habuan keilmuan yang sebenar mendapati diri mereka berdepan dengan dalil-dalil kauniyah (alam buana) yang mencetuskan keimanan atau sekurang-kurangnya mereka berdepan dengan berbagai-bagai tandatanya-tandatanya kauniyah yang tidak dapat dijawab melainkan dengan beriman dan percaya bahawa alam buana ini mempunyai Tuhan Yang Maha Esa yang menguasai, mentadbir dan mengendalikan perjalanannya, Tuhan yang mempunyai satu iradat yang mengatur undang-undang alam buana yang satu ini. Begitu juga orang-orang yang beriman yang hati mereka sentiasa rindukan hidayat itu akan dibukakan Allah pintu hati mereka dan jiwa mereka akan terus berhubung dengan hidayat, tetapi sebaliknya orang-orang yang hanya mempunyai maklumat-maklumat yang bercampuraduk dan menganggapkan diri sebagai orang-orang yang berilmu, maka merekalah orang-orang yang dihalangi oleh kulit-kulit ilmu dari mendapat dalil-dalil iman atau merekalah orang-orang yang tidak ternampak tandatanya-tandatanya kauniyah dengan sebab ilmu mereka yang cetek dan kulitan. Mereka samalah dengan orang-orang yang mempunyai hati yang tidak rindukan hidayat. Kedua-duanya sama-sama tidak mendapati di dalam hati mereka keinginan untuk mencari keyakinan dan ketenteraman iman atau kedua-duanya menjadikan pegangan beragama itu sebagai satu fahaman perkauman jahiliyah, iaitu mereka membeza-bezakan di antara agama-agama yang benar yang datang dari Allah Yang Maha Esa yang dibawa oleh satu angkatan para rasul yang bersambung-sambung. Semoga Allah cucuri salam dan rahmat-Nya ke atas seluruh mereka.

Menurut tafsir yang ma'thur, ayat ini merupakan isyarat Al-Qur'an yang ditujukan kepada kumpulan orang-orang Yahudi yang telah menyambut da'wah Rasulullah s.a.w. yang mana sebelum ini kami telah sebutkan nama-nama mereka, tetapi ayat ini merupakan nas yang umum yang mencakup setiap orang dari keturunan Yahudi yang mendapat hidayat memeluk agama Islam ini kerana dipimpin oleh ilmu mereka yang teguh dan iman mereka yang terang.[3]

---

[3] *Di antara mereka yang dapat kami sebut - kami tidak menyanjung seseorang kepada Allah - di zaman moden ini ialah Muhammad Asad dari Austria. Nama asal beliau ialah Leopold Weiss. Berasal dari agama Yahudi, beliau telah mendapat hidayat dan memeluk agama Islam dan menamakan dirinya Muhammad Asad. Antara karya beliau ialah buku "Islam at the Crossroads".*

Penjelasan Al-Qur'an yang berikut menggabungkan kedua-dua golongan itu ke dalam angkatan Mu'minin yang mempunyai sifat-sifat yang berikut:

وَٱلۡمُقِيمِينَ ٱلصَّلَوٰةَۚ وَٱلۡمُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَ
بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ

"Dan terutamanya orang-orang yang mendirikan solat, menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."

Itulah sifat-sifat kaum Muslimin yang membezakan mereka, iaitu sifat-sifat mendirikan solat, menunaikan zakat, beriman kepada Allah dan kepada hati Akhirat.

Dan balasan yang akan diterima oleh mereka sekalian dijelaskan Allah (dalam ayat yang berikut):

أُوْلَٰٓئِكَ سَنُؤۡتِيهِمۡ أَجۡرًا عَظِيمًا ١٦٢

"Itulah orang-orang yang Kami akan kurniakan kepada mereka pahala yang amat besar."

Kita dapat perhatikan di sini bahawa ungkapan "المقيمين الصلاة" mengambil i'rab yang berlainan dari perkataan-perkataan yang lain yang di 'ataf atau dihubungkan kepadanya. Ini mungkin bertujuan untuk menonjol atau menekankan nilai ibadat mendirikan solat di tempat ini dengan membawa pengertian (memberi keutamaan) وأخص المقيمين الصلاة (terutamanya orang-orang yang mendirikan solat) uslub ini mempunyai contoh-contoh yang banyak di dalam uslub-uslub pengungkapan Arab dan di dalam Al-Qur'anul-Karim yang bertujuan menonjol atau menekankan sesuatu maksud yang tertentu di dalam sesuatu penjelasan yang mempunyai kaitan yang khusus dengannya. Beginilah ungkapan ini ditulis dalam semua mushaf walaupun ada riwayat yang membaca dengan marfu' "والمقيمون الصلاة" di dalam mushaf Abdullah ibn Mas'ud.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 163 - 166)

Jawapan Allah Kepada Kaum Yahudi Yang Menafikan Kerasulan Muhammad s.a.w.

Rangkaian ayat yang berikut terus menghadapi Ahlil-Kitab - khususnya kaum Yahudi di tempat ini - dan pendirian mereka terhadap kerasulan Muhammad s.a.w. dan anggapan mereka bahawa beliau tidak diutuskan oleh Allah, juga sikap mereka yang membeza-bezakan di antara para rasul dan kedegilan mereka menuntut agar ditunjukkan kepada mereka satu tanda untuk membuktikan kerasulannya, iaitu mereka menuntut supaya Allah turunkan kepada mereka sebuah kitab dari langit. Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa wahyu kepada rasul itu bukanlah perkara baru dan bukanlah merupakan sesuatu yang aneh, kerana itulah Sunnatullah mengutuskan sekalian rasul sejak dari zaman Nuh hingga ke zaman Muhammad. Seluruh mereka adalah diutus untuk menyampaikan berita gembira dan memberi amaran kepada manusia. Tujuan diutuskan mereka kerana Allah hendak melimpahkan rahmat-Nya ke atas para hamba-Nya dan kerana Allah hendak menjadikannya sebagai hujjah dan alasan tanggungjawab mereka dan seterusnya kerana hendak memberi amaran dan peringatan kepada mereka sebelum tibanya hari hisab. Seluruh Rasul itu datang dengan membawa wahyu yang sama untuk satu matlamat yang sama. Oleh sebab itu sikap membeza-bezakan di antara mereka adalah suatu sikap yang degil dan tidak berasas. Apabila mereka terus mengingkar dan berdegil menolak (kerasulan Muhammad s.a.w.), maka Allah tetap menyaksikan kebenarannya dan para malaikat juga turut menyaksikannya dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi.

إِنَّآ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ كَمَآ أَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰ نُوحٖ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ مِنۢ
بَعۡدِهِۦۚ وَأَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰٓ إِبۡرَٰهِيمَ وَإِسۡمَٰعِيلَ وَإِسۡحَٰقَ
وَيَعۡقُوبَ وَٱلۡأَسۡبَاطِ وَعِيسَىٰ وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ
وَهَٰرُونَ وَسُلَيۡمَٰنَۚ وَءَاتَيۡنَا دَاوُۥدَ زَبُورٗا ١٦٣
وَرُسُلٗا قَدۡ قَصَصۡنَٰهُمۡ عَلَيۡكَ مِن قَبۡلُ وَرُسُلٗا
لَّمۡ نَقۡصُصۡهُمۡ عَلَيۡكَۚ وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ
تَكۡلِيمٗا ١٦٤
رُّسُلٗا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ
عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةُۢ بَعۡدَ ٱلرُّسُلِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا
حَكِيمٗا ١٦٥

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan wahyu kepada engkau sebagaimana Kami telah menurunkan wahyu kepada Nuh dan para nabi selepasnya dan Kami telah menurunkan wahyu kepada Ibrahim, Ismail, Ishak, Ya'kub dan anak cucunya, juga kepada 'Isa, Ayub, Yunus, Harun dan Sulaiman dan Kami telah mengurniakan Zabur kepada Daud (163). Dan (Kami telah utuskan) rasul-rasul yang telah Kami ceritakan kisah mereka kepada engkau dan rasul-rasul yang belum pernah kami ceritakan kisah mereka kepada engkau dan Allah telah bercakap dengan Musa dengan percakapan secara langsung (164). Iaitu rasul-rasul yang menyampaikan berita gembira dan memberi amaran supaya manusia tidak mempunyai apa-apa alasan terhadap (hukuman) Allah setelah diutuskan rasul-rasul itu dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(165)

Tugas Para Rasul Di Sepanjang Sejarah Manusia

Kini jelaslah bahawa para rasul itu adalah satu angkatan yang dapat dilihat di sepanjang jalan sejarah umat yang bersambung-sambung dan risalah yang

dibawa mereka adalah satu risalah yang sama yang membawa hidayat yang sama untuk memberi amaran dan menyampaikan berita-berita gembira. Itulah satu angkatan yang menggabungkan tokoh-tokoh pilihan dari kalangan umat-umat manusia, iaitu Nuh, Ibrahim, Ismail, Ishak, Ya'kub dan anak-anak cucunya, 'Isa, Ayub, Yunus, Harun, Sulaiman, Daud, Musa dan lain-lainnya dari anbia' yang diceritakan Allah kepada Nabi-Nya Muhammad s.a.w. dan anbia' yang tidak pernah diceritakan kepadanya. Mereka adalah satu angkatan yang terdiri dari berbagai-bagai kaum dan bangsa, berbagai-bagai tempat dan negeri, berbagai-bagai waktu dan zaman. Mereka tidak dibeza-bezakan dari segi keturunan, bangsa, negeri, tanahair dan dari segi zaman dan masyarakat. Seluruh mereka membawa obor hidayat, seluruh mereka melaksanakan tugas memberi amaran dan menyampaikan berita gembira. Seluruh mereka berjuang untuk memimpin kafilah umat manusia menuju ke arah nur hidayat sama ada mereka diutuskan kepada satu keluarga atau diuruskan kepada satu kaum atau diutuskan kepada sebuah bandar atau kepada sebuah negeri. Kemudian datang seorang rasul yang diutuskan kepada seluruh umat manusia, iaitu Muhammad Rasulullah s.a.w. penamat para anbia'.

Hakikat Percakapan Secara Langsung Di Antara Allah Dengan Musa a.s.

Seluruh mereka menerima wahyu dari Allah. Mereka tidak membawa sesuatu pun dari diri mereka sendiri. Jika di antara Allah dan Musa telah berlaku satu percakapan secara langsung, maka itu adalah satu cara wahyu yang tiada siapa pun mengetahui bagaimana percakapan itu berlangsung, kerana Al-Qur'an - selaku sumber yang tunggal yang tidak diragui kebenarannya - tidak menjelaskan perkara ini sedikitpun. Dari keterangan Al-Qur'an kita hanya mengetahui bahawa apa yang berlaku di antara Allah dan Musa itu ialah percakapan, tetapi apakah tabi'at percakapan itu? Bagaimana percakapan itu berlangsung? Dengan deria atau daya kekuatan mana Musa menerima percakapan itu? Semuanya adalah perkara-perkara ghaib yang tidak dijelaskan oleh Al-Qur'an, sedangkan segala keterangan yang lain dari Al-Qur'an mengenai perkara ini adalah dongeng-dongeng yang tidak berasas belaka.

Para Rasul itu sama ada mereka yang diceritakan Allah kepada Rasul-Nya atau mereka yang tidak diceritakannya adalah semuanya dibangkitkan Allah kepada manusia di atas kehendak limpah keadilan dan rahmat-Nya kepada mereka agar rasul-rasul itu menyampaikan berita-berita gembira kepada mereka dalam bentuk ni'mat-ni'mat dan keredhaan Allah yang disediakan kepada orang-orang Mu'min yang ta'at di samping memberi peringatan dan amaran kepada mereka terhadap balasan-balasan Neraka dan kemurkaan Allah yang disediakan kepada orang-orang kafir dan durhaka dan semuanya itu supaya:

لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةٌۢ بَعْدَ ٱلرُّسُلِ

"Supaya manusia tidak mempunyai apa-apa alasan terhadap (hukuman) Allah setelah diutuskan rasul-rasul itu."

Kejadian Diri Manusia Dan Kejadian Alam Buana Sentiasa Menyarankan Keimanan

Allah tetap memiliki hujjah dan bukti yang amat kuat yang terdapat pada kejadian-kejadian diri manusia dan kejadian-kejadian makhluk yang lain di merata pelosok alam buana dan Allah telah mengurniakan kepada manusia akal atau daya berfikir yang membolehkan mereka berfikir, meneliti dan merenungi bukti-bukti keimanan yang terdapat pada kejadian-kejadian diri mereka dan kejadian makhluk-makhluk yang lain di merata pelosok alam buana itu, tetapi oleh kerana Allah berkehendak melimpahkan rahmat-Nya kepada manusia dan oleh kerana Allah mempertimbangkan kemungkinan akal atau alat berfikir yang agung itu dikuasai oleh kekuatan nafsu-nafsu keinginan mereka, maka di atas kehendak rahmat dan hikmat-Nya inilah Allah mengutuskan para rasul kepada mereka untuk menyampaikan berita gembira dan memberi amaran kepada mereka:

رُّسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ

"rasul-rasul yang menyampaikan berita gembira dan memberi amaran."

Yakni Rasul itu bertugas mengingat dan menyedarkan dan berjuang untuk menyelamatkan fitrah mereka dan membebaskan akal mereka dari kekotoran nafsu keinginan yang menabiri dan mendindingi mereka dari melihat bukti-bukti hidayat dan penyaran-penyaran keimanan yang terdapat pada kejadian diri mereka dan kejadian makhluk-makhluk yang lain di merata pelosok alam buana.

وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٦٥﴾

"Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(165)

Maha Perkasa: Yakni Allah Maha Kuasa untuk menghukum para hamba kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka. Maha Bijaksana: Yakni Allah mentadbir seluruh urusan dengan hikmat kebijaksanaan dan meletakkan setiap sesuatu pada tempatnya yang wajar. Kekuasaan dan kebijaksaan adalah kedua-duanya mempunyai fungsi di dalam segala apa yang diputuskan Allah dan diredhai-Nya di dalam urusan ini.

* * * * * *

Dalam ungkapan yang menarik ini:

لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةٌۢ بَعْدَ ٱلرُّسُلِ

"Supaya manusia tidak mempunyai apa-apa alasan terhadap (hukuman) Allah setelah diutuskan rasul-rasul itu"(165)

kita berdepan dengan berbagai-bagai saranan yang seni dan mendalam dan di sini kita pilih tiga saranan sahaja secara ringkas yang tidak mengeluarkan kita dari Tafsir Fi Zilal ini.

Pertama, kita berdepan dengan nilai akal manusia, fungsinya dan peranannya di dalam persoalan

manusia yang paling penting, iaitu persoalan beriman kepada Allah yang menjadi asas hidup insan di muka bumi ini dari akar umbinya, iaitu merangkumi nilai-nilai hidup, tujuan-tujuannya, realiti-realitinya dan segala perubahannya di samping menjadi asas masa depan mereka di alam Akhirat yang lebih besar dan lebih kekal.

Dengan Keupayaan Akal Sahaja Manusia Tidak Dapat Menemui Hidayat

Andainya Allah S.W.T yang amat arif tentang kejadian manusia dan seluruh daya tenaga dan kebolehannya itu mengetahui bahawa akal manusia yang telah dikurniakan kepadanya itu sudah cukup dan memada bagi manusia untuk mendapat hidayat bagi dirinya dan kebaikan untuk hidupnya sama ada di alam dunia atau di alam Akhirat maka tentulah Allah akan menyerahkan tugas mencari bukti hidayat dan dalil-dalil keimanan yang terdapat pada kejadian dirinya dan kejadian makhluk-makhluk yang lain di merata pelosok alam buana kepada akal manusia sahaja, begitu juga tugas menggariskan satu sistem untuk mengendalikan hidup mereka agar sentiasa berjalan di atas jalan yang benar dan betul adalah cukup untuk diserahkan kepada akal mereka sahaja dan tentulah Allah tidak perlu lagi mengutuskan para rasul di sepanjang sejarah dan tentulah Allah tidak perlu lagi menjadikan pengiriman para rasul kepada umat manusia untuk menyampaikan perintah Allah kepada mereka itu sebagai hujjah atau alasan untuk mempertanggungjawabkan mereka.

لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةٌۢ بَعْدَ ٱلرُّسُلِ

"Supaya manusia tidak mempunyai apa-apa alasan terhadap (hukuman) Allah setelah diutuskan rasul-rasul itu."(165)

Ajaran Para Rasul Merupakan Asas Tanggungjawab Manusia Di Hadapan Allah

Tetapi apabila Allah S.W.T. mengetahui bahawa akal yang dikurniakan kepada manusia itu adalah satu alat yang lemah - andainya ia berusaha sendirian - untuk mendapatkan hidayat tanpa bimbingan dari agama dan tanpa bantuan dan kawalan darinya, juga untuk menggariskan satu sistem hidup manusia yang dapat menghasilkan kebaikan yang sebenar bagi kehidupan mereka dan dapat menyelamatkan mereka dari akibat yang buruk di dunia dan di Akhirat... Apabila Allah mengetahui hakikat ini, maka hikmat kebijaksanaan dan limpah rahmat-Nya menghendaki agar mengirimkan para rasul-Nya kepada umat manusia dan agar tidak mempertanggungjawabkan manusia melainkan setelah diutuskan Rasul dan disampaikan da'wah kepada mereka:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

"Dan Kami tidak akan mengazabkan manusia sehingga Kami mengutuskan seorang rasul (kepada mereka)."

(Surah al-Isra': 15)

Ini adalah satu hakikat yang amat terang yang ditonjolkan oleh nas Al-Qur'an ini dan andainya ia bukan hakikat yang amat terang, maka ia adalah dari perkara-perkara pasti yang diperlukan.

Jika demikian apakah pula fungsi akal manusia dan apakah pula peranannya di dalam persoalan iman dan hidayat, juga di dalam persoalan cara hidup dan sistemnya?

Peranan Akal Yang Sebenar

Peranan yang harus dimainkan oleh akal ialah menerima bimbingan dari agama dan tugasnya ialah memahami apa yang diterimanya dari Rasul. Tugas Rasul ialah menyampai, menerang dan menyelamatkan fitrah manusia dari timbunan kekotoran-kekotoran yang mencemari dan mengkaratinya di samping menggerakkan akal manusia supaya berfikir dan merenungi bukti-bukti hidayat dan saranan-saranan keimanan yang terdapat pada kejadian diri manusia dan kejadian makhluk-makhluk yang lain di merata pelosok alam buana. Serentak dengan itu juga tugas Rasul ialah menggariskan kepada manusia satu sistem penerimaan (bimbingan dan arahan) yang betul dan menegakkan asas untuk dibinakan di atasnya satu sistem hidup amali yang membawa kepada kebaikan dunia dan Akhirat.

Peranan akal bukannya menjadi hakim terhadap agama dan ketetapan-ketetapannya (hukum-hukum dan pegangan-pegangannya) - sama ada betul atau salah, sama ada boleh diterima atau patut ditolak - apabila kesahihan ketetapan-ketetapan itu telah dipastikan terbit dari Allah dan segala maksudnya telah difahami, iaitu pengertian bahasa dan pengertian istilah bagi nas itu telah difahami. Andainya seseorang itu bebas untuk menerima atau menolak ketetapan-ketetapan itu setelah difahamkan maksudnya kerana ia tidak bersetuju dengan maksud itu atau kerana ia tidak mahu mengikut dan mematuhinya tentulah ia tidak wajar menerima hukuman Allah dengan sebab dosa keingkaran yang dilakukannya selepas ia mendapat penerangan yang jelas. Oleh itu jelaslah bahawa ia diwajibkan menerima ketetapan-ketetapan agama apabila sampai kepadanya dari sumber yang betul dan apabila akalnya memahami maksud dan tujuan ketetapan-ketetapan itu.

Agama yang dibawa oleh Rasul inilah yang berbicara dengan akal, dengan erti agama itulah yang menggerak dan menyedarkan akal, membimbingnya dan menegakkan methodologi berfikir yang betul bukannya akal itulah yang menilaikan agama dan menghukumkannya betul atau salahnya, boleh diterima atau patut ditolak. Apabila sesuatu nas itu thabit, maka itulah hukum dan kewajipan akal manusia ialah menerimanya, mematuhinya dan melaksanakannya sama ada maksud nas itu biasa kepadanya atau asing darinya.

Peranan akal di dalam perkara ini ialah berusaha memahami apakah maksud yang dikehendaki oleh nas dan apakah tujuan yang hendak disampaikan oleh nas itu mengikut pengertian ungkapan nas itu dari segi bahasa dan istilah. Sampai di sini berakhirlah peranan akal. Maksud yang betul bagi nas itu tidak boleh ditolak dengan keputusan akal, kerana nas itu adalah dari Allah, sedangkan akal bukannya tuhan yang berkuasa memutuskan betul atau salah, boleh diterima atau patut ditolak mana-mana nas yang datang dari Allah.

Imbangan Di Antara Peranan Akal Dan Peranan Agama

Pada noktah yang halus inilah banyak berlaku kekeliruan sama ada dari golongan mereka yang mahu mempertuhankan akal manusia, iaitu meletakkan akal sebagai hakim untuk bertindak memutuskan sama ada segala ketetapan (hukum-hukum dan pegangan-pegangan agama yang sahih itu betul atau salah, atau dari golongan mereka yang mahu menjatuhkan akal dan menafikan peranannya dalam keimanan dan hidayat. Jalan tengah yang betul ialah jalan yang kami telah huraikan di sini, iaitu agama berbicara dengan akal agar akal memahami ketetapan-ketetapan agama dan dalam waktu yang sama agama menggariskan kepada akal satu methodologi yang betul untuk memikirkan ketetapan-ketetapan agama dan urusan hidup seluruhnya. Apabila akal memahami ketetapan-ketetapan agama, iaitu memahami maksud yang dikehendaki oleh nas, maka tiada pilihan yang lain baginya melainkan mempercayai, mematuhi dan melaksanakan maksud nas itu. Agama tidak memaksa manusia mengamalkan ketetapan-ketetapan itu sama ada ia faham atau tidak faham. Begitu juga agama tidak membenarkan akal manusia mempertikaikan ketetapan-ketetapan itu apabila ia memahami ketetapan itu mengikut pengertian nas, iaitu mempertikaikan ketetapan-ketetapan itu sama ada boleh diterima atau patut ditolak atau untuk memutuskannya sama ada betul atau salah, sedangkan ia benar-benar mengetahui bahawa ketetapan-ketetapan itu adalah datang dari Allah yang tidak berfirman melainkan sesuatu yang benar dan tidak menyuruh melainkan sesuatu yang baik.

Methodologi yang betul dalam menerima perintah dari Allah ialah akal tidak seharusnya menghadapi ketetapan-ketetapan agama yang sahih - setelah ia memahami maksudnya - dengan pendapat-pendapat akal yang terdahulu dari ketetapan-ketetapan agama, iaitu pendapat-pendapat yang telah dibentuk oleh akal dengan kaedah-kaedah yang berdasarkan logik atau dibentuk dari pengamatan-pengamatannya yang terbatas atau dari pengalaman-pengalamannya yang tidak sempurna, malah metholodogi yang betul ialah akal harus menerima nas-nas yang sahih dan dari nas-nas inilah ia harus membentukkan pendapat-pendapatnya, kerana ketetapan-ketetapan dari nas-nas ini adalah lebih sahih dari pendapat-pendapat akal, dan kaedah ketetapan-ketetapan nas-nas itu adalah lebih betul dari kaedah logik akal - sebelum ia dinilai dengan neraca pandangan agama yang sahih. Oleh sebab itulah akal tidak seharusnya menghakimkan ketetapan-ketetapan agama - apabila ketetapan-ketetapan itu telah dipastikan datang dari Allah - kepada pendapat-pendapat yang lain yang dibentuk oleh akal.

Akal bukannya tuhan hingga berkuasa menggunakan pendapatnya untuk menghakimkan ketetapan-ketetapan Allah.

Batas-batas Dalam Mengeluarkan Pendapat-pendapat Terhadap Dasar-dasar Agama Dan Nas-nasnya

Akal boleh menyangkal mana-mana pendapat akal manusia yang lain terhadap sesuatu nas dengan pendapat aqli yang lain. Inilah lapangan yang diberikan kepada akal dan di sini tidak ada apa-apa kesalahan dan larangan kepada akal bertindak sedemikian selama dasar-dasar yang sahih itu terbuka kepada beberapa pentafsiran dan fahaman, kerana kebebasan mengeluarkan pendapat terhadap dasar-dasar agama yang sahih dengan kaedah-kaedah yang diakui oleh agama adalah terjamin kepada akal manusia di dalam bidang yang luas ini. Di sini tidak ada badan, tidak ada kuasa dan tidak ada tokoh yang berkuasa menahan kebebasan akal dalam memahami maksud yang thabit dengan nas yang sahih dan cara-cara mentatbiqkannya selama nas itu terbuka kepada beberapa pentafsiran dan pendapat dan selama pentafsiran itu dilakukan dalam lingkungan kaedah-kaedah yang betul dan methodologi yang betul yang diambil dari ketetapan-ketetapan agama. Ini juga suatu pengertian bahawa agama berbicara dengan akal.

Islam agama akal. Ini adalah benar dengan erti agama berbicara dengan akal dengan mengemukakan kepadanya persoalan-persoalan agama dan ketetapan-ketetapannya. Islam tidak memaksa akal dengan mu'jizat kebendaan yang tidak memberi ruang kepadanya selain dari menerima dan mengikut. Islam berbicara dengan akal dengan erti ia membetulkan cara akal berfikir dan mengajak akal merenungi dalil-dalil hidayat dan penyaran-penyaran keimanan yang terdapat pada kejadian diri manusia dan kejadian makhluk-makhluk yang lain di merata pelosok alam buana dengan tujuan untuk mengangkatkan timbunan sampah sarap kebiasaan dan kedunguan dari fitrah manusia dan menghapuskan timbunan sampah sarap kekotoran keinginan-keinginan nafsu yang menyesatkan fitrah dan akal manusia. Islam berbicara dengan akal dengan erti ia menyerahkan kepada akal tugas memahami maksud nas-nas yang membawa ketetapan-ketetapan Islam (hukum-hukum dan pegangan-pegangannya), Islam tidak memaksa akal beriman kepada nas yang ia tidak mengerti maksud dan tujuannya, oleh itu apabila akal sampai ke peringkat dapat memahami maksud-maksud nas dan menanggapi ketetapannya hingga tidak ada lagi pilihan yang lain kecuali menerima ketetapan itu, maka ia dianggap Mu'min atau ia menolak ketetapan-

ketetapan itu, maka ia dianggap kafir. Akal bukannya hakim yang berhak memutuskan betul atau salahnya ketetapan-ketetapan itu dan akal juga tidak diberi kebebasan menerima atau menolak ketetapan-ketetapan itu sebagaimana telah dikatakan oleh mereka yang mahu menjadikan akal selaku tuhan yang bebas menerima mana-mana ketetapan agama yang sahih yang disukainya dan menolak mana-mana ketetapan yang tidak disukainya. Yakni ia bebas memilih apa yang disukainya dan menolak apa yang tidak disukainya. Mereka yang berpendirian seperti ini telah dikecam oleh Allah dalam firman-Nya:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ

"Apakah kamu beriman kepada sebahagian kitab suci sahaja dan mengingkarkan sebahagian yang lain?"

(Surah al-Baqarah: 85)

Di sini Al-Qur'an menyifatkan perbuatan itu mengakibatkan kekafiran yang akan menerima balasan.

Oleh sebab itu apabila Allah S.W.T. menetapkan sesuatu hakikat mengenai alam buana atau mengenai manusia atau mengenai makhluk-makhluk yang lain atau apabila Allah menetapkan sesuatu mengenai perkara-perkara fardhu atau perkara-perkara larangan, maka segala apa yang telah ditetapkan Allah itu wajib diterima dan dipatuhi dari mereka yang menyampaikannya apabila dia memahami maksud dan tujuannya.

Misalnya apabila Allah S.W.T. berfirman:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ وَمِنَ ٱلْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ

"Allah telah menciptakan tujuh petala langit dan seperti itu juga Dia ciptakan bumi."

(Surah at-Talaq: 12)

أَوَلَمْ يَرَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَنَّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ
كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَٰهُمَا ۖ وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ
حَىٍّ

"Apakah tidak orang-orang yang kafir itu pernah berfikir bahawa langit dan bumi dahulunya merupakan satu benda yang padu lalu Kami pisahkan di antara keduanya dan Kami telah jadikan dari air segala makhluk yang hidup."

(Surah al-Anbia': 30)

وَٱللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَآبَّةٍ مِّن مَّآءٍ

"Dan Allah telah mencipta segala jenis haiwan dari air."

(Surah an-Nur:45)

خَلَقَ ٱلْإِنسَٰنَ مِن صَلْصَٰلٍ كَٱلْفَخَّارِ ﴿١٤﴾

وَخَلَقَ ٱلْجَآنَّ مِن مَّارِجٍ مِّن نَّارٍ ﴿١٥﴾

"Dialah yang telah menciptakan manusia dari tanah liat seperti tembikar dan Dialah yang telah menciptakan Jin dari pucuk api yang tidak berasap."

(Surah ar-Rahman: 14 & 15)

Dan lain-lain firman Allah mengenai tabi'at alam buana, tabi'at segala makhluk yang lain sama ada makhluk-makhluk yang bernyawa atau makhluk-makhluk yang tidak bernyawa, maka hakikat yang benar ialah hakikat yang dijelaskan oleh Allah, sedangkan akal tidak boleh berkata - apabila ia telah memahami maksud nas-nas dan ketetapan-ketetapan yang diwujudkan oleh nas itu - saya tidak menemui hakikat ini di dalam pegangan-pegangan saya atau di dalam ilmu pengetahuan saya atau di dalam pengalaman-pengalaman saya, kerana segala hakikat yang difikirkan oleh akal di dalam perkara ini adalah terdedah kepada salah dan betul, sedangkan hakikat yang ditetapkan Allah itu hanya mendukung hakikat yang benar dan yang betul belaka.

Apabila Allah S.W.T. berfirman:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

"Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir"

(Surah al-Ma'idah: 44)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَذَرُوا۟ مَا بَقِىَ مِنَ
ٱلرِّبَوٰٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾
فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ فَأْذَنُوا۟ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۖ
وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ
وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkanlah sisa-sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu benar orang-orang yang beriman (278). Dan jika kamu tidak melakukan (perintah itu) maka ketahuilah kamu perisytiharan perang dari Allah dan Rasul-Nya dan jika kamu bertaubat (dari mengambil riba) maka kamu berhak memperolehi harta pokok kamu. Kamu tidak boleh menganiayai dan tidak pula kamu boleh dianiayakan."(279)

(Surah al-Baqarah)

وَقَرْنَ فِى بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ
ٱلْأُولَىٰ

"Dan tetaplah di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah dahulu."

(Surah al-Ahzab: 33)

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ

"Dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka,"

(Surah an-Nur: 31)

dan sebagainya dari firman-firman Allah yang menyentuh sistem hidup manusia, maka hakikat yang benar di sini ialah hakikat yang telah dijelaskan oleh Allah, sedangkan akal manusia tidak boleh berkata: "Tetapi menurut pendapat saya yang lebih baik di dalam perkara ini ialah begini, begini" iaitu menurut pendapat-pendapat yang bertentangan dengan perintah Allah atau pendapat yang tidak diizinkan Allah atau tidak disyari'atkan Allah, kerana sesuatu yang dipandang baik oleh akal mungkin salah dan mungkin betul dan mungkin dipengaruhi oleh keinginan-keinginan nafsu, sedangkan hakikat yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. hanya mendukung hakikat yang benar dan yang betul belaka.

Segala apa yang dijelas dan ditetapkan Allah S.W.T. tentang 'aqidah-'aqidah, pandangan-pandangan, atau tentang cara hidup dan sistemnya adalah sama sahaja dalam pendirian akal terhadapnya apabila nasnya sahih dan maksudnya qat'ii dan tidak dibataskan dengan waktu yang tertentu. Oleh itu akal tidak boleh berkata: Saya boleh menerima 'aqidah-'aqidah dan syi'ar-syi'ar ta'abbudiyah itu, tetapi saya tidak dapat menerima cara dan sistem hidup itu kerana menurut pendapat saya zaman telah berubah, kerana andainya Allah hendak membataskan kuatkuasa nas-nas itu dengan masa yang tertentu sahaja tentulah Dia telah membataskannya. Oleh itu selama nas itu umum, maka seluruh masa adalah sama, tiada perbezaan di antara masa turunnya nas dengan masa akhirnya. (Dan konsep ini perlu) untuk mengelakkan dari bersikap terlalu berani mencabar Allah dan menuduh ilmu Allah sebagai kurang dan tidak sempurna. Maha Suci dan Maha Tinggi Allah setinggi-tingginya dari segala apa yang dikatakan mereka. Bidang ijtihad yang diberikan kepada akal ialah bidang ijtihad untuk memadan atau mentatbiqkan nas-nas umum ke atas kes-kes kecil (juz'i) bukannya ijtihad untuk menerima dasar yang umum itu atau menolaknya berlandaskan mana-mana pertimbangan logik akal di dalam mana-mana generasi.

Bidang-bidang Kegiatan Akal Yang Luas

Segala apa yang kami jelaskan itu tidak sedikitpun menjejaskan nilai akal dan peranannya di dalam kehidupan manusia, kerana lapangan ijtihad terbuka luas di hadapannya dalam bidang mentatbiqkan nas-nas ke atas kes-kes yang baru muncul apabila akal itu sejalan dengan methodologi berfikir dan dengan neraca-neraca pertimbangannya yang diambil dari agama Allah dan pengajarannya yang betul - dan lapangan ijtihad itu terbuka lebih luas lagi di hadapannya dalam bidang mengenal dan mengkaji tabi'at alam, tenaga-tenaga dan kekuatan-kekuatannya dan sumber-sumber simpanannya, iaitu mengkaji tabi'at kejadian-kejadian dan makhluk-makhluk yang hidup yang ada di alam ini dan mengambil manfa'at dari segala kejadian yang telah diciptakan Allah,[4] iaitu manfa'at dari alam, dari kejadian-kejadian yang ada dan dari makhluk-makhluk yang hidup dan berijtihad dalam usaha menyuburkan kehidupan, mengembang dan memajukannya dalam batas yang dikehendaki oleh sistem hidup Ilahi dan bukannya seperti yang dikehendaki oleh keinginan hawa nafsu yang menyesatkan akal dan menimbuskan fitrah dengan timbunan kekotoran.

* * * * * *

Dengan ungkapan yang menarik di bawah ini:

لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ ۚ

"Supaya manusia tidak mempunyai apa-apa alasan terhadap (hukuman) Allah setelah diutuskan rasul-rasul itu,"(165)

Tanggungjawab Rasul Dan Pengikut-pengikut

kita berdepan pula dengan tanggungjawab agung yang diletakkan ke atas bahu para rasul - Salawatullahi Alayhim - dan ke atas bahu pengikut-pengikut mereka selepas mereka dari para Mu'minin yang beriman kepada risalah-risalah yang dibawa mereka. Itulah tanggungjawab yang amat berat dan amat besar.

Nasib seluruh umat manusia sama ada di alam dunia atau di alam Akhirat adalah bergantung kepada para rasul dan pengikut-pengikut mereka selepas peninggalan mereka dan di atas landasan ajaran dan bimbingan yang disampaikan mereka kepada manusia inilah terletaknya kebahagiaan atau kecelakaan umat manusia dan berdasarkan landasan ini juga mereka menerima pahala atau balasan 'azab di dunia dan di Akhirat.

Itulah satu hakikat yang amat besar dan oleh kerana itulah para rasul - semoga Allah cucuri rahmat ke atas mereka - merasa betapa beratnya tugas mereka di samping itu Allah S.W.T. telah menyedarkan mereka tentang hakikat tanggungjawab yang telah diletakkan ke atas bahu mereka dan inilah yang dimaksudkan Allah dalam firman-Nya yang berikut kepada Rasulullah s.a.w.:

إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

---

4 *Lihat huraian bab "Ar-Rabbaniyah" dalam buku: "* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته *" bahagian yang pertama.*

"Sesungguhnya Kami akan turunkan kepadamu firman-firman yang berat."

(Surah al-Muzzammil : 5)

Dan Allah mengajar beliau bagaimana hendak menyediakan diri untuk memikul tugas itu:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾ قُمِ ٱلَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ نِّصْفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصْ
مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ ٱلْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾ إِنَّا
سَنُلْقِى عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

"Wahai orang yang berselimut (1). Bangunlah (mendirikan solat) di malam hari kecuali sedikit waktu darinya (2). Iaitu separuh malam atau kurangkan sedikit darinya (3). Atau tambahkan lebih dari separuh dan bacalah Al-Qur'an dengan bacaan yang teliti (4). Sesungguhnya Kami akan turunkan kepadamu firman-firman yang berat."(5)

(Surah al-Muzzammil : 1-5)

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ تَنزِيلًا ﴿٢٣﴾
فَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ ءَاثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾
وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾
وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَٱسْجُدْ لَهُۥ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

"(Wahai Muhammad) sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan beransur-ansur (23). Oleh itu sabarlah (menunggu) keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka (24). Dan sebutlah nama Tuhanmu (sembahyang) pagi dan petang (25). Dan di waktu malam sujudlah kepada-Nya (sembahyanglah) dan bertasbihlah kepada-Nya di malam hari yang panjang (sembahyang Tahajud)."(26)

(Surah al-Insan : 23 - 26)

Dan tanggungjawab inilah juga yang disedarkan Allah kepada Rasulullah s.a.w. apabila Dia memerintah beliau supaya berkata dan menghayati hakikat yang dikatakannya itu dalam ayat-ayat yang berikut:

قُلْ إِنِّى لَن يُجِيرَنِى مِنَ ٱللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِن دُونِهِۦ
مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾
إِلَّا بَلَٰغًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِسَٰلَٰتِهِۦ

"Katakanlah sesungguhnya aku tiada seseorang pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari-Nya.(22). (Aku tidak berkuasa) kecuali menyampaikan perutusan dari Allah dan amanah-Nya (23). "

(Surah al-Jin : 22 - 23)

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾
إِلَّا مَنِ ٱرْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُۥ يَسْلُكُ مِنۢ بَيْنِ
يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ رَصَدًا ﴿٢٧﴾
لِّيَعْلَمَ أَن قَدْ أَبْلَغُوا۟ رِسَٰلَٰتِ رَبِّهِمْ وَأَحَاطَ بِمَا
لَدَيْهِمْ وَأَحْصَىٰ كُلَّ شَىْءٍ عَدَدًۢا ﴿٢٨﴾

"Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaibnya itu kepada sesiapa pun (26). Melainkan kepada Rasul yang dipilih oleh-Nya dan sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat di hadapan dan di belakangnya (27). Agar Dia mengetahui bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka dan Dia mengetahui segala apa yang ada pada mereka dan Dia menghitungkan segala sesuatu satu persatu."(28)

(Surah al-Jin : 26 - 28)

Itulah tanggungjawab yang amat besar terhadap nasib umat manusia seluruhnya, iaitu nasib hidup mati mereka, nasib kebahagiaan dan kecelakaan mereka, nasib pahala dan balasan seksa mereka. Itulah nasib umat manusia. Andainya mereka menerima agama yang disampaikan kepada mereka dan mematuhinya, mereka akan mencapai kebahagiaan di dunia dan di Akhirat dan sebaliknya jika mereka menolak dan mencampakkannya, mereka akan ditimpa kecelakaan di dunia dan Akhirat dan andainya da'wah agama itu tidak disampaikan kepada mereka, maka mereka mempunyai hujjah dan alasan di hadapan Allah dan tanggungjawab kecelakaan dan kesesatan mereka adalah terletak di atas bahu mereka yang berkewajipan menyampaikan da'wah, tetapi tidak menyampaikannya.

Para Rasulullah - Allah cucuri rahmat ke atas mereka - telah pun menunaikan amanah mereka dan menyampaikan agama Allah dan mereka telah kembali kepada Allah setelah selesai menyempurnakan tanggungjawab mereka yang amat berat itu. Mereka bukan sahaja menyampaikan agama Allah itu dengan lisan mereka, malah dengan memberi contoh teladan yang baik dalam segala tindak-tanduk mereka dan dengan perjuangan mereka yang gigih siang dan malam untuk menghapuskan rintangan-rintangan yang wujud di jalan da'wah sama ada rintangan-rintangan itu dalam bentuk keraguan-keraguan, kekeliruan dan kefahaman-kefahaman yang sesat dan menyeleweng yang di ada-adakan atau dalam bentuk kuasa-kuasa yang zalim yang menghalang manusia dari menerima da'wah dan menindas mereka supaya meninggalkan agama itu sebagaimana telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Khatamun-nabiyin. Tetapi walaupun beliau merupakan Rasul yang terakhir dan walaupun agama yang dibawanya merupakan agama yang

terakhir namun beliau tidak hanya cukup dengan usaha menghapuskan rintangan-rintangan itu dengan lisan beliau sahaja, malah beliau juga berjuang menghapuskan rintangan-rintangan itu dengan mata tombak dan lembing sehingga:

لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ لِلَّهِ

"Tidak ada lagi penindasan dan sehingga agama itu untuk Allah semata-mata."

(Surah al-Baqarah: 193)

Kemudian kewajipan yang berat itu kekal membebani bahu penda'wah-penda'wah selepas beliau, iaitu para Mu'minin yang beriman kepada agama yang dibawa olehnya. Di sana generasi demi generasi datang dan pergi selepas Rasulullah s.a.w. dan tanggungjawab menyampaikan da'wah kepada generasi-generasi ini adalah terbeban di atas bahu para pengikut beliau. Mereka tidak dapat melepaskan diri dari tanggungjawab yang berat ini, iaitu tanggungjawab menegakkan hujjah dan alasan Allah terhadap manusia dan tanggungjawab menyelamatkan manusia dari 'azab Akhirat dan kecelakaan hidup di dunia, mereka tidak dapat menghindarkan diri melainkan berusaha menyampaikan da'wah dan menunaikan amanah Ilahi itu mengikut cara yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam rangka usaha beliau menyampaikan da'wah dan menunaikan amanat Ilahi. Kerasulan tetap kerasulan, manusia tetap manusia dan di sana terdapat kesesatan-kesesatan, kekeliruan-kekeliruan dan keinginan-keinginan nafsu. Di sana juga terdapat kuasa-kuasa zalim yang menghalangkan manusia dari da'wah Allah dan memalingkan mereka dari agama mereka dengan usaha-usaha penyesatan dan tindakan-tindakan kekerasan: Kedudukan tetap kedudukan, halangan tetap halangan dan manusia tetap manusia.

Da'wah pasti disampaikan dan da'wah Allah pasti ditunaikan. Ia pasti disampaikan dengan penerangan dan penjelasan di samping disampaikan dengan contoh teladan amalan dan perilaku supaya diri para mubaligh itu sendiri merupakan terjemahan dan gambaran yang hidup dan realistik dari ajaran-ajaran yang disampaikan mereka. Ia pasti disampaikan dengan perjuangan menghapuskan rintangan-rintangan yang wujud di tengah jalan da'wah, iaitu rintangan-rintangan yang menindas manusia dengan kepercayaan-kepercayaan yang karut dan dengan kekuatan dan kekerasan. Jika tidak, maka tiada penyampaian da'wah dan penunaian amanah Ilahi.

Da'wah dan tabligh merupakan satu kewajipan yang tidak mungkin dihindari dan pasti dipikul. Jika tidak, mereka akan memikul tanggungjawab yang amat berat, iaitu tanggungjawab terhadap kesesatan dan kecelakaan manusia seluruhnya di dunia ini, juga tanggungjawab terhadap gugurnya hujjah dan alasan Allah terhadap manusia di Akhirat. Mereka juga akan memikul semua tanggungiawab dan mereka tidak akan selamat lagi dari Neraka.

Siapakah yang sanggup memperkecil-kecilkan tanggungjawab ini? Sedangkan tanggungjawab itu amat berat, mematahkan belakang, menggerunyutkan otot-otot dan menggoncangkan sendi-sendi anggota.

Menunaikan Penyaksian Terhadap Kebenaran

Orang yang mengaku dirinya sebagai seorang "Muslim" adalah berkewajipan menyampaikan da'wah dan menunaikan amanah Allah. Jika tidak, maka dia tidak akan selamat di dunia dan di Akhirat. Andainya dia mengaku dirinya "Muslim" tetapi dia tidak bertindak menyampaikan da'wah dan menunaikan amanat Ilahi dengan segala bentuknya itu, maka ini bererti ia membuat penyaksian yang menentang Islam yang telah diakuinya bukannya menunaikan penyaksian terhadap Islam yang merealisasikan kehendak yang diterangkan Allah dalam firman-Nya:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ
عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

"Demikianlah pula Kami telah jadikan kamu satu umat yang adil supaya kamu menjadi saksi terhadap manusia dan supaya Rasulullah menjadi saksi terhadap kamu." [5]

(Surah al-Baqarah:143)

Penyaksiannya terhadap keunggulan Islam harus dimulakan dengan menjadikan dirinya sendiri, anak isterinya dan keluarganya gambaran atau pencerminan realistik dari agama Islam yang dida'wahkan olehnya. Kemudian langkah yang kedua bagi penyaksiannya ialah berusaha menyampaikan da'wah kepada orang ramai selepas menyampaikan da'wah kepada rumahtangga dan keluarga sendiri untuk menghakikatkan Islam dalam seluruh bidang kehidupan mereka yang merangkul bidang keperibadian, kemasyarakatan, perekonomian dan politik. Kemudian penyaksiannya harus berakhir pula dengan perjuangan untuk menghapus segala rintangan-rintangan yang menyesat dan mengelirukan manusia biarpun apa sahaja bentuknya dan andainya ia gugur dalam perjuangan itu, maka ia dianggap seorang wira yang syahid yang telah menunaikan penyaksiannya terhadap agamanya dan berjalan pulang kepada Allah. Ya, Dialah satu-satunya wira "yang syahid".

* * * * * *

Pada akhir perjalanan marilah kita berhenti dengan khusyu' di hadapan kebesaran dan keagungan Allah yang tergambar pada ilmu-Nya, naungan-Nya, limpah kurnia-Nya, rahmat dan kebaikan-Nya terhadap makhluk insan yang kufur dan melampaui batas.

---

5 *Lihat buku "شهادة الحق" oleh asy-Sayid Abul A'la' al-Maududi Amir al-Jama'ah Islamiyah, Pakistan.*

Marilah kita berhenti dan merenungi betapa mendalamnya ilmu Allah terhadap kejadian makhluk insan yang dilengkapkan dengan berbagai-bagai tenaga kekuatan dan dengan tabi'at atau daya semulajadi yang mempunyai kesediaan-kesediaan menerima hidayat dan kesesatan. Di sini kita melihat betapa mendalamnya ilmu Allah apabila Dia tidak menyerahkan makhluk insan ini kepada pimpinan akalnya sahaja walaupun akal yang dikurniakan kepadanya itu adalah satu alat berfikir yang amat agung dan walaupun pada kejadian diri insan itu sendiri dan kejadian makhluk-makhluk yang lain di merata pelosok alam buana ini terdapat sebegitu banyak bukti-bukti hidayat dan pencetus-pencetus keimanan, kerana Allah mengetahui bahawa alat yang agung ini sentiasa terancam kepada gangguan dan penguasaan keinginan-keinginan dan kecenderungan-kecenderungan hawa nafsu dan mengetahui bahawa bukti-bukti hidayat dan keimanan yang bertaburan di merata pelosok alam dan pada kejadian diri insan itu sendiri kadang-kadang terhijab kerana dilindungi oleh desakan kehendak-kehendak dan keinginan nafsu dan oleh kejahilan dan kelemahan-kelemahan dan justeru itulah Allah tidak menyerah kepada akal insan tanggungjawab hidayat dan kesesatan melainkan setelah diutuskan Rasul dan diberi penerangan-penerangan yang jelas dan Allah juga tidak menyerah kepada akal insan setelah diberi hidayat dan penjelasan - tugas mengaturkan sistem hidupnya, malah Dia hanya menyerahkan kepadanya tugas melaksana dan mengamalkan sistem hidup yang telah sedia diaturkan oleh Allah untuk insan. Namun demikian, Allah memberi kebebasan penuh kepada akal insan untuk bergiat dalam bidang-bidang yang lain darinya, iaitu bidang kerajaan Ilahi (kejadian alam) yang amat luas, di mana mereka bebas mencipta dan merekakan apa sahaja yang disukai mereka, bebas mengubah, mengatur dan menyusun apa sahaja yang diingini mereka dan bebas membuat apa sahaja analisa yang dikehendaki mereka untuk mengambil faedah dan manafaat dari kejadian-kejadian yang wujud dalam kerajaan Ilahi yang memang telah diciptakan Allah untuk mereka. Inilah bidang di mana akal insan boleh terdedah kepada salah dan betul, dan kakinya boleh tergelincir dan berjalan di atas jalan yang lurus.

Marilah kita berhenti dan melihat betapa agungnya keadilan yang telah memberi hujjah dan alasan kepada manusia terhadap Allah s.w.t. sekiranya Dia tidak mengutuskan para rasul untuk menyampaikan berita gembira dan amaran-amaran kepada mereka, walaupun kitab alam yang terbuka dan kitab kejadian diri insan yang tersembunyi itu penuh dengan bukti-bukti dan dalil-dalil yang menyarankan kewujudan Allah, membayangkan sifat keesaan-Nya, menggambarkan kehalusan tadbir dan taqdir-Nya dan mencerminkan qudrat dan ilmu-Nya Yang Maha Mendalam, walaupun fitrah manusia penuh dengan perasaan-perasaan rindu dan bisikan-bisikan untuk berhubung dan menyerahkan diri kepada Khaliq penciptanya juga penuh dengan hubungan-hubungan yang selaras, serasi dan mesra di antaranya (fitrah insan) dengan bukti-bukti kewujudan Allah di dalam kejadian alam buana dan dalam kejadian diri insan dan walaupun akal yang dikurniakan Allah kepada insan itu mampu mengumpulkan bukti-bukti dan membuat kesimpulan-kesimpulan terhadap kewujudan Allah. Tetapi oleh sebab Allah S.W.T. mengetahui faktor-faktor kelemahan yang menggugatkan keupayaan akal dan fitrah hingga boleh melumpuhkan fungsinya atau merosakkannya atau memusnahkannya atau memasukkannya ke dalam penilaian-penilaiannya, kesalahan-kesalahan dan penyelewengan-penyelewengan, maka Allah telah memaafkan manusia dari kekuatan hujjah dari alam buana, hujjah-hujjah dari fitrah dan akal selama Dia tidak mengutuskan kepada mereka para rasul-Nya untuk menyelamatkan seluruh jentera (akal dan fitrah) itu dari dikarati oleh kekotoran-kekotoran dan untuk membolehkan manusia menjaga dan mengawal jentera-jentera itu dengan neraca-neraca Ilahi yang benar yang terdapat dalam risalah yang dibawa oleh para rasul itu agar semua penilaian dan keputusan yang dibuat oleh jentera-jentera ini betul dan tepat. Dan perjalanan-perjalanan jentera-jentera ini akan tetap betul selama ia berfungsi mengikut peraturan sistem hidup Ilahi dan ketika inilah sahaja - selepas pengiriman Rasul - manusia wajar beriman dan ta'at atau gugurnya hujjah-hujjah dan alasan mereka yang mewajarkan mereka menerima hukuman seksa dari Allah.

Keadilan Ilahi

Marilah kita berhenti dan melihat betapa besarnya naungan, limpah kurnia rahmat dan kebaikan Allah terhadap makhluk insan yang telah dipilih dan dimuliakannya walaupun Dia mengetahui kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangannya. Allah telah memuliakannya dengan menyerahkan kepadanya teraju khilafah atau pentadbiran dan pemerintahan kerajaan bumi yang amat luas ini. Dan bumi yang besar ini dibandingkan kepada manusia adalah satu kerajaan yang amat luas. Manusia dalam kerajaan Allah hanya merupakan sebiji debu yang akan hilang begitu sahaja di dalam kerajaan-Nya yang maha agung dan luas ini andainya ia tidak dipegang dan dikawal oleh tangan qudrat Allah.

Kemudian naungan-naungan limpah kurnia dan limpah kebaikan-Nya yang maha luas menghendaki agar tidak membiarkan manusia dipandu oleh fitrah yang dilengkapkan di dalam jiwanya sahaja kerana walaupun fitrah itu mampu memberi pertunjuk namun ia mungkin musnah (tidak dapat berfungsi) atau dipandu oleh akalnya sahaja, kerana walaupun ia mampu memberi bimbingan, namun ia mungkin sesat, malah Allah melimpahkan kurnia-Nya kepada mereka dengan mengutuskan para rasul-Nya silih berganti dan walaupun manusia mendustakan rasul-rasul itu dan menentang mereka dengan penuh

kedegilan dan walaupun manusia terus sesat dan menjauhkan diri dari hidayat Allah, namun Allah tidak terus menghukumkan mereka dengan kesalahan-kesalahan dan dosa-dosa yang telah dilakukan mereka, tidak terus bertindak menahankan kebaikan dan limpah kurnia-Nya dan tidak terus menafikan hidayat-Nya di tangan para rasul yang menyampaikan hidayat itu. Seterusnya Allah tidak mengazabkan manusia baik di dunia mahupun di Akhirat sehingga da'wah Allah itu disampaikan oleh para rasul-Nya kepada mereka lalu mereka menolak dan ingkar dan akhirnya mati dalam keadaan kafir tanpa bertaubat kepada-Nya.

Percubaan Manusia Menolak Allah Dan Hidayat-Nya

Di antara gelagat yang aneh dan pelik ialah manusia dilalui satu zaman, di mana mereka mendakwa dirinya tidak memerlukan Allah dan tidak pula memerlukan naungan, limpah kurnia, limpah rahmat dan kebaikan-Nya dan seterusnya tidak memerlukan hidayat-Nya, agama-Nya dan para rasul-Nya. Mereka merasa cukup dengan akal mereka sahaja, sedangkan Allah mengetahui bahawa akal tidak cukup untuk memberi bimbingan yang betul selama ia tidak berfikir dan menilai dengan peraturan-peraturan Allah dan Allah tidak mengenakan hukuman ke atas mereka kecuali sesudah diutuskan Rasul dan diberi penerangan yang jelas kepada mereka. Di sini kita ternampak gambaran seorang kanak-kanak yang baru merasa dua kakinya mempunyai sedikit tenaga kekuatan lalu terus berlari menjauhkan diri dari tangan orang yang memapahkannya untuk berjalan terhuyung-hayang dan terus rebah tergelincir, tetapi kanak-kanak dalam perbandingan ini adalah lebih berakal dan lebih patuh kepada fitrahnya, kerana dengan percubaannya untuk membebaskan diri dari tangan orang yang memapahkannya itu bererti ia menyambut panggilan fitrahnya supaya mengemblengkan seluruh kekuatan yang ada pada dirinya dan menyuburkan daya-daya kebolehan yang boleh disuburkannya dan supaya melatihkan otot-otot dan saraf-sarafnya yang boleh subur dan bertambah kuat dengan latihan-latihan, tetapi manusia pada hari ini menepiskan tangan papahan dan bimbingan Allah dan menjauhkan pimpinan hidayat-Nya, sedangkan Allah S.W.T. mengetahui bahawa struktur kejadian manusia dengan segala daya tenaganya tidak mempunyai kekuatan yang tersembunyi yang membolehkan mereka menepiskan tangan bimbingan dan hidayat Allah. Setinggi-tinggi daya, kekuatan akal manusia hanya boleh dicapai apabila ia memimpin, memandu, menunjuk, mengawal dan berjalan lurus dengan bersuluhkan risalah Allah. Sebaliknya akal akan sesat, menyeleweng dan kacau apabila ia cuba berdikari dan menjauhkan hidayat Allah.

Adalah satu tanggapan yang salah dan sesat - jika ia bukannya satu penipuan dan pengeliruan - setiap dakwaan yang mengatakan bahawa akal-akal yang besar atau akal-akal yang amat bijak mempunyai kemampuan untuk sampai - tanpa perantaraan risalah Allah - kepada matlamat-matlamat yang dicapai oleh akal dengan perantaraan risalah Allah, kerana akal yang dapat berfungsi dengan betul bersama risalah Allah - dengan menggunakan methodologi penelitian yang betul justeru itu apabila ia tersilap dalam aplikasi maka kesilapan itu sama dengan kesilapan sebuah jam yang dibetul kemudian perjalanannya tergugat akibat kesan-kesan udara atau lain-lain faktor yang mempengaruhinya atau tergugat kerana tabi'at logam jam itu terpengaruh kepada faktor itu, bukannya seperti kesilapan sebuah jam yang tidak pernah dibetul, malah dibiarkan berfungsi secara tidak keruan atau sembarangan sahaja. Tentulah di antara dua buah jam itu terdapat perbezaan yang amat jauh.

Akal-akal Bijak Pandai Yang Besar Tidak Berupaya Menemui Hakikat-hakikat Yang Diturunkan Oleh Risalah

Sebagai bukti bahawa apa yang dicapai dengan perantaraan risalah Allah - melalui akal itu sendiri - tidak mungkin dicapai dengan perantaraan yang lain dan kerana itu risalah Allah amat diperlukan oleh akal. Sejarah manusia tidak pernah merakamkan bahawa salah satu dari akal yang besar yang jarang ditemui telah berjaya mencapai apa yang telah dicapai oleh akal-akal biasa dengan perantaraan risalah Allah dalam mana-mana bidang sekalipun sama ada dalam bidang kefahaman i'tiqad atau bidang akhlak atau bidang sistem hidup atau dalam mana-mana bidang peraturan dari sistem ini.

Akal-akal Plato dan Aristotles tidak syak lagi adalah dari akal-akal besar dan agung, malah mereka mendakwa bahawa akal Aristotle adalah sebesar-besar akal yang pernah diketahui oleh manusia sedangkan ia jauh dari agama dan hidayat Allah, tetapi apabila kita semak kefahamannya terhadap tuhannya sebagaimana yang telah dihuraikan olehnya nescaya kita dapati satu jurang perbezaan yang amat luas di antara kefahamannya dengan kefahaman seorang Muslim biasa terhadap Allah dengan berpandukan risalah Allah.

Di zaman Mesir purbakala Akhnatun telah berjaya sampai kepada tauhid, tetapi walau sekalipun diketepikan kemungkinan baginda terpengaruh kepada 'aqidah tauhid di dalam risalah Allah yang dibawa oleh Ibrahim a.s. dan di dalam risalah Allah yang dibawa oleh Yusuf a.s., namun jurang dan dongeng-dongeng yang wujud di dalam 'aqidah Akhnatun itu telah mewujudkan satu jarak perbezaan yang terlalu jauh di antara 'aqidah tauhid baginda dengan tauhid seseorang Muslim biasa terhadap Allah.

Dalam bidang akhlak kita dapati di zaman permulaan Islam ketika Islam menguasai jiwa manusia - contoh-contoh golongan manusia (yang mempunyai akhlak yang tinggi) yang dididik oleh Rasulullah s.a.w. yang tidak dapat dicapai oleh individu-individu luar biasa di sepanjang sejarah dari mereka yang tidak dididik oleh agama Allah.

Dalam bidang dasar-dasar, peraturan-peraturan dan undang-undang kita sekali-kali tidak dapat menemui unsur-unsur keselarasan, keseimbangan dan keluhuran seperti yang kita temui di dalam dasar-dasar, peraturan-peraturan dan undang-undang Islam. Begitu juga kita sekali-kali tidak dapat menemui masyarakat yang dibentuk oleh Islam itu berulang-ulang sama ada di zamannya atau sebelum zamannya atau selepas zamannya di negeri yang lain dengan ciri-ciri keseimbangan dan keselarasannya, kemudahan dan keselesaan hidupnya.

Yang menjadi ukuran di sini bukannya taraf tamadun kebendaannya, kerana tamadun kebendaan itu berkembang subur dan maju mengikut perkembangan alat-alat dan wahana-wahana yang diciptakan oleh kemajuan ilmu pengetahuan, tetapi ukuran kemajuan hidup di mana-mana zaman sekalipun ialah keselarasan dan keseimbangan di antara segala bahagian atau strukturnya dan di antara jentera-jentera dan peraturan-peraturannya. Keseimbangan inilah yang mewujudkan kebahagiaan dan ketenteraman dan keseimbanganlah yang melepaskan segala daya tenaga manusia agar ia dapat berfungsi tanpa tekanan dan tanpa keterlaluan di dalam mana-mana aspeknya yang banyak itu. Zaman keemasan yang telah hidup dengan Islam dengan sempurnanya itu tidak mungkin dicapai oleh umat manusia - tanpa risalah Allah - di dalam mana-mana zaman pun. Kekacauan dan ketidak seimbangan merupakan ciri tetap kehidupan manusia yang tidak dikendalikan di bawah naungan Islam biar bagaimana sekalipun kehidupan itu menempa kecemerlangan dan kemajuan di dalam setengah-setengah aspeknya, kerana cahaya kecemerlangan aspek-aspek itu hanya tercetus untuk memadamkan cahaya kecemerlangan aspek-aspek yang lain. Aspek-aspek itu bertambah maju dengan mengorbankan aspek-aspek yang lain. Ini mengakibatkan keadaan umat manusia hidup terumbang-ambing, tidak keruan dan menderita.[6]

Setakat inilah sahaja kita berhenti memperkatakan tentang saranan-saranan yang kuat dan mendalam yang ditimbulkan di dalam hati kita oleh firman Allah:

رُّسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ
عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةٌۢ بَعْدَ ٱلرُّسُلِ

"Iaitu rasul-rasul yang menyampaikan berita gembira dan memberi amaran supaya manusia tidak mempunyai apa-apa alasan terhadap (hukuman) Allah setelah diutuskan rasul-rasul itu"(165)

agar kita terus memasuki ke dalam pembicaraan rangkaian ayat-ayat yang berikut:

لَّٰكِنِ ٱللَّهُ يَشْهَدُ بِمَآ أَنزَلَ إِلَيْكَ ۖ أَنزَلَهُۥ بِعِلْمِهِۦ ۖ
وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَشْهَدُونَ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًا ﴿١٦٦﴾

"Tetapi Allah mengakui Al-Qur'an Yang diturunkan kepada engkau, iaitu Dia telah menurunkannya dengan ilmu-Nya dan para malaikat juga turut mengakuinya dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi."(166)

Pengakuan Allah Terhadap Risalah Muhammad

Apabila kaum Ahlil-Kitab mengingkarkan kerasulan yang akhir ini, sedangkan ia berlaku mengikut Sunnatullah yang mengirimkan para rasul kepada manusia sebagai penyampai berita gembira dan sebagai pemberi amaran dan peringatan supaya mereka tidak mempunyai apa alasan dan hujjah terhadap hukuman Allah selepas diutuskan para rasul itu, dan sedangkan kaum Ahlil-Kitab telah pun mengi'tirafkan rasul-rasul yang datang sebelum Muhammad s.a.w., iaitu kaum Yahudi telah mengi'tirafkan rasul-rasul sebelum 'Isa a.s. dan kaum Nasara juga telah mengi'tirafkan rasul-rasul itu di samping mengi'tirafkan 'Isa a.s. yang telah dipertuhankan oleh mereka... oleh itu apabila mereka mengingkarkan kerasulan engkau (wahai Muhammad), maka janganlah engkau risaukan mereka. Biarlah mereka ingkar tetapi:

لَّٰكِنِ ٱللَّهُ يَشْهَدُ بِمَآ أَنزَلَ إِلَيْكَ ۖ أَنزَلَهُۥ بِعِلْمِهِۦ ۖ
وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَشْهَدُونَ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًا ﴿١٦٦﴾

"Tetapi Allah mengakui Al-Qur'an yang diturunkan kepada engkau, iaitu Dia telah menurunkannya dengan ilmu-Nya dan para malaikat juga turut mengakuinya dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi."(166)

Dengan pengakuan dari Allah dari para malaikat termasuk malaikat yang membawa pengakuan ini kepada Rasulullah s.a.w. gugurlah segala tuduhan yang diluahkan oleh kaum Ahlil-Kitab terhadap beliau. Apakah yang hendak dirisaukan dari mereka, sedangkan Allah telah memberi pengakuan-Nya dan para malaikat juga turut memberi pengakuan yang sama? Dan sedangkan pengakuan Allah sahaja pun sudah cukup?

Pengakuan ini merupakan hiburan kepada Rasulullah s.a.w. yang telah mengalami kesulitan akibat tipudaya dan kedegilan kaum Yahudi.

Pengakuan ini juga merupakan suatu pengesahan dan pengukuhan yang memberi keyakinan dan ketenteraman kepada kaum Muslimin - di zaman awal mereka - yang menghayati Islam di Madinah untuk menghadapi kempen-kempen kaum Yahudi yang begitu hebat hingga dibicarakan oleh Al-Qur'an dengan berbagai-bagai gaya dan uslub di samping berbagai-bagai saranan untuk menolak dan menghapuskannya.

* * * * * *

---

6 *Lihat huraian yang panjang lebar dalam buku* "الاسلام ومشكلات الحضارة" *bab* "تخبط واضطراب".

(Pentafsiran ayat-ayat 167 - 169)

Ketika ini datanglah amaran Allah yang ditujukan kepada pengingkar-pengingkar itu pada tempatnya yang wajar setelah menjelaskan pengakuan Allah S.W.T. dan pengakuan para malaikat-Nya terhadap kedustaan, kedegilan dan penyelewengan mereka.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوا عَن سَبِيلِ اللَّهِ قَدْ ضَلُّوا ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١٦٧﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَظَلَمُوا لَمْ يَكُنِ اللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ طَرِيقًا ﴿١٦٨﴾

إِلَّا طَرِيقَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ﴿١٦٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan menghalangkan orang lain dari jalan Allah telah sesat dalam kesesatan yang amat jauh (167). Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan berlaku zalim maka Allah sekali-kali tidak akan memberi keampunan kepada mereka dan tidak akan menunjukkan jalan hidayat kepada mereka (168). Kecuali jalan ke Neraka Jahannam di sana mereka hidup kekal abadi dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah."(169)

Sifat-sifat dan penjelasan-penjelasan itu walaupun berbentuk umum adalah pertama-tamanya tepat dengan sifat-sifat kaum Yahudi dan sikap mereka terhadap agama Islam dan para pemeluknya, malah terhadap seluruh agama samawi yang benar sama ada generasi Yahudi yang semasa dengan zaman permulaan lahirnya fajar da'wah Islam di Madinah atau generasi Yahudi yang hidup di zaman dahulu sejak zaman Musa a.s. atau generasi-generasi Yahudi yang hidup selepas generasi-generasi itu hingga sampai ke zaman kita pada hari ini kecuali segolongan kecil sahaja dari keturunan Yahudi yang telah membuka pintu hati mereka kepada hidayat dan mendapat hidayat dari Allah.

Kaum Yahudi dan orang-orang yang mempunyai sifat-sifat yang sama dengan mereka, iaitu sifat kafir dan menahan orang lain dari agama Allah telah terjerumus ke dalam kesesatan yang amat jauh, iaitu sesat dari hidayat dan sesat dari jalan hidup yang lurus. Mereka sesat dalam pemikiran, sesat dalam kefahaman dan kepercayaan. Mereka sesat dalam perilaku, sesat dalam kehidupan bermasyarakat dan sesat dalam peraturan dan undang-undang. Mereka sesat di dunia dan sesat di Akhirat. Mereka telah terlalu jauh terjerumus di dalam kesesatan hingga mereka tidak dapat diharap lagi untuk pulang ke pangkuan hidayat.

قَدْ ضَلُّوا ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١٦٧﴾

"Mereka telah sesat dalam kesesatan yang amat jauh."(167)

Ayat yang berikut menyifatkan mereka dengan sifat kasar dan digandingkan pula dengan sifat zalim.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَظَلَمُوا

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan berlaku zalim."(168)

Kekafiran Ialah Kezaliman

Kekafiran itu sendiri merupakan suatu perbuatan yang zalim, iaitu zalim terhadap kebenaran, zalim terhadap diri sendiri dan zalim terhadap manusia. Al-Qur'an seringkali mengungkapkan kekafiran itu sebagai suatu kezaliman seperti firman-Nya:

إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya perbuatan mempersekutukan Allah itu adalah suatu kezaliman yang amat besar."

(Surah Luqman: 13)

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan peraturan yang telah diturunkan Allah, maka merekalah orang-orang yang zalim."

(Surah al-Ma'idah: 45)

setelah dijelaskan dalam ayat sebelumnya bahawa mereka adalah orang-orang kafir (akan diterangkan nanti pada tempatnya dalam juzu' ini dalam Surah al-Ma'idah). Mereka bukan sahaja melakukan kezaliman syirik, malah mercka melakukan kezaliman menyekat orang lain dari agama Allah. Mereka telah bertindak keterlaluan di dalam kekafiran dan kezaliman dan justeru itulah Allah telah menetapkan dengan keadilan-Nya balasan akhir untuk mereka:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَظَلَمُوا لَمْ يَكُنِ اللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ طَرِيقًا ﴿١٦٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan berlaku zalim, maka Allah sekali-kali tidak akan memberi keampunan kepada mereka dan tidak akan menunjukkan jalan hidayat kepada mereka."(168)

إِلَّا طَرِيقَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا

"Kecuali jalan ke Neraka Jahannam di sana mereka hidup kekal abadi." (169)

Tidaklah lagi wajar bagi Allah S.W.T. mengampunkan orang-orang yang seperti mereka setelah mereka begitu jauh menjerumuskan diri di dalam kesesatan dan memusnahkan segala jalan yang membawa keampunan kepada diri mereka, dan tidaklah lagi wajar bagi Allah S.W.T. menunjukkan kepada mereka suatu jalan yang lain kecuali jalan menuju ke Neraka Jahannam, kerana mereka sendiri telah memusnahkan segala jalan yang membawa kepada hidayat dan menolak segala jalan di hadapan

mereka kecuali jalan menuju ke Neraka Jahannam. Mereka telah terlalu jauh memasuki jalan ini dan mereka memang wajar menerima hukuman hidup kekal abadi di dalam Neraka setelah mereka bertindak melampaui batas di dalam kesesatan, kekafiran dan dalam tindakan menghalangkan orang lain dari agama Allah dan melakukan perbuatan yang zalim hingga mereka tidak dapat diharapkan pulang ke pangkal jalan setelah tersesat sebegitu jauh.

"Dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah."(169)

Kerana Allah Maha Berkuasa di atas sekalian hamba-Nya dan kerana di antara Allah dengan mana-mana para hamba-Nya tidak pernah terjalin sebarang hubungan persemendaan atau keturunan hingga menyulitkan Allah untuk menghukum mereka dengan hukuman yang wajar dan adil, dan kerana tiada siapa pun dari para hamba-Nya yang mempunyai kekuatan atau daya tipu helah yang licin yang menyukarkan Allah untuk bertindak ke atasnya.

Kaum Yahudi dan kaum Nasara sama-sama mendakwa: "*Kami adalah putera-putera Allah dan para kekasih-Nya*"[7]. Mereka mendakwa: "*Kami tidak akan disentuh api Neraka kecuali beberapa hari sahaja*"[8] dan seterusnya mereka mendakwa: "*Kami adalah umat Allah yang terpilih*" lalu datang Al-Qur'an menolak segala dakwaan ini dan meletakkan mereka pada tempatnya yang wajar, iaitu mereka hanya hamba-hamba Allah sahaja sama seperti hamba-hamba Allah yang lain. Jika mereka mengerjakan amalan yang baik, mereka akan diberi ganjaran dan pahala, sebaliknya jika mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat kemudian mereka tidak memohon keampunan dan bertaubat kepada Allah, mereka akan diazab dan perkara ini amat mudah kepada Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 170)

Selepas penjelasan-penjelasan ini semua, (ayat yang berikut) mengemukakan pula satu seruan umum yang ditujukan kepada seluruh manusia bahawa kedatangan Rasulullah s.a.w. adalah untuk membawa agama yang benar dari Allah kepada mereka. Oleh itu sesiapa yang beriman kepadanya, maka dia akan mendapat kebaikan dan sesiapa yang kafir terhadapnya, maka Allah Maha Kaya dari sekalian mereka dan Maha Berkuasa terhadap mereka. Allah memiliki segala isi langit dan bumi dan mengetahui segala perkara dan Allah memperlakukan tadbir-Nya mengikut ilmu-Nya dan hikmat kebijaksanaan-Nya.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدۡ جَآءَكُمُ ٱلرَّسُولُ بِٱلۡحَقِّ مِن رَّبِّكُمۡ

فَـَٔامِنُواْ خَيۡرٗا لَّكُمۡۚ وَإِن تَكۡفُرُواْ فَإِنَّ لِلَّهِ مَا فِي

ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا ﴿١٧٠﴾

"Wahai manusia! Sesungguhnya Rasul (Muhammad) telah datang kepada kamu membawa agama yang benar dari Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu beriman, itulah yang lebih baik bagi kamu dan andainya kamu kafir, maka sesungguhnya Allah memiliki segala isi langit dan bumi dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(170)

Rasul Akhir Zaman

Seruan ini dibuat setelah ditolak segala dakwaan palsu kaum Ahlil-Kitab dan setelah didedahkan tabi'at buruk kaum Yahudi dan tipu daya mereka yang jahat di sepanjang sejarah mereka dan setelah digambarkan sifat-sifat degil mereka yang semulajadi hingga terhadap Musa a.s., iaitu nabi, pemimpin dan penyelamat mereka sendiri. Seruan ini juga dibuat setelah dijelaskan tabi'at kerasulan dan tujuannya, yang menghendaki supaya Allah mengirimkan para rasul-Nya kepada manusia, juga menghendaki agar Muhammad pasti diutuskan selaku Rasul terakhir kepada seluruh semesta alam atau kepada seluruh umat manusia setelah dibangkitkan rasul-rasul yang telah silam kepada kaum mereka masing-masing sahaja. Oleh itu penyampaian da'wah Allah kepada seluruh umat manusia adalah perlu dilaksanakan oleh Rasul yang terakhir. Ia perlu disampaikan kepada mereka seluruhnya "*supaya manusia tidak mempunyai apa-apa alasan terhadap (hukuman) Allah setelah diutuskan rasul-rasul Allah*".[9]

Andainya kerasulan yang terakhir ini tidak berbentuk kerasulan umum untuk seluruh umat manusia tentulah manusia dari generasi-generasi dan umat-umat yang akan datang mempunyai hujjah dan alasan terhadap Allah. Oleh itu dengan wujudnya pengiriman seorang rasul untuk seluruh umat manusia dan untuk seluruh zaman, maka gugurlah hujjah dan alasan itu. Inilah kerasulan yang terakhir. Pengingkaran terhadap wujudnya kerasulan yang lain lagi selepas diutuskan para anbia' Bani Israel yang lain dari 'Isa a.s. atau selepas 'Isa a.s. adalah tidak sesuai dengan keadilan Ilahi untuk mempersalah dan menghukumkan manusia selepas disampaikan da'wah, sedangkan di sana belum ada satu kerasulan yang umum. Oleh sebab itulah kerasulan yang umum itu telah diwujudkan oleh Allah dengan limpah keadilan dan rahmat-Nya terhadap sekalian hamba-Nya dan amatlah benar firman Allah Taala:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٠٧﴾

"Dan tidaklah Kami utuskan engkau melainkan untuk menjadi rahmat kepada sekalian alam."

---

[7] "نحن أبنؤا الله وأحبوه" *Surah al-Ma'idah: 18*

[8] "لن تمسنا النار إلا أياما معدودة" *Surah al-Baqarah: 80*

[9] لئلا يكون للناس على الله حجة بعد الرسل *Surah an-Nisa' : 165*

(Surah Al-Anbia': 107)

Iaitu rahmat di dunia dan rahmat di Akhirat sebagaimana yang ternyata dari penjelasan itu.

(Kumpulan ayat-ayat 171 - 175)

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لَا تَغۡلُواْ فِي دِينِكُمۡ وَلَا
تَقُولُواْ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلۡحَقَّۚ إِنَّمَا ٱلۡمَسِيحُ عِيسَى
ٱبۡنُ مَرۡيَمَ رَسُولُ ٱللَّهِ وَكَلِمَتُهُۥٓ أَلۡقَىٰهَآ إِلَىٰ
مَرۡيَمَ وَرُوحٞ مِّنۡهُۖ فَـَٔامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦۖ وَلَا
تَقُولُواْ ثَلَٰثَةٌۚ ٱنتَهُواْ خَيۡرٗا لَّكُمۡۚ إِنَّمَا ٱللَّهُ إِلَٰهٞ
وَٰحِدٞۖ سُبۡحَٰنَهُۥٓ أَن يَكُونَ لَهُۥ وَلَدٞۘ لَّهُۥ مَا فِي
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلٗا ١٧١
لَّن يَسۡتَنكِفَ ٱلۡمَسِيحُ أَن يَكُونَ عَبۡدٗا لِّلَّهِ وَلَا
ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ ٱلۡمُقَرَّبُونَۚ وَمَن يَسۡتَنكِفۡ عَنۡ
عِبَادَتِهِۦ وَيَسۡتَكۡبِرۡ فَسَيَحۡشُرُهُمۡ إِلَيۡهِ جَمِيعٗا ١٧٢
فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَيُوَفِّيهِمۡ
أُجُورَهُمۡ وَيَزِيدُهُم مِّن فَضۡلِهِۦۖ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ
ٱسۡتَنكَفُواْ وَٱسۡتَكۡبَرُواْ فَيُعَذِّبُهُمۡ عَذَابًا
أَلِيمٗا وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيّٗا وَلَا
نَصِيرٗا ١٧٣
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدۡ جَآءَكُم بُرۡهَٰنٞ مِّن رَّبِّكُمۡ وَأَنزَلۡنَآ
إِلَيۡكُمۡ نُورٗا مُّبِينٗا ١٧٤
فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱللَّهِ وَٱعۡتَصَمُواْ بِهِۦ فَسَيُدۡخِلُهُمۡ
فِي رَحۡمَةٖ مِّنۡهُ وَفَضۡلٖ وَيَهۡدِيهِمۡ إِلَيۡهِ صِرَٰطٗا
مُّسۡتَقِيمٗا ١٧٥

"Wahai Ahlil-Kitab! Janganlah kamu bersikap keterlaluan dalam agama kamu dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar. Sesungguhnya al-Masih 'Isa putera Maryam itu hanya utusan Allah dan (dari ciptaan) kalimat-Nya yang telah dicampakkannya kepada Maryam dan (dari) tiupan roh dari-Nya. Oleh itu hendaklah kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengatakan (Tuhan itu) tiga. Berhentilah (dari ucapan ini) itu lebih baik kepada kamu. Sesungguhnya Allah Tuhan Yang Maha Esa. Maha Sucilah Allah dari mempunyai anak. Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan cukuplah Allah itu menjadi Pemelihara (171). Al-Masih sekali-kali tidak pernah enggan untuk menjadi hamba Allah dan para malaikat yang hampir kepada Allah juga tidak penah enggan. Sesiapa yang enggan mengabdikan dirinya kepada Allah dan bersikap takbur nescaya Allah akan mengumpul seluruh mereka mengadap-Nya (172). Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka Allah akan menyempurnakan balasan pahala mereka dan menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka dan adapun orang-orang yang enggan mengabdikan dirinya kepada Allah dan bersikap takbur, maka Allah akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang amat pedih dan mereka tidak akan mendapati sesiapapun selain Allah yang sanggup menjadi pelindung dan penolong mereka (173). Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu bukti kebenaran dari Tuhan kamu dan Kami telah turunkan kepada kamu nur yang terang-benderang (174). Adapun orang-orang yang beriman kepada Allah dan berpegang teguh dengan-Nya, maka Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya dan menunjukkan jalan yang lurus untuk menuju kepada-Nya."(175)

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini adalah satu pusingan untuk memperkatakan tentang kaum Nasara dari golongan Ahlil-Kitab sebagaimana pelajaran yang telah lepas merupakan satu pusingan yang memperkatakan tentang kaum Yahudi. Kedua-duanya adalah dari golongan Ahlil-Kitab yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka.

Di dalam pelajaran yang telah lepas Al-Qur'an telah membela 'Isa putera Maryam dan ibunya yang suci dari tohmahan-tohmahan dusta kaum Yahudi dan membela 'aqidah yang betul tentang cerita 'Isa al-Masih a.s. yang dikatakan telah disalibkannya itu. Al-Qur'an telah membela hakikat yang sebenar itu sendiri dari pendustaan dan tindak-tanduk kaum Yahudi yang degil itu.

Di dalam pelajaran ini juga penjelasan ayat-ayat adalah bertujuan membela hakikat yang sebenar dan 'aqidah, juga membela 'Isa putera Maryam dari sikap keterlaluan kaum Nasara dalam kepercayaan mereka terhadap 'Isa al-Masih a.s., juga dari dongeng-dongeng kepercayaan agama wathaniyah/paganisme yang meresap ke dalam agama Kristian yang toleran itu, iaitu dongeng-dongeng wathaniyah yang datang dari berbagai-bagai bangsa dan agama yang bertembung dengan agama Kristian, iaitu dongeng-dongeng bangsa Greek, dongeng-dongeng bangsa Roman, dongeng-dongeng bangsa Mesir purba dan dongeng-dongeng bangsa India.

Al-Qur'anul-Karim telah mengambil tugas membetulkan 'aqidah-'aqidah Ahlil-Kitab yang didapatinya penuh dengan penyelewengan dan dongeng-dongeng yang karut di samping membetulkan 'aqidah-'aqidah kaum Musyrikin dari

sisa-sisa peninggalan agama hanifiyah (tauhid) Nabi Ibrahim a.s. di Semenanjung Tanah Arab yang tertimbus di bawah timbunan sampah sarap dongeng-dongeng manusia dan kekarutan-kekarutan jahiliyah.

Bukan itu sahaja, malah Islam datang untuk mengambil tugas membetulkan 'aqidah terhadap Allah untuk seluruh manusia dan menyelamatkan 'aqidah itu dari segala penyelewengan, kerosakan, keterlaluan dan kelemahan-kelemahan pemikiran manusia seluruhnya. Dan Islam telah melaksanakan tugas pembetulan ini dan di antara yang dibuat olehnya ialah membetulkan kecelaruan kefahaman tauhid di dalam pendapat-pendapat Aristotles di Athina sebelum kelahiran al-Masih, pendapat-pendapat Plotin di Iskandariyah selepas kelahiran al-Masih dan pendapat-pendapat yang lahir di antara zaman dua tokoh ini dan zaman selepas kedua-duanya, iaitu aneka pendapat dan kefahaman di dalam berbagai-bagai aliran falsafah yang meraba-raba di padang gurun.[10]

Persoalan yang diterangkan oleh rangkaian ayat-ayat ini ialah persoalan 'aqidah tathlith atau triniti (mempertigakan Allah) termasuk dongeng "al-Masih putera Allah" untuk menjelaskan konsep Wahdaniyah Allah mengikut i'tiqad yang lurus dan betul.

Sewaktu kedatangan Islam, 'aqidah yang dianuti oleh kaum Nasara dari segala alirannya ialah 'aqidah yang mempercayai bahawa Tuhan itu satu dalam tiga uqnum iaitu sang bapa, sang anak dan roh al-kudus, dan al-Masih merupakan sang "anak". Kemudian aliran-aliran kefahaman itu terus berselisih selepas itu mengenai hakikat al-Masih apakah beliau sekaligus mempunyai tabi'at lahutiyah (ketuhanan) dan tabi'at nasutiyah (kemanusiaan) atau apakah beliau hanya mempunyai satu tabi'at lahutiyah sahaja. Dan apakah beliau mempunyai satu masyi'ah dengan dua tabi'at yang berlainan? Dan apakah beliau bersifat qadim (sediakala) seperti sang bapa atau beliau hanya seorang makhluk sahaja dan sebagainya dari persoalan-persoalan yang melahirkan berbagai-bagai aliran faham dan menyebabkan berlakunya berbagai-bagai penindasan di antara puak-puak yang berselisih itu (akan dijelaskan dengan lebih terperinci dari ringkasan ini pada tempat-tempatnya yang wajar dalam pentafsiran Surah al-Maidah kelak).

Yang jelas dari hasil pengkajian sejarah tentang perkembangan-perkembangan agama kristian ialah 'aqidah triniti atau tathlith, juga 'aqidah al-Masih putera Allah (serupa dengan 'aqidah ini ialah 'aqidah Uluhiyah bondanya Maryam dan masuknya 'aqidah ini di dalam 'aqidah triniti yang berbagai-bagai bentuk) adalah semuanya tidak wujud di peringkat pertama perkembangan Kristian, malah ia masuk ke dalam agama Kristian di dalam beberapa zaman yang berlainan tarikhnya bersama-sama penganut-penganut wathaniyah yang memeluk agama Kristian, sedangkan mereka di waktu itu belum lagi bersih dari kepercayaan-kepercayaan wathaniyah dan kepercayaan kepada berbilang tuhan. 'aqidah triniti itu sendiri adalah dipercayai diambil dari kepercayaan agama-agama bangsa Mesir purbakala, iaitu kepercayaan triniti Ozuris, Izis dan Huris dan lain-lain kepercayaan triniti di dalam agama ini.

Penganut-penganut Kristian yang berpegang dengan 'aqidah tauhid terus menghadapi tentangan dan berbagai-bagai penindasan yang dilakukan oleh seri maharaja-seri maharaja Roman terhadap mereka, juga penentangan dan penindasan dari Dewan-dewan Suci yang menyokong kerajaan (golongan di Raja atau Mulukan) sehingga selepas abad yang keenam Masihi di samping menerima penindasan, pembuangan negeri dan pelarian diri agar jauh dan terselamat dari pihak-pihak yang berkuasa kerajaan Roman.

'aqidah triniti masih terus ditolak oleh para intelek Kristian dan ini menyebabkan pemimpin-pemimpin gereja Kristian berusaha dengan segala macam cara untuk menjadikan 'aqidah itu dapat diterima oleh orang ramai. Di antara cara yang digunakan oleh mereka ialah memulangkan 'aqidah itu kepada rahsia-rahsia majhul yang tidak dibukakan kepada manusia melainkan pada suatu hari, di mana hijab disingkapkan dari segala isi langit dan bumi.

Ujar paderi Butar pengarang buku "Al-Usul Wal Furu" (Dasar-dasar dan Cabang-cabang) salah seorang pentafsir 'aqidah Kristian mengenai persoalan triniti ini. Kita memahami persoalan ini sekadar daya kemampuan akal kita dan kita berharap dapat memahaminya dengan pemahaman yang lebih jelas lagi pada masa akan datang ketika dibukakan kepada kita hijab yang mendindingi segala isi langit dan bumi.[11] Di sini Kami tidak ingin masuk ke dalam perincian sejarah mengenai peringkat-peringkat perkembangan dan cara-cara 'aqidah triniti itu menyerap ke dalam agama Kristian yang merupakan salah satu agama tauhid yang asasi itu, malah di sini kami hanya berpada dengan menghuraikan ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di dalam surah ini untuk membetulkan 'aqidah yang asing dari agama tauhid itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 171)

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لَا تَغۡلُواْ فِي دِينِكُمۡ وَلَا
تَقُولُواْ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلۡحَقَّۚ إِنَّمَا ٱلۡمَسِيحُ عِيسَى

---

[10] *Lihat bab "*تيه وركام*" dan pasal "*الربانية*" dalam buku* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته

[11] *Dinukil dari buku "*محاضرات في النصرانية*" oleh Ustaz as-Syaikh Muhammad Abu Zahrah.*

ٱبۡنُ مَرۡيَمَ رَسُولُ ٱللَّهِ وَكَلِمَتُهُۥٓ أَلۡقَىٰهَآ إِلَىٰ
مَرۡيَمَ وَرُوحٞ مِّنۡهُۖ فَـَٔامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦۖ وَلَا
تَقُولُواْ ثَلَٰثَةٌۚ ٱنتَهُواْ خَيۡرٗا لَّكُمۡۚ إِنَّمَا ٱللَّهُ إِلَٰهٞ
وَٰحِدٞۖ سُبۡحَٰنَهُۥٓ أَن يَكُونَ لَهُۥ وَلَدٞۘ لَّهُۥ مَا فِي
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلٗا ﴿١٧١﴾

"Wahai Ahlil-Kitab! Janganlah kamu bersikap keterlaluan dalam agama kamu dan janganlah kamu mengenakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar. Sesungguhnya al-Masih 'Isa putera Maryam itu hanya utusan Allah dan kalimat-Nya yang telah dicampakkannya kepada Maryam dan (dari) tiupan roh dari-Nya. Oleh itu hendaklah kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengatakan (Tuhan itu) tiga. Berhentilah (dari ucapan ini) itu lebih baik kepada kamu. Sesungguhnya Allah Tuhan Yang Maha Esa. Maha Sucilah Allah dari mempunyai anak. Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan cukuplah Allah itu menjadi pemelihara."(171)

Itulah keterlaluan yang melampaui batas dan hakikat yang sebenar. Keterlaluan inilah yang telah mendorong kaum Ahlil-Kitab sanggup mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak benar terhadap Allah, iaitu mereka mendakwa Allah S.W.T. mempunyai anak dan bahawa Allah Maha Esa itu tiga.

'Aqidah Triniti Dan Keterlaluan Kristian

Konsep Allah mempunyai anak dan konsep triniti telah berkembang mengikut kemajuan pemikiran dan kejatuhannya, tetapi kerana tekanan perasaan jijik yang semulajadi untuk mengatakan Allah mempunyai anak dan ditokok pula dengan budaya-budaya akal manusia yang tinggi, mereka terpaksa mentafsirkan makna mempunyai anak itu dengan makna bukannya melahirkan anak seperti manusia, tetapi dengan makna "kasih sayang" yang wujud di antara bapa dengan anak dan mentafsirkan bahawa maksud Allah Yang Maha Esa dalam tiga uqnum itu ialah sifat-sifat Allah S.W.T. di dalam keadaan-keadaan yang berlain-lainan, dan apabila mereka masih tidak mampu untuk memasukkan kepercayaan-kepercayaan yang bertentangan ini ke dalam tanggapan akal manusia, maka mereka ubahkannya kepada rahsia-rahsia majhul yang tidak terbuka melainkan apabila terbukanya hijab langit dan bumi.

Allah S.W.T. adalah Maha Suci dari segala bentuk perkongsian dan keserupaan dengan makhluk dan sebagai lojik dari hakikat Allah itu Khalik (Pencipta), maka dengan sendirinya Allah tidak serupa dengan makhluk yang diciptakannya. Konsep perbezaan dan kelainan di antara Khaliq dan makhluk, di antara Tuhan Pemilik dan makhluk yang dimilik inilah sahaja yang dapat difaham dan diterima oleh akal. Hakikat ini telah ditunjukkan oleh Al-Qur'an di dalam ayat yang berikut:

إِنَّمَا ٱللَّهُ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۖ سُبۡحَٰنَهُۥٓ أَن يَكُونَ لَهُۥ
وَلَدٞۘ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ

"Sesungguhnya Allah itu Tuhan Yang Maha Esa. Maha Sucilah Allah dari mempunyai anak. Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi."

Jika kelahiran 'Isa a.s. tanpa bapa itu merupakan satu keganjilan mengikut adat manusia dan suatu gejala yang mencarikkan kebiasaan yang diketahui mereka, maka keganjilan itu hanya berpunca kerana ia bercanggah dengan adat kebiasaan manusia, sedangkan segala sesuatu yang menjadi adat kebiasaan manusia bukanlah bererti bahawa itulah sahaja seluruh kejadian yang wujud di alam ini dan segala undang-undang alam yang diketahui mereka bukanlah bererti bahawa itulah sahaja seluruh undang-undang atau Sunnatullah. Allahlah yang menciptakan undang-undang alam dan Dialah yang menguatkuasa dan mengendalikan undang-undang itu mengikut masyi'ah-Nya yang bebas dan tidak terbatas.

Allah S.W.T. berfirman dan firman-Nya adalah selama-lamanya benar tentang hakikat kelahiran 'Isa al-Masih a.s.

Antara Penciptaan 'Isa Dan Ciptaan Adam

إِنَّمَا ٱلۡمَسِيحُ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَ رَسُولُ ٱللَّهِ
وَكَلِمَتُهُۥٓ أَلۡقَىٰهَآ إِلَىٰ مَرۡيَمَ وَرُوحٞ مِّنۡهُۖ

"Sesungguhnya al-Masih 'Isa putera Maryam itu hanya utusan Allah dan (ciptaan dari) kalimat-Nya yang telah dicampakkannya kepada Maryam dan (dari tiupan) roh dari-Nya."

Yakni beliau mengikut perincian Al-Qur'an secara tepat ialah:

رَسُولُ ٱللَّهِ

"Utusan Allah."

Kedudukan beliau dalam kerasulan ini sama dengan kedudukan para rasul yang lain, iaitu sama seperti Nuh, Ibrahim, Musa, Muhammad dan lain-lainnya dari angkatan para rasul yang mulia yang terdiri dari tokoh-tokoh hamba Allah yang dipilih untuk memikul tugas kerasulan di sepanjang zaman.

وَكَلِمَتُهُۥٓ أَلۡقَىٰهَآ إِلَىٰ مَرۡيَمَ

"Dan (ciptaan dari) kalimat-Nya yang telah dicampakkannya kepada Maryam."

Pentafsiran yang paling dekat bagi ungkapan ini ialah Allah S.W.T telah menciptakan 'Isa dengan kalimat "kun" secara langsung sebagaimana yang diterangkan di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an. Allah telah mencampakkan kalimat ini kepada Maryam lalu terciptalah 'Isa di dalam rahim Maryam

tanpa nutfah dari seorang bapa seperti adat kebiasaan dalam hidup manusia yang lain dari Adam a.s. Oleh itu tidaklah menghairankan jika kalimat "kun" yang mencipta segala sesuatu dari ketiadaan ('adam) kepada kewujudan itu telah menciptakan pula 'Isa a.s. di dalam perut ibunya dari tiupan roh yang diungkapkan di dalam ayat yang berikut:

وَرُوحٌ مِّنْهُ

"Dan dari tipuan roh dari-Nya."

Sebelum ini Allah telah meniupkan roh dari ciptaan-Nya pada lembaga tanah Adam a.s. lalu terciptalah makhluk insan sebagaimana diterangkan Allah:

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّى خَٰلِقٌۢ بَشَرًا مِّن طِينٍ ﴿٧١﴾ فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى فَقَعُوا۟ لَهُۥ سَٰجِدِينَ ﴿٧٢﴾

"(Kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah (71). Kemudian apabila Aku menciptakannya dengan sempurna dan meniupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu merebahkan diri sujud kepadanya."(72)

(Surah Sad : 71 - 72)

Demikianlah juga Allah berfirman di dalam kisah 'Isa a.s.:

وَٱلَّتِىٓ أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهَا مِن رُّوحِنَا

"Dan Maryam yang memelihara kehormatannya lalu Kami tiupkan padanya roh dari ciptaan Kami."

(Surah al-Anbia':91)

Kini jelaslah bahawa penciptaan al-Masih a.s. tanpa bapa itu telah pun ada contohnya yang terdahulu dan "roh" yang disebut di dalam ayat ini sama dengan "roh" yang disebut dalam ayat mengenai penciptaan Adam, sedangkan tiada seorang pun dari Ahlil-Kitab yang beriman kepada kisah Adam dan kepada roh yang telah ditiupkan padanya itu pernah mendakwa bahawa Adam itu Tuhan atau salah satu dari uqnum Tuhan sebagaimana dakwaan mereka terhadap 'Isa walaupun kedua-duanya sama dari segi isu roh dan tiupannya - malah Adam lebih dari itu lagi kerana beliau diciptakan tanpa ibu dan bapa, sedangkan 'Isa diciptakan dengan ada ibunya. Hakikat inilah yang dijelaskan Allah dalam firman-Nya:

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِندَ ٱللَّهِ كَمَثَلِ ءَادَمَ خَلَقَهُۥ مِن تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾

"Sesungguhnya perbandingan (penciptaan) 'Isa di sisi Allah adalah sama dengan (penciptaan) Adam. Allah menciptakannya dari tanah kemudian Dia berfirman kepadanya: Jadilah! Maka iapun jadi."

(Surah 'Aali 'Imran: 59)

Seseorang tentulah merasa hairan - setelah mengetahui betapa jelasnya persoalan ini - terhadap pengaruh hawa nafsu manusia dan keladak-keladak kepercayaan wathaniyah/paganisme yang telah membuatkan persoalan 'Isa al-Masih a.s. itu menjadi begitu rumit dalam tanggapan fikiran manusia generasi demi generasi, sedangkan persoalan ini - sebagaimana telah digambarkan oleh Al-Qur'an - adalah satu persoalan yang amat mudah dan amat jelas dan terbuka.

Allah yang telah mengurniakan kepada Adam a.s. - tanpa dua ibubapa - hayat insaniyah yang berbeza dari makhluk-makhluk yang lain dengan tiupan-roh dari ciptaan-Nya, maka Allah juga yang telah mengurniakan kepada 'Isa a.s. - tanpa bapa - hayat insaniyah yang sama. Penerangan yang mudah dan jelas ini adalah lebih baik dari dongeng-dongeng yang tiada berakhir tentang ketuhanan 'Isa al-Masih dengan semata-mata berlandaskan kerana beliau dilahirkan tanpa bapa, juga lebih baik dari pentafsiran teori Uluhiyah tiga uqnum. Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah setinggi-tingginya:

فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَلَا تَقُولُوا۟ ثَلَٰثَةٌ ٱنتَهُوا۟ خَيْرًا لَّكُمْ

"Oleh itu hendaklah kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengatakan (Tuhan itu) tiga. Berhentilah (dari ucapan ini) itu lebih baik kepada kamu."(171)

Seruan ini ialah seruan kepada keimanan kepada Allah dan kepada para rasul-Nya - di antara mereka ialah 'Isa dengan sifatnya sebagai seorang rasul dan Muhammad dengan sifatnya sebagai penamat para rasul - dan seruan ini juga meminta supaya diberhentikan perkataan-perkataan, dakwaan-dakwaan dan dongeng-dongeng yang karut itu dan seruan ini adalah dibuat tepat dengan waktunya setelah diberi penerangan dan penjelasan yang meyakin dan memantapkan hati:

إِنَّمَا ٱللَّهُ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ

"Sesungguhnya Allah itu Tuhan Yang Maha Esa."

Hakikat keesaan Allah ini disaksikan oleh wujudnya kesatuan undang-undang alam, kesatuan ciptaan dan kesatuan cara penciptaan yang berlangsung dengan perintah "kun": belaka. Hakikat ini juga disaksi dan diakui oleh akal manusia sendiri, kerana persoalan ini berada dalam batas yang mampu difaham oleh akal manusia, kerana akal tidak dapat menangkap dan menerima gambaran wujudnya Tuhan Pencipta yang serupa dengan makhluk-makhluk ciptaan-Nya. Akal tidak dapat memahami konsep tiga Tuhan dalam satu atau satu Tuhan dalam tiga:

سُبْحَٰنَهُۥٓ أَن يَكُونَ لَهُۥ وَلَدٌ

"Maha Sucilah Allah dari mempunyai anak."

Melahirkan anak merupakan usaha melanjutkan kewujudan bagi makhluk yang fana atau usaha mengekalkan kewujudannya dalam bentuk melahirkan anak-anak atau zuriat, sedangkan Allah Khaliq yang kekal abadi itu tidak memerlukan kepada usaha melanjutkan kewujudan-Nya seperti makhluk-makhluk yang fana dan di samping itu seluruh isi langit dan bumi adalah milik Allah belaka:

لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ

"Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi."

Cukuplah bagi seluruh manusia mewujudkan hubungan mereka dengan Allah dalam bentuk hubungan hamba dengan Khaliq yang disembah atau hubungan hamba dengan Ma'bud. Mereka sama sekali tidak perlukan mewujudkan andainya adanya hubungan kerabat di antara mereka dengan Allah melalui seorang anak-Nya yang dilahirkan di kalangan mereka kerana hubungan yang sebenar wujud ialah hubungan dalam bentuk naungan, perlindungan dan pemeliharaan Allah terhadap mereka:

وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿١٧١﴾

"Dan cukuplah Allah itu menjadi Pemelihara."(171)

Demikianlah Al-Qur'an tidak hanya berpada dengan menjelaskan hakikat yang sebenar dalam perkara 'aqidah, malah ia menambahkan lagi dengan keterangan yang memberi ketenangan dan ketenteraman kepada perasaan manusia dari segi naungan dan pemeliharaan Allah terhadap mereka, iaitu Allah sentiasa menjaga keperluan-keperluan dan kepentingan mereka dengan tujuan supaya mereka menyerahkan seluruh urusan mereka kepada Allah dengan penuh yakin dan tenteram.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 172 - 173)

Rangkaian ayat yang berikut terus menyambung huraiannya untuk menjelaskan satu persoalan yang paling besar, iaitu persoalan kefahaman i'tiqad yang betul yang tumbuh di dalam hati setelah mantapnya hakikat Wahdaniyah Allah dan mantapnya hakikat bahawa konsep Uluhiyah Khaliq itu dengan sendirinya mengertikan 'Ubudiyah makhluk dan setelah tegaknya kesimpulan bahawa di sana hanya satu sahaja hakikat iaitu hakikat Uluhiyah dan 'Ubudiyah, hakikat Uluhiyah yang tunggal dan hakikat 'Ubudiyah yang merangkumi segala sesuatu dan segala individu yang wujud di alam ini.

Di sini (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an membetulkan 'aqidah kaum Nasara di samping membetulkan segala 'aqidah yang menganggapkan para malaikat itu anak Allah sebagaimana Musa dianggapkan sebagai anak Allah atau menganggapkan malaikat sebagai sekutu Allah dalam Uluhiyah sebagaimana Musa dianggap sekutu Allah dalam Uluhiyah:

لَّن يَسْتَنكِفَ ٱلْمَسِيحُ أَن يَكُونَ عَبْدًا لِّلَّهِ وَلَا ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ٱلْمُقَرَّبُونَ ۚ وَمَن يَسْتَنكِفْ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَيَسْتَكْبِرْ فَسَيَحْشُرُهُمْ إِلَيْهِ جَمِيعًا ﴿١٧٢﴾ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَيُوَفِّيهِمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدُهُم مِّن فَضْلِهِۦ ۖ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱسْتَنكَفُوا۟ وَٱسْتَكْبَرُوا۟ فَيُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧٣﴾

"Al-Masih sekali-kali tidak pernah enggan untuk menjadi hamba Allah dan para malaikat yang hampir kepada Allah juga tidak penah enggan. Sesiapa yang enggan mengabdikan dirinya kepada Allah dan bersikap takbur nescaya Allah akan mengumpul seluruh mereka mengadap-Nya (172). Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang saleh, maka Allah akan menyempurnakan balasan pahala, mereka dan menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka dan adapun orang-orang yang enggan mengabdikan dirinya kepada Allah dan bersikap takbur, maka Allah akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang amat pedih dan mereka tidak akan mendapati sesiapapun selain Allah yang sanggup menjadi pelindung dan penolong mereka."(173)

'Aqidah Wahdaniyah Merupakan Asas Yang Ditekankan Dalam Setiap Risalah

Islam memberi perhatiannya yang berat dalam menjelaskan hakikat Wahdaniyah Allah S.W.T. yang bersih dari segala bentuk syirik dan tasybih (penyerupaan dengan makhluk). Ia menekankan perhatiannya dengan menjelaskan bahawa tiada suatu yang serupa dan sebanding dengan Allah dan tiada suatu yang bersekutu dengan Allah sama ada pada zat atau mana-mana sifat dan cirinya. Begitu juga Islam memberi perhatiannya yang berat dalam menjelaskan hakikat hubungan di antara Allah dengan segala sesuatu termasuk makhluk yang bernyawa, iaitu hubungan yang wujud di antara keduanya ialah hubungan di antara Uluhiyah Allah dan 'Ubudiyah segala sesuatu kepada Allah. Orang-orang yang memerhati ayat-ayat Al-Qur'an seluruhnya akan dapati betapa beratnya perhatian yang diberikan oleh Al-Qur'an di dalam menjelaskan hakikat Wahdaniyah yang tunggal itu dengan segala aspeknya hingga tiada lagi bayang-bayang keraguan, kekeliruan dan kekarutan yang tinggal di dalam hati.

Begitu juga Islam memberi perhatiannya yang berat dalam memberi penjelasan bahawa hakikat Wahdaniyah itu adalah hakikat yang dibawa oleh seluruh Rasul. Ia menjelaskan hakikat ini dalam sirah setiap rasul dan Ia menjadikan hakikat Wahdaniyah ini

sebagai asas risalah sejak dari zaman Nuh a.s.hingga ke zaman Muhammad s.a.w. selaku penamat para Anbia' dan sepanjang masa itu hakikat ini telah berulang-ulang kali dida'wahkan oleh setiap rasul:

يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓ

"Wahai kaumku! Hendaklah kamu menyembah Allah tiada Tuhan yang lain dari-Nya."

(Surah al-A'raf: 59)

Tetapi yang anehnya dalam kalangan pengikut-pengikut agama-agama samawi - yang begitu kuat dan tegas menjelaskan hakikat Wahdaniyah - terdapat golongan yang menyelewengkan hakikat ini. Mereka mendakwa Allah mempunyai anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan atau mendakwa Allah bercampur dan berpadu dengan salah seorang dari makhluk-Nya dalam bentuk uqnum kerana meniru kepercayaan wathaniyah/paganisme yang hidup di dalam jahiliyah-jahiliyah.

Hakikat Yang Wujud Hanya Hakikat Uluhiyah Dan Hakikat 'Ubudiyah

Hakikat yang sebenar wujud ialah hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah dan tiada hakikat yang lain dari dua hakikat ini, tiada asas yang lain dari dua asas ini dan tiada hubungan yang lain kecuali hubungan Uluhiyah dengan 'Ubudiyah dan hubungan 'Ubudiyah dengan Uluhiyah.

Kefahaman dan pemikiran manusia tidak akan betul dan hidup mereka juga tidak akan betul melainkan apabila hakikat ini dibersihkan dari segala kekeliruan dan keraguan.

Ya, kefahaman dan pemikiran manusia tidak akan betul dan perasaan mereka juga tidak akan betul melainkan apabila mereka yakin kepada hakikat hubungan yang wujud di antara mereka dengan Allah, iaitu Allah adalah Tuhan mereka dan mereka adalah para hamba-Nya, Allah adalah Pencipta mereka dan mereka adalah makhluk ciptaan Allah dan Allah adalah Pemilik mereka dan mereka adalah hamba-hamba yang dimiliki Allah. Seluruh mereka adalah sama sahaja dalam hubungan ini, tiada siapa yang menjadi anak Allah dan tiada siapa yang bercampur dan berpadu dengan Allah. Oleh itu tiada hubungan Qurb atau hubungan perdampingan yang rapat dengan Allah kecuali hubungan melalui taqwa dan amalan yang soleh sahaja yang dimiliki dan diusahakan oleh setiap orang dengan kemahuannya. Hubungan yang seperti ini dapat dicapai oleh setiap orang yang mengusahakannya, tetapi hubungan selaku anak dan hubungan secara percampuran dan perpaduan dengan Allah, maka tiada siapa yang berhak mendakwanya.

Hidup manusia, juga hubungan-hubungan dan fungsi-fungsi mereka dalam hidup ini tidak akan betul melainkan apabila hakikat Wahdaniyah ini tertanam dalam hati mereka, iaitu seluruh mereka adalah para hamba belaka kepada Allah Yang Maha Esa. Oleh sebab itu kedudukan seluruh mereka di hadapan Allah Yang Maha Berkuasa adalah sama sahaja. Adapun hubungan perdampingan dengan Allah, maka ia dapat dilakukan oleh semua orang dan di sinilah wujudnya persamaan individu-individu manusia (dalam hubungan mereka dengan Allah), kerana mereka mempunyai kedudukan yang sama di hadapan Allah Yang Maha Berkuasa dan di sini gugurlah segala dakwaan palsu bahawa di sana ada perantaraan di antara Allah dengan manusia dan turut gugur bersamanya segala hak (hubungan istimewa dengan Allah) yang didakwa dipunyai oleh mana-mana individu atau oleh mana-mana kumpulan atau oleh mana-mana salsilah keturunan bagi mana-mana puak manusia. Tanpa persamaan di hadapan Allah, maka tidak akan wujud dasar persamaan yang kuat dalam kehidupan manusia, dalam sistem hidup mereka dan kedudukan mereka dalam sistem ini.

Berdasarkan keterangan ini ternyatalah bahawa persoalan hakikat Wahdaniyah Allah bukan hanya merupakan persoalan 'aqidah kebatinan sahaja, di mana hati bertapak di atas asas kepercayaan yang kukuh, malah ia juga merupakan persoalan sistem hidup, persoalan hubungan-hubungan di dalam masyarakat dan persoalan hubungan umat-umat dan generasi-generasi manusia.

Manusia Menghayati Kelahiran Baru Di Bawah Naungan Islam

Umat manusia telah mengalami satu kelahiran yang baru di tangan Islam, iaitu kelahiran manusia yang bebas dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia dengan hanya mengakui 'Ubudiyah kepada Allah semata-mata. Oleh sebab itu di dalam sejarah Islam tidak ada "gereja" yang memperbudakkan manusia atas nama wakil anak Allah (al-Masih) atau wakil uqnum (sang anak) yang melengkapkan uqnum-uqnum ketuhanan, iaitu gereja yang mengambil kuasanya dari kuasa anak Allah atau kuasa uqnum (sang anak). Begitu juga di dalam sejarah Islam tidak terdapat pihak berkuasa yang suci yang memerintah di atas nama "hak Uluhiyah", iaitu pihak berkuasa yang mendakwa mempunyai kuasa memerintah dan membuat undang-undang yang diambil dari hubungannya yang dekat dengan Allah atau dari kuasa mendapat perwakilan dari Allah.

"Hak suci" gereja dan pope-pope di satu pihak dan hak suci seri maharajaseri maharaja - yang didakwa oleh mereka - yang sama dengan hak suci gereja di satu pihak yang lain terus berkuatkuasa di Eropah atas nama al-Masih anak Allah atau atas nama salah satu dari uqnum-uqnum ketuhanan sehingga datangnya angkatan Perang Salib menyerang negeri Islam dan apabila mereka kembali ke negeri mereka, mereka membawa pulang bersama-sama mereka bibit-bibit revolusi terhadap "hak suci" itu dan selepas itu

berlakulah pemberontakan Martin Luther[12], Calvin [13]dan Zwingli[14] atas nama gerakan reformasi kerana terpengaruh kepada 'aqidah Islam dan kepada kejelasan kefahaman dan kepercayaan Islam, iaitu kefahaman yang menolak konsep manusia dan konsep penurunan kuasa dari Allah, kerana yang wujud dalam 'aqidah Islam ialah Uluhiyah dan 'Ubudiyah sahaja.[15]

* * * * * *

Di sini Al-Qur'an memberi kata pemutus tentang Uluhiyah al-Masih dan hubungannya sebagai anak Allah, juga tentang Uluhiyah roh al-Qudus, iaitu salah satu dari uqnum yang tiga dan seterusnya tentang hubungan Uluhiyah seseorang manusia bersama Uluhiyah Allah dalam apa bentuk sekalipun. Al-Qur'an telah memberi kata pemutusnya apabila ia menjelaskan bahawa 'Isa ibn Maryam hanya seorang hamba Allah sahaja dan beliau tidak pernah menolak untuk menjadi hamba Allah dan bahawa seluruh malaikat Muqarrabin adalah hamba Allah dan mereka tidak pernah menolak untuk menjadi hamba Allah dan seluruh makhluk akan dikumpul mengadap Allah. Selanjutnya Al-Qur'an telah menjelaskan bahawa orang-orang yang menolak sifat 'Ubudiyah akan ditunggu oleh 'azab yang amat pedih dan sebaliknya orang-orang yang mengakui sifat 'Ubudiyah akan memperolehi pahala yang amat besar.

لَّن يَسْتَنكِفَ ٱلْمَسِيحُ أَن يَكُونَ عَبْدًا لِّلَّهِ وَلَا
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ٱلْمُقَرَّبُونَ ۚ وَمَن يَسْتَنكِفْ عَنْ
عِبَادَتِهِۦ وَيَسْتَكْبِرْ فَسَيَحْشُرُهُمْ إِلَيْهِ جَمِيعًا ﴿١٧٢﴾
فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَيُوَفِّيهِمْ
أُجُورَهُمْ وَيَزِيدُهُم مِّن فَضْلِهِۦ ۖ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ
ٱسْتَنكَفُوا۟ وَٱسْتَكْبَرُوا۟ فَيُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا
أَلِيمًا وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا
نَصِيرًا ﴿١٧٣﴾

"Al-Masih sekali-kali tidak pernah enggan untuk menjadi hamba Allah dan para malaikat yang hampir kepada Allah juga tidak pernah enggan. Sesiapa yang enggan mengabdikan dirinya kepada Allah dan bersikap takbur nescaya Allah akan mengumpul seluruh mereka mengadap-Nya (172). Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka Allah akan menyempurnakan balasan pahala mereka dan menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka dan adapun orang-orang yang enggan mengabdikan dirinya kepada Allah dan bersikap takbur, maka Allah akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang amat pedih dan mereka tidak akan mendapati sesiapapun selain Allah yang sanggup menjadi pelindung dan penolong mereka."(173)

Martabat 'Ubudiyah Merupakan Yang Amat Tinggi Di Sisi Allah

Yakni al-Masih 'Isa putera Maryam itu tidak pernah menyombongkan dirinya untuk menjadi hamba Allah kerana beliau a.s. - selaku seorang nabi dan Rasul Allah - adalah seorang yang paling arif tentang hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah, iaitu kedua-duanya merupakan dua hakikat yang berlainan dan tidak pernah bercampuraduk. Beliau amat arif bahawa dirinya adalah makhluk ciptaan Allah dan sebagai makhluk ciptaan Allah sudah tentu tidak mungkin sama dengan Allah atau menjadi sebahagian dari Allah. Beliau amat arif bahawa 'Ubudiyahnya kepada Allah tidak mengurangkan martabatnya apatah lagi sifat 'Ubudiyah itu merupakan satu-satunya hakikat yang amat ditekankan.

'Ubudiyah kepada Allah itu adalah satu martabat yang tidak ditolak oleh sesiapa pun kecuali orang-orang kafir yang tidak mengenangkan ni'mat penciptaan Allah. Sifat 'Ubudiyah (hamba) itulah martabat yang Allah sifatkan dengannya sekalian Rasul-Nya yang berada dalam kedudukan yang paling tinggi di sisi Allah termasuk roh al-Kudus atau Jibril juga disifatkan Allah dengan sifat 'Ubudiyah (hamba). Sifat 'Ubudiyah para malaikat itu adalah sama sahaja dengan sifat 'Ubudiyah 'Isa a.s. dan seluruh nabi-nabi yang lain. Oleh itu mengapakah pengikut-pengikut al-Masih menolak sifat 'Ubudiyah al-Masih, sedangkan sifat ini telah diredhai dan dikenali oleh beliau sendiri dengan ma'rifat yang haqiqi?

وَمَن يَسْتَنكِفْ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَيَسْتَكْبِرْ
فَسَيَحْشُرُهُمْ إِلَيْهِ جَمِيعًا ﴿١٧٢﴾

"Sesiapa yang enggan mengabdikan dirinya kepada Allah dan bersikap takbur nescaya Allah akan mengumpul seluruh mereka mengadap-Nya."(172)

Sikap mereka yang sombong dan angkuh tidak dapat menghalangkan mereka dari dikumpulkan Allah pada hari Qiamat dengan kuatkuasa-Nya, iaitu kuatkuasa Uluhiyah di atas para hamba-Nya. Keadaan mereka sama dengan keadaan orang-orang yang mengakui 'Ubudiyah dan menyerah diri kepada Allah yang akan dikumpulkan (di hadapan-Nya pada hari Qiamat kelak).

Adapun orang-orang yang telah mengenal kebenaran dan mengakui 'Ubudiyah mereka kepada Allah dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh - selaku hasil dari ma'rifat dan pengakuan itu - maka Allah akan mengganjarkan mereka dengan balasan yang sempurna dan menambahkan pula dengan limpah kurnia-Nya yang lain.

---

12 *Martin Luther (1483 – 1546), pemimpin Prostestant.*

13 *John Calvin (1509 – 1564), pengislah agama Perancis.*

14 *Ulrich Zwingli (1881 - 1931), pengislah agama Switzerland*

15 *Lihat bab At-Tauhid dalam buku* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱسْتَنكَفُوا۟ وَٱسْتَكْبَرُوا۟ فَيُعَذِّبُهُمْ
عَذَابًا أَلِيمًا وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا
وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧٣﴾

"Dan adapun orang-orang yang enggan mengabdikan dirinya kepada Allah dan bersikap takbur, maka Allah akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang amat pedih dan mereka tidak akan mendapati sesiapapun selain Allah yang sanggup menjadi pelindung dan penolong mereka."(173)

Mengapa Manusia Perlu Menumpukan 'Ubudiyah Mereka Kepada Allah?

Bukanlah menjadi tujuan Allah apabila Dia menyuruh manusia mengakui 'Ubudiyah mereka kepada-Nya semata-mata kerana Dia memerlukan kepada 'Ubudiyah dan ibadat mereka dan bukan pula kerana 'Ubudiyah dan ibadat mereka menambahkan kebesaran kerajaan Allah atau mengurangkan sesuatu dari keagungan-Nya, tetapi tujuan Allah menyuruh mereka berbuat begitu ialah supaya mereka mengetahui hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah agar kefahaman, pemikiran dan perasaan mereka menjadi betul dan sihat dan agar kehidupan, kedudukan dan peraturan mereka juga turut menjadi betul dan sihat. Kefahaman, pemikiran dan perasaan mereka, juga peraturan dan kedudukan mereka tidak akan mantap dan tegak di atas asas yang kukuh dan betul melainkan dengan mengetahui hakikat ini yang kemudian akan diikuti pula dengan pengakuan dan kesan-kesannya (yang positif).

Allah S.W.T. berkehendak agar hakikat ini dengan segala aspek yang telah Kami huraikan itu tertanam kukuh di dalam hati manusia dan di dalam kehidupan mereka supaya mereka keluar dari amalan menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa dan mengetahui siapakah sebenarnya yang memiliki teraju kekuasaan di alam buana dan di bumi ini agar dengan pengetahuan dan ma'rifat ini mereka tidak lagi tunduk kepada sesiapa melainkan kepada Allah sahaja dan kepada sistem hidup yang diatur oleh-Nya dan kepada syari'at-Nya sahaja. Mereka tidak lagi tunduk melainkan kepada Allah yang memerintah mereka dengan sistem hidup-Nya, ciptaan-Nya dan syari'at-Nya sahaja.. Allah berkehendak supaya mereka mengetahui bahawa seluruh hamba itu tetap hamba agar mereka dapat mengangkat kepala mereka di hadapan siapa sahaja yang lain dari Allah, kerana hanya kepada Allah Yang Maha Esa sahaja seluruh kepala dan dahi mereka harus tunduk. Allah berkehendak agar mereka merasa mempunyai harga atau kemuliaan diri di hadapan penguasa-penguasa yang sewenang-wenang dan zalim. Mereka hanya mengingati Allah apabila mereka ruku' dan sujud kepada-Nya dan tiada siapapun yang diingatinya melainkan Allah. Allah berkehendak mereka mengetahui bahawa hubungan mereka yang rapat dengan-Nya bukan dengan perantaraan hubungan persemendaan dan keturunan, malah hanya melalui taqwa dan amalan yang soleh. Ini bererti bahawa mereka harus berusaha membangun dan memakmurkan bumi dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh untuk mendekat atau mendampingkan diri mereka kepada Allah. Allah mahu mereka mengetahui hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah agar mereka merasa cemburu terhadap kuasa Allah di bumi ini dari dicerobohi oleh orang-orang yang sanggup mendakwa bahawa mereka mempunyai kuasa memerintah atas nama Allah atau atas nama yang lain dari Allah. Ini bererti bahawa mereka harus merujukkan segala urusan kepada Allah dan di atas kefahaman ini kehidupan mereka akan menjadi baik, maju dan mulia.

Penghormatan dan penghargaan kepada hakikat yang agung ini, tarikan pandangan agar manusia menumpukan perhatian mereka kepada Allah Yang Maha Esa dan menumpukan usaha mereka ke arah mencari keredhaan-Nya. juga menumpukan amalan-amalan mereka bertaqwa kepada Allah dan seterusnya tarikan pandangan manusia agar mengatur sistem hidup mereka dengan keizinan, undang-undang dan peraturan Allah Yang Maha Esa sahaja adalah semuanya merupakan tabung simpanan kebaikan, kemuliaan, kebebasan, keadilan, keteguhan pendirian dan kejujuran yang ditambahkan kepada kira-kira keuntungan mereka dalam kehidupan di dunia ini atau merupakan bekalan kebaikan, kemuliaan, kebebasan, keadilan, keteguhan pendirian dan kejujuran yang dapat dini'mati mereka di bumi ini atau dalam kehidupan mereka di dunia ini. Adapun balasan dan ganjaran yang akan dikurniakan Allah di Akhirat kepada orang-orang Mu'min yang mengakui 'Ubudiyah mereka kepada Allah dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka pemberian ini pada hakikatnya adalah dari limpah kurnia dan kemurahan-Nya semata-mata.

Berdasarkan huraian ini kita harus memandang persoalan, beriman kepada Allah dalam bentuknya yang jelas dan bersih yang dibawa oleh Islam, iaitu dalam bentuk (tauhid yang bersih) yang telah dijelaskan olehnya, yang menjadi asas seluruh risalah dan da'wah dari semua rasul sebelum ia dipesongkan oleh generasi-generasi kemudian. Kita harus memandang persoalan beriman kepada Allah sebagai titik masa kelahiran yang baru bagi manusia yang membawa bersamanya kemuliaan, kebebasan, keadilan dan kebaikan dan meluangkan mereka keluar dari amalan menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa dalam segala syi'ar agama dan sistem hidup.

Mereka yang enggan mengakui 'Ubudiyah kepada Allah bererti menjatuh dan menghinakan diri di dalam berbagai-bagai perhambaan yang tiada akhirnya di bumi ini? Iaitu perhambaan kepada hawa nafsu dan perhambaan kepada kepercayaan-kepercayaan yang karut dan khurafat. Mereka menjatuh dan

menghinakan diri sendiri dalam perhambaan kepada sesama manusia yang setanding dengan mereka. Mereka mengangkatkan hamba-hamba yang sama seperti mereka sebagai hakim yang memerintah mereka di dalam kehidupan mereka, dalam sistem hidup mereka, di dalam undang-undang dan peraturan mereka, di dalam nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan mereka, sedangkan mereka adalah manusia yang setanding dengan mereka dan sama tarafnya di hadapan Allah. Mereka telah mempertuhankan manusia-manusia itu sebagai tuhan-tuhan yang lain dari Allah, Inilah yang berlaku di dunia, tetapi di Akhirat kelak mereka:

فَيُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن
دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧٣﴾

"Maka Allah akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang amat pedih dan mereka tidak akan mendapati sesiapa pun selain Allah yang sanggup menjadi pelindung dan penolong mereka."(173)

Itulah persoalan agung dalam 'aqidah samawi yang dibentangkan oleh ayat ini dalam rangkaian ini untuk menghadapi penyelewengan Ahlil-Kitab dari kaum Kristian di zaman ini dan segala penyelewengan yang lain hingga ke akhir zaman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 174 - 175)

Al-Qur'an Dalam Risalah Terakhir Merupakan Nur Yang Menghapuskan Segala Kekeliruan 'aqidah

Oleh sebab itu (dalam ayat yang berikut) satu seruan ditujukan kepada seluruh manusia - sama seperti seruan yang dibuat sebelum dikemukakan seruan untuk menghadapi golongan Ahlil-Kitab dari kaum Yahudi di dalam pelajaran yang telah lepas - untuk menyatakan bahawa risalah yang terakhir adalah membawa bukti-bukti yang jelas dari Allah. Ia merupakan nur yang menerangi segala kegelapan dan kekeliruan. Oleh itu sesiapa yang mendapat hidayat dari risalah ini dan berpegang teguh kepada Allah, maka ia akan dapati dirinya diliputi rahmat dan limpah kurnia Allah dan akan mendapati nur dan hidayat itu membimbing mereka ke jalan Allah yang lurus:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُم بُرْهَانٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَأَنزَلْنَا
إِلَيْكُمْ نُورًا مُّبِينًا ﴿١٧٤﴾
فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَاعْتَصَمُوا بِهِ فَسَيُدْخِلُهُمْ
فِي رَحْمَةٍ مِّنْهُ وَفَضْلٍ وَيَهْدِيهِمْ إِلَيْهِ صِرَاطًا
مُّسْتَقِيمًا ﴿١٧٥﴾

"Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu bukti kebenaran dari Tuhan kamu dan Kami telah turunkan kepada kamu nur yang terang-benderang (174). Adapun orang-orang yang beriman kepada Allah dan berpegang teguh dengan-Nya, maka Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya dan menunjukkan jalan yang lurus untuk menuju kepada-Nya."(175)

Yakni Al-Qur'an ini membawa bukti-bukti kebenaran yang jelas dari Allah kepada manusia.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُم بُرْهَانٌ مِّن رَّبِّكُمْ

"Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu bukti kebenaran dari Tuhan kamu."(174)

Ciri ciptaan Allah yang terdapat pada Al-Qur'an ini amat jelas. Ciri itu benar-benar membezakannya dari ciptaan manusia baik dari segi susunan kata-kata mahupun dari segi isi kandungannya. Ini adalah satu perkara yang amat jelas yang kadang-kadang dapat ditanggap dengan cara yang mengkagumkan oleh mereka yang tidak dapat memahami sepatah pun bahasa Arab.

Ciri-ciri Al-Qur'an Yang Mempesonakan Hati Insan

Kami berada di atas geladak sebuah kapal di tengah-tengah lautan Atlantik dalam perjalanan kami menuju ke New York. Ketika itu kami sedang mengadakan solat Jumaat di atas kapal itu. Jamaah kami terdiri dari enam orang penumpang-penumpang Islam dari negeri-negeri Arab dan sebilangan pekerja-pekerja kapal dari Sudan. Saya membaca khutbah Jumaat yang diselingi dengan petikan-petikan dari ayat-ayat Al-Qur'an dan semua penumpang-penumpang yang lain yang terdiri dari berbagai-bagai bangsa berkumpul di sekeliling kami menyaksikan upacara solat itu.

Setelah selesai solat, kami ditemui oleh penumpang-penumpang yang menonton itu. Mereka menyatakan perasaan keharuan mereka yang mendalam terhadap sembahyang cara Islam itu. Di antara mereka ialah seorang wanita dari bangsa Yugoslavia yang melarikan diri dari rejim kominis ke negeri Amerika. Dia datang menemui kami dengan air mata yang berlinang. Dia tidak dapat menahan airmatanya dan suaranya menggelentar. Dia berkata kepada kami dengan bahasa Inggeris yang lemah: Saya tidak dapat menahan perasaan terharu saya terhadap khusyu'nya sembahyang anda sekalian, tetapi ini bukanlah tujuan kedatangan saya menemui anda. Walaupun saya tidak mengerti sepatah pun bahasa anda, tetapi saya rasa ia mempunyai irama muzik yang saya tidak pernah dengar pada bahasa-bahasa yang lain terutama ungkapan rangkap khusus yang mempunyai nada yang amat memikat di dalam ucapan itu. Ungkapan-ungkapan itu sungguh menarik hati saya!!

Wanita ini tahu bahawa ungkapan rangkap-rangkap yang dimaksudkannya itu ialah ayat-ayat Al-Qur'an yang berbeza dengan nada-nadanya yang memikat hati.

Saya tidak mengatakan bahawa ini adalah suatu kelaziman pada mereka yang mendengar Al-Qur'an

tanpa memahami bahasa Arab, tetapi ini tidak syak adalah satu gejala yang mempunyai makna.

Tetapi bagi mereka yang telah mempunyai adirasa dan perasaan yang tertentu di dalam bahasa Arab dan gaya-gaya pengungkapannya, maka mereka telah mengakui kewibawaan Al-Qur'an ketika Nabi Muhammad s.a.w. menghadapi mereka dengan kitab suci itu. Kisah al-Akhnas ibn Syurayq, Abu Sufyan ibn Harb dan Abu Jahl iaitu 'Amru bin Hisyam yang datang mendengar Al-Qur'an secara diam-diam telah terpesona kepadanya adalah satu kisah yang masyhur.[16] Ia merupakan salah satu dari kisah-kisah yang banyak. Mereka yang mempunyai adirasa yang seni dalam mana-mana generasi memang mengakui keistimewaan ayat-ayat Al-Qur'an, kesan-kesannya yang memikat hati dan kekuatan penjelasannya dari aspek ini.

Adapun isi kandungan Al-Qur'an, iaitu kefahaman-kefahaman dan pandangan-pandangan yang diutarakannya, sistem hidup yang dijelaskan, peraturan-peraturan yang digariskannya, dan plan hidup yang direncanakannya, maka kami tidak dapat menghuraikannya di sini, tetapi semuanya mengandungi bukti yang sejelas-jelasnya bahawa Al-Qur'an ini adalah datang dari Allah bukannya dari ciptaan manusia kerana ia mempunyai ciri ciptaan Ilahi yang sempurna yang tidak mungkin menjadi ciri ciptaan manusia.[17]

Di dalam Al-Qur'an ada nur:

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكُمْ نُورًا مُّبِينًا ﴿١٧٤﴾

"Kami telah turunkan kepada kamu nur yang terang benderang."(174)

Al-Qur'an Mendedahkan Segala Pelosok Dan Liku-liku Diri Manusia

Iaitu nur yang menerangi di bawah pancaran cahayanya yang kuat hakikat-hakikat segala sesuatu, di mana persimpangan jalan di antara kebenaran dan kebatilan yang digariskan dengan tepat itu kelihatan jelas di dalam hati dan realiti hidup, dan dari nur ini juga hati mendapat cahaya yang menerangi - pertama-tamanya - segala pelosok dirinya, di mana ia dapat melihat segala sesuatu di dalamnya dan di sekelilingnnya dengan jelas, di mana segala kabus kekeliruan lenyap dan hilang, di mana hakikat kelihatan begitu mudah sama seperti perkara-perkara yang senang ditanggapi akal dan di mana manusia sendiri merasa hairan bagaimana ia tidak dapat melihat kebenaran ini, sedangkan ia begitu jelas dan terang.

Apabila seseorang itu hidup dengan jiwanya di dalam suasana Al-Qur'an dan menerima kefahaman-kefahaman dan pandangan-pandangan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangannya ia akan dapati begitu mudah, jelas dan terang memikirkan segala persoalan, ia akan merasa banyak tanggapan-tanggapan yang selama ini goyah dan tidak mantap di dalam hatinya kini telah mengambil tempatnya dengan tenang dan menjunjung hakikat-hakikatnya dengan mudah, iaitu ia dapat membersihkan hakikat itu dari unsur-unsur lebihan yang asing agar ia kelihatan suci dan bersih seperti keadaannya yang semulajadi dan menjadi terang dan jelas sebagaimana ia diciptakan Allah.

Walaupun saya telah banyak memperkatakan tentang ayat *"kami telah turunkan kepada kamu nur yang terang-benderang"*, namun saya tidak akan menggambarkan hakikatnya dengan kata-kata dari saya sendiri kepada orang yang belum pernah mengecapi dan menghayati adirasa Al-Qur'an di dalam hatinya. Ia sebenarnya memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh untuk memahami maksud Al-Qur'an. Ia memerlukan penghayatan sendiri dan percubaan sendiri secara langsung.

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَٱعْتَصَمُوا۟ بِهِۦ فَسَيُدْخِلُهُمْ
فِى رَحْمَةٍ مِّنْهُ وَفَضْلٍ وَيَهْدِيهِمْ إِلَيْهِ صِرَٰطًا
مُّسْتَقِيمًا ﴿١٧٥﴾

---

[16] *Ujar ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn Muslim ibn Shihab katanya dia telah diceritakan: Bahawa Abu Sufyan ibn Harb, Abu Jahl ibn Hisyam dan al-Akhnas ibn Syurayq ibn Amri ibn Wahb ath-Thaqafi sekutu Bani Zahrah keluar pada suatu malam untuk mendengar bacaan Rasulullah s.a.w. ketika beliau mengerjakan solat malam di rumahnya. Setiap orang dari mereka masing-masing mengambil tempatnya yang tertentu untuk mendengar di sana dan setiap orang dari mereka tidak mengetahui tempat rakannya. Di sepanjang malam itu mereka mendengar beliau membaca Al-Qur'an sehingga fajar menyingsing barulah mereka bersurai. Mereka bertemu di tengah jalan dan mengkritikkan satu sama lain: Jangan datang lagi ke sini kerana andainya kamu dilihat oleh setengah-setengah orang-orang yang tidak tahu tentulah perbuatan kamu ini menimbulkan suatu keraguan dalam hati mereka. Kemudian mereka berundur dari situ dan apabila tiba malam yang kedua mereka datang lagi ke tempat masing-masing mendengar beliau membaca Al-Qur'an sehingga fajar menyingsing barulah mereka bersurai. Mereka bertemu pula di tengah jalan dan mengkritik lagi satu sama lain seperti malam pertama. Kemudian mereka balik. Apabila tiba malam yang ketiga mereka datang lagi ke tempat masing-masing mendengar beliau membaca Al-Qur'an sehingga fajar menyingsing barulah mereka bersurai. Sekali lagi mereka bertemu di tengah jalan lalu mereka berkata satu sama lain: Kita tidak akan tinggal tempat ini sehingga kita berjanji bahawa kita tidak akan datang lagi ke sini. Mereka pun berjanji kemudian pulang...... sehingga akhir ceritanya. Dari kitab "as-Sirah"(السيرة) oleh ibn Hisyam muka surat 337, keluaran* مطبعة المكتبة التجارية حجازي

[17] *Lihat tafsir Fi Zilal pada beberapa tempat yang berasingan, di mana dihuraikan tentang sistem ini. Misalnya muqaddimah juzu' yang pertama, cetakan yang kedua di bawah judul Fi Zilalil Qur'an dan Surah al-Hujurat, juzu' yang kedua puluh enam, Surah az-Zariat, Surah al-'Asr, juzu' yang ketiga puluh dan lihat buku "*هذا الدين*" oleh penulis dan buku "* منهج التربية الإسلامية *" oleh Muhammad Qutb dan buku "*منهج التربية في القرآن *" Oleh Muhammad Syadid.*

"Adapun orang-orang yang beriman kepada Allah dan berpegang teguh dengannya, maka Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya dan menunjukkan jalan yang lurus untuk menuju kepada-Nya."(175)

Sikap i'tisam (berpegang teguh) kepada Allah merupakan hasil yang lumrah dari keimanan kepada-Nya apabila iman itu betul dan hati mengenal hakikat Allah dan hakikat 'Ubudiyah seluruh makhluk kepada-Nya. Di waktu ini tiada lagi di hadapan-Nya kecuali mengambil sikap berpegang teguh kepada Allah Yang Maha Esa yang memegang teraju kekuasaan dan kekuatan......... merekalah golongan manusia yang dimasukkan Allah ke dalam rahmat dan limpah kurnia-Nya, iaitu rahmat dalam kehidupan dunia sebelum memasukkan alam kehidupan Akhirat dan limpah kurnia dalam kehidupan sekarang dan dalam kehidupan yang akan datang. Keimanan itu diibaratkan sebuah kawasan subur di Sahara, di mana terdapat bayang-bayang teduh melindungi jiwa dari pancaran panas kesesatan di padang gurun kebingungan, kegelisahan dan penyelewengan. Ia juga merupakan tapak asas kehidupan masyarakat dan peraturannya supaya masyarakat hidup dalam kemuliaan, kebebasan, kebersihan, kejujuran dan keteguhan - sebagaimana kami telah terangkan sebelum ini - di mana setiap individu mengetahui kedudukannya yang sebenar sebagai hamba Allah dan sebagai tuan kepada yang lain dari Allah. Kedudukan ini tidak boleh didapati dalam mana-mana sistem hidup yang lain dari sistem keimanan yang dibawa oleh Islam. Sistem keimanan telah mengeluarkan manusia dari amalan menyembah sesama makhluk kepada menyembah Allah Yang Maha Esa. Apabila sistem keimanan mentauhidkan Uluhiyah dan menyamaratakan seluruh manusia dalam 'Ubudiyah kepada Allah dan meletakkan seluruh kuasa dan hak memerintah di tangan Allah Yang Maha Esa sahaja, maka tiada seorang pun harus tunduk kepada undang-undang ciptaan manusia yang sama standing dengannya hingga sanggup menjadi abdinya walaupun ia telah merdeka.

Oleh sebab itu orang-orang yang beriman sentiasa berada di dalam rahmat dan limpah kurnia Allah baik dalam kehidupan dunia sekarang mahupun dalam kehidupan Akhirat yang akan datang:

وَيَهْدِيهِمْ إِلَيْهِ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿١٧٥﴾

"Dan menunjukkan jalan yang lurus untuk menuju kepada-Nya." (175)

Kata-kata *"menuju kepada-Nya"* menyalutkan ayat ini dengan harakat yang memberi gambaran bagaimana tangan taufiq Allah sedang membimbing langkah-langkah orang-orang yang beriman di tengah jalan yang lurus menuju "kepada-Nya" dan mendekatkan mereka kepada-Nya selangkah demi selangkah. Ungkapan ini dapat ditanggapkan maksud, dan pengertiannya oleh setiap orang yang beriman kepada Allah dengan bukti-bukti yang jelas. Oleh sebab itu ia berpegang teguh kepada Allah dengan penuh keyakinan di mana ia merasa dirinya mendapat pertunjuk pada setiap sa'at dan melihat jalan yang cukup terang dan jelas di hadapannya dan merasa dirinya bergerak kian dekat kepada Allah setiap kali ia menghayun langkah di jalan yang lurus ini.

Inilah maksud dan pengertian yang hanya dapat dirasakan oleh hati dan ia tidak dapat diketahui sehingga dirasakan sendiri.

(Pentafsiran ayat 176)

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ ٱللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِى ٱلْكَلَٰلَةِ ۚ إِنِ ٱمْرُؤٌا۟ هَلَكَ لَيْسَ لَهُۥ وَلَدٌ وَلَهُۥٓ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ ۚ وَهُوَ يَرِثُهَآ إِن لَّمْ يَكُن لَّهَا وَلَدٌ ۚ فَإِن كَانَتَا ٱثْنَتَيْنِ فَلَهُمَا ٱلثُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ ۚ وَإِن كَانُوٓا۟ إِخْوَةً رِّجَالًا وَنِسَآءً فَلِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ ٱلْأُنثَيَيْنِ ۗ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ أَن تَضِلُّوا۟ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌۢ ﴿١٧٦﴾

"Mereka meminta fatwa darimu (Muhammad) katakanlah: Allah memberi fatwa kepada kamu tentang (masalah) kalalah, iaitu jika seseorang mati tanpa meninggalkan anak, sedangkan ia mempunyai saudara perempuan (seibu sebapa), maka ia (saudara perempuan) mendapat separuh dari harta yang telah ditinggalkan si mati dan dia (saudara lelaki) pula mewarisi semua hartanya (saudara perempuan) jika saudara perempuannya itu tidak mempunyai anak. Dan jika saudara perempuan itu dua orang, maka kedua-duanya mendapat dua pertiga dari harta yang telah ditinggalkan oleh si mati dan jika mereka (saudara-saudara) itu ramai lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan. Allah menerangkan (hukum-hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(176)

Hukum Warisan Pusaka Kalalah

Demikianlah surah ini ditamatkan. Di bahagian awalnya ia memperkatakan tentang hubungan-hubungan keluarga dan pertalian takaful kekeluargaan dalam masyarakat dan di celah-celah pembicaraan itu ia mengemukakan peraturan-peraturan kemasyarakatan dan di bahagian akhirnya pula ditamatkan dengan hukum-hukum pelengkap masalah warisan kalalah, iaitu kes mewarisi si mati yang tidak meninggal anak dan bapa - mengikut pendapat Abu Bakr r.a. yang kemudian menjadi pendapat jama'ah ulama'.

Sebahagian dari hukum-hukum kalalah ini telah dibicarakan di awal surah dalam bahagian yang berkaitan dengan cara mewarisi pusaka kalalah dari sebelah rahim jika tidak ada 'asabah. Nas yang disebut di sana berbunyi:

وَإِن كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَٰلَةً أَوِ ٱمْرَأَةٌ وَلَهُۥٓ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا ٱلسُّدُسُ ۚ فَإِن كَانُوٓا۟ أَكْثَرَ مِن ذَٰلِكَ فَهُمْ شُرَكَآءُ فِى ٱلثُّلُثِ ۚ مِنۢ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَآ أَوْ دَيْنٍ غَيْرَ مُضَآرٍّ ۚ وَصِيَّةً مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٢﴾

"Dan jika dia (si mati lelaki atau si mati perempuan yang diwarisi itu) seorang yang (tidak meninggal anak atau bapa) dan mempunyai seorang saudara lelaki (seibu) atau seorang saudara perempuan (seibu), maka setiap orang dari keduanya mendapat satu perenam, tetapi jika mereka (saudara-saudara) lebih dari seorang, maka mereka berkongsi pada satu pertiga setelah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati atau setelah dibayarkan hutangnya dan hendaklah wasiat itu tidak mendatangkan mudharat (kepada para pewaris) itulah perintah dari Allah dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Sabar."(12)

Di sini Al-Qur'an menyempurnakan penjelasan mengenai bahagian yang satu lagi tentang warisan pusaka kalalah, iaitu jika si mati yang tidak meninggalkan anak dan bapa itu mempunyai seorang saudara perempuan yang seibu sebapa atau sebapa, maka ia (saudara perempuan) memperolehi satu perdua dari harta peninggalan saudara lelakinya dan saudara lelaki juga mewarisi harta peninggalan saudara perempuannya - selepas mengambil fardhunya - jika ia (saudara perempuan) tidak meninggal anak dan bapa., dan jika kedua-duanya (saudara-saudara perempuan) itu seibu sebapa atau sebapa, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta peninggalan si mati dan jika saudara-saudara itu ramai lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang saudara lelaki ialah sebanyak bahagian dua orang saudara perempuan mengikut peraturan umum pusaka. Dan saudara-saudara lelaki dan saudara-saudara perempuan yang seibu sebapa adalah mendinding saudara-saudara lelaki dan saudara-saudara perempuan yang sebapa jika mereka berkumpul.

Ayat pusaka kalalah dan surah ini di akhiri dengan sebuah ulasan Al-Qur'an yang memulangkan segala urusan kepada Allah dan menghubungkan penggarisan peraturan hak-hak, kewajipan-kewajipan, peraturan-peraturan harta dan bukan harta dengan syari'at Allah:

يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ أَن تَضِلُّوا۟ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌۢ ﴿١٧٦﴾

"Allah menerangkan (hukum-hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(176)

Ungkapan *"segala sesuatu"*(بكل شيء) itu adalah meliputi perkara-perkara pusaka dan bukan pusaka, iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum-hukum dan peraturan-peraturan hubungan keluarga dan hubungan kelompok-kelompok masyarakat. Pilihan hanya satu sahaja sama ada memilih peraturan yang diterangkan Allah dalam segala perkara atau memilih kesesatan. Itulah dua jalan hidup manusia dan tidak ada jalan yang ketiga. Itulah jalan peraturan-peraturan yang diterangkan Allah dan jalan yang lain darinya adalah jalan yang sesat belaka.

Alangkah benarnya firman Allah:

فَمَاذَا بَعْدَ ٱلْحَقِّ إِلَّا ٱلضَّلَٰلُ ۖ

"Tiada yang lain selepas kebenaran itu melainkan kesesatan."

(Surah Yunus: 32)

(Diiringi oleh Surah al-Ma'idah)

JUZU' KE-6

SURAH AL-MAI'DAH

SURAH KE

5

سُورَةُ المَائِدَة

SURAH AL-MA'IDAH

Surah Hidangan

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

120

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Al-Qur'anul-Karim ini diturunkan ke dalam hati Rasulullah s.a.w. untuk melahirkan satu umat, membangunkan sebuah negara, menyusun sebuah masyarakat, mengasuh dan mendidik hati nurani, budi pekerti dan akal fikiran, seterusnya untuk mengatur hubungan-hubungan dalaman masyarakat itu, mengatur hubungan negara itu dengan negara-negara yang lain seluruhnya, mengatur hubungan umat itu dengan berbagai umat yang lain dan mengikatkan semua hubungan-hubungan itu dengan satu ikatan yang kuat, di mana semua bahagiannya yang berselerak dikumpul dan dipadu, disusun dan diatur dengan rapi dan semuanya diikat pada satu sumber, satu kuasa dan satu arah. Itulah agama mengikut hakikatnya di sisi Allah dan mengikut sebagaimana ia dikenali oleh kaum Muslimin semasa mereka muncul sebagai kaum Muslimin.

Oleh sebab itulah kita dapati di dalam surah ini - sebagaimana kita dapati dalam tiga surah yang panjang sebelumnya - berbagai-bagai maudhu' pembicaraan dan yang menjadi tali pengikatnya ialah matlamat asasi yang seluruh Al-Qur'an digemblengkan untuk merealisasikannya, iaitu matlamat melahirkan satu umat, membangunkan satu negara, menyusun sebuah masyarakat di atas landasan 'aqidah yang khusus, kefahaman dan pandangan yang tertentu dan di atas satu struktur yang baru, dan yang menjadi pokok dalam struktur ini ialah 'aqidah tauhid yang menjadikan Allah S.W.T. Yang Maha Esa satu-satunya yang berhak memegang teraju pengurusan, pentadbiran dan kekuasaan dan di samping itu seluruh sistem hidup, undang-undang dan peraturan, neraca-neraca ukuran dan nilai-nilainya adalah diambil dari Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu.

Begitu juga kita dapati dalam surah ini pembicaraan-pembicaraan untuk menegakkan kefahaman i'tiqad yang dijelas dan dibersihkan dari dongeng-dongeng wathaniyah/paganisme (الوثنية) dan penyelewengan-penyelewengan kaum Ahlil-Kitab dan ubah pinda mereka di samping membuka mata dan menyedarkan kelompok Muslimin terhadap hakikat diri mereka, hakikat peranan mereka dan tabi'at jalan perjuangan mereka yang penuh dengan lubang-lubang gelincir, duri-duri dan jerat-jerat yang dipasang oleh musuh-musuh mereka dan musuh-musuh agama Islam dan di samping mengemukakan hukum, syi'ar-syi'ar ibadat yang membersihkan jiwa individu Muslim dan jiwa kelompok Muslimin dan mengikatkan mereka dengan Allah serta menghuraikan peraturan-peraturan kemasyarakatan yang mengatur perhubungan-perhubungan masyarakat mereka dan undang-undang antarabangsa yang mengaturkan hubungan negara mereka dengan lain-lain negara, juga mengemukakan undang-undang yang menghalal dan mengharam beberapa jenis makanan, minuman dan pernikahan atau beberapa ragam perbuatan dan kelakuan. Semuanya merupakan seberkas persoalan yang dimuat dalam satu surah yang menggambarkan konsep agama sebagaimana yang dikehendaki Allah dan sebagaimana yang difahamkan oleh kaum Muslimin semasa mereka muncul sebagai kaum Muslimin.

Tetapi cara gaya pernyataan Al-Qur'an - sebagaimana dapat dilihat dalam surah ini dan Surah Aali 'Imran dan an-Nisa' sebelum ini - tidak berpada dengan pengertian secara tersirat ini sahaja yang difaham dari tujuan mengutarakan semua maudhu' pembicaraan ini di dalam satu surah di samping membicarakannya dalam berbagai-bagai surah yang lain yang membentuk isi kandungan Al-Qur'an dan menggambarkan sistem hidup Rabbani yang dikandunginya. Cara dan gaya penyataan Al-Qur'an di sini tidak hanya berpada dengan pengertian yang tersirat ini sahaja, malah ia menerangkannya dengan nas yang jelas dan tegas serta memberi tekanan yang berat bahawa segala apa yang diterangkannya itulah agama dan bahawa mengikrar segala apa yang diterangkannya itulah "Iman" dan bahawa amalan berhakimkan kepada segala peraturan yang diterangkannya itulah "Islam" dan sebaliknya mereka yang tidak berhakimkan kepada undang-undang dan peraturan yang diturunkan Allah adalah dicapkan sebagai orang-orang yang kafir, orang-orang yang zalim dan orang-orang yang fasiq (al-Kafirun, az-Zalimun dan al-Fasiqun) dan sebagai orang-orang yang inginkan peraturan-peraturan jahiliyah, sedangkan orang-orang Mu'min dan Muslim tidak inginkan peraturan-peraturan jahiliyah.

Inilah dasar agung yang menonjol di dalam surah ini dengan begitu ketara dan jelas dan diterangkan dengan nas yang jelas di samping membetulkan kefahaman i'tiqad yang menjadi asas dasar yang agung ini.

Di sini eloklah kami gambarkan dari gaya pernyataan Al-Qur'an dalam surah ini sebagaimana

kedua-dua dasar agung itu menonjol dalam semua penyataannya dan bagaimana kedua-dua dasar iman dan Islam secara tabi'i dan logikal.

Cara penyataan Al-Qur'an yang menjelaskan bahawa kewajipan berhakimkan kepada undang-undang dan peraturan yang diturunkan Allah itulah "Islam" dan bahawa segala hukum halal dan haram yang disyari'atkan Allah kepada manusia itulah "Agama" adalah didasarkan kepada hakikat bahawa Allah itulah Tuhan Yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya dalam Uluhiyah-Nya dan kepada hakikat bahawa Allah itulah Pencipta yang tunggal yang tiada sekutu bagi-Nya dalam urusan ciptaan-Nya, juga kepada hakikat bahawa Allah itulah Pemilik dan Pemerintah yang tunggal yang tiada sekutu bagi-Nya dalam kerajaan alam buana yang dimiliki-Nya. Oleh sebab itu adalah jelas dari segi kepastian dan logik agar tiada suatu hukum atau perintah yang diputuskan melainkan dengan syari'at Allah dan kebenaran-Nya, kerana Allah selaku Pencipta dan-Pemilik segala sesuatu adalah satu-satunya yang berhak dan yang berkuasa menentukan sesuatu peraturan yang diredhai-Nya bagi para makhluk yang dimiliki-Nya. Dialah satu-satunya yang berhak menggariskan syari'at bagi para hamba yang dimiliki-Nya dan Dialah satu-satunya yang harus dita'ati undang-undang-Nya dan dilaksanakan hukum-Nya. Jika tidak, maka itulah tindakan derhaka, penentangan dan kekufuran terhadap Allah. Dialah satu-satunya yang berhak menjelaskan i'tiqad yang betul bagi hati manusia di samping menentukan peraturan yang betul bagi kehidupan mereka. Orang-orang yang beriman kepada Allah ialah orang-orang yang beriman kepada 'aqidah yang telah ditetapkan oleh-Nya dan mematuhi peraturan yang diredhai-Nya. Kedua-duanya adalah sama. Para Mu'minin mengabdikan diri mereka kepada Allah dengan mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat dan menjunjung syari'at-Nya tanpa membezakan di antara syi'ar ibadat dengan undang-undang syari'at, kerana kedua-duanya dari Allah belaka. Tiada siapa pun yang berkuasa dalam kerajaan-Nya dan di atas para hamba-Nya bersama-sama dengan-Nya, kerana Allah itulah Tuhan dan pemilik yang tunggal yang mengetahui segala isi langit dan bumi. Di sini jelaslah bahawa memerintah dan menghukum dengan syari'at Allah itulah agama setiap nabi kerana itulah agama Allah dan tiada agama yang lain dari-Nya.

Oleh sebab itulah dalam surah ini, datangnya nas-nas berturut-turut menjelaskan hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa dan menolak segala bentuk syirik atau triniti atau kepercayaan yang mencampur-adukkan di antara zat Allah S.W.T. dengan yang lain dari-Nya atau di antara ciri-ciri Uluhiyah dengan ciri 'Ubudiyah umumnya:

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا
يُبَيِّنُ لَكُمۡ كَثِيرٗا مِّمَّا كُنتُمۡ تُخۡفُونَ
مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَيَعۡفُواْ عَن كَثِيرٖۚ قَدۡ جَآءَكُم
مِّنَ ٱللَّهِ نُورٞ وَكِتَٰبٞ مُّبِينٞ ١٥
يَهۡدِي بِهِ ٱللَّهُ مَنِ ٱتَّبَعَ رِضۡوَٰنَهُۥ سُبُلَ
ٱلسَّلَٰمِ وَيُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى
ٱلنُّورِ بِإِذۡنِهِۦ وَيَهۡدِيهِمۡ إِلَىٰ صِرَٰطٖ
مُّسۡتَقِيمٖ ١٦
لَّقَدۡ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ
ٱلۡمَسِيحُ ٱبۡنُ مَرۡيَمَۚ قُلۡ فَمَن يَمۡلِكُ
مِنَ ٱللَّهِ شَيۡـًٔا إِنۡ أَرَادَ أَن يُهۡلِكَ ٱلۡمَسِيحَ
ٱبۡنَ مَرۡيَمَ وَأُمَّهُۥ وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ
جَمِيعٗاۗ وَلِلَّهِ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ
وَمَا بَيۡنَهُمَاۚ يَخۡلُقُ مَا يَشَآءُۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ
شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٧
وَقَالَتِ ٱلۡيَهُودُ وَٱلنَّصَٰرَىٰ نَحۡنُ أَبۡنَٰٓؤُاْ ٱللَّهِ وَأَحِبَّٰٓؤُهُۥۚ
قُلۡ فَلِمَ يُعَذِّبُكُم بِذُنُوبِكُمۖ بَلۡ أَنتُم بَشَرٞ مِّمَّنۡ خَلَقَۚ
يَغۡفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُۚ وَلِلَّهِ مُلۡكُ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَاۖ وَإِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ١٨
يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمۡ عَلَىٰ
فَتۡرَةٖ مِّنَ ٱلرُّسُلِ أَن تَقُولُواْ مَا جَآءَنَا مِنۢ بَشِيرٖ وَلَا
نَذِيرٖۖ فَقَدۡ جَآءَكُم بَشِيرٞ وَنَذِيرٞۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ
قَدِيرٞ ١٩

"Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul kami yang menjelaskan kepada kamu banyak dari isi kandungan al-kitab (Injil dan Taurat) yang kamu sembunyikannya dan banyak pula yang diabaikannya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu satu nur dari Allah dan sebuah kitab (Al-Qur'an) yang amat jelas.(15) Dengannya (kitab Al-Qur'an) Allah memberi hidayat kepada

mereka yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan keselamatan dan mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang benderang dengan keizinan-Nya dan memimpin mereka ke jalan yang lurus. (16) Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam. Katakanlah: Siapakah yang berkuasa menghalangkan sesuatu dari kehendak Allah jika Dia mahu membinasakan al-Masih putera Maryam dan bondanya serta sekalian penghuni bumi? Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya dan Dialah yang berkuasa menciptakan segala apa yang disukai-Nya. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu. (17) Kamilah putera-putera Allah dan para kekasih-Nya. Katakanlah: Mengapa pula Allah mengazabkan kamu kerana dosa-dosa kamu? Malah sebenarnya kamu adalah manusia biasa di antara mereka yang telah diciptakan Allah. Dia mengampunkan siapa yang dikehendaki-Nya dan menyeksakan siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya dan kepada-Nya kembali seluruh makhluk.(18) Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul kami menjelaskan (peraturan syari'at) kepada kamu ketika putusnya pengiriman rasul-rasul agar kamu tidak dapat berdalih: Tidak pernah datang kepada kami seorang rasul pun baik yang menyampaikan berita gembira mahupun yang memberi amaran. Sebenarnya telah datang kepada kamu rasul yang menyampaikan berita gembira dan memberi amaran dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(19)

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ ۖ وَقَالَ
الْمَسِيحُ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ اعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ ۖ
إِنَّهُ مَن يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ
وَمَأْوَاهُ النَّارُ ۖ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿٧٢﴾
لَّقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ ۘ وَمَا
مِنْ إِلَٰهٍ إِلَّا إِلَٰهٌ وَاحِدٌ ۚ وَإِن لَّمْ يَنتَهُوا عَمَّا يَقُولُونَ
لَيَمَسَّنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam, sedangkan al-Masih sendiri berkata: Wahai Bani Israel! Sembahlah Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Sesungguhnya sesiapa yang mempersekutukan Allah nescaya Allah haramkan Syurga kepadanya dan tempatnya kelak ialah Neraka dan orang-orang yang zalim tidak akan mempunyai penolong-penolong.(72) Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu salah satu dari tiga (tuhan), sedangkan sebenarnya tiada Tuhan yang lain melainkan Tuhan Yang Maha Esa. Andainya mereka tidak berhenti dari mengucapkan apa yang dikatakan mereka nescaya orang-orang yang kafir dari mereka akan disentuh azab yang amat pedih."(73)

Dan oleh sebab Allah Yang Maha Esa sahaja yang menjadi Tuhan, maka Dialah sahaja yang menjadi Pencipta dan Pemilik yang tunggal dan Dialah sahaja yang berhak menentukan halal dan haram dan seterusnya Dialah sahaja yang wajar dipatuhi undang-undang dan peraturan yang disyari'atkan dan hukum-hukum halal dan haram yang telah ditetapkan. Sebagaimana Allah sahaja yang wajar disembah maka Dialah juga yang wajar ditumpukan kepada-Nya segala syi'ar-syi'ar ibadat. Allah telah mengikatkan perjanjian dengan para hamba-Nya untuk melaksanakan semuanya ini dan Allah menuntut orang-orang yang beriman agar menyempurnakan perjanjian mereka dengan-Nya serta mengingatkan mereka terhadap akibat-akibat buruk kerana merombak dan memungkiri perjanjian itu sebagaimana yang telah berlaku kepada Bani Israel sebelum mereka:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Tunaikanlah segala perjanjian."(1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُحِلُّوا شَعَائِرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ
الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْقَلَائِدَ وَلَا آمِّينَ الْبَيْتَ
الْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghalalkan syi'ar-syi'ar Allah, juga jangan kamu menghalalkan bulan-bulan haram, jangan kamu (mengganggu) binatang-binatang korban (yang dihadiahkan kepada Ka'bah) dan binatang-binatang korban yang dikalungkan dan jangan kamu mengganggu pengunjung-pengunjung Baitullah yang mencari limpah kurnia dan keredhaan dari Tuhan mereka."(2)

وَاذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمِيثَاقَهُ الَّذِي
وَاثَقَكُم بِهِ إِذْ قُلْتُمْ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۖ وَاتَّقُوا
اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٧﴾
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ
بِالْقِسْطِ ۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا
تَعْدِلُوا ۚ اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ
إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

"Dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu dan perjanjian-Nya yang telah diikatkan dengan kamu ketika kamu berkata: Kami dengar dan kami ta'at dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada (kamu).(7) Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu jadi para penegak kebenaran kerana Allah dan para saksi dengan adil dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Hendaklah kamu berlaku adil kerana keadilan itu lebih dekat kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(8)

وَلَقَدْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَبَعَثْنَا
مِنْهُمُ ٱثْنَىْ عَشَرَ نَقِيبًا ۖ وَقَالَ ٱللَّهُ إِنِّى
مَعَكُمْ ۖ لَئِنْ أَقَمْتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَيْتُمُ
ٱلزَّكَوٰةَ وَءَامَنتُم بِرُسُلِى وَعَزَّرْتُمُوهُمْ
وَأَقْرَضْتُمُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَّأُكَفِّرَنَّ عَنكُمْ
سَيِّـَٔاتِكُمْ وَلَأُدْخِلَنَّكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن
تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ فَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ مِنكُمْ
فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١٢﴾

فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَٰقَهُمْ لَعَنَّٰهُمْ وَجَعَلْنَا
قُلُوبَهُمْ قَٰسِيَةً ۖ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَن
مَّوَاضِعِهِۦ ۙ وَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ ۚ
وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَىٰ خَآئِنَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا
مِّنْهُمْ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱصْفَحْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ
ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣﴾

وَمِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰٓ أَخَذْنَا مِيثَٰقَهُمْ
فَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَأَغْرَيْنَا
بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَاوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ
وَسَوْفَ يُنَبِّئُهُمُ ٱللَّهُ بِمَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ﴿١٤﴾

"Dan sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian dari Bani Israel dan Kami telah mengangkatkan di antara mereka dua belas orang pemimpin dan Allah telah berfirman: Sesungguhnya Aku bersama kamu. Dan sesungguhnya jika kamu mendirikan solat dan menunaikan zakat serta beriman kepada para rasul-Ku dan kamu membantu mereka dan meminjamkan pinjaman yang baik kepada Allah nescaya akan Ku hapuskan dosa-dosa kamu dan akan Ku masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Dan sesiapa yang kafir di antara kamu selepas itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang lurus.(12) Oleh sebab mereka membatalkan perjanjian mereka Kami kutukkan mereka dan Kami jadikan hati mereka keras membatu. Mereka mengubahkan kalam Allah dari tempat-tempatnya yang sebenar dan mereka sengaja melupakan sebahagian dari perjanjian yang diperingatkan mereka dengannya dan engkau (wahai Muhammad) sentiasa menghadapi pengkhianatan dari mereka kecuali sebilangan yang kecil dari mereka. Oleh itu maaf dan ampunkan mereka. Sesungguhnya Allah kasihkan para Muhsinin.(13) Di antara mereka yang telah mengatakan: Sesungguhnya kami adalah penganut agama Nasara, Kami telah mengambil perjanjian dari mereka, tetapi mereka sengaja melupakan sebahagian dari perjanjian yang diperingatkan mereka dengannya lalu Kami timbulkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sampai kepada hari Kiamat dan Allah akan menceritakan kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka."(14)

Penjelasan rangkaian ayat-ayat surah ini mengandungi berbagai-bagai hukum syara'. Di antaranya ialah hukum-hukum halal dan haram yang berkaitan dengan binatang-binatang sembelihan dan binatang-binatang buruan, di antaranya ialah hukum-hukum halal dan haram dalam masa ihram dan di dalam Masjidil-Haram, di antaranya ialah hukum-hukum halal dan haram yang berkaitan dengan perkahwinan, di antaranya ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan hukuman hudud dalam jenayah mencuri dan gerakan memberontak terhadap kelompok Muslimin, di antaranya ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan arak, judi, berhala-berhala dan azlam, di antaranya ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan denda-denda atau kifarat-kifarat kerana membunuh buruan dalam masa ihram dan kerana bersumpah, di antaranya ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan wasiat ketika hampir mati, di antaranya ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan unta bahirah (unta lepasan yang dibelahkan telinganya setelah sepuluh kali melahirkan anak), unta sa'ibah (unta lepasan setelah lima kali melahirkan anak), biri-biri wasilah (anak biri-biri jantan yang dibebaskan dari penyembelihan apabila ia dilahirkan kembar dengan anak betina) dan binatang-binatang ternakan kami (binatang yang dibebaskan dari ditunggang setelah sepuluh kali melahirkan anak), di antaranya ialah hukum-hukum yang berhubung dengan undang-undang qisas di dalam Taurat yang dijadikan Allah sebagai undang-undang kepada kaum Muslimin. Demikianlah undang-undang dan peraturan itu bertemu dengan syi'ar-syi'ar ibadat dalam penjelasan surah ini tanpa dicerai dan dipisah.

Di samping menjelaskan berbagai-bagai hukum syara' ini dikemukakan pula perintah supaya ta'at dan mematuhi segala peraturan yang disyari'at dan disuruh oleh Allah, juga dikemukakan larangan menghalal dan mengharamkan sesuatu melainkan dengan perintah Allah dan selepas itu datang pula nas yang menegaskan bahawa Islam itu adalah agama yang diredhai Allah untuk dianuti oleh umat yang beriman setelah Allah melengkap dan menyempurnakan agama itu sebagai kemuncak limpah kurnia-Nya.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحِلُّوا۟ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ وَلَا ٱلشَّهْرَ
ٱلْحَرَامَ وَلَا ٱلْهَدْىَ وَلَا ٱلْقَلَٰٓئِدَ وَلَآ ءَآمِّينَ ٱلْبَيْتَ

ٱلْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَٰنًا ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghalalkan syi'ar-syi'ar Allah, juga jangan kamu menghalalkan bulan-bulan haram, janganlah kamu (mengganggu) binatang-binatang korban (yang dihadiahkan kepada Ka'bah) dan binatang-binatang korban yang dikalungkan dan jangan kamu mengganggu pengunjung-pengunjung Baitullah yang mencari limpah kurnia dan keredhaan dari Tuhan mereka."(2)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحَرِّمُوا۟ طَيِّبَٰتِ مَآ
أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ
ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٨٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengharamkan sesuatu yang baik yang telah dihalalkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melampaui batas."(87)

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَٱحْذَرُوا۟ ۚ

"Ta'atilah kamu kepada Allah dan ta'atlah kepada rasul dan berhati-hatilah."(92)

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى
وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ۚ

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu."(3)

Penerangan ayat tentang kewajipan menta'ati dan mematuhi peraturan-peraturan yang menghalal dan mengharamkan sesuatu itu tidaklah ditinggalkan dalam bentuk penerangan yang umum, malah ia mengemukakan nas yang jelas dan tegas mewajibkan mereka menghukum dengan peraturan-peraturan (halal haram) yang diturunkan oleh Allah sahaja bukannya peraturan-peraturan yang lain darinya. Jika tidak, maka perbuatan itu adalah satu perbuatan yang kafir, zalim dan fasiq. Nas-nas Al-Qur'an dalam perkara ini berturut-turut diturunkan dengan ungkapan yang tegas dan jelas seperti ini:

۞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ لَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ
فِى ٱلْكُفْرِ مِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِأَفْوَٰهِهِمْ
وَلَمْ تُؤْمِن قُلُوبُهُمْ ۛ وَمِنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ ۛ سَمَّٰعُونَ
لِلْكَذِبِ سَمَّٰعُونَ لِقَوْمٍ ءَاخَرِينَ لَمْ يَأْتُوكَ ۖ
يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ مِنۢ بَعْدِ مَوَاضِعِهِۦ ۖ يَقُولُونَ
إِنْ أُوتِيتُمْ هَٰذَا فَخُذُوهُ وَإِن لَّمْ تُؤْتَوْهُ
فَٱحْذَرُوا۟ ۚ وَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ فِتْنَتَهُۥ فَلَن تَمْلِكَ لَهُۥ
مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَمْ يُرِدِ ٱللَّهُ أَن
يُطَهِّرَ قُلُوبَهُمْ ۚ لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ ۖ وَلَهُمْ فِى
ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٤١﴾
سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَّٰلُونَ لِلسُّحْتِ ۚ فَإِن
جَآءُوكَ فَٱحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ ۖ وَإِن
تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْـًٔا ۖ وَإِنْ حَكَمْتَ
فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ
ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾
وَكَيْفَ يُحَكِّمُونَكَ وَعِندَهُمُ ٱلتَّوْرَىٰةُ فِيهَا
حُكْمُ ٱللَّهِ ثُمَّ يَتَوَلَّوْنَ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ ۚ وَمَآ أُو۟لَٰٓئِكَ
بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٣﴾
إِنَّآ أَنزَلْنَا ٱلتَّوْرَىٰةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ ۚ يَحْكُمُ بِهَا
ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسْلَمُوا۟ لِلَّذِينَ هَادُوا۟
وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ بِمَا ٱسْتُحْفِظُوا۟ مِن
كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ عَلَيْهِ شُهَدَآءَ ۚ فَلَا تَخْشَوُا۟
ٱلنَّاسَ وَٱخْشَوْنِ وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ
وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾
وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ
وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ
وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌ ۚ فَمَن
تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُۥ ۚ وَمَن لَّمْ
يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

وَقَفَّيْنَا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم بِعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِّمَا
بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ ۖ وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْإِنجِيلَ فِيهِ هُدًى
وَنُورٌ وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَهُدًى
وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ٤٦
وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ ٱلْإِنجِيلِ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فِيهِ ۚ وَمَن لَّمْ
يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ٤٧
وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ
يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ ۖ فَٱحْكُم بَيْنَهُم
بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلْحَقِّ ۚ
لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا ۚ وَلَوْ شَآءَ
ٱللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ
فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ ۖ فَٱسْتَبِقُوا۟ ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ
جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ٤٨
وَأَنِ ٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ
هُمْ وَٱحْذَرْهُمْ أَن يَفْتِنُوكَ عَنۢ بَعْضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ
إِلَيْكَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعْضِ
ذُنُوبِهِمْ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ لَفَٰسِقُونَ ٤٩
أَفَحُكْمَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا
لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ٥٠

"Wahai Rasul (Muhammad)! Janganlah engkau didukacitakan oleh perbuatan mereka yang cepat memperlihatkan kekafiran, iaitu dari orang-orang (Munafiqin) yang berkata dengan mulut mereka: 'Kami telah beriman', sedangkan hati mereka belum lagi beriman dan dari orang-orang Yahudi. Mereka amat gemar mendengar perkataan-perkataan yang dusta dan mereka amat suka mendengar perkataan golongan yang lain (pendeta-pendeta Yahudi) yang belum pernah bertemu dengan engkau. Mereka ini mengubahkan perkataan-perkataan (Taurat) dari tempat-tempatnya yang sebenar. Mereka berkata: 'Jika hukum ini (hukum yang diubah) diberikan kepada kamu, maka terimalah dan jika kamu tidak diberikan hukum ini, maka hendaklah kamu berhati-hati.' Barangsiapa yang Allah berkehendak menyesatkannya, maka engkau tidak akan berdaya menolaknya sedikitpun. Merekalah orang-orang yang Allah tidak berkehendak membersihkan hati mereka. Di dunia mereka mendapat kehinaan dan di Akhirat pula mereka akan mendapat azab yang amat besar (41). Mereka amat gemar mendengar perkataan yang dusta dan amat gemar memakan harta yang haram. Oleh itu jika mereka (orang-orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta keputusan), maka adililah di antara mereka atau berpalinglah dari mereka dan jika engkau berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan dapat memudaratkan engkau sedikitpun dan jika engkau adili, maka adililah di antara mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang adil (42). Dan bagaimana mereka hendak berhakimkan kepadamu, sedangkan mereka mempunyai kitab Taurat yang mengandungi hukum-hukum Allah kemudian mereka berpaling pula sesudah itu (dari keputusanmu)? Dan sebenarnya mereka bukanlah orang-orang yang beriman (kepada keputusanmu) (43). Sesungguhnya Kami telah menurunkan kitab Taurat yang mengandungi hidayat dan nur, yang mana dengan peraturan-peraturan para nabi yang menyerahkan diri kepada Allah menjalankan pengadilan ke atas orang-orang Yahudi, juga para ulama' dan para pendeta (mereka) kerana mereka telah diamanahkan memelibara kitab Allah (Taurat). Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi takutlah kepada Aku dan janganlah kamu menjual ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit, dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkankan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir (44). Dan Kami telah menetapkan (hukuman qisas) ke atas mereka di dalam Taurat, iaitu nyawa dibalas dengan nyawa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung, telinga dibalas dengan telinga, gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka juga ditetapkan hukum qisas. Barang siapa yang melepaskan hak qisasnya, maka pelepasan itu menjadi penebus dosanya dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang zalim (45). Dan Kami iringkan jejak langkah mereka (nabi-nabi Bani Israel) dengan Isa putera Maryam yang membenarkan kitab Taurat (yang diturunkan) sebelumnya dan Kami kurniakan kepadanya kitab Injil yang mengandungi hidayat dan nur dan membenarkan kitab Taurat (yang diturunkan) sebelumnya, juga menjadi hidayat dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa (46). Dan hendaklah pendokong-pendokong kitab Injil itu menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah di dalamnya dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah maka mereka adalah orang-orang yang fasiq (47). Dan Kami telah turunkan kepadamu (Muhammad) kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran yang mengesahkan kitab-kitab suci (yang diturunkan) sebelumnya dan mengawasinya. Oleh itu hendaklah engkau adili di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka untuk menyeleweng dari peraturan-peraturan yang benar yang telah datang kepadamu. Setiap umat dari kamu telah Kami jadikan untuknya peraturan dan cara hidup yang tertentu dan andainya Allah kehendaki nescaya Dia jadikan kamu satu umat sahaja, tetapi Allah hendak menguji kamu dalam pengurniaan-pengurniaan yang telah dikurniakan kepada kamu. Oleh itu hendaklah kamu berlumba-lumba mengerjakan kebajikan-kebajikan. Kepada Allah kamu sekalian kembali dan Allah akan menceritakan kepada kamu

segala perkara yang dipertikaikan oleh kamu (48). Dan hendaklah engkau (Muhammad) adili di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka dan hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka yang hendak menyelewengkan engkau dari setengah-setengah peraturan yang telah diturunkan Allah kepada engkau, kemudian jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah sebenarnya hendak menimpakan musibah ke atas mereka kerana beberapa dosa (yang telah dilakukan) mereka dan sesungguhnya kebanyakan manusia itu adalah fasiq (49). Apakah mereka mahukan pengadilan jahiliyah dan siapakah yang lebih baik dari pengadilan Allah bagi orang-orang yang yakin?"(50)

Demikianlah persoalan ini kelihatan begitu jelas, iaitu satu Tuhan, satu pencipta dan satu pemilik dan ini mengertikan satu pengadil/pemerintah, satu penggubal undang-undang dan satu pentadbir sahaja dan ini mengertikan satu syari'at, satu sistem dan satu undang-undang sahaja. Jadi, keta'atan, kepatuhan dan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah itulah iman dan Islam atau penderhakaan, pemberontakan dan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang bukan diturunkan Allah itulah kekafiran, kezaliman dan kefasiqkan. Inilah "agama" mengikut perjanjian yang diikatkan Allah dengan sekalian hamba-Nya dan inilah agama yang dibawa oleh sekalian rasul dari Allah dan di dalam aspek ini sama sahaja di antara umat Muhammad dengan umat-umat yang lain sebelumnya.

Ciri yang pasti bagi "agama Allah" ialah pengadilan/ pemerintahan dengan menggunakan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan bukannya dengan peraturan-peraturan yang lain. Inilah fenomena kekuasaan Allah. Inilah fenomena kuasa pengadilan dan pemerintahan Allah dan inilah fenomena konsep "لا إله إلا الله".

Kepastian perkaitan di antara "agama Allah" dengan pengadilan/pemerintahan yang menggunakan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah itu bukan sahaja hasil dari hakikat bahawa peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah itu adalah lebih baik dari peraturan-peraturan dan undang-undang yang diciptakan oleh manusia sendiri. Walaupun sebab ini merupakan salah satu dari sebab-sebab kepastian ini, namun ia bukannya merupakan sebab yang utama atau sebab yang asasi, malah sebab yang utama dan asasi atau dasar utama dan asasi dari kepastian perkaitan ini ialah pengadilan/pemerintahan dengan menggunakan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah itu adalah suatu pengiktirafan terhadap Uluhiyah Allah dan penolakan terhadap Uluhiyah dan cirinya dari yang lain dari Allah. Inilah Islam dalam ertikata bahasa "menyerah diri kepada Allah" dan dalam ertikata istilah yang dibawa oleh agama-agama Samawi, iaitu "penyerahan diri yang bulat kepada Allah" dan membersihkan diri dari dakwaan mempunyai ciri Uluhiyah bersama Allah dan dakwaan mempunyai ciri Uluhiyah Allah yang paling istimewa, iaitu kekuasaan, pengadilan, pemerintahan dan hak memerintah dan menundukkan manusia dengan syari'at dan undang-undang-Nya.

Kini jelaslah bahawa manusia tidak cukup dengan hanya menciptakan undang-undang sendiri yang serupa dengan syari'at Allah, malah tidak cukup walaupun dengan menggunakan syari'at Allah itu sendiri andainya mereka hubungkan undang-undang itu kepada diri mereka dengan meletakkan lebal mereka di atas undang-undang itu tanpa mengembalikannya kepada Allah dan tanpa melaksanakannya atas nama Allah sebagai pengiktirafan terhadap Uluhiyah Allah dan ketunggalan-Nya memiliki ciri Uluhiyah itu, iaitu ketunggalan yang melucutkan manusia dari mempunyai hak kekuasaan, pengadilan dan pemerintahan kecuali hak menjalankan syari'at Allah dan menegakkan kekuasaan-Nya di muka bumi ini.

Dari kepastian inilah lahirnya hakikat pengadilan/ pemerintahan yang dijelaskan di dalam ayat-ayat berikut dari surah ini:

وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ ٱلْإِنجِيلِ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فِيهِ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir.(44) Dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang zalim.(45) Dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang fasiq"(47)

kerana orang-orang yang tidak mahu mengadili/memerintah dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah bererti mengumumkan penolakan mereka terhadap Uluhiyah Allah S.W.T. dan penolakan mereka terhadap ketunggalan-Nya memiliki ciri Uluhiyah itu. Mereka mengumumkan penolakan ini dengan amalan dan realiti mereka walaupun mereka tidak mengumumkan dengan mulut dan lisan mereka, kerana bahasa amalan dan realiti adalah lebih kuat dan lebih lantang dari bahasa mulut dan lisan. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengecopkan mereka dengan ciri kekafiran, kezaliman dan kefasiqkan berlandaskan penolakan mereka terhadap Uluhiyah Allah apabila mereka menolak hak dan kuasa pengadilan/ pemerintahan Allah yang mutlaq dan apabila mereka memberi kepada diri mereka ciri Uluhiyah yang utama lalu menggubalkan untuk manusia undang-undang dari karangan mereka sendiri yang tidak diredhai Allah.

Di atas konsep inilah surah ini dengan nas-nasnya yang terang menekankan penjelasannya.

* * * * * *

Ada satu perkara lagi yang dibicarakan oleh surah ini selain dari pembicaraan membina kefahaman i'tiqad yang betul dan menjelaskan penyelewengan-

penyelewengan yang membabitkan i'tiqad dalam kalangan kaum Ahlil-Kitab dan kaum jahiliyah, dan selain dari pembicaraan yang menjelaskan konsep "agama", iaitu berpegang dengan i'tiqad yang betul, ta'at kepada Allah dan menerima dari Allah sahaja segala hukum halal dan haram, mengadili dan memerintah dengan menggunakan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah sahaja tanpa membuat sebarang pindaan, pengubahan dan penukaran.

Perkara itu ialah perkara kedudukan umat Muslimin ini sendiri, iaitu peranan mereka yang sebenar di muka bumi ini, sikap mereka terhadap musuh-musuh mereka di samping mendedahkan musuh-musuh itu dan tipudaya mereka yang jahat terhadap umat Muslimin dan agama Islam, juga menerangkan kesesatan-kesesatan dan penyelewengan yang berlaku dalam 'aqidah musuh-musuh mereka dan perseteruan serta usaha-usaha jahat mereka yang sebulat dan sepakat terhadap kelompok Muslimin.

Itulah perjuangan yang diharungi oleh Al-Qur'anul-Karim bersama kelompok Muslimin, iaitu perjuangan yang telah dibicarakan di dalam tiga surah panjang yang telah lepas.

Al-Qur'an kitab suci umat Muslimin ini adalah kitab Allah yang terakhir bagi umat manusia. Ia mengesah dan membenarkan segala kitab suci yang diturunkan sebelumnya mengenai dasar i'tiqad dan kepercayaan. Dan sebagai kitab suci yang terakhir, ia mengawasi segala kitab suci yang terdahulu dan kepadanya berakhir syari'at Allah yang diredhai-Nya untuk para hamba-Nya sehingga hari Kiamat. Oleh itu mana-mana peraturan dari syari'at Ahlil-Kitab yang ditetapkan oleh Al-Qur'an, maka peraturan itu adalah dari syari'at Allah dan mana-mana peraturan yang dimansukhkan olehnya, maka hilanglah darinya sifat syari'at Allah walaupun peraturan itu dinyatakan di dalam mana-mana kitab suci diturunkan itu:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى
وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu."(3)

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ
يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ

"Dan Kami telah turunkan kepadamu (Muhammad) kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran yang mengesahkan kitab-kitab suci (yang diturunkan) sebelumnya dan mengawasinya."(48)

Oleh sebab itu peranan umat Muslimin ialah menjadi penjaga dan pengawas umat manusia, iaitu mereka bertugas menegakkan keadilan tanpa terpengaruh kepada sebarang sentimen kasih atau benci dan tanpa melihat kepada keburukan yang telah menimpa mereka atau akan menimpa mereka dari orang-orang (yang sedang diadili mereka). Inilah tugas-tugas kepimpinan, penjagaan dan pengawasan dan seterusnya tanpa terpengaruh kepada penyelewengan-penyelewengan orang-orang yang lain dan kehendak-kehendak hawa nafsu mereka, iaitu mereka tidak menyeleweng seurat rambut pun dari peraturan, syari'at dan jalan hidup mereka yang betul dengan tujuan untuk mencapai keredhaan seseorang atau untuk menjinakkan hatinya. Mereka tidak memandang kepada pertimbangan-pertimbangan yang lain kecuali kepada Allah dan ketaqwaan kepada-Nya:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ
ٱلْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا۟ وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ وَلَا
تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ
إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

"Janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap sesuatu kaum kerana mereka menghalangkan kamu dari Masjidil-Haram itu mendorong kamu menceroboh dan hendaklah kamu saling membantu dalam usaha membuat kebajikan dan taqwa dan janganlah kamu saling membantu dalam melakukan perbuatan yang berdosa dan pencerobohan.Dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah amat berat balasan keseksaan-Nya."(2)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ
بِٱلْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا
تَعْدِلُوا۟ ٱعْدِلُوا۟ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ
إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu jadi para penegak keadilan kerana Allah dan para saksi dengan adil dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Hendaklah kamu berlaku adil kerana keadilan itu lebih dekat kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(8)

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ
يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ فَٱحْكُم بَيْنَهُم
بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلْحَقِّ

لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا ۚ وَلَوْ شَاءَ
اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ
فِي مَا آتَاكُمْ ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ
جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾
وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ
وَاحْذَرْهُمْ أَن يَفْتِنُوكَ عَن بَعْضِ مَا أَنزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ
فَإِن تَوَلَّوْا فَاعْلَمْ أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ ۗ
وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ ﴿٤٩﴾

"Dan Kami telah turunkan kepadamu (Muhammad) kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran yang mengesahkan kitab-kitab suci (yang diturunkan) sebelumnya dan mengawasinya.Oleh itu hendaklah engkau adili di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak-kehendak hawa nafsu mereka untuk menyeleweng dari peraturan-peraturan yang benar yang telah datang kepada kamu.(48) Dan hendaklah engkau (Muhammad) adili di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka dan hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka yang hendak menyelewengkan engkau dari setengah-setengah peraturan yang telah diturunkan Allah kepada engkau, kemudian jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah sebenarnya hendak menimpakan musibah ke atas mereka kerana beberapa dosa (yang telah dilakukan) mereka dan sesungguhnya kebanyakan manusia itu adalah fasiq."(49)

Di antara kehendak-kehendak yang tepat dengan kedudukan umat Muslimin selaku pewaris risalah-risalah yang silam dan selaku pendokong risalah yang terakhir dan agama yang terakhir, juga sebagai pemegang amanah penjagaan dan kepimpinan umat manusia-dengan agama yang terakhir ini ialah mereka tidak harus bersetiakawan dengan orang-orang yang menolak agama ini dan dengan orang-orang yang mempersenda-sendakan kewajipan-kewajipan dan syi'ar-syi'ar ibadat mereka, malah hendaklah mereka berhubung setia dengan Allah dan rasul-Nya dan jangan sekali-kali cenderung mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan rasul-Nya. Umat Muslimin adalah satu umat yang tegak dengan 'aqidah mereka bukan dengan bangsa mereka, bukan dengan negeri mereka dan bukan pula dengan budaya-budaya warisan jahiliyah mereka, malah mereka adalah satu umat yang tegak dengan 'aqidah mereka yang baru, dengan sistem hidup Rabbani dan dengan risalah yang terakhir ini dan inilah satu-satunya tali pengikat percantuman dan perpaduan mereka:

الْيَوْمَ يَئِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ
وَاخْشَوْنِ ۚ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ
نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ۚ

"Pada hari ini orang-orang kafir telah putus asa untuk mengatasi agama kamu. Oleh sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu."(3)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ ۘ
بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ
اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana setengah mereka adalah bersahabat setia terhadap satu sama lain dan sesiapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(51)

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾
وَمَن يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ
هُمُ الْغَالِبُونَ ﴿٥٦﴾
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَكُمْ
هُزُوًا وَلَعِبًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَالْكُفَّارَ
أَوْلِيَاءَ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾
وَإِذَا نَادَيْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ اتَّخَذُوهَا هُزُوًا وَلَعِبًا ۚ ذَٰلِكَ
بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْقِلُونَ ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya sahabat setia kamu ialah Allah dan rasul-Nya dan orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan menunaikan zakat, sedangkan mereka tunduk rukuk.(55) Dan barang siapa yang bersahabat setia dengan Allah dan rasul-Nya dan orang-orang yang beriman, maka sesungguhnya kumpulan Allah itulah yang pasti menang.(56) Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang telah mengambil agama kamu sebagai bahan sendaan dan permainan, iaitu dari mereka yang telah dikurniakan kitab suci sebelum kamu dan orang-orang yang kafir itu selaku sahabat-sahabat setia dan

bertaqwalah kepada Allah jika kamu benar-benar beriman.(57) Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan solat maka mereka mengambil seruan itu sebagai bahan sendaan dan permainan. Hal yang sedemikian disebabkan kerana mereka adalah satu kaum yang tidak berfikir."(58)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ ۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن
ضَلَّ إِذَا ٱهْتَدَيْتُمْ ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Awasilah diri kamu. Kamu tidak akan dimudaratkan oleh mereka yang sesat jika kamu telah mendapat hidayat."(105)

Musuh-musuh umat Muslimin ialah musuh-musuh hidayat dan musuh-musuh sistem hidup Ilahi yang sentiasa lurus dan betul. Mereka sengaja tidak mahu melihat agama yang benar di samping tidak mahu meninggalkan perseteruan yang berakar umbi di dalam hati mereka terhadap agama yang benar baik dahulu atau kemudian. Oleh sebab itu umat Muslimin adalah berkewajipan mengenal hakikat musuh-musuh mereka berdasarkan sejarah mereka yang lama bersama para rasulullah dan berdasarkan sikap mereka yang baru terhadap umat Muslimin dan terhadap agama mereka yang lurus:

وَلَقَدْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَـٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَبَعَثْنَا
مِنْهُمُ ٱثْنَىْ عَشَرَ نَقِيبًا ۖ وَقَالَ ٱللَّهُ إِنِّى
مَعَكُمْ ۖ لَئِنْ أَقَمْتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَيْتُمُ
ٱلزَّكَوٰةَ وَءَامَنتُم بِرُسُلِى وَعَزَّرْتُمُوهُمْ
وَأَقْرَضْتُمُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَّأُكَفِّرَنَّ عَنكُمْ
سَيِّـَٔاتِكُمْ وَلَأُدْخِلَنَّكُمْ جَنَّـٰتٍ تَجْرِى مِن
تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ ۚ فَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ مِنكُمْ
فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١٢﴾
فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَـٰقَهُمْ لَعَنَّـٰهُمْ وَجَعَلْنَا
قُلُوبَهُمْ قَـٰسِيَةً ۖ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَن
مَّوَاضِعِهِۦ ۙ وَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ ۚ
وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَىٰ خَآئِنَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا
مِّنْهُمْ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱصْفَحْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ
ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣﴾
وَمِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَـٰرَىٰٓ أَخَذْنَا مِيثَـٰقَهُمْ
فَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَأَغْرَيْنَا
بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَاوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۚ
وَسَوْفَ يُنَبِّئُهُمُ ٱللَّهُ بِمَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ﴿١٤﴾

"Dan sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian dari Bani Israel dan Kami telah mengangkatkan di antara mereka dua belas orang pemimpin dan Allah telah berfirman: Sesungguhnya Aku bersama kamu.Dan sesungguhnya jika kamu mendirikan solat dan menunaikan zakat serta beriman kepada para rasul-Ku dan kamu membantu mereka dan meminjamkan pinjaman yang baik kepada Allah nescaya akan Ku hapuskan dosa-dosa kamu dan akan Ku masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Dan sesiapa yang kafir di antara kamu selepas itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang lurus.(12) Oleh sebab mereka membatalkan perjanjian mereka Kami kutukkan mereka dan Kami jadikan hati mereka keras membatu. Mereka mengubahkan kalam Allah dari tempat-tempatnya yang sebenar dan mereka sengaja melupakan sebahagian dari perjanjian yang diperingatkan mereka dengannya dan engkau (wahai Muhammad) sentiasa akan menghadapi pengkhianatan dari mereka kecuali sebilangan yang kecil dari mereka. Oleh itu maaf dan ampunkan mereka. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang melakukan kebaikan.(13) Di antara mereka yang telah mengatakan: Sesungguhnya kami adalah penganut agama Nasara. Kami telah mengambil perjanjian dari mereka, tetapi mereka sengaja melupakan sebahagian dari perjanjian yang diperingatkan mereka dengannya lalu Kami timbulkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sampai kepada hari Kiamat dan Allah akan menceritakan kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka."(14)

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَـٰقَوْمِ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ
ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَعَلَ فِيكُمْ أَنۢبِيَآءَ وَجَعَلَكُم مُّلُوكًا
وَءَاتَىٰكُم مَّا لَمْ يُؤْتِ أَحَدًا مِّنَ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٢٠﴾
يَـٰقَوْمِ ٱدْخُلُوا۟ ٱلْأَرْضَ ٱلْمُقَدَّسَةَ ٱلَّتِى كَتَبَ
ٱللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَرْتَدُّوا۟ عَلَىٰٓ أَدْبَارِكُمْ فَتَنقَلِبُوا۟
خَـٰسِرِينَ ﴿٢١﴾
قَالُوا۟ يَـٰمُوسَىٰٓ إِنَّ فِيهَا قَوْمًا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن
نَّدْخُلَهَا حَتَّىٰ يَخْرُجُوا۟ مِنْهَا فَإِن يَخْرُجُوا۟ مِنْهَا فَإِنَّا
دَٰخِلُونَ ﴿٢٢﴾

قَالَ رَجُلَانِ مِنَ ٱلَّذِينَ يَخَافُونَ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمَا
ٱدْخُلُوا۟ عَلَيْهِمُ ٱلْبَابَ فَإِذَا دَخَلْتُمُوهُ فَإِنَّكُمْ غَٰلِبُونَ ۚ
وَعَلَى ٱللَّهِ فَتَوَكَّلُوٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٣﴾
قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّا لَن نَّدْخُلَهَآ أَبَدًا مَّا دَامُوا۟ فِيهَا ۖ
فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ إِلَّا نَفْسِى وَأَخِى ۖ فَٱفْرُقْ
بَيْنَنَا وَبَيْنَ ٱلْقَوْمِ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٥﴾
قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيْهِمْ ۛ أَرْبَعِينَ سَنَةً ۛ يَتِيهُونَ
فِى ٱلْأَرْضِ ۚ فَلَا تَأْسَ عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٦﴾

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Hendaklah kamu ingat kepada ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu sewaktu Dia menjadikan para anbiya' di dalam kalangan kamu dan menjadikan kamu selaku raja-raja. Allah telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang belum pernah dikurniakan kepada seseorang pun dari umat-umat yang lain.(20) Wahai kaumku! Masuklah ke tanah suci yang telah ditetapkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu mundur ke belakang nescaya kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi.(21) Mereka berkata: Wahai Musa! Sesungguhnya di dalam negeri itu ada satu kaum yang gagah perkasa dan sesungguhnya Kami tidak akan memasukinya sehingga mereka keluar darinya. Oleh itu jika mereka keluar darinya, maka Kami tetap akan memasukinya.(22) Lalu berkatalah dua orang lelaki dari golongan mereka yang takut kepada Allah dan yang telah Allah kurniakan kepada keduanya ni'mat keyakinan: "Hendaklah kamu masuk menyerang mereka melalui pintu (kota) dan apabila kamu memasukinya, maka kamu tetap mendapat kemenangan. Oleh itu hendaklah kamu bertawakkal kepada Allah jika kamu benar-benar beriman."(23) Mereka berkata: Wahai Musa! Kami tidak akan memasukinya buat selama-lamanya selagi kaum itu berada di dalamnya. Oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Sesungguhnya kami akan menunggu di sini sahaja.(24) Ujar Musa: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku tidak dapat menguasai kecuali diriku dan saudaraku sahaja. Oleh sebab itu pisahkanlah di antara kami dengan kaum yang fasiq itu.(25) Firman Allah: (Jika demikian) maka sesungguhnya negeri itu adalah diharamkan ke atas mereka selama empat puluh tahun (dan selama itu) mereka akan mengembara tanpa keruannya di bumi (padang gurun) itu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang fasiq itu."(26)

مِنْ أَجْلِ ذَٰلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَنَّهُۥ
مَن قَتَلَ نَفْسًۢا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِى ٱلْأَرْضِ
فَكَأَنَّمَا قَتَلَ ٱلنَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا
فَكَأَنَّمَآ أَحْيَا ٱلنَّاسَ جَمِيعًا ۚ وَلَقَدْ جَآءَتْهُمْ
رُسُلُنَا بِٱلْبَيِّنَٰتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم بَعْدَ
ذَٰلِكَ فِى ٱلْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ﴿٣٢﴾

"Oleh kerana itu Kami tetapkan (suatu hukum) ke atas Bani Israel: Barang siapa membunuh seseorang manusia bukan kerana ia membunuh orang lain atau bukan kerana ia melakukan sesuatu kerosakan di bumi, maka seolah-olah ia telah membunuh manusia seluruhnya dan barang siapa yang memelihara nyawa seseorang manusia, maka seolah-olah ia memelihara nyawa manusia seluruhnya. Sesungguhnya rasul-rasul Kami telah datang kepada mereka membawa pengajaran-pengajaran yang jelas kemudian banyak di antara mereka sesudah itu menjadi manusia-manusia pelampau di muka bumi."(32)

۞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ لَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ
فِى ٱلْكُفْرِ مِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِأَفْوَٰهِهِمْ
وَلَمْ تُؤْمِن قُلُوبُهُمْ ۛ وَمِنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ ۛ سَمَّٰعُونَ
لِلْكَذِبِ سَمَّٰعُونَ لِقَوْمٍ ءَاخَرِينَ لَمْ يَأْتُوكَ ۖ
يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ مِنۢ بَعْدِ مَوَاضِعِهِۦ ۖ يَقُولُونَ
إِنْ أُوتِيتُمْ هَٰذَا فَخُذُوهُ وَإِن لَّمْ تُؤْتَوْهُ
فَٱحْذَرُوا۟ ۚ وَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ فِتْنَتَهُۥ فَلَن تَمْلِكَ لَهُۥ
مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَمْ يُرِدِ ٱللَّهُ أَن
يُطَهِّرَ قُلُوبَهُمْ ۚ لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ ۖ وَلَهُمْ فِى
ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٤١﴾
سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَّٰلُونَ لِلسُّحْتِ ۚ فَإِن
جَآءُوكَ فَٱحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ ۖ وَإِن
تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْـًٔا ۖ وَإِنْ حَكَمْتَ
فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ
ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

"Wahai Rasul(Muhammad)! Janganlah engkau didukacitakan oleh perbuatan mereka yang cepat memperlihatkan kekafiran, iaitu dari orang-orang (Munafiqin) yang berkata dengan mulut mereka: 'Kami telah beriman', sedangkan hati mereka belum lagi beriman dan dari orang-orang Yahudi. Mereka amat gemar mendengar perkataan-perkataan yang

dusta dan mereka amat suka mendengar perkataan golongan yang lain (pendeta-pendeta Yahudi) yang belum pernah bertemu dengan engkau. Mereka ini mengubahkan perkataan-perkataan (Taurat) dari tempat-tempatnya yang sebenar. Mereka berkata: 'Jika hukum ini (hukum yang diubah) diberikan kepada kamu, maka terimalah dan jika kamu tidak diberikan hukum ini, maka hendaklah kamu berhati-hati.' Barang siapa yang Allah berkehendak menyesatkannya, maka engkau tidak akan berdaya menolaknya sedikitpun. Merekalah orang-orang yang Allah tidak berkehendak membersihkan hati mereka. Di dunia mereka mendapat kehinaan dan di Akhirat pula mereka akan mendapat azab yang amat besar.(41) Mereka amat gemar mendengar perkataan yang dusta dan amat gemar memakan harta yang haram. Oleh itu jika mereka (orang-orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta keputusan), maka adililah di antara mereka atau berpalinglah dari mereka dan jika engkau berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan dapat memudaratkan engkau sedikitpun dan jika engkau adili, maka adililah di antara mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang adil."(42)

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ هَلْ تَنقِمُونَ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ
وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلُ وَأَنَّ أَكْثَرَكُمْ فَٰسِقُونَ ٥٩
قُلْ هَلْ أُنَبِّئُكُم بِشَرٍّ مِّن ذَٰلِكَ مَثُوبَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ مَن لَّعَنَهُ ٱللَّهُ
وَغَضِبَ عَلَيْهِ وَجَعَلَ مِنْهُمُ ٱلْقِرَدَةَ وَٱلْخَنَازِيرَ وَعَبَدَ
ٱلطَّٰغُوتَ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضَلُّ عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ ٦٠
وَإِذَا جَآءُوكُمْ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَقَد دَّخَلُوا۟ بِٱلْكُفْرِ وَهُمْ قَدْ
خَرَجُوا۟ بِهِۦ ۚ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا كَانُوا۟ يَكْتُمُونَ ٦١
وَتَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ
وَأَكْلِهِمُ ٱلسُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ٦٢
لَوْلَا يَنْهَىٰهُمُ ٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ عَن قَوْلِهِمُ ٱلْإِثْمَ
وَأَكْلِهِمُ ٱلسُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ٦٣
وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ يَدُ ٱللَّهِ مَغْلُولَةٌ ۚ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا۟ بِمَا
قَالُوا۟ ۘ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ وَلَيَزِيدَنَّ
كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ۚ وَأَلْقَيْنَا
بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَٰوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ كُلَّمَآ أَوْقَدُوا۟
نَارًا لِّلْحَرْبِ أَطْفَأَهَا ٱللَّهُ ۚ وَيَسْعَوْنَ فِى ٱلْأَرْضِ فَسَادًا
وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ٦٤

"Katakanlah (Muhammad): Kamu tidak bencikan kami melainkan semata-mata kerana kami telah beriman kepada apa yang telah diturunkan kepada kami dan kepada apa yang diturunkan sebelumnya dan sesungguhnya kebanyakan kamu adalah fasiq.(59) Katakanlah: Apakah kamu suka aku beritakan kepada kamu cerita balasan yang lebih buruk di sisi Allah dari kebencian kamu itu? Iaitu cerita mereka (orang-orang Yahudi) yang telah dilaknat dan dimurkai Allah dan di antara mereka telah dijadikannya kera-kera dan babi-babi dan orang-orang yang menyembah Taghut. Merekalah orang-orang yang lebih buruk kedudukannya dan lebih tersesat dari jalan yang betul.(60) Dan apabila mereka (orang-orang Munafiqin) datang kepadakamu mereka berkata: Kami telah beriman sedangkan yang sebenarnya mereka telah masuk dengan kekafiran dan keluar dengan kekafiran juga dan Allah amat mengetahui apa yang disembunyikan mereka.(61) Dan engkau dapat melihat kebanyakan dari mereka (kaum Yahudi) begitu segera mengerjakan dosa, melakukan pencerobohan dan memakan harta yang haram. Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka.(62) Mengapa ulama'-ulama' dan ketua-ketua agama tidak melarang mereka dari mengucapkan perkataan-perkataan yang berdosa dan dari memakan harta yang haram itu? Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka."(63) Dan orang-orang Yahudi telah berkata: Tangan Allah terbelenggu! Sebenarnya tangan merekalah yang telah dibelenggukan dan mereka telah dilaknat kerana perkataan yang telah diucapkan mereka bahkan dua tangan Allah sentiasa terbuka. Dia membelanja mengikut bagaimana yang dikehendakinya dan sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab apa yang diturunkan kepada-mu dari Tuhan-mu. Dan Kami campakkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sehingga hari Kiamat. Setiap kali mereka menyalakan api peperangan, maka Allah telah memadamkannya dan mereka sentiasa berusaha melakukan kerosakan di bumi, sedangkan Allah tidak sukakan manusia-manusia perosak."(64)

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَسْتُمْ عَلَىٰ شَىْءٍ حَتَّىٰ تُقِيمُوا۟
ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ ۗ
وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا
وَكُفْرًا ۖ فَلَا تَأْسَ عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ٦٨

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Kamu tidak berpegang dengan agama sedikitpun sehingga kamu tegakkan ajaran Taurat dan Injil dan segala peraturan yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang kafir."(68)

لَقَدْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَأَرْسَلْنَآ إِلَيْهِمْ رُسُلًا ۖ

كُلَّمَا جَآءَهُمۡ رَسُولُۢ بِمَا لَا تَهۡوَىٰٓ أَنفُسُهُمۡ فَرِيقٗا
كَذَّبُواْ وَفَرِيقٗا يَقۡتُلُونَ ﴿٧٠﴾
وَحَسِبُوٓاْ أَلَّا تَكُونَ فِتۡنَةٞ فَعَمُواْ وَصَمُّواْ ثُمَّ تَابَ ٱللَّهُ
عَلَيۡهِمۡ ثُمَّ عَمُواْ وَصَمُّواْ كَثِيرٞ مِّنۡهُمۡۚ وَٱللَّهُ بَصِيرُۢ
بِمَا يَعۡمَلُونَ ﴿٧١﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengikat perjanjian dengan Bani Israel dan Kami utuskan rasul-rasul kepada mereka. Setiap kali datangnya seorang rasul yang membawa apa yang tidak diingini oleh hati mereka, maka mereka dustakan sebahagian dari rasul-rasul itu dan membunuh sebahagian yang lain.(70) Dan mereka menyangka bahawa tidak akan berlaku sebarang bencana lalu mereka membutakan mata mereka (dari melihat hidayat) dan memekakkan telinga mereka (dari mendengar da'wah). Kemudian Allah menerima taubat mereka dan setelah itu ramai di antara mereka (kembali) membukakan mata dan memekakkan telinga mereka pula, sedangkan Allah amat melihat segala apa yang dilakukan mereka."(71)

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۢ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ
لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبۡنِ مَرۡيَمَۚ ذَٰلِكَ بِمَا
عَصَواْ وَّكَانُواْ يَعۡتَدُونَ ﴿٧٨﴾
كَانُواْ لَا يَتَنَاهَوۡنَ عَن مُّنكَرٖ فَعَلُوهُۚ لَبِئۡسَ
مَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ﴿٧٩﴾
تَرَىٰ كَثِيرٗا مِّنۡهُمۡ يَتَوَلَّوۡنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۚ
لَبِئۡسَ مَا قَدَّمَتۡ لَهُمۡ أَنفُسُهُمۡ أَن سَخِطَ
ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡ وَفِي ٱلۡعَذَابِ هُمۡ خَٰلِدُونَ ﴿٨٠﴾
وَلَوۡ كَانُواْ يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلنَّبِيِّ وَمَآ أُنزِلَ
إِلَيۡهِ مَا ٱتَّخَذُوهُمۡ أَوۡلِيَآءَ وَلَٰكِنَّ كَثِيرٗا
مِّنۡهُمۡ فَٰسِقُونَ ﴿٨١﴾
لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ ٱلنَّاسِ عَدَٰوَةٗ لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ
ٱلۡيَهُودَ وَٱلَّذِينَ أَشۡرَكُواْۖ وَلَتَجِدَنَّ أَقۡرَبَهُم
مَّوَدَّةٗ لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّا نَصَٰرَىٰۚ
ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنۡهُمۡ قِسِّيسِينَ وَرُهۡبَانٗا
وَأَنَّهُمۡ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ ﴿٨٢﴾

"Orang-orang kafir dari Bani Israel telah dilaknatkan Allah di atas lidah Daud dan Isa putera Maryam. Laknat yang sedemikian itu disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka selalu menceroboh.(78) (Dan kerana) mereka selalunya tidak saling melarang perbuatan mungkar yang dilakukan mereka. Sesungguhnya amatlah buruk perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka.(79) Engkau dapat melihat kebanyakan dari mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir (Musyrikin Arab). Sesungguhnya amatlah buruk akibat yang mereka sediakan untuk diri mereka, iaitu mereka dimurkakan Allah dan mereka akan kekal di dalam azab.(80) Jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan nabi (Musa) dan kepada apa yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir itu selaku sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq. (81) Demi sesungguhnya engkau (Muhammad) akan dapati bahawa manusia yang paling ketat permusuhannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Musyrikin dan demi sesungguhnya engkau akan dapati bahawa manusia yang paling dekat kemesraannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: 'Sesungguhnya kami adalah orang-orang Nasara' keadaan yang sedemikian kerana di antara mereka terdapat paderi-paderi dan rahib-rahib dan kerana mereka tidak berlagak angkuh."(82)

* * * * * *

Serangan yang mendedahkan tembelang musuh-musuh kelompok Muslimin ini terutama kaum Yahudi dan kaum Musyrikin yang ditekankan secara khusus di samping beberapa singgungan yang kadang-kadang menyentuh kaum Munafiqin dan Nasara telah membawa kita kepada suatu keperihalan yang lain dari keperihalan-keperihalan yang dibicarakan oleh surah ini.

Surah ini membicarakan kedudukan yang wujud dalam kehidupan masyarakat kelompok Muslimin di Madinah pada masa itu di samping sejarah mereka dalam menghadapi khemah-khemah musuh yang menentang mereka. Kedudukan itu adalah sama sahaja di sepanjang zaman.

Di zaman sejarah kehidupan kelompok Muslimin di Madinah yang manakah turunnya surah ini?

Mengikut kebanyakan riwayat surah ini turun selepas Surah al-Fath dan yang diketahui umum Surah al-Fath adalah diturunkan dalam peristiwa Hudaybiyah di dalam tahun yang keenam Hijrah. Mengikut setengah-setengah riwayat surah ini diturunkan sekaligus kecuali ayat yang ketiga yang menyebut:

ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ

kerana ayat ini diturun pada masa Hujjatul-Wida' dalam tahun yang kesepuluh, tetapi hasil semakan yang objektif dan teliti terhadap surah ini dengan berlandaskan peristiwa-peristiwa sirah adalah hampir-hampir menolak riwayat yang mengatakan bahawa surah ini diturun sekaligus selepas Surah al-Fath lebih-lebih lagi di sana terdapat satu peristiwa dari peristiwa-peristiwa sirah di dalam Peperangan Badar

yang memberi kepastian bahawa ayat-ayat yang khusus mengenai pendirian Bani Israel terhadap Nabi Musa a.s. apabila mereka diperintah memasuki tanah suci Palestin adalah umum diketahui oleh kaum Muslimin sebelum berlakunya Peperangan Badar di dalam tahun yang kedua Hijrah. Cerita ini telah disebut oleh Sa'd ibn Mu'az al-Ansari r.a. menurut satu riwayat dan oleh al-Miqdad ibn'Amr mengikut satu riwayat yang lain ketika ia berkata kepada Rasulullah s.a.w.: Demi Allah, kami tidak akan berkata kepadamu, wahai Rasulullah, sebagaimana kaum Musa telah berkata kepada Musa:

فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

"Pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Sesungguhnya kami akan menunggu di sini sahaja".(24)

Tetapi Kami akan berkata: "Pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah dan sesungguhnya Kami tetap mengikut jejak perjuanganmu."

Hasil semakan yang teliti itu menggambarkan keadaan yang sebenar, di mana kaum Yahudi semasa turunnya ayat-ayat yang khusus mengenai mereka adalah mempunyai kekuatan, pengaruh dan kegiatan yang jahat di Madinah dan di dalam barisan Muslimin yang memerlukan kepada penjelasan Al-Qur'an untuk mendedahkan tembelang pendirian mereka dan melumpuhkan tipudaya mereka yang jahat itu, tetapi kekuatan dan pengaruh mereka semakin kecil selepas pertempuran dengan kaum Yahudi Bani Qurayzah, iaitu selepas Peperangan Khandaq. Ketika itu bumi Madinah telah bersih dari tiga suku kaum Yahudi yang kuat iaitu suku Bani Qurayzah, suku Bani Nadhir dan Bani Qainuqa". Oleh itu selepas peristiwa Hudaibiyah mereka tidak lagi mempunyai kedudukan yang perlu diberi perhatian hingga ke tahap ini. Selain dari itu tempoh gencatan senjata dan rancangan damai dengan mereka telah pun tamat dan mereka tidak lagi mempunyai tempat setelah mereka menunjukkan belang mereka. Oleh itu firman Allah yang berikut yang ditujukan kepada Nabi-Nya yang mulia:

وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَىٰ خَآئِنَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱصْفَحْ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣﴾

"Dan engkau (Muhammad) masih melihat perbuatan khianat dari golongan mereka kecuali segelintir sahaja dari mereka (yang tidak melakukan pengkhianatan itu). Maafkan mereka dan biarkan mereka. Sesungguhnya Allah kasihkan para Muhsinin."(13)

adalah secara pastinya diturunkan sebelum ini. Begitu juga ayat yang memerintah (dengan memberi pilihan) supaya dijalankan pengadilan di antara mereka atau berpaling dari mereka.

Dari pengamatan-pengamatan ini kami mendapat bukti yang kuat bahawa permulaan-permulaan surah ini dan setengah-setengah bahagiannya sahaja yang diturunkan selepas Surah al-Fath sementara beberapa bahagian yang lain adalah diturunkan sebelum itu, sedangkan ayat yang menyebut firman Allah yang berikut:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ

secara pastinya adalah diturunkan selepas itu kerana ayat ini ialah ayat Al-Qur'an yang terakhir turunnya mengikut pendapat yang lebih rajih dan jelaslah bahawa surah ini tidak diturunkan sekaligus seperti yang diterangkan oleh satu riwayat.

Sebagaimana kami telah tegaskan dalam kata pengantar Surah al-Baqarah, Surah Aali 'Imran dan Surah an-Nisa', maka di sini juga kami membuat penegasan yang sama tentang perjuangan yang diharungi oleh Al-Qur'an bersama kelompok Muslimin dalam usaha menentang musuh-musuh mereka dan musuh-musuh agama mereka terutama kaum Yahudi, kaum Musyrikin dan kaum Munafiqin di samping membina kefahaman dan pandangan Islam di dalam jiwa orang-orang yang beriman dan di samping mengatur masyarakat Islam dengan garis-garis panduan, undang-undang dan peraturan. Semuanya berlangsung serentak dalam satu waktu, dalam satu sistem dan dalam satu jiwa.

Dasar-dasar pembinaan yang paling penting ialah membersihkan 'aqidah tauhid dari segala kekeliruan dan kecemaran dan menjelaskan konsep "agama" sebagai satu cara hidup dan menegaskan bahawa pelaksanaan pengadilan dan pemerintahan hendaklah dengan menggunakan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah sahaja dan bahawa punca penerimaan undang-undang dan peraturan dalam seluruh urusan kehidupan adalah dari Allah Yang Maha Esa sahaja. Itulah erti keimanan dan keislaman yang sebenar dan tanpa pembinaan yang seperti ini, maka konsep mentauhidkan Allah tidak lagi wujud, kerana maksud dari mentauhidkan Allah ialah mempercayai bahawa Allah sahaja yang mempunyai sifat Uluhiyah dan ciri-cirinya tanpa disyarikati atau dikongsikan oleh sesiapa pun. Perbuatan memberi kepada manusia sifat hakimiyah atau sifat pemerintah atau pelaksaan keadilan yang menjadi salah satu dari ciri-ciri Uluhiyah itu adalah sama dengan perbuatan menyembah sesama manusia dengan upacara-upacara ibadat. Di atas noktah inilah surah ini memberi penekanannya yang amat kuat sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

Walaupun maudhu'-maudhu' yang dibicarakan oleh tiga surah panjang yang telah silam itu hampir sama dengan maudhu'-maudhu' yang dibicarakan oleh surah ini sebagaimana dapat dilihat dari tinjauan yang

pantas ini, namun setiap surah mempunyai keperibadiannya yang tersendiri dan mempunyai suasana, bayangan dan gaya pengungkapan masing-masing dalam menghuraikan maudhu'-maudhu' ini dan sudut-sudut yang dibicarakannya, juga mempunyai sorotan-sorotan cahaya yang tersendiri yang difokuskan ke atas maudhu' itu dan mempunyai jenis fakta-fakta yang memberi kesan dan saranan yang tersendiri yang digunakan ketika membentangkan maudhu'-maudhu' itu. Pendeknya setiap surah masing-masing mempunyai keperibadiannya yang tersendiri yang membezakannya dari surah yang lain.

Ciri yang menonjol dari surah ini ialah ciri penjelasan dan pengungkapan yang tegas sama ada ketika menghuraikan hukum-hukum syara' yang memang memerlukan kepada penjelasan dan pengungkapan yang tegas di dalam Al-Qur'an seluruhnya atau ketika menghuraikan dasar-dasar dan garis-garis panduan yang mungkin di dalam surah-surah yang lain ia dijelaskan dalam bentuk-bentuk pengungkapan yang lain, tetapi di dalam surah ini ia dijelaskan dengan pengungkapan yang tegas, iaitu dengan menggunakan bentuk dan uslub penjelasan yang halus dan hemat. Inilah ciri umum yang membezakan syakhsiyah surah ini dari awal sehingga akhirnya.

* * * * * *

Sebelum kami mengakhiri kata pengantar surah ini, kami ingin tonjolkan satu hakikat yang terkandung di dalam ayat yang ketiga surah ini, kerana firman Allah S.W.T. yang ditujukan kepada umat Muslimin yang berbunyi:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu"(3)

adalah mengandungi konsep tauhid sumber hukum dan peraturan atau konsep wujudnya satu sumber yang tunggal atau punca pengambilan hukum dan peraturan dari sumber yang tunggal inilah umat Muslimin menerima segala peraturan hidup mereka, sistem masyarakat mereka dan undang-undang yang menyangkut perhubungan-perhubungan dan kepentingan-kepentingan mereka sehingga hari Kiamat. Dan ayat ini juga mengandungi hakikat ketetapan atau kemantapan agama ini dengan segala bahagiannya, iaitu bahagian i'tiqad, bahagian ibadat dan bahagian undang-undang dan peraturan. Semuanya tetap dan mantap tidak boleh diubah dan dipinda, kerana agama ini telah sempurna dan telah sampai ke titik akhirnya. Sebarang tindakan yang cuba mengubah dan membezakan sesuatu darinya adalah sama dengan tindakan mengingkarkan keseluruhannya, kerana tindakan itu mengingkarkan penjelasan yang telah diumumkan Allah bahawa agama ini telah pun dilengkap dan disempurnakan oleh-Nya. Keingkaran ini tidak syak lagi adalah satu pernyataan kekafiran. Adapun tindakan menafikan seluruh undang-undang dan peraturan agama ini dan memilih peraturan dan sistem hidup yang lain, maka tindakan itu tidak perlu kita sifatkan dengan sifat-sifat yang lain kerana Allah telah pun menetapkan sifat-sifatnya di dalam surah ini (iaitu sifat-sifat kafir, zalim dan fasiq) dan kita juga tidak perlu tambahkannya dengan sifat-sifat yang lain setelah Allah sendiri menetapkan sifat-sifatnya.

Ayat ini tidak syak lagi menjelaskan bahawa agama Islam adalah agama dan syari'at yang kekal abadi dan bentuk agama ini yang telah diredhai Allah untuk menjadi agama umat Muslimin itu adalah bentuk agama Allah yang terakhir. Agama Islam itulah syari'at Allah di zaman itu (zaman Rasulullah) dan syari'at Allah di setiap zaman. Tidak ada lagi syari'at dan agama bagi setiap zaman kerana agama Islam adalah risalah yang terakhir untuk umat manusia dan agama ini telah pun mengambil bentuknya yang lengkap dan sempurna dan telah pun diredhai Allah menjadi agama untuk seluruh manusia. Oleh itu sesiapa yang ingin mengubah, membeza, memperkembang dan sebagainya dari kata-kata yang lumrah diungkapkan di zaman ini, maka hendaklah ia mencari agama yang lain dari Islam.

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ

"Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari Islam, maka ia tidak akan diterima darinya."

(Surah Aali-'Imran:85)

Sistem hidup Ilahi ini adalah meliputi bidang-bidang kefahaman i'tiqad, syi'ar-syi'ar ibadat dan undang-undang dan peraturan yang mengawal seluruh aktiviti kehidupan manusia. Ia mengendali, mengawal dan menguasai seluruh kegiatan hidup mereka. Ia meluangkan kepada kehidupan manusia untuk subur dan berkembang maju dalam batas-batas lingkungannya tanpa melanggar mana-mana peraturan dasar dan peraturan kecilnya, kerana kedatangannya memang untuk tujuan ini dan kerana inilah juga ia layak menjadi agama yang terakhir bagi seluruh umat manusia.

Perkembangan kehidupan manusia di bawah naungan sistem Ilahi ini tidaklah mengertikan meninggalkan kehidupan atau membiarkannya kerana mematuhi mana-mana peraturan dasar atau mana-mana peraturan kecil dalam sistem itu, tetapi ia mengertikan bahawa tabi'at sistem hidup Ilahi itu mempunyai segala kemungkinan untuk menampung perkembangan-perkembangan itu tanpa melanggar mana-mana peraturan dasar atau mana-mana peraturan kecil. Dan ia juga mengertikan bahawa segala perkembangan dan kemajuan dalam kehidupan adalah telah dikira dan diperuntukkannya di dalam sistem itu, kerana tentulah tidak terluput dari ilmu Allah - ketika menyusun agama ini dalam bentuknya yang terakhir dan ketika mengisytiharkan

kesempurnaan agama ini dan keredhaan-Nya supaya ia menjadi agama seluruh manusia - bahawa di sana akan berlaku perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan dan akan timbul keperluan-keperluan manusia yang baru, juga akan wujud kehendak-kehendak baru yang akan dituntut oleh perkembangan-perkembangan dan keperluan-keperluan tadi. Oleh itu jelaslah bahawa agama Allah ini adalah semestinya dapat mendokong semua kehendak-kehendak itu.

Sesiapa yang tidak berfikir begini terhadap mana-mana urusan agama ini, maka bererti ia tidak membuat penilaian yang sebenar terhadap Allah.

Dengan ini kami akhiri kata pengantar yang umum dan ringkas bagi surah ini dan sekarang marilah kita masuk ke dalam huraian yang terperinci pula.

(Diiringi Jilid Yang Ketiga)